KATA-KATA PENGANTAR
- KELUARGA QUTB -

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Tafsir Fi Zilalil al-Qur'an ini karya terbesar dan paling berkesan peninggalan penyusunnya Asy-Syahid Sayyid Qutb Rahimahullah. Beliau mengambil masa lebih sepuluh tahun menulisnya dan menceritakan di dalamnya intisari eksperimen keimanannya dan intipati pengalamannya di bidang da'wah menegakkan Agama Allah, Sebagaimana yang pernah beliau katakan:

> *"Pada mulanya tiada maksud untuk menulis sebuah tafsir al-Qur'an mengikut cara yang biasa terdapat di dalam kitab-kitab tafsir, tujuannya semata-mata untuk menurunkan pengalaman seorang manusia yang hatinya, 'aqal fikirannya dan seluruh jiwanya terbuka kepada pengertian-pengertian yang diilhaminya daripada pembacaan al-Qur'an al-Karim"*.

Tetapi hasil sebenar dari pengalaman tersebut lahir dalam bentuk tafsir al-Qur'an yang syumul sekurang-kurangnya dalam satu aspek yang banyak difokus dan diberi perhatian oleh penyusunnya iaitulah cara pertumbuhan generasi Islam pertama hasil daripada pengaruh al-Qur'an kitab Allah yang agung itu sehingga mencapai tahap tertinggi yang tidak pernah dicapai oleh mana-mana umat lain di dalam sejarah manusia, agar dengan demikian umat Islam hari ini kembali semula kepada kitabnya sekali lagi dan seterusnya memperolehi ilham darinya dan hidup di bawah bayangannya serta tumbuh membesar semula seperti dahulu dan menghapuskan timbunan-timbunan penyelewengan dan kemundurannya sejak berberapa abad yang lampau, dan melaksanakan semula tugasnya sekali lagi unutk kepentingan dirinya sendiri dan kepentingan kemanusiaan sejagat sepertimana yang pernah dilakukan pada masa dahulu iaitulah mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang benderang dengan izin Allah.

Hati penyusun dipenuhi bisikan bahawa generasi pertama umat Islam yang meyaksikan mu'jizat-mu'jizat besar berlaku di depan matanya adalah secara langsung merupakan hasil dari pengaruh al-Qur'an al-Karim ke atas jiwa mereka yang menerimanya buat pertama kali dan mengikutinya dengan sebaik-baik cara, mana-mana generasi yang menerimanya dengan semangat dan roh yang sama diterima oleh generasi yang pertama itu, ia mampu membentuk di tengah-tengah realiti kehidupan di muka bumi ini suatu umat, suatu sistem dan satu entiti yang mengatasi mana-mana entiti yang dihasilkan oleh sistem-sistem ciptaan manusia yang rapuh dan tidak suci dari kekurangan dan kegoyahan.

Kerana itulah penyusun tafsir Fi Zilalil al-Qur'an memberi tumpuan kepada cara penerimaan generasi kaum Muslimin pertama terhadap wahyu Rabbani dan bagaimana wahyu itu memberi kesan secara langsung ke dalam jiwa mereka, seolah-olah beliau berkata kepada kaum Muslimin:

> *"Begitulah sepatutnya kita menghayati al-Qur'an dan mendapatkan ilham darinya agar kita memperolehi semula entiti kita yang kehilangan itu, dan menjadi kaum Muslimin yang sebenar serta mencapai apa yang dikehendaki Allah bagi agama yang diutusnya melalui pesuruhnya Rasulullah s.a.w dan mendaulatkannya ke atas seluruh agama yang lain"*.

Itulah nilai sebenar kitab tafsir ini.

Ianya bukan tafsir dalam ertikata menghurai pengertian lafaz-lafaz, walaupun aspek ini tidak ditinggalkan, dan bukan menghuraikan keindahan dan kemu'jizatan ungkapan-ungkapan di dalam al-Qur'an al-Karim walaupun aspek ini juga ada disebutkan, tetapi sejak mula lagi ia menitikberatkan tentang cara keimanan itu tumbuh di dalam jiwa, menerangkan pengaruh keimanan di dalam mewujudkan realiti yang dihayati, menterjemahkan pengertian-pengertian isi kandungan dalam semua aspeknya dengan wahyu al-Qur'an ini, dan seterusnya menjadi realiti Islam sebenar yang dikehendaki dan disukai Allah serta yang telah ditaqdirkan keunggulan di muka bumi.

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا ۚ

"Allah telah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dari kalangan kamu dan mengerjakan amalan soleh bahawa mereka akan diberi warisan-warisan kekuasaan di muka bumi sebagaimana telah diberikan kepada orang-orang sebelum mereka, dan akan diteguhkan kedudukan agama mereka yang diredhai Allah dan akan menggantikan mereka dengan aman sentosa setelah menjadi takut, mereka beribadat kepada-Ku dan tidak mensyirikkan sesuatu dengan-Ku..."

(Surah an-Nur : 55)

Al-Qur'an sebuah kitab da'wah, kitab tarbiyah dan sebuah risalah untuk membentuk ((خير أمة أخرجت للناس)) (sebaik-baik umat yang dikeluarkan bagi manusia). Penyusun "ظلال" mahukan tafsirnya menjadi sebuah karya da'wah, tarbiyah dan pembangkit umat ini agar menyedari tanggungjawabnya dalam ertikata yang sebenar, dan membentuk di muka bumi ini suatu realiti yang mencerminkan hakikat Islam.

Sudah ditaqdirkan Allah buku "ظلال" ini tersebar di kebanyakan negara di dunia Islam, samada di dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Arab, atau dalam bentuk terjemahan dalam beberapa bahasa seperti bahasa Turki, bahasa Urdu, bahasa-bahasa Afrika dan beberapa juzu'nya telahpun diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Apabila Penerbitan Warisan Sdn Bhd meminta kebenaran hak menterjemah "ظلال" Ke bahasa Melayu dan hak mencetak dan menerbitkannya agar dimanfa'atkan oleh penduduk Malaysia yang berminat, kami menyambut baik permintaan tersebut dan mengizinkan Penerbitan berkenaan melaksanakannya.

Kini telahpun dimulakan percetakan terjemahan "ظلال" dalam bahasa Melayu. Saya merasa gembira dapat menuliskan kata pengantar ini dan mengalu-alukan usaha pihak pengurusan Penerbitan Warisan Sdn. Bhd. dan menyanjung tinggi usaha gigih penterjemahan oleh Ustaz Yusoff Zaky Haji Yacob. Saya berharap Allah memberikan manfa'at dengan terjemahan ini, dan menerima baik usaha penyusunnya, penterjemahnya dan penerbitannya, serta menjadikannya semata-mata ikhlas kepada Allah dan dituliskan di dalam lambaran amalan mereka pada hari Qiamat.

آمين

Muhammad Qutb.

محمد قطب



SALAH FAHAM TERHADAP PEMIKIRAN SAYYID QUTB

Inilah penjelasan yang amat penting untuk pembaca Tafsir Fi Zilal dan buku-buku karangan asy-Syahid Sayyid Qutb yang lain yang kami petikkan sebahagiannya dari muqaddimah buku التصور الإسلامي ومقوماته *bahagian yang kedua dari buku* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته *iaitu karangan akhir beliau sebelum buku* معالم في الطريق. *Muqaddimah ini ditulis oleh saudara beliau penulis Islam terkemuka di akhir abad ini iaitu al-Ustaz al-Kabir Muhammad Qutb* [1] *dan dalam muqaddimah ini beliau telah mendedahkan beberapa salah faham yang ditimbulkan oleh pembaca-pembaca yang tidak menghayati karangan Sayyid Qutb secara menyeluruh atau membacanya secara tebuk-tebukan di sana sini lalu membuat kesimpulan-kesimpulan yang gopoh dan zalim yang mencemari persepsi beliau yang sebenar tanpa usaha menyelaras dan mensepadukannya dengan keterangan-keterangan beliau yang lain ditempat-tempat yang lain untuk mendapatkan satu persepsi yang betul yang dikehendaki beliau atau salah faham dan fitnah yang sengaja diada-adakan oleh musuh-musuh Islam yang begitu ghairah semasa hayat beliau untuk menghapuskan beliau dan memburuk-burukkan pemikiran Islamiyahnya yang tegas dan murni. Semoga muqaddimah ini menjadi garis panduan yang penting kepada para pembaca apabila menemui sesuatu ungkapan dalam Fi Zilal atau lainnya yang sekali imbas mendorong ke arah kesimpulan-kesimpulan yang melulu. Dengan pembacaan dan penelitian yang sedemikian hemat dapat menghindarkan pembaca dari kemungkinan-kemungkinan terperangkap dalam tompokan-tompokan buih yang dimaksudkan yang terjana dalam curahan arus pemikiran Sayyid Qutb yang begitu meluas dan mendalam.*

– Penterjemah –

Satu perkara lagi yang saya kemukan sebagai jawapan kepada sahabat-sahabat saya yang bertanya dan membuat cadangan itu, iaitu saya selama-lamanya telah bersumpah ketika mengulangi cetak buku-buku karangan saudara saya bahawa saya akan mengekalkan segala isi kandungannya sebagaimana asalnya tanpa sebaranga tambahan, potongan dan penerangan agar para pembacanya dapat membaca sebagaimana yang ditulis sendiri oleh beliau tanpa sebarang pindaan, walaupun di sana pada pandangan setengah orang terdapat ungkapan-ungkapan yang memerlukan pindaan dengan dipotong atau ditambah atau diulas atau dinotakakikan dan walaupun setengah-setengah orang itu sendiri sibuk menimbulkan setengah-setengah isu yang sebenarnya tidak wujud seperti (mengatakan beliau terpengaruh dengan) isu kesatuan kewujudan atau وحدة الوجود.

Sebenarnya di dalam Tafsr Fi Zilal memang terdapat ungkapan-ungkapan yang menimbulkan salah faham pembaca yang mengambil ungkapan-ungkapan itu sahaja selaku ungkapan-ungkapan yang selalu digunakan oleh pendokong-pendokong konsep وحدة الوجود. Tetapi bagi pengkaji yang saksama apabila menemui lebih daripada satu tempat dalam Tafsir Fi Zilal Qur'an ungkapan-ungkapan yang terang dan tegas yang menunjukkan bahawa pengarangnya beriman bahawa Allah berlainan dari makhluk-makhluk-Nya dan di sana tiada ruang untuk dicampuradukkan di antara Khaliq dan makhluk di dalam mana-mana sifat dari sifat-sifat-Nya dan di dalam mana-mana perbuatan dari perbuatan-perbuatan-Nya, maka seharusnya ia merujukkan maksud ungkapan-ungkapan pengarangnya yang jelas dan tegas agar dengan itu hilanglah segala kekeliruan. Apa fikiran anda jika ada orang membaca perkataan para Hawari - yang masing-masing mempunyai kedudukan yang tinggi - di dalam al-Qur'an:

---

[1] *Antara karangan beliau yang telah saya terjemahkannya ke bahasa ibunda ialah "Salah Faham Terhadap Islam" dan "Memahami Jiwa Manusia Menurut Perspektif Islam"*

هَلْ يَسْتَطِيعُ رَبُّكَ أَن يُنَزِّلَ عَلَيْنَا مَآئِدَةً مِّنَ ٱلسَّمَآءِ

" Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?

(Surah al-Ma'idah: 112)

... lalu dia mengulaskan perkataan ini dengan mengatakan bahawa para Hawari meragui kekuasaan Allah! Apakah ulasan itu benar?

Tentulah tidak benar sama sekali! Kerana kita mengetahui dari al-Qur'an dengan penuh keyakinan bahawa para Hawari adalah orang-orang yang beriman dan seseorang yang beriman sudah tentu tidak akan meragui kekuasaan Allah. Justeru itu ungkapan para Hawari yang megelirukan itu wajib dita'wilkan atau lebih jelas, ungkapan mereka *"Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?"* seharusnya dita'wilkan dengan ta'wilan yang mengubahkannya dari pengertiaannya yang zahir agar selaras dengan kehendak keyakinan kita terhadap keimanan para Hawari itu. Begitulah juga halnya dengan ungkapan-ungkapan yang mengelirukan yang terdapat dalam Tafsir Fi Zilal ketika mentafsirkan Surah al-Hadid atau Surah al-Ikhlas, di mana ungkapan-ungkapan yang mengelirukan itu seharusnya dita'wilkan dengan pengertian dari ungkapan-ungkapan pengarangnya yang jelas dan tegas yang terdapat dalam kitab itu sendiri, iaitu pengertian yang dapat menolakkan sebarang saranan yang mengaitkan dengan konsep **وحدة الوجود** yang salah itu.

Walau bagaimanapun dalam buku yang kami persembahkan hari ini terdapat penerangan yang lebih jelas lagi mengenai persoalan ini dan menghapuskan sebarang kekeliruan seperti itu. Tersebut di dalam bab "Uluhiyah dan 'Ubudiyah" (m.s. 81):

> *"Kefahaman Islam secara total memisahkan di antara tabi'at Uluhiyah dan tabi'at 'Ubudiyah dan di antara posisi Uluhiyah dan 'Ubudiyah dan di antara ciri-ciri Uluhiyah dan 'Ubudiyah. Kedua-duanya tidak sama dan tidak bercampuraduk".*

Dan tersebut dalam bab yang sama (m.s. 116):

> *"Islam menganggap isu tauhid sebagai isu perdana dan isu teragung. Mentauhidkan Uluhiyah, mengkhususkan Uluhiyah dengan ciri-cirinya kepada Allah sahaja dan mengakui ciri-ciri Uluhiyah itu hanya terhak kepada Allah sahaja, dan konsep kesyumulan 'Ubudiyah itu meliputi segala sesuatu dan segala yang hidup dan menanggalkan darinya segala ciri Uluhiyah, maka konsepsi tauhid dengan tahap dan kesyumulan yang sedemikian itulah tauhid yang menjadi tunggak dan teras pertama Islam."*

Sebagaimana yang anda lihat itulah ungkapan-ungkapan tauhid yang amat jelas dan tegas (yang dikemukakan beliau) yang harus diselaras dan dirujukkan kepadanya apa sahaja ungkapan beliau yang tidak sengaja yang menimbulkan kekeliruan dan salah faham.

******

Dan walaupun pernah dikatakan setengah orang bahawa fikiran Sayyid Qutb ialah fikiran Khawarij!

Yang lumrah diketahui umum tentang golongan Khawarij ialah mereka yang mengkafirkan orang-orang yang mengerjakan maksiat dan mereka hanya mengira amalan dan perbuatan yang lahir sahaja tanpa melihat kepada niat yang menyertainya. Mereka menghukum kafir siapa sahaja yang disukai mereka semata-mata kerana perbezaan pendapat dan perbezaan perilaku tanpa merujukkan kepada kaedah-kaedah syara' mengenai hukum-hukum pendapat dan perilaku itu.

Dalam buku yang ada di tangan kita sekarang iaitu buku **التصور الإسلامي ومقوماته** pembaca dapat menemui satu contoh pemahaman (beliau) yang jelas dan betul terhadap kaedah-kaedah syara' yang diambil dari kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w dalam pesoalan kuasa hakimiyah yang menjadi pokok perbincangan.

Ujar Sayyid Qutb dalam bab "Uluhiyah dan 'Ubudiyah" (m.s. 167) berhubung dengan tafsiran ayat-ayat dalam Surah an-Nisa':

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓا۟
إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوٓا۟ أَن يَكْفُرُوا۟ بِهِۦ وَيُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾

"Tidakkah engakau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka beriman kepada wahyu yang telah diturunkan sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan taghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh. (60)".

hingga kepada ayat:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا
مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

"Oleh itu demi Tuhanmu, mereka sebenarnya tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerimanya dengan penuh kerelaan.(65)"

"Kita berhadapan dengan sekelompok manusia di dalam masyarakat Islam di negara Islam yang "mendakwa" bahawa mereka telah beriman kepada perintah yang telah diturunkan kepada Nabi s.a.w. dan kepada perintah yang telah diturunkan Allah sebelumnya iaitu mereka berkata: "Kami mengaku tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah dan segala kerasulan adalah benar belaka dan segala syari'at yang dibawa oleh rasul-rasul itu adalah benar, dan seterusnya mengaku bahawa malaikat itu benar, Akhirat itu benar, qadha' qadar yang baik dan buruk adalah benar. Inilah makna beriman kepada apa yang diturunkan oleh Allah kepada Rasulullah s.a.w. dan apa yang duturunkan Allah sebelumnya dan mereka mendakwa telah beriman dengan perkara-perkara ini semua.

Tetapi Allah tidak menerima dakwaan mereka ini dan tidak menganggapkan dakwaan ini sebagai keimanan, malah Allah melahirkan kehairanan terhadap sikap dakwaan mereka yang seperti ini!"

Mengapa? Mengapa Allah tidak menerima dan mengambil kira dakwaan dan pengakuan ini dari mereka?

"Sebab mereka membuat pengakuan dan dakwaan itu, "sedangkan mereka masih ingin berhakimkan taghut" bukannya berhakimkan syari'at Allah dan mereka tidak merujukkan perkara-perkara yang dipertikaikan mereka kepada Allah dan rasul-Nya. Kata-kata "taghut" mengikut tafsiran al-Imam ibn Jarir at-Tabari ialah setiap yang menentang Allah dan disembah selain Allah sama ada dengan paksaan darinya atau dengan keta'atan sukarela dari orang-orang yang menyembahnya sama ada yang disembahkan itu manusia atau syaitan atau berhala atau patung atau sesuatu kejadian yang lain" mereka mahu berhakimkan kepada mana-mana peraturan dari syari'at taghut ini dan tidak mahu berhakimkan kepada syari'at Allah. Justeru itu Allah sifatkan mereka sebagai orang-orang yang membuat dakwaan sahaja bukannya orang-orang yang benar beriman. Dakwaan mereka yang berkata bahawa mereka beriman kepada wahyu yang diturunkan kepada Nabi s.a.w. dan kepada wahyu yang diturunkan sebelumnya menunjukkan secara pasti bahawa pengakuan dengan lidah: Aku mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah, malaikat itu benar dan Akhirat itu benar dan seterusnya mengakui seluruh kerasulan itu benar dan mengaku bahawa qadha' qadar Allah yang baik dan yang buruk itu benar adalah tidak diterima Allah dan tidak dikirakannya sebagai syahadat yang memasukkan orang-orang yang mengucapnya ke dalam Islam dan memberikan kepadanya sifat Muslimin dan hak terpelihara darah dan harta mereka apabila syahadat itu disertai keinginan dan kemahuan berhakimkan kepada syari'at yang lain dari syari'at Allah dan kemahuan tidak mahu merujukkan perkara-perkara yang dipertikaikan mereka dalam mana-mana urusan kehidupan insaniyah kepada Allah".

Kemudian beliau berkata (m.s. 169):

"Dan selepas Allah memutuskan bahawa mereka berdusta di dalam dakwaan mereka yang mengatakan bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan wahyu yang telah diturunkan kepada rasul-rasul sebelumnya dengan dalil mereka masih ingin berhakimkan taghut sedangkan mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya,"

maka kemahuan dan kecenderungan mereka yang sedemikian rupa itulah yang telah membohongi pengakuan lisan mereka dan menghapuskan nilainya dan selepas itu Allah menyifatkan mereka sebagai orang yang bermuka dua.

Kemudian mereka berkata pula (m.s. 170):

"Penjelasan akhir dalam konteks ini merupakan nas yang jelas (صريح) yang menetapkan satu-satunya syarat iman yang diungkap dalam salah satu bentuk penegasan yang amat kuat:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

"Oleh itu demi Tuhanmu mereka sebenarnya tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerimanya dengan penuh kerelaan. (65)"

(Surah an-Nisa')

Ayat ini merupakan nas yang amat jelas (صريح) dan pemutus (قاطع) yang tidak memberi sebarang ruang untuk diperdebatkan dan dipertikaikan di samping tidak memberi sebarang ruang kepada pendapat yang lain selepasnya, kerana nas ini adalah dari nas yang padu atau utuh (محكم) yang tidak memberi ruang kepada sebarang fikiran setelah ditetapkannya.

Nas ini bertujuan menjelaskan bahawa orang-orang yang mendakwa beriman kepada wahyu yang telah diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan wahyu yang diturunkan kepada rasul-rasul sebelumnya iaitu orang-orang yang berkata: Kami mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah, sekalian rasul itu benar, kitab-kitab Allah itu benar, para malaikat itu benar, hari Akhirat itu benar, qadha' qadar yang baik dan yang buruk itu benar...mereka yang membuat pengakuan sedemikian jika masih mempunyai keinginan dan kemahuan untuk berhakimkan kepada syari'at yang lain daripada syari'at Allah dan sekalipun mereka berhakimkan syari'at Allah dan sunnah nabi-Nya, tetapi hati mereka tidak bersetuju dan tidak menerimanya dengan penuh kerelaan, maka perkataan dan pengakuan mereka tidak diterima dan diambil kira dan mereka tidak termasuk dalam golongan Mu'minin dan tidak mendapat sifat keimanan, kerana pengakuan lisan hanya dipakai dan diambil kira jika tidak disertai keinginan dan kemahuan untuk berhakimkan kepada yang lain dari syari'at Allah dan jika tidak ditemani perasaan tidak redha dan tidak menerima hukum-hukum Allah dan Rasul-Nya dalam mana-mana urusan kehidupan.

Dan akhirnya beliau berkata (m.s. 177-178):

> *"Tetapi apabila isu ini dirujukkan kepada dasarnya iaitu kuasa memperhambakan manusia dan kuasa menggubalkan undang-undang, untuk mereka merupakan ciri-ciri utama Uluhiyah yang tiada seorang pun yang beriman kepada Allah sanggup mendakwa dan mengaku mempunyai ciri-ciri itu. Dan orang yang mendakwa mempunyai kuasa hakimiyah dan kuasa memperhambakan manusia dengan undang-undang yang digubalkannya bererti mendakwa mempunyai ciri Uluhiyah dan sesiapa yang turut mengakurkan dakwaannya atau berhakimkan kepada undang-undang yang digubalkan dari hasil pemikirannya sendiri untuk orang ramai – kecuali ia dipaksa menerima undang-undang itu sedangkan tidak sukakannya atau ia menentang dengan kuasa yang ada padanya atau menentang dengan lidah atau dengan hatinya – maka bererti ia mengakurkan orang itu sebagai mempunyai ciri Uluhiyahdan dan seterusnya sesiapa yang menolak berhakimkan kepada syari'at Allah dalam segala urusan kehidupan bererti menolak pengakuan terhadap Uluhiyah Allah S.W.T walau dalam mana-mana aspek alam ini iaitu aspek kehidupan manusia dan sesiapa yang turut mengakurkan penolakannya bererti ia turut berkongsi menolak Uluhiyah Allah tidak boleh disifatkan sebagai seorang Muslim walaupun ia mendakwa dengan lisannya selama dakwaannya itu disertai dengan sesuatu perbuatan yang membatalkan erti dakwaannya, iaitu keinginan dan kemahuannya untuk berhakimkan taghut tanpa berhakimkan syari'at Allah dan tidak berhakimkan undang-undang yang diturunkan Allah.*
>
> *Kami berkata dengan merujukkan kepada dasar-dasar yang ditetapkan oleh nas-nas al-Qur'an yang jelas atau soreh ini bukannya merujukkan kepada mafhum-mafhum yang diambil darinya, maka penjelasan yang lain tidak lagi diperlukan dan tidak ada lagi ruang untuk perdebatan yang serius kecuali perdebatan untuk menegakkan benang basah yang tidak wajar dihormati!"*

Dari nas-nas kami terangkan dengan panjang lebar ini jelas ternyata bahawa perbuatan mengkafirkan seseorang dalam persoalan yang bergantung dengan isu hakimiyah itu adalah disyaratkan dengan wujudnya keinginan dan kemahuan hendak berhakimkan taghut dan wujudnya keredhaan terhadap undang-undang yang lain dari undang-undang Allah. Inilah pendapat yang disepakati oleh para ulama' Islam di seluruh negeri dan di seluruh zaman terutama para ulama' salaf dari umat Muslimin. Allah cucurkan keredhaan-Nya ke atas mereka.

Adapun untuk menghukum generasi Muslimin sekarang ini apakah mereka mempunyai keyakinan untuk berhakimkan taghut dan redha dengan syari'at yang lain dari syari'at Allah atau kemahuan dan keredhaan yang sedemikian belum lagi wujud dengan sempurna di kalangan mereka, maka ia merupakan satu persoalan yang

mungkin menimbulkan pandangan yang berbeza-beza tetapi yang menjadi asas pertimbangan ialah dengan mengguna dasar-dasar syar'iyyah di mana ditegakkan hukum-hukum Islam.

******

Dan walaupun saudara saya pernah dituduh bahawa beliau menampilkan da'wahnya dengan cara yang bertentangan dengan perintah Allah yang menyuruh berda'wah dengan menggunakan cara hikmat dan nasihat yang baik serta menggunakan kata-kata yang lemah lembut!

Ramai orang memahami bahawa di antara maksud menggunakan methodologi hikmat dan nasihat yang baik itu ialah menepuk-nepuk bahu orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan dan penyelewengan-penyelewengan dan tidak menghadapi mereka dengan cara tegas kerana bimbang mereka akan lari dari da'wah dan enggan memberi sambutan kepadanya. Dari manakah mereka membawa pemahaman ini terhadap maksud arahan Rabbani yang mulia ini?

Apakah di sana ada orang yang lebih faham terhadap maksud arahan yang mulia ini dari para rasul yang dihadapkan arahan ini kepada mereka? Bagaimanakah Rasulullah s.a.w memahami arahan Allah yang diturunkan kepadanya supaya menyeru manusia ke jalan Allah dengan menggunkan methodologi hikmat dan pengajaran yang baik? Bagaimanakah Musa dan Harun a.s memahami arahan Allah supaya berbicara dengan Fir'aun dengan kata-kata yang lemah-lembut (قولا لينا) agar baginda menerima pengajaran atau takut kepada Allah?

Rasulullah s.a.w. telah bertindak menyampaikan da'wah sebagaimana yang diperintahkan Allah kepadanya lalu kaum Quraysy bersungut: Ia telah mencela tuhan-tuhan kami, membodoh-bodohkan minda kami dan mengkafirkan bapa-bapa dan datuk-datuk nenek kami.

Sedangkan Musa dan Harun a.s. telah memulakan da'wah mereka dengan berkata kepada Fir'aun selamat sejahtera ke atas orang yang mengikut hidayat السلام على من اتبع الهدى . Mereka tidak berkata kepada Fir'aun: Selamat sejahtera ke atas anda... kerana dalam ungkapan tadi terdapat saranan yang jelas bahawa Fir'aun tidak mengikut hidayat. Kemudian mereka iringi dengan penjelasan:

إِنَّا قَدْ أُوحِيَ إِلَيْنَآ أَنَّ ٱلْعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya telah diwahyukan Allah kepada kami bahawa azab (Allah) akan ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat). (48)".

(Surah Taha)

Dalam kata-kata ini terdapat ancaman yang terus-terang terhadap Fir'aun dan kaumnya bahawa 'azab sedang menunggu mereka jika mereka mendustakan keduanya dan berpaling dari kebenaran yang dibentangkan keduanya kepada mereka. Inilah bentuk "kata-kata yang lemah lembut" (قولا لينا) yang diperintahkan Allah kepada keduanya supaya ditujukannya kepada Fir'aun.

Berda'wah dengan lemah-lembut memang wajib, iaitu berlemah-lembut untuk **melahirkan kebenaran** bukannya berlemah-lembut untuk **menyembunyikan kebenaran**! Perbuatan yang akhir inilah yang diterangkan Allah kepada nabi-Nya.

وَدُّواْ لَوْ تُدْهِنُ فَيُدْهِنُونَ ﴿٩﴾

"Mereka suka jika engkau bersikap lunak, mereka juga suka bersikap lunak.(9)".

(Surah al-Qalam)

Sayyid Qutb tidak pernah mengatakan kepada seseorang: **Awak kafir**! Malah apa yang selalu dikatakan beliau: Keimanan itu mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang diterangkan dalam kitab Allah dan sunnah Rasul. Begitu juga kekufuran mempunyai ciri-ciri yang diterangkan dalam kitab Allah dan sunnah Rasul. Justeru itu sesiapa yang mendapati pada dirinya ciri-ciri keimanan pada dirinya, maka hendaklah ia bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat yang telah dikurniakan kepadanya dan sesiapa yang mendapati pada dirinya ciri-ciri sebaliknya, maka hendaklah ia bertaubat kepada Allah dan membersihkan diri dari ciri-ciri yang mengeluarkannya dari keimanan. Itulah maksud menggunakan methodologi hikmat dan nasihat yang baik untuk menghadapi situasi-situasi manusia yang berada dalam keadaan tersisih yang dihayati Islam pada hari ini. Itulah keadaan tersisih yang diisyaratkan Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadithnya.

بدأ الإسلام غريبا وسيعود غريبا كما بدأ فطوبى للغرباء


"Islam bermula dengan keadaan tersisih dan akan kembali kepada keadaan tersisih sebagaimana mulanya. Justeru itu Syurgalah balasannya kepada orang-orang yang tersisih."

(Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim)

Kami harap mendapat taufiq dari Allah...

ttg.

Muhammad Qutb.



SELENGKAR BIODATA SAYYID QUTB

Al-Maghfurulahu al-'Arif billah as-Syahid ibn Qutb Ibrahim telah dilahirkan pada tahun 1906 di kampung Musyah, daerah Asyut, Mesir dalam satu keluarga yang kuat mematuhi ajaran agama dan mempunyai kedudukan yang terhormat di kampung itu.

Bapanya Haji Qutb Ibrahim seorang yang disegani umum dan banyak berbakti kepada orang-orang miskin. Setiap tahun beliau menghidupkan hari-hari kebesaran Islam dengan mengadakan majlis-majlis jamuan dan tilawah al-Qur'an di rumahnya terutama di bulan ramadhan. Ibunya juga seorang yang bertaqwa dan mencintai al-Qur'an. Ketika majlis-majlis tilawah al-Qur'an diadakan di rumahnya, ia mendengar dengan lebih khusyu' dengan seluruh perasaan dan jiwanya. Pemandangan ini begitu melekat di dalam ingatan anaknya sayyid Qutb yang masih kecil di waktu itu dan menjadi kenangan yang manis dalam usia selanjutnya sehingga beliau pernah berangan-angan mempunyai suara yang merdu dan lunak seperti para qari untuk memperdengarkan tilawah al-Qur'an kepada ibunya yang menyintai al-Qur'an, tetapi beliau tidak sedar bahawa taqdir ilahi tidak melahirkannya untuk menjadi seorang qari yang bersuara emas, malah untuk menjadi seorang mufassir yang agung di zamannya.

Beliau telah menghafal al-Qur'an sejak dalam usianya yang belum mencecah sepuluh tahun dan dengan itu beliau telah merealisasikan cita-cita dan impian ayah dan ibu yang dikasihi dan beliau merakamkan hutang budi keduanya yang telah menanam benih-benih kecintaan kepada al-Qur'an di dalam kata persembahan dua buku karya sulungnya yang terkenal dengan pengajian al-Qur'an.

Di sepanjang zaman kanak-kanak dan remajanya beliau telah memperlihatkan petanda-petanda kecergasan yang tinggi dan bakat-bakat yang cemerlang yang menarik perhatian para guru dan pendidiknya, di samping memperlihatkan kegemaran membaca yang lahap, keberanian mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan mengeluarkan pendapat-pendapat yang bernas.

Beliau sentiasa mendampingi al-Qur'an sehingga beliau memasuki Kuliyyah Darul-'Ulum sebuah institusi pengajian tinggi Islam dan sastera Arab yang terkenal di seluruh dunia Islam, di mana kefahaman al-Qur'aniyah dan pemikiran Islamiyah beliau semakin subur dan terserlah. Setelah menamatkan pengajian tingginya, beliau menceburkan diri di bidang keguruan dan penulisan dan akhir dipindahkan ke bahagian pentadbiran di Kementerian Pelajaran di Qahirah.

Kini nama beliau begitu terkenal selaku seorang penulis yang prolifik yang bukan sahaja menulis dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah ilmiyah yang terkemuka, malah menerbitkan majalah-majalah yang lebih berwawasan dri majalah-majalah yang wujud di masa itu hingga menggugatkan pihak-pihak tertentu. Penulisan-penulisan beliau diminati ramai terutama generasi muda. Mereka tertarik dengan penjelasan-penjelasannya yang tajam, pendedahannya yang berani dan analisisnya yang mendalam.

Setelah merasa cukup matang, maka pada tahun 1945 beliau memutuskan untuk memulakan penulisan buku-buku. Ketika itu beliau menghampiri empat puluh tahun. Dan sejak tahun itu hingga ke tahun 1950 beliau telah berjaya menghasilkan dua puluh enam buah buku yang bermutu dalam berbagai-bagai bidang penulisan sastera dan Islamiyah.

Pada tahun 1948 beliau dihantar ke Amerika untuk mempelajari sistem pengajian dan pembelajaran di negara yang termaju itu dan selama hampir dua tahun berada di sana, beliau telah membuat kajian yang lebih mendalam dari bidang yang menyangkut pendidikan dan pembelajaran di negara itu, iaitu beliau telah melakukan pengamatan-pengamatan yang luas mengenai kehidupan di Amerika yang banyak mengecewakannya. Kini beliau telah melihat dan mengenal tamadun Amerika dari dekat. Kemudian dalam suratnya kepada pujangga Taufiq al-Hakim beliau menulis : "Amerika mempunyai segala sesuatu kecuali roh".

Sekembalinya dari Amerika beliau memutuskan untuk menumpukan hayatnya kepada pengajian Islamiyah dan harakat Islamiyah dan meninggalkan gelanggang sastera yang menjadi gelanggang peminatannya di zaman silam. Sewaktu merakamkan titik peralihan ini beliau menulis :

"Orang yang menulis kajian ini ialah seorang yang hidup membaca selama empat puluh tahun genap.. Kegiatannya di peringkat pertama ialah membaca dan menela'ah kebanyakan hasil-hasil pengajian dalam berbagai-bagai bidang pengetahuan manusia termasuk kajian yang menjadi bidang ikhtisasnya dan kajian-kajian yang menjadi bidang kegemarannya. Dan pada akhirnya dia pulang ke pangkal jalan iaitu pulang kepada sumber 'aqidah (Al-Qur'an) pandangan dan kefahamannya. Dan di sana ia dapati bahawa seluruh apa yang di bacanya itu amat kerdil jika dibandingkan dengan potensi-potensi 'aqidah Islam yang agung itu akan terus dengan sifat agungnya. Walaubagaimanapun ia tidak menyesal atas kehabisan umurnya selama empat puluh tahun itu, kerana dengan usianya yang selama itu, ia berjaya mengenal hakikat jahiliyah, mengenal penyelewengnya, kekerdilannya, kekosongannya, kesongsangannya, kesesiaannya dan dakwaan-dakwaannya yang karut. Sejak itu ia sedar dengan penuh keyakinan bahawa seseorang muslim tidak boleh menyatukan dua sumber ilmu pengetahuan yang berlainan itu untuk diterima olehnya".

Tahun 1951 – 1964 merupakan masa peralihan beliau kepada penulisan-penulisan Islamiyah yang serius dan cemerlang di samping merupakan tahun-tahun yang amat produktif, di mana lahirnya karya-karya agung yang menjadi buku-buku warisan Islamiyah yang penting di zaman ini dan di zaman-zaman mendatang. Dan karya yang menjadi mercu tanda daya penghasilan intelektualnya ialah "Tafsir Fi zilalil-Qur'an" dan juzu' pertama dari tafsir ini muncul pada tahun 1952 dan beliau telah menyelesaikan penulisan tafsir ini sebanyak tiga puluh juzu' pada akhir tahun lima puluhan, iaitu mengambil masa kira-kira hampir lapan tahun.

Tafsir Fi zilalil-Qur'an adalah ditulis bersandarkan kepada kajian-kajian beliau yang mendalam, yang ditimba secara langsung dari al-Qur'an dan as-Sunnah, di samping bersumberkan kitab-kitab tafsir yang mu'tabar. Beliau memasuki ke dalam penulisan tafsir ini setelah melengkapkan dirinya dengan pengalaman-pengalaman dan kajian-kajian yang kaya di bidang penulisan, keguruan, pendidikan dan pengamatannya yang luas dan tajam dalam perkembangan-perkembangan sosial dan politik dunia semasa. Beliau telah menghabiskan lebih dari separuh usianya dalam pembacaan dan penela'ahan yang mendalam terhadap hasil-hasil intelektual manusia di dalam berbagai-bagai bidang pengajian dan teori-teori, berbagai-bagai aliran pemikiran semasa dan berbagai-bagai kajian mengenai agama yang lain.

Di samping itu tafsir Fi Zilalil-Qur'an adalah ditulis dengan tinta derita dan sengsara yang begitu pahit akibat penindasan dan permainan politik gila kuasa yang zalim di zaman itu. Beliau telah mengalami penyeksaan fizikal yang kejam dan tidak berperi kemanusiaan dan seluruh kesengsaraan ini telah membuat seluruh entiti beliau tertumpu kepada Allah dan kepada penghayatan al-Qur'an di mana beliau hidup di bawah bayangan al-Qur'an dengan seluruh jiwa dan perasaan dan hidup sebagai penda'wah yang 'arifbillah', sabar, gigih, redha, tenang, tenteram, berserah bulat kepada Allah, tidak mengenal kalah dan putus asa. Semua itu merupakan faktor-faktor penting yang melahirkan tafsir Fi Zilalil Qur'an di dalam bentuknya yang unik yang mengatasi tafsir-tafsir yang lain.

Sebelum memasuki ke dalam pentafsiran isi kandungan al-Qur'an beliau telah membuat kajian yang mendalam selama beberapa tahun untuk mencungkil rahsia-rahsia struktur pengungkapan al-Qur'an dan uslub penyampaiannya yang indah dan penuh mu'jizat. Hasil kajian Qur'aniyah yang ulung itu telah dibukukan dengan judul التصوير الفني في القرآن (Penggambaran yang Seni di dalam al-Qur'an) di terbitkan pada tahun 1945 kemudian diiringi pula dengan buku مشاهد القيامة في القرآن (Pemandangan-pemandangan Qiamat Di Dalam Al-Qur'an) diterbitkan pada tahun 1947 sebagai huraian dan pelengkap kepada bukunya yang pertama. Hasil kajian yang gemilang ini telah disifatkan oaleh para pengkaji sebagai anak kunci yang dikurniakan Allah kepada beliau untuk membongkarkan rahsia-rahsia keindahan al-Qur'an yang unik itu. Dan buku-buku inilah yang banyak dirujukkan oleh beliau dalam tafsirnya, yang lahir kira-kira tujuh tahun selepas lahirnya buku-bukunya yang pertama itu.

Tafsir "Fi Zilalil-Qur'an" berbeza dari tafsir-tafsir yang lain apabila beliau menggunakan satu methodologi pentafsiran yang membersihkan pentafsiran dari perbicaraan-perbicaraan sampingan dan selingan yang tidak disarankan oleh nas-nas al-Qur'an. Justeru itu beliau menjauhkan tafsirnya dari perbahasan-perbahasan bahasa dan tata bahasa, perbahasan-perbahasan ilmu al-kalam dan ilmu fiqah dan dari cerita-cerita dongeng Israeliyat yang lumrah dalam kebanyakan tafsir termasuk tafsir-tafsir yang terkenal sebagai sumber-sumber rujukan. Di samping itu beliau juga menjauhkan tafsirnya dari menundukkan nas-nas al-Qur'an kepada penemuan-penemuan dan pendapat-pandapat sains yang sering dilakukan oleh orang-orang yang terlalu ghairah untuk mendampingkan pentafsiran al-Qur'an dengan pentafsiran sains, sedangkan sumber kedua-dua tafsir itu adalah berlainan iaitu al-Qur'an bersumberkan wahyu dari Allah pencipta yang mengetahui segala sesuatu sementara sains bersumberkan intelektual manusia yang tidak syumul, tidak mantap dan sering berubah-ubah.

Beliau telah menyifatkan perbahasan–perbahasan sampingan itu sebagai campuraduk yang merosakkan jalan penyampaian al-Qur'an yang indah, lurus dan jelas dan seterusnya menyifatkan perbahasan-perbahasan

itu sebagai halangan-halangan "yang melindungkan al-Qur'an dari jiwa saya dan melindungkan jiwa saya dari al-Qur'an".

Walaupun Tafsir Fi Zilalil Qur'an telah selesai ditulis dan walaupun masih meringkuk di dalam penjara, namun beliau masih belum puas menimba lautan Kalamullah. Ufuk-ufuk pemikirannya yang meluas, gagasan-gagasan Islamiyah yang segar dan baru, pandangan-pandangan dan perasaan-perasaan kesedarannya yang lebih halus meransangkan hati dan jiwanya, justeru itu, pada awal tahun 1960 beliau sekali lagi tampil dengan penuh dedikasi mengemaskinikan Tafsir Fi Zilalil-Qur'an dengan menokokkan huraian-huraian tambahan yang baru dan penghalusan-penghalusan yang perlu untuk menjadikan tafsir itu sebuah tafsir haraki yang sempurna. Usaha ke arah itu menjadi lebih lancar apabila beliau dibebaskan dari penjara dengan campurtangan Presiden Republik Iraq, Abdul Salam 'Arif pada masa itu. Dalam kesempatan ini beliau telah berjaya membuat pembaharuan tafsir itu hingga ke juzu' yang ketiga belas di mana tamatnya Surah Ibrahim, tetapi beliau tidak sempat mengemaskinikan juzu'-juzu' yang baki, kerana beliau tiba-tiba ditangkap kembali atas tuduhan-tuduhan yang palsu dan zalim.

Setelah diundang ke alam para syuhada' Tafsir Fi Zilalil-Qur'an merupakan satu-satunya tafsir yang paling luas tersebar di seluruh dunia Islam di zaman ini, di samping menjadi bahan-bahan kajian dan rujukan utama para ulama' dan para mufassirin. Ujar Dr. Hasan Farahat :

"Tafsir Fi Zilalil-Qur'an" telah menjadi begitu terkenal dengan sebab Sayyid Qutb (Rahimahullah) telah menulis tafsir ini sebanyak dua kali, kali pertama ia menulis dengan tinta seorang alim dan kali kedua dia menulis dengan darah syuhada'".

Ujar Yusof al-'Azim,

"Tafsir Fi Zilalil-Qur'an" adalah wajar dianggap sebagai satu pembukaan Rabbani yang diilhamkan Allah kepada penulisnya. Beliau telah dianugerahkan matahati yang peka yang mampu menangkap pengertian-pengertian, gagasan-gagasan dan fikiran yang halus yang belum dicapai oleh mana-mana penulis tafsir yang lain. Adalah jelas sekali bahawa keimanan beliau yang tulen, pembacaan beliau yang luas, pengalamannya yang mendalam dan bakat-bakat semulajadi yang gemilang telah menjadikan Tafsir Fi Zilalil-Qur'an sebuah tafsir yang unik dan secara adil dapat diletakkan di kemuncak tafsir-tafsir yang lama dan yang baru, di mana terkumpul penjelasan-penjelasan yang syumul, himpunan ilmu pengetahuan, huraian dan citarasa dan da'wah yang lantang ke arah mengulangi semua hayat Islamiyah"

Sementara Dr. Saleh Abdul Fatah al-Khalidi, pengkaji karya-karya Sayyid Qutb dan penulis biografi yang terkenal telah berkata :

"Sayyid Qutb dalam Tafsir Fi Zilalil-Qur'an adalah dianggap sebagai mujaddid di dalam dunia tafsir, kerana beliau telah menambahkan berbagai-bagai pengertian dan fikiran haraki, dan berbagai-bagai pandangan tarbiyah yang melebihi tafsir-tafsir yang lalu, juga dianggap sebagai pengasas pengajian baru dalam ilmu tafsir, di mana beliau telah memperkenalkan aliran tafsir haraki".

Itulah liku-liku hidup yang penuh bersejarah yang dilalui oleh al-alim ar-Rabbani Sayyid Qutb dalam perjalanan menamatkan pengembaraannya yang jauh di bawah bayangan al-Qur'anul-karim dan meninggalkan hasil pengembaraannya yang kekal abadi kepada umat Muslimin.

Kemudian di waktu fajar hari Isnin, 13 Jamadil Awal 1386 bersamaan 29 Ogos 1966 beliau telah menemui syahadatnya di tiang gantung setelah didapati bersalah oleh "Mahkamah Tentera" yang telah ditubuhkan oleh kerajaan revolusi di zaman itu. Mahkamah ini mempunyai sejarah pengadilan yang hitam dan banyak mengorbankan orang-orang yang tidak berdosa. Hukuman gantung itu telah dilaksanakan secara mendadak ke atas al-marhum tanpa menghiraukan bantahan dunia Islam dan menolak secara tidak sopan telegram rayuan peribadi dari Raja Saudi Al-Marhum Faisal ibn Abdul Aziz di mana baginda merayu supaya beliau dibebaskan dari hukuman gantung dan baginda bersedia memberi apa sahaja yang dituntut oleh Kerajaan Mesir.



MUQADDIMAH

TAFSIR FI ZILALIL QUR'AN

مقدمة تفسير في ظلال القرآن

MUQADDIMAH TAFSIR FI ZILALIL QUR'AN

DI BAWAH BAYANGAN AL-QUR'AN

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Hidup di bawah bayangan Al-Qur'an adalah suatu keni'matan yang tidak dapat diketahui melainkan hanya oleh mereka yang mengecapinya sahaja. Ia adalah suatu keni'matan yang meluhurkan, memberkatkan dan membersihkan usia seseorang.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah yang telah mengurniakan kepadaku keni'matan hidup di bawah bayangan Al-Qur'an selama beberapa waktu, di mana aku telah mengecapi ni'mat yang tidak pernah aku kecapi sepanjang hidupku, iaitu ni'mat yang meluhurkan, memberkatkan dan membersihkan usiaku.

Aku hidup seolah-olah mendengar Allah bercakap kepadaku dengan Al-Qur'an ini..... ya Dia bercakap kepadaku, seorang hamba yang amat kerdil dan amat kecil. Manakah penghormatan yang dapat dicapai oleh seseorang lebih tinggi dari penghormatan Ilahi yang amat besar ini? Manakah keluhuran usia yang lebih tinggi dari keluhuran usia yang diangkatkan oleh kitab suci ini? Manakah darjah kemuliaan bagi seseorang yang lebih tinggi dari darjah kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah Pencipta Yang Maha Mulia?

Aku telah hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dan di sana aku melihat jahiliyah berkecamuk di muka bumi ini dan aku melihat minat dan cita-cita penduduk-penduduk dunia ini amat kecil dan kerdil, aku melihat pemuja-pemuja jahiliyah itu berbangga-bangga dengan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka, iaitu ilmu pengetahuan kanak-kanak, kefahaman dan pemikiran kanak-kanak, minat dan cita-cita kanak-kanak sama seperti pandangan seorang tua kepada mainan kanak-kanak, percubaan kanak-kanak dan keteloran lidah kanak-kanak. Aku merasa kaget dan hairan mengapa manusia jadi begini, mengapa mereka jatuh ke dalam lumpur yang kotor dan penuh penyakit ini? Mengapa mereka tidak mendengar seruan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar, iaitu seruan yang dapat meluhurkan, memberkatkan dan membersihkan usia seseorang?

Aku telah hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dan di sana aku dapat meni'mati kefahaman yang sempurna dan meliputi tanggapan yang tinggi dan bersih terhadap alam al-wujud, matlamat seluruh alam al-wujud dan terhadap matlamat kewujudan manusia itu sendiri. Kemudian aku bandingkan dengan kefahaman-kefahaman dan tanggapan-tanggapan jahiliyah yang dihayati oleh umat manusia di Timur dan di Barat, di Utara dan di Selatan. Kemudian aku bertanya: Mengapa manusia sanggup hidup dalam paya yang busuk di tahap yang amat rendah dan di dalam gelap gelita kesesatan yang menghitam itu, sedangkan mereka mempunyai padang-padang yang bersih, tempat-tempat yang tinggi dan cahaya yang terang benderang?

Aku telah hidup di bawah bayangan Al-Qur'an, dan di sana aku dapat merasa adanya keseimbangan yang indah di antara harakat manusia seperti yang dikehendaki Allah dengan harakat alam buana yang diciptakan Allah. Kemudian aku melihat keadaan simpang-siur yang dialami oleh umat manusia yang telah menyimpang dari undang-undang alam buana, juga melihat percanggahan di antara pengajaran-pengajaran yang merosak dan jahat, yang diajarkan kepada mereka dalam kewujudan fitrah semulajadi mereka, lalu aku berkata di dalam hatiku: Syaitan manakah yang jahat yang telah memimpin umat manusia ke Neraka ini?

Alangkah ruginya manusia!

Aku telah hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dan di sana aku melihat alam al-wujud ini adalah jauh lebih besar dari saiznya yang lahir yang dapat dilihat itu. Ia lebih besar dari segi hakikatnya dan dari segi bilangan aspek-aspeknya. Ia mencakup alam ghaib dan alam syahadah kedua-dua sekali bukannya alam syahadah sahaja. Ia merangkumi dunia dan Akhirat, bukannya dunia ini sahaja. Kewujudan manusia adalah bersinambung di lorong-lorong zaman yang amat jauh. Maut bukannya penghabisan perjalanan hidup manusia, malah ia merupakan suatu peringkat di tengah perjalanan. Segala sesuatu yang dicapai oleh seseorang di dunia ini bukanlah merupakan seluruh habuannya, malah hanya merupakan sebahagian dari habuannya sahaja. Segala balasan yang terluput di dunia ini tidak akan terluput di Akhirat nanti. Di sana balasan tidak akan mengalami penganiayaan, pengurangan dan kesesiaan. Peringkat perjalanan yang dilalui manusia di bumi ini merupakan peringkat perjalanan di sebuah alam hidup yang lumrah, sebuah alam sahabat yang mesra dan sebuah alam yang mempunyai roh yang sentiasa menerima, menyambut bertawajjuh kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa sebagaimana roh orang yang

beriman bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh khusyu'.

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا
وَظِلَٰلُهُم بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْآصَالِ ۩ ١٥

"Hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada dengan sukarela atau terpaksa dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang."

(Surah ar-Ra'd: 15)

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبْعُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ۚ وَإِن مِّن
شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ

"Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian penghuninya sentiasa bertasbih kepada Allah dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah."

(Surah al-Isra': 44)

Manakah kerehatan, keselesaan, kemesraan dan kepercayaan (yang lebih besar) dari kerehatan, keselesaan kemesraan dan kepercayaan, yang dicurahkan ke dalam hati kita oleh kefahaman yang syumul, sempurna, luas dan betul ini?

Aku telah hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dan di sana aku melihat manusia jauh lebih mulia dari segala penghargaan dan penilaian terhadap mereka yang dikenali mereka dahulu dan kemudiannya. Manusia telah menjadi insan dengan tiupan roh ciptaan Allah:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا۟ لَهُۥ
سَٰجِدِينَ ٢٩

"Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh ciptaan-Ku, maka rebahkanlah diri kamu sujud kepada-Nya."

(Surah al-Hijr: 29)

Dan dengan tiupan roh inilah manusia dilantik menjadi khalifah di bumi:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ
خَلِيفَةً

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak melantik khalifah di muka bumi."

(Surah al-Baqarah: 30)

Dan segala apa yang ada di bumi ini adalah ditundukkan untuk faedah manusia:

هُوَ ٱلَّذِي خَلَقَ لَكُم مَّا فِي ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا

"Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi."

(Surah al-Baqarah: 29)

Oleh sebab manusia mempunyai darjah kemuliaan dan ketinggian yang seluhur ini, maka Allah telah menjadikan tali hubungan yang mengikat umat manusia itu yang diambil dari tiupan Ilahi yang mulia, iaitu tali hubungan 'aqidah kerana Allah. Oleh itu 'aqidah seseorang Mu'min merupakan tanah airnya, kaumnya dan keluarganya dan di atas 'aqidah inilah umat manusia harus bersatu padu, bukannya seperti haiwan yang berpadu kerana rumput, kerana padang ragut, kerana kumpulan dan kerana pagar.

Orang yang beriman mempunyai keturunan yang amat tua yang bersinambung di lorong-lorong zaman yang amat jauh, adalah salah seorang dari angkatan manusia yang mulia yang dipimpin oleh para rasul yang mulia, iaitu Nuh, Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub, Yusuf, Musa, 'Isa dan Muhammad Alayhimus-salam.

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠
رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ٩٢

"Dan sesungguhnya umat (para anbia'') ini adalah umat kamu iaitu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu sembahlah Aku."

(Surah al-Anbia' : 92)

Angkatan manusia yang mulia yang bersinambung di lorong-lorong zaman yang amat lama itu menghadapi - seperti yang tergambar di bawah bayangan Al-Qur'an - keadaan-keadaan yang serupa, krisis-krisis yang serupa dan pengalaman-pengalaman yang serupa di sepanjang zaman di berbagai-bagai tempat dan di kalangan berbagai-bagai kaum. Angkatan itu menghadapi kesesatan, kebutaan, kezaliman, hawa nafsu yang liar, penindasan, kekejaman, ancaman dan pengusiran, tetapi ia terus mara menyusuri jalannya dengan langkah-langkah yang tetap, dengan hati nurani yang tenteram, dengan kepercayaan dan harapan yang penuh terhadap pertolongan Allah dengan hati yang menunggu-nunggu di setiap saat ketibaan janji Allah yang benar:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُم مِّنْ
أَرْضِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَا ۖ فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ
رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٣
وَلَنُسْكِنَنَّكُمُ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ۚ ذَٰلِكَ
لِمَنْ خَافَ مَقَامِي وَخَافَ وَعِيدِ ١٤

"Dan orang-orang kafir itu berkata kepada rasul-rasul mereka: Kami tetap akan mengusir kamu dari negeri kami atau kamu kembali semula kepada agama kami, lalu Allah

Tuhan mereka mewahyukan kepada mereka: Sesungguhnya Kami tetap akan membinasakan orang-orang yang zalim dan Kami tetap akan menempatkan kamu di negeri itu selepas (kebinasaan) mereka. (Janji) yang sedemikian adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam-Ku dan takut kepada janji 'azab-Ku."

(Surah Ibrahim : 13-14)

Itulah sikap yang sama, pengalaman yang sama, ancaman yang sama, keyakinan yang sama dan janji yang sama kepada angkatan iman yang mulia, juga nasib kesudahan yang sama yang ditunggu-tunggu oleh para Mu'min di akhir perjalanan mereka semasa mereka menerima penindasan dan ancaman.

* * * * * *

Di bawah bayangan Al-Qur'an jua aku dapat mempelajari bahawa di dalam alam al-wujud ini tiada ruang bagi kebetulan yang membuta tuli dan bagi kejadian-kejadian luar dugaan yang mendadak. Kerana:

إِنَّا كُلَّ شَيۡءٍ خَلَقۡنَٰهُ بِقَدَرٖ ﴿٤٩﴾

"Sesungguhnya Kami ciptakan segala sesuatu itu dengan ukuran yang rapi."

(Surah al-Qamar: 49)

وَخَلَقَ كُلَّ شَيۡءٖ فَقَدَّرَهُۥ تَقۡدِيرٗا ﴿٢﴾

"Dan Dialah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu iaitu menentukan keadaan makhluk itu dengan ketentuan taqdir yang sempurna."

(Surah al-Furqan: 2)

Setiap perkara dan kejadian ada hikmatnya, tetapi hikmat itu adalah suatu hikmat ghaib yang amat mendalam dan mungkin tidak ternampak kepada pandangan manusia yang singkat:

فَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا كَثِيرٗا ﴿١٩﴾

"Kamu mungkin bencikan sesuatu, sedangkan Allah menjadikan padanya kebajikan yang banyak."

(Surah an-Nisa': 19)

وَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ شَرّٞ لَّكُمۡۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

"Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan kamu mungkin sukakan sesuatu, sedangkan ia lebih buruk kepada kamu. Dan hanya Allah yang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."

(Surah al-Baqarah: 216)

Segala sebab-sebab yang diketahui umum itu kadang-kadang melahirkan kesan-kesannya dan kadang-kadang tidak, begitu juga muqaddimah yang dianggap orang sebagai pasti kadang-kadang melahirkan natijah dan kadang-kadang tidak, kerana sebab-sebab dan muqaddimah-muqaddimah itu sendiri bukanlah berkuasa mewujudkan kesan-kesan dan natijah-natijah itu. Malah Iradat Allah yang bebas itulah yang mewujudkan kesan-kesan dan natijah-natijah itu di samping mewujudkan sebab-sebab dan muqaddimah itu sendiri:

لَا تَدۡرِي لَعَلَّ ٱللَّهَ يُحۡدِثُ بَعۡدَ ذَٰلِكَ أَمۡرٗا ﴿١﴾

"Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas perceraian itu sesuatu perkara yang lain."

(Surah at-Talaq: 1)

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ

"Dan tidaklah kamu menghendaki kecuali bila dikehendaki Allah."

(Surah al-Insan: 30)

Orang yang beriman menggunakan sebab-sebab kerana ia diperintah berbuat begitu, tetapi Allahlah yang menentukan kesan-kesan dan natijah-natijahnya. Keyakinan kepada rahmat Allah dan keadilan-Nya, kepada hikmat kebijaksanaan Allah dan ilmu-Nya itulah satu-satunya tempat perlindungan yang aman dan tempat yang selamat dari bisikan-bisikan dan godaan-godaan syaitan:

ٱلشَّيۡطَٰنُ يَعِدُكُمُ ٱلۡفَقۡرَ وَيَأۡمُرُكُم بِٱلۡفَحۡشَآءِۖ وَٱللَّهُ يَعِدُكُم مَّغۡفِرَةٗ مِّنۡهُ وَفَضۡلٗاۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٞ ﴿٢٦٨﴾

"Syaitan menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan menyuruh kamu melakukan kejahatan, sedangkan Allah menjanjikan kamu dengan keampunan dan limpah kurnia dari-Nya dan Allah itu Maha Luas Pengurniaan-Nya dan Maha Mengetahui."

(Surah al-Baqarah: 268)

Oleh sebab itulah aku hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dengan hati yang tenang tenteram dan di sana aku melihat tangan kekuasaan Allah mengendalikan segala peristiwa dan segala perkara. Di sana aku hidup di bawah naungan dan pemeliharaan Allah dan aku benar-benar merasa kesan-kesan sifat-Nya yang positif dan aktif:

أَمَّن يُجِيبُ ٱلۡمُضۡطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكۡشِفُ ٱلسُّوٓءَ

"Atau siapakah yang menyahut do'a orang yang berada di dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya dan menghilangkan kesusahan itu?"

(Surah an-Naml: 62)

وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

"Dan Dialah Yang Maha Berkuasa atas sekalian hamba-Nya dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya."

(Surah al-An'aam: 18)

وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمْرِهِۦ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢١﴾

"Dan Allah itu berkuasa terhadap urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya."

(Surah Yusuf: 21)

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ

"Dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalang di antara seseorang dengan hatinya."

(Surah al-Anfal: 24)

فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

"(Allah)Maha Berkuasa melaksanakan segala apa yang dikehendaki-Nya."

(Surah Hud: 107)

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمْرِهِۦ ۚ

"Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia mengadakan jalan keluar untuknya dan memberikan rezeki dari arah yang tidak disangka-sangkakannya dan sesiapa yang bertawakkal kepada Allah Dia akan memberi pertolongan yang cukup kepadanya. Sesungguhnya Allah berkuasa melaksanakan segala urusan-Nya."

(Surah at-Talaq: 2-3)

مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذٌۢ بِنَاصِيَتِهَآ ۚ

"Tiada seekor binatang pun melainkan Dialah (Allah) yang memegang ubun-ubunnya."

(Surah Hud: 56)

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُۥ ۖ وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ ۚ

"Bukankah Allah itu cukup untuk melindungi hamba-Nya? Sedangkan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan yang lain dari Allah."

(Surah az-Zumar: 36)

وَمَن يُهِنِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّكْرِمٍ ۚ

"Sesiapa yang telah dihinakan Allah,maka tiada siapapun lagi yang dapat memuliakannya."

(Surah al-Haj: 18)

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Sesiapa yang telah disesatkan Allah, tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."

(Surah ar-Ra'd: 33)

Sebenarnya alam al-wujud ini tidaklah sekali-kali diserahkan kepada undang-undang automatik yang membuta tuli, malah di sebalik undang-undang itu selalunya wujud iradat yang merancang dan masyi'ah yang bebas. Allah mencipta dan memilih apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Di samping itu aku juga belajar bahawa tangan kudrat Allah sentiasa bekerja, tetapi Ia bekerja mengikut caranya yang tersendiri. Kita tidak boleh menggesa supaya Dia bertindak segera dan tidak boleh membuat apa-apa cadangan kepada Allah. Sistem hidup yang diatur oleh Allah - sebagaimana yang dapat dilihat di bawah bayangan Al-Qur'an - adalah digubal supaya ia dapat bertindak di dalam setiap masyarakat dan di dalam setiap peringkat perkembangan hidup manusia, juga dalam setiap keadaan jiwa umat manusia yang sama. Sistem ini digubal untuk manusia yang hidup di bumi ini dengan mengambil kira fitrah manusia, tenaga-tenaga, bakat-bakat semulajadinya, kekuatan dan kelemahannya, juga mengambil kira keadaan-keadaannya yang berubah yang dialaminya. Sistem itu tidak sekali-kali menaruh sangkaan yang buruk terhadap makhluk insan ini, lalu memperkecil-kecilkan peranannya atau mensia-siakan nilainya dalam apa sahaja bentuk hidupnya sama ada dengan sifatnya sebagai individu atau sebagai anggota di dalam kelompok. Begitu juga sistem ini tidak sekali-kali mengelamun dengan daya khayal lalu mengangkatkan makhluk insan ini terlalu tinggi hingga mengatasi darjatnya, mengatasi tenaga kemampuannya dan mengatasi tugasnya yang dijadikan Allah ketika ia diciptakan. Dan dalam dua keadaan ini, sistem ini juga tidak mengandaikan bahawa asas-asas fitrah makhluk insan ini adalah asas-asas yang dangkal, yang hanya wujud dengan kuasa undang-undang atau boleh dihapuskan dengan hujung pena sahaja. Makhluk insan ini, dengan fitrah semulajadinya, dengan kecenderungan dan bakat-bakat semulajadinya, adalah dipimpin oleh sistem hidup Ilahi ini untuk mengangkatnya kepada setinggi-tinggi darjah kesempurnaan yang telah ditentukan kepadanya, sesuai dengan kejadian dan tugasnya dan untuk menghormati dirinya, fitrah semulajadinya dan nilai-nilainya apabila ia memimpinnya di jalan kesempurnaan menuju kepada Allah. Oleh sebab itulah sistem hidup Ilahi ini diciptakan untuk jangka waktu yang amat panjang yang hanya diketahui Allah yang menciptakan insan dan menurunkan Al-Qur'an ini sahaja. Itulah sebab ia tidak bertindak sewenang-wenang dan terburu-buru dalam usaha mencapai matlamatnya yang tinggi dari sistem ini. Masa di hadapannya terbuka luas tidak terbatas kepada umur individu. Dia tidak didorong oleh keinginan yang fana dan kebimbangan takut mati sebelum tercapai matlamatnya yang jauh sebagaimana yang berlaku

kepada pejuang-pejuang isme-isme bumi yang bertindak sewenang-wenang dalam satu generasi dan bertindak melampaui fitrah semulajadi yang berjalan dengan langkah-langkah yang seimbang dan tenang kerana mereka tidak sabar untuk berjalan dengan langkah-langkah yang seimbang dan tenang. Dan dalam perjalanan dan perjuangan mereka yang sewenang-wenang itulah berlakunya pembunuhan dan pertumpahan darah, runtuhnya nilai dan tercetusnya huru-hara dan kacau-bilau. Kemudian pada akhirnya mereka pun hancur dan isme-isme bikinan mereka juga turut hancur di bawah pukulan tukul-tukul fitrah semulajadi yang tidak sanggup ditanggung oleh isme-isme yang sewenang-wenang. Adapun Islam ia tetap berjalan dengan lemah-lembut memimpin fitrah manusia, ia menolak di sini dan menahan di sana, dan ia membetul bila menyeleweng, tetapi ia tidak bertindak memecah atau menghancurkan fitrah manusia. Ia tetap sabar melayaninya, iaitu ia sabar dengan kesabaran seseorang yang 'arif, bijak dan yakin dengan matlamat yang telah ditetapkan itu. Jika tidak dapat dicapai dalam pusingan pertama diusahakan pula dalam pusingan yang kedua atau ketiga atau ke sepuluh atau ke seratus atau ke seribu. Masa masih lanjut dan matlamat cukup terang dan jalan menuju ke matlamat yang agung itu amat panjang. Jika pokok yang tinggi itu tumbuh dan akar-akarnya bertunjang teguh di dalam bumi, dahan-dahannya mencabang panjang dan merimbun tebal, maka begitulah juga Islam, ia tumbuh dan subur perlahan-lahan, lambat dan tenang dan ia selama-lamanya mengambil bentuk yang dikehendaki oleh Allah. Sesuatu tanaman itu kadang-kadang ditimbus pasir, kadang-kadang setengahnya dimakan ulat dan kadang-kadang kering tidak disirami air dan kadang-kadang tenggelam dalam air siraman, tetapi peladang yang 'arif dan bijak tahu bahawa tanaman itu tetap hidup dan subur dan ia akan dapat mengatasi segala penyakitnya dalam masa yang panjang itu. Oleh sebab itulah ia tidak bertindak sewenang-wenang, tidak resah dan gelisah serta tidak cuba mematangkannya dengan cara-cara yang lain dari cara-cara fitrah yang tenang, lapang dada dan mesra, itulah cara peraturan Ilahi di seluruh alam al-wujud ini:

وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

"Dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan di dalam undang-undang Allah."

(Surah al-Fath: 23)

Al-Haq adalah kebenaran mengikut sistem Ilahi merupakan sesuatu yang haqiqi dan tulen dalam binaan alam al-wujud ini. Ia bukannya sesuatu yang wujud secara mendadak dan sepintas lalu dan bukannya sesuatu yang wujud secara kebetulan dan tidak disengajakan. Allah S.W.T. itulah yang benar/al-Haq dan dari kewujudan Allah Taala inilah segala makhluk yang ada memperolehi kewujudannya:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِ
ٱلْبَـٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٣٠﴾

"Yang demikian ialah kerana Allah itulah Yang Benar/al-Haq dan segala apa yang mereka sembah selain dari-Nya itulah yang palsu dan Allah itulah Tuhan Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."

(Surah Luqman: 30)

Allah telah menciptakan alam buana ini dengan kebenaran/al-Haq dan tidak bercampur-aduk dengan kebatilan dan kepalsuan:

مَا خَلَقَ ٱللَّهُ ذَٰلِكَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ

"Allah tidak menciptakan semuanya itu melainkan dengan kebenaran/al-Haq."

(Surah Yunus: 5)

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَـٰذَا بَـٰطِلًا سُبْحَـٰنَكَ

"Wahai Tuhanku! Tiadalah Engkau ciptakan semuanya ini sebagai palsu, Maha Sucilah Engkau!"

(Surah Aali 'Imran: 191)

Kebenaran itulah yang menjadi tapak asas alam al-wujud ini dan apabila ia menyeleweng darinya ia akan rosak dan musnah:

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَـٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ
وَمَن فِيهِنَّ

"Jika kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi dan penghuni-penghuninya."

(Surah al-Mu'minun: 71)

Oleh sebab itulah kebenaran pasti menang dan kebatilan dan kepalsuan pasti musnah. Walaupun keadaan-keadaan yang zahir nampaknya tidak begitu, namun akhirnya kebenaran akan tetap muncul dengan begitu ketara:

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَـٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ

"Malah Kami lontarkan kebenaran ke atas kepalsuan lalu ia mengalahkannya dan tiba-tiba kepalsuan itu terus lenyap."

(Surah al-Anbia': 18)

Kebaikan dan kebagusan (mengikut sistem Ilahi)juga merupakan sesuatu yang tulen sama seperti kebenaran. Ia tetap kekal di bumi ini:

أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌۢ بِقَدَرِهَا فَٱحْتَمَلَ
ٱلسَّيْلُ زَبَدًا رَّابِيًا ۚ وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِى ٱلنَّارِ ٱبْتِغَآءَ
حِلْيَةٍ أَوْ مَتَـٰعٍ زَبَدٌ مِّثْلُهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ

وَٱلْبَٰطِلَ ۚ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَآءً ۖ وَأَمَّا مَا يَنفَعُ
ٱلنَّاسَ فَيَمْكُثُ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ
ٱلْأَمْثَالَ ﴿١٧﴾

"Allah telah menurunkan air hujan dari langit lalu mengalirlah air di lembah-lembah menurut sukatannya. Kemudian banjir itu membawa buih-buih yang mengembang dan terapung-apung dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan atau barang-barang kegunaan juga terdapat buih-buih yang serupa (dengan buih banjir itu). Demikianlah Allah membuat perbandingan kebenaran dan kepalsuan. Adapun buih, maka ia akan lenyap terbuang di tepi-tepi tebing dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah membuat berbagai-bagai perbandingan."

(Surah ar-Ra'd: 17)

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ
طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِى ٱلسَّمَآءِ ﴿٢٤﴾
تُؤْتِىٓ أُكُلَهَا كُلَّ حِينٍۭ بِإِذْنِ رَبِّهَا ۗ وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ
ٱلْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾
وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ ٱجْتُثَّتْ
مِن فَوْقِ ٱلْأَرْضِ مَا لَهَا مِن قَرَارٍ ﴿٢٦﴾
يُثَبِّتُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱلْقَوْلِ ٱلثَّابِتِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ ۖ وَيُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلظَّٰلِمِينَ ۚ
وَيَفْعَلُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ ﴿٢٧﴾

"Tidakkah engkau melihat bagaimana Allah membuat satu perbandingan, iaitu kalimat yang baik itu laksana pokok yang baik, akar tunjangnya teguh dan dahannya menjulang ke langit.(24) Ia mengeluarkan buah-buahnya setiap masa dengan izin Allah. Dan Allah membuat berbagai-bagai perbandingan kepada manusia supaya mereka mendapat pengajaran.(25) Dan bandingan kalimat yang buruk itu laksana pokok yang buruk yang telah dicabut akar umbinya dari muka bumi, ia tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi.(26) Allah meneguhkan iman orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan dunia dan Akhirat dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan Allah melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya.(27)"

(Surah Ibrahim: 24-27)

Manakah ketenteraman yang lebih ni'mat dari ketenteraman yang dilahirkan oleh kefahaman dan tanggapan ini? Manakah ketenangan yang lebih ni'mat dari ketenangan yang dicurahkan ke dalam hati oleh kefahaman dan tanggapan ini? Manakah kepercayaan terhadap kebenaran, kebaikan dan keislahan yang lebih kuat dari kepercayaan ini? Dan manakah suatu kekuatan dan keunggulan yang mengatasi realiti hidup yang kecil ini yang dicurahkan ke dalam hati nurani oleh kefahaman dan tanggapan ini?

* * * * * *

Masa penghayatanku di bawah bayangan Al-Qur'an itu berakhir dengan satu keyakinan yang teguh dan tegas, iaitu dunia ini tidak akan mencapai kebaikan dan umat manusia tidak akan mencapai kerehatan, ketenteraman, ketinggian, keberkatan, kesucian dan keselarasan dengan undang-undang alam buana dan fitrah hidup yang suci melainkan dengan kembali kepada Allah.

Perkembalian kepada Allah itu - sebagaimana yang tergambar di bawah bayangan Al-Qur'an - hanya mempunyai satu bentuk dan satu jalan sahaja, tiada jalan yang lain darinya - iaitu mengembalikan seluruh kehidupan ini kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk umat manusia sebagaimana digaris oleh-Nya di dalam Al-Qur'anul-Karim. Perkembalian itu bererti penghakiman kepada Al-Qur'an dalam seluruh urusan kehidupan mereka. Jika tidak kerosakan akan berkecamuk di dunia ini, manusia akan terhumban ke dalam kecelakaan, jatuh terbalik ke dalam lumpur dan ke dalam jahiliyah yang menyembah hawa nafsu selain Allah itu:

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَكَ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ
أَهْوَآءَهُمْ ۚ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيْرِ هُدًى
مِّنَ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٠﴾

"Jika mereka tidak menyambut seruanmu, maka ketahuilah bahawa mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja dan siapakah yang lebih sesat dari orang yang mengikut hawa nafsunya tanpa hidayat dari Allah? Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."

(Surah al-Qasas: 50)

Berhakimkan kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah dalam kitab sucinya itu bukanlah suatu perkara sunat, bukan perkara sukarela dan bukan perkara pilihan, malah ia adalah perkara beriman atau tidak beriman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا
أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

"Tidaklah wajar bagi lelaki yang Mu'min dan perempuan yang Mu'min apabila Allah dan rasul-Nya telah menetapkan sesuatu keputusan, membuat pilihan yang lain dalam urusan mereka."

(Surah al-Ahzab: 36)

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾ إِنَّهُمْ لَن يُغْنُوا۟ عَنكَ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۖ وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٩﴾

"Kemudian Kami jadikan engkau tegak di atas satu syari'at dari perintah-perintah Allah. Oleh kerana itu ikutlah syari'at ini dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.(18) Sesungguhnya mereka tidak dapat menolong engkau sedikit pun dari 'azab Allah dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu menjadi pelindung-pelindung terhadap satu sama lain dan Allah adalah Pelindung orang-orang yang bertaqwa.(19)"

(Surah al-Jathiyah: 18-19)

Perkara ini adalah suatu perkara yang amat serius. Ia adalah perkara 'aqidah dari asasnya lagi. Ia adalah perkara kebahagiaan atau kecelakaan manusia.

Umat manusia yang diciptakan Allah ini tidak dapat dibuka pintu-pintu fitrahnya yang tertutup itu melainkan dengan anak-anak kunci dari ciptaan Allah juga. Dan penyakit-penyakitnya tidak boleh diubati melainkan dengan penawar Yang diciptakan oleh Allah S.W.T.. Dia telah menyediakan di dalam sistem hidup yang diaturkan oleh-Nya itu anak-anak kunci untuk membuka segala pintu yang tertutup dan penawar untuk mengubatkan segala penyakit:

وَنُنَزِّلُ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

"Dan Kami turunkan dari Al-Qur'an itu sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat kepada orang-orang yang beriman."

(Surah al-Isra': 82)

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus."

(Surah al-Isra': 9)

Tetapi malangnya umat manusia tidak mahu mengembalikan ibu kunci kepada tukang pembuatnya dan tidak mahu membawa orang sakit kepada penciptanya. Mereka tidak bertindak dalam urusan diri mereka, kemanusiaan mereka, kebahagian atau kecelakaan mereka seperti mereka bertindak dalam urusan mesin-mesin dan alat-alat murah yang digunakan mereka dalam keperluan-keperluan seharian mereka yang kecil. Mereka tahu jika mesin-mesin dan alat-alat itu rosak-mereka akan memanggil mekanik kilang yang membuat mesin itu untuk memperbaikinya, tetapi mereka tidak menggunakan peraturan ini dalam usaha membetulkan manusia sendiri, iaitu dengan mengembalikan mereka kepada kilang yang mengeluarkan mereka dan tidak meminta petua dari Allah Pencipta yang telah mengadakan mesin-mesin manusia yang mengkagumkan ini, iaitu mesin manusia yang besar, mulia, halus dan seni, mesin yang tidak diketahui liku-liku dan pintu-pintunya melainkan oleh tukang yang membuatnya sendiri:

إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿١٣﴾ أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala isi hati.(13) Apakah Allah yang telah menciptakan (kamu) tidak mengetahui (isi hati kamu) sedangkan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya.(14)"

(Surah al-Mulk: 13-14)

Dari sinilah kecelakaan menimpa umat manusia yang sesat, umat manusia yang sengsara dan bingung, umat manusia yang tidak akan bertemu dengan petunjuk dan hidayat, kerehatan dan kebahagiaan melainkan apabila fitrah mereka (yang rosak itu) dikembalikan kepada Penciptanya yang Maha Besar, sebagaimana mesin-mesin yang murah itu dikembalikan kepada tukang-tukangnya yang kecil.

Tindakan mengenepikan Islam dari menerajui kepimpinan manusia merupakan satu peristiwa yang amat besar di dalam sejarah umat manusia dan satu malapetaka yang menghancurkan kehidupan mereka, iaitu malapetaka yang tidak ada tandingannya sejauh yang diketahui manusia yang telah membawa berbagai-bagai bencana yang dialami mereka.

Islam telah menerima teraju kepimpinan manusia setelah dunia ini rosak, setelah kehidupan dan kepimpinan-kepimpinan manusia itu rosak dan setelah umat manusia mengalami berbagai-bagai kecelakaan dari kepimpinan yang rosak dan setelah kerosakan itu lahir (merata-rata):

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

"Kerosakan telah lahir di daratan dan lautan kerana perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan manusia."

(Surah ar-Rum: 41)

Islam telah memegang teraju kepimpinan manusia dengan Al-Qur'an dan dengan kefahaman baru yang dikemukakan oleh Al-Qur'an dan dengan syari'at yang diambil dari kefahaman ini. Itulah hari lahir yang baru bagi umat manusia, iaitu hari lahir yang lebih besar dari segi hakikatnya dari hari lahir kewujudan mereka, kerana Al-Qur'an telah membentuk satu kefahaman yang baru kepada manusia, iaitu kefahaman terhadap alam wujud, kehidupan, nilai-nilai dan peraturan-peraturan hidup. Begitu juga Islam telah mewujudkan satu kenyataan/realiti kemasyarakatan yang unik yang tidak dapat difikirkan oleh mereka sebelum ia dibentuk oleh Al-Qur'an. Kenyataan/realiti itu begitu bersih dan indah, begitu

agung dan luhur, begitu mudah dan senang, begitu realitsik dan positif, begitu seimbang dan selaras sehingga tidak pernah terlintas di dalam hati manusia, jika tidak kerana Allah telah berkehendak menjadikannya untuk manusia dan telah mewujudkannya dalam hidup mereka, iaitu di dalam bayangan Al-Qur'an, di dalam sistem hidup Al-Qur'an dan di dalam syari'at Al-Qur'an.

Kemudian berlaku malapetaka yang telah menghancurkan manusia, di mana Islam diketepikan dari teraju kepimpinan manusia. Ia diketepikan supaya teraju kepimpinan itu dipegang sekali lagi oleh jahiliyah dalam salah satu bentuknya yang begitu banyak, iaitu dalam bentuk pemikiran kebendaan yang dikagumi oleh umat manusia pada hari ini sebagaimana kanak-kanak kecil mengkagumi pakaian-pakaian dan mainan-mainan yang cantik dan beraneka warna.

Di sana ada satu kumpulan penyesat dan penipu yang menjadi musuh umat manusia. Mereka meletakkan sistem hidup Ilahi di satu daun neraca dan meletakkan penciptaan dan kemajuan manusia di alam kebendaan di daun neraca yang satu lagi, kemudian mereka berkata kepada manusia: Pilihlah di antara dua ini, iaitu hidup dengan sistem Ilahi dan meninggalkan segala ciptaan dan kemajuan yang telah dicapai manusia di alam kebendaan atau meni'mati hasil-hasil ilmu pengetahuan manusia dan meninggalkan sistem hidup Ilahi! Ini adalah satu penipuan dan pengeliruan yang keji, kerana kedudukan persoalan ini sama sekali bukannya begitu. Sistem hidup Ilahi sama sekali tidak memusuhi penciptaan dan kemajuan yang dicapai manusia, malah sistem hidup Ilahilah yang menggerakkan daya penciptaan dan kemajuan itu dan membimbingnya ke jalan yang betul supaya manusia dapat melaksanakan tugas khalifah di bumi ini. Iaitu tugas yang telah dikurniakan Allah kepada mereka di samping membekalkan mereka dengan bakat-bakat kebolehan dan tenaga-tenaga yang cukup untuk melaksanakan tugas yang dibebankan ke atas mereka. Begitu juga Allah telah menundukkan kepada mereka segala undang-undang alam yang dapat membantu mereka melaksanakan tugas itu, di samping menyelaraskan di antara kejadian mereka dengan kejadian alam buana ini supaya mereka dapat hidup, bekerja dan mencipta kemajuan dan kejayaan dengan syarat penciptaan itu sendiri menjadi ibadat kepada Allah dan menjadi salah satu sarana pernyataan kesyukuran kepada Allah terhadap ni'mat-ni'matnya yang besar dan pernyataan mematuhi syarat Allah dalam menjalani tanggungan khilafah itu, iaitu bekerja dan bergerak dalam lingkungan yang diredhai Allah. Kumpulan penyesat, yang meletakkan sistem Ilahi dalam satu daun neraca dan meletak kemajuan manusia dalam satu neraca sebelah lagi itu adalah kumpulan yang mempunyai niat yang jahat. Mereka adalah orang-orang jahat yang memburu umat manusia yang letih lesu dan bingung setiap kali ia merasa penat dari kesesatan dan kebingungan dan setiap kali ia ingin mendengar suara penasihat dan setiap kali ia ingin pulang dari padang kesesatan dan mencari ketenteraman di bawah perlindungan Allah.

Di sana ada lagi satu kumpulan yang lain. Mereka bukan tidak mempunyai niat yang baik, tetapi mereka tidak mempunyai kesedaran yang menyeluruh dan kefahaman yang mendalam. Mereka terlalu kagum dengan kuasa-kuasa alam dan undang-undang alam, mereka terlalu tertarik kepada pencapaian-pencapaian manusia di alam kebendaan. Perasaan ini telah mendorong mereka memisahkan di antara kuasa-kuasa alam dengan nilai-nilai keimanan, tindakannya dan kesan-kesannya di alam buana dan realiti kehidupan. Mereka menentukan kepada undang-undang alam satu bidang khas dan kepada nilai keimanan satu bidang khas yang lain pula, kerana menurut hemat mereka, undang-undang alam itu berjalan mengikut jalannya yang tersendiri tanpa terpengaruh kepada nilai-nilai keimanan, dan ia tetap melahirkan natijah-natijahnya sama ada manusia beriman atau kafir, sama ada mereka mengikut sistem hidup Allah atau menentangnya, sama ada mereka menghukum dengan syari'at Allah atau dengan hawa nafsu manusia.

Fikiran ini adalah karut, kerana ia memisahkan di antara dua jenis undang-undang Allah, sedangkan pada hakikatnya, kedua-duanya tidak pernah terpisah, kerana nilai-nilai keimanan ini merupakan sebahagian dari undang-undang Allah di alam buana ini. Ia sama seperti undang-undang alam dan natijah-natijahnya mempunyai hubungan yang rapat dan saling merangkumi satu sama lain. Tiada alasan dan sebab untuk memisahkan di antara kedua undang-undang itu mengikut perasaan dan kefahaman seseorang Mu'min. Inilah kefahaman yang betul yang dibentuk oleh Al-Qur'an dalam hati Mu'min yang hidup di bawah bayangan Al-Qur'an. Al-Qur'an membentuk kefahaman ini ketika ia memperkatakan tentang kaum Ahlil-Kitab di zaman lampau yang telah menyeleweng dari ajaran-ajaran (kitab-kitab suci mereka) dan bagaimana kesan penyelewengan ini kepada mereka:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَكَفَّرْنَا
عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأَدْخَلْنَٰهُمْ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٦٥﴾
وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِم
مِّن رَّبِّهِمْ لَأَكَلُوا۟ مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ
أَرْجُلِهِم ۚ مِّنْهُمْ أُمَّةٌ مُّقْتَصِدَةٌ ۖ وَكَثِيرٌ
مِّنْهُمْ سَآءَ مَا يَعْمَلُونَ ﴿٦٦﴾

"Dan sekiranya kaum Ahlil-Kitab itu beriman dan bertaqwa, nescaya Kami hapuskan dari mereka kesalahan-kesalahan mereka dan Kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang penuh ni'mat.(65) Dan sekiranya mereka menegakkan hukum Taurat dan Injil dan ajaran yang diturunkan kepada

mereka dari Tuhan mereka nescaya mereka akan mendapat makanan yang mewah dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka.(66)"

(Surah al-Ma'idah: 65-66)

Al-Qur'an membentuk kefahaman itu ketika ia memperkatakan janji Nuh kepada kaumnya:

فَقُلْتُ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمْدِدْكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّـٰتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ أَنْهَـٰرًا ﴿١٢﴾

"Dan aku telah menyeru mereka: Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun (10), nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu (11) dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai dan mengadakan kebun-kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai (dalam kebun itu) untuk kamu.(12)"

(Surah Nuh: 10-12)

Al-Qur'an membentuk kefahaman itu ketika ia menghubungkan kenyataan di alam jiwa dengan kenyataan di alam luar iaitu kenyataan yang merupakan tindakan Allah terhadap mereka:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

"Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum hingga mereka sendiri mengubah keadaan yang ada pada diri mereka."

(Surah ar-Ra'd: 11)

Beriman kepada Allah, beribadat kepada Allah dengan jujur dan ikhlas dan menegakkan syari'at Allah di bumi ini, semuanya merupakan pelaksanaan undang-undang Allah, iaitu undang-undang yang aktif dan positif yang terbit dari sumber yang sama yang melahirkan undang-undang alam yang kita dapat melihat kesan-kesannya yang nyata dengan hati dan ujian.

Kadang-kadang kita terpengaruh kepada gejala-gejala palsu dari perpisahan undang-undang alam buana itu, iaitu ketika kita melihat bahawa mematuhi undang-undang alam boleh membawa manusia kepada kejayaan juga, walaupun mereka menentang nilai-nilai keimanan. Kadang-kadang natijah dari gejala perpisahan ini tidak ketara di permulaan jalan, tetapi ia tetap ketara pada akhirnya. Inilah yang telah berlaku kepada masyarakat Islam sendiri, di mana garis naiknya bermula dari titik pertemuan undang-undang alam dengan nilai-nilai keimanan di dalam hidupnya dan garisan menurun atau jatuhnya bermula dari titik perpisahan di antara kedua-duanya. Kemudian masyarakat Islam itu terus jatuh dan menurun apabila sudut perpisahan itu semakin terbuka luas hingga ia terhumban ke tahap yang serendah-rendahnya apabila ia sekaligus mengabaikan undang-undang alam dan nilai-nilai keimanan.

Sementara di sebelah lagi tegaknya pula tamadun kebendaan yang wujud hari ini. Tamadun ini berdiri laksana seekor burung yang berkibas dengan sebelah sayap yang amat gagah, sedangkan sayapnya yang sebelah lagi patah. Ia meningkat maju dalam kemajuan kebendaan, tetapi ia jatuh dalam konsep insaniyah dimana ia mengalami kegelisahan, kebingungan, penyakit-penyakit jiwa dan saraf yang membimbangkan para cendekiawan, jika mereka tidak menemui sistem hidup ciptaan Allah, iaitu satu-satunya sarana pengubatan dan ubat.

Syari'at Allah bagi manusia merupakan sebahagian dari undang-undang semesta Ilahi di alam ini. Pelaksanaan syari'at ini tentulah mempunyai kesan yang positif dalam menyelaraskan perjalanan manusia dengan perjalanan alam buana. Syari'at itu tiada lain melainkan hasil dari keimanan. Ia tidak tegak sendiri sahaja tanpa akar tunjangnya yang besar. Ia digubal untuk dilaksanakan dalam masyarakat Islam di samping untuk membantu dan membina masyarakat Islam. Ia bersepadu dengan kefahaman dan tanggapan Islam terhadap alam al-wujud yang besar dan terhadap kewujudan insan. Begitu juga kefahaman dan tanggapan ini dilahirkan oleh ketaqwaan di dalam hati nurani, kebersihan perasaan, kebesaran minat dan cita-cita, ketinggian budi pekerti dan kejujuran perilaku. Demikianlah persepaduan dan keselarasan yang wujud di antara seluruh undang-undang Allah sama ada undang-undang yang kita namakannya sebagai undang-undang alam dan apa yang kita gelarkannya sebagai nilai-nilai keimanan. Semuanya merupakan bahagian-bahagian dari undang-undang Allah yang merangkumi alam al-wujud.

Manusia juga merupakan salah satu kekuatan dari kekuatan-kekuatan alam al-wujud, tindakannya, kemahuannya, keimanannya, kesolehannya, ibadatnya dan kegiatannya, juga merupakan kekuatan-kekuatan yang mempunyai kesan-kesan positif di alam al-wujud dan berhubung rapat dengan undang-undang Allah yang merangkumi alam al-wujud. Semua kekuatan itu bertindak selaras dan seia sekata. Ia dapat mengeluarkan hasil-hasil yang sempurna apabila ia bertindak sepadu dan selaras, dan akan mengeluarkan kesan-kesan yang merosakkan kehidupan, menyebarkan kecelakaan dan kesengsaraan di kalangan manusia apabila kekuatan-kekuatan itu bercanggah dan bertentangan di antara satu sama lain:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

"Hal sedemikian kerana Allah tidak sekali-kali mengubahkan sesuatu ni'mat yang telah dikurniakannya kepada sesuatu kaum sehingga kaum itu sendiri mengubahkan apa yang ada pada diri mereka."

(Surah al-Anfal: 53)

Perhubungan dan pertalian itu tersimpul rapat di antara tindakan manusia dengan perasaannya, dan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam lingkungan undang-undang Allah yang merangkumi semua. Tiada siapa yang sanggup menyaran supaya diputuskan perhubungan dan dirosakkan keselarasan dan kesepaduan ini, dan tiada siapa yang sanggup menghalangkan di antara manusia dengan undang-undang Allah yang berkuatkuasa itu melainkan hanya musuh umat manusia yang mengusir mereka dari jalan hidayat. Oleh itu manusia harus berjuang memburu musuh mereka dan menjauhkannya dari jalan menuju kepada Allah Tuhan mereka Yang Maha Mulia.

* * * * * *

Inilah beberapa fikiran dan kesan-kesan yang diperolehi semasa hidup di bawah bayangan Al-Qur'an. Semoga Allah jadikannya petunjuk yang berguna.

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ

"Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah."

(Surah at-Takwir: 29)

Sayyid Qutb

JUZU' 1

SURAH AL-FATIHAH

SURAH KE **1**

سُورَةُ الفَاتِحَة

SURAH AL-FATIHAH

Surah Pembukaan

(Makkiyyah)

JUMLAH AYAT **7**

(Kumpulan ayat-ayat 1 – 7)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾
ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾
مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾
ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾
صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ
عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

"Dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih(1). Segala puji-pujian terpulang kepada Tuhan yang memelihara semesta alam(2). Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih(3). Tuhan Yang menguasai Hari Pembalasan(4). Hanya Engkau sahaja (Tuhan) yang kami sembah dan hanya kepada Engkau sahaja kami pohon pertolongan(5). Tunjukkan kami jalan yang lurus(6). Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat ke atas mereka, bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai, dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat."(7)

(Kelebihan surah)

Setiap orang Islam membaca surah yang pendek dan mengandungi tujuh ayat ini sekurang-kurangnya tujuh belas kali sehari semalam dan lebih sekali ganda lagi apabila ia menunaikan solat sunat, dan sebanyak-banyaknya tanpa had apabila ia ingin mengadap Allah dengan solat-solat tambahan selain dari solat-solat fardhu dan solat-solat sunat. Setiap solat tidak sah tanpa membaca surah ini. Ini berdasarkan keterangan hadith al-Bukhari dan Muslim dari Rasulullah s.a.w. dari hadith 'Ubadah ibn as-Samit: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا صلاة لمن لا يقرأ بفاتحة الكتاب

"Tiada solat kepada mereka yang tidak membaca Surah al-Fatihah."

Di dalam surah ini terkandung dasar-dasar 'aqidah dan dasar-dasar kefahaman Islam, juga dasar-dasar perasaan (terhadap Allah) dan tawajjuh kepada-Nya yang membayangkan sebahagian hikmat mengapa Surah al-Fatihah dipilih untuk diulang-ulangkan bacaannya dalam setiap rakaat solat dan hikmat batalnya setiap solat yang tidak dibacakan Surah al-Fatihah.

(Pentafsiran ayat 1)

Surah ini dimulakan dengan:

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾

"Dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(1)

Kedudukan **بسم الله الرحمن الرحيم**

Walaupun ada khilaf mengenai بسم الله الرحمن الرحيم apakah ia merupakan satu ayat dalam setiap surah atau ia merupakan satu ayat Al-Qur'an yang dimulakan dengannya ketika membaca setiap surah, namun menurut pendapat yang arjah (terkuat) ia adalah satu ayat di dalam Surah al-Fatihah dan dengannya ia dikirakan tujuh ayat. Dan di sana ada suatu pendapat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan firman Allah 'Azzawajalla:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَٰكَ سَبْعًا مِّنَ ٱلْمَثَانِى وَٱلْقُرْءَانَ
ٱلْعَظِيمَ ﴿٨٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah kurniakan kepadamu tujuh ayat dari ayat-ayat yang diulang-ulangkan bacaannya dan Al-Qur'an yang agung".

(Surah al-Hijr: 87)

ialah Surah al-Fatihah yang disifatkan sebagai surah yang mempunyai tujuh ayat dan sebagai "al-Mathani" kerana ia diulang-ulangkan bacaannya di dalam solat.

Memulakan sesuatu dengan "nama Allah" itu merupakan satu adab cara yang diwahyukan oleh Allah kepada Rasul-Nya dalam ayat pertama yang diturunkan kepada beliau dengan ittifaq para ulama' iaitu:

ٱقْرَأْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلَّذِى خَلَقَ ﴿١﴾

"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan."

(Surah al-'Alaq: 1)

Adab Cara Islam Memulakan Segala Tindakan Dengan Bismillah

Adab cara ini amat sesuai dengan dasar kefahaman Islam yang agung, yang menganggapkan Allah bersifat Maha Awal dan Maha Akhir, Maha Zahir dan Maha Batin. "هو الأول والأخر والظاهر والباطن" Allah S.W.T. adalah Zat yang maujud yang sebenar dan seluruh maujud yang lain mendapat kewujudan mereka dari kewujudan Allah dan segala permulaan yang lain adalah berpangkal dari kewujudan Allah, kerana itu amatlah wajar segala permulaan, segala harakat atau tindakan dan segala tujuan itu dimulakan dengan nama-Nya.

Allah S.W.T. sifatkan diri-Nya di permulaan dengan sifat-sifat ar-Rahman: "Maha Penyayang", dan ar-Rahim: "Maha Pengasih" iaitu dua sifat yang mencakup segala pengertian, kasih sayang dan kasihan belas dan segala keadaannya. Hanya pada Allah S.W.T. sahaja terkumpul dua sifat ini. Begitu juga hanya Allah sahaja yang wajar disifatkan dengan ar-Rahman: "Maha Penyayang". Mana-mana hamba Allah boleh disifatkan dengan sifat ar-Rahim, tetapi tidak boleh disifatkan dengan sifat ar-Rahman dari segi kepercayaan dan lebih tidak wajar lagi dikembarkan kedua-dua sifat itu padanya.

Walaupun terdapat perselisihan pendapat tentang pengertian dua sifat ini, iaitu manakah di antara keduanya yang mempunyai pengertian kasih sayang dan kasihan belas yang lebih luas, namun perselisihan itu bukanlah dari perbahasan yang kita hendak bicarakan dengan terperinci dalam Tafsir Fi Zilal ini, malah kita hanya membuat kesimpulan sahaja dari perbahasan itu bahawa kedua-dua sifat ar-Rahman dan ar-Rahim adalah meliputi segala pengertian kasih sayang dan kasihan belas, juga meliputi segala keadaan dan bidangnya.

Jika memulakan sesuatu dengan nama Allah yang mengandungi maksud mentauhidkan Allah dan beradab sopan dengan-Nya itu merupakan dasar pokok dalam kefahaman Islam, maka pencakupan segala pengertian kasih sayang dan kasihan belas dengan segala keadaan dan bidangnya dalam dua sifat ar-Rahman dan ar-Rahim itu merupakan dasar yang kedua di dalam kefahaman ini, dan ia juga menggariskan hakikat hubungan yang wujud di antara Allah dengan para hamba-Nya.

(Pentafsiran ayat 2)

Setelah dimulakan dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih, diiringi pula dengan mengadap Allah serta mempersembahkan kepada-Nya segala sanjungan dan pujian dan menyifatkan-Nya sebagai Tuhan yang memegang teraju Rububiyah yang mutlak terhadap semesta alam:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾

"Segala puji-pujian terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta alam."(2)

Kelebihan Ucapan الحمد لله

Alhamdulillah adalah perasaan kesyukuran yang melimpah pada hati Mu'min sebaik ia teringat kepada Allah, kerana kewujudan dirinya dari mula lagi adalah dari limpah ni'mat kurniaan Ilahi yang membangkitkan kesyukuran, pujian dan sanjungan, malah di setiap kelip mata dan detik waktu, dan di setiap langkah Allah melimpahkan ni'mat dan rahmat-Nya ke atas seluruh makhluk-Nya terutama manusia, kerana itu mengucap Alhamdulillah di awal dan di akhir merupakan salah satu dari dasar-dasar kefahaman Islam secara langsung. Firman Allah:

وَهُوَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ لَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْأُولَىٰ وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ

"Dan Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, terpulang kepada-Nya seluruh kepujian di awal dan di akhir."

(Surah al-Qasas: 70)

Namun demikian, kemurahan dan limpah kurnia Allah ke atas hamba-Nya yang mu'min itu adalah sampai ke tahap setinggi-tingginya apabila hamba itu berkata: "Alhamdulillah", maka Allah akan tuliskan untuknya satu balasan kebaikan yang mengatasi segala timbangan neraca yang lain. Tersebut di dalam sunan Ibn Majah dari Ibn 'Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah menceritakan kepada mereka, iaitu ada seorang hamba Allah mengucap kepujian dengan kata:

يا رب لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك

"Wahai Tuhanku! Segala kepujian itu terpulang kepada-Mu, iaitu kepujian yang layak dengan keagungan zat-Mu dan kebesaran kuasa-Mu."

Ucapan ini telah menyulitkan dua malaikat pencatat amalan, kedua-duanya tidak tahu bagaimana hendak menulis pahalanya, lalu kedua-dua malaikat itu mengadap Allah dan berkata kepada-Nya: "Ada seorang hamba mengucapkan pujian yang kami tidak mengetahui bagaimana hendak menulis balasannya?" Firman Allah (Sedangkan Dia lebih mengetahui apa yang telah diucapkan hamba-Nya itu): "Apakah pujian yang telah diucapkan oleh hamba-Ku itu?" Jawab kedua-dua malaikat itu: Dia berkata, "Wahai Tuhanku segala kepujian itu terpulang kepada-Mu, iaitu kepujian yang layak dengan keagungan zat-Mu dan kebesaran kuasa-Mu." Firman Allah kepada kedua-duanya: "Tulislah ucapan itu sebagaimana yang diucapkan oleh hamba-Ku sehingga ia menemui Aku dan Aku sendiri yang akan membalaskannya."

Pengertian Al-Rabb Yang Luas

Bertawajjuh kepada Allah dengan mengemukakan sanjungan dan kepujian menggambarkan perasaan Mu'min yang terharu sebaik sahaja ia teringat kepada Allah sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini. Adapun bahagian akhir ayat:

رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾

"Tuhan yang memelihara semesta alam."(2)

adalah menjadi dasar kefahaman atau kepercayaan Islam kerana sifat Rububiyah yang mutlak dan menyeluruh itu merupakan salah satu dari dasar-dasar 'aqidah Islam. Kata-kata "رب" bererti pemelihara, penguasa, pentadbir dan pengurus yang mengendalikan urusan keislahan dan kerja-kerja tarbiyah dan pengasuhan terhadap seluruh makhluk-Nya.

Allah tidak menciptakan alam kemudian membiarkannya begitu sahaja. Malah Dia memperelok, menjaga, memelihara dan mengasuhnya kerana itu hubungan di antara Allah dan makhluk sentiasa berterusan di setiap waktu dan keadaan.

Konsep Rububiyah Allah yang mutlak terhadap seluruh makhluk-Nya merupakan persimpangan jalan yang memisahkan di antara 'aqidah Tauhid yang jelas dan sempurna dengan 'aqidah yang kabur yang terjadi akibat dari ketidakjelasan dan ketidaktegasan hakikat Tauhid ini. Ramai manusia yang mengakui Allah sebagai Tuhan Pencipta alam, tetapi di samping itu mereka mempercayai berbagai-bagai tuhan yang lain yang menguasai kehidupan mereka. Kepercayaan yang seperti ini nampak jelas aneh dan lucu, tetapi itulah yang telah berlaku dan sedang berlaku. Al-Qur'an telah menceritakan tentang perkataan sekumpulan kaum Musyrikin yang menyembah bermacam-macam tuhan itu:

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ

"Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendampingkan kami lebih dekat kepada Allah."

(Surah az-Zumar: 3)

Al-Qur'an juga telah menceritakan tentang sekumpulan Ahlil-Kitab:

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Mereka mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah."

(Surah at-Taubah: 31)

'Aqidah-'aqidah jahiliyah yang tegak di merata negeri semasa kedatangan Islam penuh dengan kepercayaan kepada berbagai-bagai tuhan yang disifatkan sebagai tuhan-tuhan kecil di samping tuhan yang agung mengikut sangkaan mereka.

Konsep Rububiyah Allah Yang Mutlak Yang Dibawa Oleh Islam

Konsep Rububiyah yang mutlak yang meliputi seluruh alam yang terkandung di dalam surah ini merupakan persimpangan jalan yang memisahkan di antara 'aqidah yang tersusun rapi dengan 'aqidah yang kacau-bilau. Konsep ini bertujuan supaya seluruh alam bertawajjuh kepada Allah yang Tunggal yang Berkuasa Penuh dan menolak semua tuhan yang lain, juga menghapuskan kebingungan bertawajjuh kepada bermacam-macam tuhan itu, dan seterusnya supaya hati seluruh alam tenang dan tenteram kepada naungan dan Rububiyah Allah yang kekal dan pemeliharaan-Nya yang tidak pernah putus dan tak kunjung hilang, bukannya seperti pendapat Aristotle - yang dianggap sebagai setinggi-tinggi kefahaman falsafah - yang mengatakan bahawa Allah telah menciptakan alam kemudian Ia tidak mempedulikannya dengan alasan kerana martabat Allah itu begitu tinggi dan tidak wajar untuk memikirkan sesuatu yang rendah dari-Nya dan kerana Allah hanya memikirkan tentang Zat-Nya sahaja. Aristotle yang mengeluarkan pendapat ini merupakan ahli falsafah yang paling besar dan akalnya merupakan akal manusia yang paling tinggi.

Timbunan Sampah Sarap Kepercayaan Yang Karut Memerlukan Penerangan Al-Qur'an Yang Berulang-ulang

Islam datang ketika dunia dipenuhi dengan timbunan 'aqidah-'aqidah, pemikiran-pemikiran, dongeng-dongeng, pendapat-pendapat falsafah, kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut, yang bercampur aduk di antara yang benar dengan yang batil, yang betul dengan yang palsu, agama dengan khurafat, falsafah dengan dongeng, dan hati nurani manusia di waktu itu meraba-raba dalam gelap-gelita dan dalam sangkaan-sangkaan tanpa berpijak pada suatu keyakinan.

Padang gurun yang tidak mempunyai sebarang kemantapan, sebarang keyakinan dan sebarang nur itulah yang (menjadi latar belakang) yang melingkungi kefahaman dan pemikiran manusia terhadap Allah, sifat-sifat-Nya, hubungan-Nya dengan para makhluk-Nya terutama hubungan di antara Allah dan manusia.

Oleh sebab itu hati nurani manusia tidak berupaya memperolehi satu pegangan yang kukuh mengenai persoalan alam ini, persoalan diri mereka sendiri dan persoalan sistem hidup mereka sebelum mereka memperolehi pegangan yang kukuh mengenai persoalan 'aqidah mereka, persoalan kefahaman terhadap Tuhan mereka dan sifat-sifat-Nya, dan sebelum mereka mendapat satu keyakinan yang jelas dan lurus di tengah kebutaan, di tengah-tengah kesesatan dan di tengah-tengah timbunan kepercayaan yang karut itu.

Seseorang itu tidak dapat memahami betapa perlunya kemantapan ini sehingga ia mengetahui betapa besarnya timbunan kepercayaan yang karut itu, dan sehingga ia memeriksa kesesatan yang penuh dengan berbagai-bagai 'aqidah, berbagai-bagai kefahaman, berbagai-bagai dongeng, berbagai-bagai pendapat falsafah, berbagai-bagai tanggapan yang karut dan berbagai-bagai fikiran yang kacau yang mencemari dan mempengaruhi hati nurani manusia. Inilah keadaan yang didapati oleh Islam ketika ia datang. Apa yang kami sebut secara sepintas lalu mengenai kepercayaan-kepercayaan ini hanya satu bahagian yang kecil sahaja. (Dalam pentafsiran surah-surah Al-Qur'an kelak akan dibentangkan berbagai-

bagai bentuk kepercayaan itu yang diolahkan oleh Al-Qur'an dengan pengolahan yang lengkap dan sempurna).

Oleh sebab itulah perhatian pertama Islam adalah lebih dahulu ditujukan kepada usaha membersihkan bidang 'aqidah ketuhanan, menetapkan kefahaman yang meyakinkan hati nurani mengenai persoalan Allah dan sifat-sifat-Nya, dan hubungan-Nya dengan para makhluk-Nya dan hubungan para makhluk dengan-Nya secara tegas dan yakin.

Oleh sebab itulah kepercayaan Tauhid yang sempurna, tulen, bersih dan menyeluruh, tidak bercampur dengan sesuatu yang asing sama ada dari dekat atau dari jauh, merupakan landasan kefahaman dan kepercayaan yang dibawa oleh Islam, dan Islam terus berusaha membersihkan kepercayaan ini di dalam hati nurani manusia dan memeriksa setiap fikiran yang kotor di sekitar hakikat Tauhid itu supaya ia bersih dari segala kekeliruan dan kesamaran dan supaya tetap teguh tanpa dimasuki tanggapan yang karut baik dari apa-apa bentuk sekalipun. Demikianlah Islam memberi kata pemutus yang begitu jelas dan terang mengenai sifat-sifat Allah terutama sifat-sifat yang ada hubungan dengan sifat Rububiyah yang mutlak. Kebanyakan timbunan sampah sarap kepercayaan yang wujud di padang gurun kesesatan itu ialah sampah pendapat-pendapat falsafah dan 'aqidah-'aqidah yang simpang-siur, tanggapan-tanggapan yang kacau dan dongeng-dongeng yang karut tentang persoalan sifat-sifat ketuhanan yang amat penting ini, iaitu persoalan yang mempunyai kesan yang amat besar di dalam hati nurani manusia dan budi pekerti mereka.

Sesiapa yang mengkaji usaha-usaha yang berterusan yang telah dilakukan oleh Islam untuk menegakkan kata pemutus mengenai Zat Allah, sifat-sifat-Nya dan hubungan-Nya dengan para makhluk-Nya, iaitu usaha-usaha dalam bentuk penerangan nas-nas Al-Qur'an yang begitu banyak tanpa mengkaji timbunan sampah-sarap (kepercayaan karut) yang berat yang wujud di padang gurun yang amat luas, di mana sesatnya umat manusia itu, mungkin tidak dapat memahami sejauh itu. Ia memerlukan kepada penerangan Al-Qur'an yang berulang-ulang itu dan kepada pemeriksaan yang begitu teliti di segala lorong dan pintu hati nurani. Tetapi dengan mengkaji timbunan sampah-sarap itu dapatlah diketahui betapa perlunya usaha-usaha yang berterusan itu dan betapa besarnya peranan yang dilakukan oleh 'aqidah Islam untuk membebaskan hati nurani manusia dari kepenatan meraba-raba dan terumbang-ambing di antara berbagai-bagai tuhan palsu, kepercayaan-kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut-marut.

Keindahan, kesempurnaan dan keseimbangan 'aqidah Islam dan kemudahan hakikat Tauhid yang agung yang didokong oleh Islam itu tidak terserlah kepada hati dan akal manusia seterang yang terserlah kepadanya setelah ia lebih dahulu mengkaji dan menyelidiki timbunan sampah-sarap jahiliyah dari berbagai-bagai 'aqidah, kepercayaan, dongeng dan falsafah-falsafah terutama yang memperkatakan tentang hakikat ketuhanan dan hubungan-Nya dengan alam. Ketika inilah terserlah bahawa 'aqidah Islam benar-benar merupakan rahmat yang haqiqi kepada hati dan akal, iaitu satu rahmat yang mengandungi keindahan dan kemudahan, kejelasan dan keseimbangan, kehampiran, kemesraan, dan hubungan harmoni secara langsung yang mendalam dengan fitrah manusia.

(Pentafsiran ayat 3)

Hubungan Kasih Mesra Dan Belas Kasihan Allah Terhadap Manusia



"Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(3)

Kedua-dua sifat yang meliputi segala pengertian kasihan belas dan kasih sayang dalam segala keadaan dan bidangnya ini diulangi sekali lagi di tengah-tengah ayat untuk menonjolkan lagi ciri yang jelas dari konsep Rububiyah Allah yang sempurna, dan untuk menegakkan asas-asas hubungan yang kekal di antara Allah dengan makhluk-makhluk-Nya iaitu hubungan kasih sayang dan belas kasihan yang merangsangkan kesyukuran dan sanjungan, hubungan yang ditegakkan di atas rasa ketenteraman dan kemesraan. Oleh sebab itulah kesyukuran dan sanjungan itu merupakan sambutan semulajadi terhadap rahmat kasih sayang dan belas kasihan yang lemah-lembut itu.

Tuhan Dalam Islam Dan Tuhan Dalam Agama Syirik

Tuhan yang disembah di dalam Islam tidak memburu para hamba-Nya seperti musuh memburu musuh sebagaimana yang dilakukan oleh tuhan-tuhan atau dewa-dewa Olympus (tempat kediaman dewa-dewa) di sa'at-sa'at mereka dilanda keinginan-keinginan dan kemarahan-kemarahan seperti yang digambarkan oleh dongeng-dongeng mereka. Tuhan di dalam Islam tidak merancangkan tipu daya membalas dendam terhadap para hamba-Nya seperti yang didakwa oleh dongeng-dongeng yang dipalsukan di dalam perjanjian lama (Taurat) sebagaimana diceritakan di dalam dongeng Babel Bab Dua Belas Sifrut-Takwin (Bahagian Penciptaan) [1]

Seluruh penduduk bumi menggunakan bahasa yang sama dan bercakap dengan percakapan yang sama. Apabila mereka berpindah ke kawasan timur, di sana mereka menemui satu perlembahan di negeri Syin'ar lalu mereka pun tinggal di sana. Mereka berkata satu sama lain, "Marilah kita buat bata dan membakarnya!" Mereka menggunakan bata-bata sebagai batu dan menggunakan tar sebagai simen. Lalu mereka berkata: "Marilah kita sendiri membina sebuah bandar dengan sebuah menara yang kemuncaknya mencakar langit dan marilah kita mengadakan satu nama untuk kita supaya kita tidak pecah bertaburan di merata pelusuk bumi," Lalu Tuhan turun untuk melihat bandar dan menara yang hendak dibina oleh manusia itu kemudian Tuhan berkata: "Memang

(Pentafsiran ayat 4)

مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾

"Tuhan yang menguasai Hari Pembalasan."(4)

Ini merupakan 'aqidah pokok yang amat besar dan mempunyai kesan yang amat mendalam dalam seluruh hidup manusia, iaitu 'aqidah pokok mempercayai Hari Akhirat. Kata-kata "yang menguasai" atau "penguasa" membayangkan darjah kuasa yang paling tinggi. "Hari Pembalasan" ialah hari penentuan balasan di Akhirat. Ramai orang yang percaya kepada Uluhiyah Allah dan percaya bahawa Allahlah yang menciptakan alam buana ini bagi pertama kali, namun demikian mereka tidak percaya kepada Hari Balasan. Keperihalan setengah-setengah mereka telah diceritakan oleh Al-Qur'an:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ

"Dan jika engkau bertanya mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi nescaya mereka menjawab: Allah."

(Surah az-Zumar: 38)

Kemudian dalam surah yang lain Al-Qur'an menceritakan hal mereka:

بَلْ عَجِبُوٓا۟ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٌ مِّنْهُمْ فَقَالَ ٱلْكَٰفِرُونَ هَٰذَا شَىْءٌ عَجِيبٌ ﴿٢﴾

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا ۖ ذَٰلِكَ رَجْعٌۢ بَعِيدٌ ﴿٣﴾

"Bahkan mereka hairan kerana mereka telah didatangi seorang Rasul yang memberi peringatan dari kalangan mereka sendiri, lalu berkatalah orang-orang kafir: ini adalah suatu perkara yang amat aneh.(2) Apakah setelah kami mati dan menjadi tanah (kami akan dihidupkan kembali)? Itu adalah suatu perkembalian yang amat jauh.(3)"

(Surah Qaf: 2-3)

Rahsia Di Sebalik Kepercayaan Kepada Hari Akhirat

Kepercayaan terhadap Hari Balasan merupakan satu lagi 'aqidah pokok di dalam Islam. Nilai kepercayaan ini ialah ia meletakkan pandangan dan hati manusia pada sebuah alam yang lain setelah tamatnya alam bumi supaya mereka tidak begitu terkongkong kepada keperluan-keperluan bumi, juga supaya mereka tidak begitu gelisah untuk mendapatkan balasan dan ganjaran dari hasil usaha mereka dalam usia mereka yang pendek di alam bumi yang terbatas ini, dan ketika itu barulah mereka dapat melakukan amalan-amalan semata-mata kerana Allah dan sanggup menunggu ganjarannya mengikut bagaimana yang ditentukan Allah sama ada di alam bumi ini atau di alam Akhirat. Mereka sanggup menunggu dengan tenang dan yakin terhadap balasan yang baik itu serta berpegang teguh dengan kebenaran, mereka sanggup menunggu dengan selesa, lapang dada dan penuh kepercayaan, kerana itu kepercayaan kepada Hari Balasan merupakan persimpangan jalan yang memisahkan di antara perhambaan kepada keinginan-keinginan hawa nafsu dengan kebebasan insaniyah yang layak dengan kejadian makhluk manusia, persimpangan jalan yang memisahkan di antara tunduk kepada kefahaman-kefahaman bumi, nilai-nilainya dan ukuran-ukurannya dengan tunduk dan berpegang kepada nilai-nilai Rabbaniyah dan tidak tunduk kepada logik jahiliyah. Seterusnya ia merupakan persimpangan jalan di antara insaniyah dalam bentuk hakikatnya yang unggul sebagaimana yang dikehendaki Allah kepada para hamba-Nya dengan insaniyah dalam bentuk-bentuknya yang buruk, menyeleweng dan tidak sempurna.

Kehidupan manusia tidak akan bergerak lurus di atas jalan Allah yang luhur selagi kepercayaan pokok kepada Hari Balasan ini tidak wujud di dalam pemikiran mereka, selagi hati mereka tidak yakin bahawa ganjaran dan balasan di alam bumi ini bukanlah ganjaran mereka yang terakhir dan selagi mereka yang mempunyai usia yang terbatas itu tidak percaya bahawa di sana ada sebuah alam hidup Akhirat yang patut mereka berjuang dan berusaha untuknya, dan patut berkorban untuk membantu kebenaran dan mendokong kebaikan dengan kepercayaan akan mendapat balasan dan ganjaran di alam Akhirat itu.

Orang-orang yang beriman kepada alam Akhirat dan orang-orang yang ingkarkan hari Akhirat tidak mempunyai titik-titik persamaan dari segi perasaan, akhlak, kelakuan dan amalannya. Mereka merupakan dua golongan manusia yang berbeza. Mereka tidak bertemu di bumi dan tidak pula bertemu di Akhirat. Inilah persimpangan jalan.

****

---

benar mereka semua menggunakan satu bahasa yang sama dan inilah permulaan apa yang mereka akan buat. Sekarang mereka tidak dilarang untuk berbuat apa sahaja yang mereka mahu membuatnya. Marilah kita turun dan pecahkan bahasa mereka kepada berbagai-bagai bahasa supaya mereka tidak dapat memahami satu sama lain." Kemudian Tuhan pecahbelahkan mereka bertaburan di muka bumi dan mereka pun berhenti membina bandar itu. Oleh sebab itu tempat ini digelarkan Babil (yang bererti memecahbelahkan bahasa) kerana Tuhan memecahbelahkan bahasa penduduk bumi dan menjadikan mereka bertaburan di merata pelusuk negeri di bumi. (Terjemahan secara langsung dari Taurat - Teks Inggeris).

(Pentafsiran ayat 5)

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ٥

"Hanya Engkau sahaja Tuhan yang kami sembah dan hanya kepada Engkau sahaja kami pohon pertolongan."(5)

Inilah satu lagi dasar 'aqidah pokok yang lahir dari dasar-dasar 'aqidah pokok yang lepas yang telah diterangkan di dalam surah ini, iaitu 'aqidah tiada ibadat melainkan untuk Allah dan tiada permohonan pertolongan melainkan kepada Allah.

Di sini juga satu lagi persimpangan jalan, iaitu persimpangan jalan yang memisahkan di antara kebebasan mutlak dari seluruh bentuk perhambaan dengan perhambaan mutlak kepada sesama manusia.

Ibadat Dalam Islam Membebaskan Manusia Dari Perhambaan

Dasar 'aqidah ini merupakan sebuah perisytiharan hari kelahiran kebebasan manusia yang mutlak dari perhambaan kepada kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan dari perhambaan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang diciptakan manusia. Andainya Allah itu sahaja Tuhan yang disembah dan dipohon pertolongan, maka selama itulah hati manusia bebas dari perhambaan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang ciptaan manusia dan dari perhambaan kepada tokoh-tokoh di samping ia bebas dari perhambaan kepada dongeng-dongeng dan kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut.

Di sini diterangkan sikap orang Muslim terhadap kuasa-kuasa manusia dan kuasa-kuasa alam tabii.

Bagi seseorang Muslim kuasa-kuasa manusia itu terbahagi kepada dua jenis: Satu kuasa yang mendapat hidayah, beriman kepada Allah dan menurut jalan Allah. Kuasa inilah yang harus disokong olehnya dan diberi kerjasama untuk menegakkan kebajikan, kebenaran dan kebaikan. Satu lagi kuasa ialah kuasa yang sesat yang tidak mempunyai hubungan dengan Allah dan tidak mengikut jalan-Nya. Kuasa inilah yang harus diperangi, ditentang dan dicemburui olehnya. Seorang Muslim tidak harus gentar kepada kuasa-kuasa yang sesat itu sama ada besar atau zalim, kerana kuasa yang sesat dan terputus dari kekuatan Allah tiada lagi mempunyai kekuatan yang haqiqi, ia telah kehilangan makanan tetapnya yang dapat memelihara tenaga kekuatannya. Ia adalah sama seperti nasib serpihan-serpihan sebuah bintang yang bernyala, iaitu ia hanya sebentar sahaja bernyala, kemudian ia beransur-ansur malap, mendingin dan terus padam biarpun bagaimana besar saiz serpihan-serpihan itu. Tetapi sebiji atom yang kecil yang berhubung dengan sumbernya yang memancarkan sinar itu tetap kekal kekuatannya, kepanasannya dan cahayanya:

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ

"Berapa banyak kumpulan yang sedikit telah mengalah-kan kumpulan yang ramai dengan izin Allah?"

(Surah al-Baqarah: 249)

Yakni mereka dapat mengalahkan kumpulan yang ramai itu dengan sebab mereka mempunyai hubungan dengan Allah selaku sumber kekuatan yang pertama dan kerana mereka mengambil kekuatan mereka dari Allah, satu-satunya sumber seluruh kekuatan dan kemuliaan.

Sikap Seorang Muslim Terhadap Kuasa Alam

Sikap seseorang Muslim terhadap kuasa-kuasa alam pula ialah sikap beramah-tamah dan bersahabat bukan sikap takut-takut dan bermusuh, kerana kekuatan manusia dan kekuatan alam adalah terbit dari kehendak Iradat Allah belaka dan kedua-duanya dikendalikan oleh kehendak Iradat Allah, kedua-duanya berlangsung seimbang dan saling membantu dalam pergerakan dan tujuan.

'Aqidah seseorang Muslim menyarankan bahawa Allah telah menciptakan kuasa-kuasa alam itu untuk menjadi sahabat dan teman pembantu yang boleh bekerjasama dan untuk menjalinkan persahabatan itu ia harus mengkaji, mengenal pasti dan bekerjasama dengannya serta bersama-sama bertawajjuh kepada Allah selaku Tuhannya dan Tuhan kuasa-kuasa itu. Dan andainya kuasa-kuasa itu kadang-kadang mendatangkan kemerbahayaan kepada manusia, maka itu hanya merupakan akibat dari sikap manusia yang tidak mengkajinya dengan teliti dan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang undang-undang yang mengendalikan perjalanannya.

Ungkapan Yang Tidak Sopan Dari Pemikiran Barat

Biasanya orang-orang Barat yang mewarisi kepercayaan jahiliyah Roman menggunakan ungkapan "menakluk alam" untuk menyatakan sesuatu kejayaan mempergunakan kuasa-kuasa alam. Ungkapan ini jelas menggambarkan satu pandangan jahiliyah yang putus hubungan dengan Allah dan dengan roh alam buana yang patuh kepada Allah. Sedangkan seseorang Muslim, yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah Tuhannya yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih dan juga mempunyai hubungan yang mesra dengan roh alam buana yang bertasbih kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta alam, adalah tetap beranggapan bahawa di sana ada lagi hubungan yang lain dari hubungan menakluk yang kasar itu. Ia beranggapan bahawa Allah itulah Pencipta seluruh kuasa-kuasa alam itu; Allah ciptakan kuasa-kuasa itu mengikut satu peraturan yang sama supaya kuasa-kuasa itu dapat bekerjasama untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditentukan kepadanya mengikut peraturan itu. Sejak dari awal, kuasa-kuasa itu telah diciptakan Allah supaya dapat digunakan oleh manusia, kerana itu Allah memberi kemudahankemudahan kepada mereka untuk

menemui rahsia-rahsia kuasa itu dan mengenal pastikan peraturan-peraturannya. Oleh sebab itu manusia harus bersyukur kepada Allah apabila ia berjaya mendapat pertolongan dari mana-mana kuasa itu kerana Allahlah yang menundukkan kuasa-kuasa itu untuk digunakan mereka dan bukan mereka yang dapat menaklukinya. Firman Allah 'Azzawajalla:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ

"Dan Dia menundukkan untuk kamu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya daripada-Nya."

(Surah al-Jathiyah: 13)

Dengan sikap sedemikian, hati seorang Muslim tidak akan dipenuhi dengan anggapan-anggapan yang salah terhadap kuasa-kuasa alam dan tidak akan timbul perasaan-perasaan cemas dan takut terhadap kuasa-kuasa itu. Ia hanya beriman, menyembah dan memohon pertolongan kepada Allah yang Tunggal sahaja, kerana kuasa-kuasa alam itu adalah dari ciptaan Allah belaka. Ia mengkaji dan mempelajari rahsia-rahsia kuasa alam, dan dari kajiannya itulah ia mendapat pertolongan dari kuasa-kuasa itu dan mengetahui rahsia-rahsianya yang membolehkannya hidup bersama-sama kuasa-kuasa itu di sebuah alam yang mesra dan dalam hubungan persahabatan yang baik. Alangkah indahnya sabda Rasulullah s.a.w. ketika beliau merenung Bukit Uhud:

هذا جبل يحبنا ونحبه

"Bukit ini sayangkan kita dan kita juga sayangkannya."

Dalam kata-kata ini terbayang segala perasaan kasih mesra yang tersemat di dalam hati Muslim yang utama, Muhammad s.a.w., yang terjalin di antaranya dengan kejadian-kejadian alam di ruangannya yang besar dan kasar.

(Pentafsiran ayat 6)

Setelah menjelaskan dasar-dasar 'aqidah yang asasi dalam kefahaman Islam dan menjelaskan konsep tawajjuh kepada Allah yang Tunggal, iaitu konsep yang menentukan segala ibadat dan memohon pertolongan kepada Allah yang Tunggal sahaja, maka ayat yang berikut menjelaskan pula cara amali untuk bertawajjuh dengan berdo'a kepada Allah dalam bentuknya yang umum sesuai dengan suasana dan sifat surah ini:

اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

"Tunjukkan kami jalan yang lurus."(6)

Kepentingan Hidayah Kepada Seorang Mu'min

Maksudnya kurniakan taufiq kepada kami untuk mengenal pastikan jalan yang lurus, dan selepas mengenalinya kurniakanlah pula taufiq kepada kami untuk mengikut jalan yang lurus itu dengan penuh kejujuran.

Mengenal dan berjalan di atas jalan yang lurus itu merupakan hasil dari hidayah, pemeliharaan dan rahmat Allah. Bertawajjuh kepada Allah dengan berdo'a merupakan hasil dari kepercayaan bahawa Allah itulah satu-satunya Tuhan yang berkuasa memberi pertolongan.

Hidayah inilah merupakan perkara yang paling penting bagi seseorang Mu'min. Ia merupakan perkara utama yang harus dipinta pertolongan Allah untuk mencapaikannya. Mendapat hidayah ke jalan yang lurus itulah jaminan kebahagiaan hidup di dunia dan Akhirat. Hidayah ke jalan yang lurus pada hakikatnya ialah hidayah yang memimpin fitrah manusia kepada undang-undang Allah yang mengatur dan memperseimbangkan di antara harakat manusia dengan harakat alam al-wujud seluruhnya menuju kepada Allah Tuhan Semesta Alam.

(Pentafsiran ayat 7)

Ayat yang berikut menjelaskan sifat jalan yang lurus itu:

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

"Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat ke atas mereka, bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat."(7)

Yakni jalan orang-orang yang Allah kurniakan ni'mat-Nya kepada mereka bukan jalan orang-orang yang dimurkai-Nya, iaitu mereka yang mengenal jalan yang benar, kemudian mereka menyimpang darinya atau mereka yang sesat terus dari mula-mula lagi dari jalan yang benar. Jalan yang lurus ialah jalan orang-orang yang berbahagia, yang mendapat hidayah dan sampai kepada Allah.

Kelebihan Surah Al-Fatihah

Di samping itu, inilah surah yang dipilih untuk dibaca berulang-ulang kali di dalam setiap solat dan mana-mana solat tidak sah tanpa membacanya. Walaupun surah ini pendek namun ia mengandungi dasar-dasar 'aqidah yang asasi di dalam kefahaman Islam dan mengandungi tawajjuh atau do'a-do'a kepada Allah secara sedar yang terbit dari kefahaman itu.

Dialog Di Antara Allah Dengan Hamba-Nya

Tersebut di dalam Sahih Muslim dari hadith al-'Ala' ibn Abdur-Rahman Maula al-Harqah dari bapanya dari Abu Hurayrah dari Rasulullah s.a.w.:

قسمت الصلاة بيني و بين عبدي نصفين. فنصفها لي ونصفها لعبدي ولعبدي ما سأل. إذا قال العبد : الحمد لله رب العالمين. قال الله : حمدني عبدي، و إذا قال : الرحمن الرحيم، قال الله: اثنى على عبدي، فإذا قال : مالك يوم الدين قال الله:

مجدني عبدي وإذا قال : إياك نعبد و إياك نستعين، قال : هذا
بيني و بين عبدي و لعبدي ما سأل، فإذا قال : إهدنا الصراط
المستقيم، صراط الذين أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم
ولا الضالين، قال : هذا لعبدي ولعبدي ما سأل

"Aku telah membahagikan solat (al-Fatihah) kepada dua bahagian, separuhnya untuk-Ku dan separuh lagi untuk hamba-Ku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku, apabila hamba-Ku berkata: (**الحمد لله رب العالمين***). Allah menjawab: 'Hamba-Ku telah memuji-Ku. Apabila hamba itu berkata:(* **الرحمن الرحيم** *). Allah menjawab: Hamba-Ku telah memberi sanjungan kepada-Ku. Apabila hamba itu berkata: (***مالك يوم الدين***). Allah menjawab:"Hamba-Ku telah mengagung-agungkan-Ku. Dan apabila hamba itu berkata: (***إياك نعبد و إياك نستعين***). Allah menjawab: 'Ini di antara hamba-Ku dengan Aku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku. Apabila hamba itu berkata:* **إهدنا الصراط المستقيم, صراط الذين أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم ولا الضالين** *. Allah menjawab: 'Ini untuk hamba-Ku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku."'*

Setelah maksud ayat-ayat itu dihuraikan dengan jelas, ternyatalah kepada kita bahawa hadith yang sahih ini telah mendedahkan salah satu dari rahsia-rahsia (kebesaran) Surah al-Fatihah ini yang dipilih sebagai surah yang dibaca oleh setiap Muslim sebanyak tujuh belas kali sehari semalam, atau sebanyak mana yang dikehendaki Allah untuk dia mengulanginya ketika ia berdiri berdo'a kepada Allah di dalam solat.

* * * * * *

JUZU' 1

SURAH AL-BAQARAH

SURAH KE

2

سُورَةُ البَقَرَة

SURAH AL-BAQARAH

Surah Lembu Betina

(Madaniyyah)

JUMLAH AYAT

286

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Muqaddimah Tafsir Surah al-Baqarah

Surah ini adalah dari surah-surah awal yang diturunkan selepas Hijrah. Ia merupakan surah yang paling panjang di antara semua surah Al-Qur'an. Mengikut pendapat yang kuat ayat-ayat surah ini tidaklah diturunkan berturut-turut sehingga tamat semuanya sebelum diturunkan ayat-ayat dari surah-surah yang lain. Kajian di sekitar sebab-sebab turunnya setengah-setengah ayat surah ini dan setengah-setengah ayat dari surah-surah Madaniyah yang lain - walaupun sebab-sebab nuzul itu tidak boleh dipegang secara pasti - menunjukkan bahawa ayat-ayat surah-surah Madaniyah yang panjang ini tidaklah diturunkan secara berturut-turut. Malah yang berlaku ialah ada ayat-ayat surah kemudian diturunkan sebelum sempurna diturunkan surah sebelumnya, yang hanya diturunkan ayat-ayat muqaddimahnya. Yang menjadi asas pegangan dalam tertib surah-surah dari segi turunnya itu ialah manakah yang lebih dahulu turun ayat-ayatnya yang awal, bukannya turun semua ayat-ayatnya. Di dalam surah ini terdapat ayat-ayat yang merupakan ayat-ayat Al-Qur'an yang akhir turunnya seperti ayat-ayat yang membicarakan tentang riba. Sementara pendapat yang kuat menegaskan bahawa ayat-ayat muqaddimah surah ini merupakan ayat-ayat Al-Qur'an yang mula-mula diturunkan di Madinah.

Tertib Ayat-ayat Dalam Setiap Surah Dilakukan Dengan Arahan Rasulullah s.a.w.

Kerja mengumpulkan ayat-ayat setiap surah di dalam satu surah yang tertentu dan mengaturkan ayat-ayatnya dengan tertib itu adalah dengan arahan dari Rasulullah s.a.w. yang diwahyukan Allah kepadanya. At-Tirmizi telah meriwayatkan dengan isnadnya dari Ibn Abbas r.a. katanya: Aku bertanya 'Uthman ibn 'Affan: Apakah sebab yang mendorongkan kamu melakukan kepada Surah al-Anfal iaitu satu surah dari antara surah-surah yang tidak sampai dua ratus ayat dan kepada Surah Bara'ah iaitu satu surah dari antara surah-surah yang sampai dua ratus ayat lalu kamu gandingkan di antara keduanya tanpa menulis sebaris بسم الله الرحمن الرحيم sedangkan kamu tuliskan Bismillah ini pada tujuh surah panjang yang lain? Apakah sebab kamu berbuat begitu? "Jawab 'Uthman: "Biasanya Rasulullah s.a.w. di zaman silam apabila surah-surah yang panjang diturunkan kepada beliau (beliau berbuat begini) iaitu apabila sesuatu ayat diturunkan kepadanya, beliau memanggil orang yang pandai menulis lalu bersabda kepadanya: 'Letakkan ayat ini dalam surah yang disebut begini, begini'. Mengenai Surah al-Anfal ia adalah di antara surah-surah awal yang diturunkan di Madinah, sedangkan Bara'ah ialah di antara surah-surah yang diturunkan akhir. Cerita Bara'ah hampir sama dengan cerita Surah al-Anfal, dan aku bimbang Bara'ah ini adalah dari Surah al-Anfal, sedangkan Rasulullah s.a.w. telah wafat dan beliau tidak pernah menerangkan bahawa Bara'ah ini adalah dari Surah al-Anfal. Oleh sebab itulah aku gandingkan di antara keduanya tanpa menulis sebaris بسم الله الرحمن الرحيم tetapi aku letakkan Bismillah pada tujuh surah panjang yang lain."[1]

Riwayat ini menerangkan bahawa susunan tertib ayat-ayat di dalam setiap surah itu adalah dilakukan dengan arahan dari Rasulullah s.a.w. Al-Imam al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan dari Ibn Abbas r.a. katanya: Nabi s.a.w. adalah seorang yang paling murah berbuat kebajikan dan lebih murah lagi apabila beliau berada dalam bulan Ramadhan, di mana beliau dikunjungi oleh Jibril. Biasanya Jibril a.s. mengujungi beliau pada setiap malam bulan Ramadhan sehingga habis, di mana beliau membaca Al-Qur'an kepada Jibril. Dalam satu riwayat yang lain disebut: lalu beliau mengulangkaji Al-Qur'an dengan Jibril. Apabila beliau dikunjungi Jibril, beliau lebih murah berbuat kebajikan dari angin yang laju. Kini yang thabit dengan nas ialah Rasulullah s.a.w. membaca seluruh Al-Qur'an kepada Jibril a.s., begitu juga Jibril membaca Al-Qur'an kepada beliau. Ini bererti bahawa kedua-duanya itu membaca Al-Qur'an dengan ayat-ayat yang tersusun secara tertib di dalam surah-surah masing-masing.

Setiap Surah Mempunyai Keperibadian Yang Tersendiri

Oleh sebab itu setiap orang yang hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dapat memerhati bahawa setiap surah Al-Qur'an itu mempunyai syakhsiyah yang berbeza. Ia mempunyai roh yang tersendiri, yang

---

[1] *Yang dimaksudkan dengan tujuh surah yang panjang ialah al-Baqarah, Aali 'Imran, an-Nisa, al-Ma'idah, al-An'am, al-A'raf dan Yunus.*

mana hati seseorang dapat hidup bersama dengannya sama seperti ia hidup bersama roh yang hidup yang mempunyai sifat-sifat dan nafas-nafas yang berbeza. Ia mempunyai satu maudhu' pokok atau beberapa maudhu' pokok yang diikatkan pada satu paksi yang tertentu, Ia mempunyai satu suasana tersendiri yang memayungi seluruh maudhu'nya dan dengan suasana inilah rangkaian ayat-ayatnya membicarakan maudhu'-maudhu' itu dari sudut-sudut yang tertentu dan semuanya diselaraskan dengan suasana itu. Ia mempunyai nada lagu yang tersendiri. Apabila nada lagu ini berubah di tengah-tengah rangkaian ayat-ayat, maka perubahan itu adalah berlaku kerana sesuatu sebab yang tertentu yang ada hubungan dengan maudhu' yang dibicarakannya.[2] Inilah sifat umum seluruh surah-surah Al-Qur'an, dan surah-surah yang panjang seperti surah ini juga tidak terkeluar dari kaedah ini.

(Pokok-pokok pembicaraan surah)

Surah ini mengandungi berbagai-bagai maudhu', tetapi paksi yang mengumpulkan semua maudhu' itu hanya satu sahaja tetapi mempunyai dua garis pokok yang amat rapat hubungannya, iaitu dari satu sudut, surah ini membicarakan tentang pendirian Bani Israel terhadap da'wah Islamiyah di Madinah dan bagaimana mereka menyambut da'wah itu dan menentang Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin yang lahir di atas asas da'wah itu, juga menyentuh segala perkara yang ada hubungan dengan pendirian itu termasuk hubungan-hubungan yang kukuh di antara kaum Yahudi dengan kaum Munafiqin di satu pihak, dan hubungan yang wujud di antara kaum Yahudi dengan kaum Musyrikin di satu pihak yang lain. Dan dari satu sudut yang lain pula ia membicarakan tentang pendirian kelompok Muslimin di peringkat awal pertumbuhannya dan di peringkat persediaan menyediakan mereka untuk memikul amanah da'wah dan khilafah di bumi setelah surah ini mengumumkan keengganan Bani Israel untuk memikul amanah itu dan tindakan mereka membatalkan perjanjian mereka dengan Allah mengenai amanah itu, juga mengumumkan perlucutan Bani Israel dari kehormatan hubungan keturunan yang haqiqi dengan Ibrahim a.s. selaku perintis agama Hanifiyah yang pertama, di samping membuka mata dan mengingatkan kelompok Muslimin dari kesalahan-kesalahan yang telah mengakibatkan Bani Israel itu dilucutkan dari penghormatan yang amat besar itu. Seluruh maudhu' surah ini berlegar di sekitar paksi yang mempunyai dua garis pokok ini sebagaimana akan dihuraikan dalam pentafsirannya yang terperinci nanti.

Untuk mengetahui dengan jelas sejauh mana wujudnya pertalian yang rapat di antara paksi surah ini dengan maudhu'-maudhu'nya di satu sudut, dan di antara garis perjalanan da'wah di peringkat masa permulaannya di Madinah dengan kehidupan kelompok Muslimin serta keadaan-keadaannya di satu sudut yang lain pula, eloklah kita terangkan keadaan-keadaan ini dengan ringkas kerana keadaan inilah pada mulanya yang menyebabkan ayat-ayat itu diturunkan Allah tintuk menghadapinya di samping terus mengingatkan bahawa keadaan-keadaan ini pada umumnya merupakan keadaan-keadaan yang sentiasa dihadapi oleh da'wah Islamiyah dan para pejuangnya. Mereka sentiasa menghadapi keadaan-keadaan ini - dengan sedikit perbezaan - di sepanjang zaman sama ada dari musuh-musuh mereka atau sahabat-sahabat mereka. Keadaan ini telah menjadikan perintah-perintah dan arahan-arahan Al-Qur'an itu sebagai undang-undang dan peraturan yang kekal bagi da'wah Islamiyah, dan meniupkan hayat di dalam nas-nas Al-Qur'an dan menjadikan hayat itu sentiasa membaharu untuk menghadapi segala zaman dan segala peringkat perkembangan. Ia mengangkatkan perintah-perintah dan arahan-arahan itu selaku batu-batu tanda di hadapan umat Muslimin untuk memandu mereka dalam perjalanan mereka yang jauh dan sukar di tengah-tengah berbagai-bagai permusuhan yang berlainan dari segi rupa bentuknya tetapi sama dari segi sifatnya. Inilah mu'jizat Al-Qur'an yang dapat dilihat salah satu sudutnya pada ciri yang tetap dan tersendiri ini di dalam setiap nas Al-Qur'an.

Sebab-sebab Penghijrahan Rasulullah s.a.w.

Hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah itu telah berlangsung selepas selesai diadakan langkah-langkah persediaan yang kukuh dan rapi. Ia telah berlangsung di bawah desakan keadaan-keadaan yang tertentu. Keadaan-keadaan inilah yang telah mempastikan berlakunya hijrah itu, dan menjadikannya sebagai langkah yang perlu untuk melicinkan perjalanan da'wah supaya dapat berjalan mengikut garis yang telah ditetapkan Allah dalam pentadbiran-Nya. Sikap kaum Quraysy yang degil menentang da'wah di Makkah terutama selepas wafatnya Khadijah r.a. dan selepas meninggalnya Abu Talib bapa saudara, selaku pemelihara dan pelindung Nabi S.a.w. itu, hampir-hampir telah membekukan perkembangan da'wah di Makkah dan di kawasan-kawasan sekitarnya. Walaupun kemasukan individu-individu ke dalam agama Islam itu berlaku terus menerus sekalipun ditentang dengan berbagai-bagai penindasan dan langkah-langkah yang jahat, namun perkembangan da'wah dianggap telah membeku di Makkah dan di kawasan sekitarnya kerana penentangan kaum Quraysy yang kuat dan perpaduan mereka yang kukuh untuk memerangi da'wah Islamiyah dengan segala cara dan sarana. Keadaan ini menyebabkan kaum-kaum Arab yang lain mengambil sikap yang hati-hati iaitu tunggu dan lihat. Mereka menunggu kesudahan pertentangan di antara Rasulullah s.a.w. dengan keluarga-keluarganya yang dekat yang dikepalai oleh Abu Lahab, 'Amru bin Hisyam, Abu Sufyan bin Harb dan lain-lainnya dari tokoh-tokoh yang mempunyai hubungan kerabat yang kuat dengan Rasulullah s.a.w. selaku pejuang da'wah.

---

[2] *Lihat bab "التناسق الفنى" dalam buku "التصوير الفنى فى القرآن"*

Kaum-kaum Arab yang hidup dalam masyarakat suku-suku itu memandang berat kepada hubungan kerabat itu. Oleh sebab itu di sana tidak ada faktor yang menggalakkan mereka untuk menganut agama baru yang diperjuangkan oleh seorang yang ditentangi oleh keluarganya sendiri, apatah lagi keluarganya itu menjalankan tugas menjaga urusan Ka'bah yang menjadi lambang keagamaan di Semenanjung Tanah Arab.

Oleh sebab itulah Rasulullah s.a.w. berusaha mencari satu tapak yang lain dari Makkah, iaitu tapak yang dapat melindungi da'wah Islam, menjaminkan kebebasannya dan memberi peluang kepadanya untuk menyelamatkan diri dari pembekuan yang berlaku di Makkah itu, iaitu satu tapak yang dapat memberi kebebasan kepada da'wah Islam dan dapat melindungi para penganutnya dari penindasan-penindasan. Menurut penilaian saya, inilah sebab utama dan sebab yang paling penting bagi hijrah itu.

Sebelum menuju ke Yathrib untuk menjadikannya sebagai tapak da'wah yang baru beliau telah pun memilih tempat-tempat yang lain, mula-mula sekali beliau memilih negeri Habsyah, di mana ramai dari angkatan kaum Muslimin yang pertama telah berpindah ke sana. Pendapat yang mengatakan bahawa tindakan mereka berpindah ke Habsyah itu semata-mata untuk menyelamatkan diri mereka adalah tidak bersandarkan kepada bukti-bukti yang kuat. Jika inilah tujuan perpindahan itu tentu orang-orang Islam yang berpindah ke sana itu terdiri dari golongan yang paling lemah sahaja iaitu lemah dari segi pangkat, kekuatan dan perlindungan. Tetapi apa yang berlaku tidak begitu; bekas-bekas hamba yang lemah yang menjadi sasaran penindasan, penyeksaan dan fitnah itu tidak pernah berpindah, malah yang berpindah ke sana ialah orang-orang yang mempunyai kaum-kaum yang tertentu. Di dalam masyarakat ini, suku-suku kaum dapat melindungi mereka dari penindasan dan tindakan yang zalim. Bilangan kaum Quraisylah yang merupakan golongan yang terbesar berpindah ke Habsyah. Di antara mereka ialah Ja'afar ibn Abu Talib sendiri, sedangkan bapanya Abu Talib dan pemuda-pemuda Bani Hasyim yang ada bersamanya itulah orang-orang yang selama ini melindungi Nabi s.a.w. Di antara mereka lagi ialah az-Zubir ibn al-Awwam, Abdul Rahman ibn 'Auf, Abu Salamah al-Makhzumi, 'Uthman ibn 'Affan al-Umawi dan lain-lain lagi. Begitu juga di dalam kalangan kaum wanita. Mereka yang berpindah itu adalah dari keluarga-keluarga Makkah yang mulia yang sama sekali tidak boleh ditindas. Mungkin di sebalik hijrah ke Habsyah ini ada tujuan-tujuan yang lain seperti tujuan untuk menimbulkan kegemparan dan kegoncangan di kalangan keluarga-keluarga Quraysy yang besar, di mana anak-anak buah mereka yang terhormat telah berhijrah kerana menyelamatkan 'aqidah mereka dan kerana lari dari jahiliyah. Mereka sanggup meninggal di belakang mereka segala hubungan kerabat. Hijrah yang seperti ini boleh menimbulkan kegemparan dan kegoncangan yang kuat di dalam masyarakat suku-sukuan terutama apabila terdapat di antara para Muhajirin itu wanita-wanita yang seperti Ummu Habibah puteri Abu Sufyan pemimpin jahiliyah yang terkemuka dan penentang yang paling besar yang memerangi 'aqidah yang baru itu dan sahibud-da'wah Rasulullah s.a.w. Tetapi sebab-sebab yang seperti itu tidak menafikan kemungkinan bahawa hijrah ke negeri Habsyah itu merupakan salah satu tujuan yang dilakukan berulang-ulang kali untuk mencari satu tapak da'wah yang bebas, atau sekurang-kurangnya aman untuk perkembangan da'wah yang baru itu terutama apabila kesimpulan ini ditambahkan pula dengan cerita keislaman Najasyi Raja Habsyah, iaitu keislaman yang tidak dapat diumumkan oleh baginda secara tegas kerana bimbangkan pemberontakan ketua-ketua agama terhadap baginda sebagaimana diceritakan di dalam riwayat-riwayat yang sahih.

Begitu juga pemergian Rasulullah s.a.w. ke Taif merupakan satu lagi percubaan beliau untuk mendapat tapak da'wah yang bebas atau sekurang-kurangnya aman, tetapi percubaan ini gagal kerana pembesar-pembesar Thaqif telah menerima kedatangan beliau dengan layanan yang amat buruk. Mereka telah menghasut samseng-samseng dan budak-budak jahat mereka mengusir dan melontar beliau dengan anak-anak batu menyebabkan kedua-dua kaki beliau yang mulia itu berdarah. Mereka tidak meninggalkan beliau sehingga beliau berlindung di sebuah kebun kepunyaan 'Utbah dan Syaybah ibn Rabi'ah. Di sinilah beliau melafazkan do'anya yang ikhlas dan amat mendalam ertinya:

أَللّهم أشكو إِليك ضعف قوتي، وقلة حيلتي، وهواني على الناس. يا أرحم الراحمين أنت رب المستضعفين وأنت ربى إلى من تكلني؟ إلى عدو ملكته أمرى ! أم بعيد يتجهمني؟ إن لم يكن بك غضب عليّ فلا أبالي. ولكن عافيتك أوسع لى. أعوذ بنور وجهك الّذى أشرقت به الظلمات، وصلح عليه أمر الدنيا والآخرة، أن تنزل بى غضبك، أوتحل على سخطك. لك العتبي حتى ترضى ، ولا حول ولا قوة إلا بك

"Ya Tuhanku, aku merayu pada-Mu betapa lemahnya kekuatanku, betapa sedikitnya keupayaanku dan betapa hinanya aku di sisi manusia. Wahai Tuhan yang paling Pengasih dari semua yang pengasih! Engkaulah Tuhan yang memelihara orang-orang yang lemah dan Engkaulah Tuhanku. Kepada siapakah Engkau akan serahkanku? Adakah kepada musuh yang akan mengalahkanku? Atau kepada orang jauh yang menyambutku dengan wajah yang masam? Andainya tiada apa-apa kemarahan-Mu terhadapku, maka tiadalah apa-apa yang menyusahkanku tetapi perlindungan-Mu kepadaku itulah yang lebih selesa kepadaku. Aku berlindung dengan nur wajah-Mu yang menerangi segala kegelapan dan memperbaiki urusan dunia dan Akhirat dari diturunkan kemurkaan-Mu atau ditimpa kemarahan-Mu ke atasku. Kepada-Mulah taubat dari dosa dan kejahatan hingga engkau redha dan tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Mu."

Selepas itu Allah melorongkan kemenangan kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada perkembangan da'wah dari arah yang tidak terfikir oleh beliau. Mula-mula menerusi Perjanjian 'Aqabah yang pertama kemudian Perjanjian 'Aqabah yang kedua. Kedua-dua perjanjian itu mempunyai hubungan yang kuat dengan maudhu' yang kami bicarakannya di dalam muqaddimah surah ini dan dengan keadaan-keadaan yang wujud di sekitar da'wah di Madinah.

Ringkasan cerita perjanjian-perjanjian itu ialah begini: Nabi s.a.w. telah bertemu dua tahun sebelum berhijrah ke Yathrib dengan sekumpulan orang-orang Khazraj di musim haji, di mana beliau menawarkan dirinya dan da'wahnya kepada rombongan-rombongan yang datang untuk mengerjakan haji. Beliau mencari pelindung yang sanggup melindungi beliau sehingga beliau selesai menyampaikan da'wah Allah. Orang-orang Arab Aus dan Khazraj yang menjadi penduduk Yathrib di masa itu selalu mendengar dari orang-orang Yahudi yang tinggal di Yathrib bersama mereka mengatakan bahawa ada seorang Nabi yang sudah dekat masa kebangkitannya. Dan dengan Nabi inilah orang-orang Yahudi itu berharap akan mendapat kemenangan di atas orang-orang Arab, yakni mereka meminta (kepada Allah) agar memberi kemenangan kepada mereka melalui tangan Nabi ini dan agar Nabi ini tetap bersama mereka untuk mengalahkan orang-orang yang lain dari mereka. Apabila rombongan Khazraj itu mendengar da'wah Nabi s.a.w., maka mereka pun berkata satu sama lain: "Demi Allah, kamu tahu dialah Nabi yang diancam oleh kaum Yahudi untuk mengalahkan kamu, oleh itu janganlah kamu biarkan mereka mendahului kamu mendapatkannya". Lalu mereka pun menyambut da'wah beliau apabila beliau menyeru mereka, dan mereka berkata kepada beliau: "Kami telah meninggalkan kaum kami dan tidak ada kaum yang berseteru sengit di antara satu sama lain seperti kaum kami. Oleh itu kami berharap semoga Allah menyatupadukan mereka dengan da'wah anda". Apabila rombongan ini pulang kepada kaum mereka dan membentangkan perkara ini kepada mereka, maka mereka pun bergembira dan bersetuju.

Dalam musim haji tahun yang berikut datang pula rombongan Aus dan Khazraj. Mereka telah mengadakan pertemuan dengan Nabi s.a.w. dan mengikatkan perjanjian setia menganut Islam dan beliau telah mengirim bersama mereka guru-guru untuk mengajar hukum-hukum agama kepada mereka.

Pada musim haji yang berikut, satu lagi rombongan yang besar yang terdiri dari Aus dan Khazraj telah datang menemui Rasulullah s.a.w. dan menuntut diadakan perjanjian setia dengan beliau. Perjanjian setia itu telah berlangsung dengan dihadiri oleh al-Abbas bapa saudara Nabi s.a.w. Mereka berjanji mempertahankan beliau sebagaimana mereka mempertahankan diri mereka sendiri dan harta benda mereka sendiri. Perjanjian setia yang kedua ini dinamakan Perjanjian al-'Aqabah yang besar. Di antara cerita-cerita mengenai perjanjian ini ialah cerita yang diriwayatkan oleh Muhammad ibn Ka'ab al-Qurazhi: Ujar Abdullah ibn Rawahah r.a. kepada Rasulullah s.a.w.: "Kemukakanlah syarat-syarat yang anda suka untuk Tuhan anda dan diri anda."Jawab beliau: "Aku syaratkan untuk Tuhanku ialah hendaklah kamu menyembahkan-Nya dan jangan mempersekutui-Nya dengan sesuatu apapun. Dan untuk diriku aku syaratkan supaya kamu mempertahankan diriku sebagaimana kamu mempertahankan diri kamu dan harta benda kamu." Abdullah ibn Rawahah bertanya: "Apakah ganjaran untuk kami, jika kami berbuat begitu?" Jawab beliau: "Syurga." Lalu mereka pun berkata: "Beruntunglah perjanjian ini. Kami tidak akan membatalkannya dan tidak akan menuntut dibatalkannya."

Demikianlah mereka berpegang teguh dengan perjanjian itu. Oleh sebab itu Islam telah berkembang dengan pesat di Madinah sehingga tiada sebuah rumah pun yang tidak dimasuki Islam. Orang-orang Islam di Makkah pula berturut-turut berhijrah ke Madinah meninggalkan segala sesuatu di belakang mereka untuk menyelamatkan 'aqidah mereka, dan mereka telah menerima dari saudara-saudara mereka penduduk-penduduk Madinah yang telah memeluk Islam itu layanan yang penuh dengan pengorbanan dan persaudaraan yang tidak ada tolok bandingnya sejauh yang diketahui oleh manusia. Kemudian Rasulullah s.a.w. sendiri berhijrah bersama sahabatnya Abu Bakr as-Siddiq. Beliau telah berhijrah ke tapak da'wah yang bebas, kuat dan aman yang dicari-cari sekian lama sebelum ini. Dan muncullah kerajaan Islam di tapak yang baru ini sejak hari pertama hijrah Rasulullah s.a.w. itu.

* * * * * *

Dari angkatan pertama Muhajirin dan Ansar inilah terbentuknya satu angkatan Muslimin yang terpilih dan istimewa yang disanjung tinggi oleh Al-Qur'an di dalam berbagai-bagai surah. Di sini kita dapati surah ini dimulakan dengan penjelasan mengenai asas keimanan yang menggambarkan sifat-sifat orang-orang Mu'min yang benar, tetapi lebih dahulu ia menjelaskan sifat angkatan Muslimin yang wujud di Madinah pada masa itu:

الٓمٓ ١

ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ٢

ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ
يُنفِقُونَ ٣

وَٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَ
وَبِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ٤

أُولَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُولَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ٥

"Alif. Lam. Mim(1). Kitab Al-Qur'an itu tiada padanya sebarang keraguan. Ia memberi hidayat kepada orang-orang yang bertaqwa(2). Iaitu orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka(3). Dan orang yang beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu dan mereka yakin terhadap hari Akhirat(4). Merekalah orang-orang yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

Kemudian selepas itu ayat yang berikut menjelaskan pula sifat-sifat orang kafir yang menggambarkan asas-asas kekufuran. Tetapi ia lebih dahulu menjelaskan sifat orang-orang kafir yang dihadapi da'wah pada masa itu sama ada di Makkah atau di sekitar negeri Madinah itu sendiri, iaitu orang-orang kafir dari berbagai-bagai puak:

خَتَمَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ وَعَلَىٰٓ
أَبْصَٰرِهِمْ غِشَٰوَةٌ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٧

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu sama sahaja kepada mereka sama ada engkau memberi amaran kepada mereka atau tidak memberi amaran, mereka tetap tidak beriman(6). Allah telah materikan hati mereka dan pendengaran mereka dan penglihatan mereka diliputi selaput dan untuk mereka 'azab yang amat besar."(7)

Kelahiran Golongan Munafiqin Selepas Hijrah

Di sana juga terdapat golongan Munafiqin, dan kewujudan golongan ini merupakan satu pertumbuhan secara langsung dari kedudukan yang ditimbulkan oleh hijrah nabi ke Madinah dalam masa dan keadaan-keadaan di mana berlakunya hijrah itu, iaitu keadaan-keadaan yang telah kami singgung sebelum ini. Golongan ini tidak pernah wujud di Makkah, kerana Islam ketika berada di Makkah tidak mempunyai kerajaan dan kekuatan, malah tidak mempunyai kekuatan kaum yang ditakuti oleh penduduk Makkah hingga menyebabkan mereka perlu bersikap munafiq, sebaliknya Islam di sana sentiasa ditindas dan da'wah Islam sentiasa diburu. Orang-orang yang sanggup menyertai barisan Islam (di waktu itu) hanya orang-orang yang ikhlas di dalam 'aqidah mereka sahaja, iaitu orang-orang yang mengutamakan 'aqidah dari segala sesuatu yang lain dan sanggup menghadapi segala apa sahaja kerana 'aqidah. Tetapi di Yathrib, yang semenjak hari penghijrahan Rasulullah s.a.w. dikenali dengan nama al-Madinah yang bererti Bandar Rasulullah s.a.w., Islam telah menjadi satu kuasa yang diperhitungkan oleh setiap orang dan ini telah memaksa ramai Munafiqin atau sedikit berpura-pura masuk Islam, terutama selepas terjadinya Peperangan Badar, di mana kaum Muslimin telah mendapat kemenangan yang besar. Orang-orang yang mula-mula terpaksa berpura-pura Islam ialah segelintir manusia dari golongan orang-orang besar, yang mana keluarga. dan kumpulan mereka telah memasuki Islam, dan untuk menjaga kedudukan mereka yang dipusakai turun temurun dan memelihara kepentingan mereka, mereka terpaksa berpura-pura memeluk agama yang dipeluk oleh keluarga dan kumpulan-kumpulan mereka. Di antara tokoh-tokoh pembesar itu ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul, iaitu seorang yang pernah kaumnya membuat mahkota untuk memahkotakannya selaku raja tidak lama sebelum kedatangan Islam ke Madinah.

Di awal surah ini kita akan dapati satu penjelasan yang panjang mengenai golongan Munafiqin itu, dan dari setengah-setengah ayatnya kita dapat memahami bahawa orang-orang yang dimaksudkan oleh ayat-ayat itu kebanyakannya ialah para pembesar yang terpaksa berpura-pura memeluk Islam dan belum lagi melupakan sifat mereka yang angkuh terhadap orang ramai, iaitu dengan menyifatkan orang ramai itu sebagai orang-orang bodoh mengikut kebiasaan para pembesar yang angkuh:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ٨
يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّآ
أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ٩
فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا ۖ وَلَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ١٠
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا نَحْنُ
مُصْلِحُونَ ١١
أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ١٢
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ كَمَآ ءَامَنَ ٱلنَّاسُ قَالُوٓا۟
أَنُؤْمِنُ كَمَآ ءَامَنَ ٱلسُّفَهَآءُ ۗ أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلسُّفَهَآءُ
وَلَٰكِن لَّا يَعْلَمُونَ ١٣
وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ
شَيَٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ١٤
ٱللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِى طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ١٥

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشۡتَرَوُاْ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلۡهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت
تِّجَٰرَتُهُمۡ وَمَا كَانُواْ مُهۡتَدِينَ ١٦
مَثَلُهُمۡ كَمَثَلِ ٱلَّذِي ٱسۡتَوۡقَدَ نَارٗا فَلَمَّآ أَضَآءَتۡ
مَا حَوۡلَهُۥ ذَهَبَ ٱللَّهُ بِنُورِهِمۡ وَتَرَكَهُمۡ فِي ظُلُمَٰتٖ لَّا
يُبۡصِرُونَ ١٧
صُمُّۢ بُكۡمٌ عُمۡيٞ فَهُمۡ لَا يَرۡجِعُونَ ١٨
أَوۡ كَصَيِّبٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فِيهِ ظُلُمَٰتٞ وَرَعۡدٞ وَبَرۡقٞ
يَجۡعَلُونَ أَصَٰبِعَهُمۡ فِيٓ ءَاذَانِهِم مِّنَ ٱلصَّوَٰعِقِ حَذَرَ
ٱلۡمَوۡتِۚ وَٱللَّهُ مُحِيطُۢ بِٱلۡكَٰفِرِينَ ١٩
يَكَادُ ٱلۡبَرۡقُ يَخۡطَفُ أَبۡصَٰرَهُمۡۖ كُلَّمَآ أَضَآءَ لَهُم مَّشَوۡاْ فِيهِ
وَإِذَآ أَظۡلَمَ عَلَيۡهِمۡ قَامُواْۚ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمۡعِهِمۡ
وَأَبۡصَٰرِهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٢٠

"Di antara manusia ada orang yang berkata: Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, sedangkan sebenarnya mereka tidak beriman(8). Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, sedangkan sebenarnya mereka tidak menipu melainkan diri mereka sendiri (tetapi) mereka tidak sedar(9). Di dalam hati mereka ada penyakit, lalu Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan untuk mereka (disediakan) 'azab yang amat pedih kerana mereka berdusta(10). Dan apabila mereka dinasihatkan: 'Janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi,' mereka menjawab: 'Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang berbuat kebaikan'(11). Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah yang sebenarnya orang-orang yang melakukan kerosakan, tetapi mereka tidak sedar(12). Dan apabila mereka diseru: 'Berimanlah kamu sebagaimana berimannya orang-orang yang lain,' mereka menjawab: 'Patutkah kami beriman sebagaimana berimannya orang-orang yang bodoh?' Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah sebenarnya orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui(13). Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: 'Kami juga telah beriman' dan apabila mereka pergi secara rahsia kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata: 'Kami tetap bersama kamu, kami hanya mempersendakan orang-orang yang beriman sahaja'(14). Allah membalas sendaan mereka terhadap mereka dan membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka(15). Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat, maka tentulah perniagaan mereka tidak akan beruntung dan tentulah mereka tidak akan mendapat hidayat(16). Bandingan keadaan mereka samalah seperti orang yang menyalakan api, apabila api telah menerangi sekeliling mereka tiba-tiba Allah padamkan api mereka dan membiarkan mereka dalam gelap-gelita tidak dapat melihat suatu apapun(17). Mereka pekak, bisu dan buta kerana itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran)(18). Atau sama seperti orang-orang yang ditimpa hujan lebat dari langit yang gelap-gelita, guruh dan kilat (yang bersabungan) lalu mereka menyumbatkan jari-jari mereka ke dalam telinga mereka disebabkan bunyi petir kerana takut mati. Allah itu amat Mengetahui tentang keadaan orang-orang yang kafir(19). Kilat hampir-hampir menyambar penglihatan mereka. Setiap kali kilat memancar menerangi mereka setiap kali mereka berjalan di dalam cahaya dan jika kilat menggelap melindungi mereka, mereka terus berhenti. Jika Allah kehendaki tentulah Dia berkuasa menghapuskan pendengaran dan penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(20)

Di tengah-tengah kecaman terhadap kaum Munafiqin (yang disifatkan oleh al-Qur'an) sebagai orang-orang yang berpenyakit di dalam hati itu, kita dapati ungkapan:

إِلَىٰ شَيَٰطِينِهِمۡ

"Kepada syaitan-syaitan mereka".(14)

Yang jelas dapat di fahami dari penerangan surah ini dan dari penerangan peristiwa-peristiwa Sirah Rasul ialah ungkapan ini ditujukan kepada orang-orang Yahudi yang dikecam hebat di dalam surah ini kemudian nanti. Kisah kaum Yahudi dengan da'wah ini dapatlah kita intisarikan seperti berikut:

Sebab-sebab Penentangan Kaum Yahudi Terhadap Kedatangan Islam

Kaum Yahudi merupakan orang-orang yang pertama bertembung dengan da'wah Islam, dan sebab-sebab pertembungan itu amat banyak. Kaum Yahudi di Madinah mempunyai kedudukan yang istimewa kerana mereka merupakan Ahlil-Kitab yang hidup di kalangan orang-orang Arab yang Ummi iaitu kaum Aus dan Khazraj. Walaupun kaum Musyrikin Arab itu belum memperlihatkan kecenderungan mereka untuk memeluk agama Ahlil-Kitab, namun mereka memandang kaum Ahlil-Kitab itu lebih pandai dan bijak dari mereka kerana kaum Ahlil-Kitab mempunyai kitab suci.

Perpecahan dan perseteruan yang wujud di antara Aus dan Khazraj telah memberi kesempatan yang baik kepada kaum Yahudi. Dalam masyarakat yang seperti inilah kaum Yahudi selalunya dapat memainkan peranan mereka. Tetapi apabila Islam datang ke Madinah, maka segala keistimewaan ini telah dirampas dari mereka. Kedatangan Islam telah membawa kitab suci Al-Qur'an yang mengesahkan kitab suci yang ada di tangan mereka dan mengawasinya. Di samping itu Islam telah berjaya menghapuskan perpecahan Aus dan Khazraj yang selama ini menjadi lubang penyusupan kaum Yahudi untuk menghasut, menipu dan mengaut keuntungan-keuntungan. Islam telah berjaya menyatu-padukan barisan Islam yang menggabungkan kaum-kaum Aus dan Khazraj dan sejak hari itu mereka dikenali di samping kaum Muhajirin, sebagai kaum Ansar. Dari gabungan dua kaum ini, Islam telah membentuk masyarakat Islam yang padu dan teguh yang tidak

ada tolok bandingnya sejauh yang diketahui manusia sama ada dahulu atau sekarang.

Kaum Yahudi mendakwa diri mereka sebagai umat Allah yang terpilih, dan para rasul adalah dibangkitkan dalam kalangan mereka, kitab suci juga diturunkan kepada mereka. Oleh sebab itu mereka menunggu-nunggu dan mengharap bahawa Rasul yang akhir itu akan dibangkitkan di dalam kalangan mereka. Inilah yang selalu diharap-harapkan mereka. Apabila Rasul itu datang dari bangsa Arab, mereka masih mengharapkan agar mereka dianggapkan sebagai orang-orang yang berada di luar lingkungan da'wah Muhammad dan agar da'wah itu di batas kepada orang-orang Arab yang Ummi sahaja. Apabila mereka dapati Rasulullah s.a.w. juga menyeru mereka supaya mengikut kitab Allah Al-Qur'anul-Karim kerana mereka lebih arif tentang kitab suci dari kaum Musyrikin Arab dan lebih wajar menyambutnya dari kaum Musyrikin itu, maka mereka terus disambar perasaan angkuh dan sombong dan memandang da'wah yang dihadapkan kepada mereka itu sebagai satu penghinaan dan perbuatan yang bongkak.

Di samping itu kaum Yahudi menaruh hasad dengki yang kuat terhadap Nabi s.a.w. Mereka dengkikan beliau kerana dua sebab. Pertama, kerana Allah memilih beliau selaku Rasul dan menurunkan kitab suci kepadanya dan mereka tidak meragui kebenarannya. Yang kedua, mereka dengkikan beliau kerana beliau mendapat kejayaan yang begitu cepat dan menyeluruh di dalam lingkungan persekitaran Madinah.

Tetapi di sana ada satu lagi sebab yang menimbulkan dendam kesumat mereka dan mendorong mereka mengambil sikap berseteru dan menyerang sejak hari-hari pertama kedatangan Islam, iaitu mereka merasa terancam kerana mereka dipencilkan dari masyarakat umum, di mana mereka selama ini menjalankan kegiatan memimpin dan mempengaruhi fikiran umum, kegiatan perniagaan yang menguntungkan dan kegiatan riba yang berlipat-ganda. Sama ada mereka memilih pemencilan ini atau menerima da'wah yang baru dan melarutkan diri di dalam masyarakat Islam, namun kedua-duanya - menurut penilaian mereka - adalah pahit belaka.

Kerana sebab-sebab inilah kaum Yahudi mengambil sikap menentang da'wah Islamiyah sebagaimana dijelaskan oleh Surah al-Baqarah dan berbagai-bagai surah yang lain dengan perincian yang halus. Di sini kami petikkan setengah-setengah ayat yang berkenaan. Di permulaan cerita Bani Israel, Allah berseru kepada mereka:

يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتِيَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ
وَأَوۡفُواْ بِعَهۡدِيٓ أُوفِ بِعَهۡدِكُمۡ وَإِيَّٰيَ فَٱرۡهَبُونِ ﴿٤٠﴾

وَءَامِنُواْ بِمَآ أَنزَلۡتُ مُصَدِّقٗا لِّمَا مَعَكُمۡ وَلَا تَكُونُوٓاْ
أَوَّلَ كَافِرِۭ بِهِۦۖ وَلَا تَشۡتَرُواْ بِـَٔايَٰتِي ثَمَنٗا قَلِيلٗا
وَإِيَّٰيَ فَٱتَّقُونِ ﴿٤١﴾

وَلَا تَلۡبِسُواْ ٱلۡحَقَّ بِٱلۡبَٰطِلِ وَتَكۡتُمُواْ ٱلۡحَقَّ وَأَنتُمۡ
تَعۡلَمُونَ ﴿٤٢﴾

وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرۡكَعُواْ مَعَ
ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

أَتَأۡمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلۡبِرِّ وَتَنسَوۡنَ أَنفُسَكُمۡ وَأَنتُمۡ
تَتۡلُونَ ٱلۡكِتَٰبَۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ﴿٤٤﴾

"Wahai Bani Israel! Kenangilah segala ni'mat yang telah Aku kurniakan kepada kamu dan sempurnakanlah perjanjian kamu dengan-Ku nescaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu, dan takutlah kepadaKu(40). Dan berimanlah kepada kitab (Al-Qur'an) yang telah Ku turunkan, yang mengesahkan kitab yang ada pada kamu dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama mengingkarkannya dan janganlah kamu membeli ayat-ayat-Ku dengan harga yang murah dan bertaqwalah kepada Aku(41). Dan janganlah kamu kelirukan yang benar dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang benar, sedangkan kamu mengetahui(42). Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'(43). Patutkah kamu menyuruh orang lain berbuat kebaikan dan kamu lupakan diri kamu sendiri, sedangkan kamu membaca kitab (Taurat), apakah tidak kamu berfikir?"(44)

Dan selepas mengingatkan mereka dengan panjang lebar tentang sikap mereka terhadap nabi mereka Musa a.s., kekufuran mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, penyelewengan mereka terhadap kitab suci dan syari'at mereka dan kemungkiran mereka terhadap perjanjian mereka dengan Allah, maka Allah hadapkan peringatan kepada kaum Muslimin untuk mengingatkan mereka supaya berwaspada terhadap tipu daya kaum Yahudi:

أَفَتَطۡمَعُونَ أَن يُؤۡمِنُواْ لَكُمۡ وَقَدۡ كَانَ فَرِيقٞ
مِّنۡهُمۡ يَسۡمَعُونَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُۥ مِنۢ بَعۡدِ
مَا عَقَلُوهُ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ﴿٧٥﴾

وَإِذَا لَقُواْ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَا

بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوٓا۟ أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ
ٱللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَآجُّوكُم بِهِۦ عِندَ رَبِّكُمْ ۚ أَفَلَا
تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾

"Apakah kamu berangan-angan bahawa mereka akan beriman kepada kamu, sedangkan segolongan dari mereka telah pun mendengar kalam Allah kemudian mereka ubahkannya setelah mereka memahaminya, sedangkan mereka mengetahui(75). Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: 'Kami telah beriman' dan apabila mereka berada sesama mereka, mereka berkata: 'Adakah kamu menceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) apa yang telah diterangkan Allah kepada kamu (di dalam kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad) supaya mereka dapat menjadikannya sebagai hujah yang mengalahkan kamu kelak di sisi Tuhanmu. Apakah tidak kamu berfikir?'"(76)

وَقَالُوا۟ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا مَّعْدُودَةً ۚ
قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِندَ ٱللَّهِ عَهْدًا فَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ
عَهْدَهُۥٓ ۖ أَمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan mereka berkata lagi: 'Kami tidak akan disentuh api Neraka kecuali beberapa hari yang boleh dibilang sahaja'. Katakanlah: 'Apakah kamu telah mengikat perjanjian di sisi Allah, maka kerana itu Allah tidak akan memungkiri janji-Nya atau kamu hanya mengata-ngatakan ke atas Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui.'"(80)

وَلَمَّا جَآءَهُمْ كِتَٰبٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا
مَعَهُمْ وَكَانُوا۟ مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ فَلَمَّا جَآءَهُم مَّا عَرَفُوا۟ كَفَرُوا۟ بِهِۦ ۚ
فَلَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾

"Dan setelah datang kepada mereka kitab dari sisi Allah yang membenarkan kitab yang ada pada mereka dan mereka sebelum itu telah memohon kemenangan ke atas orang-orang (Arab) yang kafir (dengan kedatangan Rasul yang akan dibangkitkan itu), tetapi setelah datang Rasul yang mereka ketahui (benarnya), mereka terus ingkarkannya. Oleh itu laknat Allah ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir."(89)

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ نُؤْمِنُ بِمَآ
أُنزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَآءَهُۥ وَهُوَ ٱلْحَقُّ
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ ۗ

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Berimanlah kepada kitab (Al-Qur'an) yang telah diturunkan Allah mereka menjawab: 'Kami hanya beriman kepada kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja, mereka mengingkari kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kemudian darinya sedangkan kitab itulah yang benar yang mengesahkan kitab yang ada pada mereka.'"(91)

وَلَمَّا جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ
نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ كِتَٰبَ
ٱللَّهِ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

"Dan setelah datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka, maka segolongan dari orang-orang yang dikurniakan kitab itu mencampakkan kitab Allah di belakang mereka seolah-olah mereka tidak mengetahui."(101)

مَّا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَلَا
ٱلْمُشْرِكِينَ أَن يُنَزَّلَ عَلَيْكُم مِّنْ خَيْرٍ مِّن
رَّبِّكُمْ ۗ

"Orang-orang kafir dari Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak suka diturunkan kepada kamu sebarang rahmat kebaikan dari Tuhan kamu."(105)

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يَرُدُّونَكُم مِّنۢ
بَعْدِ إِيمَٰنِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِندِ
أَنفُسِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ ٱلْحَقُّ ۖ

"Ramai Ahlil-Kitab yang mengingini agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir semula sesudah kamu beriman kerana hasad dengki dari diri mereka setelah kebenaran kelihatan jelas kepada mereka."(109)

وَقَالُوا۟ لَن يَدْخُلَ ٱلْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ
نَصَٰرَىٰ ۗ تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ ۗ

"Dan mereka (Yahudi dan Nasara) mendakwa: Tidak akan masuk Syurga kecuali orang yang beragama Yahudi atau Nasara. Itulah angan-angan mereka."(111)

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ
مِلَّتَهُمْ ۗ

"Orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuas hati sehingga engkau mengikut agama mereka........"(120)

sehingga akhirnya.

Al-Qur'an Merakamkan Sifat-sifat Kaum Yahudi Yang Kekal Hingga Sekarang

Satu mu'jizat Al-Qur'an yang kekal ialah sifat-sifat yang dicapkannya ke atas kaum Yahudi itu merupakan sifat-sifat mereka yang tetap di sepanjang

generasi mereka dari zaman sebelum Islam dan selepas Islam sehingga ke zaman kita sekarang ini. Inilah yang membuat Al-Qur'an berbicara dengan mereka yang berada di zaman Nabi s.a.w. sama seperti kaum Yahudi yang berada di zaman Musa a.s. dan zaman-zaman para nabi selepas beliau memandangkan mereka mempunyai tabi'at yang sama, sifat-sifat yang sama dan peranan yang sama. Sikap mereka terhadap kebenaran dan manusia adalah sama sahaja di sepanjang zaman. Oleh sebab itulah di dalam ayat-ayat surah ini terdapat banyak perpindahan iaitu dari berbicara dengan kaum Yahudi di zaman Musa kepada berbicara dengan kaum Yahudi di Madinah dan kepada generasi-generasi kaum Yahudi yang hidup di antara dua zaman itu. Dan oleh sebab itulah kenyataan-kenyataan Al-Qur'an itu tetap hidup seolah-olah ia sedang berdepan dengan kedudukan umat Muslimin hari ini dan sikap kaum Yahudi terhadap mereka. Al-Qur'an menceritakan cara sambutan orang-orang Yahudi terhadap 'aqidah dan da'wah Islamiyah hari ini dan masa akan datang sama sahaja dengan sambutan mereka di zaman silam. Oleh itu kenyataan-kenyataan Al-Qur'an yang kekal ini seolah-olah menjadi amaran di masa kini dan peringatan yang berterusan kepada umat Muslimin terhadap musuh-musuh mereka yang telah menentang datuk nenek mereka sama dengan penentangan mereka pada hari ini, iaitu mereka menggunakan berbagai-bagai tipu daya dan peperangan yang berbagai bentuk rupa, sedangkan hakikatnya ialah sama sahaja.

Surah ini di samping memuatkan sifat-sifat kaum Yahudi, amaran-amaran dan peringatan-peringatan, ia juga memuatkan arahan-arahan untuk membentuk kelompok Muslimin dan menyediakan mereka untuk memikul amanah 'aqidah di muka bumi ini setelah Bani Israel enggan memikulnya di zaman dahulu dan bangkit menentangnya di zaman kebelakangan.

Surah ini - sebagaimana telah diterangkan sebelum ini - dimulakan dengan menerangkan sifat-sifat golongan-golongan yang menentang da'wah di masa permulaan hijrah, termasuk menyebut syaitan-syaitan kaum Yahudi yang kemudian dibicarakan dengan panjang lebar. Golongan-golongan inilah yang menentang da'wah selepas itu di sepanjang perjalanan sejarah. Kemudian surah ini terus membicarakan pokok pembicaraannya dengan dua garis asasinya sehingga akhir. Ia membicarakannya dengan satu bentuk pembicaraan yang sama yang menggambarkan syakhsiyah surah ini walaupun ia menyentuh berbagai-bagai maudhu'.

Setelah menunjukkan contoh-contoh tiga golongan, iaitu golongan Muttaqin, golongan kafirin dan golongan Munafiqin, dan menyinggung secara halus syaitan-syaitan kaum Yahudi, kita dapati pula surah ini menyeru manusia kepada menyembah Allah dan beriman kepada Al-Qur'an yang diturunkan kepada hamba-Nya Muhammad s.a.w., dan mencabar orang-orang yang meragui kebenarannya supaya mengadakan satu surah yang sama dengannya di samping mengancam orang-orang kafir dengan 'azab Neraka dan menggembirakan para Mu'min dengan balasan Syurga. Kemudian kita dapati pula surah ini melahirkan kehairanan terhadap (cara befikir) orang-orang yang tidak percaya kepada Allah:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَاتًا
فَأَحْيَاكُمْ ۖ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾
هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُم مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ
اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ ۚ
وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

"Bagaimana kamu menjadi kafir terhadap Allah, sedangkan kamu dahulunya mati lalu Dia hidupkan kamu, kemudian Dia matikan kamu kemudian Dia hidupkan kamu kembali kemudian seluruh kamu dikembalikan kepada-Nya(28). Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi kemudian Dia menuju ke langit lalu menciptakannya tujuh langit dan Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(29)

Setelah selesai bahagian ayat-avat yang menegaskan bahawa seluruh yang ada di bumi ini adalah diciptakan untuk faedah manusia, maka datang pula kisah perlantikan Adam selaku khalifah di bumi:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ
خَلِيفَةً ۖ

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menjadikan khalifah di bumi ini."(30)

Kemudian kisah ini menggambarkan pertarungan yang kekal abadi di antara Adam dan syaitan sehingga tamat zaman menjadi khalifah atau zaman keimanan:

قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى
فَمَن تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾
وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ
هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

"Kami telah berfirman: Turunlah kamu sekalian dari Syurga ini, dan jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku (melalui para rasul), maka ingatlah sesiapa yang mematuhi hidayat-Ku, maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita(38). Dan orang-

orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, merekalah penghuni-penghuni Neraka. Mereka kekal abadi di dalamnya."(39)

Selepas ini ayat-ayat yang berikut memulakan satu penjelajahan yang luas dan panjang lebar bersama Bani Israel, dan beberapa petikan ayat-ayat mengenainya telah kami sebutkan sebelum ini, diselangi dengan da'wah menyeru mereka supaya menganut agama Allah dan mempercayai Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah, iaitu sebuah kitab yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka di samping mengingatkan kesalahan-kesalahan, dosa-dosa, penyelewengan-penyelewengan dan pengeliruan-pengeliruan mereka sejak zaman Musa a.s. Penjelajahan ini menghabisi seluruh juzu' yang pertama surah ini.

Cara Bani Israel Menyambut Da'wah Islamiyah

Di tengah-tengah penjelajahan ini terlukislah gambaran yang jelas bagaimana cara Bani Israel menerima Islam, menerima Rasul pembawanya dan menerima kitab sucinya. Merekalah orang-orang yang mula-mula tidak percaya kepada Islam, mereka bertindak mengelirukan kebenaran dengan kepalsuan. Mereka menyuruh orang lain beriman, tetapi mereka lupakan diri mereka sendiri. Mereka mendengar kalam Allah kemudian mereka mengubahkannya setelah mereka memahaminya. Mereka menipu orang-orang yang beriman dengan pura-pura beriman, tetapi apabila mereka berkumpul sesama mereka, mereka mengingatkan satu sama lain supaya jangan memberitahu orang-orang Islam tentang apa yang mereka tahu mengenai kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. dan kerasulannya, mereka berazam untuk mengembalikan orang-orang Islam menjadi kafir, dan untuk maksud ini mereka mendakwa bahawa orang-orang Yahudi sahaja yang benar-benar mendapat hidayat Allah sebagaimana dakwaan-dakwaan yang sama telah dibuat oleh kaum Nasara. Mereka mengisytiharkan permusuhan mereka terhadap Jibril a.s. dengan sebab Jibril telah membawa wahyu kepada Muhammad bukannya kepada mereka. Mereka tidak suka orang-orang Islam mendapat segala apa yang baik, dan mereka menunggu-nunggu orang-orang Islam itu ditimpa malapetaka. Mereka mengambil segala kesempatan untuk menimbulkan keraguan dan kesangsian terhadap kesahihan ajaran-ajaran dan perintah Nabi yang datang dari Allah Taala itu sebagaimana telah dilakukan mereka ketika orang-orang Islam diperintah mengubahkan kiblat solat mereka. Merekalah yang menjadi sumber pimpinan dan bimbingan bagi kaum Munafiqin, di samping menjadi sumber pemberangsangan kepada kaum Musyrikin.

Oleh sebab itulah surah ini membuat kecaman-kecaman yang kuat terhadap perbuatan-perbuatan mereka yang jahat itu, di samping mengingatkan mereka terhadap perbuatan-perbuatan mereka yang sama yang dilakukan kepada nabi mereka Musa a.s., kepada syari'at-syari'at dari para anbia' mereka di sepanjang generasi mereka. Surah ini berbicara dengan mereka seolah-seolah mereka satu generasi yang sama yang bersambung-sambung dan mempunyai tabi'at yang sama yang tidak berubah-ubah.

Kecaman-kecaman itu diakhiri dengan mematahkan harapan kaum Muslimin jangan mengharapkan keimanan mereka kerana mereka telah sebati dengan tabi'at yang menyeleweng dan kelakuan yang buruk, di samping di akhiri dengan kata pemutus yang membatalkan dakwaan mereka yang mengaku bahawa merekalah sahaja orang-orang yang benar mendapat hidayat dari Allah berdasarkan alasan kerana mereka adalah pewaris-pewaris Nabi Ibrahim a.s., iaitu kata pemutus yang menjelaskan bahawa pewaris Ibrahim yang sebenar ialah orang-orang yang mengikuti sunnahnya dan mematuhi perjanjian beliau dengan Allah, dan warisan Ibrahim itu telah diperolehi oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang yang beriman kepadanya setelah kaum Yahudi itu menyeleweng, mengubah dan enggan memikul amanah 'aqidah dan amanah khilafah di bumi dengan melaksanakan sistem hidup yang diatur oleh Allah. Inilah amanah yang telah dipikul oleh Muhammad dan para pengikutnya dan inilah hasil kemakbulan do'a Nabi Ibrahim dan Ismail a.s. ketika kedua-duanya membina tapak-tapak asas Baitullah:

رَبَّنَا وَٱجۡعَلۡنَا مُسۡلِمَيۡنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةٗ مُّسۡلِمَةٗ لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبۡ عَلَيۡنَآۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾

رَبَّنَا وَٱبۡعَثۡ فِيهِمۡ رَسُولٗا مِّنۡهُمۡ يَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَيُزَكِّيهِمۡۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang Muslim (yang menyerah diri) kepada-Mu. Begitu juga dari zuriat kami jadikanlah mereka umat Muslimin (yang menyerah diri) kepada-Mu dan tunjukkan kepada kami peraturan ibadat kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih(128). Wahai Tuhan kami! Bangkitlah untuk mereka seorang Rasul dari kalangan mereka, yang akan membaca kepada mereka ayat-ayat-Mu dan mengajarkan kepada mereka kitab suci dan hikmat, juga membersihkan diri mereka. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa dan Maha Bijaksana."(129)

Sampai di sini barulah rangkaian ayat-ayat surah ini mula ditujukan kepada Nabi s.a.w. dan kepada kaum Muslimin yang ada bersama beliau untuk meletakkan tapak-tapak asas bagi mengatur kehidupan kelompok Muslimin yang telah dilantik sebagai pemegang teraju da'wah di muka bumi dan bagi membezakan kelompok ini dengan ciri yang tersendiri dan cara berfikir dan cara hidup yang tersendiri.

Ia dimulakan dengan menentukan Kiblat yang dihadapi oleh kelompok ini, iaitu Baitullahil-Haram yang telah ditugaskan kepada Ibrahim dan Ismail supaya membinanya dan membersihkannya agar menjadi tempat ibadat kepada Allah. Inilah Kiblat yang dicita-citakan oleh Nabi s.a.w. tetapi tidak dijelaskan secara terus terang untuk mengadap ke halanya.

قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي ٱلسَّمَآءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً
تَرْضَىٰهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ
وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ

"Sesungguhnya Kami kerap kali melihat engkau menengadah mukamu ke langit, oleh itu Kami tetap akan memalingkanmu ke arah Kiblat yang disukaimu itu, maka hadapilah ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya."(144)

Memperkenalkan Sistem Hidup Rabbani

Kemudian surah ini meneruskan pembicaraannya menghuraikan sistem hidup Rabbani, iaitu cara-cara dan peraturan-peraturan berfikir dan beribadat, peraturan-peraturan tingkahlaku dan bermuamalat. Ia menjelaskan bahawa orang-orang yang mati syahid kerana agama Allah adalah tidak mati malah hidup dan kejadian-kejadian ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, kehilangan jiwa dan kekurangan buah-buahan bukanlah bermaksud tidak baik terhadap mereka, malah itulah peristiwa-peristiwa ujian dan dugaan, di mana orang-orang yang sabar menghadapinya akan mendapat limpah rahmat hidayat Allah. Ia menjelaskan bahawa syaitan itu menggoda manusia dengan menakut-nakutkan mereka ditimpa kemiskinan dan menyuruh mereka melakukan kejahatan, sedangkan Allah menjanjikan mereka dengan pemberian keampunan dan limpah kurnia-Nya. Ia menjelaskan bahawa Allahlah Penaung orang-orang yang beriman yang mengeluarkan mereka dari kegelapan kesesatan kepada nur hidayat yang terang. Seterusnya ia menjelaskan setengah-setengah hukum halal dan haram dalam makanan dan minuman, menerangkan hakikat 'al-birru' (kebaktian atau keimanan) yang sebenar bukannya rupa bentuk yang lahir, menerangkan hukum-hukum balas bunuh, hukum wasiat, hukum-hukum puasa, hukum-hukum jihad, hukum-hukum haji, hukum-hukum perkahwinan dan perceraian dengan huraian yang meluas terutama mengenai undang-undang keluarga, juga hukum-hukum sedekah, hukum-hukum riba, hukum-hukum hutang-piutang dan perniagaan.

Dalam kesempatan-kesempatan yang tertentu ia kembali menyentuh cerita Bani Israel selepas Musa dan babak-babak kisah Nabi Ibrahim a.s. tetapi selepas juzu' yang pertama surah ini, seluruh pembicaraan surah ditumpukan kepada pembinaan kelompok Muslimin dan penyediaan mereka untuk memikul amanah 'aqidah dan membangun khilafah di bumi mengikut sistem hidup yang diatur oleh Allah dan syari'at-Nya, juga untuk membezakan kelompok Muslimin dengan cara berfikir dan kefahaman mereka yang tersendiri terhadap alam al-wujud dan hubungan mereka dengan Allah yang telah memilih mereka untuk memikul amanah yang agung itu.

* * * * * *

Pada akhirnya surah ini berpatah balik kepada maudhu' permulaan surah di mana ia menerangkan sifat-sifat kefahaman dan pemikiran yang beriman, juga menerangkan keimanan umat Muslimin kepada seluruh anbia', kepada semua kitab suci dan semua urusan ghaib dan segala yang wujud di sebaliknya dengan penuh keta'atan dan kepatuhan:

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلْمُؤْمِنُونَ
كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ
وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِۦ وَقَالُوا۟
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾
لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا
مَا ٱكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ
أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا
حَمَلْتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا
مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ لَنَا
وَٱرْحَمْنَآ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ
ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

"Rasulullah telah beriman kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepadanya dari Tuhannya. Dan seluruh orang-orang Mu'min adalah beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab suci-Nya, para rasul-Nya. Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara para rasul-Nya dan mereka berkata, kami dengar dan kami ta'at. Kami pohon keampunan-Mu wahai Tuhan kami dan kepada-Mu tempat kembali(285). Allah tidak membebankan seseorang melainkan sekadar kemampuannya. Dia mendapat pahala dari kebaikan yang diusahakannya dan menanggung dosa dari kejahatan yang dikerjakannya. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau hukumkan kami jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kami dengan bebanan yang berat sebagaimana Engkau bebankan orang-orang yang dahulu dari kami, dan janganlah Engkau bebankan kami dengan bebanan yang

kami tidak mampu memikulnya, kurniakanlah kema'afan kepada kami, kurniakanlah keampunan kepada kami, kurniakanlah rahmat kepada kami, Engkaulah penaung kami. Kurniakanlah pertolongan kepada kami mengalahkan kaum yang kafir."(286)

Demikianlah wujudnya keselarasan di antara awal dan akhir surah dan demikianlah terkumpulnya maudhu'-maudhu' surah ini di antara dua tebing iaitu tebing sifat-sifat orang-orang Mu'min dan tebing ciri-ciri keimanan.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 29)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

"Dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih."

الٓمٓ ١
ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ ۛ فِيهِ ۛ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ٢
ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ
يُنفِقُونَ ٣
وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ
وَبِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ٤
أُو۟لَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ٥
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَوَآءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ
تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ٦
خَتَمَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ وَعَلَىٰٓ
أَبْصَٰرِهِمْ غِشَٰوَةٌ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٧
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ٨
يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّآ
أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ٩
فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا ۖ وَلَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ١٠
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا نَحْنُ
مُصْلِحُونَ ١١

"Alif. Lam. Mim(1). Kitab Al-Qur'an itu tiada padanya sebarang keraguan. Ia memberi hidayat kepada orang-orang yang bertaqwa(2). Iaitu orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka(3). Dan orang yang beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu dan mereka yakin terhadap hari Akhirat(4). Merekalah orang-orang yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung(5). Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu sama sahaja kepada mereka sama ada engkau memberi amaran kepada mereka atau tidak memberi amaran, mereka tetap tidak beriman(6). Allah telah meterikan hati mereka dan pendengaran mereka, dan penglihatan mereka diliputi selaput. Dan untuk mereka 'azab yang amat besar(7). Di antara manusia ada orang yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat" sedangkan sebenarnya mereka tidak beriman(8). Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, sedangkan sebenarnya mereka tidak menipu melainkan diri mereka sendiri (tetapi) mereka tidak sedar(9). Di dalam hati mereka ada penyakit, lalu Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan untuk mereka (disediakan) 'azab yang amat pedih kerana mereka berdusta(10). Dan apabila mereka dinasihatkan: "Janganlah kamu merosakkan di bumi," - mereka menjawab: 'Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang berbuat kebaikan'(11). "

أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ١٢
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ كَمَآ ءَامَنَ ٱلنَّاسُ قَالُوٓا۟
أَنُؤْمِنُ كَمَآ ءَامَنَ ٱلسُّفَهَآءُ ۗ أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلسُّفَهَآءُ
وَلَٰكِن لَّا يَعْلَمُونَ ١٣
وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ
شَيَٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ١٤
ٱللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِى طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ١٥
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت
تِّجَٰرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ١٦
مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ ٱلَّذِى ٱسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّآ أَضَآءَتْ
مَا حَوْلَهُۥ ذَهَبَ ٱللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِى ظُلُمَٰتٍ لَّا
يُبْصِرُونَ ١٧
صُمٌّۢ بُكْمٌ عُمْىٌ فَهُمْ لَا يَرْجِعُونَ ١٨
أَوْ كَصَيِّبٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فِيهِ ظُلُمَٰتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ
يَجْعَلُونَ أَصَٰبِعَهُمْ فِىٓ ءَاذَانِهِم مِّنَ ٱلصَّوَٰعِقِ حَذَرَ

ٱلْمَوْتِ ۚ وَٱللَّهُ مُحِيطٌۢ بِٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٩﴾
يَكَادُ ٱلْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَٰرَهُمْ ۖ كُلَّمَآ أَضَآءَ لَهُم مَّشَوْا۟ فِيهِ
وَإِذَآ أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا۟ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ
وَأَبْصَٰرِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

"Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah yang sebenarnya orang-orang yang melakukan kerosakan, tetapi mereka tidak sedar(12). Dan apabila mereka diseru: 'Berimanlah kamu sebagaimana berimannya orang-orang yang lain,' mereka menjawab: 'Patutkah kami beriman sebagaimana berimannya orang-orang yang bodoh?' Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah sebenarnya orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui(13). Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: 'Kami juga telah beriman' dan apabila mereka pergi secara rahsia kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata: 'Kami tetap bersama kamu, kami hanya mempersendakan orang-orang yang beriman sahaja'(14). Allah membalas sendaan mereka terhadap mereka dan membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka(15). Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat, maka tentulah perniagaan mereka tidak akan beruntung dan tentulah mereka tidak akan mendapat hidayat(16). Bandingan keadaan mereka samalah seperti orang yang menyalakan api, apabila api telah menerangi sekeliling mereka, tiba-tiba Allah padamkan api mereka dan membiarkan mereka dalam gelap-gelita tidak dapat melihat suatu apapun(17). Mereka pekak bisu dan buta kerana itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran)(18). Atau sama seperti orang-orang yang ditimpa hujan lebat dari langit yang gelap-gelita, guruh dan kilat (yang bersabungan) lalu mereka menyumbatkan jari-jari mereka ke dalam telinga mereka disebabkan bunyi petir kerana takut mati. Allah itu Maha Mengetahui tentang keadaan orang-orang yang kafir(19). Kilat hampir-hampir menyambar penglihatan mereka. Setiap kali kilat memancar menerangi mereka setiap kali mereka berjalan di dalam cahaya dan jika kilat menggelap melindungi mereka, mereka terus berhenti. Jika Allah kehendaki tentulah Dia berkuasa menghapuskan pendengaran dan penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(20)."

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلَّذِينَ
مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾
ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَأَنزَلَ
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ
فَلَا تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾
وَإِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ
مِّن مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ شُهَدَآءَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن
كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٣﴾
فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ وَلَن تَفْعَلُوا۟ فَٱتَّقُوا۟ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى وَقُودُهَا
ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ ۖ أُعِدَّتْ لِلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٤﴾
وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ
جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ كُلَّمَا رُزِقُوا۟
مِنْهَا مِن ثَمَرَةٍ رِّزْقًا ۙ قَالُوا۟ هَٰذَا ٱلَّذِى رُزِقْنَا
مِن قَبْلُ ۖ وَأُتُوا۟ بِهِۦ مُتَشَٰبِهًا ۖ وَلَهُمْ فِيهَآ أَزْوَٰجٌ
مُّطَهَّرَةٌ ۖ وَهُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٥﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَسْتَحْىِۦٓ أَن يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً
فَمَا فَوْقَهَا ۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ
مِن رَّبِّهِمْ ۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَيَقُولُونَ مَاذَآ
أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۘ يُضِلُّ بِهِۦ كَثِيرًا وَيَهْدِى
بِهِۦ كَثِيرًا ۚ وَمَا يُضِلُّ بِهِۦٓ إِلَّا ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾
ٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهْدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مِيثَٰقِهِۦ
وَيَقْطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ
فِى ٱلْأَرْضِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٢٧﴾
كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِٱللَّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَٰتًا
فَأَحْيَٰكُمْ ۖ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾
هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ
ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ ۚ
وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

"Wahai manusia! Sembahlah Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan mereka yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa(21). Dialah Tuhan yang telah menciptakan bumi untuk kamu seperti hamparan dan langit seperti bangunan, dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit

dan dengannya Dia mengeluarkan buah-buahan sebagai rezeki untuk kamu. Oleh itu janganlah kamu mengadakan tandingan-tandingan bagi Allah, sedangkan kamu mengetahui(22). Dan jika kamu masih dalam keraguan (terhadap Al-Qur'an) yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami, maka bawalah satu surah yang serupa dengannya dan panggillah saksi-saksi kamu selain dari Allah jika kamu benar(23). Dan jika kamu tidak dapat membuatnya dan tentu kamu tidak akan dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu yang disediakan untuk orang-orang kafir(24). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa untuk mereka disediakan Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai. Setiap kali mereka dihidangkan rezeki buah-buahan di dalam Syurga itu mereka berkata: 'Buah-buahan inilah yang dihidangkan kepada kami dahulu,' mereka diberi buah-buahan yang serupa (tetapi berlainan hakikatnya) dan untuk mereka disediakan di dalam Syurga isteri-isteri yang suci dan di sanalah mereka tinggal kekal abadi(25). Sesungguhnya Allah tidak segan membuat perbandingan dengan nyamuk atau dengan (serangga) yang lebih (kecil) darinya. Ada pun orang-orang yang beriman, mereka yakin bahawa perbandingan itu adalah benar dari Tuhan mereka. Ada pun orang-orang kafir mereka bertanya: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?" Dengan perbandingan ini ramai orang yang disesatkan Allah dan ramai pula orang-orang yang diberikan hidayat, dan Allah tidak menyesatkan dengan perbandingan ini melainkan orang-orang yang fasiq(26). Iaitu orang-orang yang membatalkan perjanjian Allah sesudah diikatkannya dengan teguh, dan memutuskan hubungan-hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya, dan mereka melakukan kerosakan di bumi. Merekalah orang-orang yang rugi(27). Bagaimana kamu menjadi kafir terhadap Allah, sedangkan kamu dahulunya mati lalu Dia hidupkan kamu, kemudian Dia matikan kamu kemudian Dia hidupkan kamu kembali, kemudian seluruh kamu dikembalikan kepadanya(28). Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi kemudian Dia menuju ke langit lalu menciptakannya tujuh langit, dan Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(29)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dalam bahagian pembukaan surah yang agung ini, kita bersua dengan sifat-sifat utama golongan-golongan yang dihadapi oleh da'wah Islam, kecuali sifat golongan kaum Yahudi sahaja yang disentuh sedikit iaitu secara sepintas lalu sahaja tetapi cukup, kerana penamaan mereka dengan gelaran syaitan-syaitan kaum Munafiqin itu dapat menunjukkan berbagai-bagai sifat buruk mereka yang lain dan hakikat peranan yang dimainkan oleh mereka, sementara menunggu huraian yang terperinci sekejap lagi.

Dalam lukisan sifat-sifat ini di sana kita dapati ciri-ciri pengungkapan Al-Qur'an yang istimewa, di mana kalimat menggantikan garis dan warna, dan gambaran-gambaran itu dengan segera terlukis dengan perantaraan kalimat-kalimat itu dan terus mendenyut hidup.

Di sini dengan menggunakan sedikit kalimat dan ungkapan di awal surah terlukislah tiga lukisan yang menggambarkan tiga contoh jiwa manusia. Setiap lukisan itu merupakan satu gambaran contoh yang hidup bagi segolongan besar umat manusia, iaitu satu contoh yang tulen dan mendalam pengertiannya serta menonjol berulang-ulang di setiap zaman dan tempat sehingga seluruh umat manusia di segala zaman dan tempat itu hampir-hampir tidak terkeluar dari tiga contoh ini. Inilah mu'jizat Al-Qur'an.

Dengan hanya menggunakan kalimat-kalimat dan ungkapan-ungkapan yang sedikit, gambaran-gambaran itu terlukis begitu jelas dan terang, hidup, lengkap dengan sifat-sifat dan ciri-ciri yang halus dan membeza sehingga penerangan yang panjang lebar dan terperinci tidak dapat menandingi sedikit pun dengan lukisan dan sentuhan-sentuhan yang segera, terang, indah susunannya dan indah nadanya itu.

Setelah ayat-ayat itu selesai menayangkan tiga gambaran (contoh jiwa manusia itu), ia menyeru seluruh manusia kepada meneladani gambaran contoh yang pertama dan kembali menyembah Allah Yang Tunggal, Pencipta Yang Tunggal, Pemberi rezeki yang Tunggal, tanpa sekutu-sekutu dan tandingan-tandingan, kemudian ia mencabar orang-orang yang meragui kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan Al-Qur'an yang diturunkan kepada beliau supaya mereka mengadakan satu surah yang serupa dengan Al-Qur'an, sambil memberi amaran bahawa mereka akan beroleh 'azab yang ngeri jika mereka enggan menerima da'wah, dan menggembirakan orang-orang Mu'min dengan gambaran-gambaran balasan ni'mat-ni'mat yang kekal abadi yang menunggu mereka.

Kemudian ayat-ayat itu memberi jawapan kepada kaum Yahudi dan kaum Munafiqin yang mengecam perbandingan-perbandingan yang dikemukakan Allah di dalam Al-Qur'an dan menggunakannya sebagai alat untuk menabur keraguan terhadap Al-Qur'an yang diturunkan dari Allah itu. Ia mengingatkan mereka kepada akibat di sebalik perbandingan-perbandingan itu, iaitu (dengan perbandingan itu) Allah akan menambahkan lagi kesesatan mereka sebagaimana Allah menambahkan hidayat kepada orang-orang yang Mu'min. Ayat-ayat itu mengecam sikap mereka yang kafir terhadap Allah yang menghidup dan memati, yang mencipta dan mentadbir dan Maha Mengetahui segala sesuatu yang wujud dialam buana ini. Dialah yang mengurniakan ni'mat kepada umat manusia, Dialah Yang Menciptakan untuk mereka segala sesuatu yang ada di bumi ini dan melantikkan mereka menjadi khalifah dalam kerajaan alam yang luas saujana ini.

Itulah intisari garis-garis pembicaraan pokok di dalam pelajaran yang pertama Surah al-Baqarah ini. Sekarang marilah kita huraikan intisari ini dengan sedikit terperinci.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

Surah ini dimulakan dengan tiga huruf potongan ayat :



"Alif. Lam. Mim".(1)

Kemudian diiringi dengan pembicaraan mengenai kitab Allah (Al-Qur'an):



"Kitab Al-Qur'an itu tiada padanya sebarang keraguan, Ia memberi hidayat kepada orang-orang yang bertaqwa."(2)

Pengertian Huruf-huruf Potongan

Huruf-huruf yang seperti ini juga menjadi pendahuluan setengah-setengah surah Al-Qur'an yang lain. Di sana terdapat berbagai-bagai pendapat dalam mentafsirkan huruf-huruf ini, dan yang kami pilih di antaranya ialah pendapat yang mengatakan bahawa huruf-huruf ini merupakan satu isyarat yang mengingatkan bahawa Al-Qur'an ini adalah digubah dari jenis huruf-huruf yang sama seperti ini, iaitu huruf-huruf yang dapat digunakan oleh orang-orang Arab yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka, namun demikian gubahan Al-Qur'an itu adalah gubahan yang bermu'jizat yang tidak dapat digubahkan oleh mereka walaupun dengan menggunakan huruf-huruf yang sama. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang mencabar mereka berkali-kali supaya mereka mengadakan sebuah kitab yang setanding dengannya, atau mengadakan sepuluh surah yang serupa dengannya, atau mengadakan satu surah yang sama dengannya, tetapi mereka tidak berupaya menyambut cabaran itu.

Mu'jizat Al-Qur'an itu sama dengan mu'jizat dalam seluruh penciptaan Allah yang lain-lain, sama seperti perbuatan dan pertukangan Allah pada segala sesuatu, dan sama dengan mu'jizat Allah pada penciptaan manusia. Tanah ini terdiri dari debu-debu dan pasir yang mempunyai sifat-sifat yang tertentu, apabila manusia mengambil debu-debu dan pasir-pasir ini, maka setinggi-tinggi yang dapat dibuat oleh mereka dari debu-debu dan pasir-pasir itu ialah sekeping bata atau satu bejana atau satu piring atau satu rangka atau satu alat dalam bentuk yang sehalus-halusnya. Tetapi bagi Allah Pencipta, Dia berkuasa menciptakan hayat dari debu-debu dan pasir-pasir itu, iaitu hayat yang berdenyut dan berdegup, hayat yang mengandung rahsia Allah yang penuh mu'jizat, yakni rahsia hayat yang tidak mampu diciptakan manusia dan tidak diketahui manusia. Demikianlah juga Al-Qur'an. Manusia menggunakan huruf-huruf dan kalimat-kalimat untuk menggubah percakapan atau gubahan-gubahan perkataan, tetapi Allah menggunakan huruf-huruf dan kalimat-kalimat yang sama menggubahkan Al-Qur'an. Perbezaan di antara perbuatan manusia dengan perbuatan Allah dari huruf-huruf dan kalimat-kalimat ini ialah perbezaan di antara jasad yang mati dengan roh yang berdenyut hidup. Itulah perbezaan di antara gambaran hayat dengan hakikat hayat.



"Kitab Al-Qur'an itu tiada padanya sebarang keraguan."(2)

Di manakah lagi keraguan atau kesangsian, sedangkan bukti kebenarannya telah pun wujud pada ayat permulaan lagi dan telah pun jelas pada kelemahan dan ketidakmampuan mereka menggubahkan sesuatu yang setanding dengan Al-Qur'an dari huruf-huruf yang diguna mereka dan diketahui mereka dari bahasa mereka?



"Kitab Al-Qur'an itu tiada padanya sebarang keraguan. Ia memberi hidayat kepada orang-orang yang bertaqwa."(2)

Yakni hakikat Al-Qur'an itu ialah hidayat. Sifat dan tabi'atnya ialah hidayat. Kewujudan dan intipatinya ialah hidayat. Tetapi hidayat untuk siapa? Untuk siapakah kitab Al-Qur'an ini menjadi hidayat, nur, pimpinan yang jujur dan jelas? Untuk orang-orang yang bertaqwa, kerana taqwa yang wujud di dalam hati seseorang itulah yang melayakkannya untuk mengambil manfaat dari kitab Al-Qur'an ini. Taqwa inilah yang membuka pintu hati yang tertutup untuk dimasuki Al-Qur'an supaya ia dapat melaksanakan peranannya di sana. Taqwa itulah yang menyediakan hati seseorang untuk mengambil, menerima dan menyambut da'wah Al-Qur'an.

Orang yang ingin menemui hidayat di dalam Al-Qur'an pastilah datang kepadanya dengan hati yang bersih dan ikhlas. Dia harus datang kepadanya dengan hati yang takut dan bertaqwa, hati yang bimbang sesat atau takut digodai kesesatan. Di waktu inilah Al-Qur'an mendedahkan rahsia-rahsianya dan memancarkan cahaya-cahayanya. Ia mencurahkan rahsia-rahsia itu ke dalam hati ini kerana dia datang dengan perasaan taqwa, takut, peka dan siap sedia untuk menerima. Tersebut dalam satu riwayat bahawa Umar ibn al-Khattab r.a. telah bertanya Ubay ibn Ka'ab tentang pengertian taqwa. Kata Ubay: "Tidakkah anda pernah melalui jalan yang penuh duri?" Jawab Umar: "Ya!" Tanya Ubay: "Apa anda buat? "Jawab Umar: "Saya singsingkan kain saya dan saya berjalan dengan hati-hati dan waspada". Kata Ubay: "Itulah taqwa."

Pengertian Taqwa Berterusan

Itulah taqwa. Taqwa ialah perasaan yang peka di dalam hati nurani, perasaan yang halus dalam kesedaran, perasaan takut dan waspada yang berterusan, dan hati-hati dari terkena duri di tengah jalan kehidupan, di mana manusia ditarik oleh berbagai-bagai duri dorongan nafsu keinginan, berbagai-bagai duri tamak haloba dan cita-cita yang tinggi, berbagai-bagai duri ketakutan dan kebimbangan, berbagai-bagai duri harapan palsu yang diletakkan pada mereka yang tidak mampu memenuhi harapannya, berbagai-bagai duri ketakutan palsu kepada mereka yang tidak berkuasa

mendatangkan manfaat dan mudarat dan oleh puluhan duri-duri yang lain lagi.

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan sifat orang-orang yang bertaqwa iaitu sifat angkatan pelopor para Mu'min yang wujud di Madinah (di zaman dahulu), di samping menjadi sifat orang-orang yang terpilih dari para Mu'min umat ini di setiap waktu.

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 5)

ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ
يُنفِقُونَ ٣
وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ
وَبِٱلْـَٔاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ٤

"Iaitu orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka(3). Dan orang-orang yang beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu dan mereka yakin terhadap hari Akhirat."(4)

Implikasi Iman Kepada Yang Ghaib

Sifat yang pertama para Muttaqin ialah mereka mempunyai kesatuan perasaan yang positif dan aktif, iaitu kesatuan yang mengumpul di dalam jiwa mereka di antara keimanan kepada yang ghaib dengan pelaksanaan kewajipan-kewajipan yang difardhu ke atas mereka, keimanan kepada semua rasûl dan keyakinan kepada hari Akhirat. Itulah kesepaduan yang menjadi ciri istimewa 'aqidah Islamiyah dan sifat istimewa jiwa orang yang beriman dengan 'aqidah ini. Dan itulah ciri kesepaduan yang layak dengan agama Allah yang terakhir yang datang untuk menyatupadu dan menguasai seluruh umat manusia supaya mereka hidup di bawah naungannya dengan seluruh perasaan mereka dan dengan sistem hidup mereka yang sepadu, yang merangkumi perasaan dan tindakan, keimanan dan peraturan.

Apabila kita huraikan sifat yang pertama ini kepada butiran-butirannya, ternyatalah kepada kita bahawa butiran-butiran ini mempunyai nilai-nilai asasi di dalam kehidupan seluruh manusia.

ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ

"Orang-orang yang beriman kepada yang ghaib."

Oleh itu pagar-pagar pancaindera tidak dapat menghalangkan perhubungan di antara roh-roh mereka dengan kuasa Ilahi yang Agung yang melahirkan roh dan alam al-wujud ini. Pagar-pagar pancaindera. itu tidak dapat menghalangkan perhubungan di antara roh-roh mereka dengan hakikat-hakikat, kekuatan-kekuatan, tenaga-tenaga, makhluk-makhluk yang ghaib dan segala yang maujud (yang ghaib) di sebalik pancaindera ini.

Beriman kepada yang ghaib merupakan ambang yang harus dilalui manusia untuk melewati martabat haiwan yang tidak memahami selain dari apa yang dapat ditanggap oleh pancainderanya, kepada martabat insan yang memahami bahawa alam al-wujud ini adalah lebih besar dan lebih syumul dari ruang alam (fizikal) yang kecil dan terbatas dalam lingkungan yang dapat ditanggap oleh pancaindera atau oleh alat-alat tertentu yang merupakan sebagai lanjutan dari tanggapan pancaindera. Keimanan kepada yang ghaib ini merupakan satu perpindahan yang mempunyai kesan yang jauh dalam kefahaman dan pemikiran manusia terhadap seluruh alam al-wujud dan terhadap kewujudan mereka sendiri, juga terhadap hakikat kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa yang bergerak di dalam alam al-wujud ini. Ia mempunyai kesan yang jauh di dalam perasaan manusia terhadap alam buana dan terhadap qudrat kuasa dan pentadbiran yang ada di sebaliknya. Ia mempunyai kesan yang jauh dalam kehidupannya di bumi ini, kerana orang yang hidup dalam ruang yang kecil yang berada dalam lingkungan yang dapat ditanggap oleh pancainderanya tidak sama dengan orang yang hidup di dalam alam buana yang luas dan besar yang dapat ditanggap oleh akal dan mata hatinya, di mana ia menerima gema-gema dan saranan-saranan alam buana itu di dalam hati nuraninya. Dia tentulah merasa bahawa alam itu lebih luas lagi - dari segi zaman dan ruang - dari segala apa yang ditanggap olehnya di dalam umurnya yang pendek dan terbatas itu, dan seterusnya merasa bahawa di sebalik alam buana yang nyata dan yang tersembunyi ini terdapat hakikat yang lebih besar dari alam buana. Iaitu hakikat (agung) yang menjadi sumber kelahirannya atau sumber kewujudannya, iaitu hakikat Zat Ilahiyah yang tidak dapat ditanggap oleh daya-daya penglihatan dan tidak dapat diliputi oleh daya-daya akal manusia.

Di waktu inilah sahaja tenaga dan daya pemikiran manusia yang terbatas itu dapat dipelihara dari kecelaruan dan kesibukan memikirkan perkara-perkara yang di luar tugas yang menjadi tujuan ia diciptakan, dan memikirkan perkara-perkara yang di luar kemampuannya untuk mengetahuinya, juga memikirkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan apa-apa faedah kepadanya. Tenaga dan daya pemikiran yang dikurniakan kepada manusia adalah bertujuan untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas khilafah di bumi ini. Tenaga dan daya pemikiran itu ditugaskan untuk memikirkan urusan kehidupan mereka yang dekat ini, di mana ia harus berfikir dengan mendalam dan meluas, bekerja dan menghasilkan produksi, memaju dan mengelokkan bentuk kehidupan ini dengan syarat ia mendapat bantuan dari tenaga rohaniyah yang berhubung secara langsung dengan seluruh alam buana dan dengan pencipta alam al-wujud ini, dengan syarat ia meninggalkan sahaja bahagian perkara majhul itu di alam ghaib yang tidak dapat diketahui oleh akal. Sebarang percubaan untuk memahami sesuatu yang ada di sebalik alam

kenyataan dengan menggunakan akal yang mempunyai keupayaan yang terbatas dengan batas-batas bumi dan batas-batas hidup di bumi tanpa bantuan dari roh yang mendapat ilham dan tanpa mata hati yang terbuka dan tanpa meninggalkan bahagian perkara majhul itu di alam ghaib yang tidak dapat diterokai akal, maka percubaan ini adalah suatu percubaan yang gagal dan sia-sia. Ia gagal kerana ia menggunakan alat yang bukan dijadikan untuk bidang itu, dan sia-sia kerana ia membazirkan tenaga akal yang tidak dijadikan untuk bidang itu. Apabila akal manusia menerima satu kenyataan aqliyah yang amat jelas, iaitu sesuatu yang terbatas tidak dapat memahami sesuatu yang mutlak, maka ia wajib pula menerima - mengikut logik yang sama - bahawa pemahamannya terhadap yang mutlak itu adalah mustahil. Kelemahannya untuk memahami yang majhul itu tidak menafikan kewujudannya di alam ghaib, dan dia wajib menyerahkan perkara yang ghaib kepada satu tenaga yang lain yang bukan tenaga akal, dan menerima maklumat-maklumat mengenainya dari Allah yang Maha Mengetahui yang zahir dan yang batin, yang ghaib dan yang nyata. Sikap menghormati logik akal di dalam perkara ini merupakan sikap orang-orang beriman dan sifat pertama para Muttaqin.

Keimanan kepada yang ghaib merupakan persimpangan jalan peningkatan manusia dari alam binatang, tetapi golongan maadi/materialis di zaman ini sama dengan golongan maadi di semua zaman, mereka mahu memulangkan manusia ke belakang, iaitu ke alam kebinatangan yang tidak mempunyai kewujudan yang lain dari kewujudannya yang nyata. Mereka namakan aliran pemikiran ini sebagai aliran progresif. Itulah satu keadaan tunggang balik yang Allah peliharakan para Mu'min darinya dan menjadikan sifat istimewa mereka ialah sifat beriman kepada yang ghaib:

ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ

"Orang-orang yang beriman kepada yang ghaib."

Segala kepujian adalah untuk Allah kerana pengurniaan ni'mat-ni'mat-Nya yang melimpah dan segala keadaan tunggang balik itu adalah untuk orang-orang yang memilih yang terbalik songsang.

وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ

"Dan mendirikan solat."

Solat Sumber Kekuatan Rohani

Yakni mereka menumpukan ibadat kepada Allah yang Tunggal sahaja dan dengan penumpuan ini mereka meningkatkan diri mereka dari menyembah sesama manusia atau menyembah benda-benda yang lain. Mereka bertawajjuh kepada kekuatan mutlak tanpa batas, mereka menundukkan dahi mereka kepada Allah bukan kepada sesama manusia. Hati yang benar-benar menyembah Allah dan berhubung rapat dengan-Nya siang dan malam akan merasa bahawa dia mempunyai hubungan sebab dengan zat yang wajib ada, dan ia sedar bahawa hidupnya mempunyai tujuan yang lebih tinggi dari membenamkan diri di bumi dan di dalam keperluan-keperluan bumi, dan seterusnya merasa bahawa dia adalah makhluk yang paling kuat kerana ia mempunyai hubungan dengan Allah Pencipta para makhluk. Semuanya ini menjadi sumber kekuatan hati nurani, sumber perasaan segan, malu dan taqwa dan menjadi salah satu faktor pendidikan syakhsiyah untuk menjadikan seorang itu mempunyai kefahaman dan pemikiran Rabbaniyah, perasaan Rabbaniyah dan perilaku Rabbaniyah.

وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

"Dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(3)

Nilai Infaq

Yakni mereka dari awal lagi mengakui bahawa harta kekayaan yang ada di dalam tangan mereka adalah rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka, bukannya hasil dari ciptaan mereka sendiri. Dari pengakuan ni'mat rezeki ini tercetuslah keinginan berbakti kepada golongan yang lemah dan keinginan saling bantu-membantu di antara makhluk-makhluk Allah, dan tercetuslah perasaan hubungan kemanusiaan dan persaudaraan sesama manusia. Nilai kesedaran ini dapat membersihkan hati manusia dari kebakhilan iaitu ia dibersihkan dengan amalan-amalan berbakti dan berbuat kebajikan. Nilai kesedaran itu dapat menjadikan medan hidup ini sebagai gelanggang saling tolong-menolong, bukannya gelanggang perlawanan dan pertarungan. Ia memberi keamanan kepada golongan yang tidak berdaya, dhaif dan lemah. Ini membuat mereka merasa bahawa mereka hidup di dalam kalangan orang-orang yang mempunyai hati-hati yang baik, muka-muka yang mesra dan jiwa-jiwa yang bertimbang rasa, bukannya di antara orang-orang yang mempunyai kuku-kuku yang ganas dan taring-taring yang kejam.

Infaq atau membelanjakan harta untuk kebajikan itu merangkumi zakat dan sedekah dan segala perbelanjaan untuk jalan-jalan kebajikan. Infaq ini telah disyari'atkan sebelum disyari'atkan zakat, kerana infaq merupakan dasar umum yang dikhususkan oleh nas-nas zakat, tetapi nas-nas zakat ini tidak mencakup infaq. Tersebut di dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. dengan isnadnya kepada Fatimah binti Qays.

إن في المال حقاً سوى الزكاة

"Sesungguhnya di dalam harta (seseorang itu) ada hak yang lain dari zakat."

(Dikeluarkan oleh at-Tirmizi)

Penjelasan dasar secara menyeluruh yang dimaksudkan di dalam nas yang terdahulu itu sebagai fardhu zakat.

وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ

"Dan orang yang beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu."(4)

Konsep Kesatuan Agama Islam

Itulah sifat yang layak dengan umat Muslimin selaku pemegang warisan agama samawi dan pemegang warisan nubuwwah-nubuwwah sejak angkatan pertama umat manusia. Merekalah penjaga pusaka agama Allah dan pusaka nubuwwah, merekalah pemimpin angkatan iman di bumi hingga akhir zaman. Nilai sifat ini melahirkan kesedaran terhadap persamaan dan kesatuan umat manusia, persamaan dan kesatuan agama mereka, persamaan dan kesatuan para rasul mereka, persamaan dan kesatuan ma'bud, atau Tuhan yang disembah mereka. Nilai sifat ini membersihkan jiwa dari perasaan dan sikap fanatik yang keji terhadap agama-agama dan terhadap orang-orang yang beriman kepada agama-agama itu selama mereka berjalan di atas jalan yang betul. Nilai sifat ini melahirkan rasa ketenteraman terhadap Ri'ayah Allah kepada umat manusia di sepanjang generasi dan zaman, iaitu Ri'ayah Allah yang dapat dilihat dengan jelas pada kemurahan-Nya mengutuskan para rasul berturut-turut membawa agama dan hidayat yang sama. Nilai sifat ini melahirkan perasaan bangga dan memandang tinggi kepada hidayat yang dicabar oleh berbagai-bagai pancaroba zaman, tetapi ia tetap teguh laksana bintang yang cerah di dalam kegelapan yang hitam pekat.

وَبِٱلْـَٔاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

"Dan mereka yakin terhadap hari Akhirat."(4)

Inilah sifat penamat yang menghubungkan dunia dengan Akhirat, permulaan hayat dengan kesudahan hayat, amalan dengan balasan. Itulah sifat yang membuat manusia merasa dirinya bukan sampah buangan, bukan dijadikan sia-sia dan bukan untuk ditinggalkan begitu sahaja. Ia membuat manusia merasa bahawa keadilan yang sempurna menunggu di hadapannya. Ini membuat hatinya tenteram dan tenang, kembali kepada amalan yang soleh dan berlindung pada keadilan Allah dan rahmat-Nya pada akhir perjalanan hidupnya.

Nilai Kepercayaan Kepada Hari Akhirat

Kepercayaan dan keyakinan kepada hari Akhirat merupakan persimpangan jalan di antara orang yang hidup di dalam ruang dinding-dinding yang tertutup dengan orang yang hidup di dalam ruang alam yang terbuka luas dan lebar. Ia merupakan persimpangan jalan di antara orang yang merasa bahawa hidupnya di bumi ini ialah keseluruhan apa yang dimilikinya di alam ini dengan orang yang merasa hidupnya di bumi ini sebagai orang yang menjalani ujian untuk menerima balasan, dan hidup yang sebenar ialah hidup di alam Akhirat di sebalik alam dunia yang kecil dan terbatas ini.

Setiap sifat dari sifat-sifat ini sebagaimana telah dijelaskan - masing-masing mempunyai nilai-nilai di dalam kehidupan manusia. Oleh sebab itulah ia menjadi sifat-sifat orang-orang yang beriman dan di sana terdapat persesuaian dan keselarasan di antara semua sifat-sifat ini dan keselarasan inilah yang membentuk sifat-sifat ini sebagai satu unit yang sepadu.

Fungsi Taqwa

Taqwa ialah kesedaran dan sikap di dalam hati nurani. Ia melahirkan tujuan-tujuan dan tindakan-tindakan. Ia menyatukan perasaan-perasaan batin dengan tindakan-tindakan yang zahir. Ia menjernih dan menghaluskan roh dan menyebabkan tipisnya hijab-hijab yang wujud di antaranya dengan Kulli yang merangkumi alam ghaib dan alam syahadah. Ia menghubungkan manusia dengan Allah dalam keadaan sulit dan terang. Ia menemukan yang maklum dengan yang majhul. Apabila roh menjadi jernih dan hijab-hijab yang wujud di antara zahir dan batin tersingkap, maka di waktu itu keimanan kepada perkara ghaib merupakan hasil yang tabii dari kehapusan hijab itu dan hasil dari perhubungan dan keyakinan roh kepada yang ghaib. Dari taqwa dan keimanan kepada yang ghaib lahirlah pula ibadat kepada Allah iaitu ibadat dalam bentuk yang dipilih oleh Allah dan dijadikannya tali hubungan di antara hamba dengan-Nya. Kemudian sifat murah hati yang mengorbankan sebahagian rezeki yang diperolehinya kerana berterima kasih atas limpah kurnia Allah dan kerana melahirkan rasa persaudaraan. Kemudian sifat lapang dada terhadap angkatan iman yang amat dimuliakan dan kesedaran terhadap hubungan kekeluargaan dengan setiap Mu'min, dengan setiap nabi dan setiap risalah. Kemudian sifat yakin kepada hari Qiamat tanpa ragu-ragu dan tanpa goyang. Semuanya ini adalah gambaran sifat-sifat kelompok Muslimin yang wujud pada masa itu di Madinah, yang terdiri dari angkatan pelopor Islam iaitu kaum Muhajirin dan kaum Ansar. Kelompok yang mempunyai sifat-sifat ini adalah satu kelompok yang sungguh-sungguh agung kerana ia mendokong hakikat keimanan (yang istimewa ini). Oleh sebab itulah Allah telah melaksanakan dengan perantaraan kelompok ini berbagai-bagai perkara yang besar di bumi dan di dalam kehidupan seluruh manusia, dan kerana itulah diumumkan kesimpulan ini:

أُو۟لَـٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

"Merekalah orang-orang yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

Demikianlah mereka mendapat hidayat dan menjadi orang-orang yang beruntung. Inilah satu-satunya jalan menuju hidayat dan keberuntungan.

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

Gambaran yang kedua ialah gambaran golongan orang-orang kafir. Ia menggambarkan sifat-sifat asas kekafiran di setiap tempat dan zaman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَوَآءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ
تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ٦
خَتَمَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ وَعَلَىٰٓ
أَبْصَٰرِهِمْ غِشَٰوَةٌ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٧

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu sama sahaja kepada mereka sama ada engkau memberi amaran kepada mereka atau tidak memberi amaran, mereka tetap tidak beriman(6). Allah telah meterikan hati mereka dan pendengaran mereka, dan penglihatan mereka diliputi selaput. Dan untuk mereka 'azab yang amat besar."(7)

Di sini kita dapati pula satu tandingan yang setimpal di antara gambaran orang-orang yang bertaqwa dengan gambaran orang-orang kafir. Jika Al-Qur'an itu sendiri menjadi hidayat kepada para Muttaqin, maka kepada orang yang kafir, persoalan sama ada mereka diberi amaran dan tidak diberi amaran adalah sama sahaja. Pada kelompok para Muttaqin, jendela-jendela terbuka di dalam jiwa mereka, hubungan-hubungan mengikatkan mereka dengan alam al-wujud dan dengan Allah pencipta alam al-wujud, mengikat mereka dengan yang zahir dan dengan yang batin, dengan yang ghaib dan dengan yang hadir semuanya. Tetapi pada kelompok orang-orang kafir, jendela-jendela itu tertutup dan semua hubungan yang kukuh itu terputus di sini:

خَتَمَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ

"Allah telah meterikan hati mereka dan pendengaran mereka."

Allah meterikan semuanya dan kerana itu hakikat hidayat dan gemanya tidak sampai kepada mereka.

وَعَلَىٰٓ أَبْصَٰرِهِمْ غِشَٰوَةٌ ۖ

"Dan penglihatan mereka diliputi selaput."

Oleh itu tiada nur dan tiada hidayat yang dapat dilihat oleh mereka. Allah telah menutup hati, pendengaran dan penglihatan mereka sebagai balasan yang setimpal terhadap sikap mereka yang tidak mempedulikan amaran, sehingga sama sahaja kepada mereka sama ada diberi amaran atau tidak diberi amaran.

Itulah gambaran yang pejal, gelap dan beku. Dan dari harakat yang tetap dan tegas itu tergambar pula harakat pemetrian dan penutupan hati, pendengaran dan penglihatan.

وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٧

"Dan untuk mereka 'azab yang amat besar."(7)

Inilah kesudahan yang wajar bagi kekafiran yang degil, yang enggan menerima amaran, malah sama sahaja kepada mereka sama ada diberi amaran atau tidak diberi amaran, sebagaimana tabi'at mereka yang buta dan degil itu diketahui oleh Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 16)

Kemudian kita berpindah pula bersama ayat-ayat berikut kepada gambaran atau contoh yang ketiga. Gambaran ini tidak sejernih dan sebagus gambaran yang pertama dan tidak pula segelap dan sekasar gambaran yang kedua, tetapi ia mempunyai sifat mengelak dan menghilangkan diri dari pandangan mata. Ia kadang-kadang tersembunyi dan kadang-kadang muncul di tengah terang. Itulah gambaran orang-orang Munafiqin:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ٨
يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّآ
أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ٩
فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا ۖ وَلَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ١٠
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا نَحْنُ
مُصْلِحُونَ ١١
أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ١٢
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ كَمَآ ءَامَنَ ٱلنَّاسُ قَالُوٓا۟
أَنُؤْمِنُ كَمَآ ءَامَنَ ٱلسُّفَهَآءُ ۗ أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلسُّفَهَآءُ
وَلَٰكِن لَّا يَعْلَمُونَ ١٣
وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ
شَيَٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ١٤
ٱللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِى طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ١٥
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت
تِّجَٰرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ١٦

"Di antara manusia ada orang yang berkata: 'Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat' sedangkan sebenarnya mereka tidak beriman(8). Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, sedangkan sebenarnya mereka tidak menipu melainkan diri sendiri (tetapi) mereka tidak sedar(9). Di dalam hati mereka ada penyakit, lalu Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan untuk mereka (disediakan) 'azab yang amat pedih kerana mereka berdusta(10). Dan apabila mereka dinasihatkan : 'Janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi,' mereka menjawab: 'Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang berbuat kebaikan'(11). Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah sebenarnya orang-orang yang melakukan kerosakan, tetapi mereka tidak sedar(12). Dan apabila mereka diseru: 'Berimanlah kamu sebagaimana berimannya orang-orang yang lain mereka menjawab: 'Patutkah kami beriman sebagaimana berimannya orang-orang yang bodoh?' Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah sebenarnya orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui'(13). Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: "Kami juga telah beriman" dan apabila mereka pergi secara rahsia kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata: "Kami tetap bersama kamu, kami hanya mempersendakan orang-orang yang beriman sahaja(14). Allah membalas sendaan mereka terhadap mereka dan membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka(15). Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat, maka tentulah perniagaan mereka tidak akan beruntung dan tentulah mereka tidak akan mendapat hidayat."(16)

Inilah gambaran Munafiqin yang wujud di Madinah, tetapi apabila kita jangkaui batas zaman dan ruang, kita dapati gambaran ini adalah suatu contoh yang sentiasa berulang di dalam semua generasi manusia. Kita dapati jenis Munafiqin ini di kalangan atasan yang tidak mempunyai keberanian untuk menentang kebenaran secara terbuka dan terus terang, dan dalam masa yang sama juga mereka meletakkan diri mereka pada kedudukan yang lebih tinggi dari orang ramai, juga lebih tinggi dari taraf kefahaman dan pemikiran orang ramai dalam memikirkan segala sesuatu. Oleh sebab itu, kami ingin mentafsirkan nas-nas ini tidak terikat dengan hubungan sejarahnya, iaitu selaku nas yang ditujukan kepada semua golongan Munafiqin di setiap generasi dan kepada jiwa manusia yang wujud dalam setiap generasi.

Psikologi Kaum Munafiqin

Mereka mendakwa beriman kepada Allah dan hari Akhirat, sedangkan sebenarnya mereka tidak beriman. Mereka adalah orang-orang yang bermuka dua yang tidak berani menunjukkan keingkaran mereka dan melahirkan perasaan mereka secara terus terang apabila berdepan dengan orang-orang yang beriman.

Mereka menyangka diri mereka cerdik, pintar dan berkebolehan menipu orang yang lurus dan jujur, tetapi Al-Qur'an menerangkan hakikat perbuatan mereka iaitu mereka bukan sahaja hendak menipu orang-orang yang beriman, malah mereka juga mahu menipu Allah atau cuba menipu-Nya:

يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman."

Di dalam ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya, kita berdepan dengan satu hakikat yang besar dan berdepan dengan limpah kurnia Allah yang Maha Pemurah, satu hakikat yang sentiasa ditegas dan dijelaskan oleh Al-Qur'an, iaitu hakikat hubungan yang rapat di antara Allah dengan para Mu'minin. Allah jadikan barisan mereka sebagai barisan-Nya, urusan mereka sebagai urusan-Nya, dan masalah mereka sebagai masalah-Nya. Allah memaut mereka kepada-Nya dan meletakkan mereka di bawah naungan-Nya. Allah jadikan musuh mereka sebagai musuh-Nya dan tipu daya yang ditujukan kepada mereka sebagai tipu daya yang ditujukan kepada-Nya. Itulah limpah kurnia Allah yang Maha Tinggi dan Maha Mulia, iaitu limpah kurnia yang mengangkatkan darjah dan hakikat para Mu'minin ke tahap yang amat tinggi. Itulah limpah kurnia yang menyarankan bahawa hakikat keimanan di alam ini adalah sebesar-besar dan semulia-mulia hakikat. Itulah limpah kurnia yang mencurahkan ketenangan dan ketenteraman yang tidak terbatas ke dalam hati orang-orang yang beriman apabila mereka melihat Allah menjadikan persoalan mereka sebagai persoalan-Nya, perjuangan mereka sebagai perjuangan-Nya dan musuh mereka sebagai musuh-Nya, Allah menarik mereka ke dalam barisan-Nya dan mengangkatkan mereka di samping-Nya. Kini apakah lagi ertinya manusia Munafiqin yang kerdil itu dan apakah ertinya tipu daya dan gangguan mereka yang kecil itu?!

Nas ini juga sekaligus merupakan satu ancaman yang ngeri kepada orang-orang yang hendak menipu dan menindas para Mu'minin. Ia mengancam mereka bahawa perjuangan mereka bukannya menentang para Mu'minin sahaja, malah menentang Allah yang Maha Gagah Perkasa juga. Mereka sebenarnya memerangi Allah apabila mereka memerangi hamba-hamba kesayangan Allah, mereka mendedahkan diri mereka kepada kemurkaan Allah apabila mereka melakukan percubaan mereka yang keji (menentang para Mu'minin).

Hakikat ini wajar dimenungi oleh orang-orang yang beriman supaya mereka tenteram, teguh keyakinan dan terus berjuang tanpa menghiraukan tipu daya dan gangguan-gangguan dari musuh mereka yang jahat. Ia juga wajar dimenungi oleh musuh-musuh para Mu'minin supaya mereka menaruh kebimbangan dan mengenal siapakah yang sebenarnya yang diperangi mereka apabila mereka menentang para Mu'minin itu.

Sekarang marilah kita kembali kepada orang-orang yang mahu menipu Allah dan orang-orang yang beriman yang berpura-pura mengatakan "Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat" dengan sangkaan di dalam hati mereka bahawa mereka telah menunjukkan kecerdikan dan kepintaran tetapi sebelum habis ayat itu mereka telah dicurahkan dengan sendaan (yang tajam):

وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

"Sedangkan sebenarnya mereka tidak menipu melainkan diri mereka sendiri (tetapi) mereka tidak sedar."(9)

Golongan Munafiqin Menipu Diri Sendiri

Mereka begitu lalai dan cuai sehinggga mereka menipu diri sendiri di luar kesedaran mereka. Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui dengan penipuan yang dilakukan mereka, sementara para Mu'minin pula mereka tetap berada di bawah naungan Allah dan Dialah yang memelihara mereka dari penipuan yang keji itu. Adapun kaum Munafiqin yang lalai itu, mereka telah menipu diri sendiri apabila mereka menyangka telah mendapat keuntungan dengan sikap muka dua itu, dan dapat menyelamatkan diri mereka dari akibat buruk jika mereka menunjukkan kekafiran mereka secara terus-terang kepada orang-orang yang beriman, sedangkan sebenarnya dalam waktu yang sama mereka telah membinasakan diri mereka dengan kekufuran yang disembunyikan mereka dan dengan nifaq yang ditunjukkan mereka. Mereka telah membawa diri mereka kepada kesudahan yang amat buruk.

Tetapi mengapa kaum Munafiqin bertindak begitu? Mengapa mereka melakukan penipuan ini?

فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ

"Di dalam hati mereka ada penyakit."

Rupanya di dalam tabi'at dan hati mereka ada penyakit, dan penyakit inilah yang menyesatkan mereka dari jalan yang terang dan lurus, dan menjadikan mereka wajar menerima balasan Allah yang menambahkan lagi penyakit yang sedang dideritai mereka itu:

فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا

"Lalu Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka."

Penyakit menimbulkan penyakit. Penyelewengan dan kesesatan bermula dari sedikit, kemudian ia semakin membuka luas dan bertambah banyak pada setiap langkah. Itulah undang-undang yang tidak pernah mungkir, itulah undang-undang Allah pada segala sesuatu, pada segala keadaan dan kedudukan dan pada segala perasaan dan tingkahlaku. Oleh itu mereka tetap menuju kepada satu akibat kesudahan yang dimaklumi umum, iaitu akibat kesudahan yang wajar diterima oleh orang-orang yang tergamak menipu Allah dan para Mu'minin:

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

"Dan untuk mereka 'azab yang amat pedih kerana mereka berdusta." (10)

Ada lagi satu sifat dari sifat-sifat kaum Munafiqin terutama dari pembesar-pembesar mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan kuasa di kalangan kaum mereka di zaman permulaan hijrah seperti Abdullah ibn Ubay ibn Salul. Sifat ini ialah sifat degil dan membela kejahatan dan kerosakan yang dilakukan mereka, juga sifat menunjukkan takbur apabila mereka merasa aman dari dihukum terhadap kerosakan yang dilakukan mereka:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾

أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

"Dan apabila mereka dinasihatkan: Janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang berbuat kebaikan.(11) "Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah yang sebenarnya orang-orang yang melakukan kerosakan, tetapi mereka tidak sedar.(12)".

Mereka tidak berhenti setakat berbohong dan menipu sahaja, malah mereka menambahkan pula dengan sifat angkuh dan mendabik dada.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ

"Dan apabila dinasihatkan kepada mereka: Janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi."

Mereka tidak berpada dengan sekadar menolak tuduhan membuat kerosakan itu, malah mereka melewati kepada batas takbur dan membela (kejahatan mereka):

قَالُوٓا۟ إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾

"Mereka menjawab: 'Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang berbuat kebaikan."'(11)

Orang-orang yang melakukan kerosakan yang sangat buruk kemudian membela diri, dan mengaku sebagai orang-orang yang melakukan kebaikan adalah amat ramai di setiap zaman. Mereka berkata begitu kerana neraca-neraca pertimbangan di tangan mereka telah rosak. Apabila neraca keikhlasan telah rosak di dalam hati seseorang, maka segala neraca dan nilai-nilai yang lain akan turut rosak. Orang-orang yang mempunyai hati yang tidak ikhlas terhadap Allah, tidak dapat merasa keburukan perbuatan-perbuatan mereka, kerana neraca baik dan buruk, bagus dan rosak di dalam hati mereka terumbang-ambing mengikut nafsu mereka dan tidak tetap teguh di atas dasar Rabbaniyah.

Oleh sebab itulah ayat ini diiringi dengan satu ulasan yang tegas dan benar:

أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

"Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah yang sebenarnya orang-orang yang melakukan kerosakan, tetapi mereka tidak sedar."(12)

Di antara sifat-sifat mereka lagi ialah memandang rendah kepada orang kebanyakan supaya diri mereka mendapat kedudukan palsu di mata orang ramai:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ كَمَآ ءَامَنَ ٱلنَّاسُ قَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ كَمَآ ءَامَنَ ٱلسُّفَهَآءُ ۗ أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلسُّفَهَآءُ وَلَٰكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

Dan apabila mereka diseru: 'Berimanlah kamu sebagaimana berimannya orang-orang yang lain,' mereka menjawab: 'Patutkah kami beriman sebagaimana berimannya orang-orang yang bodoh?' Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah sebenarnya orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui."(13)

Amatlah jelas bahawa da'wah yang dihadapkan kepada mereka di Madinah itu ialah da'wah supaya mereka beriman dengan ikhlas, jujur dan bersih dari kehendak-kehendak hawa nafsu, iaitu beriman dengan keimanan orang-orang yang ikhlas dan menganut Islam dengan seluruh jiwa raga mereka kerana Allah. Mereka membuka hati mereka kepada bimbingan-bimbingan Rasulullah s.a.w. dan menerimanya dengan sepenuh hati dan ikhlas. Merekalah orang-orang (yang dijadikan contoh) supaya kaum Munafiqin yang menerima da'wah itu beriman dengan seikhlas, sejelas dan selurus keimanan mereka.

Tetapi amatlah jelas bahawa kaum Munafiqin tidak sanggup memberi penyerahan jiwa raga yang seperti itu kepada Rasulullah s.a.w. Mereka berpendapat bahawa penyerahan yang seperti itu hanya layak dengan orang-orang yang miskin sahaja dan tidak layak dengan golongan atasan yang mempunyai kedudukan. Oleh sebab itulah mereka menjawab:

قَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ كَمَآ ءَامَنَ ٱلسُّفَهَآءُ ۗ

"Patutkah kami beriman sebagaimana berimannya orang-orang yang bodoh?"

Lalu mereka diberi jawapan yang tegas dan penjelasan yang muktamad:

أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلسُّفَهَآءُ وَلَٰكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

"Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah sebenarnya orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui."(13)

Bilakah si bodoh itu tahu dirinya bodoh? Dan bilakah si sesat itu sedar dirinya telah jauh dari jalan yang lurus?

Kemudian diterangkan pula kelakuan mereka yang akhir yang menunjukkan betapa rapatnya hubungan kaum Munafiqin di Madinah dengan kaum Yahudi yang menaruh dendam itu. Mereka bukan sahaja berdusta dan menipu malah menambahkannya lagi dengan sifat-sifat yang lemah, jahat dan mengadakan pakatan sulit di dalam gelap:

وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ شَيَٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾

"Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: 'Kami juga telah beriman' dan apabila mereka pergi secara rahsia kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata: 'Kami tetap bersama kamu, kami hanya mempersendakan orang-orang yang beriman sahaja.'"(14)

Setengah-setengah orang menganggapkan perbuatan yang jahat dan keji itu sebagai suatu kekuatan, dan sifat merancangkan tipu daya itu sebagai suatu kepintaran, sedangkan pada hakikatnya itulah sifat yang membayangkan kelemahan dan kerendahan diri, kerana orang kuat yang sebenar bukannya orang jahat, bukannya orang yang pandai menipu, pandai membuat pakatan sulit dan pandai menjadi gunting di dalam lipatan. Kaum Munafiqin yang pengecut menghadapi kenyataan hanya berpura-pura beriman ketika bertemu dengan orang-orang yang beriman dengan tujuan untuk menghindarkan diri dari akibat yang buruk dan menggunakannya sebagai tabir untuk menggugat (orang-orang yang beriman) apabila mereka berkumpul secara rahsia dengan syaitan-syaitan mereka - ghalibnya ialah - kaum Yahudi yang memperalatkan mereka untuk memecahbelahkan barisan Islam sebagaimana mereka memperoleh bantuan dan naungan dari kaum Yahudi, mereka lantas berkata: Kami tetap bersama kamu:

وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ شَيَٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾

"Apabila mereka pergi secara rahsia kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata: 'Kami tetap bersama kamu, kami hanya mempersenda-sendakan (orang-orang yang beriman) sahaja.'"(14)

Yakni dengan berpura-pura beriman dan percaya.

Sebaik sahaja selesai Al-Qur'an menceritakan tindak-tanduk mereka ia terus mengancam mereka dengan ancaman yang menggegarkan gunung-ganang:

ٱللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِى طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾

"Allah membalas sendaan mereka terhadap mereka dan membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka."(15)

Alangkah malangnya orang-orang yang dipersendakan oleh kuasa tertinggi yang menguasai langit dan bumi! Daya khayal akan membawa kepada satu pemandangan yang ngeri dan akibat yang menggentarkan hati apabila ia membaca kenyataan Al-Qur'an, "Allah membalas sendaan terhadap mereka dan membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka". Yakni Allah membiarkan mereka meraba-raba di tengah jalan, di mana mereka tidak mengetahui hujung penghabisannya, dan pada akhirnya tangan yang berkuasa itu pula akan menangkap mereka. Mereka laksana kumpulan tikus kurus yang terlompat-lompat

dalam perangkap tanpa menyedari bahawa mereka berada dalam genggaman dan cengkaman yang kuat. Sendaan yang ngeri ini tentulah tidak sama dengan sendaan mereka yang lemah dan kerdil.

Di sini juga ketara dengan jelas hakikat yang telah kami terangkan sebelum ini, iaitu hakikat bahawa Allah S.W.T. sendiri yang mengendalikan perjuangan yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman, dan di sebalik pengendalian Ilahi itulah para Mu'minin yang menjadi hamba-hamba kesayangan Allah akan mendapat ketenteraman yang sempurna dan musuh-musuh Allah yang sesat itu akan mendapat akibat yang ngeri, iaitu mereka akan dibiarkan simpang-siur dalam kesesatan mereka. Mereka tertipu apabila Allah membiarkan mereka di dalam kesesatan dan menangguhkan 'azab pencerobohan mereka untuk beberapa waktu, sedangkan di sana mereka ditunggu nasib kesudahan yang menakutkan, tetapi mereka terus lalai dan sesat.

Inilah kenyataan terakhir yang menggambarkan hakikat mereka dan sejauh mana kerugian mereka:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشۡتَرَوُاْ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلۡهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَٰرَتُهُمۡ وَمَا كَانُواْ مُهۡتَدِينَ ١٦

"Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat, maka tentulah perniagaan mereka tidak akan beruntung dan tentulah mereka tidak akan mendapat hidayat."(16)

Mereka sebenarnya berupaya untuk mendapat hidayat kerana hidayat itu memang ditawar kepada mereka dan berada dalam tangan mereka tetapi mereka: "Membeli kesesatan dengan hidayat" sebagaimana dilakukan oleh peniaga-peniaga yang paling bodoh. Dan "Tentulah perniagaan mereka tidak akan beruntung dan tentulah mereka tidak akan mendapat hidayat."

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 18)

Barangkali kita dapat memerhati bahawa ruang yang diambil untuk melukiskan gambaran golongan yang ketiga ini (golongan Munafiqin) adalah lebih luas dari ruang yang diambil untuk melukis gambaran golongan yang pertama (golongan Mu'minin) dan gambaran golongan yang kedua (golongan yang kafir), kerana gambaran yang pertama dan yang kedua, dalam salah satu sudut pengertiannya, mengandungi kelurusan dan kesahajaan. Gambaran yang pertama ialah gambaran jiwa yang jernih, bersih dan lurus tujuannya. Gambaran yang kedua ialah gambaran jiwa yang gelap dan sesat tujuannya. Dan gambaran yang ketiga ialah gambaran jiwa yang berbelit-belit, sakit, berkompleks dan resah gelisah, oleh itu ia memerlukan penjelasan yang lebih banyak supaya ia dapat dikenal dengan berbagai-bagai cirinya yang banyak.

Penjelasan yang lebar ini menyarankan betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh kaum Munafiqin di Madinah untuk menggugatkan masyarakat Islam, dan betapa teruknya kepenatan, kegelisahan dan kacau-bilau yang dicetuskan oleh mereka, di samping menyarankan betapa besarnya peranan yang dapat dimainkan kaum Musyrikin setiap waktu di dalam barisan kaum Muslimin, dan betapa perlunya segala permainan dan tipu daya mereka yang hina itu didedahkan.

Untuk menambahkan lagi penjelasan, maka ayat-ayat yang berikut membuat perbandingan-perbandingan terhadap golongan Munafiqin ini dan mendedahkan tabi'at mereka yang berubah-ubah dan terumbang-ambing supaya gambaran kelakuan mereka bertambah terang lagi:

مَثَلُهُمۡ كَمَثَلِ ٱلَّذِي ٱسۡتَوۡقَدَ نَارٗا فَلَمَّآ أَضَآءَتۡ مَا حَوۡلَهُۥ ذَهَبَ ٱللَّهُ بِنُورِهِمۡ وَتَرَكَهُمۡ فِي ظُلُمَٰتٖ لَّا يُبۡصِرُونَ ١٧
صُمُّۢ بُكۡمٌ عُمۡيٞ فَهُمۡ لَا يَرۡجِعُونَ ١٨

"Bandingan keadaan mereka samalah seperti orang yang menyalakan api apabila api telah menerangi sekeliling mereka, tiba-tiba Allah padamkan api dan membiarkan mereka dalam gelap-gelita tidak dapat melihat suatu apa pun(17). Mereka pekak, bisu dan buta kerana itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran)."(18)

Perbandingan Kaum Munafiqin

Pada mulanya mereka tidak menolak hidayat, tidak menutup telinga mereka dari mendengar da'wah, tidak menutup mata mereka dari melihat dan tidak menutup hati mereka dari berfikir dan memahami sebagaimana dilakukan oleh orang-orang yang kafir, tetapi akhirnya mereka memilih kesesatan dari hidayat setelah mereka memeriksa dan meneliti. Mereka laksana orang yang menghidupkan api, apabila cahaya api menerangi mereka, mereka tidak mahu mengambil faedah darinya, sedangkan dahulunya mereka mencari api. Di waktu inilah Allah menghapuskan cahaya yang dicari dan ditinggalkan mereka itu dan membiarkan mereka tidak dapat melihat sesuatu apa pun di dalam gelapgelita sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang menolak cahaya itu.

Telinga, lidah dan mata dijadikan untuk menerima gema, bunyi dan cahaya dan untuk mengambil faedah dari hidayat dan nur, tetapi mereka mensia-siakan telinga mereka lalu mereka menjadi pekak. Mereka mensia-siakan lidah mereka lalu mereka menjadi bisu. Mereka mensia-siakan mata mereka lalu mereka menjadi buta. Oleh kerana itu mereka tidak dapat kembali kepada kebenaran dan hidayat dan tidak dapat menemui nur.

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 20)

Satu lagi perbandingan yang menggambarkan keadaan mereka dan melukiskan kegelisahan, kebingungan, kebimbangan dan ketakutan yang berkecamuk di dalam hati mereka:

أَوْ كَصَيِّبٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فِيهِ ظُلُمَٰتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصَٰبِعَهُمْ فِىٓ ءَاذَانِهِم مِّنَ ٱلصَّوَٰعِقِ حَذَرَ ٱلْمَوْتِ ۚ وَٱللَّهُ مُحِيطٌۢ بِٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٩﴾

يَكَادُ ٱلْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَٰرَهُمْ ۖ كُلَّمَآ أَضَآءَ لَهُم مَّشَوْا۟ فِيهِ وَإِذَآ أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا۟ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَٰرِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

"Atau sama seperti orang-orang yang ditimpa hujan lebat dari langit yang gelap gelita, guruh dan kilat (yang bersabungan) lalu mereka menyumbatkan jari-jari mereka ke dalam telinga mereka disebabkan bunyi petir kerana takut mati. Allah itu Amat Mengetahui tentang keadaan orang-orang yang kafir(19). Kilat hampir-hampir menyambar penglihatan mereka. Setiap kali kilat memancar menerangi mereka setiap kali mereka berjalan di dalam cahaya dan jika kilat menggelap melindungi mereka, mereka terus berhenti. Jika Allah kehendaki tentulah Dia menghapuskan pendengaran dan penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(20)

Ini adalah satu pemandangan yang menarik, penuh harakat, bercampur dengan keadaan yang tidak menentu, kesesatan, ketakutan, kebimbangan, kebingungan dan pancaran-pancaran cahaya, cetusan-cetusan bunyi dan gema curahan hujan yang lebat.

فِيهِ ظُلُمَٰتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ

"Dari langit yang gelap-gelita, guruh dan kilat (yang bersabungan)."(19)

كُلَّمَآ أَضَآءَ لَهُم مَّشَوْا۟ فِيهِ وَإِذَآ أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا۟ ۚ

"Setiap kali kilat memancar menerangi mereka setiap kali mereka berjalan di dalam cahaya. Dan jika kilat menggelap melindungi mereka, mereka terus berhenti."(20)

Yakni mereka berhenti kerana kebingungan tidak tahu ke mana mereka hendak pergi. Dan mereka kelihatan takut dan cemas.

يَجْعَلُونَ أَصَٰبِعَهُمْ فِىٓ ءَاذَانِهِم مِّنَ ٱلصَّوَٰعِقِ حَذَرَ ٱلْمَوْتِ ۚ

"Mereka menyumbat jari-jari mereka ke dalam telinga mereka disebabkan bunyi petir kerana takut mati."(19)

Seluruh pemandangan itu dipenuhi harakat iaitu dari harakat hujan yang lebat kepada harakat gelap-gelita, guruh dan kilat, kepada harakat orang-orang yang sedang bingung dan bimbang, kepada harakat langkah-langkah yang takut dan cemas dan kepada langkah-langkah yang berhenti ketika diselubungi gelap-gelita.

Harakat-harakat di dalam pemandangan ini menggambarkan - melalui kesan saranan - harakat kesesatan, keadaan yang tidak menentu dan gelisah, dan keadaan terumbang-ambing yang dihayati oleh kaum Munafiqin ketika bertemu dengan orang-orang yang beriman dan ketika mereka pulang kepada syaitan-syaitan mereka, ketika mereka mengaku beriman kemudian menolak pula secara mendadak, ketika mereka mencari hidayat dan nur dan ketika mereka pulang kepada kesesatan dan gelap-gelita. Ini adalah satu pandangan fizikal yang membayangkan keadaan jiwa mereka, dan keadaan perasaan mereka dalam bentuk fizikal. Ini adalah sebahagian dari cara Al-Qur'an yang menarik, iaitu ia menggambarkan keadaan-keadaan jiwa manusia dalam bentuk pemandangan-pemandangan fizikal seolah-olah dapat dilihat dengan mata kepala.[3]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 22)

Setelah menayangkan gambaran-gambaran tiga golongan itu ayat yang berikut pula menyeru dan memerintah seluruh manusia supaya memilih contoh golongan yang mulia dan lurus, golongan yang bersih dan ikhlas, golongan yang beramal dan berguna, golongan yang mendapat hidayat dan keberuntungan, iaitu contoh golongan orang-orang yang bertaqwa:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

"Wahai manusia! Sembahkanlah Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan mereka yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa(21). Dialah Tuhan yang telah menciptakan bumi untuk kamu seperti hamparan dan langit seperti bangunan dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit dan dengannya Dia mengeluarkan buah-buahan sebagai rezeki untuk kamu. Oleh itu janganlah kamu mengadakan tandingan-tandingan bagi Allah, sedangkan kamu mengetahui."(22)

Itulah seruan yang ditujukan kepada seluruh manusia supaya menyembah Allah yang telah

[3] *Lihat fasal:* التخييل الحسى والتجسيم *dalam buku* التصوير الفنى فى القرآن

menciptakan mereka dan manusia sebelum mereka. Hanya Allah sahaja yang mengendalikan urusan penciptaan, oleh kerana itu Dialah sahaja yang berhak disembah dan dilakukan ibadat. Di samping itu, ibadat mempunyai matlamatnya yang seharusnya dituju oleh mereka supaya mereka sampai kepadanya dan berjaya mencapainya iaitu:

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

"Supaya kamu bertaqwa."(21)

Yakni supaya kamu menjadi golongan manusia yang terpilih di antara golongan- golongan manusia yang telah diterangkan itu, iaitu golongan manusia yang 'Abidin dan Muttaqin yang menunaikan hak Rububiyah Tuhan yang Mencipta, iaitu menyembah Allah yang Tunggal sahaja, Tuhan manusia yang wujud sekarang dan Tuhan manusia yang wujud di zaman silam, Tuhan Pencipta seluruh manusia, juga Tuhan yang memberi rezeki kepada mereka dari bumi dan langit tanpa sebarang tandingan dan sebarang sekutu.

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا

"Dialah Tuhan yang telah menciptakan bumi untuk kamu seperti hamparan."

Ungkapan ini membayangkan kemudahan dalam kehidupan manusia di bumi ini, dan kemudahan dalam menyediakan bumi untuk menjadi tempat kediaman mereka yang rehat dan tempat perlindungan yang selamat dan selesa laksana hamparan. Tetapi manusia lupakan hamparan yang telah dibentangkan Allah itu kerana terlalu lama biasa dengannya. Mereka lupakan keadaan-keadaan yang sesuai yang telah dijadikan Allah di bumi ini untuk memudahkan mereka mendapat punca-punca kehidupan dan punca-punca kerehatan dan keni'matan yang telah diciptakan Allah. Tanpa keadaan-keadaan yang sesuai ini tentulah mereka tidak dapat hidup di bumi ini dengan kemudahan, kesenangan dan ketenteraman yang ada sekarang. Andainya salah satu dari unsur-unsur hayat di bumi ini tidak ada, tentulah manusia tidak dapat hidup di tempat yang tidak terjamin hidup mereka. Jika salah satu unsur udara itu kurang dari kadarnya yang telah ditetapkan tentulah menyulitkan manusia untuk menyedut nafas mereka walaupun mereka boleh hidup.

وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً

"Dan langit seperti bangunan."

Yakni bangunan yang teguh dan tersusun rapi. Langit mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kehidupan manusia di bumi dan dengan kemudahan kehidupan itu. Langit dengan kepanasannya, cahayanya, daya tarikan bintangnya, susunan bintang-bintangnya yang rapi, nisbah-nisbah yang sesuai di antara bumi dan bintang-bintangnya telah memudah dan menolong kehidupan di atas bumi. Oleh sebab itu tidaklah hairan mengapa langit selalu disebut-sebutkan ketika Al-Qur'an mengingatkan manusia terhadap qudrat Allah dan kemurahan rezeki yang dikurniakan-Nya kepada mereka, dan ketika menjelaskan kewajaran Allah disembah oleh para makhluk-Nya.

وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ

"Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit dan dengannya Dia mengeluarkan buah-buahan sebagai rezeki untuk kamu."(22)

Cerita turunnya air hujan dari langit dan cerita keluarnya buah-buahan dengan siraman air hujan itu sentiasa disebut di dalam berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an apabila manusia diperingatkan dengan qudrat dan ni'mat-ni'mat Allah. Air yang turun dari langit merupakan bahan hayat yang asasi bagi seluruh makhluk yang hidup di bumi ini. Dari air inilah tercetusnya hayat dalam segala bentuk dan tingkatannya:

وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ

"Dan Kami telah menciptakan dari air segala sesuatu yang hidup."

(Surah al-Anbia': 30)

iaitu sama ada air itu menumbuhkan tanaman secara langsung apabila ia bersebati dengan tanah atau ia membentuk sungai-sungai dan tasik-tasik air tawar, atau menyerap di dalam lapisan bumi membentuk kumpulan-kumpulan air di bawah tanah yang menjadi sumber mata air dan perigi-perigi yang digali atau dipamkan dengan jentera-jentera untuk mengeluarkannya kembali ke permukaan bumi.

Kisah air di bumi dan peranannya di dalam kehidupan manusia dan kisah hayat dalam segala bentuk dan rupanya yang bergantung kepada air itu merupakan suatu perkara yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Cukuplah dia disebut dan diperingatkan ketika manusia diseru kepada menyembah Allah yang mencipta, memberi rezeki dan memberi aneka ni'mat.

Seruan di dalam ayat ini menonjolkan dua konsep umum kefahaman Islam iaitu konsep keesaan Tuhan yang menciptakan seluruh makhluk:

ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

"Yang telah menciptakan kamu dan mereka yang sebelum kamu,"(21)

dan konsep kesatuan alam buana, keserasian unit-unitnya dan hubungan persahabatannya dengan hayat dan manusia:

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ

"Dialah Tuhan yang telah menciptakan bumi untuk kamu seperti hamparan dan langit seperti bangunan dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit dan dengannya Dia mengeluarkan buah-buahan sebagai rezeki untuk kamu."(22)

Bumi alam ini dihamparkan untuk manusia dan langitnya dibina dengan rapi. Ia membekalkan air yang dapat mengeluarkan buah-buahan yang menjadi rezeki kepada manusia. Semuanya ini merupakan pemberian dari Allah Pencipta yang Maha Esa.

فَلَا تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

"Oleh itu janganlah kamu mengadakan tandingan-tandingan bagi Allah sedangkan kamu mengetahui,"(22)

yakni kamu mengetahui bahawa Dialah yang telah menciptakan kamu dan mereka yang sebelum kamu, kamu mengetahui bahawa Dialah yang telah menciptakan bumi seperti hamparan untuk kamu dan langit seperti binaan yang kukuh dan Dialah yang telah menurunkan hujan dari langit, dan seterusnya kamu mengetahui bahawa Allah tidak mempunyai sebarang sekutu yang membantu-Nya dan sebarang tandingan yang menentang-Nya, maka perbuatan mensyirikkan Allah setelah mempunyai ilmu pengetahuan sedemikian ini adalah satu perbuatan yang tidak wajar sama sekali.

Tandingan-tandingan yang dilarang keras oleh Al-Qur'an dengan tujuan supaya 'aqidah Tauhid kekal bersih dan jelas itu tidak semestinya dalam bentuk tuhan-tuhan yang disembah secara bersahaja seperti yang dilakukan oleh kaum Musyrikin, malah tandingan-tandingan itu kadang-kadang dalam bentuk-bentuk lain yang lebih halus. Kadang-kadang dalam bentuk meletakkan harapan pada yang lain dari Allah, atau dalam bentuk menaruh ketakutan kepada yang lain dari Allah atau dalam bentuk i'tiqad yang mempercayai sesuatu yang lain dari Allah sebagai berkuasa memberi manfa'at dan mudharat. Dari ibn Abbas katanya: "*Tandingan-tandingan itu adalah syirik yang lebih halus dari perjalanan semut di atas batu pejal yang hitam di malam yang gelap gelita, iaitu seperti seorang itu berkata: Demi Allah, dan demi hidup anda wahai si anu, dan demi hidupku. Atau berkata: Jika tidak kerana salakan anjing ini tentulah kami dimasuki pencuri semalam, jika tidak kerana itik di rumah tentulah pencuri-pencuri dapat masuk, dan seperti seorang berkata kepada temannya: Jika Allah dan anda kehendaki. Atau seperti seorang berkata: Jika tidak kerana Allah dan si anu...... semuanya ini mengandungi syirik belaka.*". Tersebut di dalam sebuah hadith, ada seorang lelaki berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Selama Allah dan anda kehendaki" lalu beliau membantah: "Adakah engkau jadikan aku tandingan bagi Allah?"

Demikianlah pandangan tokoh salaf umat Muslimin terhadap syirik khafi dan tandingan-tandingan dengan Allah. Oleh itu marilah kita memeriksa diri kita sejauh manakah kita mempunyai kepekaan yang seperti ini, dan sejauh manakah kita menghayati hakikat Tauhid yang agung ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 23)

Kaum Yahudi meragui kesahihan kerasulan Nabi s.a.w., dan kaum Munafiqin juga meraguinya di samping kaum Musyrikin di Makkah dan lainnya meraguinya. Di sini Al-Qur'an mencabar semua pihak dan menujukan ayat yang berikut kepada seluruh manusia. Ia mencabar mereka membuat ujian di alam kenyataan untuk menyelesaikan persoalan ini tanpa sebarang pertikaian:

وَإِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ شُهَدَآءَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٣﴾

"Dan jika kamu masih dalam keraguan terhadap Al-Qur'an yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami, maka bawalah satu surah yang serupa dengannya dan panggillah saksi-saksi kamu selain dari Allah jika kamu benar."(23)

Cabaran itu dimulakan dengan satu sifat yang menarik perhatian yang mempunyai nilainya di sini iaitu Al-Qur'an sifatkan Rasulullah s.a.w. dengan sifat hamba Allah:

وَإِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا

"Dan jika kamu masih dalam keraguan terhadap Al-Qur'an yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami."

Maqam 'Ubudiyah

Sifat "hamba Kami" di sini membawa berbagai-bagai pengertian yang sepadu. Pertama ia merupakan satu penghormatan kepada Nabi s.a.w. dan satu penghampiran kepada Allah dengan menghubungkan sifat kehambaannya kepada Allah S.W.T. Ini bermakna bahawa maqam kehambaan itu adalah setinggi-tinggi darjah yang dijadikan nama seruan dan gelaran seseorang. Yang kedua ia menjelaskan makna kehambaannya semasa melancarkan da'wah menyeru seluruh manusia kepada menyembah Allah yang Maha Esa dan membuang seluruh tandingan dan sekutunya yang lain. Lihatlah Nabi yang berada di maqam menerima wahyu Allah, iaitu setinggi-tinggi darjah (yang dicapai oleh seorang manusia) adalah diseru dengan sifat hamba Allah dan dimuliakan di sini dengan gelaran hamba Allah.

Cabaran itu dirujukkan kepada keterangan permulaan surah, iaitu kitab Al-Qur'an yang diturunkan itu adalah digubah dari huruf-huruf potongan yang ada di tangan mereka. Oleh itu jika mereka ragukan kitab itu diturunkan dari Allah, maka

silalah mereka mengadakan satu surah yang setanding dengan Al-Qur'an dan jemputlah orang-orang yang dapat menjadi saksi mereka selain dari Allah, kerana Allah sendiri telah menyaksikan kebenaran dakwaan hamba-Nya (Muhammad s.a.w.).

Cabaran ini terus terbuka dalam masa dan selepas masa hayat Rasulullah s.a.w., dan masih terus terbuka sehingga ke zaman kita pada hari ini. Cabaran ini merupakan satu hujah yang tidak boleh dipertikaikan. Al-Qur'an masih tetap berbeza dari segala kalam dan pengucapan yang dituturkan oleh manusia. Dan perbezaan itu amat ketara dan jelas sekali dan akan terus berbeza buat selama-lamanya. Tepatlah seperti firman Allah Taala dalam ayat berikut:

(Pentafsiran ayat 24)

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ وَلَن تَفْعَلُوا۟ فَٱتَّقُوا۟ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى وَقُودُهَا
ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ ۖ أُعِدَّتْ لِلْكَـٰفِرِينَ ﴿٢٤﴾

"Dan jika kamu tidak dapat membuatnya dan tentu kamu tidak akan dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu yang disediakan untuk orang-orang kafir."(24)

Cabaran ini amat menarik, dan penegasan bahawa cabaran itu tidak akan dapat disambut oleh mereka adalah lebih menarik lagi. Andainya mereka mempunyai keupayaan untuk mendustakan cabaran itu, tentulah mereka tidak teragak-agak walau sedetik pun. Tidak syak lagi bahawa kenyataan Al-Qur'an yang mengatakan mereka tidak akan dapat menyambut cabaran itu dan kenyataan ini ternyata benarnya sebagaimana dijelaskan oleh Al-Qur'an itu sendiri, adalah satu mu'jizat yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Peluang menyambut cabaran itu terbuka luas di hadapan mereka. Andainya mereka dapat membawa bukti yang membatalkan kenyataan yang tegas itu nescaya runtuhlah kekuatan hujah Al-Qur'an, tetapi ini tidak pernah berlaku dan tidak akan berlaku. Cabaran itu adalah dituju kepada semua manusia walaupun Al-Qur'an itu hanya menghadapi satu generasi manusia sahaja (kaum Quraysy di Makkah). Ini sahaja merupakan satu keputusan sejarah yang muktamad.

Tetapi setiap orang yang berilmu pengetahuan (yang luas) tentang uslub-uslub pengungkapan dan mempunyai pengalaman (yang mendalam) tentang hasil-hasil pemikiran dan kefahaman manusia mengenai alam al-wujud dan segala sesuatu, juga mempunyai pengalaman (yang mendalam) tentang sistem-sistem, peraturan-peraturan, undang-undang dan teori-teori kejiwaan atau kemasyarakatan yang difikirkan oleh manusia, tentulah tidak ragu-ragu lagi bahawa segala apa yang dibawa oleh Al-Qur'an dalam semua bidang itu adalah berlainan dari bahan-bahan yang difikir oleh manusia. Perbuatan mempertikaikan hakikat ini hanya terbit dari kejahilan yang tidak dapat membuat perbezaan, atau terbit dari tujuan semata-mata hendak mengelirukan kebenaran dengan kepalsuan sahaja.

Oleh sebab itulah ancaman yang menggerunkan ini ditujukan kepada mereka yang tidak berupaya menyambut cabaran ini kemudian enggan beriman kepada Al-Qur'an yang benar dan jelas itu:

فَٱتَّقُوا۟ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ ۖ أُعِدَّتْ
لِلْكَـٰفِرِينَ ﴿٢٤﴾

"Peliharalah diri kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu yang disediakan kepada orang-orang yang kafir."(24)

Mengapakah dikumpulkan manusia bersama batu dalam pemandangan yang ngeri ini? Neraka ini adalah disediakan untuk orang-orang yang kafir yang telah diterangkan sifat-sifat mereka di awal surah sebagai orang-orang yang telah ditutupkan Allah hati dan pendengaran mereka, dan mata mereka juga diselubungi selaput. Mereka dicabar oleh Al-Qur'an dan mereka tidak berupaya menyambut cabaran itu. Orang-orang yang bersifat seperti ini tentulah sama dengan batu walaupun pada lahirnya mereka berupa manusia. Pengumpulan di antara batu-batu dari batu-batu yang sebenar dengan batu-batu dari manusia memanglah satu perkara yang boleh diduga.

Di samping itu sebutan batu di sini menyarankan kepada hati kita satu ciri yang lain dalam pemandangan yang ngeri itu, iaitu pemandangan api Neraka yang memakan batu dan pemandangan manusia yang bersesak-sesak dengan batu di dalam api Neraka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Untuk menandingi pemandangan yang ngeri itu ditayangkan pula pemandangan lawannya, iaitu pemandangan ni'mat Syurga yang menunggu para Mu'minin:

وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ أَنَّ لَهُمْ
جَنَّـٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ ۖ كُلَّمَا رُزِقُوا۟
مِنْهَا مِن ثَمَرَةٍ رِّزْقًا ۙ قَالُوا۟ هَـٰذَا ٱلَّذِى رُزِقْنَا
مِن قَبْلُ ۖ وَأُتُوا۟ بِهِۦ مُتَشَـٰبِهًا ۖ وَلَهُمْ فِيهَآ أَزْوَٰجٌ
مُّطَهَّرَةٌ ۖ وَهُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ ﴿٢٥﴾

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa untuk mereka disediakan Syurga-syurga yang mengalir di

bawahnya berbagai-bagai sungai. Setiap kali mereka dihidangkan rezeki buah-buahan di dalam Syurga itu mereka berkata:" Buah-buahan inilah yang dihidangkan kepada kami dahulu," mereka diberi buah-buahan yang serupa dan untuk mereka disediakan di dalam Syurga isteri-isteri yang suci dan di sanalah mereka tinggal kekal abadi."(25)

Ciri-ciri Kelainan Dan Keanekaragaman Dalam Ciptaan Allah

Itulah aneka ni'mat Syurga yang menarik perhatiannya. Di antaranya - di samping pasangan-pasangan yang suci - ialah buah-buahan yang serupa yang pada perasaan mereka pernah dihidangkan kepada mereka sebelum ini, iaitu sama ada serupa dengan buah-buahan di dunia dari segi nama atau rupa bentuk, atau serupa dengan buah-buahan Syurga yang dihidangkan kepada mereka dahulu. Boleh jadi buah-buahan itu serupa pada lahirnya sahaja tetapi berlainan isinya yang memberi kelebihan diluar dugaan setiap kali memakannya. Hal ini menggambarkan suasana gurau senda yang manis, kepuasan hati dan rasa keni'matan yang indah, di mana buah-buahan yang menghairankan ini dihidangkan kepada mereka satu demi satu dan setiap kali dihidang, mereka mendapat rasa yang baru walaupun rupa bentuknya kelihatan serupa.

Keserupaan bentuk rupa dan kelainan kelebihan itu merupakan satu ciri yang terang di dalam penciptaan Allah S.W.T. Ciri inilah yang membuat alam al-wujud ini lebih besar pada segi isi hakikatnya dari rupa bentuknya yang lahir. Marilah kita ambil manusia sebagai satu contoh yang dapat menjelaskan hakikat yang agung ini. Manusia semuanya manusia belaka dari segi rupa bentuk dan susunan kejadian yang pokok, iaitu masing-masing mempunyai kepala, tubuh dan kaki tangan, darah, daging, urat saraf, dua mata dan telinga, mulut, lidah dan sel-sel dari jenis sel-sel yang hidup, iaitu bahan-bahan kejadian dan rupa bentuk yang serupa, tetapi di manakah penghabisan perbezaan sifat-sifat dan ciri-ciri di antara mereka? Di manakah penghabisan perbezaan tabi'at dan bakat-bakat di antara mereka? Perbezaan di antara seorang manusia dengan seorang manusia yang lain, walaupun pada lahirnya kelihatan serupa, tetapi perbezaannya kadang-kadang lebih jauh lagi dari perbezaan di antara langit dan bumi.

Demikianlah ciri kelainan dan keanekaragaman dalam penciptaan Allah kelihatan amat besar. Ia memusing dan memeningkan kepala. Keanekaragaman itu merangkumi keanekaragaman jenis-jenis, keanekaragaman rupa bentuk, keanekaragaman kelebihan dan sifat-sifat, dan semua keanekaragaman itu adalah berpunca dari satu sel yang tunggal yang serupa bentuk dan susunan kejadiannya.

Siapakah yang tidak mahu menyembah Allah Yang Maha Esa, sedangkan inilah kesan-kesan penciptaan dan qudrat-Nya yang amat besar? Siapakah yang sanggup mengadakan sekutu-sekutu dan tandingan-tandingan bagi Allah, sedangkan inilah kesan-kesan tangan kekuasaan-Nya yang amat jelas sama ada pada kejadian-kejadian yang dapat dilihat oleh mata atau kejadian-kejadian yang tidak dilihat oleh mata?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Selepas itu ayat yang berikut membentangkan perbandingan-perbandingan yang dikemukakan Allah di dalam Al-Qur'an:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَسۡتَحۡيِۦٓ أَن يَضۡرِبَ مَثَلٗا مَّا بَعُوضَةٗ
فَمَا فَوۡقَهَاۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَيَعۡلَمُونَ أَنَّهُ ٱلۡحَقُّ
مِن رَّبِّهِمۡۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَيَقُولُونَ مَاذَآ
أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلٗاۘ يُضِلُّ بِهِۦ كَثِيرٗا وَيَهۡدِي
بِهِۦ كَثِيرٗاۚ وَمَا يُضِلُّ بِهِۦٓ إِلَّا ٱلۡفَٰسِقِينَ ٢٦
ٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهۡدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مِيثَٰقِهِۦ
وَيَقۡطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفۡسِدُونَ
فِي ٱلۡأَرۡضِۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ ٢٧

"Sesungguhnya Allah tidak segan membuat perbandingan dengan nyamuk atau dengan (serangga) yang lebih (kecil) darinya. Adapun orang-orang yang beriman, mereka yakin bahawa perbandingan itu adalah benar dari Tuhan mereka. Adapun orang-orang kafir mereka bertanya: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?" Dengan perbandingan ini ramai orang yang disesatkan Allah dan ramai pula orang-orang yang diberikan hidayat dan Allah tidak menyesatkan dengan perbandingan ini melainkan orang-orang yang fasiq(26). Iaitu orang-orang yang membatalkan perjanjian Allah sesudah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan-hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka melakukan kerosakan di bumi. Merekalah orang-orang yang rugi."(27)

Ayat-ayat ini membayangkan bahawa kaum Munafiqin yang dibandingkan Allah seperti orang yang menyalakan api atau seperti orang yang ditimpa hujan yang lebat di malam yang gelap dengan guruh dan kilat yang bersabungan - mungkin kaum Yahudi dan kaum Musyrikin pun begitu juga - telah menggunakan perbandingan-perbandingan ini dan perbandingan-perbandingan yang terdapat dalam surah-surah Makkiyah yang lain sebagai lubang untuk menimbulkan keraguan terhadap kebenaran Al-Qur'an. Yakni mereka telah menggunakan perbandingan-perbandingan ini dan perbandingan-perbandingan yang lain yang telah diturunkan sebelum ini di dalam surah Makkiyah yang lain dan dibaca di Madinah iaitu seperti perbandingan Allah yang menyamakan orang-orang yang syirik terhadap Allah dengan labah-labah:

كَمَثَلِ ٱلْعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتْ بَيْتًا ۖ وَإِنَّ أَوْهَنَ ٱلْبُيُوتِ لَبَيْتُ ٱلْعَنكَبُوتِ ۖ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Seperti labah-labah yang membuat rumah, dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah jika mereka mengetahui."

(Surah al-'Ankabut: 41)

dan seperti perbandingan Allah yang menggambarkan kelemahan tuhan-tuhan palsu yang didakwa mereka untuk menciptakan seekor lalat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَن يَخْلُقُوا۟ ذُبَابًا وَلَوِ ٱجْتَمَعُوا۟ لَهُۥ ۖ وَإِن يَسْلُبْهُمُ ٱلذُّبَابُ شَيْـًٔا لَّا يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُ ۚ ضَعُفَ ٱلطَّالِبُ وَٱلْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾

"Sesungguhnya sembahan-sembahan yang kamu sembah selain Allah itu tidak akan berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama. Andainya lalat itu merampas sesuatu dari mereka, nescaya mereka tidak berdaya mengambilnya kembali daripadanya. Yang menyembah pun lemah dan yang disembah pun lemah."

(Surah al-Haj: 73)

Ayat ini membayangkan bahawa kaum Munafiqin - dan mungkin juga turut sama kaum Yahudi dan kaum Musyrikin - telah menggunakan perbandingan-perbandingan ini untuk menimbulkan keraguan terhadap kebenaran Al-Qur'an yang diwahyukan Allah dengan alasan bahawa perbandingan-perbandingan seperti ini, yang mengandungi sindiran yang memperkecil dan menyenda-nyendakan mereka itu tidak layak terbit dari Allah, kerana Allah tidak wajar menyebut serangga-serangga yang kecil seperti lalat dan labah-labah di dalam kalam-Nya. Inilah sebahagian dari tindakan-tindakan membangkitkan keraguan dan kesangsian (terhadap Al-Qur'an) yang dilakukan oleh kaum Munafiqin dan kaum Yahudi di Madinah, juga dilakukan oleh kaum Musyrikin di Makkah.

Oleh itu ayat-ayat ini diturun untuk menolak pakatan jahat ini, dan untuk menjelaskan hikmat Allah di dalam perbandingan-perbandingan itu, juga untuk mengingatkan orang-orang yang tidak beriman akibat mengelirukan perbandingan-perbandingan itu, di samping meyakinkan orang-orang yang beriman bahawa perbandingan-perbandingan itu akan menambahkan keimanan mereka.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَسْتَحْىِۦٓ أَن يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا ۚ

"Sesungguhnya Allah tidak segan membuat perbandingan dengan nyamuk atau dengan (serangga) yang lebih (kecil) darinya,"(26)

Mu'jizat Pada Nyamuk Sama Dengan Mu'jizat Pada Gajah

kerana Allah itu Tuhan makhluk yang kecil dan yang besar dan Pencipta nyamuk dan gajah. Mu'jizat yang terdapat pada nyamuk sama dengan mu'jizat yang terdapat pada gajah, iaitu mu'jizat hayat, mu'jizat rahsia hidup yang tertutup yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah. Tiada sesuatu yang mengaibkan Allah dalam perbandingan-perbandingan yang dibuat oleh-Nya, dan bukannya sifat Allah malu dan segan menyebut perbandingan-perbandingan itu, kerana Allah yang Maha Bijaksana itu bertujuan mahu menguji hati dan jiwa manusia dengan perbandingan-perbandingan itu.

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّهِمْ ۖ

"Ada pun orang-orang yang beriman, mereka yakin bahawa perbandingan itu adalah benar dari Tuhan mereka."

Ini ialah kerana keimanan mereka kepada Allah itulah yang membuat mereka menerima apa sahaja yang terbit dari Allah dengan (adab sopan) yang layak dengannya dan dengan keyakinan mereka terhadap hikmat kebijaksanaan-Nya. Keimanan itu telah memberi nur di dalam hati mereka, memberi kepekaan di dalam jiwa mereka, membuka pintu kefahaman kepada akal fikiran mereka dan menghubungkan mereka dengan hikmat kebijaksanaan Ilahiyah dalam segala perkara dan segala perkataan yang datang dari Allah.

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَيَقُولُونَ مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَـٰذَا مَثَلًا ۘ

"Ada pun orang-orang kafir mereka bertanya: 'Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?"'(26)

Itulah pertanyaan orang yang terhijab dari nur Allah dan hikmat-Nya, dan orang yang terputus hubungannya dengan sunnatullah dan tadbir-Nya. Di samping itu pertanyaan itu pula merupakan satu pertanyaan dari orang yang tidak bersopan santun terhadap Allah, orang yang tidak menunjukkan adab yang layak bagi seorang hamba terhadap tindakan-tindakan Allah. Mereka telah mempertikaikan perbandingan-perbandingan Allah dengan penuh kejahilan dan biadab sama ada dalam susunan kata bantahan dan sangkalan mereka, atau dalam cara mereka menimbulkan keraguan dan kesangsian terhadap perbandingan-perbandingan yang terbit dari Allah itu.

يُضِلُّ بِهِۦ كَثِيرًا وَيَهْدِى بِهِۦ كَثِيرًا ۚ وَمَا يُضِلُّ بِهِۦٓ إِلَّا ٱلْفَـٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾

"Dengan perbandingan ini ramai orang yang disesatkan Allah dan ramai pula orang yang diberi hidayat dan Allah tidak menyesatkan dengan perbandingan ini melainkan orang-orang yang fasiq."(26)

Ujian Allah Dan Reaksi Manusia Terhadap-Nya

Allah melepaskan ujian-ujian itu bergerak bebas, dan ujian-ujian itu disambut oleh para hamba-Nya mengikut tabi'at dan kesediaan mereka masing-masing. Setiap orang masing-masing memberi sambutan mengikut cara dan gaya yang dipilih olehnya. Tetapi ujian Allah hanya satu sahaja, dan kesan-kesan ujian itu berbeza mengikut perbezaan cara dan gaya menyambutnya. Ujian kesusahan ditimpakan ke atas berbagai-bagai manusia, tetapi bagi orang yang beriman dan yakin kepada Allah, kepada hikmat dan rahmat-Nya, kesusahan itu merapatkan lagi hubungannya dengan Allah, menambahkan iltija' (memohon perlindungan) dan ketakutannya kepada Allah. Bagi orang yang fasiq atau munafiq pula, kesusahan itu menggoncangkan hatinya, menambahkan kejauhannya dari Allah dan mengeluarkannya begitu jauh dari barisan (Mu'min). Begitu juga ujian kesenangan disogokkan kepada berbagai-bagai manusia, tetapi bagi orang yang beriman, kesenangan itu menambahkan kesedaran, kepekaan dan kesyukuran, dan bagi orang-orang yang fasiq atau munafiq, kesenangan itu menjadikannya angkuh, rosak akhlak dan sesat. Demikianlah juga perbandingan-perbandingan yang dikemukakan Allah kepada manusia. Ramai orang menjadi sesat dengan sebab perbandingan itu. Mereka adalah terdiri dari orang-orang yang tidak mahu menerima dengan baik apa yang datang dari Allah. Ramai pula orang yang mendapat hidayat dengan perbandingan itu, dan mereka adalah terdiri dari orang-orang yang memahami hikmat kebijaksanaan Allah.

وَمَا يُضِلُّ بِهِۦٓ إِلَّا ٱلۡفَٰسِقِينَ ٢٦

"Dan Allah tidak menyesatkan dengan perbandingan ini melainkan orang-orang yang fasiq,"(26)

iaitu orang-orang yang mempunyai hati yang fasiq sebelum ini dan menyeleweng dari hidayat dan kebenaran. Dan balasan yang wajar terhadap mereka ialah mereka bertambah sesat dan fasiq.

Ayat yang berikut menghuraikan sifat-sifat orang-orang fasiq itu sebagaimana permulaan surah ini menghuraikan sifat-sifat orang-orang yang bertaqwa, kerana bidang pembicaraan surah di sini masih lagi membicarakan tentang golongan-golongan yang mewakili umat manusia di berbagai-bagai zaman:

ٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهۡدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مِيثَٰقِهِۦ
وَيَقۡطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفۡسِدُونَ
فِي ٱلۡأَرۡضِۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ ٢٧

"Iaitu orang-orang yang membatalkan perjanjian Allah sesudah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan-hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka melakukan kerosakan di bumi. Merekalah orang-orang yang rugi."(27)

Apakah perjanjian dari perjanjian-perjanjian Allah yang telah dibatalkan mereka? Apakah perkara yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya itu telah diputuskan mereka? Apakah jenis kerosakan di bumi yang telah dilakukan mereka?

Ayat ini hanya menyebut secara umum begitu sahaja, kerana pembicaraan di sini ialah pembicaraan untuk menggambarkan tabi'at dan contoh suatu golongan sahaja bukan untuk merakamkan satu peristiwa atau menghuraikan suatu kejadian. Yang dimaksudkan di sini ialah gambaran umum sahaja, iaitu segala perjanjian yang wujud di antara Allah dengan model golongan manusia seperti ini telah dibatalkan belaka, dan segala perkara yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya telah diputuskan belaka, dan segala kerosakan di bumi ini telah dilakukan mereka. Pendeknya hubungan contoh golongan manusia seperti ini dengan Allah telah terputus. Fitrah mereka yang menyeleweng tidak pernah mematuhi sesuatu perjanjian, tidak pernah berpegang dengan tali hubungan yang teguh dan tidak pernah segan melakukan kejahatan dan kerosakan. Mereka laksana buah putik yang terputus dari pokok hayat. Dia menjadi busuk dan buruk lalu ia dibuang oleh pokok hayat. Oleh sebab itulah mereka menjadi sesat dengan perbandingan-perbandingan yang memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman. Yakni kesesatan mereka berpunca dari sebab perbandingan yang memberi hidayat kepada para Muttaqin.

Kita dapat melihat kesan-kesan buruk golongan-golongan ini telah dihadapi oleh da'wah di Madinah dalam bentuk golongan-golongan kaum Yahudi, kaum Munafiqin, dan kaum Musyrikin, iaitu golongan-golongan yang terus dihadapi da'wah dan masih terus dihadapinya pada hari ini di dunia ini dengan sedikit perbezaan dari segi nama-nama dan lambang-lambang.

ٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهۡدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مِيثَٰقِهِۦ

"Iaitu orang-orang yang membatalkan perjanjian Allah setelah diikatkannya dengan teguh."

Perjanjian Allah Dengan Manusia

Perjanjian Allah yang diikatkan dengan manusia adalah tergambar di dalam berbagai-bagai bentuk perjanjian iaitu perjanjian fitrah yang pertama di dalam tabi'at setiap yang

hidup, yang berjanji mengenal Allah sebagai Khaliqnya dan beribadat kepada-Nya. Dalam fitrah inilah masih terdapat kerinduan untuk mencari dan mempercayai Allah. Tetapi fitrah ini sering sesat dan menyeleweng, lalu ia mengadakan tandingan-tandingan dan sekutu-sekutu bagi Allah. Juga

perjanjian menjadi khalifah di bumi yang diikatkan Allah dengan Adam sebagaimana akan diterangkan nanti:

فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى فَمَن تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

"Dan jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku (melalui para rasul), maka ingatlah sesiapa yang mematuhi hidayat-Ku, maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(38)

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ
هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi."(39)

Itulah perjanjian-perjanjian Allah yang banyak di dalam risalah-risalah bagi setiap kaum, di mana manusia berjanji menyembah Allah yang Tunggal sahaja dan berhakimkan kepada peraturan-peraturan dan syari'at Allah dalam kehidupan mereka. Semua perjanjian ini telah dibatalkan oleh orang-orang yang fasiq, dan apabila perjanjian yang telah diikatkan dengan Allah itu dibatalkan maka segala perjanjian yang lain dari perjanjian Allah tentu akan dibatalkan belaka, kerana orang yang berani mencabul perjanjian Allah selepas itu tidak akan menghormati sebarang perjanjian yang lain.

وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَن يُوصَلَ

"Dan memutuskan hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya."

Allah memerintah menyambungkan berbagai-bagai hubungan, iaitu hubungan silaturrahim dan kekeluargaan, hubungan (persaudaraan) kemanusiaan yang agung, dan sebelum ini Allah memerintah mengikatkan hubungan 'aqidah atau persaudaraan Imaniyah (persaudaraan Islam). Apabila tali-tali hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya itu diputuskan, maka akibatnya putus dan terhurailah tali perhubungan itu dan berlakulah kerosakan di bumi dan keadaan-keadaan huru-hara akan berleluasa.

وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ ۚ

"Dan mereka melakukan kerosakan di bumi."

Di sana terdapat berbagai-bagai jenis kerosakan di bumi dan semuanya itu adalah terbit dari perbuatan menyeleweng dari kalimah Allah, membatalkan perjanjian Allah dan memutuskan hubungan-hubungan yang diperintahkan Allah supaya dihubungkannya. Dan yang menjadi punca kerosakan di bumi ialah penyimpangan dari agama Allah yang telah dipilih untuk memerintah dan mengendalikan kehidupan manusia. Inilah persimpangan jalan yang pasti membawa kepada kerosakan. Keadaan kehidupan di bumi ini tidak menjadi baik selagi agama Allah atau sistem hidup yang diaturkan Allah itu diletak jauh dari teraju pentadbirannya, dan selagi syari'at Allah diketepikan dari kehidupannya. Andainya tali hubungan di antara manusia dengan Tuhan mereka itu terputus seperti ini, maka sudah tentu ia menimbulkan kerosakan yang menyeluruh, iaitu kerosakan yang merangkumi jiwa, keadaan dan kehidupan, kerosakan yang mencakup bumi dan penghuninya dari manusia dan benda-benda.

Itulah keruntuhan, kejahatan dan kerosakan yang berlaku akibat penyelewengan dari jalan Allah. Oleh sebab itulah penyeleweng-penyeleweng itu wajar disesatkan Allah dengan pengajaran yang memberi hidayat kepada para hamba-Nya yang beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Setelah memberi penerangan yang jelas tentang kesan-kesan kekafiran dan penyelewengan di seluruh bumi ini, ayat-ayat berikut mengecam manusia kerana kekafiran mereka terhadap Allah yang Menghidup, Memati, Mencipta, Memberi Rezeki, Mentadbir dan Maha Mengetahui:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَاتًا
فَأَحْيَاكُمْ ۖ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾
هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُم مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ
اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ ۚ
وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

"Bagaimana kamu menjadi kafir terhadap Allah, sedangkan kamu dahulunya mati lalu Dia hidupkan kamu, kemudian Dia matikan kamu kemudian Dia hidupkan kamu kembali kemudian seluruh kamu dikembalikan kepada-Nya(28). Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi kemudian Dia menuju ke langit lalu menciptakan tujuh langit dan Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(29)

Dari Mana Datangnya Hayat?

Kekafiran terhadap Allah setelah berdepan dengan berbagai-bagai dalil dan menerima berbagai-bagai ni'mat itu adalah satu kekafiran yang amat buruk dan keji, iaitu kekafiran yang tidak mempunyai sebarang alasan dan sandaran. Al-Qur'an menghadapi manusia dengan dalil-dalil yang pasti diakui dan diterima. Al-Qur'an membuktikan kepada mereka dengan kisah perjalanan hidup mereka dan peringkat-peringkat perkembangan kewujudan mereka, iaitu dahulunya

mereka mati kemudian Allah menghidupkan mereka. Dahulu mereka berada dalam keadaan mati kemudian Allah memindahkan mereka dari keadaan mati kepada keadaan hidup. Tidak ada jalan (bagi manusia) melarikan diri dari hakikat ini iaitu hakikat yang tidak dapat ditafsir melainkan dengan adanya qudrat Allah yang Maha Pencipta. Mereka adalah makhluk-makhluk yang hidup kerana di dalam diri mereka ada hayat, tetapi siapakah yang menciptakan hayat itu untuk mereka? Siapakah yang menciptakan gejala yang baru ini (gejala hayat) yang melebihi makhluk-makhluk beku yang mati yang ada di bumi ini? Tabi'at hayat merupakan satu perkara yang berlainan dari tabi'at mati yang ada pada makhluk-makhluk beku yang tidak bernyawa. Dari manakah datangnya hayat ini? Tidak ada gunanya melarikan diri dari pertanyaan ini iaitu pertanyaan yang tetap) menggesa akal dan hati (supaya menjawabnya). Begitu juga tidak ada jalan lain untuk mentafsirkan kedatangannya dengan alasan yang lain dari qudrat Allah, iaitu qudrat yang mempunyai sifat-sifat yang berlainan dari sifat-sifat makhluk. Dari manakah datangnya hayat yang mempunyai corak perjalanan yang berlainan dari kejadian-kejadian beku yang tidak bernyawa ini? Ia datang dari sisi Allah. Inilah jawapan dekat, jika tidak maka hendaklah orang yang tidak mahu menerima jawapan ini menerangkan manakah jawapannya?

Inilah hakikat yang dihadapkan oleh ayat yang berikut ini kepada manusia:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِٱللَّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَٰتًا فَأَحْيَٰكُمْ ۖ

"Bagaimana kamu kafir terhadap Allah sedangkan kamu dahulunya mati lalu Dia hidupkan kamu?"

Yakni dahulunya kamu sekalian mati belaka sama dengan makhluk-makhluk beku yang tidak bernyawa yang ada di sekeliling kamu di bumi ini, lalu Allah ciptakan hayat di dalam dirimu.

فَأَحْيَٰكُمْ ۖ

"Lalu dia hidupkan kamu."

Bagaimana kamu tergamak tidak percaya kepada Allah yang telah memberi hayat kepada kamu?

ثُمَّ يُمِيتُكُمْ

"Kemudian Dia matikan kamu."

Barangkali tidak ada apa-apa bantahan dan sangkalan terhadap hakikat ini, kerana hakikat ini dihadapi oleh setiap makhluk yang hidup pada setiap sa'at. Hakikat ini telah memaksakan dirinya ke atas seluruh manusia tanpa menerima sebarang bantahan dan sangkalan.

ثُمَّ يُحْيِيكُمْ

"Kemudian Dia hidupkan kamu kembali."

Inilah hakikat yang dibantah dan dipertikaikan mereka sebagaimana ia disangkal dan dipertikaikan sekarang oleh setengah-setengah orang yang buta mata hati mereka dan terbalik kepada jahiliyah purba berkurun-kurun sebelum ini. Sebenarnya hakikat ini tidaklah seharusnya menimbulkan apa-apa keganjilan dan pendustaan (dari mereka) apabila mereka memikirkan (kekuasaan Allah yang telah mencipta) hidup mereka yang pertama.

ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾

"Kemudian seluruh kamu dikembalikan kepada-Nya"(28)

Yakni sebagaimana Allah mula-mula menciptakan kamu, maka lambat laun kamu akan kembali kepada-Nya. Juga sebagaimana Allah telah ciptakan kamu, maka seluruh kamu akhirnya akan dikumpulkan kembali kepada-Nya. Sebagaimana kamu muncul dengan iradat Allah dari alam maut kepada alam hayat, maka begitulah juga kamu akan dikembalikan kepada-Nya untuk menerima hukuman dan keputusannya terhadap amalan-amalan kamu.

Demikianlah dalam satu ayat yang pendek dibukakan semua sejarah hidup manusia kemudian ditutūp, kemudian ditayangkan dalam sekelip mata gambaran umat manusia yang berkumpul dalam genggaman qudrat Allah. Mula-mula Allah membangkitkan mereka bagi pertama kalinya dari kebekuan maut. Kemudian Dia mematikan mereka dengan tangan maut di dunia, dan kemudian Dia menghimpunkan mereka sekali lagi dan mengembalikan mereka kepada-Nya di alam Akhirat sebagaimana Dia ciptakan mereka di dunia. Dalam tayangan yang pantas ini terlukislah gambaran qudrat Allah yang Maha Kuasa yang menyampaikan saranan-saranan yang mendalam di dalam hati.

Kemudian diiringkan pula satu lagi tayangan sepintas untuk menyempurnakan tayangan sepintas yang pertama.

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ ۚ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

"Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi kemudian Dia menuju ke langit lalu menciptakannya tujuh langit dan Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(29)

Konsep Istiwa' Dan Taswiyah

Di sinilah para mufassirin dan ahli-ahli ilmu kalam membicarakan dengan panjang lebar tentang penciptaan langit dan bumi, tentang manakah di antara keduanya yang dahulu dan kemudian diciptakan. Mereka juga membincangkan tentang makna istiwa' (ثم استوى إلى السماء) dan makna taswiyah (فسواهن). Mereka lupa bahawa konsep *"dahulu dan kemudian"* itu adalah dua istilah yang

tidak ada ertinya jika dihubungkan kepada Allah Ta'ala. Begitu juga mereka lupa bahawa konsep " استواء dan تسوية " merupakan dua istilah bahasa untuk mendekatkan kepada fahaman manusia yang terbatas tentang gambaran Khaliq yang tidak terbatas, tidak lebih dari itu. Perdebatan secara ilmu kalam yang berlaku di antara para ulama' di sekitar pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an yang seperti ini merupakan salah satu penyakit dari penyakit-penyakit falsafah Greek dan perbahasan Lahutiyah (ketuhanan) kaum Yahudi dan kaum Nasara ketika ia bertembung dengan aqliyah Arab yang bersih dan aqliyah Islam yang jelas. Pada hari ini tidak seharusnya kita terkena penyakit ini sehingga kita sanggup merosakkan keindahan 'aqidah dan keindahan Al-Qur'an dengan perbahasan-perbahasan dan persoalan-persoalan ilmu kalam.

Oleh itu marilah kita terus sahaja membicarakan hakikat-hakikat yang menarik di sebalik pengungkapan-pengungkapan ini, iaitu hakikat seluruh yang ada di bumi ini adalah diciptakan Allah untuk faedah manusia, dan makna hakikat ini yang menunjukkan matlamat kewujudan manusia, peranan agung mereka di bumi, nilai mereka dalam neraca Allah dan makna di sebalik semuanya ini yang menjelaskan nilai manusia dalam pemikiran Islam dan di dalam sistem masyarakat Islam.

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا

"Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi."

Ni'mat Menjadi Khalifah Di Bumi

Kata-kata "untuk kamu" mempunyai makna dan saranan-saranan yang amat mendalam. Ia merupakan satu kenyataan yang tegas bahawa Allah menciptakan makhluk insan untuk satu tujuan yang amat besar, iaitu Allah jadikan insan untuk menjadi khalifah di bumi yang dapat memiliki segala apa yang ada padanya serta bertindak aktif di sana.

Dialah makhluk tertinggi dalam kerajaan bumi yang amat luas ini, dan dialah tuan yang pertama di bumi pusaka yang sayup saujana ini. Jadi peranan yang dimainkan insan di bumi dan dalam peristiwa-peristiwa dan perkembangan-perkembangan di bumi ialah peranan utama, yakni dialah tuan bumi dan tuan alat (yang wujud di bumi). Oleh itu insan bukannya hamba kepada alat sebagaimana kedudukannya di alam kebendaan pada hari ini, dan dia juga bukan pak turut perkembangan dan kemajuan yang diwujudkan oleh alat dalam bidang hubungan sesama manusia dan kedudukan-kedudukan mereka sebagaimana yang didakwa oleh pejuang-pejuang materialisme/faham kebendaan yang buta mata hati, memandang rendah kepada peranan dan taraf manusia, dan menjadikan manusia selaku pak turut alat-alat yang pekak, sedangkan manusia adalah tuan yang mulia. Setiap nilai dari nilai-nilai kebendaan tidak seharusnya mengatasi nilai manusia, dan tidak seharusnya menghina atau menunduk atau menguasai manusia. Setiap matlamat yang mengandungi unsur yang memperkecilkan nilai manusia, walaupun sebesar mana ia dapat melahirkan kelebihan-kelebihan kebendaan, adalah suatu matlamat yang bertentangan dengan matlamat kewujudan manusia. Kehormatan manusia pastilah mengambil tempat yang pertama. Ketinggian dan kelebihan manusia pastilah diletakkan pada tempat yang pertama. Selepas itu barulah datang nilai-nilai kebendaan selaku nilai pengiring yang tunduk (kepada nilai manusia).

Ni'mat Allah terhadap manusia yang dibangkitkan di dalam ayat ini bukannya semata-mata pengurniaan segala isi bumi kepada mereka, malah di samping ni'mat itu ialah ni'mat ketuanan menguasai segala isi bumi dan pengurniaan nilai yang lebih tinggi dari segala nilai-nilai kebendaan yang dikandung bumi, iaitu ni'mat perlantikan menjadi khalifah dan ni'mat mendapat penghormatan menjadi khalifah yang mengatasi ni'mat pemilikan dan pengambilan faedah yang besar (dari isi bumi).

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ

"Kemudian Dia menuju ke langit lalu menciptakan tujuh langit."

Di sini bukannya ruang untuk berbicara dengan panjang lebar tentang makna istiwa' kecuali sekadar menyatakan bahawa istiwa' itu merupakan lambang kekuasaan Allah dan menggambarkan maksud Ilahi hendak mengadakan dan menciptakan (langit). Begitu juga di sini bukannya ruang untuk berbicara dengan panjang lebar tentang makna tujuh langit yang dimaksudkan dalam ayat ini, juga tentang rupa bentuknya, ukuran besar kecil, tinggi rendah atau dimensi-dimensinya, kerana di sini cukup dengan maksud umum ayat ini sahaja iaitu Allah menciptakan alam buana dengan langit dan buminya untuk ditayangkan bagi maksud mengecam sikap orang-orang yang kafir terhadap Allah yang telah mencipta dan menguasai alam ini, dan menjadikan segala isi bumi untuk mereka, dan mengaturkan urusan langit-langit dengan cara yang membolehkan semua makhluk yang bernyawa hidup rehat di bumi ini.

وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

"Dan Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(29)

Yakni Allah mengetahui segala sesuatu kerana Dialah yang menciptakan segala sesuatu dan mentadbirkan segala sesuatu. Liputan ilmu Allah yang menyeluruh di sini samalah dengan liputan tadbir Allah yang menyeluruh. Ia merupakan salah satu pendorong ke arah beriman kepada Allah Pencipta yang Maha Esa, ke arah bertawajjuh dengan ibadat kepada Allah Pentadbir yang Maha Tunggal dan ke arah menumpukan seluruh ibadat kepada Allah Pengurnia rezeki dan ni'mat kerana mensyukuri budi baik-Nya.

Demikianlah berakhirnya pusingan yang pertama surah ini, dan seluruh pembicaraannya ditekankan pada persoalan keimanan dan da'wah ke arah memilih angkatan para Mu'minin yang bertaqwa.

(Kumpulan ayat-ayat 30 - 39)

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى جَاعِلٌ فِى ٱلْأَرْضِ
خَلِيفَةً قَالُوٓاْ أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ
ٱلدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ
إِنِّىٓ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾
وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى
ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ فَقَالَ أَنۢبِـُٔونِى بِأَسْمَآءِ هَٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿٣١﴾
قَالُواْ سُبْحَٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ
ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾
قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ أَنۢبِئْهُم بِأَسْمَآئِهِمْ فَلَمَّآ أَنۢبَأَهُم بِأَسْمَآئِهِمْ
قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾
وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُواْ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓاْ إِلَّآ إِبْلِيسَ
أَبَىٰ وَٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٤﴾
وَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ ٱسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ ٱلْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا
رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةَ فَتَكُونَا
مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٣٥﴾
فَأَزَلَّهُمَا ٱلشَّيْطَٰنُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا
ٱهْبِطُواْ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٣٦﴾
فَتَلَقَّىٰٓ ءَادَمُ مِن رَّبِّهِۦ كَلِمَٰتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُۥ هُوَ
ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾

قُلْنَا ٱهْبِطُواْ مِنْهَا جَمِيعًا فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّى هُدًى
فَمَن تَبِعَ هُدَاىَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَآ أُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ
هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di bumi ini.' Kata mereka: 'Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi ini makhluk yang akan melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan mentaqdiskan-Mu?' Jawab Allah: 'Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak diketahui oleh kamu(30). Dan Allah telah mengajar seluruh nama kepada Adam kemudian Dia bentangkannya kepada para malaikat lalu berfirman: "Terangkanlah kepada-Ku nama-nama ini jika kamu mengetahui'(31). Jawab mereka: 'Maha sucilah Engkau! Kami tidak mempunyai sebarang ilmu kecuali sekadar apa yang telah diajarkan Engkau kepada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana'(32). Allah berfirman: 'Wahai Adam! Terangkanlah nama-nama ini' dan setelah Adam menerangkan nama-nama itu, Allah pun berfirman: "Bukankah Aku telah katakan kepada kamu bahawa Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui segala apa yang kamu nyata dan segala apa yang kamu sembunyikan(33). Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: 'Sujudlah kamu kepada Adam" lalu mereka pun sujud kecuali Iblis sahaja yang enggan dan berlagak angkuh dan dia telah termasuk dalam golongan orang-orang yang kafir'(34). Dan Kami telah berfirman: 'Wahai Adam tinggallah engkau bersama isteri engkau dalam Syurga dan makanlah kamu berdua dari (buah-buahannya) dengan mewah di mana sahaja kamu berdua sukai, tetapi janganlah kamu hampiri pokok ini nanti akibatnya kamu berdua termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim'(35). Kemudian kedua-duanya telah digelincirkan syaitan dari Syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari ni'mat Syurga yang sedang dini'matinya. Lalu Kami berfirman: 'Turunlah kamu (dari Syurga ini ke bumi di mana) kamu akan bermusuh-musuhan satu sama lain dan disediakan untuk kamu tempat kediaman dan kesenangan sehingga kepada satu waktu yang ditentukan'(36). Kemudian Adam menerima dari Tuhannya kalimah-kalimah (bertaubat) lalu Allah menerima taubatnya sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang(37). Kami telah berfirman: "Turunlah kamu sekalian dari Syurga ini, dan jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku (melalui para rasul), maka ingatlah sesiapa yang mematuhi hidayat-Ku, maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita(38). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi."(39)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Benarkah Kisah-kisah Di Dalam Al-Qur'an Itu Berulang-ulang?

Kisah-kisah telah diceritakan oleh Al-Qur'an di dalam berbagai-bagai surah dan kaitan-kaitan yang sesuai. Kaitan-kaitan yang sesuai yang menjadi sebab diceritakan kisah-kisah inilah yang menentukan jalan kisah dan babak kisah yang ditayangkan, gambaran

kisah yang dilukiskan dan cara kisah itu diungkapkan selaras dengan suasana kerohanian, pemikiran dan kesenian yang ditayangkan kisah itu. Dengan cara yang sedemikian kisah-kisah itu dapat menunaikan peranannya yang objektif, melaksanakan matlamatnya dari segi psikologi dan memberi nadanya yang dikehendaki.

Ada orang-orang yang beranggapan bahawa kisah-kisah di dalam Al-Qur'an itu adalah berulang-ulang, kerana se-sebuah kisah itu kadang-kadang ditayangkan berulang-ulang kali di dalam berbagai-bagai surah. Tetapi pandangan yang teliti menegaskan tiada suatu kisah atau suatu babak kisah pun yang diceritakan berulang-ulang kali dengan gambaran yang sama dari segi panjang pendeknya dan dari segi cara pengungkapan ayat-ayat, malah apabila sesuatu babak kisah itu diulangkan ceritanya, maka ia diulang dengan cara yang baru yang menafikan adanya hakikat keberulangan itu.

Ada pula orang-orang yang mempunyai fikiran yang menyeleweng mendakwa bahawa peristiwa-peristiwa yang diceritakan di dalam Al-Qur'an itu merupakan peristiwa-peristiwa yang diada-adakan sahaja atau dipinda-pindakan dengan tujuan kesenian dan perhiasan sahaja yang tidak ada kaitan dengan kenyataan. Tetapi hakikat yang sebenar yang dicapai oleh setiap orang yang mengkaji Al-Qur'an dengan fitrah yang lurus dan mata hati yang terbuka ialah kaitan-kaitan maudhu' yang sesuai itulah yang menentukan kadar panjang pendek kisah yang dibentangkan pada setiap tempat itu, di samping menentukan cara-cara pembentangan dan ciri-ciri pengungkapan. Al-Qur'an adalah kitab da'wah, perlembagaan dan sistem hidup, bukannya buku cerita, buku hiburan dan buku sejarah. Di dalam ayat-ayat atau penerangan-penerangan da'wah inilah dibawa kisah-kisah yang terpilih sekadar dan secara yang sesuai dengan suasana dan penerangan ayat-ayat itu, dan melahirkan keindahan seni yang benar yang sama sekali tidak bergantung kepada ciptaan yang diada-adakan untuk maksud hiasan, tetapi ia adalah bergantung kepada pembentangan yang indah, kekuatan kebenaran dan keindahan pengungkapannya.[4]

Kisah-kisah para anbia' di dalam Al-Qur'an menggambarkan angkatan iman dalam satu perjalanan yang jauh, bersambung-sambung dan panjang. Ia menggambarkan kisah da'wah kepada Allah dan bagaimana sambutan umat manusia terhadapnya dari satu generasi ke satu generasi di samping menggambarkan sifat keimanan yang wujud di dalam hati golongan manusia yang terpilih ini, juga sifat hubungan mereka dengan Allah yang telah mengurniakan ni'mat nubuwwah yang amat besar itu. Ia mengikuti angkatan para anbia' yang mulia itu di dalam perjalanannya yang terang, yang melimpahkan kepuasan, nur hidayat dan kejernihan di dalam hati. Ia membuat hati merasa betapa mahalnya unsur keimanan dan betapa teguhnya unsur itu di dalam alam al-wujud ini. Seterusnya ia juga mendedahkan hakikat kefahaman dan pemikiran yang berteraskan iman dan membezakannya dari segala kefahaman dan pemikiran yang asing. Oleh sebab itulah kisah-kisah itu merupakan sebahagian besar dari isi kandungan Al-Qur'an selaku kitab da'wah yang luhur.

Sekarang marilah kita ikuti kisah Adam yang diceritakan dalam surah ini berdasarkan penerangan-penerangan tadi.

Rangkaian ayat-ayat ini menayangkan angkatan hayat, malah angkatan seluruh alam al-wujud. Kemudian ia memperkatakan tentang bumi ketika menyebut ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia. Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah telah menciptakan seluruh isi bumi untuk faedah manusia, dan dalam suasana ini dikemukakan kisah Adam diangkat menjadi khalifah di bumi dan bagaimana beliau dikurniakan anak kunci pemerintahan bumi dengan perjanjian dan syarat dari Allah, dan bagaimana beliau diberikan ilmu pengetahuan untuk mentadbirkan pemerintahan itu. Di samping itu kisah ini juga merupakan muqaddimah untuk memperkatakan tentang Bani Israel yang telah diangkat menjadi khalifah di bumi dengan perjanjian dari Allah kemudian Allah melucutkan mereka dari tugas khilafah itu dan menyerahkan terajunya kepada umat Muslimin yang menunaikan perjanjian Allah (sebagaimana akan dihuraikan nanti). Oleh itu kisah Adam yang disebutkan di sini adalah amat sesuai dengan suasana maudhu' pembicaraannya.

Marilah kita hayati sebentar kisah manusia pertama ini dengan saranan-saranan yang kuat di sebaliknya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 30)

Kita kini berada - dengan renungan-renungan mata hati nurani kita - di pekarangan al-Mala'ul-'Ala. Di sinilah kita mendengar dan melihat kisah manusia yang pertama:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di bumi ini."

Kisah Adam Dilantik Menjadi Khalifah

Di sini iradat yang Maha Tinggi mahu menyerahkan kepada makhluk yang baru dilahirkan ke alam al-wujud ini teraju khilafah di bumi ini dan kuasa

---

[4] *Lihat huraian yang panjang dalam bab "القصة فى القرآن" dalam buku "التصوير الفنى فى القرآن "*

mentadbirkannya. Ia mahu menyerahkan kepadanya urusan menzahirkan kehendak masyi'ah Allah dalam kerja-kerja penciptaan, pembentukan, rombakan, penyusunan, penggubahan dan penukaran (di bumi ini), juga kerja mengeluarkan apa yang ada di dalam bumi ini, iaitu dari kuasa-kuasa, tenaga-tenaga, harta-harta kekayaan yang terpendam dan bahan-bahan mentah, serta menggunakannya dengan izin Allah untuk melaksanakan tugas khilafah yang agung yang diserahkan Allah kepadanya.

Di sini Allah S.W.T. telah mengurniakan kepada makhluk yang baru ini daya-daya tenaga yang tersembunyi, bakat-bakat kesediaan yang tersimpan yang menyamai kuasa-kuasa, tenaga-tenaga, harta-harta kekayaan yang terpendam dan bahan-bahan mentah yang terdapat di bumi di samping mengurniakan kepadanya kekuatan-kekuatan yang tersembunyi yang dapat melaksanakan kehendak masyi'ah Ilahiyah.

Jadi, di sana wujudnya persamaan/kesatuan atau keselarasan di antara undang-undang yang mengendalikan bumi dan seluruh alam buana ini dengan undang-undang yang mengendalikan makhluk manusia, kekuatan-kekuatan dan daya-daya tenaganya, supaya tidak berlaku percanggahan di antara dua undang-undang itu, dan supaya daya tenaga manusia tidak hancur lebur di atas batu pejal alam buana yang besar ini.

Jadi, darjah makhluk manusia ini amat tinggi di dalam sistem kewujudan di bumi yang luas ini. Itulah penghormatan yang telah dikehendaki Allah yang Maha Pencipta dikurniakan kepada makhluk insan.

Semua ini merupakan setengah-setengah saranan dari firman Allah yang Maha Tinggi:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً

"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di bumi ini"

apabila kita memikirkannya pada hari ini dengan perasaan yang insaf dan mata hati nurani yang terbuka, dan melihat (pencapaian-pencapaian dan kemajuan-kemajuan) yang telah dicapai di bumi ini melalui daya usaha makhluk insan yang menjadi khalifah di dalam kerajaan bumi yang lebar ini.

قَالُوٓا۟ أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ ٱلدِّمَآءَ
وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ

"Kata para malaikat: 'Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi makhluk yang akan melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan mentaqdiskan-Mu?"(30)

Perkataan malaikat ini menyarankan bahawa dari bukti-bukti yang ada pada mereka atau dari pengalaman-pengalaman yang silam di bumi atau dari ilham hati nurani. Mereka dapat menanggap sedikit sebanyak tabi'at makhluk insan (yang bakal dijadikan itu) atau memahami kehendak-kehendak keperluan hidupnya di bumi ini. Mereka dapat mengetahui atau menduga bahawa makhluk ini kelak akan melakukan kerosakan dan pertumpahan darah di bumi. Di samping itu mereka - dengan fitrah kemalaikatan mereka yang bersih, yang hanya memikirkan kebaikan yang qudrat dan kedamaian yang sempurna sahaja itu - melihat bahawa bertasbih memuji Allah dan mentaqdiskan-Nya itulah satu-satunya matlamat kewujudan yang sempurna dan itulah sebab utama penciptaan makhluk, dan matlamat ini telah pun terlaksana dengan kewujudan mereka kerana merekalah selama ini memuji Allah, mentaqdis dan beribadat kepada Allah tanpa lemah dan jemu.

Para malaikat tidak ternampak hikmat iradat Allah Yang Maha Tinggi yang mahu membangun dan mengimarahkan bumi ini, menyuburkan hayat dan mempelbagaikannya, melaksanakan kehendak Allah dan undang-undang kewujudan untuk mengembang, memajukan bumi dan mengadakan perubahan-perubahan dengan perantaraan daya usaha khalifah Allah di bumi. Makhluk insan ini terkadang-kadang bertindak melakukan kerosakan dan pertumpahan darah agar di sebalik kejahatan dan keburukan yang sedikit pada zahir itu dapat dicapai kebaikan yang lebih besar dan menyeluruh, iaitu kebaikan, kesuburan dan kemajuan yang berterusan, kebaikan harakat yang meruntuh dan membina, kebaikan usaha dan percubaan yang tidak terhenti, kebaikan hasrat dan cita-cita yang tidak terhenti, kebaikan perubahan dan perkembangan di dalam kerajaan bumi yang besar ini.

Di waktu inilah penjelasan dari Allah yang mengetahui segala sesuatu dan akibat-akibat kesudahannya disampaikan kepada mereka:

قَالَ إِنِّىٓ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ۝٣٠

"Jawab Allah: 'Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak diketahui oleh kamu."'(30)

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 33)

وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى
ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ فَقَالَ أَنۢبِـُٔونِى بِأَسْمَآءِ هَٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ۝٣١
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ
ٱلْحَكِيمُ ۝٣٢
قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ أَنۢبِئْهُم بِأَسْمَآئِهِمْ فَلَمَّآ أَنۢبَأَهُم بِأَسْمَآئِهِمْ
قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ۝٣٣

"Dan Allah telah mengajar seluruh nama kepada Adam kemudian dia bentangkannya kepada para malaikat lalu berfirman: 'Terangkanlah kepada-Ku nama-nama ini jika kamu benar-benar mengetahui'(31). Jawab mereka: 'Maha Sucilah Engkau! Kami tidak mempunyai sebarang ilmu kecuali sekadar apa yang telah diajarkan Engkau kepada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana'(32). Allah berfirman: 'Wahai Adam! Terangkanlah nama-nama ini dan setelah Adam menerangkan nama-nama itu Allah pun berfirman: 'Bukankah Aku telah katakan kepada kamu bahawa Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui segala apa yang kamu nyata dan segala apa yang kamu sembunyikan."'(33)

Kebolehan Melambangkan Segala Sesuatu Dengan Nama-nama-Nya Yang Tertentu

Kita kini - dengan renungan-renungan mata hati nurani - dapat melihat apa yang dilihat oleh para malaikat di al-Mala'ul-'Ala sebahagian dari rahsia Ilahi yang agung yang telah disimpankan Allah pada makhluk insan ketika menyerahkan teraju khilafah kepadanya. Itulah rahsia kebolehan melambangkan segala sesuatu dengan nama masing-masing atau kebolehan menamakan orang-orang tertentu dan benda-benda dengan nama-nama khas - dalam bentuk lafaz-lafaz yang dituturkan - sebagai lambang dari orang-orang dan benda-benda yang nyata itu. Ini adalah satu kebolehan yang mempunyai nilai yang amat besar di dalam kehidupan manusia di muka bumi ini. Kita dapat menyedari nilainya apabila kita memikirkan betapa besarnya kesulitan dan kesukaran yang akan dihadapi manusia jika mereka tidak dikurniakan kebolehan melambangkan segala sesuatu dengan nama-nama masing-masing, dan betapa sukarnya untuk berkomunikasi dan untuk mengerti satu sama lain apabila setiap orang yang mahu berbicara dengan orang-orang lain mengenai sesuatu benda itu terpaksa membawa benda itu sendiri di hadapan mereka untuk berbicara mengenainya. Misalnya jika perkara yang dibicarakan itu ialah pokok tamar, maka ia tidak dapat dibicarakan melainkan dengan membawa pokok tamar itu sendiri, dan jika yang dibicarakan itu ialah bukit, maka tidak ada jalan untuk berbicara mengenainya melainkan dengan pergi ke bukit itu sendiri. Seterusnya jika perkara yang dibicarakan itu mengenai individu manusia yang tertentu, maka tidak ada jalan untuk membicarakannya melainkan dengan membawa individu itu sendiri. Itulah kesukaran-kesukaran yang amat besar yang menyulitkan kehidupan manusia. Mereka tidak dapat hidup andainya Allah tidak mengurniakan kepada mereka kebolehan melambangkan sesuatu dengan nama-nama masing-masing.

Bagi makhluk malaikat, mereka tidak memerlukan kepada kebolehan ini kerana mereka tidak memerlukannya dalam melaksanakan tugas mereka. Oleh sebab itulah kebolehan ini tidak dikurniakan kepada mereka. Kerana itu apabila Allah mengajar rahsia ini kepada Adam dan membentangkannya kepada para malaikat, mereka tidak mengetahui nama-nama yang diajarkan Allah itu. Mereka tidak tahu melambangkan benda-benda dan orang-orang dengan lambang-lambang kata yang tertentu dan secara terus-terang, mereka mengakui kelemahan mereka dengan bertasbih kepada Allah, mengakui keterbatasan ilmu pengetahuan mereka, iaitu mereka hanya tahu sekadar apa yang diajar oleh Allah sahaja. Tetapi Adam mengetahui nama-nama itu. Kemudian setelah itu diiringi pula dengan kenyataan yang menyedarkan para malaikat kepada memahami hikmat kebijaksanaan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana:

قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

"Allah pun berfirman: 'Bukankah Aku telah katakan kepada kamu bahawa Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui segala apa yang kamu nyata dan segala apa yang kamu sembunyikan."(33)

(Pentafsiran ayat 34)

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟

"Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka pun sujud."

Inilah setinggi-tinggi penghormatan yang dikurniakan kepada makhluk insan. Walaupun makhluk ini melakukan kerosakan dan pertumpahan darah di bumi, namun dia telah dikurniakan Allah dengan rahsia-rahsia yang mengangkatkan darjatnya mengatasi malaikat. Dia telah dikurniakan rahsia ma'rifat di samping dikurniakan rahsia iradat yang bebas yang dapat memilih jalan yang disukainya. Tabi'at manusia yang dapat memilih (di antara keimanan dan kesesatan), kebolehannya mengendalikan kemahuan atau iradatnya dalam menentukan jalan hidupnya dan kedudukannya selaku penanggung amanah hidayat kepada Allah dengan usaha-usaha peribadinya, semuanya merupakan sebahagian dari rahsia-rahsia penghormatan Allah terhadap manusia.

Para malaikat itu sujud semuanya kerana mematuhi perintah Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Mulia.

إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٤﴾

"Kecuali iblis sahaja yang enggan dan berlagak angkuh dan dia telah termasuk di dalam golongan orang-orang yang kafir."(34)

Disini ketaralah tabi'at makhluk jahat itu dengan sejelas-jelasnya iaitu melanggar perintah Allah S.W.T., bersikap angkuh dari mengakui kelebihan orang yang wajar menerimanya, berbangga dengan dosa dan menutup pintu pengertian.

Ayat ini membayangkan bahawa iblis itu bukanlah dari jenis malaikat, malah dia hanya ada bersama

mereka, dan andainya dia dari jenis malaikat tentulah dia tidak melanggar perintah Allah kerana sifat malaikat yang utama ialah ta'at.

لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٦

"Mereka tidak menderhakakan Allah dalam segala apa yang diperintahkan kepada mereka dan melaksanakan segala apa yang disuruhkan kepada mereka."

(Surah at-Tahrim: 6)

Iblis Dan Jin

Pengecualian di dalam ayat tadi tidak bererti bahawa iblis itu dari jenis malaikat kerana adanya iblis bersama mereka membolehkan pengecualian itu dibuat. Ia sama dengan perkataan anda: "Semua keluarga si anu itu datang kecuali Ahmad" sedangkan Ahmad bukan dari anak buah keluarga itu malah sahabat mereka sahaja. Iblis adalah dari jenis jin berdasarkan nas Al-Qur'an sendiri, iaitu Allah telah menciptakan jin dari api yang sangat panas dan ini merupakan bukti yang pasti bahawa dia bukannya dari jenis malaikat.

Di sini terbukalah satu medan pertarungan yang abadi, iaitu pertarungan di antara makhluk jahat iblis dengan khalifah Allah di bumi. Ia merupakan satu pertarungan abadi di dalam hati nurani manusia, iaitu satu pertarungan, di mana kemenangan kebaikan adalah bergantung kepada sejauh mana manusia itu berpegang kukuh dengan iradat dan perjanjiannya dengan Allah, dan di mana kemenangan kejahatan bergantung kepada sejauh mana manusia itu menyerahkan diri kepada hawa nafsunya dan menjauhkan diri dari Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 36)

وَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ ٱسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ ٱلْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا
رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةَ فَتَكُونَا
مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٣٥

"Dan Kami telah berfirman: 'Wahai Adam tinggallah engkau bersama isteri engkau dalam Syurga dan makanlah kamu berdua dari (buah-buahannya) dengan mewah di mana sahaja kamu berdua sukai, tetapi janganlah kamu hampiri pokok ini nanti akibatnya kamu berdua termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim.'"(35)

Yakni kedua-duanya telah diberi kebebasan meni'mati semua buah-buahan di dalam Syurga kecuali buah dari satu pokok sahaja. Mungkin pokok ini melambangkan laranganlarangan yang pasti diadakan di dalam kehidupan mereka di bumi nanti, kerana tanpa larangan, kemahuan seseorang tidak akan tumbuh, dan manusia yang mempunyai kemahuan itu tidak dapat dibezakan dari makhluk haiwan yang tidak mempunyai kemahuan, dan tanpa larangan-larangan kegigihan seseorang di dalam mematuhi janji dan syarat tidak dapat diuji. Oleh itu iradat dan kemahuan merupakan persimpangan jalan, dan orang-orang yang meni'mati hidup mereka tanpa dikawal oleh iradat adalah dari alam haiwan walaupun mereka berupa manusia.

فَأَزَلَّهُمَا ٱلشَّيْطَٰنُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ

"Kemudian kedua-duanya telah digelincirkan syaitan dari Syurga."

Ungkapan "kedua-dua telah digelincirkan syaitan" itu amat menarik. Ia melukiskan satu gambaran yang hidup seolah-olah anda dapat melihat bagaimana syaitan itu sedang mengusir Adam dan Hawa dari Syurga dan menolak kaki mereka hingga tergelincir dan jatuh.

Sampai di sini tamatlah ujian. Adam telah lupakan perjanjiannya dan lemah dalam menghadapi godaan iblis. Oleh itu ia wajar menerima hukuman dan keputusan Allah:

وَقُلْنَا ٱهْبِطُوا۟ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ وَلَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ٣٦

"Lalu Kami berfirman:'Turunlah kamu (dari Syurga ini ke bumi di mana) kamu akan bermusuh-musuhan satu sama lain dan di bumi disediakan untuk kamu tempat kediaman dan kesenangan sehingga kepada satu waktu yang ditentukan.'"(36)

Firman ini merupakan satu pengumuman permulaan perjuangan dan pertarungan di antara syaitan dan manusia di gelanggangnya yang tertentu hingga akhir zaman.

Adam bangkit kembali dari kegelincirannya dengan dorongan fitrahnya dan dia disambut oleh rahmat Allah yang selalu menyambutnya apabila dia kembali mencari perlindungan pada-Nya.

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 39)

فَتَلَقَّىٰٓ ءَادَمُ مِن رَّبِّهِۦ كَلِمَٰتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ
ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ٣٧

"Kemudian Adam menerima dari Tuhannya kalimah-kalimah (bertaubat) lalu Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang."(37)

Kini sempurnalah keputusan Allah yang terakhir dan perjanjian-Nya yang kekal dengan Adam dan zuriatnya, iaitu perjanjian menjadi khalifah di bumi dan mematuhi syarat-syarat mendapat kejayaan atau ditimpa kebinasaan di sana:

قُلْنَا ٱهْبِطُوا۟ مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّى هُدًى
فَمَن تَبِعَ هُدَاىَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ٣٨

"Kami telah berfirman: 'Turunlah kamu sekalian dari Syurga ini dan jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku (melalui para rasul), maka ingatlah sesiapa yang mematuhi hidayat-

Ku, maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita.'"(38)

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَآ أُوْلَـٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi."(39)

Kini pertarungan abadi itu telah berpindah ke gelanggangnya yang sebenar dan telah terlepas dari tali ikatannya, dan (mulai sekarang) pertarungan itu tidak akan berhenti lagi walau sedetik pun. Dan sejak dari awal lagi manusia telah mengetahui bagaimana hendak mencapai kemenangan jika ia mahukan kemenangan, dan bagaimana hendak menerima kekalahan jika ia mahukan kekalahan.

* * * * * *

Di sini kita harus kembali semula kepada permulaan kisah iaitu kisah manusia yang pertama.

Allah Ta'ala telah berfirman kepada para malaikat:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً

"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di bumi ini"(30)

Jadi, Adam dari sejak awal-awal lagi telah dijadikan untuk hidup di bumi, dan jika demikian apakah perlunya pokok larangan itu? Apakah perlunya Adam itu diuji? Dan apakah perlunya ia diturunkan ke bumi, sedangkan dari awal-awal lagi dia diciptakan untuk hidup di bumi?

Pada hemat saya ujian itu merupakan suatu pendidikan dan latihan persediaan bagi khalifah ini, kerana ujian itu dapat menggerakkan segala tenaga dan kekuatan yang tersimpan di dalam dirinya, dapat melatihnya menghadapi godaan-godaan, menerima akibat, merasa menyesal, mengenal musuh dan mencari perlindungan pada tempat yang aman.

Kisah pokok larangan dan bisikan iblis yang mengumpankan kelazatan dan keni'matan, kisah lupakan perjanjian dengan mengerjakan maksiat, kisah kesedaran selepas dimabukkan kesesatan, kisah penyesalan dan memohon keampunan, semuanya merupakan ujian yang sentiasa dihadapi manusia.

Rahmat Allah telah memutuskan bahawa makhluk insan itu diturunkan ke pusat khilafahnya di bumi dan dibekalkan dengan hasil ujian ini, iaitu ujian yang akan dihadapinya di sepanjang masa sebagai persediaan untuk mengharungi pertarungan yang tak kunjung berhenti, juga sebagai pengajaran dan peringatan kepadanya.

Kemudian sekali lagi..... di manakah berlaku semuanya ini? Apakah Syurga yang dihayati Adam dan Hawa selama beberapa waktu itu? Siapakah malaikat? Dan siapakah iblis? Bagaimana Allah berfirman kepada mereka? Dan bagaimana mereka menjawab firman-Nya?

Semua perkara yang disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim ini merupakan urusan ghaib yang hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Dengan hikmat kebijaksanaan-Nya Allah mengetahui bahawa tidak ada gunanya kepada manusia mengetahui hakikat dan sifat perkara-perkara yang ghaib itu, dan kerana itulah Allah tidak mengurniakan kepada mereka kebolehan untuk memahami dan mengetahui perkara-perkara yan ghaib melalui alat-alat yang dikurniakan kepada mereka untuk memerintah bumi ini. Bukanlah dari keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh urusan khilafah untuk kita mengetahui urusan-urusan ghaib. Sebagaimana Allah telah menciptakan undang-undang alam bagi manusia dan memperkenalkan rahsia-rahsianya kepada mereka, begitulah juga Allah telah melindungkan dari mereka urusan-urusan ghaib yang tidak berguna diketahui mereka. Walaupun manusia dibukakan berbagai-bagai rahsia alam buana kepada mereka, tetapi dia akan terus jahil dan tidak mengetahui suatu apa yang akan berlaku selepas detik yang hadir ini. Dia tidak berupaya mengetahui apa yang akan berlaku selepas sa'at ini walaupun dia menggunakan apa sahaja alat-alat ma'rifat yang boleh didapati olehnya. Dia tidak tahu adakah nafasnya yang keluar dari mulutnya itu akan kembali lagi, atau itulah hembusan nafas terakhirnya. Inilah contoh perkara ghaib yang dilindungkan dari pengetahuan manusia, kerana perkara ini tidak termasuk di dalam keperluan-keperluan khilafah, malah ia mungkin mengganggu atau menyulitkan urusan khilafah jika didedahkannya kepada pengetahuan manusia. Di sana terdapat berbagai-bagai jenis rahsia yang seperti ini yang terlindung dari pengetahuan manusia dan berada di alam ghaib yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah.

Perkara-perkara Ghaib Di Luar Daya Tanggapan Akal Manusia

Oleh sebab itu, akal manusia tidak wajar membicarakan perkara ghaib kerana ia tidak mempunyai alat-alat untuk sampai kepadanya. Segala usaha yang dicurahkan dalam percubaan memikirkan perkara-perkara ghaib itu akan hilang sia-sia dan percuma sahaja tanpa mendapat suatu hasil dan faedah.

Dan apabila akal manusia tidak dikurniakan alat dan wasilah yang membolehkannya mengetahui perkara-perkara yang ghaib yang terlindung dari pengetahuannya, maka tidaklah pula wajar baginya menunjukkan sikap yang angkuh dengan mengingkarkan perkara-perkara yang ghaib itu, kerana pengingkaran merupakan suatu keputusan yang memerlukan pengetahuan, sedangkan pengetahuan mengenai perkara yang ghaib itu di luar

tabi'at akal dan di luar keupayaannya, dan tidak perlu kepadanya dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

Perbuatan menyerah bulat-bulat kepada anggapan-anggapan dan khurafat-khurafat yang karut (mengenai perkara-perkara yang ghaib itu) memanglah amat besar mudarat dan bahayanya, tetapi yang lebih besar mudarat dan bahaya dari perbuatan itu ialah perbuatan menolak dan mengingkarkan segala perkara yang majhul yang memustahilkan segala perkara yang ghaib semata-mata kerana tidak mempunyai kebolehan mengetahuinya. Perbuatan ini merupakan satu kemunduran ke alam haiwan yang hanya hidup di dalam alam kenyataan sahaja, dan tidak pernah menembusi pagar-pagarnya ke alam kewujudan yang bebas (dari kebendaan).

Oleh itu marilah kita tinggalkan urusan alam ghaib kepada Allah, dan cukuplah bagi kita mengetahuinya sekadar yang diceritakan Allah kepada kita, iaitu sekadar yang wajar dengan kehidupan kita atau sekadar untuk membetulkan hati dan kehidupan kita sahaja, dan marilah kita mengambil dari kisah (penciptaan Adam) ini beberapa hakikat yang telah dibayangkannya, iaitu hakikat-hakikat alam dan manusia, gambaran alam al-wujud dan hubungan-hubungannya, tabi'at manusia dan nilai-nilainya serta neraca-neraca pertimbangannya. Ini sahaja lebih berguna dan lebih mendatangkan hidayat kepada umat manusia.

Dengan keringkasan yang sesuai dengan Tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini kita akan cuba menyentuh bayangan-bayangan, saranan-saranan, pandangan-pandangan dan hakikat-hakikat ini secara umum dan sepintas lalu.

Saranan-saranan Dari Kisah Adam

Saranan-saranan yang paling nyata dari kisah Adam sebagaimana yang diceritakan dalam surah ini ialah nilai yang paling besar yang diberikan oleh pandangan Islam kepada manusia dan kepada peranannya di bumi ini, kepada kedudukannya di dalam sistem alam al-wujud, kepada nilai-nilai yang menjadi asas pertimbangannya, kepada hakikat hubungannya dengan perjanjian Allah dan kepada hakikat perjanjian ini yang menjadi asas khilafahnya.

Nilai yang paling besar yang diberikan oleh pandangan Islam kepada manusia dapat dilihat dengan jelas dalam pengumuman Allah di alam al-Mala'ul-'Ala bahawa ia diciptakan untuk menjadi khalifah di bumi, juga dapat dilihat dengan jelas dalam perintah Allah yang menyuruh para malaikat sujud kepadanya dan tindakan Allah mengusir syaitan dari rahmat-Nya kerana berlagak angkuh dan enggan sujud kepada Adam, dan seterusnya dapat dilihat dengan jelas dalam ri'ayah Allah yang melindungi dan menaungi Adam dari awal hingga akhir.

Dari pandangan terhadap manusia ini tercetuslah beberapa pandangan lain yang mempunyai nilai-nilai yang penting di alam pemikiran dan alam kenyataan.

Pandangan pertama dari pandangan-pandangan itu ialah manusia adalah tuan bumi ini, dan kerana manusialah Allah ciptakan segala sesuatu di bumi ini sebagaimana telah ditegaskan dalam ayat yang silam. Jadi, manusia adalah makhluk yang paling mulia dan paling mahal dari segala makhluk kebendaan yang lain dan dari segala nilai kebendaan yang wujud di bumi ini. Oleh itu manusia tidak harus diperhamba atau diperalatkan dalam rangka usaha untuk menambahkan mana-mana nilai kebendaan atau sesuatu benda, dan tidak harus dilakukan pencerobohan dan pencabulan terhadap mana-mana nilai insaniyah yang mulia dengan tujuan untuk mencapai sesuatu faedah kebendaan atau meningkatkan pengeluaran kebendaan atau membanyakkan mana-mana unsur kebendaan, kerana seluruh kebendaan ini adalah diciptakan Allah untuk manusia, untuk menegakkan kemanusiaannya dan untuk mengukuhkan kewujudan kemanusiaannya. Oleh itu harga kebendaan-kebendaan ini tidak seharusnya dibayar dengan merampaskan mana-mana nilai kemanusiaan atau mengurangkan mana-mana nilai kehormatannya.

Pandangan yang kedua ialah peranan yang dimainkan manusia di bumi ini ialah peranan utama kerana dialah yang bergiat mengubah dan menukar rupa bentuk kejadian-kejadian di bumi ini dan hubungan-hubungannya, dialah yang menentukan arah-arah tujuan dan perjalanannya di bumi ini, bukannya alat-alat pengeluar dan bukannya agihan pengeluaran yang mengheret manusia dengan hina dina dan pasif di belakangnya seperti yang difahamkan oleh aliran-aliran pemikiran kebendaan yang memandang kecil kepada peranan manusia dan memandang begitu tinggi kepada peranan alat-alat pengeluaran.

Pandangan Al-Qur'an menjadikan manusia yang dilantikkan sebagai khalifah di bumi ini satu faktor penting dalam sistem alam buana ini. Ia mempunyai tempat yang diberikan Allah perhatian istimewa di dalam sistem ini. Khilafah manusia di bumi ini bergantung dengan berbagai-bagai perhubungannya dengan langit, angin, hujan, matahari dan bintang-bintang. Semua kejadian ini diciptakan dengan reka bentuk dan kejuruteraan yang khusus untuk membolehkan hayat berkembang di bumi dan untuk membolehkan manusia melaksanakan tugas khilafah. Lihatlah betapa tingginya kedudukan makhluk insan ini jika dibandingkan dengan peranan yang kecil yang diberikan kepada manusia oleh aliran-aliran pemikiran kebendaan itu dan tanpa membenarkan manusia mencabarnya.

Tidak syak lagi bahawa kedua-dua pandangan terhadap manusia itu, iaitu pandangan Islam dan pandangan aliran pemikiran kebendaan mempengaruhi sistem hidup manusia yang dibangunkan oleh kedua-dua pandangan itu, mempengaruhi sifat menghormati nilai-nilai kemanusiaan atau mengorbankannya, dan mempengaruhi sifat memuliakan manusia atau

menghinakannya. Apa yang kita lihat di alam kebendaan sekarang, di mana kebebasan, kehormatan-kehormatan dan nilai-nilai manusia dikorbankan untuk kepentingan meningkatkan pengeluaran kebendaan itu merupakan salah satu kesan dari kesan-kesan pandangan terhadap hakikat manusia dan terhadap hakikat peranannya di bumi ini.

Begitu juga pandangan Islam yang tinggi terhadap hakikat manusia dan peranannya melahirkan usaha meninggikan nilai-nilai adabiyah/moral dan nilai-nilai kelebihan akhlak yang tinggi, juga melahirkan usaha membesarkan nilai-nilai keimanan, kesolehan dan keikhlasan dalam kehidupannya. Inilah nilai-nilai yang menjadi asas perjanjian khilafahnya:

فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى فَمَن تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

"Dan jika datang kepada kamu, hidayat dari-Ku (melalui para rasul), maka ingatlah sesiapa yang mematuhi hidayat-Ku, maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(38)

Nilai-nilai ini adalah lebih tinggi dan lebih mulia dari semua nilai kebendaan. Walaupun di antara tujuan khilafah itu juga ialah menegakkan nilai-nilai kebendaan namun ia harus dilakukan tanpa menjadikan nilai-nilai itu tujuan pokok yang mengatasi dan menguasai nilai-nilai iman yang tinggi. Nilai iman mempunyai pengaruhnya dalam membimbing hati manusia ke arah kesucian, keluhuran dan kebersihan di dalam kehidupannya. Ini adalah berlainan dengan apa yang disarankan oleh aliran-aliran pemikiran kebendaan yang mempersenda-sendakan segala nilai rohaniyah dan mengorbankan nilai-nilai akhlak supaya seluruh perhatiannya diberikan kepada kepentingan pengeluaran dan barangan-barangan dan kepada keperluan perut seperti haiwan.[5]

Di dalam pandangan Islam juga terdapat usaha meningkatkan iradat manusia yang menjadi asas perjanjian dengan Allah kerana iradat merupakan asas taklif dan balasan. Manusia boleh meningkat ke maqam malaikat apabila dia mematuhi perjanjiannya dengan Allah dengan mengendalikan iradatnya dan tidak tunduk kepada hawa nafsunya dan kepada godaan syaitan yang dihadapinya. Dia juga boleh mencelakakan dirinya dan jatuh dari maqamnya yang tinggi apabila nafsunya menguasai iradatnya, apabila godaan syaitan mengatasi hidayat dan apabila dia melupakan perjanjian yang mendekatkannya kepada Allah. Ini tidak syak lagi merupakan satu tanda penghormatan (kepada manusia) di samping penghormatan-penghormatan yang lain. Dan ini juga merupakan satu peringatan yang berkekalan supaya mengingati persimpangan jalan di antara kebahagiaan dan kecelakaan, di antara ketinggian dan kejatuhan, di antara darjah manusia yang mempunyai iradat yang bebas dan darjah haiwan yang tidak mempunyai iradat yang bebas.

Peristiwa pertarungan - yang digambarkan oleh kisah ini - di antara manusia dan syaitan itu memberi peringatan yang berterusan tentang bentuk pertarungan itu, iaitu pertarungan di antara perjanjian dengan Allah dan godaan syaitan, di antara keimanan dan kekufuran, di antara kebenaran dan kepalsuan dan di antara hidayat dan kesesatan. Dan yang menjadi medan pertarungan itu ialah manusia itu sendiri. Dialah sendiri yang menang atau yang kalah. Ini menyarankan supaya dia sentiasa berhati-hati dan waspada, sentiasa ingat bahawa dia adalah seorang tentera di dalam medan peperangan, dan dialah yang harus menang dan memperolehi harta rampasan di dalam medan peperangan ini.

Dan akhir sekali dikemukakan pandangan Islam terhadap dosa dan taubat, iaitu dosa adalah tanggungjawab individu dan taubat juga tanggungjawab individu. Ini dijelaskan dengan terang tanpa sebarang kesamaran dan tanpa berbelit-belit. (Di dalam Islam) tidak ada dosa yang dibebankan ke atas manusia sebelum ia dilahirkan ke dunia sebagaimana dikatakan oleh teori yang dikemukakan oleh pihak gereja, dan (di dalam Islam juga) tidak ada tebusan dosa lahutiyah (ketuhanan) sebagaimana dikatakan oleh gereja bahawa 'Isa a.s. (selaku anak Tuhan mengikut dakwaan mereka) telah melakukan tebusan dosa itu dengan mensalibkan dirinya untuk menyelamatkan manusia dari kesalahan Adam..... Tidak! Kesalahan Adam adalah kesalahan peribadinya dan beliau telah pun membersihkan kesalahan itu dengan taubat secara langsung dan mudah. Begitu juga dosa sekalian anak cucunya adalah tanggungjawab peribadi masing-masing dan jalan ke arah taubat dibuka dengan mudah kepada mereka. Itulah pandangan Islam yang terang dan selesa. Setiap orang masing-masing menanggung dosa peribadinya. Di samping itu ia menyarankan kepada setiap manusia supaya berusaha dan berjuang (melawan dorongan kejahatan) dan jangan berputus asa (dari dosa) kerana:

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang." (37)

Inilah sebahagian dari saranan-saranan (yang diambil) dari kisah Adam di dalam surah ini dan cukuplah sekadar ini sahaja untuk Tafsir Fi Zilalil-Qur'an. Ianya sahaja merupakan sekumpulan kekayaan dari hakikat-hakikat dan pandangan-pandangan yang jelas dan sekumpulan kekayaan dari saranan-saranan dan bimbingan-bimbingan yang

5 *Lihat bahasan panjang lebar dalam buku "* الإنسان بين المادية والإسلام *" oleh Muhammad Qutb.*

luhur. Ia merupakan sekumpulan kekayaan yang menjadi asas pemikiran atau kefahaman kemasyarakatan (Islamiyah), dan asas undang-undang dan peraturan-peraturan kemasyarakatan (Islamiyah) yang dikuasai akhlak, kebaikan dan sifat-sifat yang mulia. Dari sini dapatlah kita memahami betapa pentingnya peranan kisah-kisah Al-Qur'an dalam usaha menanamkan asas-asas kefahaman Islam dan menjelaskan nilai-nilai yang menjadi tapak tegaknya, iaitu nilai-nilai yang layak dengan sebuah alam yang terbit dari Allah, bertawajjuh kepada Allah dan akhirnya kembali kepada Allah...... sebuah alam, di mana perjanjian perlantikan khalifah diasaskan di atas kesanggupan menerima hidayat dari Allah dan melaksanakan sistem hidup yang diaturkan Allah..... Sebuah alam, di mana persimpangan jalannya ialah sama ada manusia mendengar dan mematuhi hidayat yang diterima dari Allah atau mendengar dan mematuhi bisikan-bisikan syaitan. Di sana tidak ada jalan yang ketiga. Sama ada memilih jalan Allah atau memilih jalan syaitan, sama ada memilih jalan hidayat atau jalan sesat, sama ada jalan kebenaran atau jalan kepalsuan dan sama ada jalan keberuntungan atau jalan kerugian. Hakikat inilah yang dijelaskan oleh Al-Qur'an selaku hakikat utama yang menjadi asas seluruh kefahaman atau pemikiran dan seluruh undang-undang dan peraturan di alam manusia.

(Kumpulan ayat-ayat 40 - 74)

يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتِيَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ
وَأَوۡفُواْ بِعَهۡدِيٓ أُوفِ بِعَهۡدِكُمۡ وَإِيَّٰيَ فَٱرۡهَبُونِ ﴿٤٠﴾
وَءَامِنُواْ بِمَآ أَنزَلۡتُ مُصَدِّقٗا لِّمَا مَعَكُمۡ وَلَا تَكُونُوٓاْ أَوَّلَ
كَافِرِۭ بِهِۦۖ وَلَا تَشۡتَرُواْ بِـَٔايَٰتِي ثَمَنٗا قَلِيلٗا وَإِيَّٰيَ
فَٱتَّقُونِ ﴿٤١﴾
وَلَا تَلۡبِسُواْ ٱلۡحَقَّ بِٱلۡبَٰطِلِ وَتَكۡتُمُواْ ٱلۡحَقَّ وَأَنتُمۡ
تَعۡلَمُونَ ﴿٤٢﴾
وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرۡكَعُواْ مَعَ
ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾
أَتَأۡمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلۡبِرِّ وَتَنسَوۡنَ أَنفُسَكُمۡ وَأَنتُمۡ
تَتۡلُونَ ٱلۡكِتَٰبَۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ﴿٤٤﴾
وَٱسۡتَعِينُواْ بِٱلصَّبۡرِ وَٱلصَّلَوٰةِۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى
ٱلۡخَٰشِعِينَ ﴿٤٥﴾
ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُواْ رَبِّهِمۡ وَأَنَّهُمۡ إِلَيۡهِ
رَٰجِعُونَ ﴿٤٦﴾
يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتِيَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ وَأَنِّي
فَضَّلۡتُكُمۡ عَلَى ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٤٧﴾
وَٱتَّقُواْ يَوۡمٗا لَّا تَجۡزِي نَفۡسٌ عَن نَّفۡسٖ شَيۡـٔٗا وَلَا يُقۡبَلُ
مِنۡهَا شَفَٰعَةٞ وَلَا يُؤۡخَذُ مِنۡهَا عَدۡلٞ وَلَا هُمۡ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾
وَإِذۡ نَجَّيۡنَٰكُم مِّنۡ ءَالِ فِرۡعَوۡنَ يَسُومُونَكُمۡ سُوٓءَ
ٱلۡعَذَابِ يُذَبِّحُونَ أَبۡنَآءَكُمۡ وَيَسۡتَحۡيُونَ نِسَآءَكُمۡۚ
وَفِي ذَٰلِكُم بَلَآءٞ مِّن رَّبِّكُمۡ عَظِيمٞ ﴿٤٩﴾
وَإِذۡ فَرَقۡنَا بِكُمُ ٱلۡبَحۡرَ فَأَنجَيۡنَٰكُمۡ وَأَغۡرَقۡنَآ ءَالَ
فِرۡعَوۡنَ وَأَنتُمۡ تَنظُرُونَ ﴿٥٠﴾
وَإِذۡ وَٰعَدۡنَا مُوسَىٰٓ أَرۡبَعِينَ لَيۡلَةٗ ثُمَّ ٱتَّخَذۡتُمُ ٱلۡعِجۡلَ
مِنۢ بَعۡدِهِۦ وَأَنتُمۡ ظَٰلِمُونَ ﴿٥١﴾

"Wahai Bani Israel! Kenangilah kamu segala ni'mat yang telah Aku kurniakan kepada kamu dan sempurnakanlah perjanjian kamu dengan-Ku nescaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu, dan takutlah kepada-Ku sahaja(40). Dan berimanlah kepada kitab yang telah Ku turunkan (Al-Qur'an) yang mengesahkan kitab yang ada pada kamu dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama mengingkarkannya dan janganlah kamu membeli ayat-ayat-Ku dengan harga yang murah dan bertaqwalah kepada Aku sahaja(41). Dan janganlah kamu kelirukan yang benar dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang benar, sedangkan kamu mengetahui(42). Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'(43). Patutkah kamu menyuruh orang berbuat kebaikan dan kamu lupakan diri sendiri, sedangkan kamu membaca kitab (Taurat), apakah tidak kamu berfikir?(44). Dan pohonlah pertolongan (dari Allah) dengan bersabar dan (mendirikan) solat. Sesungguhnya solat itu amat berat melainkan bagi orang-orang yang khusyu'(45). Iaitu mereka yang yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya(46). Wahai Bani Israel! Kenangilah segala ni'mat yang telah Aku kurniakan kepada kamu (dan kenangilah) bahawa Aku telah melebihkan kamu ke atas sekalian umat(47). Dan peliharalah diri kamu dari ('azab) hari yang tiada seorang pun dapat membela sesuatu kesalahan orang lain, dan tidak pula diterima sebarang syafa'at dan tebusan darinya dan mereka tidak akan diberi pertolongan(48). Dan (kenangilah) ketika Kami selamatkan kamu dari kuncu-kuncu Fir'aun yang sentiasa menindas kamu dengan keseksaan yang kejam. Mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu sahaja yang hidup dan dalam peristiwa itu terdapat ujian yang amat besar dari Tuhan kamu(49). Dan (kenangilah) ketika Kami belahkan lautan (kerana kamu, lalu) Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan kuncu-kuncu Fir'aun, sedangkan

kamu sendiri melihat (peristiwa itu)(50). Dan (kenangilah) ketika kami berjanji dengan Musa selama empat puluh malam kemudian sepeninggalannya kamu menyembah patung anak lembu dan kamu adalah orang-orang yang zalim(51)."

ثُمَّ عَفَوْنَا عَنكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾
وَإِذْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾
وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُم
بِٱتِّخَاذِكُمُ ٱلْعِجْلَ فَتُوبُوٓا۟ إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَٱقْتُلُوٓا۟
أَنفُسَكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِندَ بَارِئِكُمْ
فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾
وَإِذْ قُلْتُمْ يَٰمُوسَىٰ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَى ٱللَّهَ
جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ ٱلصَّٰعِقَةُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٥﴾
ثُمَّ بَعَثْنَٰكُم مِّنۢ بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾
وَظَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْغَمَامَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ
وَٱلسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ ۖ وَمَا ظَلَمُونَا
وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾
وَإِذْ قُلْنَا ٱدْخُلُوا۟ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةَ فَكُلُوا۟ مِنْهَا حَيْثُ
شِئْتُمْ رَغَدًا وَٱدْخُلُوا۟ ٱلْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا۟ حِطَّةٌ
نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطَٰيَٰكُمْ ۚ وَسَنَزِيدُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾
فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ قَوْلًا غَيْرَ ٱلَّذِى قِيلَ لَهُمْ فَأَنزَلْنَا
عَلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ رِجْزًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُوا۟
يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾
وَإِذِ ٱسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ فَقُلْنَا ٱضْرِب بِّعَصَاكَ
ٱلْحَجَرَ ۖ فَٱنفَجَرَتْ مِنْهُ ٱثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ۖ قَدْ عَلِمَ
كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۖ كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ مِن رِّزْقِ ٱللَّهِ
وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾

"Kemudian sesudah itu Kami maafkan kamu supaya kamu bersyukur(52). Dan (kenangilah) ketika Kami kurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan penjelasan kebenaran dan kepalsuan supaya kamu mendapat hidayat(53). Dan kenangilah ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Kamu telah menzalimi diri kamu sendiri kerana perbuatan kamu menyembah patung anak lembu. Oleh itu taubatlah kepada Allah pencipta kamu dan bunuhlah sendiri orang-orang yang bersalah dari kamu. Tindakan itu lebih baik kepada kamu di sisi Allah Pencipta kamu. Lalu Allah menerima taubat kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih(54). Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: 'Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah terang-terangan" lalu kamu disambar petir dan kamu sendiri melihat (peristiwa itu)(55). Kemudian Kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati supaya kamu bersyukur(56). Dan Kami teduhkan di atas kamu dengan (payung) awan dan Kami turunkan kepada kamu makanan " dan burung salwa (lalu Kami menjemput kamu): 'Silalah makan makanan-makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu.' Bukannya Kami yang mereka aniayakan tetapi merekalah yang telah menganiayai diri mereka sendiri(57). Dan (kenangilah) ketika Kami berkata: Masuklah kamu ke negeri ini (Baitul-Maqdis) dan makanlah di sana apa sahaja makanan yang kamu suka dengan mewah dan masuklah pintu kotanya dengan sujud (kerana bersyukur) dan berdo'alah: 'Ya Allah ampunilah kesalahan kami!' Nescaya Kami ampunkan kesalahan kamu dan Kami akan tambahkan (kurnia Kami) kepada para Muhsinin(58). Kemudian orang-orang yang zalim dari mereka telah menukarkan perintah Kami itu dengan perkataan yang lain yang tidak diperintah kepada mereka, oleh itu Kami turunkan ke atas orang-orang yang zalim itu bencana dari langit kerana perbuatan yang telah dilakukan mereka(59). Dan (kenangilah) ketika Musa memohon air untuk kaumnya, lalu Kami perintah: 'Pukullah batu itu dengan tongkat-mu!' Lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air. Setiap suku kaum mengetahui tempat minum masing-masing. Makanlah dan minumlah rezeki dari Tuhanmu dan janganlah kamu menceroboh melakukan kerosakan di bumi(60)."

وَإِذْ قُلْتُمْ يَٰمُوسَىٰ لَن نَّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَٰحِدٍ
فَٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ
مِنۢ بَقْلِهَا وَقِثَّآئِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا ۖ
قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ ٱلَّذِى هُوَ أَدْنَىٰ بِٱلَّذِى هُوَ خَيْرٌ ۚ
ٱهْبِطُوا۟ مِصْرًا فَإِنَّ لَكُم مَّا سَأَلْتُمْ ۗ وَضُرِبَتْ
عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ وَٱلْمَسْكَنَةُ وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ
ٱللَّهِ ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ
وَيَقْتُلُونَ ٱلنَّبِيِّۦنَ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۗ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟
وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلنَّصَٰرَىٰ

وَٱلصَّٰبِـِٔينَ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَعَمِلَ
صَٰلِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ
وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ٦٢
وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ ٱلطُّورَ
خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱذْكُرُوا۟ مَا فِيهِ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ٦٣
ثُمَّ تَوَلَّيْتُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۖ فَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ
وَرَحْمَتُهُۥ لَكُنتُم مِّنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ٦٤
وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ ٱلَّذِينَ ٱعْتَدَوْا۟ مِنكُمْ فِى ٱلسَّبْتِ فَقُلْنَا
لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَٰسِـِٔينَ ٦٥
فَجَعَلْنَٰهَا نَكَٰلًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا
وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ٦٦
وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦٓ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن
تَذْبَحُوا۟ بَقَرَةً ۖ قَالُوٓا۟ أَتَتَّخِذُنَا هُزُوًا ۖ قَالَ أَعُوذُ
بِٱللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ٦٧
قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ ۚ قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ
إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌۢ بَيْنَ ذَٰلِكَ ۖ
فَٱفْعَلُوا۟ مَا تُؤْمَرُونَ ٦٨
قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا لَوْنُهَا ۚ قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ
إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَآءُ فَاقِعٌ لَّوْنُهَا تَسُرُّ ٱلنَّٰظِرِينَ ٦٩
قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ إِنَّ ٱلْبَقَرَ تَشَٰبَهَ
عَلَيْنَا وَإِنَّآ إِن شَآءَ ٱللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ٧٠
قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا ذَلُولٌ تُثِيرُ ٱلْأَرْضَ وَلَا
تَسْقِى ٱلْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَّا شِيَةَ فِيهَا ۚ قَالُوا۟ ٱلْـَٰٔنَ جِئْتَ
بِٱلْحَقِّ ۚ فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُوا۟ يَفْعَلُونَ ٧١

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَٱدَّٰرَْٰٔتُمْ فِيهَا ۖ وَٱللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنتُمْ
تَكْتُمُونَ ٧٢
فَقُلْنَا ٱضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُحْىِ ٱللَّهُ ٱلْمَوْتَىٰ
وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ٧٣
ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ فَهِىَ كَٱلْحِجَارَةِ
أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً ۚ وَإِنَّ مِنَ ٱلْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ
ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشَّقَّقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُ ٱلْمَآءُ ۚ
وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ
عَمَّا تَعْمَلُونَ ٧٤

"Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: 'Wahai Musa! Kami tidak akan tahan lagi makan sejenis makanan sahaja, kerana itu pohonlah kepada Tuhanmu agar Ia mengeluarkan untuk kami tumbuh-tumbuhan bumi dari sayur-sayurannya, mentimunnya, gandumnya, kacang dalnya dan bawangnya.' Jawab Musa: 'Adakah kamu ingin menukarkan kedudukan yang hina dengan meninggalkan kedudukan yang lebih baik? Masuklah kamu mana-mana negeri kerana kamu boleh mendapat makanan-makanan yang dipinta oleh kamu.'' Ke atas mereka telah diterapkan kehinaan dan kepapaan dan mereka tetap kembali mendapat kemurkaan Allah. Balasan itu ialah kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa kebenaran. Balasan itu ialah kerana mereka telah menderhaka dan melakukan pencerobohan(61). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang beragama Yahudi dan orang-orang yang beragama Nasara dan orang-orang Sabi'in, iaitu mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka setiap mereka akan beroleh balasannya di sisi Tuhan mereka dan tiada lagi sebarang ketakutan kepada mereka dan mereka juga tidak akan dukacita(62). Dan (kenangilah) ketika Kami mengadakan perjanjian dengan kamu dan Kami angkatkan Bukit Tursina ke atas kamu (sambil berfirman): 'Peganglah Taurat yang telah Kami kurniakan kepada kamu itu dengan teguh dan ingatlah pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya supaya kamu bertaqwa'(63). Kemudian selepas itu kamu berpaling dari mematuhinya dan andainya tidak kerana limpah kurnia dan rahmat Allah ke atas kamu tentulah kamu berada di dalam golongan orang-orang yang rugi(64). Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui segolongan kamu yang telah menceroboh larangan hari Sabtu lalu Kami katakan kepada mereka: 'Jadilah kamu kera-kera yang hina!'(65). Kami telah jadikan balasan itu sebagai hukuman pencegah bagi orang-orang di masa itu dan orang-orang dimasa kemudiannya dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa(66). Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: 'Sesungguhnya Allah memerintah kamu supaya menyembelihkan seekor lembu betina.' Jawab mereka: 'Apakah engkau hendak mempermain-mainkan kami?' Ujar Musa: 'Aku berlindung dengan Allah dari termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil'(67). Kata mereka: 'Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami, apakah dia sebenarnya?' Jawab

Musa: 'Sesungguhnya Allah telah berfirman bahawa lembu itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak pula terlalu muda, malah pertengahan di antara keduanya, oleh itu kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu'(68). Mereka berkata lagi: 'Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami apakah warnanya?' Jawab Musa: 'Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu itu ialah lembu yang berwarna kuning tua yang menyenangkan hati orang-orang yang melihat'(69). Mereka berkata lagi: 'Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami apakah dia sebenarnya? Kerana sesungguhnya lembu itu telah kesamaran kepada kami dan sesungguhnya kami Insya Allah akan mendapat panduan yang betul'(70). Jawab Musa: 'Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu itu ialah seekor lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk menenggalakan bumi dan tidak pula untuk menjirus tanaman, ia tidak cacat dan tidak pula mempunyai sebarang belang. Mereka pun berkata: 'Sekarang barulah engkau menerangkan sifat-sifat yang sebenar,' lalu mereka menyembelihkan lembu (yang dikehendaki) itu dan mereka hampir-hampir tidak dapat melakukannya(71). Dan (kenangilah) ketika kamu membunuh seorang manusia kemudian kamu bertuduh-tuduhan sesama sendiri, dan Allah mahu mengeluarkan rahsia (pembunuh) yang disembunyikan oleh kamu(72). Lalu Kami berfirman: 'Pukullah si mati itu dengan sebahagian anggota lembu (yang disembelihkan itu)' Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati dan memperlihatkan tanda-tanda kekuasan-Nya supaya kamu berfikir(73). Kemudian hati kamu tetap keras juga selepas peristiwa itu. Ia keras seperti batu atau lebih keras lagi. Sesungguhnya di antara batu-batu itu ada batu yang mengalir darinya sungai-sungai dan ada yang pecah mengalirkan mata air dan ada yang terhumban jatuh kerana takut kepada Allah. Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala tindak-tanduk yang dilakukan kamu(74)."

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Mulai dari bahagian ini di dalam surah ini, ayat-ayat yang berikut menghadapi Bani Israel. Mereka telah menentang da'wah Islam di Madinah dengan penentangan yang licin sama ada secara sulit atau secara terang. Mereka telah menyusun langkah-langkah tipu daya yang tidak putus-putus dan tidak pernah reda sejak Islam berkembang di Madinah dan sejak mereka sedar bahawa Islam bergerak ke arah menguasai kunci-kunci kehidupan Kota Madinah dan menyingkirkan mereka dari kepimpinan keilmuan dan ekonomi yang selama ini dipegang oleh mereka. Hal ini disedari mereka sejak Islam berjaya menyatupadukan Aus dan Khazraj dan menutup segala lubang-lubang yang dimasuki mereka, juga sejak Islam mengaturkan satu sistem hidup yang bebas yang berlandaskan kitab suci yang baru (Al-Qur'anul-Karim). Inilah pertarungan yang telah dilancarkan oleh orang-orang Yahudi terhadap Islam dan kaum Muslimin sejak detik sejarah yang lama itu, kemudian kepanasan bahang api pertarungan ini tidak pernah padam sehingga ke sa'at ini. Pertarungan itu berlangsung dengan cara dan gaya yang sama, tidak berubah-ubah kecuali bentuk rupanya sahaja yang berubah, sedangkan hakikat pertarungan itu kekal seperti biasa dan sifatnya juga sama walaupun seluruh dunia memburu mereka dari satu tempat ke satu tempat dan dari satu abad ke satu abad. Mereka tidak menemui negeri yang menerima mereka dengan baik dan mesra melainkan di dunia Islam yang sentiasa terbuka pintunya dan bencikan penindasan-penindasan kerana sebab-sebab agama dan perkauman. Dunia Islam membuka pintunya kepada setiap pendatang yang damai yang tidak mengganggu Islam dan tidak merancangkan tipu daya terhadap orang-orang Islam.

Selama ini kaum Yahudi di Madinahlah yang diharap-harapkan menjadi golongan yang pertama beriman kepada agama yang baru itu dan percaya kepada Rasul yang baru itu, kerana selama ini Al-Qur'an telah membenarkan kitab Taurat mereka secara umum dan kerana selama ini juga mereka menunggu-nunggu risalah Rasul yang baru ini dan mereka telah mengetahui sifat-sifat Rasul itu di dalam bisyarah-bisyarah yang terkandung di dalam kitab suci mereka. Di samping itu mereka juga memohon kepada Allah mengurniakan kemenangan kaum mereka dengan perantaraan Rasul yang baru itu ke atas kaum Arab Musyrikin.

Pelajaran ini merupakan bahagian pertama dari pusingan pertarungan yang luas dengan Bani Israel, malah inilah serangan-serangan Al-Qur'an yang menyeluruh untuk mendedahkan sikap mereka dan tipu daya mereka setelah habis digunakan segala cara da'wah supaya mereka tertarik kepada Islam dan bergabung dalam angkatan yang beriman kepada agama yang baru ini.

* * * * * *

Pelajaran ini dimulai dengan seruan Allah yang Maha Mulia kepada Bani Israel. Ia mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Ia mengajak mereka menunaikan perjanjian mereka dengan Allah agar Allah menunaikan perjanjian-Nya dengan mereka. Ia menyeru mereka supaya takut dan bertaqwa kepada-Nya. Seruan-seruan ini merupakan muqaddimah untuk menyeru mereka supaya beriman kepada Al-Qur'an yang membenarkan kitab Taurat yang ada pada mereka. Seruan itu mengecam sikap mereka yang menentang Al-Qur'an dan tindakan mereka yang awal-awal menjadi golongan yang menolak Al-Qur'an, di samping mengecam perbuatan mereka yang mencampuradukkan di antara kebenaran dan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran untuk mengelirukan orang ramai terutama kaum Muslimin khususnya dan untuk menaburkan fitnah dan menimbulkan kelam-kabut di dalam barisan umat Muslimin, dan seterusnya untuk membangkitkan keraguan dan kesangsian dalam hati penganut-penganut agama Islam yang baru itu. Seruan itu mengajak mereka memasuki barisan Muslimin dengan mendirikan solat, menunaikan zakat dan rukuk bersama-sama orang-orang yang rukuk. Ia mengajak mereka mencari pertolongan dengan sifat sabar dan ibadat solat untuk menekan dan menjinakkan hati mereka berkecimpung di dalam

agama yang baru itu. Ia mengecam perbuatan mereka yang berpura-pura menyeru kaum Musyrikin supaya beriman, sedangkan mereka sendiri enggan menganut agama Allah.

Kemudian Al-Qur'an mula mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dalam sejarah mereka yang amat panjang itu. Al-Qur'an tujukan peringatan-peringatan itu kepada kaum Yahudi yang ada pada masa (Rasulullah s.a.w.), seolah-olah merekalah angkatan yang telah menerima ni'mat-ni'mat ini di zaman Musa a.s. Al-Qur'an berbuat demikian dengan memperhitungkan seluruh Bani Israel itu sebagai satu umat sahaja, yang mana generasi-generasinya mempunyai tabi'at dan kelakuan yang sama. Itulah hakikat mereka yang sebenar mengikut sifat-sifat dan pendirian-pendirian mereka yang ketara di seluruh zaman!

Kemudian Al-Qur'an ulangi dengan menakutkan mereka terhadap hari Qiamat yang ngeri, di mana tiada siapa pun dapat membela sesuatu kesalahan orang lain dan tidak pula diterima sebarang syafa'at dan tebusan, dan mereka tidak akan dapati sesiapa pun yang berkuasa menolong dan menyelamatkan mereka dari 'azab Allah.

Kemudian Al-Qur'an menayangkan di hadapan daya khayal mereka pemandangan kaum mereka yang terselamat dari Fir'aun dan kuncu-kuncunya seolah-olah peristiwa itu berlaku di hadapan mata mereka, juga pemandangan-pemandangan ni'mat-ni'mat yang lain yang sentiasa dilimpahkan kepada mereka seperti ni'mat teduh dipayungi awan, ni'mat makanan " من " dan burung salwa dan ni'mat batu-batu yang mengalirkan air. Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka tentang penyelewengan-penyelewengan yang berturut-turut dilakukan mereka. Apabila selesai sahaja dibawa kembali balik ke pangkal jalan, mereka kembali pula melakukan penyelewengan yang lain. Selesai sahaja diampun dari sesuatu maksiat, kembali pula mengerjakan dosa yang lain. Selesai sahaja diselamatkan dari sesuatu kesalahan, jatuh pula ke dalam lubang kesalahan yang lain. Hati dan jiwa mereka terus menyeleweng dan degil tidak berubah-ubah. Hati dan jiwa mereka terus lemah dari memikul taklif-taklif dan terus mengkhianati amanah dan memungkiri perjanjian-perjanjian dengan Allah dan nabi-nabi mereka hingga sampai kepada batas tergamak membunuh nabi-nabi mereka tanpa kebenaran, menolak ayat-ayat Allah, menyembah patung anak lembu, mengkufuri hak Allah dengan keengganan beriman kepada da'wah nabi mereka sehingga mereka dapat melihat Allah secara terang-terangan dan melanggar pesanan-pesanan Allah ketika memasuki suatu negeri. Mereka bertindak dan berkata bertentangan dengan apa yang dipesan dan disuruh Allah. Mereka mencabul larangan hari Sabtu, lupa kepada perjanjian Tursina dan mengungkit-ngungkit kemusykilan, dan berdalih-dalihan dalam masalah menyembelih lembu yang diperintah Allah supaya mereka menyembelihkannya kerana sesuatu hikmat dan tujuan tertentu.

Di samping semuanya ini mereka masih mendabik dada mendakwa bahawa merekalah satu-satunya umat yang mendapat hidayat Allah, merekalah satu-satunya umat yang diredhai Allah, seluruh agama yang lain palsu belaka dan seluruh umat yang lain sesat belaka. Inilah dakwaan-dakwaan yang ditolakkan oleh Al-Qur'an di dalam bahagian ini dan menjelaskan bahawa setiap orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat serta mengerjakan amalan yang soleh dari semua agama (Samawi), maka mereka akan memperolehi pahala mereka di sisi Allah Tuhan mereka, dan tiada apa-apa ketakutan lagi kepada mereka dan mereka tidak akan berdukacita.

* * * * * *

Serangan-serangan ini - sama ada yang terdapat di dalam pelajaran ini atau di dalam pelajaran selanjutnya - merupakan serangan-serangan yang amat perlu untuk menghancurkan dakwaan-dakwaan kaum Yahudi, mendedahkan tipu muslihat mereka, menerangkan hakikat mereka yang sebenar dan hakikat motif-motif mereka yang merancangkan tipu daya terhadap Islam dan kaum Muslimin. Begitu juga serangan-serangan itu perlu untuk membuka mata dan hati kaum Muslimin terhadap langkah-langkah tipu daya yang dihadapkan oleh kaum Yahudi kepada masyarakat mereka yang baru dan kepada dasar-dasar yang menjadi tapak tegaknya, dan seterusnya kepada perpaduan barisan kaum Muslimin untuk memecahbelahkan dan menimbulkan fitnah-fitnah yang jahat di kalangan mereka.

Dari satu segi yang lain pula, serangan itu adalah perlu untuk mengingatkan kaum Muslimin dari tercebur di jalan-jalan yang licin yang telah menggelincirkan umat-umat yang lain yang telah menjadi khalifah sebelum mereka, dan menyebabkan umat-umat itu dilucutkan dari jawatan khalifah dan dirampaskan balik dari mereka kehormatan menjaga amanah Allah di bumi dan sistem hidup yang diaturkan oleh-Nya untuk memimpin umat manusia. Serangan-serangan itu diselangi pula dengan berbagai-bagai bimbingan yang terang dan halus kepada kaum Muslimin untuk mengingatkan mereka dari tergelincir di jalan-jalan yang licin itu sebagaimana akan diterangkan di dalam bahagian yang kedua nanti.

Umat Muslimin yang hidup di Madinah (di zaman Rasulullah s.a.w.) amat memerlukan kepada bimbingan-bimbingan ini. Begitu juga umat Muslimin di seluruh zaman amat memerlukan kepada penghayatan bimbingan-bimbingan ini dan mempelajari Al-Qur'an dengan mata dan hati yang terbuka supaya mereka mendapat taklimat-taklimat kepimpinan Ilahiyah yang tinggi di dalam perjuangan-perjuangan yang dihadapi mereka dengan musuh-musuh turun-temurun mereka, dan supaya mereka mengetahui bagaimana hendak menepiskan tipu daya yang licin dan jahat yang dihadapkan kepada mereka

oleh musuh-musuh mereka dengan cara-cara yang amat halus dan pintar itu. Mana-mana hati yang tidak berpandukan dengan nur iman dan tidak menerima bimbingan dari kepimpinan Ilahiyah yang mengetahui segala yang sulit dan segala yang nyata, segala yang batin dan segala yang zahir, adalah tidak berupaya untuk memahami liku-liku jalan yang sulit dan merbahaya, di mana diaturkan tipu daya-tipu daya yang jahat yang menimbulkan keraguan itu.

* * * * * *

Dari segi keselarasan seni dan psikologi di dalam pengungkapan Al-Qur'an, kita dapat perhatikan bahawa permulaan pusingan ini bersambung dengan penamat kisah Al-Qur'an dan dengan saranan-saranan yang telah kami terangkan di sana. Dan inilah sebahagian dari ciri kesepaduan di dalam susunan ayat-ayat Al-Qur'an di antara kisah dan persekitaran, di mana kisah-kisah itu ditayangkan.[6]

Al-Qur'an sebelum ini telah menjelaskan bahawa Allah telah menciptakan segala sesuatu di bumi ini untuk faedah manusia, kemudian diiringi dengan kisah perlantikan Adam selaku khalifah di bumi dengan perjanjian Allah yang jelas dan halus, bagaimana beliau dimuliakan Allah melebihi malaikat, bagaimana beliau diberi pesanan-pesanan Allah kemudian beliau lupakannya, bagaimana beliau menyesal dan bertaubat, bagaimana beliau dikurniakan hidayat dan keampunan dan bagaimana beliau dibekalkan dengan pengalaman kesalahan pertama untuk menghadapi pertarungan yang panjang di bumi kelak di antara kuasa-kuasa jahat yang merosak dan meruntuh yang diwakili iblis dengan kuasa-kuasa baik yang membina yang diwakili manusia yang berkubukan iman.

Demikianlah rangkaian ayat-ayat yang silam surah ini membicarakan semuanya ini, kemudian diiringi pula dengan pusingan yang memperkatakan tentang Bani Israel. Al-Qur'an menyebut perjanjian Allah dengan mereka dan bagaimana mereka memungkiri perjanjian itu, bagaimana mereka dikurniakan ni'mat kemudian mengingkarkannya dan bagaimana akibatnya mereka telah dilucutkan dari jawatan khalifah dan diterapkan kehinaan ke atas mereka. Kemudian Al-Qur'an mengingatkan orang-orang yang beriman dari tipu daya Bani Israel dan dari jalan-jalan licin yang telah menggelincirkan mereka. Di sini jelaslah adanya pertalian yang terang di antara kisah perlantikan Adam selaku khalifah dengan perlantikan Bani Israel sebagai khalifah. Keselarasan di dalam susunan ayat ini dan pengungkapan itu amat jelas sekali di sini.

Di sini Al-Qur'an tidak menghuraikan kisah Bani Israel, malah hanya menyebut beberapa babak dan adegan secara ringkas sahaja atau huraian panjang secara yang wajar sahaja. Kisah Bani Israel ini telah pun diceritakan di dalam surah-surah Makkiyah yang telah diturunkan sebelum ini, tetapi di sana kisah ini disebut bersama-sama kisah yang lain untuk meneguhkan hati golongan kecil kaum Mu'minin yang berada di Makkah dengan menunjukkan kepada mereka pengalaman-pengalaman da'wah yang silam dan angkatan Mu'min yang bersambung-sambung sejak manusia diciptakan Allah, juga untuk membimbing kaum Mu'minin dengan panduan-panduan yang sesuai dengan keadaan mereka di Makkah. Tetapi di sini kisah itu disebut dengan tujuan-tujuan yang telah kami huraikan sebelum ini, iaitu mendedahkan hakikat niat kaum Yahudi dan cara-cara tipu daya mereka di samping mengingatkan kaum Muslimin terhadap tindak-tanduk mereka, juga mengingatkan kaum Muslimin supaya mereka tidak tercebur di dalam kesalahan-kesalahan yang menjatuhkan kaum Yahudi sebelum mereka. Oleh sebab wujudnya perbezaan di antara Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah dengan Al-Qur'an yang diturunkan di Madinah, maka wujudlah pula perbezaan cara-cara membentangkan kisah itu walaupun hakikat-hakikat yang diceritakan di sana dan di sini itu sama sahaja (sebagaimana akan diterangkan kelak ketika menghuraikan surah-surah Makkiyah yang terdahulu di dalam tertib nuzul).

Hasil kaji selidik tempat-tempat yang menceritakan kisah Bani Israel di sana sini itu ternyatalah bahawa kisah itu selaras dengan pembicaraan ayat-ayat yang menyebutnya. Ia menyempurnakan tujuan-tujuan dan bimbingan-bimbingan ayat-ayat itu. Begitu juga kisah Bani Israel di tempat ini selaras dengan huraian ayat-ayat sebelumnya, iaitu huraian bagaimana makhluk insan dimuliakan Allah, bagaimana Allah berjanji dengannya kemudian dia lupakan perjanjian itu, di samping kisah itu mengandungi isyarat-isyarat yang menunjukkan kepada persamaan dan kesatuan insaniyah, persamaan dan kesatuan agama Allah yang diturunkan kepada manusia dan kesatuan risalah-risalahnya, juga menarik perhatian dan memberi sentuhan-sentuhan terhadap jiwa manusia dan nilai-nilainya. Kisah itu juga mengandungi isyarat-isyarat kepada akibat-akibat penyelewengan dari nilai-nilai ini, iaitu nilai-nilai yang menjadi asas khilafah manusia di bumi. Sesiapa yang menolak nilai-nilai ini bererti menolak insaniyahnya, hilang punca-punca khilafahnya dan kembali balik ke alam haiwan.

Kisah Bani Israel merupakan kisah yang paling banyak diceritakan di dalam Al-Qur'anul-Karim. Perhatian Al-Qur'an yang begitu berat dan jelas diberikan kepada babak-babak kisah ini, dan pengajarannya menyarankan betapa besarnya hikmat Allah hendak membetulkan keadaan umat Muslimin, mendidik dan melengkapkan mereka untuk memikul tugas khalifah yang agung.

---

[6] *Lihat bab* "القصة فى القرأن" *di dalam buku* "التصوير الفنى فى القرأن"

Selepas huraian secara umum ini marilah kita ikuti huraian nas Al-Qur'an pula.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 46)

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتِىَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ
وَأَوْفُوا۟ بِعَهْدِىٓ أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّٰىَ فَٱرْهَبُونِ ﴿٤٠﴾
وَءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلْتُ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوٓا۟
أَوَّلَ كَافِرٍۭ بِهِۦ ۖ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا
وَإِيَّٰىَ فَٱتَّقُونِ ﴿٤١﴾
وَلَا تَلْبِسُوا۟ ٱلْحَقَّ بِٱلْبَٰطِلِ وَتَكْتُمُوا۟ ٱلْحَقَّ وَأَنتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾
وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرْكَعُوا۟ مَعَ
ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾
أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ
تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾
وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى
ٱلْخَٰشِعِينَ ﴿٤٥﴾
ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُوا۟ رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ
رَٰجِعُونَ ﴿٤٦﴾

"Wahai Bani Israel! Kenangilah kamu segala ni'mat yang telah Aku kurniakan kepada kamu dan sempurnakanlah perjanjian kamu dengan-Ku supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu, dan takutlah kepada-Ku sahaja(40). Dan berimanlah kepada kitab yang telah Ku turunkan (Al-Qur'an) yang mengesahkan kitab yang ada pada kamu dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama mengingkarkannya dan janganlah kamu membeli ayat-ayat-Ku dengan harga yang murah dan bertaqwalah kepada Aku sahaja(41). Dan janganlah kamu kelirukan yang benar dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang benar, sedangkan kamu mengetahui(42). Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'(43). Patutkah kamu menyuruh orang lain berbuat kebaikan dan kamu lupakan diri kamu sendiri, sedangkan kamu membaca kitab (Taurat), apakah tidak kamu berfikir?(44). Dan pohonlah pertolongan (dari Allah) dengan bersabar dan (mendirikan) solat. Sesungguhnya solat itu amat berat melainkan bagi orang-orang yang khusyu'(45). Iaitu mereka yang yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya."(46)

Pengkaji sejarah Bani Israel akan kagum dengan ni'mat-ni'mat yang begitu banyak yang dikurniakan Allah kepada mereka, dan dengan kekufuran mereka yang keji yang berulang-ulang dilakukan mereka sebagai balasan terhadap ni'mat-ni'mat itu. Di sini Allah mengingatkan mereka secara umum terhadap ni'mat-ni'mat-Nya yang telah dikurniakan kepada mereka, iaitu sebelum memperinci setengah-setengahnya di dalam ceraian-ceraian ayat-ayat selanjutnya. Tujuan Allah mengingatkan mereka dengan ni'mat-ni'mat itu ialah untuk menyeru mereka supaya mereka menunaikan perjanjian mereka dengan Allah agar Allah menyempurnakan dan melimpahkan lagi ni'mat-ni'mat-Nya ke atas mereka:

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتِىَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ
وَأَوْفُوا۟ بِعَهْدِىٓ أُوفِ بِعَهْدِكُمْ

"Wahai Bani Israel! Kenangilah kamu segala ni'mat yang telah Aku kurniakan kepada kamu dan sempurnakanlah perjanjian kamu dengan-Ku supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu."(40)

Maksud Perjanjian Allah Dengan Manusia

Apakah maksud perjanjian yang disebutkan di sini? Adakah perjanjian pertama iaitu perjanjian Allah dengan Adam (yang tersebut di dalam ayat ini):

فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّى هُدًى فَمَن تَبِعَ هُدَاىَ فَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

"Dan jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku (melalui para rasul), maka ingatlah sesiapa yang mematuhi hidayat-Ku, maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(38)

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ
هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi."(39)

atau yang dimaksudkan ialah perjanjian kauni yang mendahului perjanjian Allah dengan Adam, iaitu perjanjian yang terjalin di antara fitrah manusia dengan Allah Penciptanya, di mana manusia berjanji mengenal Allah dan menumpukan ibadat kepada-Nya sahaja dan tidak mempersekutui-Nya dengan suatu apa. Perjanjian ini tidak memerlukan apa-apa penjelasan dan apa-apa dalil, kerana fitrah manusia itu sendiri bertawajjuh kepada Allah dengan kecintaan-kecintaan laduninya yang semulajadi dan tiada suatu yang dapat menghalangkan tawajjuh ini kecuali kesesatan dan penyelewengan sahaja? Atau yang dimaksudkan ialah perjanjian khas yang dijanjikan Allah kepada Ibrahim, datuk kepada Israel (Nabi Ya'kub) yang akan diterangkan di dalam ayat yang berikut:

وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِۦمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَٰتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah-perintah-Nya lalu disempurnakannya. Allah berfirman: '(Wahai Ibrahim) sesungguhnya aku lantikkan engkau menjadi pemimpin umat manusia.' (Ibrahim) memohon: 'Lantikkan juga zuriat keturunanku.' Jawab Allah: 'Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim."'(124)

atau yang dimaksudkan ialah perjanjian khas yang diikatkan Allah dengan Bani Israel dengan mengangkatkan Bukit Tur ke atas mereka dan menyuruh mereka mematuhi perjanjian itu dengan teguh yang akan diterangkan nanti di dalam pusingan ini?

Sebenarnya semua perjanjian ini pada intisarinya merupakan satu perjanjian sahaja, iaitu perjanjian di antara Allah dengan hamba-Nya supaya hati mereka mematuhi perintah Allah dan menyerahkan seluruh diri mereka kepada-Nya. Inilah intisari agama yang tunggal. Inilah intisari agama Islam yang dibawa oleh para rasul, dan inilah lambang yang dibawa oleh angkatan iman di dalam perjalanannya di sepanjang abad.

Untuk mematuhi perjanjian ini, Allah menyeru Bani Israel supaya menumpukan ketakutan mereka kepada-Nya sahaja:

وَإِيَّٰىَ فَٱرْهَبُونِ ﴿٤٠﴾

"Dan takutlah kepada-Ku sahaja."(40)

Untuk mematuhi perjanjian ini juga Allah menyeru Bani Israel supaya beriman kepada Al-Qur'an yang diturunkan kepada rasul-Nya, iaitu kitab suci yang mengesahkan kitab suci Taurat yang ada pada mereka, dan supaya mereka jangan bergopoh gapah mengingkarkannya sehingga menjadi golongan pertama yang menolaknya, sedangkan merekalah yang sepatutnya menjadi angkatan pertama yang beriman kepada-Nya:

وَءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلْتُ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوٓا۟ أَوَّلَ كَافِرٍۭ بِهِۦ ۖ

"Dan berimanlah kepada kitab yang telah Ku turunkan (Al-Qur'an) yang mengesahkan kitab yang ada pada kamu dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama mengingkarkannya."(41)

Islam Agama Dan Perjanjian Lanjutan Allah Yang Terakhir

Agama Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. tiada lain melainkan satu agama yang sama yang kekal. Beliau telah membawa agama ini dalam bentuknya yang terakhir. Oleh itu Islam merupakan lanjutan dari agama Allah dan perjanjian Allah sejak angkatan manusia yang pertama (di bumi ini). Islam mengumpulkan di bawah sayapnya intisari pengajaran yang silam dan memimpin umat manusia dalam segala urusan hidup mereka yang akan datang. Islam menyatukan di antara perjanjian lama (at-Taurat) dengan perjanjian baru (al-Injil), di samping menambahkan (peraturan dan pengajaran) yang dikehendaki Allah yang akan membawa kebaikan kepada umat manusia di masa depan mereka yang panjang itu. Dengan demikian, Islam menyatupadukan seluruh umat manusia sebagai saudara yang bermesra dan berkenal-kenalan satu sama lain, dan seluruhnya bertemu di atas perjanjian Allah dan agama Allah. Mereka tidak berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak dan golongan, berbagai bangsa dan kaum, malah seluruh mereka bertemu selaku hamba Allah yang berpegang teguh dengan janji Allah yang tidak pernah berubah sejak permulaan hayat (di bumi ini).

Allah melarang Bani Israel menjadikan penolakan mereka terhadap Al-Qur'an yang diturunkan untuk mengesahkan kitab suci yang ada pada mereka itu sebagai perbuatan membeli dunia dengan Akhirat, dan mengutamakan kepentingan-kepentingan mereka yang tertentu terutama golongan ketua-ketua agama mereka yang takut menganut Islam kerana bimbangkan hilangnya kedudukan keketuaan mereka yang mendatangkan berbagai manfa'at dan pendapatan itu. Allah menyeru mereka supaya takut dan bertaqwa kepada Allah sahaja:

وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّٰىَ فَٱتَّقُونِ ﴿٤١﴾

"Dan janganlah kamu membeli ayat-ayat-Ku dengan harga yang murah dan bertaqwalah kepada Aku sahaja."(41)

Harga, harta dan pendapatan kebendaan duniawiyah semuanya merupakan adat ketamakan kaum Yahudi dari sejak zaman purba lagi. Mungkin juga maksud larangan di sini ditujukan kepada hasil pendapatan yang dipungut oleh ketua-ketua mereka dari bayaran perkhidmatan-perkhidmatan agama dan fatwa-fatwa yang bohong, dan pengubahan hukum-hukum supaya hartawan-hartawan dan pembesar-pembesar mereka terlepas dari hukuman-hukuman sebagaimana diterangkan di dalam surah-surah yang lain, juga usaha mereka hendak mengekalkan hak-hak dan kuasa ini di tangan mereka dengan menghalangkan seluruh kaum mereka dari menganut Islam yang akan menghilangkan kepimpinan dan keketuaan mereka. Tetapi seluruh dunia ini - sebagaimana kata setengah-setengah sahabat dan tabi'in r.anhum. ketika mentafsirkan ayat ini - adalah harga yang sedikit jika dibandingkan dengan harga keimanan kepada ayat-ayat Allah dan dengan balasan iman di Akhirat di sisi Allah.

Ayat yang berikut mengingatkan ketua-ketua agama mereka terhadap perbuatan mencampuradukkan di antara kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran dengan tujuan menimbulkan kekacauan fikiran di dalam masyarakat Islam, menaburkan keraguan dan menyebabkan keadaan yang kelam-kabut:

وَلَا تَلْبِسُوا۟ ٱلْحَقَّ بِٱلْبَٰطِلِ وَتَكْتُمُوا۟ ٱلْحَقَّ وَأَنتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan janganlah kamu kelirukan yang benar dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang benar, sedangkan kamu mengetahui." (42)

Orang-orang Yahudi telah melakukan perbuatan mencampuradukkan di antara kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran pada setiap kesempatan yang diperolehi mereka sebagaimana dihuraikan oleh Al-Qur'an di dalam berbagai-bagai surahnya. Mereka selama-lamanya bertindak selaku pembuat fitnah, pencetus kekacauan di dalam masyarakat Islam dan pengacau keamanan di dalam barisan Islam. Berbagai-bagai contoh dari kegiatan mereka yang mengelirukan barisan orang-orang Islam itu akan diterangkan kelak.

Kemudian ayat yang berikut menyeru mereka supaya bergabung di dalam angkatan iman, menyertai barisan Muslimin, mengerjakan ibadat-ibadat yang difardhukan Allah dan meninggalkan sikap pengasingan diri dan fanatik perkauman yang keji itu yang menjadi sifat terkenal kaum Yahudi sejak zaman purba:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرْكَعُوا۟ مَعَ
ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'."(43)

Kemudian ayat yang berikut mengecam mereka terutama ketua-ketua agama mereka yang bertindak selaku penda'wah-penda'wah kepada keimanan berdasarkan kedudukan mereka sebagai Ahlil-Kitab yang hidup dalam kalangan kaum Musyrikin Arab, sedangkan dalam waktu yang sama mereka menghalang kaum mereka dari beriman kepada agama Allah yang membenarkan agama mereka yang lama itu:

أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ
تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

"Patutkah kamu menyuruh orang lain berbuat kebaikan dan kamu lupakan diri kamu sendiri, sedangkan kamu membaca kitab (Taurat), apakah tidak kamu berfikir?"(44)

Walaupun ayat ini pada asalnya membicarakan keadaan yang berlaku di kalangan Bani Israel (di zaman dahulu), tetapi saranannya tetap kekal ditujukan kepada hati umat manusia seluruhnya dan ahli-ahli agama khususnya. Ia bukan hanya ditujukan kepada sesuatu kaum atau sesuatu generasi manusia sahaja.

Penyakit Ahli-ahli Agama

Penyakit ahli-ahli agama - apabila agama telah menjadi suatu profesion atau perniagaan bukannya 'aqidah hangat yang memberi motivasi - ialah mereka bercakap lain di mulut lain di hati. Mereka menyuruh orang ramai berbuat kebaikan, tetapi mereka sendiri tidak melakukannya. Mereka menyeru orang ramai kepada keta'atan, tetapi mereka sendiri abaikannya, mereka mengubahkan kalam Allah dari tempatnya yang sebenar. Mereka mena'wilkan nas-nas yang tegas kerana tujuan kepentingan dan hawa nafsu. Mereka mengadakan fatwa-fatwa dan ta'wilan-ta'wilan yang mungkin pada lahirnya sesuai dengan nas-nas yang zahir, sedangkan pada hakikatnya ia bertentangan. Mereka berbuat begitu dengan tujuan untuk membela kepentingan-kepentingan dan kehendak-kehendak hartawan-hartawan atau orang-orang yang berkuasa sebagaimana dilakukan oleh ketua-ketua agama Yahudi.

Aktiviti berda'wah kepada kebaikan di samping tindakan yang bertentangan dengan kebaikan yang ditunjukkan oleh penda'wah-penda'wah itu sendiri merupakan suatu penyakit yang menimbulkan keraguan di hati orang ramai bukan sahaja terhadap para penda'wah itu malah terhadap da'wah-da'wah itu sendiri. Ia menggoncangkan hati orang ramai dan fikiran-fikiran mereka, kerana mereka mendengar kata-kata yang indah tetapi melihat tindak-tanduk yang buruk. Mereka kebingungan di antara kata-kata dan perbuatan yang bertentangan itu. Di sini malaplah obor yang dinyalakan oleh 'aqidah di dalam jiwa mereka dan padamlah di dalam hati mereka nur yang dinyalakan oleh keimanan. Mereka tidak lagi percaya kepada agama setelah hilangnya kepercayaan mereka terhadap ahli-ahli agama.

Sesuatu kata-kata itu akan tercetus mati dan akan menjadi tidak bermaya biarpun bagaimana nyaring dan merdu bunyinya andainya ia tidak terbit dari hati yang beriman dengannya. Dan seseorang itu tidak akan beriman dengan apa yang dikatakan olehnya melainkan dirinya sendiri bertukar menjadi terjemahan hidup kepada perkataan yang diucapkan olehnya atau apa yang dituturkan olehnya menjelma menjadi kenyataan yang dapat dilihat. Di waktu ini barulah perkataan itu dipercayai oleh orang ramai walaupun perkataan itu tidak mempunyai bunyi yang nyaring dan kilauan yang menarik, kerana di waktu ini kata-kata itu mengambil kekuatannya dari alam kenyataannya bukan dari bunyinya. Ia mengambil keindahan dari kebenarannya bukan dari kilauannya. Ia berubah menjadi kekuatan yang memberi dorongan kepada hidup kerana ia terbit dari hidup itu sendiri.

Keselarasan di antara perkataan dan tindakan, di antara 'aqidah dan tingkah-laku bukanlah suatu perkara yang mudah dan suatu jalan yang senang dijalani, malah ia memerlukan kepada latihan, perjuangan dan usaha yang gigih. Ia memerlukan kepada perhubungan dengan Allah, kepada pertolongan dan hidayat-Nya, kerana suasana-suasana kehidupan, keperluan-keperluan dan tekanan-tekanannya seringkali membawa seseorang yang berada di alam kenyataan berpisah dari dasar-dasar yang dipegang di dalam hati nuraninya atau dari dasar-dasar yang ia da'wahkan orang lain supaya berpegang dengannya. Individu manusia yang fana ini adalah lemah selama ia tidak berhubung dengan kekuatan Ilahiyah yang kekal, biarpun bagaimana kuatnya sekalipun, kerana kekuatan-kekuatan kejahatan, kezaliman dan kesesatan adalah lebih kuat darinya. Dia mungkin berjaya mengatasi kekuatan-kekuatan itu sekali demi sekali, tetapi di sa'at-sa'at dia dilanda kelemahan, dia akan tewas dan jatuh dan menyebabkan dia kerugian masa silamnya, masa kininya dan masa depannya. Tetapi apabila dia mencari perlindungan dan berpegang dengan kekuatan azali dan abadi, maka dia akan menjadi lebih kuat dari segala kekuatan yang lain, dia menjadi kuat untuk melawan hawa nafsu dan kelemahannya, kuat untuk menghadapi keperluan-keperluan dan tekanan-tekanannya dan kuat untuk menghadapi orang-orang kuat yang menentangnya.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyuruh kaum Yahudi yang mula-mula dihadapinya, dan secara tidak langsung pula menyuruh semua manusia, supaya mencari pertolongan dengan bersabar dan mendirikan solat. Al-Qur'an menuntut kaum Yahudi supaya mengutamakan kebenaran yang diketahui mereka dari kedudukan istimewa yang dini'mati mereka di Madinah dan dari harga yang sedikit - sama ada berupa bayaran-bayaran di atas perkhidmatan-perkhidmatan keagamaan atau berupa kekayaan dunia seluruhnya juga supaya mereka bergabung di dalam angkatan iman kerana mereka sendiri berda'wah kepada orang ramai supaya beriman. Semuanya ini memerlukan kekuatan, keberanian, keikhlasan dan pertolongan dari sifat sabar dan dari amalan mendirikan solat:

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلْخَٰشِعِينَ ﴿٤٥﴾

ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُوا۟ رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ﴿٤٦﴾

"Dan pohonlah pertolongan (dari Allah) dengan bersabar dan (mendirikan) solat, sesungguhnya perkara itu amat berat melainkan bagi orang-orang yang khusyu'(45). Iaitu mereka yang yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya."(46)

Biasanya gantinama (dhamir) pada kata-kata " إنها " (sesungguhnya) gantinama perkara (dhamirusy-sya'ni), yakni sesungguhnya perkara da'wah ke arah mengakui kebenaran di hadapan faktor-faktor ini adalah suatu perkara yang besar, sulit dan susah, melainkan kepada orang-orang yang berhati khusyu' dan rendah diri terhadap Allah, orang-orang yang menaruh perasaan takut dan taqwa kepada Allah dan orang-orang yang percaya dengan penuh keyakinan bahawa mereka akan bertemu dengan Allah.

Da'wah ke arah mencari pertolongan dengan bersabar itu sering kali diulang-ulangkan kerana kesabaran merupakan bekalan yang perlu untuk menghadapi segala kesulitan, dan kesulitan yang paling sukar ialah kesulitan menurunkan diri dari kepimpinan dan keketuaan, dan kesulitan mengorbankan faedah dan pendapatan untuk menghormati, mengutamakan, mengakui dan mematuhi kebenaran.

Apakah erti mencari pertolongan dengan mengerjakan solat?

Maksud Mencari Pertolongan Dengan Solat

Solat ialah perhubungan dan pertemuan di antara hamba dengan Allah, dan dari perhubungan inilah hatinya mendapat kekuatan, rohnya meni'mati hubungan dan jiwanya mendapat bekalan yang lebih berharga dari segala harta kekayaan dunia. Kebiasaan Rasullullah s.a.w. apabila menghadapi sesuatu kesulitan beliau terus mendirikan solat sedangkan beliau mempunyai hubungan yang amat rapat dengan Allah dan roh beliau sentiasa bersambung dengan wahyu dan ilham dari Allah. Oleh itu solat yang menjadi mata air yang melimpah-ruah ini dapat ditimba oleh setiap orang Mu'min yang berkehendak kepada bekalan di dalam perjalanan, berkehendakkan air untuk menghilangkan dahaga di hari yang panas, berkehendakkan bantuan ketika putus bantuan dan berkehendakkan modal ketika kehabisan modal.

Penggunaan kata-kata dzanni (sangkaan) dan pecahan-pecahannya dengan erti (keyakinan) banyak terdapat di dalam Al-Qur'an dan dalam bahasa Arab umumnya. Keyakinan bertemu dengan Allah dan keyakinan kembali kepada Allah yang Maha Esa di dalam segala perkara itulah asas kesabaran dan ketahanan (menanggung kesusahan), dan itulah asas taqwa dan kepekaan, malah ia juga menjadi asas pertimbangan nilai-nilai yang betul, iaitu nilai-nilai dunia dan nilai-nilai Akhirat. Apabila pertimbangan nilai-nilai ini betul, maka seluruh nilai dunia kelihatan murah belaka, ia hanya merupakan harta kekayaan yang kerdil dan sedikit sahaja, dan hakikat nilai Akhirat kelihatan begitu jelas dan tiada seseorang yang berakal pun yang akan teragak-agak untuk memilih dan mengutamakannya.

Demikianlah setiap orang yang mengkajikan arahan-arahan dan perintah-perintah yang ditujukan bagi kali pertamanya kepada Bani Israel itu akan

dapati arahan-arahan itu sebagai arahan-arahan yang mempunyai saranan-saranan yang sentiasa hidup untuk seluruh manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 48)

Marilah kita kembali semula kepada seruan Al-Qur'an yang menyeru Bani Israel dan mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka di samping menakutkan mereka dengan hari Qiamat yang ngeri secara umum sebelum diperincikannya:

يَـٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتِىَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّى فَضَّلْتُكُمْ عَلَى ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٤٧﴾

وَٱتَّقُوا۟ يَوْمًا لَّا تَجْزِى نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْـًٔا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَـٰعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

"Wahai Bani Israel! Kenangilah segala ni'mat yang telah aku kurniakan kepada kamu (dan kenangilah) bahawa Aku telah melebihkan kamu ke atas sekalian umat(47). Dan peliharakanlah diri kamu dari ('azab) hari yang tiada seorang pun dapat membela sesuatu kesalahan orang lain, dan tidak pula diterima sebarang syafa'at dan tebusan darinya dan mereka tidak akan diberi pertolongan."(48)

Maksud Bani Israel Dilebihkan Di Atas Sekalian Umat Yang Lain

Ni'mat kelebihan Bani Israel di atas sekalian umat yang lain itu adalah terhad pada zaman mereka di pilih menjadi khalifah sahaja, tetapi setelah mereka melanggar perintah-perintah Allah, menderhakai para anbia' mereka, mengkufuri ni'mat-ni'mat, meninggalkan tanggungjawab mereka dan mengabaikan perjanjian Allah, maka Allah telah mengumumkan hukuman-Nya terhadap mereka, iaitu hukuman la'nat, kemurkaan, kehinaan dan kemiskinan, juga hukuman pengasingan dan pembuangan negeri. Allah telah melaksanakan janji 'azab terhadap mereka.

Allah mengingatkan mereka dengan kelebihan mereka di atas umat-umat yang lain itu dengan tujuan supaya mereka mengenangkan limpah kurnia Allah kepada mereka dan mengenangkan janji mereka dengan Allah, juga bertujuan untuk menggalakkan mereka mengambil peluang yang terbuka dalam da'wah Islamiyah ini agar mereka mengambil peluang kembali kepada angkatan keimanan, dan kembali kepada perjanjian dengan Allah sebagai mensyukuri ni'mat kelebihan yang dikurniakan Allah kepada datuk nenek mereka, dan sebagai menzahirkan keinginan untuk kembali kepada kedudukan yang dimuliakan Allah yang dicapai oleh orang-orang yang beriman.

Di samping galakan mendapatkan limpah kurnia dan ni'mat Allah, Al-Qur'an mengancam mereka dengan hari Qiamat yang diterangkan sifatnya seperti berikut:

لَّا تَجْزِى نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْـًٔا

"Tiada seorang pun dapat membela sesuatu kesalahan dari orang yang lain."

Tanggungjawab (pada hari ini) ialah tanggungjawab individu, dan kiraan pada hari ini ialah kiraan peribadi, iaitu setiap orang bertanggungjawab terhadap dirinya masing-masing dan tiada sesiapa pun yang dapat membela sesuatu kesalahan orang yang lain. Inilah dasar Islam yang besar, iaitu dasar tanggungjawab individu yang ditegakkan di atas keputusan kemahuan dan pemikiran seseorang, juga ditegakkan di atas dasar keadilan yang mutlak dari Allah. Inilah sebaik-baik dasar yang membuat seseorang itu merasa mempunyai kehormatan diri dan merangsangkan kesedaran dan kewaspadaan pada setiap masa di dalam hati nuraninya. Kedua-duanya merupakan salah satu dari faktor-faktor pendidikan di samping merupakan nilai-nilai insaniyah yang ditokok kepada nilai-nilai manusia yang lain yang diberikan Islam kepadanya.

وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَـٰعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ

"Dan tidak pula diterima sebarang syafa'at dan tebusan."

Pada hari ini tiada syafa'at yang berguna kepada sesiapa yang tidak membawa keimanan dan amalan yang salih. Dan tiada sebarang tebusan yang diterima untuk melepaskannya dari dosa dan ma'siatnya.

وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan mereka tidak akan diberi pertolongan."(48)

Yakni tiada penolong yang dapat melindungi mereka dari hukuman Allah dan dapat menyelamatkan mereka dari 'azab Allah. Di sini diungkapkan dengan Sighah Jama' (mereka) kerana memandang kepada kumpulan manusia yang tidak boleh membela kesalahan terhadap satu sama lain dan tidak pula diterima sebarang syafa'at dan tebusan. Dalam ayat ini Al-Qur'an beralih dari Sighah Khitab (kamu) di permulaan ayat kepada Sighah Ghaybah (mereka) pada akhir ayat dengan tujuan supaya ia mencakupkan semua golongan manusia. Yakni dasar ini adalah mencakup orang-orang yang ditujukan perkataan ini (secara langsung kepada mereka) dan orang-orang yang tidak ditujukan perkataan ini dari semua golongan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 54)

Selepas itu ayat-ayat yang berikut memperincikan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kaum Yahudi dan bagaimana mereka menyambut ni'mat-ni'mat itu, bagaimana mereka ingkar, kufur dan menyeleweng dari jalan Allah. Yang paling utama dari ni'mat-ni'mat itu ialah ni'mat keselamatan mereka

dari kuncu-kuncu Fira'un dan dari 'azab penindasan yang besar:

وَإِذْ نَجَّيْنَٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ يُذَبِّحُونَ أَبْنَآءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٤٩﴾ وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ ٱلْبَحْرَ فَأَنجَيْنَٰكُمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami selamatkan kamu dari kuncu-kuncu Fira'un yang sentiasa menindas kamu dengan keseksaan yang kejam. Mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu sahaja yang hidup dan dalam peristiwa itu terdapat ujian yang amat besar dari Tuhan kamu.(49) Dan (kenangilah) ketika Kami belahkan lautan kerana kamu lalu Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan kuncu-kuncu Fira'un, sedangkan kamu sendiri melihat (peristiwa itu)." (50)

Ayat ini mengembalikan semula dalam khayalan mereka dan menghidupkan semula dalam perasaan mereka, gambaran penderitaan mereka - selaku anak-anak cucu kaum Bani Israel zaman purba - dan menggambarkan di hadapan mereka pemandangan keselamatan, di samping menggambarkan pemandangan-pemandangan 'azab penderitaan.

Allah berfirman kepada mereka: Kenangilah ketika Kami menyelamatkan kamu dari kuncu-kuncu Fira'un ketika mereka berterusan menindas kamu. (Kata-kata "yasuumuu-nakum" berasal dari سام الماشية yakni dia melepaskan ternakan itu sentiasa memakan rumput). Yakni menggambarkan seolah-olah 'azab penindasan itu merupakan makanan yang berterusan yang dihidangkan kepada mereka. Kemudian Allah menyebut salah satu bentuk dari 'azab-'azab penindasan itu, iaitu penindasan Fira'un membunuh anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup dengan tujuan untuk melemahkan kekuatan Bani Israel dan memberatkan bebanan kehidupan mereka.

Dan sebelum ditayangkan pemandangan keselamatan diiringkan pula dengan sebuah pertanyaan bahawa penderitaan 'azab penindasan itu merupakan satu ujian yang amat besar dari Tuhan mereka untuk menerapkan dalam hati mereka dan hati setiap orang yang menghadapi kesusahan bahawa penderitaan kesusahan yang dialami manusia itu adalah suatu ujian dan dugaan dari Allah, dan orang yang menyedari hakikat ini akan memperolehi faedah-faedah dari kesusahan itu dan dapat mengambil pengajaran dari ujian itu. Di sebalik kesusahan dan ujian itu, ia mendapat (teladan-teladan) apabila dia sedar, kerana kesusahan itu tidak berlalu percuma sahaja apabila seorang itu menyedari bahawa dia sedang menempuh masa ujian yang akan membawa faedah kepadanya jika dia pandai mengambil pengajaran darinya. Sesuatu kesusahan itu dirasa ringan oleh seseorang apabila dia hidup dengan pemikiran ini dan apabila dia dapat menyimpan hasil-hasil dari penderitaan yang pedih itu untuk bekalan dunia, iaitu dalam bentuk pengalaman-pengalaman, pengetahuan-pengetahuan, kesabaran dan ketahanan, dan untuk bekalan Akhirat iaitu dalam bentuk mencari pahala di sisi Allah dengan penderitaan itu, merendah diri dengan berserah kepada Allah, menunggu kelepasan dari Allah dan tidak berputus asa dari rahmat-Nya. Itulah maksud komentar ayat berikut:

وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٤٩﴾

"Dan dalam peristiwa itu terdapat ujian yang amat besar dari Tuhan kamu."(49)

Selesai dari kesimpulan ini datang pula pemandangan keselamatan selepas ditayangkan pemandangan-pemandangan 'azab penindasan.

وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ ٱلْبَحْرَ فَأَنجَيْنَٰكُمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami belahkan lautan kerana kamu lalu Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan kuncu-kuncu Fira'un, sedangkan kamu sendiri melihat (peristiwa itu)."(50)

Kisah keselamatan Bani Israel ini telah diceritakan dengan terperinci di dalam surah-surah Makkiyah yang diturunkan sebelum ini. Tetapi di sini ia hanya disebut sebagai suatu peringatan sahaja kepada kaum Yahudi yang mengetahui kisah ini sama ada dari ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah, atau dari kitab-kitab dan cerita-cerita mereka yang tersimpan. Ia hanya mengingatkan kisah ini kepada mereka dalam bentuk satu pemandangan supaya mereka mengenangkan kembali dan menginsafinya. Mereka seolah-olah sedang melihat sendiri pembelahan laut itu dan keselamatan Bani Israel di bawah pimpinan Musa a.s. Ciri menghidupkan kenangan dan keinsafan ini merupakan salah satu dari ciri-ciri pengungkapan Al-Qur'an yang amat mengkagumkan.

* * * * * *

Ayat-ayat yang berikut maju terus bersama angkatan Bani Israel selepas mereka keluar dengan selamat dari negeri Mesir:

وَإِذْ وَٰعَدْنَا مُوسَىٰٓ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ ٱتَّخَذْتُمُ ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿٥١﴾ ثُمَّ عَفَوْنَا عَنكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾

وَإِذْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُم بِٱتِّخَاذِكُمُ ٱلْعِجْلَ فَتُوبُوٓا۟ إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَٱقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِندَ بَارِئِكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami berjanji dengan Musa selama empat puluh malam kemudian sepeninggalannya kamu menyembah patung anak lembu dan kamu adalah orang-orang yang zalim(51). Kemudian sesudah itu Kami maafkan kamu supaya kamu bersyukur(52). Dan (kenangilah) ketika Kami kurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan kitab yang membezakan di antara kebenaran dan kepalsuan supaya kamu mendapat hidayat(53). Dan kenangilah ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Kamu telah menzalimi diri kamu sendiri kerana perbuatan kamu menyembah patung anak lembu. Oleh itu taubatlah kepada Allah Pencipta kamu dan bunuhlah sendiri orang-orang yang bersalah dari kamu. Tindakan itu lebih baik kepada kamu di sisi Allah pencipta kamu. Lalu Allah menerima taubat kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih."(54)

Kisah Bani Israel Membuat Patung Anak Lembu

Kisah Bani Israel membuat patung anak lembu dan menyembahnya semasa pemergian Musa a.s. untuk menepati perjanjian dengan Allah di atas Bukti Tursina itu, diceritakan dengan terperinci di dalam Surah Taha yang terdahulu turunnya di Makkah. Di dalam surah ini, Al-Qur'an hanya mengingatkan kisah itu kepada mereka yang memang terkenal di kalangan mereka. Al-Qur'an mengingatkan mereka tentang kejatuhan (akhlak) mereka sehingga tergamak menyembah patung anak lembu sebaik sahaja nabi mereka tidak ada, sedangkan nabi mereka itulah yang telah menyelamatkan mereka dengan nama Allah dari kuncu-kuncu Fira'un yang telah menindas mereka dengan kejam. Al-Qur'an menerangkan hakikat kedudukan mereka dalam penyembahan patung anak lembu itu:

وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿٥١﴾

"Dan kamu adalah orang-orang yang zalim."(51)

Tiada yang lebih zalim dari mereka yang meninggalkan ibadat kepada Allah dan mengabaikan pesanan nabi mereka kerana hendak menyembah patung anak lembu, sedangkan Allah telah menyelamatkan mereka dari Fira'un yang memuja patung-patung anak lembu itu!

Namun begitu Allah telah memaafkan mereka dan mengurniakan kitab at-Taurat kepada nabi mereka, iaitu kitab suci yang mengandungi penerangan yang membezakan di antara yang benar dengan yang palsu supaya mereka mendapat hidayat ke jalan kebenaran yang terang setelah mereka tersesat jalan.

(Ayat yang berikut) menjelaskan betapa perlunya terdapat satu langkah pembersihan yang keras, kerana tabi'at yang runtuh dan kosong itu tidak dapat dibetulkan melainkan dengan tebusan dosa yang berat dan hukuman yang kasar sama ada dari segi cara pelaksanaan atau dari segi hakikat.

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُم بِٱتِّخَاذِكُمُ ٱلْعِجْلَ فَتُوبُوٓا۟ إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَٱقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِندَ بَارِئِكُمْ

"Dan kenangilah ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Kamu telah menzalimi diri kamu sendiri kerana perbuatan kamu menyembah patung anak lembu. Oleh itu taubatlah kepada Allah Pencipta kamu dan bunuhlah sendiri orang-orang yang bersalah dari kamu. Tindakan itu lebih baik kepada kamu di sisi Allah pencipta kamu."

"Bunuhlah diri kamu" (فاقتلوا أنفسكم) yakni hendaklah yang ta'at membunuh yang derhaka untuk membersihkan diri masing-masing. Demikianlah menurut riwayat-riwayat mengenai tebusan dosa yang amat berat itu. Memanglah satu tugas yang amat sukar dan berat apabila seseorang itu diperintah membunuh saudaranya, kerana ini bererti seolah-olah membunuh diri sendiri dengan kerelaannya, tetapi - di samping merupakan hukuman tebusan dosa - ia juga merupakan suatu pendidikan untuk membetulkan tabi'at mereka yang jatuh bagitu rendah dan kosong itu, tabi'at yang tidak dapat melarang dan menahan satu sama lain dari kejahatan dan kemungkaran. Andainya mereka dapat menahan satu sama lain dari kemungkaran semasa pemergian Musa tentulah mereka tidak menyembah patung anak lembu. Dan oleh kerana mereka tidak dapat menahan satu sama lain dengan perkataan, maka hendaklah mereka menahan satu sama lain dengan mata pedang, dan hendaklah mereka membayar cukai yang berat itu yang akan memberi manfa'at dan didikan kepada mereka.

Di sini mereka diselamatkan oleh rahmat Allah setelah menjalani pembersihan itu:

فَتَابَ عَلَيْكُمْ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾

"Lalu Allah menerima taubat kamu sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih."(54)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 55 - 57)

Tetapi Israel tetap Israel. Mereka mempunyai perasaan yang tebal, pemikiran yang bersifat kebendaan dan mereka terlindung dari liku-liku alam ghaib, kerana itu mereka tiba-tiba menuntut untuk melihat Allah secara terang-terangan. Mereka yang

membuat tuntutan ini ialah kumpulan tujuh puluh orang iaitu satu golongan yang terpilih dari kaum Bani Israel, yang dipilih oleh Musa untuk menyertai beliau di tempat perjanjian dengan Allah - kisah perjanjian ini dihuraikan dengan terperinci di dalam surah-surah Makkiyah sebelum ini - dan mereka enggan beriman kepada Musa kecuali mereka dapat melihat Allah dengan mata kasar mereka.

Di sini Al-Qur'an menghadapi mereka (kaum Yahudi di Madinah) dengan menyebut perkataan-perkataan kufur yang terbit dari datuk nenek mereka di zaman purba untuk mendedahkan sifat degil mereka yang lama yang serupa dengan kedegilan mereka yang baru terhadap rasul yang mulia s.a.w., juga serupa dengan tuntutan mereka sekarang yang menuntut mu'jizat-mu'jizat dari beliau, dan seterusnya serupa dengan hasutan mereka terhadap setengah-setengah orang Islam supaya menuntut kepada beliau mujizat-mu'jizat untuk mempastikan kebenaran beliau:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَٰمُوسَىٰ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَى ٱللَّهَ
جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ ٱلصَّٰعِقَةُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٥﴾
ثُمَّ بَعَثْنَٰكُم مِّنۢ بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾
وَظَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْغَمَامَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ
وَٱلسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ ۖ وَمَا ظَلَمُونَا
وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: 'Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah terang-terangan, lalu kamu disambar petir dan kamu sendiri melihat (peristiwa itu)(55). Kemudian Kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati supaya kamu bersyukur(56). Dan Kami teduhkan kamu dengan (payung) awan dan Kami turunkan kepada kamu makanan "مَنّ" dan burung salwa (lalu Kami menjemput kamu): 'Silalah makan makanan-makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu.' Bukannya Kami yang mereka aniayakan tetapi merekalah yang telah menganiayai diri mereka sendiri."(57)

Bagi mereka, tanggapan secara kebendaan yang kasar itulah satu-satunya jalan untuk mengenal Allah, atau boleh jadi itulah tabi'at mereka yang degil dan suka menentang.

Penindasan Fira'un Merosakkan Jiwa Bani Israel

Bukti-bukti yang sedemikian banyak, ni'mat-ni'mat Ilahi yang melimpah ruah dan ni'mat kemaafan dan keampunan Allah semuanya tidak dapat mengubahkan tabi'at Bani Israel yang kasar, yang tidak beriman melainkan kepada perkara-perkara yang dapat disaksikan oleh pancaindera mereka sahaja, dan di samping itu mereka terus berdegil menentang dan enggan menurut perintah melainkan di bawah tekanan keseksaan dan penindasan. Ini menunjukkan bahawa zaman penindasan yang dihayati mereka di bawah pemerintahan Fira'un yang zalim dan kejam itu telah menyebabkan fitrah mereka mengalami kerosakan yang amat mendalam. Dan tiada (faktor) yang lebih parah merosakkan fitrah manusia dari penindasan yang diwujudkan oleh pemerintahan zalim yang berlanjutan dan berpanjangan masanya. Penindasan itu meleburkan kebaikan-kebaikan jiwa manusia, menghancurkan teras-teras nilai-nilainya dan menanamkan tabi'at hamba dalam jiwa mereka. Akibatnya mereka menjadi hina dina di bawah tekanan penindasan dan memberontak apabila terangkatnya penindasan itu, dan menjadi angkuh apabila mereka berpeluang mendapat ni'mat dan kekuatan. Demikianlah tabi'at Israel di setiap zaman.

Oleh sebab itulah mereka menunjukkan kekufuran dan kedegilan seperti ini:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَٰمُوسَىٰ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَى ٱللَّهَ
جَهْرَةً

"Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: 'Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah terang-terangan."'

Dan akibatnya mereka menerima balasan Allah terhadap kekufuran itu ketika mereka berada di atas Bukit Tursina di tempat perjanjian yang termaklum:

فَأَخَذَتْكُمُ ٱلصَّٰعِقَةُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٥﴾

"Lalu kamu disambar petir dan kamu melihat sendiri (peristiwa itu)."(55)

Dan sekali lagi mereka diselamatkan oleh rahmat Allah dan sekali lagi mereka diberi peluang hidup supaya mereka mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya dan di sinilah Allah mengingatkan mereka dengan ni'mat itu.

ثُمَّ بَعَثْنَٰكُم مِّنۢ بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾

"Kemudian Kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati supaya kamu bersyukur."(56)

Kemudian Allah mengingatkan mereka pula bagaimana Dia telah memelihara hidup mereka di padang pasir yang tandus, dengan mengurniakan makanan-makanan yang cita rasa tanpa mereka berusaha dan bersusah payah, dan melindungi mereka dari bahang padang pasir dan kepanasan matahari yang membakar dengan tadbir-Nya yang Maha Halus:

وَظَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْغَمَامَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ
وَٱلسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ ۖ وَمَا ظَلَمُونَا
وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan Kami teduhkan kamu dengan (payung) awan dan Kami turunkan kepada kamu makanan "مَنّ" dan burung salwa (lalu Kami menjemput kamu): 'Silalah makan makanan-makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu.' Bukannya kami yang mereka aniayakan tetapi merekalah yang telah menganiayai diri mereka sendiri."(57)

Berbagai-bagai riwayat menerangkan bahawa Allah telah mengumpulkan awan-awan untuk memayungi dan meneduhi mereka dari kepanasan waktu tengah hari. Padang pasir tanpa hujan dan awan itu merupakan sebuah neraka yang amat panas dan apabila adanya hujan dan awan, udaranya menjadi lembut menyihatkan badan dan jiwa. Begitu juga berbagai-bagai riwayat menyebut bahawa Allah telah membekalkan kepada mereka makanan "مَنّ" yang boleh didapati di atas pokok-pokok kayu. Rasanya manis seperti madu, dan mengadakan untuk mereka burung salwa yang boleh didapati mereka dengan banyak dan mudah. Dengan peneduhan awan dan bekalan makanan-makanan ini mereka mendapat makanan-makanan yang baik dengan mewah dan tempat tinggal yang rehat. Allah telah mengurniakan makanan-makanan dan kedudukan yang baik kepada mereka, tetapi adakah mereka bersyukur dan menerima hidayat? Kenyataan di akhir ayat ini membayangkan bahawa mereka telah bertindak zalim dan kufurkan ni'mat-ni'mat Allah dan mereka telah menerima akibatnya. Mereka telah menzalimi diri sendiri:

وَمَا ظَلَمُونَا وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾

"Bukannya Kami yang mereka aniayakan, tetapi mereka telah menganiayai diri mereka sendiri."(57)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 59)

Ayat-ayat yang berikut terus menghadapi mereka dengan menjelaskan segala penyelewengan, ma'siat dan kekufuran yang telah dilakukan mereka:

وَإِذْ قُلْنَا ٱدْخُلُوا۟ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةَ فَكُلُوا۟ مِنْهَا حَيْثُ
شِئْتُمْ رَغَدًا وَٱدْخُلُوا۟ ٱلْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا۟ حِطَّةٌ
نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطَٰيَٰكُمْ ۚ وَسَنَزِيدُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾
فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ قَوْلًا غَيْرَ ٱلَّذِى قِيلَ لَهُمْ فَأَنزَلْنَا
عَلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ رِجْزًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُوا۟
يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami berkata: Masuklah kamu ke negeri ini (Baitul-Maqdis) dan makanlah di sana apa sahaja makanan yang kamu suka dengan mewah dan masuklah pintu kotanya dengan sujud (kerana bersyukur) dan berdo'alah: 'Ya Allah ampunkan kesalahan kami!' Nescaya Kami ampunkan kesalahan kamu dan Kami akan tambahkan (kurnia Kami) kepada para Muhsinin(58). Kemudian orang-orang yang zalim dari mereka telah menukarkan perintah Kami itu dengan perkataan yang lain yang tidak diperintah kepada mereka, oleh itu Kami turunkan ke atas orang-orang yang zalim itu bencana dari langit kerana perbuatan yang telah dilakukan mereka."(59)

Setengah-setengah riwayat menjelaskan bahawa negeri yang dimaksudkan di sini ialah Baitul-Maqdis, iaitu negeri yang Allah telah perintahkan Bani Israel supaya memasukinya setelah mereka keluar dari Mesir dan supaya mereka mengeluarkan kaum 'Amaliqah yang mendiami negeri itu, tetapi kaum inilah yang tidak berani dilawan oleh Bani Israel. Mereka berkata:

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن
نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا فَإِنَّا
دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾

"Mereka berkata: Wahai Musa! Di negeri itu ada satu kaum yang gagah perkasa dan sesungguhnya Kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar darinya, dan jika mereka keluar darinya maka kami pasti akan memasukinya."

(Surah al-Ma'idah: 22)

Mereka berkata lagi kepada Nabi Musa a.s. mengenai mereka.

إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا ۖ فَٱذْهَبْ أَنتَ
وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya kami tidak akan memasuki negeri itu selama (kaum itu) berada di sana, oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu memerangi mereka dan kami tetap menunggu di sini."

(Surah al-Ma'idah: 24)

Oleh sebab itulah Allah menghukumkan hidup mereka mengembara di padang pasir selama empat puluh tahun sehingga lahir satu generasi baru di bawah pimpinan Yusy'a ibn Nun yang berjaya menawan negeri itu dan memasukinya. Sepatutnya mereka memasuki negeri itu dengan sujud kepada Allah seperti yang diperintahkan kepada mereka sebagai menunjukkan rasa kerendahan diri dan tunduk kepada Allah serta memohon: Ya Allah! Gugurkanlah dosa kami dan kurniakanlah keampunan kepada kami! Tetapi mereka telah memasuki negeri itu dengan cara dan permohonan yang berlainan dari cara dan permohonan yang diperintahkan kepada mereka.

Ayat yang berikut menghadapi mereka dengan menyebut peristiwa yang tercatat di dalam sejarah mereka. Ia termasuk di dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas zaman Musa a.s. Al-Qur'an mengambil kira seluruh sejarah Bani Israel sebagai satu unit sejarah sahaja. Sejarah lama mereka sama dengan sejarah barunya, dan sejarah tengahnya sama dengan sejarah awal dan sejarah akhirnya, semuanya menggambarkan pemberontakan dan penderhakaan

(terhadap Allah) dan penyelewengan (dari jalan yang benar).

Apa sahaja peristiwa yang dibicarakan oleh Al-Qur'an maka peristiwa itu adalah satu peristiwa yang memang diketahui mereka, di samping itu Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan kejadian-kejadian yang ada di dalam pengetahuan mereka. Allah telah menolong mereka lalu mereka berjaya menakluki sebuah negeri yang tertentu, dan menyuruh mereka supaya memasukinya dengan keadaan rendah diri dan berdo'a memohon kepada Allah mengampunkan mereka dan menggugurkan dosa mereka. Allah juga telah berjanji untuk mengampunkan kesalahan-kesalahan mereka dan menambahkan limpah kurnia ni'mat-Nya kepada para Muhsinin, tetapi mereka telah melanggar semua perintah itu seperti kebiasaan kaum Yahudi:

فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ قَوْلًا غَيْرَ ٱلَّذِى قِيلَ لَهُمْ

"Kemudian orang-orang yang zalim dari mereka telah menukarkan perintah Kami itu dengan perkataan yang lain yang tidak diperintah kepada mereka."(59)

Al-Qur'an hanya menyebut golongan mereka yang zalim sahaja. Ini boleh jadi segolongan mereka sahaja yang bertindak menukarkan perintah itu dan melakukan perbuatan yang zalim, atau boleh jadi Al-Qur'an menyifatkan seluruh mereka sebagai zalim belaka kerana perbuatan itu dilakukan oleh seluruh mereka.

فَأَنزَلْنَا عَلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ رِجْزًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

"Oleh itu Kami turunkan ke atas orang-orang yang zalim itu bencana dari langit kerana perbuatan yang telah dilakukan mereka."'(59)

Kata-kata "ar-Rijz" (الرجز) bererti 'azab atau bencana, dan "al-Fusuq" bererti perbuatan menentang, menyeleweng dan menderhaka.

Ini adalah salah satu dari tindakan-tindakan penyelewengan Bani Israel.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 60)

Sebagaimana Allah memberi kemudahan makanan di padang pasir dan ni'mat awan yang teduh di waktu tengah hari, maka Dia juga telah memberi bekalan air yang mewah kepada mereka dengan perantaraan mu'jizat dari mu'jizat-mu'jizat yang diperlakukan Allah di atas tangan Musa a.s. Di sini Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka itu, dan bagaimana pula tindak-tanduk mereka selepas menerima limpah kurnia dan ni'mat-ni'mat itu?

وَإِذِ ٱسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ فَقُلْنَا ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْحَجَرَ ۖ فَٱنفَجَرَتْ مِنْهُ ٱثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ۖ قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۖ كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ مِن رِّزْقِ ٱللَّهِ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa memohon air untuk kaumnya, lalu Kami perintah: 'Pukullah batu itu dengan tongkatmu!' Lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air. Setiap suku kaum mengetahui tempat minum masing-masing. 'Makanlah dan minumlah rezeki dari Tuhanmu dan janganlah kamu menceroboh melakukan kerosakan di bumi."'(60)

Musa a.s. telah memohon kepada Allah supaya mengurniakan kepada kaumnya bekalan air, dan Allah perkenankan do'anya lalu menyuruh beliau supaya memukul batu yang tertentu dengan tongkatnya, tiba-tiba terpancurlah dari batu itu dua belas mata air, iaitu sebanyak bilangan suku Bani Israel. Mereka dirujukkan kepada dua belas suku sebanyak bilangan cucu Nabi Ya'kub a.s. atau Israel yang menjadi asal keturunan mereka. Cucu-cucu beliau lebih dikenal dengan istilah asbat (suku-suku) yang sering disebut di dalam Al-Qur'an. Merekalah merupakan kepala-kepala suku Bani Israel dan mereka masih terus mengikut sistem suku, di mana suatu suku itu dibangsakan kepada ketua besarnya. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengatakan:

قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ

"Setiap suku kaum mengetahui tempat minum masing-masing."

Yakni mereka mengetahui mata air yang diperuntukkan kepada mereka masing-masing di antara dua belas mata air itu. Kemudian diumumkan kepada mereka bahawa mata air itu merupakan suatu pemberian dan ni'mat dari Allah, juga diberi amaran supaya mereka jangan melakukan pencerobohan dan kerosakan:

كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ مِن رِّزْقِ ٱللَّهِ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾

"Makanlah dan minumlah rezeki dari Tuhanmu dan janganlah kamu menceroboh melakukan kerosakan di bumi."(60)

* * * * * *

Kehidupan Bani Israel Di Padang Pasir

Mereka hidup di padang pasir dengan alamnya yang tandus, kering dan berbatu-batu, dengan langitnya yang menyuarakan kepanasan dan melontarkan serpihan-serpihan bintang, tetapi dari batu yang pejal itu Allah alirkan mata air untuk mereka, dan dari langit pula Allah turunkan "مَنّ" dan salwa iaitu madu dan burung. Namun demikian

struktur jiwa mereka yang telah reput dan tabi'at mereka yang telah jatuh dan buruk itu, telah membuat mereka enggan untuk meningkatkan diri mereka ke tahap matlamat yang tinggi sedangkan kerana matlamat inilah mereka dikeluarkan dari Mesir dan kerananya juga mereka mengharungi Padang Sahara. Allah telah mengeluarkan mereka dari kehinaan dengan pimpinan Nabi Musa a.s. kerana Allah hendak memberikan kepada mereka negeri yang suci dan mengangkatkan mereka dari kehinaan kepada kemuliaan. Tetapi kebebasan itu ada harganya (yang pasti dibayar), kemuliaan mempunyai tugas-tugasnya (yang pasti dilaksanakan) dan amanah agung yang dipertanggungjawabkan di atas bahu mereka juga ada bayarannya (yang pasti ditunaikan), namun begitu mereka tidak mahu membayar harga itu, tidak mahu melaksanakan tugas-tugas itu dan tidak mahu menunaikan bayarannya, malah tidak mahu mengubahkan cara hidup mereka yang tetap dan mudah. Mereka tidak mahu menukarkan makanan dan minuman mereka yang biasa dan tidak mahu menyesuaikan diri mereka dengan keadaan-keadaan dan suasana-suasana hidup mereka yang baru dalam usaha mereka untuk mencapai kemuliaan, kebebasan dan kehormatan. Mereka tetap mengingini aneka makanan yang biasa dini'mati mereka di negeri Mesir iaitu mereka mahu kacang 'adas (dal), bawang putih, bawang besar, mentimun dan sebagainya. Inilah cerita yang diingatkan oleh Al-Qur'an kepada mereka. Di negeri Madinah pula mereka mengemukakan berbagai-bagai dakwaan.

(Pentafsiran ayat 61)

وَإِذْ قُلْتُمْ يَٰمُوسَىٰ لَن نَّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَٰحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ مِنۢ بَقْلِهَا وَقِثَّآئِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا ۖ قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ ٱلَّذِى هُوَ أَدْنَىٰ بِٱلَّذِى هُوَ خَيْرٌ ۚ ٱهْبِطُوا۟ مِصْرًا فَإِنَّ لَكُم مَّا سَأَلْتُمْ ۗ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ وَٱلْمَسْكَنَةُ وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ٱلنَّبِيِّۦنَ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۗ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

"Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: 'Wahai Musa! Kami tidak tahan lagi makan sejenis makanan sahaja, kerana itu pohonlah kepada Tuhanmu agar Ia mengeluarkan untuk kami tumbuh-tumbuhan bumi dari sayur-sayurannya, mentimunnya, gandumnya, kacang dalnya dan bawangnya.' Jawab Musa: 'Adakah kamu ingin menukarkan kedudukan yang hina dengan meninggalkan kedudukan yang lebih baik? Masuklah kamu mana-mana negeri kerana kamu boleh mendapat makanan-makanan yang dipinta oleh kamu.' Ke atas mereka telah diterapkan kehinaan dan kepapaan dan mereka tetap kembali mendapat kemurkaan Allah. Balasan itu ialah kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa kebenaran. Balasan itu ialah kerana mereka telah menderhaka dan melakukan pencerobohan."(61)

Nabi Musa a.s. telah mengecam permintaan-permintaan itu (dengan katanya):

أَتَسْتَبْدِلُونَ ٱلَّذِى هُوَ أَدْنَىٰ بِٱلَّذِى هُوَ خَيْرٌ ۚ

"Adakah kamu mahu menukarkan kedudukan yang hina dengan meninggalkan kedudukan yang lebih baik?"

Yakni adakah kamu mahukan kehinaan, sedangkan Allah hendak memberi kemuliaan kepada kamu?

ٱهْبِطُوا۟ مِصْرًا فَإِنَّ لَكُم مَّا سَأَلْتُمْ ۗ

"Masuklah kamu mana-mana negeri kerana di sana kamu boleh mendapat makanan yang dipinta oleh kamu."(61)

Ayat ini boleh diertikan bahawa makanan yang dipinta oleh kamu itu merupakan satu permintaan yang amat kecil yang tidak perlu kepada berdo'a kerana makanan itu boleh didapati dengan banyak di mana-mana negeri. Oleh itu masuklah mana-mana negeri, di sana kamu boleh mendapat makanan itu. Atau boleh diertikan jika begitu permintaan kamu, kembalilah sahaja ke negeri Mesir, di mana kamu telah dikeluarkan darinya, kembalilah kepada kehidupan kamu yang biasa, iaitu kehidupan yang hina dina. Perkataan ini merupakan kecaman Musa a.s. terhadap mereka.

Bagi pihak saya, saya lebih cenderung kepada pendapat ini walaupun telah ditolak oleh setengah-setengah Mufassirin. Saya lebih cenderung kepada pendapat ini kerana ayat ini diiringi dengan kenyataan (yang berikut):

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ وَٱلْمَسْكَنَةُ وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ ۗ

"Ke atas mereka telah diterapkan kehinaan dan kepapaan dan mereka tetap kembali mendapat kemurkaan Allah."(61)

Kerana dari segi sejarah, peristiwa kehinaan dan kepapaan yang ditimpakan ke atas mereka dan kemurkaan Allah yang diterima oleh mereka bukannya berlaku di peringkat ini di dalam sejarah mereka, malah ia berlaku di peringkat kemudian, iaitu setelah berlakunya peristiwa-peristiwa yang disebut di penghabisan ayat ini:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ٱلنَّبِيِّۦنَ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۗ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

"Balasan itu ialah kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa kebenaran. Balasan itu ialah kerana mereka telah menderhaka dan melakukan pencerobohan."(61)

Bilakah Bani Israel Diterapkan Kehinaan Kepapaan?

Peristiwa-peristiwa ini berlaku di masa muta'akhir iaitu beberapa generasi selepas zaman Musa a.s., tetapi di sini ayat ini menyegerakan sebutan peristiwa kehinaan, kepapaan dan kemurkaan Allah itu kerana adanya persesuaian dengan sikap mereka yang menuntut kacang 'adas (dal), bawang besar, bawang putih dan mentimun, yakni sikap itu sesuai dengan perkataan Musa kepada mereka: "Jika begitu kembalilah sahaja ke negeri Mesir" Kerana perkataan ini boleh membuat mereka terkenangkan kepada keadaan hidup mereka yang hina dina di negeri Mesir, terkenang kepada peristiwa mereka diselamatkan Allah dari hidup yang hina dina itu dan terkenang kepada keinginan dan kesukaan mereka kepada makanan-makanan yang biasa dini'mati di negeri Mesir di mana mereka hidup hina dina.

* * * * * *

Sejarah mana-mana bangsa tidak pernah menyaksi peristiwa-peristiwa seperti yang disaksikan oleh sejarah Israel yang penuh dengan kekejaman, keingkaran, pencerobohan dan penindasan terhadap para penda'wah. Mereka telah membunuh, menyembelih dan menggergaji sebilangan nabi-nabi mereka. Itulah perbuatan yang paling keji yang dilakukan oleh satu umat terhadap penda'wah-penda'wah yang benar dan ikhlas. Mereka telah melakukan kekufuran, pencerobohan dan penderhakaan yang paling keji. Mereka telah melakukan di bidang-bidang ini perbuatan-perbuatan yang tidak ada tolok bandingnya.

Namun demikian mereka telah membuat dakwaan-dakwaan yang panjang lebar yang menghairankan, mereka selama-lamanya mendakwa bahawa merekalah sahaja umat yang mendapat hidayat Allah. Merekalah sahaja umat Allah yang terpilih, merekalah sahaja yang akan mendapat pahala dari Allah dan merekalah sahaja yang berhak mendapat limpah kurnia Allah tanpa dikongsi oleh umat yang lain. Di sini (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an mendustakan dakwaan ini dan menjelaskan salah satu dari dasar-dasar umum (Islam) yang tersirat di dalam kisah-kisah Al-Qur'an, atau disebut sebelum atau selepas kisah-kisah itu, iaitu dasar kesatuan dan persamaan iman atau kesatuan dan persamaan 'aqidah. Apabila 'aqidah ini telah membawa seseorang menyerahkan dirinya kepada Allah dan beriman kepada-Nya dengan keimanan yang kukuh, maka akan terbitlah darinya amalan-amalan yang soleh. Al-Qur'an menjelaskan juga bahawa limpah kurnia Allah bukannya milik suatu kumpulan atau kaum, malah ia dikurniakan kepada seluruh orang-orang yang beriman di setiap zaman dan di setiap tempat di mana masing-masing mengikut agama yang diwajibkan ke atasnya sehingga datang rasul yang membawa agama yang wajib dipegang oleh seluruh orang yang beriman.

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 64)

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلنَّصَٰرَىٰ وَٱلصَّٰبِـِٔينَ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang beragama Yahudi dan orang-orang yang beragama Nasara dan orang-orang Sabi'in, iaitu mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka setiap mereka akan beroleh balasan di sisi Tuhan mereka dan tiada lagi sebarang ketakutan kepada mereka dan mereka juga tidak akan dukacita."(62)

Orang yang beriman (dalam ayat ini) ialah kaum Muslimin, orang-orang yang " هادوا " boleh diertikan dengan orang-orang yang kembali kepada Allah dan boleh diertikan dengan (orang-orang Yahudi iaitu) anak-anak cucu keturunan Yahuza. Orang-orang Nasara ialah pengikut-pengikut 'Isa a.s. dan orang-orang Sabi'in, menurut pendapat yang arjah, ialah kumpulan Musyrikin Arab sebelum kebangkitan Rasullullah s.a.w.: Mereka telah meragui kepercayaan kaum mereka yang menyembah berhala lalu mereka mencari satu 'aqidah yang dapat diterima oleh mereka, lalu mereka menerima 'aqidah Tauhid. Mereka berkata: Mereka beribadat mengikut agama Hanifiyah yang pertama, iaitu agama Ibrahim a.s. Mereka mengasingkan diri dari ibadat-ibadat kaum mereka tetapi mereka tidak menyeru kaum mereka kepada 'aqidah Tauhid. Kaum Musyrikin Arab telah mengecap mereka dengan gelaran Sabi'in (orang-orang yang meninggal agama datuk nenek mereka) sebagaimana mereka pernah mengecapkan orang-orang Islam dengan gelaran yang sama selepas itu. Oleh sebab itulah mereka dinamakan Sabi'in. Pendapat ini lebih arjah dari pendapat yang mengatakan bahawa kaum Sabi'in ialah golongan orang-orang yang menyembah bintang-bintang sebagaimana dihuraikan di dalam setengah-setengah tafsir.

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dari semua golongan, dan mengerjakan amalan yang salih, akan memperolehi ganjaran mereka masing-masing di sisi Allah. Tiada lagi sebarang ketakutan kepada mereka dan mereka juga tidak akan berdukacita. Yang diambil kira di sini ialah hakikat 'aqidah bukannya bangsa atau kaum. Inilah kedudukan sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. Adapun kedudukan selepas kebangkitan beliau,

maka corak dan bentuk keimanan yang terakhir ini telah pun ditentukan Allah.

* * * * * *

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus membentangkan pendirian-pendirian Bani Israel dalam rangka menghadapi kaum Yahudi Madinah yang dapat didengar oleh kaum Muslimin:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ ٱلطُّورَ خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱذْكُرُوا۟ مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

ثُمَّ تَوَلَّيْتُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۖ فَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ لَكُنتُم مِّنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٦٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengadakan perjanjian dengan kamu dan Kami angkatkan Bukit Tursina ke atas kamu (sambil berfirman): 'Peganglah Taurat yang telah Kami kurniakan kepada kamu itu dengan teguh dan ingatilah pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya supaya kamu bertaqwa(63). Kemudian selepas itu kamu berpaling dari mematuhinya dan andainya tidak kerana limpah kurnia dan rahmat Allah ke atas kamu tentulah kamu berada di dalam golongan orang-orang yang rugi."(64)

Perincian tentang perjanjian ini dihuraikan di dalam surah-surah yang lain dan setengah-setengahnya akan dijelaskan dalam surah ini selepas ini. Yang penting di sini ialah menghadirkan pemandangan perjanjian itu dan keselarasan keadaan jiwa dan pengungkapan Al-Qur'an yang wujud di antara kekuatan mengangkat batu di atas kepala mereka dengan kekuatan berpegang teguh dengan perjanjian. Allah menyuruh mereka berpegang teguh dengan kandungan perjanjian dan berazam dengan gigih untuk melaksanakannya, kerana tidak ada sikap lembut dan lembik dalam urusan mematuhi 'aqidah. Ia tidak menerima penyelesaian separuh-paruhan dan sikap bermain-main. Ia merupakan janji Allah dengan orang-orang yang beriman. Ia merupakan urusan yang serius dan benar, oleh itu ia tidak mempunyai jalan yang lain melainkan sungguh-sungguh dan benar. Ia mempunyai taklif-taklif yang berat. Itulah sifat 'aqidah. Ia merupakan satu urusan yang amat besar, lebih besar dari segala isi alam al-wujud ini. Oleh sebab itulah ia pasti dihadapi oleh seseorang dengan hati yang bersungguh, berminat dan tahu segala tugas-tugasnya, hati yang bertekad dan berazam penuh untuk melaksanakan tugas-tugas itu. Setiap orang yang berpegang dengan 'aqidah ini pastilah sedar bahawa dia telah memberi selamat jalan kepada kehidupan yang senang-lenang, kehidupan yang mewah dan empuk sebagaimana sabda Rasullullah s.a.w. (kepada isterinya) apabila beliau diseru menjalankan tugas da'wah:

مضى عهد النوم يا خديجة

"Zaman tidur telah berlalu wahai Khadijah!"

dan seperti firman Allah kepada beliau:

إِنَّا سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman (tugas-tugas) yang berat."

(Surah al-Muzzamil: 5)

dan seperti firman Allah kepada Bani Israel:

خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱذْكُرُوا۟ مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

"Peganglah Taurat yang telah Kami kurniakan kepada kamu itu dengan teguh dan ingatilah pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya supaya kamu bertaqwa."(63)

Kewajipan Berpegang Teguh Dengan Perjanjian Allah

Yakni perjanjian itu pasti dipegang dengan teguh, sungguh-sungguh, penuh tekad dan azam. Kandungannya pasti diingat, dan hakikatnya pasti disedari dan (hidup seseorang itu) pasti disesuaikan dengan perjanjian itu, supaya urusan perjanjian itu bukan hanya merupakan semata-mata pernyataan semangat yang berkobar-kobar sahaja, kerana perjanjian Allah merupakan satu sistem hidup yang ditegakkan di dalam hati dalam bentuk pemikiran dan perasaan, dan ditegakkan di alam hidup dalam bentuk undang-undang dan peraturan, dan seterusnya ditegakkan di alam tingkahlaku dalam bentuk adab sopan dan akhlak yang tertentu, dan pada akhirnya ia membawa seseorang kepada taqwa dan kepekaan terhadap pemerhatian Allah, juga membawa kepada ketakutan terhadap akibat kesudahan hidup.

Tetapi alangkah jauhnya Israel dari konsep ini, mereka telah dikongkong oleh tabi'at mereka dan ditewaskan oleh perangai mereka.

ثُمَّ تَوَلَّيْتُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۖ

"Kemudian selepas itu kamu berpaling dari mematuhinya."

Kemudian sekali lagi kamu diselamatkan oleh rahmat Allah dan limpah kurnia-Nya yang besar. Ia telah menyelamatkan mereka dari kerugian yang amat jelas:

فَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ لَكُنتُم مِّنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٦٤﴾

"Dan andainya tidak kerana limpah kurnia dan rahmat Allah ke atas kamu tentulah kamu berada di dalam golongan orang-orang yang rugi."(64)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 – 66)

Sekali lagi Al-Qur'an hadapi mereka dengan menyebut gejala-gejala kemungkiran janji, kejatuhan akhlak, kecuaian dan kelemahan mereka mematuhi perjanjian Allah dan melaksanakan tugas-tugasnya, juga kelemahan mereka di hadapan godaan nafsu dan tarikan mendapat faedah jangka pendek.

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ ٱلَّذِينَ ٱعْتَدَوْا۟ مِنكُمْ فِى ٱلسَّبْتِ فَقُلْنَا
لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَٰسِـِٔينَ ﴿٦٥﴾

"Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui segolongan kamu yang telah menceroboh larangan hari Sabtu lalu Kami katakan kepada mereka: 'Jadilah kamu kera-kera yang hina!'"(65)

Al-Qur'an telah menghuraikan cerita pencerobohan mereka terhadap larangan hari Sabtu di dalam surah yang lain, di mana Allah berfirman:

وَسْـَٔلْهُمْ عَنِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَتْ حَاضِرَةَ
ٱلْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِى ٱلسَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ
حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا
تَأْتِيهِمْ

"Dan tanyalah mereka tentang (penduduk) sebuah bandar yang terletak di tepi laut sewaktu mereka menceroboh larangan hari Sabtu, ketika ikan-ikan (yang diidami) mereka datang, dan menimbul pada hari Sabtu sedangkan pada hari bukan Sabtu ikan-ikan itu tidak pula datang kepada mereka."

(Surah al-A'raf: 163)

Kisah Bani Israel Mencabul Hari Sabtu

Mereka telah meminta diadakan satu hari rehat yang suci untuk mereka, lalu Allah jadikan hari Sabtu sebagai hari rehat yang suci, di mana mereka tidak boleh bekerja untuk kehidupan mereka. Kemudian Allah menguji mereka dengan timbulnya ikan-ikan yang banyak pada hari Sabtu, sedangkan pada hari-hari yang lain ikan-ikan itu menghilangkan diri. Ujian itu tidak tahan dihadapi oleh kaum Yahudi. Bagaimana mereka sanggup membiarkan ikan-ikan yang begitu mudah ditangkap itu? Apakah mereka mahu membiarkan peluang itu hilang begitu sahaja semata-mata kerana mematuhi dan berpegang dengan perjanjian? Ini bukannya tabi'at kaum Yahudi!

Oleh sebab itu mereka mencabul hari Sabtu dengan tipu-helah yang licin. Mereka mengepung ikan-ikan yang timbul pada hari Sabtu itu dengan mengadakan sekatan, yang menyekat ikan-ikan itu keluar ke laut tanpa menangkapkannya. Tetapi apabila Sabtu berlalu, mereka terus datang menangkap ikan yang terkepung itu.

فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَٰسِـِٔينَ ﴿٦٥﴾

"Lalu Kami katakan kepada mereka: Jadilah kamu kera-kera yang hina."(65)

Mereka memang wajar menerima balasan kerana memungkiri perjanjian mereka dengan Allah, dan kerana menjatuhkan diri dari taraf manusia yang mempunyai iradat ke taraf alam haiwan yang tidak mempunyai iradat dan hidup terkongkong kepada nafsu perut sahaja. Mereka telah jatuh kembali ke alam haiwan apabila mereka meninggalkan ciri utama yang melayakkan manusia menjadi manusia, iaitu ciri iradat yang luhur yang berpegang teguh dengan perjanjian Allah.

Tidak semestinya mereka berubah menjadi kera-kera dengan tubuh badan mereka, kerana mereka telah pun berubah menjadi kera-kera dengan jiwa dan fikiran mereka. Semuanya kesan-kesan perasaan dan fikiran itu menampakkan pada muka dan rupa seseorang ciri-ciri yang mengubahkan rupanya yang lahir dan memantulkan bayangannya yang mendalam.

Peristiwa itu berlalu sebagai satu contoh teladan yang boleh mencegahkan penderhaka-penderhaka di zaman itu dan kemudiannya, juga menjadi pengajaran yang berguna kepada orang-orang yang beriman di seluruh zaman:

فَجَعَلْنَٰهَا نَكَٰلًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا
وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٦٦﴾

"Kami telah jadikan balasan itu sebagai hukuman pencegah bagi orang-orang di masa itu dan orang-orang di masa kemudian dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa."(66)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 67 - 74)

Pada akhir pelajaran ini diceritakan kisah "lembu" dengan terperinci dalam bentuk cerita bukannya semata-mata sentuhan sepintas lalu sahaja seperti kisah yang lain. Kisah lembu ini tidak pernah disebut di dalam surah-surah Makkiyah sebelum ini, dan tidak pula pernah disebut di tempat-tempat yang lain. Ia menggambarkan sifat keras hati, degil, enggan menurut perintah dan berpura-pura membuat alasan-alasan yang menjadi sifat Bani Israel:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦٓ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن
تَذْبَحُوا۟ بَقَرَةً قَالُوٓا۟ أَتَتَّخِذُنَا هُزُوًا قَالَ أَعُوذُ
بِٱللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٦٧﴾
قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ

إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌۢ بَيْنَ ذَٰلِكَ ۖ
فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ ﴿٦٨﴾
قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا لَوْنُهَا ۚ قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ
إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَآءُ فَاقِعٌ لَّوْنُهَا تَسُرُّ النَّٰظِرِينَ ﴿٦٩﴾
قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِيَ إِنَّ الْبَقَرَ تَشَٰبَهَ
عَلَيْنَا وَإِنَّآ إِن شَآءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ﴿٧٠﴾
قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا ذَلُولٌ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا
تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَّا شِيَةَ فِيهَا ۚ قَالُوا الْـَٰٔنَ جِئْتَ
بِالْحَقِّ ۚ فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾
وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَادَّٰرَٰٔتُمْ فِيهَا ۖ وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنتُمْ
تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾
فَقُلْنَا اضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُحْيِ اللَّهُ الْمَوْتَىٰ
وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: 'Sesungguhnya Allah memerintah kamu supaya menyembelihkan seekor lembu betina!' Jawab mereka: 'Apakah engkau hendak mempermain-mainkan kami?' Ujar Musa: 'Aku berlindung dengan Allah dari termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil'(67). Kata mereka: 'Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami, apakah dia sebenarnya?' Jawab Musa: Sesungguhnya Allah telah berfirman bahawa lembu itu seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak pula terlalu muda, malah pertengahan di antara keduanya, oleh itu kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu'(68). Mereka berkata lagi: 'Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami apakah warnanya?'Jawab Musa: 'Sesungguhnya Allah telah berfirman bahawa lembu itu ialah lembu yang berwarna kuning tua yang menyenangkan hati orang-orang yang melihat'(69). Mereka berkata lagi: 'Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami apakah dia sebenarnya? Kerana sesungguhnya lembu-lembu itu telah kesamaran kepada kami dan sesungguhnya kami Insya'Allah akan mendapat panduan yang betul'(70). Jawab Musa: 'Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu itu ialah seekor lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk menenggala bumi dan tidak pula untuk menjirus tanaman, ia tidak cacat dan tidak pula mempunyai sebarang belang. 'Mereka pun berkata: 'Sekarang engkau menerangkan sifat-sifat yang sebenar,' lalu mereka menyembelihkan lembu (yang dikehendaki) itu dan mereka hampir-hampir tidak dapat melakukannya(71). Dan (kenangilah) ketika kamu membunuh seorang manusia kemudian kamu bertuduh-tuduhan sesama sendiri, dan Allah mahu mengeluarkan rahsia (pembunuh) yang disembunyikan oleh kamu(72). Lalu Kami berfirman: 'Pukullah si mati itu dengan sebahagian anggota lembu (yang disembelihkan itu).' Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati dan memperlihatkan tanda-tanda kekuasaan-Nya supaya kamu berfikir."(73)

Di dalam kisah yang pendek yang dibentangkan oleh Al-Qur'an ini terdapat ruang-ruang untuk menungan dari berbagai-bagai sudut. Iaitu sudut yang menggambarkan tabi'at Bani Israel dan watak-watak mereka yang turun-temurun, sudut yang menggambarkan qudrat Allah, hakikat kebangkitan, hakikat mati dan hidup, kemudian sudut pengungkapan seni dalam pembentangan kisah ini dari awal sehingga akhir selaras dengan rangkaian ayat.

Kisah Lembu

Ciri-ciri utama tabi'at dan watak Bani Israel kelihatan begitu jelas di dalam kisah lembu ini, iaitu putusnya hubungan hati mereka dengan mata air yang jernih hening, iaitu keimanan dan kepercayaan kepada Alah, dan kesediaan untuk mempercayai apa yang dibawa oleh para rasul. Juga ciri mereka yang enggan menyambut dan mematuhi perintah, ciri mereka yang berpura-pura mencari alasan dan ciri mereka yang bersenda-senda yang terbit dari hati mereka yang kasar dan lidah yang lancang.

Nabi mereka (Musa a.s.) telah menyatakan kepada mereka:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تَذْبَحُوا بَقَرَةً ۖ

"Sesungguhnya Allah memerintah kamu supaya menyembelihkan seekor lembu betina."

Sebenarnya pernyataan ini sahaja sudah cukup untuk mereka menerima dan melaksanakan perintah itu, kerana nabi mereka ialah pemimpin mereka yang telah menyelamatkan mereka dari 'azab penindasan (Fira'un) yang amat hina. Dia menyelamatkan mereka dengan rahmat dari Allah, dengan pemeliharaan dan tunjuk ajar-Nya. Dia juga telah menyatakan kepada mereka bahawa perkara ini bukanlah dari urusannya dan bukanlah keluar dari fikirannya, malah ia adalah dari urusan Allah yang selama ini ia berusaha memimpin mereka supaya mengikuti hidayat-Nya. Apakah jawapan mereka? Jawapan mereka amat kasar dan biadab. Mereka menuduh nabi mereka yang mulia itu mempermain-mainkan mereka seolah-olah mereka mengharuskan bahawa seseorang yang mengenal Allah - apatah lagi menjadi rasul-Nya - boleh menggunakan nama Allah dan urusan Allah sebagai bahan senda gurau dengan orang ramai.

قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُوًا ۖ

"Jawab mereka: Apakah engkau hendak mempermain-mainkan kami?"

Sebagai jawapan atas kebiadaban ini, Musa memohon perlindungan pada Allah dan memulangkan mereka ke jalan adab sopan yang layak dengan Allah yang Maha Besar dengan cara yang lemah-lembut dan dengan menggunakan kata-kata

sindiran yang halus di samping menjelaskan kepada mereka bahawa sangkaan mereka terhadap beliau adalah tidak layak dilakukan melainkan oleh orang yang tidak mengetahui darjah kebesaran dan tidak mengetahui peraturan adab sopan terhadap Allah:

قَالَ أَعُوذُ بِٱللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٦٧﴾

"(Musa) berkata: Aku berlindung dengan Allah dari termasuk di golongan orang-orang yang jahil."(67)

Sebenarnya bimbingan ini sudah cukup untuk membawa mereka insaf dan kembali kepada Allah dan melaksanakan perintah nabi mereka. Tetapi itulah tabi'at Israel.

Ya, mereka memang berupaya mendapatkan mana-mana lembu betina dan terus menyembelihkannya untuk menjunjung perintah Allah dan melaksanakan suruhan rasul-Nya, tetapi mereka telah dikongkong oleh tabi'at suka berlengah-lengah dan berbelit-belit dan kerana itu mereka masih bertanya:

قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ

"Kata mereka: Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami apakah dia sebenarnya?"

Bentuk pertanyaan seperti ini membayangkan mereka masih ragu-ragu bahawa Musa hendak mempermain-mainkan mereka dengan perintah Allah yang disampaikan kepada mereka, kerana pertama mereka berkata: "Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu" seolah-olah Allah itu Tuhan Musa sahaja bukan Tuhan mereka dan persoalan ini tidak ada kena mengena dengan mereka, malah hanya membabitkan Musa dan Tuhannya sahaja. Yang kedua mereka meminta Musa memohon kepada Tuhannya supaya menerangkan apakah dia sebenarnya? Pertanyaan mereka tentang hakikat lembu - walaupun yang dimaksudkan mereka ialah sifat lembu - merupakan suatu pertanyaan yang bertujuan mengingkar dan mengejek.......... "Apakah dia sebenarnya?" "Itulah lembu". Allah menerangkan begitu sejak awal-awal lagi tanpa menentukan sifatnya. "Itulah lembu" cukuplah begitu sahaja.

Di sini juga Musa sekali lagi mengembalikan mereka ke jalan yang benar dengan memberi jawapan yang berlainan dari cara pertanyaan mereka. Beliau tidak menghadapi mereka dengan mempertikaikan bentuk pertanyaan mereka untuk mengelak dari terlibat dalam perdebatan teknikal dengan mereka, malah beliau memberi jawapan yang layak diberikan oleh seorang guru pendidik kepada orang-orang yang jahil dan menyeleweng, iaitu beliau menjawab dengan menjelaskan sifat-sifat lembu itu:

قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌۢ بَيْنَ ذَٰلِكَ

"Sesungguhnya Allah telah berfirman: Bahawa lembu itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak pula terlalu muda malah pertengahan di antara keduanya."

Yakni lembu itu tidak tua dan tidak muda, iaitu pertengahan di antara tua dan muda. Kemudian kenyataan ini diiringi dengan nasihat yang mengandungi perintah yang tegas:

فَٱفْعَلُوا۟ مَا تُؤْمَرُونَ ﴿٦٨﴾

"Oleh itu kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu."(68)

Nasihat ini memang sudah cukup untuk orang yang mahu cukup. Ia sudah cukup untuk mereka setelah dua kali mereka dikembalikan ke jalan yang benar oleh Nabi mereka, dan setelah disindir supaya menunjukkan adab sopan yang selayaknya ketika mengemukakan pertanyaan dan menerima perintah..... sudah cukup bagi mereka bertindak mencari mana-mana lembu yang tidak tua dan tidak muda, iaitu seekor lembu yang pertengahan untuk melepaskan tanggungjawab mereka, cukuplah bagi mereka menyembelihkan lembu itu kerana menjunjung perintah Allah, dan membebaskan diri mereka dari kesulitan memayah-mayahkan dan menyempit-nyempitkan persoalan. Tetapi Israel tetap Israel.

Mereka terus bertanya lagi:

قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا لَوْنُهَا

"Mereka berkata lagi: Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami apakah warnanya?"

Demikianlah mereka berkata: "Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan", mereka terus sahaja menyulitkan persoalan dan menuntut jawapan dan ini memerlukan diberi jawapan yang terperinci.

قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَآءُ فَاقِعٌ لَّوْنُهَا تَسُرُّ ٱلنَّٰظِرِينَ ﴿٦٩﴾

"Jawab Musa: Sesungguhnya Allah berfirman "Bahawa lembu itu ialah lembu yang berwarna kuning tua yang menyenangkan hati orang-orang yang melihat."(69)

Demikianlah mereka menyempit-nyempitkan ruang pilihan ke atas diri mereka sendiri. Dahulu mereka mempunyai pilihan yang luas. Kini mereka diperintah bukan lagi mencari mana-mana lembu betina, malah lembu betina yang pertengahan umurnya, tidak tua dan tidak terlalu muda, kemudian lembu itu hendaklah berwarna kuning tua, dan selain dari itu hendaklah lembu itu tidak kurus dan tidak cacat (menyenangkan hati orang-orang yang melihatnya), sedangkan kesukaan hati para penonton tidak akan tercapai melainkan apabila mereka melihat sifat-sifat yang tangkas, segar, cergas dan berkilat pada lembu yang dikehendaki itu. Inilah kebiasaan tabi'at manusia, mereka tertarik dan senang hati dengan

sifat-sifat kecergasan dan kesempurnaan dan mereka tidak suka dan jijik kepada sifat kurus dan cacat.

Sikap berlengah-lengah yang telah ditunjukkan mereka itu sepatutnya telah cukup (setakat itu sahaja), tetapi mereka masih terus menyulit-nyulitkan persoalan dan memberat-beratkan diri mereka sendiri, dan akibatnya Allah memberatkan lagi persoalan itu ke atas mereka. Kini sekali lagi mereka kembali bertanya tentang hakikat yang sebenar lembu itu:

قَالُواْ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ

"Mereka berkata lagi: Pohonlah untuk kami supaya Tuhanmu menjelaskan kepada kami apakah dia sebenarnya?"

Mereka meminta maaf atas pertanyaan dan pertelingkahan ini dengan sebab perkara ini telah menimbulkan kekeliruan kepada mereka.

إِنَّ ٱلْبَقَرَ تَشَٰبَهَ عَلَيْنَا

"Kerana sesungguhnya lembu itu telah kesamaran kepada kami."

Mungkin juga kali ini mereka merasa mereka telah menunjukkan sifat yang degil lalu mereka berkata:

وَإِنَّآ إِن شَآءَ ٱللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan sesungguhnya kami Insya'Allah akan mendapat panduan yang betul."(70)

Sudah tentu pertanyaan ini akan menambahkan lagi kesulitan dan kepayahan kepada mereka dan menambahkan kesempitan kepada ruang pilihan mereka kerana adanya tambahan sifat-sifat yang baru ke atas lembu yang dikehendaki itu, iaitu sifat-sifat yang dahulunya tidak dikenakan ke atas mereka.

قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا ذَلُولٌ تُثِيرُ ٱلْأَرْضَ وَلَا تَسْقِى ٱلْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَّا شِيَةَ فِيهَا

"Jawab Musa: Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu itu ialah seekor lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk menenggala bumi dan tidak pula untuk menjirus tanaman, ia tidak cacat dan tidak pula mempunyai sebarang belang."

Demikianlah lembu yang diperintahkan itu tidak lagi seekor lembu biasa yang pertengahan umur, berwarna kuning tua dan cergas, malah di samping sifat-sifat ini, lembu itu bukanlah pula lembu yang pernah diguna dan dilatih menenggalakan bumi dan menjiruskan tanaman, dan hendaklah lembu itu mempunyai warna yang bersih tidak dikotori oleh sebarang belang.

Di sini sahaja .... setelah perkara itu menjadi rumit dan dikenakan syarat-syarat yang banyak dan setelah ruang pilihan menjadi begitu sempit (barulah mereka berkata):

قَالُواْ ٱلْـَٰٔنَ جِئْتَ بِٱلْحَقِّ

"Mereka pun berkata: Sekarang barulah engkau menerangkan sifat-sifat yang sebenar."

Baru sekarang! Seolah-olah keterangan-keterangan yang lepas itu tidak benar belaka, atau seolah-olah mereka tidak yakin bahawa perintah yang disampaikan kepada mereka itu benar kecuali baru sekarang ini sahaja.

فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُواْ يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾

"Lalu mereka menyembelihkan lembu (yang dikehendaki) itu dan mereka hampir-hampir tidak dapat melakukannya."(71)

Ketika itu - selepas melaksanakan perintah dan menjalankan tugas - Allah mendedahkan tujuan dari perintah itu:

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَٱدَّٰرَْٰٔتُمْ فِيهَا وَٱللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾

فَقُلْنَا ٱضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا كَذَٰلِكَ يُحْىِ ٱللَّهُ ٱلْمَوْتَىٰ وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika kamu membunuh seorang manusia kemudian kamu bertuduh-tuduhan sesama sendiri, dan Allah mahu mengeluarkan rahsia (pembunuh) yang disembunyikan oleh kamu(72). Lalu kami berfirman: 'Pukullah si mati itu dengan sebahagian anggota lembu (yang disembelihkan itu). 'Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati dan memperlihatkan tanda-tanda kekuasannya supaya kamu berfikir."(73)

Di sini sampailah kita kepada sudut yang kedua dari sudut-sudut kisah ini, iaitu sudut hikmatnya yang menunjukkan qudrat Allah yang Maha Pencipta dan hakikat kebangkitan selepas mati, juga menunjukkan tabi'at mati dan hidup. Di sini penerangan Al-Qur'an berubah dari bercerita kepada berbicara dan bersemuka.

Hikmat Dari Penyembelihan Lembu

Allah telah mendedahkan kepada kaum Musa hikmat dari penyembelihan lembu itu. Mereka telah membunuh seorang dari kaum mereka sendiri dan setiap puak menolak tuduhan itu dan meletakkannya ke atas puak yang lain, sedangkan di sana tidak ada seorang saksi pun. Oleh itu Allah mahu melahirkan kebenaran di atas lidah mangsa yang terbunuh itu sendiri, dan penyembelihan lembu itu merupakan satu wasilah untuk menghidupkan mangsa yang terbunuh itu dengan memukulnya dengan sebahagian anggota lembu itu. Inilah yang telah berlaku, lalu si mati itu hidup kembali dan menceritakan sendiri siapakah pembunuhnya yang sebenar supaya segala kesangsian dan keraguan di sekitar pembunuhannya itu hilang, dan supaya kebenaran itu tegak dan kebatilan itu tumbang dengan dalil-dalil yang amat kuat.

Tetapi mengapa dengan wasilah ini, sedangkan Allah berkuasa menghidupkan orang-orang yang mati

tanpa wasilah? Kemudian apakah pula hubungan lembu yang disembelih itu dengan mangsa yang terbunuh yang hidup kembali itu?

Mengikut adat Bani Israel lembu-lembu itu disembelih kerana korban. Di sini sepotongan anggota dari lembu yang disembelih itu dapat mengembalikan nyawa kepada jasad yang terbunuh itu, sedangkan anggota itu tidak mempunyai hayat dan qudrat untuk menghidupkan yang mati. Ia hanya merupakan satu wasilah yang zahir yang dapat menunjukkan qudrat Allah kepada mereka, iaitu qudrat yang tidak diketahui manusia bagaimana ia bertindak. Mereka hanya melihat kesan-kesan qudrat sahaja, tetapi tidak mengetahui hakikatnya dan cara ia bekerja.

كَذَٰلِكَ يُحْيِي ٱللَّهُ ٱلْمَوْتَىٰ

"Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati."

Yakni beginilah caranya Allah menghidupkan yang mati. Kamu melihatnya berlaku tetapi kamu tidak mengetahui bagaimana ia berlaku. Allah menghidupkan yang mati dengan cara yang mudah seperti ini tanpa sebarang kesulitan dan kesukaran.

Jarak di antara tabi'at mati dan tabi'at hidup adalah satu jarak yang amat jauh yang memeningkan kepala manusia, tetapi di dalam perhitungan Ilahi jarak ini amat kecil..... bagaimana? Ini adalah suatu rahsia yang tiada siapa pun mengetahuinya, dan tidak mungkin bagi sesiapa pun mengetahuinya.

Memahami hakikat dan kaifiyat (menghidupkan yang mati) di sini merupakan salah satu dari rahsia-rahsia ketuhanan. Tiada jalan untuk mengetahuinya di alam yang fana ini, walaupun akal manusia mampu memahami maksudnya dan mengambil pengajaran darinya.

وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾

"Dan Ia memperlihatkan tanda-tanda kekuasaan-Nya supaya kamu berfikir."(73)

Akhirnya marilah kita membicarakan tentang keindahan pengungkapan dan keselarasannya dengan susunan ayat.

Ketika mula membaca kisah yang pendek ini, kita merasa berada di hadapan cerita majhul yang tidak diketahui tujuan di sebaliknya. Kita tidak mengetahui di permulaan kisah ini mengapa Allah menyuruh Bani Israel menyembelih seekor lembu betina, dan Bani Israel sendiri juga tidak mengetahuinya. Ini adalah bertujuan untuk menguji sejauh mana keta'atan, sambutan dan kepatuhan mereka.

Kemudian dialog di antara Musa dan kaumnya dalam tayangan kisah itu berlangsung berturut-turut. Oleh itu kita tidak melihat dialog itu terputus merakamkan soal jawab di antara Musa dan kaumnya, sedangkan mereka setiap kali menuntut beliau bertanya itu dan ini kepada Allah. Lalu beliau memohon penerangan dari Allah, dan beliau kembali semula kepada mereka membawa jawapan itu, tetapi ayat-ayat kisah ini tidak menceritakan bahawa beliau telah memohon kepada Allah dan Allah telah memberi jawapannya. Tanpa merakamkan sedemikian memang layak dengan keagungan Allah, kerana keagungan-Nya tidak seharusnya diletak di tengah jalan kedegilan yang dilalui oleh Bani Israel.

Kemudian pada penghabisan kisah, kita bersua dengan suatu kejadian yang memeranjatkan sebagaimana Bani Israel juga terperanjat dengan kejadian itu, iaitu si mati itu tiba-tiba bangun dan hidup kembali serta boleh bercakap apabila dipukul dengan sepotong anggota lembu yang disembelih itu, iaitu sepotongan anggota yang tidak mempunyai hayat dan bahan hayat.

Di sini bertemunya keindahan pengungkapan Al-Qur'an dengan hikmat pembicaraan-pembicaraan ayat dalam sebuah kisah yang pendek di antara berbagai-bagai kisah Al-Qur'an.

* * * * * *

Sebagai ulasan terhadap pemandangan akhir kisah ini, iaitu ulasan yang boleh merangsangkan di dalam hati Bani Israel rasa kepekaan, ketakutan dan taqwa, juga sebagai ulasan terhadap pemandangan-pemandangan, peristiwa-peristiwa, contoh-contoh teladan dan pengajaran-pengajaran, maka datanglah ayat penamat yang bertentangan dengan segala dugaan dan harapan:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ فَهِىَ كَٱلْحِجَارَةِ
أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً ۚ وَإِنَّ مِنَ ٱلْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ
ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشَّقَّقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُ ٱلْمَآءُ ۚ
وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ
عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

"Kemudian hati kamu tetap keras juga selepas peristiwa itu. Ia keras seperti batu atau lebih keras lagi. Sesungguhnya di antara batu-batu itu ada batu yang mengalir darinya sungai-sungai dan ada yang pecah mengalirkan mata air dan ada yang terhumban jatuh kerana takut kepada Allah. Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala tindak-tanduk yang dilakukan kamu."(74)

Apabila hati mereka dibandingkan dengan batu, tiba-tiba hati mereka lebih kering dan lebih keras lagi dari batu. (Batu yang dibandingkan dalam ayat ini) ialah batu yang pernah diketahui mereka sebelum ini kerana mereka telah melihat batu yang mengalirkan dua belas mata air, dan mereka juga melihat batu-batu bukit bergegar apabila Allah bertajalli di bukit itu dan Musa rebah pengsan, tetapi hati mereka tidak juga lembut dan tidak juga melahirkan degup takut

dan taqwa. Hati mereka terus keras, pejal, kering dan kafir. Oleh sebab itulah (Al-Qur'an menyebut) ancaman ini kepada mereka:.

وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala tindak-tanduk yang dilakukan kamu."(74)

Dengan ayat ini berakhirlah pusingan ini (di mana kita menjelajah) bersama Bani Israel meninjau sejarah mereka yang penuh dengan kekufuran, pendustaan, penyelewengan, kedegilan, tipu daya, kekerasan dan kekeringan hati, penderhakaan dan kefasiqan-kefasiqan.

(Kumpulan ayat-ayat 75 - 103)

أَفَتَطْمَعُونَ أَن يُؤْمِنُوا۟ لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ
مِّنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُۥ مِنۢ بَعْدِ
مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾
وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَا
بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوٓا۟ أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ
ٱللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَآجُّوكُم بِهِۦ عِندَ رَبِّكُمْ ۚ أَفَلَا
تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾
أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا
يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾
وَمِنْهُمْ أُمِّيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّآ أَمَانِىَّ
وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٧٨﴾
فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ ٱلْكِتَٰبَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ
هَٰذَا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ لِيَشْتَرُوا۟ بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ
لَّهُم مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا
يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾
وَقَالُوا۟ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا مَّعْدُودَةً ۚ
قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِندَ ٱللَّهِ عَهْدًا فَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ
عَهْدَهُۥٓ ۖ أَمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾

بَلَىٰ مَن كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَٰطَتْ بِهِۦ خَطِيٓـَٔتُهُۥ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٨١﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٨٢﴾
وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ
إِلَّا ٱللَّهَ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ
وَٱلْمَسَٰكِينِ وَقُولُوا۟ لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا۟
ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا
مِّنكُمْ وَأَنتُم مُّعْرِضُونَ ﴿٨٣﴾
وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَآءَكُمْ وَلَا
تُخْرِجُونَ أَنفُسَكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ
وَأَنتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٨٤﴾
ثُمَّ أَنتُمْ هَٰٓؤُلَآءِ تَقْتُلُونَ أَنفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ
فَرِيقًا مِّنكُم مِّن دِيَٰرِهِمْ تَظَٰهَرُونَ عَلَيْهِم بِٱلْإِثْمِ
وَٱلْعُدْوَٰنِ وَإِن يَأْتُوكُمْ أُسَٰرَىٰ تُفَٰدُوهُمْ
وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ إِخْرَاجُهُمْ ۚ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ
ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ
ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ
عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۖ فَلَا
يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٨٦﴾
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَقَفَّيْنَا مِنۢ
بَعْدِهِۦ بِٱلرُّسُلِ ۖ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱلْبَيِّنَٰتِ
وَأَيَّدْنَٰهُ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ ۗ أَفَكُلَّمَا جَآءَكُمْ رَسُولٌۢ

بِمَا لَا تَهْوَىٰٓ أَنفُسُكُمُ ٱسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ
وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾
وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا غُلْفٌۢ ۚ بَل لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا
مَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾
وَلَمَّا جَآءَهُمْ كِتَٰبٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا
مَعَهُمْ وَكَانُوا۟ مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ فَلَمَّا جَآءَهُم مَّا عَرَفُوا۟ كَفَرُوا۟ بِهِۦ ۚ
فَلَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾

"Apakah kamu berangan-angan bahawa mereka akan beriman kepada kamu, sedangkan segolongan dari mereka telah pun mendengar kalam Allah kemudian mereka ubahkannya setelah mereka memahaminya, sedangkan mereka mengetahui(75). Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: 'Kami telah beriman' dan apabila mereka berada sesama mereka, mereka berkata: 'Adakah kamu menceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) apa yang telah diterangkan Allah kepada kamu supaya mereka dapat menjadikannya sebagai hujah yang mengalahkan kamu kelak di sisi Tuhan kamu. Apakah tidak kamu berfikir?'(76). Apakah mereka tidak mengetahui bahawa Allah mengetahui apa yang telah dirahsiakan mereka dan apa yang telah dinyatakan mereka(77). Dan di antara mereka ada golongan ummi yang tidak mengerti kitab Taurat kecuali memasang angan-angan yang karut. Mereka hanya membuat sangkaan-sangkaan sahaja(78). Celakalah bagi mereka yang menulis kitab Taurat dengan tangan mereka sendiri kemudian mereka mendakwa inilah kitab yang diturun dari sisi Allah untuk membeli keuntungan dunia yang sedikit. Oleh itu celakalah bagi mereka kerana tulisan-tulisan yang ditulis oleh tangan mereka dan celakalah bagi mereka kerana perbuatan yang dilakukan mereka(79). Dan mereka berkata lagi: 'Kami tidak akan disentuh Api Neraka kecuali beberapa hari yang boleh dibilang sahaja.' Katakanlah: 'Apakah kamu telah mengikat perjanjian di sisi Allah, maka kerana itu Allah tidak akan memungkiri janji-Nya atau kamu hanya mengata-ngatakan ke atas Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui'(80). Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang berusaha memperolehi kejahatan dan di lingkungi oleh dosanya, maka merekalah penghuni-penghuni Neraka dan di sana mereka kekal abadi(81). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, merekalah penghuni-penghuni Syurga dan di sana mereka kekal abadi(82). Dan (kenangilah) ketika Kami mengikat perjanjian dengan Bani Israel, iaitu kamu tidak akan menyembah selain dari Allah dan melakukan kebaikan kepada dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan ucapkanlah kata-kata yang baik kepada sesama manusia, dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat, kemudian kamu berpaling kecuali segolongan kecil dari kamu. Dan kamu adalah orang-orang yang membelakanginya (perjanjian)(83). Dan (kenangilah) ketika Kami mengikat perjanjian dengan kamu, iaitu kamu tidak boleh menumpahkan darah sesama kamu, tidak boleh mengusir satu sama lain dari kampung halaman kamu kemudian kamu berikrar mematuhinya dan kamu sendiri menjadi saksi(84). Tetapi kamulah yang berbunuh-bunuhan sesama kamu dan mengusir sebahagian kamu dari kampung halaman mereka dan kamu bekerjasama melakukan dosa dan pencerobohan terhadap mereka, namun begitu jika mereka datang kepada kamu sebagai tebusan, kamu tebuskan mereka pula sedangkan perbuatan mengusir mereka itu diharamkan ke atas kamu. Apakah kamu hanya beriman dengan sebahagian ajaran kitab (Taurat) dan mengingkarkan sebahagian yang lain. Tiada balasan kepada orang yang berbuat demikian melainkan kehinaan di dalam kehidupan dunia dan pada hari Qiamat kelak mereka akan ditolak ke dalam 'azab yang paling dahsyat, dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu(85). Itulah orang-orang yang telah membeli kehidupan dunia dengan kehidupan Akhirat. Kerana itu 'azab tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan(86). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab kepada Musa dan Kami iringi selepasnya dengan rasul-rasul yang lain, dan Kami juga telah mengurniakan kepada 'Isa putera Maryam mu'jizat-mu'jizat yang amat jelas dan Kami bantukannya dengan roh al-Qudus (Jibril). Apakah setiap kali datang seorang rasul kepada kamu membawa pengajaran yang tidak disukai hati kamu, kamu bertindak angkuh, sebahagian kamu dustakannya dan sebahagian lagi kamu bunuh(87). Dan mereka berkata: 'Hati kami tertutup' (sebenarnya hati mereka tidak tertutup) malah sebenarnya Allah telah mengutuk mereka dengan sebab kekufuran mereka. Amat sedikit mereka yang beriman(88). Dan setelah datang kepada mereka kitab dari sisi Allah yang membenarkan kitab yang ada pada mereka dan mereka sebelum itu telah memohon kemenangan ke atas orang-orang (Arab) yang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangitkan itu), tetapi setelah datang rasul yang mereka ketahui (benarnya), mereka terus ingkarkannya. Oleh itu laknat Allah ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir"(89).

بِئْسَمَا ٱشْتَرَوْا۟ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ أَن يَكْفُرُوا۟ بِمَآ
أَنزَلَ ٱللَّهُ بَغْيًا أَن يُنَزِّلَ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ
مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ فَبَآءُو بِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۚ وَلِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩٠﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ نُؤْمِنُ بِمَآ
أُنزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَآءَهُۥ وَهُوَ ٱلْحَقُّ
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ ۗ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنۢبِيَآءَ ٱللَّهِ
مِن قَبْلُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾
وَلَقَدْ جَآءَكُم مُّوسَىٰ بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ ٱتَّخَذْتُمُ
ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿٩٢﴾

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ ٱلطُّورَ
خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱسْمَعُوا۟ ۖ قَالُوا۟
سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا۟ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْعِجْلَ
بِكُفْرِهِمْ ۚ قُلْ بِئْسَمَا يَأْمُرُكُم بِهِۦٓ إِيمَٰنُكُمْ
إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾
قُلْ إِن كَانَتْ لَكُمُ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ عِندَ ٱللَّهِ خَالِصَةً
مِّن دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُا۟ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿٩٤﴾
وَلَن يَتَمَنَّوْهُ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ
بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٩٥﴾
وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ ٱلنَّاسِ عَلَىٰ حَيَوٰةٍ وَمِنَ ٱلَّذِينَ
أَشْرَكُوا۟ ۚ يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ
بِمُزَحْزِحِهِۦ مِنَ ٱلْعَذَابِ أَن يُعَمَّرَ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا
يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾
قُلْ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُۥ نَزَّلَهُۥ عَلَىٰ
قَلْبِكَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ
وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٧﴾
مَن كَانَ عَدُوًّا لِّلَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَرُسُلِهِۦ
وَجِبْرِيلَ وَمِيكَىٰلَ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَدُوٌّ لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٩٨﴾
وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ ۖ وَمَا يَكْفُرُ بِهَآ
إِلَّا ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٩٩﴾
أَوَكُلَّمَا عَٰهَدُوا۟ عَهْدًا نَّبَذَهُۥ فَرِيقٌ مِّنْهُم ۚ بَلْ
أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٠﴾
وَلَمَّا جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ
نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ كِتَٰبَ
ٱللَّهِ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

وَٱتَّبَعُوا۟ مَا تَتْلُوا۟ ٱلشَّيَٰطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَٰنَ ۖ وَمَا
كَفَرَ سُلَيْمَٰنُ وَلَٰكِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ كَفَرُوا۟
يُعَلِّمُونَ ٱلنَّاسَ ٱلسِّحْرَ وَمَآ أُنزِلَ عَلَى ٱلْمَلَكَيْنِ
بِبَابِلَ هَٰرُوتَ وَمَٰرُوتَ ۚ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ
يَقُولَآ إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ
مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِۦ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَزَوْجِهِۦ ۚ وَمَا
هُم بِضَآرِّينَ بِهِۦ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ
وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُوا۟
لَمَنِ ٱشْتَرَىٰهُ مَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنْ خَلَٰقٍ ۚ وَلَبِئْسَ
مَا شَرَوْا۟ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾
وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ خَيْرٌ ۖ
لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾

"Alangkah buruknya perbuatan mereka yang menjual diri sendiri dengan mengingkarkan Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kerana menaruh perasaan dengki sebab Allah telah menurunkan limpah kurnia-Nya kepada sesiapa yang disukai-Nya di antara hamba-hamba-Nya, kerana itu mereka kembali dengan mendapat kemurkaan demi kemurkaan dan bagi orang-orang yang kafir itu 'azab yang hina(90). Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Berimanlah kepada kitab (Al-Qur'an) yang telah diturunkan Allah' mereka menjawab: 'Kami hanya beriman kepada kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja' mereka mengingkari kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kemudian darinya .sedangkan kitab itulah yang benar yang mengesahkan kitab yang ada pada mereka. Tanyalah mereka mengapa kamu sebelum ini telah membunuh nabi-nabi Allah andainya benar kamu beriman?(91). Dan sesungguhnya Musa telah datang kepada kamu membawa mu'jizat-mu'jizat yang jelas, kemudian kamu menyembah patung anak lembu sepeninggalannya (Musa) dan kamulah orang-orang yang zalim(92). Dan (kenangilah) ketika Kami mengikatkan perjanjian dengan kamu dan Kami angkatkan Bukit Tursina ke atas kamu (seraya Kami berfirman) 'Pegangilah Taurat yang Kami kurniakan kepada kamu dengan teguh dan dengarlah.' Jawab mereka: 'Kami dengar dan kami derhaka'. dan hati mereka telah disebatikan dengan patung anak lembu dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah: 'Itulah seburuk-buruk perbuatan yang disuruh oleh iman kamu jika kamu benar beriman '(93). Katakanlah: 'Jika kamu menganggapkan negeri Akhirat itu untuk kamu sahaja di sisi Allah bukan untuk orang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu benar beriman(94). Dan mereka tidak akan bercita-cita mati dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan mereka dan Allah Amat Mengetahui (rahsia-rahsia) orang-orang yang

zalim(95). Dan sesungguhnya engkau akan mendapati mereka seloba-loba manusia terhadap hidup dunia, mereka lebih loba dari kaum Musyrikin. Setiap orang dari mereka bercita-cita agar dipanjangkan umurnya seribu tahun, sedangkan umur (yang panjang) itu tidak dapat menghindarkannya dari 'azab jika dipanjangkan umurnya, dan Allah melihat segala apa yang dilakukan mereka(96). Katakanlah: 'Siapakah yang menjadi musuh Jibril, sedangkan sesungguhnya dialah yang telah menurunkan Al-Qur'an ke dalam hatimu dengan perintah Allah, iaitu kitab suci yang membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya dan memberi hidayat dan berita gembira kepada orang-orang Mu'min'(97). Sesiapa yang menjadi musuh Allah, para malaikat-Nya, para rasul-Nya Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah musuh kepada orang-orang kafir(98). Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu ayat-ayat yang jelas dan hanya orang-orang yang fasiq sahaja yang mengingkarkannya(99). Atau apakah setiap kali mereka mengikat perjanjian, maka ada sahaja segolongan dari mereka yang mencampakkannya, malah kebanyakan mereka tidak beriman(100). Dan setelah datang kepada mereka seorang rasul dari sisi Allah yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka, maka segolongan dari orang-orang yang dikurniakan kitab itu mencampakkan kitab Allah di belakang mereka seolah-olah mereka tidak mengetahui(101). Dan mereka telah mengikut ilmu (sihir) yang diada-adakan oleh syaitan-syaitan di zaman kerajaan Sulaiman. Dan sebenarnya Sulaiman tidak kafir, tetapi syaitan-syaitanlah yang kafir. Mereka mengajar orang ramai ilmu sihir dan ilmu yang diturunkan kepada dua malaikat di Babel iaitu Harut dan Marut, (tetapi) kedua-duanya sebelum mengajar seseorang lebih dahulu mengingatkan: "Sesungguhnya kami ini adalah ujian, kerana itu janganlah engkau jadi kafir (dengan mengamalkan ilmu sihir)." Lalu mereka mempelajari dari kedua malaikat itu ilmu yang memisahkan di antara suami dan isteri, sedangkan sebenarnya mereka tidak berkuasa mendatangkan bahaya kepada seorang pun kecuali dengan izin Allah. Mereka mempelajari ilmu yang membahayakan mereka dan tidak berguna kepada mereka dan sebenarnya mereka memang tahu bahawa sesiapa yang membeli ilmu itu, maka ia tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan itulah seburuk-buruk perbuatan menjual diri sendiri jika mereka mengetahui(102). Dan andainya mereka beriman dan bertaqwa, maka sesungguhnya balasan dari sisi Allah itulah sebaik-baik balasan jika mereka mengetahui."(103).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian ayat-ayat yang lepas telah berlalu dalam surah ini untuk mengingatkan Bani Israel terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka dan terhadap kekufuran mereka kepada pengurniaan Allah yang berturut-turut itu, juga dengan menayangkan pemandangan-pemandangan pengurniaan ni'mat dan kekufuran, setengahnya pendek dan setengahnya panjang, dan tayangan ini disudahi dengan menerangkan keadaan hati mereka yang pada akhirnya terus menjadi keras dan kering, malah lebih keras dan kering dari batu lagi.

Kini rangkaian ayat-ayat yang berikut berbicara dengan kelompok Muslimin. Ia menceritakan kepada mereka tentang Bani Israel, membuka mata mereka terhadap cara-cara tipu daya dan fitnah yang dilakukan mereka, dan seterusnya mengingatkan kelompok Muslimin supaya berwaspada terhadap putar belit mereka berdasarkan kenyataan sejarah dan tabi'at mereka. Oleh itu kaum Muslimin jangan tertipu dengan kata-kata dan dakwaan-dakwaan mereka, dan jangan terpengaruh dengan putar belit mereka yang pintar dalam kerja-kerja membuat fitnah dan menyesatkan orang ramai. Pembicaraan Al-Qur'an yang panjang lebar dengan menggunakan berbagai-bagai gaya dan cara itu menunjukkan betapa hebatnya tipu daya kaum Yahudi yang dihadapi oleh kaum Muslimin, iaitu tipu daya yang dituju untuk menggugatkan mereka dan agama mereka.

Sekali sekala pembicaraan itu beralih kepada Bani Israel untuk bersemuka dengan mereka di hadapan kaum Muslimin. Di sana Al-Qur'an menceritakan bagaimana Allah mengadakan berbagai-bagai perjanjian dengan mereka, dan bagaimana mereka melanggar perjanjian-perjanjian itu. Ia menceritakan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan mereka dan kemungkiran mereka mematuhi perjanjian-perjanjian. Ia menceritakan bagaimana mereka mendustakan para nabi dan membunuh nabi-nabi yang tidak mahu mengikut kehendak-kehendak mereka. Ia menceritakan bagaimana mereka melanggar peraturan-peraturan syari'at mereka, memutar belit dan berdebat mempertahankan kebatilan dan mengubahkan nas-nas kitab suci yang ada di tangan mereka.

Al-Qur'an menunjukkan cara-cara perdebatan mereka dengan kelompok Muslimin, mendedahkan alasan-alasan dan dakwaan-dakwaan mereka yang karut-marut. Ia mengajar Rasulullah s.a.w. bagaimana hendak membuka tembelang dakwaan-dakwaan mereka, mematahkan alasan-alasan mereka, menunjukkan kepalsuan kata-kata mereka dan membalas tipu daya mereka dengan kebenaran yang terang dan jelas.

Mereka mendakwa bahawa mereka tidak akan disentuhi api Neraka kecuali beberapa hari sahaja kerana mereka mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi Allah, lalu Al-Qur'an mengajar Rasulullah s.a.w. menjawab dakwaan mereka ini:

قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِندَ ٱللَّهِ عَهْدًا فَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ
عَهْدَهُۥٓ ۖ أَمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾

"Katakanlah: Apakah kamu telah mengikat perjanjian di sisi Allah maka kerana itu Allah tidak akan memungkiri janji-Nya atau kamu hanya mengata-ngatakan ke atas Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui."(80)

Dan apabila mereka diseru menganut agama Islam mereka berkata:

قَالُوا۟ نُؤْمِنُ بِمَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَآءَهُۥ

"Mereka menjawab: Kami hanya beriman kepada kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja. Mereka mengingkari kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kemudian darinya."(91)

Lalu Al-Qur'an mengajar Rasulullah s.a.w. membuka tembelang dakwaan mereka yang mengatakan bahawa mereka beriman kepada kitab Taurat yang diturunkan kepada mereka:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ نُؤْمِنُ بِمَآ
أُنزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَآءَهُۥ وَهُوَ ٱلْحَقُّ
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنۢبِيَآءَ ٱللَّهِ
مِن قَبْلُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾
وَلَقَدْ جَآءَكُم مُّوسَىٰ بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ ٱتَّخَذْتُمُ
ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿٩٢﴾
وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ ٱلطُّورَ
خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱسْمَعُوا۟ قَالُوا۟
سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا۟ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْعِجْلَ
بِكُفْرِهِمْ قُلْ بِئْسَمَا يَأْمُرُكُم بِهِۦٓ إِيمَٰنُكُمْ
إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Berimanlah kepada kitab (Al-Qur'an) yang telah diturunkan Allah' mereka menjawab: 'Kami hanya beriman kepada kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja'. Mereka mengingkari kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kemudian darinya sedangkan kitab itulah yang benar yang mengesahkan kitab yang ada pada mereka. Tanyalah mereka, mengapa kamu sebelum ini telah membunuh nabi-nabi Allah andainya benar kamu beriman?(91).Dan sesungguhnya Musa telah datang kepada kamu dan membawa mu'jizat-mu'jizat yang jelas, kemudian kamu menyembah patung anak lembu sepeninggalannya (Musa) dan kamulah orang-orang yang zalim(92). Dan (kenangilah) ketika Kami mengikatkan perjanjian dengan kamu dan Kami angkatkan Bukit Tursina ke atas kamu (seraya Kami berfirman): 'Pegangilah Taurat yang Kami kurniakan kepada kamu dengan teguh dan dengarlah.' Jawab mereka: 'Kami dengar dan kami derhaka' dan hati mereka telah disebatikan dengan patung anak lembu dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah: 'Itulah seburuk-buruk perbuatan yang disuruh oleh iman kamu jika kamu benar-benar beriman."'(93)

Mereka mendakwa bahawa negeri Akhirat itu adalah untuk mereka sahaja bukan untuk orang-orang yang lain, lalu Al-Qur'an mengajar Rasulullah s.a.w. mencabar mereka dengan mengajak mereka bermubahalah, iaitu mereka dan orang-orang Islam keluar berkumpul di suatu tempat kemudian sama-sama berdo'a supaya Allah mematikan pihak yang berdusta:

قُلْ إِن كَانَتْ لَكُمُ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ عِندَ ٱللَّهِ خَالِصَةً
مِّن دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُا۟ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿٩٤﴾

"Katakanlah: 'Jika kamu menganggapkan negeri Akhirat itu untuk kamu sahaja di sisi Allah bukan untuk orang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu benar beriman."'(94)

Al-Qur'an menjelaskan bahawa mereka tidak akan bercita-cita mahu mati dan inilah yang telah berlaku, mereka tidak mahu bermubahalah kerana mereka tahu bahawa mereka membuat dakwaan-dakwaan yang dusta.

Demikianlah Al-Qur'an meneruskan persemukaan, pendedahan dan arahan yang seperti ini. Dan cara ini tentulah dapat melemah dan melumpuhkan tipu daya kaum Yahudi di tengah barisan kaum Muslimin, mendedahkan rancangan-rancangan dan tipu helah mereka yang jahat agar kaum Muslimin dapat memahami cara-cara kaum Yahudi bertindak, menipu dan membuat dakwaan-dakwaan kosong berdasarkan kenyataan-kenyataan yang berlaku di dalam sejarah di zaman purba.

Umat Muslimin hari ini masih menghadapi tipu daya-tipu daya jahat kaum Yahudi seperti yang dihadapi oleh angkatan Muslimin yang terdahulu. Tetapi malangnya umat Muslimin tidak mengambil faedah dari bimbingan-bimbingan Al-Qur'an dan petunjuk-petunjuk Ilahi seperti yang telah diambil oleh angkatan Muslimin yang terdahulu, di mana mereka telah berjaya mematahkan segala tipu daya kaum Yahudi di Madinah, sedangkan agama Islam waktu itu masih lagi baru dan masyarakat Islam masih merupakan anak yang baru lahir. Kaum Yahudi sehingga hari ini masih terus menjalankan tipu daya mereka untuk menyesatkan umat Muslimin dari agamanya dan memesongkan mereka dari mematuhi Al-Qur'an agar mereka tidak menggunakan Al-Qur'an sebagai senjata mereka yang tajam dan alat perlindungan mereka yang selamat. Kaum Yahudi akan berada dalam keadaan yang aman selama umat Muslimin tidak menghiraukan sumber-sumber kekuatan mereka yang haqiqi dan mata air ilmu pengetahuan mereka yang bersih hening. Setiap orang yang berusaha memesongkan umat Muslimin dari agama dan Al-Qur'an mereka, adalah tergolong dari agen-agen Yahudi sama ada dia sedar atau tidak sedar, mahu atau tidak mahu. Kaum Yahudi akan terus terselamat dari umat Muslimin selama umat ini dipesongkan dari hakikat yang tunggal yang menjadi sumber kewujudan, kekuatan dan kemenangan mereka, iaitu hakikat 'aqidah Imaniyah, sistem hidup Imaniyah dan syari'at Imaniyah. Inilah jalan yang benar. Inilah batu-batu tanda menuju jalan yang benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 75 - 77)

أَفَتَطْمَعُونَ أَن يُؤْمِنُوا لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ
مِّنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلَامَ اللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُ مِن بَعْدِ
مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾
وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَا
بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوا أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ
اللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَاجُّوكُم بِهِ عِندَ رَبِّكُمْ أَفَلَا
تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾
أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا
يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾

"Apakah kamu berangan-angan bahawa mereka akan beriman kepada kamu, sedangkan segolongan dari mereka telah pun mendengar kalam Allah kemudian mereka ubahkannya setelah mereka memahaminya, sedangkan mereka tahu"(75). Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: 'Kami telah beriman' dan apabila mereka berada sesama mereka, mereka berkata: 'Adakah kamu menceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) apa yang telah diterangkan Allah kepada kamu supaya mereka dapat menjadikannya sebagai hujah yang mengalahkan kamu kelak di sisi Tuhanmu. Apakah tidak kamu berfikir?'(76). "Apakah mereka tidak mengetahui bahawa Allah mengetahui apa yang telah dirahsiakan mereka dan apa yang telah dinyatakan mereka."(77)

Gambaran kekeringan dan kekerasan hati kaum Yahudi yang digambarkan Allah di penghabisan pelajaran yang silam ialah gambaran batu yang pejal yang tidak mengalirkan setitis air, batu yang tidak lembut disentuh dan tidak melahirkan degupan hayat. Itulah gambaran yang membayangkan tidak wujudnya suatu harapan yang baik yang dapat diharap dari tabi'at kaum Yahudi yang keras dan kosong itu. Dan di bawah bayangan dan saranan inilah ayat yang berikut berbicara dengan orang-orang Mu'min yang berangan-angan agar kaum Yahudi itu menerima hidayat Allah. Mereka berusaha menaburkan benih-benih keimanan ke dalam hati kaum Yahudi dan menyuarakan nur hidayat kepada mereka. Ayat yang berikut berbicara dengan orang-orang Mu'min dengan mengemukakan satu pertanyaan yang membayangkan tidak ada harapan yang dapat diharapkan dari usaha-usaha mereka itu:

أَفَتَطْمَعُونَ أَن يُؤْمِنُوا لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ
مِّنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلَامَ اللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُ مِن بَعْدِ
مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Apakah kamu berangan-angan bahawa mereka akan beriman kepada kamu, sedangkan segolongan dari mereka telah pun mendengar kalam Allah kemudian mereka ubahkannya setelah mereka memahaminya, sedangkan mereka tahu."(75)

Yakni sebenarnya tiada harapan lagi bahawa orang-orang yang seperti itu akan beriman, kerana keimanan itu memerlukan tabi'at dan kesediaan yang lain. Tabi'at orang yang beriman itu bersifat mudah, senang dan lembut. Jendela-jendela hatinya sentiasa terbuka kepada cahaya. Ia sentiasa bersedia untuk berhubung dengan sumber Azali yang kekal Abadi (Allah). Ia sentiasa lembut, jernih, hening, peka, taqwa, segan dan malu (kepada Allah). Taqwa inilah yang menghalanginya dari mendengar kalam Allah kemudian bertindak mengubahkannya setelah ia memahaminya, yakni mengubahkan kalam Allah dengan penuh kesedaran dan kedegilan. Tabi'at orang yang beriman bersifat lurus, malu dan segan melakukan pemesongan dan penyelewengan yang seperti ini.

Golongan yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah golongan ahli agama Yahudi yang amat arif dengan hakikat-hakikat yang diturunkan kepada mereka di dalam kitab-kitab suci mereka, iaitu golongan paderi-paderi dan rabbani-rabbani yang mendengar kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. di dalam Taurat kemudian mereka mengubahkan maksudnya dan membuat pentafsiran-pentafsiran yang jauh terkeluar dari ruang lingkupnya. Mereka melakukan pemesongan ini bukan kerana tidak mengetahui maksud-maksudnya yang sebenar, malah mereka sengaja melakukan pemesongan itu dan mereka benar-benar tahu tentang pemesongan itu. Mereka melakukannya dengan dorongan hawa nafsu, kepentingan diri dan tujuan-tujuan yang tidak sihat. Mereka yang seperti ini tentulah menyeleweng lebih jauh lagi dari kebenaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. setelah mereka sanggup menyeleweng dari kebenaran yang dibawa oleh Nabi Musa a.s. Mereka yang mempunyai hati yang tidak bertanggungjawab seperti ini dan berpegang kukuh dengan kepalsuan yang mereka sendiri sedar dan tahu tentang kepalsuannya, tentulah lebih berkesanggupan lagi untuk menentang da'wah Islam, melepaskan diri darinya dan mengadakan fitnah-fitnah yang dusta terhadapnya.

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَا
بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوا أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ
اللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَاجُّوكُم بِهِ عِندَ رَبِّكُمْ أَفَلَا

تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾

"Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman mereka berkata: 'Kami telah beriman' dan apabila mereka berada sesama mereka, mereka berkata: 'Adakah kamu menceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) apa yang telah diterangkan Allah kepada kamu supaya mereka dapat menjadikannya sebagai hujah yang mengalahkan kamu kelak di sisi Tuhanmu. Apakah tidak kamu berfikir?"(76)

Yakni apakah kamu masih menaruh harapan bahawa mereka akan percaya kepada kamu, sedangkan di samping mereka mempunyai sifat-sifat yang tidak bertanggungjawab, menyembunyi kebenaran dan mengubah maksud-maksud kalam Allah, mereka menambahkan sifat-sifat yang lain lagi, iaitu sifat berpura-pura, talam dua muka, menipu dan berhelah.

Setengah-setengah mereka apabila bertemu dengan orang-orang yang beriman mereka berkata: Kami percaya bahawa Muhammad itu rasul berdasarkan kepada bisyarah yang terkandung di dalam kitab Taurat yang ada pada mereka, dan kepada kenyataan bahawa mereka juga sedang menunggu kebangkitan rasul itu dan memohon agar dengan kebangkitannya Allah akan memberi kemenangan kepada mereka ke atas kaum yang lain dari mereka. Inilah maksud firman Allah:

وَكَانُوا۟ مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟

"Dan mereka sebelum itu telah memohon kemenangan ke atas orang-orang (Arab) yang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangkit.)"(89)

Tetapi apabila mereka berada sesama mereka, mereka mencela golongan mereka yang telah memberitahu kepada orang-orang Islam tentang kesahihan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan hakikat kebangkitannya yang diterangkan di dalam kitab suci mereka. Mereka mencela satu sama lain:

أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَآجُّوكُم بِهِۦ
عِندَ رَبِّكُمْ

"Adakah kamu menceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) apa yang telah diterangkan Allah kepada kamu supaya mereka dapat menjadikannya sebagai hujah yang mengalahkan kamu kelak di sisi Tuhanmu?"(76)

Yakni adakah kamu memberi hujah kepada mereka untuk mengalahkan kamu? Di sini mereka kelihatan dikongkongi oleh tabi'at mereka yang terhijab dari mengenali sifat Allah dan hakikat ilmu-Nya. Mereka berfikir bahawa Allah tidak akan menghujahkan mereka melainkan apabila mereka mendedahkan hujah itu dengan mulut mereka kepada orang-orang Islam. Dan andainya mereka sembunyikan hujah itu dan diam membisu, maka Allah tidak berpeluang untuk menghujahkan mereka. Dan lebih aneh lagi apabila mereka berkata satu sama lain:

أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾

"Apakah tidak kamu berfikir?"(76)

Alangkah karutnya cara berfikir yang diperkatakan mereka. Oleh sebab itu Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya terhadap cara pemikiran mereka sebelum menghuraikan perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka:

أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا
يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾

"Apakah mereka tidak mengetahui bahawa Allah mengetahui apa yang dirahsiakan mereka dan apa yang dinyatakan mereka."(77)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 79)

Kemudian ayat-ayat yang berikut menerangkan kepada kaum Muslimin keadaan Bani Israel. Mereka terdiri dari dua golongan. Satu golongan ummi yang jahil, yang tidak mengetahui sedikit pun tentang kitab Taurat yang diturunkan kepada mereka. Apa yang diketahui mereka hanya waham-waham, sangkaan-sangkaan yang karut dan angan-angan terselamat dari 'azab Neraka sahaja kerana mereka umat pilihan Allah yang diampunkan segala dosa yang telah dilakukan mereka. Satu golongan lagi ialah golongan yang mencari keuntungan dari kejahilan dan kebutaan huruf golongan yang pertama. Golongan inilah yang melakukan pemalsuan-pemalsuan terhadap kitab Allah, mengubahkan maksud-maksud kalam Allah dengan ta'wilan-ta'wilan dan pentafsiran-pentafsiran yang ada udang di sebalik batu. Mereka menyembunyi bahagian-bahagian kalam Allah yang dikehendaki mereka, dan menulis perkataan-perkataan yang direkakan mereka kemudian mereka umumkannya atas nama ayat-ayat dari kitab Allah untuk mendapat sesuatu keuntungan dan mengekalkan kedudukan selaku ketua dan pemimpin.

وَمِنْهُمْ أُمِّيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّآ أَمَانِىَّ
وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٧٨﴾
فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ ٱلْكِتَٰبَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ
هَٰذَا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ لِيَشْتَرُوا۟ بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ
لَّهُم مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا
يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

"Dan di antara mereka ada golongan ummi yang tidak mengerti kitab Taurat kecuali memasang angan-angan yang karut. Mereka hanya membuat sangkaan-sangkaan sahaja(78). Celakalah bagi mereka yang menulis kitab Taurat dengan tangan mereka sendiri kemudian mereka mendakwa

inilah kitab yang diturun dari sisi Allah untuk membeli keuntungan dunia yang sedikit. Oleh itu celakalah bagi mereka kerana tulisan-tulisan yang ditulis oleh tangan mereka dan celakalah bagi mereka kerana perbuatan yang dilakukan mereka."(79)

Bagaimanakah golongan-golongan manusia yang seperti ini dapat diharap akan menyambut da'wah yang benar, bersikap lurus mengikuti hidayat dan mempunyai perasaan malu dan segan dari mengubah dan memesongkan nas-nas kitab suci mereka sendiri yang dianggap menjadi batu penghalang di tengah jalan mereka? Sebenarnya mereka tidak mungkin diharap akan percaya kepada kaum Muslimin. Untung nasib yang menunggu mereka hanya kecelakaan dan kebinasaan. Itulah balasan terhadap tulisan yang digaris oleh tangan mereka untuk mereka-rekakan pendustaan terhadap Allah. Itulah balasan terhadap pemalsuan dan pembohongan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 80 - 82)

Di antara angan-angan mereka yang tidak selaras dengan dasar keadilan Allah, tidak sesuai dengan undang-undangnya dan tidak secucuk dengan konsep amalan dan balasan yang betul, ialah mereka berfikir bahawa mereka akan terlepas dari 'azab Allah, walau apa pun kejahatan yang dilakukan mereka, mereka tidak akan disentuh api Neraka kecuali beberapa hari yang tertentu sahaja, dan selepas itu mereka akan dikeluarkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga. Di atas dasar apakah mereka landaskan angan-angan mereka? Dan di atas perhitungan apakah mereka membataskan masa 'azab itu seolah-olah mereka benar-benar yakin? Seolah-olah perkara ini merupakan suatu perjanjian yang telah ditentukan masanya. Sebenarnya ia bukan suatu apa pun kecuali angan-angan kosong dari orang-orang jahil yang buta huruf dan pembohongan dari ahli-ahli agama yang menipu sahaja. Itulah angan-angan orang-orang yang menyeleweng dari agama yang betul apabila mereka melalui masa yang amat lama dan terputus dari hakikat agama mereka yang sebenar, hingga tiada lagi yang tinggal kecuali nama dan bentuknya sahaja, bukannya isi dan hakikatnya, dan ini pada sangkaan mereka sudah cukup untuk menyelamatkan mereka dari 'azab kerana mereka telah mengisytiharkan dengan lidah mereka bahawa mereka berpegang dengan agama:

وَقَالُوا۟ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا مَّعْدُودَةً ۚ
قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِندَ ٱللَّهِ عَهْدًا فَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ
عَهْدَهُۥٓ ۖ أَمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan mereka berkata lagi: 'Kami tidak akan disentuh api Neraka kecuali beberapa hari yang boleh dibilang sahaja' katakanlah: 'Apakah kamu telah mengikat perjanjian di sisi Allah, maka kerana itu Allah tidak akan memungkiri janji-Nya atau kamu hanya mengata-ngatakan ke atas Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui."'(80)

Inilah hujah yang kuat yang diajarkan Allah untuk menundukkan mereka:

أَتَّخَذْتُمْ عِندَ ٱللَّهِ عَهْدًا فَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ عَهْدَهُۥٓ ۖ

"Apakah kamu mengikat perjanjian di sisi Allah, maka kerana itu Allah tidak akan memungkiri janji-Nya?"(80)

Dan di manakah perjanjian itu?

أَمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾

"Atau kamu hanya mengata-ngatakan ke atas Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui?"(80)

Inilah hakikat yang sebenar. Pertanyaan di sini ialah untuk menjelaskan hakikat yang sebenar yang dibuat dalam bentuk pertanyaan yang mengandungi kecaman dan celaan.

* * * * * *

Di sini mereka diberi jawapan yang tegas dan kata pemutus terhadap dakwaan mereka dalam bentuk menjelaskan salah satu dasar dari dasar-dasar umum pandangan Islam yang terbit dari gagasan umum Islam terhadap alam buana, hayat dan insan iaitu dasar balasan mengikut jenis perbuatan dan setimpal dengan perbuatan.

بَلَىٰ مَن كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَٰطَتْ بِهِۦ خَطِيٓـَٔتُهُۥ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٨١﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٨٢﴾

"Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang berusaha memperolehi kejahatan dan dilingkungi dosanya, maka merekalah penghuni-penghuni Neraka dan di sana mereka kekal abadi(81). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, merekalah penghuni-penghuni Syurga dan di sana mereka kekal abadi."(82)

Di sini kita harus berhenti sebentar di hadapan gambaran Al-Qur'an yang seni dan menarik ini, yang menggambarkan suatu keadaan jiwa yang tertentu, dan di hadapan hukuman Ilahi yang tegas ini kita dapat mengetahui sesuatu dari sebab-sebab dan rahsia-rahsianya.

بَلَىٰ مَن كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَٰطَتْ بِهِۦ خَطِيٓـَٔتُهُۥ

"Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang berusaha memperolehi kejahatan dan ia dilingkungi oleh dosanya."

Kesan Ungkapan "Berusaha Memperolehi Kejayaan"

Adakah kejahatan itu suatu perolehan? Pengertian 'aqli yang dimaksudkan dari kata-kata kasab (memperolehi) atau mendapat ialah melakukan kejahatan, tetapi ungkapan Al-Qur'an ditujukan untuk menggambarkan keadaan jiwa yang diketahui umum, iaitu seseorang yang melakukan kejahatan itu biasanya ia melakukannya dengan perasaan penuh keni'matan dan menganggapkannya sebagai satu perolehan dari hasil pendapatannya - dalam satu bentuk pengertiannya - kerana andainya kejahatan itu tidak membawa keni'matan kepada perasaannya tentulah dia tidak melakukannya, dan andainya dia merasa kejahatan itu suatu kerugian kepadanya tentulah dia tidak melakukannya dengan penuh ghairah dan tentulah dia tidak membiarkan kejahatan itu memenuhi hatinya dan melingkungi alam hidupnya, kerana tindakan yang wajar baginya apabila ia merasa kejahatan itu mendatangkan kerugian kepadanya ialah melarikan diri dari kejahatan itu - walaupun ia melakukannya kerana terdesak - dan memohon keampunan Allah dan mencari perlindungan pada yang lain dari kejahatan. Dalam keadaan ini tentulah kejahatan itu tidak dapat melingkungi dan memenuhi alam hidupnya dan tidak dapat menutup pintu hatinya untuk bertaubat dan membersihkan dosa. Ungkapannya *"dilingkungi dosa"* menggambarkan maksud pengertian ini. Ini adalah salah satu dari ciri pengungkapan Al-Qur'an yang amat jelas dan ketara. Gambaran ini menerapkan kesan yang berlainan di dalam hati dari kesan yang disampaikan oleh pengertian mental semata-mata dan pengungkapan-pengungkapan mental yang tidak mempunyai sebarang bayangan dan harakat. Mana-mana pengungkapan mental yang menerangkan sikap kedegilan melakukan kejahatan itu tidak dapat menerangkannya sejelas bayangan Al-Qur'an yang menggambarkan pelaku kejahatan itu sebagai seorang yang dipenjarakan oleh kejahatan itu, di mana dia hidup dalam lingkungan kejahatan, bernafas dalam suasana kejahatan, hidup bersama kejahatan dan untuk kejahatan.

Ketika itu..... ketika seorang itu terpenjara dalam kejahatan dan tertutup pintu-pintu taubatnya, maka ketika itulah ia wajar menerima balasan adil yang tegas:

فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٨١

"Maka merekalah penghuni-penghuni Neraka dan di sana mereka kekal abadi."(81)

Kemudian hukuman golongan ini diiringi pula dengan keterangan hukuman yang akan diterima oleh golongan lawannya.

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُوْلَٰٓئِكَ
أَصۡحَٰبُ ٱلۡجَنَّةِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٨٢

"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, merekalah penghuni-penghuni Syurga dan di sana mereka kekal abadi."(82)

Di antara kehendak-kehendak keimanan ialah kemunculannya dari dalam hati seseorang (ke alam kenyataan) dalam bentuk amalan-amalan yang soleh. Inilah hakikat yang pasti difahami oleh setiap orang yang mengaku beriman. Alangkah perlunya hakikat ini disedari oleh setiap kita yang mengaku sebagai orang-orang Islam. Keimanan itu tidak wujud sehingga muncul darinya amalan-amalan yang soleh. Orang-orang yang mengaku sebagai orang-orang Islam kemudian melakukan kerosakan di bumi dan memerangi hakikat kebaikan yang utama iaitu menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi, menegakkan syari'atnya dalam kehidupan dan mengamalkan akhlak-akhlak yang diajar olehnya di dalam pergaulan masyarakat, maka mereka adalah orang-orang yang tidak mempunyai keimanan sedikit pun dan tidak mendapat apa-apa pahala dari Allah. Dan tiada siapa yang dapat melindunginya dari 'azab Allah walaupun mereka berangan-angan seperti angan-angan orang-orang Yahudi sebagaimana telah dijelaskan Allah kepada mereka dan kepada seluruh manusia dengan penerangan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 86)

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus menceritakan kepada orang-orang Islam tentang keadaan-keadaan dan pendirian-pendirian kaum Yahudi yang memperlihatkan kederhakaan, putar-belit, penyelewengan dan kemungkiran janji. Di sini Al-Qur'an bersemuka dengan orang-orang Yahudi di hadapan penyaksian kaum Muslimin:

وَإِذۡ أَخَذۡنَا مِيثَٰقَ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ لَا تَعۡبُدُونَ
إِلَّا ٱللَّهَ وَبِٱلۡوَٰلِدَيۡنِ إِحۡسَانٗا وَذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ
وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَقُولُواْ لِلنَّاسِ حُسۡنٗا وَأَقِيمُواْ
ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ ثُمَّ تَوَلَّيۡتُمۡ إِلَّا قَلِيلٗا
مِّنكُمۡ وَأَنتُم مُّعۡرِضُونَ ٨٣
وَإِذۡ أَخَذۡنَا مِيثَٰقَكُمۡ لَا تَسۡفِكُونَ دِمَآءَكُمۡ وَلَا
تُخۡرِجُونَ أَنفُسَكُم مِّن دِيَٰرِكُمۡ ثُمَّ أَقۡرَرۡتُمۡ
وَأَنتُمۡ تَشۡهَدُونَ ٨٤
ثُمَّ أَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ تَقۡتُلُونَ أَنفُسَكُمۡ وَتُخۡرِجُونَ
فَرِيقٗا مِّنكُم مِّن دِيَٰرِهِمۡ تَظَٰهَرُونَ عَلَيۡهِم بِٱلۡإِثۡمِ

وَٱلْعُدْوَٰنِ وَإِن يَأْتُوكُمْ أُسَٰرَىٰ تُفَٰدُوهُمْ
وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ إِخْرَاجُهُمْ ۚ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ
ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ
ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ
عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۖ فَلَا
يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٨٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengikat perjanjian dengan Bani Israel, iaitu kamu tidak akan menyembah selain dari Allah dan melakukan kebaikan kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang miskin dan ucapkanlah kata-kata yang baik kepada sesama manusia, dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat, kemudian kamu berpaling kecuali segolongan kecil dari kamu. Dan kamu adalah orang-orang yang membelakangi (perjanjian)(83). Dan (kenangilah ketika) Kami mengikat perjanjian dengan kamu, iaitu kamu tidak boleh menumpahkan darah sesama kamu, tidak mengusir satu sama lain dari kampung halaman kamu kemudian kamu berikrar mematuhinya dan kamu sendiri menjadi saksi(84). Tetapi kamulah yang berbunuh-bunuhan sesama kamu dan mengusir sebahagian kamu dari kampung halaman mereka dan kamu bekerjasama melakukan dosa dan pencerobohan terhadap mereka, namun begitu jika mereka datang kepada kamu sebagai tebusan, kamu tebuskan mereka pula sedangkan perbuatan mengusir mereka itu diharamkan ke atas kamu. Apakah kamu hanya beriman dengan sebahagian ajaran kitab (Taurat) dan mengingkarkan sebahagian yang lain. Tiada balasan kepada orang yang berbuat demikian melainkan kehinaan di dalam kehidupan dunia dan pada hari Qiamat kelak mereka akan dipulangkan kepada 'azab yang paling dahsyat, dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu(85). Itulah orang-orang yang telah membeli kehidupan dunia dengan kehidupan Akhirat. Kerana itu 'azab Allah tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan."(86)

Perjanjian ini telah pun disebut sepintas lalu ketika Allah mengingatkan Bani Israel tentang kemungkiran perjanjian mereka dengan Allah di dalam pelajaran yang telah lepas. Di sini pula perjanjian itu dihuraikan dengan sedikit terperinci mengenai setengah-setengah isi perjanjian ini.

Perjanjian Allah Dengan Bani Israel

Dari ayat yang pertama kita dapat memahami bahawa perjanjian Allah dengan Bani Israel itu ialah perjanjian yang diikatkan Allah dengan mereka di Bukit Tursina, di mana Allah memerintah mereka supaya berpegang teguh dengan perjanjian itu dan mengingatkan segala isi kandungannya. Perjanjian itu mengandungi dasar-dasar tetap agama Allah, iaitu dasar-dasar yang sama yang dibawa oleh Islam tetapi diingkarkan oleh mereka.

Kandungan perjanjian Allah dengan mereka ialah mereka tidak boleh menyembah melainkan hanya Allah sahaja. Inilah dasar pertama tauhid yang sempurna. Perjanjian itu mengandungi kewajipan berbuat baik kepada dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin. Ia juga mengandungi kewajipan menggunakan percakapan yang baik kepada sesama manusia terutama dalam segi menyuruh mereka mengerjakan amalan-amalan yang baik dan melarang mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat. Seterusnya perjanjian itu mengandungi kewajipan mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Keseluruhan isi kandungan perjanjian ini merupakan dasar-dasar Islam dan kewajipan-kewajipannya.

Dengan keterangan ini terjelaslah dua hakikat. Pertama, hakikat persamaan dan kesatuan agama Allah, iaitu agama Islam yang akhir ini membenarkan dasar-dasar agama sebelumnya. Kedua, hakikat kedegilan pendirian kaum Yahudi terhadap agama Islam, sedangkan agama ini menyeru mereka supaya mematuhi perjanjian-perjanjian yang telah diikatkan Allah dengan mereka (sebelum ini).

Di sini - ketika mereka menunjukkan sikap yang memalukan ini - ayat yang berikut berubah dari cara bercerita kepada cara berbicara yang dituju secara langsung kepada Bani Israel. Sebelum ini Al-Qur'an telah meninggalkan pembicaraan dengan mereka untuk berbicara dengan orang-orang Mu'min, tetapi pembicaraan Allah yang dituju kepada mereka di sini (dalam ayat berikut) adalah lebih memalukan lagi:

ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنكُمْ وَأَنتُم مُّعْرِضُونَ ﴿٨٣﴾

"Kemudian kamu berpaling kecuali segolongan kecil dari kamu dan kamu adalah orang-orang yang membelakangi (perjanjian)."(83)

Demikianlah terbukanya setengah-setengah rahsia dari perubahan gaya penjelasan kisah-kisah dan lainnya dalam kitab Al-Qur'an yang amat mengkagumkan ini. Ayat yang berikut terus menujukan pembicaraannya kepada Bani Israel dengan mendedahkan kepada mereka tindakan-tindakan mereka yang bertentangan dengan perjanjian mereka dengan Allah:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَآءَكُمْ وَلَا
تُخْرِجُونَ أَنفُسَكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ
وَأَنتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٨٤﴾

"Dan (kenangilah ketika) Kami mengikat perjanjian dengan kamu, iaitu kamu tidak boleh menumpahkan darah sesama kamu, tidak boleh mengusir satu sama lain dari kampung

halaman kamu kemudian kamu berikrar mematuhinya dan kamu sendiri menjadi saksi."(84)

Apakah yang telah berlaku selepas ikrar yang disaksikan mereka?

ثُمَّ أَنتُمْ هَٰٓؤُلَآءِ تَقْتُلُونَ أَنفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ
فَرِيقًا مِّنكُم مِّن دِيَٰرِهِمْ تَظَٰهَرُونَ عَلَيْهِم بِٱلْإِثْمِ
وَٱلْعُدْوَٰنِ وَإِن يَأْتُوكُمْ أُسَٰرَىٰ تُفَٰدُوهُمْ
وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ إِخْرَاجُهُمْ ۚ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ
ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ

"Tetapi kamulah yang berbunuh-bunuhan sesama kamu dan mengusir sebahagian kamu dari kampung halaman mereka dan kamu bekerjasama melakukan dosa dan pencerobohan terhadap mereka, namun begitu jika mereka datang kepada kamu sebagai tebusan, kamu tebuskan mereka pula sedangkan perbuatan mengusir mereka itu diharamkan ke atas kamu. Apakah kamu hanya beriman dengan sebahagian ajaran kitab (Taurat) dan mengingkarkan sebahagian yang lain?"(85)

Cara Tiga Suku Kaum Yahudi Terikat Setia Dengan Dua Suku Kaum Arab Di Madinah

Peristiwa yang dikemukakan oleh Al-Qur'an ini kepada kaum Yahudi itu adalah peristiwa baru sahaja berlaku, iaitu sebelum Islam menguasai kaum Aus dan Khazraj, kedua-dua suku ini dahulu adalah kaum Musyrikin belaka. Kedua-duanya merupakan dua suku Arab yang paling kuat bermusuh dan berseteru terhadap satu sama lain. Di waktu itu ada tiga suku kaum Yahudi di Madinah yang masing-masing mengadakan perjanjian setia dengan dua suku Arab yang Musyrikin itu. Suku Bani Qaynuqa' dan suku Bani Nadhir berikat setia dengan suku Khazraj, sedangkan suku Bani Qurayzah pula berikat setia dengan suku Aus. Apabila peperangan berlaku di antara mereka, maka setiap pihak akan berperang bersama-sama sekutu-sekutunya masing-masing. Orang-orang Yahudi itu turut berperang membunuh musuh-musuh mereka, kadang-kadang mereka terpaksa membunuh orang-orang Yahudi sendiri yang bersekutu dengan pihak yang lain, sedangkan perbuatan itu haram mengikut perjanjian mereka dengan Allah. Mereka mengusir orang-orang yahudi dari kampung-kampung mereka apabila pihak mereka mencapai kemenangan. Mereka merampas harta benda mereka dan menjadikan mereka tawanan-tawanan perang mereka, sedangkan perbuatan ini adalah satu perbuatan yang haram mengikut perjanjian mereka dengan Allah. Kemudian apabila peperangan itu berhenti mereka akan menebus tawanan-tawanan dari orang-orang Yahudi yang tertawan di sana sini, iaitu tertawan di sisi mereka atau di sisi sekutu-sekutu mereka atau musuh-musuh sekutu mereka demi mematuhi hukum Taurat yang menerangkan: *'Engkau tidak boleh membiarkan mana-mana Bani Israel menjadi hamba abdi, malah engkau pasti mengambilnya dan membebaskannya'.*

Inilah sikap-sikap mereka yang bertentangan yang dikemukakan Al-Qur'an kepada mereka. Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan yang mengandungi kecaman kepada mereka:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ

"Apakah kamu hanya beriman dengan sebahagian ajaran kitab (Taurat) dengan mengingkarkan sebahagian yang lain?"

Inilah perbuatan membatalkan perjanjian yang diancamkan Allah dengan balasan kehinaan di dalam kehidupan dunia dan balasan 'azab yang lebih dahsyat di Akhirat, di samping ancaman secara halus bahawa Allah tidak lalai dan cuai terhadap tindak-tanduk mereka:

فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ
ٱلْعَذَابِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾

"Tiada balasan kepada orang yang berbuat demikian melainkan kehinaan di dalam kehidupan dunia dan pada hari Qiamat kelak mereka akan di tolak ke dalam 'azab yang paling dahsyat, dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(85)

Kemudian ayat yang berikut berpaling kepada kaum Muslimin dan kepada umat manusia seluruhnya untuk mengumumkan hakikat kaum Yahudi dan hakikat perbuatan mereka:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۖ فَلَا
يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٨٦﴾

"Itulah orang-orang yang telah membeli kehidupan dunia dengan kehidupan Akhirat. Kerana itu 'azab Allah tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan."(86)

Dengan pengumuman ini ternyatalah betapa dustanya dakwaan mereka bahawa mereka tidak akan disentuh api Neraka kecuali beberapa hari sahaja. Sebenarnya kedudukan mereka di Akhirat kelak ialah *"Azab Allah tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan."*

Kisah mereka membeli kepentingan hidup dunia dengan Akhirat di sini ialah: Motif mereka melakukan perbuatan yang bertentangan dengan perjanjian Allah itu ialah untuk mengekalkan perjanjian mereka dengan kaum-kaum Musyrikin Arab yang telah mengadakan satu perikatan setia yang bertentangan dengan agama dan kitab suci mereka. Tindakan mereka berpecah kepada dua puak dan bergabung dalam dua perikatan setia itulah perancangan turun-temurun Israel untuk membolehkan mereka

memainkan peranan "memegang di tengah tongkat" (peranan menjaga imbangan). Perancangan mereka bergabung dengan puak-puak yang bertentangan merupakan langkah-langkah hemat mereka untuk mendapat keuntungan-keuntungan dalam segala keadaan, dan menjamin kepentingan-kepentingan kaum Yahudi sama ada yang menang itu puak ini atau puak itu. Inilah perancangan yang diatur oleh orang-orang yang tidak yakin kepada Allah, tidak berpegang teguh dengan perjanjian. Mereka hanya berpegang dengan tindak-tanduk langkah-langkah yang pintar dan licin sahaja. Mereka berpegang dengan perjanjian-perjanjian bumi sahaja. Mereka hanya mengharapkan pertolongan manusia bukan pertolongan Tuhan manusia. Orang-orang yang beriman adalah diharamkan dari mengadakan sebarang perikatan yang bertentangan dengan perjanjian mereka dengan Tuhan mereka dan bertentangan dengan tugas-tugas agama mereka walaupun perikatan itu dibuat atas nama kepentingan atau keselamatan, kerana kepentingan yang sebenar ialah mematuhi ajaran mereka, dan keselamatan yang sebenar ialah dengan memelihara perjanjian dengan Allah.

* * * * * *

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus mengemukakan kepada Bani Israel pendirian-pendirian mereka terhadap persoalan nubuwwah dan para nabi mereka sendiri, dan mendedahkan tindakan-tindakan mereka yang jahat terhadap para anbia' apabila mereka membawa ajaran yang benar kepada mereka, iaitu ajaran-ajaran yang tidak tunduk kepada kehendak-kehendak hawa nafsu mereka.

(Pentafsiran ayat 87)

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَقَفَّيْنَا مِنۢ
بَعْدِهِۦ بِٱلرُّسُلِ ۖ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱلْبَيِّنَٰتِ
وَأَيَّدْنَٰهُ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ ۗ أَفَكُلَّمَا جَآءَكُمْ رَسُولٌۢ
بِمَا لَا تَهْوَىٰٓ أَنفُسُكُمُ ٱسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ
وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab kepada Musa dan Kami iringi selepasnya dengan rasul-rasul yang lain, dan Kami juga telah mengurniakan kepada 'Isa putera Maryam mu'jizat-mu'jizat yang amat jelas dan Kami bantukannya dengan roh al-Qudus (Jibril)? Apakah setiap kali datang seorang rasul kepada kamu membawa pengajaran yang tidak disukai hati kamu, kamu bertindak angkuh, sebahagian kamu dustakannya dan sebahagian lagi kamu bunuh."(87)

Selama ini alasan Bani Israel ketika menolak agama Islam dan enggan menganutinya ialah kerana mereka telah pun mempunyai ajaran-ajaran para nabi mereka yang cukup lengkap, dan mereka akan terus berpegang dengan agama mereka dan pengajaran-pengajarannya. Di dalam ayat ini Al-Qur'an membuka tembelang mereka dan mendedahkan hakikat pendirian mereka yang sebenar terhadap nabi-nabi mereka, syari'at-syari'at dan ajaran-ajaran yang dibawa oleh mereka. Al-Qur'an menjelaskan bahawa pendirian mereka sama sahaja dahulu atau sekarang apabila mereka menghadapi ajaran yang benar yang tidak tunduk kepada kehendak-kehendak hawa nafsu mereka.

Sebelum ini Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka berbagai-bagai pendirian mereka terhadap nabi mereka Musa a.s. yang telah dikurniakan kitab Taurat. Di sini Al-Qur'an menambah lagi bahawa para rasul telah diutuskan kepada mereka berturut-turut seorang demi seorang dan akhir sekali ialah Nabi 'Isa putera Maryam yang telah dikurniakan dengan berbagai-bagai mu'jizat yang nyata dan dikuatkan dengan roh al-Qudus Jibril a.s. Bagaimanakah sambutan mereka terhadap rasul-rasul itu dan terhadap rasul yang akhir mereka, 'Isa a.s.? Pendirian inilah yang dikecam oleh Al-Qur'an, dan mereka tidak berupaya mengingkarinya kerana kitab-kitab suci mereka sendiri menjelaskannya dan menyaksikannya:

أَفَكُلَّمَا جَآءَكُمْ رَسُولٌۢ بِمَا لَا تَهْوَىٰٓ أَنفُسُكُمُ
ٱسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

"Apakah setiap kali datang seorang rasul kepada kamu membawa pengajaran yang tidak disukai hati kamu, kamu bertindak angkuh, sebahagian kamu dustakannya dan sebahagian lagi kamu bunuh."(87)

Syari'at Tidak Boleh Ditundukkan Kepada Kehendak Nafsu

Percubaan menundukkan para pembawa hidayat dan syari'at-syari'at kepada kehendak-kehendak nafsu yang mendadak dan keinginan yang berubah-ubah, merupakan suatu gejala yang muncul ketika rosaknya fitrah manusia dan ketika terhapusnya keadilan logik insani itu sendiri, iaitu logik yang memastikan bahawa syari'at itu harus dikembalikan kepada sumber (Ilahi) yang tetap - bukan kepada sumber manusia yang berubah-ubah - iaitu sumber yang tidak menurut liuk nafsu dan tidak dikongkong keinginan, dan logik yang memastikan bahawa manusia harus kembali kepada neraca (Ilahi) yang tetap, yang tidak turun naik kerana suka dan marah, kerana sihat dan sakit dan kerana kehendak-kehendak keinginan nafsu, dan bukannya menundukkan neraca itu sendiri di bawah kehendak-kehendak keinginan nafsu.

Sehubungan dengan ini Allah telah menceritakan kepada kaum Muslimin berbagai-bagai cerita Bani Israel untuk mengingatkan mereka dari terjatuh di dalam kesalahan-kesalahan seperti mereka, supaya teraju khilafah dan amanah yang diletakkan Allah ke atas bahu mereka tidak dirampas kembali. Tetapi

apabila kaum Muslimin turut terjatuh di dalam kesalahan-kesalahan Bani Israel dan bertindak membuang sistem hidup Allah dan syari'at-Nya, berhakimkan kehendak-kehendak keinginan nafsu, membunuh sekumpulan pembawa hidayat dan mendustakan sekumpulan yang lain, maka Allah timpakan ke atas mereka bala-bala yang ditimpakan ke atas Bani Israel sebelum ini, iaitu bala-bala berpecah-belah, kedudukan yang lemah, hina, susah dan sengsara...... kecuali mereka kembali menyambut seruan Allah dan rasul-Nya, kecuali mereka menundukkan kehendak-kehendak nafsu mereka kepada kehendak-kehendak syari'at Allah dan kitab suci-Nya Al-Qur'an, kecuali mereka menyempurnakan perjanjian Allah dengan mereka dan dengan generasi-generasi mereka yang terdahulu, dan kecuali mereka berpegang teguh dengan perjanjian itu dan mengingati isi kandungannya supaya mereka mendapat hidayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 93)

Itulah pendirian Bani Israel terhadap nabi-nabi mereka. Al-Qur'an menerang dan menjelaskan pendirian itu, kemudian bersemuka dengan mereka dengan menyebut pula pendirian mereka terhadap risalah yang baru dan nabi yang baru, tiba-tiba pendirian mereka sama dengan pendirian mereka yang lama, mereka menghadapi nabi yang baru ini sama seperti mereka hadapi para anbia' mereka sebelum ini:

وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا غُلْفٌۢ ۚ بَل لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا
مَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾
وَلَمَّا جَآءَهُمْ كِتَٰبٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا
مَعَهُمْ وَكَانُوا۟ مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ فَلَمَّا جَآءَهُم مَّا عَرَفُوا۟ كَفَرُوا۟ بِهِۦ ۚ
فَلَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾
بِئْسَمَا ٱشْتَرَوْا۟ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ أَن يَكْفُرُوا۟ بِمَآ
أَنزَلَ ٱللَّهُ بَغْيًا أَن يُنَزِّلَ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ
مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ فَبَآءُو بِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۚ وَلِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩٠﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ نُؤْمِنُ بِمَآ
أُنزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَآءَهُۥ وَهُوَ ٱلْحَقُّ
مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ ۗ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنۢبِيَآءَ ٱللَّهِ
مِن قَبْلُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾
وَلَقَدْ جَآءَكُم مُّوسَىٰ بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ ٱتَّخَذْتُمُ
ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿٩٢﴾
وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ ٱلطُّورَ
خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱسْمَعُوا۟ ۖ قَالُوا۟
سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا۟ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْعِجْلَ
بِكُفْرِهِمْ ۚ قُلْ بِئْسَمَا يَأْمُرُكُم بِهِۦٓ إِيمَٰنُكُمْ
إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

"Dan mereka berkata: 'Hati kami tertutup' malah sebenarnya Allah telah mengutuk mereka dengan sebab kekufuran mereka. Amat sedikit mereka yang beriman(88). Dan setelah datang kepada mereka kitab dari sisi Allah yang membenarkan kitab yang ada pada mereka dan mereka sebelum itu telah memohon kemenangan ke atas orang-orang (Arab) yang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangkitkan itu), tetapi setelah datang rasul yang mereka ketahui (benarnya), mereka terus ingkarkannya. Oleh itu laknat Allah ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir(89). Alangkah buruknya perbuatan mereka yang menjual diri sendiri dengan mengingkarkan Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kerana menaruh perasaan dengki sebab Allah telah menurunkan limpah kurnia-Nya kepada sesiapa yang disukainya di antara hamba-hamba-Nya, kerana itu mereka kembali dengan mendapat kemurkaan demi kemurkaan dan bagi orang-orang yang kafir disediakan 'azab yang hina(90). Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Berimanlah kepada kitab (Al-Qur'an) yang telah diturunkan Allah', mereka menjawab: 'Kami hanya beriman kepada kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja' mereka mengingkari kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kemudian darinya sedangkan kitab itulah yang benar yang mengesahkan kitab yang ada pada mereka. Tanyalah mereka mengapa kamu sebelum ini telah membunuh nabi-nabi Allah andainya benar kamu beriman?(91). Dan sesungguhnya Musa telah datang kepada kamu dan membawa mu'jizat-mu'jizat yang jelas, kemudian kamu menyembah patung anak lembu sepeninggalannya (Musa) dan kamulah orang-orang yang zalim(92). Dan (kenangilah) ketika Kami mengikatkan perjanjian dengan kamu dan Kami angkatkan Bukit Tursina ke atas kamu (seraya Kami berfirman): 'Pegangilah Taurat yang Kami kurniakan kepada kamu dengan teguh dan dengarlah' jawab mereka: 'Kami dengar dan kami derhaka' dan hati mereka telah disebatikan dengan patung anak lembu dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah: 'Itulah seburuk-buruk perbuatan yang disuruh oleh iman kamu jika kamu benar beriman."'(93)

Cara dan gaya pengungkapan yang digunakan di dalam ayat ini semakin bertambah keras dan di setengah-setengah tempat ia berubah menjadi petir-petir dan lahar-lahar yang panas. Ia menentang

mereka dengan tentangan yang keras terhadap segala kata-kata dan perbuatan yang dilakukan mereka. Ia melucutkan segala alasan dan hujah-hujah mereka, iaitu alasan-alasan dan hujah-hujah yang digunakan mereka untuk melindungi sifat angkuh mereka terhadap ajaran yang benar, sifat pementingan diri mereka yang keji, sifat pengasingan diri yang buruk, sifat kebencian mereka melihat orang lain mendapat ni'mat kebaikan dan sifat hasad dengki mereka kerana ada orang lain mendapat limpah kurnia Allah. (Al-Qur'an menggunakan uslub pengungkapan yang keras itu) sebagai balasan terhadap pendirian mereka yang mengingkar dan menentang Islam dan rasul pembawanya yang mulia!

وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا غُلْفٌۢ ۚ بَل لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا
مَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan mereka berkata: 'Hati kami tertutup' malah sebenarnya Allah telah mengutuk mereka dengan sebab kekufuran mereka. Amat sedikit mereka yang beriman."(88)

Mereka berkata: Hati kami telah tertutup rapat. Ia tidak dapat ditembusi oleh da'wah yang baru dan tidak dapat mendengar seruan rasul yang baru. Mereka berkata begitu dengan tujuan untuk menghancurkan harapan Nabi Muhammad s.a.w. dan kaum Muslimin dari menyeru mereka kepada agama Islam, atau dengan tujuan mengemukakan sebab-sebab atau dalihan-dalihan mengapa mereka tidak menyambut da'wah Rasulullah s.a.w. Lalu Allah menjawab pertanyaan mereka:

بَل لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ

"Malah sebenarnya Allah telah mengutuk mereka dengan sebab kekufuran mereka."

Yakni Allah telah mengusir dan menjauhkan mereka dari hidayat dengan sebab kekufuran mereka. Mereka telah kafir sejak awal-awal lagi, kerana itu Allah membalas kekafiran mereka dengan pengusiran dari rahmat-Nya dan menghalangkan mereka dari mengambil manfa'at dari hidayat:

فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

"Amat sedikit mereka yang beriman."(88)

Yakni sedikit sekali mereka beriman kerana mereka diusir dari rahmat Allah sebagai balasan atas kekufuran mereka yang telah lalu dan kesesatan mereka yang lama, atau beginilah selama-lamanya keadaan mereka. Mereka berada di dalam kekafiran dan sedikit sahaja di antara mereka yang beriman. Itulah keadaan mereka yang tetap, dan Al-Qur'an menyebut keadaan ini untuk menjelaskan hakikat mereka. Kedua-dua pengertian ini sesuai dengan kejadian yang sedang berlaku dan sesuai dengan pembicaraan.

Kekafiran mereka amatlah buruk kerana mereka mengingkarkan nabi yang ditunggu-tunggu mereka, nabi yang mereka pernah memohon kepada Allah agar dengan kebangkitannya mereka dapat mengalahkan orang-orang yang kafir (Musyrikin Arab), yakni mereka mengharap dapat menguasai kaum-kaum yang lain dari mereka dengan kedatangan rasul itu, sedangkan rasul itu telah datang membawa kepada mereka kitab Al-Qur'an yang mengesahkan kitab suci yang ada pada mereka:

وَلَمَّا جَآءَهُمْ كِتَـٰبٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا
مَعَهُمْ وَكَانُوا۟ مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ فَلَمَّا جَآءَهُم مَّا عَرَفُوا۟ كَفَرُوا۟ بِهِۦ ۚ

"Dan setelah datang kepada mereka kitab dari sisi Allah yang membenarkan kitab yang ada pada mereka dan mereka sebelum itu telah memohon kemenangan ke atas orang-orang (Arab) yang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangkitkan itu), tetapi setelah datang rasul yang mereka ketahui (benarnya), mereka terus ingkarkannya."(89)

Perbuatan ini wajar menerima balasan laknat dan kemurkaan Allah kerana kejelikan dan keburukannya. Oleh sebab itu Allah timpakan kutukan ke atas mereka dan capkan mereka sebagai orang kafir:

فَلَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾

"Oleh itu laknat Allah ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir."(89)

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan apakah sebab yang sulit yang mendorong mereka mengambil sikap itu setelah menjelaskan kerugian dagangan yang dipilih oleh mereka:

بِئْسَمَا ٱشْتَرَوْا۟ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ أَن يَكْفُرُوا۟ بِمَآ
أَنزَلَ ٱللَّهُ بَغْيًا أَن يُنَزِّلَ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ
مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ فَبَآءُو بِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۚ وَلِلْكَـٰفِرِينَ
عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩٠﴾

"Alangkah buruknya perbuatan mereka yang menjual diri sendiri dengan mengingkarkan al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kerana menaruh perasaan dengki sebab Allah telah menurunkan limpah kurnia-Nya kepada sesiapa yang disukai-Nya di antara hamba-hamba-Nya, kerana itu mereka kembali dengan mendapat kemurkaan demi kemurkaan dan bagi orang-orang yang kafir itu 'azab yang hina."(90)

Perbuatan menjual diri yang paling merugikan ialah perbuatan mereka mengkufurkan wahyu yang diturunkan Allah. Seolah-olah kekufuran itu merupakan harga jualan diri mereka. Manusia boleh dinilaikan dengan sesuatu yang berharga sama ada banyak atau sedikit, tetapi jika ia dinilaikan dengan

kekufuran, maka itulah seburuk-buruk dan serugi-rugi dagangan, tetapi itulah yang menjadi kenyataan walaupun pada lahirnya keterangan ini hanya merupakan perbandingan dan gambaran sahaja. Mereka sebenarnya telah merugikan diri sendiri apabila mereka tidak bergabung dengan angkatan orang-orang yang beriman. Mereka telah merugikan diri mereka di Akhirat kerana mereka akan ditunggu oleh 'azab keseksaan yang amat menghina. Apakah sesuatu yang akan didapati mereka pada akhir hidup mereka? Mereka hanya berhasil mendapat kekufuran, itulah satu-satunya perolehan yang dapat dicapai dan diambil oleh mereka.

Motif yang sebenar yang mendorong mereka bertindak seperti ini ialah kerana mereka menaruh hasad dengki terhadap Rasulullah s.a.w. apabila beliau telah dipilih Allah untuk membawa risalah yang ditunggu-tunggu dan diharap-harapkan akan berlaku di dalam kalangan mereka (Bani Israel). Mereka menaruh dendam terhadap beliau kerana Allah menurunkan limpah kurnia-Nya ke atas mana-mana hamba yang dikehendaki-Nya. Itulah sikap mereka yang melampau dan zalim. Akibat kezaliman ini mereka ditimpa kemurkaan demi kemurkaan dari Allah, dan di Akhirat kelak mereka ditunggu oleh 'azab keseksaan yang amat hina sebagai balasan terhadap keangkuhan, kedengkian, keterlaluan dan kezaliman mereka yang keji.

Tabi'at Kaum Yahudi Ialah Tabi'at Kufur

Tabi'at kaum Yahudi yang amat ketara di sini ialah tabi'at kufur, tabi'at tidak mengenangkan kebaikan, tabi'at pementingan diri yang sempit, yang hidup dalam lingkungan fanatik perkauman yang tebal. Mereka merasa bahawa setiap kebaikan yang dicapai oleh orang yang lain dari mereka adalah dipotong dan dirampas hak dari mereka. Mereka tidak mempunyai perasaan bahawa mereka terjalin dengan hubungan insaniyah yang agung yang mengikat seluruh umat manusia. Demikianlah keadaan mereka selama-lamanya hidup dalam pengasingan dan pemencilan diri. Mereka merasa diri mereka sebagai satu dahan yang terpotong dari pokok hayat seluruh (umat manusia). Mereka menunggu-nunggu agar umat-umat manusia yang lain dilanda malapetaka. Mereka menaruh dendam kesumat terhadap kaum-kaum yang lain. Mereka menderita 'azab hasad dengki. Mereka membuat umat-umat yang lain merasa kesan hasad dengki mereka dalam bentuk fitnah-fitnah dan huru-hara yang dicetuskan mereka di antara setengah-setengah bangsa dengan bangsa-bangsa yang lain. Mereka menyalakan api peperangan untuk menangguk keuntungan di air yang keruh dan memuaskan dendam kesumat mereka yang tidak pernah padam dan kemusnahan yang mereka lakukan ke atas kaum-kaum yang lain di samping kaum-kaum yang lain bertindak balas terhadap mereka. Semua kejahatan dan angkara murka ini adalah terbit dari tabi'at pementingan diri:

بَغْيًا أَن يُنَزِّلَ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ

"Kerana menaruh perasaan dengki sebab Allah menurunkan limpah kurnia-Nya kepada sesiapa yang disukai-Nya di antara hamba-hamba-Nya."(90)

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ نُؤْمِنُ بِمَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَآءَهُۥ وَهُوَ ٱلْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ ۗ

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Berimanlah kepada kitab (Al-Qur'an) yang telah diturunkan Allah', mereka menjawab: 'Kami hanya beriman kepada kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja' mereka mengingkari kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kemudian darinya sedangkan kitab itulah yang benar yang mengesahkan kitab yang ada pada tangan mereka."

Inilah jawapan yang dikatakan mereka apabila mereka diseru supaya beriman kepada Al-Qur'an dan agama Islam. Mereka berkata:

نُؤْمِنُ بِمَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا

"Kami hanya beriman kepada kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja."

Yakni cukuplah dengan kitab Taurat, kerana kitab ini satu-satunya kitab yang benar. Kemudian mereka ingkarkan kitab-kitab suci yang lain yang diturunkan selepas Taurat. Sama ada kitab Injil yang dibawa oleh 'Isa a.s. atau kitab Al-Qur'an yang dibawa oleh Muhammad Khatamun-Nabiyin s.a.w.

Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya terhadap sikap mereka ini dan terhadap pendirian mereka yang menolak kitab suci yang lain yang diturunkan selepas kitab suci yang ada pada mereka sedangkan:

وَهُوَ ٱلْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ ۗ

"Sedangkan kitab itulah yang benar yang mengesahkan kitab yang ada pada tangan mereka."

Apa peduli mereka dengan kebenaran? Apa peduli mereka dengan Al-Qur'an yang mengesahkan kitab yang ada di dalam tangan mereka, sedangkan mereka tidak dapat membolot Al-Qur'an itu untuk diri mereka sahaja? Sebenarnya mereka menyembah diri sendiri dan menyembah perkauman mereka, bukan sahaja setakat itu, malah mereka menyembah hawa nafsu mereka, kerana sebelum ini mereka telah menolak pengajaran yang dibawa oleh nabi-nabi mereka sendiri. Allah mengajar Nabi s.a.w. supaya mengemukakan hakikat ini kepada mereka untuk mendedahkan pendirian mereka yang sebenar dan membuka tembelang dakwaan mereka:

قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنۢبِيَآءَ ٱللَّهِ مِن قَبْلُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾

"Tanyalah mereka: Mengapa kamu sebelum ini telah membunuh nabi-nabi Allah andainya kamu benar beriman?"(91)

Yakni mengapa sebelum ini kamu bertindak membunuh para anbia' Allah jika kamu benar beriman kepada pengajaran-pengajaran yang diturunkan kepada kamu? Sedangkan para anbia' itulah yang telah membawa kitab-kitab suci yang mereka dakwa beriman kepadanya? Tidak, malah kamu telah mengingkarkan pengajaran yang dibawa oleh Musa nabi kamu yang utama dan penyelamat kamu yang agung.

وَلَقَدْ جَآءَكُم مُّوسَىٰ بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ ٱتَّخَذْتُمُ
ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan sesungguhnya Musa telah datang kepada kamu membawa mu'jizatmu'jizat yang jelas, kemudian kamu menyembah patung anak lembu sepeninggalannya (Musa) dan kamulah orang-orang yang zalim."(92)

Apakah perbuatan kamu menyembah patung anak lembu itu dari ilham keimanan, setelah Musa membawa kepada kamu bukti-bukti mu'jizat yang jelas dan semasa beliau masih hidup lagi? Apakah perbuatan ini sesuai dengan dakwaan kamu bahawa kamu beriman kepada pengajaran-pengajaran yang diturunkan kepada kamu?

Ini bukannya kali yang pertama. Di sana ada perjanjian yang dibuat di bawah ancaman humbanan batu bukit ke atas mereka dan di sana juga ada tindakan mereka yang memberontak dan melanggar perintah Allah.

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ ٱلطُّورَ
خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱسْمَعُوا۟ ۖ قَالُوا۟
سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا۟ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْعِجْلَ
بِكُفْرِهِمْ ۚ

"Dan (kenangilah ketika) Kami mengikat perjanjian dengan kamu dan Kami angkatkan Bukit Tursina ke atas kamu (seraya kami berfirman): 'Pegangilah Taurat yang Kami kurniakan kepada kamu dengan teguh dan dengarlah' jawab mereka: 'Kami dengar dan kami derhaka" hati mereka telah disebatikan dengan patung anak lembu dengan sebab kekufuran mereka."

Susunan ayat ini berubah dari bentuk berbicara kepada bentuk bercerita. Mula-mula ia berbicara dengan Bani Israel mengenai tindak-tanduk mereka kemudian ia berpaling kepada orang-orang Mu'min dan manusia seluruhnya lalu menunjukkan kepada mereka tindak-tanduk Bani Israel, kemudian ia mengajar Rasulullah s.a.w. supaya menghadapi mereka dengan penghinaan dan cemuhan terhadap bentuk keimanan mereka yang aneh yang didakwa oleh mereka, iaitu keimanan yang menyuruh mereka melakukan kekufuran yang terus terang ini:

قُلْ بِئْسَمَا يَأْمُرُكُم بِهِۦٓ إِيمَٰنُكُمْ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

"Katakanlah: Itulah seburuk-buruk perbuatan yang disuruh oleh iman kamu jika kamu benar-benar beriman."(93)

Di sini marilah kita berhenti sejenak di hadapan dua ungkapan yang menarik iaitu:

قَالُوا۟ سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا۟ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْعِجْلَ
بِكُفْرِهِمْ ۚ

"Jawab mereka: "Kami dengar dan kami derhaka" hati mereka telah disebatikan dengan patung anak lembu dengan sebab kekufuran mereka."

Mereka berkata: "Kami dengar" dan mereka tidak berkata "kami derhaka" apakah tujuan penceritaan kata-kata mereka di sini? Itulah satu gambaran yang sungguh hidup yang melukiskan satu realiti yang senyap hingga menjadi satu realiti yang bertutur. Mereka berkata dengan mulut mereka: *"Kami dengar"*, tetapi mereka berkata dengan perbuatan mereka: *"Kami menderhaka"*. Realiti yang amali itulah yang memberi makna kepada kata-kata bibir mulut mereka, dan makna amali itu lebih kuat dari kata-kata yang ditutur. Gambaran yang menggambarkan realiti ini dengan gambaran yang hidup itu adalah bertujuan menunjukkan salah satu dasar umum Islam, iaitu dasar tiada nilai bagi perkataan tanpa amalan, kerana amalan itulah nilai yang diambil kira, atau dasar persamaan di antara kalimat yang ditutur dengan harakat yang ditunjukkan di alam kenyataan itulah asas hukuman dan penilaian.

Gambaran kasar yang dilukiskan oleh ungkapan:

وَأُشْرِبُوا۟ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ ۚ

"Hati mereka telah disebatikan dengan patung anak lembu dengan sebab kekufuran mereka,"

adalah satu gambaran yang unik. Hati mereka telah disebatikan dengan perbuatan selain dari mereka. Disebati dengan apa? Disebatikan dengan patung anak lembu. Daya khayal dapat menggambarkan percubaan yang kasar dan gambaran yang sinis dan mengejek itu, iaitu gambaran patung anak lembu dimasukkan ke dalam hati mereka dan disebatikan dengannya. Gambaran ini membuat seseorang itu hampir-hampir terlupa kepada makna mental ungkapan itu yang digambarkan oleh gambaran yang hidup ini, iaitu kecintaan mereka yang kuat kepada penyembahan patung anak lembu sehingga seolah-seolah patung anak lembu itu disebatikan di dalam hati mereka. Di sinilah dapat dilihat betapa tingginya nilai pengungkapan Al-Qur'an yang memberi gambaran yang hidup itu dibandingkan dengan pengungkapan mental yang hanya memberi

penerangan. Itulah keindahan penggambaran yang menjadi ciri yang amat menonjol di dalam pengungkapan Al-Qur'an yang indah itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 96)

Mereka telah membuat dakwaan-dakwaan yang panjang lebar, iaitu mereka adalah umat pilihan Allah, merekalah satu-satunya umat yang mendapat hidayat dan satu-satunya umat yang akan mendapat kejayaan di negeri Akhirat, sedangkan umat-umat yang lain dari mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di sisi Allah di Akhirat.

Dakwaan ini juga bererti bahawa orang-orang yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat. Matlamat pertama mereka ialah untuk menggoncangkan kepercayaan kaum Muslimin terhadap agama mereka dan terhadap janji-janji Rasulullah dan Al-Qur'an kepada mereka. Oleh itu Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengajak kaum Yahudi bermubahalah, iaitu kedua-dua pihak sama berdiri dan berdo'a agar Allah membinasakan mana-mana pihak yang berdusta:

قُلْ إِن كَانَتْ لَكُمُ ٱلدَّارُ ٱلْـَٔاخِرَةُ عِندَ ٱللَّهِ خَالِصَةً
مِّن دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُا۟ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ
صَـٰدِقِينَ ﴿٩٤﴾

"Katakanlah: Jika kamu menganggapkan negeri Akhirat itu untuk kamu sahaja di sisi Allah bukan untuk orang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu orang-orang yang benar.(94)

Kaum Yahudi Tidak Sanggup Bermubahalah

Cabaran ini diiringi pula dengan suatu kenyataan yang menerangkan bahawa mereka tidak akan menerima mubahalah itu dan tidak akan menuntut kematian, kerana mereka tahu bahawa mereka pembohong. Mereka takut Allah membinasakan mereka kerana mereka tahu bahawa segala perbuatan yang dilakukan mereka itu tidak akan membolehkan mereka menerima apa-apa bahagian di Akhirat. Ini bererti mereka akan mengalami kerugian dunia dengan kematian yang dido'akan mereka dan akan mengalami kerugian Akhirat dengan amalan-amalan yang jahat yang dilakukan mereka. Oleh sebab itulah mereka tidak akan menerima cabaran itu kerana mereka adalah golongan manusia yang paling sayang kepada hidup dunia. Dalam hubungan ini mereka sama sahaja dengan golongan Musyrikin:

وَلَن يَتَمَنَّوْهُ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ
بِٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٩٥﴾
وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ ٱلنَّاسِ عَلَىٰ حَيَوٰةٍ وَمِنَ ٱلَّذِينَ
أَشْرَكُوا۟ يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ
بِمُزَحْزِحِهِۦ مِنَ ٱلْعَذَابِ أَن يُعَمَّرَ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا
يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan mereka tidak akan bercita-cita mati dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan mereka dan Allah Amat Mengetahui (rahsia-rahsia) orang-orang yang zalim(95). Dan sesungguhnya engkau akan mendapati mereka seloba-loba manusia terhadap hidup dunia, mereka lebih loba dari kaum Musyrikin. Setiap orang dari mereka bercita-cita agar dipanjangkan umurnya seribu tahun, sedangkan umur (yang panjang) itu tidak dapat menghindarkannya dari 'azab jika dipanjangkan umurnya, dan Allah melihat segala apa yang dilakukan mereka."(96)

Mereka tidak akan bercita-cita mati kerana amalan yang dikerjakan untuk Akhirat itu tidak memberi harapan kepada mereka untuk mendapat apa-apa pahala dan menyelamatkan mereka dari hukuman yang disediakan untuk mereka di sana. Dan Allah itu Amat Mengetahui tentang orang-orang yang zalim dan segala perbuatan yang dilakukan mereka.

Bukan sahaja setakat ini, malah ada lagi satu sifat kaum Yahudi yang digambarkan oleh Al-Qur'an dengan gambaran yang penuh penghinaan dan cemuhan:

وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ ٱلنَّاسِ عَلَىٰ حَيَوٰةٍ

"Dan sesungguhnya engkau akan mendapati mereka seloba-loba manusia terhadap hidup dunia."

Yakni terhadap apa sahaja bentuk hidup, iaitu tidak semestinya bentuk hidup yang mulia atau hidup istimewa, asalkan mereka dapat hidup sahaja walaupun hidup ala ulat-ulat atau serangga. Asal nama hidup sahaja itulah sifat kaum Yahudi di zaman-zaman silam, zaman kini dan zaman akan datang. Mereka tidak mengangkat kepala mereka melainkan apabila ancaman tukul tidak ada dan jika ancaman tukul itu ada mereka akan terus tunduk dan menyebamkan dahi mereka kerana pengecut dan sayangkan hidup....... apa sahaja bentuk hidup.

وَمِنَ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ
وَمَا هُوَ بِمُزَحْزِحِهِۦ مِنَ ٱلْعَذَابِ أَن يُعَمَّرَ ۗ وَٱللَّهُ
بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Di antara orang-orang Musyrikin terdapat setiap orang dari mereka bercita-cita agar dipanjangkan umurnya seribu tahun, sedangkan umur (yang panjang) itu tidak dapat menghindarkannya dari 'azab jika dipanjangkan umurnya, dan Allah melihat segala apa yang dilakukan mereka."(96)

Yakni setiap orang dari mereka berangan-angan hidup seribu tahun, kerana mereka tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah dan tidak merasa adanya suatu hidup yang lain untuk mereka

selain dari hidup dunia ini. Alangkah pendeknya hidup dunia, dan alangkah sempitnya apabila jiwa manusia itu merasa bahawa ia tidak akan bersambung dengan hidup yang lain dari hidup dunia dan tidak mengharapkan sesuatu yang lain dari nafas-nafas dan sa'at-sa'at hidup di bumi yang pendek! Keimanan kepada hayat Akhirat merupakan suatu ni'mat yang dilimpahkan oleh keimanan ke dalam hati seseorang, suatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada manusia yang fana, penat dan hidup dengan umur yang terbatas dan angan-angan yang luas. Sesiapa yang menutup pintu yang menuju kepada hayat yang kekal abadi bererti gambaran hakikat hidup di dalam jiwanya telah cacat dan padam sama sekali. Keimanan kepada hayat Akhirat - di samping merupakan kepercayaan terhadap keadilan Allah yang mutlak dan balasannya yang sempurna - merupakan petanda yang menunjukkan jiwa seseorang itu dipenuhi kecergasan dan keaktifan, dipenuhi cita-cita hidup yang tidak terbatas setakat perbatasan-perbatasan bumi, malah menjangkau ke hayat yang kekal abadi dan bebas yang hanya Allah sahaja yang mengetahuinya, juga menjangkau tangga-tangga yang tinggi menuju kepada perdampingan dengan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 97 - 98)

Ayat yang berikut terus mengemukakan ajaran baru dari Allah kepada Rasulullah s.a.w. Ia mencabar mereka dengan ajaran ini dan mengumumkan isi hakikatnya di hadapan khalayak yang ramai:

قُلْ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُۥ نَزَّلَهُۥ عَلَىٰ
قَلْبِكَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ
وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٧﴾
مَن كَانَ عَدُوًّا لِّلَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَرُسُلِهِۦ
وَجِبْرِيلَ وَمِيكَىٰلَ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَدُوٌّ لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٩٨﴾

"Katakanlah: 'Siapakah yang menjadi musuh Jibril, sedangkan sesungguhnya Dialah yang telah menurunkan Al-Qur'an ke dalam hatimu dengan perintah Allah, iaitu kitab suci yang membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya dan memberi hidayat dan berita gembira kepada orang-orang mu'min(97). Sesiapa yang menjadi musuh Allah, para malaikat-Nya, para rasul-Nya Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah musuh kepada orang-orang kafir."(98)

Kaum Yahudi Berseteru Dengan Jibril

Di dalam kisah cabaran ini kita dapat mengetahui satu lagi sifat kaum Yahudi yang sungguh aneh. Mereka terlalu marah kerana Allah telah menurunkan limpah kurnia-Nya (wahyu-Nya) kepada mana-mana hamba yang dikehendaki-Nya, hingga melampaui segala batas. Kemarahan itu telah membawa mereka kepada satu sikap yang bertentangan yang tidak diterima akal. Mereka telah mendengar bahawa Jibril menurunkan wahyu dari Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w., dan oleh kerana perseteruan mereka terhadap beliau telah sampai ke tahap dendam kesumat, maka mereka telah merekakan satu cerita yang lemah dan alasan yang kosong. Mereka mendakwa kononnya Jibril itu musuh mereka kerana dialah yang menurunkan kebinasaan, kehancuran dan 'azab keseksaan. Inilah sebab yang menghalangkan mereka dari beriman kepada Muhammad, yakni mereka tidak beriman kepada beliau kerana Jibril (menurunkan wahyu) itu, andainya malaikat yang menurunkan wahyu itu Mikail tentulah mereka beriman, kerana Mikail menurunkan kemakmuran, hujan dan kesuburan.

Itulah suatu ketololan yang lucu, tetapi kemarahan dan dendam kesumat sememangnya membawa manusia kepada segala macam ketololan. Jika tidak, mengapakah mereka memusuhi Jibril? Sedangkan Jibril bukannya manusia yang bekerja bersama mereka atau menentang mereka. Ia tidak berbuat sesuatu mengikut perancangan dirinya sendiri, malah dia hanya seorang hamba Allah yang bekerja mengikut apa yang diperintahkan Allah dan tidak melanggar segala suruhan-Nya.

قُلْ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُۥ نَزَّلَهُۥ عَلَىٰ
قَلْبِكَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ

"Katakanlah: Siapakah yang menjadi musuh Jibril, sedangkan sesungguhnya Dialah yang telah menurunkan Al-Qur'an ke dalam hatimu dengan perintah Allah."

Maksudnya Jibril itu bukannya didorong oleh keinginan dan kemahuannya sendiri menurunkan Al-Qur'an ke dalam hatimu, malah dia hanya melaksanakan perintah Allah menurunkan Al-Qur'an ini ke dalam hatimu. Hati itu merupakan wadah penerima wahyu dan hatilah yang memahami wahyu setelah menerimanya dan di dalam hatilah diletak dan dipeliharakan Al-Qur'an itu. Kata-kata "qalbu" di dalam Al-Qur'an mengungkapkan daya kefahaman dan pemikiran secara menyeluruh, dan ia tentunya bukan dimaksudkan dengan seketul anggota yang dikenali umum itu.

Jibril telah menurunkan Al-Qur'an dalam hatimu (iaitu kitab suci) yang.......

مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ
لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٧﴾

"Yang membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya dan menjadi hidayat dan berita gembira kepada orang-orang Mu'minin."(97)

Al-Qur'an pada umumnya membenarkan segala kitab Samawi yang diturunkan sebelumnya, kerana asas agama Allah itu sama sahaja dalam semua kitab

Samawi dan seluruh agama Ilahi. Al-Qur'an itu memberi hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin yang membuka pintu hati dan memberi sambutan mereka kepadanya. Inilah hakikat yang harus ditonjolkan. Ayat-ayat Al-Qur'an itu mencurahkan rasa mesra ke dalam hati Mu'min, juga membuka pintu-pintu ma'rifat dan melimpahkan berbagai-bagai saranan dan perasaan yang tidak mungkin wujud tanpa keimanan, dan kerana itu hati Mu'min mendapat hidayat dari Al-Qur'an dan merasa senang dengan berita gembira yang terkandung di dalamnya. Kita dapati hakikat ini berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'an di dalam berbagai-bagai konteks:

هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

"Memberi hidayat kepada para Muttaqin."(2)

(Surah al-Baqarah: 2)

هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

"Memberi hidayat dan rahmat kepada kaum yang beriman."(52)

(Surah al-A'raf: 52)

وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

"Memberi hidayat dan rahmat kepada kaum yang mempunyai keyakinan."(20)

(Surah al-Jathiyah: 20)

شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

"Menjadi penawar dan rahmat kepada para Mu'minin."

(Surah al-Isra': 82)

Jadi, hidayat itulah hasil dan buah dari keimanan, ketaqwaan dan keyakinan, sedangkan Bani Israel tidak beriman atau tidak bertaqwa atau tidak mempunyai keyakinan!

Mereka - seperti adat kebiasaan mereka yang suka membeza-bezakan agama dan rasul-rasul - telah membeza-bezakan malaikat-malaikat Allah yang mereka dengar nama-nama dan tugas-tugas mereka. Mereka mendakwa mempunyai hubungan persahabatan dengan Mikail, dan tidak mempunyai hubungan persahabatan dengan Jibril. Oleh sebab itulah ayat yang berikut mengumpulkan Jibril, Mikail, para malaikat Allah dan para rasul-Nya (dalam satu barisan) untuk menerangkan kesatuan dan persamaan mereka, dan untuk mengumumkan bahawa sesiapa yang memusuhi mana-mana satu dari mereka bererti memusuhi seluruh mereka dan memusuhi Allah S.W.T., dan sesiapa yang dimusuhi Allah maka dia tergolong di dalam golongan orang-orang kafir:

مَن كَانَ عَدُوًّا لِّلَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَرُسُلِهِۦ
وَجِبْرِيلَ وَمِيكَىٰلَ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَدُوٌّ لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٩٨﴾

"Sesiapa yang menjadi musuh Allah, para malaikat-Nya, para rasul-Nya, Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah musuh kepada orang-orang kafir."(98)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 101)

Kemudian Al-Qur'an berbicara dengan Rasulullah s.a.w. Ia memperkatakan tentang pengajaran-pengajaran yang benar dan ayat-ayat yang jelas yang dikurniakan Allah kepada beliau, dan menegaskan bahawa hanya orang-orang fasiq yang menyeleweng sahaja yang menolak ayat-ayat itu. Ia mengecam Bani Israel yang tidak pernah mematuhi mana-mana perjanjian sama ada perjanjian-perjanjian mereka dengan Allah dan nabi-nabi mereka sebelum ini atau perjanjian-perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w., di samping mengecam mereka kerana menolak kitab Allah yang terakhir yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka:

وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ ۖ وَمَا يَكْفُرُ بِهَآ
إِلَّا ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٩٩﴾
أَوَكُلَّمَا عَٰهَدُوا۟ عَهْدًا نَّبَذَهُۥ فَرِيقٌ مِّنْهُم ۚ بَلْ
أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٠﴾
وَلَمَّا جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ
نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ كِتَٰبَ
ٱللَّهِ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu ayat-ayat yang jelas dan hanya orang-orang yang fasiq sahaja yang mengingkarkannya(99). Atau apakah setiap kali mereka mengikat perjanjian, maka ada sahaja segolongan dari mereka yang mencampakkannya, malah kebanyakan mereka tidak beriman(100). Dan setelah datang kepada mereka seorang rasul dari sisi Allah yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka, maka segolongan dari orang-orang yang dikurniakan kitab itu mencampakkan kitab Allah di belakang mereka seolah-olah mereka tidak mengetahui."(101)

Punca Penyakit Kekafiran Bani Israel

Di sini Al-Qur'an mendedah punca penyakit kekafiran Bani Israel terhadap ayat-ayat yang jelas yang diturunkan Allah (kepada Muhammad). Punca penyakit itu ialah kefasiqan dan penyelewengan fitrah mereka. Fitrah yang lurus tetap mempercayai ayat-ayat yang jelas, kerana ayat-ayat ini begitu kuat memaksakan kebenarannya ke atas hati-hati yang lurus. Apabila kaum Yahudi atau lainnya mengingkarkan ayat-ayat ini, maka bukanlah bererti ayat-ayat ini tidak dapat memberi keyakinan dan tidak mempunyai hujah yang kuat, malah sebenarnya kerana fitrah mereka telah rosak dan menyeleweng.

Kemudian Al-Qur'an berpaling kepada kaum Muslimin dan kepada manusia umumnya dan di sini ia mengecam kaum Yahudi dan mendedahkan salah satu dari sifat-sifat mereka yang berpenyakit. Masyarakat mereka merupakan satu masyarakat yang tidak bersatu padu walaupun mereka berpegang kukuh dengan semangat fanatik perkauman mereka yang keji. Mereka tidak pernah sepakat di dalam sesuatu fikiran, tidak pernah mematuhi sesuatu perjanjian dan tidak pernah berpegang kepada sesuatu pegangan yang kukuh. Walaupun mereka fanatik terhadap diri dan bangsa mereka, dan mereka tidak suka Allah mengurniakan limpah kurnia-Nya kepada orang-orang yang lain dari mereka, tetapi mereka tidak berpegang dengan perpaduan dan tidak mematuhi janji terhadap satu sama lain. Apabila mereka mengadakan sesuatu perjanjian sesama mereka, maka ada-ada sahaja satu puak dari mereka yang keluar dari kumpulan dan bertindak melanggar perjanjian itu dan memberontak terhadap persetujuan yang telah dicapai oleh mereka:

أَوَكُلَّمَا عَٰهَدُواْ عَهۡدٗا نَّبَذَهُۥ فَرِيقٞ مِّنۡهُمۚ بَلۡ
أَكۡثَرُهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ١٠٠

"Atau apakah setiap kali mereka mengikat perjanjian, maka ada sahaja segolongan dari mereka yang mencampakkannya, malah kebanyakan mereka tidak beriman."(100)

Mereka telah memungkiri perjanjian mereka dengan Allah di bawah Bukit Tursina, dan selepas itu mereka mencampakkan perjanjian-perjanjian mereka dengan nabi-nabi mereka, dan pada akhir sekali segolongan dari mereka telah mencampakkan perjanjian yang telah diikatkan mereka dengan Rasulullah s.a.w. pada permulaan kedatangan beliau di Madinah, iaitu perjanjian saling damai yang menggariskan syarat-syarat yang tertentu, sedangkan merekalah yang mula-mula menolong musuh beliau dan mencela agamanya. Mereka cuba menimbulkan pecah-belah dan fitnah di dalam barisan kaum Muslimin yang bertentangan dengan perjanjian yang telah mereka adakan dengan kaum Muslimin.

Itulah sifat kaum Yahudi yang amat buruk iaitu satu sifat yang bertentangan dengan sifat kaum Muslimin yang diumumkan oleh Rasulullah s.a.w. sabdanya.

المسلمون تتكافأ دماؤهم وهم يد على من سواهم يسعى بذمتهم
أدناهم – رواه الامام احمد –

"Orang-orang Islam itu sama sahaja darah mereka (dari segi diyat dan qisas) dan mereka (berpadu seperti) satu tangan dalam menghadapi orang-orang yang lain dari mereka (musuh-musuh) perjanjian dan jaminan mereka dipatuhi oleh serendah-rendah mereka."

(Diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad)

Maksudnya tiada seorang pun yang akan melanggar perjanjian apabila ia berjanji, dan tiada seorang pun yang akan merombak perjanjiannya apabila ia mengikat perjanjian. Abu Ubaydah panglima tentera Khalifah Umar r.a. telah menulis kepada beliau menyatakan bahawa ada seorang hamba Allah telah memberi keamanan kepada penduduk negeri Iraq dan meminta fikiran beliau, Lalu Umar menulis jawapannya: "Allah amat memandang tinggi sifat setia kepada perjanjian, dan kamu tidak boleh menjadi orang-orang yang setia kepada perjanjian sehingga kamu mengotakan perjanjian kamu." Lalu mereka menyempurnakan perjanjian mereka kepada (penduduk Iraq) dan meninggalkan mereka. Inilah sifat kaum Muslimin yang mulia, padu dan lurus, Itulah titik perbezaan di antara akhlak orang-orang Yahudi yang fasiq dan akhlak orang Islam yang lurus.

وَلَمَّا جَآءَهُمۡ رَسُولٞ مِّنۡ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٞ لِّمَا مَعَهُمۡ
نَبَذَ فَرِيقٞ مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ كِتَٰبَ
ٱللَّهِ وَرَآءَ ظُهُورِهِمۡ كَأَنَّهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ١٠١

"Dan setelah datang kepada mereka seorang rasul dari sisi Allah yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka, maka segolongan dari orang-orang yang dikurniakan kitab itu mencampakkan kitab Allah di belakang mereka seolah-olah mereka tidak mengetahui."(101)

Ini adalah salah satu kejadian pembatalan janji yang dilakukan oleh satu golongan kaum Yahudi terhadap setiap perjanjian yang diikatkan mereka. Di antara isi kandungan perjanjian Allah dengan mereka ialah mereka pasti beriman kepada setiap rasul yang dibangkitkan Allah, menolong dan menghormatinya, tetapi apabila datang kitab suci Al-Qur'an dari Allah yang membenarkan kitab suci yang ada di dalam tangan mereka (Taurat), mereka terus membatalkan perjanjian itu, dan segolongan kaum Ahlil-Kitab itu telah mencampakkan kitab Allah di belakang mereka. Dalam konteks ini mereka telah mencampakkan kitab Allah (Taurat) yang ada di dalam tangan mereka yang mengandungi bisyarah kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w., dan mencampakkan kitab suci yang baru (Al-Qur'an) yang ada bersama Nabi yang baru.

Ayat ini mengandungi sindiran yang halus bahawa kaum Ahlil-Kitab sendiri telah tergamak mencampakkan kitab Allah di belakang mereka. Andainya mereka dari golongan kaum Musyrikin, tentulah perbuatan mereka yang mencampakkan kitab Allah di belakang mereka itu dapat difahami, tetapi oleh kerana perbuatan ini dilakukan oleh mereka sendiri selaku kaum Ahlil-Kitab, mereka tentulah tahu tentang risalah-risalah dan rasul-rasul. Mereka tentulah telah mengenal hidayat dan melihat nur hidayat, tetapi apakah mereka telah buat? Mereka telah mencampakkan kitab Allah di belakang mereka. Ungkapan ini tentulah bermaksud

menyatakan bahawa mereka telah mengingkarkan kitab suci itu dan tidak lagi beramal dengannya. Mereka telah menyingkirkan kitab itu dari bidang pemikiran dan kehidupan mereka. Tetapi ungkapan yang memberi gambaran itu telah memindahkan pengertian ini dari ruang akal ke ruang alam kenyataan, dan menggambarkan perbuatan mereka dengan harakat fizikal yang dikhayalkan. Ia menggambarkan perbuatan itu dengan gambaran yang keji, penuh dengan keingkaran, kekufuran, kekasaran, ketololan, kebiadaban dan kejakunan. Ia membiarkan khayal meni'mati harakat yang kasar itu, iaitu harakat tangan yang membuang kitab suci di belakang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 102 - 103)

Kemudian apakah pula yang dilakukan mereka setelah membuang kitab Allah (Al-Qur'an) yang membenarkan kitab yang ada di dalam tangan mereka (Taurat)? Apakah mereka mendapat kitab yang lebih baik darinya? Apakah mereka telah mendapat kebenaran yang bersih dari sebarang kekeliruan? Apakah mereka berpegang teguh dengan kitab suci mereka yang disahkan oleh Al-Qur'an itu? Tidak, tiada satu pun yang dibuat mereka, malah mereka telah mencampakkan kitab Allah di belakang mereka untuk mengejar dongeng-dongeng yang mengeliru yang tidak bersandar kepada hakikat yang kukuh.

وَٱتَّبَعُواْ مَا تَتْلُواْ ٱلشَّيَٰطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَٰنَ ۖ وَمَا
كَفَرَ سُلَيْمَٰنُ وَلَٰكِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ كَفَرُواْ
يُعَلِّمُونَ ٱلنَّاسَ ٱلسِّحْرَ وَمَآ أُنزِلَ عَلَى ٱلْمَلَكَيْنِ
بِبَابِلَ هَٰرُوتَ وَمَٰرُوتَ ۚ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ
يَقُولَآ إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ
مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِۦ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَزَوْجِهِۦ ۚ وَمَا
هُم بِضَآرِّينَ بِهِۦ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ
وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُواْ
لَمَنِ ٱشْتَرَىٰهُ مَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنْ خَلَٰقٍ ۚ وَلَبِئْسَ
مَا شَرَوْاْ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ ۚ لَوْ كَانُواْ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾
وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُواْ وَٱتَّقَوْاْ لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ خَيْرٌ ۖ
لَّوْ كَانُواْ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan mereka telah mengikut ilmu (sihir) yang diada-adakan oleh syaitan-syaitan di zaman kerajaan Sulaiman. Dan sebenarnya Sulaiman tidak kafir, tetapi syaitan-syaitanlah yang kafir. Mereka mengajar orang ramai ilmu sihir dan ilmu yang diturunkan kepada dua malaikat di Babel iaitu Harut dan Marut, (tetapi) kedua-duanya sebelum mengajar seseorang lebih dahulu mengingatkan: 'Sesungguhnya kami ini adalah ujian, kerana itu janganlah engkau jadi kafir (dengan mengamalkan ilmu sihir)'. Lalu mereka mempelajari dari kedua malaikat itu ilmu yang memisahkan di antara suami dan isteri, sedangkan sebenarnya mereka tidak berkuasa mendatangkan bahaya kepada seorang pun kecuali dengan izin Allah. Mereka mempelajari ilmu yang membahayakan mereka dan tidak berguna kepada mereka dan sebenarnya mereka memang tahu bahawa sesiapa yang membeli Ilmu itu, maka ia tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan itulah seburuk-buruk perbuatan menjual diri sendiri jika mereka mengetahui(102). Dan andainya mereka beriman dan bertaqwa, maka sesungguhnya balasan dari sisi Allah itulah sebaik-baik balasan jika mereka mengetahui."(103)

Mereka telah meninggalkan kitab Al-Qur'an yang diturunkan Allah yang membenarkan kitab suci yang ada di tangan mereka. Mereka mengikuti cerita-cerita yang dikisahkan oleh syaitan-syaitan di zaman Sulaiman a.s. dan mengada-gadakan perkara-perkara yang dapat menyesatkan orang ramai, iaitu dakwaan-dakwaan yang bohong terhadap Sulaiman. Mereka mendakwa Sulaiman itu seorang tukang sihir dan beliau dapat menundukkan apa sahaja yang dapat ditundukkan dengan ilmu sihir yang diketahui dan digunakan olehnya.

Al-Qur'an menafikan tuduhan mereka bahawa Nabi Sulaiman a.s. itu tukang sihir:

وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَٰنُ

"Dan sebenarnya Sulaiman tidak kafir."

Ilmu Sihir Dan Penggunaan Ilmu SihirMembawa Kepada Kekufuran

Al-Qur'an seolah-olah mengirakan ilmu sihir dan penggunaan ilmu sihir itu sebagai suatu perbuatan yang kufur, dan menolak kekufuran itu dari Nabi Sulaiman a.s. dan meletakkan kekufuran ke atas syaitan-syaitan:

وَلَٰكِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ كَفَرُواْ يُعَلِّمُونَ ٱلنَّاسَ
ٱلسِّحْرَ

"Tetapi syaitan-syaitan yang kafir. Mereka mengajar orang ramai ilmu sihir."

Kemudian Al-Qur'an menafikan ilmu sihir sebagai ilmu yang diturunkan dari Allah kepada dua malaikat Harut dan Marut yang tinggal di Babel:

وَمَآ أُنزِلَ عَلَى ٱلْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَٰرُوتَ وَمَٰرُوتَ ۚ

"Dan ilmu yang diturunkan kepada dua malaikat di Babel iaitu Harut dan Marut."

Nampaknya di sana ada kisah yang terkenal mengenai dua malaikat ini.

Orang-orang Yahudi atau syaitan-syaitan mendakwa bahawa kedua-dua malaikat inilah yang telah memperkenal dan mengajar ilmu sihir kepada orang ramai, dan mendakwa bahawa Allah telah menurunkan ilmu sihir kepada dua malaikat itu, lalu Al-Qur'an menolak pendustaan ini.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan hakikat yang sebenar iaitu kedua-dua malaikat itu merupakan suatu ujian kepada manusia kerana sesuatu hikmat yang tidak diketahui. Kedua-duanya menjelaskan (hakikat ujian itu) kepada setiap orang yang datang meminta supaya diajar ilmu sihir:

وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ

"Kedua-duanya sebelum mengajar seseorang lebih dahulu mengingatkan sesungguhnya kami ini ujian, kerana itu janganlah engkau jadi kafir (dengan mengamalkan ilmu sihir)."

Di sini sekali lagi kita dapati Al-Qur'an menganggapkan ilmu sihir dan penggunaan ilmu sihir itu sebagai suatu perbuatan yang kufur. Ini disebut di atas lidah dua malaikat Harut dan Marut sendiri.

Tetapi ada setengah-setengah orang terus berkeras hendak mempelajari ilmu sihir itu dari keduanya walaupun diberi peringatan dan penjelasan, dan di sini berlakulah ujian itu kepada orang-orang yang terpesona kepada ilmu sihir itu:

فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِۦ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَزَوْجِهِۦ

"Lalu mereka mempelajari dari kedua malaikat itu ilmu yang memisahkan di antara suami dan isteri."

Itulah bencana yang diperingatkan oleh dua malaikat itu.

Di sini Al-Qur'an dengan segera menjelaskan dasar umum kepercayaan Islam yang pokok iaitu dasar tiada suatu yang berlaku di alam al-wujud ini melainkan dengan keizinan Allah:

وَمَا هُم بِضَآرِّينَ بِهِۦ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ

"Sedangkan sebenarnya mereka tidak berkuasa mendatangkan bahaya kepada seseorang pun kecuali dengan izin Allah."

Keizinan Allah itulah yang membolehkan sebab-sebab itu melahirkan tindakan, mewujudkan kesannya dan menghasilkan natijahnya. Ini adalah satu dasar umum kepercayaan dan kefahaman yang pasti dijelaskan seterang-terangnya di dalam hati nurani orang yang beriman. Sebagai contoh yang paling dekat yang menggambarkan dasar ini di sini ialah jika anda dedahkan tangan anda kepada api maka ia akan terbakar, tetapi sifat terbakar itu tidak akan berlaku melainkan dengan keizinan Allah, kerana Allahlah yang menaruhkan kepada api itu sifat membakar dan menaruhkan pada tangan anda sifat terbakar bila dijilat api, dan Allah berkuasa memberhenti (menghapuskan) sifat-sifat ini apabila Dia tidak memberi keizinannya kerana sesuatu hikmat yang tertentu sebagaimana yang telah berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s. Begitu juga sihir yang memisahkan di antara suami dan isteri dapat mewujudkan kesan ini dengan keizinan Allah dan Allah berkuasa membatalkan kesan ini apabila dia tidak memberi keizinannya kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya. Begitulah perkara-perkara yang lain lagi yang dikenali sebagai pemberi-pemberi kesan dan kesan-kesan. Setiap pemberi kesan itu dibekalkan dengan sifat memberi kesan dengan keizinan Allah, dan ia hanya dapat berfungsi (atau memberi kesan) dengan keizinan Allah sahaja dan Allah berkuasa membatalkan kesannya sebagaimana Dia berkuasa memberi kesan itu apabila dikehendaki oleh-Nya.

Hakikat Ilmu Sihir

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hakikat ilmu yang dipelajari mereka dan ilmu yang memisahkan di antara suami dan isteri, bahawa ilmu dan kepandaian itu hanya membawa bencana kepada diri mereka sendiri dan tidak membawa apa-apa kebaikan kepada mereka:

وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ

"Mereka mempelajari ilmu yang membahayakan mereka dan tidak berguna kepada mereka."

Dan cukuplah bahaya itu dalam bentuk bencana kekufurannya sahaja kerana kekufuran merupakan bahaya yang tulen yang tidak memberi apa-apa faedah.

وَلَقَدْ عَلِمُوا۟ لَمَنِ ٱشْتَرَىٰهُ مَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنْ خَلَٰقٍ

"Dan sebenarnya mereka memang tahu bahawa sesiapa yang membeli ilmu itu, ia tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat."

Maksudnya mereka sedar bahawa ilmu yang dibelinya itu tidak memberi apa-apa faedah di Akhirat. Oleh itu ketika ia memilih dan membeli ilmu ini bererti ia akan kehilangan segala modal dan segala habuan di Akhirat.

Alangkah buruknya perbuatan mereka menjual diri sendiri jika mereka mengetahui hakikat dagangan itu:

وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا۟ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

"Dan itulah seburuk-buruk perbuatan menjual diri sendiri jika mereka mengetahui."(102)

وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ خَيْرٌ لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾

Dan andainya mereka beriman dan bertaqwa, maka sesungguhnya balasan dari sisi Allah itulah sebaik-baik balasan jika mereka mengetahui.(103)

Kenyataan ini menepati dengan mereka yang mempelajari ilmu sihir dari dua malaikat di Babel itu dan mereka yang mengikut cerita yang dikisahkan oleh syaitan-syaitan mengenai zaman Nabi Sulaiman a.s. dan kerajaannya. Mereka ialah kaum Yahudi yang membuang kitab Allah di belakang mereka dan mengikuti ilmu yang karut dan kejahatan yang tercela ini.

* * * * * *

Di sini perlulah dikemukakan sepatah kata mengenai ilmu sihir dan ilmu yang memisahkan di antara suami dan isteri yang dikejar oleh kaum Yahudi, dan kerana ilmu-ilmu itulah mereka sanggup membuang kitab Allah di belakang mereka.

Hakikat-hakikat Yang Tidak Dapat Ditafsirkan Oleh Sains

Yang masih dapat disaksikan setiap masa ialah adanya setengah-setengah orang yang mempunyai kebolehan-kebolehan istimewa yang tidak dapat diterangkan hakikatnya oleh sains. Setengah-setengah kebolehan itu telah diberi nama-nama yang tertentu, tetapi belum ditentukan hakikat-hakikat dan cara-cara peraturannya. Umpamanya apakah hakikat "Telepathy" (perhubungan dan pemindahan fikiran dari jauh tanpa alat)? Bagaimana perhubungan ini berlaku? Bagaimana seseorang itu boleh memanggil seseorang yang lain dari jarak yang jauh yang dipisahkan oleh pemisah-pemisah yang biasanya tidak dapat ditembusi oleh suara dan mata manusia, dan panggilan itu dapat diterima olehnya tanpa dihalangi oleh pemisah-pemisah dan jarak-jarak yang jauh itu?

Apakah hakikat hypnotisme (penerapan tidur dari orang yang lain)? Bagaimana penerapan ini berlaku? Bagaimana kemahuan seseorang dapat menguasai kemahuan seseorang yang lain, bagaimana fikiran seorang dapat bersambung dengan fikiran seseorang yang lain, bagaimana seorang dapat menyarankan sesuatu fikiran kepada seorang yang lain dan bagaimana orang yang lain itu dapat menerima fikiran itu seolah-olah ia membaca dari buku yang terbuka?

Kekuatan-kekuatan perhubungan ini memang diakui oleh sains, tetapi apa yang dapat dikatakan oleh sains hanya memberi nama-nama sahaja, tetapi sains tidak dapat memperkatakan tentang hakikatnya dan tidak dapat menjelaskan bagaimana ia berlaku?

Di sana terdapat berbagai-bagai perkara yang dipertikaikan oleh sains. Ini disebabkan sama ada sains belum dapat mengumpulkan bukti-bukti yang cukup untuk mengakuinya, atau sains belum lagi mendapat jalan-jalan untuk memasukkan perkara-perkara itu dalam bidang ujian-ujiannya. Misalnya mimpi-mimpi yang memberi ramalan-ramalan masa depan. Freud yang telah mengingkarkan setiap kekuatan rohani tidak juga berdaya mengingkarkan kewujudan mimpi-mimpi seperti ini. Bagaimana saya boleh bermimpi yang meramalkan masa depan yang majhul itu dan tiba-tiba dalam beberapa waktu kemudian ramalan mimpi itu menjadi kenyataan? Begitu juga kewujudan perasaan-perasaan yang halus dan sulit yang belum lagi diberi nama, iaitu bagaimana saya merasa sesuatu akan berlaku sebentar lagi atau merasa ada seseorang yang akan datang sekejap lagi, kemudian apa yang saya duga itu betul-betul berlaku dalam kenyataan.

Sebenarnya adalah satu perbuatan yang angkuh apabila seseorang itu mengambil sikap menafikan dengan begitu mudah kekuatan-kekuatan majhul ini yang ada pada diri manusia, semata-mata dengan alasan kerana sains belum lagi mendapat cara-cara untuk mengujikan kekuatan-kekuatan ini.

Tetapi ini bukanlah pula bererti kita harus menerima segala khurafat dan berkejar di belakang dongeng-dongeng, malah sikap yang lebih selamat dan berhemat ialah akal manusia harus mengambil sikap yang lembut terhadap perkara-perkara majhul seperti ini, iaitu tidak menafikan secara mutlak atau menerimanya secara mutlak sehingga ia dapat memahami hakikat yang tidak dapat difahami sekarang ini dengan perantaraan sarana-sarana yang diperolehinya setelah majunya sarana-sarana ini, atau ia mengaku sahaja bahawa perkara-perkara ini mengandungi sesuatu yang berada di luar keupayaan manusia, iaitu mengaku batas-batas kelemahannya dan mengira perkara-perkara majhul di alam ini dengan kiraannya yang wajar.

Kekuatan sihir juga tergolong di dalam perkara-perkara ini, dan ajaran syaitan-syaitan kepada manusia juga tergolong di dalam perkara-perkara ini. Dan salah satu bentuk sihir mungkin berlaku dalam bentuk kebolehan memberi saranan atau menerapkan kesan-kesan sama ada pada pancaindera dan fikiran-fikiran atau pada benda-benda dan jisim-jisim walaupun sihir yang disebut oleh Al-Qur'an yang dilakukan oleh para tukang sihir Firaun merupakan suatu penerapan imaginasi atau tanggapan khayal yang tidak mempunyai apa-apa hakikat:

يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِن سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَىٰ ﴿٦٦﴾

"Tiba-tiba (tali-tali dan tongkat-tongkat mereka) dikhayalkan kepadanya seakan-akan berjalan kerana kepandaian sihir mereka."(66)

(Surah Taha)

Dan tentulah dapat diterima bahawa penerapan kesan yang seperti ini merupakan satu wasilah yang boleh memisahkan di antara suami dan isteri, di antara sahabat dan sahabatnya, kerana perasaan-perasaan itu adalah terjadi akibat dari penerimaan kesan-kesan itu, walaupun wasilah-wasilah dan kesan-kesan, sebab-sebab dan akibat-akibat tidak akan berlaku kecuali dengan keizinan Allah sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Siapakah Malaikat Harut Dan Marut?

Siapakah dua Malaikat Harut dan Marut itu? Dan bilakah kedua-duanya berada di Babel? Kisah keduanya memang terkenal di sisi kaum Yahudi. Dalilnya mereka tidak mendusta dan membantah keterangan Al-Qur'an ini. Di dalam Al-Qur'an terdapat keterangan-keterangan ringkas mengenai setengah-setengah kejadian yang terkenal di sisi mereka yang ditujukan ayat-ayat itu dan keterangan-keterangan yang ringkas itu sudah cukup untuk menyampaikan maksudnya selama di sana tidak ada sebab yang memerlukan kepada huraian yang lebih panjang kerana huraian yang panjang lebar itu tidak menjadi tujuan.

Saya tidak suka - di dalam tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini - kita berkejar di belakang berbagai-bagai dongeng yang dikisahkan di sekitar dua malaikat, ini kerana di sana tidak ada suatu riwayat yang kuat yang boleh dipegang.

Di dalam sejarah manusia terdapat berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah dan berbagai-bagai ujian yang sesuai dengan keadaan dan tahap kefahaman mereka dalam setiap peringkat perkembangan dan kemajuan mereka. Oleh itu apabila ujian itu dibawa dalam bentuk dua malaikat - atau dalam bentuk dua lelaki yang bersifat jujur seperti malaikat - maka peristiwa ini bukanlah merupakan satu peristiwa yang aneh dan ganjil dibandingkan dengan berbagai-bagai bentuk ujian yang mencarikkan adat (mu'jizat-mu'jizat) yang dilalui umat manusia ketika mereka merangkak dan melangkah mengikut cahaya ubur Ilahi yang cerah di malam yang gelap gelita.

Maksud-maksud dan pengertian-pengertian yang jelas dan kukuh yang terdapat dalam ayat-ayat ini tidak lagi memerlukan kita berkejar di belakang pengertian-pengertian dan maksud-maksud yang tidak jelas dan kukuh di sisi kita setelah dilalui masa yang panjang itu. Bagi kita cukuplah kita mengetahui dari ayat-ayat ini tentang kesesatan Bani Israel yang berkejar di belakang cerita-cerita dongeng dan membuang kitab Allah yang diyakini kebenarannya, juga mengetahui bahawa sihir itu dari ajaran syaitan dan kerana itu sihir merupakan perbuatan kufur yang dibalaskan dengan hukuman seksa dan menyebabkan seseorang akan kehilangan segala habuan dan modal simpanan di Akhirat.

(Kumpulan ayat-ayat 104 - 123)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَقُولُواْ رَٰعِنَا وَقُولُواْ
ٱنظُرۡنَا وَٱسۡمَعُواْۗ وَلِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٌ
أَلِيمٞ ١٠٤
مَّا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ وَلَا
ٱلۡمُشۡرِكِينَ أَن يُنَزَّلَ عَلَيۡكُم مِّنۡ خَيۡرٖ مِّن
رَّبِّكُمۡۗ وَٱللَّهُ يَخۡتَصُّ بِرَحۡمَتِهِۦ مَن يَشَآءُۚ
وَٱللَّهُ ذُو ٱلۡفَضۡلِ ٱلۡعَظِيمِ ١٠٥
مَا نَنسَخۡ مِنۡ ءَايَةٍ أَوۡ نُنسِهَا نَأۡتِ بِخَيۡرٖ مِّنۡهَآ أَوۡ
مِثۡلِهَآۗ أَلَمۡ تَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ١٠٦
أَلَمۡ تَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۗ
وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٍ ١٠٧
أَمۡ تُرِيدُونَ أَن تَسۡـَٔلُواْ رَسُولَكُمۡ كَمَا سُئِلَ مُوسَىٰ
مِن قَبۡلُۗ وَمَن يَتَبَدَّلِ ٱلۡكُفۡرَ بِٱلۡإِيمَٰنِ فَقَدۡ ضَلَّ
سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ١٠٨
وَدَّ كَثِيرٞ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ لَوۡ يَرُدُّونَكُم مِّنۢ
بَعۡدِ إِيمَٰنِكُمۡ كُفَّارًا حَسَدٗا مِّنۡ عِندِ
أَنفُسِهِم مِّنۢ بَعۡدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ ٱلۡحَقُّۖ فَٱعۡفُواْ
وَٱصۡفَحُواْ حَتَّىٰ يَأۡتِيَ ٱللَّهُ بِأَمۡرِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٠٩
وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَۚ وَمَا تُقَدِّمُواْ
لِأَنفُسِكُم مِّنۡ خَيۡرٖ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا
تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ١١٠
وَقَالُواْ لَن يَدۡخُلَ ٱلۡجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوۡ
نَصَٰرَىٰۗ تِلۡكَ أَمَانِيُّهُمۡۗ قُلۡ هَاتُواْ بُرۡهَٰنَكُمۡ إِن
كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ١١١
بَلَىٰۚ مَنۡ أَسۡلَمَ وَجۡهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحۡسِنٞ فَلَهُۥٓ أَجۡرُهُۥ
عِندَ رَبِّهِۦ وَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ١١٢
وَقَالَتِ ٱلۡيَهُودُ لَيۡسَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ عَلَىٰ شَيۡءٖ وَقَالَتِ
ٱلنَّصَٰرَىٰ لَيۡسَتِ ٱلۡيَهُودُ عَلَىٰ شَيۡءٖ وَهُمۡ يَتۡلُونَ

ٱلْكِتَٰبَ كَذَٰلِكَ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ
قَوْلِهِمْ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا
كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾
وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن مَّنَعَ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ أَن يُذْكَرَ فِيهَا
ٱسْمُهُۥ وَسَعَىٰ فِى خَرَابِهَآ أُو۟لَٰٓئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَن
يَدْخُلُوهَآ إِلَّا خَآئِفِينَ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ وَلَهُمْ
فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾
وَلِلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ ٱللَّهِ
إِنَّ ٱللَّهَ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾
وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا سُبْحَٰنَهُۥ بَل لَّهُۥ مَا فِى
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ كُلٌّ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿١١٦﴾
بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا
يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا ٱللَّهُ
أَوْ تَأْتِينَآ ءَايَةٌ كَذَٰلِكَ قَالَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِم
مِّثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَٰبَهَتْ قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيَّنَّا ٱلْءَايَٰتِ
لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿١١٨﴾
إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْـَٔلُ عَنْ
أَصْحَٰبِ ٱلْجَحِيمِ ﴿١١٩﴾
وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ
مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ
أَهْوَآءَهُم بَعْدَ ٱلَّذِى جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ
مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾
ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَتْلُونَهُۥ حَقَّ تِلَاوَتِهِۦٓ أُو۟لَٰٓئِكَ
يُؤْمِنُونَ بِهِۦ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتِىَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّى
فَضَّلْتُكُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢٢﴾
وَٱتَّقُوا۟ يَوْمًا لَّا تَجْزِى نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْـًٔا وَلَا يُقْبَلُ
مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا تَنفَعُهَا شَفَٰعَةٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿١٢٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu berkata: ra'ina (راعنا) dan katakanlah: undzurna (أنظرنا) dan patuhilah, dan bagi orang-orang yang kafir disediakan 'azab yang amat pedih(104). Orang-orang kafir dari Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak suka diturunkan kepada kamu sebarang rahmat kebaikan dari Tuhan kamu, sedangkan Allah (bebas) menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa sahaja yang disukai-Nya dan Allah memiliki limpah kurnia yang amat besar(105). Apa sahaja ayat yang Kami mansuhkan atau Kami tinggalkannya, Kami gantikannya dengan ayat yang lebih baik darinya atau setanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah itu berkuasa di atas segala sesuatu?(106). Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah memiliki langit dan bumi? Dan tiada siapa pun yang lain dari Allah yang dapat menjadi pelindung dan penolong kepada kamu(107). Adakah kamu mahu meminta dari rasul kamu sebagaimana Musa diminta oleh kaumnya sebelum ini? Barang siapa yang menukarkan keimanan dengan kekufuran, maka sesungguhnya ia telah sesat dari jalan yang benar(108). Ramai Ahlil-Kitab yang mengingini agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir sesudah kamu beriman kerana hasad dengki dari diri mereka setelah kebenaran kelihatan jelas kepada mereka. Oleh itu maafkan mereka dan ampunkan mereka hingga Allah menurunkan perintah mengenainya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(109). Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat. Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, akan kamu dapati balasannya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu(110). Dan mereka (Yahudi dan Nasara) mendakwa: Tidak akan masuk Syurga kecuali orang yang beragama Yahudi atau Nasara. Itulah angan-angan mereka. Katakanlah: Bawalah hujah-hujah kamu jika kamu benar(111). Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang menyerahkan wajahnya kepada Allah dan dia menjunjung perintah-Nya dengan sebaik-baiknya, maka ia akan mendapat balasan di sisi Tuhannya dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita(112). Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Orang-orang Nasara itu tidak mempunyai sesuatu pegangan yang benar' dan orang-orang Nasara pula telah berkata: 'Orang-orang Yahudi itu tidak mempunyai sesuatu pegangan yang benar,' sedangkan mereka masing-masing membaca kitab suci, dan orang-orang Musyrikin (Arab) yang tidak tahu juga berkata seperti perkataan mereka. Oleh itu Allah akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka(113). Dan siapakah yang lebih zalim dari mereka yang menghalangi masjid-masjid Allah untuk disebutkan namanya di sana, dan berusaha untuk merobohkannya. Mereka tidak sepatutnya dibenarkan memasuki masjid-masjid itu melainkan di dalam keadaan yang takut. Mereka akan mendapat balasan kehinaan di dunia dan balasan 'azab yang amat besar di Akhirat(114). Dan Allah memiliki arah Timur dan Barat, oleh itu ke arah mana sahaja kamu hadapi di sanalah wajah Allah. Sesungguhnya Allah itu Maha Luas

Rahmat-Nya dan Maha Mengetahui(115). Dan mereka berkata: Allah mempunyai anak. Maha sucilah Allah (dari anak), malah Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi dan seluruhnya tunduk dan patuh kepadanya (116). Allah pencipta langit dan bumi dan apabila Dia hendak menciptakan sesuatu Dia hanya berfirman: 'Jadilah!' Maka muncullah sesuatu itu ke alam al-wujud(117). Dan berkata pula orang-orang yang tidak mengetahui: 'Mengapa Allah tidak berbicara dengan kami secara langsung, mengapa tidak datang kepada kami sesuatu mu'jizat?' Begitulah juga orang-orang sebelum mereka berkata seperti perkataan mereka. Hati mereka sama sahaja. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kaum yang mempunyai keyakinan (118). Sesungguhnya Kami telah utuskan engkau membawa agama yang benar dan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran. Dan engkau tidak dipertanggungjawabkan tentang penghuni-penghuni Neraka(119). Orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuas hati sehingga engkau mengikut agama mereka. Katakanlah: Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar. Dan jika engkau mengikut kehendak nafsu mereka setelah datang kepadamu Ilmu yang sebenar, maka tiada lagi pelindung dan penolong yang dapat menyelamatkan engkau dari 'azab Allah(120). Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab suci, mereka membacanya dengan bacaan yang sewajarnya, merekalah orang-orang yang beriman dengannya. Dan barang siapa yang ingkarkannya, merekalah orang-orang yang rugi(121). Wahai Bani Israel! Kenangilah ni'mat yang telah Ku kurniakan kepada kamu dan (kenangilah) bahawa Aku telah melebihkan kamu atas umat-umat yang lain(122). Dan takutilah hari Qiamat, yang tiada siapa pun dapat membela sesuatu kesalahan orang yang lain dan tidak pula diterima darinya sebarang tebusan dan tidak berguna kepadanya sebarang syafa'at dan tiada pula mereka diberi pertolongan"(123).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini terus mendedahkan komplot-komplot dan tipu daya kaum Yahudi terhadap Islam dan kaum Muslimin, dan mengingatkan kaum Muslimin dari permainan-permainan dan helah-helah mereka yang curang. Ia mendedahkan perasaan hasad dengki yang terpendam di dalam hati mereka dan rancangan-rancangan tipu daya yang jahat yang diatur mereka terhadap kaum Muslimin. Ia menegah orang-orang Islam dari meniru perkataan dan perbuatan orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab. Ia mendedahkan hasrat-hasrat mereka yang terpendam dan tersembunyi di sebalik perkataan-perkataan dan tindak-tanduk mereka, juga tipu daya, permainan-permainan kotor dan fitnah-fitnah yang dilancarkan mereka di dalam barisan kaum Muslimin.

Nampaknya kaum Yahudi menggunakan isu pemansuhan dan perubahan setengah-setengah perintah dan taklif-taklif yang berlaku mengikut kehendak-kehendak perkembangan Islam yang baru dan mengikut suasana-suasana dan keadaan-keadaan yang dihadapi oleh masyarakat Islam itu sebagai satu alasan dan sarana untuk menimbulkan keraguan terhadap sumber yang mengeluarkan perintah-perintah dan taklif-taklif itu sendiri. Mereka berkata kepada orang-orang Islam: Jika perintah-perintah dan taklif-taklif itu benar dari Allah tentulah ia tidak dimansuhkan dan tentulah tidak ada perintah baru yang membatal atau meminda perintah yang telah lalu.

Kempen menyebarkan keraguan itu semakin bertambah keras dan hebat ketika berlaku perubahan kiblat dari Baitul-Maqdis kepada Ka'bah selepas enam belas bulan beliau berhijrah. Selepas hijrah Nabi s.a.w. telah bersembahyang dengan mengadap ke arah Baitul-Maqdis yang menjadi kiblat kaum Yahudi dan musalla mereka. Kaum Yahudi telah menggunakan isu mengadap ke arah Baitul-Maqdis itu sebagai hujah yang menunjukkan bahawa agama mereka agama yang benar dan kiblat mereka kiblat yang benar. Ini membuat Rasulullah s.a.w. berhasrat secara tidak terbuka agar kiblat sembahyang itu diubah dari hala Baitul-Maqdis ke hala Ka'bah Baitullahil-Haram. Hasrat ini terus bersemarak di dalam hatinya sehingga diperkenankan Allah yang telah memerintah beliau supaya mengadap ke arah kiblat yang disukai oleh beliau sebagaimana akan diterangkan kelak di dalam surah ini. Oleh sebab perubahan kiblat ini telah meruntuhkan hujah Bani Israel dan menyebabkan mereka merasa kecewa kerana kehilangan hujah seperti ini, maka mereka terus melancarkan kempen yang jahat di kalangan kaum Muslimin dengan tujuan menimbulkan keraguan mereka terhadap sumber perintah yang dikuatkuasakan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas mereka, juga menimbulkan keraguan terhadap kesahihan wahyu yang diterima oleh beliau. Yakni mereka menghayunkan cangkul untuk meruntuhkan asas 'aqidah di dalam hati kaum Muslimin kemudian mereka berkata kepada mereka: Jika sembahyang mengadap ke Baitul-Maqdis itu tidak sah, maka ini bererti solat dan ibadat kamu sepanjang masa ini akan menjadi sia-sia sahaja, dan jika solat kamu sah, maka apakah perlunya diubahkan kiblat itu? Yakni mereka menghayunkan cangkul untuk merobohkan asas kepercayaan di dalam hati kaum Muslimin terhadap pahala amalan mereka dari Allah dan terutama sekali mereka mahu merobohkan kepercayaan kaum Muslimin terhadap kebijaksanaan kepimpinan Nabi s.a.w.

Nampaknya kempen yang jahat dan licin itu telah berjaya mendatangkan hasil yang buruk kepada setengah-setengah orang Islam. Mereka mulai bertanya Rasulullah s.a.w. dengan penuh gelisah dan ragu-ragu. Mereka menuntut dalil-dalil dan bukti-bukti iaitu satu sikap yang tidak sesuai dengan dasar kepercayaan yang mutlak kepada pucuk pimpinan dan kepada sumber agama. Oleh sebab itu Al-Qur'an menerangkan kepada mereka bahawa pemansuhan setengah-setengah perintah dan ayat itu adalah mengikut keputusan kebijaksanaan Allah yang telah memilih sesuatu yang lebih baik untuk para hamba-Nya, dan mengetahui apa yang baik untuk mereka di dalam segala keadaan. Dalam waktu yang sama Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa matlamat

kaum Yahudi ialah mereka mahu mengembalikan mereka menjadi kafir sesudah mereka beriman kerana hasad dengki mereka terhadap kaum Muslimin yang telah dipilih Allah untuk menerima rahmat dan limpah kurnia-Nya, iaitu dengan menurunkan kitab-Nya yang terakhir dan menyerahkan tugas da'wah yang agung ini kepada mereka. Al-Qur'an juga mendedahkan kepada kaum Muslimin tujuan-tujuan yang terpendam di sebalik pengeliruan-pengeliruan kaum Yahudi itu. Al-Qur'an seterusnya mematahkan dakwaan mereka yang palsu bahawa Syurga itu hak mereka sahaja dan menceritakan kepada mereka perkara tuduh-menuduh yang berlaku di antara dua golongan Ahlil-Kitab itu, iaitu kaum Yahudi berkata: Orang-orang Nasara tidak mempunyai apa-apa pegangan yang benar, sementara kaum Nasara pula berkata: Orang-orang Yahudilah yang tidak mempunyai apa-apa pegangan yang benar. Begitu juga tuduhan kaum Musyrikin (Arab) terhadap dua golongan itu.

Kemudian Al-Qur'an mencela niat jahat yang disembunyikan mereka di sebalik isu kiblat itu, iaitu mereka mahu menghalangkan kaum Muslimin berkiblat kepada Ka'bah Baitullah dan masjidnya yang pertama itu. Al-Qur'an menganggapkan perbuatan itu sebagai perbuatan menghalangkan masjid-masjid Allah dari disebut nama-Nya dan sebagai usaha untuk meruntuhkannya.

Demikianlah ayat-ayat di dalam pelajaran ini meneruskan pembicaraannya sehingga pada akhirnya ia meletakkan kaum Muslimin berdepan dengan matlamat sebenar kaum Ahlil-Kitab yang terdiri dari orang-orang Yahudi dan Nasara, iaitu mereka mahu memalingkan kaum Muslimin dari agama mereka kepada agama Ahlil-Kitab. Mereka tidak akan berpuas hati terhadap Rasulullah s.a.w. sehingga beliau mengikut agama mereka. Jika tidak mereka akan terus melancarkan perang, tipu daya dan komplot terhadap beliau sehingga akhirnya. Itulah hakikat pertarungan yang tersembunyi di sebalik pembohongan-pembohongan, pengeliruan-pengeliruan, hujah-hujah dan alasan-alasan yang bertopeng itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 104 - 110)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَقُولُواْ رَٰعِنَا وَقُولُواْ
ٱنظُرۡنَا وَٱسۡمَعُواْۗ وَلِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٌ
أَلِيمٞ ١٠٤
مَّا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ وَلَا
ٱلۡمُشۡرِكِينَ أَن يُنَزَّلَ عَلَيۡكُم مِّنۡ خَيۡرٖ مِّن
رَّبِّكُمۡۗ وَٱللَّهُ يَخۡتَصُّ بِرَحۡمَتِهِۦ مَن يَشَآءُۚ
وَٱللَّهُ ذُو ٱلۡفَضۡلِ ٱلۡعَظِيمِ ١٠٥
مَا نَنسَخۡ مِنۡ ءَايَةٍ أَوۡ نُنسِهَا نَأۡتِ بِخَيۡرٖ مِّنۡهَآ أَوۡ
مِثۡلِهَآۗ أَلَمۡ تَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ١٠٦
أَلَمۡ تَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۗ
وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٍ ١٠٧
أَمۡ تُرِيدُونَ أَن تَسۡـَٔلُواْ رَسُولَكُمۡ كَمَا سُئِلَ مُوسَىٰ
مِن قَبۡلُۗ وَمَن يَتَبَدَّلِ ٱلۡكُفۡرَ بِٱلۡإِيمَٰنِ فَقَدۡ ضَلَّ
سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ١٠٨
وَدَّ كَثِيرٞ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ لَوۡ يَرُدُّونَكُم مِّنۢ
بَعۡدِ إِيمَٰنِكُمۡ كُفَّارًا حَسَدٗا مِّنۡ عِندِ
أَنفُسِهِم مِّنۢ بَعۡدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ ٱلۡحَقُّۖ فَٱعۡفُواْ
وَٱصۡفَحُواْ حَتَّىٰ يَأۡتِيَ ٱللَّهُ بِأَمۡرِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٠٩
وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَۚ وَمَا تُقَدِّمُواْ
لِأَنفُسِكُم مِّنۡ خَيۡرٖ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا
تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ١١٠

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu berkata: ra'ina (راعنا *) dan katakanlah: undzurna (* أنظرنا *) dan patuhilah, dan bagi orang-orang yang kafir disediakan 'azab yang amat pedih(104). Orang-orang kafir dari Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak suka diturunkan kepada kamu sebarang rahmat kebaikan dari Tuhan kamu, sedangkan Allah (bebas) menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa sahaja yang disukai-Nya dan Allah memiliki limpah kurnia yang amat besar(105). Apa sahaja ayat yang Kami mansuhkan atau Kami tinggalkannya, Kami gantikannya dengan ayat yang lebih baik darinya atau setanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah itu berkuasa di atas segala sesuatu?(106). Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah memiliki langit dan bumi? Dan tiada siapa pun yang lain dari Allah yang dapat menjadi pelindung dan penolong kepada kamu(107). Adakah kamu mahu meminta dari rasul kamu sebagaimana Musa diminta oleh kaumnya sebelum ini? Barang siapa yang menukarkan keimanan dengan kekufuran, maka sesungguhnya ia telah sesat dari jalan yang benar(108). Ramai Ahlil-Kitab yang menginginí agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir sesudah kamu beriman kerana hasad dengki dari diri mereka setelah kebenaran kelihatan jelas kepada mereka. Oleh itu maafkan mereka dan ampunkan mereka*

hingga Allah menurunkan perintah mengenainya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(109). Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat. Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, akan kamu dapati balasannya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu."(110).

Pembicaraan di permulaan pelajaran ini dihadapkan kepada "*orang-orang yang beriman*". Ia menyeru mereka dengan sifat istimewa mereka, iaitu sifat Mu'min yang mengikat mereka dengan Allah dan rasul-Nya, dan sifat Mu'min yang merangsangkan hati mereka tampil menyebut seruan itu.

Dengan sifat Mu'min inilah ia melarang mereka menggunakan kata-kata "**راعنا**"[7] kepada Rasulullah s.a.w., iaitu kata-kata yang diambil dari kata dasar "**الرعاية**" (perhatian) dan supaya mereka gantikan perkataan itu dengan kata-kata yang lain yang seerti dengannya di dalam bahasa Arab iaitu kata-kata "**انظرنا**", dan seterusnya ia menyuruh mereka patuh dan ta'at dan mengingatkan mereka dari nasib kesudahan orang-orang kafir yang akan menerima 'azab yang amat pedih:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقُولُوا۟ رَٰعِنَا وَقُولُوا۟ ٱنظُرْنَا وَٱسْمَعُوا۟ ۗ وَلِلْكَـٰفِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu berkata: ra'ina (**راعنا** *) dan katakanlah: undzurna (* **انظرنا** *) dan patuhilah, dan bagi orang-orang yang kafir disediakan 'azab yang amat pedih."(104)*

Mengikut riwayat-riwayat, sebab dilarangkan menggunakan kata-kata "**راعنا**" ialah kerana samseng-samseng Yahudi menelorkan lidah mereka menyebut kata-kata itu apabila mereka tujukannya kepada Rasulullah s.a.w. supaya ia memberi makna yang lain yang diambil dari kata dasar "**الرعونة**" yang bererti tolol atau bebal. Mereka takut memaki Nabi s.a.w. secara terus-terang dan terbuka, lalu mereka mencari helah memaki beliau dengan cara yang tidak langsung, iaitu cara yang hanya sanggup dilakukan oleh kumpulan samseng yang hina. Oleh sebab itulah Al-Qur'an melarang kaum Muslimin menggunakan kata-kata yang digunakan oleh kaum Yahudi untuk memaki Rasulullah s.a.w. dan menyuruh mereka menggantikannya dengan perkataan yang lain yang seperti dengannya dan tidak dapat diputarkan oleh samseng-samseng kaum Yahudi, untuk menggagalkan tujuan mereka yang hina dan tolol.

Penggunaan cara ini oleh orang-orang Yahudi menunjukkan betapa besarnya kemarahan dan hasad dengki mereka, betapa biadabnya dan hinanya cara mereka dan betapa rendahnya budi pekerti mereka. Larangan ini membayangkan betapa besarnya perhatian Allah terhadap Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin dan betapa hematnya pembelaan Allah terhadap para hamba kesayangan-Nya dalam menghadapi setiap tipu daya dan niat yang jahat dari musuh-musuh mereka yang pintar.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan kepada kaum Muslimin niat-niat yang jahat dan sikap perseteruan yang tersembunyi di dalam dada kaum Yahudi yang hidup di sekeliling mereka, dan perasaan hasad dengki yang berkecamuk di dalam hati mereka dengan sebab limpah kurnia yang dikurniakan Allah kepada kaum Muslimin, supaya mereka berwaspada terhadap musuh-musuh mereka dan berpegang teguh dengan keimanan yang didengkikan oleh musuh-musuh mereka dan supaya mereka bersyukur dan menjaga limpah kurnia Allah kepada mereka:

مَّا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ وَلَا ٱلْمُشْرِكِينَ أَن يُنَزَّلَ عَلَيْكُم مِّنْ خَيْرٍ مِّن رَّبِّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

"Orang-orang kafir dari Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak suka diturunkan kepada kamu sebarang rahmat kebaikan dari Tuhan kamu, sedangkan Allah (bebas) menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa sahaja yang disukai-Nya dan Allah memiliki limpah kurnia yang amat besar."(105)

Al-Qur'an menggabungkan orang-orang yang kafir dari Ahlil-ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin di dalam satu barisan kekufuran. Kedua-dua golongan ini sama-sama mengingkarkan kerasulan yang terakhir. Kedua-duanya menaruh hasad dengki dan dendam kesumat terhadap para Mu'minin. Mereka tidak pernah berniat baik terhadap mereka. Perkara yang paling tidak disukai mereka terhadap para Mu'minin ialah agama Islam, kerana Allah telah memilih mereka mendokong agama ini dan menurunkan Al-Qur'an kepada mereka, kerana Allah memilih mereka untuk menerima ni'mat ini dan menyerahkan kepada mereka amanah 'aqidah di bumi ini, iaitu amanah agung di alam al-wujud.

Sebelum ini telah pun dihuraikan tentang hasad dengki dan kemarahan kaum Yahudi kerana Allah menurunkan wahyu-Nya ke atas hamba yang disukai-Nya, sehingga mereka tergamak mengumumkan perseteruan mereka terhadap Jibril a.s. kerana beliau ditugas menurunkan wahyu kepada Rasulullah s.a.w:

وَٱللَّهُ يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ

---

[7] *Mereka menggunakan kata-kata ini apabila mereka merasa kurang mengerti apa yang diajarkan oleh Rasulullah. Ia bererti "tolong perlahan sedikit supaya kami dapat mengerti". - Penterjemah.*

"Sedangkan Allah (bebas) menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa sahaja yang disukai-Nya."

Allah lebih mengetahui kepada siapakah hendak diserahkan risalah-Nya. Oleh sebab itu apabila Allah menyerahkannya kepada Muhammad s.a.w. dan orang-orang yang beriman kepada beliau, maka ini bererti bahawa Allah mengetahui bahawa beliau dan pengikut-pengikutnya itulah merupakan orang-orang yang wajar untuk menerima limpah pengurniaan-Nya.

وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

"Dan Allah memiliki limpah kurnia yang amat besar"(105)

Tidak ada yang lebih besar dari ni'mat kenabian dan kerasulan, dan tidak ada yang lebih besar dari ni'mat keimanan dan ni'mat berda'wah kepada keimanan. Saranan yang halus ini merangsangkan di dalam hati orang-orang yang beriman kesedaran betapa besarnya pemberian Allah itu dan betapa limpahnya pengurniaan-Nya itu. Begitu juga kenyataan Al-Qur'an sebelum itu, mengenai orang-orang kafir yang menaruh perasaan yang buruk terhadap kaum Muslimin itu, dapat merangsangkan kesedaran supaya mereka mengambil sikap yang sungguh-sungguh berwaspada dan berhati-hati. Kedua-dua kesedaran perlu diwujudkan untuk menghadapi kempen-kempen yang bertujuan menimbulkan kegelisahan dan keraguan yang diterajui oleh kaum Yahudi untuk melemahkan 'aqidah di dalam jiwa orang-orang yang beriman, sedangkan 'aqidah itu pemberian Allah Yang Maha Besar kepada kaum Muslimin.

Kempen-kempen mereka - sebagaimana telah diterangkan - adalah berhubung dengan isu pemansukhan setengah-setengah perintah dan taklif terutama ketika berlaku perubahan kiblat dari arah Baitul-Maqdis kepada Ka'bah. Isu ini telah mematahkan hujah-hujah mereka terhadap kaum Muslimin.

مَا نَنسَخْ مِنْ ءَايَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَآ أَوْ مِثْلِهَآ ۗ

"Apa sahaja ayat yang Kami mansukhkan atau Kami tinggalkannya, Kami gantikannya dengan ayat yang lebih baik darinya atau setanding dengannya."

Sama ada isu itu isu perubahan kiblat - sebagaimana yang telah diperkatakan oleh ayat-ayat ini dan ayat-ayat kemudiannya - atau isu lain yang ada kaitan dengan perubahan setengah-setengah perintah, peraturan-peraturan dan taklif-taklif yang mengikuti perkembangan masyarakat Islam dan suasana-suasananya yang berubah-ubah, atau yang ada kaitan khusus dengan perubahan setengah-setengah hukum yang tercatat di dalam kitab Taurat walaupun secara umumnya Al-Qur'an membenarkan kitab itu, sama ada isu ini atau isu itu atau gabungan dari semua isu itu yang telah digunakan oleh kaum Yahudi sebagai alat untuk menimbulkan keraguan terhadap 'aqidah Islam, maka di sini Al-Qur'an telah memberi satu penjelasan yang tegas mengenai isu pemansukhan dan perubahan itu, iaitu penjelasan yang dituju untuk menghapuskan kekeliruan-kekeliruan yang telah ditimbulkan oleh kaum Yahudi yang bertindak mengikut kebiasaan dan perancangan mereka dalam rangka usaha memerangi 'aqidah Islam dengan bermacam-macam cara.

Hikmat Pemansukhan Hukum-hukum

Perubahan atau pindaan kecil untuk mengikut kehendak-kehendak keadaan - di masa hayat rasul - adalah untuk kepentingan umat manusia dan untuk mewujudkan kebaikan yang lebih besar yang diperlukan oleh tahap-tahap perkembangan hidup mereka. Allah sebagai Tuhan Pencipta, Tuhan yang mengutuskan para rasul dan menurunkan ayat-ayat Dialah sahaja yang dapat menimbang dan menilaikan perubahan dan pindaan itu. Apabila Allah memansukhkan sesuatu ayat, maka Dia campakkan ayat itu ke alam kelupaan - sama ada ayat itu berupa ayat yang dibaca yang mengandungi sesuatu hukum atau ayat itu berupa mu'jizat-mujizat yang dibawa kerana sesuatu tujuan yang wujud di masa itu kemudian digolong semula seperti mu'jizat fizikal yang dibawa oleh para rasul - maka Dia akan menggantikannya dengan ayat yang lebih baik darinya atau setanding dengannya. Tiada suatu yang dapat melemahkan Allah, kerana Dialah yang memiliki segala sesuatu dan Dialah pemegang teraju pentadbiran dan pengurusan di langit dan di bumi. Oleh sebab itulah penjelasan itu diiringi dengan ulasan-ulasan berikut:

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٦﴾

"Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah itu berkuasa di atas segala sesuatu?"(106)

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٠٧﴾

"Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah itu memiliki langit dan bumi? Dan tiada siapa pun yang lain dari Allah yang dapat menjadi pelindung dan penolong kepada kamu."(107)

Ayat ini ditujukan kepada orang-orang yang beriman. Ia mengandungi amaran dan peringatan bahawa Allah itulah Pelindung dan Penolong mereka dan tiada pelindung dan penolong yang lain dari Allah. Mungkin amaran dan peringatan ini disebabkan adanya setengah-setengah mereka tertipu dengan kempen kaum Yahudi yang mengeliru dan menyebabkan fikiran mereka kelam-kabut kerana (mendengar) hujah-hujah mereka yang palsu, hingga mereka tergamak mengemukakan pertanyaan-pertanyaan kepada Rasulullah s.a.w. yang tidak sesuai dengan keyakinan dan keimanan mereka. Ini dibuktikan oleh keterangan ayat yang berikut yang terang-terang memberi amaran dan kecaman:

أَمْ تُرِيدُونَ أَن تَسْـَٔلُوا۟ رَسُولَكُمْ كَمَا سُئِلَ مُوسَىٰ

مِن قَبْلُ ۗ وَمَن يَتَبَدَّلِ ٱلْكُفْرَ بِٱلْإِيمَٰنِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٠٨﴾

"Adakah kamu mahu meminta dari rasul kamu sebagaimana Musa diminta oleh kaumnya sebelum ini? Barang siapa yang menukarkan keimanan dengan kekufuran, maka sesungguhnya ia telah sesat dari jalan yang benar."(108)

Kecaman ini disebabkan setengah-setengah orang yang beriman menunjukkan kedegilan yang sama dengan kedegilan kaum Musa yang sering menuntut dalil-dalil, mu'jizat-mu'jizat dan melakukan tindak-tanduk yang menyusahkan rasul mereka setiap kali ia menyuruh mereka melakukan sesuatu atau menyampaikan kepada mereka sesuatu taklif (yang baru) sebagaimana diceritakan di dalam berbagai-bagai surah (yang lain).

Peringatan ini juga untuk mengingatkan mereka dari kesudahan jalan itu, iaitu kesesatan dan penukaran kekufuran dengan keimanan. Itulah kesudahan yang dialami oleh Bani Israel. Dan itulah juga kesudahan yang dicita-cita oleh kaum Yahudi jika mereka dapat menarik kaum Muslimin ke arah itu:

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يَرُدُّونَكُم مِّنۢ بَعْدِ إِيمَٰنِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِندِ أَنفُسِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ ٱلْحَقُّ ۖ

"Ramai Ahlil-Kitab yang mengingini agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir sesudah kamu beriman kerana hasad dengki dari diri mereka setelah kebenaran kelihatan jelas kepada mereka".

Itulah pengaruh hasad dengki di dalam jiwa mereka. Ia menimbulkan keinginan merampaskan kebaikan yang dicapai oleh orang lain. Mengapa? Mereka berbuat demikian bukan kerana jiwa mereka yang jahat itu tidak mengetahui, tetapi mereka berbuat begitu kerana mereka benar-benar mengetahui:

حَسَدًا مِّنْ عِندِ أَنفُسِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ ٱلْحَقُّ ۖ

"Kerana hasad dengki dari diri mereka setelah kebenaran kelihatan jelas kepada mereka."

Hasad dengki ialah perasaan hitam yang hina yang melimpah di dalam jiwa kaum Yahudi terhadap Islam dan kaum Muslimin, dan perasaan ini masih terus melimpah. Perasaan inilah yang melahirkan semua komplot dan perancangan-perancangan jahat kaum Yahudi yang berterusan. Al-Qur'an mendedahkan motif hasad ini kepada kaum Muslimin supaya mereka tahu dan menyedari bahawa hasad dengki itulah punca yang wujud di belakang setiap usaha kaum Yahudi yang mahu menggugat 'aqidah di dalam jiwa mereka dan mengembalikan mereka selepas itu kepada kekufurun seperti mereka, di mana kaum Muslimin telah diselamatkan Allah dari kekufuran dengan keimanan, dan khususnya Allah anugerah kepada mereka dengan sebesar-besar kurnia dan semulia-mulia ni'mat yang diirihatikan oleh kaum Yahudi.

Di sini - di sa'at terdedahnya hakikat ini dan ketaranya niat jahat dan hasad dengki yang hina ini - Al-Qur'an menyeru orang yang beriman supaya jangan membalas hasad dengki mereka dengan hasad dengki juga, kejahatan mereka dengan kejahatan yang setimpal, ia menyeru mereka supaya memberi kemaafan kepada mereka sehingga diputuskan Allah pada bila-bila masa yang dikehendaki-Nya:

فَٱعْفُوا۟ وَٱصْفَحُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٩﴾

"Oleh itu maafkan mereka dan ampunkan mereka hingga Allah menurunkan perintah mengenainya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(109)

Yakni teruskan perjalanan kamu di atas jalan yang telah dipilih Allah untuk kamu dan beribadatlah kepada Tuhan kamu dan simpanlah amalan-amalan kamu yang baik di sisi Allah:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

"Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat. Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, akan kamu dapati balasannya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa memiliki segala apa yang dilakukan kamu."(110)

Demikianlah Al-Qur'an membangkitkan kesedaran kaum Muslimin dan memusatkan (perhatian mereka) kepada sumber bahaya dan komplot jahat (kaum Yahudi) dan menggemblengkan rasa kewaspadaan mereka terhadap niat-niat yang jahat, tipu daya yang licin dan hasad dengki yang keji itu, kemudian Al-Qur'an membimbing mereka dengan tenaga-tenaga kesedaran yang siap sedia ini menuju kepada Allah untuk menunggu perintah-Nya dan meletakkan tindakan mereka di bawah keizinan-Nya, dan sementara menunggu perintah itu, Al-Qur'an menyeru mereka (mengambil sikap) memberi kemaafan dan keampunan untuk menyelamatkan hati mereka dari hasad dengki dan dendam kesumat, dan meninggalkannya dalam keadaan yang lurus dan jujur menunggu perintah dari Allah yang memiliki teraju segala urusan dan mempunyai kehendak masyi'ah yang bebas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 111 - 113)

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus mematahkan dakwaan-dakwaan kaum Ahlil-Kitab Yahudi dan Nasara terutama dakwaan mereka yang mengatakan bahawa mereka sahaja (umat) yang mendapat hidayat dan Syurga itu hanya untuk mereka sahaja, tiada orang lain yang akan memasukinya! Tetapi di dalam waktu yang sama setiap puak Ahlil-Kitab menentang satu sama lain dan menuduh lawannya sebagai puak yang tidak mempunyai apa-apa pegangan. Ketika menghuraikan dakwaan-dakwaan kaum Yahudi yang panjang lebar itu, Al-Qur'an menjelaskan hakikat yang sebenar dan memberi kata pemutusnya mengenai (dasar) amalan dan balasan:

وَقَالُواْ لَن يَدْخُلَ ٱلْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ
نَصَٰرَىٰ ۗ تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ ۗ قُلْ هَاتُواْ بُرْهَٰنَكُمْ إِن
كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١١١﴾

"Dan mereka (Yahudi dan Nasara) mendakwa: Tidak akan masuk Syurga kecuali orang yang beragama Yahudi atau Nasara. Itulah angan-angan mereka. Katakanlah: Bawalah hujah-hujah kamu jika kamu benar."(111)

Itulah angan-angan mereka. Katakanlah: Bawalah hujah-hujah kamu jika kamu benar.

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُۥٓ أَجْرُهُۥ
عِندَ رَبِّهِۦ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾
وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ لَيْسَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ عَلَىٰ شَىْءٍ وَقَالَتِ
ٱلنَّصَٰرَىٰ لَيْسَتِ ٱلْيَهُودُ عَلَىٰ شَىْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ
ٱلْكِتَٰبَ ۗ كَذَٰلِكَ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ
قَوْلِهِمْ ۚ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا
كَانُواْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾

"Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang menyerahkan wajahnya kepada Allah dan dia menjunjung perintah-Nya dengan sebaik-baiknya, maka ia akan mendapat balasan di sisi Tuhannya dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita(112). Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Orang-orang Nasara itu tidak mempunyai sesuatu pegangan yang benar' dan orang-orang Nasara pula telah berkata: 'Orang-orang Yahudi itu tidak mempunyai sesuatu pegangan yang benar' sedangkan mereka masing-masing membaca kitab suci, dan orang-orang Musyrikin (Arab) yang tidak tahu juga berkata seperti perkataan mereka. Oleh itu Allah akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka."(113)

Kaum Ahlil-Kitab yang menentang kaum Muslimin di Madinah ialah kaum Yahudi, kerana di sana tidak ada kumpulan kaum Nasara yang mengambil sikap seperti sikap kaum Yahudi, tetapi nas di sini merupakan satu nas umum yang menghadapi dakwaan-dakwaan kedua golongan itu kemudian ia semukakan mereka satu sama lain di samping menceritakan pandangan kaum Musyrikin (Arab) terhadap kedua golongan itu.

وَقَالُواْ لَن يَدْخُلَ ٱلْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ
نَصَٰرَىٰ ۗ

"Dan mereka (Yahudi dan Nasara) mendakwa: Tidak akan masuk Syurga kecuali orang yang beragama Yahudi atau Nasara."

Ini merupakan perceritaan perkataan dua golongan itu secara perceritaan yang sama, kerana kaum Yahudi mendakwa: Tidak akan masuk Syurga melainkan hanya orang-orang Yahudi sahaja. Sementara kaum Nasara pula mendakwa: Tidak akan masuk Syurga melainkan hanya orang-orang Nasara sahaja.

Kedua-dua dakwaan ini sama sahaja, iaitu kedua-duanya tidak berlandaskan sebarang dalil selain dari dakwaan kosong sahaja. Oleh sebab itulah Allah mengajar Rasulullah s.a.w. mencabar mereka supaya mengemukakan dalil.

قُلْ هَاتُواْ بُرْهَٰنَكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١١١﴾

"Katakanlah bawalah hujah-hujah kamu jika kamu benar."(111)

Di sini Al-Qur'an menjelaskan satu dasar umum dari dasar-dasar kepercayaan Islam iaitu balasan adalah mengikut amalan tanpa memilih kasih terhadap sesuatu umat atau golongan atau individu. (Yang menjadi asas) balasan ialah Islam dan ihsan (menjunjung perintah dengan sebaik-baiknya) bukannya nama dan gelaran:

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُۥٓ أَجْرُهُۥ
عِندَ رَبِّهِۦ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

"Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang menyerahkan wajahnya kepada Allah dan dia menjunjung perintah-Nya dengan sebaik-baiknya, maka ia akan mendapat balasan di sisi Tuhannya dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(112)

Sebelum ini Al-Qur'an telahpun menjelaskan dasar ini dari segi hukuman sebagai menjawab dakwaan mereka (kaum Yahudi) yang mendakwa: "Kami tidak akan di sentuh oleh api Neraka kecuali beberapa hari yang tertentu sahaja." Lalu dijawab oleh Al-Qur'an:

بَلَىٰ مَن كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَٰطَتْ بِهِۦ خَطِيٓـَٔتُهُۥ
فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٨١﴾

"Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang berusaha memperolehi kejahatan dan dilingkungi dosanya, maka merekalah penghuni-penghuni Neraka dan di sana mereka kekal abadi."(81)

Ini adalah satu dasar yang sama yang mencakup kedua-dua aspek hukuman dan ganjaran, iaitu dua aspek yang bertentangan iaitu:

بَلَىٰ مَن كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَٰطَتْ بِهِۦ خَطِيٓـَٔتُهُۥ

"Malah sebenarnya sesiapa sahaja yang berusaha memperolehi kejahatan dan ia dilingkungi oleh dosanya........"(81)

Yakni dia terpenjara di dalam kejahatan dan dosa yang melingkunginya dan terpencil dari segala sesuatu, dari segala perasaan yang lain dan dari segala hala yang lain kecuali hala kejahatan dan dosa.

Dan:

مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ

"Sesiapa sahaja yang menyerahkan wajahnya kepada Allah dan dia menjunjungkan perintah-Nya dengan sebaik-baiknya........."(112)

Yakni dia menumpukan seluruh dirinya kepada Allah dan memusatkan seluruh perasaannya kepada Allah berbanding dengan orang yang menumpukan dirinya kepada kejahatan dan dosa.

مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ

"Sesiapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah."

Penyerahan Wajah Lambang Dari Penyerahan Diri

Di sini ditonjolkan ciri Islam yang pertama iaitu penyerahan muka (wajah) yang melambangkan penyerahan seluruh diri. Kata-kata " أسلم " bererti penyerahan diri yang mencakup kedua-dua segi kepercayaan batin dan amalan yang zahir sekali. Namun demikian ia memerlukan bukti yang jelas terhadap penyerahan itu iaitu:

وَهُوَ مُحْسِنٌ

"Dan dia menjunjungkan perintah-Nya dengan ihsan (dengan sebaik-baiknya)."

Dasar Persamaan Di Antara Iman Dan Ihsan

Sifat Islam atau penyerahan diri merupakan kesatuan dan persamaan di antara perasaan dan tingkahlaku, di antara 'aqidah dan amalan, di antara iman hati dan ihsan amali. Dengan kesatuan ini 'aqidah Islam dapat berubah menjadi satu sistem hidup yang lengkap, dan dengan kesatuan ini juga syakhsiyah manusia menjadi sepadu dengan segala kegiatan dan haluan hidupnya, dan dengan kesatuan itu wajar-lah seseorang Mu'min itu menerima seluruh pemberian ini:

فَلَهُۥٓ أَجْرُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

"Maka ia akan mendapat balasan di sisi Tuhannya dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(112)

Maksudnya balasan yang terjamin itu tidak akan hilang di sisi Allah, dan keimanan yang dikurniakan itu tidak akan diganggu oleh sebarang perasaan ketakutan, dan kesukaan yang penuh itu tidak akan disentuh oleh sebarang perasaan dukacita. Itulah dasar umum yang menyamaratakan seluruh lapisan manusia, tiada pilih kasih dan pilih bulu di sisi (keadilan) Allah.

Kaum Yahudi dan Nasara menggembar-gemburkan dakwaan besar itu, sedangkan kedua-dua golongan itu saling menuduh satu sama lain sebagai golongan yang tidak mempunyai pegangan yang benar, sementara kaum Musyrikin (Arab) pula melemparkan kata-kata yang sama kepada dua golongan itu:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ لَيْسَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ عَلَىٰ شَىْءٍ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ لَيْسَتِ ٱلْيَهُودُ عَلَىٰ شَىْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۗ كَذَٰلِكَ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ ۚ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾

"Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Orang-orang Nasara itu tidak mempunyai sesuatu pegangan yang benar' dan orang-orang Nasara pula telah berkata: 'Orang-orang Yahudi itu tidak mempunyai sesuatu pegangan yang benar' sedangkan mereka masing-masing membaca kitab suci, dan orang-orang Musyrikin (Arab) yang tidak tahu juga berkata seperti perkataan mereka. Oleh itu Allah akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka."(113)

(Yang dimaksudkan dengan) orang-orang yang tidak mengetahui itu ialah orang-orang Arab yang ummi yang tidak mempunyai sebarang kitab suci. Mereka memandang golongan Yahudi dan golongan Nasara yang berpecah-belah dan saling bertuduh-tuduhan satu sama lain dan berpegang dengan kepercayaan-kepercayaan khurafat dan dongeng-dongeng itu tidaklah banyak melebihi kepercayaan-kepercayaan khurafat dan dongeng-dongeng orang-orang Arab dari segi kepercayaan syirik yang menghubungkan anak-anak lelaki dan perempuan kepada Allah S.W.T. Mereka memandang rendah kepada agama kaum Yahudi dan agama kaum Nasara dan mereka berkata: Kedua-dua golongan itu tidak mempunyai apa-apa pegangan.

Al-Qur'an merakamkan semua tuduhan yang dilemparkan oleh semua pihak terhadap satu sama lain itu setelah mematahkan dakwaan kaum Yahudi

dan kaum Nasara yang mengaku memiliki Syurga dan menyerahkan perselisihan di antara mereka kepada pengadilan Allah:

فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا كَانُوا۟ فِيهِ
يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾

"Oleh itu Allah akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka."(113)

Dialah Hakim Yang Maha Adil dan kepada-Nya dikembalikan segala urusan. Tindakan merujukkan perkara ini kepada pengadilan Allah itulah satu-satunya tindakan yang berfaedah dalam menghadapi kaum yang tidak menggunakan logik dan berpegang kepada dalil, selepas dipatahkan dakwaan kosong mereka bahawa mereka sahaja yang akan menjadi penghuni Syurga dan mereka sahaja kaum yang mendapat hidayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 114 - 115)

Kemudian Al-Qur'an kembali mencela percubaan kaum Yahudi yang mahu menimbulkan keraguan kaum Muslimin terhadap kesahihan perintah-perintah yang disampaikan oleh Nabi s.a.w. terutama mengenai perubahan kiblat, dan menyifatkan percubaan itu sebagai suatu perbuatan menghalangkan zikrullah di dalam masjid-masjid dan sebagai suatu perbuatan meruntuhkan masjid-masjid itu sendiri:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن مَّنَعَ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ أَن يُذْكَرَ فِيهَا
ٱسْمُهُۥ وَسَعَىٰ فِى خَرَابِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَن
يَدْخُلُوهَآ إِلَّا خَآئِفِينَ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ وَلَهُمْ
فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾
وَلِلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ ٱللَّهِ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

"Dan siapakah yang lebih zalim dari mereka yang menghalangi masjid-masjid Allah untuk disebut-sebutkan nama-Nya di sana, dan berusaha untuk merobohkannya, mereka tidak sepatutnya dibenarkan memasuki masjid-masjid itu melainkan di dalam keadaan yang takut. Mereka akan mendapat balasan kehinaan di dunia dan balasan 'azab yang amat besar di Akhirat(114). Dan Allah memiliki arah Timur dan Barat, oleh itu ke arah mana sahaja kamu hadapi di sanalah wajah Allah. Sesungguhnya Allah itu Maha Luas rahmat-Nya dan Maha Mengetahui."(115)

Makna yang lebih dekat terlintas di dalam hati ialah kedua-dua ayat ini berhubung dengan masalah perubahan kiblat dan usaha kaum Yahudi untuk menghalangkan kaum Muslimin dari berkiblat kepada Ka'bah, iaitu rumah ibadat yang pertama yang diadakan untuk manusia di samping merupakan kiblat yang pertama. Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai sebab-sebab turunnya ayat ini selain dari sebab yang telah diterangkan tadi.

Walau bagaimanapun keumuman makna ayat ini menyarankan bahawa ayat ini merupakan satu hukum yang am yang melarangkan perbuatan menghalang masjid Allah dari disebut nama Allah dan perbuatan meruntuhkan masjid Allah. Ayat ini juga menentukan hukuman ke atas perbuatan itu dan menjelaskannya sebagai satu-satunya hukuman yang wajar dikenakan ke atas orang-orang yang melakukannya. Ia dijelaskan di dalam firman-Nya:

أُو۟لَٰٓئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَن يَدْخُلُوهَآ إِلَّا خَآئِفِينَ ۚ

"Mereka tidak sepatutnya dibenarkan memasuki masjid-masjid itu melainkan di dalam keadaan yang takut."

Maksudnya mereka wajar ditentang, diusir dan diharamkan dari keamanan kecuali mereka datang ke masjid-masjid Allah kerana mencari perlindungan dan keamanan di kawasan-kawasannya. (Sebagaimana yang telah berlaku di dalam tahun pembukaan negeri Makkah, di mana selepas itu juruhebah Rasulullah s.a.w. telah mengumumkan pada hari pembukaan itu: Sesiapa yang masuk ke dalam Masjidil-Haram, maka ia akan mendapat keamanan. Ketika itu barulah pembesar-pembesar Quraisy yang menindas itu berlindung di Masjidil-Haram mencari keamanan setelah mereka menghalangi Rasulullah s.a.w. dan pengikutnya dari berkunjung ke Masjidil-Haram!) Hukuman ini ditambahkan pula dengan ancaman Allah yang akan menimpakan ke atas mereka kehinaan di dunia, dan di Akhirat mereka akan mendapat 'azab yang amat besar.

لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

"Mereka akan mendapat balasan kehinaan di dunia dan balasan 'azab yang amat besar di Akhirat."(114)

Di sana ada pula satu pentafsiran lain bagi firman Allah:

أُو۟لَٰٓئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَن يَدْخُلُوهَآ إِلَّا خَآئِفِينَ ۚ

"Mereka tidak sewajarnya memasuki masjid-masjid ini melainkan dengan perasaan takut kepada Allah."

Yakni mereka tidak sepatutnya memasuki masjid-masjid Allah itu melainkan dengan perasaan takut kepada Allah dan khusyu' kepada kebesaran-Nya. Inilah peradaban yang layak dengan rumah-rumah Allah dan sesuai dengan kemuliaan dan kebesaran Allah. Ini adalah satu pentafsiran yang boleh diterima di tempat ini.

Yang mendorong kami mentarjihkan bahawa dua ayat ini diturunkan dalam kejadian perubahan kiblat ialah ayat yang kedua darinya iaitu:

وَلِلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ ٱللَّهِ ۚ

إِنَّ ٱللَّهَ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

"Dan Allah memiliki arah Timur dan Barat, oleh itu ke arah mana sahaja kamu hadapi di sanalah wajah Allah. Sesungguhnya Allah itu Maha Luas Rahmat-Nya dan Maha Mengetahui."(115)

Ayat ini diturunkan sebagai jawapan terhadap pengeliruan kaum Yahudi yang mendakwa bahawa solat kaum Muslimin yang berkiblat kepada Baitul-Maqdis itu adalah tidak sah, sia-sia dan tidak dikira di sisi Allah. Ayat ini menolak dakwaan itu dan menjelaskan bahawa setiap hala itu adalah kiblat belaka. Ke mana sahaja orang yang melakukan ibadat itu menghala, di sanalah wujudnya wajah Allah. Penentuan satu kiblat yang tertentu hanya merupakan perintah dari Allah yang pasti dita'ati, bukannya kerana wajah Allah itu hanya wujud di suatu hala yang tertentu sahaja dan tidak wujud pada hala-hala yang lain. Allah tidak menyempit dan menyulitkan para hamba-Nya dan mengurangkan pahala mereka kerana Allah mengetahui hati mereka, niat mereka dan motif-motif tujuan mereka. Perkara kiblat itu ada keluasannya dan niat itu hanya kerana Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Luas Rahmat-Nya dan Maha Mengetahui."(115)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 116 - 118)

Kemudian ayat-ayat yang berikut menayangkan kefahaman mereka yang sesat terhadap hakikat Uluhiyah dan penyelewengan mereka dari dasar tauhid yang menjadi landasan agama Allah dan asas kefahaman yang betul di dalam setiap risalah. Ia menggandingkan kefahaman mereka yang menyeleweng dengan kefahaman-kefahaman jahiliyah yang karut terhadap zat Allah S.W.T. dan sifat-sifat-Nya, di samping menjelaskan wujudnya persamaan di antara hati kaum Musyrikin Arab dengan hati kaum Musyrikin dari golongan Ahlil-Kitab, serta membetulkan seluruh mereka yang menyeleweng ke arah kepercayaan syirik itu, dan menerangkan landasan kefahaman keimanan yang betul kepada mereka:

وَقَالُواْ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدٗاۗ سُبۡحَٰنَهُۥۖ بَل لَّهُۥ مَا فِي
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ كُلّٞ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿١١٦﴾
بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَإِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا
يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَعۡلَمُونَ لَوۡلَا يُكَلِّمُنَا ٱللَّهُ
أَوۡ تَأۡتِينَآ ءَايَةٞۗ كَذَٰلِكَ قَالَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِم
مِّثۡلَ قَوۡلِهِمۡۘ تَشَٰبَهَتۡ قُلُوبُهُمۡۗ قَدۡ بَيَّنَّا ٱلۡأٓيَٰتِ
لِقَوۡمٖ يُوقِنُونَ ﴿١١٨﴾

"Dan mereka berkata: Allah mempunyai anak. Maha Sucilah Allah (dari anak), malah Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi dan seluruh mereka tunduk dan patuh kepada-Nya(116). Allah pencipta Langit dan bumi dan apabila Dia hendak menciptakan sesuatu Dia hanya berfirman: 'Jadilah!' Maka muncullah sesuatu itu ke alam al-wujud(117). Dan berkata pula orang-orang yang tidak mengetahui: 'Mengapa Allah tidak berbicara dengan kami secara langsung, mengapa tidak datang kepada kami sesuatu mu'jizat? 'Begitulah juga orang-orang sebelum mereka berkata seperti perkataan mereka. Hati mereka sama sahaja. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kaum yang mempunyai kenyakinan."(118)

Dakwaan yang karut bahawa Allah *"mempunyai anak"* itu bukanlah dakwaan kaum Nasara sahaja terhadap 'Isa al-Masih, malah ia juga dakwaan kaum Yahudi terhadap Uzayr dan dakwaan kaum Musyrikin Arab terhadap malaikat. Ayat ini tidak menghuraikan dakwaan-dakwaan itu kerana tujuan penerangan ayat ini ialah untuk menerangkan secara ringkas tentang tiga golongan yang menentang Islam pada masa itu di Semenanjung Tanah Arab - yang anehnya ketiga-tiga golongan itu masih terus menentang Islam pada hari ini dalam bentuk pergerakan Zionis antarabangsa, pergerakan salib antarabangsa dan pergerakan komunis antarabangsa, dan ketiga-tiga golongan ini lebih kufur dari kaum Musyirikin pada masa itu - dan dari kenyataan umum ayat ini gugurlah dakwaan kaum Yahudi dan kaum Nasara kononnya mereka sahaja golongan manusia yang mendapat hidayat, dan kini ternyatalah bahawa mereka adalah sama dengan kaum Musyrikin (Arab)!

Sebelum Al-Qur'an meneruskan penerangannya tentang segi-segi kekarutan kefahaman mereka yang lain terhadap Allah S.W.T., ia lebih dahulu membersihkan Allah dari kefahaman itu, dan menerangkan hakikat perhubungan yang sebenar di antara Allah dengan sekalian makhluk-Nya:

سُبۡحَٰنَهُۥۖ بَل لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ كُلّٞ
لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿١١٦﴾

"Maha Sucilah Allah (dari anak), malah Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi dan seluruh mereka tunduk dan patuh kepada-Nya."(116)

بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَإِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا
يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

"Allah Pencipta langit dan bumi dan apabila Dia hendak menciptakan sesuatu Dia hanya berfirman: 'Jadilah!' Maka muncullah sesuatu itu ke alam al-wujud."(117)

Di sini kita sampai kepada satu konsep Islam yang bersih dan sempurna mengenai Allah S.W.T. dan bentuk hubungan di antara Khaliq dan makhluk, juga mengenai cara kemunculan makhluk dari ciptaan-Nya. Konsep ini merupakan setinggi-tinggi dan sejelas-jelas kefahaman mengenai semua hakikat ini. Alam buana ini muncul dari Penciptanya dengan perantaraan keputusan iradat Allah yang mutlak dan Maha Berkuasa iaitu:

كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

"Jadilah! Maka muncullah sesuatu itu ke alam al-wujud."(117)

"Kun Fayakun" Melambangkan Keputusan Iradat Allah Yang Mutlak

Keputusan iradat Allah hendak menjadikan sesuatu makhluk sudah cukup untuk melahirkan makhluk itu ke alam al-wujud mengikut rupa bentuk yang telah ditentukannya tanpa perantaraan kekuatan dan bahan. Tetapi bagaimana cara iradat Allah - yang kita tidak mengetahui hakikat itu - berhubung dengan makhluk yang hendak diciptakan-Nya itu adalah satu rahsia yang tidak didedahkan kepada kefahaman manusia, kerana tenaga manusia tidak dilengkapkan dengan kesediaan-kesediaan untuk memahaminya, dan mereka memang tidak dilengkapi dengan kesediaan untuk memahaminya kerana ia tidak diperlukannya dalam menjalani tugas yang diserahkan kepada mereka, iaitu tugas memerintah dan mengimarahkan bumi ini. Sebagaimana manusia dikurniakan Allah dengan qudrat kuasa sekadar yang membolehkan mereka untuk membongkarkan undang-undang alam yang berguna kepada mereka di dalam menjalani tugas-tugas mereka, begitulah juga Allah menyembunyikan dari mereka rahsia-rahsia yang lain yang tidak ada hubungan dengan tugas khilafah mereka yang agung. Pendapat-pendapat falsafah hanya berkelana dan meraba-raba di dalam kesesatan tanpa pedoman apabila ia cuba membongkarkan rahsia-rahsia ini dan membuat berbagai-bagai andaian yang terbit dari kefahaman manusia yang tidak disediakan untuk bidang ini. Mereka sama sekali tidak dibekalkan dengan alat-alat yang membolehkan mereka mengetahui dan meneroka bidang ini. Oleh sebab itulah hasil-hasil andaian itu kelihatan lucu walaupun ia dibuat dalam tahap yang setinggi-tingginya. Ia kelihatan begitu lucu hingga membingungkan manusia bagaimana pendapat ini boleh terkeluar dari seorang ahli falsafah! Semuanya ini disebabkan kerana ahli-ahli falsafah itu cuba keluar dengan kefahaman dan pemikiran manusia dari tabi'at kejadiannya dan membawanya keluar melebihi batas keupayaan yang ditentukan kepadanya. Oleh sebab itu mereka tidak sampai kepada sesuatu pendapat yang boleh diyakini dan boleh dihormati oleh orang yang berpegang dengan kefahaman Islam dan hidup di bawah naungannya. Islam telah menyelamatkan para penganutnya yang beriman kepada hakikatnya dari berkelana dan meraba-raba di dalam kesesatan yang tidak berpandu, dan dari melakukan percubaan-percubaan yang gagal dan tersalah jalan dari awal lagi itu.

Apabila setengah-setengah ahli falsafah Islam yang terpengaruh dengan gema-gema falsafah Greek - khususnya - cuba mendaki tangga (ahli falsafah itu) mereka kembali membawa kefahaman yang berbelit-belit dan bercampur-aduk sebagaimana yang dilakukan oleh guru-guru mereka ahli-ahli falsafah Greek. Mereka telah memasukkan di dalam pemikiran dan kefahaman Islam pandangan-pandangan dan fikiran yang tidak sesuai dengan tabi'at dan hakikat Islam. Itulah hasil kesudahan yang pasti dari setiap percubaan akal manusia yang berfikir di luar bidangnya dan melebihi batas kemampuan tabi'at kejadiannya.

Gagasan Wahdatul-Wujud

Pandangan Islam ialah makhluk itu berlainan dari Khaliq dan tiada suatu pun yang serupa dan setanding dengan Khaliq, dan dari sinilah tersingkirnya dari kefahaman Islam gagasan " وحدة ألوجود" (kesatuan atau persamaan kewujudan) mengikut pengertian yang difahamkan oleh orang bukan Islam dari istilah itu, iaitu dengan pengertian bahawa alam al-wujud dan Penciptanya adalah satu kesatuan yang sama atau dengan pengertian bahawa alam al-wujud ini adalah pancaran Zati (peribadi) dari Pencipta, atau dengan pengertian bahawa alam al-wujud adalah gambaran lahir yang boleh dilihat bagi Penciptanya atau dengan lain-lain pengertian yang serupa dengan asas pengertian ini. Di dalam pandangan orang Islam, kesatuan kewujudan itu difahamkan dengan pengertian yang lain, iaitu kesatuan dan persamaan lahirnya alam al-wujud itu dari iradat Khaliq yang sama, dan kesatuan dan persamaan undang-undang yang mengendalikan alam al-wujud, dan kesatuan struktur alam al-wujud, keselarasannya dan kesatuan arah tujuannya menuju kepada Allah dengan penuh perhambaan dan khusyu':

بَل لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ كُلٌّ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿١١٦﴾

"Malah Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi dan seluruh mereka tunduk dan patuh kepada-Nya."(116)

Oleh itu tidak sekali-kali perlu difahamkan bahawa Allah mempunyai anak di kalangan makhluk-makhluk yang wujud di langit dan di bumi ini, kerana seluruh makhluk ini adalah dari ciptaan-Nya belaka. Semuanya diciptakan dengan darjah yang sama dan alat yang sama.

بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

"Allah Pencipta langit dan bumi dan apabila Dia hendak menciptakan sesuatu Dia hanya berfirman: 'Jadilah!' Maka muncullah sesuatu itu ke alam al-wujud."(117)

Gerakan iradat itu berlangsung dengan suatu cara yang tidak dapat diketahui oleh daya pemikiran manusia, kerana hal ini di luar kemampuan daya pemikiran mereka. Oleh itu adalah dari kerja-kerja membuang tenaga yang sia-sia untuk berusaha membongkarkan rahsia ini dan meraba-raba di dalam kesesatan tanpa pemandu.

Setelah selesai membentangkan perkataan kaum Ahlil-Kitab yang mendakwa bahawa Allah S.W.T. mempunyai anak, dan membetul serta menolak dakwaan itu, maka diiringi pula dengan perkataan kaum Musyrikin yang sama buruknya dengan kefahaman kaum Ahlil-Kitab:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا ٱللَّهُ أَوْ تَأْتِينَآ ءَايَةٌ ۗ كَذَٰلِكَ قَالَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِم مِّثْلَ قَوْلِهِمْ

"Dan berkata pula orang-orang yang tidak mengetahui: 'Mengapa Allah tidak berbicara dengan kami secara langsung, mengapa tidak datang kepada kami sesuatu mu'jizat?' Begitulah juga orang-orang sebelum mereka berkata seperti perkataan mereka."(118)

Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang tidak mengetahui (di sini) ialah orang- orang Arab yang ummi dan Musyrikin, kerana mereka tidak mempunyai apa-apa ilmu pengetahuan yang diambil dari kitab suci. Mereka seringkali mencabar Nabi s.a.w. supaya Allah berbicara dengan mereka secara langsung atau menunjukkan kepada mereka sesuatu Mu'jizat dari mu'jizat-mu'jizat fizikal. Tujuan perkataan ini disebut di sini ialah untuk menyatakan bahawa segolongan manusia sebelum mereka, iaitu kaum Yahudi dan lainnya pernah membuat tuntutan yang seperti ini kepada nabi-nabi mereka misalnya kaum Musa telah menuntut hendak melihat Allah secara terangan-terangan. Mereka juga degil menuntut mu'jizat-mu'jizat yang luar biasa. Oleh itu nyatalah bahawa di antara kaum Musyrikin dan kaum Yahudi terdapat titik-titik keserupaan dari segi tabi'at, keserupaan dari segi kefahaman dan keserupaan dari segi kesesatan:

تَشَٰبَهَتْ قُلُوبُهُمْ ۗ

"Hati mereka sama sahaja."

Yakni kaum Yahudi tidak melebih kaum Musyrikin. Hati mereka sama sahaja dari segi kefahaman, kedegilan dan kesesatan.

قَدْ بَيَّنَّا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿١١٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kaum yang mempunyai keyakinan."(118)

Orang yang mencapai keyakinan yang mantap di dalam hatinya akan menemui bukti keyakinannya di dalam ayat-ayat itu, dan akan menemui ketenteraman hatinya pada ayat-ayat itu. Ayat-ayat itu sendiri tidak mewujudkan keyakinan, malah keyakinanlah yang dapat memahami maksud ayat-ayat itu dan menjadikan hati yakin kepada hakikatnya. Seterusnya keyakinanlah yang menyediakan hati manusia untuk melakukan penerimaan yang betul dan sampai kepada hakikatnya.

* * * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 119 - 121)

Setelah selesai membentangkan perkataan-perkataan mereka dan mematahkan dakwaan-dakwaan mereka yang karut serta mendedahkan motif-motif yang tersembunyi di sebalik dakwaan-dakwaan mereka yang sangat sesat, Al-Qur'an tujukan pula pembicaraannya kepada Rasulullah s.a.w. Ia menerangkan kepada beliau garis-garis tugas dan tanggungjawab-tanggungjawabnya, dan mendedahkan kepada beliau hakikat pertarungan yang wujud di antara beliau dengan kaum Yahudi dan kaum Nasara, dan bentuk pertikaian yang tidak dapat diselesaikan melainkan dengan membayar harga yang tidak dapat dilakukan oleh beliau dan andainya beliau menunaikan harga itu beliau akan terdedah kepada kemurkaan Allah yang menjadi Penaungnya. Sudah tentu amat jauh sekali kepada beliau untuk bertindak begitu.

إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۖ وَلَا تُسْـَٔلُ عَنْ أَصْحَٰبِ ٱلْجَحِيمِ ﴿١١٩﴾ وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۗ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَ ٱلَّذِى جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾ ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَتْلُونَهُۥ حَقَّ تِلَاوَتِهِۦٓ أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۗ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾

"Sesungguhnya Kami telah utuskan engkau membawa agama yang benar dan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran. Dan engkau tidak dipertanggungjawabkan tentang penghuni-penghuni Neraka(119). Orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuashati sehingga engkau mengikut agama mereka. Katakanlah: Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar. Dan jika engkau mengikut kehendak nafsu mereka setelah datang kepadamu ilmu yang sebenar, maka tiada lagi pelindung dan penolong yang dapat menyelamatkan engkau dari 'azab Allah(120). Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab suci, mereka membacanya dengan bacaan yang sewajarnya, merekalah orang-orang

yang beriman dengannya. Dan barang siapa yang ingkarkannya, merekalah orang-orang yang rugi."(121)

إِنَّآ أَرۡسَلۡنَٰكَ بِٱلۡحَقِّ

"Sesungguhnya Kami telah utuskan engkau membawa agama yang benar."

Ungkapan ini mengandungi penegasan yang menghapuskan segala pengeliruan yang ditimbulkan oleh para penyesat, penipu-penipu dan pendusta-pendusta. Nada ungkapan yang kuat ini menyarankan ketegasan dan keyakinan.

بَشِيرٗا وَنَذِيرٗاۖ

"Sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran."

Maksudnya tugasmu ialah menyampaikan berita gembira kepada orang-orang yang ta'at dan memberi amaran kepada orang-orang yang menderhaka. Di sinilah tamatnya peranamu.

وَلَا تُسۡـَٔلُ عَنۡ أَصۡحَٰبِ ٱلۡجَحِيمِ ١١٩

"Dan engkau tidak dipertanggungjawabkan tentang penghuni-penghuni Neraka."(119)

iaitu orang-orang yang masuk ke dalam Neraka dengan perbuatan-perbuatan maksiat mereka, kerana merekalah yang bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri.

Kaum Yahudi dan kaum Nasara akan terus memerangimu dan merancangkan tipu daya terhadapmu. Mereka tidak akan berdamai denganmu dan tidak akan berpuashati terhadapmu kecuali engkau meninggalkan da'wah ini, kecuali engkau meninggalkan agama yang benar ini dan melepaskan keyakinan ini dan kembali semula kepada kesesatan, kesyirikan dan kefahaman mereka yang buruk sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini.

وَلَن تَرۡضَىٰ عَنكَ ٱلۡيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمۡۗ

"Orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuashati sehingga engkau mengikut agama mereka."(120)

Itulah faktor pokok. Mereka (selama ini) tidak kekurangan dalil. Mereka bukannya kekurangan keyakinan bahawa engkau berjalan di atas agama yang benar dan bahawa wahyu yang datang kepadamu dari Allah itu adalah benar. Walaupun engkau mengemukakan segala bukti dan dalil dan walaupun engkau menunjukkan segala sikap yang mesra kepada mereka, namun mereka tidak sedikitpun akan berpuashati kecuali engkau bersedia mengikut agama mereka dan meninggalkan agama yang benar yang dipegang oleh engkau.

Itulah kompleks jiwa mereka yang berterusan yang dapat kita melihat buktinya di setiap zaman dan tempat. 'aqidahlah yang menjadi persoalan pokok. Itulah hakikat pertarungan yang dilancarkan oleh kaum Yahudi dan kaum Nasara di mana-mana negeri dan pada mana-mana waktu terhadap kaum Muslimin. Pertarungan 'aqidahlah yang selalu dinyalakan di antara khemah kaum Muslimin dengan dua khemah kaum Yahudi dan kaum Nasara yang kadang-kadang bertelingkah di antara satu sama lain dan kadang-kadang puak-puak dalam satu agama itu bertelingkah sesama sendiri, tetapi semua golongan dan puak-puak itu bertemu dan berpadu dalam perjuangan menentang Islam dan kaum Muslimin.

'Aqidah Islam Diperangi Atas Sebab-sebab Yang Lain

Yang menjadi asas dan hakikat pertarungan itu ialah 'aqidah, tetapi kedua-dua khemah Yahudi dan Nasara yang begitu lama berseteru dengan Islam dan kaum Muslimin itu menggambarkan pertarungan itu dengan berbagai-bagai warna atau sebab-sebab yang lain. Mereka mengangkat berbagai-bagai panji-panji perjuangan yang lain dengan cara yang amat pintar, licin dan sulit. Mereka telah menguji semangat keghairahan kaum Muslimin terhadap agama dan 'aqidah mereka apabila mereka memerangi kaum Muslimin di bawah bendera pertarungan kerana agama. Oleh sebab itulah musuh-musuh ketat yang lama itu mencari jalan yang lain, iaitu mereka mengubahkan bendera perjuangan. Mereka tidak mengisytiharkan peperangan itu atas nama peperangan kerana 'aqidah, sedangkan peperangan kerana 'aqidah itulah yang menjadi tujuan mereka yang sebenarnya, kerana mereka takut kepada keghairahan (kaum Muslimin) berperang kerana 'aqidah dan kepada semangat jihad mereka yang berkobar-kobar, malah mereka mengisytiharkan peperangan itu atas nama peperangan kerana tanahair, peperangan kerana ekonomi, peperangan kerana politik, peperangan kerana mempertahankan kedudukan-kedudukan yang strategik dan sebagainya. Mereka mencampakkan ke dalam hati setengah-setengah golongan kita orang-orang Islam yang tertipu dan lalai, bahawa cerita 'aqidah dan agama itu telah menjadi cerita lama yang basi. Ia tidak mempunyai apa-apa erti lagi dan tidak pula wajar diangkatkan bendera perjuangannya, dan seterusnya agama tidak menjadi sebab yang wajar untuk turun ke medan pertempuran atas namanya. Inilah sifat kaum manusia yang fanatik dan mundur 'aqidahnya supaya mereka terselamat dari kekuatan dan keghairahan semangat perjuangan 'aqidah Islam yang berkobar-kobar, sedangkan di dalam hati barisan zionis antarabangsa, barisan salib antarabangsa dan barisan komunis antarabangsa, semuanya memasuki medan pertempuran dengan motif utamanya untuk menghancurkan batu 'aqidah Islam yang pejal, yang telah ditanduk mereka sekian lama hingga menyebabkan mereka mendapat luka-luka dan berdarah.

Pertarungan-pertarungan itu adalah pertarungan-pertarungan kerana 'aqidah, bukannya pertarungan kerana tanahair, bukannya kerana produksi ekonomi dan bukannya kerana kedudukan-kedudukan

ketenteraan yang strategik. Mereka telah memalsukan bendera-bendera perjuangan ini kepada kita dengan tujuan yang tersembunyi di dalam hati mereka untuk mengelirukan kita tentang hakikat tujuan perjuangan mereka yang sebenar.

Oleh itu apabila kita kelirukan diri kita dengan tipu daya mereka, maka kita tidak boleh mempersalahkan orang lain kecuali diri kita sendiri kerana kita telah menjauhkan diri dari mengingati bimbingan dan arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w. dan sekalian umatnya, sedangkan Allah sebenar-benar yang berkata:

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ
مِلَّتَهُمْ

"Orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuashati sehingga engkau mengikut agama mereka."(120)

Itulah satu-satunya harga yang dapat memuaskan hati mereka, dan selain dari ini maka segala-galanya ditolak:

Tetapi perintah yang tegas dan arahan yang benar ialah:

قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ

"Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar."(120)

Ayat ini (mengumumkan hidayat Allah) dengan ungkapan yang menentukan batasan yang tegas, iaitu hanya hidayat Allah sahaja hidayat yang benar dan yang lain dari hidayat Allah adalah bukannya hidayat. Oleh itu engkau (Muhammad) tidak boleh berpisah dari hidayat Allah, tidak boleh menyeleweng darinya dan tidak boleh memuaskan hati orang lain dengan mengorbankannya. Hidayat Allah tidak ada tawar menawar baik sedikit atau banyak. Sesiapa yang suka ia boleh beriman, dan sesiapa yang suka ia boleh kufur. Oleh itu ingatlah dan hati-hatilah agar keinginan engkau (Muhammad) untuk memberi hidayat kepada mereka dan menarik mereka kepada keimanan atau bersahabat dan bermesra dengan mereka tidak sampai membawa engkau menyeleweng dari jalan hidayat Allah yang amat halus ini.

وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَ ٱلَّذِى جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ
مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

"Dan jika engkau mengikut kehendak nafsu mereka setelah datang kepadamu Ilmu yang sebenar, maka tiada lagi pelindung dan penolong yang dapat menyelamatkan engkau dari 'azab Allah."(120)

Dengan ancaman yang menakutkan ini, dengan amaran yang tegas dan dengan janji yang menggerunkan ini Al-Qur'an hadapkannya kepada Nabi s.a.w. selaku rasul dan kesayangan-Nya yang mulia.

Itulah kehendak keinginan nafsu mereka jika engkau menyeleweng dari hidayat Allah. Tiada lagi hidayat yang lain dari hidayat Allah. Itulah kehendak keinginan nafsu yang menyebabkan mereka mengambil pendirian yang seperti ini terhadap engkau, bukannya kerana mereka kekurangan hujah dan kelemahan dalil.

Orang-orang yang bersih dari kongkongan kehendak-kehendak keinginan nafsu dari golongan mereka, dapat membaca kitab suci mereka dengan bacaan yang sebenar, dan kerana itulah mereka percaya kepada kitab suci yang benar yang ada bersamamu. Adapun orang-orang yang menolak kitab itu, maka merekalah yang akan mendapat kerugian bukannya engkau dan bukannya orang-orang yang beriman:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَتْلُونَهُۥ حَقَّ تِلَاوَتِهِۦٓ أُو۟لَٰٓئِكَ
يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۗ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab suci, mereka membacanya dengan bacaan yang sewajarnya, merekalah orang-orang yang beriman dengannya. Dan barang siapa yang ingkarkannya, merekalah orang-orang yang rugi."(121)

Manakah kerugian yang lebih besar dari kerugian keimanan yang menjadi sebesar- besar ni'mat Allah kepada manusia di alam al-wujud ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 122 - 123)

Selepas penjelasan yang tegas ini ayat-ayat yang berikut beralih pula kepada berbicara dengan Bani Israel, seolah-olah ia mahu membuat seruan terakhir kepada mereka setelah berlaku persemukaan dan perdebatan yang panjang lebar dengan mereka, dan setelah dibentangkan sejarah mereka dengan Allah dan para anbia' mereka, dan setelah Al-Qur'an berpaling dari mereka untuk berbicara dengan Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin, maka di sini Al-Qur'an berpaling pula kepada mereka seolah-olah menyampaikan seruan terakhir setelah mereka dilupakan, dibiarkan dan dipecatkan dari kehormatan memikul amanah agama Allah yang telah diserahkan kepada mereka sejak beberapa lama dulu. Di sini Al-Qur'an mengulangi seruan yang sama yang telah dihadapkan kepada mereka di awal pusingan surah ini:

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتِىَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّى
فَضَّلْتُكُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢٢﴾

وَٱتَّقُوا۟ يَوْمًا لَّا تَجْزِى نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْـًٔا وَلَا يُقْبَلُ

مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا تَنفَعُهَا شَفَٰعَةٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿١٢٣﴾

"Wahai Bani Israil! Kenangilah ni'mat yang telah Ku kurniakan kepada kamu dan (kenangilah) bahawa Aku telah melebihkan kamu di atas umat-umat yang lain(122). Dan takutilah hari Qiamat, yang tiada siapa pun dapat membela sesuatu kesalahan orang yang lain dan tidak pula diterima darinya sebarang tebusan dan tidak berguna kepadanya sebarang syafa'at dan tiada pula mereka diberi pertolongan."(123)

(Kumpulan ayat-ayat 124 - 141)

وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَٰتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّى
جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ
عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾
وَإِذْ جَعَلْنَا ٱلْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَٱتَّخِذُوا۟ مِن مَّقَامِ
إِبْرَٰهِـۧمَ مُصَلًّى ۖ وَعَهِدْنَآ إِلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ أَن
طَهِّرَا بَيْتِىَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْعَٰكِفِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ ﴿١٢٥﴾
وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ
أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ
قَالَ وَمَن كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُۥ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُۥٓ إِلَىٰ عَذَابِ
ٱلنَّارِ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾
وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَٰعِيلُ
رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾
رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً
لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ
ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾
رَبَّنَا وَٱبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِكَ
وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ ۚ
إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾
وَمَن يَرْغَبُ عَن مِّلَّةِ إِبْرَٰهِـۧمَ إِلَّا مَن سَفِهَ نَفْسَهُۥ ۚ
وَلَقَدِ ٱصْطَفَيْنَٰهُ فِى ٱلدُّنْيَا ۖ وَإِنَّهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ لَمِنَ

ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٣٠﴾
إِذْ قَالَ لَهُۥ رَبُّهُۥٓ أَسْلِمْ ۖ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٣١﴾
وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبْرَٰهِـۧمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَٰبَنِىَّ إِنَّ ٱللَّهَ
ٱصْطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم
مُّسْلِمُونَ ﴿١٣٢﴾
أَمْ كُنتُمْ شُهَدَآءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ ٱلْمَوْتُ إِذْ قَالَ
لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنۢ بَعْدِى ۖ قَالُوا۟ نَعْبُدُ إِلَٰهَكَ
وَإِلَٰهَ ءَابَآئِكَ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ إِلَٰهًا
وَٰحِدًا وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٣﴾
تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ ۖ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُم مَّا كَسَبْتُمْ ۖ
وَلَا تُسْـَٔلُونَ عَمَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٣٤﴾
وَقَالُوا۟ كُونُوا۟ هُودًا أَوْ نَصَٰرَىٰ تَهْتَدُوا۟ ۗ قُلْ بَلْ مِلَّةَ
إِبْرَٰهِـۧمَ حَنِيفًا ۖ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٣٥﴾
قُولُوٓا۟ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ إِلَىٰٓ
إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطِ
وَمَآ أُوتِىَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَآ أُوتِىَ ٱلنَّبِيُّونَ مِن
رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ
مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾
فَإِنْ ءَامَنُوا۟ بِمِثْلِ مَآ ءَامَنتُم بِهِۦ فَقَدِ ٱهْتَدَوا۟ ۖ
وَّإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا هُمْ فِى شِقَاقٍ ۖ فَسَيَكْفِيكَهُمُ
ٱللَّهُ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٣٧﴾
صِبْغَةَ ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ صِبْغَةً ۖ وَنَحْنُ
لَهُۥ عَٰبِدُونَ ﴿١٣٨﴾
قُلْ أَتُحَآجُّونَنَا فِى ٱللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَآ
أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ مُخْلِصُونَ ﴿١٣٩﴾

أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ
وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ نَصَارَىٰ ۗ
قُلْ أَأَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ ۗ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَتَمَ
شَهَادَةً عِنْدَهُ مِنَ اللَّهِ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٠﴾
تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ ۖ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا
كَسَبْتُمْ ۖ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٤١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah-perintah-Nya lalu disempurnakannya. Allah berfirman: '(Wahai Ibrahim) sesungguhnya Aku lantikkan engkau menjadi pemimpin umat manusia'. (Ibrahim) memohon: 'Lantikkan juga zuriat keturunanku' Jawab Allah: 'Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim(124). Dan (kenangilah) ketika Kami jadikan Baitullah sebagai pusat perhimpunan manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah dari maqam Ibrahim itu tempat solat, dan Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail: "Bersihkanlah rumah-Ku untuk orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang beri'tikaf (tinggal tetap di sana), juga untuk orang-orang yang ruku' dan sujud'(125). Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berdo'a: 'Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri ini sebuah negeri yang aman sentosa dan kurniakanlah kepada penduduknya rezeki yang mewah dari segala jenis buah-buahan, iaitu kepada golongan mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat.' Allah menjawab: 'Dan kepada orang yang kafir pun Aku kurniakan juga sedikit ni'mat kesenangan (yang sementara) dan setelah itu Aku akan seretkannya ke dalam 'azab Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman'(126). Dan (kenangilah) ketika Ibrahim membina tapak-tapak asas Baitullah bersama Ismail (dan setelah selesai mereka berdo'a): 'Wahai Tuhan kami terimalah amalan kami ini. Sesungguhnya engkaulah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui'(127). Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang Muslim (yang menyerah diri) kepada-Mu. Begitu juga dari zuriat kami jadikanlah mereka umat Muslimin (yang menyerah diri) kepada-Mu dan tunjukkan kepada kami peraturan ibadat kami dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih(128). Wahai Tuhan kami! Bangkitlah untuk mereka seorang rasul dari kalangan mereka, yang akan membaca kepada mereka ayat-ayat-Mu dan mengajarkan kepada mereka kitab suci dan hikmat, juga membersihkan diri mereka. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Kuasa dan Maha Bijaksana.(129). Dan tiada siapa yang bencikan agama Ibrahim melainkan orang yang memperbodohkan diri sendiri. Dan sesungguhnya Kami telah memilihkannya sebagai seorang rasul di dunia dan sesungguhnya dia di Akhirat kelak akan dimasukkan ke dalam golongan orang-orang yang soleh(130). Ketika Tuhannya berfirman kepadanya: 'Islamlah! (serahkan dirimu)' Ia terus menjawab: 'Aku telah menyerahkan diriku kepada Tuhan semesta alam'(131). Dan Ibrahim telah mewasiatkan agama ini kepada anak-anaknya juga (cucunya) Ya'kub. 'Wahai anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini untuk kamu, kerana itu janganlah kamu mati melainkan sebagai orang-orang Islam'(132). Adakah kamu semua menyaksi ketika Yakub hampir didatangi maut dan menanyakan anak-anaknya ketika itu: 'Apakah akan kamu sembah sepeninggalanku.' Jawab mereka: 'Kami tetap menyembah Tuhan ayahanda dan Tuhan datuk nenek ayahanda Ibrahim, Ismail dan Ishaq iaitu Tuhan Yang Maha Esa dan kepada-Nya kami sekalian menyerah diri (Muslimin)'(133). Itulah satu umat yang telah berlalu, mereka memperolehi apa yang mereka usahakan dan kamu memperolehi apa yang kamu usahakan dan kamu tidak dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka(134). Dan mereka berkata: 'Hendaklah kamu anuti agama Yahudi atau Nasrani agar kamu mendapat hidayat' Jawablah! 'Malah (kita) sepatutnya mengikut agama Ibrahim yang lurus dan dia bukanlah dari golongan Musyrikin'(135). Katakanlah, 'Kami beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang diturunkan kepada kami dan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak cucunya, juga kepada wahyu yang diturunkan kepada Musa, 'Isa dan kepada wahyu yang diturunkan kepada para anbia' dari Tuhan mereka. Kami tidak membezakan-bezakan seorang pun di antara mereka dan kami sekalian kaum Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah).(136) Dan andainya mereka beriman sama dengan apa yang telah diimani kamu, maka bererti mereka telah mendapat hidayat dan andainya mereka berpaling, maka bererti mereka sentiasa berada di dalam pertentangan dan Allah akan melindungi engkau dari kejahatan mereka dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.(137) (Kami berpegang dengan) agama yang diwarnakan Allah dan tidak ada yang lebih elok dari agama yang diwarnakan Allah dan kami sekalian beribadat kepada-Nya(138). Katakanlah! Apakah kamu hendak berdebat dengan kami tentang Allah, sedangkan Dia itu Tuhan kami dan Tuhan kamu, kami memperolehi balasan dari amalan-amalan kami dan kamu memperolehi balasan dari amalan-amalan kamu dan kami hanya menumpukan keta'atan kami kepada Allah sahaja?(139). Atau apakah kamu mahu mengatakan bahawa Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak cucunya adalah semuanya menganut agama Yahudi atau Nasara. Katakanlah: 'Siapakah yang lebih mengetahui kamu atau Allah?' Dan siapakah yang lebih zalim dari orang-orang yang menyembunyikan keterangan dari Allah yang tersimpan di sisinya? Dan Allah sekali-kali tidak lalai dari apa yang kamu lakukan(140). Itulah satu umat yang telah berlalu. Mereka memperolehi apa yang mereka usahakannya dan kamu memperolehi apa yang kamu usahakannya dan kamu tidak dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dilakukan mereka(141).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dalam bahagian-bahagian yang lepas dari surah ini perdebatan dengan golongan Ahlil-Kitab di sekitar perjalanan Bani Israel dan sikap mereka terhadap para anbia' mereka dan syari'at-syari'at mereka, dan di sekitar perjanjian-perjanjian mereka bermula dari zaman Musa a.s. sehingga ke zaman Muhammad s.a.w., kebanyakannya mengenai kaum Yahudi dan sedikit-sedikit mengenai kaum Nasara, di samping isyarat-isyarat sepintas lalu mengenai kaum Musyrikin (Arab) ketika menyebut sifat-sifat mereka yang ada titik-titik pertemuan dengan kaum Ahlil-Kitab.

Sekarang Al-Qur'an membawa kita kembali ke peringkat sejarah yang lebih lama dari zaman Musa, ia membawa kita kembali ke zaman Ibrahim. Kisah Ibrahim, sebagaimana yang diceritakan di tempatnya, telah memenuhi peranannya di dalam huraian ayat-

ayat itu di samping memenuhi peranannya yang penting menghuraikan pertelingkahan yang sengit di dalam berbagai-bagai sudut yang berlaku di antara kaum Yahudi dan kaum Muslimin di Madinah.

Kaum Ahlil-Kitab memulangkan asal usul keturunan mereka kepada Ibrahim menerusi Ishaq a.s. Mereka amat berbangga kerana mempunyai hubungan keturunan dengan beliau dan berbangga dengan janji Allah yang menjanjikan kesuburan dan keberkatan kepada beliau dan zuriatnya. Mereka juga berbangga dengan perjanjian Allah dengan beliau dan dengan zuriatnya selepas peninggalannya. Oleh sebab itulah mereka membolot hidayat dan kepimpinan agama untuk kaum mereka sahaja, sebagaimana mereka membolot Syurga untuk kaum mereka sahaja walau apa pun dilakukan mereka.

Kaum Quraisy pula memulangkan asal usul keturunan mereka kepada Ibrahim melalui Ismail a.s. Mereka juga berbangga kerana mempunyai hubungan keturunan dengan beliau, dan dari sinilah mereka mendapat kuasa mengurus Baitullah dan mengimarahkan Masjidil-Haram, juga mendapat kuasa keagamaan ke atas orang-orang Arab yang lain serta mendapat kelebihan, kemuliaan dan kedudukan yang tinggi.

Ayat-ayat yang lepas telah sampai kepada pembicaraan mengenai dakwaan-dakwaan kaum Yahudi dan kaum Nasara yang panjang lebar, yang mendakwa membolot Syurga iaitu:

وَقَالُوا۟ لَن يَدْخُلَ ٱلْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ نَصَٰرَىٰ ۗ

"Dan mereka (Yahudi dan Nasara) mendakwa: Tidak akan masuk Syurga kecuali orang yang beragama Yahudi atau Nasara."(111)

juga mengenai percubaan mereka hendak menarik kaum Muslimin menganut agama Yahudi atau Nasara supaya mereka mendapat hidayat:

وَقَالُوا۟ كُونُوا۟ هُودًا أَوْ نَصَٰرَىٰ تَهْتَدُوا۟ ۗ

"Dan mereka berkata: 'Hendaklah kamu anuti agama Yahudi atau Nasrani agar kamu mendapat hidayat.'"(135)

dan seterusnya sampai kepada pembicaraan mengenai mereka yang menahan orang ramai dari menyebut nama Allah di dalam masjid-masjid dan berusaha meruntuhkan masjid, dan di sana kami jelaskan bahawa perkara ini secara khususnya mempunyai kaitan dengan sikap kaum Yahudi terhadap isu perubahan kiblat dan dengan propaganda-propaganda beracun yang digembar-gemburkan mereka di dalam barisan kaum Muslimin mengenai perkara ini.

Sekarang tiba pula pembicaraan mengenai Ibrahim, Ismail, dan Ishaq, juga pembicaraan mengenai Baitullahil-Haram, pembinaannya, pengimarahannya dan syi'ar-syi'arnya. Ia dibicarakan dalam suasana yang sesuai untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang sebenar mengenai dakwaan-dakwaan kaum Yahudi, kaum Nasara dan kaum Musyrikin (Arab) di sekitar hubungan-hubungan keturunan ini, juga untuk menjelaskan isu kiblat yang wajib dihadapkan oleh kaum Muslimin. Begitu juga di sini tibalah sa'at yang sesuai untuk menjelaskan hakikat agama Ibrahim yang berlandaskan Tauhid yang tulen, dan betapa jauhnya perbezaan di antaranya dengan 'aqidah-'aqidah yang terpesong dan menyeleweng yang dipegang oleh kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin dan betapa dekatnya hubungan di antara 'aqidah Ibrahim, Ismail, Ishaq dan Ya'kub - iaitu Israel yang menjadi asal-usul keturunan mereka - dan 'aqidah kaum Muslimin agama yang terakhir. Ianya untuk menjelaskan kesatuan dan persamaan agama Allah yang dibawa oleh seluruh rasul-Nya dan menolak gagasan yang mendakwa agama Allah hanya dibolot oleh satu umat atau satu bangsa, serta menyatakan bahawa agama Allah adalah warisan hati yang beriman bukannya warisan perkauman yang buta. Warisan ini tidak diasaskan di atas hubungan darah keturunan dan bangsa, malah diasaskan di atas hubungan iman dan 'aqidah. Oleh itu sesiapa yang beriman dengan 'aqidah ini dan menjaganya dalam mana-mana generasi dan mana-mana suku bangsa, maka dia lebih berhak dengan 'aqidah itu dari anak-anak keturunan mereka dan kerabat-kerabat mereka yang hampir. Agama itu ialah agama Allah, dan di sana tidak ada sebarang hubungan keturunan dan persemendaan di antara Allah dengan mana-mana hamba-Nya.

Hakikat-hakikat yang menggambarkan sebahagian dari garis-garis pokok dalam kefahaman Islam telah diterangkan oleh Al-Qur'anul-Karim di sini dalam satu susunan penjelasan yang amat menarik dan dalam satu susunan tertib dan pengungkapan yang indah. Ia membawa kita selangkah demi selangkah dari Ibrahim a.s. sejak beliau diuji oleh Allah dan berhak dipilih dan dilantikkan oleh Allah sebagai imam atau pemimpin manusia, sehingga munculnya umat Muslimin yang beriman kepada kerasulan Muhammad s.a.w. sebagai memperkenankan do'a Ibrahim dan Ismail a.s. semasa kedua-duanya membina tapak-tapak asas Baitullahil-Haram. Hanya umat Muslimin itulah sahaja yang layak mewarisi amanah agama Allah bukannya semua zuriat Ibrahim a.s., dan satu-satunya sebab kelayakan mewarisi 'aqidah itu ialah keimanan kepada agama Allah, mengamalkan agama dengan sebaik-baiknya dan tetap teguh di atas kefahaman yang betul.

Di celah-celah tayangan sejarah itu, Al-Qur'an menonjolkan konsep Islam dengan erti menyerah diri kepada Allah. Islam merupakan agama yang pertama dan agama yang terakhir. Beginilah kepercayaan Ibrahim dan beginilah juga kepercayaan Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak-anaknya selepas beliau, sehingga mereka menyerahkan agama ini kepada Musa dan 'Isa. Kemudian akhirnya sampai kepada kaum Muslimin sebagai pewaris-pewaris Ibrahim a.s. Sesiapa yang mengikuti agama yang sama ini dengan jujur, maka dialah yang berhak mewarisinya, juga mewarisi

janji dan bisyarah-bisyarahnya, dan sesiapa yang menyeleweng dari agama ini dan mengutamakan kepentingan dirinya dari kepentingan agama Ibrahim, maka bererti ia telah menyeleweng dari perjanjian Allah dan telah kehilangan warisan perjanjian ini dan bisyarahnya.

Di sinilah gugurnya segala dakwaan-dakwaan kaum Yahudi dan kaum Nasara bahawa mereka telah dipilih oleh Allah dengan alasan semata-mata kerana mereka anak-anak cucu keturunan Ibrahim. Dahulu merekalah pewaris-pewaris dan pengganti-pengganti beliau, tetapi warisan itu telah gugur dari mereka sejak mereka menyeleweng dari agama ini. Di sinilah juga gugurnya dakwaan-dakwaan kaum Quraisy yang mengaku mempunyai hak monopoli ke atas Baitullahil-Haram dan kehormatan mengurus dan mengimarahkannya, kerana mereka telah kehilangan hak mereka selaku pewaris Ibrahim pembina Baitullah dan pembangun tapak-tapak asasnya dengan sebab mereka menyeleweng dari agamanya. Kemudian gugur pula segala dakwaan kaum Yahudi mengenai perkara kiblat yang wajib dihadapi oleh kaum Muslimin, kerana kiblat itu kiblat kaum Muslimin dan kiblat nenek moyang mereka.

Semuanya itu diterangkan dengan penayangan, penyampaian dan pengungkapan yang teratur dan menarik, penuh dengan singgungan-singgungan yang memberi saranan, titik-titik berhenti yang mempunyai maksud-maksud yang mendalam dan penjelasan-penjelasan yang kuat kesannya. Sekarang marilah kita tinjau susunan-susunan penerangannya yang tinggi maksudnya itu di bawah bayangan penjelasan ayat-ayat yang cemerlang ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 124)

وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَـٰتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾

"'Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah-perintah-Nya lalu disempurnakannya. Allah berfirman: (Wahai Ibrahim) sesungguhnya Aku lantikkan engkau menjadi pemimpin umat manusia.' (Ibrahim) memohon 'Lantikkan juga zuriat keturunanku' Jawab Allah: 'Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim.'"(124)

Kejayaan Ibrahim Menghadapi Ujian Allah

Allah berfirman kepada Nabi s.a.w.: Kenangilah bagaimana Allah menguji Ibrahim dengan perintah-perintah dan taklif-taklif lalu beliau melaksanakan dan menunaikannya dengan sempurna. Di dalam surah yang lain Allah telah menyaksikan bahawa Ibrahim telah menyempurnakan tugas-tugasnya secara yang diredhai Allah. Oleh sebab itulah beliau wajar menerima pengakuan Allah yang Mulia (yang berbunyi):

وَإِبْرَٰهِيمَ ٱلَّذِى وَفَّىٰٓ ﴿٣٧﴾

"Dan Ibrahim yang telah menyempurnakan tugas-tugasnya."

(Surah an-Najm: 37)

Inilah satu maqam tinggi yang dicapai oleh Ibrahim, iaitu maqam menyempurnakan tugas-tugas dengan disaksikan oleh Allah 'Azzawajalla. Seseorang itu tidak dapat menyempurnakan tugas-tugasnya dan tidak dapat berjalan lurus dengan sebab kelemahan dan kekurangannya.

Di sinilah Ibrahim wajar menerima berita gembira dan kepercayaan (dari Allah):

إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ

"Sesungguhnya Aku lantikkan engkau menjadi pemimpin umat manusia."

Yakni pemimpin yang dijadikan mereka sebagai contoh teladan dan pemimpin yang membimbing mereka kepada Allah dan kepada kebaikan. Mereka menjadi pengikutnya dan beliau memegang teraju kepimpinan mereka.

Di waktu inilah Ibrahim menyedari keinginan semulajadi manusia iaitu keinginan kepada kelanjutan kewujudan menerusi zuriat dan anak cucu cicit. Itulah keinginan semulajadi yang amat mendalam yang diletakkan Allah di dalam fitrah manusia supaya hayat itu subur dan berjalan mengikuti jalan yang telah diaturkan Allah, di mana generasi baru menyempurnakan apa yang dimulai oleh generasi yang silam dan seluruh generasi saling tolong-menolong dan berhubung baik. Itulah keinginan yang mahu dihancurkan, dihalangkan dan dilumpuhkan oleh setengah-setengah orang, sedangkan keinginan ini ditanam dalam fitrah manusia untuk mencapaikan matlamat yang jauh tujuannya. Dan berlandaskan keinginan kepada warisan inilah Islam menetapkan undang-undang pusaka untuk menyahut panggilan fitrah manusia itu dan untuk mencergaskannya supaya bekerja kuat dan mengorbankan segala daya upayanya. Segala percubaan yang dilakukan untuk menghancurkan keinginan semulajadi kepada warisan ini merupakan percubaan untuk menghancurkan fitrah manusia dari akar umbinya. Ia merupakan satu perbuatan yang tidak tabii, satu pandangan yang cetek dan satu tindakan yang sewenang-wenang dalam usaha mengubati setengah-setengah kepincangan peraturan-peraturan masyarakat yang menyeleweng, kerana setiap pengubatan yang bertentangan dengan fitrah manusia tidak akan mendatangkan kejayaan dan kebaikan dan tidak akan kekal. Di sana ada cara pengubatan yang lain yang boleh membetulkan penyelewengan tanpa menghancurkan fitrah manusia, tetapi cara ini memerlukan kepada hidayat dan keimanan, juga

kepada pengalaman yang lebih mendalam dan fikiran yang lebih halus terhadap kejadian jiwa manusia dan strukturnya, dan seterusnya memerlukan kepada pandangan yang bersih dari dendam-dendam kesumat yang menimbulkan keinginan untuk menghancur dan menyeksa lebih banyak dari keinginan untuk membina dan membaiki:

قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِي

"Ibrahim memohon: Lantikkan juga zuriat keturunanku."

Kemudian Ibrahim menerima jawapan daripada Allah yang telah memilihnya, selaku pemimpin umat manusia itu, iaitu satu jawapan yang menjelaskan dasar agung yang telah kami terangkan sebelum ini iaitu dasar teraju kepimpinan itu hanya dikurniakan kepada mereka yang layak menerimanya sahaja yang dibuktikan dengan amalan, perasaan, kebaikan dan keimanan. Ia bukannya semata-mata warisan bapa-bapa kepada anak-anak. Hubungan kerabat di sini bukannya pertalian daging dan darah, malah pertalian agama dan 'aqidah. Dakwaan-dakwaan kerabat, hubungan darah, bangsa dan kaum hanya merupakan dakwaan jahiliyah yang bertentangan pada dasarnya dengan kefahaman keimanan yang betul, (jawapan itu ialah):

قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

"Jawab Allah: Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim." (124)

Pengertian Kezaliman Dan Kepimpinan Dalam Islam

Kezaliman itu berbagai-bagai jenis dan warna. Kezaliman hati dengan kepercayaan syirik dan kezaliman manusia dengan tindakan pencerobohan. Kepimpinan yang dihalangkan dari dipegang oleh orang-orang yang zalim itu meliputi segala konsep kepimpinan, iaitu kepimpinan agama, kepimpinan pemerintahan dan kepimpinan Imam solat. Keadilan dengan segala konsepnya merupakan asas kelayakan kepimpinan ini dalam segala rupa bentuknya. Sesiapa yang melakukan kezaliman walau apa-apa bentuk kezaliman sekalipun bererti ia telah melucut dan menggugurkan dirinya dari hak kepimpinan dalam segala erti katanya.

Jawapan Allah yang diberikan kepada Ibrahim a.s. dan janjinya yang diungkap dengan jelas tanpa berbelit dan samar-samar itu merupakan satu jawapan yang tegas yang menyingkirkan kaum Yahudi dari teraju kepimpinan manusia dengan sebab kezaliman dan kejahatan yang dilakukan mereka, dan dengan sebab mereka melanggar perintah-perintah Allah dan menyeleweng dari agama moyang mereka Ibrahim a.s.

Begitu juga jawapan Allah yang diberikan kepada Ibrahim a.s. dan janjinya yang diungkap dengan jelas tanpa berbelit-belit dan samar-samar itu merupakan satu jawapan yang tegas menyingkirkan kaum yang menamakan diri mereka sebagai kaum Muslimin dari teraju kepimpinan manusia dengan sebab kezaliman dan kejahatan yang dilakukan mereka, dan dengan sebab mereka menjauhi diri dari jalan Allah, membuang syari'at Allah di belakang mereka. Dakwaan mereka berpegang dengan agama Islam, sedangkan mereka menjauhkan diri dari syari'at dan sistem hidup Ilahi merupakan satu dakwaan dusta yang tidak ditegakkan di atas mana-mana asas perjanjian Allah.

'Aqidah Merupakan Asas Hubungan Islam

Kefahaman Islam memutuskan segala hubungan dan pertalian yang tidak ditegakkan di atas asas 'aqidah dan amalan. Ia tidak mengakui hubungan keluarga dan hubungan rahim, kerana hubungan itu terputus dari hubungan 'aqidah dan amalan. Ia menggugurkan segala pertalian dan pertimbangan selama pertalian itu tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan ikatan 'aqidah dan amalan. Ia memisahkan hubungan dengan ikatan 'aqidah dan amalan. Ia memisahkan hubungan di antara satu generasi dengan satu generasi yang lain dalam satu umat yang sama apabila generasi itu bertentangan satu sama lain dari segi 'aqidah, malah ia memutuskan hubungan di antara bapa dengan anak, di antara suami dan isteri apabila hubungan agama terputus di antara keduanya. Kaum Arab Musyrikin merupakan satu kaum, dan kaum Arab Muslimin merupakan satu kaum yang lain pula, tidak ada sebarang hubungan kekeluargaan yang mengikat kedua golongan itu. Keluarga bukannya bapa-bapa, anak-anak dan cucu-cucu, malah mereka hanya dianggap keluarga apabila mereka disatukan oleh 'aqidah yang sama. Umat juga bukannya gabungan dari generasi-generasi yang silih berganti dari satu bangsa yang tertentu, malah umat itu ialah gabungan dari orang-orang yang beriman walaupun berlain-lainan bangsa, negara dan warna. Inilah kefahaman keimanan yang terbit dari penjelasan Rabbani ini di dalam Al-Qur'anul-Karim.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 125)

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ
إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَن
طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami jadikan Baitullah sebagai pusat perhimpunan manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah dari maqam Ibrahim itu tempat solat, dan Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail: 'Bersihkanlah rumahku untuk orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang beri'tikaf (tinggal tetap di sana), juga untuk orang-orang yang ruku' dan sujud.'"(125)

Baitullahil-Haram telah dijaga oleh kaum Quraisy. Tetapi mereka telah menakutkan orang-orang yang beriman, menyeksa mereka dan memfitnahkan mereka terhadap agama mereka sehingga mereka

berpindah (meninggalkan kampung halaman) di sana, sedangkan Allah mahukan rumah itu menjadi pusat perhimpunan semua manusia, di mana tiada seorang pun yang boleh menakutkan mereka, malah seluruh mereka merasa aman terhadap jiwa dan harta mereka, kerana rumah itu sendiri melambangkan keamanan, ketenteraman dan kedamaian.

Maksud Maqam Ibrahim

Mereka telah diperintah supaya menjadikan maqam Ibrahim itu tempat solat, dan yang dimaksudkan dengan maqam Ibrahim ialah seluruh Baitullah. Inilah pentafsiran yang kami pilih. Perintah menjadikan Baitullah itu kiblat umat Muslimin memanglah suatu perintah yang tabii yang tidak seharusnya menimbulkan apa-apa bangkangan, kerana Baitullah merupakan kiblat yang pertama yang dihadapi oleh umat Muslimin yang menjadi para pewaris Ibrahim dengan keimanan mereka dan pegangan tauhid mereka yang betul di samping ianya merupakan rumah kepunyaan Allah bukannya kepunyaan seseorang manusia. Sebagai tuannya, Allah telah menyerahkan rumah itu kepada dua orang hamba-Nya yang soleh supaya membersih dan menyediakannya untuk orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang beri'tikaf (tinggal tetap di sana) dan orang-orang yang mengerjakan ibadat solat, yakni menyedia rumah itu untuk para jamaah haji yang berkunjung di sana dan untuk penduduknya yang tinggal tetap di sana dan untuk orang-orang yang mendirikan solat, orang-orang yang ruku' dan sujud. Ibrahim dan Ismail sendiri bukannya pemilik rumah Baitullah sehingga dapat diwarisi dari keduanya melalui pertalian keturunan. Mereka berdua tidak lebih dari dua orang penjaga yang bertugas menguruskan rumah itu dengan perintah Allah untuk menyediakannya kepada para pengunjungnya dan kepada para hamba-Nya yang beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 126)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ
أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ۖ
قَالَ وَمَن كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُۥ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُۥٓ إِلَىٰ عَذَابِ
ٱلنَّارِ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ١٢٦

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berdo'a: 'Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri ini sebuah negeri yang aman sentosa dan kurniakanlah kepada penduduknya rezeki yang mewah dari segala jenis buah-buahan, iaitu kepada golongan mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat.' Allah menjawab: 'Dan kepada orang yang kafir pun Aku kurniakan juga sedikit ni'mat kesenangan (yang sementara) dan setelah itu Aku akan seretkannya ke dalam 'azab Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman.'"(126)

Sekali lagi do'a Ibrahim menekankan sifat keamanan bagi Baitullah dan sekali lagi menekankan makna warisan berdasarkan kelebihan dan kebaikan. Ibrahim a.s. telah mengambil pengajaran dari nasihat Allah pada kali yang pertama dan beliau benar-benar sedar kepada peringatan Allah yang berfirman kepadanya:

قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ١٢٤

"Jawab Allah: 'Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim.'" (124)

Beliau telah mengingati pelajaran ini dan di sini pula ketika beliau berdo'a agar Allah mengurniakan rezeki dari aneka buah-buahan kepada penduduk negeri itu beliau berhemat, membuat pengecualian serta menentukan golongan yang dimaksudkan oleh beliau dalam pemberian rezeki itu, iaitu:

مَنْ ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ۖ

"Kepada golongan mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat."(126)

Itulah Ibrahim yang sangat takut kepada Allah, amat sabar, amat ta'at dan jujur. Beliau beradab sopan dengan adab sopan yang diajarkan Allah. Beliau sentiasa menjaga adab sopan itu dalam segala permintaan dan do'anya. Di sini beliau menerima jawapan dari Allah, yang menyempurna dan menjelaskan golongan yang satu lagi yang didiamkan begitu sahaja olehnya, iaitu golongan yang tidak beriman yang akan menerima untung nasib yang amat pedih:

قَالَ وَمَن كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُۥ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُۥٓ إِلَىٰ عَذَابِ
ٱلنَّارِ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ١٢٦

"Allah menjawab: Dan kepada orang yang kafir pun Aku kurniakan juga sedikit ni'mat kesenangan (yang sementara) dan setelah itu Aku akan seretkannya ke dalam 'azab Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(126)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 127 - 129)

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan pemandangan bagaimana Ibrahim dan Ismail melaksanakan perintah yang diterima dari Allah supaya menyediakan Baitullah dan membersihkannya untuk (para pengunjung yang datang) bertawaf dan untuk penduduk-penduduk yang menetap di situ dan untuk orang-orang yang mendirikan ibadat solat. Ia gambarkan pandangan ini seolah-olah dapat dilihat oleh mata kepala dan didengar oleh telinga dalam satu waktu:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَٰعِيلُ
رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ١٢٧

رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً
لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ
ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾
رَبَّنَا وَٱبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِكَ
وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ ۚ
إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim membina tapak-tapak asas Baitullah bersama Ismail (dan setelah selesai mereka berdo'a:) Wahai Tuhan kami terimalah amalan kami ini. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(127). Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang Muslim (yang menyerah diri) kepadamu. Begitu juga dari zuriat kami jadikanlah mereka umat Muslimin (yang menyerah diri) kepada-Mu dan tunjukkan kepada kami peraturan ibadat kami dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih(128). Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah untuk mereka seorang rasul dari kalangan mereka, yang akan membaca kepada mereka ayat-ayat-Mu dan mengajarkan kepada mereka kitab suci dan hikmat, juga membersihkan diri mereka. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Kuasa dan Maha Bijaksana."(129)

Gambaran itu dimulakan dengan bentuk cerita:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَٰعِيلُ

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim membina tapak-tapak asas Baitullah bersama Ismail."

Sewaktu kita menunggu-nunggu cerita selanjutnya tiba-tiba ia memperlihatkan Ibrahim dan Ismail Alaihimas-Salam kepada kita seolah-olah kita dapat melihat mereka dengan mata kita bukannya dengan mata khayal. Kedua-duanya berada di hadapan kita dan telinga kita hampir-hampir mendengar suara mereka sedang berdo'a kepada Allah:

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾

"Wahai Tuhan kami terimalah amalan kami ini. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(127)

رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً
لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ
ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang Muslim (yang menyerah diri) kepadamu. Begitu juga dari zuriat kami jadikanlah mereka umat Muslimin (yang menyerah diri) kepada-Mu dan tunjukkan kepada kami peraturan ibadat kami dan terimalah taubat kami sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih.(128)

Do'a Ibrahim a.s.

Lagu do'a, irama do'a dan suasana do'a semuanya hadir seolah-olah berlaku di sa'at ini dengan gambaran-gambarannya yang hidup, tersergam dan bergerak. Itulah salah satu dari ciri-ciri pengungkapan Al-Qur'an yang indah. Ia membawa pemandangan ghaib yang telah berlalu itu hadir kembali hingga dapat didengar dan dilihat. Ia kelihatan bergerak, berlembaga dan penuh hayat. Itulah keistimewaan "gambaran seni" Al-Qur'an dalam erti katanya yang sebenar yang layak dengan kitab Allah yang kekal abadi.

Apakah yang terkandung di celah-celah do'a itu? Itulah adab sopan seorang nabi, keimanan seorang nabi dan perasaan seorang nabi, terhadap nilai 'aqidah di alam al-wujud ini. Itulah adab sopan, keimanan dan perasaan yang mahu diajar oleh Al-Qur'an kepada pewaris-pewaris para anbia' dan mahu ditanamkannya ke dalam hati dan perasaan mereka dengan saranan ini:

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾

"Wahai Tuhan kami terimalah amalan kami ini. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(127)

Itulah permohonan supaya diperkenankan do'a dan inilah yang menjadi matlamat do'a beliau. Ia merupakan permohonan yang ikhlas kepada Allah, dan permohonan yang dituju kepada Allah dengan penuh patuh dan khusyu'. Matlamat yang diharap-harapkan ialah keredhaan dan limpah perkenan dari Allah, dan harapan mendapat perkenan Ilahi itu adalah bergantung kepada sifat Allah Yang Maha Mendengar do'a (para hamba-Nya) dan Maha Mengetahui dengan segala niat dan perasaan di sebalik do'a itu.

رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً
لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ
ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang Muslim (yang menyerah diri) kepadamu. Begitu juga dari zuriat kami jadikanlah mereka umat Muslimin (yang menyerah diri) kepada-Mu dan tunjukkan kepada kami peraturan ibadat kami dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih.(128)

Itulah harapan mereka berdua untuk mendapat bantuan dari Allah agar memberi hidayat kepada Islam. Itulah perasaan mereka yang menyedari bahawa hati mereka terletak di antara jari-jari, qudrat dan iradat Allah Yang Maha Penyayang, dan bahawa hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah, dan bahawa

kedua mereka tidak mempunyai daya upaya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah. Mereka berdua bertawajjuh dan berdo'a kepada Allah, dan hanya kepada Allah sahaja yang wajar dipohon pertolongan.

Di samping itu sifat umat Muslimin ialah bersatu padu yakni seluruh generasi mereka bersatu padu dalam satu 'aqidah:

وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسۡلِمَةً لَّكَ

"Begitu juga dari zuriat kami jadikanlah mereka umat Muslimin (yang menyerah diri) kepadamu."

Itulah do'a yang menggambarkan perhatian-perhatian berat hati orang yang beriman. Persoalan agama dan 'aqidah inilah yang menjadi perhatiannya yang utama. Perasaan Ibrahim dan Ismail Alaihimas-Salam terhadap ni'mat keimanan yang dikurniakan Allah kepada mereka telah mendorong mereka mengharapkan pengurniaan yang sama kepada zuriat keturunan mereka dan berdo'a supaya Allah tidak menafikan pengurniaan yang tiada tolok bandingnya itu kepada anak-anak cucu mereka. Mereka telah memohon kepada Allah supaya mengurniakan rezeki buah-buahan kepada zuriat keturunan mereka, dan mereka tidak pernah lupa berdo'a agar Allah mengurniakan ni'mat keimanan kepada zuriat keturunan mereka, menunjukkan peraturan-peraturan ibadat kepada mereka dan menerima taubat mereka kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih.

Dan seterusnya mereka berdua berdo'a agar Allah tidak meninggalkan zuriat keturunan mereka tanpa hidayat di dalam generasi-generasi mereka yang akan datang:

رَبَّنَا وَٱبۡعَثۡ فِيهِمۡ رَسُولٗا مِّنۡهُمۡ يَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَيُزَكِّيهِمۡۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ١٢٩

"Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah untuk mereka seorang rasul dari kalangan mereka, yang akan membaca kepada mereka ayat-ayat-Mu dan mengajarkan kepada mereka kitab suci dan hikmat, juga membersihkan diri mereka. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Kuasa dan Maha Bijaksana.(129)

Kebangkitan rasul Dari Keturunan Ibrahim

Sebagai memperkenankan do'a Ibrahim dan Ismail, Allah telah membangkitkan Nabi yang mulia ini (Muhammad) setelah dilalui sekian abad yang lama. Itulah kebangkitan rasul dari zuriat Ibrahim dan Ismail yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, mengajar kepada mereka kitab suci dan hikmat, dan membersihkan mereka dari kekotoran dosa. Do'a yang makbul itu tetap dimakbulkan, tetapi ia disempurnakan pada masanya yang wajar yang ditentukan Allah mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya. Tetapi manusia selalu gopoh dan menuntut disegerakan dan orang-orang yang belum mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah selalu (dilanda) perasaan jemu dan putus asa.

Di samping itu do'a ini mempunyai makna yang penting dalam konteks pertelingkahan yang sengit yang berlaku di antara kaum Yahudi dan kaum Muslimin di dalam berbagai-bagai perkara. Ibrahim dan Ismail ditugaskan supaya membina tapak asas Baitullah dan membersihkannya untuk para pengunjung, untuk penduduk yang menetap di situ dan orang-orang yang mengerjakan solat. Kedua-duanya merupakan asal wujudnya tradisi penjaga-penjaga Baitullah dari kaum Quraysy...... kedua-duanya telah mengucapkan do'a secara terus terang, dengan lidah mereka sendiri:

رَبَّنَا وَٱجۡعَلۡنَا مُسۡلِمَيۡنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسۡلِمَةً لَّكَ

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang Muslim (yang menyerah diri) kepada-Mu, begitu juga dari zuriat kami jadikanlah mereka umat Muslimin (yang menyerah diri) kepada-Mu."

Begitu juga kedua-duanya telah berdo'a secara terus terang dengan lidah mereka sendiri:

رَبَّنَا وَٱبۡعَثۡ فِيهِمۡ رَسُولٗا مِّنۡهُمۡ يَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَيُزَكِّيهِمۡۖ

"Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah untuk mereka seorang rasul dari kalangan mereka, yang akan membaca kepada mereka ayat-ayat-Mu dan mengajarkan kepada mereka kitab suci dan hikmat, juga membersihkan diri mereka."

Pewaris Kepimpinan Ibrahim

Kedua-dua kenyataan ini menjelaskan bahawa umat Muslimin adalah pewaris-pewaris kepimpinan Ibrahim a.s dan pewaris-pewaris Baitullahil-Haram yang sebenar. Dan jelaslah kini bahawa rumah Baitullah itu adalah rumah umat Muslimin selaku kiblat yang dihadapi mereka, dan mereka adalah lebih berhak dari kaum Musyrikin, dan Baitullah itu adalah kiblat yang lebih sesuai dengan mereka dari kiblat kaum Yahudi dan kaum Nasara.

Jadi, sesiapa sama ada Yahudi atau Nasara yang menghubungkan agamanya dengan Ibrahim dan membuat dakwaan yang panjang lebar bahawa merekalah yang berhak membolot hidayat dan Syurga berdasarkan warisan itu, dan sesiapa dari kaum Quraisy yang menghubungkan keturunannya dengan Ismail, maka hendaklah mereka dengar bahawa Ibrahim sendiri ketika memohon agar warisan dan kepimpinan itu dikurniakan kepada anak cucunya itu telah menerima jawapan yang tegas dari Allah:

لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

"Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim."(124)

Dan apabila Ibrahim berdo'a kepada Allah agar Dia mengurniakan rezeki dan keberkatan kepada penduduk negeri itu, beliau secara khusus menyebut golongan berikut di dalam do'anya:

مَنْ آمَنَ مِنْهُم بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

"Iaitu kepada golongan mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat."(126)

Apabila Ibrahim dan Ismail selesai melaksanakan perintah Allah membina Baitullah dan membersihkannya, maka kedua-duanya telah berdo'a agar Allah jadikan mereka dan zuriat keturunan mereka umat Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah), dan agar Allah bangkitkan dari kalangan keluarga mereka seorang rasul. Lalu Allah memperkenankan do'a mereka dan mengutuskan dari kalangan keluarga mereka seorang rasul Muhammad bin Abdullah s.a.w., dan dengan jasa usahanya beliau telah merealisasikan kemunculan umat Muslimin yang menjunjung perintah Allah dan mewarisi agama Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 130 - 133)

Dari bahagian kisah Ibrahim a.s. setakat inilah ayat yang berikut mengambil makna dan saranannya untuk dikemukakan kepada orang-orang yang menentang hak kepimpinan umat Muslimin, dan menentang hak kenabian dan kerasulan Rasulullah s.a.w. dan mempertikaikan hakikat agama Allah yang tulen serta benar:

وَمَن يَرْغَبُ عَن مِّلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَن سَفِهَ نَفْسَهُ وَلَقَدِ اصْطَفَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٣٠﴾ إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٣١﴾ وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَا بَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمُ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٣٢﴾

"Dan tiada siapa yang bencikan agama Ibrahim melainkan orang yang memperbodohkan diri sendiri. Dan sesungguhnya Kami telah memilihkannya sebagai seorang rasul di dunia dan sesungguhnya di Akhirat kelak dia adalah dari golongan orang-orang yang soleh.(130) Ketika Tuhannya berfirman kepadanya: 'Islamlah! (serahkan dirimu)' ia terus menjawab: 'Aku telah menyerahkan diriku kepada Tuhan semesta alam.'(131) Dan Ibrahim telah mewasiatkan agama ini kepada anak-anaknya, juga kepada (cucunya) Ya'kub. Wahai anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini untuk kamu, kerana itu janganlah kamu mati melainkan sebagai orang-orang Islam."(132)

Agama Ibrahim Ialah Agama Islam

Inilah agama Ibrahim, iaitu agama Islam yang tulen dan terang. Tiada yang benci dan menolak agama ini melainkan orang yang menganiayakan diri sendiri atau memperbodoh dan bertindak sewenang-wenang terhadap dirinya. Ibrahim a.s. yang telah dipilih Allah di dunia sebagai pemimpin manusia dan diakui di Akhirat sebagai orang yang soleh adalah dipilih begini:

إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ

"Ketika Tuhannya berfirman kepadanya: "Islamlah! (serahkan dirimu),"

beliau tidak teragak-agak, tidak diam, tidak menyeleweng, malah terus menyambut sebaik sahaja menerima perintah itu:

قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٣١﴾

"Ia terus menjawab: 'Aku serahkan diriku kepada Tuhan semesta alam.'"

Inilah agama Ibrahim, iaitu agama Islam yang tulen dan terang. Ibrahim tidak cukup dengan dirinya sendiri sahaja, malah beliau meninggalkan agama ini kepada zuriat keturunannya. Beliau mewasiatkan agama ini kepada anak cucunya. Mula-mula beliau mewasiatkannya kepada anak-anaknya, kemudian Ya'kub (cucunya) mewasiatkan agama ini kepada anak-anaknya pula. Ya'kub ialah Israel yang menjadi asal-usul keturunan Bani Israel, tetapi Bani Israel tidak menyambut wasiat Ya'kub, wasiat datuknya (Ishaq) dan wasiat moyangnya dan moyang mereka (Ibrahim).

Ibrahim dan Ya'kub masing-masing mengingatkan anak-anaknya terhadap ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka, iaitu ni'mat agama Allah yang dipilih untuk mereka:

يَا بَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمُ الدِّينَ

"Wahai anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini untuk kamu."

Yakni agama Islam itu adalah dari pilihan Allah dan tiada pilihan yang lain lagi bagi mereka selepas pilihan Allah. Sekurang-kurang balasan terhadap ri'ayah dan limpah kurnia Allah ialah bersyukur terhadap pilihannya dan menjaga agama yang dipilih olehnya, dan seterusnya berusaha dengan sungguh-sungguh agar mereka tidak meninggalkan dunia ini melainkan agama ini terpelihara di kalangan mereka:

فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٣٢﴾

"Kerana itu janganlah kamu mati melainkan sebagai orang-orang Islam."(132)

Kini peluang terbuka lebar (kepada Bani Israel) apabila rasul yang menyeru mereka kepada agama Islam itu telah datang kepada mereka. Kedatangan

rasul itu merupakan hasil dari do'a moyang mereka Ibrahim a.s.

******

Itulah wasiat Ibrahim kepada anak-anaknya dan wasiat Ya'kub kepada anak-anaknya, iaitu wasiat yang diulangi oleh Ya'kub a.s. pada detik-detik hidupnya yang akhir. Itulah wasiat yang memenuhi hati dan ingatannya hingga tidak dapat dipisahkan darinya oleh maut dan naza'-naza'nya. Dengarlah wasiat ini wahai Bani Israel!

أَمْ كُنتُمْ شُهَدَآءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ ٱلْمَوْتُ إِذْ قَالَ
لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنۢ بَعْدِى ۖ قَالُوا۟ نَعْبُدُ إِلَـٰهَكَ
وَإِلَـٰهَ ءَابَآئِكَ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَـٰعِيلَ وَإِسْحَـٰقَ إِلَـٰهًا
وَٰحِدًا وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٣﴾

"Adakah kamu semua menyaksi ketika Ya'kub hampir didatangi maut dan menanyakan anak-anaknya ketika itu: 'Apakah akan kamu sembah sepeninggalanku?' Jawab mereka: 'Kami tetap menyembah Tuhan ayahanda dan Tuhan datuk nenek ayahanda Ibrahim, Ismail dan Ishaq iaitu Tuhan Yang Maha Esa dan kepada-Nya kami sekalian menyerah diri (Muslimin).'"(133)

Pemandangan yang mengumpulkan Ya'kub dan anak-anaknya ini di sa'at-sa'at kehadiran maut merupakan satu pemandangan yang amat besar maknanya, kuat saranannya, mendalam kesannya, iaitu pemandangan seorang yang berada di dalam sa'at-sa'at maut. Apakah persoalan yang memenuhi hatinya di sa'at kehadiran maut itu? Apakah sesuatu yang difikir olehnya di sa'at-sa'at naza' maut itu? Apakah perkara yang amat besar yang mahu dipastikan olehnya? Apakah peninggalannya yang mahu ditinggalkan kepada anak-anaknya dan yang diharap agar peninggalan dan warisan itu benar-benar sampai kepada mereka dalam satu buku catatan yang terperinci? Itulah 'aqidah. Peninggalan itu ialah 'aqidah dan 'aqidah itulah perbendaharaan, persoalan agung dan perkara besar yang amat dirungsingkan oleh Ya'kub, yang tidak dapat dipisahkan darinya oleh kehadiran maut dan naza'-naza'nya.

مَا تَعْبُدُونَ مِنۢ بَعْدِى ۖ

"Apakah akan kamu sembah sepeninggalanku?"

Inilah persoalan yang aku kumpulkan kamu kerananya. Inilah perkara yang aku mahu mengetahuinya dengan penuh keyakinan. Inilah amanah, perbendaharaan dan warisan.

قَالُوا۟ نَعْبُدُ إِلَـٰهَكَ وَإِلَـٰهَ ءَابَآئِكَ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَـٰعِيلَ
وَإِسْحَـٰقَ إِلَـٰهًا وَٰحِدًا وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٣﴾

"Jawab mereka: Kami tetap menyembah Tuhan ayahanda dan Tuhan datuk nenek ayahanda Ibrahim, Ismail dan Ishaq iaitu Tuhan Yang Maha Esa dan kepada-Nya kami sekalian menyerah diri (Muslimin)."(133)

Mereka memang mengetahui dan mengingati agama mereka. Mereka menerima warisan itu dan memeliharanya. Mereka yang mahu menyakinkan bapa mereka yang sedang menghadapi kehadiran maut dan mereka mahu menyenangkan hatinya.

Demikianlah wasiat Ibrahim a.s. kepada anak-anaknya itu dipelihara di kalangan anak-anak Ya'kub. Begitu juga mereka dengan jelas menyifatkan diri mereka sebagai kaum "Muslimin" (yang menyerahkan diri mereka kepada Allah).

Al-Qur'an bertanya Bani Israel:

أَمْ كُنتُمْ شُهَدَآءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ ٱلْمَوْتُ

"Adakah kamu semua menyaksi ketika Ya'kub hampir didatangi maut?"

Inilah peristiwa yang disaksi dan dijelaskan Allah, dan dengan penjelasan ini Allah mematahkan segala hujah mereka yang mengelirukan dan memutuskan segala hubungan yang haqiqi di antara mereka dengan moyang mereka Israel (Ya'kub).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 134)

Berdasarkan penjelasan ini ketaralah perbezaan yang amat nyata di antara generasi umat Bani Israel yang telah berlalu dengan generasi Bani Israel yang dihadapi oleh da'wah Islam di zaman (Rasulullah s.a.w.), di mana tidak terdapat ruang hubungan, ruang warisan dan ruang keturunan di antara generasi yang dahulu dan generasi yang kemudian.

تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ ۖ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُم مَّا كَسَبْتُمْ ۖ
وَلَا تُسْـَٔلُونَ عَمَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٣٤﴾

"Itulah satu umat yang telah berlalu, mereka memperolehi apa yang mereka usahakan dan kamu memperolehi apa yang kamu usahakan dan kamu tidak dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka."(134)

Istilah Umat Dalam Islam

Setiap umat masing-masing mempunyai kira-kira amalannya, masing-masing mempunyai jalan sendiri, masing-masing mempunyai gelaran sendiri dan masing-masing mempunyai sifat yang tersendiri. Umat Israel yang silam adalah satu umat dari orang-orang yang beriman yang tidak ada apa-apa hubungan dengan generasi yang kemudian dari orang-orang Israel yang menyeleweng dari agama yang benar. Generasi-generasi mereka yang kemudian ini bukannya merupakan lanjutan dari generasi mereka yang dahulu. Yang dahulu merupakan satu golongan

yang berlainan dari golongan yang kemudian. Yang dahulu mempunyai benderanya, dan yang kemudian mempunyai benderanya yang berlainan. Pemikiran dan kefahaman keimanan yang dahulu tidak sama dengan pemikiran dan kefahaman jahiliyah yang kemudian. Kefahaman dan fikiran jahiliyah tidak membezakan di antara satu generasi dengan satu generasi yang lain dalam satu umat, kerana hubungan (yang diambil kira dalam pemikiran jahiliyah) ialah hubungan bangsa keturunan, tetapi pemikiran dan kefahaman keimanan membezakan di antara generasi yang beriman dengan generasi yang fasiq. Kedua-duanya bukan merupakan satu umat dan di antara keduanya tidak terdapat apa-apa hubungan dan pertalian keluarga. Kedua-duanya merupakan umat yang berlainan di dalam neraca pertimbangan Allah dan di dalam neraca pertimbangan orang-orang yang beriman. (Istilah) umat dalam kefahaman iman ialah satu jamaah yang menganut agama dan 'aqidah yang sama dari semua bangsa dan bukannya satu jamaah yang mempunyai hubungan bangsa dan negara yang sama. Inilah bentuk pemikiran dan kefahaman yang sesuai dengan insan yang mengambil sifat insaniyahnya dari tiupan roh yang tinggi bukan dari hubungan dan perdampingan dengan bumi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 135 - 140)

Berdasarkan kenyataan sejarah yang tegas mengenai kisah perjanjian Allah dengan Ibrahim a.s., kisah Baitullah yang menjadi kiblat umat Muslimin, juga mengenai warisan dan hakikat agama, Al-Qur'an mempersoalkan dakwaan-dakwaan kaum Ahlil-Kitab dan membentangkan segala hujah dan alasan-alasan mereka, tetapi semuanya kelihatan lemah dan pudar belaka. Di samping memperlihatkan kedegilan dan dakwaan tanpa dalil dan bukti, sedangkan 'aqidah Islam benar-benar memperlihatkan dirinya sebagai satu 'aqidah yang tabi'i, lengkap dan syumul, hanya orang-orang yang degil sahaja yang menyeleweng darinya.

وَقَالُوا۟ كُونُوا۟ هُودًا أَوْ نَصَٰرَىٰ تَهْتَدُوا۟ ۗ قُلْ بَلْ مِلَّةَ
إِبْرَٰهِـۧمَ حَنِيفًا ۖ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٣٥﴾
قُولُوٓا۟ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ إِلَىٰٓ
إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطِ
وَمَآ أُوتِىَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَآ أُوتِىَ ٱلنَّبِيُّونَ مِن
رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ
مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾
فَإِنْ ءَامَنُوا۟ بِمِثْلِ مَآ ءَامَنتُم بِهِۦ فَقَدِ ٱهْتَدَوا۟ ۖ
وَّإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا هُمْ فِى شِقَاقٍ ۖ فَسَيَكْفِيكَهُمُ
ٱللَّهُ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٣٧﴾
صِبْغَةَ ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ صِبْغَةً ۖ وَنَحْنُ
لَهُۥ عَٰبِدُونَ ﴿١٣٨﴾
قُلْ أَتُحَآجُّونَنَا فِى ٱللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَآ
أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ مُخْلِصُونَ ﴿١٣٩﴾
أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ
وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطَ كَانُوا۟ هُودًا أَوْ نَصَٰرَىٰ ۗ
قُلْ ءَأَنتُمْ أَعْلَمُ أَمِ ٱللَّهُ ۗ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَتَمَ
شَهَٰدَةً عِندَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٠﴾

"Dan mereka berkata: 'Hendaklah kamu anuti agama Yahudi atau Nasrani agar kamu mendapat hidayat' Jawablah! '(Kita) sepatutnya mengikut agama Ibrahim yang lurus dan dia bukanlah dari golongan Musyrikin'(135). Katakanlah, 'Kami beriman kepada Allah dan kepada wahyu diturunkan kepada kami dan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak-anaknya, juga kepada wahyu yang dikurniakan kepada Musa, 'Isa dan wahyu yang dikurniakan kepada para anbia' dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka dan kami sekalian kaum Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)'(136). Dan andainya mereka beriman sama dengan apa yang telah diimani kamu, maka bererti mereka telah mendapat hidayat dan andainya mereka berpaling, maka bererti mereka sentiasa berada di dalam pertentangan dan Allah akan melindungi engkau dari kejahatan mereka dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(137). (Kami berpegang dengan) agama yang diwarnakan Allah dan tidak ada yang lebih elok dari agama yang diwarnakan Allah dan kami sekalian beribadat kepada-Nya(138). Katakanlah! Apakah kamu hendak berdebat dengan kami tentang Allah, sedangkan Dia itu Tuhan kami dan Tuhan kamu. Kami memperolehi balasan dari amalan-amalan kami dan kamu memperolehi balasan dari amalan-amalan kamu dan kami hanya menumpukan keta'atan kami kepada Allah sahaja?(139). Atau apakah kamu mahu mengatakan bahawa Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak cucunya adalah semuanya menganut agama Yahudi atau Nasara. Katakanlah: 'Siapakah yang lebih mengetahui kamu atau Allah?' Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang menyembunyikan keterangan dari Allah yang tersimpan di sisinya? Dan Allah sekali-kali tidak lalai dari apa yang kamu lakukan."(140)

Yakni kaum Yahudi berkata: Hendaklah kamu anuti agama Yahudi supaya kamu mendapat hidayat, dan kaum Nasara juga berkata: Hendaklah kamu anuti agama Nasara supaya kamu mendapat hidayat. Allah satukan perkataan dua kaum ini untuk mengarah Rasulullah s.a.w. supaya menghadapi seluruh mereka dengan satu jawapan sahaja.

قُلْ بَلْ مِلَّةَ إِبْرَٰهِـۧمَ حَنِيفًا ۖ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٣٥﴾

"Jawablah: Malah (kita) sepatutnya mengikut agama Ibrahim yang lurus dan dia bukanlah dari golongan Musyrikin."(135)

Yakni jawablah: Sebenarnya kita, iaitu kami dan kamu sepatutnya pulang kepada agama Ibrahim moyang kami, juga moyang kamu, iaitu agama yang menjadi pokok pangkal agama Islam dan, Ibrahimlah yang telah berjanji dengan Allah untuk mematuhinya. Dan beliau bukanlah dari golongan yang menganut kepercayaan syirik, sedangkan kamulah menganut kepercayaan syirik.

Kemudian Al-Qur'an menyeru umat Muslimin supaya mengisytiharkan kesatuan agama yang agung dari sejak Ibrahim, bapa anbia', hingga kepada 'Isa putera Maryam dan akhirnya kepada agama Islam yang terakhir, dan menyeru semua Ahlil-Kitab supaya beriman dengan agama yang satu dan sama ini:

قُولُوٓا۟ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ إِلَىٰٓ
إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَـٰعِيلَ وَإِسْحَـٰقَ وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطِ
وَمَآ أُوتِىَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَآ أُوتِىَ ٱلنَّبِيُّونَ مِن
رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ
مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾

"Katakanlah, 'Kami beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang diturunkan kepada kami dan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak-anaknya, juga kepada wahyu yang dikurniakan kepada Musa, 'Isa dan wahyu yang dikurniakan kepada para anbia' dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka dan kami sekalian kaum Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)."(136)

Kesatuan Agama Allah

Itulah kesatuan agung di antara semua agama Allah dan semua rasul, dan itulah dasar kefahaman dan pemikiran Islam. Kesatuan inilah yang menjadikan umat Muslimin satu umat pewaris yang mewarisi agama Allah di muka bumi ini, iaitu agama yang bersambung dengan asal-usul yang amat tua, yang mengikuti jalan hidayat dan nur. Seterusnya kesatuan inilah yang menjadikan sistem hidup Islam, satu sistem sejagat yang membolehkan seluruh manusia hidup di bawah naungan-Nya tanpa fanatik dan tanpa penindasan. Ia menjadikan masyarakat Islam satu masyarakat yang terbuka kepada semua manusia, di mana mereka (dapat hidup dalam) suasana mesra dan damai.

Oleh sebab itu ayat yang berikut menjelaskan satu hakikat yang agung, dan di atas hakikat inilah ditegakkan orang-orang yang beriman kepada 'aqidah ini, iaitu hakikat bahawa 'aqidah ini ialah hidayat. Sesiapa yang mengikuti 'aqidah ini bererti mendapat hidayat, dan sesiapa yang enggan menerimanya maka dia tidak akan dapat berdiri di atas satu tapak pegangan yang kukuh dan ia akan terus berada dalam keadaan pertentangan dengan berbagai-bagai golongan dan puak yang tidak mempunyai titik pertemuan di atas sesuatu pegangan yang tetap:

فَإِنْ ءَامَنُوا۟ بِمِثْلِ مَآ ءَامَنتُم بِهِۦ فَقَدِ ٱهْتَدَوا۟
وَّإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا هُمْ فِى شِقَاقٍ ۖ

"Dan andainya mereka beriman sama dengan apa yang telah diimani kamu maka, bererti mereka telah mendapat hidayat dan andainya mereka berpaling maka, bererti mereka sentiasa berada di dalam pertentangan."

Kenyataan dan keterangan ini adalah dari Allah S.W.T. Ia mencurahkan ke dalam hati orang yang beriman rasa bangga dengan agama pegangan mereka. Kerana merekalah sahaja golongan yang mendapat hidayat. Dan sesiapa yang tidak beriman seperti keimanan mereka, maka bererti dia menentang agama yang benar dan berseteru dengan hidayat, sedangkan para Mu'minin tidak menanggung dosa terhadap tentangan orang-orang yang tidak menerima hidayat dan tidak beriman, mereka tidak menanggung apa-apa kesalahan dari angkara tipu daya mereka yang licin dan seterusnya mereka tidak menanggung apa-apa kesalahan dari bangkangan dan bantahan mereka. Allah akan melindungi orang yang beriman dari kejahatan mereka dan cukuplah Allah sendiri menjadi pelindung mereka:

فَسَيَكْفِيكَهُمُ ٱللَّهُ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٣٧﴾

"Dan Allah akan melindungi engkau dari kejahatan mereka dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(137)

Kewajipan orang yang beriman ialah berdiri teguh dan jujur di atas agamanya dan berbangga dengan agama yang benar yang diambil secara langsung dari Allah, juga berbangga dengan gelaran (Muslim) yang disalutkan Allah ke atas hamba-hamba kesayangan-Nya (yang beriman) hingga mereka terkenal dengan gelaran itu dimuka bumi ini:

صِبْغَةَ ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ صِبْغَةً ۖ وَنَحْنُ
لَهُۥ عَـٰبِدُونَ ﴿١٣٨﴾

"(Kami berpegang dengan) agama yang diwarnakan Allah dan tidak ada yang lebih elok dari agama yang diwarnakan Allah dan kami sekalian beribadat kepada-Nya."(138)

Itulah agama yang diwarnakan Allah yang dikehendaki-Nya sebagai agama terakhir umat manusia agar dapat ditegakkan di atasnya kesatuan umat manusia yang luas, di mana tiada ruang bagi sikap fanatik dan meluahkan hasad dengki, dan tiada

ruang perbezaan bangsa-bangsa dan warna-warna kulit.

Di sini marilah kita berhenti memerhati salah satu dari ciri-ciri pengungkapan Al-Qur'an yang mengandungi maksud yang mendalam, iaitu bahagian awal ayat ini ((صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً)) adalah dari kenyataan Allah yang menjelaskan hakikat yang sebenar, dan baki akhir surah ini adalah dari kenyataan orang-orang yang beriman. Ia disambung terus dengan kenyataan Allah S.W.T. tanpa dicerai, dan semua kenyataan itu merupakan ayat Al-Qur'an belaka yang diturunkan Allah, tetapi bahagian awalnya menceritakan kenyataan Allah dan bahagian akhir menceritakan kenyataan orang-orang yang beriman. Itu adalah satu penghormatan yang amat besar, kerana kenyataan orang-orang yang beriman itu disambung terus dengan kenyataan Allah dalam serangkai ayat sahaja. Ini berdasarkan kepada hubungan yang amat rapat di antara para Mu'minin dengan Allah, juga berdasarkan kepada kejujuran iman yang menghubungkan di antara mereka dengan Allah. Contoh-contoh yang seperti ini banyak terdapat di dalam Al-Qur'an dan ia mengandungi maksud yang amat besar.

Kemudian hujah yang kuat terus dikemukakan sehingga kepada penghabisannya yang tegas:

قُلْ أَتُحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ ﴿١٣٩﴾

"Katakanlah! Apakah kamu hendak berdebat dengan kami tentang Allah, sedangkan Dia itu Tuhan kami dan Tuhan kamu, kami memperolehi balasan dari amalan-amalan kami dan kamu memperolehi balasan dari amalan-amalan kamu dan kami hanya menumpukan keta'atan kami kepada Allah sahaja?"(139)

Tiada ruang untuk mempertikaikan keesaan Allah dan Rububiyah-Nya. Dia adalah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Kami dihisab terhadap amalan-amalan kami dan kamu menanggung dosa-dosa amalan kamu. Kami menumpukan keta'atan kepada Allah sahaja, dan kami tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun dan kami tidak meletakkan harapan pada yang lain dari Allah. Inilah kenyataan yang menjelaskan pendirian dan i'tiqad kaum Muslimin, dan kenyataan ini tidak boleh dipertikaikan lagi.

Kerana itu ayat yang berikut berpindah kepada ruang yang lain dan kenyataannya pendebatan ini juga jelas, tidak boleh dipertikaikan:

أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ نَصَارَىٰ

"Atau apakah kamu mahu mengatakan bahawa Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak cucunya adalah semuanya menganut agama Yahudi atau Nasara."

Mereka adalah lebih dahulu dari Musa dan lebih dahulu dari agama Yahudi dan agama Nasara, dan Allah sendiri menerangkan hakikat agama mereka iaitu agama Islam sebagaimana telah diterangkan sebelum ini.

قُلْ أَأَنتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ

"Katakanlah: Siapakah yang lebih mengetahui kamu atau Allah?"

Itulah pertanyaan yang tidak memerlukan jawapan. Ia mengandungi kecaman yang membuat lidah tidak dapat memberi jawapan.

Kamu sememangnya mengetahui bahawa mereka wujud sebelum wujudnya agamanya Yahudi dan agama Nasara, dan mereka berpegang dengan agama Hanifiyah (Tauhid) yang pertama yang tidak mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun. Dan kamu juga menyimpan keterangan Allah di dalam kitab-kitab kamu bahawa di akhir zaman kelak akan dibangkit seorang nabi yang membawa agama Hanifiyah, iaitu agama Ibrahim, tetapi kamu telah menyembunyikan keterangan ini:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَتَمَ شَهَادَةً عِندَهُ مِنَ اللَّهِ

"Dan siapakah yang lebih zalim dari orang-orang yang menyembunyikan keterangan dari Allah yang tersimpan di sisi-Nya?"(140)

Allah mengetahui bahawa kamu telah menyembunyikan keterangan yang telah diamanahkan kepada kamu itu, dan mengetahui bagaimana kamu mempertikaikan keterangan ini dengan tujuan untuk menyembunyikan dan mengelirukannya:

وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٠﴾

"Dan Allah sekali-kali tidak lalai dari apa yang kamu lakukan."(140)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 141)

Apabila penerangan ayat-ayat itu sampai kepada kemuncak hujah yang tidak dapat dijawab dan kepada titik penyelesaian masalah dan kepada tahap menjelaskan perbezaan yang menyeluruh dari segenap sudut di antara pegangan Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak-anaknya dengan kaum Yahudi yang sezaman (dengan Rasulullah s.a.w.), maka Al-Qur'an kembali mengulangi ayat pemutus yang dijadikan penamat kata sebelum ini iaitu ketika ia memperkatakan tentang Ibrahim dan zuriat-zuriatnya yang Muslimin:

تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُم مَّا كَسَبْتُمْ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٤١﴾

"Itulah satu umat yang telah berlalu. Mereka memperolehi apa yang mereka usahakannya dan kamu memperolehi apa yang kamu usahakannya dan kamu tidak dipertanggung-jawabkan terhadap apa yang dilakukan mereka."(141)

Ayat ini mengandungi kata pemutus, pengakhir perdebatan dan kalimat terakhir terhadap dakwaan-dakwaan mereka yang panjang lebar itu.

(Tamat Juzu' Yang Pertama)

JUZU' KE-2

SURAH AL-BAQARAH

JUZU' YANG KEDUA



Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata pengantar)

Mulai juzu' ini di dalam Surah al-Baqarah, kita dapati pembicaraannya ditekankan pada penyediaan kaum Muslimin untuk memikul tugas amanah agung, iaitu amanah 'aqidah Islam dan amanah khilafah di bumi atas nama 'aqidah ini, walaupun dari satu masa ke satu masa kita masih menemui perdebatan dengan musuh-musuh kaum Muslimin yang menentang mereka terutama Bani Israel, di mana kaum Muslimin menghadapi komplot-komplot, tipu daya dan penentangan mereka terhadap dasar-dasar 'aqidah dan terhadap kewujudan kaum Muslimin. Begitu juga kita dapat menemui berbagai-bagai arahan dan perintah Ilahi kepada kaum Muslimin untuk menghadapi penentangan dan peperangan yang berbagai-bagai cara dan rupa yang dilancarkan oleh musuh-musuh mereka, dan untuk menghindari jalan-jalan gelincir yang telah menjatuhkan Bani Israel sebelum ini.

Bahan pembicaraan pokok juzu' ini dan baki surah ialah melengkapkan kaum Muslimin dengan ciri-ciri satu umat yang memegang teraju khilafah dan ciri-ciri keperibadiannya yang bebas dan berdiri sendiri, iaitu bebas dengan kiblat sendiri dan dengan undang-undang dan peraturan-peraturannya yang mengesahkan peraturan-peraturan dan undang-undang agama-agama Samawi sebelumnya dan mengatasinya, dan juga bebas dengan sistem hidupnya yang merangkumi segala bidang hidup... terutamanya bebas dengan kefahamannya yang tersendiri terhadap alam al-wujud dan hayat, dan terhadap hubungan mereka dengan Allah, juga terhadap fungsi mereka di muka bumi ini dan kehendak-kehendak fungsi ini dari kewajipan-kewajipan mengenai diri, harta benda, perasaan, perilaku dan pengorbanan, juga kesediaan untuk memberi keta'atan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Ilahiyah yang digambarkan di dalam pengajaran-pengajaran Al-Qur'anul-Karim dan bimbingan-bimbingan Nabi s.a.w. dan menerima pengajaran-pengajaran dan bimbingan-bimbingan itu dengan patuh, redha, percaya dan yakin.

Oleh sebab itu di sini kita dapati pembicaraan mengenai perubahan kiblat, dan dari pembicaraan ini ternyata bahawa Allah mahu supaya umat Muslimin menjadi satu umat yang adil saksama, di mana para anggotanya menjadi saksi di atas umat manusia yang lain sedangkan Rasulullah s.a.w. menjadi saksi ke atas mereka, dan satu umat yang memegang teraju kepimpinan, kekuasaan, penyeliaan dan bimbingan di atas umat-umat manusia yang lain di muka bumi. Begitu juga kita dapati umat Muslimin diseru supaya bersabar memikul kewajipan-kewajipan dari tugas (besar) yang terletak di atas bahu mereka, iaitu tugas yang harus dipikul oleh mereka untuk (kebajikan) umat manusia seluruhnya, dan seterusnya bersabar menanggung beban-beban pengorbanan jiwa dan harta benda dan redha menerima takdir Allah dan memulangkan segala urusan kepada Allah dalam segala keadaan.

Kemudian kita dapati penjelasan mengenai beberapa dasar kefahaman dan pemikiran keimanan, iaitu menjelaskan bahawa keta'atan itu ialah taqwa dan amalan yang soleh bukannya memaling-malingkan muka ke arah Timur dan Barat. Penjelasan ini merupakan jawapan terhadap tindak-tanduk kaum Yahudi yang menimbulkan keadaan gelisah, menyembunyi dan mengelirukan hakikat-hakikat yang sebenar, mencetuskan perdebatan dan pertikaian dalam perkara-perkara yang mereka ketahui kebenarannya. Kebanyakan pembicaraan di dalam bahagian ini ialah berhubung dengan perkara perubahan kiblat dan segala suasana dan desas-desus yang timbul di sekitarnya.

Kemudian ayat-ayat yang lain mula menjelaskan peraturan-peraturan amali dan lambang-lambang ta'abbudi iaitu dua unsur yang menjadi landasan kehidupan umat Muslimin. Ianya mengatur masyarakat kaum Muslimin untuk membolehkan mereka menghadapi tugas-tugas penting yang terletak di atas bahu mereka. Oleh itu (di sini) kita dapati pembicaraan-pembicaraan mengenai undang-undang qisas, peraturan wasiat, fardhu puasa, hukum-hukum berperang di bulan-bulan haram dan di Masjidil-Haram, fardhu haji, dan hukum-hukum minum arak dan berjudi dan undang-undang keluarga. Semuanya diikat dengan tali 'aqidah dan tali hubungan dengan Allah. Begitu juga kita dapati di bahagian akhir juzu' ini - berhubungan dengan pembicaraan mengenai jihad dengan jiwa dan harta benda - sebuah kisah di dalam sejarah hidup Bani Israel selepas Nabi Musa a.s., di mana mereka meminta kepada nabi mereka: Lantikkan untuk kami seorang raja supaya kami dapat berperang kerana sabilillah. Di dalam kisah itu terdapat banyak pengajaran dan bimbingan-bimbingan dan saranan-saranan kepada kaum Muslimin selaku umat yang mewarisi warisan agama-agama Samawi sebelumnya dan mewarisi pengalaman-pengalaman umat-umat sebelumnya dalam warisan ini.

* * * * * *

Dari kajian juzu' ini, di samping juzu' pertama surah ini kita dapat memahami tabi'at perjuangan yang diharungi Al-Qur'an dan tabi'at matlamat yang dituju oleh Al-Qur'an dalam membangunkan umat Muslimin, iaitu satu perjuangan yang besar menentang komplot-komplot, fitnah-fitnah, permainan-permainan jahat, gerakan menimbulkan keadaan-keadaan gelisah, pengeliruan dan pendustaan, juga menentang kelemahan manusia dan pintu-pintu fitnah dan kesesatan di dalam jiwa manusia. Ia juga merupakan perjuangan untuk

pembangunan umat, memberi bimbingan-bimbingan dan menegakkan kefahaman dan pemikiran yang betul agar dapat dibangunkan di atasnya umat Muslimin yang telah diserahkan teraju khilafah di bumi ini, iaitu umat yang bertugas mengendalikan kepimpinan yang betul kepada seluruh umat manusia.

Di sini ciri mu'jizat Al-Qur'an dapat dilihat dengan jelas, iaitu bimbingan-bimbingan, arahan-arahan dan dasar-dasar yang dikemukakan oleh Al-Qur'an untuk membangunkan angkatan Muslimin yang pertama itu masih tetap menjadi bimbingan-bimbingan, arahan-arahan dan dasar-dasar yang sama yang perlu untuk membangunkan angkatan Muslimin di setiap zaman dan tempat. Perjuangan yang telah ditempuh oleh Al-Qur'an terhadap musuh-musuh angkatan Muslimin itulah juga perjuangan yang mungkin dihadapi olehnya di setiap zaman dan tempat. Bukan itu sahaja, malah musuh-musuh biasa atau tradisional yang dihadapi oleh Al-Qur'an ialah musuh-musuh yang sama. Komplot-komplot, tipu daya-tipu daya mereka yang licin dan jahat ialah komplot-komplot dan tipudaya-tipudaya yang sama. Cara-cara dan senjata-senjata mereka juga cara-cara dan senjata-senjata yang sama. Yang berbeza hanya bentuknya sahaja mengikut perubahan keadaan-keadaan dan suasana-suasana. Hakikat dan tabi'atnya kekal sama sahaja. Umat Muslimin memerlukan di dalam perjuangan dan langkah-langkah keselamatannya, kepada bimbingan-bimbingan Al-Qur'an yang sama dengan keperluan yang dialami oleh angkatan Muslimin yang pertama. Begitu juga mereka memerlukan dalam usaha membina kefahaman dan pemikiran mereka yang betul, juga dalam usaha memahami kedudukan mereka terhadap alam buana dan manusia, kepada ayat-ayat Al-Qur'an dan bimbingan-bimbingannya yang sama. Di dalam ayat-ayat dan bimbingan-bimbingan ini anda boleh melihat garis-garis panduannya yang amat jelas dan terang, iaitu garis-garis panduan yang anda tidak dapat menemuinya pada mana-mana sumber ilmu dan bimbingan yang lain. Al-Qur'an tetap akan menjadi kitab pedoman umat Muslimin yang berfungsi di dalam kehidupan mereka, dan kitab yang menjadi pemimpin mereka yang sebenar di alam kenyataan dan undang-undang perlembagaannya yang lengkap dan sempurna, dan darinya diambil sistem hidup, peraturan-peraturan masyarakat, asas-asas perhubungan antarabangsa, asas-asas perilaku, akhlak dan tindakan-tindakan amali.

Inilah ciri mu'jizat Al-Qur'an.

(Kumpulan ayat-ayat 142 - 152)

سَيَقُولُ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَ ٱلنَّاسِ مَا وَلَّىٰهُمْ عَن قِبْلَتِهِمُ
ٱلَّتِى كَانُوا۟ عَلَيْهَا ۚ قُل لِّلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ يَهْدِى مَن
يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٤٢﴾

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ
عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا
جَعَلْنَا ٱلْقِبْلَةَ ٱلَّتِى كُنتَ عَلَيْهَآ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعُ
ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ ۚ وَإِن كَانَتْ لَكَبِيرَةً
إِلَّا عَلَى ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ
إِيمَٰنَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٣﴾
قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِى ٱلسَّمَآءِ ۖ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً
تَرْضَىٰهَا ۚ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۚ
وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ ۗ وَإِنَّ
ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّهِمْ ۗ
وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾
وَلَئِنْ أَتَيْتَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ بِكُلِّ ءَايَةٍ
مَّا تَبِعُوا۟ قِبْلَتَكَ ۚ وَمَآ أَنتَ بِتَابِعٍ قِبْلَتَهُمْ ۚ وَمَا
بَعْضُهُم بِتَابِعٍ قِبْلَةَ بَعْضٍ ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَ
هُم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ إِنَّكَ إِذًا لَّمِنَ
ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٥﴾
ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْرِفُونَهُۥ كَمَا يَعْرِفُونَ
أَبْنَآءَهُمْ ۖ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ ٱلْحَقَّ
وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤٦﴾
ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿١٤٧﴾
وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَٱسْتَبِقُوا۟ ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ
أَيْنَ مَا تَكُونُوا۟ يَأْتِ بِكُمُ ٱللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾
وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ

ٱلْحَرَامِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا
تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾
وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ
ٱلْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ
لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنْهُمْ
فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِى وَلِأُتِمَّ نِعْمَتِى عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ ﴿١٥٠﴾
كَمَآ أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْكُمْ
ءَايَٰتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ
وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا۟ تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾
فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا
تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

"Orang-orang yang bodoh dari kalangan orang ramai akan berkata: "Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang telah dihadapi mereka (selama ini)? Katakanlah: Allah itu memiliki Timur dan Barat. Dia memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus(142). Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi terhadap kamu. Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran) dan sesungguhnya peralihan kiblat itu adalah salah satu perkara yang amat berat melainkan kepada orang-orang yang telah dihidayatkan Allah dan Allah tidak sekali-kali mensia-siakan iman kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia(143). Sesungguhnya Kami melihat engkau kerap kali menengadah mukamu ke langit, dan sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu. Oleh itu hadapilah mukamu ke arah MasjidilHaram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan kitab itu memang mengetahui bahawa (berkiblat ke Masjidil-Haram) adalah suatu perintah yang benar dari Tuhan mereka dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka(144). Dan andainya engkau telah membawa segala ayat yang menunjukkan kebenaran perintah berkiblat ke Ka'bah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu dan engkau tidak sekali-kali akan mengikut kiblat mereka, malah sebahagian mereka tidak mahu mengikut kiblat sebahagian yang lain. Dan andainya engkau menurut kehendak nafsu mereka setelah datangnya wahyu kepadamu, maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim(145).Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenali Muhammad sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri dan sesungguhnya segolongan dari mereka menyembunyikan hakikat yang sebenar, sedangkan mereka mengetahui(146). Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu(147). Setiap umat itu ada kiblat yang dihadapinya. Oleh itu berlumba-lumbalah membuat kebajikan di mana sahaja kamu berada, Allah akan kumpulkan seluruh kamu (pada hari Qiamat), sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu(148). Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah ke arah Masjidil-Haram. Sesungguhnya berkiblat ke Ka'bah itu adalah perintah yang benar dari Tuhanmu dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu(149). Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu kecuali orang-orang yang melampaui dari mereka, oleh itu janganlah takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepada-Ku dan agar Aku menyempurnakan ni'mat kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat(150). Sebagaimana kami telah utuskan di kalangan kamu seorang rasul dari golongan kamu yang membaca ayat-ayat Kami kepada kamu, membersihkan jiwa kamu dan mengajar kepadamu kitab Al-Qur'an dan al-hikmah dan mengajar kepada kamu perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui(151). Oleh itu ingatilah kepada-Ku nescaya Aku ingatkan kamu dan bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah kamu kufur terhadap-Ku"(152).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pembicaraan di dalam pelajaran ini hampir-hampir tertumpu sepenuhnya kepada peristiwa peralihan kiblat dan suasana-suasana yang melingkunginya dan komplot-komplot yang dilakukan oleh kaum Yahudi di dalam barisan kaum Muslimin mengenai peralihan kiblat itu dan desas-desus yang digembar-gemburkan oleh mereka di sekitarnya, di samping merawati kesan-kesan desas-desus itu di dalam jiwa setengah-setengah orang Islam dan di dalam barisan kaum Muslimin umumnya.

Di sana tidak terdapat satu riwayat yang qat'i mengenai peristiwa ini sebagaimana tidak terdapat satu ayat yang menerangkan sejarah peralihan itu dengan terperinci. Ayat-ayat khusus mengenainya di sini ialah ayat-ayat yang menerangkan perubahan kiblat dari Baitul-Maqdis kepada Ka'bah. Ini berlaku di Madinah selepas enam belas atau tujuh belas bulan berhijrah ke sana.

Dari kumpulan riwayat-riwayat yang berhubung dengan peristiwa ini dapatlah diambil kesimpulan secara umum, iaitu kaum Muslimin yang berada di Makkah adalah mengadap ke arah Ka'bah sejak difardhukan solat - mengenai hal ini tidak ada satu nas pun yang menerangkannya di dalam Al-Qur'an - kemudian selepas Hijrah mereka mengadap Baitul-Maqdis dengan perintah Ilahi kepada Rasulullah s.a.w. dan perintah ini kuat dipercayai bukanlah perintah menerusi Al-Qur'an. Kemudian datang perintah Al-Qur'an yang akhir memansukhkan perintah tadi iaitu ayat:

فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا
كُنتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۗ

"Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya."(144)

Walau bagaimanapun, persoalan mengadap kiblat ke arah Baitul-Maqdis - iaitu kiblat Ahlil-Kitab dari kaum Yahudi dan Nasara - telah menjadi punca yang membuat kaum Yahudi menggunakannya sebagai alasan untuk menolak kemasukan mereka ke dalam agama Islam. Mereka telah menyebarkan di'ayah mereka di Madinah bahawa amalan Muhammad dan para pengikutnya mengadap ke arah kiblat mereka di dalam solat itu menunjukkan bahawa agama mereka adalah agama yang benar dan kiblat mereka adalah kiblat yang sebenar, dan merekalah yang asal. Oleh itu lebih baik kepada Muhammad dan para pengikutnya kembali kepada agama mereka sahaja bukannya menyeru mereka masuk ke dalam agama Islam.

Dalam waktu yang sama persoalan ini menjadi satu persoalan yang sulit kepada kaum Muslimin Arab yang telah terbiasa di zaman jahiliyah memuliakan Baitullah dan menjadikannya sebagai kiblat mereka, dan persoalan ini bertambah sulit lagi setelah mereka mendengar kaum Yahudi berbangga-bangga dengan kiblat Baitul-Maqdis dan menggunakannya sebagai hujah ke atas mereka.

Rasulullah s.a.w. seringkali menengadah mukanya ke langit bertawajjuh kepada Allah tanpa sepatah kata kerana menjaga adab sopannya terhadap Allah dan menunggu arahannya yang menyukakannya.

Kemudian turunlah ayat Al-Qur'an yang memperkenan hasrat yang berkecamuk di dalam dada Rasulullah s.a.w.:

قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ ۖ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً
تَرْضَاهَا ۚ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ
وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۗ

"Sesungguhnya Kami melihat engkau kerap kali menengadah mukamu ke langit, dan sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu. Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya."(144)

Menurut riwayat-riwayat, peristiwa ini berlaku di dalam bulan yang keenam belas atau yang ketujuh belas Hijrah. Setengah-setengah kaum Muslimin sedang berada di pertengahan solat apabila mereka mendengar perintah perubahan kiblat itu, lalu mereka berpusing menghalakan muka mereka ke arah Masjidil-Haram di tengah-tengah solat mereka dan menyempurnakan solat itu dengan menghala ke kiblat yang baru.

Ketika inilah kaum Yahudi meniup serunai di'ayah mereka. Mereka merasa begitu terkilan kerana Nabi Muhammad s.a.w. dan kaum Muslimin telah beralih dari kiblat mereka. Oleh itu mereka telah kehilangan satu hujah yang kukuh yang selama ini menjadi landasan berpijak mereka dalam menunjukkan keangkuhan dan kesombongan mereka dan dalam usaha mereka menimbulkan keraguan di kalangan kaum Muslimin terhadap nilai agama mereka. Lalu mereka menaburkan di dalam barisan kaum Muslimin dan di dalam hati mereka, benih-benih keraguan dan kegelisahan terhadap pucuk pimpinan mereka dan terhadap asas agama mereka. Mereka berkata kepada kaum Muslimin: 'Jika menghala ke kiblat Baitul-Maqdis itu tidak sah, maka solat kamu di sepanjang masa ini tentulah sia-sia sahaja. Dan jika penghalaan ke kiblat Baitul-Maqdis itu benar, maka penghalaan yang baru ke Masjidil-Haram itu adalah tidak benar dan ia akan menghilangkan pahala segala solat kamu yang mengadap ke arahnya. Walau bagaimanapun - kata mereka - pemansukhan dan perubahan perintah-perintah atau ayat-ayat itu tidak sekali-kali terbit dari Allah. Inilah bukti bahawa Muhammad tidak menerima wahyu dari Allah.

Dan jelaslah kepada kita betapa besarnya kesan kempen kaum Yahudi ini di dalam hati setengah-setengah orang Islam dan di dalam barisan kaum Muslimin. Ini dapat difaham dari kajian ayat-ayat Al-Qur'an yang diturun mengenai maudhu' ini mulai dari firman-Nya:

مَا نَنسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ
مِثْلِهَا ۗ أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٦﴾

"Apa sahaja ayat yang Kami mansuhkan atau Kami tinggalkannya, Kami gantikannya dengan ayat yang lebih baik darinya atau setanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah itu berkuasa di atas segala sesuatu?"(106).

Yang mana pembicaraan maudhu' ini telah memenuhi dua pelajaran di dalam juzu' yang pertama, juga dapat difaham dari kajian pelajaran ini di dalam juzu' yang kedua ini di samping penegasan-penegasan, penjelasan-penjelasan dan amaran-amaran yang kita akan pelajari dengan terperinci selepas ini ketika ditafsirkan nas-nas Al-Qur'an nanti. Sekarang kami ingin kemukakan sepatah kata tentang hikmat perubahan kiblat dan tentang mengapa kaum Muslimin dikurniakan kiblat khas untuk mereka hadapi (dalam solat mereka). Peristiwa ini merupakan satu peristiwa yang amat besar di dalam sejarah pertumbuhan jama'ah Muslimin dan ia mempunyai kesan yang besar di dalam kehidupan mereka.

Perubahan kiblat yang pertama dari Ka'bah kepada Masjidil-Aqsa itu ialah kerana sesuatu hikmat pendidikan yang ditunjukkan oleh sepotong ayat di dalam pelajaran ini iaitu:

وَمَا جَعَلْنَا ٱلْقِبْلَةَ ٱلَّتِى كُنتَ عَلَيْهَآ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعُ ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ

"Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran)."(143)

Orang-orang Arab sentiasa memuliakan Baitullah di zaman jahiliyah dan mereka mengirakannya sebagai lambang kemuliaan bangsa mereka tetapi oleh sebab Islam mahu membersihkan hati mereka supaya bulat kepada Allah semata-mata dan tidak bersangkut dengan sesuatu yang lain darinya, dan supaya bersih dari segala rasa kemegahan perkauman dan semangat fanatik bangsa, iaitu rasa kemegahan dan kesetiaan yang lain dari kemegahan dan kesetiaan kepada agama Allah yang berhubung secara langsung dengan Allah dan bersih dari segala hubungan sejarah atau hubungan kebangsaan atau kenegerian, maka Islam secara tegas mencabut mereka dari berkiblat kepada Baitullah dan memilih kiblat ke arah Masjidil-Aqsa dalam suatu tempoh yang tertentu untuk membersihkan jiwa mereka dari keladak-keladak jahiliyah dan segala sesuatu yang ada hubungan dengan jahiliyah, dan supaya dapat dilihat dengan jelas siapakah yang mengikut Rasulullah s.a.w. dengan ikutan yang bersih dari segala tujuan yang lain, iaitu ikutan yang penuh ta'at, patuh, yakin, redha dan menyerah diri, dan siapa yang kembali semula kepada kekufuran kerana dikongkong oleh semangat kebanggaan jahiliyah yang ada kaitan dengan bangsa, kaum, negeri dan sejarah atau semangat kebanggaan jahiliyah dari apa bentuk sekalipun yang tersemat di celah-celah lipatan perasaan dan hati nurani mereka sama ada dari jauh atau dari dekat.

Sehingga apabila kaum Muslimin menunjukkan kepatuhan yang bulat dan mengadap ke arah kiblat yang diarahkan oleh Rasulullah s.a.w., dan dalam waktu yang sama kaum Yahudi menggunakan kedudukan ini sebagai hujah bagi mereka, maka keluarlah perintah Ilahi Yang Maha Mulia supaya berkiblat ke arah Masjidil-Haram, tetapi dalam hubungan ini Allah mengikatkan hati kaum Muslimin dengan suatu hakikat yang lain, iaitu dengan hakikat Islam yang mahukan rumah Ka'bah yang dibinakan oleh Ibrahim dan Ismail itu bersih untuk Allah semata-mata dan menjadi warisan umat Muslim yang dilahirkan Allah sebagai memperkenankan do'a Ibrahim yang telah memohon kepada-Nya supaya membangkitkan di kalangan anak cucunya seorang rasul dari golongan mereka membawa agama Islam yang dipegang oleh beliau dan anak cucunya, sebagaimana telah dibicarakan di dalam pelajaran yang telah lalu pada ayat:

وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَـٰتٍ فَأَتَمَّهُنَّ

"Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah-perintah-Nya lalu disempurnakannya."(124)

di dalam juzu' yang lepas.

Pembicaraan tentang Masjidil-Haram, iaitu tentang pembinaan dan pengimarahannya dan segala apa yang ada hubungan dengan keduanya, juga perdebatan dengan kaum Musyrikin di sekitar Nabi Ibrahim a.s., zuriatnya, agamanya, kiblatnya, perjanjiannya dan wasiatnya yang telah dibicarakan terdahulu di dalam surah ini, merupakan sebaik-baik pendahuluan bagi pembicaraan mengenai peralihan kiblat kaum Muslimin dari Masjidil-Aqsa kepada Masjidil-Haram selepas tempoh ini. Oleh itu peralihan kiblat kaum Muslimin kepada Masjidil-Haram yang telah dibina oleh Ibrahim dan Ismail, di mana mereka telah berdo'a kepada Allah dengan do'a yang panjang itu, kelihatan di dalam ayat ini sebagai satu peralihan yang tabi'i dan logik kerana kaum Muslimin mewarisi agama Ibrahim yang telah berjanji dengan Allah. Ia merupakan peralihan fizikal yang sesuai dengan peralihan semangat yang diciptakan oleh sejarah (Ka'bah itu).

Allah telah memerintah Ibrahim supaya menjadikan dirinya dari golongan Muslimin dan Ibrahim pula telah mewasiatkan agama Islam ini kepada anak cucunya yang datang kemudian sama seperti wasiat yang telah dilakukan oleh Ya'kub - Israel - Ibrahim a.s. tahu dan sedar bahawa warisan janji Allah dan limpah kurnia-Nya itu tidak berlaku kepada anak cucunya yang zalim.

Allah telah memerintah Ibrahim dan Ismail supaya membina tapak-tapak asas Baitullah. Oleh itu Baitullah merupakan warisan mereka berdua dan warisan bagi orang-orang yang mewarisi janji Allah yang telah dijanjikan Allah kepada mereka berdua. Umat Musliminlah yang menjadi pewaris janji Allah dengan Ibrahim dan Ismail, juga pewaris limpah kurnia Allah kepada keduanya. Oleh itu amatlah tabi'i dan logik bahawa Baitullah itu diwarisi oleh umat Islam di Makkah dan dijadikannya sebagai kiblat mereka.

Pengkhususan dan kelainan merupakan dua ciri yang perlu kepada kaum Muslimin, iaitu pengkhususan dan kelainan di dalam pemikiran dan kepercayaan dan pengkhususan dan kelainan di dalam kiblat dan ibadat. Kedua-duanya pastilah mempunyai ciri-ciri yang khusus dan berlainan (dari kaum-kaum yang lain). Kadang-kadang pengkhususan itu amat jelas di dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan pemikiran dan kepercayaan, tetapi kadang-kadang pengkhususan itu tidak sejelas ini di dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kiblat dan syi'ar-syi'ar ibadat. Di sinilah Al-Qur'an menarik perhatian kepada nilai bentuk-bentuk ibadat.

Bentuk-bentuk Ibadat Lahir Dan Hubungan-Hubungannya Dengan 'Aqidah Dan Kefahaman

Orang yang melihat kepada bentuk-bentuk ibadat ini secara terpisah dari hubungan-hubungannya dan terpisah dari tabi'at jiwa dan pengaruhnya, mungkin berpendapat bahawa sikap berpegang kukuh kepada bentuk-bentuk lahir ibadat-ibadat itu merupakan semacam satu sikap fanatik yang sempit, atau semacam satu upacara beribadat dengan bentuk-bentuk yang lahir sahaja. Tetapi jika dilihat dengan pandangan yang lebih luas dan difaham dengan pemahaman yang lebih mendalam tentulah akan mendedahkan satu hakikat yang lain yang mempunyai alasannya yang cukup.

Jiwa manusia mempunyai kecenderungan yang semulajadi menggunakan bentuk-bentuk yang lahir untuk mengungkapkan perasaan-perasaan yang tersembunyi di dalam hatinya. Kecenderungan ini adalah terjadi dari susunan kejadian manusia itu sendiri yang diciptakan dengan jasad yang lahir dan roh yang ghaib. Perasaan-perasaan yang tersembunyi di dalam hatinya itu tidak tenang dan tenteram sehingga ia dijelmakan dalam bentuk yang lahir yang dapat ditanggap oleh pancaindera. Dengan bentuk inilah ia dapat mengungkapkan perasaan itu di alam kenyataan sebagaimana ia mengungkapkannya di dalam jiwanya. Ketika itu barulah dia merasa tenang dan lega kerana dia dapat meluahkan semua perasaannya dan dapat menyelaraskan di antara lahirnya dengan batinnya, dan kerana dia dapat memenuhi keinginannya kepada rahsia-rahsia dan alam-alam majhul di samping memenuhi keinginannya kepada bentuk-bentuk yang lahir yang berwarna-warni.

Di atas landasan keinginan semulajadi inilah Islam menegakkan semua syi'ar-syi'ar ibadatnya. Ibadat-ibadat Islam tidak ditunaikan dengan semata-mata niat dan tidak pula dengan semata-mata penghadapan rohani. Tetapi penghadapan itu mengambil satu bentuk yang lahir, iaitu berdiri mengadap kiblat, bertakbir, membaca, ruku' dan sujud dalam ibadat solat, dan berihram di tempat yang tertentu, memakai pakaian tertentu, bergerak tawaf dan sa'i, bertalbiyah, berkorban dan bercukur di dalam ibadat haji, berniat, menahan diri dari makan minum dan bersetubuh dalam ibadat puasa. Demikianlah seterusnya dalam setiap ibadat itu terdapat harakat-harakat yang tertentu dan dengan harakat-harakat yang tertentu itulah terjadinya ibadat untuk menyelaraskan di antara diri yang lahir dengan diri yang batin, juga menyelaraskan di antara semua daya tenaganya. Islam memenuhi semua kehendak keinginan semulajadi dengan satu cara yang sesuai dengan kefahamannya yang tersendiri.

Allah telah mengetahui bahawa keinginan semulajadi manusia menggunakan rupa bentuk yang lahir untuk melambangkan kuasa-kuasa ghaib itulah yang telah memesongkan golongan-golongan penyeleweng-penyeleweng dari jalan yang betul. Di sana terdapat golongan yang melambangkan kuasa teragung dengan lambang-lambang fizikal dalam bentuk batu-batu, pokok-pokok, bintang-bintang, matahari, bulan, binatang burung dan benda-benda yang lain apabila mereka tidak mendapat satu cara pengungkapan yang zahir yang melambangkan kuasa ghaib. Oleh sebab itu Islam datang memenuhi kehendak-kehendak keinginan semulajadi itu dengan menetapkan bentuk-bentuk harakat yang tertentu bagi syi'ar-syi'ar ibadat, serta membersihkan Zat Ilahiyah dari segala gambaran fizikal dan kedudukan pada sesuatu hala yang tertentu. (Misalnya) seseorang itu mengadap kepada kiblat apabila ia bertawajjuh (di dalam solat) kepada Allah dengan keseluruhan dirinya, iaitu dengan hati, pancaindera dan anggota-anggotanya. Dan dengan ini terlaksanalah kesatuan dan keselarasan di antara seluruh daya tenaga seseorang ketika bertawajjuh kepada Allah yang tidak bertempat walaupun manusia menggunakan kiblat dari suatu tempat yang tertentu untuk mengadap-Nya.

Perbezaan atau kelainan tempat mengadap Allah perlu wujud, di mana setiap Muslim dapat bertawajjuh kepada-Nya dengan solat dan ibadat. Tempat mengadap itu perlu dikhususkan untuk (kaum Muslimin) supaya mereka berbeza (dari golongan yang lain) dengan bentuk pemikiran, kefahaman, cara hidup dan tujuan yang tersendiri. Perbezaan ini dapat memenuhi kehendak perasaan mereka yang ingin mempunyai ciri istimewa dan tersendiri di samping mewujudkan perasaan mempunyai ciri istimewa dan tersendiri.

Islam Melarang Meniru Orang-orang Bukan Islam

Di sinilah juga terletaknya tujuan Islam melarang (kaum Muslimin) meniru dan menyerupai ciri-ciri orang-orang yang bukan Islam, kerana ciri-ciri itu merupakan pengungkapan yang lahir dari perasaan-perasaan batin seperti larangan meniru cara-cara, perasaan dan tingkahlaku mereka. Larangan ini bukannya suatu fanatik dan bukannya suatu pegangan kepada bentuk-bentuk yang lahir semata-mata, malah ia merupakan satu pandangan yang mendalam yang menembusi di sebalik bentuk-bentuk yang lahir itu. Ia merupakan pandangan kepada tujuan-tujuan dan motif-motif yang tersembunyi di sebalik bentuk-bentuk yang lahir itu, sedangkan tujuan-tujuan dan motif-motif inilah yang membezakan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, di antara satu 'aqliyah/mentaliti dengan satu 'aqliyah yang lain, di antara satu kefahaman dengan satu kefahaman yang lain, di antara satu hati nurani dengan satu hati nurani yang lain, di antara satu akhlak dengan satu akhlak yang lain dan di antara satu tujuan hidup dengan satu tujuan hidup yang lain.

Daripada Abu Hurayrah r.a. sabda Nabi s.a.w.:

إن اليهود والنصارى لا يصبغون، فخالفوهم. — اخرجه مالك والشيخان وابو دأود —

"Kaum Yahudi dan Nasara tidak mewarnakan (rambut dan janggut uban mereka) oleh itu hendaklah kamu menyalahi mereka (yakni hendaklah kamu warnakannya)."

(Dikeluarkan oleh Malik, as-Syaikhan dan Abu Daud)

Sabda Rasulullah s.a.w. ketika beliau keluar menemui satu rombongan lalu mereka bangun berdiri (menghormatinya):

لا تقوموا كما تقوم الأعاجم يعظم بعضها بعضاً — رواه ابو دأود وابن ماجه —

"Janganlah kamu bangun berdiri seperti kebiasaan orang-orang 'Ajam memuliakan satu sama lain."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibn Maajah)

Sabda beliau lagi:

لا تطرونى كما أطرت النصارى ابن مريم إنما أنا عبد فقولوا: عبدالله ورسوله — اخرجه البخاري—

"Janganlah kamu terlalu tinggi memuji-mujiku sebagaimana kaum Nasara terlalu tinggi memuji-muji putera Maryam ('Isa) kerana sesungguhnya aku hanya seorang hamba katakanlah (sifatkanlah aku ini) hamba Allah dan rasul-Nya."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari)

Rasulullah s.a.w. melarang (orang-orang Islam) dari meniru atau menyerupai pakaian (orang-orang yang bukan Islam) atau meniru gerak-geri dan tingkahlaku mereka atau meniru percakapan dan adab bicara mereka, kerana di sebalik pakaian, gerak-geri, tingkahlaku, percakapan dan adab bicara itu tersembunyi perasaan batin yang membezakan sesuatu kefahaman dari kefahaman yang lain, sesuatu sistem hidup dari sistem hidup yang lain dan sesuatu ciri kelompok dari ciri kelompok yang lain.

Kemudian beliau juga melarang (orang-orang Islam) dari menerima (ajaran-ajaran) dari yang lain dari Allah dan agama-Nya kerana umat Muslimin adalah dilahir untuk menegakkan agama ini di muka bumi. Beliau melarang (orang-orang Islam) dari kekalahan batin atau kekalahan semangat di hadapan mana-mana kaum yang lain di bumi ini, kerana kekalahan batin terhadap sesuatu masyarakat yang tertentu itulah yang mendorong hati mereka meniru masyarakat itu, sedangkan umat Muslimin diwujudkan untuk memegang teraju kepimpinan umat manusia. Oleh sebab itu mereka harus mengambil segala adat resam mereka itu dari sumber Ilahi yang telah memilih mereka sebagaimana mereka telah mengambil 'aqidah dan agama mereka dari sumber yang sama. Umat Muslimin adalah umat yang tertinggi dan umat yang adil. Merekalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin umat manusia. Oleh itu dari manakah mereka seharusnya mengambil fikiran, kefahaman dan sistem hidup mereka? Dari manakah mereka seharusnya mengambil adat resam dan peraturan-peraturan kehidupan mereka? Jika mereka tidak mengambil semuanya itu dari Allah, maka sudah tentu mereka akan mengambilnya dari manusia yang rendah sedangkan mereka datang untuk mengangkatkan manusia (ke tempat yang tinggi).

Da'wah Islam Bukanlah Da'wah Fanatik

Islam menjamin untuk umat manusia setinggi-tinggi ufuk kefahaman dan pemikiran dan selurus-lurus sistem hidup. Ia menyeru seluruh manusia kembali kepadanya. Bukanlah suatu sikap yang fanatik apabila Islam memperjuangkan kesatuan umat manusia ditegakkan di atas asas Islam bukan di atas suatu asas yang lain, dan di atas sistem hidupnya bukan di atas suatu sistem hidup yang lain, dan di bawah benderanya bukan di bawah mana-mana bendera yang lain. Orang yang menyeru anda kepada kesatuan kerana Allah, kesatuan dalam pemikiran dan kefahaman yang paling tinggi dan kesatuan dalam sistem hidup yang paling baik, dan di samping itu ia enggan menukarkan kesatuan itu dengan penyelewengan dari jalan Allah dan kejatuhan dalam gaung-gaung jahiliyah, bukanlah seorang yang fanatik, yang boleh juga disifatkan sebagai seorang yang fanatik, tetapi fanatik untuk kebaikan, kebenaran dan kebagusan.

Kaum Muslimin yang mengadap kepada kiblat khas dan tersendiri itu pastilah memahami konsep mengadap kiblat itu, iaitu kiblat itu bukannya semata-mata tempat atau hala yang dihadapkan oleh kaum Muslimin di dalam solat. Tempat dan hala itu hanya lambang-lambang semata-mata, iaitu lambang kelainan dan pengkhususan, iaitu kelainan di dalam pemikiran dan kefahaman, kelainan syakhsiyah, kelainan matlamat, kelainan minat dan cita-cita dan kelainan entiti.

Umat Muslimin Harus Menonjolkan Entiti Sendiri

Umat Muslimin yang wujud pada hari ini di tengah-tengah berbagai-bagai pemikiran jahiliyah yang memenuhi muka bumi ini, di tengah-tengah berbagai-bagai matlamat jahiliyah yang dituju oleh penduduk bumi, di tengah-tengah berbagai-bagai minat dan cita-cita jahiliyah yang menarik hati seluruh manusia dan di tengah-tengah berbagai-bagai bendera yang dikibarkan oleh semua bangsa..... umat Muslimin pada hari ini amat memerlukan kepada ciri kelainan dengan syakhsiyah Islamiyah yang tersendiri yang tidak bercampuraduk dengan syakhsiyah-syakhsiyah jahiliyah yang menonjol sekarang ini, juga kelainan dengan pemikiran dan kefahaman yang tersendiri terhadap alam al-wujud dan terhadap hayat tanpa bercampuraduk dengan cara pemikiran-pemikiran dan kefahaman-kefahaman jahiliyah yang menonjol sekarang ini, kelainan dengan matlamat-matlamat, minat-minat dan cita-cita yang sesuai dengan syakhsiyah dan cara pemikiran itu, kelainan dengan satu bendera yang tersendiri yang membawa nama Allah yang Maha Esa sahaja hingga mereka dikenal sebagai umat adil yang dilahirkan Allah bagi manusia untuk memikul amanah 'aqidah dan warisannya.

'Aqidah Islamiyah merupakan satu sistem hidup yang lengkap. Sistem inilah yang membezakan umat Muslimin yang memegang teraju khilafah di bumi dan menjadi pewaris agama Allah, menjadi saksi terhadap umat manusia dan menjadi umat yang ditugas memimpin seluruh umat manusia kepada Allah. Penegakan sistem ini di dalam kehidupan unit Muslimin itulah yang dapat memberi ciri kelainan kepada mereka dari segi syakhsiyah dan entiti, dari segi matlamat-matlamat dan minat-minat kecenderungan dan dari segi bendera dan gelaran. Ia juga memberi tempat kepimpinan kepada mereka yang memang dijadikan untuk mereka, dan kerana kepimpinan inilah umat Muslimin dilahirkan untuk umat manusia. Tanpa sistem hidup ini umat Muslimin akan hilang di tengah gelanggang pergolakan dan mempunyai sifat-sifat yang samar-samar dan tidak terkenal biar bagaimana hebat sekalipun mereka memakai pakaian-pakaian, menyebar da'wah-da'wah dan mengibar bendera-bendera.

Dari pembicaraan selingan yang sehubungan dengan peristiwa peralihan kiblat itu, kita kembali semula menghadapi nas-nas Al-Qur'an dengan huraian-huraiannya yang terperinci.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 142 - 143)

سَيَقُولُ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَ ٱلنَّاسِ مَا وَلَّىٰهُمْ عَن قِبْلَتِهِمُ
ٱلَّتِي كَانُواْ عَلَيْهَاۚ قُل لِّلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُۚ يَهْدِي مَن
يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسْتَقِيمٖ ﴿١٤٢﴾
وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةٗ وَسَطٗا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ
عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدٗاۗ وَمَا
جَعَلْنَا ٱلْقِبْلَةَ ٱلَّتِي كُنتَ عَلَيْهَآ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعُ
ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِۚ وَإِن كَانَتْ لَكَبِيرَةً
إِلَّا عَلَى ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ
إِيمَٰنَكُمْۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٞ رَّحِيمٞ ﴿١٤٣﴾

"Orang-orang yang bodoh dari kalangan manusia akan berkata: Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang telah dihadapi mereka (selama ini)? Katakanlah: Allah itu memiliki Timur dan Barat. Dia memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus(142). Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi terhadap kamu. Dan Kami tidak jadikan kiblat yang Engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (di dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran) dan sesungguhnya peralihan kiblat itu adalah salah satu perkara yang amat berat melainkan kepada orang-orang yang telah dihidayatkan Allah dan Allah tidak sekali-kali mensia-siakan iman kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia."(143)

Dari keterangan-keterangan ayat-ayat Al-Qur'an dan dari rentetan-rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Madinah jelaslah bahawa yang dimaksudkan dengan "orang-orang yang bodoh" ialah kaum Yahudi. Merekalah yang menimbulkan kegemparan-kegemparan yang berlaku di sekitar perubahan kiblat sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini. Merekalah yang menimbulkan pertanyaan ini:

مَا وَلَّىٰهُمْ عَن قِبْلَتِهِمُ ٱلَّتِي كَانُواْ عَلَيْهَاۚ

"Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang dihadapi mereka (selama ini)?"

yakni kiblat Masjidil-Aqsa.

Dari al-Bara' ibn 'Azib r.a. katanya: Pada permulaan kedatangan Rasulullah s.a.w. di Madinah, beliau berhenti di kediaman datuk neneknya - atau dia berkata: Bapa-bapa saudara sebelah ibunya - dari orang-orang Ansar dan beliau mendirikan solat mengadap Baitul-Maqdis selama enam belas bulan atau tujuh belas bulan. Beliau suka supaya kiblatnya menghala ke arah Baitullah, dan solat beliau yang pertama mengadap ke Baitullah ialah solat Asar diikuti oleh sekumpulan kaum Muslimin. Selepas itu seorang dari mereka yang sembahyang bersama beliau keluar dan lalu di sebuah masjid, di mana orang-orang yang bersembahyang sedang rukuk lalu dia pun berkata kepada mereka: "Aku bersaksi dengan nama Allah bahawa aku telah mendirikan solat bersama Rasulullah s.a.w. dengan mengadap ke arah Ka'bah" mereka pun terus berpusing mengadap ke arah Baitullah. Kaum Yahudi (sebelum ini) amat bergembira apabila beliau mendirikan solat dengan berkiblat ke arah Baitul-Maqdis. Oleh itu apabila beliau mengubahkan kiblatnya ke arah Baitullah, mereka terus mengecam perbuatan itu. Lalu turunlah ayat (قد نرى تقلب وجهك في السماء). Lalu berkatalah orang-orang yang bodoh iaitu kaum Yahudi:

مَا وَلَّىٰهُمْ عَن قِبْلَتِهِمُ ٱلَّتِي كَانُواْ عَلَيْهَاۚ

"Apakah sebab yang memalingkan (kaum Muslimin) dari kiblat yang dihadapi mereka (selama ini)?"

Kita dapat perhatikan bahawa cara Al-Qur'an menangani pertanyaan-pertanyaan dan fitnah ini menunjukkan betapa besarnya kesan kempen-kempen itu di dalam hati setengah-setengah kaum Muslimin dan barisan Muslimin pada masa itu. Yang jelas dari keterangan ayat ini:

سَيَقُولُ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَ ٱلنَّاسِ مَا وَلَّىٰهُمْ عَن قِبْلَتِهِمُ ٱلَّتِى كَانُوا۟ عَلَيْهَا ۚ

"Orang-orang yang bodoh dari kalangan orang ramai akan berkata: Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang dihadapi mereka (selama ini)?"

Keterangan ini merupakan permulaan bagi perisytiharan perubahan kiblat yang akan disebut di dalam ayat selepas ini di dalam pelajaran ini, di samping merupakan sebagai keterangan untuk menghapuskan desas-desus dan pertanyaan-pertanyaan yang diketahui Allah akan digembar-gemburkan oleh orang-orang yang bodoh, atau sebagai jawapan terhadap desas-desus yang telah dihamburkan mereka sebagaimana telah dijelaskan di dalam hadith yang telah lepas. Al-Qur'an menggunakan pengungkapan "akan berkata" untuk menyarankan bahawa apa yang telah dikatakan mereka itu memang telah ditentukan begitu, memang telah diketahui rancangannya dan memang telah disediakan jawapannya. Ia merupakan salah satu cara yang memberi kesan yang amat mendalam.

Kini Al-Qur'an mulai menangani kesan-kesan pertanyaan-pertanyaan itu dan memberi jawapannya dengan mengajar Rasulullah s.a.w. keterangan-keterangan untuk menghadapi (kaum Yahudi) dan untuk menjelaskan hakikat yang sebenar, dan dalam waktu yang sama untuk membetulkan kefahaman umum terhadap perkara-perkara itu:

قُل لِّلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٤٢﴾

"Katakanlah: Allah itu memiliki Timur dan Barat. Dia memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus."(142)

Nilai Arah Dan Tempat Di Sisi Allah

Arah Timur dan arah Barat adalah milik Allah belaka. Setiap yang mengadap Allah dari mana-mana arah dan hala adalah mengadap Allah belaka. Hala-hala dan tempat-tempat itu sendiri tidak mempunyai apa-apa nilai, malah yang menjadikan hala-hala dan tempat-tempat itu bernilai ialah apabila ia dipilih dan diarah oleh Allah. Dan Allah memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus. Oleh itu apabila Allah telah memilih sesuatu arah dan kiblat kepada hamba-hamba-Nya, maka arah dan kiblat itulah yang terpilih dan melalui kiblat inilah mereka dapat berjalan menuju ke jalan yang lurus.

Demikianlah Al-Qur'an menjelaskan hakikat kefahaman yang sebenar terhadap konsep tempat-tempat dan arah-arah, dan terhadap hakikat sumber yang sebenar di mana manusia harus menerima arahan-arahan dan perintah-perintah, dan juga terhadap hakikat mengadap Allah yang betul, iaitu mengadap Allah dalam setiap keadaan.

* * * * * *

Tugas Umat Muslimin Di Dunia

Kemudian Al-Qur'an membicarakan tentang umat Muslimin, iaitu tentang hakikat mereka yang agung di alam ini, tentang tugas mereka yang amat besar di bumi ini, tentang kedudukan mereka yang besar di kalangan umat manusia dan tentang peranan mereka yang asasi di dalam kehidupan manusia. Semuanya ini memerlukan mereka harus mempunyai kiblat yang tersendiri, mempunyai syakhsiyah yang tersendiri dan mereka tidak harus mematuhi kepada sesiapa kecuali kepada Allah yang telah memilih mereka memikul amanah yang besar ini:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ

"Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi terhadap kamu."

Umat Muslimin Umat Pertengahan Yang Adil

Yakni umat Muslimin adalah umat pertengahan yang adil yang menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan menegakkan keadilan di antara mereka, dan menetapkan neraca-neraca pertimbangan dan nilai-nilai, memberi fikiran dan pandangan yang mu'tamad kepada mereka, menimbangkan nilai-nilai, pemikiran-pemikiran, kefahaman-kefahaman mereka, adat-adat resam dan lambang-lambang mereka dan memberi keputusan-keputusan kepada mereka dengan mengatakan ini benar itu tidak benar, bukannya fikiran-fikiran, nilai-nilai, neraca-neraca dan ukuran-ukuran yang diterima dari manusia. Mereka menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan mempunyai kedudukan sebagai hakim yang adil kepada mereka. Sementara umat Muslimin menjadi saksi terhadap umat manusia, maka Rasulullah s.a.w. pula menjadi saksi terhadap mereka, beliaulah yang menetapkan neraca-neraca, ukuran-ukuran dan nilai-nilai mereka, beliaulah yang menilai amalan-amalan dan adat resam mereka dan menimbangkan segala perbuatan yang terbit dari mereka dengan memberi kata-kata pemutus terhadapnya. Dengan ini hakikat dan fungsi umat Muslimin sentiasa membaharu agar hakikat dan fungsi ini diketahui mereka, dan agar mereka sedar betapa besarnya tugas mereka, dan seterusnya agar mereka dapat menilaikan peranan mereka dengan penilaian yang sebenar dan membuat persediaan yang wajar untuknya.

Umat Muslimin adalah umat pertengahan yang adil dalam segala erti keadilan sama ada keadilan dengan erti kebaikan dan kelebihan atau keadilan dengan erti kesederhanaan atau dengan ertinya yang fizikal, iaitu duduk di tengah-tengah.

Mereka adalah satu *"umat yang adil"* (أمة وسطا) dari segi kefahaman dan kepercayaan. Mereka tidak melampau-lampau dalam kemurnian rohaniyah dan

tidak pula melampau di dalam kejatuhan kebendaan. Mereka mengikut fitrah semulajadi yang diwakili oleh roh yang disalut dengan jasad atau oleh jasad yang disalut dengan roh. Mereka memberi kepada diri mereka yang mempunyai dua tenaga itu haknya yang sempurna dengan bekalan masing-masing. Mereka bekerja untuk memaju dan meningkatkan hayat dan kelanjutannya. Mereka melepaskan segala kegiatan di alam perasaan dan keinginan tanpa keterlaluan, malah secara sederhana dan selaras.

Mereka adalah satu "*umat yang adil*" dari segi pemikiran dan perasaan. Mereka tidak membeku dengan pengetahuan-pengetahuan yang diketahui mereka dan menutup segala pintu ujian dan ilmu pengetahuan yang lain. Mereka tidak terikut-ikut kepada setiap penyeru dan meniru orang lain seperti beruk yang lucu, malah mereka berpegang teguh dengan kefahaman-kefahaman, cara-cara dan dasar-dasar berfikir yang ada pada mereka. Mereka mengkaji dengan teliti segala hasil pemikiran dan ujian. Cogan kata mereka yang kekal ialah "hakikat itu barang hilang orang Mu'min, di mana sahaja mereka temui hakikat itu mereka akan mengambilnya dengan penuh keyakinan."

Mereka adalah satu "*umat yang adil*" dari segi penyusunan dan penyelarasan. Mereka tidak membiarkan seluruh hidup ini kepada perasaan dan hati manusia sahaja dan tidak pula membiarkannya kepada kuasa undang-undang dan hukuman sahaja, malah mereka meningkatkan hati nurani manusia dengan bimbingan dan pendidikan, dan menjaga kesejahteraan masyarakat dengan undang-undang dan hukuman dan mencampurkan di antara bimbingan dan undang-undang. Mereka tidak menyerahkan manusia kepada kekuasaan dan hukuman perintah dan tidak pula menyerah mereka kepada ilham hati nurani semata-mata malah mereka mencampurkan di antara keduanya.

Mereka adalah satu "*umat yang adil*" dari segi pertalian-pertalian dan hubungan-hubungan. Mereka tidak mengabaikan syakhsiyah individu dan nilai-nilainya dan tidak pula menghapuskan syakhsiyah individu di dalam syakhsiyah kelompok atau negara. Mereka tidak menjadikan individu itu bebas lepas, mementing diri, tamak haloba dan menjaga faedah diri sahaja, malah mereka membebaskan motif-motif dan tenaga-tenaga manusia sekadar yang boleh membawa manusia kepada harakat kemajuan dan kesuburan, dan membebaskan keinginan-keinginan dan ciri-ciri manusia sekadar yang boleh menegakkan syakhsiyah individu dan kewujudannya, kemudian mereka memasang brek-brek dan pengawal-pengawal yang dapat menghalangkan keterlaluan dan memberi motivasi-motivasi yang boleh menggalakkan individu untuk berkhidmat kepada masyarakat. Mereka menetapkan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dapat menjadikan individu berkhidmat kepada masyarakat dan masyarakat berkhidmat kepada individu dalam satu bentuk hubungan yang selaras dan harmoni.

Mereka adalah satu "umat yang adil" dari segi tempat, mereka mendiami kawasan-kawasan pusat dan tengah-tengah bumi. Sehingga ke sa'at ini, umat yang bumi mereka diselubungi nur Islam ialah umat yang mendiami di kawasan-kawasan di tengah bumi di antara Timur dan Barat dan di antara Selatan dan Utara. Dengan kedudukan yang sedemikian umat Muslimin masih menjadikan diri mereka sebagai saksi terhadap seluruh manusia. Mereka memberi apa yang ada pada mereka kepada seluruh penduduk bumi, dan dengan perantaraan mereka dipindahkan hasil-hasil alam dan hasil-hasil rohani dan pemikiran dari satu tempat ke satu tempat. Merekalah yang memegang teraju pergerakan ini baik dari segi kebendaannya mahupun dari segi kerohaniannya.

Mereka adalah satu "umat yang pertengahan" dari segi zaman. Kelahiran mereka menamatkan zaman kebudakan manusia sebelumnya dan selepas itu merekalah yang menjadi pengawal zaman kematangan akal manusia. Mereka berada di pertengahan zaman, di mana mereka membersih umat manusia dari kepercayaan-kepercayaan yang karut dan khurafat-khurafat yang masih terlekat pada mereka sejak dari zaman kebudakan mereka. Merekalah yang menghalangkan umat manusia dari tersesat dengan akal dan hawa nafsu mereka. Merekalah yang mengahwinkan di antara warisan rohani dari zaman-zaman para rasul dengan hasil-hasil pencapaian akal manusia yang terus berkembang subur itu. Merekalah yang dapat membimbing umat manusia ke jalan yang lurus di antara warisan rohani dan pencapaian akal.

Tiada yang menghalangi umat Muslimin hari ini dari mengambil tempat mereka yang sebenar yang telah dikurniakan Allah kepada mereka selain dari (kesalahan) kerana mereka telah meninggalkan sistem hidup Allah yang telah dipilih untuk mereka, dan kerana mereka telah memilih berbagai-bagai sistem hidup yang lain yang tidak dipilih Allah untuk mereka, dan kerana mereka telah mencelupkan diri mereka dengan berbagai-bagai celupan yang lain yang bukan dari celupan syari'at Allah, sedangkan Allah mahukan mereka mencelupkan diri mereka dengan celupan syari'at Allah sahaja.

Umat Muslimin yang mempunyai fungsi dan peranan yang sedemikian besar seharusnya sanggup memikul tanggungjawab itu dan berkorban untuknya, kerana kepimpinan itu mempunyai kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawabnya. Mereka pastilah sanggup diuji sebelum memegang tanggungjawab itu agar dapat dipastikan bahawa mereka benar-benar ikhlas kepada Allah dan benar-benar bersedia untuk memberi kepatuhan yang tidak berbelah-bagi kepada kepimpinan yang betul.

* * * * * *

Hikmat Peralihan Semula Kiblat

Ayat berikut menjelaskan kepada mereka hikmat Allah memilih kiblat yang telah dihadapi mereka itu apabila mereka kini dipalingkan semula darinya.

وَمَا جَعَلْنَا ٱلْقِبْلَةَ ٱلَّتِى كُنتَ عَلَيْهَآ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعُ
ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ ۚ

"Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (di dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapakah pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran)."

Daripada ayat ini ternyatalah dengan jelas bagaimana cara didikan Rabbani yang diatur oleh Allah terhadap kelompok Muslimin yang baru itu, iaitu kelompok yang dikehendaki Allah supaya menjadi pewaris agama Allah dan pemerintah yang memerintah bumi di bawah panji-panji agama Allah. Allah mahukan kelompok ini ta'at dengan ikhlas kepadanya. Allah mahukan mereka membersihkan diri dari segala keladak jahiliyah dan hubungan-hubungannya, juga membersihkan diri dari sifat-sifat jahiliyah yang lapuk dan keinginan-keinginannya yang terpendam. Allah mahukan mereka meninggalkan segala pakaian yang telah dipakainya di zaman jahiliyah dan membuang segala lambang jahiliyah yang pernah digunakan mereka. Allah mahukan mereka menyematkan lambang Islam sahaja di dalam hati mereka dan tidak bercampuraduk dengan lambang-lambang yang lain, dan Allah mahukan mereka menerima perintah dari satu sumber sahaja dan tidak dikongsikan oleh mana-mana sumber yang lain.

Oleh kerana persoalan mengadap kiblat itu telah bercampuraduk di dalam hati orang-orang Arab dengan gagasan yang lain dari gagasan agama, dan oleh kerana 'aqidah moyang mereka telah bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan syirik dan dengan semangat fanatik kaum, kerana Baitullah dianggap di waktu itu sebagai rumah suci orang-orang Arab, sedangkan Allah mahukan rumah itu menjadi rumah suci Allah yang tidak ditokok tambah dengan lambang-lambang yang lain dan tidak bercampuraduk dengan sesuatu sifat yang lain dari sifatnya... Oleh kerana persoalan mengadap kiblat itu telah bercampur dengan ciri-ciri lain yang asing darinya, maka Allah telah memalingkan kaum Muslimin dari kiblat Baitullah untuk beberapa waktu dan mengarahkan mereka supaya berkiblat kepada Baitul-Maqdis dengan tujuan pertama untuk membersihkan perasaan mereka dari bercampuraduk dengan perasaan-perasaan yang lama, dan kedua untuk menguji sejauh mana keta'atan dan kepatuhan mereka kepada Rasulullah s.a.w. dan untuk mengasingkan orang-orang yang mengikuti beliau kerana beliau itu Rasulullah dan orang-orang yang mengikuti beliau kerana beliau telah mengekalkan taraf Baitullah sebagai kiblat dan hati mereka merasa senang dengan kekalnya taraf itu di bawah tekanan pengaruh perasaan bangga mereka terhadap bangsa dan kaum mereka dan terhadap tempat-tempat suci mereka yang lama.

Itulah satu tarikan perhatian yang sangat halus. 'Aqidah Islamiyah tidak sanggup menerima sekutu di dalam hati. Ia tidak dapat menerima lambang lain dari lambangnya yang tunggal dan jelas. Ia tidak dapat menerima sebarang keladak dari keladak-keladak jahiliyah walau di dalam apa bentuk sekalipun. Inilah saranan yang jelas dari nas Al-Qur'an ini:

وَمَا جَعَلْنَا ٱلْقِبْلَةَ ٱلَّتِى كُنتَ عَلَيْهَآ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعُ
ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ ۚ

"Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya kami dapat mengetahui (di dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran)."

Allah S.W.T. memang mengetahui segala sesuatu yang berlaku sebelum ia berlaku di alam kenyataan, tetapi Allah mahu menzahirkan sesuatu kelakuan manusia yang tersembunyi untuk menghisab dan menghukumkan mereka dengannya. Kerana rahmat dan kasihan belas Allah terhadap manusia. Dia tidak menghisab dan menghukum mereka mengikut apa yang diketahui-Nya dari kelakuan-kelakuan mereka, malah Dia menghisab dan menghukum mereka mengikut kelakuan yang terbit dan benar-benar berlaku dari mereka di alam kenyataan.

Allah S.W.T. memang mengetahui bahawa perpisahan dari keladak-keladak perasaan yang lama dan pembersihan diri dari segala sifat dan lambang yang telah melekat di hati itu merupakan suatu usaha yang amat sukar dan sulit kecuali keimanan telah menguasai sepenuh hati, dan kecuali hati telah mendapat pertolongan dari Allah dalam usahanya itu, iaitu Allah menghubungkan hati itu dengannya dan memberi hidayat ke arahnya:

وَإِن كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُ ۗ

"Dan sesungguhnya peralihan kiblat itu adalah satu perkara yang amat berat melainkan kepada orang yang telah dihidayatkan Allah."

Apabila hidayat (telah meresap di dalam hati) maka tidak ada lagi kesulitan dan kesukaran baginya untuk membuang lambang-lambang dan keladak-keladak jahiliyah itu dan untuk memberi keta'atan dan kepatuhan yang tidak berbelah-bagi kepada Allah. Dia akan ikut ke mana sahaja diarahkan Allah dan akan patuh ke mana sahaja dipimpin oleh Rasulullah.

* * * * * *

Kemudian Allah menenangkan hati kaum Muslimin terhadap keimanan dan ibadat solat mereka, iaitu mereka tidak sekali-kali sesat dan ibadat solat mereka tidak sekali-kali sia-sia, kerana Allah tidak sekali-kali

menyusahkan para hamba-Nya, dan tidak sekali-kali mensia-siakan amal ibadat yang ditujukan mereka kepadanya, juga tidak sekali-kali membebankan mereka dengan taklif yang melampaui batas kemampuan dan keupayaan mereka yang ditambah dan dikuatkan oleh keimanan:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَٰنَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٣﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali mensia-siakan iman kamu, sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia."(143)

Allah mengetahui keupayaan mereka yang terbatas. Oleh kerana itu Allah tidak membebankan mereka dengan tugas-tugas yang di luar keupayaan mereka, dan Allah sentiasa memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman dan sentiasa menolong mereka untuk melalui ujian apabila niat dan keazaman mereka telah membulat. Dan andainya ujian itu merupakan gejala dari hikmat kebijaksanaan Allah, maka kejayaan melalui ujian itu merupakan limpah rahmat-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٣﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia."(143)

Demikianlah Allah mencurahkan ketenangan di dalam hati kaum Muslimin dan menghilangkan kegelisahan mereka dan melimpahkan keredhaan, kepercayaan dan keyakinan ke atas mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 144 - 150)

Selepas itu Al-Qur'an mengumumkan limpah perkenan Allah terhadap hasrat Rasulullah s.a.w. yang ingin berkiblat kepada Ka'bah. Ia mengisytiharkan kiblat Ka'bah itu dan memberi amaran kepada kaum Muslimin terhadap fitnah kaum Yahudi serta mendedahkan sebab-sebab yang sebenar yang tersembunyi di sebalik kempen-kempen dan komplot-komplot mereka yang jahat itu. Pendedahan dibuat dalam bentuk yang dapat menunjukkan sejauh mana usaha yang telah dikorbankan untuk menyedia dan melengkapkan kaum Muslimin dan untuk memelihara mereka dari keadaan kacau-bilau dan fitnah.

قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِى ٱلسَّمَآءِ ۖ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَىٰهَا ۚ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ ۗ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّهِمْ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾

وَلَئِنْ أَتَيْتَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ بِكُلِّ ءَايَةٍ مَّا تَبِعُوا۟ قِبْلَتَكَ ۚ وَمَآ أَنتَ بِتَابِعٍ قِبْلَتَهُمْ ۚ وَمَا بَعْضُهُم بِتَابِعٍ قِبْلَةَ بَعْضٍ ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ إِنَّكَ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٥﴾

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْرِفُونَهُۥ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَآءَهُمْ ۖ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ ٱلْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤٦﴾

ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿١٤٧﴾

وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَٱسْتَبِقُوا۟ ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ أَيْنَ مَا تَكُونُوا۟ يَأْتِ بِكُمُ ٱللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنْهُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِى وَلِأُتِمَّ نِعْمَتِى عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٠﴾

"Sesungguhnya Kami melihat engkau kerap kali menengadah mukamu ke langit, dan sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu. Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan kitab itu memang mengetahui bahawa (berkiblat ke Masjidil-Haram) adalah suatu perintah yang benar dari Tuhan mereka dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka(144). Dan andainya engkau telah membawa segala ayat kepada orang-orang yang dikurniakan

kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu dan engkau tidak sekali-kali akan mengikut kiblat mereka, malah sebahagian mereka tidak mahu mengikut kiblat sebahagian yang lain. Dan andainya engkau menurut kehendak nafsu mereka setelah datangnya wahyu kepadamu, maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim(145). Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengetahuinya (keterangan yang benar) sebagaimana mereka mengetahui anak-anak mereka sendiri dan sesungguhnya segolongan dari mereka menyembunyikan hakikat yang sebenar, sedangkan mereka mengetahui(146). Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu(147). Setiap umat itu ada kiblat yang dihadapinya. Oleh itu berlumba-lumbalah membuat kebajikan. Di mana sahaja kamu berada Allah akan kumpulkan seluruh kamu (pada hari Qiamat), sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu(148). Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram. Sesungguhnya berkiblat ke Ka'bah itu adalah perintah yang benar dari Tuhanmu dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu(149). Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu kecuali orang-orang yang melampau dari mereka, oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepada-Ku dan agar Aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat."(150)

Di permulaan ayat ini kita dapati satu pengungkapan yang menggambarkan keadaan Nabi s.a.w:

قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِى ٱلسَّمَآءِ

"Sesungguhnya Kami melihat engkau kerapkali menengadahkan mukamu ke langit."

Ia membayangkan keinginan beliau yang kuat agar Allah menghalakan beliau ke kiblat yang lain dari kiblat yang sedang dihadapinya itu setelah kaum Yahudi banyak mengeluarkan hujah-hujah dan alasan-alasan (yang menyakitkan hati), kerana mereka mendapat punca yang baik dari kedudukan kaum Muslimin yang mengadap kiblat mereka (Baitul-Maqdis) untuk menimbulkan kekeliruan, kebingungan dan kegelisahan (di kalangan kaum Muslimin). Oleh itu Nabi s.a.w. kerapkali menengadahkan mukanya ke langit tanpa memohon dengan terus-terang kerana menjaga adab sopannya terhadap Allah, dan kerana segan mengemukakan sesuatu cadangan kepada Allah atau mendahuluinya di dalam sesuatu perkara.

Kemudian Allah memperkenankan kiblat yang disukai beliau, dan pengungkapan yang menyatakan limpah perkenan itu membayangkan betapa besarnya hubungan kasih mesra Allah terhadap beliau:

فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَىٰهَا

"Sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu."

Kemudian Allah menentukan kiblat yang diketahui-Nya disukai beliau:

فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ

"Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil-Haram."

Sebagai kiblat untuk beliau dan umatnya sama ada yang sedang bersama beliau atau yang akan datang selepas beliau sehingga Allah mewarisi bumi dan sekalian penghuninya (Qiamat):

وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ

"Dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya."

Kiblat Salah Satu Faktor Penyatu Umat Muslimin

Yakni dari mana-mana hala di seluruh muka bumi ini. Ia merupakan satu kiblat yang tunggal yang menyatukan seluruh umat Muslimin dari berbagai-bagai negeri, dan kedudukannya dari kiblat itu, dan dari berbagai-bagai bangsa, bahasa dan warna kulit. Ia merupakan satu kiblat yang sama, di mana seluruh umat Muslimin menghala kepadanya di merata pelosok Timur dan Barat di bumi ini. Dan di sana mereka merasa diri mereka selaku satu jisim, dan selaku satu diri yang mengadap satu matlamat dan berjuang untuk menegakkan sistem hidup yang sama, iaitu sistem hidup yang lahir dari hakikat diri mereka yang menyembah Tuhan yang sama dan beriman kepada rasul yang sama dan mengadap kiblat yang sama.

Demikianlah Allah menyatukan umat Muslimin. Dia menyatukan mereka dari segi Tuhan mereka, rasul mereka, agama mereka dan kiblat mereka. Dia menyatukan mereka dari berbagai-bagai negara, bangsa, warna dan bahasa. Allah tidak menyatukan mereka di atas landasan negara, bangsa, warna dan bahasa, malah dia menyatukan mereka di atas landasan 'aqidah dan kiblat walaupun mereka berbeza dari segi negara, bangsa, warna dan bahasa. Itulah kesatuan dan perpaduan yang layak dengan makhluk insan, kerana insan seharusnya bersatu dan berpadu di atas landasan 'aqidah hati nurani dan kiblat ibadat, sementara haiwan bersatu dan berpadu di padang ragut dan dalam lingkungan pagar dan kandang.

* * * * * *

Kemudian apakah sikap Ahlil-Kitab terhadap kiblat yang baru ini?

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّهِمْ

"Sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan kitab itu memang mengetahui bahawa (berkiblat ke Masjidil-Haram) suatu perintah yang benar dari Tuhan mereka."

Yakni mereka memang mengetahui bahawa Masjidil-Haram itu ialah Baitullah yang pertama, yang mana tapak-tapak asasnya telah dibina oleh Ibrahim a.s., moyang umat pewaris dan moyang seluruh umat Muslimin, dan seterusnya mereka memang mengetahui bahawa perintah berkiblat kepada

Masjidil-Haram adalah suatu perintah yang benar dari Allah yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Tetapi kaum Ahlil-Kitab akan bertindak bertentangan dengan saranan yang disarankan oleh ilmu pengetahuan yang diketahui mereka. Oleh itu tidak ada apa-apa kebimbangan kepada kaum Muslimin dari tindakan mereka, kerana Allah itu pemelihara dan penjamin yang berkuasa menolak dan membalas tipu daya mereka yang licin:

وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka."(144)

Mereka tidak akan tunduk kepada dalil-dalil, kerana selama ini mereka bukannya kekurangan dalil, malah mereka tidak mempunyai keikhlasan dan kebebasan dari hawa nafsu dan tidak mempunyai kesediaan untuk menerima kebenaran apabila mereka mengetahuinya:

وَلَئِنْ أَتَيْتَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ بِكُلِّ ءَايَةٍ مَّا تَبِعُوا۟ قِبْلَتَكَ ۚ

"Dan andainya engkau telah membawa segala ayat kepada orang-orang yang dikurniakan kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu."

Kaum Ahlil-Kitab Tidak Menerima Islam Kerana Takut Kepentingan Mereka Terancam

Mereka tetap degil kerana dipimpin oleh hawa nafsu dan dikongkong oleh muslihat dan kepentingan. Ramai dari mereka yang baik hati menyangka bahawa sebab yang menghalangkan kaum Yahudi dan kaum Nasara dari agama Islam itu ialah kerana mereka tidak mengetahuinya atau kerana agama Islam itu tidak pernah dikemukakan kepada mereka dalam bentuk yang menyakinkan. Pendapat ini adalah karut. Sebenarnya mereka tidak mahukan Islam kerana mereka mengenal hakikat Islam. Oleh sebab itulah mereka takut Islam mengancam kepentingan-kepentingan dan kekuasaan mereka. Oleh sebab itulah mereka mengatur berbagai-bagai tipu daya yang jahat terhadap Islam. Mereka tidak jemu-jemu melakukannya dengan berbagai-bagai jalan dan wasilah sama ada secara langsung atau tidak secara langsung. Mereka memerangi Islam secara berhadapan muka dan secara bersembunyi di sebalik tabir. Mereka memerangi Islam dengan diri mereka sendiri atau dengan memperalatkan pemeluk Islam memerangi Islam untuk mereka dengan berselindung di sebalik tabir. Mereka selama-lamanya tepat dengan firman Allah Ta'ala yang ditujukan kepada nabi-Nya yang mulia:

وَلَئِنْ أَتَيْتَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ بِكُلِّ ءَايَةٍ مَّا تَبِعُوا۟ قِبْلَتَكَ ۚ

"Dan andainya engkau telah membawa segala ayat kepada orang-orang yang dikurniakan kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu."

Untuk menghadapi kedegilan kaum Ahlil-Kitab yang menolak kiblat Islam yang menjadi lambang agama Islam itu, maka Al-Qur'an menjelaskan hakikat sikap dan pendirian Nabi s.a.w. yang sebenar.

وَمَآ أَنتَ بِتَابِعٍ قِبْلَتَهُمْ ۚ

"Dan engkau tidak sekali-kali akan mengikut kiblat mereka."

Yakni bukanlah sekali-kali dari sikap engkau untuk mengikut kiblat mereka. Meggunakan jumlah ismiyah yang dinafikan di dalam ayat ini lebih kuat untuk menjelaskan sikap dan pendirian yang tetap teguh Rasulullah s.a.w. terhadap persoalan kiblat ini. Ia memberi saranan yang kuat kepada kaum Muslimin selepas beliau, iaitu mereka tidak akan memilih kiblat yang lain dari kiblat rasul mereka yang telah dipilih dan diredhai oleh Allah untuk merelakan hati beliau, dan mereka tidak akan mengibarkan panji-panji yang lain dari panji-panji Allah, dan tidak akan mengikut sistem hidup yang lain dari sistem hidup Ilahi yang berlambangkan kiblat yang terpilih ini. Inilah sikap kaum Muslimin selama mereka mengaku diri mereka sebagai orang-orang Islam. Andainya mereka tidak bersikap demikian, maka mereka bukanlah dari orang-orang Islam, malah pendakwa-pendakwa Islam sahaja.

Kemudian Al-Qur'an terus mendedah hakikat pendirian yang sebenar yang wujud di kalangan kaum Ahlil-Kitab terhadap satu sama lain. Mereka sebenarnya tidak seia sekata kerana dipecah-belahkan oleh hawa nafsu mereka:

وَمَا بَعْضُهُم بِتَابِعٍ قِبْلَةَ بَعْضٍ ۚ

"Malah sebahagian mereka tidak mahu mengikut kiblat sebahagian yang lain."

Perseteruan di antara kaum Yahudi dengan kaum Nasara, perseteruan di antara berbagai-bagai puak di kalangan kaum Yahudi dan perseteruan di antara berbagai-bagai puak di kalangan kaum Nasara merupakan perseteruan dan permusuhan yang ketat.

Tentulah tidak mungkin bagi Nabi s.a.w. yang berpendirian seperti ini dan kaum Ahlil-Kitab pula berpendirian seperti itu... tentulah tidak mungkin bagi beliau yang mengetahui hakikat persoalan ini mengikut kehendak hawa nafsu kaum Ahlil-Kitab setelah menerima wahyu dari Allah:

وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ إِنَّكَ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٥﴾

"Dan andainya engkau menurut kehendak nafsu mereka setelah datangnya wahyu kepadamu, maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim."(145)

Marilah kita berhenti seketika di hadapan amaran Ilahi yang tegas dan keras ini kepada Rasul-Nya yang mulia, sedangkan baru sekejap tadi Allah berfirman kepada beliau dengan firman-firman yang lembut dan mesra.

Persoalan di sini ialah persoalan yang berkaitan dengan kejujuran mematuhi hidayat dan arahan Allah, juga berkaitan dengan dasar kelainan dan keikhlasan yang tidak berbelah-bagi dalam keta'atan dan kepatuhan kepada Allah dan agamanya. Oleh sebab itulah Allah menyampaikan firman-Nya dengan tegas dan dengan amaran yang keras:

إِنَّكَ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٥﴾

"Maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim."(145)

Jalan (yang terbentang di hadapan) amatlah jelas dan lurus, iaitu sama ada mengikut jalan wahyu yang datang dari Allah atau mengikut jalan hawa nafsu yang lain dari-Nya. Seorang Muslim tidak seharusnya menerima arahan melainkan daripada Allah. Ia tidak seharusnya meninggalkan ilmu yang diyakini benar kerana mengikut kehendak hawa nafsu yang berubah-ubah, dan segala apa yang bukan daripada Allah itu adalah tidak diragui lagi datangnya dari kehendak hawa nafsu.

Di samping saranan yang tetap ini, di sana kita dapati satu keadaan yang telah berlaku kepada setengah-setengah kaum Muslimin dalam kancah komplot-komplot kaum Yahudi dan kempen-kempen jahat mereka yang bertujuan untuk menimbulkan kekeliruan yang memerlukan mereka diberi amaran-amaran yang keras dan tegas seperti ini.

* * * * * *

Selepas berhenti sebentar marilah kita kembali semula kepada nas Al-Qur'an, dan kita dapati bahawa nas itu masih terus menjelaskan bahawa kaum Ahlil-Kitab itu benar-benar mengetahui bahawa penerangan yang sebenar mengenai perkara kiblat ini dan lain-lainnya ialah penerangan yang telah dikemukakan oleh Al-Qur'an dan disuruhkan oleh Rasulullah s.a.w., tetapi mereka sengaja telah menyembunyikan kebenaran yang diketahui mereka kerana mengikut kehendak hawa nafsu yang disembunyikan mereka:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْرِفُونَهُۥ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَآءَهُمْ ۖ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ ٱلْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤٦﴾

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengetahuinya (hakikat kiblat) sebagaimana mereka mengetahui anak-anak mereka sendiri dan sesungguhnya segolongan dari mereka menyembunyikan hakikat yang sebenar, sedangkan mereka mengetahui."(146)

Mengetahui sesuatu seperti mereka mengetahui anak-anak mereka sendiri itu merupakan satu contoh perbandingan mengikut bahasa Arab yang menunjukkan keyakinan yang tidak ada sebarang kesamaran lagi. Jika kaum Ahlil-Kitab itu yakin terhadap kebenaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w. termasuklah kebenaran yang diterangkan beliau mengenai kiblat, sedangkan sebahagian dari mereka sengaja menyembunyikan kebenaran yang diketahui mereka dengan penuh keyakinan itu, maka tidak ada sebab bagi orang-orang Mu'min itu terpengaruh kepada pendapat-pendapat yang karut dan dusta yang disebarkan oleh Ahlil-Kitab itu. Tidak ada sebab bagi orang-orang Mu'min untuk mengambil dari Ahlil-Kitab yang mempercayai kebenaran kemudian menyembunyikan sesuatu urusan agama mereka yang dibawa oleh rasul mereka yang benar dan amanah.

Di sini Al-Qur'an tujukan kenyataan yang berikut kepada Nabi s.a.w. selepas mengemukakan pandangan mengenai kaum Ahlil-Kitab:

ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿١٤٧﴾

"Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu."(147)

Tetapi Rasulullah s.a.w. tidak pernah ragu-ragu dan syak walau sehari pun, dan apabila Allah berfirman kepada beliau dalam suatu ayat yang lain,

فَإِن كُنتَ فِى شَكٍّ مِّمَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ فَسْـَٔلِ ٱلَّذِينَ يَقْرَءُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكَ ۚ

"Sekiranya engkau berada di dalam keraguan terhadap wahyu-wahyu yang Kami telah turunkan kepadamu, maka bertanyalah kepada orang-orang yang pernah membaca kitab suci sebelummu."

(Surah Yunus : 94)

Kaum Muslimin tidak harus ragu-ragu terhadap agama mereka, beliau terus menjawab: "Aku tidak pernah ragu-ragu dan aku tidak akan bertanya."

Tetapi cara firman ini ditujukan kepada beliau adalah mengandungi satu sarana yang kuat untuk diingati kaum Muslimin di belakang beliau, sama ada mereka di waktu itu terpengaruh kepada pendapat-pendapat palsu kaum Yahudi dan tipu muslihat mereka atau mereka yang datang selepas kaum Muslimin (zaman Rasulullah) yang terpengaruh dengan pendapat-pendapat palsu kaum Yahudi atau bukan kaum Yahudi mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama mereka.

Hubungan Kaum Muslimin Dengan Golongan Orientalis

Kita (kaum Muslimin) di zaman inilah yang lebih wajar mematuhi amaran Ilahi ini, kerana kita dengan kebodohan yang tidak ada tolok bandingnya telah pergi meminta fatwa kepada golongan orientalis yang terdiri dari kaum Yahudi, kaum Nasara dan kaum

Komunis yang kafir mengenai persoalan-persoalan agama kita, kita menerima dari mereka, (pendapat-pendapat dan penulisan-penulisan) mengenai sejarah kita dan meletakkan kepercayaan kita kepada mereka untuk memperkatakan tentang warisan-warisan kita, kita mendengar keraguan-keraguan yang disembunyikan mereka di dalam hasil-hasil kajian mereka mengenai Al-Qur'an dan hadith kita, mengenai sejarah tokoh-tokoh kita yang ulung, kita mengirim kepada mereka para siswazah kita untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam dari mereka, di mana mereka mendapat ijazah dari universiti-universiti mereka kemudian pulang kepada kita dengan akal dan hati nurani yang telah dirosak dan dicemari mereka.

Kitab Al-Qur'an ini ialah kitab suci kita umat Muslimin. Itulah satu-satunya kitab suci mereka yang kekal, di mana Allah menerangkan segala apa yang harus dikerjakan mereka dan segala apa yang harus diawasi mereka. Kaum Ahlil-Kitab tetap kaum Ahlil-Kitab, kaum kafir tetap kaum kafir, dan agama tetap agama.

Marilah kita kembali semula kepada nas-nas Al-Qur'an, di mana kita dapati Al-Qur'an memalingkan perhatian kaum Muslimin supaya jangan mendengar perkataan-perkataan kaum Ahlil-Kitab dan jangan terpengaruh kepada bimbingan-bimbingan mereka. Ia menyarankan kepada kaum Muslimin supaya berdiri teguh di atas agama dan kiblat mereka tersendiri, kerana setiap golongan mempunyai hala-hala masing-masing dan hendaklah kaum Muslimin berlumba-lumba ke arah kebajikan tanpa diganggu oleh sesiapa dan ingatlah bahawa seluruh mereka akan kembali kepada Allah yang berkuasa mengumpul dan memberi balasan di akhir perjalanan hidup mereka.

وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ
أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

"Setiap umat itu ada kiblat yang dihadapinya. Oleh itu berlumba-lumbalah membuat kebajikan. Di mana sahaja kamu berada Allah akan kumpulkan seluruh kamu (pada hari Qiamat), sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(148)

Demikianlah Allah mengalihkan perhatian kaum Muslimin supaya jangan tergugat dan terpengaruh kepada komplot-komplot, fitnah-fitnah, pentafsiran-pentafsiran dan perkataan-perkataan yang ditaburkan oleh kaum Ahlil-Kitab. Allah mengalihkan perhatian mereka ke arah bekerja dan berlumba-lumba kepada amalan-amalan kebajikan sambil mengingatkan mereka bahawa seluruh mereka akan kembali kepada Allah belaka. Dan bahawa Allah Maha Kuasa terhadap segala sesuatu. Tiada suatu urusan yang melemahkan Allah dan terluput dari ilmu dan qudrat-Nya.

Itulah sikap dan kesanggupan yang membuat segala perkataan dan pendustaan yang karut itu menjadi begitu kecil dan kerdil.

* * * * * *

Kemudian Al-Qur'an kembali sekali lagi menjelaskan perintah mengadap kepada kiblat yang baru yang telah dipilih itu sambil diiringi dengan berbagai-bagai ulasan:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ ۖ وَإِنَّهُ لَلْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا
تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾

"Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram. Sesungguhnya berkiblat ke Ka'bah itu adalah perintah yang benar dari Tuhanmu dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."(149)

Perintah pada kali ini bersih dari cerita kaum Ahlil-Kitab dan pendirian mereka. Ia mengandungi arahan supaya Rasulullah s.a.w. mengadap ke arah Masjidil-Haram ke mana sahaja beliau keluar dan di mana sahaja beliau berada, di samping menekankan bahawa arahan itu adalah suatu perintah yang benar dari Allah dan memberi amaran secara halus supaya jangan menyeleweng dari perintah yang benar ini; amaran itu terkandung di dalam firman-Nya:

وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."(149)

Ungkapan ini membayangkan bahawa di sana ada kejadian yang berlaku di belakang beliau dalam hati setengah-setengah orang Islam yang memerlukan kepada penjelasan yang tegas dan amaran yang keras ini.

* * * * * *

Kemudian dikemukakan pula penjelasan bagi kali yang ketiga kerana sesuatu tujuan baru yang lain, iaitu untuk mematahkan hujah kaum Ahlil-Kitab dan hujah golongan yang lain dari mereka yang melihat kaum Muslimin mengadap ke arah kiblat kaum Yahudi lalu menyebabkan mereka percaya kepada kebenaran apa yang digembar-gemburkan oleh kaum Yahudi tentang kelebihan agama mereka yang mengatasi agama yang dibawa oleh Muhammad, dan tentang keunggulan kiblat mereka yang mengertikan keunggulan agama mereka atau (untuk mematahkan hujah) kaum Musyrikin Arab yang menggunakan isu mengadap kepada kiblat Baitul-Maqdis itu sebagai senjata untuk menghalangkan orang-orang Arab yang memandang suci kepada Baitul-Haram itu dan

meliarkan mereka dari memeluk Islam yang menghendaki penganut-penganutnya mengadap kepada kiblat Bani Israel:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ
ٱلْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ
لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنْهُمْ
فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِى وَلِأُتِمَّ نِعْمَتِى عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ ﴿١٥٠﴾

"Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu kecuali orang-orang yang melampau dari mereka, oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepadaku dan agar aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat."(150)

Itulah arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menghalakan mukanya ke arah Masjidil-Haram ke mana sahaja beliau keluar, juga arahan kepada kaum Muslimin supaya menghalakan muka mereka ke arahnya di mana sahaja mereka berada, dan kemudian Al-Qur'an menerangkan sebab arahan ini:

لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ

"Agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu."

Setelah itu Al-Qur'an memperkecilkan perkataan-perkataan golongan yang zalim yang tidak tunduk kepada hujah dan logik, malah terus berdegil dan berkeras kepala. Mereka tidak dapat dibungkamkan lagi. Mereka akan terus berada di dalam kedegilan mereka. Oleh itu tidak ada apa-apa kesalahan kepada orang-orang Islam dari tindak-tanduk mereka:

فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِى

"Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepada-Ku."

Yakni mereka tidak mempunyai sebarang kuasa di atas kamu, dan mereka tidak memiliki sesuatu kuasa dalam urusan kamu, dan tidak sayugia kepada kamu memberi perhatian kepada mereka sehingga menyebabkan kamu menyeleweng dari perintah yang datang dari-Ku. Sesungguhnya Akulah yang wajar ditakuti kamu kerana Akulah yang menguasai segala urusan kamu di dunia dan di Akhirat. Serentak dengan memperkecilkan kedudukan orang-orang yang zalim dan dengan amaran terhadap 'azab Allah, Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan ni'mat-ni'mat Allah dan merangsangkan keinginan umat Muslimin agar Allah mengurniakan ni'mat yang sempurna kepada mereka apabila mereka menyambut perintah Allah dan menjunjungnya dengan patuh dan jujur.

وَلِأُتِمَّ نِعْمَتِى عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٠﴾

"Dan agar Aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat."(150)

Itulah peringatan yang penuh dengan saranan dan perangsang dan tawaran limpah kurnia yang besar setelah dikurniakan limpah kurnia yang besar.

Ni'mat yang diperingatkan kepada mereka ialah ni'mat yang ada di hadapan mereka. Mereka dapat menanggapinya di dalam diri mereka sendiri, di dalam kehidupan mereka, di dalam masyarakat mereka, di dalam kedudukan mereka di bumi dan di alam al-wujud ini.

Dahulu merekalah juga yang hidup di dalam kegelapan, kekotoran dan kebodohan jahiliyah, kemudian mereka berpindah ke dalam cahaya keimanan, ke dalam kebersihan keimanan dan ma'rifat keimanan dan mereka dapati kesan ni'mat itu dalam diri mereka begitu segar, jelas dan mendalam.

Dahulu merekalah juga yang hidup di zaman jahiliyah dalam bentuk suku-suku kaum yang berperang satu sama lain, yang mempunyai matlamat-matlamat hidup yang kecil dan minat-minat dan cita-cita yang terbatas, kemudian mereka berubah menjadi satu umat yang bersatu-padu di bawah panji-panji 'aqidah Islam, satu umat yang kuat dan gagah, satu umat yang mempunyai matlamat-matlamat yang tinggi, minat dan cita-cita besar yang berhubung dengan kepentingan umat manusia seluruhnya bukannya kepentingan menuntut bela terhadap satu suku kaum. Mereka dapati kesan ni'mat itu jelas kelihatan di sekeliling mereka sebagaimana mereka dapat melihatnya dengan jelas pada diri mereka sendiri.

Dahulu merekalah juga yang hidup di zaman jahiliyah dalam masyarakat yang rendah dan kotor, masyarakat yang mempunyai kefahaman-kefahaman dan pemikiran-pemikiran yang simpang-siur dan nilai-nilai yang kacau dan tidak menetap, kemudian mereka berubah menjadi sebuah masyarakat Islam yang bersih dan luhur, masyarakat Islam yang mempunyai kefahaman-kefahaman dan 'aqidah-'aqidah yang terang dan mempunyai nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang lurus. Mereka dapat melihat kesan ni'mat itu di dalam seluruh bidang hidup mereka sebagaimana mereka dapat menanggapinya di dalam hati mereka sendiri dan di dalam kedudukan mereka di kalangan umat-umat yang lain di sekeliling mereka.

Apabila Allah berfirman kepada mereka:

وَلِأُتِمَّ نِعْمَتِى عَلَيْكُمْ

"Dan agar aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepadamu,"

maka firman itu merupakan satu peringatan yang penuh dengan saranan, perangsang dan tawaran

limpah kurnia yang besar selepas dikurniakan limpah kurnia yang besar.

Kita dapati ada tujuan yang baru pada setiap kali diulangi keterangan mengenai perintah mengadap kiblat yang baru itu. Kali yang pertama perintah mengadap kepada Masjidil-Haram itu disebut untuk menyatakan bahawa Allah telah memperkenankan hasrat Rasulullah s.a.w. yang sering menengadah ke langit berdo'a kepada Allah tanpa kalimat. Kali yang kedua disebut untuk menyatakan dengan tegas bahawa perintah mengadap kiblat (yang baru itu) adalah perintah yang benar dari Allah, iaitu perintah yang sesuai dengan hasrat dan do'a (Rasulullah s.a.w.). Kali yang ketiga disebut untuk mematah hujah-hujah manusia dan memperkecilkan pendirian mereka yang tidak tunduk kepada kebenaran dan hujah (yang betul).

Tetapi bagi kami - di samping tujuan-tujuan ini - kami dapati di sana ada kejadian yang telah berlaku di dalam barisan kaum Muslimin yang memerlukan ulangan, penegasan, penerangan dan analisis ini, yang membayangkan betapa hebatnya kempen-kempen (kaum Yahudi) yang menaburkan pengeliruan-pengeliruan dan pendapat-pendapat yang karut dan kesannya yang mempengaruhi hati setengah-setengah orang Islam. Kesan-kesan itulah yang ditangani oleh Al-Qur'anul-Karim. Kemudian ayat-ayat ini akan terus kekal di sepanjang zaman untuk menangani keadaan yang seperti ini di dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa dalam perjuangan dan pertarungan yang tidak pernah berhenti dan tidak pernah reda, lemah dan lembut.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 151 - 152)

Sesuai dengan tujuan ini kita melihat ayat-ayat yang berikut memperingatkan kaum Muslimin dengan ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka, iaitu ni'mat dikirimkan Rasulullah kepada mereka dari kalangan mereka sendiri sebagai memperkenankan do'a moyang mereka, Ibrahim a.s., selaku penjaga Masjidil-Haram yang menjadi kiblat kaum Muslimin itu. Kemudian di akhir ayat itu Allah menghubungkan mereka secara langsung dengannya:

كَمَآ أَرۡسَلۡنَا فِيكُمۡ رَسُولٗا مِّنكُمۡ يَتۡلُواْ عَلَيۡكُمۡ
ءَايَٰتِنَا وَيُزَكِّيكُمۡ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ
وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمۡ تَكُونُواْ تَعۡلَمُونَ ١٥١
فَٱذۡكُرُونِيٓ أَذۡكُرۡكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لِي وَلَا
تَكۡفُرُونِ ١٥٢

"Sebagaimana Kami telah utuskan di kalangan kamu seorang rasul dari golongan kamu yang membaca ayat-ayat Kami kepada kamu, membersihkan jiwa kamu dan mengajar kepadamu kitab Al-Qur'an dan al-hikmat dan mengajar kepada kamu perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui(151). Oleh itu ingatilah kepada-Ku nescaya Aku ingati kepada kamu dan bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah kamu kufur terhadap-Ku."(152)

Yang menarik perhatian di sini ialah ayat ini mengulangkan nas do'a Ibrahim a.s. yang telah disebut sebelum ini di dalam surah ini ketika beliau membina tapak-tapak asas Baitullah bersama Ismail a.s., iaitu do'a beliau supaya Allah membangkitkan dalam kalangan anak cucunya yang mendiami di kawasan Baitullah seorang rasul dari mereka, yang akan membaca kepada mereka ayat-ayat Allah dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka serta membersihkan jiwa mereka...... dan do'a ini diulangkan dengan tujuan untuk mengingatkan kaum Muslimin bahawa kebangkitan rasul (Muhammad) di dalam kalangan mereka dan kewujudan mereka sebagai kaum Muslimin itu merupakan pengabulan Ilahi secara langsung dan sempurna terhadap do'a moyang mereka, Ibrahim a.s., dan hal ini mengandungi saranan yang mendalam bahawa perkara mereka bukannya perkara baru malah suatu perkara yang lama, dan kiblat mereka bukannya kiblat yang wujud secara mendadak malah ia adalah kiblat moyang mereka Ibrahim a.s. Begitu juga ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka dengan sempurnanya itu adalah ni'mat Allah yang telah dijanjikannya kepada Ibrahim a.s. sejak zaman dahulu lagi di dalam sejarah.

Ni'mat mendapat arahan mengadap kiblat kamu sendiri dan ni'mat mempunyai ciri syakhsiyah kamu yang tersendiri merupakan salah satu dari ni'mat-ni'mat yang sentiasa dilimpahkan ke atas kamu, yang mendahului ni'mat pengiriman rasul dari kalangan kamu.

كَمَآ أَرۡسَلۡنَا فِيكُمۡ رَسُولٗا مِّنكُمۡ

"Sebagaimana Kami telah utuskan di kalangan kamu seorang rasul dari golongan kamu."

Pengiriman rasul di kalangan kamu itu merupakan suatu penghormatan dan limpah kurnia Allah yang besar. Allah telah memilih Rasul-Nya yang terakhir di dalam kalangan kamu sedangkan kaum Yahudi memohon kepada Allah agar Allah memberi kemenangan kepada mereka untuk menguasai kamu dengan berkat rasul yang terakhir itu.

يَتۡلُواْ عَلَيۡكُمۡ ءَايَٰتِنَا

"Yang membaca ayat-ayat Kami kepada kamu."

Oleh itu ayat-ayat yang dibaca kepada kamu itu adalah ayat-ayat yang benar. Ayat ini juga memberi satu saranan yang lain, iaitu ia menyedarkan manusia terhadap kebesaran pengurniaan Allah yang sudi berbicara dengan para hamba-Nya dengan kalam-Nya sendiri yang dibacakan oleh rasul-Nya kepada mereka. Ia merupakan satu pengurniaan (yang amat

bermakna) yang membuat hati terharu apabila mereka menghayati hakikatnya dengan mendalam. Siapakah gerangan diri mereka? Siapakah mereka dan apakah mereka? Hingga Allah sudi berbicara dengan mereka dengan kalam-Nya sendiri dan memberi perhatian yang begitu besar kepada mereka? Siapalah mereka dan apalah mereka jika Allah tidak memberi limpah kurnia-Nya kepada mereka dan jika Allah S.W.T. dari sejak awal lagi tidak mengurniakan kepada mereka ni'mat tiupan roh yang melayakkan mereka menerima pengurniaan ini?

وَيُزَكِّيكُمْ

"Dan membersihkan jiwa kamu."

Tugas rasul Membersihkan Jiwa Manusia

Jika tidak kerana limpah kurnia Allah, tiada seorang pun dari mereka yang bersih jiwanya, dan tiada jiwa yang bersih dan meningkat tinggi, tetapi Allah telah mengutuskan rasullullah s.a.w. untuk membersihkan jiwa mereka dari kekotoran syirik, dan dari kecemaran jahiliyah dan dari najis kefahaman-kefahaman dan pemikiran-pemikiran yang karut yang membebankan jiwa manusia dan menimbuskannya, juga untuk membersihkan jiwa mereka dari kekotoran keinginan-keinginan nafsu supaya jiwa mereka tidak terhumban jatuh di dalam lumpur. Orang-orang yang tidak dapat dibersihkan jiwa mereka oleh agama Islam, di merata pelosok bumi dahulu dan sekarang akan terus jatuh dan bergelimang di dalam paya yang busuk yang penuh dengan penyakit-penyakit hawa nafsu yang menjatuhkan insaniyah manusia dan mengangkatkan darjah haiwan yang dipimpin oleh fitrah itu lebih tinggi dari mereka, malah haiwan jauh lebih bersih dari manusia yang jatuh tanpa iman itu. Seterusnya ia membersihkan masyarakat dari riba dan harta-harta yang haram, penipuan, perampasan dan penyamunan. Semuanya merupakan amalan-amalan najis yang mengotorkan jiwa dan perasaan, mencemarkan masyarakat dan kehidupan. Ia membersihkan kehidupan mereka dari kezaliman dan penganiayaan, dan mengembangkan keadilan yang bersih dan jelas, iaitu keadilan yang tidak pernah dini'mati manusia sebagaimana mereka ni'mati di bawah naungan Islam, pemerintahan Islam dan sistem Islam. Ia membersihkan mereka dari segala kekotoran yang mencomot dan mencemarkan muka jahiliyah di setiap tempat di sekeliling mereka dan dalam setiap masyarakat yang tidak dibersihkan oleh Islam dengan roh pengajarannya dan dengan sistem hidupnya yang bersih dan suci.

وَيُعَلِّمُكُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

"Dan mengajar kepada kamu kitab Al-Qur'an dan hikmat."

Makna Hikmat

Maksud ayat ini di samping tercakup dalam maksud kata-kata membaca ayat-ayat yang disebutkan sebelum ini - ialah menjelaskan bahawa bahan utama yang terdapat dalam kitab suci Al-Qur'an ialah pengetahuan al-Hikmah atau pengetahuan dan pemikiran yang bijaksana. Ia merupakan hasil dari pengajaran Al-Qur'an. Ia merupakan daya kebolehan yang memungkinkan seseorang meletakkan segala persoalan di tempatnya yang wajar dan menilai sesuatu dengan neracanya yang betul serta memahami matlamat-matlamat, perintah-perintah dan arahan-arahan Ilahi. Begitu juga hasil kajian yang matang itu dapat dicapai oleh mereka yang telah diasuh dan dididik oleh Rasulullah s.a.w. yang telah membersihkan jiwa mereka dengan ayat-ayat Allah:

وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا۟ تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾

"Dan mengajar kepada kamu perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui."(151)

Itulah apa yang telah berlaku kepada kaum Muslimin. Mereka telah dipungut oleh Islam dari masyarakat Arab yang jahil, yang hanya mengetahui serba sedikit ilmu pengetahuan yang tidak tersusun, yang hanya layak untuk menjalani kehidupan secara suku-sukuan atau suku kaum di padang pasir atau di bandar-bandar kecil yang terpencil di tengah-tengah padang-padang Sahara, lalu Islam membentuk mereka menjadi satu umat yang layak memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang bijaksana, lurus dan benar dan dengan kepimpinan yang arif dan alim, sedangkan kitab suci Al-Qur'an di samping bimbingan-bimbingan Rasulullah s.a.w. yang diambil dari Al-Qur'an, merupakan bahan utama arahan dan pengajaran (bagi mereka). Sementara masjid Rasulullah s.a.w. di mana dibacakan Al-Qur'an dan bimbingan-bimbingan yang diambil dari Al-Qur'an merupakan universiti agung yang mengeluarkan angkatan Muslimin yang memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang bijaksana, lurus dan benar, iaitu satu bentuk kepimpinan yang tidak pernah diketahui tolok bandingnya oleh manusia dahulu dan kemudiannya di sepanjang sejarah manusia.[1]

Sistem hidup yang telah melahirkan angkatan dan kepimpinan ini masih bersedia untuk melahirkan angkatan-angkatan dan kepimpinan-kepimpinan yang sama di sepanjang zaman andainya umat Muslimin kembali semula kepada sumber ini dan beriman kepada Al-Qur'an dengan keimanan yang sebenar, dan andainya mereka menjadikan Al-Qur'an ini sistem dan perlembagaan hidup mereka bukannya menjadikan Al-Qur'an selaku kalimat-kalimat yang didendangkan oleh lisan untuk menghiburkan telinga.

* * * * * *

Apabila Manusia Mengingati Allah

Di akhir pelajaran ini Allah mengurniakan kepada kaum Muslimin suatu kurnia yang lain pula, iaitu Allah menyeru mereka supaya bersyukur kepada-Nya dan mengingatkan mereka supaya jangan kufur terhadap-

---

[1] *Lihat huraian mengenai ciri kepimpinan yang lurus dan benar dalam buku:* "ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين" *karangan al-Ustaz Abu al-Hassan al-Nadawi muka surat 82-96*

Nya. Di sinilah Allah memberi kurnia-Nya kepada mereka dengan memberi jaminan bahawa Dia akan mengingati mereka apabila mengingati-Nya:

فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

"Oleh itu ingatilah kepada-Ku nescaya Aku ingati kepada kamu dan bersyukur kepada-Ku dan janganlah kamu kufur terhadap-Ku."(152)

Alangkah besarnya limpah kurnia Allah Yang Maha Mulia dan Maha Pengasih. Dia jadikan ingatan-Nya kepada para hamba-Nya sebagai balasan atas ingatan mereka terhadap-Nya di alam mereka yang kecil ini. Apabila para hamba itu menyebut dan mengingati Allah, mereka menyebut dan mengingati-Nya di alam bumi yang kecil ini, dan mereka sendiri terlalu kecil dibandingkan dengan bumi mereka yang kecil ini, tetapi apabila Allah menyebut dan mengingati mereka, Dia menyebut dan mengingati mereka di alam buana yang amat besar ini sedangkan Dia bersifat Maha Tinggi dan Maha Besar. Alangkah besarnya limpah kurnia dan kemurahan Allah! فاذكرونى أذكركم - *"Oleh itu ingatilah kepada-Ku nescaya Aku ingati kepada kamu."*

Itulah limpah kurnia yang tidak dapat diberikan melainkan hanya oleh Allah, Tuhan yang tidak mempunyai pengawal bagi perbendaharaan kurnia-Nya dan tidak mempunyai jurukira bagi pemberian-pemberian-Nya. Itulah kemurahan yang melimpah ruah zat-Nya yang Maha Tinggi tanpa sebab dan tanpa yang mewajibkannya melainkan semata-mata kerana sifat-Nya memang begitu, iaitu Maha Pemurah dan Maha Limpah Kurnia-Nya.

Tersebut dalam sebuah Hadith Qudsi yang sahih, Allah berfirman:

من ذكرني في نفسه ذكرته في نفسي، ومن ذكرني في ملاء ذكرته في ملاء خير منه

"Sesiapa yang menyebut/mengingati-Ku di dalam hatinya, Aku akan mengingatinya di dalam diri-Ku, dan sesiapa yang menyebut/mengingati-Ku di tengah khalayak yang ramai Aku akan menyebut/mengingatinya di tengah khalayak yang lebih baik darinya."

Tersebut di dalam sebuah hadith sahih yang lain pula sabda Rasulullah s.a.w.: Firman Allah 'Azzawajalla:

يا إبن آدم إن ذكرتني في نفسك ذكرتك في نفسي، وإن ذكرتني في ملاء ذكرتك في ملاء من الملائكة – أو قال في ملاء خير منه – وإن دنوت مني شبرا دنوت منك ذراعا ، وإن دنوت مني ذراعا دنوت منك باعا ، وإن أتيتني تمشى أتيتك هرولة

"Wahai anak Adam! Jika kamu menyebut/mengingati-Ku di dalam hatimu, Aku akan menyebut/mengingati kamu dalam diri-Ku dan jika kamu menyebut/mengingati-Ku di tengah khalayak yang ramai, Aku akan menyebut/mengingati kamu di tengah khalayak para malaikat - atau Dia berfirman: Di tengah khalayak yang lebih baik darinya - dan jika kamu mendekati-Ku sejengkal, Aku akan mendekati kamu sehasta dan jika kamu mendekati-Ku sehasta, Aku akan mendekati kamu sedepa dan jika kamu datang kepada-Ku dengan berjalan, Aku akan datang kepada kamu dengan berlari."

Itulah limpah kurnia Allah yang tidak dapat disifatkan dengan kata-kata dan tidak dapat diungkapkan dengan kesyukuran yang wajar melainkan dengan hati yang sujud.

Maksud menyebut dan mengingati Allah bukannya semata-mata sebutan dengan lidah, malah maksudnya ialah mewujudkan rasa keterharuan ketika menyebutnya atau tanpa menyebutnya, dan melahirkan rasa keinsafan dan kesedaran terhadap Allah dan kewujudan-Nya dan terus terpengaruh dengan perasaan ini hingga membawa kepada keta'atan dalam batasnya yang sedekat-dekat, dan kepada melihat Allah Yang Maha Esa sahaja dan tiada suatu yang lain dari Allah bagi mereka yang dikurniakan sampai kepada Allah dan dapat mencapai kemanisan pertemuan itu.

وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

"Dan bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah kamu kufur terhadap-Ku." (152)

Bersyukur kepada Allah itu mempunyai tahap-tahap dan darjat-darjatnya. Ia bermula dengan mengakui limpah kurnia Allah dan merasa segan dan malu untuk melakukan perbuatan-perbuatan maksiat terhadapnya, dan berakhir dengan mengikhlaskan kesyukuran kepada-Nya dan menyatakan kesyukuran itu dalam setiap harakat badan, setiap pertuturan lisan, setiap degup jantung dan setiap ingatan hati.

Tujuan dari larangan bersikap kufur terhadap Allah di sini ialah untuk mengingatkan kepada akibat yang akan berakhir apabila manusia tidak mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya dengan wajar. Ia memberi amaran terhadap titik penghabisan yang jauh, di mana berakhirnya garis perjalanan hidup yang malang. Semoga Allah lindungi kita!

Wujudnya hubungan yang sesuai di antara arahan-arahan dan amaran-amaran ini dengan maudhu' kiblat itu amatlah jelas, kerana kiblat itu merupakan titik pertemuan segala hati Mu'min yang beribadat kepada Allah. Ia merupakan ciri kelainan dan pengkhususan yang membezakan (kaum Muslimin dari golongan-golongan yang lain) dengan menghubung-kan diri mereka kepada Allah.

Ni'mat Keimanan Memberi Kewujudan Kepada Bangsa Arab

Hubungan itu juga jelas dalam bidang amaran terhadap tipu daya kaum Yahudi. Sebelum ini telah

dijelaskan bahawa matlamat terakhir dari segala usaha mereka ialah mereka mahu mengembalikan orang-orang yang beriman menjadi kafir semula dan merampas ni'mat keimanan yang telah dikurniakan kepada mereka, sedangkan ni'mat keimanan merupakan ni'mat yang paling besar yang dikurniakan Allah kepada individu atau kepada kelompok manusia. Kepada umat Arab khususnya, ni'mat keimanan inilah yang memberi kewujudan kepada mereka dan memberi peranan yang besar kepada mereka di dalam sejarah, di mana nama mereka digandingkan dengan agama Allah yang disampaikan mereka kepada umat manusia. Tanpa agama ini mereka akan menjadi bangsa yang hilang buat selama-lamanya. Mereka tidak mempunyai sesuatu gagasan yang lain yang dapat dimainkan mereka di bumi ini kecuali gagasan yang terbit dari agama itu. Umat manusia tidak akan mengikut sesuatu kaum yang tidak membawa gagasan yang dapat memimpin kehidupan mereka dan menyuburkannya. Gagasan Islam merupakan tata cara hidup yang sempurna bukannya merupakan kata-kata kosong yang disebut oleh lisan tanpa amalan-amalan positif yang membenarkan kata-kata yang baik dan agung itu.

Adalah menjadi kewajipan kepada umat Muslimin mengingati hakikat ini supaya mereka diingati dan tidak dilupai Allah, kerana sesiapa yang dilupai Allah akan hidup terbenam, hilang tidak dikenali, tidak dikenang di bumi dan tidak disebut di alam al-Mala'ul-A'la. Sesiapa yang mengingati Allah akan diingati Allah, dan kewujudannya dan ghaibnya akan diangkat tinggi oleh Allah di alam buana yang lebar ini.

0Kaum Muslimin yang telah menyebut dan mengingati Allah itu telah diingati oleh Allah dan nama mereka telah diangkat tinggi dan mereka telah dikurniakan teraju kepimpinan yang lurus dan benar. Kemudian mereka telah melupakan Allah, lalu Allah lupakan mereka menyebabkan mereka terabai, hilang tidak terkenal dan menjadi umat ekoran atau pak turut yang hina dina, tetapi jalan kebangkitan semula masih wujud (dan terbuka) dan Allah sentiasa menyeru mereka di dalam Al-Qur'anul-Karim:

فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا
تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

"Oleh itu ingatilah kepada-Ku nescaya Aku ingati kepada kamu dan bersyukur kepada-Ku dan janganlah kamu kufur terhadap-Ku".(152)

(Kumpulan ayat-ayat 153 - 157)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾
وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَن يُقْتَلُ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتٌۢ ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ
وَلَـٰكِن لَّا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾
وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَىْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ
مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾
ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَـٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ
رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾
أُو۟لَـٰٓئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَٰتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۖ
وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Carilah pertolongan dengan kesabaran dan ibadat solat sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar(153). Dan janganlah kamu mengatakan bahawa orang-orang yang terbunuh kerana Sabilullah itu mati, malah mereka sebenarnya hidup, tetapi kamu tidak menyedarinya(154). Dan sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sesuatu ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar(155). Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa sesuatu bala mereka mengucap: 'Kami milik Allah dan kepada-Nya kami sekalian kembali'(156). Mereka akan dilimpahi dengan berbagai-bagai limpah kesejahteraan dan rahmat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayat."(157)

Setelah menjelas dan menetapkan perkara kiblat dan mengasingkan umat Muslimin (dari lain-lain umat) dengan ciri-ciri syakhsiyah mereka yang tersendiri yang sesuai dengan hakikat kefahaman dan pemikiran mereka yang tersendiri, maka arahan pertama, yang dikeluarkan kepada umat yang mempunyai ciri-ciri syakhsiyah dan kewujudan yang tersendiri dan umat pertengahan yang menjadi saksi ke atas umat-umat manusia itu, ialah arahan supaya mencari dan mendapatkan pertolongan dengan bersikap sabar dan mengamalkan ibadat solat untuk melaksana dan memikul beban-beban tugas peranan mereka yang agung itu, juga arahan supaya bersedia untuk mencurahkan pengorbanan-pengorbanan yang diperlukan oleh peranan yang agung itu, iaitu pengorbanan jiwa para syuhada', kekurangan harta kekayaan, kehilangan nyawa dan kekurangan buah-buahan, ketakutan, kelaparan dan kesanggupan menghadapi segala penderitaan jihad untuk menegakkan agama Allah di dalam jiwa manusia dan di muka bumi di kalangan umat manusia serta menghubungkan hati umat Muslimin itu dengan Allah S.W.T. dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya dan merujukkan segala urusan kepada-Nya. Semua pengorbanan itu dilakukan demi mendapat balasan keredhaan Allah, rahmat-Nya dan hidayat-Nya, dan itulah satu-satunya balasan yang amat besar kepada hati yang Mu'min yang memahami nilai balasan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 153)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Carilah pertolongan dengan kesabaran dan ibadat solat sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."(153)

Kesabaran seringkali disebut di dalam Al-Qur'an kerana Allah mengetahui betapa besarnya daya usaha yang gigih yang diperlukan oleh pendirian yang teguh dan jujur untuk menjalani jalan Allah di tengah-tengah godaan dari berbagai-bagai keinginan dan dorongan, dan daya usaha yang gigih yang diperlukan oleh perjuangan berda'wah kepada Allah di muka bumi ini di tengah berbagai-bagai tentangan dan halangan, dan seterusnya daya usaha yang gigih yang diperlukan agar hati seseorang (penda'wah dan pejuang) tenang, tenteram, siap siaga dan waspada luar dan dalam. Kesabaran dan kegigihan itu diperlukan dalam semua bidang ini. Iaitu kesabaran untuk melaksanakan keta'atan-keta'atan dan menjauhi maksiat-maksiat, kesabaran untuk menentang penderhaka-penderhaka Allah, kesabaran untuk menghadapi aneka ragam tipudaya, kesabaran menunggu pertolongan yang lambat tiba, kesabaran berjalan di jalan yang jauh, kesabaran menghadapi perkembangan kebatilan, kesabaran menghadapi kekurangan pembantu, kesabaran menjalani jalan berduri yang panjang, kesabaran menghadapi penyelewengan-penyelewengan manusia dan kesesatan mereka, dan kesabaran menghadapi kedegilan yang berat dan penolakan yang pedih.

Hubungan Solat Dengan Sabar

Apabila masa terlalu lama dan usaha terlalu sukar, kesabaran kadang-kadang menjadi lemah atau terus hilang andainya di sana tidak ada bekalan yang baru. Oleh kerana itulah Allah gandingkan kesabaran itu dengan ibadat solat, kerana ibadat solat merupakan sumber bekalan jiwa yang tidak pernah kering dan habis. Ia merupakan sumber yang memulih tenaga dan membaharui bekalan kepada hati, kerana itu ia dapat memanjangkan tali kesabaran dan menjadikannya tidak putus, kemudian ia menokokkan kepada kesabaran itu kerelaan, kepuasan, ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan.

Manusia yang fana, lemah dan terbatas semestinya mempunyai hubungan dengan kekuatan Ilahi yang agung, di mana ia dapat mencari pertolongan apabila daya tenaga dan kemampuannya melewati batasnya, apabila dia ditentang oleh kekuatan-kekuatan jahat lahir dan batin, apabila daya upaya untuk berdiri teguh dan jujur di atas jalan Allah dirasa begitu berat di tengah-tengah godaan nafsu keinginan dan dorongan ketamakan, apabila perjuangan menentang kezaliman dan kerosakan dirasa begitu berat dan hebat, dan apabila jalan perjuangan dirasa begitu lama dan begitu jauh dibandingkan dengan usianya yang terbatas, kemudian ia melihat perjuangannya masih belum sampai ke mana-mana, sedangkan hari sudah senja, dia masih belum lagi mencapai sesuatu kejayaan, sedangkan matahari usianya hampir jatuh, juga apabila dia dapati kejahatan berkembang subur dan kebaikan merosot dan terperosok, di mana tiada cahaya kelihatan di ufuk dan tiada tanda di jalan.

Di sini ketaralah dengan jelas nilai ibadat solat. Ia merupakan hubungan secara langsung di antara manusia yang fana dengan kekuatan yang kekal abadi. Ia merupakan masa pertemuan makhluk yang kerdil dan terpencil dengan sumber rahmat yang tidak pernah kering. Ia merupakan anak kunci perbendaharaan yang memberi kekayaan yang melimpah ruah. Ia merupakan detik-detik pembebasan diri dari perbatasan-perbatasan fizikal bumi yang sempit kepada ruang alam buana yang luas. Ia merupakan detik-detik tiupan bayu, titisan embun dan naungan bayang-bayang di tengahari yang panas. Ia merupakan detik-detik sentuhan mesra kepada hati yang sedang penat dan letih lesu. Oleh sebab itulah setiap kali dilanda kesusahan, Rasulullah s.a.w. bersabda (kepada Bilal):

أرحنا بها يا بلال

"Senangkan hati kami dengan solat, wahai Bilal"

dan beliau banyak mendirikan solat apabila menghadapi sesuatu kesulitan untuk sering bertemu dengan Allah.

Agama Islam ialah agama ibadat, dan ibadat di dalam Islam mengandungi berbagai-bagai rahsia dan di antaranya ialah ia memberi bekalan dalam perjalanan, ia memberi bantuan dan bekalan kepada jiwa dan kelapangan kepada hati. Di mana sahaja ada taklif atau kewajipan, maka ibadatlah yang menjadi kunci hati agar taklif itu dirasa dengan penuh kemanisan, keni'matan dan kemudahan. Apabila Allah menyerah peranan (kerasulan) yang besar, sukar dan berat kepada Nabi Muhammad s.a.w., maka Allah memerintah kepadanya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

"Wahai orang yang berselimut(1). Bangunlah (mendirikan solat malam) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya(2). Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya(3). Atau tambahkannya lebih dari separuh dan bacalah Al-Qur'an itu dengan bacaan yang teliti(4). Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat."(5)

(Surah al-Muzzammil 1-5)

Di sini langkah persediaan untuk menerima firman Allah yang berat, tugas yang sulit dan peranan yang besar ialah mengerjakan ibadat solat di tengah malam dan membaca Al-Qur'an dengan teliti. Itulah ibadat yang membuka pintu hati, mengukuhkan hubungan dengan Allah, menyenangkan urusan, mencetuskan pancaran nur iman dan melimpahkan perasaan senang hati, terhibur, lapang dada dan tenang tenteram.

Oleh sebab itulah di sini Allah memberi arahan kepada orang-orang yang beriman yang sedang berada di ambang kesusahan-kesusahan yang besar supaya bersabar dan mengerjakan ibadat solat.

Kemudian selepas arahan itu diiringi dengan kata kesimpulan:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."(153)

Yakni Allah bersama mereka, iaitu menyokong mereka, mengukuhkan kedudukan mereka dan memberi ketenangan dan ketenteraman kepada mereka. Allah tidak membiarkan mereka berjalan seorang diri dan tidak meninggalkan mereka dengan daya upaya mereka yang terbatas dan kekuatan mereka yang lemah, malah Allah memberi bantuan kepada mereka apabila bekalan mereka kehabisan, dan membaharui keazaman mereka apabila perjalanan masih lagi jauh. Allah menyeru mereka di permulaan ayat ini dengan seruan yang mesra:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Wahai orang-orang yang beriman!"

Dan mengakhiri seruan itu dengan kata-kata perangsang yang menarik:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."(153)

Hadith-hadith Mengenai Kelebihan Sabar

Hadith-hadith mengenai kelebihan sabar amat banyak, dan di sini kami sebut beberapa hadith darinya yang ada hubungan dengan ayat Al-Qur'an ini yang bertujuan menyediakan jama'ah Muslimin untuk memikul tugas mereka dan melaksanakan peranan mereka.

Daripada Khabab Ibn al-Arat r.a. katanya: "Kami telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. sewaktu beliau sedang berbaring dengan berbantalkan sehelai kain di bawah bayangan Ka'bah lalu kami berkata: 'Apakah anda tidak memohon kepada Allah pertolongan untuk kami? Apakah anda tidak berdo'a untuk kami? Lalu beliau menjawab:

قد كان من قبلكم يؤخذ الرجل فيحفرله في الارض، فيجعل فيها ثم يؤتى بالمنشار، فيوضع على رأسه فيجعل نصفين، ويمشط بأمشاط الحديد ما دون لحمه وعظمه، ما يصده ذلك عن دينه... والله ليتمن الله تعالى هذا الأمر حتى يسير الراكب من صنعاء إلى حضرموت فلا يخاف إلا الله، والذئب على غنمه ولكنكم تستعجلون.

"Orang-orang (Mu'min) yang dahulu dari kamu (juga diseksa dan ditindas), ada yang ditangkap lalu digalikan lubang untuknya di bumi, kemudian diletakkannya di dalam lubang itu, kemudian dibawa gergaji dan diletakkan di atas kepalanya dan digergaji hingga ia terbelah dua, (dan ada pula) yang disikat dengan sikat-sikat besi yang mencakar daging dan tulangnya, tetapi semuanya tidak menghalangkannya dari berpegang teguh dengan agamanya. Demi Allah! Allah Ta'ala akan menyempurnakan (perkembangan) agama ini sehingga sipenunggang dari (bandar) San'a' dapat meneruskan perjalanannya ke (bandar) Hadhramaut (dengan aman) dan dia tidak takut (kepada sesiapa) melainkan Allah dan serigala yang menyerang kambingnya, tetapi kamu bersikap gopoh."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Abu Daud dan an-Nasai.)

Daripada ibn Mas'ud r.a. katanya: "Seolah-olah aku masih ternampak-nampak Rasulullah s.a.w. menceritakan tentang (kesabaran) salah seorang dari para anbia', dia dipukul oleh kaumnya hingga berdarah lalu dia menyapu darah dari mukanya sambil berdo'a:

اللهم أغفر لقومي فإنهم لا يعلمون – اخرجه الشيخان –

"Wahai Tuhanku! Ampunkanlah kaumku kerana mereka tidak mengetahui."

(Dikeluarkan oleh as-Syaikhan)

Daripada Yahya ibn Waththab daripada seorang tua dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

ألمسلم الذي يخالط الناس ويصبر على أذاهم خير من الذي لا يخالطهم ولا يصبر على أذاهم – اخرجه الترمذي

"Seseorang Muslim yang bercampur-gaul dengan orang ramai dan sabar terhadap gangguan-gangguan mereka adalah lebih baik dari Muslim yang tidak bercampur-gaul dengan mereka dan tidak sabar terhadap gangguan-gangguan mereka."

(Dikeluarkan oleh at-Tirmizi)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 154)

Kini jama'ah Muslimin yang berada di Madinah sedang menghadapi satu perjuangan yang sukar untuk menegakkan agama Allah di bumi dan untuk melaksanakan peranan mereka yang telah ditetapkan oleh suratan takdir Allah, dan untuk menerima panji-panji Allah dan mara berjuang kerana-Nya di jalan yang sukar dan panjang. Kini Al-Qur'an mula

melengkapkan mereka dengan kelengkapan rohaniyah dan membetulkan kefahaman dan pandangan mereka terhadap perkara-perkara yang berlaku di dalam masa perjuangan itu, iaitu ketika menghadapi suasana tarik tolak, dan ketika menghadapi pengorbanan-pengorbanan dan penderitaan-penderitaan, juga ketika mereka diberikan neraca-neraca pertimbangan yang betul supaya mereka dapat menilaikan perjuangan yang panjang ini dengan penilaian yang betul:

وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَن يُقْتَلُ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتٌۢ ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ وَلَٰكِن لَّا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾

"Dan janganlah kamu mengatakan bahawa orang-orang yang terbunuh kerana Sabilullah itu mati, malah mereka sebenarnya hidup, tetapi kamu tidak menyedarinya."(154)

Para Syuhada' Tidak Mati

Di sana terdapat pahlawan-pahlawan yang akan gugur syahid di dalam pertempuran kebenaran, iaitu para Syuhada' fi Sabilillah. Mereka adalah korban-korban yang mulia dan dikasihi, korban-korban yang luhur dan berhati bersih, kerana orang-orang yang keluar berperang kerana Sabilullah dan orang-orang yang mengorbankan nyawa mereka di dalam pertempuran kebenaran biasanya terdiri dari orang-orang yang berhati paling mulia dan berjiwa yang paling bersih. Sebenarnya orang-orang yang terbunuh di dalam perjuangan Sabilullah itu bukannya mati, malah mereka hidup. Oleh itu mereka tidak seharusnya disifatkan sebagai orang-orang yang mati atau dikira sebagai orang-orang mati dalam tanggapan dan perasaan. Mereka tidak boleh dikatakan mati dengan bibir, mulut dan lisan, malah mereka sebenarnya hidup dengan pengakuan Allah S.W.T. sendiri. Oleh itu mereka pasti hidup.

Pada lahir dan pada pandangan kasar sahaja mereka dibunuh, tetapi hakikat mati dan hakikat hidup tidak boleh dipastikan dengan pandangan lahir yang dangkal ini. Ciri hidup yang utama ialah sifat positif dan aktif, sifat kesuburan dan kesinambungan, sedangkan ciri utama mati ialah sifat negatif, sifat padam dan terputus. Para syuhada' yang terbunuh di dalam pertempuran fi Sabilillah memberi ciri yang positif yang berkesan dalam membantu perkembangan agama yang benar, di mana mereka terbunuh kerananya. Gagasan Islam yang kerananya mereka terbunuh itu menjadi segar bugar dan berlanjutan hidupnya dengan siraman darah mereka dan (semangat perjuangan) para Mu'min yang masih hidup di belakang mereka akan terus kuat dan berlanjutan kerana pengaruh perjuangan mereka. Oleh itu mereka tetap merupakan satu unsur yang positif dan aktif, satu unsur pendorong yang berkesan di dalam membentuk dan membimbing hidup (kaum Muslimin). Inilahlah ciri hidup (para syuhada') yang utama. Mereka hidup dengan pertimbangan yang waqi'i/realistik di dalam dunia manusia.

Mereka hidup di sisi Allah sama ada dengan pertimbangan ini atau dengan pertimbangan yang lain yang kita tidak mengetahui hakikatnya yang sebenar. Bagi kita cukuplah dengan penjelasan Allah yang menyatakan bahawa mereka hidup di sisi Allah tetapi kamu sahaja yang tidak menyedarinya, kerana hakikat hidup ini di luar kefahaman manusia yang lemah dan terbatas. Namun demikian mereka tetap masih hidup.

Mereka masih hidup, kerana itu mereka tidak dimandikan seperti orang-orang mati yang lain dan mereka dikafan dengan pakaian yang ada di tubuh mereka ketika mereka gugur syahid. Tujuan permandian ialah untuk membersihkan badan si mati, tetapi para syuhada' adalah orang-orang yang bersih dan masih hidup pula. Pakaian mereka di bumi menjadi pakaian mereka di dalam kubur kerana mereka masih hidup.

Mereka masih hidup kerana itu keluarga, sahabat dan orang-orang yang menyayangi mereka tidak perlu bersedih dan berdukacita. Mereka masih hidup bersama-sama di dalam kehidupan keluarga, sahabat-sahabat handai dan orang-orang yang menyayangi mereka. Mereka masih hidup oleh sebab itu perpisahan dengan mereka tidak seharusnya menyusahkan hati orang-orang yang ditinggalkan mereka. Keguguran dan pengorbanan mereka yang besar tidak seharusnya dirasakan begitu besar dan memeranjatkan mereka.

Di samping mereka masih hidup dan dimuliakan di sisi Allah mereka dikurniakan balasan yang paling mulia dan sempurna. Tersebut di dalam Sahih Muslim:

إن أرواح الشهداء فى حواصل طيور خضر تسرح فى الجنة
حيث شأت ثم تأوي إلى قناديل معلقة تحت العرش،
فاطلع عليهم ربك إطلاعة. فقال: ماذا تبغون؟ فقالوا: يا
ربنا وأى شيء نبغى وقد أعطيتنا ما لم تعط أحدا من
خلقك؟ ثم عاد عليهم بمثل هذا. فلما رأوا أنهم لا
يتركون من أن يسألوا، قالوا: نريد أن تردنا إلى الدار الدنيا
فنقاتل فى سبيلك حتى نقتل فيك مرة أخرى – لما يرون
من ثواب الشهادة – فيقول الرب جل جلاله: إنى كتبت
أنهم إليها لا يرجعون.

"Sesungguhnya roh-roh para Syuhada' itu ditempatkan di dalam tembolok burung-burung hijau yang berterbangan di dalam Syurga ke mana sahaja yang disukai mereka. Kemudian mereka singgah di lampu-lampu yang bergantungan di bawah 'Arasy. Allah melihat mereka sepandangan mata lalu bertanya: 'Apakah yang kamu mahu?' Jawab mereka: 'Wahai Tuhan kami, apakah lagi yang kami kehendaki, sedangkan engkau telah mengurniakan kepada kami ni'mat-ni'mat yang tidak pernah Engkau kurniakan kepada sesiapa pun dari makhluk-Mu?' Kemudian Allah kembali mengemukakan pertanyaan yang seperti ini dan oleh sebab mereka melihat bahawa mereka

tidak akan tinggal dari memohon lalu mereka pun menjawab: 'Kami mahu Engkau kembalikan kami ke negeri dunia supaya kami dapat berperang kerana agama-Mu sehingga kami dibunuh sekali lagi' - kerana mereka melihat betapa besarnya pahala yang diterima oleh para Syuhada' - Jawab Allah Jalla Jala- luhu: 'Sesungguhnya Aku telah membuat keputusan bahawa mereka tidak akan kembali lagi ke dunia."'

Daripada Anas r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

ما أحد يدخل الجنة يحب أن يرجع إلى الدنيا، وله ما على الأرض من شيء إلا الشهيد، ويتمنى أن يرجع الى الدنيا فيقتل عشر مرات لما يرى من الكرامة.

– اخرجه مالك والشيخان –

"Tiada seorang pun yang masuk Syurga dan suka kembali semula ke dunia, dan dia masih mempunyai sesuatu di muka bumi ini kecuali orang yang gugur syahid. Dia bercita-cita kembali semula ke dunia supaya ia dibunuh berpuluh-puluh kali kerana dia melihat betapa besarnya kemuliaan (yang diterima oleh para Syuhada')."

(Dikeluarkan oleh Malik dan as-Syaikhan)

Tetapi siapakah para Syuhada' yang masih hidup itu? Mereka ialah orang-orang yang terbunuh di dalam perjuangan Sabilullah, yakni terbunuh semata-mata kerana Sabilullah sahaja, tidak bercampuraduk kerana sesuatu lambang, matlamat dan tujuan yang lain kecuali kerana Allah semata-mata. Dia gugur kerana mempertahankan agama yang benar yang diturunkan Allah. Dia gugur kerana agama yang disyari'atkan Allah. Dia gugur kerana agama yang telah dipilih oleh Allah. Dia gugur kerana agama ini sahaja bukan kerana sesuatu tujuan yang lain, bukan gugur di bawah sesuatu lambang yang lain dan tidak bercampuraduk dengan sesuatu matlamat dan slogan-slogan yang lain. Inilah yang ditekankan oleh Al-Qur'an dan hadith supaya tidak ada di dalam hati sebarang kekeliruan dan ingatan yang lain melainkan kerana Allah semata-mata.

Daripada Abu Musa r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai orang yang berperang kerana menunjukkan keberanian, berperang kerana menunjukkan keangkuhan dan berperang kerana ria', manakah yang dikatakan berperang kerana Sabilullah? Jawab beliau:

من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو فى سبيل الله

– اخرجه مالك والشيخان –

"Sesiapa yang berperang supaya agama Allah menjadi agama yang tertinggi maka dialah yang berperang kerana Sabilullah."

(Dikeluarkan oleh Malik dan as-Syaikhan)

Daripada Abu Hurayrah r.a. ada seorang lelaki berkata kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah! Ada orang mahu berjihad kerana Sabilullah, sedangkan dia berkehendakkan harta dunia?" Jawab beliau:

لاأجرله – اخرجه ابو دأود .

"Dia tidak akan mendapat apa-apa pahala."

Dikeluarkan oleh Abu Daud

Kemudian lelaki itu mengulangkan pertanyaan itu sebanyak tiga kali dan semuanya dijawab beliau, "Dia tidak akan mendapat apa-apa pahala."

Daripada Abu Hurayrah r.a. katanya: "Sabda Rasulullah s.a.w.:

تضمن الله تعالى لمن خرج فى سبيل الله، لا يخرجه إلا جهاد في سبيلي وايمان بي وتصديق برسلي... فهو عليّ ضامن أن أدخله الجنة أو أرجعه إلى مسكنه الذي خرج منه نائلا ما نال من أجر أو غنيمة. والذى نفس محمد بيده، ما من كلم يكلم فى سبيل الله إلا جاء يوم القيامة كهيئته يوم كلم، لونه لون دم وريحه ريح مسك. والذى نفس محمد بيده لولا أن أشق على المسلمين ما قعدت خلاف سرية تغزو في سبيل الله عزوجل أبدا. ولكن لاأجد سعة فأحلمهم، ولا يجدون سعة فيتبعوني ويشق عليهم أن يتخلفوا عني. والذي نفس محمد بيده لوددت ان اغزو فى بيل الله فأقتل، ثم أغزو فأقتل ثم أغزو فأقتل

– اخرجه مالك والشيخان –

"Allah Ta'ala memberi jaminan kepada orang yang keluar berperang kerana Sabilullah, tiada suatu yang mendorongnya keluar melainkan semata-mata untuk berperang kerana agama-Ku, kerana beriman kepada-Ku dan kerana membenarkan rasul-Ku...... dia tetap dijamin oleh-Ku, bahawa aku akan masukkannya ke dalam Syurga atau mengembalikannya semula (dengan selamat) ke tempat ke diamannya yang ia keluar darinya dengan mendapat ganjaran atau harta rampasan perang. Demi Allah yang memegang nyawa Muhammad di tangan-Nya, tiada luka yang dilukakan orang kerana Sabilullah, melainkan dia akan datang pada hari Qiamat seperti keadaan pada hari ia dilukakan, warna lukanya merah seperti darah dan baunya bau kasturi. Demi Allah yang memegang nyawa Muhammad di tangan-Nya, jika tidak kerana menyulitkan kaum Muslimin tentulah aku tidak akan duduk sama sekali tanpa mengikuti mana-mana ketumbukan tentera yang berperang kerana Sabilullah, tetapi aku tidak mempunyai kelapangan untuk membawa mereka (berperang) dan mereka juga tidak mempunyai kelapangan untuk mengikut aku berperang dan tentulah sulit bagi mereka untuk tinggal tidak ikut berperang bersamaku. Demi Allah yang memegang nyawa Muhammad di tangannya, aku bercita-cita berperang kerana Sabilullah lalu aku dibunuh kemudian aku berperang kerana Sabilullah lagi, kemudian aku berperang lagi dan dibunuh lagi."

(Dikeluarkan oleh Malik dan as-Syaikhan)

Siapa Para Syuhada'?

Merekalah para Syuhada'. Mereka keluar berperang kerana Sabilullah. Tiada suatu yang mendorong mereka keluar melainkan semata-mata untuk berperang kerana Sabilullah, kerana beriman kepada Allah dan kerana membenarkan para rasul-Nya.

Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan perasaan bencinya terhadap seorang pemuda Parsi yang berjihad apabila dia menyebut-nyebut dan berbangga-bangga dengan nama bangsa Parsinya di bidang jihad. Daripada Abdul Rahman ibn Abi 'Uqbah daripada bapanya (dia seorang bekas hamba dari bangsa Parsi) katanya: "Aku turut berperang bersama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Uhud. Aku telah berjaya membunuh seorang lelaki kaum Musyrikin lalu aku berkata: 'Nah ambillah! Akulah pemuda Parsi!' Nabi s.a.w. terus berpaling kepadaku dan berkata:

هلا قلت: وأنا الغلام الأنصارى؟ إن ابن أخت القوم منهم وإن مولى القوم منهم؟ - اخرجه ابو دأود -

"Mengapa engkau tidak berkata: Akulah pemuda Ansar? Kerana anak lelaki bagi saudara perempuan dari sesuatu kaum itu adalah dari mereka dan bekas hamba kepada suatu kaum itu adalah dari mereka?"

(Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Rasulullah s.a.w. tidak suka pemuda itu bermegah-megah dengan sifat (perjuangan) yang bukan dari sifat perjuangan menolong (Nabi s.a.w.) dan berperang di bawah suatu lambang yang lain dari lambang menolong agama Allah. Inilah jihad yang sebenar dan jihad inilah sahaja yang menghasilkan pahala syahid dan membuat para syuhada' yang gugur itu terus hidup.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 155 - 156)

Kemudian ayat yang berikut terus memperkatakan tentang persiapan dan penyediaan (jama'ah Muslimin) untuk menghadapi peristiwa-peristiwa dan untuk membetulkan kefahaman dan tanggapan mereka terhadap hakikat peristiwa-peristiwa itu:

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾ ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan suatu ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar(155). Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa sesuatu bala mereka mengucap: 'Kami adalah milik Allah dan kepada-Nya kami sekalian kembali.'"(156)

Orang-orang Yang Beriman Pasti Menempuh Ujian

(Jama'ah Muslimin) itu pastilah dididik jiwa mereka untuk menghadapi kesusahan dan kegigihan mereka dalam menempuh perjuangan kebenaran itu, dan pastilah diuji dengan berbagai-bagai ketakutan, kesulitan, kelaparan, kekurangan harta, kehilangan jiwa dan kekurangan buah-buahan. Orang-orang yang beriman pastilah menempuh kesusahan-kesusahan ini supaya mereka dapat memberi pengorbanan-pengorbanan kerana 'aqidah, agar 'aqidah itu dipandang mulia dan tinggi di hati mereka mengikut sebesar mana pengorbanan yang diberikan mereka kepadanya. 'Aqidah-'aqidah yang murah yang tidak diberikan pengorbanan-pengorbanan oleh penganut-penganutnya akan ditinggalkan mereka dengan mudah pada kali yang pertama mereka bertembung dengan kesusahan. Pengorbanan-pengorbanan itu merupakan harga atau nilai kejiwaan yang membayangkan betapa mulia dan tingginya 'aqidah itu di hati penganut-penganutnya sendiri sebelum ia dipandang mulia dan tinggi di hati orang-orang yang lain. Setiap kali mereka menderita dan berkorban kerana 'aqidah itu, setiap kali pula 'aqidah itu menjadi lebih mulia dan tinggi di hati mereka dan setiap kali pula mereka menjadi lebih sayang kepadanya. Begitu juga orang-orang lain (yang bukan penganutnya) tidak akan dapat menilai harga 'aqidah itu melainkan apabila mereka melihat kesanggupan para penganutnya menderita untuk mempertahankannya. Mereka akan berkata di dalam hati mereka: Jika 'aqidah mereka tidak lebih baik dan lebih besar dari kesusahan yang dideritai mereka, tentulah mereka tidak sanggup menerima kesusahan itu dengan sabar. Waktu inilah penentang-penentang 'aqidah ini akan berubah kepada keinginan mengkaji dan mempelajarinya, membuat penilaian-penilaian terhadapnya dan tertarik kepadanya, dan waktu inilah pertolongan Allah tiba dan penaklukan terlaksana dan orang ramai akan berduyun-duyun datang memeluk agama Allah.

Penganut-penganut 'aqidah itu pasti diuji dengan kesusahan agar pegangan hati mereka bertambah kukuh dan kuat, kerana kesusahan-kesusahan dan penderitaan-penderitaan itulah yang dapat merangsangkan segala kekuatan dan daya tenaga mereka yang terpendam dan tersimpan. Ia dapat membuka pintu-pintu dan lorong-lorong rahsia di dalam hati yang tidak dapat diketahui oleh seorang Mu'min kecuali ia berada di bawah tekanan kesusahan dan penderitaan. Nilai-nilai, ukuran-ukuran, kefahaman dan pemikiran tidak akan sihat, halus dan lurus kecuali ia berada di dalam suasana dugaan, dan penderitaan yang menghilangkan selaput dari mata dan karat dari hati.

Yang lebih penting dari ini atau yang menjadi tapak landasan bagi semuanya ini ialah mencari perlindungan pada Allah Yang Maha Esa, ketika bergoncangnya segala sandaran dan hilangnya segala waham yang karut dan tertumpunya hati kepada Allah Yang Maha Esa, di mana ia tidak menemui suatu pertolongan yang lain dari pertolongan Allah dan di sa'at inilah sahaja mata yang berselaput menjadi terang, mata hati nurani terbuka, pemandangan ufuk jelas kelihatan sejauh mata

memandang..... tiada suatu yang lain melainkan hanya Allah. Tiada kekuatan yang lain melainkan kekuatan-Nya, tiada daya qudrat melainkan daya qudrat-Nya, tiada iradat melainkan iradat-Nya dan tiada tempat perlindungan melainkan kepada-Nya. Di waktu inilah jiwa manusia menemui hakikat yang tunggal yang menjadi asas kefahaman dan pemikiran yang betul.

Ayat yang berikut ini menyampaikan jiwa manusia kepada titik hakikat ini di kemuncaknya:

وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar."(155)

ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتۡهُم مُّصِيبَةٞ قَالُوٓاْ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيۡهِ
رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

"Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa sesuatu bala mereka mengucap: 'Kami adalah milik Allah dan kepada-Nya kami sekalian kembali.'"(156)

Yakni kita semua milik Allah. Seluruh kita dan segala apa yang ada pada kita, seluruh kewujudan dan diri kita adalah milik Allah belaka. Kepada-Nyalah kembalinya segala urusan dan segala kesudahan. Itulah penyerahan yang mutlak kepada Allah, iaitu penyerahan diri mencari perlindungan yang terakhir yang terbit dari hasil penemuan dengan hakikat yang tunggal dan kefahaman yang betul itu.

Merekalah orang-orang yang sabar yang disampaikan kepada mereka berita gembira dari Allah - pemberi ni'mat Yang Maha Agung - oleh rasul-Nya yang mulia. Merekalah yang diumumkan Allah - pemberi ni'mat Yang Maha Agung - kedudukan mereka di sisi-Nya sebagai balasan terhadap kesabaran mereka yang baik.

(Pentafsiran ayat 157)

أُوْلَٰٓئِكَ عَلَيۡهِمۡ صَلَوَٰتٞ مِّن رَّبِّهِمۡ وَرَحۡمَةٞۖ
وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُهۡتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

"Mereka akan dilimpahkan dengan berbagai-bagai rahmat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayat."(157)

Yakni mereka dikurniakan berbagai-bagai rahmat dari Tuhan mereka. Dengan rahmat itu Allah mengangkatkan darjat mereka ke tahap berkongsi habuan rahmat yang diterima oleh Nabi-Nya yang diselawatkan Allah dan para malaikat-Nya. Ini adalah suatu darjah yang amat tinggi, suatu rahmat (yang amat besar) dan suatu pengakuan dari Allah bahawa mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayat.

Semuanya merupakan perkara yang amat besar.

* * * * * *

Kita harus berhenti sebentar di hadapan kata penamat mengenai langkah-langkah penggembelengan untuk mengukuhkan barisan kaum Muslimin, iaitu langkah-langkah pengembelengan untuk menghadapi kesusahan dan kesulitan, untuk mati dan gugur syahid, untuk menderita kelaparan, ketakutan, kekurangan harta, kehilangan jiwa dan kekurangan buah-buahan. Itulah langkah-langkah persediaan untuk menghadapi perjuangan (da'wah) yang panjang, sukar dan banyak pengorbanan-pengorbanannya.

Allah meletakkan semua ini dalam satu daun neraca dan meletakkan rahmat-rahmat Allah dalam satu daun neraca yang lain, merekalah orang-orang yang mendapat hidayat. Di sini Allah tidak menjanjikan kemenangan kepada mereka, tidak juga menjanjikan mereka dengan kedudukan yang teguh dan dengan harta-harta rampasan perang yang banyak. Ia tidak menjanjikan mereka suatu apa pun selain dari rahmat-rahmat dan pengakuannya. Allah menyedia dan melengkapkan kaum Muslimin untuk satu tugas yang lebih besar dari diri mereka sendiri dan lebih penting dari hidup mereka sendiri, oleh sebab itulah Allah membersihkan mereka dari segala tujuan dan matlamat yang lain. Allah membersihkan mereka dari segala cita-cita dan keinginan manusia yang lain walaupun cita-cita untuk melihat kemenangan 'aqidah. Allah membersihkan mereka dari segala sesuatu yang boleh menodai keikhlasannya yang mutlak kepada Allah, kepada keta'atannya kepada Allah, dan kepada da'wahnya kepada Allah. Kewajipan mereka ialah mara terus di jalan perjuangan mereka tanpa mengharapkan sesuatu selain dari keredhaan Allah, rahmat-Nya dan pengakuan-Nya bahawa mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayat. Inilah satu-satunya matlamat dan tujuan perjuangan mereka. Inilah satu-satunya buah yang manis yang diidami oleh hati mereka. Adapun hasil-hasil kemenangan dan kedudukan yang teguh yang ditetapkan Allah kepada mereka, maka itu bukan untuk mereka, malah untuk da'wah Allah yang diperjuangkan mereka.

Mereka akan mendapat rahmat-rahmat Allah dan pengakuannya sebagai balasan terhadap kesanggupan mereka mengorbankan hartabenda, nyawa dan buah-buahan, balasan terhadap kegigihan mereka menderita ketakutan, kelaparan dan kesusahan, balasan terhadap kematian dan keguguran selaku para Syuhada'. Daun neraca yang berisi limpah kurnia ini telah menjadi lebih berat. Ia adalah lebih berat dari segala pemberian yang lain, lebih berat dari kemenangan, lebih berat dari kedudukan yang teguh di bumi dan lebih berat dari kepuasan dendam di dalam dada.

Inilah didikan yang ditetapkan Allah ke atas barisan kaum Muslimin untuk menyediakan mereka dengan suatu penyediaan yang menarik. Inilah cara didikan Ilahi terhadap mereka yang dikehendaki Allah di antara umat manusia seluruhnya supaya benar-benar

ikhlas kepada-Nya, kepada da'wah-Nya dan kepada agama-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 158 - 177)

إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ ۖ فَمَنْ حَجَّ ٱلْبَيْتَ
أَوِ ٱعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَن يَطَّوَّفَ بِهِمَا ۚ وَمَن
تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ ٱللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ١٥٨
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَآ أَنزَلْنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلْهُدَىٰ
مِنۢ بَعْدِ مَا بَيَّنَّٰهُ لِلنَّاسِ فِى ٱلْكِتَٰبِ ۙ أُو۟لَٰٓئِكَ
يَلْعَنُهُمُ ٱللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ ٱللَّٰعِنُونَ ١٥٩
إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ وَأَصْلَحُوا۟ وَبَيَّنُوا۟ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَتُوبُ
عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنَا ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ١٦٠
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ كُفَّارٌ أُو۟لَٰٓئِكَ
عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ ٱللَّهِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ١٦١
خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ
يُنظَرُونَ ١٦٢
وَإِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ١٦٣
إِنَّ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ
وَٱلنَّهَارِ وَٱلْفُلْكِ ٱلَّتِى تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِمَا يَنفَعُ
ٱلنَّاسَ وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن مَّآءٍ فَأَحْيَا
بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَآبَّةٍ
وَتَصْرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ وَٱلسَّحَابِ ٱلْمُسَخَّرِ بَيْنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ١٦٤
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَندَادًا
يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ ۗ
وَلَوْ يَرَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ إِذْ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ أَنَّ
ٱلْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعَذَابِ ١٦٥
إِذْ تَبَرَّأَ ٱلَّذِينَ ٱتُّبِعُوا۟ مِنَ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوا۟ وَرَأَوُا۟
ٱلْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ ٱلْأَسْبَابُ ١٦٦
وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوا۟ لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ
كَمَا تَبَرَّءُوا۟ مِنَّا ۗ كَذَٰلِكَ يُرِيهِمُ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ
حَسَرَٰتٍ عَلَيْهِمْ ۖ وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنَ ٱلنَّارِ ١٦٧
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُوا۟ مِمَّا فِى ٱلْأَرْضِ حَلَٰلًا طَيِّبًا
وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ
مُّبِينٌ ١٦٨
إِنَّمَا يَأْمُرُكُم بِٱلسُّوٓءِ وَٱلْفَحْشَآءِ وَأَن تَقُولُوا۟ عَلَى
ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ١٦٩
وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ بَلْ نَتَّبِعُ
مَآ أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۗ أَوَلَوْ كَانَ ءَابَآؤُهُمْ
لَا يَعْقِلُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَهْتَدُونَ ١٧٠
وَمَثَلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ كَمَثَلِ ٱلَّذِى يَنْعِقُ بِمَا لَا
يَسْمَعُ إِلَّا دُعَآءً وَنِدَآءً ۚ صُمٌّۢ بُكْمٌ عُمْىٌ فَهُمْ لَا
يَعْقِلُونَ ١٧١
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا
رَزَقْنَٰكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ
تَعْبُدُونَ ١٧٢
إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحْمَ ٱلْخِنزِيرِ
وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيْرِ ٱللَّهِ ۖ فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ
فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٧٣
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ

وَيَشْتَرُونَ بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا أُو۟لَـٰٓئِكَ مَا يَأْكُلُونَ
فِى بُطُونِهِمْ إِلَّا ٱلنَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ ٱللَّهُ يَوْمَ
ٱلْقِيَـٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾
أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلضَّلَـٰلَةَ بِٱلْهُدَىٰ
وَٱلْعَذَابَ بِٱلْمَغْفِرَةِ ۚ فَمَآ أَصْبَرَهُمْ عَلَى ٱلنَّارِ ﴿١٧٥﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ نَزَّلَ ٱلْكِتَـٰبَ بِٱلْحَقِّ ۗ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ
ٱخْتَلَفُوا۟ فِى ٱلْكِتَـٰبِ لَفِى شِقَاقٍۭ بَعِيدٍ ﴿١٧٦﴾
لَّيْسَ ٱلْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ ٱلْمَشْرِقِ
وَٱلْمَغْرِبِ وَلَـٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ
وَٱلْمَلَـٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَـٰبِ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ
حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ
وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى
ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَـٰهَدُوا۟ ۖ وَٱلصَّـٰبِرِينَ
فِى ٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَحِينَ ٱلْبَأْسِ ۗ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ
صَدَقُوا۟ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

"Sesungguhnya Bukit al-Safa dan al-Marwah itu adalah dari syi'ar-syi'ar Allah. Oleh itu sesiapa yang mengerjakan haji atau mengerjakan umrah, maka tiada apa-apa kesalahan baginya untuk berkeliling pada keduanya dan sesiapa yang mengerjakan dengan sukarela amalan yang baik, maka sesungguhnya Allah berterima kasih dan Maha Mengetahui (158). Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan sesuatu yang Kami telah turunkan iaitu dari ayat-ayat yang jelas dan hidayat setelah kami terangkan kepada manusia di dalam kitab suci, merekalah orang-orang yang dilaknatkan Allah dan dilaknatkan oleh sekalian pelaknat(159). Kecuali mereka yang telah bertaubat, mengislahkan diri mereka dan menjelaskan yang benar, maka untuk mereka Aku terima taubat mereka dan sesungguhnya Aku Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih(160). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati di dalam keadaan kafir, mereka ditimpa laknat Allah dan laknat para malaikat dan manusia seluruhnya(161). Mereka kekal di dalam laknat itu dan 'azab itu tidak akan diringankan dan tidak pula diberi tempoh kelonggaran(162). Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa dan tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang(163). Sesungguhnya dalam penciptaan langit-langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, penciptaan kapal-kapal yang berlari di lautan dengan muatan yang berguna kepada manusia, kejadian air hujan yang diturun Allah dari langit, lalu dia hidupkan dengannya bumi yang telah mati dan menghamburkan di dalamnya segala aneka haiwan, juga pengedaran angin dan awan-awan yang dijadikan di antara langit dan bumi itu adalah menjadi bukti-bukti yang jelas kepada golongan orang-orang yang berfikir(164). Di antara manusia ada orang-orang yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah. Mereka menyintainya sama seperti mereka menyintai Allah, tetapi orang-orang yang beriman amat cinta kepada Allah dan andainya orang-orang yang zalim itu mengetahui ketika mereka melihat 'azab di hari Akhirat - bahawa seluruh kekuatan itu milik Allah belaka dan bahawa Allah amat keras 'azab-Nya (tentulah mereka tidak akan mempersekutui Allah) (165). Iaitu ketika pemimpin-pemimpin (sesat) yang diikuti itu berlepas diri dari mereka yang mengikutnya dan (ketika) mereka melihat 'azab dan terputus segala hubungan di antara mereka(166). Dan berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut itu "Andainya kami mendapat peluang kembali ke dunia, tentulah kami akan berlepas diri dari mereka sebagaimana sekarang mereka berlepas diri dari kami." Demikianlah Allah memperlihat-kan amalan-amalan mereka menjadi penyesalan-penyesalan kepada mereka dan mereka tidak sekali-kali akan keluar dari Neraka(167). Wahai sekalian manusia makanlah dari apa yang terdapat dibumi sesuatu yang halal dan baik dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah (bimbingan) syaitan kerana ia adalah musuh kamu yang nyata(168). Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perbuatan-perbuatan yang keji dan membuat pembohongan terhadap Allah dalam perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui(169). Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah" mereka menjawab, "tidak, kami hanya mengikuti ajaran-ajaran yang kami dapati diikuti oleh datuk nenek kami". Walaupun datuk nenek mereka tidak mengerti suatu apa dan tidak mendapat hidayat(170). Bandingan orang-orang yang kafir sama seperti orang yang menyeru binatang yang tidak mengerti mendengar kecuali bunyi seruan dan teriakan sahaja. Mereka tuli, bisu dan buta dan kerana itu mereka tidak mengerti(171). Wahai orang-orang yang beriman makanlah makanan-makanan yang baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu benar menyembah-Nya(172). Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atas kamu bangkai, darah, daging babi dan daging binatang yang disembelih bukan kerana Allah, tetapi sesiapa yang dipaksakan keadaan dharurat tanpa sengaja dan melampau, maka tiadalah apa-apa kesalahan di atasnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(173). Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan mana-mana ayat kitab suci yang diturunkan Allah dan membeli dengannya faedah (dunia) yang sedikit, mereka sebenarnya tidaklah memakan apa yang di dalam perut mereka kecuali api Neraka dan Allah tidak akan bercakap dengan mereka pada hari Qiamat dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa) dan mereka akan mendapat keseksaan yang amat pedih(174). Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat dan keseksaan dengan keampunan, alangkah sabarnya mereka itu menanggung 'azab neraka(175). Balasan itu disebabkan kerana Allah telah menurunkan kitab suci yang membawa ajaran yang benar dan sesungguhnya orang-orang yang berselisih tentang kitab suci adalah berada dalam pertentangan yang amat jauh (dari kebenaran)(176). Kebaktian itu bukan hanya menghalakan mukamu ke arah Timur dan Barat, tetapi kebaktian itu ialah mereka beriman kepada Allah, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab suci, para nabi, dan memberi harta yang disayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, fakir miskin, orang yang terlantar di dalam perjalanan, orang yang meminta bantuan

dan membebaskan hamba abdi, dan mendirikan solat, dan mengeluarkan zakat, dan menunaikan janji apabila mereka berjanji dan orang-orang yang sabar menghadapi kesempitan dan penderitaan dan sabar dalam masa peperangan. Merekalah orang-orang yang benar-benar berbakti dan merekalah orang-orang yang benar-benar bertaqwa"(177).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini bertujuan membetulkan beberapa dasar kefahaman keimanan yang sebenar di samping terus menghadapi cabaran kaum Yahudi Madinah yang tidak berhenti-henti mengelirukan kebenaran dengan kebatilan mengenai dasar-dasar itu dan menyembunyikan hakikat-hakikatnya yang sebenar yang memang diketahui mereka serta menimbulkan keadaan gelisah dan kelam-kabut terhadapnya. Tetapi rangkaian-rangkaian ayat di dalam pelajaran ini menggunakan uslub kenyataan yang am, iaitu ia membentangkan dasar-dasar am yang merangkumi kaum Yahudi dan golongan-golongan yang lain yang menentang da'wah Islamiyah. Begitu juga ia mengingatkan kaum Muslimin dari terpijak tempat-tempat gelincir yang menunggu mereka di jalan perjuangan mereka secara umumnya.

Oleh sebab itu (dalam pelajaran ini) kita mendapat satu penjelasan mengenai maudhu' berkeliling di Safa dan Marwah kerana maudhu' ini mempunyai hubungan dengan adat resam jahiliyah, dan penjelasan itu juga mempunyai hubungan dengan persoalan mengadap kiblat ke arah Masjidil-Haram ketika mengerjakan solat dan menetapkan syi'ar-syi'ar ibadat haji atau berkunjung ke Baitullah ini.

Selepas itu diiringi pula dengan penjelasan mengenai golongan Ahlil-Kitab yang menyembunyi-kan kenyataan-kenyataan dan petunjuk-petunjuk yang sebenar yang telah diturunkan Allah, di samping mengecam mereka dengan kecaman yang keras serta membuka pintu taubat kepada sesiapa yang ingin bertaubat. Kepada orang-orang yang terus berdegil di atas kekufuran, mereka diancamkan dengan laknat yang menyeluruh dan keseksaan yang dahsyat dan kekal abadi.

Kemudian dikemukakan pula penjelasan mengenai konsep Wahdaniyah Allah dan menarik pandangan mereka kepada meneliti bukti-bukti kejadian alam buana yang mengakui hakikat Wahdaniyah ini, di samping mengecam mereka yang menyembah berbagai-bagai Tuhan yang lain dari Allah, serta ditayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menggambarkan keadaan para pengikut dan para pemimpin mereka (yang sesat), di mana mereka masing-masing cuba berlepas tangan terhadap satu sama lain ketika mereka melihat 'azab (yang dahsyat).

Sehubungan dengan perbuatan kaum Yahudi yang mempertikaikan tentang makanan-makanan dan minuman yang halal yang diterangkan oleh Al-Qur'an, dan menjelaskan hakikat-hakikat yang sebenar yang disembunyikan mereka dari kitab Taurat yang ada pada mereka, Al-Qur'an menyeru seluruh manusia kepada meni'mati segala makanan dan minuman yang baik yang telah dihalalkan oleh Allah dan mengingatkan mereka dari (mengikuti bisikan-bisikan) syaitan yang menghasut mereka melakukan kejahatan dan perbuatan yang keji. Kemudian diiringi pula dengan seruan yang khusus ditujukan kepada orang-orang yang beriman supaya mereka meni'mati makanan dan minuman yang dihalalkan Allah dan menahankan diri dari makanan dan minuman yang haram, serta menjelaskan makanan-makanan haram yang dipertikaikan oleh kaum Yahudi sedangkan mereka mengetahui hakikat yang sebenar.

Di sinilah Al-Qur'an mengecam keras golongan yang menyembunyikan mana-mana ayat dari kitab suci itu dengan tujuan mencari keuntungan dunia yang sedikit, di samping mengancam mereka dengan akibat-akibat buruk yang menunggu mereka di Akhirat, iaitu mereka akan diabai, dimurkai dan dihinakan Allah.

Pada akhir pelajaran ini dibentangkan penjelasan tentang hakikat kebaktian yang mengandungi dasar-dasar keimanan dan amalan yang soleh untuk membetulkan kefahaman keagamaan. Kebaktian itu bukannya rupa-rupa bentuk yang lahir dan harakat menghalakan muka ke Timur dan ke Barat, malah kebaktian itu ialah kesedaran dan amalan dan hubungan yang rapat dengan Allah dalam kesedaran dan amalan itu. Di sini pertalian di antara kenyataan ini dengan pertikaian yang timbul di sekitar persoalan kiblat itu kelihatan amat jelas.

Demikianlah kita dapati rangkaian ayat-ayat ini masih berada dalam kancah pertarungan, iaitu pertarungan didalam hati untuk membetulkan kefahaman-kefahaman dan neraca-neraca pertimbangan, juga pertarungan menentang tipu daya, komplot-komplot dan keadaan-keadaan gelisah dan kelam-kabut yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 158)

إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ ۖ فَمَنْ حَجَّ ٱلْبَيْتَ أَوِ ٱعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَن يَطَّوَّفَ بِهِمَا ۚ وَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ ٱللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾

"Sesungguhnya Bukit Safa dan Marwah itu adalah dari syi'ar-syi'ar Allah. Oleh itu sesiapa yang mengerjakan haji atau umrah, maka tiada apa-apa kesalahan baginya untuk berkeliling pada keduanya dan sesiapa yang mengerjakan dengan sukarela amalan yang baik, maka sesungguhnya Allah berterima kasih dan Maha Mengetahui."(158)

Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai sebab nuzulnya ayat ini. Riwayat yang paling dekat dengan logik kejiwaan yang diambil dari tabi'at kefahaman dan pemikiran yang telah ditanam oleh Islam dalam jiwa angkatan pemeluk Islam yang pertama dari golongan Muhajirin dan golongan Ansar, ialah riwayat yang mengatakan bahawa setengah-setengah kaum Muslimin itu merasa segan dan keberatan untuk berkeliling di Safa dan Marwah ketika mengerjakan ibadat haji dan umrah, kerana mereka telah melakukan sa'i di antara dua bukit ini di zaman jahiliyah, di mana berhala Asaf dan Na'ilah diletakkan di atas dua bukit itu. Orang-orang Islam itu merasa tidak suka dan keberatan untuk berkeliling di situ sebagaimana mereka berkeliling di zaman jahiliyah.

Ujar al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Yusuf, kami telah diceritakan oleh Suffian daripada 'Asim ibn Sulaiman katanya: "Aku telah bertanya Anas tentang (berkeliling) di Safa dan Marwah, dia menjawab: Kami melihat kedua-duanya dari upacara (ibadat) di zaman jahiliyah. Apabila datang Islam kami menahan diri kami dari berkeliling pada keduanya. Kemudian Allah 'Azzawajalla menurunkan ayat: إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ

Ujar al-Sya'bi: Berhala Asaf terletak di atas bukit Safa, dan berhala Na'ilah terletak di atas Bukit Marwah. Mereka (orang-orang Arab di zaman jahiliyah) menyentuh berhala-hala itu dengan tangan mereka. Oleh sebab itulah (selepas kedatangan Islam) mereka merasa segan berkeliling di antara kedua bukit itu lalu turun ayat tadi.

Di Antara Amalan Sa'i Di Zaman Jahiliyah Dan Amalan Sa'i Di Zaman Islam

Tidak ada riwayat yang menentukan tarikh turunnya ayat ini. Mengikut pendapat yang arjah ia diturunkan selepas ayat-ayat yang memperkatakan tentang perubahan kiblat. Walaupun Makkah (di waktu itu) telah menjadi negeri perang atau Dar Harb bagi orang-orang Islam, namun mungkin juga ada setengah-setengah orang Islam secara individu telah melakukan ibadat haji dan umrah. Orang-orang inilah yang merasa segan dan keberatan untuk berkeliling di antara Bukit Safa dan Marwah itu. Perasaan segan dan keberatan ini adalah hasil dari pendidikan dan pengajaran yang lama dan hasil dari kejelasan kefahaman keagamaan di dalam hati mereka. Kejelasan inilah yang membuat mereka berhati-hati dan menaruh kebimbangan dari segala perkara yang dilakukan mereka di zaman jahiliyah, kerana hati mereka telah menjadi begitu peka di dalam perkara ini sehingga mereka merasa takut dari segala sesuatu yang diamalkan di zaman jahiliyah dan takut perbuatan itu dilarang oleh Islam. Hal ini ketara dengan jelas di dalam berbagai-bagai peristiwa.

Da'wah yang baru itu telah menggoncangkan jiwa mereka dengan sekeras-kerasnya dan telah meresap ke pendalaman-pendalaman hati mereka, di mana ia menimbulkan satu revolusi jiwa dan perasaan yang menyeluruh sehingga mereka memandang dengan jijik dan takut kepada masa silam mereka di zaman jahiliyah. Mereka merasa bahawa bahagian hidup mereka di zaman jahiliyah itu benar-benar telah terputus dari mereka. Ia bukanlah lagi merupakan sebahagian dari hidup mereka dan mereka bukan lagi sebahagian dari hidup jahiliyah. Ia telah menjadi suatu kehidupan yang kotor dan najis yang dijauhi mereka supaya tidak terlibat lagi dengannya.

Orang-orang yang mengikuti sejarah da'wah di peringkat akhir ini dalam kehidupan kaum Muslimin akan merasa betapa kuatnya pengaruh 'aqidah Islam yang menarik ini di dalam jiwa mereka. Dia dapat merasa satu perubahan yang menyeluruh telah berlaku di dalam kefahaman dan pemikiran mereka terhadap kehidupan, seolah-olah Rasulullah s.a.w. telah memegang jiwa orang-orang ini lalu menggoncangkannya dengan sekuat-kuatnya sehingga segala keladak-keladak lamanya (yang melekat dalam jiwa itu) terpelanting keluar darinya, kemudian atom-atom jiwa mereka disusun semula mengikut corak yang baru sama seperti kejutan elektrik menyusun semula atom-atom, jisim-jisim mengikut bentuk yang berlainan dari bentuk asalnya.

Inilah sifat Islam. Ia memutuskan (seseorang Mu'min) secara total dari segala sesuatu yang diamalkan di zaman jahiliyah. Ia menimbulkan perasaan jijik terhadap segala perkara yang ada hubungan dengan amalan jahiliyah. Ia melahirkan perasaan-perasaan takut dan hati-hati di setiap waktu terhadap segala perasaan dan segala harakat yang dialami dan dilakukan mereka di zaman jahiliyah, sehingga seluruh hati mereka hanya diisikan dengan kefahaman dan pemikiran yang baru dengan segala syarat-syarat yang dikehendakinya. Apabila perubahan yang seperti ini telah berlaku dengan sempurna di dalam jiwa kaum Muslimin, maka barulah Islam mula menjelaskan mana-mana syi'ar ibadat purba yang hendak dikekalkan, iaitu syi'ar yang dilihatnya tidak mendatangkan sesuatu keburukan, kemudian syi'ar ini dihubungkan dengan agama Islam setelah dicabut dan diputuskan dari umbinya di zaman jahiliyah. Dengan ini apabila seseorang Muslim mengerjakan syi'ar ibadat ini, maka dia bukanlah mengamalkannya kerana ia telah diamalkan di zaman jahiliyah, tetapi kerana ia telah menjadi satu syi'ar yang baru dari syi'ar-syi'ar ibadat Islam, yang diambil asal-usulnya dari Islam.

Di sini kita boleh melihat satu contoh dari kaedah pendidikan Islam yang mendalam ini apabila Al-Qur'an mula menjelaskan dan menetapkan bahawa bukit-bukit Safa dan Marwah itu adalah dari syi'ar-syi'ar Islam.

إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ

"Sesungguhnya Bukit Safa dan Marwah itu dari syi'ar-syi'ar Allah."

Oleh itu sesiapa yang berkeliling di dua bukit itu, maka bererti dia telah menunaikan salah satu syi'ar dari syi'ar-syi'ar Allah dan bererti bahawa tujuan dia

berkeliling di situ adalah semata-mata untuk Allah, kerana hubungan di antara perkelilingan baru dengan perkelilingan lama yang diwarisi turun temurun itu telah terputus. Perkelilingan itu kini hanya mempunyai hubungan dengan Allah S.W.T. sahaja bukan lagi dengan berhala-berhala Asaf, Na'ilah dan lain-lain berhala di zaman jahiliyah. Oleh sebab itu tiada sesuatu sebab lagi yang patut disegani dan dirasa berdosa. Perkelilingan sekarang berlainan dari perkelilingan dahulu dan tujuan sekarang berlainan dari tujuan dahulu.

فَمَنْ حَجَّ ٱلْبَيْتَ أَوِ ٱعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَن
يَطَّوَّفَ بِهِمَا

"Oleh itu sesiapa yang mengerjakan haji, umrah maka tiada apa-apa kesalahan baginya untuk berkeliling pada keduanya."

Islam telah mengekalkan kebanyakan syi'ar-syi'ar ibadat haji yang diamalkan oleh orang-orang Arab dahulu dan membuang segala syi'ar yang ada hubungan dengan berhala-berhala (yang disembah mereka) dan dengan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang karut. Ia telah menghubungkan syi'ar-syi'ar ibadat haji yang dikekalkan itu dengan kefahaman dan kepercayaan Islam yang baru dengan sifatnya sebagai syi'ar-syi'ar Ibrahim a.s. yang diajarkan oleh Allah kepadanya (hal ini akan dihuraikan dengan terperinci ketika memperkatakan fardhu haji di tempat pembicaraannya di dalam rangkaian ayat-ayat surah ini).

Syi'ar-syi'ar ibadat umrah sama dengan syi'ar-syi'ar ibadat haji kecuali wuquf di padang 'Arafah, dan ia tidak ditentukan waktunya sepertimana waktu-waktu haji. Dan di dalam ibadat haji dan umrah, kewajipan berkeliling di antara dua Bukit Safa dan Marwah itu telah dijadikan syi'ar kedua-dua ibadat itu.

Kemudian ayat ini diakhiri dengan kenyataan secara umum memuji perbuatan mengerjakan suatu amalan yang baik dengan sukarela:

وَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ ٱللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾

"Dan sesiapa yang mengerjakan dengan sukarela amalan yang baik, maka sesungguhnya Allah berterima kasih dan Maha Mengetahui."(158)

Di sini secara halus Allah menyatakan bahawa amalan berkeliling di antara dua Bukit Safa dan Marwah itu adalah amalan yang baik, dan dengan kenyataan ini terhapuslah dari hati mereka segala perasaan syak dan timbullah rasa senang hati terhadap syi'ar-syi'ar ini. Ayat ini menenangkan hati mereka kerana Allah mengirakan syi'ar itu suatu syi'ar yang baik dan akan membalasnya dengan kebajikan, dan kerana Allah mengetahui segala niat dan segala perasaan yang tersemat di dalam hati.

Kita harus berhenti sebentar di hadapan ungkapan yang banyak memberi saranan ini:

فَإِنَّ ٱللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾

"Maka sesungguhnya Allah berterima kasih dan Maha Mengetahui." (158)

Maksud ungkapan ini ialah Allah meredhakan perbuatan yang baik itu dan akan membalasnya dengan balasan yang baik. Tetapi kata-kata "berterima kasih" memberi satu bayangan yang lembut disebalik maknanya yang mujarrad ini. Ia memberi bayangan keredhaan Allah yang sempurna sehingga seolah-olah terima kasih itu datang dari Allah kepada hamba. Di sini kata-kata ini menyarankan satu adab sopan yang wajib yang harus wujud dari hamba terhadap Allah, kerana jika Allah berterima kasih kepada hamba-Nya kerana perbuatannya yang baik, maka apakah pula yang harus dibuat oleh seseorang hamba untuk menunaikan kewajipan bersyukur terhadap Allah? Itulah bayangan-bayangan dari ungkapan-ungkapan Al-Qur'an yang menyentuh hati dengan saranan-saranannya yang lembut, halus dan indah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 159 - 162)

Setelah menjelaskan hukum tawaf di Bukit Safa dan Marwah, ayat yang berikut beralih pula kepada menyerang golongan yang menyembunyikan ayat-ayat keterangan dan hidayat yang telah diturunkan Allah, iaitu golongan kaum Yahudi yang telah dibicarakan dengan panjang lebar di dalam rangkaian ayat-ayat yang silam dari surah ini. Serangan ini menyarankan bahawa komplot-komplot mereka tidak terhenti setakat persoalan mengadap kiblat ke arah Masjidil-Haram dan kefardhuan ibadat haji kepadanya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَآ أَنزَلْنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلْهُدَىٰ
مِنۢ بَعْدِ مَا بَيَّنَّٰهُ لِلنَّاسِ فِى ٱلْكِتَٰبِ أُو۟لَٰٓئِكَ
يَلْعَنُهُمُ ٱللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ ٱللَّٰعِنُونَ ﴿١٥٩﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ وَأَصْلَحُوا۟ وَبَيَّنُوا۟ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَتُوبُ
عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنَا ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾
خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ
يُنظَرُونَ ﴿١٦٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan sesuatu yang Kami telah turunkan, iaitu dari ayat-ayat yang jelas dan hidayat setelah kami terangkan kepada manusia di dalam kitab suci, merekalah orang-orang yang dilaknatkan Allah

dan dilaknatkan oleh sekalian pelaknat(159). Kecuali mereka yang telah bertaubat, mengislahkan diri mereka dan menjelaskan yang benar, maka untuk mereka Aku terima taubat mereka dan sesungguhnya Aku Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih(160). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati di dalam keadaan kafir, mereka ditimpa laknat Allah dan laknat para malaikat dan manusia seluruhnya(161). Mereka kekal di dalam laknat itu dan 'azab itu tidak akan diringankan dan tidak pula diberi tempoh kelonggaran."(162)

Golongan Ahlil-Kitab memang mengetahui dari keterangan-keterangan kitab suci yang ada di tangan mereka tentang kebenaran kerasulan Muhammad s.a.w. dan tentang kebenaran perintah-perintah yang disampaikan oleh beliau, namun begitu mereka menyembunyikan keterangan-keterangan yang telah dijelaskan Allah kepada mereka di dalam kitab suci itu. Mereka dan orang-orang yang seperti mereka wujud di mana-mana zaman, iaitu dari orang-orang yang menyembunyikan kenyataan-kenyataan yang benar yang telah diturunkan Allah kerana sesuatu sebab dari berbagai-bagai sebab penyembunyian. Mereka adalah terdiri dari orang-orang yang selalu dilihat oleh orang ramai di berbagai-bagai masa dan tempat, mengambil sikap mendiamkan diri dari kebenaran yang diketahui mereka dan menyembunyikan keterangan-keterangan yang mengakui kebenaran itu, sedangkan mereka sendiri yakin terhadap kebenarannya. Mereka sengaja menjauhi ayat-ayat yang termaktub di dalam kitab Allah dan tidak menzahirkannya kepada umum, malah mendiamkan diri dan menyembunyikannya untuk menafikan hakikat yang diterangkan oleh ayat-ayat itu supaya terlindung jauh dari pendengaran dan kesedaran orang ramai demi untuk mencapai sesuatu tujuan dari tujuan-tujuan keduniaan. Kita dapat menyaksikan pendirian ini di dalam berbagai-bagai peristiwa dan keadaan mengenai berbagai-bagai hakikat agama ini.

أُو۟لَـٰٓئِكَ يَلْعَنُهُمُ ٱللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ ٱللَّـٰعِنُونَ ﴿١٥٩﴾

"Merekalah orang-orang yang dilaknatkan Allah dan dilaknatkan oleh sekalian pelaknat."(159)

Mereka seolah-olah telah menjadi sasaran laknat yang dicurahkan ke atas mereka dari segenap penjuru. Mereka menjadi sasaran sekalian pelaknat selain dari Allah.

Erti laknat ialah pengusiran (dari rahmat Allah) dengan penuh kemurkaan dan ancaman. Itulah manusia-manusia yang dikutuk Allah, iaitu mereka diusir dari rahmat-Nya dan diburu oleh sekalian pelaknat dari segenap penjuru. Demikianlah mereka diusir oleh Allah dan para hamba-Nya di setiap tempat.

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ وَأَصْلَحُوا۟ وَبَيَّنُوا۟ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنَا ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾

"Kecuali mereka yang telah bertaubat, mengislahkan diri mereka dan menjelaskan yang benar, maka untuk mereka Aku terima taubat mereka dan sesungguhnya Aku Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih."(160)

Kepada orang-orang ini Al-Qur'an membuka jendela yang terang kepada mereka, iaitu jendela taubat yang terbuka lebar, di mana bayu harapan bertiup darinya masuk ke dalam hati dan membawanya ke sumber nur hidayat. Oleh itu ia membuat hati tidak berputus asa dari rahmat Allah dan dari keampunannya. Oleh itu sesiapa yang suka silalah masuk ke dalam kawasan yang aman ini dengan niat yang jujur dan ikhlas. Dan tanda taubat yang sebenar ialah membetulkan amalan-amalannya dan bercakap dengan jelas, mengumum dan mengakui apa yang benar dan beramal mengikut kehendaknya, selepas itu yakinlah kepada rahmat Allah dan penerimaan-Nya terhadap taubatnya kerana Allah telah berfirman:

وَأَنَا ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾

"Dan sesungguhnya Aku Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih."(160)

Dan sesungguhnya Allah sebenar-benar yang berkata.

Adapun orang-orang yang terus berdegil (di atas kesalahan mereka) dan tidak bertaubat sehingga peluang itu terlepas dari tangannya dan tempoh (yang diberikan Allah) telah berakhir, maka mereka akan menghadapi laknat yang diancamkan kepada mereka sebelum ini dengan huraian yang lebih terperinci dan tegas lagi:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ كُفَّارٌ أُو۟لَـٰٓئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ ٱللَّهِ وَٱلْمَلَـٰٓئِكَةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٦١﴾ خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۖ لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿١٦٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati di dalam keadaan kafir, mereka ditimpa laknat Allah dan laknat para malaikat dan manusia seluruhnya(161). Mereka kekal di dalam laknat itu dan 'azab itu tidak akan diringankan dan tidak pula diberi tempoh kelonggaran."(162)

Balasan itu disebabkan mereka telah menutup pintu yang terbuka itu kepada diri mereka sendiri dan membiarkan peluang itu terlepas dari tangannya dan tempoh (yang diberikan Allah) itu berakhir begitu sahaja, sedangkan mereka terus berdegil dengan sikap menyembunyikan kebenaran, memilih kekufuran dan kesesatan:

أُو۟لَـٰٓئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ ٱللَّهِ وَٱلْمَلَـٰٓئِكَةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٦١﴾

"Mereka ditimpa laknat Allah dan laknat para malaikat dan manusia seluruhnya."(161)

Itulah kutukan dan laknat yang menyerkup mereka, yang tidak dapat dihindari darinya dan tiada hati yang kasihan lagi kepadanya.

Ayat ini tidak menyebut suatu 'azab yang lain dari laknat yang menyerkup mereka, malah ia menyifatkan laknat ini sebagai suatu 'azab yang tidak akan diringankan dari mereka dan tempoh 'azab itu tidak akan ditangguhkan. Itulah 'azab yang mengecilkan segala 'azab yang lain. Itulah 'azab diusir, dibuang dan dilayan dengan kasar dan tiada hati yang menaruh belas kasihan, tiada mata yang memandang dengan simpati dan tiada lidah yang mengucap kata-kata hormat. Mereka dikutuk, diusir dan dibuang oleh para hamba Allah dan oleh Tuhan sekalian hamba-Nya sama ada di bumi dan di alam al-Mala'ul-A'la. Inilah 'azab yang amat pedih dan amat menghinakan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 163 - 167)

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus berbicara menegakkan kefahaman Islam di atas tapak asasnya yang agung, iaitu tapak asas Tauhid di samping menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana yang memberi pengakuan dan pembukaan yang tidak dapat dipertikaikan lagi terhadap hakikat Tauhid ini. Kemudian ia mengecam golongan manusia yang mempertuhankan berbagai-bagai tuhan selain Allah dan menggambarkan keadaan mereka yang hampa dan kecewa pada hari mereka melihat 'azab, di mana mereka masing-masing berlepas diri terhadap satu sama lain, tetapi pelepasan diri mereka tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka, dan penyesalan-penyesalan mereka juga tidak berguna dan tidak dapat mengeluarkan mereka dari Neraka:

وَإِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ ۖ لَّا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَٰنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾
إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ
وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنفَعُ
النَّاسَ وَمَا أَنزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِن مَّاءٍ فَأَحْيَا
بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَابَّةٍ
وَتَصْرِيفِ الرِّيَاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾
وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ اللَّهِ أَندَادًا
يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ ۖ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ ۗ
وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ
الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾
إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتُّبِعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوُا
الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾
وَقَالَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ
كَمَا تَبَرَّءُوا مِنَّا ۗ كَذَٰلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ
حَسَرَاتٍ عَلَيْهِمْ ۖ وَمَا هُم بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ ﴿١٦٧﴾

"Dan Tuhanmu, adalah Tuhan Yang Maha Esa dan tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang(163). Sesungguhnya dalam penciptaan langit-langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, penciptaan kapal-kapal yang berlari di lautan dengan muatan yang berguna kepada manusia, kejadian air hujan yang diturunkan Allah dari langit, lalu Dia hidupkan dengannya bumi yang telah mati dan menghamburkan di dalamnya segala aneka haiwan, juga pengedaran angin dan awan-awan yang dijadikan di antara langit dan bumi itu adalah menjadi bukti-bukti yang jelas kepada orang-orang yang berfikir(164). Di antara manusia ada orang-orang yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah. Mereka menyintainya sama seperti mereka menyintai Allah, tetapi orang-orang yang beriman amat cinta kepada Allah dan andainya orang-orang yang zalim itu mengetahui - ketika mereka melihat 'azab di hari Akhirat - bahawa seluruh kekuatan itu milik Allah belaka dan bahawa Allah amat keras 'azab-Nya (tentulah mereka tidak akan mempersekutui Allah) (165). Iaitu ketika pemimpin-pemimpin (sesat) yang diikuti itu berlepas diri dari mereka yang mengikutnya dan (ketika) mereka melihat 'azab dan terputus segala hubungan di antara mereka(166). Dan berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut itu, 'andainya kami mendapat peluang kembali ke dunia, tentulah kami akan berlepas diri dari mereka sebagaimana sekarang mereka berlepas diri dari kami.' Demikianlah Allah memperlihatkan amalan-amalan mereka menjadi penyesalan-penyesalan kepada mereka dan mereka tidak sekali-kali akan keluar dari Neraka."(167)

Keesaan Uluhiyah merupakan tapak asas yang agung, dan di atas tapak inilah ditegakkan kefahaman keimanan. Di sana tidak ada pertikaian di sekitar kepercayaan kewujudan Tuhan - yang ada hanya perbezaan kefahaman-kefahaman di sekitar zat Tuhan, sifat-sifat-Nya dan hubungan-hubungan-Nya dengan para makhluk, tetapi ia tidak menolak kewujudan Tuhan - dan tidak pernah berlaku bahawa fitrah manusia telah melupakan hakikat kewujudan Tuhan melainkan di zaman-zaman kebelakangan ini, di mana lahirnya tumbuhan manusia-manusia yang terputus dari pangkal hayat, terputus dari pangkal fitrah dan mengingkari kewujudan Allah. Itulah tumbuhan manusia yang tidak mempunyai akar umbinya di alam buana ini dan oleh sebab itu nasib mereka pasti akan berakhir dengan kemusnahan dan kehapusan dari alam al-wujud ini, kerana tabi'at kejadian dan fitrah alam al-wujud ini tidak sanggup menerima kewujudan golongan makhluk yang terputus akar umbinya!

Kerana itulah rangkaian ayat-ayat Al-Qur'an selalu memperkatakan tentang keesaan Uluhiyah sebagai satu dasar yang perlu untuk membetulkan kefahaman, dan sebagai tapak asas untuk menegakkan kepercayaan ketuhanan ini, dan seterusnya untuk menegakkan seluruh dasar-dasar akhlak dan peraturan-peraturan kemasyarakatan yang terbit dari kepercayaan keesaan Uluhiyah di alam al-wujud ini:

وَإِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ ۖ لَّا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَٰنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

"Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa dan tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang."(163)

Dari dasar keesaan Uluhiyah yang ditegas dan disokong dengan bermacam-macam cara penegasan inilah tegaknya keesaan Tuhan Ma'bud yang Tunggal, di mana seluruh makhluk menumpukan perhambaan dan keta'atan mereka kepada-Nya, tegaknya kekuasaan pihak yang tunggal, di mana seluruh makhluk menerima segala arahan mengenai dasar-dasar akhlak dan perilaku mereka darinya, tegaknya sumber perundangan yang tunggal di mana seluruh makhluk menerima dasar-dasar perundangan dan peraturan darinya dan tegaknya sistem hidup yang tunggal yang mengatur kehidupan manusia di segala jalan.

Penerangan rangkaian ayat-ayat ini bertujuan menyediakan umat Muslimin untuk memainkan peranan mereka yang besar di bumi ini. Ia mengulangi menyebut hakikat keesaan Uluhiyah ini yang seringkali disebut di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah, iaitu satu hakikat yang sentiasa diperdalamkan akar umbinya oleh Al-Qur'an dan diperluaskan ufuk-ufuknya sehingga meliputi segala sudut perasaan dan akal dan segala aspek hidup dan kewujudan. Ia mengulangi menyebut hakikat keesaan Uluhiyah ini untuk ditegakkan di atasnya seluruh perundangan, peraturan dan tugas-tugas kewajipan. Kemudian di sini ia menyebut dua sifat Allah (di antara sifat-sifat yang lain) iaitu sifat-sifat: الرحمن الرحيم - *"Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih."*

Dan dari rahmat-Nya yang melimpah ruah, mendalam dan berterusan itulah lahirnya segala undang-undang, peraturan-peraturan dan tugas-tugas kewajipan.

Seluruh alam buana ini menyaksi dan mengakui konsep Wahdaniyah Allah dan rahmat-Nya yang melimpah ruah di segala pelosoknya.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ
وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنفَعُ
النَّاسَ وَمَا أَنزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِن مَّاءٍ فَأَحْيَا
بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَابَّةٍ
وَتَصْرِيفِ الرِّيَاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit-langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, penciptaan kapal-kapal yang berlari di lautan dengan muatan yang berguna kepada manusia, kejadian air hujan yang diturunkan Allah dari langit, lalu Dia hidupkan dengannya bumi yang telah mati dan menghamburkan di dalamnya segala aneka haiwan, juga pengedaran angin dan awan-awan yang dijadikan di antara langit dan bumi itu adalah menjadi bukti-bukti yang jelas kepada orang-orang yang berfikir."(164)

Kejadian-kejadian Alam Harus Dilihat Dengan Mata Seorang Peneroka Yang Baru Tiba

Cara menggerakkan pancaindera dan menyedarkan perasaan ini sewajarnya dapat membuka mata dan hati terhadap kejadian-kejadian yang menarik di alam buana ini, iaitu kejadian-kejadian yang mengkagum yang telah kehilangan sifat kebaharuan dan keanehannya dan saranan-saranannya kepada hati dan perasaan kerana terlalu biasa dilihat oleh kita. Ia merupakan seruan kepada manusia supaya meneroka alam buana selaku seorang yang baru melihatnya bagi pertama kali dengan mata yang terbuka, perasaan yang terharu dan hati yang hidup bersemangat. Alangkah banyaknya keanehan dan keajaipan yang terdapat dalam pemandangan-pemandangan yang berulang-ulang ini dan alangkah banyaknya mata dan hati yang terharu apabila melihat pemandangan-pemandangan ini bagi pertama kalinya, tetapi setelah mata dan hati biasa melihatnya, maka hilanglah kejutan terperanjat dan kagum dan hilanglah keindahan pandangan pertama yang menyaksi temasya alam yang amat menarik ini.

Langit-langit dan bumi ini....... jarak-jarak yang amat jauh ini, jirim-jirim yang amat besar, ufuk yang sayup saujana dan alam-alam yang majhul ini, kedudukan-kedudukan dan peredaran-peredarannya yang selaras di angkasa raya yang memeningkan kepala ini ...... Rahsia-rahsia alam langit yang membisik kepada hati dan berselimut dalam pakaian yang majhul...... langit-langit dan bumi hatta walaupun manusia belum lagi mengetahui sesuatu tentang hakikat dimensinya, saiz-saiznya dan rahsia-rahsianya kecuali sebahagian yang dibukakan Allah kepada mereka apabila daya pemikiran semakin subur dan apabila kajian-kajian ilmiyah membantu mereka.......

Pertukaran malam dan siang, pergantian nur yang terang dengan kegelapan yang hitam, perselisihan pancaran pagi dengan kesuraman senja, kemunculan fajar menyingsing dan matahari jatuh terbenam telah sekian banyak menggoncangkan perasaan dan mengharukan hati manusia dan telah sekian banyak mengkagumi mereka. Kemudian ciri-cirinya yang mengkagumkan dan menarik itu hilang apabila terlalu kerap dilihat mereka kecuali hati yang Mu'min sahaja

yang memandang pemandangan-pemandangan itu dengan perasaan yang sentiasa membaharu dan sentiasa mengingati qudrat kuasa Allah pada kejadian-kejadian itu. Hanya hati inilah sahaja yang melihat pemandangan itu pada setiap kali dengan keindahan penciptaan yang baru.

Kapal-kapal yang berlari di dalam laut membawa muatan-muatan yang berguna kepada m anusia...... Saya mengaku bahawa dalam tarikan pandangan Al-Qur'an itu saya tidak merasa sedalam perasaan yang saya rasa ketika mengenangkan pemandangan kapal yang kelihatan seperti satu titik yang kecil mengharungi lautan yang besar membawa kita dan berlari dengan lajunya, di mana gelombang-gelombang bergulung-gulung bertempur dan kehijauan laut membentang sayup saujana di sekeliling kita. Kapal-kapal kelihatan terapung-apung dan bertaburan di sana sini. Tiada suatu yang berkuasa di sana selain dari qudrat Allah dan pemeliharaan-Nya dan selain dari undang-undang alam yang dijadikan Allah. Undang-undang inilah yang membawa kapal-kapal yang kelihatan seperti titik-titik yang kecil itu mengharung gelombang-gelombang yang menakutkan.

Dari Mana Datangnya Hayat?

Kemudian air hujan yang diturunkan Allah dari langit dan menyebabkan bumi yang tandus mati itu hidup dan subur kembali. Kemudian binatang-binatang yang ditaburkan Allah di merata pelosok bumi dan peredaran angin dan awan yang dikendalikan di antara langit dan bumi...... Semua pemandangan ini jika diperhatikan kembali oleh manusia - seperti yang disarankan oleh Al-Qur'an - dengan mata yang terbuka dan hati yang insaf dan sedar, tentu dia akan menggigil kerana menginsafi keagungan qudrat Ilahi dan rahmat-Nya (yang melimpah ruah) Kemudian hayat yang tercetus dari bumi selepas disirami air, iaitu hayat yang tidak diketahui hakikatnya dan mempunyai jauhar yang amat seni, yang mula-mulanya berdenyut halus dan tidak jelas, kemudian kian kasar dan jelas dan akhirnya bergerak gagah dan kuat.... Hayat ini dari manakah datangnya? Sebelum ini ia tersembunyi di dalam biji-biji benih, tetapi dari manakah ia datang ke dalam biji-biji benih itu? Dari manakah asalnya? Dan di manakah sumbernya yang pertama? Tidak guna melarikan diri dari menghadapi pertanyaan yang menggesakan fitrah ini. Golongan mulhid/atheis (yang menolak kewujudan Tuhan) cuba mengelakkan pertanyaan ini, iaitu satu pertanyaan yang tidak boleh dijawab melainkan dengan pengakuan adanya Tuhan Pencipta yang berkuasa memberi hayat kepada yang mati. Mereka telah mencuba sekian lama untuk memberi tanggapan yang karut kepada orang ramai bahawa mereka sedang dalam perjalanan untuk menciptakan hayat tanpa memerlukan kepada Tuhan. Kemudian akhirnya golongan Mulhidin yang berada di negeri (Rusia) yang kafir dan tidak mengakui kewujudan Tuhan itu berlepas tangan dan mengaku bahawa hayat itu mustahil diciptakan manusia. Inilah pendapat yang dikatakan sekarang oleh ahli sains Rusia yang paling pintar di dalam persoalan hayat dan sebelum ini Darwin pengasas teori evolusi telah melarikan dirinya dari menghadapi pertanyaan ini.

Kemudian angin-angin yang bertiup dari satu arah ke satu arah dan awan yang dibawa angin dan dikendalikan di antara langit dan bumi dan tunduk kepada undang-undang alam yang dijadikan Khaliq di alam buana ini. Ia tidak cukup ditafsirkan dengan mana-mana teori yang memperkatakan tentang faktor-faktor yang membuat angin itu bertiup dan memperkatakan tentang cara-cara pembentukan awan.... Rahsia yang paling mendalam ialah rahsia faktor-faktor itu sendiri. Itulah rahsia penciptaan alam dengan tabi'at yang ada ini, dengan nisbah-nisbah yang ada ini dan dengan kedudukan-kedudukan yang ada ini, yang membolehkan lahirnya hayat dan suburnya (di bumi ini) dan membolehkan wujudnya faktor-faktor yang sesuai untuk hayat seperti adanya angin, awan, hujan dan tanah-tanah.... Itulah rahsia persesuaian-persesuaian yang dikira sebahagian yang diketahui darinya dengan angka yang beribu-ribu banyaknya. Andainya mana-mana satu dari persesuaian-persesuaian itu mungkir dan kacau, maka hayat tidak akan muncul atau hayat tidak akan berjalan seperti perjalanannya yang berlaku sekarang. Itulah rahsia pentadbiran Ilahi yang halus yang membayangkan iradat dan pilihan-Nya yang bebas di samping membayangkan kesatuan dan persamaan perancangan dan rahmat pentadbiran-Nya.

لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ١٦٤

"Adalah menjadi bukti yang jelas kepada orang-orang yang berfikir."(164)

Ya, akan terbukti jelas, andainya manusia dapat membuang dari akalnya kebebalan kebiasaan dan kelalaian dan memandang pemandangan-pemandangan alam buana dengan perasaan yang baru dan dengan penglihatan yang ingin tahu dan dengan hati yang disuluh iman....... Dan andainya dia dapat berjalan di alam buana ini seperti seorang peneroka yang baru pertama kali turun di alam ini, di mana setiap pancaran cahaya menarik matanya, setiap bunyi menggerakkan telinganya dan setiap harakat menarik hatinya dan seluruh dirinya terharu dengan keanehan-keanehan kejadian alam yang tidak berhenti-henti menarik penglihatan, hati dan perasaannya.

Inilah yang dapat dibuat oleh keimanan, iaitu ia membuka mata dan pintu hati, ia merangsangkan kepekaan perasaan, ia memberi penilaian kepada keindahan, keseimbangan dan kesempurnaan (pada kejadian-kejadian alam). Keimanan memberi pandangan yang baru kepada alam buana, memberi kefahaman dan tanggapan yang baru kepada keindahan dan membuat hidup di bumi sentiasa

berada dalam temasya ciptaan Allah, siang dan malam.

Namun demikian, di sana terdapat golongan manusia yang tidak meneliti dan berfikir menyebabkan mereka terpesong dari 'aqidah Tauhid yang dibayangkan oleh rekabentuk alam yang indah dan terpesong dari memandang kepada kesatuan undang-undang alam yang mengkagumkan ini.

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَندَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ ٱللَّهِ

"Di antara manusia ada orang-orang yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah. Mereka menyintainya sama seperti mereka menyintai Allah."

Tuhan Di Zaman-zaman Jahiliyah

Di kalangan manusia terdapat orang-orang yang menyembah bermacam-macam tuhan selain dari Allah. Tuhan-tuhan itu di masa turunnya Al-Qur'an ini berupa batu-batu, pokok-pokok, bintang-bintang, planet-planet, malaikat-malaikat atau syaitan-syaitan. Tuhan-tuhan itu di mana-mana zaman jahiliyah adalah berupa benda-benda, tokoh-tokoh, lambang-lambang atau perhitungan-perhitungan atau pandangan-pandangan. Semuanya merupakan syirik khafi (halus) atau syirik zahir (jelas) apabila disebut di samping nama Allah dan apabila dipersekutukan oleh seseorang di dalam hatinya bersama kasihnya kepada Allah. Dan apatah lagi apabila dia mencabut kasih kepada Allah dari dalam hatinya dan memberi seluruh kasihnya kepada tuhan-tuhan itu, iaitu yang tidak seharusnya diberikan melainkan kepada Allah?

Orang-orang yang Mu'min tidak menyintai sesuatu sama dengan cinta mereka kepada Allah, sama ada sesuatu itu diri mereka sendiri atau orang lain, sama ada tokoh-tokoh atau perhitungan-perhitungan, sama ada lambang-lambang atau nilai-nilai bumi yang dikejar oleh manusia:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ

"Tetapi orang-orang yang beriman amat cinta kepada Allah."

Cinta Mu'min Kepada Allah

Mereka amat cinta kepada Allah. Cinta mereka adalah cinta yang bebas dari segala perhitungan dan ikatan. Cinta mereka kepada Allah lebih besar dari segala cinta mereka yang diberikan kepada yang lain dari Allah.

Ungkapan yang menggunakan kata-kata cinta di sini adalah suatu ungkapan yang indah di samping merupakan sebuah ungkapan yang benar, kerana hubungan yang wujud di antara seorang Mu'min yang sebenar dengan Allah ialah hubungan cinta, hubungan kemesraan hati dan kesayangan rohaniyah, hubungan akrab, hubungan perasaan yang diikatkan dengan sentimen kasih yang gemilang dan mesra.

وَلَوْ يَرَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ إِذْ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ أَنَّ ٱلْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾

"Dan andainya orang-orang yang zalim itu mengetahui - ketika mereka melihat 'azab di hari Akhirat - bahawa seluruh kekuatan itu milik Allah belaka dan bahawa Allah amat keras 'azab-Nya (tentulah mereka tidak akan mempersekutui Allah)."(165)

إِذْ تَبَرَّأَ ٱلَّذِينَ ٱتُّبِعُواْ مِنَ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُواْ وَرَأَوُاْ ٱلْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ ٱلْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾ وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُواْ لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّءُواْ مِنَّا ۗ كَذَٰلِكَ يُرِيهِمُ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ حَسَرَٰتٍ عَلَيْهِمْ ۖ وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنَ ٱلنَّارِ ﴿١٦٧﴾

"Iaitu ketika pemimpin-pemimpin (sesat) yang diikuti itu berlepas diri dari mereka yang mengikutnya dan (ketika) mereka) melihat 'azab dan terputuslah segala hubungan di antara mereka(166). Dan berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut itu 'Andainya kami mendapat peluang kembali ke dunia, tentulah kami akan berlepas diri dari mereka sebagaimana sekarang mereka berlepas diri dari kami.' Demikianlah Allah memperlihatkan amalan-amalan mereka menjadi penyesalan-penyesalan kepada mereka dan mereka tidak sekali-kali akan keluar dari Neraka."(167)

Jika mereka yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah dan menzalimi Allah yang benar serta menzalimi diri mereka sendiri itu dapat memandang jauh kepada hari

Qiamat, di mana mereka hanya berdiri di hadapan Allah Yang Maha Esa sahaja..... jika mereka dapat memandang dengan mata hati mereka kepada hari Qiamat, di mana mereka dapat melihat 'azab yang menunggu orang-orang yang zalim itu, tentulah mereka akan melihat bahawa:

أَنَّ ٱلْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا

"Bahawa seluruh kekuatan itu milik Allah belaka."

Di sana tiada wujud sekutu-sekutu dan tuhan-tuhan tandingan Allah dan mereka juga akan melihat bahawa:

وَأَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾

"Bahawa Allah amat keras 'azabnya."(165)

Perbalahan Di Antara Pemimpin-pemimpin Yang Kafir Dengan Para Pengikutnya Pada Hari Qiamat

Jika mereka dapat melihat tentulah mereka akan melihat bagaimana pemimpin- pemimpin berlepas diri dari para pengikutnya ketika mereka melihat 'azab. Ketika itu terputuslah segala hubungan dan pertalian yang wujud di antara mereka. Setiap orang masing-masing sibuk memikirkan nasib dirinya sahaja sama

ada dia pemimpin atau pengikut. Ketika itu segala keketuaan dan kepimpinan yang diikuti itu tumbang dan runtuh belaka. Mereka tidak dapat menyelamatkan diri mereka sendiri apatah lagi hendak menyelamatkan para pengikut mereka. Ketika itu terdedahlah hakikat Uluhiyah yang sebenar, iaitu hakikat Uluhiyah dan qudrat Allah Yang Maha Esa dan terbukalah tembelang pembohongan kepimpinan-kepimpinan yang sesat dan lemah di hadapan Allah dan di hadapan 'azab:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوا۟ لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ
كَمَا تَبَرَّءُوا۟ مِنَّا ۗ

"Dan berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut itu andainya kami mendapat peluang kembali ke dunia, tentulah kami akan berlepas diri dari mereka sebagaimana sekarang mereka berlepas diri dari kami."'

Yakni di sini timbullah kemarahan para pengikut yang tertipu kepada pemimpin-pemimpin yang sesat itu, dan mereka berangan-angan hendak membalas perbuatan pemimpin itu andainya mereka dapat pulang semula ke dunia untuk menyatakan bahawa mereka berlepas tangan dari pemimpin-pemimpin yang lemah yang telah menipu mereka di hadapan pemandangan 'azab!

Ini adalah satu pemandangan yang mengharukan, iaitu pemandangan perbalahan dan perseteruan di antara para pengikut dengan para pemimpin, di antara para pencinta-pencinta dengan orang-orang yang dicinta. Di sini datanglah satu ulasan yang pedih:

كَذَٰلِكَ يُرِيهِمُ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ حَسَرَٰتٍ عَلَيْهِمْ ۖ
وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنَ ٱلنَّارِ ﴿١٦٧﴾

"Demikianlah Allah memperlihatkan amalan-amalan mereka menjadi penyesalan-penyesalan kepada mereka dan mereka tidak sekali-kali akan keluar dari Neraka."(167)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 168 - 171)

Selepas ini, rangkaian ayat-ayat surah ini menyeru manusia supaya meni'mati makanan-makanan yang baik dalam kehidupan mereka dan menjauhi makanan-makanan yang tidak baik. Di samping itu juga memberi amaran supaya mereka jangan mengikut syaitan yang sentiasa menyuruh mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan membuat dakwaan-dakwaan yang palsu terhadap Allah dengan menghalal dan mengharamkan sesuatu tanpa mendapat perintah dari Allah dan tanpa berpandukan syari'at-Nya. Ia seterusnya mengingatkan mereka dari bertaqlid dalam perkara agama tanpa berpandukan hidayat dari Allah dan mengecam orang-orang yang menyembah tuhan-tuhan yang tidak berakal dan tidak dapat mendengar...... Dengan seruan ini bertemulah maudhu' ceraian ini dengan maudhu' ceraian yang lepas:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُوا۟ مِمَّا فِى ٱلْأَرْضِ حَلَٰلًا طَيِّبًا
وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ
مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾
إِنَّمَا يَأْمُرُكُم بِٱلسُّوٓءِ وَٱلْفَحْشَآءِ وَأَن تَقُولُوا۟ عَلَى
ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٦٩﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ بَلْ نَتَّبِعُ
مَآ أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۗ أَوَلَوْ كَانَ ءَابَآؤُهُمْ
لَا يَعْقِلُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٧٠﴾
وَمَثَلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ كَمَثَلِ ٱلَّذِى يَنْعِقُ بِمَا لَا
يَسْمَعُ إِلَّا دُعَآءً وَنِدَآءً ۚ صُمٌّۢ بُكْمٌ عُمْىٌ فَهُمْ لَا
يَعْقِلُونَ ﴿١٧١﴾

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang terdapat di bumi sesuatu yang halal dan baik dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah (bimbingan) syaitan kerana ia adalah musuh kamu yang nyata(168). Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perbuatan-perbuatan yang keji dan membuat pembohongan terhadap Allah dalam perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui(169). Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah, mereka menjawab, 'tidak, kami hanya mengikuti ajaran-ajaran yang kami dapati diikuti oleh datuk nenek kami', walaupun datuk nenek mereka tidak mengerti suatu apa dan tidak mendapat hidayat(170). Bandingan orang-orang yang kafir sama seperti orang yang menyeru binatang yang tidak mengerti mendengar kecuali bunyi seruan dan teriakan sahaja. Mereka tuli, bisu dan buta dan kerana itu mereka tidak mengerti."(171)

Setelah Allah S.W.T. menjelaskan di dalam ceraian-ceraian yang silam bahawa Dialah Tuhan dan Pencipta Yang Maha Esa dan bahawa orang-orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah itu akan menerima akibat-akibat yang buruk, maka di sini Allah menjelaskan pula bahawa Dialah Pemberi rezeki kepada sekalian hamba-Nya dan Dialah yang menentukan hukum-hukum halal dan haram kepada mereka. Ini merupakan hasil dari konsep Wahdaniyah Uluhiyah atau keesaan ketuhanan sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini. Pihak yang mencipta dan memberi rezeki itulah pihak yang berhak membuat undang-undang haram dan halal. Demikianlah

penggubalan undang-undang itu mempunyai pertalian yang tidak dapat dipisahkan dengan 'aqidah.

Kebebasan Meni'mati Makanan Halal

Di sini Allah mengharuskan kepada seluruh manusia memakan segala rezeki yang halal dan baik yang dikurniakan kepada mereka di bumi ini kecuali perkara-perkara yang diharamkan olehnya yang akan dijelaskan kemudian. Dia juga menyuruh mereka supaya menerima hukum halal dan haram ini darinya sahaja, dan jangan sekali-kali mengikut syaitan dalam perkara ini kerana ia adalah musuh mereka dan kerana itulah syaitan tidak pernah menyuruh mereka melakukan sesuatu yang baik, malah menyuruh mereka berpegang dengan fikiran yang tidak baik, dan melakukan perbuatan-perbuatan yang buruk, dan seterusnya menyuruh mereka menghalal dan mengharamkan sesuatu mengikut nafsu mereka bukannya berdasarkan perintah dari Allah. Kemudian mereka mendakwa hukum-hukum yang dikatakan mereka itu sebagai syari'at Allah sebagaimana telah dilakukan oleh kaum Yahudi dan sebagaimana dakwaan-dakwaan yang didakwakan oleh kaum Musyrikin Arab:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُواْ مِمَّا فِي ٱلْأَرْضِ حَلَٰلٗا طَيِّبٗا
وَلَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوّٞ
مُّبِينٌ ١٦٨

إِنَّمَا يَأْمُرُكُم بِٱلسُّوٓءِ وَٱلْفَحْشَآءِ وَأَن تَقُولُواْ عَلَى
ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ١٦٩

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang terdapat di bumi sesuatu yang halal dan baik dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah (bimbingan) syaitan kerana ia adalah musuh kamu yang nyata(168). Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perbuatan-perbuatan yang keji dan membuat pembohongan terhadap Allah dalam perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui."(169)

Makanan Yang Halal Itu Amat Banyak

Perintah mengharus dan menghalalkan segala makanan yang ada di muka bumi, kecuali sedikit makanan-makanan yang diharamkan oleh Al-Qur'an dengan nas yang jelas itu, menggambarkan sifat bebas agama ini dan sifat kesesuaiannya dengan fitrah alam buana dan fitrah manusia. Allah telah menciptakan segala sesuatu di bumi ini untuk faedah manusia. Oleh kerana itu Allah jadikan semuanya halal dan tidak ada yang membataskannya kecuali perintah khas yang mengharamkannya dan kecuali ia melampaui batas kesederhanaan. Namun demikian, pada umumnya perintah itu merupakan perintah yang memberi sepenuh kebebasan meni'mati segala yang baik dan citarasa dalam kehidupan dan memenuhi keinginan fitrah tanpa merasa canggung, segan dan tidak selesa. Semuanya dengan satu syarat iaitu manusia harus menerima hukum-hukum halal dan haram yang dikenakan ke atas mereka itu dari pihak yang mengurniakan rezeki itu sendiri bukannya dari bisikan-bisikan syaitan yang tidak pernah menyuruh manusia membuat kebaikan kerana ia musuh ketat mereka. Syaitan hanya memberangsangkan mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan mengkufurkan ni'mat-ni'mat Allah dan membuat dakwaan-dakwaan yang palsu terhadap Allah tanpa pengetahuan yang kukuh dan yakin.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُواْ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُواْ بَلْ نَتَّبِعُ
مَآ أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآۚ

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah', mereka menjawab, 'tidak, kami hanya mengikuti ajaran-ajaran yang kami dapati diikuti oleh datuk nenek kami.'"(170)

Berpegang Dengan Tradisi Datuk Nenek

Sama ada mereka yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah kaum Musyrikin yang selalu mengulang-ngulangkan jawapan ini setiap kali mereka diseru supaya menganut agama Islam dan menerima undang-undang, peraturan-peraturan dan lambang-lambang ibadat mereka dari Islam serta meninggalkan adat-adat kebiasaan mereka di zaman jahiliyah yang tidak diakui Islam, atau yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah kaum Yahudi yang berdegil dengan pegangan-pegangan dan amalan-amalan yang diterima dari datuk nenek mereka dan enggan menerima agama baru baik secara umum mahupun secara terperinci. Kedua-dua kaum ini adalah sama sahaja kerana ayat ini (pada umumnya) mengecam perbuatan menerima sesuatu urusan agama dari yang lain dari Allah, dan mencela perbuatan taqlid dan perbuatan memindah tradisi yang silam mengenai urusan agama tanpa difikir dan difaham dengan mendalam.

أَوَلَوْ كَانَ ءَابَآؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْـٔٗا وَلَا يَهْتَدُونَ ١٧٠

"Walaupun datuk nenek mereka tidak mengerti suatu apa dan tidak mendapat hidayat."(170).

Walaupun begitu, mereka terus berdegil mengikuti tradisi-tradisi datuk nenek mereka. Tidakkah ini suatu kebekuan fikiran dan taqlid yang amat buruk?

Oleh sebab itulah ayat yang berikut melukiskan keadaan mereka dengan satu gambaran yang hina yang layak dengan bentuk taqlid dan kebekuan fikiran mereka (yang buruk) itu, iaitu gambaran binatang ternakan yang tidak mengerti suatu apa yang dikatakan kepadanya. Malah apabila tuannya memekik kepadanya, ia hanya mendengar bunyi suara tuannya sahaja tanpa memahami maksudnya. Malah mereka lebih sesat dari binatang, kerana binatang

melihat, mendengar dan bersuara, sedangkan mereka pekak, bisu dan buta:

وَمَثَلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ كَمَثَلِ ٱلَّذِي يَنۡعِقُ بِمَا لَا
يَسۡمَعُ إِلَّا دُعَآءٗ وَنِدَآءٗۚ صُمُّۢ بُكۡمٌ عُمۡيٞ فَهُمۡ لَا
يَعۡقِلُونَ ﴿١٧١﴾

"Bandingan orang-orang yang kafir sama seperti orang yang menyeru binatang yang tidak mengerti mendengar kecuali bunyi seruan dan teriakan sahaja. Mereka tuli, bisu dan buta dan kerana itu mereka tidak mengerti."(171)

Mereka sebenarnya pekak, bisu dan buta walaupun mereka mempunyai telinga, lidah dan mata selama mereka tidak mengambil faedah dari pancaindera itu dan tidak menerima hidayat. Anggota-anggota pancaindera itu seolah-olah tidak melaksanakan tugas-tugas biasa yang dijadikan untuknya, dan seolah-olah mereka tidak dikurniakan telinga, lidah dan mata.

Inilah kemuncak penghinaan terhadap mereka yang tidak menggunakan akal fikirannya, menutup jendela-jendela ma'rifat dan hidayat dan menerima bimbingan-bimbingan dalam urusan 'aqidah dan syari'at bukan dari pihak yang wajar mereka menerima bimbingan-bimbingan dalam urusan 'aqidah dan syari'at.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 172 - 176)

Di sini Al-Qur'an menujukan pembicaraannya khusus kepada orang-orang beriman, di mana ia mengharuskan kepada mereka memakan makanan-makanan yang baik, dan menyuruh mereka supaya bersyukur kepada Allah yang telah mengurniakan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka. Ia menerangkan jenis-jenis makanan yang diharamkan kepada mereka, iaitu makanan-makanan yang bukan dari jenis makanan-makanan yang baik yang dihalalkan. Ia juga mencela orang-orang Yahudi yang mempertikaikan mereka dalam perkara makanan-makanan halal yang baik dan makanan-makanan yang diharamkan Allah itu, sedangkan perkara ini telah dijelaskan dalam kitab suci mereka sendiri yang ada pada mereka:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيۡكُمُ ٱلۡمَيۡتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحۡمَ ٱلۡخِنزِيرِ
وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيۡرِ ٱللَّهِۖ فَمَنِ ٱضۡطُرَّ غَيۡرَ بَاغٖ وَلَا عَادٖ
فَلَآ إِثۡمَ عَلَيۡهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾
إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيۡكُمُ ٱلۡمَيۡتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحۡمَ ٱلۡخِنزِيرِ
وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيۡرِ ٱللَّهِۖ فَمَنِ ٱضۡطُرَّ غَيۡرَ بَاغٖ وَلَا عَادٖ

فَلَآ إِثۡمَ عَلَيۡهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكۡتُمُونَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ
وَيَشۡتَرُونَ بِهِۦ ثَمَنٗا قَلِيلًا أُوْلَٰٓئِكَ مَا يَأۡكُلُونَ
فِي بُطُونِهِمۡ إِلَّا ٱلنَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ ٱللَّهُ يَوۡمَ
ٱلۡقِيَٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمۡ وَلَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشۡتَرَوُاْ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلۡهُدَىٰ
وَٱلۡعَذَابَ بِٱلۡمَغۡفِرَةِۚ فَمَآ أَصۡبَرَهُمۡ عَلَى ٱلنَّارِ ﴿١٧٥﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ نَزَّلَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّۗ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ
ٱخۡتَلَفُواْ فِي ٱلۡكِتَٰبِ لَفِي شِقَاقِۭ بَعِيدٖ ﴿١٧٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah makanan-makanan yang baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu benar menyembah-Nya(172). Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atas kamu bangkai, darah, daging babi dan daging binatang yang disembelih bukan kerana Allah, tetapi sesiapa yang dipaksakan keadaan dharurat tanpa sengaja dan melampau, maka tiadalah apa-apa kesalahan di atasnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(173). Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan mana-mana ayat kitab suci yang diturunkan Allah dan membeli dengan faedah (dunia) yang sedikit, mereka sebenarnya tidaklah memakan apa yang ada dalam perut mereka kecuali api Neraka dan Allah tidak akan bercakap dengan mereka pada hari Qiamat dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa) dan mereka akan mendapat keseksaan yang amat pedih(174). Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat dan keseksaan dengan keampunan, alangkah sabarnya mereka itu menanggung 'azab Neraka(175). Balasan itu disebabkan kerana Allah telah menurunkan kitab suci yang membawa ajaran yang benar dan sesungguhnya orang-orang yang berselisih tentang kitab suci adalah berada dalam pertentangan yang amat jauh (dari kebenaran)."(176)

Allah menyeru orang-orang yang beriman dengan sifat iman yang menghubungkan mereka dengan-Nya, dan menyarankan kepada mereka supaya menerima undang-undang dan peraturan dari-Nya iaitu mengambil hukum-hukum halal dan haram dari-Nya, di samping mengingatkan mereka dengan makanan-makanan yang dikurniakan sebagai rezeki kepada mereka, kerana Allahlah Tuhan yang satu-satunya memberi rezeki kepada mereka. Dialah yang mengharuskan makanan-makanan yang baik yang dikurniakan kepada mereka, yakni Allah menyedarkan mereka bahawa Dia tidak sekali-kali mengharamkan sesuatu yang baik. Apabila Dia mengharamkan sesuatu makanan, maka bererti makanan itu sebenarnya tidak baik, bukannya semata-mata kerana

Dia mahu mengharamkannya dan menyulitkan mereka. Malah Dialah dari mulanya yang melimpahkan rezeki kepada mereka. Allah menyuruh mereka supaya bersyukur jika benar mereka mahu menyembah-Nya sahaja tanpa sebarang sekutu. Oleh sebab itu Allah menyarankan kepada mereka bahawa amalan bersyukur itu adalah suatu ibadat dan keta'atan yang diredhai oleh-Nya dari para hamba-Nya. Semuanya dinyatakan dalam sepotong ayat yang pendek sahaja:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقۡنَٰكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لِلَّهِ إِن كُنتُمۡ إِيَّاهُ تَعۡبُدُونَ ١٧٢

"Wahai orang-orang yang beriman makanlah makanan-makanan yang baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu benar menyembah-Nya."(172)

Kemudian Allah menerangkan kepada mereka jenis-jenis makanan yang diharamkan dengan nas yang menentukannya dengan jelas, iaitu dengan menggunakan kata-kata penentuan iaitu "إنما" *"sesungguhnya Allah hanya"*.

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيۡكُمُ ٱلۡمَيۡتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحۡمَ ٱلۡخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيۡرِ ٱللَّهِۖ

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atas kamu bangkai, darah, daging babi dan daging binatang yang disembelih bukan dengan nama Allah".

Jenis-jenis Makanan Yang Haram

Bangkai memanglah dijijikkan oleh selera yang sihat. Begitu juga darah. Di samping perakuan ilmu kedoktoran - setelah sekian lama diharamkan oleh Al-Qur'an dan Taurat sebelumnya dengan perintah Allah - yang mengatakan bahawa bangkai dan darah mengandungi kuman-kuman dan bahan-bahan yang membahayakan kesihatan manusia. Kita tidak mengetahui apakah kedoktoran moden telah menyelidik seluruh bahaya yang terkandung di dalam bangkai dan darah itu, atau di sana masih ada lagi sebab-sebab pengharaman yang lain yang belum diketahui manusia.

Adapun babi di sana ada segolongan manusia sekarang yang mempertikaikannya. Babi itu sendiri menjijikkan tabi'at manusia yang bersih dan betul. Walaupun ia telah diharamkan Allah sejak zaman yang lama lagi, namun baru sahaja ilmu manusia mengetahui bahawa di dalam daging babi, darahnya dan usus-ususnya terdapat sejenis cacing yang sangat merbahaya (iaitu cacing pita dan telur-telurnya yang keras). Kini ada segolongan manusia yang berkata bahawa alat-alat pemasak moden telah melangkah maju dan membuat cacing-cacing pita dan telur-telurnya itu tidak lagi menjadi sumber bahaya, kerana ia dapat dibasmikan dengan haba yang tinggi yang dapat disediakan oleh alat-alat pemasak yang moden itu. Tetapi orang-orang ini lupa bahawa ilmu pengetahuan mereka kadang-kadang memerlukan kepada beberapa abad untuk mengenal pastikan sesuatu penyakit. Siapakah yang berani pastikan bahawa di sana tidak ada lagi penyakit-penyakit yang lain yang ada di dalam daging babi yang belum diketahui manusia? Tidakkah wajar kita memberi kepercayaan yang teguh kepada syari'at Allah yang telah mendahului ilmu pengetahuan manusia selama sepuluh abad itu dan menyerahkan kata pemutus kepadanya, iaitu kita haramkan apa yang diharamkannya dan kita halalkan apa yang dihalalkannya kerana syari'at adalah datang dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.

Adapun sembelihan yang disembelih kerana yang lain dari Allah, iaitu sembelihan yang diniatkan oleh tuannya kepada yang lain dari Allah, maka ia diharamkan bukan kerana sesuatu 'illat tetapi kerana dia berniat untuk yang lain dari Allah. Ia diharamkan kerana 'illat rohaniyah yang mana ianya bertentangan dengan kefahaman dan kepercayaan yang betul, bertentangan dengan kebersihan hati, kesucian roh, ketulusan dhamir dan keesaan Tuhan yang disembah. Ia dicantumkan dengan najis-najis fizikal dan kekotoran yang sebenar mengikut konsep najis yang sama. Ia mempunyai hubungan yang paling rapat dengan 'aqidah dari makanan-makanan yang diharamkan sebelumnya. Islam sangat menekan berat supaya tawajjuh itu ditumpukan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu.

Makanan Yang Haram Dihalalkan Dalam Keadaan Dharurat

Di sini ketaralah adanya hubungan yang rapat di antara penentuan hukum halal dan haram di dalam ayat ini dengan pembicaraan mengenai Wahdaniyah Allah dan rahmat-Nya di dalam ayat-ayat yang silam. Hubungan itu adalah satu hubungan yang kuat dan langsung di antara kepercayaan kepada Allah Yang Maha Esa dengan penerimaan hukum-hukum halal dan haram dari Allah, juga penerimaan seluruh undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain.

Namun demikian, Islam tetap mempertimbangkan keadaan-keadaan dharurat. Kerana itu ia menghalalkan makanan-makanan yang diharamkan itu di dalam keadaan-keadaan dharurat sekadar untuk menghindarkan keadaan-keadaan dharurat itu, iaitu tanpa keterlaluan dan melampaui batas-batasnya.

فَمَنِ ٱضۡطُرَّ غَيۡرَ بَاغٖ وَلَا عَادٖ فَلَآ إِثۡمَ عَلَيۡهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ١٧٣

"Tetapi sesiapa yang dipaksakan keadaan dharurat tanpa sengaja dan melampau, maka tiadalah apa-apa kesalahan di atasnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(173)

Ini merupakan satu dasar umum yang ditetapkan di sini bagi makanan-makanan yang diharamkan. Tetapi

keumuman dasar ini boleh merangkumkan hal-hal yang lain dari makanan-makanan yang diharamkan itu dalam segala keadaan, iaitu mana-mana keadaan dharurat yang mengancam keselamatan nyawa, maka bolehlah bagi seseorang itu menjauhi bahaya itu dengan memakan makanan yang diharamkan itu sekadar yang boleh menolak dharurat itu tanpa lebih. Namun demikian di sana terdapat khilaf fiqhi dalam menentukan keadaan dharurat itu; Apakah dharurat itu boleh diqiaskan? Atau apakah dharurat itu ialah dharurat-dharurat yang dinaskan oleh Allah sahaja? Juga dalam menentukan kadar untuk menolak dharurat itu, adakah kadar itu ialah sekecil-kecil kadar dari makanan yang diharamkan itu? Atau kadar itu ialah sebanyak sekali makan atau sekali minum yang cukup? Di sini kita tidak payah memasuki ke dalam khilaf fiqhi itu dan cukuplah dengan penerangan sekadar ini sahaja di dalam Tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini.

* * * * * *

Kaum Yahudi banyak mempertikaikan perkara-perkara yang dihalalkan dan diharamkan oleh Al-Qur'an. Di sana terdapat makanan-makanan yang diharamkan khusus kepada kaum Yahudi yang diterangkan di dalam surah yang lain (seperti berikut:)

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُواْ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ ۖ وَمِنَ
ٱلْبَقَرِ وَٱلْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَآ إِلَّا مَا
حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلْحَوَايَآ أَوْ مَا ٱخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ

"Dan kepada orang-orang Yahudi Kami haramkan segala binatang yang berkuku dan dari lembu dan kambing, Kami haramkan kepada mereka lemak-lemak keduanya kecuali lemak yang melekat di punggung keduanya atau yang melekat di perut besar dan usus atau yang bercampur dengan tulang."

(Surah al-An'am : 146)

sedangkan makanan-makanan ini dihalalkan kepada kaum Muslimin. Mungkin mereka mempertikaikan tentang kehalalan makanan-makanan ini. Begitu juga diriwayatkan bahawa mereka telah mempertikaikan tentang makanan-makanan yang diharamkan yang disebut dalam surah ini, sedangkan makanan-makanan itu memang telah diharamkan kepada mereka di dalam kitab Taurat. Matlamat mereka selama-lamanya ialah menimbulkan keraguan terhadap kesahihan perintah-perintah Al-Qur'an dan kebenarannya yang diwahyukan oleh Allah.

Oleh sebab itulah kita dapati di sini (dalam ayat yang berikut) serangan Al-Qur'an yang kuat terhadap orang-orang yang menyembunyikan hukum-hukum di dalam kitab suci yang telah diturunkan Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ
وَيَشْتَرُونَ بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا ۙ أُوْلَٰٓئِكَ مَا يَأْكُلُونَ
فِى بُطُونِهِمْ إِلَّا ٱلنَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ ٱللَّهُ يَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُاْ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلْهُدَىٰ
وَٱلْعَذَابَ بِٱلْمَغْفِرَةِ ۚ فَمَآ أَصْبَرَهُمْ عَلَى ٱلنَّارِ ﴿١٧٥﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ ۗ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ
ٱخْتَلَفُواْ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَفِى شِقَاقٍۭ بَعِيدٍ ﴿١٧٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan mana-mana ayat kitab suci yang diturunkan Allah dan membeli dengannya faedah (dunia) yang sedikit, mereka sebenarnya tidaklah memakan dalam perut mereka kecuali api Neraka dan Allah tidak akan bercakap dengan mereka pada hari Qiamat dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa) dan mereka akan mendapat keseksaan yang amat pedih(174). Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat dan keseksaan dengan keampunan, alangkah sabarnya mereka itu menanggung 'azab Neraka(175). Balasan itu disebabkan kerana Allah telah menurunkan kitab suci yang membawa ajaran yang benar dan sesungguhnya orang-orang yang berselisih tentang kitab suci adalah berada dalam pertentangan yang amat jauh (dari kebenaran)."(176)

Perbuatan Menyembunyikan Hukum-hukum Yang Sebenar

Kecaman terhadap perbuatan menyembunyikan hukum-hukum di dalam kitab suci yang telah diturunkan Allah itu adalah ditujukan pertama-tamanya kepada kaum Ahlil-Kitab. Tetapi pengertian nas yang umum itu mencakup semua penganut setiap agama yang menyembunyikan kebenaran yang diketahui mereka dan menjualkannya untuk mendapat faedah duniawi yang sedikit, sama ada berupa faedah peribadi yang ingin dicapai mereka melalui penyembunyian kebenaran itu, atau berupa kepentingan-kepentingan peribadi yang dijaga mereka dengan penyembunyian itu, atau yang dibimbangi mereka akan terancam apabila diterangkan kepada umum, atau berupa kepentingan dunia seluruhnya dan ini juga dikira suatu faedah yang kecil apabila dibandingkan dengan kerugian mereka kerana tidak mendapat keredhaan Allah dan pahala di Akhirat.

Di dalam suasana makanan-makanan yang diharamkan dan dihalalkan itu, Al-Qur'an menceritakan hakikat mereka:

مَا يَأْكُلُونَ فِى بُطُونِهِمْ إِلَّا ٱلنَّارَ

"Mereka sebenarnya tidaklah memakan dalam perut mereka kecuali api Neraka."

Kenyataan ini selaras dengan pemandangan di dalam ayat ini seolah-olah harga penyembunyian dan pendustaan yang dimakan mereka itu merupakan api Neraka di dalam perut mereka, dan seolah-olah mereka sebenarnya makan api Neraka itu sendiri. Dan ini adalah satu hakikat yang benar apabila mereka dimasukkan ke dalam Neraka pada hari Akhirat. Di sanalah api Neraka menjadi pakaian mereka dan di sanalah api Neraka menjadi makanan mereka.

Sebagai balasan terhadap perbuatan mereka menyembunyikan ayat-ayat Allah, mereka diabaikan Allah pada hari Qiamat dan dibiarkan dalam keadaan yang amat hina. Pengabaian dan penghinaan ini diungkapkan oleh Al-Qur'an dengan firman (yang berikut):

لَا يُكَلِّمُهُمُ ٱللَّهُ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ

"Allah tidak akan bercakap dengan mereka pada hari Qiamat dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa)."

(Ia diungkapkan sedemikian) untuk membesar-besarkan pengabaian Ilahi itu dalam suatu gambaran yang dekat dengan perasaan dan kefahaman manusia, iaitu mereka tidak ditegur sapa, tidak dipedulikan, tidak dibersihkan (dari dosa) dan tidak diberi keampunan.

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾

"Dan mereka akan mendapat keseksaan yang amat pedih."(174)

Kemudian diiringi pula dengan satu ungkapan yang lain yang memberi gambaran yang jelas dan saranan yang menarik:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلْهُدَىٰ
وَٱلْعَذَابَ بِٱلْمَغْفِرَةِ ۚ

"Merekalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan hidayat dan keseksaan dengan keampunan."

Seolah-olah ia merupakan satu urusniaga membeli kesesatan dengan bayaran hidayat, menolak keampunan dan mengambil 'azab Neraka. Alangkah rugi dan bodohnya urusniaga itu? Alangkah buruknya belian dan pilihan mereka. Inilah gambaran hakikat yang sebenar. Hidayat ditawarkan kepada mereka tetapi mereka menolaknya dan mengambil kesesatan, dan keampunan dibuka kepada mereka tetapi mereka menolaknya dan memilih 'azab Neraka.

فَمَآ أَصْبَرَهُمْ عَلَى ٱلنَّارِ ﴿١٧٥﴾

"Alangkah sabarnya mereka itu menanggung 'azab Neraka."(175)

Alangkah lamanya kesabaran mereka untuk menderita 'azab Neraka yang telah dipilih oleh mereka dengan sukarela dan dituju oleh mereka dengan sengaja.

Alangkah hebatnya ejekan terhadap kesabaran mereka yang amat lama untuk menderita 'azab Neraka itu!

Itulah balasan yang setimpal terhadap keburukan jenayah mereka, iaitu jenayah menyembunyikan ayat-ayat kitab suci yang telah diturunkan Allah supaya diumumkan kepada manusia dan supaya ditegakkan dalam kehidupan mereka di dunia ini dan supaya menjadi undang-undang, peraturan dan cara hidup mereka. Oleh kerana itu sesiapa yang menyembunyikan ayat-ayat kitab Allah bererti ia telah berhenti beramal sedangkan perintah-perintah yang benar diturunkan untuk beramal.

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ ۗ

"Balasan itu disebabkan kerana Allah telah menurunkan kitab suci yang membawa ajaran yang benar."

Sesiapa yang kembali kepada kitab Allah bererti dia berada di jalan hidayat Allah, berada dalam hubungan yang harmoni dengan ajaran yang benar, dan berada dalam hubungan yang mesra dengan golongan manusia yang mendapat hidayat Allah, dan seterusnya berada dalam hubungan yang mesra dengan fitrah alam buana dan undang-undangnya yang teguh.

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَفِى شِقَاقٍۭ
بَعِيدٍ ﴿١٧٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berselisih tentang kitab suci adalah berada di dalam pertentangan yang amat jauh."(176)

Iaitu pertentangan dengan ajaran yang benar, pertentangan dengan fitrah dan pertentangan di antara sesama sendiri. Begitulah keadaan mereka dahulu dan sekarang. Dan digabungkan bersama mereka setiap umat yang berselisih tentang kitab suci mereka, tidak mengambil keseluruhannya, juga mengoyakkannya menjadi caingan-caingan yang berasingan...... Itulah janji Allah yang telah terlaksana di sepanjang zaman di dalam berbagai-bagai kaum. Kita dapat melihat kebenaran janji itu berlaku di alam yang kita hayati sekarang ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 177)

Dasar-dasar Pemikiran Dan Perilaku Keimanan

Pada akhirnya dengan hanya menggunakan serangkai ungkapan, Al-Qur'an meletakkan dasar-dasar kefahaman dan pemikiran keimanan yang betul dan dasar-dasar perilaku keimanan yang betul serta menentukan sifat-sifat orang-orang yang benar bertaqwa:

لَّيْسَ ٱلْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ ٱلْمَشْرِقِ
وَٱلْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ

وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ
حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ
وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى
ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَٰهَدُوا۟ ۖ وَٱلصَّٰبِرِينَ
فِى ٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَحِينَ ٱلْبَأْسِ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ
صَدَقُوا۟ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

"Kebaktian itu bukan hanya menghalakan mukamu ke arah Timur dan Barat, tetapi kebaktian itu ialah mereka yang beriman kepada Allah, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab suci dan para nabi, dan memberi harta yang disayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, fakir miskin, orang yang terlantar di dalam perjalanan, orang yang meminta bantuan dan membebaskan hamba abdi, dan mendirikan solat, dan mengeluarkan zakat, dan menunaikan janji apabila mereka berjanji, dan orang-orang yang sabar menghadapi kesempitan dan penderitaan dan sabar dalam masa peperangan. Merekalah orang-orang yang benar-benar berbakti dan merekalah orang-orang yang benar-benar bertaqwa."(177)

Yang kuat dan nyata ialah di sana ada hubungan di antara penerangan ini dengan perintah perubahan kiblat dan pertikaian yang timbul di sekitarnya. Sebelum ini telah pun dibicarakan tentang hikmat perubahan kiblat. Kini tibalah rangkaian ayat ini menerangkan tentang hakikat agung di sekitar persoalan ini dan segala persoalan yang menjadi bahan pertikaian yang ditimbulkan oleh kaum Yahudi di sekitar bentuk syi'ar-syi'ar dan ibadat-ibadat. Mereka seringkali menimbulkan pertikaian di sekitar perkara-perkara ini.

Hakikat Kebaktian

Tujuan perubahan kiblat dan syi'ar-syi'ar ibadat pada umumnya bukanlah supaya manusia menghadapkan muka mereka ke hala Timur dan Barat atau ke hala Baitul-Maqdis atau Masjidil-Haram. Matlamat amalan-amalan kebaktian atau seluruh amalan-amalan yang baik bukanlah syi'ar-syi'ar yang lahir kerana syi'ar-syi'ar yang lahir itu sendiri sunyi dari perasaan-perasaan yang menyertainya di dalam hati dan sunyi dari perilaku di dalam kehidupan. Ia tidak melahirkan kebaktian dan tidak mewujudkan kebaikan. Malah kebaktian itu ialah pandangan, kefahaman, perasaan, tindakan-tindakan atau perilaku. Kefahamannya akan melahirkan kesannya di dalam hati nurani individu dan masyarakat. Manakala tindakan dan amalannya akan melahirkan kesannya di dalam kehidupan individu dan masyarakat. Hakikat yang mendalam ini tidak boleh digantikan dengan semata-mata menghalakan muka ke arah Timur dan Barat, sama ada mengadap ke arah kiblat ini atau kiblat itu, atau memberi salam ke kanan dan ke kiri di dalam solat atau di dalam seluruh harakat yang dilakukan manusia dalam melaksanakan syi'ar-syi'ar ibadat.

وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ
حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ
وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى
ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَٰهَدُوا۟ ۖ وَٱلصَّٰبِرِينَ
فِى ٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَحِينَ ٱلْبَأْسِ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ
صَدَقُوا۟ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

"Tetapi kebaktian itu ialah mereka yang beriman kepada Allah, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab suci, dan para nabi, dan memberi harta yang disayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, fakir miskin, orang yang terlantar di dalam perjalanan, orang yang meminta bantuan dan membebaskan hamba abdi, dan mendirikan solat, dan mengeluarkan zakat, dan menunaikan janji apabila mereka berjanji dan orang-orang yang sabar menghadapi kesempitan, dan penderitaan, dan sabar dalam masa Peperangan. Merekalah orang-orang yang benar-benar berbakti dan merekalah orang-orang yang benar-benar bertaqwa."(177)

Itulah kebaktian yang menjadi wadah segala kebaikan. Apakah nilai-nilai yang wujud pada sifat-sifat tersebut hingga ia mempunyai nilai yang seberat itu di dalam neraca Allah?.

Apakah nilai keimanan kepada Allah, hari Akhirat, malaikat, kitab suci dan para anbia'?

Nilai Keimanan Kepada Allah

Keimanan kepada Allah merupakan titik perubahan di dalam kehidupan manusia dari perhambaan kepada berbagai-bagai kuasa, berbagai-bagai benda dan berbagai-bagai perhitungan kepada perhambaan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, di mana jiwa manusia bebas dari segala perhambaan yang lain. Dengan perhambaan kepada Allah inilah jiwa manusia meningkat ke taraf persamaan dengan seluruh jiwa yang lain dan berdiri sejajar dalam satu barisan di hadapan ma'bud yang tunggal. Seterusnya dengan perhambaan kepada Allah itulah jiwa manusia meningkat mengatasi segala sesuatu dan segala perhitungan. Ia juga merupakan titik perubahan dari keadaan kelam-kabut kepada keadaan yang berperaturan, dari keadaan yang tidak keruan kepada keadaan yang mempunyai tujuan yang tertentu dan dari keadaan berpecah-belah kepada keadaan yang mempunyai tujuan yang sama. Umat manusia yang

hidup tanpa keimanan kepada Allah Yang Maha Esa tidak akan mengenal satu tujuan yang lurus dan satu matlamat yang teratur, dan tidak akan mengenal satu titik pertemuan, di mana mereka dapat berkumpul di sekelilingnya dengan serius dan sama rata sebagaimana berkumpulnya seluruh alam al-wujud ini dengan hubungan-hubungan, pertalian-pertalian dan matlamat-matlamat yang jelas.

Nilai Keimanan Kepada Hari Akhirat Dan Malaikat

Keimanan kepada hari Akhirat merupakan keimanan kepada keadilan Ilahi yang mutlak dalam bidang pembalasan, juga merupakan keimanan bahawa hidup manusia di muka bumi ini bukannya hidup yang sia-sia dan kacau-bilau tanpa ukuran dan pertimbangan, dan sesuatu amalan yang baik itu akan mendapat balasannya walaupun di dunia ini ia kelihatan tidak menerima apa-apa balasan.

Keimanan kepada malaikat merupakan sebahagian dari keimanan kepada alam ghaib yang menjadi persimpangan jalan yang memisahkan di antara daya pemikiran dan kefahaman manusia dengan daya kefahaman haiwan, di antara kefahaman manusia terhadap alam al-wujud dengan kefahaman haiwan, di antara manusia yang dapat beriman kepada sesuatu yang wujud di sebalik alam pancaindera, dengan haiwan yang terikat dengan alam pancainderanya sahaja dan tidak dapat melewatinya.

Nilai Keimanan Kepada Kitab Suci Dan Para Anbia'

Keimanan kepada kitab-kitab suci dan para anbia' merupakan keimanan kepada semua risalah dan kepada sekalian rasul, iaitu keimanan kepada kesatuan dan persamaan umat manusia, kepada kesatuan dan persamaan Tuhannya, kepada kesatuan dan persamaan agamanya dan kepada kesatuan dan persamaan sistem Ilahi yang ditetapkan kepada mereka. Kesedaran yang seperti ini mempunyai nilai yang besar dalam kesedaran seseorang Mu'min yang mewarisi warisan para rasul dan risalah-risalah yang dibawa mereka.

Apakah nilai mendermakan harta yang disayangi kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir yang terlantar, orang-orang yang meminta bantuan dan kepada pembebasan hamba abdi?

Nilai Mendermakan Harta

Nilainya ialah ia membebaskan seseorang dari belenggu haloba, kedekut, jiwa yang lemah dan mementingkan diri. Ia membebaskan jiwa dari kesayangan kepada harta yang selalu menahan tangan dari berderma, menahan hati dari bermurah hati dan menahan jiwa dari kebebasan. Itulah nilai rohaniyah yang dibayangkan oleh ayat ini dengan kata-kata *"Harta yang disayanginya."* Itulah nilai kesedaran agar seseorang itu menghulurkan tangan dan jiwanya mendermakan harta yang disayanginya, bukan hartanya yang murah dan tidak elok. Dengan pendermaan itu ia terbebas dari perhambaan harta yang menghinakan jiwa dan menundukkan kepala. Ia terbebas dari tamak haloba yang merendahkan darjah manusia. Itulah nilai insaniyah yang agung di dalam perkiraan Islam yang sentiasa berusaha membebaskan manusia dari bisikan-bisikan jiwa mereka yang tamak dan lemah sebelum ia membebaskan mereka di dunia luar dalam lingkungan masyarakat dan perhubungan-perhubungannya, kerana Islam yakin bahawa orang-orang yang sanggup menjadi hamba kepada nafsu keinginan diri sendiri akan sanggup pula menjadi hamba kepada orang lain. Manakala orang-orang yang berjiwa bebas dari kongkongan nafsu keinginan diri sendiri, merekalah orang-orang yang berjiwa bebas di dalam masyarakat. Di samping semuanya, nilai ini merupakan nilai insaniyah di dalam lingkungan masyarakat mereka. Hubungan dengan kaum keluarga dalam bentuk ini dapat menegakkan kehormatan diri, kehormatan keluarga dan mengukuhkan pertalian keluarga. Keluarga merupakan inti pertama bagi masyarakat. Oleh sebab itulah keluarga diberikan perhatian dan keutamaan yang setinggi ini.

Bagi anak-anak yatim, nilai ini merupakan hubungan takaful di antara orang-orang dewasa dengan kanak-kanak yang kecil di dalam masyarakat, di antara orang-orang yang kuat dengan orang-orang yang lemah. Ia merupakan hubungan pampasan kepada kanak-kanak yang kecil yang telah kehilangan perlindungan dan pemeliharaan dua ibu bapa, di samping merupakan satu langkah melindungkan umat agar kanak-kanaknya tidak hidup berkeliaran dan tidak terdedah kepada kerosakan akhlak, juga supaya mereka tidak menaruh dendam terhadap masyarakat yang tidak pernah menghulurkan kebaktian dan pembelaan kepada mereka.

Bagi orang-orang miskin yang tidak mempunyai wang untuk berbelanja tetapi mengambil sikap diam dan tidak mengemis, maka nilai ini dapat memelihara kehormatan diri mereka dan menyelamatkan mereka dari kebinasaan serta menimbulkan perasaan di dalam hati mereka bahawa di sana adanya semangat membantu dan semangat takaful dalam masyarakat Islam, di mana tiada seorang pun yang diabaikan dan tidak ada satu anggota pun yang ditinggalkan terbiar.

Bagi musafir-musafir yang terlantar dan terputus dari harta dan keluarga mereka, nilai ini merupakan suatu kewajipan menghulurkan bantuan di sa'at kesusahan dan terlantar di perjalanan tanpa keluarga, harta dan rumahtangga. Di samping itu ia menimbulkan perasaan di dalam hati mereka bahawa seluruh manusia itu adalah keluarga mereka belaka dan seluruh negeri itu adalah tanahair yang mempertemukan satu keluarga dengan keluarga yang lain, mempertemukan harta dengan harta yang lain, satu hubungan dengan satu hubungan yang lain, satu tempat tinggal dengan satu tempat tinggal yang lain.

Bagi peminta-peminta bantuan, maka nilai ini merupakan pertolongan untuk memenuhi keperluan mereka di samping merupakan penghalang yang

menyekat mereka dari menjadi pengemis yang dibencikan oleh Islam. Di dalam Islam seseorang yang mempunyai kecukupan atau mempunyai pekerjaan adalah dilarang mengemis. Malah ia disuruh oleh agamanya supaya bekerja dan jangan mengemis, supaya hidup seada-adanya tanpa mengemis. Ia tidak boleh meminta-minta pada orang lain kecuali ia benar-benar tidak mempunyai kerja dan harta.

Bagi hamba-hamba abdi, maka nilai ini merupakan pembebasan kepada orang-orang yang jatuh menjadi hamba abdi kerana tindakan mereka yang jahat memikul senjata menentang Islam agar mereka dapat mengambil semula kemerdekaan dan insaniyahnya yang mulia itu. Kehendak nas ini terlaksana sama ada dengan membeli abdi kemudian memerdekakannya, atau memberi kepadanya hak menunaikan bayaran mukatabah yang dipersetujui oleh tuanmasnya sebagai bayaran kemerdekaannya. Islam mengumumkan kemerdekaan abdi di sa'at seorang abdi itu menuntut kemerdekaannya dan menuntut membayar wang mukatabah untuk mendapat kemerdekaannya. Sejak waktu itu segala kerjanya adalah dengan upahan yang dikirakan sebagai perolehannya, dan sejak itulah juga ia berhak menerima pemberian dari peruntukan-peruntukan zakat, dan seterusnya dikira suatu amalan kebaktian memberi bantuan kepadanya dari pemberian-pemberian yang lain yang bukan dari bayaran zakat. Semuanya ini untuk membolehkan abdi itu memerdekakan dirinya dan mengambil balik kemerdekaannya dengan segera.

Apakah nilai mendirikan solat di bidang kebaktian yang menjadi wadah segala kebajikan?

Nilai Solat

Amalan mendirikan solat merupakan sesuatu yang bukan hanya mengadap ke arah Timur dan Barat. Ia adalah sesuatu amalan, di mana seseorang itu bertawajjuh atau menumpukan keseluruhan dirinya kepada Allah zahir dan batin, dengan badan, akal dan roh seluruhnya. Ia bukannya semata-mata harakat-harakat senaman badan dan bukan pula semata-mata amalan tawajjuh secara sufi dengan roh sahaja. Solat Islamiyah menyaripatikan konsep Islam yang asasi terhadap hidup. Islam mengakui manusia itu dengan badan, akal dan roh sekali dalam satu entiti, dan Islam tidak mengandaikan adanya sebarang pertentangan di antara kekuatan-kekuatan ini yang membentuk manusia itu, dan Islam tidak mencuba menekankan kegiatan badan untuk membebaskan roh, kerana tekanan ini tidak perlu untuk membebaskan roh, dan oleh sebab itulah Islam menjadikan solat sebagai ibadat agungnya dan sebagai manifestasi bagi kegiatan tiga kekuatan badan, akal dan roh dan menumpukan seluruh kekuatan itu kepada Allah dalam satu perhubungan yang harmoni dan selaras. Ia menjadikan solat itu dalam bentuk qiam, ruku' dan sujud untuk merealisasikan harakat badan, dan menjadikannya dalam bentuk bacaan-bacaan, penelitian dan pemikiran memahami makna-makna dan susunan kata untuk merealisasikan kegiatan akal dan menjadikannya dalam bentuk tawajjuh dan penyerahan diri yang bulat kepada Allah untuk merealisasikan kegiatan roh. Semuanya berlangsung serentak dalam satu waktu. Mendirikan ibadat solat dengan bentuk yang seperti ini mengingatkan kepada seluruh gagasan Islam terhadap hidup, dan merealisasikan seluruh gagasan Islam terhadap hidup dalam setiap raka'at dan setiap solat.

Nilai Zakat

Apakah nilai menunaikan zakat? Ia merupakan pembayaran cukai kemasyarakatan Islam yang telah ditetapkan Allah ke atas harta kekayaan kaum hartawan untuk kebajikan kaum fakir miskin dengan sifat-Nya (Allah) sebagai tuanpunya harta kekayaan yang dikurniakan kepada seseorang dengan satu perjanjian dari-Nya dan di antara syarat-syaratnya ialah mengeluarkan zakat. Ia disebut di dalam ayat ini setelah memperkatakan tentang pendermaan harta yang disayangi kepada mereka yang disebut secara umum sebelum ini, menunjukkan bahawa pendermaan harta kekayaan kepada pihak-pihak tersebut bukanlah merupakan gantian dari penunaian zakat dan penunaian zakat bukanlah merupakan gantian dari pendermaan harta kekayaan, kerana zakat merupakan suatu cukai yang diwajibkan, sedangkan pendermaan harta kekayaan merupakan pemberian sukarela yang bebas. Kebaktian itu tidak sempurna melainkan dengan menunaikan zakat dan mendermakan harta kekayaan, kerana kedua-duanya merupakan teras-teras nilai Islam. Al-Qur'an tidak menyebut zakat secara berasingan setelah ia menyebut pendermaan harta kekayaan melainkan kerana zakat itu merupakan suatu kefardhuan yang tersendiri yang tidak boleh digugurkan dengan pendermaan, sebagaimana zakat tidak boleh menjadi gantian kepada pendermaan.

Nilai Penyempurnaan Janji

Apakah nilai menyempurnakan janji? Itulah sifat Islam yang amat ditekankan dan ia disebut-sebut begitu kerap di dalam Al-Qur'anul-Karim. Di samping itu ia juga merupakan tanda keimanan, tanda kemanusiaan dan tanda ihsan. Ia merupakan suatu keperluan untuk mewujudkan suasana kepercayaan dan ketenteraman di dalam hubungan antara individu-individu, hubungan antara kelompok-kelompok dan hubungan antarabangsa dan negara. Pada permulaannya ia diasaskan di atas kesetiaan kepada perjanjian dengan Allah. Tanpa sifat ini setiap individu akan hidup dalam keadaan gelisah dan tidak percaya kepada sebarang perjanjian dan tidak percaya kepada sesiapa. Islam telah sampai ke kemuncak kesetiaan perjanjian kepada kawan dan lawan yang tidak pernah dicapai oleh umat manusia di sepanjang sejarahnya, dan manusia tidak sampai ke kemuncak itu melainkan dengan harakat seruan dan hidayat Islam.

Nilai Kesabaran

Apakah nilai kesabaran dalam menghadapi kesempitan dan penderitaan dan dalam masa peperangan? Ia mendidik, mengasuh dan menyediakan jiwa manusia supaya tidak hancur berterbangan setiap kali dilanda malapetaka, dan tidak kehilangan semangat setiap kali ditimpa kesusahan, dan supaya tidak rebah, takut dan cemas di hadapan kesempitan. Itulah sifat tabah, gigih dan teguh sehingga malapetaka itu hilang dan kesusahan itu mengundurkan diri dan sehingga Allah menukarkan kesusahan itu dengan kesenangan. Itulah harapan kepada Allah, kepercayaan kepada Allah dan pergantungan kepada Allah. Satu umat yang ditugaskan untuk memimpin dan menerajui umat manusia dan untuk menegakkan keadilan di bumi dan menyebarkan kebaikan, pastilah bersedia untuk menghadapi segala kesulitan dan kesukaran di perjalanan dengan penuh kesabaran di masa kesempitan dan penderitaan dan di masa peperangan, iaitu bersabar dalam masa kesempitan dan kemiskinan, bersabar dalam masa kesakitan dan kelemahan, bersabar dalam masa berada dalam keadaan kesedikitan dan kekurangan, bersabar dalam masa peperangan dan menghadapi kepungan musuh, dan seterusnya bersabar di dalam segala keadaan supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka yang besar dan memainkan peranan mereka yang telah ditetapkan Allah dengan penuh gigih, tabah, penuh kepercayaan, ketenangan dan kesederhanaan.

Ayat ini menonjolkan sifat sabar dalam masa kesempitan dan penderitaan dan di masa peperangan. Ia menonjolkan sifat ini dengan memberi kepada kata-kata "الصابرين" satu sifat dalam pengungkapan yang menunjukkan keistimewaan, iaitu semua sifat-sifat sebelum sifat "الصابرين" itu diberikan alamat barisan hadapan (marfu'), sedangkan "الصابرين" diberikan alamat baris di atas (mansub) untuk menunjukkan keistimewaan dengan takdir "وأخص الصابرين" (dan aku sebut secara khusus orang-orang yang sabar). Ini adalah satu bentuk tarikan perhatian yang mempunyai nilainya yang istimewa dalam barisan sifat-sifat kebaktian, iaitu satu tarikan perhatian istimewa yang menonjolkan orang-orang yang bersifat sabar yang berbeza dari orang-orang yang lain. Ia memberi kedudukan istimewa kepada sifat sabar di antara sifat-sifat beriman kepada Allah, kepada malaikat, kepada kitab suci, kepada para anbia', dan sifat mendermakan harta yang disayangi, dan mendirikan solat, dan mengeluarkan zakat dan menyempurnakan perjanjian. Itulah maqam yang tinggi bagi orang-orang yang sabar dan penghargaan yang amat besar terhadap sifat sabar dalam neraca pertimbangan Allah yang menarik pandangan.

Demikianlah serangkai ayat ini mengumpulkan segala dasar 'aqidah dan segala kewajipan diri dan harta, dan menjadikan semuanya satu paduan dan kesatuan yang tidak berbelah-bagi dan menjodolkan semuanya dengan nama "البر" (kebaktian) atau "wadah segala kebaikan" atau "keimanan" sebagaimana yang diterangkan di dalam setengah-setengah athar. Sebenarnya itulah intipati kefahaman Islam yang sempurna dan intipati dasar-dasar sistem hidup Islam yang sepadu dan tanpanya Islam tidak mungkin tegak dan teguh.

Oleh sebab itulah ayat ini kemudian memberi ulasan terhadap mereka yang mempunyai sifat-sifat itu dengan menyifatkan mereka sebagai:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

"Merekalah orang-orang yang benar berbakti dan merekalah orang-orang yang benar bertaqwa."(177)

Merekalah orang-orang yang menunjukkan sifat keislaman mereka yang sebenar kepada Allah, merekalah orang-orang yang benar di dalam keimanan dan kepercayaan mereka dan merekalah orang-orang yang benar-benar menterjemahkan keimanan dan kepercayaan itu kepada pengertian-pengertiannya yang wujud di alam kenyataan.

Merekalah orang-orang yang benar bertaqwa dan takut kepada Allah serta berhubung dengan-Nya. Merekalah orang-orang yang menunaikan kewajipan mereka terhadap Allah dengan penuh kepekaan dan kebimbangan.

Dari celah-celah ayat ini kita dapat melihat betapa tingginya kemuncak-kemuncak kemuliaan yang Allah mahu tingkatkan manusia kepadanya dengan perantaraan agamanya yang luhur dan lurus itu. Kemudian apabila kita melihat pula kepada gelagat-gelagat manusia yang menjauhi, memerangi dan menentang agama ini dan menentang para penda'wahnya, maka kita akan memusing-musingkan tangan kita membayangkan rasa sedih dan hampa dan berkata seperti firman Allah:

يَا حَسْرَةً عَلَى الْعِبَادِ

"Alangkah ruginya manusia!"

(Surah Yasin : 30)

Kemudian apabila kita merenungi sekali lagi kita dapati rasa sedih itu hilang dan terserlah harapan yang kukuh kepada Allah dan keyakinan kita yang kuat bahawa sistem hidup Islam ini tidak akan bergoncang. Dan kita melihat masa depan dan di ufuk sana terpancar harapan yang cerah dan gemilang dan lambat laun - setelah sekian lama menderita - manusia akan kembali kepada sistem hidup yang luhur ini, dan akan bercita-cita untuk mencapai kemuncak yang gemilang itu. Kepada Allah dipohon pertolongan.

* * * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 178 – 188)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى ۖ
الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ

لَهُۥ مِنْ أَخِيهِ شَىْءٌ فَٱتِّبَاعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ وَأَدَآءٌ إِلَيْهِ
بِإِحْسَٰنٍ ۗ ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۗ فَمَنِ
ٱعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُۥ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٨﴾
وَلَكُمْ فِى ٱلْقِصَاصِ حَيَوٰةٌ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ لَعَلَّكُمْ
تَتَّقُونَ ﴿١٧٩﴾
كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ إِن تَرَكَ
خَيْرًا ٱلْوَصِيَّةُ لِلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ
حَقًّا عَلَى ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾
فَمَنۢ بَدَّلَهُۥ بَعْدَ مَا سَمِعَهُۥ فَإِنَّمَآ إِثْمُهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ
يُبَدِّلُونَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٨١﴾
فَمَنْ خَافَ مِن مُّوصٍ جَنَفًا أَوْ إِثْمًا فَأَصْلَحَ بَيْنَهُمْ
فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٨٢﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا
كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾
أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا
أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۚ وَعَلَى ٱلَّذِينَ
يُطِيقُونَهُۥ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۖ فَمَن تَطَوَّعَ
خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُۥ ۚ وَأَن تَصُومُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن
كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾
شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى
لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ
مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا
أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ
ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا۟ ٱلْعِدَّةَ
وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾
وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ
دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لِى وَلْيُؤْمِنُوا۟
بِى لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾
أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ ٱلصِّيَامِ ٱلرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَآئِكُمْ ۚ
هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ ۗ عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمْ
كُنتُمْ تَخْتَانُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ
وَعَفَا عَنكُمْ ۖ فَٱلْـَٰٔنَ بَٰشِرُوهُنَّ وَٱبْتَغُوا۟ مَا كَتَبَ
ٱللَّهُ لَكُمْ ۚ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ
ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ ۖ
ثُمَّ أَتِمُّوا۟ ٱلصِّيَامَ إِلَى ٱلَّيْلِ ۚ وَلَا تُبَٰشِرُوهُنَّ وَأَنتُمْ
عَٰكِفُونَ فِى ٱلْمَسَٰجِدِ ۗ تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا ۗ
كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾
وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ وَتُدْلُوا۟
بِهَآ إِلَى ٱلْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا۟ فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَٰلِ
ٱلنَّاسِ بِٱلْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajib melaksanakan hukuman qisas dalam kejadian orang-orang yang mati dibunuh, iaitu orang yang merdeka dengan orang yang merdeka, hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan dan sesiapa (pembunuh) yang diberi sesuatu kema'afan dari saudaranya (pihak terbunuh), maka (hendaklah pihak yang mema'af itu) mengikut cara yang wajar (dalam membuat tuntutan ganti-rugi dan pihak yang mendapat kema'afan itu hendaklah) menunaikan bayaran ganti-rugi itu dengan sebaik-baiknya. Itulah suatu keringanan dan rahmat dari Tuhan kamu dan sesiapa yang melampaui batas selepas (penyelesaian) itu maka ia akan mendapat 'azab yang amat pedih(178). Di dalam (undang-undang) qisas kamu mendapat jaminan hidup wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bertaqwa(179). Diwajibkan ke atas kamu apabila seseorang kamu didatangi (gejala-gejala) mati, jika ia meninggalkan harta yang banyak hendaklah ia berwasiat untuk ibu bapa dan kerabat-kerabatnya dengan suatu habuan kebaikan sebagai

kewajipan kepada orang-orang yang bertaqwa(180). Kemudian barang siapa yang mengubahkan wasiat itu setelah didengarinya, maka dosanya (dibebankan) ke atas orang-orang yang mengubahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(181). (Akan tetapi) barang siapa yang merasa bimbang terhadap pembuat wasiat itu melakukan sesuatu yang tidak adil atau membuat sesuatu dosa dalam wasiatnya lalu ia bertindak mendamaikan antara waris-waris, maka tidaklah berdosa kepadanya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(182). Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana ia diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kamu supaya kamu bertaqwa(183). (Iaitu berpuasa) pada sebilangan hari yang tertentu. Jika di antara kamu ada yang sakit atau di dalam persafiran (lalu ia berbuka) maka wajiblah ia berpuasa (qadha' sebanyak hari yang dibuka) pada hari-hari yang lain dan wajib di atas orang-orang yang terdaya berpuasa (tetapi meninggalkan puasa kerana keberatan) membayar fidyah, iaitu memberi makan kepada orang-orang miskin dan barang siapa dengan sukarela memberi makan (melebihi kadar yang ditentukan), maka itulah yang lebih baik baginya. (Namun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (dari membayar fidyah) jika kamu mengetahui(184). (Masa puasa itu ialah) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya Al-Qur'an sebagai hidayat kepada manusia dan sebagai penjelasan-penjelasan yang menerangkan hidayat dan perbezaan antara yang benar dan yang batil. Oleh itu barang siapa di antara kamu melihat anak bulan Ramadhan, maka hendaklah ia berpuasa di bulan itu dan barang siapa yang sakit atau di dalam persafiran, maka wajiblah ia berpuasa (qadha' sebanyak hari yang ditinggalkan itu) pada hari-hari yang lain. Allah mahukan kamu mendapat kemudahan dan tidak mahu kamu menanggung kesulitan dan hendaklah kamu sempurnakan bilangan hari puasa dan hendaklah kamu mentakbirkan Allah di atas hidayat yang telah dikurniakan kepada kamu dan supaya kamu bersyukur(185). Apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku (maka jawablah) bahawa Aku sangat hampir (kepada mereka). Aku memperkenalkan permohonan orang yang berdo'a apabila ia berdo'a kepada-Ku. Oleh itu hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku supaya mereka mendapat jalan yang benar(186). Dihalalkan kepada kamu mengadakan hubungan kelamin dengan isteri-isteri kamu pada malam puasa. Mereka adalah pakaian kamu dan kamu adalah pakaian mereka. Allah telah mengetahui bahawa kamu telah mengkhianati diri kamu lalu Dia menerima taubat kamu dan mema'afkan kesalahan kamu. Maka sekarang lakukanlah hubungan kelamin dengan mereka dan carilah keni'matan yang telah ditetapkan Allah untuk kamu, dan makan dan minumlah kamu sehingga jelas kelihatan kepada kamu benang yang putih (cahaya siang) dari benang yang hitam (kegelapan malam) dari cahaya fajar, kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga malam dan janganlah kamu mengadakan hubungan kelamin dengan mereka dalam masa kamu beri'tikaf di dalam masjid. Itulah batas-batas yang telah ditetapkan Allah. Oleh itu janganlah kamu dekatinya. Demikianlah Allah menjelaskan pengajaran-pengajarannya kepada manusia supaya mereka bertaqwa.(187) Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan cara yang tidak sebenar dan janganlah kamu membawa kes-kes harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui"(188).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini memuat sebahagian dari peraturan-peraturan kemasyarakatan untuk masyarakat Islam dalam pertumbuhannya yang awal di kota Madinah, di samping memuatkan sebahagian dari peraturan ibadat yang difardhukan (ke atas kaum Muslimin). Kedua-dua peraturan terkumpul di dalam serumpun ayat-ayat yang berdekatan di antara bahagian-bahagian ayat di dalam surah ini. Kedua-duanya diikatkan dengan tali yang sama pada ketaqwaan dan khasyiah kepada Allah, di mana kalimah taqwa disebut berulang kali dalam kata-kata ulasan dan kesimpulan tentang peraturan-peraturan kemasyarakatan dan taklif-taklif ibadat, dan semuanya dibicarakan selepas ayat mengenai hakikat kebaktian (البر) yang mencakup segala dasar kefahaman keimanan dan dasar-dasar perilaku di akhir pelajaran yang lepas.

Di dalam pelajaran ini terdapat pembicaraan mengenai undang-undang qisas bagi orang-orang yang mati dibunuh, juga pembicaraan mengenai peraturan wasiat ketika hampir mati kemudian diiringi pula dengan pembicaraan mengenai fardhu puasa, aturan-aturan berdo'a dan beri'tikaf, dan pada akhirnya ialah pembicaraan mengenai urusan perguaman harta-harta.

Dalam kata kesimpulan mengenai peraturan qisas terdapat isyarat kepada semangat taqwa:

وَلَكُمْ فِي ٱلْقِصَاصِ حَيَوٰةٌ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ لَعَلَّكُمْ
تَتَّقُونَ ﴿١٧٩﴾

"Di dalam (undang-undang) qisas kamu mendapat jaminan hidup wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bertaqwa."(179)

Dan di dalam kesimpulan mengenai peraturan wasiat terdapat juga isyarat kepada semangat taqwa:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ إِن تَرَكَ
خَيْرًا ٱلْوَصِيَّةُ لِلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ
حَقًّا عَلَى ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

"Diwajibkan ke atas kamu apabila seseorang kamu didatangi (gejala-gejala) mati, jika ia meninggalkan harta yang banyak hendaklah ia berwasiat untuk ibu bapa dan kerabat-kerabatnya dengan suatu habuan kebaikan sebagai kewajipan kepada orang-orang yang bertaqwa."(180)

Di dalam kesimpulan mengenai puasa terdapat isyarat kepada semangat taqwa:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا
كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana ia diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kamu supaya kamu bertaqwa."(183)

Kemudian isyarat yang sama juga terdapat selepas pembicaraan mengenai i'tikaf di penghabisan pembicaraan mengenai hukum-hukum puasa:

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ ءَايَٰتِهِۦ
لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

"Itulah batas-batas yang telah ditetapkan Allah. Oleh itu janganlah kamu dekatinya. Demikianlah Allah menjelaskan pengajaran-pengajarannya kepada manusia supaya mereka bertaqwa."(187)

Kemudian beberapa kata kesimpulan selanjutnya di dalam pelajaran ini mengandungi maksud yang tidak jauh dari makna taqwa dan dari tujuan merangsangkan kepekaan dan kesedaran terhadap Allah di dalam hati, Kata-kata kesimpulan itu berbunyi:

وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

"Dan hendaklah kamu mentakbirkan Allah di atas hidayat yang telah dikurniakan kepada kamu dan supaya kamu bersyukur."(185)

فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لِى وَلْيُؤْمِنُوا۟ بِى لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

"Oleh itu hendaklah mereka menyambut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku supaya mereka mendapat petunjuk."(186)

إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٨١﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(181)

إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٨٢﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(182)

Persamaan (maksud kata-kata kesimpulan) ini menarik pandangan kepada hakikat agama ini, iaitu agama ini merupakan satu kesatuan yang tidak berbelah-bagi. Segala peraturan-peraturan kemasyarakatannya, segala lunas-lunas perundangan-nya dan syi'ar-syi'ar ibadatnya adalah terbit dari dasar 'aqidahnya belaka, iaitu semuanya terbit dari kefahaman kullinya atau kesemestaannya yang diwujudkan oleh 'aqidah ini, dan semuanya diikat dengan tali yang sama kepada Allah belaka dan semuanya berakhir kepada satu matlamat yang sama, iaitu beribadat kepada Allah Yang Maha Esa, Tuhan yang mencipta dan memberi rezeki, Tuhan yang melantikkan manusia sebagai khalifah-Nya di dalam kerajaan bumi ini, iaitu khalifah yang disyaratkan dengan satu syarat, iaitu mereka pasti beriman kepada Allah Yang Maha Esa, beribadat kepada Allah Yang Maha Esa dan mengambil kefahaman, pemikiran, peraturan dan undang-undang mereka dari Allah Yang Maha Esa.

Pelajaran ini dengan kumpulan maudhu'-maudhu' yang dibicarakannya dan dengan kata-kata ulasan yang dimuatnya merupakan satu contoh yang jelas bagaimana padunya hubungan-hubungan yang sempurna ini di dalam agama ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 178 -179)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِصَاصُ فِى ٱلْقَتْلَى ۖ
ٱلْحُرُّ بِٱلْحُرِّ وَٱلْعَبْدُ بِٱلْعَبْدِ وَٱلْأُنثَىٰ بِٱلْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِىَ
لَهُۥ مِنْ أَخِيهِ شَىْءٌ فَٱتِّبَاعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ وَأَدَآءٌ إِلَيْهِ
بِإِحْسَٰنٍ ۗ ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۗ فَمَنِ
ٱعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُۥ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٨﴾
وَلَكُمْ فِى ٱلْقِصَاصِ حَيَوٰةٌ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ لَعَلَّكُمْ
تَتَّقُونَ ﴿١٧٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajib melaksanakan hukuman qisas dalam kejadian orang-orang yang mati dibunuh, iaitu orang yang merdeka dengan orang yang merdeka, hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan dan sesiapa (pembunuh) yang diberi sesuatu kema'afan dari saudaranya (pihak terbunuh), maka (hendaklah pihak yang mema'af itu) mengikut cara yang wajar (dalam membuat tuntutan ganti-rugi dan pihak yang mendapat kema'afan itu hendaklah) menunaikan bayaran ganti-rugi itu dengan sebaik-baiknya. Itulah sesuatu keringanan dan rahmat dari Tuhan kamu dan sesiapa yang melampaui batas selepas (penyelesaian) itu maka ia akan mendapat 'azab yang amat pedih.(178) Di dalam (undang-undang) qisas kamu mendapat jaminan hidup wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bertaqwa."(179)

Seruan ini ditujukan kepada orang-orang yang beriman, kepada orang-orang yang bersifat dengan sifat keimanan yang wajib menerima peraturan-peraturan dari Allah yang dipercayai mereka mengenai undang-undang qisas. Al-Qur'an menyeru mereka untuk memberitahu kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka undang-undang qisas/balasan bunuh pada orang-orang yang mati dibunuh dan menerangkan perinciannya di dalam ayat yang pertama (ayat 178), sementara di dalam ayat yang kedua (179) ia menerangkan hikmat difardhukan undang-undang ini dan merangsangkan di dalam hati mereka supaya memikirkan hikmat itu dengan teliti, di samping menggerakkan di dalam hati mereka perasaan taqwa yang menjadi injap

keselamatan dalam persoalan orang-orang yang mati dibunuh dan persoalan qisas.

Undang-undang yang diterangkan oleh ayat ini mengenai pelaksanaan hukum qisas apabila pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja ialah orang yang merdeka hendaklah dihukum bunuh kerana membunuh orang yang merdeka, abdi hendaklah dihukum bunuh kerana membunuh abdi, perempuan hendaklah dihukum bunuh kerana membunuh perempuan.

فَمَنْ عُفِيَ لَهُۥ مِنْ أَخِيهِ شَىْءٌ فَٱتِّبَاعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ وَأَدَآءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَٰنٍ

"Dan sesiapa (pembunuh) yang diberi sesuatu kema'afan dari saudaranya (pihak yang terbunuh) maka (hendaklah pihak yang mema'afkan itu) mengikut cara yang wajar (dalam membuat tuntutan ganti-rugi dan pihak yang mendapat kema'afan itu hendaklah) menunaikan bayaran ganti-rugi itu dengan sebaik-baiknya."(178)

Kema'afan itu ialah dengan menerima diat oleh pihak wali darah sebagai ganti membunuh balasan penjenayah itu. Apabila pihak wali darah menerima dan bersetuju dengan bayaran diat itu maka wajiblah ia menuntut bayaran diat itu dengan tuntutan yang baik, redha dan mesra, dan wajib di atas pembunuh atau walinya menunaikan bayaran diat dengan sebaik-baiknya untuk menjernihkan segala hati, menyembuhkan segala luka-luka di dalam jiwa dan menguatkan hubungan persaudaraan di antara pihak-pihak yang masih hidup.

Allah S.W.T. telah memperlihatkan ni'mat dan rahmat-Nya terhadap orang-orang yang beriman itu dengan mengurniakan undang-undang diat ini yang mengandungi keringanan dan kasihan belas kepada mereka:

ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ

"Itulah suatu keringanan dan rahmat dari Tuhan kamu."(178)

Undang-undang ini tidak diberikan kepada Bani Israel di dalam kitab Taurat. Ia hanya diperundangkan kepada umat Muslimin sahaja untuk memelihara nyawa ketika tercapai persetujuan bersama dan wujudnya kejernihan hati.

فَمَنِ ٱعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُۥ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٨﴾

"Dan sesiapa yang melampaui batas selepas (penyelesaian) ini, maka ia akan mendapat 'azab yang amat pedih."(178)

Di samping 'azab yang diancamkan kepadanya di Akhirat, maka dia wajib dibunuh dan tidak lagi diterima diat darinya, kerana pencerobohan selepas adanya persetujuan dan penerimaan bersama itu merupakan perbuatan membatalkan perjanjian, mensia-siakan persetujuan bersama dan merangsangkan semula dendam kesumat selepas wujudnya kejernihan hati. Apabila wali darah menerima diat, maka ia tidak dibolehkan lagi kembali menuntut bela dan melakukan pencerobohan.

Dari sini dapatlah kita mengetahui betapa luasnya pandangan Islam terhadap desakan-desakan jiwa manusia ketika ia mengaturkan undang-undang untuk mengawalnya, dan betapa mendalamnya ia memahami keinginan-keinginan semulajadi mereka. Kemarahan terhadap darah yang tumpah itu memanglah suatu emosi yang semulajadi dan tabi'i. Oleh kerana itu Islam memenuhi keinginan itu dengan menetapkan undang-undang qisas. Keadilan yang tegas itu dapat mematahkan kejahatan jiwa dan memadamkan dendam kesumat di dalam hati dan dapat mencegah penjenayah dari melanjutkan jenayahnya, tetapi dalam waktu yang sama Islam menggalakkan ke arah kema'afan. Ia membuka jalan dan memberi garis-garis panduannya ke arah itu. Oleh itu seruan ke arah kema'afan selepas ditetapkan undang-undang qisas itu merupakan seruan ke arah amalan meluhurkan jiwa secara sukarela, bukannya merupakan suatu fardhu yang menekan fitrah manusia dan membebankannya dengan kewajipan yang tidak terdaya ditanggung olehnya.

Setengah-setengah riwayat menyebut ayat ini sebagai mansukh. Ia telah dimansukhkan oleh ayat Surah al-Ma'idah yang diturun selepasnya dan menetapkan hukum yang mutlak bahawa nyawa dibalas dengan nyawa:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ ....

"Dan Kami telah tetapkan ke atas mereka di dalam Taurat bahawa nyawa dibalas dengan nyawa..... hingga akhir"

(Surah al-Ma'idah : 45)

Ujar ibn Kathir dalam tafsirnya:

"Dan telah disebutkan tentang sebab nuzul ayat ini satu riwayat yang diriwayatkan oleh al-Imam Abu Muhammad ibn Abi Hatim, kami telah diceritakan oleh Abu Zur'ah, kami telah diceritakan oleh Yahya ibn Abdullah bin Bakir, aku telah diceritakan oleh Abdullah ibn Lahi'at, aku telah diceritakan oleh 'Ata' ibn Dinar dari Said ibn Jubayr mengenai firman Allah Ta'ala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِصَاصُ فِى ٱلْقَتْلَى ٱلْحُرُّ بِٱلْحُرِّ ....

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan melaksanakan qisas dalam kejadian orang-orang yang mati dibunuh -yakni jika pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja -iaitu orang yang merdeka dengan orang yang merdeka......."(178)

Perintah yang sedemikian adalah kerana ada dua suku Arab yang berperang di zaman jahiliyah - tidak lama sebelum Islam - di antara mereka berlaku pembunuhan dan kecederaan mendapat luka-luka sehingga mereka tergamak membunuh abdi-abdi dan

kaum wanita. Mereka tidak sempat membuat tuntutan-tuntutan terhadap satu sama lain sehingga mereka memeluk agama Islam. Salah satu dari dua suku itu menunjukkan sikap angkuh terhadap suku yang lain kerana mereka mempunyai bilangan yang ramai dan harta yang banyak. Mereka bersumpah tidak akan bersetuju sehingga orang-orang yang merdeka dari suku yang lain itu dibunuh kerana membunuh hamba mereka, dan lelaki dari suku yang lain itu dibunuh kerana membunuh perempuan mereka, lalu turunlah ayat mengenai mereka iaitu:

ٱلۡحُرُّ بِٱلۡحُرِّ وَٱلۡعَبۡدُ بِٱلۡعَبۡدِ وَٱلۡأُنثَىٰ بِٱلۡأُنثَىٰۚ .....

"Iaitu orang yang merdeka dengan orang yang merdeka, hamba dengan hamba, perempuan dengan perempuan"(178) ....

Ayat ini dimansukhkan dengan ayat (Surah al-Ma'idah):

أَنَّ ٱلنَّفۡسَ بِٱلنَّفۡسِ ....

"Nyawa dibalas dengan nyawa...."(45)

(Surah al-Ma'idah)

Demikianlah juga diriwayatkan dari Abu Malik bahawa ayat ini dimansukhkan dengan ayat "nyawa dibalas dengan nyawa".

Yang jelas kepada kami, tempat ayat ini berlainan dari tempat ayat "nyawa dibalas dengan nyawa". Setiap ayat dari dua ayat ini mempunyai bidang masing-masing yang berlainan. Bidang ayat "nyawa dibalas dengan nyawa" ialah bidang pencerobohan individu, iaitu pencerobohan satu individu yang tertentu ke atas satu individu lain yang tertentu atau pencerobohan beberapa individu yang tertentu ke atas satu individu atau ke atas beberapa individu yang tertentu. Di sini penjenayah pasti dihukum balas bunuh selama pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja. Adapun ayat yang sedang kita bicarakan sekarang ini maka bidangnya ialah bidang pencerobohan kelompok - seperti yang telah berlaku kepada dua suku Arab tadi - di mana satu keluarga menceroboh ke atas satu keluarga yang lain atau satu suku menceroboh satu suku yang lain atau satu kelompok menceroboh satu kelompok yang lain lalu mengorbankan mangsa-mangsanya dari orang-orang yang merdeka, hamba-hamba abdi dan wanita-wanita dari kedua pihak. Oleh itu apabila dijalankan hukum pengadilan qisas, maka orang yang merdeka dari suku ini hendaklah dibalas dengan orang yang merdeka suku itu, hamba suku ini hendaklah dibalas dengan hamba suku itu, dan wanita suku ini hendaklah dibalas dengan wanita suku itu. Jika tidak, bagaimana hendak dilaksanakan hukum qisas dalam kes yang seperti ini, di mana satu kelompok menceroboh satu kelompok yang lain.

Jika pandangan dan pendapat ini betul, maka di sana tidak ada pemansukhan terhadap ayat ini dan tidak ada apa-apa pertentangan di antara ayat-ayat yang mengenai hukum qisas itu.

Kemudian ayat ini menyempurnakan pembicaraannya mengenai undang-undang qisas dengan mengemukakan hikmatnya yang mendalam dan matlamat-matlamatnya yang akhir.

وَلَكُمۡ فِي ٱلۡقِصَاصِ حَيَوٰةٞ يَٰٓأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ١٧٩

"Di dalam (undang-undang) qisas kamu mendapat jaminan hidup wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bertaqwa."(179)

Tujuan Undang-undang Qisas

Yakni hukuman qisas itu bukannya bertujuan membalas dendam dan memuaskan perasaan dendam kesumat, malah ia mempunyai tujuan yang lebih mulia dan tinggi dari itu lagi, iaitu untuk membela hidup dan untuk kepentingan hidup, malah qisas itu sendiri merupakan hidup. Dan di samping itu ia bertujuan supaya manusia berfikir tentang hikmat undang-undang qisas itu dan supaya menggerakkan dan merangsangkan hati mereka ke arah taqwa kepada Allah.

Hidup yang wujud dalam undang-undang qisas itu adalah terbit dari tindakan mencegah penjenayah-penjenayah dari awal-awal lagi dari melakukan pencerobohan, kerana orang yang yakin bahawa dia pasti membayar dengan nyawanya apabila dia membunuh orang tentulah dia akan berfikir panjang dan tentulah dia akan teragak-agak (untuk melakukan pencerobohan). Ia juga terbit dari kepuasan hati wali-wali darah ketika berlakunya pembunuhan qisas itu kerana ia tidak lagi menaruh perasaan dendam kesumat dan keinginan menuntut bela, iaitu satu keinginan yang tidak mengenal batas di dalam kalangan suku-suku Arab sehingga terus menerus menimbulkan peperangan-peperangan yang terputus-putus selama empat puluh tahun sebagaimana yang telah berlaku di dalam peperangan al-Basus yang terkenal di sisi mereka, dan sebagaimana kita dapat melihat dalam kehidupan kita (orang-orang Arab) pada hari ini sehingga darah hidup itu mengalir di dalam pembunuhan-pembunuhan membalas dendam di antara keluarga, generasi demi generasi dengan tidak berhenti-henti.

Di dalam undang-undang qisas terdapat jaminan hidup dalam erti katanya yang syumul, kerana pencerobohan di atas nyawa seseorang individu merupakan pencerobohan di atas semua nyawa dan semua manusia yang hidup yang mempunyai sifat hidup yang sama dengan si mati yang dibunuh.

Apabila undang-undang qisas dapat mencegah penjenayah dari mencabut satu nyawa, maka bererti ia dapat mencegah penjenayah itu dari menceroboh seluruh nyawa yang lain. Pencegahan itu memberi

jaminan hidup yang mutlak, iaitu ia bukan hanya memberi jaminan hidup kepada satu individu, kepada satu keluarga, kepada satu kelompok, malah memberi jaminan kepada hidup seluruhnya.

Kemudian ayat ini merangsangkan kesedaran supaya memikirkan hikmat kebijaksanaan Allah dan supaya bertaqwa kepada Allah yang menjadi faktor terpenting dan pengaruh utama untuk memelihara keselamatan nyawa.

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧٩﴾

"Supaya kamu bertaqwa."(179)

Taqwa Pengikat Hati Manusia Dari Melakukan Pencerobohan

Taqwalah satu-satunya tali yang mengikat hati manusia dari melakukan pencerobohan, iaitu pencerobohan memulakan pembunuhan dan pencerobohan membalas bela. Taqwa ialah kepekaan hati dan perasaannya yang sentiasa takut kepada Allah, sentiasa segan mendapat kemurkaan-Nya dan sentiasa menuntut keredhaan-Nya.

Tanpa ikatan taqwa, syari'at tidak mungkin tegak, undang-undang tidak akan berjaya dan tiada seorang pun yang merasa malu-malu dan segan. Peraturan-peraturan yang kosong dari roh, dari kepekaan, dari ketakutan dan dari keinginan mendapat keredhaan dari satu kekuatan yang lebih besar dari kekuatan manusia adalah tidak cukup (untuk mencegah manusia).

Inilah faktor yang dapat mentafsirkan kepada kita betapa sedikitnya perlakuan-perlakuan jenayah yang dikenakan hukuman hudud di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman khalifah-khalifah, dan kebanyakan hukuman itu berlaku dengan pengakuan sukarela dari penjenayah itu sendiri. Di sana terdapat kesedaran taqwa (yang tinggi) -Kesedaran inilah yang menjadi pengawal yang berhemat di dalam hati nurani mereka dan mencegah mereka dari jenayah-jenayah, di samping wujudnya syari'at yang jelas yang mengetahui segala rahsia fitrah manusia dan isi hatinya. Di sana juga terdapat kesepaduan di antara peraturan-peraturan dan undang-undang dari satu sudut dan bimbingan-bimbingan dan ibadat-ibadat dari satu sudut yang lain dan semuanya bekerjasama untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang mempunyai kefahaman dan pemikiran yang bersih, perasaan yang bersih, harakat yang bersih dan perilaku yang bersih kerana ia mendirikan mahkamahnya yang pertama di dalam hati nurani.

"Sehingga apabila nafsu kebinatangan manusia menjadi liar di suatu ketika dan terjatuh dalam suatu kesalahan, iaitu semasa ia tidak dilihat oleh orang lain dan tidak dapat ditangkap oleh undang-undang, maka keimanan akan berubah menjadi jiwa yang memberi kecaman dan kritikan yang tajam yang mencubit hati nurani, menimbulkan khayalan yang menakutkan dan menyebabkan tuannya tidak dapat mencapai ketenangan sehingga ia mengakui kesalahannya di hadapan undang-undang, dan menyerahkan dirinya kepada hukuman yang berat dan bersedia menanggungnya dengan hati yang tenang dan rela untuk menjauhkan dirinya dari kemurkaan Allah dan balasan Akhirat".[2]

Itulah kesedaran taqwa, itulah kesedaran taqwa.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 180 -182)

Kemudian dijelaskan pula undang-undang wasiat ketika hampir mati dan di sini terdapat hubungan persesuaian di antara suasana ayat-ayat undang-undang wasiat dengan suasana ayat-ayat undang-undang qisas:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ
خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ
حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾
فَمَن بَدَّلَهُ بَعْدَمَا سَمِعَهُ فَإِنَّمَا إِثْمُهُ عَلَى الَّذِينَ
يُبَدِّلُونَهُ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٨١﴾
فَمَنْ خَافَ مِن مُّوصٍ جَنَفًا أَوْ إِثْمًا فَأَصْلَحَ بَيْنَهُمْ
فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٨٢﴾

"Diwajibkan ke atas kamu apabila seseorang kamu didatangi (gejala-gejala) mati, jika ia meninggalkan harta yang banyak, hendaklah ia berwasiat untuk ibu bapa dan kerabat-kerabatnya dengan suatu habuan kebaikan sebagai kewajipan kepada orang-orang yang bertaqwa (180). Kemudian barang siapa yang mengubahkan wasiat itu setelah didengarinya, maka dosanya (dibebankan) ke atas orang-orang yang mengubahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat(181). (Akan tetapi) barang siapa yang merasa bimbang terhadap pembuat wasiat itu melakukan sesuatu yang tidak adil atau membuat sesuatu dosa dalam wasiatnya lalu ia bertindak mendamaikan antara waris-waris, maka tidaklah berdosa kepadanya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(182)

Wasiat Untuk Ibu Bapa Dan Kaum Kerabat

Wasiat untuk dua ibu bapa dan kaum kerabat merupakan satu kefardhuan jika seseorang itu akan meninggal harta kekayaan. Kata-kata "خيرا" di dalam ayat ini ditafsirkan dengan erti kekayaan. Para ulama' telah berselisih dalam menentukan kadar harta kekayaan yang diwajibkan wasiat itu. Pendapat yang arjah ialah penentuan ini merupakan satu persoalan pertimbangan mengikut adat. Sesetengah ulama'

---

[2] *Dari buku* " ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين للسيد ابي الحسن علي الحسني الندوي "

berpendapat seseorang itu tidak dikatakan meninggalkan harta kekayaan jika ia tinggalkan harta kurang dari enam puluh dinar. Menurut satu pendapat yang lain lapan puluh dinar dan satu pendapat lagi empat ratus dinar dan satu pendapat yang lain pula seribu dinar. Tidak syak lagi bahawa kadar peninggalan yang dikira sebagai satu kekayaan yang memerlukan wasiat itu berbeza-beza dari satu zaman ke satu zaman dan dari satu masyarakat ke satu masyarakat.

Ayat-ayat mengenai hukum pusaka telah diturun selepas turunnya ayat-ayat wasiat ini, di mana ia menentukan bahagian-bahagian yang tertentu kepada pewaris-pewaris dan menjadikan dua ibu bapa sebagai pewaris dalam segala keadaan, dan oleh sebab itulah kedua-duanya tidak mendapat habuan wasiat kerana tidak ada habuan bagi pewaris berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

إن الله قد أعطى كل ذى حق حقه، فلا وصية لوارث

"Sesungguhnya Allah telah memberi kepada setiap yang berhak itu haknya masing-masing. Oleh itu tiada habuan wasiat bagi pewaris".[3]

Adapun kaum kerabat maka nas wasiat itu secara umumnya kekal untuk mereka, iaitu sesiapa yang mendapat bahagian pusaka yang ditentukan oleh ayat-ayat pusaka, maka ia tidak mendapat bahagian wasiat, dan sesiapa yang tidak mendapat bahagian pusaka maka nas wasiat di sini mencakupi mereka. Inilah pendapat setengah-setengah Sahabat dan Tabi'i yang kami pegangi.

Tujuan memberi hak wasiat kepada yang lain dari para pewaris dapat dilihat dengan jelas dalam kes-kes yang memerlukan hubungan yang baik dengan setengah-tengah keluarga apabila mereka tidak mendapat bahagian pusaka mengikut penentuan ayat-ayat pusaka kerana mereka telah dihijab oleh pewaris yang lain. Ini merupakan satu bentuk dari bentuk-bentuk takaful am kekeluargaan di luar sempadan pusaka. Oleh sebab itulah ayat ini menyebut kata-kata kebaikan dan taqwa.

بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

"Dengan (suatu habuan) kebaikan sebagai suatu kewajipan kepada orang-orang yang bertaqwa."(180)

Yakni dalam wasiat ini seseorang itu janganlah menganiayai para pewaris dan jangan pula mengabaikan kerabat-kerabat yang bukan pewaris, dan hendaklah ia berpandukan taqwa dengan adil dan saksama, dengan membuat kebaktian dan pemberian budi yang baik. Namun demikian, as-Sunnah telah membataskan wasiat itu tidak melebihi kadar satu pertiga, dan satu perempat itu adalah lebih afdhal supaya kepentingan pihak para pewaris tidak digugatkan dengan kerabat yang bukan pewaris. Ini bererti urusan wasiat itu dilaksanakan mengikut dasar undang-undang dan semangat taqwa dan itulah sifat-sifat peraturan-peraturan kemasyarakatan yang diwujudkan oleh Islam dengan penuh keselarasan dan aman damai.

Oleh itu sesiapa yang mendengar wasiat, maka ia akan menanggung dosa jika ia mengubahkan wasiat itu selepas kematian si mati yang diwarisi (pemberi wasiat), dan si mati ini tidak berdosa dengan pengubahan itu.

فَمَنْ بَدَّلَهُ بَعْدَ مَا سَمِعَهُ فَإِنَّمَا إِثْمُهُ عَلَى الَّذِينَ يُبَدِّلُونَهُ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٨١﴾

"Kemudian barang siapa yang mengubahkan wasiat itu setelah didengarinya, maka dosanya (dibebankan) ke atas orang-orang yang mengubahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(181)

Yakni Allah S.W.T. menjadi saksi atas apa yang didengar dan diketahui olehnya. Dialah saksi si mati yang diwarisi, dan Dia tidak akan mempersalahkan terhadap perbuatan pengubahan wasiat yang dilakukan selepas kematiannya, dan Dialah saksi terhadap orang yang melakukan pengubahan wasiat itu dan mengenakan dosa perbuatan itu ke atas mereka yang melakukan pengubahan itu.

Hanya terdapat satu kes sahaja, di mana penerima wasiat boleh mengubah wasiat pemberi wasiat, iaitu apabila dia mengetahui bahawa pemberi wasiat itu bertujuan memilih kasih atau menzalimi pihak pewaris dengan wasiat itu. Dalam kes yang seperti ini tidak menjadi apa-apa kesalahan bagi pihak yang mengendalikan pelaksanaan wasiat itu meminda wasiat itu dengan cara yang dapat mengelakkan kezaliman itu dan dapat memulangkan perkara itu kepada keadilan dan kesaksamaan:

فَمَنْ خَافَ مِنْ مُوصٍ جَنَفًا أَوْ إِثْمًا فَأَصْلَحَ بَيْنَهُمْ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨٢﴾

"(Akan tetapi) barang siapa yang merasa bimbang terhadap pembuat wasiat itu melakukan sesuatu yang tidak adil atau membuat sesuatu dosa dalam wasiatnya lalu ia bertindak mendamaikan antara pewaris-pewaris, maka tidaklah berdosa kepadanya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(182)

Yakni perkara ini terserah kepada keampunan dan rahmat Allah terhadap kedua-dua pihak itu dan terikat kepada pemeliharaan Allah dalam semua keadaan. Itulah jaminan terakhir bagi keadilan dan kesaksamaan.

Demikianlah kita dapati urusan wasiat itu diikatkan dengan ikatan yang sama dengan ikatan yang mengikat urusan qisas sebelum ini, dan ikatan inilah juga yang mengikat segala perkara di dalam urusan

---

[3] *Diriwayatkan oleh Ashabus-sunan.*

kefahaman dan pemikiran Islam dan urusan masyarakat Islam.

* * * * * *

Hikmat Diwajibkan Puasa

Adalah satu perkara yang wajar puasa itu difardhukan ke atas umat yang diwajibkan berjihad kerana sabilillah untuk menegakkan agama-Nya di bumi dan memimpin umat manusia dengannya dan seterusnya untuk menjadi saksi terhadap umat manusia. Puasa merupakan suatu bidang amalan untuk mengukuhkan kemahuan yang tegas dan penuh tekad, suatu bidang perhubungan manusia dengan Allah, iaitu perhubungan yang penuh ta'at dan patuh, dan suatu bidang untuk meningkatkan diri di atas seluruh keperluan jasad dan (melatihkan diri) agar tahan menanggung tekanan keperluan-keperluan itu demi mengutamakan pencapaian keredhaan dan keni'matan dari sisi Allah.

Semuanya merupakan anasir-anasir yang perlu untuk menyediakan jiwa manusia menanggung kesulitan dan kesukaran di jalan perjuangan da'wah yang terhampar dengan berbagai-bagai halangan dan duri-duri, iaitu jalan yang bertaburan di segenap sudutnya dengan berbagai-bagai keinginan hawa nafsu dan jalan yang penuh dengan ribuan godaan yang menyeru dan memujuk orang-orang yang sedang menjalani perjuangan da'wah.

Hubungan Ibadat Dengan Faedah Fizikal

Selain dari itu semua, di sana terdapat pula kesan-kesan puasa yang berguna kepada fungsi-fungsi tubuh badan. Walaupun saya tidak suka menghubungkan fardhu-fardhu dan perintah-perintah Ilahi mengenai amalan-amalan ibadat khususnya dengan faedah fizikal yang boleh disaksikan oleh pancaindera, kerana hikmat yang semulajadi dari ibadat-ibadat itu ialah menyediakan makhluk insan untuk memainkan peranannya di bumi ini dan seterusnya menyediakannya untuk mencapai kesempurnaan yang telah ditetapkan baginya di dalam kehidupan Akhirat. Namun demikian saya tidak suka menafikan faedah-faedah (fizikal) dari fardhu-fardhu dan perintah-perintah Ilahi yang dilihat oleh pengamatan dan pandangan sains. Ini berpegang kepada apa yang dilihat dan difaham dari tadbir Ilahi yang hendak memelihara kebaikan diri manusia secara menyeluruh dalam segala amal ibadat yang difardhu dan diperintahkan kepada mereka. Tetapi (kita) tidak menghubungkan hikmat taklif Ilahi itu dengan faedah-faedah yang ditemui oleh ilmu manusia kerana bidang ilmu manusia itu terbatas. Ia tidak meluas dan meningkat hingga mencakupi seluruh hikmat Allah dalam segala perkara yang ditetapkan untuk mengasuh makhluk insan atau mengasuh seluruh alam buana ini secara tepatnya.

(Pentafsiran ayat-ayat 183 -185)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا
كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ١٨٣
أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا
أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۚ وَعَلَى ٱلَّذِينَ
يُطِيقُونَهُۥ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۖ فَمَن تَطَوَّعَ
خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُۥ ۚ وَأَن تَصُومُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن
كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ١٨٤
شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى
لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ
مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا
أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ
ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا۟ ٱلْعِدَّةَ
وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ١٨٥

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana ia diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kamu supaya kamu bertaqwa(183). (Iaitu berpuasa) pada sebilangan hari yang tertentu. Jika di antara kamu ada yang sakit atau di dalam persafiran (lalu ia berbuka) maka wajiblah ia berpuasa (qadha' sebanyak hari yang dibuka) pada hari-hari yang lain dan wajib di atas orang-orang yang terdaya berpuasa (tetapi meninggalkan puasa kerana keberatan) membayar fidyah, iaitu memberi makan kepada orang-orang miskin dan barang siapa dengan sukarela memberi makan (melebihi kadar yang ditentukan), maka itulah yang lebih baik baginya. (Namun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (dari membayar fidyah) jika kamu mengetahui(184). (Masa puasa itu ialah) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya Al-Qur'an sebagai hidayat kepada manusia dan sebagai penjelasan-penjelasan yang menerangkan hidayat dan perbezaan antara yang benar dan yang batil. Oleh itu barang siapa di antara kamu melihat anak bulan Ramadhan, maka hendaklah ia berpuasa di bulan itu dan barang siapa yang sakit atau di dalam persafiran, maka wajiblah ia berpuasa (qadha' sebanyak hari yang ditinggalkan itu) pada hari-hari yang lain. Allah mahukan kamu mendapat kemudahan dan tidak mahu kamu menanggung kesulitan dan hendaklah kamu sempurnakan bilangan hari puasa dan hendaklah kamu mentakbirkan Allah di atas hidayat yang telah dikurniakan kepada kamu dan supaya kamu bersyukur."(185)

Fardhu Puasa

Allāh S.W.T. mengetahui bahawa pelaksanaan taklif itu merupakan suatu perkara yang mana jiwa manusia memerlukan kepada pertolongan, dorongan dan rangsangan biar bagaimana besar sekalipun hikmat dan faedah yang terkandung di dalam taklif itu hingga jiwa manusia yakin dan merelakannya. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memulakan taklif itu dengan menggunakan seruan yang mesra kepada para Mu'minin, iaitu seruan yang mengingatkan kepada hakikat mereka yang semulajadi, dan selepas seruan itu barulah ia menjelaskan bahawa ibadat puasa itu merupakan satu fardhu yang tua yang diwajibkan ke atas para Mu'minin dalam semua agama, dan matlamat utama dari ibadat itu ialah menyediakan hati mereka untuk diisikan dengan taqwa, perasaan yang jernih hening, kesedaran yang peka dan rasa takut kepada Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana ia diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kamu supaya kamu bertaqwa."(183)

Taqwa Matlamat Agung Ibadat Puasa

Demikianlah ayat ini menonjolkan matlamat agung dari ibadat puasa itu iaitu untuk mencapai taqwa. Taqwa itulah yang bersemarak di dalam hati ketika ia mengerjakan fardhu puasa kerana menjunjung perintah Allah dan mengutamakan keredhaan-Nya. Taqwa itulah yang mengawal hati dari merosakkan ibadat puasa dengan maksiat walaupun maksiat yang berbisik di dalam hati. Orang-orang yang dihadapkan ayat-ayat Al-Qur'an ini kepada mereka memang sedar betapa tingginya maqam taqwa di sisi Allah dan betapa berat timbangannya di dalam neraca Allah. Taqwa itulah matlamat yang ditujukan oleh jiwa mereka, dan ibadat puasa hanya merupakan salah satu alat untuk mencapai taqwa dan salah satu jalan yang menyampaikan kepada taqwa. Oleh sebab itulah ayat ini mengangkatkan taqwa di hadapan mata mereka selaku matlamat yang gemilang yang dituju oleh mereka menerusi ibadat puasa:

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

"Supaya kamu bertaqwa."(183)

Kemudian sebagai langkah yang kedua ia menjelaskan bahawa puasa itu difardhukan pada hari-hari yang tertentu sahaja, bukannya difardhukan sepanjang umur dan sepanjang masa, dan di samping itu orang-orang yang sakit pula dima'afkan dari berpuasa sehingga mereka sihat. Begitu juga orang-orang yang sedang musafir sehingga mereka bermukim. Ini ialah untuk memberi keringanan dan kemudahan kepada mereka:

أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۚ

"(Iaitu berpuasa) pada sebilangan hari yang tertentu. Jika di antara kamu ada yang sakit atau di dalam persafiran (lalu ia berbuka) maka wajiblah ia berpuasa (sebanyak hari yang dibuka) pada hari-hari yang lain."(184)

Sakit Dan Persafiran Yang Mengharuskan Berbuka Puasa

Pengertian sakit dan musafir mengikut zahir nas ini adalah umum dan tidak terbatas. Apa sahaja sakit dan apa sahaja musafir mengharuskan berbuka tetapi wajib diqadha'kannya apabila yang sakit itu sihat dan yang musafir itu bermuqim. Pengertian yang umum ini adalah lebih wajar di dalam memahami nas Al-Qur'an yang mutlak atau umum ini dan ia lebih dekat kepada konsep Islam dalam menghapus-kan kesulitan dan menahan kemudaratan. Jadi, hukum harus berbuka bukannya tertakluk kepada sakit yang berat dan persafiran yang sukar, malah ia tertakluk kepada sebarang sakit dan persafiran umumnya kerana Allah mahu memberi kemudahan kepada manusia bukannya kesulitan. Kita (manusia) tentulah tidak mengetahui segala hikmat Allah yang menggantungkan - secara umum - hukum harus berbuka puasa itu dengan apa sahaja sakit dan persafiran itu. Mungkin di sana terdapat pertimbangan-pertimbangan yang lain yang hanya diketahui oleh Allah dan tidak diketahui oleh manusia mengenai sakit dan persafiran itu. Mungkin di sana ada kesulitan-kesulitan yang lain yang tidak nampak pada masa itu atau tidak ternyata kepada penilaian manusia. Selama Allah tidak menerangkan 'illat hukum itu, maka kita tidak usah menta'wilkannya, malah kita patuh dan ta'at kepada nas-nas itu walaupun hikmatnya tidak ternampak oleh kita kerana di sebalik nas-nas itu tentulah ada hikmat-hikmatnya dan tidak semestinya kita dapat memahaminya.

Tinggal lagi pendapat ini ditakuti ada orang-orang yang akan mengambil rukhsah atau kebenaran berbuka itu dengan cara yang terlalu mudah dan dikhuatirkan ibadat-ibadat itu akan diabaikan oleh manusia dengan sebab-sebab yang amat kecil, dan inilah sebabnya yang mendorong para fuqaha' mengenakan syarat-syarat yang ketat dan berat, tetapi ini -pada hemat saya tidak membolehkan kita menjadikannya sebagai alasan untuk mengadakan ikatan, sekatan atau taqyid dalam hukum-hukum yang dijelaskan oleh nas secara umum, kerana agama tidak menarik manusia kepada keta'atan dengan menggunakan tali-tali rantai, malah ia menarik mereka dengan kesedaran taqwa, sedangkan matlamat utama ibadat puasa ini ialah taqwa. Orang yang cuba melepaskan dirinya dari menunaikan fardhu puasa dengan berlindung di sebalik tabir rukhsah atau kebenaran berbuka adalah orang yang

tidak mempunyai apa-apa kebaikan dari awal-awal lagi, kerana (taqwa yang menjadi) matlamat utama dari penunaian fardhu puasa ini tidak tercapai. Agama ini adalah agama Allah bukannya agama manusia, dan hanya Allah sahaja yang mengetahui kesepaduan agama ini di antara tempat-tempat yang memerlukan diberi kemudahan dan tempat-tempat yang memerlukan dikenakan syarat-syarat yang ketat. Kadang-kadang di sebalik rukhsah terdapat muslihat yang tidak dapat dicapai tanpanya, malah pastilah diberikan rukhsah (kemudahan-kemudahan). Oleh sebab itulah Rasulullah s.a.w. menyuruh orang-orang Islam menggunakan rukhsah yang diberikan Allah kepada mereka. Dan andainya berlaku kerosakan akhlak orang ramai dalam sesuatu generasi manusia, maka cara mengislahkan mereka tidak boleh dilakukan dengan cara mengetat dan memberatkan hukum, malah haruslah dilakukan dengan cara mengislahkan didikan mereka, membaiki hati mereka dan menghidupkan kesedaran taqwa di dalam jiwa mereka. Jika langkah mengenakan hukum-hukum yang ketat dan berat dalam hukum-hukum muamalat itu boleh dijadikan langkah pengubatan yang berkesan dan menjerakan ketika berlaku kerosakan akhlak di kalangan orang ramai, juga boleh menutup pintu kejahatan, namun cara ini tidak boleh dilakukan dalam perkara-perkara ibadat kerana ibadat merupakan suatu perkiraan di antara hamba dengan Allah di mana muslihat-muslihat hamba tidak bergantung secara langsung dengan hukum-hukum ibadat itu seperti bergantungnya muslihat-muslihat mereka dengan hukum-hukum muamalat yang dijaga dan dikawal aspeknya yang lahir, sedangkan aspek yang lahir di dalam amal-amal ibadat itu tidak memberi apa-apa faedah selagi ibadat itu tidak ditegakkan di atas hati yang bertaqwa. Andainya taqwa itu wujud (di dalam hati) maka tiada seorang pun yang akan mengelakkan dirinya (dari menunaikan ibadat) dan tiada seorang pun yang akan menggunakan rukhsah (meninggalkan ibadat) kecuali apabila direlakan oleh hati nuraninya dan dilihatnya sebagai langkah yang lebih baik, iaitu ia merasa bahawa ia dapat melakukan keta'atan kepada Allah dengan menggunakan rukhsah dalam keadaan yang sedang dihadapinya itu. Adapun langkah mengetat dan memberatkan hukum-hukum secara umum dalam bidang amal ibadat atau kecenderungan mengetatkan kebebasan menggun-a-kan rukhsah yang dijelaskan secara umum oleh nas-nas itu kadang-kadang menimbulkan kesulitan dan kesukaran kepada setengah-setengah orang yang sedang berada di dalam kesulitan, dan dalam waktu yang sama tidak memberi banyak faedah kepada orang-orang yang mahu melepaskan diri dari kewajipan-kewajipan ibadat. Yang wajar dalam segala keadaan ialah kita menerima hukum-hukum itu mengikut bagaimana gambaran yang dikehendaki Allah di dalam agama ini, kerana Allah lebih bijaksana dan lebih arif dengan muslihat-muslihat yang jauh dan dekat yang wujud di sebalik hukum-hukum rukhsah dan hukum-hukum 'azimah (kepastian). Inilah intisari huraian dalam pembicaraan ini.

Tinggal lagi kita mahu sebutkan di sini setengah-setengah hadith yang diriwayatkan mengenai beberapa keadaan persafiran, di mana setengah-setengah hadith itu menyuruh berbuka dan setengah-setengah pula tidak melarangkan berpuasa. Himpunan dari hadith-hadith ini menolong kefahaman yang dipegang oleh angkatan as-Salaf as-Soleh mengenai perkara ini sebelum hukum-hukum itu mengambil bentuk kajian fiqhiyah yang rumit di tangan para fuqaha' yang mutakhir. Gambaran perjalanan angkatan salaf ridzwanullah alaihim lebih dinamis dan lebih sebati dengan roh dan tabi'at agama ini dari hasil-hasil kajian fiqhiyah itu. Hidup dengan gambaran kefahaman angkatan salaf dan dalam suasananya menimbulkan di dalam hati satu rasa yang hidup bagi agama ini dan ciri-cirinya.

1. Dari Jabir r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah keluar menuju ke Makkah dalam tahun Penaklukan Makkah di dalam bulan Ramadhan, lalu beliau berpuasa hingga sampai kepada Kura'i al-Ghamim dan orang ramai (para sahabat) pun turut berpuasa. Kemudian beliau meminta semangkuk air lalu beliau mengangkatkannya supaya dilihat oleh orang ramai kemudian beliau terus menegukkan air itu. Selepas itu ada orang memberitahu kepada beliau ada setengah-setengah orang (sahabat) terus berpuasa lalu beliau bersabda:

أولئك العصاة، أولئك العصاة

"Mereka adalah orang-orang. yang melanggar perintah, mereka adalah orang-orang yang melanggar perintah."

(Dikeluarkan oleh Muslim dan at-Tirmizi)

2. Dari Anas r.a. katanya: Kami bersama Nabi s.a.w. dalam satu persafiran, di antara kami ada yang berpuasa dan ada yang berbuka. Kemudian kami berhenti di suatu tempat perhentian pada hari panas terik. Orang yang paling banyak mendapat teduhan ialah orang yang mempunyai kain. Di antara kami ada yang mengadang matahari dengan tangannya menyebabkan orang-orang yang berpuasa rebah dan gugur. dan orang-orang yang berbuka sahaja dapat berdiri lalu mereka mendiri khemah-khemah dan memberi minum kepada para penunggang lalu Nabi bersabda:

ذهب المفطرون اليوم بالأجر

"Orang-orang yang berbuka pada hari ini telah membolot pahala."

(Dikeluarkan al-Bukhari dan Muslim serta an-Nasa'i).

3. Dari Jabir r.a. katanya: Adalah Nabi s.a.w. berada dalam satu persafiran lalu beliau melihat seorang lelaki sedang dikerumuni oleh orang ramai dan dipasangkan peneduh di atasnya, beliau pun bertanya: "Mengapa orang itu?" Jawab mereka: "Seorang lelaki berpuasa" lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda:

ليس من البر الصوم في السفر

"Bukanlah dari keta'atan berpuasa dalam persafiran."

(Dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan an-Nasa'i)

4. Dari Amru ibn Umaiyah al-Dhamri r.a. katanya: Aku datang hendak menemui Rasulullah s.a.w. dari satu persafiran lalu beliau bersabda: Tunggulah makan tengahari wahai Abu Umaiyah. Aku menjawab: "Hamba berpuasa, wahai Rasulullah" beliau pun membalas jika begitu aku hendak terangkan kepadamu hukum orang musafir:

إن الله تعالى وضع عنه الصيام ونصف الصلاة

"Sesungguhnya Allah Ta'ala telah menggugur puasa dari orang yang musafir dan menggugurkan separuh solat".

(Dikeluarkan oleh an-Nasa'i)

5. Dari seorang lelaki dari Bani Abdullah ibn Ka'ab ibn Malik namanya ialah Anas 'ibn Malik katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن الله تعالى وضع شطر الصلاة عن المسافر وأرخص له في الإفطار وأرخص فيه للمرضع والحبلى إذا خافتا على ولديهما

"Sesungguhnya Allah. Ta'ala telah menggugurkan separuh solat dari orang musafir dan membenarkannya berbuka puasa, juga membenarkan berbuka puasa kepada perempuan-perempuan penyusu dan perempuan mengandung apabila kedua-duanya bimbang kepada kesihatan anak-anak mereka."

(Dikeluarkan oleh Ashabus-Sunan)

6. Dari Aisyah r.a. katanya: Hamzah ibn Amru al-Aslami r.a. telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai hukum berpuasa di dalam persafiran (dan dia adalah seorang yang banyak berpuasa) jawab beliau:

إن شئت فصم، وإن شئت فافطر

"Jika engkau suka engkau boleh berpuasa dan jika engkau suka engkau boleh berbuka." (Dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, at-Tirmizi dan an-Nasa'i) dan di dalam satu riwayat yang lain *"dia adalah seorang yang tabah berpuasa."*

7. Dari Anas r.a. katanya: Kami bersama-sama Rasulullah s.a.w. (Dalam satu persafiran) di antara kami ada yang berpuasa dan ada yang berbuka. Orang yang berpuasa mencela orang yang berbuka dan orang yang berbuka tidak mencela orang yang berpuasa (Dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud)

8. Dan dari Abu ad-Darda' r.a. katanya: Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. di dalam bulan Ramadhan dalam panas yang amat terik sehingga seseorang dari kami meletakkan tangan di atas kepalanya kerana terlalu panas dan tiada siapa yang berpuasa di kalangan kami kecuali Rasulullah s.a.w. dan Ibn Rawahah r.a. (Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud).

9. Dan dari Muhammad ibn Ka'ab katanya: "Aku datang menemui Anas ibn Malik r.a. dalam bulan Ramadhan. Dia hendak musafir dan kenderaannya telah disiap sediakan dan dia telah memakai baju musafir. Kemudian dia meminta makanan lalu dia makan, maka aku pun bertanya: Adakah ini sunnah? Jawabnya: Ya. Kemudian dia menaiki kenderaannya" (dikeluarkan oleh at-Tirmizi).

10. Dan dari 'Ubayd ibn Jubayr katanya aku bersama Abu Basrah al-Ghifari sahabat Rasulullah s.a.w. -r.a. - dalam sebuah kapal (yang belayar) dari al-Fustat (Mesir tua) menuju Iskandariah di dalam bulan Ramadhan lalu dia bertolak (dari pelabuhan) kemudian diperdekatkan hidangan makan tengaharinya lalu dia berkata (kepadaku): Marilah dekat makanan ini. Aku pun berkata: Tidakkah anda masih nampak rumah-rumah? (Yakni perjalanan kapal mereka masih dekat dan belum melewati rumah-rumah kediaman bandar itu). Dia jawab: Adakah anda tidak suka kepada sunnah Rasulullah s.a.w.? Lalu dia pun makan dan aku turut makan.[4] (Dikeluarkan oleh Abu Daud).

11. Dan dari Mansur al-Kalbi bahawa Dihyah ibn Khalifah r.a. keluar dari sebuah kampung di Damsyik hingga setakat kampung 'Aqabah dari bandar itu, iaitu sejauh tiga batu di dalam bulan Ramadhan lalu dia pun berbuka dan ramai orang turut berbuka bersamanya dan ramai pula orang yang tidak suka berbuka. Apabila dia pulang ke kampungnya dia pun berkata: "Demi Allah, pada hari ini aku telah melihat suatu perkara yang aku tidak sangka-sangka dapat melihatnya, iaitu ada sekumpulan manusia yang tidak suka kepada sunnah Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya, ya Allah ambillah nyawaku kepada-Mu." (Dikeluarkan oleh Abu Daud).

Hadith-hadith ini pada keseluruhannya menyarankan supaya menerima rukhsah berbuka puasa dalam persafiran dengan lapang dada dan selesa, dan supaya mentarjihkan mengambil rukhsah itu, dan tidak disyaratkan berlakunya kesulitan dan kesukaran untuk mengambil rukhsah itu sebagaimana yang disarankan oleh dua hadith yang terakhir secara khususnya, dan jika hadith yang kelapan menyebutkan hanya Rasulullah s.a.w. seorang sahaja bersama Abdullah bin Rawahah yang terus berpuasa sekali walaupun di sana ada kesulitan dan kesukaran, maka sememangnya Rasulullah s.a.w. itu mempunyai hak-hak keistimewaan di dalam ibadat yang dima'afkan sahabat-sahabat beliau darinya seperti beliau melarang mereka menyambung puasa hari ini

---

4 *Yakni hadith ini menunjukkan bahawa orang yang musafir itu boleh berbuka walaupun perjalanan mereka belum lagi melewati rumah-rumah kediaman di kampung mereka.*

dengan hari esok tanpa berbuka, sedangkan beliau sendiri kadang-kadang menyambung puasa itu dan apabila beliau ditanya oleh sahabat-sahabatnya tentang perkara ini beliau menjawab:

إني لست مثلكم، إني أظل يطعمنى ربي ويسقيني

"Sesungguhnya aku bukan seperti kamu, kerana aku sentiasa diberi makan dan minum oleh Tuhanku."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Yang jelas dari hadith yang pertama ialah beliau berbuka puasa dan mengatakan bahawa orang-orang yang tidak berbuka itu adalah orang-orang yang melanggar perintah. "Mereka adalah orang-orang yang melanggar perintah." Hadith ini adalah sebuah hadith mutakhir pada tahun Pena'lukan Makkah, iaitu hadith yang paling baru di antara hadith-hadith yang lain dan paling jelas menunjukkan kepada arah kefahaman yang terpilih.

Gambaran yang timbul di dalam hati di antara berbagai-bagai gambaran hadith-hadith itu ialah di sana terdapat timbang kira terhadap keadaan-keadaan yang wujud yang memerlukan kepada suatu arahan yang tertentu sebagaimana biasa berlaku di dalam hadith-hadith yang diriwayatkan mengenai satu maudhu' yang umum, di mana kita dapati di dalam hadith-hadith itu berbagai-bagai arahan yang berlainan, ini adalah kerana Rasulullah itu bertugas mengasuh dan mendidik dan beliau menghadapi dengan berbagai-bagai keadaan yang hidup dan beliau tidak sekali-kali menghadapi keadaan-keadaan ini dengan acuan-acuan yang beku.

Tetapi kesan terakhir yang terdetik di dalam hati mengenai hukum berpuasa di dalam persafiran ialah ia digalakkan berbuka tanpa terikat dengan berlakunya kesulitan dan kesukaran. Adapun perkara sakit saya tidak menemui apa-apa keterangan selain dari pendapat-pendapat para fuqaha' sahaja dan mengikut nas yang zahir ia adalah mutlak (umum) iaitu meliputi segala pengidapan yang dapat disifatkan sebagai sakit tanpa menentukan kadar dan jenis kesakitan dan takut bertambah berat, tetapi wajib bagi setiap hari yang dibuka di dalam masa sakit dan dalam persafiran itu diqadha'kan sepenuhnya tanpa disyaratkan mualat (berturut-turut) pada hari-hari qadha' mengikut pendapat yang lebih kuat (arjah).

Saya telah membuat huraian selingan ini bukan dengan tujuan untuk menceburi ke dalam perselisihan-perselisihan fiqhiyah, tetapi untuk menjelaskan satu dasar dalam memahami syi'ar-syi'ar ibadat dan hubungannya yang rapat dengan usaha mewujudkan satu keadaan kesedaran yang menjadi matlamat utamanya. Keadaan kesedaran inilah yang mempengaruhi perilaku orang yang mengerjakan ibadat dan ia juga merupakan tapak asas yang pertama di dalam pendidikan hati nuraninya, kebagusan penunaian amal ibadatnya dan keelokan perilakunya di dalam kehidupan. Ini dari satu segi dan dari satu segi yang lain pula kita harus menerima agama ini sebagaimana yang dikehendaki Allah, iaitu menerimanya dengan seluruh taklifnya dengan penuh keta'atan dan taqwa dan menerimanya dengan segala hukum-hukum azimahnya dan rukhsahnya dengan cara yang sepadu dan selaras dan dengan penuh keyakinan kepada Allah dan kepada hikmat kebijaksanaan-Nya dan dengan perasaan taqwa kepada-Nya.

Kemudian marilah kita kembali menyempurnakan huraian rangkaian ayat:

وَعَلَى ٱلَّذِينَ يُطِيقُونَهُۥ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۖ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُۥ ۚ وَأَن تَصُومُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

"Dan wajib di atas orang-orang yang terdaya berpuasa (tetapi meninggalkan puasa kerana keberatan) membayar fidyah, iaitu memberi makan kepada orang-orang miskin dan barang siapa dengan sukarela memberi makan (melebihi kadar yang ditentukan), maka itulah yang lebih baik baginya. (Namun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (dari membayar fidyah) jika kamu mengetahui."(184)

Sejarah Difardhukan Puasa

Pada mulanya taklif puasa merupakan satu taklif yang menyulitkan orang-orang Islam. Ia difardhukan pada tahun yang kedua Hijrah tidak lama sebelum difardhukan jihad. Oleh kerana itu Allah memberi rukhsah meninggalkan puasa kepada orang yang terdaya berpuasa dengan keberatan. Inilah pengertian dari kata-kata "يطيقونه" iaitu berdaya mengerjakan puasa dengan penuh kesulitan dan keberatan. Allah memberi rukhsah kepada orang ini berbuka puasa serta mewajibkannya memberi makan kepada seorang miskin. Kemudian Allah menggalakkan mereka secara umum memberi makan dengan sukarela kepada orang-orang miskin, iaitu sama ada memberi makan secara sukarela tanpa fidyah atau membanyakkan pemberian makan itu melebihi had fidyah seperti memberi makan kepada dua, tiga atau lebih orang-orang miskin bagi setiap hari dari hari-hari ia meninggalkan puasa di dalam bulan Ramadhan.

فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُۥ ۚ

"Dan barang siapa dengan sukarela memberi makan (melebihi kadar yang ditentukan) maka itulah yang lebih baik baginya."

Kemudian Allah menggalakkan mereka supaya memilih berpuasa walaupun menghadapi kesulitan dan keberatan -selain dari masa persafiran dan sakit:-

وَأَن تَصُومُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

"(Namun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (dari membayar fidyah) jika kamu mengetahui."(184)

kerana di dalam amalan berpuasa dalam keadaan ini terdapat suatu kebaikan. Yang nampak jelas kepada kita ialah puasa itu merupakan satu unsur untuk

mendidik iradat kemahuan dan untuk menguatkan daya ketahanan, juga mengutamakan ibadat kepada Allah dari kerehatan. Semuanya ini merupakan unsur-unsur yang dikehendaki di dalam pendidikan Islamiyah, sebagaimana jelas kepada kita bahawa puasa ini memberi faedah-faedah kesihatan - bagi orang yang tidak sakit - walaupun orang yang berpuasa itu merasa letih-lesu dan sulit.

Walau bagaimanapun perintah ini merupakan langkah pertama ke arah mengangkatkan rukhsah berbuka dari orang yang sihat dan bermukim dan mewajibkan puasa secara menyeluruh sebagaimana akan diterangkan selepas ini. Rukhsah ini dikekalkan kepada orang yang tua yang sulit untuk berpuasa dan tidak dapat diharapkan lagi bahawa ia akan berada dalam satu keadaan yang membolehkannya untuk mengqadha'kan puasa itu. Al-Imam Malik telah mengeluarkan satu riwayat yang menyatakan dia telah menerima cerita bahawa Anas ibn Malik r.a. telah meningkat ke usia yang sangat tua sehingga ia tidak berkuasa berpuasa lalu ia mengeluarkan fidyah. Ujar Ibn Abbas pula: Ayat ini bukannya mansukh, malah ia kekal kepada orang tua lelaki dan perempuan yang tidak berkuasa berpuasa dan bolehlah kedua-duanya memberi makan seorang miskin bagi setiap hari ia berbuka. Dari ibn Abi Laila katanya: Aku masuk menemui 'Ata' di dalam bulan Ramadhan dan ia sedang makan lalu ia berkata: Ibn Abbas berkata: ayat ini turun lalu memansukhkan ayat yang pertama kecuali kepada orang yang sangat tua, maka bolehlah baginya, jika ia suka, memberi makan kepada seorang miskin pada setiap hari dan berbuka. Jadi pemansukhan itu thabit bagi orang yang sihat dan bermukim dengan ayat yang berikut:

فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهۡرَ فَلۡيَصُمۡهُۖ

"Barang siapa di antara kamu yang melihat anak bulan Ramadhan, maka hendaklah ia berpuasa."

Hubungan Puasa Bulan Ramadhan Dengan Turunnya Al-Qur'an

Satu lagi galakan menunaikan fardhu puasa bagi orang yang sihat dan bermukim ialah puasa itu ialah puasa Ramadhan, iaitu bulan diturunkan Al-Qur'an, sama ada dengan pengertian bahawa permulaan turunnya Al-Qur'an itu berlaku di dalam bulan Ramadhan atau dengan pengertian bahawa kebanyakannya diturunkan di dalam bulan-bulan Ramadhan. Al-Qur'an ialah kitab suci umat Mushmin yang kekal. Kitab inilah yang mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kesesatan kepada nur hidayat. Ia membentuk mereka sebegini rupa, menukarkan keadaan mereka dari ketakutan kepada keamanan, dan memberi kepada mereka kedudukan yang kuat di muka bumi, juga memberi mereka asas-asas yang dapat menjadikan mereka satu umat, sedangkan dulunya mereka tidak menjadi apa-apa. Tanpa asas-asas ini mereka tidak dapat menjadi satu umat. Mereka tidak akan mempunyai tempat di muka bumi ini dan tidak akan disebut-sebut di langit. Oleh itu sekurang-kurangnya mereka harus bersyukur terhadap ni'mat AlQur'an ini dengan menyambut perintah berpuasa di bulan turunnya Al-Qur'an itu:

شَهۡرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِيٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلۡقُرۡءَانُ هُدٗى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٖ مِّنَ ٱلۡهُدَىٰ وَٱلۡفُرۡقَانِۚ فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهۡرَ فَلۡيَصُمۡهُۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوۡ عَلَىٰ سَفَرٖ فَعِدَّةٞ مِّنۡ أَيَّامٍ أُخَرَۗ

"(Masa puasa itu ialah) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya Al-Qur'an sebagai hidayat kepada manusia dan sebagai penjelasan-penjelasan yang menerangkan hidayat dan perbezaan antara yang benar dan yang batil. Oleh itu barang siapa di antara kamu melihat anak bulan Ramadhan, maka hendaklah ia berpuasa di bulan itu dan barang siapa yang sakit atau di dalam persafiran, maka wajiblah ia berpuasa (qadha' sebanyak hari yang ditinggalkan itu) pada hari-hari yang lain."

Inilah ayat yang mewajibkan puasa dan memansyuhkan rukhsah berbuka dan fidyah bagi orang yang sihat dan bermukim kecuali bagi orang tua lelaki dan perempuan sebagaimana telah diterangkan sebelum ini:

فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهۡرَ فَلۡيَصُمۡهُۖ

"Barang siapa di antara kamu yang melihat anak bulan Ramadhan, maka hendaklah ia berpuasa."

Hukum Melihat Anak Bulan Ramadhan

Maksudnya sesiapa di antara kamu yang berada di bulan itu dan tidak musafir atau sesiapa di antara kamu yang melihat anak bulan Ramadhan itu dan orang yang yakin melihat anak bulan Ramadhan dengan mana-mana cara yang lain adalah sama seperti orang yang melihatnya sendiri dari segi ia wajib berpuasa pada hari-hari bulan Ramadhan itu.

Oleh kerana kenyataan ini merupakan satu nas yang umum, maka ayat seterusnya mengecualikan orang yang sakit dan orang yang musafir:

وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوۡ عَلَىٰ سَفَرٖ فَعِدَّةٞ مِّنۡ أَيَّامٍ أُخَرَۗ

"Dan barang siapa yang sakit atau di dalam persafiran, maka wajiblah ia berpuasa (qadha' sebanyak hari yang ditinggalkan itu) pada hari-hari yang lain."

Galakan yang ketiga ke arah menunaikan fardhu puasa dan kenyataan rahmat Allah dalam taklif dan rukhsah itu ialah:

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلۡيُسۡرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلۡعُسۡرَ

"Allah mahukan kamu mendapat kemudahan dan tidak mahu kamu menanggung kesulitan."

Ini merupakan dasar agung di dalam taklif-taklif agama ini seluruhnya, iaitu seluruh taklif itu mudah dan tidak ada sebarang kesulitan. Taklif-taklif itu menyarankan kepada hati yang telah mengecapi kemanisannya perasaan mudah dan selesa dalam menjalani kehidupan. Ia menerapkan ke dalam jiwa seseorang Muslim perasaan lapang dada yang tidak dirasa sebarang keberatan dan kerumitan, iaitu perasaan lapang dada yang dapat melaksanakan semua taklif. Semua fardhu dan semua kegiatan hidup yang serius itu dengan selesa seolah-olah seperti air yang mengalir, dan seolah-olah seperti kesuburan pokok yang kian meninggi dengan penuh ketenangan, keyakinan dan kerelaan, di samping sentiasa menghayati perasaan mendapat rahmat Allah dan iradat-Nya yang mahukan kemudahan bukannya kesulitan terhadap para hamba-Nya yang Mu'min.

Hukum Qadha' Puasa Bagi Orang Sakit Atau Dalam Persafiran

Ayat ini mewajibkan puasa ganti ke atas orang yang musafir dan orang yang sakit pada hari-hari yang lain supaya orang yang terpaksa berbuka itu dapat menyempurnakan bilangan hari-hari bulan puasa dan tidak luput pahalanya:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ

"Dan hendaklah kamu sempurnakan bilangan hari puasa."

Berpuasa secara ini merupakan satu ni'mat yang wajar dibalas dengan takbir dan kesyukuran:

وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ 

"Dan hendaklah kamu mentakbirkan Allah di atas hidayat yang telah dikurniakan kepada kamu dan supaya kamu bersyukur."(185)

Inilah salah satu dari matlamat-matlamat fardhu puasa, iaitu supaya orang-orang yang beriman itu dapat menyedari nilai hidayat yang telah ditaklifkan Allah kepada mereka dan mereka akan dapati kesedaran ini di dalam hati mereka dalam masa berpuasa, iaitu lebih banyak dari segala masa yang lain. Hati mereka terhalang dari memikirkan perkara-perkara maksiat dan anggota-anggota mereka tersekat dari melakukan maksiat kerana mereka benar-benar merasa dan menyedari nilai hidayat itu. Kerana itu hendaklah mereka mentakbirkan Allah yang telah menganugerahkan hidayat ini dan hendaklah mereka bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat ini dan seterusnya hendaklah hati mereka kembali kepada Allah dengan keta'atan ini sebagaimana Allah menyebut kenyataan berikut kepada mereka di permulaan pembicaraan mengenai ibadat puasa:

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

"Supaya kamu bertaqwa."(183)

Demikianlah dapat dilihat dengan jelas ni'mat Allah yang wujud di dalam taklif puasa yang pada lahirnya kelihatan menyulit dan memenatkan badan dan jiwa, juga dapat dilihat dengan jelas matlamat pendidikan ibadat puasa dan tujuan di sebalik puasa yang mahu menyediakan kaum Muslimin untuk memainkan peranan mereka yang besar, dan kerana peranan inilah mereka dilahirkan ke dunia supaya mereka melaksanakan peranan itu dengan sempurna di bawah kawalan taqwa, pengamatan Allah dan kepekaan hati nurani mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 186)

Sebelum rangkaian ayat ini meneruskan penerangannya mengenai hukum-hukum yang terperinci tentang masa-masa puasa, had-had meni'mati keni'matan dalam masa puasa dan had-had imsak, kita dapati di sana ia mengemukakan satu isyarat yang mengkagumkan terhadap pedalaman-pedalaman jiwa manusia dan liku-liku rahsia hati mereka. Kita dapati satu ganti rugi yang amat diingini terhadap kesulitan berpuasa dan satu balasan yang segera terhadap sambutan mereka kepada perintah Allah. Kita dapati ganti rugi dan balasan itu terletak pada ni'mat perdampingan mereka dengan Allah dan pada ni'mat keredhaan-Nya memperkenankan do'a mereka. Semuanya itu digambarkan dengan kata-kata yang lemah-lembut, jernih dan indah yang hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang"

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ 

"Apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku (maka jawablah) bahawa Aku sangat hampir kepada mereka) Aku menyambut permohonan orang yang berdo'a apabila ia berdo'a kepada-Ku. Oleh itu hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku supaya mereka mendapat jalan yang benar."(186)

Do'a Dan Kesediaan Allah Memperkenankannya

Yakni Aku sangat hampir dan akan terus memperkenankan setiap yang berdo'a apabila ia berdo'a kepada-Ku........ alangkah lembutnya! Alangkah mesranya! Alangkah halusnya! Dan alangkah ramahnya! Dan di mana lagi letak kesulitan berpuasa dan kepayahan taklif di bawah naungan kemesraan, kehampiran dan keramahan yang seperti ini?

Setiap kata-kata dalam ungkapan seluruh ayat ini membayangkan kelembutan yang amat mesra:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

"Apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku (maka jawablah) bahawa Aku sangat hampir (kepada mereka) Aku menyambut permohonan orang yang berdo'a apabila ia berdo'a kepada-Ku."

Allah menghubungkan kata-kata hamba itu kepada diri-Nya (hamba-hamba-Ku) dan memberi jawapan secara langsung kepada mereka. Dia tidak menjawab: "Katakanlah kepada mereka: Aku amat dekat" malah Dia menjawab dengan zat-Nya Yang Maha Tinggi sendiri kepada mereka sebaik sahaja mereka memohon... Aku amat dekat" dan Dia tidak menjawab: "Aku mendengar do'a mereka" malah dengan segera Dia memperkenankan do'a mereka:

أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

"Aku menyambut permohonan orang yang berdo'a apabila ia berdo'a kepada-Ku."

Ini adalah satu ayat yang amat menarik, satu ayat yang mencurahkan di dalam hati orang yang beriman kelembutan yang manis, kemesraan yang ramah, kerelaan yang tenteram, kepercayaan dan keyakinan, di mana hidupnya seorang Mu'min di bawah keredhaan Ilahi, kehampiran Ilahi yang amat lembut dan di bawah naungan Ilahi yang aman tenteram dan di tempat yang amat teguh.

Dan di bawah bayangan kemesraan, kehampiran dan sambutan do'a yang menarik ini, Allah menyeru hamba-Nya supaya menyahut da'wah-Nya dan beriman kepadanya semoga dengan ini dapat menarik mereka ke arah jalan yang benar, hidayat dan kebaikan.

فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لِى وَلْيُؤْمِنُوا۟ بِى لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

"Oleh itu hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku supaya mereka mendapat jalan yang benar."(186)

Yakni faedah yang terakhir dari sambutan dan keimanan yang akan diperolehi mereka ialah mereka akan mendapat jalan yang benar, hidayat dan kebaikan, kerana Allah Maha Kaya dari semesta alam.

Jalan yang benar yang diciptakan oleh keimanan dan sambutan kepada da'wah Allah itulah jalan hidayat yang benar, kerana agama yang dipilih Allah untuk manusia itulah satu-satunya agama yang menunjukkan ke jalan yang benar dan selain dari agama itu adalah jalan jahiliyah dan kebodohan yang tidak diredhakan oleh orang yang berakal dan tidak akan membawa kepada jalan yang benar. Sambutan perkenan dari Allah terhadap do'a-do'a para hamba-Nya adalah dapat diharapkan apabila mereka menyambut da'wah-Nya dan memilih jalan yang benar. Kewajipan mereka ialah berdo'a dan jangan bersikap gopoh kerana Allah menentukan perkenan-Nya terhadap sesuatu do'a itu pada waktunya yang tepat mengikut penilaian-Nya yang bijaksana.

Abu Daud, at-Tirmizi dan ibn Majah telah mengeluarkan sebuah hadith dari hadith Ibn Maimun dengan isnadnya dari Salman al-Farisi r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

إن الله تعالى ليستحيي أن يبسط العبد إليه يديه يسأله فيهما خيرا فيردهما خائبين

"Sesungguhnya Allah Ta'ala merasa malu andainya seorang hamba menghulurkan kedua tangan kepada-Nya memohon sesuatu kebaikan lalu Dia mengembalikan keduanya dengan keadaan kosong."

Sebuah hadith lagi dikeluarkan oleh at-Tirmizi dari Abdullah ibn Abdul Rahman ad-Darami dengan isnadnya dari Ibn Thauban dan ia diriwayatkan pula oleh Abdullah ibn al-Imam Ahmad dengan isnadnya dari 'Ubadah ibn as-Samit bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

ما على ظهر الأرض من رجل مسلم يدعو الله عزوجل بدعوة إلا آتاه الله إياها، أو كف عنه من السوء مثلها، مالم يدع بإثم أو قطيعة رحم

"Tiada seseorang Muslim di muka bumi ini yang memohon kepada Allah 'Azzawajalla sesuatu permohonan melainkan dikurniakan Allah kepadanya atau dijauhkan sesuatu yang tidak baik darinya selama ia tidak memohon melakukan sesuatu dosa atau pemutusan hubungan rahim."

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

يستجاب لأحدكم ما لم يعجل يقول : دعوت فلم يستجب لي!

"Do'a seseorang dari kamu itu akan diperkenankan Allah selama dia tidak bersikap gopoh dan berkata: Aku telah berdo'a tetapi tidak dimakbulkan."

Tersebut di dalam Sahih Muslim dari Nabi s.a.w. bahawa beliau bersabda:

((لا يزال يستجاب للبعد ما لم يدع بإثم أو قطيعة رحم ما لم يستعجل)) قيل : يا رسول الله وما الاستعجال؟ قال: يقول: قد دعوت وقد دعوت فلم أر يستجاب لي، فيستحسر عند ذلك ويدع الدعاء.

"Allah sentiasa memperkenankan do'a hamba-Nya selama ia tidak memohon melakukan sesuatu dosa atau pemutusan hubungan rahim dan selama ia tidak bersikap gopoh." Lalu ditanyakan kepada beliau: Apakah yang dimaksudkan dengan bersikap gopoh itu? Jawab beliau: "Ia berkata: Aku telah berdo'a, tetapi aku tidak nampak do'aku itu diperkenankan Allah, sampai di sini dia merasa kecewa dan terus meninggalkan do'a."

Do'a Orang Yang Berpuasa Itu Mustajab

Orang yang berpuasa merupakan pendo'a yang paling hampir diperkenankan do'anya sebagaimana telah diriwayatkan oleh al-Imam Abu Daud al-Tayalisi

di dalam musnadnya dengan isnad dari Abdullah ibn 'Umar r.a. katanya aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

للصائم عند إفطاره دعوة مستجابة

"Bagi orang yang berpuasa ketika ia berbuka do'a yang mustajab."

Biasanya Abdullah ibn 'Umar apabila dia berbuka ia memanggil ahlinya dan anaknya lalu dia berdo'a. Ibn Majah juga telah meriwayatkan sebuah hadith dalam sunannya dengan isnadnya dari Abdullah ibn 'Umar juga katanya: Sabda Nabi s.a.w.:

إن للصائم عند فطره دعوة ما ترد

"Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa ketika ia berbuka do'a yang tidak ditolakkan Allah."

Di dalam musnad al-Imam Ahmad dan Sunan at-Tirmizi, an-Nasa'i dan Ibn Majah daripada Abu Hurayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah:

ثلاثة لا ترد دعوتهم، الإمام العادل، والصائم حتى يفطر،
ودعوة المظلوم يرفعها الله دون الغمام يوم القيامة، وتفتح
لها أبواب السماء، ويقول: بعزتي لأنصرنك ولو بعد حين.

"Tiga orang yang tidak ditolak do'a mereka, iaitu pemerintah yang adil, orang yang puasa sehingga ia berbuka dan do'a orang yang dianiayai yang mana do'anya diangkatkan Allah di bawah awan pada hari Qiamat dan dibuka kepadanya pintu-pintu langit dan Allah berfirman kepadanya: Demi kemuliaan-Ku Aku tetap menolongmu walaupun lepas seketika."

Oleh sebab itulah persoalan do'a ini disebut di celah pembicaraan puasa.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 187)

Kemudian rangkaian ayat ini terus menghuraikan kepada orang-orang Mu'min beberapa hukum puasa. Ia menjelaskan kepada mereka hukum halal mengadakan hubungan kelamin dengan isteri-isteri mereka di malam puasa di antara waktu Maghrib dan fajar, dan hukum halal makan minum di waktu itu, di samping menjelaskan masa-masa puasa dari waktu fajar hingga waktu terbenamnya matahari, juga menyatakan hukum mengadakan hubungan kelamin dalam tempoh i'tikaf di masjid-masjid:

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ ٱلصِّيَامِ ٱلرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَآئِكُمْ ۚ
هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ ۗ عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمْ
كُنتُمْ تَخْتَانُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ
وَعَفَا عَنكُمْ ۖ فَٱلْـَٔـٰنَ بَـٰشِرُوهُنَّ وَٱبْتَغُوا۟ مَا كَتَبَ
ٱللَّهُ لَكُمْ ۚ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ
ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ ۖ
ثُمَّ أَتِمُّوا۟ ٱلصِّيَامَ إِلَى ٱلَّيْلِ ۚ وَلَا تُبَـٰشِرُوهُنَّ وَأَنتُمْ
عَـٰكِفُونَ فِى ٱلْمَسَـٰجِدِ ۗ تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا ۗ
كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ ءَايَـٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

"Dihalalkan kepada kamu mengadakan hubungan kelamin dengan isteri-isteri kamu pada malam puasa. Mereka adalah pakaian kamu dan kamu adalah pakaian mereka. Allah telah mengetahui bahawa kamu telah mengkhianati diri kamu lalu Dia menerima taubat kamu dan mema'afkan kesalahan kamu. Maka sekarang lakukanlah hubungan kelamin dengan mereka dan carilah keni'matan yang telah ditetapkan Allah untuk kamu. Dan makan minumlah kamu sehingga jelas kelihatan kepada kamu benang yang putih (cahaya siang) dari benang yang hitam (kegelapan malam) dari cahaya fajar, kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga malam dan janganlah kamu mengadakan hubungan kelamin dengan mereka dalam masa kamu beri'tikaf di dalam masjid. Itulah batas-batas yang telah ditetapkan Allah. Oleh itu janganlah kamu dekatinya. Demikianlah Allah menjelaskan pengajaran pengajarannya kepada manusia supaya mereka bertaqwa."(187)

Hukum Hubungan Kelamin Di Malam Puasa

Pada permulaan difadhukan ibadat puasa, hubungan kelamin, makan dan minum adalah ditegah jika orang yang berpuasa itu tidur selepas berbuka. Apabila ia jaga dari tidurnya di waktu malam - walaupun sebelum fajar -maka ia tidak dihalal melakukan hubungan kelamin, juga tidak dihalalkan makan dan minum. Pernah terjadi setengah-setengah sahabat tidak mendapat apa-apa makanan pada isterinya di waktu berbuka lalu ia terus tertidur kemudian apabila ia jaga maka ia tidak dihalalkan makan dan minum lalu ia terus menyambung puasanya, kemudian ia menjadi lesu pada hari siang yang berikut dan ceritanya sampai kepada Nabi s.a.w. Begitu juga pernah terjadi bahawa setengah-setengah sahabat tidur selepas berbuka atau isterinya tidur, kemudian dia dapati dalam hatinya keinginan kepada hubungan kelamin lalu dia melakukannya dan cerita ini juga sampai kepada Nabi s.a.w. Di sini nampak jelas kesulitan kaum Muslimin dalam melaksanakan taklif puasa, lalu Allah kembalikan mereka kepada kemudahan, dan pengalaman mereka sendiri telah tersemat di dalam hati mereka supaya mereka dapat merasakan nilai kemudahan itu dan sejauh mana limpah rahmat dan perkenan Allah terhadap mereka. Kemudian ayat yang berikut turun (membawa kenyataan) menghalalkan hubungan kelamin dalam masa di antara Maghrib dan fajar:

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ ٱلصِّيَامِ ٱلرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَآئِكُمْ ۚ

"Dihalalkan kepada kamu mengadakan hubungan kelamin dengan isteri-isteri kamu pada malam puasa."

Dimaksudkan dengan kata-kata "الرفث" ialah muqaddimah-muqaddimah hubungan kelamin atau

hubungan kelamin itu sendiri. Kedua-duanya diharuskan dan dimaksudkan di sini. Tetapi Al-Qur'an tidak menyentuh pengertian ini tanpa memberi suatu sentuhan yang lembut dan mesra yang membuat hubungan suami isteri itu jernih, lemah-lembut dan mesra dan menjauhkan dari kekasaran pengertian hubungan kelamin haiwaniyah yang lahap dan rakus dan menimbulkan pengertian ketertutupan dalam mengadakan hubungan itu:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

"Mereka adalah pakaian kamu dan kamu adalah pakaian mereka."

Jika sifat pakaian itu ialah menutup dan melindung, maka begitulah juga sifat hubungan di antara suami isteri. Kedua-duanya saling menutup dan melindung satu sama lain. Agama Islam yang menangani makhluk insan ini dengan segala realitinya, dan bersetuju dengan struktur kejadian dan fitrahnya yang ada dan berusaha membimbingnya ke tahap ketinggian dengan keseluruhan dirinya...... agama Islam dengan pandangan yang demikian rupa dapat melayani keinginan daging dan darah mereka dan memberi hembusan bayu yang sepoi bahasa kepada keinginan itu dalam waktu yang sama menutupinya dengan kain yang lemah-lembut ini.

(Ayat yang berikut) mendedahkan perasaan-perasaan mereka yang tersembunyi ketika ia memperlihatkan limpah rahmat-Nya kepada mereka, iaitu dengan memperkenankan mereka memenuhi keinginan semulajadi mereka:

عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمْ كُنتُمْ تَخْتَانُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنكُمْ

"Allah telah mengetahui bahawa kamu telah mengkhianati diri kamu lalu Dia menerima taubat kamu dan mema'afkan kesalahan kamu."

Pengkhianatan terhadap diri sendiri yang diceritakan oleh ayat ini ialah dalam bentuk dorongan nafsu kelamin yang tertahan dan keinginan syahwat yang tertekan, atau dalam bentuk perbuatan hubungan kelamin itu sendiri kerana mengikut keterangan hadith ada setengah-setengah sahabat telah melakukan hubungan kelamin dan kedua-duanya telah dima'afkan Allah kepada mereka sejak terbuktinya kelemahan mereka dan sejak ia diketahui oleh Allah. Lalu Allah menghalalkan kepada mereka perbuatan yang telah mereka khianati diri mereka dengannya:

فَٱلْـَٔـٰنَ بَـٰشِرُوهُنَّ

"Maka sekarang lakukanlah hubungan kelamin dengan mereka."

Tetapi penghalalan atau pengharusan ini tidak dibiarkan tanpa dihubungkaitkan dengan Allah dan tanpa diarahkan hati melakukan kegiatan ini kerana Allah juga:

وَٱبْتَغُوا۟ مَا كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمْ

"Dan carilah keni'matan yang telah ditetapkan Allah untuk kamu."

Maksudnya carilah keni'matan yang telah ditetapkan Allah kepada kamu, iaitu keni'matan bersuka-suka dengan perempuan dan keni'matan mendapat zuriat keturunan sebagai hasil dari hubungan kelamin. Kedua-duanya dari urusan Allah dan dari keni'matan yang dikurniakan Allah kepada kamu. Dari keharusan ni'mat-ni'mat ini, maka ia dihalalkan kepada kamu mencarinya, dan ni'mat-ni'mat ini berhubung rapat dengan Allah kerana ia dari limpah kurnia-Nya, dan di sebalik ni'mat ini ada hikmatnya, dan ni'mat ini dalam perhitungan Allah mempunyai matlamatnya. Ia bukannya merupakan semata-mata dorongan keinginan nafsu haiwan yang berhubung dengan jasad sahaja dan terpisah dari ufuk yang tertinggi yang ditujukan oleh semua kegiatan.

Demikianlah hubungan kelamin di antara suami dan isteri ini mempunyai pertalian dengan matlamat yang lebih besar dari keduanya dan dengan ufuk yang lebih tinggi dari bumi dan dari sa'at-sa'at keni'matan yang dirasai keduanya. Dan dengan ini hubungan ini menjadi bersih, halus dan luhur. Dari hasil kajian terhadap saranan-saranan yang seperti ini yang terdapat di dalam arahan Al-Qur'an dan kefahaman Islam dapatlah kita memahami nilai usaha Islam yang berhasil dan bijaksana yang dilakukannya untuk meningkat dan memajukan manusia mengikut batas-batas fitrahnya, daya tenaga dan tabi'at kejadiannya. Inilah methodologi Islamiyah untuk mendidik, meningkat dan memajukan manusia, iaitu methodologi yang keluar dari qudrat Allah Yang Maha Arif dengan makhluk yang diciptakan-Nya dan Maha Seni dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

Sebagaimana Dia mengharuskan hubungan kelamin, maka dalam waktu yang sama juga Dia mengharuskan makan dan minum:

وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ

"Dan makan dan minumlah kamu sehingga jelas kelihatan kepada kamu benang yang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam) dari cahaya fajar."

Masa Imsak

Yakni sehingga cahaya memancar di kaki langit dan kemuncak-kemuncak bukit, bukannya kelahiran benang-benang cahaya putih di langit yang dinamakan sebagai fajar dusta (kazib). Berdasarkan riwayat-riwayat yang datang mengenai penentuan

waktu imsak dapatlah kita simpulkan bahawa waktu itu ialah terdahulu sedikit dari naiknya matahari. Amalan imsak kita sekarang ialah mengikut waktu-waktu yang lumrah di negeri kita dan waktu ini terdahulu sedikit dari waktu imsak syari'i mungkin untuk menambahkan langkah lebih selamat.

Ujar Ibn Jarir dengan isnadnya dari Samurah ibn Jundub katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يغرنكم نداء بلال وهذا البياض حتى ينفجر الفجر أو يطلع الفجر.

"Janganlah kamu terkeliru dengan azan Bilal dan cahaya cerah ini (cahaya fajar kazib) sehingga fajar menyingsing atau naik cahaya fajar."

Kemudian dia meriwayatkan pula dari hadith Syu'bah dan lainnya dari Sawad ibn Hanzalah dari Samurah katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يمنعكم من سحور كم أذان بلال ولا الفجر المستطيل ولكنه الفجر المستطير فى الأفق.

"Janganlah sahur kamu ditegahkan oleh azan Bilal dan tidak pula oleh fajar yang membujur panjang tetapi (yang menegahkan kamu makan) ialah fajar yang menyingsing luas di kaki langit."

Kelahiran fajar yang menyingsing luas di kaki langit itu terdahulu sedikit dari waktu naik matahari. Bilal r.a. melakukan azan di awal waktu itu untuk menggerakkan orang-orang yang tidur, dan Ibn Ummi Maktum melakukan azan di akhir waktu untuk mengingatkan waktu imsak. Inilah maksud isyarat hadith kepada azan Bilal.

Hukum Hubungan Kelamin Dalam Masa I'tikaf

Kemudian ayat yang berikut menyebut hukum hubungan kelamin dalam tempoh i'tikaf di masjid-masjid. Erti i'tikaf ialah bersunyi diri di masjid kerana Allah dan tidak pulang ke rumah melainkan membuang air atau kerana keperluan makan dan minum. Ia digalakkan pada hari-hari akhir Ramadhan, dan mengikut sunah Rasulullah s.a.w. ia dilakukan pada hari sepuluh terakhir dari bulan Ramadhan -ia merupakan tempoh menumpukan diri kepada Allah. Oleh sebab itulah ditegahkan melakukan hubungan kelamin dalam masa i'tikaf untuk mencapai penumpuan yang sempurna, di mana hati seseorang bebas dari segala sesuatu yang lain dan bersih dari segala gangguan yang lain:

وَلَا تُبَٰشِرُوهُنَّ وَأَنتُمْ عَٰكِفُونَ فِي ٱلْمَسَٰجِدِ

"Dan janganlah kamu mengadakan hubungan kelamin dengan mereka dalam masa kamu beri'tikaf di dalam masjid."

Iaitu sama ada dalam tempoh imsak dan dalam tempoh berbuka.

Dan di penghabisan ayat ini segala perkara dihubungkan dengan Allah mengikut cara Al-Qur'an dalam membimbing setiap kegiatan dan penahanan diri, setiap perintah dan larangan, setiap harakat dan diam.

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا

"Itulah batas-batas yang telah ditetapkan Allah. Oleh itu janganlah kamu dekatinya."

Di sini dilarang mendekati batas-batas itu supaya di sana ada kawasan selamat, kerana sesiapa yang suka merayau di kawasan larangan, lambat laun ia akan termasuk di dalamnya. Seseorang itu tidak berdaya mengawal dirinya setiap waktu. Oleh itu adalah lebih wajar kepadanya jangan mendedahkan dirinya kepada ujian dengan mendekati perkara-perkara larangan yang digemari nafsunya kerana percaya bahawa dia dapat mencegahkan dirinya apabila dia mahu. Oleh sebab bidang ini ialah bidang mengawal nafsu keinginan yang lazat dan digemari, maka Allah memerintah:

فَلَا تَقْرَبُوهَا

"Oleh itu janganlah kamu dekatinya."

Yang dimaksudkan di sini ialah hubungan kelamin bukannya semata-mata mendekati, tetapi larangan yang dibuat sedemikian ini mempunyai saranannya yang melahirkan perasaan segan dan kesedaran taqwa:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

"Demikianlah Allah menjelaskan pengajaran-pengajarannya kepada manusia supaya mereka bertaqwa."(187)

Demikianlah ayat ini menerangkan taqwa itu sebagai matlamat penjelasan Allah terhadap pengajaran-pengajaran-Nya supaya dapat dicapai oleh mereka. Itulah satu matlamat yang amat besar dan orang-orang yang dapat memahami nilainya ialah para Mu'minin yang dihadapkan dengan Al-Qur'an ini pada setiap masa.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 188)

Larangan Memakan Harta Orang Lain Secara Tidak Sebenar

Di bawah bayangan pembicaraan ibadat puasa dan pembicaraan menahan diri dari makan dan minum dikemukakan pula satu amaran dari jenis makan yang lain, iaitu makan harta orang lain secara yang tidak sebenar dengan perantaraan berguam di hadapan hakim-hakim berdasarkan penipuan bukti-bukti dan fakta-fakta dan memutar-belitkan perkataan dan alasan ini menyebabkan hakim menjatuhkan hukuman mengikut alasan yang ternampak kepadanya, sedangkan hakikat yang sebenar bukan seperti yang ternampak kepadanya. Amaran ini dikemukakan selepas menyebut batas-batas Allah dan menyeru bertaqwa kepada-Nya supaya amaran ini dibayangi suasana takut yang mencegahkan seseorang dari melanggar larangan-larangan Allah:

وَلَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ وَتُدۡلُواْ
بِهَآ إِلَى ٱلۡحُكَّامِ لِتَأۡكُلُواْ فَرِيقٗا مِّنۡ أَمۡوَٰلِ
ٱلنَّاسِ بِٱلۡإِثۡمِ وَأَنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١٨٨

"Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan cara yang tidak sebenar dan janganlah kamu membawa kes-kes harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui."(188)

Ibn Kathir ketika mentafsirkan ayat ini telah menyebut: "Ujar Ali ibn Abi Talhah dari Ibn Abbas: Ayat ini mengenai seorang yang menanggung hak harta (orang lain) tetapi tidak ada bukti atau kesaksian yang terang yang boleh dithabitkan ke atasnya lalu dia ingkarkan hak harta itu dan berguam di hadapan hakim-hakim sedangkan dia tahu bahawa dia sebenarnya menanggung hak harta itu dan sedar bahawa dia berdosa memakan harta haram. Demikian juga diriwayatkan dari Mujahid, Said ibn Jubayr, 'Ikrimah, al-Hasan, Qatadah, as-Suddi, Muqatil ibn Hayan dan Abdul Rahman ibn Zaid ibn Aslam, mereka berkata: Janganlah engkau berguam sedangkan engkau tahu bahawa engkaulah pihak yang zalim. Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari Ummu Salamah bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إنما أنا بشر، وأنما يأتيني الخصم فلعل بعضكم أن يكون
ألحن بحجته من بعض فأقضي له ، فمن قضيت له بحق
مسلم فإنما هي قطعة من نار، فليحملها أو ليذرها

"Aku hanya seorang manusia dan aku hanya didatangi oleh orang-orang yang berguam dan mungkin setengah kamu lebih pintar mengeluarkan hujahnya dari setengah yang lain lalu aku menjatuhkan hukuman yang memberi kemenangan kepadanya. Oleh itu sesiapa yang aku telah jatuhkan hukuman yang memberi kemenangan kepadanya yang merugikan hak seseorang Muslim, maka sesungguhnya itulah sepotong api Neraka. Maka hendaklah ia tanggungkannya atau meninggalkannya."

Hukum Hakim Tidak Dapat Menghalalkan Yang Haram Dan Tidak Dapat Mengharamkan Yang Halal

Demikianlah Al-Qur'an meninggalkan mereka kepada hakikat yang sebenar yang diketahui oleh mereka sendiri dari dakwaan mereka. Hukuman hakim tidak dapat menghalalkan yang haram dan tidak dapat mengharamkan yang halal. Hukuman itu hanya memberi kuatkuasa pada lahir sahaja, sedangkan dosanya dibebankan ke atas orang yang membuat penipuan itu.

Dan demikianlah juga Al-Qur'an menghubungkan urusan guaman dan urusan harta itu dengan semangat taqwa kepada Allah sebagaimana ia telah hubungkan dengannya dalam peraturan qisas, peraturan wasiat dan peraturan puasa. Semuanya itu merupakan bahagian-bahagian yang sepadu dan selaras dalam tubuh sistem hidup Ilahi yang sempurna. Semuanya diikat pada simpulan tali taqwa yang mengikatkan seluruh bahagian sistem hidup itu. Oleh sebab itulah sistem hidup Ilahi merupakan satu unit yang tidak bercerai-berai dan berbelah-bagi. Ia menjadikan perbuatan meninggalkan sebahagian dari bahagian sistem itu dan mengamalkan sebahagiannya sahaja sebagai perbuatan percaya kepada sebahagian dari kitab Allah dan mengingkarkan sebahagian yang lain. Pada akhirnya ia akan berakhir kepada kekufuran yang total.Wal'iyaazubillah.

(Kumpulan ayat-ayat 189 - 203)

يَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلۡأَهِلَّةِۖ قُلۡ هِيَ مَوَٰقِيتُ لِلنَّاسِ
وَٱلۡحَجِّۗ وَلَيۡسَ ٱلۡبِرُّ بِأَن تَأۡتُواْ ٱلۡبُيُوتَ مِن ظُهُورِهَا
وَلَٰكِنَّ ٱلۡبِرَّ مَنِ ٱتَّقَىٰۗ وَأۡتُواْ ٱلۡبُيُوتَ مِنۡ
أَبۡوَٰبِهَاۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ١٨٩
وَقَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمۡ وَلَا
تَعۡتَدُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُعۡتَدِينَ ١٩٠
وَٱقۡتُلُوهُمۡ حَيۡثُ ثَقِفۡتُمُوهُمۡ وَأَخۡرِجُوهُم مِّنۡ حَيۡثُ أَخۡرَجُوكُمۡۚ
وَٱلۡفِتۡنَةُ أَشَدُّ مِنَ ٱلۡقَتۡلِۚ وَلَا تُقَٰتِلُوهُمۡ عِندَ ٱلۡمَسۡجِدِ
ٱلۡحَرَامِ حَتَّىٰ يُقَٰتِلُوكُمۡ فِيهِۖ فَإِن قَٰتَلُوكُمۡ فَٱقۡتُلُوهُمۡۗ كَذَٰلِكَ جَزَآءُ
ٱلۡكَٰفِرِينَ ١٩١
فَإِنِ ٱنتَهَوۡاْ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١٩٢
وَقَٰتِلُوهُمۡ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتۡنَةٞ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِۖ فَإِنِ
ٱنتَهَوۡاْ فَلَا عُدۡوَٰنَ إِلَّا عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ١٩٣
ٱلشَّهۡرُ ٱلۡحَرَامُ بِٱلشَّهۡرِ ٱلۡحَرَامِ وَٱلۡحُرُمَٰتُ قِصَاصٞۚ فَمَنِ
ٱعۡتَدَىٰ عَلَيۡكُمۡ فَٱعۡتَدُواْ عَلَيۡهِ بِمِثۡلِ مَا ٱعۡتَدَىٰ
عَلَيۡكُمۡۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلۡمُتَّقِينَ ١٩٤
وَأَنفِقُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلۡقُواْ بِأَيۡدِيكُمۡ إِلَى ٱلتَّهۡلُكَةِ
وَأَحۡسِنُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٩٥

وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۚ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ
مِنَ ٱلْهَدْىِ ۖ وَلَا تَحْلِقُوا۟ رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ ٱلْهَدْىُ مَحِلَّهُۥ ۚ
فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ بِهِۦٓ أَذًى مِّن رَّأْسِهِۦ فَفِدْيَةٌ مِّن
صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَمَن تَمَتَّعَ بِٱلْعُمْرَةِ إِلَى
ٱلْحَجِّ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ مِنَ ٱلْهَدْىِ ۚ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ
أَيَّامٍ فِى ٱلْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۗ تِلْكَ عَشَرَةٌ كَامِلَةٌ ۗ ذَٰلِكَ
لِمَن لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُۥ حَاضِرِى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ١٩٦

ٱلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَٰتٌ ۚ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ
ٱلْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِى ٱلْحَجِّ ۗ
وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ ۗ وَتَزَوَّدُوا۟
فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُونِ يَٰٓأُو۟لِى
ٱلْأَلْبَٰبِ ١٩٧

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا
مِّن رَّبِّكُمْ ۚ فَإِذَآ أَفَضْتُم مِّنْ عَرَفَٰتٍ
فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ عِندَ ٱلْمَشْعَرِ ٱلْحَرَامِ ۖ
وَٱذْكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمْ وَإِن كُنتُم
مِّن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ١٩٨

ثُمَّ أَفِيضُوا۟ مِنْ حَيْثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ
وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٩٩

فَإِذَا قَضَيْتُم مَّنَٰسِكَكُمْ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَذِكْرِكُمْ
ءَابَآءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا ۗ فَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن
يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا وَمَا لَهُۥ فِى
ٱلْءَاخِرَةِ مِنْ خَلَٰقٍ ٢٠٠

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١

أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا۟ ۚ وَٱللَّهُ
سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ٢٠٢

وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ فِىٓ أَيَّامٍ مَّعْدُودَٰتٍ ۚ فَمَن تَعَجَّلَ
فِى يَوْمَيْنِ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَن تَأَخَّرَ فَلَآ إِثْمَ
عَلَيْهِ ۚ لِمَنِ ٱتَّقَىٰ ۗ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ
إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ٢٠٣

"Mereka bertanya kepadamu tentang anak-anak bulan. Katakanlah! Ia adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan bagi ibadat haji dan kebaktian itu bukanlah memasuki rumah-rumah dari belakangnya, tetapi kebaktian itu ialah mereka yang bertaqwa dan memasukki rumah-rumah dari pintunya dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan(189). Dan hendaklah kamu memerangi demi Sabilullah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang menceroboh(190). Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu jumpai mereka dan usirlah dari tempat yang telah mereka mengusirkan kamu dan fitnah (penindasan) itu lebih buruk dari pembunuhan, dan janganlah kamu memerangi mereka di kawasan-kawasan Masjidil-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ. Oleh itu jika mereka memerangi kamu di situ, maka perangilah mereka. Demikianlah balasan terhadap orang-orang yang kafir(191). Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(192). Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah (penindasan) dan jadilah agama itu untuk Allah semata-mata, kemudian jika mereka berhenti, maka tidak ada pencerobohan lagi kecuali terhadap orang-orang yang zalim(193). Pencabulan di bulan haram dibalas dengan pencabulan di bulan haram dan pencabulan terhadap perkara-perkara yang suci itu dibalas dengan balasan yang setimpal. Oleh itu sesiapa yang menceroboh kamu maka balaslah dengan pencerobohan yang setimpal dengan pencerobohan mereka terhadap kamu dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah itu bersama orang-orang yang bertaqwa(194). Dan belanjakanlah harta kekayaan kamu untuk Sabilullah dan janganlah kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dan lakukanlah amalan yang baik sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan amalan baik(195). Dan hendaklah kamu sempurnakan ibadat haji dan umrah dengan ikhlas kerana Allah dan jika kamu dihalangi dari menyempurnakannya, maka bolehlah kamu (bertahallul dengan) menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati dan janganlah kamu mencukurkan kepala kamu sehingga binatang korban itu sampai ke tempat penyembelihannya dan jika di antara kamu ada yang sakit atau mendapat gangguan yang menyakiti di kepalanya lalu ia bercukur, maka wajiblah ia membayar fidyah dengan berpuasa atau bersedekah atau menyembelih korban, dan

jika kamu berada dalam keadaan aman, maka sesiapa yang ingin meni'mati kesenangan mengerjakan umrah sebelum haji (dalam bulan haji), maka wajiblah ia menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati dan sesiapa yang tidak boleh mendapat binatang korban, maka hendaklah kamu berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari lagi setelah kamu pulang (ke tempat kamu) itulah sepuluh hari genap berpuasa. Kewajipan itu adalah bagi orang yang tidak menetap di sekitar Masjidil-Haram (Makkah) dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah amat berat balasan seksanya(196). Masa untuk mengerjakan haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh itu sesiapa yang telah menetapkan niatnya hendak mengerjakan haji dalam bulan-bulan itu, maka tidak dibenar mengeluarkan kata-kata seks, membuat maksiat, melakukan sebarang pertengkaran dalam masa mengerjakan haji. Dan apa sahaja kebajikan yang dilakukan kamu adalah diketahui Allah dan hendaklah kamu mengadakan bekalan, dan sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal(197). Tidak menjadi apa-apa kesalahan bagi kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan berniaga). Kemudian apabila kamu bertolak dari Padang 'Arafah ke Muzdarifah maka hendaklah kamu berzikir kepada Allah (dengan do'a dan talbiyah) di al-Masy'aril-Haram dan berzikirlah kepada-Nya sebagaimana Ia telah memberi hidayat kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk dalam golongan orang-orang yang sesat(198). Kemudian hendaklah kamu bertolak dari ('Arafah) tempat bertolaknya sekalian orang dan pohonlah keampunan dari Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang(199). Apabila kamu selesai menunaikan ibadat haji kamu maka hendaklah kamu menyebut-nyebut (kebesaran) Allah sebagaimana kamu menyebut-nyebutkan (kemegahan) datuk nenek kamu atau lebih banyak dari itu lagi. Di antara manusia terdapat orang-orang yang hanya berdo'a: Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia" sedangkan di Akhirat ia tidak mendapat sebarang habuan(200). Dan di antara mereka terdapat pula orang-orang yang berdo'a: 'Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebajikan di dunia dan kebajikan di Akhirat dan lindungkan kami dari 'azab Neraka'(201). Mereka akan memperolehi habuan yang baik dari amalan yang dilakukan mereka dan sesungguhnya Allah amat cepat hisabnya(202). Dan berzikirlah kepada Allah pada hari-hari yang tertentu dan sesiapa yang segera meninggalkan Mina pada hari yang kedua, maka tidak ada apa-apa dosa ke atasnya dan sesiapa yang lambat meninggalkan Mina tidak ada apa-apa dosa ke atasnya bagi mereka yang bertaqwa dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu akan dikumpulkan kepadanya"(203).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini sama dengan pelajaran yang telah lepas. Ia merupakan huraian selingan untuk menjelaskan kewajipan-kewajipan dan taklif-taklif yang dikenakan ke atas umat Muslimin, juga menjelaskan peraturan hidup mereka, peraturan-peraturan syari'at mereka yang menyangkut hubungan sesama mereka dan peraturan syari'at mereka yang menyangkut umat-umat yang lain yang ada di sekeliling mereka.

Pelajaran ini mengandungi penerangan tentang anak bulan di samping mengandungi pembetulan terhadap adat jahiliyah yang memasuki rumah dari belakang bukan dari pintunya yang biasa di dalam beberapa keadaan yang tertentu. Kemudian diiringi dengan penerangan mengenai hukum-hukum peperangan yang am dan hukum-hukum berperang di dalam bulan-bulan haram terutama di kawasan Masjidil-Haram. Pada akhirnya dikemukakan penerangan mengenai syi'ar-syi'ar atau peraturan-peraturan ibadat haji dan umrah sebagaimana yang ditetap dan dibersihkan oleh Islam, di mana ia telah mengubahkan segala sesuatu yang ada hubungan dengan kepercayaan jahiliyah.

Demikianlah kita melihat di sini - sebagaimana kita telah melihat di dalam pelajaran yang telah lepas - hukum-hukum yang ada hubungan dengan kefahaman dan kepercayaan, hukum-hukum yang ada hubungan dengan syi'ar-syi'ar atau peraturan-peraturan ibadat dan hukum-hukum yang ada kaitan dengan peperangan. Semuanya terkumpul di dalam satu lingkungan sahaja dan semuanya diiringi dengan kata-kata kesimpulan yang mengingatkan kepada Allah dan bertaqwa kepada-Nya.

Dalam pembicaraan memasuki rumah dari belakangnya diiringi dengan kenyataan yang membetulkan konsep kebaktian, iaitu kebaktian itu bukannya terletak dalam gerak langkah yang zahir malah terletak pada taqwa:

وَلَيْسَ ٱلْبِرُّ بِأَن تَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِن ظُهُورِهَا وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنِ ٱتَّقَىٰ ۗ وَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَٰبِهَا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

"Kebaktian itu bukanlah memasuki rumah-rumah dari belakangnya, tetapi kebaktian itu ialah mereka yang bertaqwa dan memasuki rumah-rumah dari pintunya dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan."(189)

Mengenai peperangan pada umumnya mereka diarah supaya jangan melakukan pencerobohan dan menghubung-kan arahan ini dengan kasih dan kebencian Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

"Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang menceroboh."(190)

Mengenai perbuatan berperang di dalam bulan haram, ia diiringi dengan kenyataan supaya mereka bertaqwa kepada Allah:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

"Dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah itu bersama-sama orang-orang yang bertaqwa."(194)

Mengenai infaq ia diiringi dengan kenyataan bahawa Allah mencintai orang-orang yang melakukan amalan ihsan:

وَأَحْسِنُوٓا۟ ۛ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

"Dan lakukanlah amalan yang baik sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan amalan yang baik."(195)

Ketika memberi kata kesimpulan mengenai setengah-setengah peraturan ibadat haji, Allah berfirman:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah amat berat balasan seksanya."(196)

Dan dalam satu kesimpulan yang lain ketika menjelaskan waktu-waktu haji dan larangan bercampur dan bercumbu-cumbuan ketika mengerjakan ibadat haji, larangan melanggar peraturan-peraturan haji dan larangan bertengkar, Allah berfirman:

وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ
يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿١٩٧﴾

"Dan hendaklah kamu mengadakan bekalan dan sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal."(197)

Sehingga ketika mengarah manusia supaya berzikir kepada Allah selepas mengerjakan haji dikemukakan kata-kata kesimpulan:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

"Dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu dikumpulkan kepada-Nya."(203)

Demikianlah kita dapati semua perkara ini berhubung rapat satu sama lain, iaitu hubungan yang terbit dari tabi'at agama ini, di mana peraturan-peraturan ibadat tidak terpisah dari perasaan-perasaan hati dan dari peraturan-peraturan dan undang-undangnya. Agama ini tidak menjadi betul dan teguh kecuali ia merangkumi segala urusan dunia dan segala urusan Akhirat, dan merangkumi segala urusan hati dan segala urusan hubungan kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Ia tidak menjadi betul dan teguh kecuali ia menyeliakan seluruh aspek kehidupan manusia, di mana ia mengendalikannya mengikut satu kefahaman yang sepadu, mengikut satu sistem yang sama dan selaras, mengikut satu peraturan yang meliputi segala-galanya dan satu alat yang sama iaitu satu peraturan istimewa yang ditegakkan di atas syari'at Allah dalam segala urusan.

* * * * * *

Di dalam surah ini terdapat satu gejala yang ditonjolkan kepada kita oleh bahagian ayat-ayat ini. Ia ditonjolkan dalam bentuk suasana-suasana di mana kaum Muslimin bertanya kepada Nabi mereka s.a.w. mengenai berbagai-bagai perkara yang dihadapi di dalam kehidupan mereka yang baru, yang mana mereka mahu mengetahui bagaimana hendak menghadapinya mengikut kefahaman dan kepercayaan mereka yang baru dan mengikut peraturan hidup mereka yang baru, juga mereka bertanya mengenai gejala-gejala alam yang menarik hati mereka yang sedar terhadap alam buana yang dihayati mereka.

Mereka bertanya tentang anak bulan, apakah fungsi-fungsinya, mengapa bulan itu terbit dalam bentuk sabit kemudian kian bertambah besar dan membulat menjadi bulan purnama, kemudian kembali bertambah kecil sehingga menjadi bulan sabit kemudian hilang dan lahir kembali dalam bentuk bulan sabit yang baru?

Mereka bertanya, apakah yang harus diinfaqkan mereka? Dari jenis harta mereka yang mana, yang harus diinfaqkan mereka? Dan sebanyak mana pula mereka harus infaqkan harta yang dimiliki mereka?

Mereka bertanya tentang peperangan di dalam bulan haram dan di kawasan Masjidil-Haram apakah peperangan itu harus dilakukan?

Mereka bertanya tentang apakah hukum arak dan judi, kerana mereka adalah penagih-penagih arak dan pemain-pemain judi di zaman jahiliyah?

Mereka bertanya tentang apakah hukum haid? Dan hukum hubungan mereka dengan para isteri mereka dalam masa haid, kemudian mereka bertanya tentang perkara hubungan-hubungan yang lebih sulit dengan isteri mereka dan kadang-kadang bertanya tentang isteri-isteri mereka sendiri.

Di sana terdapat berbagai-bagai pertanyaan mengenai berbagai-bagai maudhu' di dalam surah-surah yang lain dari Al-Qur'an.

Pertanyaan-pertanyaan itu mempunyai berbagai-bagai makna dan indikasi:

Pertanyaan-pertanyaan Kaum Mencerminkan Perkembangan Fikiran, Pola-pola Kehidupan Dan Kesedaran Keagamaan

Pertama ia merupakan pertanda perkembangan, kecergasan dan kesuburan pola-pola kehidupan dan hubungan-hubungannya. Ia merupakan pertanda munculnya kedudukan-kedudukan yang baru di dalam masyarakat yang telah membentuk syakhsiyahnya yang tersendiri, di mana para individu mempunyai hubungan yang rapat dengannya. Mereka tidak lagi merupakan para individu yang hidup kucar-kacir dan tidak lagi merupakan qabilah-qabilah atau suku-suku kaum yang berpecah-belah di sana-sini. Malah mereka telah menjadi satu umat yang mempunyai syakhsiyah, mempunyai peraturan dan kedudukan yang mengikat semua individu di mana setiap individu perlu mengetahui garis-garisnya dan hubungan-hubungannya. Ia merupakan satu

keadaan yang baru yang diciptakan oleh Islam dengan kefahaman dan pemikiran yang tersendiri dengan peraturan dan kepimpinannya, iaitu satu keadaan perkembangan kemasyarakatan, fikiran, perasaan dan kemanusiaan dengan bentuknya yang umum.

Kedua ia merupakan pertanda kesedaran semangat keagamaan dan bagaimana mendalamnya resapan dan pengaruh 'aqidah yang baru itu di dalam jiwa kaum Muslimin, yang membuat setiap orang dari mereka merasa segan untuk melakukan sesuatu di dalam kehidupan sehariannya sebelum ia mengambil pendapat dari 'aqidahnya yang baru. Mereka tidak lagi menggunakan ketetapan-ketetapan adat kehidupan yang silam sebagai rujukan mereka kerana hati mereka telah tercabut dari adat-adat kebiasaan mereka di zaman jahiliyah. Mereka tidak lagi percaya kepadanya. Mereka berdiri menunggu taklimat-taklimat yang baru dalam segala urusan kehidupan. Kesedaran ini merupakan satu keadaan yang diwujudkan oleh keimanan yang sebenar. Di waktu ini jiwa kaum Muslimin terpisah dari segala peraturan adat resam dan kebiasaan-kebiasaan yang silam. Mereka mengambil pendirian yang berhemat dan waspada terhadap segala sesuatu yang dilakukannya di zaman jahiliyah. Mereka berdiri dengan penuh kesediaan untuk menerima segala arahan dari 'aqidah Islam yang baru supaya mereka dapat membentuk kehidupan mereka yang baru di atas asas 'aqidah itu, iaitu satu bentuk kehidupan yang bersih dari segala kekotoran dan campur-aduk. Andainya mereka menerima dari 'aqidah yang baru itu suatu arahan yang memperakui setengah-setengah bahagian kecil adat resam mereka yang lama, maka mereka akan menerimanya dengan sikap yang baru yang berhubung rapat dengan kefahaman-kefahaman agama yang baru itu, kerana tidak semestinya peraturan yang baru itu membatalkan segala peraturan-peraturan kecil ini yang wujud dalam peraturan lama. Tetapi yang pentingnya ialah seluruh peraturan kecil ini mempunyai pertalian yang rapat dengan asas kefahaman agama yang baru itu dan menjadi sebahagian darinya, bersebati dalam entitinya dan selaras dengan segala bahagian-bahagiannya yang lain sebagaimana yang telah dilakukan oleh Islam terhadap syi'ar-syi'ar ibadat haji yang dikekalkannya. Syi'ar-syi'ar itu adalah terbit dari kefahaman Islam itu sendiri dan telah ditegakkan di atas tapak-tapak asasnya yang telah terputus sama sekali hubungannya dengan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah (yang silam).

Makna dan indikasi yang ketiga adalah diambil dari sejarah zaman ini dan dari tindakan kaum Yahudi di Madinah dan kaum Musyrikin Makkah yang bertindak melakukan dari satu masa ke satu masa percubaan-percubaan untuk menimbulkan keraguan terhadap nilai peraturan-peraturan Islam. Mereka mengambil segala kesempatan melancarkan kempen yang mengelirukan terhadap setengah-setengah tindakan dan peristiwa-peristiwa sebagaimana yang telah berlaku kepada pasukan tentera yang dipimpin oleh Abdullah ibn Jahsyi yang dikatakan terlibat dalam pertempuran dengan kaum Musyrikin di dalam bulan-bulan haram, iaitu tindakan-tindakan dan peristiwa-peristiwa yang menimbulkan tanda-tanda yang memerlukan jawapan yang boleh menghalangkan percubaan-percubaan itu dan mencurahkan perasaan ketenteraman dan keyakinan di dalam hati kaum Muslimin. Makna dan indikasi ini menunjukkan bahawa Al-Qur'an sentiasa berada di dalam perjuangan sama ada perjuangan yang berlaku di dalam hati di antara kefahaman-kefahaman jahiliyah dengan kefahaman-kefahaman Islam, atau perjuangan yang berlaku di dalam suasana luaran di antara kaum Muslimin dengan musuh-musuh mereka yang menunggu mereka di segenap penjuru.

Perjuangan ini masih terus wujud seperti perjuangan (di zaman-zaman silam), kerana jiwa manusia tetap jiwa manusia dan musuh umat Muslimin tetap musuh umat Muslimin. Al-Qur'an sentiasa hadhir. Jiwa manusia dan umat Muslimin tidak akan selamat melainkan dengan memasuki Al-Qur'an ini di dalam perjuangan itu agar ia mengharungi perjuangan itu dengan sepenuh kecergasan sebagaimana ia telah mengharunginya pertama kali (di zaman silam). Selama mana kaum Muslimin tidak meyakini hakikat ini maka selama itulah mereka tidak akan mendapat kejayaan.

Sekurang-kurang kesedaran yang dapat diwujudkan oleh hakikat ini di dalam jiwa mereka ialah menerima Al-Qur'an dengan kefahaman yang seperti ini dan mengikuti Al-Qur'an yang bergerak, bertindak, membentuk kefahaman yang baru, menentang kefahaman-kefahaman jahiliyah, mempertahan umat Muslimin dan memelihara mereka dari kegelinciran dan kesalahan-kesalahan, bukan seperti kaum Muslimin hari ini yang mengikuti Al-Qur'an selaku lagu-lagu merdu yang diucapkan dan selaku kalam indah yang dibaca kemudian habis setakat ini! Al-Qur'an sebenarnya diturunkan bukan untuk maksud ini. Ia diturunkan untuk mewujudkan kehidupan yang sempurna serta menggerakkan dan membimbingnya menuju ke pantai aman di tengah duri-duri, kegelinciran-kegelinciran dan kesulitan-kesulitan perjalanan, di mana bertaburnya nafsu keinginan dan halangan-halangan. Hanya kepada Allah juga dipohon pertolongan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 189)

Sekarang marilah kita ikuti nas-nas Al-Qur'an di dalam pelajaran ini secara terperinci:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَهِلَّةِ ۖ قُلْ هِىَ مَوَٰقِيتُ لِلنَّاسِ
وَٱلْحَجِّ ۗ وَلَيْسَ ٱلْبِرُّ بِأَن تَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِن ظُهُورِهَا

وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنِ ٱتَّقَىٰ ۗ وَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِنْ
أَبْوَٰبِهَا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ١٨٩

"Mereka bertanya kepadamu tentang anak-anak bulan. Katakanlah! Ia adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan bagi ibadat haji dan kebaktian itu bukanlah memasuki rumah-rumah dari belakangnya, tetapi kebaktian itu ialah mereka yang bertaqwa dan memasuki rumah-rumah dari pintunya dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan."(189)

Setengah-setengah riwayat menerangkan bahawa Nabi s.a.w. telah dihadapkan dengan pertanyaan yang telah kami terangkan sebelum ini mengenai anak-anak bulan, iaitu mengenai (rahsia) kelahirannya, perkembangannya dan kesusutannya, mengapa ia jadi begitu? Setengah-setengah riwayat yang lain pula mengatakan bahawa mereka telah bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w.! Mengapakah dijadikan anak-anak bulan itu? Pertanyaan yang akhir ini lebih dekat dengan cara jawapan, iaitu Allah telah berfirman kepada Nabi-Nya s.a.w.: قل هي موقيت للناس والحج

Fungsi-fungsi Anak Bulan Dalam Kehidupan

Yakni tanda-tanda waktu bagi manusia untuk menentukan masa ihlal dan masa ihram mereka, menentukan masa berpuasa dan berbuka mereka, dan menentukan masa perkahwinan, masa perceraian dan 'iddah mereka, dan menentukan masa muamalat, perniagaan, dan hutang piutang mereka, juga menentukan segala urusan agama dan urusan dunia mereka.

Sama ada jawapan ini merupakan jawapan kepada pertanyaan yang pertama atau kedua, namun kedua-duanya ditujukan kepada kegiatan hidup mereka yang amali bukan ditujukan kepada pengetahuan teori. Ia menerangkan kepada mereka tentang fungsi anak-anak bulan di dalam kehidupan mereka. Ia menjelaskan kepada mereka tentang peredaran bulan mengikut ilmu falak dan bagaimana peredaran ini berlaku. Ini termasuk dalam kehendak-kehendak pertanyaan: Mengapa bulan kelihatan seperti sabit? Begitu juga ia tidak menjelaskan kepada mereka tentang fungsi bulan di dalam sistem matahari atau di dalam perimbangan harakat jirim-jirim langit, sedangkan ia termasuk dalam kehendak-kehendak pertanyaan: Mengapa Allah ciptakan anak-anak bulan? Oleh itu apakah saranan yang diwujudkan oleh cara jawapan Al-Qur'an itu?

Al-Qur'an di masa itu sedang dalam usaha mewujudkan satu kefahaman dan pemikiran yang tersendiri, mewujudkan satu sistem yang tersendiri, dan mewujudkan satu masyarakat yang tersendiri, dan juga mewujudkan satu umat yang baru di muka bumi yang mempunyai peranan yang tersendiri dalam memimpin umat manusia untuk mengadakan satu contoh masyarakat mithali yang belum pernah wujud agar umat manusia dapat menghayati satu kehidupan contoh yang istimewa yang belum pernah dihayati mereka, dan agar asas-asas kehidupan ini dapat ditegakkan di muka bumi ini, dan juga dapat memimpin umat manusia ke arahnya.

Jawapan secara ilmiyah terhadap pertanyaan-pertanyaan ini mungkin dapat memberikan satu pengetahuan teori dalam ilmu falak kepada orang-orang yang mengemukakan pertanyaan itu jika mereka mampu memahami ilmu ini berdasarkan beberapa maklumat yang sedikit yang ada pada mereka di waktu itu. Tetapi hal ini amat diragui, kerana ilmu teori yang seperti ini memerlukan kepada muqaddimah-muqaddimah yang panjang yang dikira sebagai perkara-perkara yang sukar dibandingkan kepada taraf pemikiran dunia seluruhnya di zaman itu.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an tidak memberi jawapan yang belum dapat diterima oleh manusia dan tidak pula banyak berguna kepada mereka dalam tugas utama yang diturunkan Al-Qur'an kerananya. Walau bagaimanapun, namun bidang pembicaraan ilmu itu bukannya Al-Qur'an, kerana Al-Qur'an diturunkan untuk tugas yang lebih besar dari menjelaskan maklumat-maklumat cebisan seperti itu. Ia bukan diturun untuk menjadi buku ilmu falak atau kimia atau perubatan sebagaimana setengah-setengah pengkaji yang ghairah cuba mencari ilmu-ilmu ini di dalam Al-Qur'an dan sebagaimana setengah-setengah pengkritik Al-Qur'an cuba mencari kesilapan-kesilapan Al-Qur'an di dalam ilmu-ilmu ini.

Kedua-dua percubaan itu membuktikan suatu kefahaman yang tidak betul terhadap tabi'at Al-Qur'an, fungsinya dan bidang-bidang tugasnya. Bidang tugas Al-Qur'an ialah jiwa manusia dan kehidupan manusia. Tugas Al-Qur'an ialah membentuk kefahaman yang menyeluruh terhadap kedudukan manusia di alam al-wujud dan hubungannya dengan Allah selaku penciptanya. Tugas Al-Qur'an ialah menegakkan di atas asas kefahaman ini suatu sistem hidup yang membolehkan manusia menggunakan seluruh daya tenaganya, yang mana antaranya ialah daya tenaga 'aqliyah yang diasuh supaya tegak di atas kejujuran mengikuti jalan yang benar dan tenaga aqliyah yang diberi kebebasan melakukan kajian ilmiyah, ujian-ujian dan aplikasinya dalam batas-batas kemampuan manusia, dan sudah tentu ia akan mendapat hasil-hasil kajian yang tidak bersifat muktamad dan mutlak.

Bidang Tugas Al-Qur'an

Yang menjadi bahan olahan Al-Qur'an ialah manusia itu sendiri, iaitu pemikiran, kefahaman, kepercayaan, perasaannya, pengertian-pengertian, perilaku dan tindak-tanduk, pertalian-pertalian dan hubungan-hubungannya. Adapun ilmu-ilmu kebendaan dan penciptaan-penciptaan di alam kebendaan dengan berbagai cara dan jenisnya, maka ia terserah kepada akal manusia dan pengalaman-pengalamannya dan kepada penemuan-penemuan, andaian-andaian dan teori-teorinya. Dengan ilmu-ilmu dan usaha-usaha ini, ianya merupakan asas bagi

urusan khilafah manusia di muka bumi ini dan akal manusia memang disediakan untuk ilmu-ilmu itu sesuai dengan tabi'at strukturnya. Al-Qur'an bertugas membetulkan fitrah manusia supaya ia tidak menyeleweng dan rosak dan membetulkan peraturan hidupnya untuk membolehkannya menggunakan segala tenaga, dan kebolehan yang dikurniakan Allah kepadanya dan membekalkannya dengan kefahaman yang menyeluruh terhadap tabi'at alam buana dan hubungannya dengan Allah yang telah menciptakannya, juga kefahaman yang menyeluruh terhadap keselarasan struktur alam buana dan corak hubungan yang wujud di dalam bahagian-bahagiannya - dan manusia itu sendiri merupakan sebahagian dari alam buana - kemudian Al-Qur'an memberi kebebasan kepada manusia berusaha memahami bahagian-bahagian itu dan menggunakannya untuk faedah pentadbiran khilafahnya. Al-Qur'an tidak memberi huraian-huraian yang terperinci kerana tugas mengetahui perincian-perincian itu merupakan sebahagian dari kerja dan usaha manusia itu sendiri.

Al-Qur'an Dan Sains

Saya amat hairan dengan kebersahajaan pemikiran golongan yang sangat ghairah terhadap Al-Qur'an. Mereka berusaha menokok-tambah sesuatu yang bukan dari Al-Qur'an dan mentafsirkan Al-Qur'an dengan sesuatu yang tidak dimaksudkan oleh Al-Qur'an dan mengeluarkan dari Al-Qur'an berbagai-bagai pendapat mengenai ilmu perubatan, ilmu kimia, ilmu astronomi dan sebagainya seolah-olah mereka hendak membesar dan mengagung-agungkan Al-Qur'an dengan tokok-tambah itu.

Sesungguhnya Al-Qur'an itu sebuah kitab yang sempurna dalam maudhu' yang dibicarakannya dan maudhu'nya itu adalah lebih besar dari segala ilmu itu, kerana maudhu'nya ialah manusia itu sendiri yang dapat mengetahui maklumat-maklumat ini dan menggunakan untuk faedah dirinya. Usaha-usaha mengkaji, mencuba dan menggunakan (hasil-hasil kajian itu) merupakan ciri-ciri kegiatan akal manusia. Al-Qur'an membicarakan tentang pembangunan manusia itu sendiri, iaitu pembangunan syakhsiyahnya dan hati nuraninya dan pembangunan akal dan pemikirannya. Ia juga memperkatakan tentang pembangunan masyarakat manusia untuk membolehkan manusia menggunakan dengan sebaik-baiknya segala tenaga alam yang disimpankan untuknya. Dan setelah berjaya diwujudkan manusia yang sihat kefahaman, pemikiran dan perasaannya dan sebuah masyarakat yang membolehkan manusia melakukan kegiatan-kegiatan itu, maka Al-Qur'an memberi kebebasan kepada manusia untuk mengkaji, mencuba, mengalami salah betul di bidang-bidang ilmu, kajian dan ujian dan Al-Qur'an memberi kepadanya neraca-neraca kefahaman, penelitian dan pemikiran yang betul.

Begitu juga kita tidak seharusnya menghubungkan hakikat-hakikat muktamad yang kadang-kadang disebut oleh Al-Qur'an mengenai alam buana dalam rangka usahanya untuk membentuk kefahaman yang betul terhadap tabi'at alam al-wujud dan hubungannya dengan Allah, dan terhadap bentuk keseimbangan yang wujud di antara bahagian alam ..... kita tidak seharusnya menghubungkan hakikat-hakikat muktamad yang disebut oleh Al-Qur'an itu dengan andaian-andaian akal manusia dan teori-teorinya dan tidak juga dengan hasil kajian yang dinamakan sebagai hakikat-hakikat ilmiyah yang diperolehi manusia melalui ujian yang muktamad mengikut pandangannya.

Hakikat-hakikat Qur'aniyah merupakan hakikat-hakikat muktamad, pemutus dan mutlak. Ada pun hakikat-hakikat yang dicapai oleh kajian-kajian manusia biar apa pun alat yang digunakan mereka - adalah hakikat-hakikat yang tidak muktamad dan tidak pemutus. Ia terikat dengan batas-batas ujian dan suasana-suasananya serta alat-alatnya. Oleh itu adalah salah dari segi methodologi, berdasar methodologi kajian manusia sendiri, apabila kita menghubungkan hakikat-hakikat muktamad dari Al-Qur'an dengan hakikat-hakikat yang tidak muktamad yang dicapai oleh ilmu pengetahuan manusia.

Ini adalah diukur dengan "Hakikat Ilmiyah", dan perkara ini lebih jelas lagi apabila diukur dengan teori-teori dan andaian-andaian yang dinamakan sebagai teori-teori dan andaian-andaian ilmiyah. Di antaranya termasuk semua teori ilmu astronomi, semua teori yang mengenai pertumbuhan kejadian manusia dan perkembangan-perkembangannya, semua teori yang memperkatakan tentang jiwa manusia dan perilakunya dan semua teori yang memperkatakan tentang pertumbuhan masyarakat-masyarakat dan perkembangan-perkembangannya. Semua teori-teori ini bukannya "hakikat-hakikat ilmiyah" walaupun dengan ukuran manusia, malah ia hanya merupakan teori-teori dan andaian-andaian sahaja, dan setinggi-tinggi nilainya ialah ia boleh digunakan untuk mentafsirkan gejala-gejala alam atau gejala-gejala hayat atau gejala-gejala jiwa atau gejala-gejala kemasyarakatan sebanyak yang dapat sehingga timbul satu andaian yang lain yang dapat mentafsirkan lebih banyak lagi gejala-gejala itu atau dapat mentafsirkan gejala-gejala itu dengan pentafsirannya yang lebih halus lagi. Oleh sebab itulah teori-teori ini sentiasa menerima perubahan, pindaan, pengurangan dan tokok-tambah, malah ia boleh terbalik songsang dengan lahirnya alat-alat penyelidikan yang baru atau dengan lahirnya satu pentafsiran yang baru terhadap hasil-hasil pengamatan-pengamatan yang lama.

Segala percubaan untuk menghubungkan isyarat-isyarat umum Al-Qur'an dengan teori-teori yang berubah-ubah yang dicapai oleh sains atau dengan hakikat-hakikat ilmiyah yang tidak mutlak, sebagaimana telah kami jelas sebelum ini, adalah

mengandungi kesalahan methodologi yang asasi di samping mengandungi tiga konsep yang tidak layak dengan kemuliaan Al-Qur'anul-Karim:

Pertama: Ia merupakan kekalahan dalaman yang membuat setengah-setengah orang yang menganggapkannya bahawa sains itulah yang menjadi penguasa, sedangkan Al-Qur'an hanya pak turut sahaja, dan oleh sebab itulah mereka cuba menegakkan Al-Qur'an dengan sains dan mencari dalil-dalil Al-Qur'an dari sains, sedangkan Al-Qur'an itu sebuah kitab yang sempurna dalam maudhu' yang dibicarakannya dan mengandungi hakikat-hakikat yang muktamad, sementara sains masih belum mantap di dalam maudhu' yang dibicarakannya, di mana hasil-hasil pendapatnya yang telah diakui kelmarin telah dibatalkan pada hari ini. Segala hasil kajiannya tidak bersifat muktamad dan mutlak kerana ia terikat dengan alam sekitar manusia, akal fikirannya dan alat-alatnya dan semuanya tidak dapat memberi satu gambaran hakikat yang muktamad dan mutlak.

Kedua: Kesilapan memahami tabi'at Al-Qur'an dan fungsinya, iaitu hakikat Al-Qur'an itu bersifat muktamad dan mutlak. Al-Qur'an memperkatakan tentang usaha membangunkan manusia dengan pembangunan yang sesuai - sekadar yang dibenarkan oleh tabi'at manusia - dengan tabi'at alam buana dan undang-undang Ilahiyahnya supaya manusia tidak bertentangan dengan alam buana di sekelilingnya, malah dapat bersahabat baik dengannya dan memahami rahsia-rahsianya dan menggunakan undang-undangnya untuk faedah pentadbiran khilafahnya, iaitu undang-undang alam buana yang ditemuinya melalui usaha-usaha kajian, penyelidikan, ujian, aplikasi mengikut pedoman yang ditunjukkan oleh akalnya yang dikurniakan Allah kepadanya supaya ia berusaha dan bekerja bukannya menerima maklumat-maklumat kebendaan yang telah disiap-sediakan.

Ketiga: Mengadakan ta'wilan yang berterusan yang dilakukan dengan keberatan terhadap nas-nas Al-Qur'an untuk memaksanya berkejar di belakang andaian-andaian dan teori-teori sains yang tidak tetap dan mantap, di mana setiap hari ada sahaja teori yang baru.

Semuanya ini tidak sesuai dengan kemuliaan Al-Qur'an di samping ianya salah dari segi methodologi sebagaimana telah kami jelaskan.

Tetapi kenyataan ini tidak bererti supaya kita jangan mengambil manfa'at dari teori-teori dan hakikat-hakikat yang ditemui oleh sains mengenai alam, hayat dan manusia di dalam memahami Al-Qur'an. Tidak! Sekali-kali tidak! ini bukanlah tujuan yang kami maksudkan dengan kenyataan itu kerana Allah S.W.T. sendiri telah berfirman:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِي ٱلْأَفَاقِ وَفِيٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu benar."

(Surah Fusilat : 53)

Di antara kehendak kenyataan ini ialah kita seharusnya sentiasa memikir dan memperhatikan bukti-bukti kekuasaan Allah yang ditemui oleh sains di merata pelosok alam dan di dalam kejadian manusia dan meluaskan - dengan hasil-hasil penemuan itu - skop pengertian-pengertian Al-Qur'an mengikut kefahaman kita.

Bagaimana cara melakukannya tanpa menghubungkan nas-nas Al-Qur'an yang ma'tamad dan mutlak dengan pengertian-pengertian sains yang tidak muktamad itu? Di sini berguna dibawa contoh:

Misalnya Al-Qur'an menyatakan:

وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَّرَهُۥ تَقْدِيرًا ﴿٢﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan takdirnya masing-masing dengan rapi."(2)

(Surah al-Furqan)

Nilai Pengamatan-pengamatan Ilmiyah

Kemudian pengamatan-pengamatan ilmiyah telah mendedahkan penemuan bahawa di sana terdapat penyesuaian-penyesuaian yang halus dan keselarasan-keselarasan yang diaturkan dengan cermat di alam buana ini. Bumi dengan bentuknya yang ada sekarang ini, jarak jauh matahari dari bumi dengan jaraknya yang ada sekarang ini, jarak jauh bulan dari bumi dengan jaraknya yang ada sekarang ini, nisbah saiz matahari dan bulan dengan saiz bumi yang ada sekarang ini, kepantasan pergerakan bumi yang ada sekarang ini, kecondongan paksi bumi yang ada sekarang ini, bentuk permukaan bumi yang ada sekarang ini dan ribuan ciri-ciri yang lain. Itulah penyesuaian-penyesuaian yang membuat bumi itu layak dan sesuai untuk makhluk-makhluk yang hidup. Tiada satu pun dari semua ciri-ciri ini berlaku secara mendadak atau secara kebetulan yang tidak dirancang. Pengamatan-pengamatan ilmiyah yang seperti ini memang berguna kepada kita untuk meluaskan skop pengertian ayat yang berikut:

وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَّرَهُۥ تَقْدِيرًا ﴿٢﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan takdirnya masing-masing dengan rapinya."

(Surah al-Furqan : 2)

dan meluaskan pengertian itu dalam pandangan dan kefahaman kita.

Oleh itu tidak mengapa bagi kita mengikut pengamatan-pengamatan ilmiyah yang seperti ini untuk meluas dan mendalamkan lagi pengertian Al-Qur'an. Demikianlah seterusnya.

Cara yang seperti ini diharus dan dituntut, tetapi cara yang tidak diharus dan tidak betul dari segala ilmiyah ialah cara seperti contoh-contoh yang berikut:

Al-Qur'anul Karim menerangkan:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari satu intipati dari tanah."

(Surah al-Mu'minun : 12)

Teori Evolusi

Kemudian lahir satu teori evolusi oleh Wallace dan Darwin yang mengandaikan bahawa hayat itu bermula dari satu sel dan sel ini terjadi di dalam air kemudian ia berkembang hingga akhirnya menjadi manusia, kemudian kita bawa ayat Al-Qur'an ini dan berkejar di belakang teori itu untuk kita katakan bahawa inilah evolusi yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an.

Cara ini tidak diharuskan. Pertama kerana teori ini bukanlah satu teori yang muktamad. Ia telah dimasukki perubahan dan pindaan dalam masa tidak sampai satu abad, dan pindaan itu hampir-hampir mengubahkan teori itu secara muktamad. Di dalam teori ini terdapat kelemahan yang terjadi akibat kelemahan maklumat-maklumat mengenai unit-unit warisan yang memelihara ciri-ciri setiap jenis kejadian, iaitu ciri-ciri yang tidak membolehkan satu jenis kejadian berpindah kepada satu jenis yang lain. Kelemahan ini hampir-hampir membatalkan teori ini dan pada hari esok ia tetap terancam menjadi teori yang tidak sah dan tidak betul. Oleh sebab hakikat yang dinyatakan oleh Al-Qur'an itu merupakan satu hakikat yang muktamad, maka sama sekali tidak perlu teori evolusi itu dijadikan sebagai pengertian yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an. Hakikat Al-Qur'an hanya menjelaskan asal-usul pertumbuhan kejadian manusia dan tidak pernah menyebut butir-butir perincian-perinciannya. Jadi hakikat-hakikat Al-Qur'an ini merupakan satu hakikat yang muktamad dalam titik tujuan yang hendak dijelaskan, iaitu asal-usul kejadian manusia. Ini sudah cukup dan tidak perlu ditambah.

Al-Qur'anul-Karim mengatakan:

وَٱلشَّمْسُ تَجْرِى لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا

"Matahari berlari ke tempat perhentiannya."

(Surah Yasin : 38)

Ayat ini menerangkan satu hakikat yang muktamad mengenai matahari iaitu matahari itu berlari. Sementara sains mengatakan matahari itu berlari dibandingkan dengan bintang-bintang yang ada di sekelilingnya selaju kira-kira dua belas batu dalam satu sa'at, tetapi kelajuan peredarannya bersama kumpulan galaksi, di mana ia merupakan salah satu dari bintang-bintangnya adalah selaju seratus tujuh puluh batu dalam satu sa'at. Pengamatan-pengamatan ilmu Astronomi yang seperti itu tidak boleh dijadikan sebagai maksud pengertian Al-Qur'an yang tepat. Pengamatan-pengamatan ini hanya memberi kepada kita satu hakikat yang nisbi/relatif yang tidak muktamad, yang boleh dipinda dan dibatalkan, sedangkan kenyataan ayat Al-Qur'an memberi kepada kita satu hakikat yang muktamad iaitu matahari itu berlari. Cukuplah setakat ini dan kita tidak seharusnya menghubungkan hakikat ini dengan pengamatan ilmu Astronomi itu buat selama-lamanya.

Al-Qur'anul-Karim mengatakan:

أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا

"Apakah tidak orang-orang yang kafir itu berfikir bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya."

(Surah al-Anbia' : 30)

Kemudian muncul satu teori yang berkata bahawa bumi ini pada asalnya adalah sepotongan dari matahari yang terpisah darinya, lalu kita membawa ayat ini dan berkejar di belakang teori ilmiyah itu dan terus menegaskan bahawa inilah yang dimaksudkan oleh ayat Al-Qur'an tadi.

Tidak, ini bukannya maksud ayat Al-Qur'an itu, kerana teori ini bukanlah suatu teori yang muktamad. Di samping itu di sana terdapat beberapa teori yang lain mengenai asal kejadian bumi yang setaraf dengan teori tadi dari segi pendapat ilmiyah. Adapun kenyataan Al-Qur'an maka ia tetap merupakan satu hakikat yang muktamad dan mutlak. Ia hanya menentukan bahawa bumi itu dipisahkan dari langit. Tentang bagaimana cara ia dipisah dan dari langit mana ia dipisah? Maka ini tidak diterangkan oleh ayat Al-Qur'an. Oleh sebab itu tidak seharusnya dikatakan tentang mana-mana andaian ilmiyah di dalam maudhu' ini sebagai pengertian yang muktamad dan tepat dengan ayat ini.

Cukuplah bagi kami memberi huraian selingan mengenai persoalan ini. Dengan ini kami bertujuan menerangkan methodologi yang betul dalam menggunakan hasil-hasil penemuan ilmiyah untuk meluaskan skop pengertian ayat-ayat Al-Qur'an dan memperdalamkannya tanpa menghubungkannya dengan mana-mana teori yang tertentu atau dengan mana-mana hakikat ilmiyah yang tertentu sebagai hubungan hakikat yang tepat, kerana di antara Al-Qur'an dan penemuan-penemuan ilmiyah terdapat perbezaan jauh.

* * * * * *

Marilah kita kembali kepada nas Al-Qur'an:

وَلَيْسَ ٱلْبِرُّ بِأَن تَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِن ظُهُورِهَا

وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنِ ٱتَّقَىٰ ۗ وَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِنْ
أَبْوَٰبِهَا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

"Kebaktian itu bukanlah memasuki rumah-rumah dari belakangnya, tetapi kebaktian itu ialah mereka yang bertaqwa dan memasuki rumah-rumah dari pintunya dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan."(189)

Pertalian yang kelihatan jelas di antara dua bahagian ayat ini ialah pertalian yang wujud di antara kenyataan Al-Qur'an bahawa anak bulan itu merupakan tanda-tanda waktu bagi manusia dan ibadat haji dengan perlakuan adat kebiasaan jahiliyah yang berhubung dengan ibadat haji yang ditunjukkan oleh bahagian yang kedua ayat ini. Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dengan isnadnya dari al-Barra'a r.a. katanya: "Kebiasaan orang-orang Ansar apabila mereka mengerjakan haji mereka tidak masuk dalam rumah dari pintu-pintunya, kemudian datang seorang lelaki dari mereka memasuki rumah dari pintunya, maka seolah-olah ia dicelakan kerana perbuatan itu lalu turun ayat -

.... وَلَيْسَ ٱلْبِرُّ بِأَن تَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِن ظُهُورِهَا
وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنِ ٱتَّقَىٰ ۗ وَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِنْ
أَبْوَٰبِهَا ۚ ....

Abu Daud meriwayatkan sebuah hadith dari Syu'bah dari Abu Ishak dari al-Barra' katanya: Kebiasaan orang-orang Ansar apabila pulang dari persafiran ia tidak memasuki rumah dari pintunya. Lalu turun ayat ini.

Pembatalan Adat Jahiliyah

Sama sahaja sama ada amalan ini menjadi adat kebiasaan mereka dalam semua persafiran atau khususnya dalam persafiran haji sahaja - inilah yang lebih jelas dalam konteks pembicaraan ayat - kerana mereka menganggapkan amalan itu sebagai suatu kebaktian iaitu kebaikan atau keimanan. Oleh itu Al-Qur'an datang menghapuskan kepercayaan yang salah itu, iaitu amalan yang dibuat-buat yang tidak bersandar kepada sesuatu asal dan tidak membawa kepada sesuatu tujuan. Ia datang membetulkan kefahaman terhadap konsep kebaktian, iaitu kebaktian yang sebenar ialah taqwa iaitu kesedaran keimanan terhadap Allah dan pengawasan-Nya, sama ada dalam keadaan sulit atau dalam keadaan terang, bukannya perbuatan-perbuatan remeh-temeh yang tidak melambangkan sesuatu hakikat keimanan dan tidak bertujuan lebih dari mengamalkan adat jahiliyah.

Demikianlah Al-Qur'an menyuruh mereka supaya memasuki rumah-rumah dari pintu-pintunya yang biasa dan mengulang-ulang sebutan taqwa dengan sifat-sifatnya sebagai jalan menuju kejayaan dan keberuntungan.

وَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَٰبِهَا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

"Dan masuklah rumah-rumah dari pintunya dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan."(189)

Dengan kenyataan ini Al-Qur'an menghubungkan hati manusia dengan hakikat keimanan yang bersih, iaitu taqwa. Kemudian menghubungkan hakikat ini dengan harapan mendapat kejayaan dan keberuntungan yang sempurna dunia dan Akhirat sambil menghapuskan adat jahiliyah yang kosong dari unsur-unsur keimanan itu. Seterusnya mengarah orang-orang yang beriman supaya memahami ni'mat Allah yang dikurniakan mereka pada anak-anak bulan yang dijadikan Allah sebagai tanda-tanda waktu bagi manusia dan ibadat haji. Semuanya diterangkan dalam sepotong ayat yang pendek.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 190 - 195)

Selepas itu dikemukakan pula penjelasan mengenai peperangan secara keseluruhan dan mengenai peperangan di kawasan Masjidil-Haram dan di dalam bulan-bulan haram khusus, di samping mengemukakan da'wah kepada infaq untuk Sabilullah dan da'wah ini mempunyai hubungan yang amat rapat dengan jihad:

وَقَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمْ وَلَا
تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾
وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُم مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجُوكُمْ ۚ
وَٱلْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ ٱلْقَتْلِ ۚ وَلَا تُقَٰتِلُوهُمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ
ٱلْحَرَامِ حَتَّىٰ يُقَٰتِلُوكُمْ فِيهِ ۖ فَإِن قَٰتَلُوكُمْ فَٱقْتُلُوهُمْ ۗ كَذَٰلِكَ جَزَآءُ
ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٩١﴾
فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٩٢﴾
وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ ۖ فَإِنِ
ٱنتَهَوْا۟ فَلَا عُدْوَٰنَ إِلَّا عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩٣﴾
ٱلشَّهْرُ ٱلْحَرَامُ بِٱلشَّهْرِ ٱلْحَرَامِ وَٱلْحُرُمَٰتُ قِصَاصٌ ۚ فَمَنِ
ٱعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَٱعْتَدُوا۟ عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا ٱعْتَدَىٰ
عَلَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

وَأَنفِقُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ
وَأَحْسِنُوٓا۟ ۛ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

"Dan hendaklah kamu memerangi demi Sabilullah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang menceroboh(190). Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu jumpai mereka dan usirlah dari tempat yang mereka telah mengusirkan kamu dan penindasan itu lebih buruk dari pembunuhan, dan janganlah kamu memerangi mereka di kawasan-kawasan Masjidil-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ. Oleh itu jika mereka memerangi kamu di situ, maka perangilah mereka. Demikianlah balasan terhadap orang-orang yang kafir(191). Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(192). Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi penindasan dan sehingga agama itu untuk Allah semata-mata, kemudian jika mereka berhenti, maka tidak ada pencerobohan lagi kecuali terhadap orang-orang yang zalim(193). Pencabulan di bulan haram dibalas dengan pencabulan di bulan haram dan pencabulan terhadap perkara-perkara yang suci itu dibalas dengan balasan yang setimpal. Oleh itu sesiapa yang menceroboh kamu maka balaslah dengan pencerobohan yang setimpal dengan pencerobohan mereka terhadap kamu dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah itu bersama orang-orang yang bertaqwa(194). Dan belanjakanlah harta kekayaan kamu untuk Sabilullah dan janganlah kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dan lakukanlah amalan yang baik sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan amalan yang baik."(195)

Hukum Mengenai Peperangan

Tersebut di dalam setengah-setengah riwayat bahawa ayat-ayat ini merupakan ayat- ayat yang pertama yang diturun mengenai peperangan, dan sebelum ini telah turun ayat-ayat yang telah memberi keizinan berperang dari Allah kepada orang-orang Mu'min yang telah diperangi oleh orang-orang kafir kerana mereka telah dianiaya. Orang-orang Mu'min telah pun merasa bahawa keizinan ini merupakan pendahuluan untuk difardhukan jihad ke atas mereka dan untuk memberi kedudukan yang kuat kepada mereka sebagaimana telah dijanjikan Allah di dalam ayat-ayat surah al-Haj:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا۟ ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ
لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾
ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن
يَقُولُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم
بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَٰتٌ وَمَسَٰجِدُ
يُذْكَرُ فِيهَا ٱسْمُ ٱللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ
مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾
ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ
ٱلْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya (peperangan itu) telah diizinkan kepada (orang-orang Islam) yang diperangi kerana mereka telah dianiaya dan sesungguhnya Allah amat berkuasa menolong mereka(39). Iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa suatu kesalahan yang benar kecuali kerana mereka berkata: 'Tuhan kami ialah Allah.' Sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan setengah manusia yang lain sudah tentulah dirobohkan biara-biara (kaum paderi Nasara), gereja-gereja, rumah-rumah ibadat (kaum Yahudi) dan masjid-masjid, di mana banyak disebutkan nama Allah dan sesungguhnya Allah tetap menolong orang yang menolong agama-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Perkasa(40). Iaitu orang-orang yang apabila Kami kurniakan kepada mereka kedudukan yang kukuh di bumi nescaya mereka tetap mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh orang melakukan perkara yang ma'ruf dan melarang melakukan perkara-perkara yang mungkar dan Allah jua yang menguasai segala perkara."(41)

(Surah al-Haj : 39 - 41)

Oleh sebab itulah mereka mengetahui bahawa sebab mereka diizinkan berperang ialah kerana mereka telah dianiaya dan mereka telah diberi isyarat supaya menuntut keadilan terhadap kezaliman itu setelah mereka dilarang menentang dan menolak kezaliman itu ketika mereka berada di Makkah, di mana mereka diperintah:

كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

"Tahanlah tangan kamu (dari melawan) dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat."

(Surah an-Nisa' : 77)

Larangan melawan ini dibuat kerana suatu hikmat yang telah ditentukan Allah, dan kita dapat meneka setengah-setengah dari sebab-sebab itu mengikut penilaian manusia yang tidak meliputi dan lengkap.

Sebab-sebab Dilarang Berperang Di Permulaan Da'wah

Sebab pertama dari sebab-sebab larangan itu ialah untuk membiasakan jiwa para Mu'minin dari orang-orang Arab itu supaya bersabar menjunjung perintah dan patuh kepada kepimpinan dan menunggu keizinan. Biasanya di zaman jahiliyah mereka mempunyai semangat berperang yang berkobar-kobar. Mereka akan menyahut sebaik sahaja diseru

berperang dan mereka tidak sanggup bersabar menerima kezaliman dan penganiayaan. Pembentukan umat Muslimin yang memikul peranan yang agung itu memerlukan mereka mengawal tabi'at-tabi'at jiwa mereka dan membiasakannya supaya tunduk kepada kepimpinan yang merancang dan mengatur, dan patuh kepada arahan-arahan yang dirancang dan diaturkan itu walaupun keta'atan dan kepatuhan itu menekan saraf mereka yang biasa bertindak terburu-buru dan bertindak dengan semangat yang berkobar-kobar apabila diseru berperang. Oleh sebab itulah tokoh-tokoh seperti 'Umar ibn al-Khattab yang berdarah panas dan Hamzah ibn Abdul Muttalib yang bersemangat pahlawan dan lain-lainnya dari tokoh-tokoh para Mu'minin yang gagah berani dari angkatan pertama mampu bersabar menerima kezaliman yang menimpa golongan kaum Muslimin. Mereka sanggup mengikat saraf mereka menunggu perintah Rasulullah s.a.w. dan sanggup mematuhi perintah pemimpin tertinggi yang melarang mereka.

كُفُّوٓاْ أَيۡدِيَكُمۡ وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ

"Tahanlah tangan kamu (dari melawan) dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat."

(Surah an-Nisa : 77)

Kerana itulah wujudnya imbangan di antara perasaan-perasaan yang terburu-buru dengan tindakan yang berhemat, di antara semangat berkobar-kobar dengan sikap yang hati-hati, di antara darah yang panas dengan kepatuhan di dalam jiwa kaum Muslimin yang disediakan untuk satu tugas yang amat besar itu.

Sebab yang kedua yang ternampak kepada kami di sebalik larangan berperang di Makkah itu ialah masyarakat Arab adalah satu masyarakat yang angkuh dan bangga dengan kehormatan dan maruah diri, dan masyarakat yang gagah berani, dan suka menolong. Kesabaran kaum Muslimin menanggung penindasan, sedangkan di kalangan mereka terdapat orang-orang yang mampu membalas penindasan itu telah membangkitkan perasaan angkuh mereka terhadap kehormatan dan maruah diri dan menggerakkan hati mereka ke arah Islam. Hal itu telah berlaku ketika kaum Quraysy bersepakat untuk memboikot dan memulaukan Bani Hasyim di Sy'ib Abi Talib supaya mereka tidak melindungi Rasulullah s.a.w., apabila penindasan itu bertambah kejam terhadap Bani Hasyim, maka ramailah orang yang marah kerana didorong oleh semangat gagah berani dan perasaan angkuh terhadap kehormatan dan maruah diri itu. Mereka telah bertindak mengoyakkan surat perjanjian boikot itu, dan kepungan itu telah berakhir di bawah pengaruh perasaan yang berkobar-kobar itu. Perasaan itulah yang dikawal oleh kepimpinan Islam semasa berada di Makkah dengan mengadakan strategi menahan diri dari melawan. Itulah sebab yang nampak kepada kami apabila kami mengkaji sirah sebagai satu harakat.

Sehubungan dengan ini, kepimpinan Islam tidak mahu mencetuskan peperangan berdarah di rumah-rumah kerana orang-orang Islam di waktu itu bertaburan di rumah-rumah dan rumah-rumah itulah yang menindas anak buahnya yang memeluk Islam. Di sana tidak ada pihak berkuasa pusat yang mengendalikan penindasan umum itu. Dan andainya kaum Muslimin dibenar mempertahankan diri mereka di waktu itu, maka sudah tentu kebenaran itu bererti membenarkan tercetusnya peperangan di setiap buah rumah dan membenarkan berlakunya pertumpahan darah dalam setiap keluarga, dan ini akan menjadikan agama Islam dalam pandangan masyarakat Arab sebagai satu da'wah ke arah perpecahan rumahtangga dan menyalakan api pertelingkahan di dalamnya. Adapun selepas hijrah kaum Muslimin telah terpisah menjadi satu unit yang merdeka yang menentang satu kuasa yang lain di Makkah, iaitu kuasa yang mengemblengkan angkatan tentera dan memimpin serangan-serangan terhadap mereka. Kedudukan ini berlainan sama sekali dengan kedudukan individu setiap Muslim yang berada di kalangan keluarganya di Makkah.

Inilah beberapa sebab yang ternampak kepada pandangan manusia di sebalik hikmat yang melarang kaum Muslimin di Makkah bangkit melawan dan menentang penindasan dan penganiayaan itu. Selain dari itu bolehlah ditambahkan lagi, iaitu kaum Muslimin di waktu itu merupakan satu golongan kecil yang terkepung di Makkah. Mungkin mereka akan terbunuh semuanya jika mereka bangkit memerangi kaum Musyrikin yang berada dalam satu kumpulan yang mempunyai kepimpinan perang yang kuat. Oleh itu Allah kehendaki agar kaum Muslimin itu bertambah ramai dan agar mereka dapat berpusat pada satu tempat yang aman dan selepas itu barulah mereka diizinkan berperang.

Walau bagaimanapun, hukum-hukum mengenai peperangan itu telah berjalan selepas itu secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan-keperluan Harakah Islamiyah di Semenanjung Tanah Arab (kemudian di luar Semenanjung Tanah Arab). Ayat-ayat yang diturun awal ini mengandungi setengah-setengah hukum yang sesuai dengan kehendak-kehendak kedudukan bagi memulakan peperangan di antara dua khemah yang asasi, iaitu khemah Islam dan khemah syirik, dan dalam waktu yang sama ayat-ayat itu menjelaskan setengah-setengah hukum yang tetap di dalam keseluruhan peperangan dan dari segi dasar hukum-hukum itu tidak lagi dipinda melainkan sedikit sahaja di dalam surah Bara'ah.

* * * * * *

Mungkin elok kepada kami memberi sepatah kata secara umum mengenai jihad di dalam Islam agar dapat dijadikan asas dalam mentafsirkan ayat-ayat perang di sini dan di tempat-tempat yang lain di dalam Al-Qur'an sebelum kita membicarakan nas-nas Al-Qur'an di tempat ini khususnya.

'Aqidah ini datang dalam bentuknya yang terakhir yang dibawa oleh Islam supaya menjadi tapak kehidupan umat manusia di bumi selepasnya, dan supaya menjadi sistem hidup kepada seluruh umat manusia, dan supaya membolehkan umat Muslimin memimpin umat manusia ke jalan Allah mengikut sistem ini, iaitu satu sistem yang lahir dari kefahaman yang sempurna dan menyeluruh terhadap matlamat seluruh kewujudan alam dan matlamat kewujudan manusia sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Qur'anul-Karim yang diturun dari sisi Allah itu, supaya membolehkan umat Muslimin memimpin umat manusia ke arah kebajikan ini, iaitu kebajikan yang tidak boleh didapati di dalam seluruh sistem jahiliyah dan mengangkatkan mereka ke taraf ini, iaitu satu taraf yang tidak boleh dicapai melainkan di bawah naungan sistem hidup ini. Juga membolehkan manusia mengecapi ni'mat keimanan iaitu satu ni'mat yang tidak boleh disamakan dengan ni'mat-ni'mat yang lain. Dan andainya ni'mat ini dinafikan kepada mereka maka seluruh kejayaan mereka yang lain akan hilang. Tidak ada pencerobohan yang lebih besar terhadap umat manusia dari perbuatan menafikan kebajikan ini kepada mereka dan dari perbuatan menghalangkan mereka dari kemuliaan, kebersihan, kebahagiaan dan kesempurnaan yang dikehendaki Allah terhadap mereka.

Oleh sebab itulah ia menjadi hak umat manusia supaya da'wah ini disampaikan kepada mereka agar mereka dapat diajak kepada sistem hidup Ilahi yang sempurna ini, dan supaya tidak ada sebarang halangan dan kuasa yang menyekat penyampaian ini dengan apa cara sekalipun.

Begitu juga menjadi hak umat manusia selepas disampaikan da'wah ini kepada mereka agar mereka dibiarkan bebas untuk menganut agama ini dan agar tidak ada sebarang halangan atau kuasa yang menghalangkan mereka dari menganutinya. Apabila ada golongan manusia yang enggan menganutnya setelah diberi penjelasan, maka golongan ini tidak berhak menghalangkan agama ini dari meneruskan jejak langkahnya, malah mereka harus memberi janji-janji yang menjamin kebebasan dan keamanan da'wah, juga kebebasan kepada kaum Muslimin menyampaikan tabligh mereka tanpa menghadapi sebarang pencerobohan.

Dan apabila agama ini diterima oleh golongan manusia yang telah mendapat hidayat Allah, maka mereka mempunyai hak agar mereka tidak ditindas dengan apa cara sekalipun sama ada dengan menyakiti mereka atau menggoda mereka atau dengan mengadakan peraturan-peraturan atau kedudukan-kedudukan yang boleh menghalangkan orang ramai dari menerima hidayat Allah dan menyahuti da'wah-Nya, dan di samping itu adalah menjadi kewajipan kelompok Muslimin pula menentang dengan kekuatan siapa sahaja yang melakukan penindasan dan gangguan terhadap mereka untuk menjamin kebebasan 'aqidah dan menjamin keamanan orang-orang yang menerima hidayat Allah, juga untuk menegakkan agama Allah di dalam kehidupan manusia dan melindungi umat manusia dari penafian mendapat kebajikan yang besar itu.

Dari ketiga-tiga hak itu lahir pula satu kewajipan kepada kelompok Muslimin, iaitu mereka diwajibkan menghancurkan segala kekuatan yang menghalangi jalan da'wah dan mencegah penyampaiannya kepada orang ramai dengan bebas atau mengancam kebebasan memeluk agama ini dan mengganggu orang ramai darinya, mereka diwajibkan supaya terus berjuang sehingga tidak ada satu kekuatan di bumi ini yang dapat menindas orang-orang yang beriman kepada Allah dan sehingga agama itu menjadi benar-benar untuk Allah. Ini bukan dengan erti kata memaksa orang ramai supaya beriman, tetapi dengan erti kata meninggikan kedudukan agama Allah di bumi ini agar setiap orang yang ingin masuk ke dalam agama ini tidak merasa apa-apa ketakutan untuk menganutinya dan ia juga tidak merasa takut kepada mana-mana kuasa di bumi yang menghalangkannya dari agama Allah atau menghalangkannya dari menyampaikan agama Allah, dari menyahuti da'wah-Nya dan dari berdiri teguh di atas agama Allah dan seterusnya tidak ada di bumi ini suatu undang-undang atau peraturan yang menyekat nur dan hidayat Allah dari sampai kepada orang yang berhak menerimanya, atau tidak ada suatu undang-undang dan peraturan yang menyesatkan orang ramai dari agama Allah dengan apa saranan dan alat sekalipun.

Dan di dalam batas-batas dasar-dasar am inilah diwujudkan kewajipan berjihad di dalam Islam.

Tujuan Jihad

Tujuan jihad pastilah untuk mencapai matlamat-matlamat yang tinggi ini sahaja dan ia tidak bercampuraduk dengan suatu matlamat yang lain atau dengan suatu lambang yang lain.

Itulah jihad untuk 'aqidah dan jihad untuk melindungi 'aqidah dari kepungan musuh dan penindasan, dan jihad untuk melindungkan sistem dan syari'at Allah di dalam kehidupan dan menegakkan panji-panjinya di bumi sehingga digeruni oleh musuh-musuh yang ingin menceroboh sebelum mereka menceroboh, dan sehingga setiap orang yang ingin menganutnya tidak menaruh takut kepada mana-mana kuasa di bumi yang mengganggu, menghalang dan menindaskannya.

Inilah satu-satunya jihad yang disuruh oleh Islam, satu-satunya jihad yang ditetapkan dan diberi pahala olehnya, di mana orang-orang yang gugur di dalam perjuangannya dianggap para syuhada' dan orang-orang yang memikul bebannya dianggap para aulia'.

* * * * * *

Ayat-ayat ini daripada Surah al-Baqarah di dalam pelajaran ini menyentuh mengenai kedudukan kaum

Muslimin di Madinah menghadapi kaum Musyrikin Quraysy yang telah mengusir orang-orang yang beriman dari kampung halaman mereka dan menindas mereka kerana agama dan 'aqidah mereka, dan di samping itu ia menjadi dasar hukum-hukum jihad di dalam Islam.

Ayat-ayat ini dimulakan dengan memerintah kaum Muslimin supaya memerangi orang-orang yang telah memerangi mereka dan masih terus memerangi mereka, juga supaya mereka memerangi siapa sahaja yang memerangi mereka pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat tetapi tanpa menceroboh:

وَقَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمْ وَلَا
تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

"Dan hendaklah kamu memerangi demi Sabilullah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang menceroboh."(190)

Dalam ayat pertama dari ayat-ayat perang, kita dapati ia memberi pembatasan yang tegas terhadap matlamat peperangan dan terhadap panji-panji perjuangan yang terang dan jelas:

"Dan hendaklah kamu memerangi demi Sabilullah orang-orang yang memerangi kamu."

Matlamat Peperangan Yang Diredhai Allah

Yakni berperang kerana Allah, bukan kerana sesuatu matlamat yang lain dari matlamat-matlamat perang yang dikenali umat manusia dalam sejarah peperangan mereka yang panjang. Berperang kerana Sabilullah bukan berperang kerana matlamat kemuliaan, kemegahan dan kedudukan yang tinggi di muka bumi, bukan berperang kerana harta rampasan perang dan kerana perolehan-perolehan yang lain, bukan berperang kerana kepentingan pasaran-pasaran ekonomi dan bahan-bahan mentah, bukan berperang kerana mempertuankan satu golongan terhadap satu golongan yang lain atau satu bangsa terhadap satu bangsa yang lain, malah berperang kerana matlamat-matlamat yang tertentu, yang kerananya disyari'atkan jihad di dalam Islam, iaitu berperang untuk meninggikan agama Allah di muka bumi dan menegakkan sistem hidup-Nya dalam kehidupan manusia, juga berperang kerana melindungi kaum Mu'minin dari tertindas kerana agama mereka dan dari dihanyutkan oleh kesesatan dan kebejatan. Selain dari matlamat-matlamat ini maka peperangan itu merupakan satu peperangan yang tidak halal menurut hukum Islam, dan orang-orang yang menceburkan diri di dalam peperangan itu tidak akan mendapat pahala dan kedudukan di sisi Allah.

Di samping menghadkan matlamat perang, maka Al-Qur'an juga menghadkan batas peperangan itu sendiri:

وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

"Dan jangalah kamu menceroboh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang menceroboh."(190)

Pencerobohan itu berlaku dengan melancarkan peperangan yang keterlaluan ke atas askar-askar musuh yang menceroboh sehingga membabitkan pihak-pihak yang bukan askar, iaitu pihak-pihak awam yang aman dan damai dan tidak merupakan bahaya yang mengancamkan da'wah Islam dan kaum Muslimin seperti kaum wanita, kanak-kanak, orang-orang tua, ahli-ahli ibadat yang menumpukan kegiatan mereka di dalam ibadat dari pemeluk-pemeluk setiap agama. Pencerobohan itu juga berlaku dengan tindakan-tindakan yang melewati batas-batas peradaban atau etika perang yang disyari'atkan oleh Islam untuk mencegahkan perlakuan-perlakuan kejam dan ganas yang terkenal di dalam peperangan-peperangan jahiliyah dahulu dan sekarang, iaitu perlakuan-perlakuan kejam dan ganas yang dijijikkan oleh perasaan dan taqwa Islam.

Peradaban-peradaban Peperangan

Dan inilah kumpulan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan wasiat-wasiat para sahabatnya yang menunjukkan adab-adab dan etika-etika peperangan-peperangan yang diketahui manusia bagi pertama kalinya menerusi agama Islam.

Dari Abdullah ibn 'Umar r.a. katanya "Aku menemui mayat seorang perempuan yang terbunuh di dalam setengah-setengah peperangan Rasulullah s.a.w., lalu Rasulullah s.a.w. melarang membunuh perempuan dan kanak-kanak"- dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi.

Daripada Abu Hurayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا قاتل أحدكم فليجتنب الوجه

"Apabila seseorang kamu berperang, hendaklah ia menjauhi mencederakan muka."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Dari Abu Hurayrah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah mengirim kami (ke medan perang) lalu beliau bersabda:

إن وجدتم فلانا وفلانا (رجلين من قريش) فأحر قوهما
بالنار

"Jika kamu jumpai si polan dan si polan (dua orang lelaki Quraysy) maka bakarlah kedua-duanya dengan api."

Dan apabila kami bersiap hendak keluar beliau bersabda pula kepada kami:

كنت أمرتكم أن تحر قوا فلاناً وفلاناً، وإن النار لا يعذب
بها إلا الله تعالى فإن وجدتموهما فاقتلوهما

"Tadi aku suruh kamu membakar si polan dan si polan tetapi sebenarnya tiada siapa yang berhak menyeksakan seseorang dengan api melainkan Allah. Oleh itu jika kamu jumpai kedua orang itu maka bunuhlah kedua-duanya."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Abu Daud dan at-Tirmizi)

Daripada Ibn Mas'ud r.a. katanya sabda Rasulullah s.a.w.:

أعف الناس قتله أهل الإيمان

"Orang yang paling bersih pembunuhannya ialah ahli al-Iman."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Daripada Abdullah ibn Yazid al-Ansari r.a. katanya:

نهى رسول الله – صلى الله عليه وسلم – عن النهبى والمثلة

"Nabi s.a.w. melarang dari merampas dan mencaing-caing anggota musuh."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari).

Daripada Ibn Ya'la katanya: Kami berperang bersama Abdul Rahman ibn Khalid ibn al-Walid lalu dia membawa empat orang musuh yang berbadan besar dan gagah dan memerintah supaya orang-orang ini dibunuh semuanya lalu mereka pun dibunuh dengan belakang pedang[5] (bukan dengan matanya). Kemudian berita ini sampai kepada Abu Ayub al-Ansari r.a. lalu dia berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. melarang daripada membunuh dengan belakang pedang demi Allah yang memegang nyawaku di tangan-Nya. "Jika ayam sekalipun aku tidak akan bunuhnya dengan belakang pedang", kemudian perkataan ini sampai kepada Abdul Rahman lalu dia pun membebaskan empat orang hamba (sebagai bayaran kifarat salah bunuh). (Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Daripada al-Harith ibn Muslim ibn al-Harith daripada bapanya r.a. katanya: Kami telah diutus oleh Rasulullah s.a.w. dalam satu pasukan tentera dan apabila kami sampai di tempat menyerang musuh aku pun memacu kudaku mendahului sahabat-sahabatku lalu ahli qabilah itu menyambut aku dengan riuh rendah, aku pun berkata kepada mereka: Ucapkanlah لا اله الا الله supaya kamu (darah dan harta kamu) terpelihara lalu mereka mengucapkan kata-kata itu. Sahabat-sahabatku telah mencela perbuatanku itu dan mereka berkata kepadaku: "Awak telah menghilangkan peluang mendapat harta rampasan perang!" Apabila kami datang menemui Rasulullah s.a.w., mereka pun memberitahu kepada beliau apa yang telah aku lakukan lalu beliau memanggilku dan memuji apa yang telahku lakukan kemudian beliau bersabda:

إن الله تعالى قد كتب لك بكل إنسان منهم كذا وكذا من الأجر

"Sesungguhnya Allah Ta'ala telah menetapkan untuk engkau dengan setiap orang dari mereka (ahli qabilah) sekian-sekian banyak pahala."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Dari Buraydah katanya: Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila melantik Amir yang mengetuai sesuatu pasukan tentera beliau berpesan khusus kepadanya supaya bertaqwa kepada Allah Taala dan supaya ia memberi layanan yang baik kepada orang-orang Islam yang ada bersamanya kemudian beliau bersabda kepadanya:

أغزوا باسم الله، في سبيل الله، قاتلوا من كفر بالله أغزوا ولا تغدروا ولا تمثلوا ولا تقتلوا وليدا.

"Berperanglah kamu dengan nama Allah dan kerana Sabilullah. Perangilah mereka yang kafir terhadap Allah. Berperanglah kamu dan jangan kamu menipu dan khianat, jangan kamu mencaing-caing anggota musuh dan janganlah kamu membunuh kanak-kanak."

(Dikeluarkan oleh Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi)

Malik telah meriwayatkan dari Abu Bakr as-Siddiq r.a. bahawa dia telah berkata dalam ucapan amanahnya kepada bala tenteranya: Kamu akan menemui segolongan orang (di negeri musuh) yang mendakwa menumpukan kegiatan diri mereka kepada Allah. Oleh itu tinggalkan mereka dan kegiatan-kegiatan mereka kepada Allah itu dan janganlah kamu membunuh perempuan, kanak-kanak dan orang tua!

Inilah peperangan yang diceburi Islam dan inilah peradaban-peradaban di dalam peperangan dan inilah matlamat-matlamat peperangan. Semuanya ini adalah terbit dari arahan Al-Qur'an yang mulia:

وَقَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

"Dan hendaklah kamu memerangi demi Sabilullah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang menceroboh."(190)

Orang-orang Islam di masa itu sedar bahawa mereka mendapat kemenangan bukan kerana bilangan mereka sebab bilangan mereka memang kecil, dan bukan pula kerana kelengkapan-kelengkapan senjata mereka sebab mereka mempunyai kelengkapan senjata yang lebih sedikit dari kelengkapan yang dipunyai oleh musuh-musuh mereka, malah sebenarnya mereka mendapat kemenangan dengan sebab keimanan, keta'atan dan pertolongan Allah kepada mereka. Oleh sebab itu

---

[5] *Satu cara menyeksa manusia dengan kematian yang lambat.*

apabila mereka mengabaikan arahan Allah dan Rasul-Nya kepada mereka, maka bererti mereka telah mengabaikan satu-satunya punca kemenangan yang dapat dipegang oleh mereka. Kerana inilah peradaban-peradaban perang itu dipatuhi mereka walaupun terhadap musuh-musuh mereka yang pernah menindas mereka dan mencaing-caing mayat setengah-setengah mereka dengan sekejam-kejamnya. Ketika Rasulullah s.a.w. diamuk oleh kemarahan yang berkobar-kobar beliau memerintah supaya membakar si polan dan si polan (dua orang dari Quraysy), kemudian beliau menarik balik perintah itu dan melarang membakar mereka kerana tiada siapa yang berhak membakar dengan api melainkan Allah.

Penindasan Terhadap Kaum Muslimin Pasti Ditentang Dengan Peperangan

Kemudian ayat yang berikut menekankan pelancaran perang terhadap orang-orang yang telah memerangi kaum Muslimin dan menindas mereka kerana memeluk agama Islam dan mengusir mereka dari kampung halaman mereka, juga menekankan supaya terus berperang sehingga mereka dapat membunuh musuh-musuh itu dalam keadaan apa sahaja dan di mana sahaja mereka menemui mereka kecuali di kawasan Masjidil-Haram, kecuali orang-orang yang kafir itu memulakan peperangan di kawasan itu dan mereka memeluk agama Allah. Ketika ini kaum Muslimin tidak lagi dibenarkan membunuh mereka walaupun sebelum ini mereka telah menindas dan memerangi orang-orang Islam:

وَٱقۡتُلُوهُمۡ حَيۡثُ ثَقِفۡتُمُوهُمۡ وَأَخۡرِجُوهُم مِّنۡ حَيۡثُ أَخۡرَجُوكُمۡۚ وَٱلۡفِتۡنَةُ أَشَدُّ مِنَ ٱلۡقَتۡلِۚ وَلَا تُقَٰتِلُوهُمۡ عِندَ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِ حَتَّىٰ يُقَٰتِلُوكُمۡ فِيهِۖ فَإِن قَٰتَلُوكُمۡ فَٱقۡتُلُوهُمۡۗ كَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلۡكَٰفِرِينَ ١٩١

فَإِنِ ٱنتَهَوۡاْ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١٩٢

"Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu jumpai mereka dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusirkan kamu dan penindasan itu lebih buruk dari pembunuhan, dan janganlah kamu memerangi mereka di kawasan-kawasan Masjidil-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ. Oleh itu jika mereka memerangi kamu di situ, maka perangilah mereka. Demikianlah balasan terhadap orang-orang yang kafir(191). Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(192)

Penindasan terhadap agama Allah merupakan satu pencabulan terhadap sesuatu yang paling suci di dalam hidup manusia. Oleh sebab itulah penindasan lebih jahat dari pembunuhan, yakni lebih buruk dari membunuh, mencabut nyawa dan menghapuskan hidup seseorang. Adalah sama sahaja sama ada penindasan itu dilakukan dengan ancaman dan tindakan keras yang menyakiti atau dengan mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang jahat yang boleh menyesatkan orang ramai, merosakkan akhlak mereka dan menjauhkan mereka dari agama Allah atau menggalakkan mereka supaya kafir dan menolak agama itu. Sebagai contoh yang paling dekat ialah sistem hidup komunis yang mengharamkan pengajian agama dan menghalalkan pengajian menolak Tuhan dan mengadakan undang-undang yang menghalalkan perbuatan-perbuatan yang haram seperti berzina dan minum arak dan menggalakkan orang ramai ke arah itu dengan berbagai-bagai cara bimbingan, dan dalam waktu yang sama memberi gambaran yang buruk kepada mereka supaya jangan mengikut tata susila yang baik yang disyari'atkan di dalam agama Allah. Ia menggunakan undang-undang dan peraturan ini sebagai kewajipan-kewajipan yang pasti yang tidak boleh dielakkan oleh orang ramai.

Pandangan Islam yang memberi kebebasan beragama (dengan agama Allah) dan memberi nilai yang paling tinggi kepada kebebasan itu di dalam hidup manusia adalah satu pandangan yang sesuai dengan tabi'at Islam dan dengan pandangannya terhadap matlamat kewujudan manusia, kerana matlamat kewujudan manusia ialah beribadat kepada Allah (dan termasuk dalam lingkungan ibadat segala kegiatan baik yang dilakukan kerana Allah). Sesuatu yang paling mulia yang dimiliki seseorang insan itu ialah kebebasan beragama (dengan agama Allah). Oleh kerana itu sesiapa yang merampas kebebasan ini dari seseorang dan menindas agamanya secara langsung atau melalui sesuatu perantaraan, maka ia telah melakukan satu jenayah yang lebih besar dari membunuhnya. Oleh sebab itulah Allah mendorongkannya melawan dan membunuhnya, kerana itu ayat ini tidak berkata: *"Perangilah mereka,"* malah berkata:

وَٱقۡتُلُوهُمۡ

"Dan bunuhlah mereka."

وَٱقۡتُلُوهُمۡ حَيۡثُ ثَقِفۡتُمُوهُمۡ

"Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu jumpai mereka..."

Yakni di mana sahaja tempat yang kamu temui mereka dan dalam keadaan apa sahaja mereka berada dan dengan apa cara yang dapat dilakukan kamu, dengan syarat mematuhi peradaban-peradaban Islam yang melarang mencaing-caingkan anggota musuh dan membunuh mereka dengan membakar dengan api.

Tidak dibenarkan berperang di kawasan Masjidil-Haram yang telah ditetapkan Allah sebagai kawasan aman, di mana setiap orang yang berada di kawasan itu mendapat keamanan sebagai memperkenankan do'a kekasih-Nya Ibrahim a.s. Allah telah menjadikan Masjidil-Haram tempat pertemuan manusia, di mana

mereka dapat meni'mati keamanan, kebebasan dan kedamaian. Tidak dibenarkan berperang di kawasan Masjidil-Haram kecuali terhadap orang-orang kafir yang tidak menghormati kesuciannya dan memulakan peperangan terhadap kaum Muslimin di kawasan itu. Ketika inilah orang-orang Islam dibenarkan berperang menentang mereka sehingga berjaya membunuh mereka. Itulah balasan yang sesuai terhadap orang-orang yang kafir yang menindas orang-orang Islam kerana agama mereka dan tidak menghormati kesucian Masjidil-Haram, di mana mereka hidup dengan aman damai:

فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٩٢﴾

"Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(192)

Keberhentian yang mewajarkan mereka mendapat keampunan dan rahmat Allah itu ialah keberhentian mereka dari kekafiran bukannya semata-mata berhenti dari memerangi orang-orang Islam atau menindas mereka kerana agama mereka. Kerana keberhentian dari memerangi dan menindas orang-orang Islam itu hanya membolehkan orang-orang Islam berdamai dengan mereka sahaja, tetapi ia belum mewajarkan mereka untuk mendapat keampunan dan rahmat Allah. Tujuan Al-Qur'an menyebut keampunan dan rahmat di sini ialah untuk menggalakkan orang-orang kafir itu beriman supaya mereka mendapat keampunan dan rahmat setelah mereka bersikap kafir dan melakukan pencerobohan.

Alangkah agungnya Islam! Ia menyebut keampunan dan rahmat kepada orang-orang kafir dan menggugurkan hukum balas bunuh dan bayaran diyah sebaik sahaja mereka memasuki barisan kaum Muslimin yang pernah diperangi dan ditindas mereka dengan berbagai-bagai tindakan yang jahat.

Matlamat peperangan ialah untuk mendapat jaminan agar tidak ada orang yang ditindas kerana memeluk agama Islam dan tidak ada orang yang dihalangkan dari agama Islam dengan menggunakan kekuatan atau sebagainya seperti kekuatan undang-undang yang mereka hayati di bawah naungannya atau peraturan-peraturan yang mengongkong mereka dengan perkara-perkara yang menggoda (iman) mereka, menyesatkan ('aqidah) mereka dan merosakkan (akhlak) mereka. Dan matlamat itu dapat dicapai apabila kedudukan agama Allah itu kuat dan kukuh hingga digeruni musuh-musuhnya. Oleh sebab itu mereka tidak berani bertindak melakukan penindasan, dan tiada siapa pun yang ingin beriman merasa takut dihalang oleh mana-mana kuasa atau takut mendapat penindasan dan tindakan-tindakan yang menyakitinya. Di sini jelaslah bahawa kaum Muslimin adalah ditugas supaya terus berperang sehingga mereka dapat menghapuskan kuasa-kuasa penceroboh dan zalim itu, dan sehingga agama Allah mencapai kemenangan dan kedudukan yang teguh.

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ ۖ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَلَا عُدْوَٰنَ إِلَّا عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩٣﴾

"Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi penindasan dan jadilah agama itu untuk Allah semata-mata, kemudian jika mereka berhenti, maka tidak ada pencerobohan lagi kecuali terhadap orang-orang yang zalim."(193)

Anjuran Jihad Kekal Sehingga Hari Qiamat

Jika ayat ini - ketika turunnya - sedang menghadapi kekuatan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab yang bertindak menindas orang ramai dan menghalangkan perkembangan agama Allah, namun maksud ayat ini adalah umum dan arahannya tetap kekal berterusan (pada bila-bila masa). Anjuran jihad kekal berterusan sehingga hari Qiamat. Kini setiap hari ada sahaja kuasa zalim yang menghalangkan orang ramai dari agama Allah, iaitu menghalangkan mereka mendengar da'wah Allah dan beriman dengan-Nya setelah mereka yakin kepada kebenaran-Nya dan berpegang dengannya dengan aman. Kaum Muslimin adalah ditugaskan pada setiap waktu supaya meleburkan kuasa yang zalim ini dan membebaskan orang ramai dan penindasannya agar mereka dapat mendengar da'wah Allah, memilih agama Allah dan mendapat hidayat Allah.

Larangan terhadap penindasan itu diulangkan sekali lagi pembicaraannya setelah dikecam dan disifatkannya sebagai perbuatan yang lebih kejam dari melakukan pembunuhan. Ulangan ini menyarankan betapa besarnya perkara ini di dalam pandangan Islam, juga mewujudkan satu dasar yang amat besar yang mengadakan - pada hakikatnya - satu hari lahir yang baru bagi manusia di tangan Al-Qur'an, iaitu satu hari lahir yang meletakkan nilai manusia pada nilai 'aqidahnya, di mana hidup seseorang manusia itu diletakkan di sebelah daun neraca dan diletakkan pula 'aqidahnya di sebelah daun neraca yang satu lagi, kemudian menjadi neraca 'aqidah itu lebih berat. Begitu juga mengikut dasar ini dapat ditentukan siapakah musuh-musuh manusia yang sebenar. Mereka ialah orang-orang yang melakukan penindasan terhadap manusia-manusia yang beriman dan menyakiti orang-orang Islam kerana keislaman mereka. Merekalah orang-orang yang menafikan umat manusia dari sebesar-besar unsur kebaikan dan menghalangkan mereka dari agama Allah, dan merekalah golongan yang wajib diperangi dan dibunuh oleh kaum Muslimin di mana sahaja mereka jumpai:

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ

"Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi penindasan dan jadilah agama itu untuk Allah semata-mata."

Dasar agung yang disyari'atkan oleh Islam dalam ayat-ayat pertama Al-Qur'an yang diturun mengenai peperangan ini masih lagi berkuatkuasa dan 'aqidah

Islam juga masih terus menghadapi orang-orang yang mencerobohinya dan mencerobohi pemeluk-pemeluknya dengan berbagai cara, dan penindasan dan tindakan-tindakan kejam juga masih terus menimpa orang-orang yang beriman dalam bentuk individu, kelompok-kelompok dan umat-umat seluruhnya pada setengah-setengah waktu. Dan setiap mereka yang menghadapi penindasan terhadap agamanya dalam apa-apa bentuk sekalipun adalah diwajibkan bangkit melawan dan berperang, dan menegakkan dasar agung yang disyari'atkan oleh Islam itu. Oleh sebab itulah kelahiran dasar ini merupakan hari lahir yang baru bagi umat manusia.

Apabila golongan yang zalim itu berhenti dari melakukan kezaliman dan berhenti dari menjadi batu penghalang di antara manusia dengan Allah Tuhannya, maka mereka tidak lagi boleh dicerobohi dan diperangi, kerana jihad itu hanya ditujukan untuk menghapuskan kezaliman dan orang-orang yang zalim.

فَإِنِ ٱنتَهَوْاْ فَلَا عُدْوَٰنَ إِلَّا عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ١٩٣

"Kemudian jika mereka berhenti, maka tidak ada lagi pencerobohan kecuali ke atas orang-orang yang zalim."(193)[6]

Perbuatan melawan dan menentang orang-orang yang zalim itu dinamakan sebagai pencerobohan adalah bertujuan menyeragamkan kata-kata sahaja, sedangkan yang sebenarnya itulah tindakan yang adil dan saksama dan itulah tindakan mempertahankan orang-orang yang teraniayai dari pencerobohan orang yang zalim.

Kemudian ayat yang berikut menerangkan hukum berperang di dalam bulan-bulan haram sebagaimana sebelum ini telah diterangkan hukum berperang di kawasan Masjidil-Haram.

(Pentafsiran ayat 194)

ٱلشَّهْرُ ٱلْحَرَامُ بِٱلشَّهْرِ ٱلْحَرَامِ وَٱلْحُرُمَٰتُ قِصَاصٌ ۚ فَمَنِ
ٱعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَٱعْتَدُواْ عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا ٱعْتَدَىٰ
عَلَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ١٩٤

"Pencabulan di bulan haram dibalas dengan pencabulan di bulan haram dan pencabulan terhadap perkara-perkara yang suci itu dibalas dengan balasan yang setimpal. Oleh itu sesiapa yang menceroboh kamu maka balaslah dengan pencerobohan yang seimbang dengan pencerobohan mereka terhadap kamu dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah itu bersama orang-orang yang bertaqwa."(194)

Hukum Berperang Dalam Bulan-bulan Haram

Yakni orang yang mencabul kehormatan bulan haram, maka balasannya ia diharamkan dari segala jaminan keamanan yang dijaminkan oleh bulan Haram. Allah telah menjadikan al-Baitul-Haram sebagai kawasan aman dan damai sebagaimana la telah menjadikan bulan Haram itu sebagai masa aman dan damai, di mana keselamatan darah, segala perkara yang suci dan harta benda dipelihara dan dilindungi dan tiada siapa pun yang boleh menyentuh dan bertindak jahat terhadapnya. Sesiapa yang enggan berteduh di kawasan yang aman dan mahu menafikan orang-orang Islam dari meni'matinya, maka balasannya ia dinafikan darinya dan siapa yang mencabul perkara-perkara yang suci, maka tidak lagi dipelihara segala perkara yang suci pihaknya, kerana pencerobohan terhadap perkara-perkara yang suci adalah dibalas dengan pencerobohan yang setimpal, tetapi walaupun diharus membalas pencerobohan itu, namun keharusan itu diletakkan di dalam batas-batas tertentu yang tidak boleh dilampauinya. Ia tidak diharuskan mencabul perkara-perkara yang suci melainkan kerana darurat dan ia hanya diharuskan berbuat begitu sekadar darurat itu sahaja.

فَمَنِ ٱعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَٱعْتَدُواْ عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا ٱعْتَدَىٰ
عَلَيْكُمْ ۚ

"Oleh itu sesiapa yang menceroboh kamu, maka balaslah dengan pencerobohan yang setimpal dengan pencerobohan mereka terhadap kamu.

Yakni tanpa melampaui batas dan tanpa keterlaluan. Perkara ini adalah terserah kepada kepekaan taqwa kaum Muslimin, kerana mereka sendiri sedar - sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini - bahawa mereka sebenarnya telah mendapat kemenangan semata-mata kerana pertolongan Allah. Di sini Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa Allah bersama orang-orang yang bertaqwa selepas ia menyuruh mereka bertaqwa. Dan sudah tentu taqwa itu merupakan sebaik-baik jaminan.

* * * * * *

Hikmat Infaq Fi Sabilillah

Di samping jihad memerlukan kekuatan kaum lelaki, maka ia juga memerlukan kekuatan kewangan. Di masa dahulu seseorang pejuang Islam berusaha menyediakan sendiri kelengkapan-kelengkapan perang, kenderaan perang dan bekalan perang. Di sana tidak ada gaji-gaji tertentu yang diterima oleh pemimpin-pemimpin tentera dan para perajuritnya. Yang ada di sana hanya semangat sukarela untuk mengorbankan nyawa dan harta! Inilah semangat yang diwujudkan oleh 'aqidah Islam apabila segala peraturan ditegakkan di atasnya. 'Aqidah ini tidak

---

[6] *Selepas ini turun di dalam surah al-Bara'ah perintah membunuh seluruh kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab sehingga mereka mengucap dua kalimah syahadat. Ini adalah suatu pindaan yang dibuat sesuai dengan kedudukan Islam dan kaum Muslimin supaya Semenanjung Tanah Arab bersih untuk Islam dan tidak lagi meninggalkan di belakangnya musuh-musuhnya, ketika ia sedang menghadapi penentangan-penentangan Rom dan Parsi di luar Semenanjung Tanah Arab.*

perlu mengeluarkan belanja untuk melindungi dirinya dari penganut-penganutnya dan dari musuh-musuhnya, malah para perajurit dan para panglima sendiri akan tampil dengan sukarela mengeluarkan belanja untuknya.

Tetapi ramai di antara orang-orang Islam yang miskin yang ingin berjihad dan mempertahankan agama Allah dan panji-panji 'aqidah Islam tidak mampu mengadakan kelengkapan dan bekalan perang untuk diri mereka sendiri seperti alat-alat perang dan kenderaan perang, lalu mereka datang menemui Nabi s.a.w. memohon supaya mereka dibawa dengan kenderaan ke medan perjuangan yang jauh yang tidak dapat sampai dengan berjalan kaki, dan apabila tidak ada kenderaan yang dapat membawa mereka ke sana, maka mereka pun pulang dengan air mata yang berlinang sebagaimana telah diceritakan oleh Al-Qur'an:

تَوَلَّواْ وَّأَعۡيُنُهُمۡ تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمۡعِ حَزَنًا أَلَّا يَجِدُواْ
مَا يُنفِقُونَ ٩٢

"Mereka kembali, sedangkan mata mereka penuh digenangi air mata kerana sedih tidak mempunyai sesuatu untuk dibelanjakannya (kerana berjihad)."

(Surah at-Taubah : 92)

Kerana keadaan-keadaan seperti inilah terdapat banyak arahan-arahan Al-Qur'an dan bimbingan nabi supaya mengorbankan perbelanjaan untuk Sabilullah, iaitu perbelanjaan untuk menyediakan kelengkapan-kelengkapan perang bagi para pejuang, dan di kebanyakan tempat di dalam Al-Qur'an seruan berjihad disertakan dengan seruan mengorbankan perbelanjaan untuk Sabilullah.

Infaq Fi Sabilillah

Dalam ayat yang berikut Al-Qur'an mengira keengganan untuk mengorbankan perbelanjaan Sabilullah itu sebagai perbuatan membinasakan diri sendiri yang dilarang melakukannya oleh orang-orang Islam:

وَأَنفِقُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلۡقُواْ بِأَيۡدِيكُمۡ إِلَى ٱلتَّهۡلُكَةِ
وَأَحۡسِنُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٩٥

"Dan belanjakanlah harta kekayaan kamu untuk Sabilullah dan janganlah kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dan lakukanlah amalan yang baik sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan amalan yang baik."(195)

Keengganan mengorbankan perbelanjaan Sabilullah membinasakan jiwa seseorang dengan penyakit kikir dan membinasakan masyarakat Islam dengan kelemahan terutama dalam sistem hidup Islam yang ditegakkan di atas semangat sukarela.

* * * * * *

Martabat Ihsan

Kemudian Al-Qur'an meningkatkan kaum Muslimin dari martabat jihad dan infaq kepada martabat ihsan (membuat kebaikan dengan sebaik-baiknya):

وَأَحۡسِنُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٩٥

"Dan lakukanlah amalan yang baik sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan amalan yang baik."(195)

Martabat ihsan adalah martabat amalan ibadat yang paling tinggi di dalam Islam dan ia telah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa ihsan itu ialah:

أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

"Engkau membuat amalan ibadat seolah-olah engkau melihat-Nya dan jika engkau tidak dapat melihat-Nya maka Dia melihat engkau." [7]

Apabila jiwa seseorang telah sampai kepada martabat ini, maka dia akan melakukan segala keta'atan dan kebaktian, dan akan meninggalkan segala maksiat dan akan bermuraqabah dengan Allah dalam segala perkara sama ada kecil atau besar dalam semua keadaan sama ada sulit atau terang.

Inilah kata-kata kesimpulan yang menamatkan ayat perang dan infaq dan di sinilah Al-Qur'an menyerahkan urusan jihad kepada diri seseorang supaya ia berjihad dengan semangat ihsan yang merupakan setinggi-tinggi martabat keimanan.

* * * * * *

Selepas itu dikemukakan pula pembicaraan mengenai haji, 'umrah dan peraturan upacara-upacaranya. Hubungan yang bersambung-sambung dalam penjelasan ayat-ayat ini amat jelas dapat dilihat di antara pembicaraan mengenai anak bulan selaku tanda-tanda waktu bagi manusia dan i'badat haji dengan pembicaraan mengenai berperang di dalam bulan-bulan haram dan di kawasan-kawasan Masjidil-Haram, juga pembicaraan mengenai haji, 'umrah dan peraturan-peraturan upacaranya di akhir pelajaran ini:

وَأَتِمُّواْ ٱلۡحَجَّ وَٱلۡعُمۡرَةَ لِلَّهِۚ فَإِنۡ أُحۡصِرۡتُمۡ فَمَا ٱسۡتَيۡسَرَ
مِنَ ٱلۡهَدۡيِۖ وَلَا تَحۡلِقُواْ رُءُوسَكُمۡ حَتَّىٰ يَبۡلُغَ ٱلۡهَدۡيُ مَحِلَّهُۥۚ
فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوۡ بِهِۦٓ أَذٗى مِّن رَّأۡسِهِۦ فَفِدۡيَةٞ مِّن
صِيَامٍ أَوۡ صَدَقَةٍ أَوۡ نُسُكٖۚ فَإِذَآ أَمِنتُمۡ فَمَن تَمَتَّعَ بِٱلۡعُمۡرَةِ إِلَى
ٱلۡحَجِّ فَمَا ٱسۡتَيۡسَرَ مِنَ ٱلۡهَدۡيِۚ فَمَن لَّمۡ يَجِدۡ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ

---

7 *Tersebut dalam Sahih Bukhari dan Muslim dalam hadith "al-Iman".*

أَيَّامٍ فِي ٱلْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشَرَةٌ كَامِلَةٌ ذَٰلِكَ
لِمَن لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُۥ حَاضِرِي ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾
ٱلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَٰتٌ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ
ٱلْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي ٱلْحَجِّ
وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ وَتَزَوَّدُوا۟
فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ وَٱتَّقُونِ يَٰٓأُو۟لِي
ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٧﴾
لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا
مِّن رَّبِّكُمْ فَإِذَآ أَفَضْتُم مِّنْ عَرَفَٰتٍ
فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ عِندَ ٱلْمَشْعَرِ ٱلْحَرَامِ
وَٱذْكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمْ وَإِن كُنتُم
مِّن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿١٩٨﴾
ثُمَّ أَفِيضُوا۟ مِنْ حَيْثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ
وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٩٩﴾
فَإِذَا قَضَيْتُم مَّنَٰسِكَكُمْ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَذِكْرِكُمْ
ءَابَآءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن
يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا وَمَا لَهُۥ فِي
ٱلْءَاخِرَةِ مِنْ خَلَٰقٍ ﴿٢٠٠﴾
وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا۟ وَٱللَّهُ
سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٢٠٢﴾
وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ فِيٓ أَيَّامٍ مَّعْدُودَٰتٍ فَمَن تَعَجَّلَ
فِي يَوْمَيْنِ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَن تَأَخَّرَ فَلَآ إِثْمَ
عَلَيْهِ لِمَنِ ٱتَّقَىٰ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ
إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

"Dan hendaklah kamu sempurnakan ibadat haji dan 'umrah dengan ikhlas kerana Allah dan jika kamu dihalangi dari menyempurnakannya, maka bolehlah kamu (bertahallul dengan) menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati dan janganlah kamu mencukurkan kepala kamu sehingga binatang korban itu sampai ke tempat penyembelihannya dan jika di antara kamu ada yang sakit atau mendapat gangguan yang menyakiti di kepalanya lalu ia bercukur, maka wajiblah ia membayar fidyah dengan berpuasa atau bersedekah atau berkorban, dan jika kamu berada dalam keadaan aman, maka sesiapa yang ingin meni'mati kesenangan mengerjakan umrah sebelum haji (dalam bulan haji), maka wajiblah ia menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati dan sesiapa yang tidak boleh mendapat binatang korban, maka hendaklah kamu berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari lagi setelah kamu pulang (ke tempat kamu) itulah sepuluh hari genap berpuasa. Kewajipan itu adalah bagi orang yang tidak menetap di sekitar Masjidil-Haram (Makkah) dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah amat berat balasan seksanya(196). Masa untuk mengerjakan haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh itu sesiapa yang telah menetapkan niatnya hendak mengerjakan haji dalam bulan-bulan itu, maka tidak dibenar mengeluarkan kata-kata seks, membuat maksiat, melakukan sebarang pertengkaran dalam masa mengerjakan haji dan apa sahaja kebajikan yang dilakukan kamu adalah diketahui Allah dan hendaklah kamu mengadakan bekalan, dan sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal(197). Tidak menjadi apa-apa kesalahan bagi kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan berniaga). Kemudian apabila kamu bertolak dari padang 'Arafah ke Muzdalifah maka hendaklah kamu berzikir kepada Allah (dengan do'a dan talbiyah) di al-Masy'aril-Haram dan berzikirlah kepada-Nya sebagaimana ia telah memberi hidayat kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk dalam golongan orang-orang yang sesat(198). Kemudian hendaklah kamu bertolak dari ('Arafah) tempat bertolaknya sekalian orang dan pohonlah keampunan dari Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(199). Apabila kamu selesai menunaikan ibadat haji kamu maka hendaklah kamu menyebut-nyebut (kebesaran) Allah sebagaimana kamu menyebut-nyebutkan (kemegahan) datuk nenek kamu atau lebih banyak dari itu lagi. Di antara manusia terdapat orang-orang yang hanya berdo'a: 'Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia" sedangkan di Akhirat ia tidak mendapat sebarang habuan(200). Dan di antara mereka terdapat pula orang-orang yang berdo'a: 'Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebajikan di dunia dan kebajikan di Akhirat dan lindungkan kami dari 'azab Neraka'(201). Mereka akan memperolehi habuan yang baik dari amalan yang dilakukan mereka dan sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya(202). Dan berzikirlah kepada Allah pada hari-hari yang tertentu dan sesiapa yang segera meninggalkan Mina pada hari yang kedua, maka tidak ada apa-apa dosa ke atasnya dan sesiapa yang lambat meninggalkan Mina tidak ada apa-apa dosa ke atasnya bagi mereka yang bertaqwa dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu akan dikumpulkan kepada-Nya"(203).

Kita tidak mempunyai tarikh yang tertentu bilakah turunnya ayat-ayat ibadat haji ini kecuali satu riwayat sahaja yang menyebut bahawa firman Allah yang berikut:

فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ مِنَ ٱلْهَدْيِ

"Dan jika kamu dihalangi dari menyempurnakannya (haji), maka bolehlah kamu (bertahallul) dengan menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati."

adalah diturun di Hudaybiyah pada tahun yang keenam Hijrah. Begitu juga kita tidak mempunyai tarikh yang diyakini bilakah ibadat haji itu difardhukan di dalam Islam sama ada mengikut pendapat yang mengatakan ia difardhukan dengan ayat:

وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ

"Dan hendaklah kamu sempurnakan ibadat haji dan 'umrah dengan ikhlas kerana Allah".

atau difardhukan dengan ayat:

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

"Dan bagi Allah difardhukan ke atas manusia ibadat haji ke Baitullah, iaitu ke atas sesiapa yang mampu sampai kepadanya".(97)

yang disebut dalam Surah Aali 'Imran: Ayat 97.

Sejarah Fardhu Haji

Kita tidak mendapat riwayat yang qat'i yang menentukan bilakah kedua-dua ayat ini diturunkan. Al-Imam Ibn Qayim al-Jauziyah telah menyebut dalam kitab Zaadul- Ma'ad bahawa ibadat haji itu telah difardhukan dalam tahun yang kesembilan Hijrah atau tahun yang kesepuluh Hijrah berdasarkan kepada riwayat yang mengatakan Rasulullah s.a.w. telah mengerjakan haji al-Wida' pada tahun yang kesepuluh dan bahawa beliau telah menunaikan fardhu itu selepas difardhukannya sama ada di dalam tahun yang kesembilan atau yang kesepuluh, tetapi ini tidak boleh dijadikan sandaran, kerana mungkin di sana ada sebab-sebab yang lain yang membuat Rasulullah s.a.w. menundakan hajinya kepada tahun yang kesepuluh terutama apabila kita perhatikan bahawa beliau telah mengirim Abu Bakr r.a. sebagai amir haji pada tahun yang kesembilan. Ada riwayat yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. sekembalinya dari Peperangan Tabuk bercadang hendak menunaikan haji, kemudian beliau teringat bahawa kaum Musyrikin akan berkumpul di Makkah di musim haji itu mengikut adat kebiasaan mereka dan setengah-setengah mereka bertawaf di Baitullah dengan keadaan bertelanjang bogel. Oleh kerana itu beliau tidak suka bercampur-gaul dengan mereka. Kemudian turun ayat Bara'ah lalu Rasulullah s.a.w. mengutus Ali ibn Abi Talib karramallahu wajhah supaya menyampaikan permulaan ayat Baraa-ah kepada orang ramai dan menamatkan dengannya segala perjanjian dengan kaum Musyrikin serta mengumumkan pada hari korban ketika orang ramai sedang berkumpul di Mina: "Tiada seorang kafir pun yang dapat masuk Syurga, dan tiada seorang musyrik yang dibenarkan mengerjakan haji selepas tahun ini, dan tiada seorang pun yang dibenarkan bertawaf dengan keadaan bertelanjang bogel. Dan siapa yang ada perjanjian dengan Rasulullah s.a.w. maka perjanjian itu akan berakhir mengikut tempohnya". Oleh sebab itulah Rasulullah s.a.w. tidak mengerjakan haji sehingga Baitullah itu bersih dari kaum Musyrikin dan orang-orang yang bertelanjang.

Di sana terdapat bukti yang dapat diterima bahawa fardhu haji dan peraturan-peraturannya telah ditetapkan oleh Islam sebelum ini lagi, kerana ada riwayat yang mengatakan bahawa haji itu telah difardhukan di Makkah sebelum Hijrah lagi. Tetapi pendapat ini mungkin tidak mempunyai sandaran yang kuat. Namun demikian ayat-ayat surah al-Haj yang diturunkan di Makkah - menurut qaul yang arjah - telah menerangkan kebanyakan peraturan-peraturan haji dengan sifatnya sebagai peraturan-peraturan yang telah diajar oleh nabi Ibrahim a.s. Dalam surah ini diterangkan (seperti berikut):

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَٰهِيمَ مَكَانَ ٱلْبَيْتِ أَن لَّا تُشْرِكْ بِى شَيْـًٔا وَطَهِّرْ بَيْتِىَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْقَآئِمِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ ﴿٢٦﴾

وَأَذِّن فِى ٱلنَّاسِ بِٱلْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

لِّيَشْهَدُوا۟ مَنَٰفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ فِىٓ أَيَّامٍ مَّعْلُومَٰتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ ٱلْأَنْعَٰمِ ۖ فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْبَآئِسَ ٱلْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

ثُمَّ لْيَقْضُوا۟ تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا۟ نُذُورَهُمْ وَلْيَطَّوَّفُوا۟ بِٱلْبَيْتِ ٱلْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika kami menyediakan kepada Ibrahim tempat Baitullah (untuk dibangunkan dan menyuruh) janganlah engkau mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain dan bersihkan rumah-Ku (Ka'bah) untuk sekalian orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang berdiri, ruku' dan sujud (mengerjakan solat)(26). Dan serukanlah di kalangan manusia supaya mengerjakan ibadat haji nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan mengenderai setiap unta yang kurus yang datang dari

segenap penjuru yang jauh(27). Supaya mereka dapat menyaksikan berbagai- bagai manfa'at kepada mereka dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang ditentukan kerana (mensyukuri) ni'mat binatang ternakan yang dikurniakan Allah selaku rezeki kepada mereka. Oleh itu makanlah kamu sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagian yang lain) untuk dimakan oleh orang-orang yang susah lagi fakir(28). Kemudian hendaklah mereka menghilang- kan kekotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka dan hendaklah mereka bertawaf di sekeliling rumah yang amat tua itu".(29)

(Surah al-Haj)

ذَٰلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى
ٱلْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾
لَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ مَحِلُّهَآ إِلَى ٱلْبَيْتِ
ٱلْعَتِيقِ ﴿٣٣﴾

"Demikianlah (perintah Allah) dan barang siapa yang membesar-besarkan syi'ar-syi'ar Allah, maka sesungguhnya perbuatan itu adalah lahir dari ketaqwaan hati(32). Dihalalkan kepada kamu mengambil manfa'at dari binatang-binatang yang bakal dikorbankan itu sehingga sampai kepada waktu yang ditentukan, kemudian tempat penyembelihannya (yang wajib) ialah (ketika sampai) ke kawasan Baitullah yang amat tua."(33)

(Surah al-Haj)

وَٱلْبُدْنَ جَعَلْنَٰهَا لَكُم مِّن شَعَٰٓئِرِ ٱللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ
فَٱذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا صَوَآفَّ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا
فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْقَانِعَ وَٱلْمُعْتَرَّ كَذَٰلِكَ سَخَّرْنَٰهَا
لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾
لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقْوَىٰ
مِنكُمْ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا
هَدَىٰكُمْ وَبَشِّرِ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

"Dan Kami telah jadikan unta-unta (atau lembu-lembu) untuk kamu sebagai salah satu dari syi'ar-syi'ar Allah yang kamu memperolehi kebaikan yang banyak daripadanya. Oleh itu sebutkanlah nama Allah ketika kamu menyembelihkannya dalam keadaan berdiri dan apabila unta itu tumbang (mati) maka makanlah kamu sebahagiannya dan berikan kepada orang yang susah yang memada dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta) dan kepada orang yang meminta untuk dimakan mereka. Demikianlah Kami jadikan binatang- binatang itu untuk kamu supaya kamu bersyukur(36). Daging-daging korban itu tidak akan sampai kepada Allah dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah taqwa daripada kamu. Demikianlah Allah telah menjadikan unta-unta itu untuk kamu supaya kamu mengagung-agungkan Allah kerana (mensyukuri) ni'mat yang dikurniakan kepada kamu dan sampaikan- lah berita gembira kepada para Muhsinin."(37)

(Surah al-Haj)

Di dalam ayat-ayat ini disebut atau diisyaratkan kepada binatang korban, penyembelihan korban, tawaf dan tahallul dari ihram dan menyebut nama Allah yang merupakan syi'ar- syi'ar ibadat haji yang asasi. Ayat-ayat itu ditujukan kepada umat Islam yang disambungkan dengan sejarah moyang mereka Nabi Ibrahim a.s. Semuanya ini menunjukkan bahawa ibadat haji itu telah difardhukan pada waktu yang awal lagi kerana ia merupakan syi'ar Ibrahim yang kepadanya dihubungkan kaum Muslimin. Dan andainya ibadat haji itu telah menemui halangan-halangan akibat pertarungan yang wujud di antara kaum Muslimin dengan kaum Musyrikin yang pada masa itu menjadi penjaga-penjaga Ka'bah yang menyebabkan ibadat haji tidak dapat ditunaikan, maka itu merupakan satu perkara yang lain. Di bahagian-bahagian awal surah ini kami telah menegaskan bahawa setengah-setengah kaum Muslimin telah menunaikan fardhu haji secara perseorangan di waktu-waktu yang awal lagi selepas perubahan kiblat pada tahun yang kedua Hijrah.

Walau bagaimanapun, cukuplah bagi kita dengan keterangan sebanyak ini mengenai sejarah fardhu haji untuk menghadapi ayat-ayat yang dikemukakan di sini tentang syi'ar haji dan berbagai arahan dan bimbingan yang dikemukakan di celah-celah ayat itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 196)

وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ
مِنَ ٱلْهَدْىِ وَلَا تَحْلِقُوا۟ رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ ٱلْهَدْىُ مَحِلَّهُۥ
فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ بِهِۦٓ أَذًى مِّن رَّأْسِهِۦ فَفِدْيَةٌ مِّن
صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَمَن تَمَتَّعَ بِٱلْعُمْرَةِ إِلَى
ٱلْحَجِّ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ مِنَ ٱلْهَدْىِ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ
أَيَّامٍ فِى ٱلْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشَرَةٌ كَامِلَةٌ ذَٰلِكَ
لِمَن لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُۥ حَاضِرِى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾

"Dan hendaklah kamu sempurnakan ibadat haji dan 'umrah dengan ikhlas kerana Allah dan jika kamu dihalangi dari menyempurnakannya, maka bolehlah kamu (bertallahul dengan) menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati dan janganlah kamu mencukurkan kepala kamu sehingga binatang korban itu sampai ke tempat

penyembelihannya dan jika di antara kamu ada yang sakit atau mendapat gangguan yang menyakiti di kepalanya lalu ia bercukur, maka wajiblah ia membayar fidyah dengan berpuasa atau bersedekah atau berkorban, dan jika kamu berada dalam keadaan aman, maka sesiapa yang ingin meni'mati kesenangan mengerjakan umrah sebelum haji (dalam bulan haji), maka wajiblah ia menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati dan sesiapa yang tidak boleh mendapat binatang korban, maka hendaklah kamu berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari lagi setelah kamu pulang (ke tempat kamu) itulah sepuluh hari genap berpuasa. Kewajipan itu adalah bagi orang yang tidak menetap di sekitar Masjidil-Haram (Makkah) dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah amat berat balasan seksanya."(196)

Ciri pertama yang dapat diperhatikan dalam susunan ayat ini ialah kehalusan pengungkapan dalam menjelaskan hukum-hukum dan dalam pembahagian ceraian-ceraian ayat hingga setiap ayat dapat berdiri sendiri menerangkan hukum- hukum yang menjadi matlamat ayat itu dan mengemukakan pengecualian-pengecualian bagi setiap hukum sebelum berpindah kepada suatu hukum yang lain, kemudian pada akhirnya semua hukum itu diikatkan dengan perasaan taqwa dan takut kepada Allah.

Ceraian pertama ayat ini mengandungi perintah supaya menyempurnakan kerja-kerja ibadat haji dan 'umrah secara umumnya apabila seseorang yang mengerjakan haji atau 'umrah itu telah memulakan ihram dengan 'umrah atau dengan haji atau dengan kedua-duanya sekali dan membulatkan kedua-dua ibadat itu kepada Allah semata- mata.

وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ

"Dan hendaklah kamu sempurnakan ibadat haji dan 'umrah dengan ikhlas kerana Allah."

Perintah ini telah difaham oleh setengah-setengah mufasirin sebagai pengumuman fardhu haji, sementara setengah-setengah yang lain memahaminya sebagai perintah supaya menyempurnakan ibadat itu apabila dimulakannya. Pendapat ini lebih kuat dan jelas kerana ibadat 'umrah bukanlah ibadat yang wajib di sisi sekalian mufassirin, walaupun demikian di sini dikemukakan perintah supaya menyempurnakan ibadat itu sama seperti ibadat haji. Ini menunjukkan bahawa maksud ayat ini ialah menyuruh menyempurnakan ibadat itu bukannya mengumumkan kefardhuannya dengan nas ini. Dan difaham dari perintah ini juga, walaupun 'umrah itu pada awalnya tidak wajib, tetapi apabila seseorang itu telah berihram dengannya, maka wajiblah ia menyempurnakannya. Ibadat 'umrah sama dengan ibadat haji dari segi syi'ar-syi'arnya kecuali wuquf di 'Arafah. Pendapat yang paling masyhur ialah 'umrah itu boleh ditunaikan di sepanjang tahun bukannya ditentukan dengan bulan-bulan yang tertentu seperti ibadat haji.

Kemudian perintah am menyempurnakan kerja ibadat 'umrah dan haji itu dikecualikan di dalam kes ihsar (mendapat halangan), di mana orang yang mengerjakan, haji atau 'umrah itu tidak dapat menyempurnakan syi'ar-syi'ar ibadat itu kerana dihalangkan oleh musuh -pendapat ini dicapai dengan sebulat kata para ulama' atau seseorang itu tidak dapat menyempurnakan kerja-kerja haji dan 'umrah itu kerana dihalangkan oleh sakit atau sebagainya, maka pendapat para ulama' telah berselisih dalam pentafsiran ihsar dengan sakit ini, tetapi pendapat yang arjah ialah sah ihsar dengan.

فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ مِنَ ٱلْهَدْىِ

"Dan jika kamu dihalangi dari menyempurnakannya, maka bolehlah kamu (bertallahul dengan) menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati."

Dalam keadaan ini hendaklah orang yang mengerjakan haji atau 'umrah menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati dan bertahallul dari ihramnya di tempat ia sampai, walaupun dia belum lagi sampai ke Masjidil-Haram dan belum lagi melakukan syi'ar-syi'ar ibadat haji dan 'umrah selain dari berihram di Miqat (tempat khas bagi orang yang mengerjakan ibadat haji atau 'umrah memulakan ihram dengan haji atau 'umrah atau kedua-duanya sekali dan menanggalkan pakaian-pakaian berjahit dan diharamkan mencukur atau menggunting rambutnya atau mengerat kukunya sebagaimana ia diharamkan memburu binatang daratan dan memakannya...).

Inilah yang telah berlaku di Hudaybiyah apabila kaum Musyrikin bertindak menghalang Nabi s.a.w. dan orang-orang Islam yang ada bersama beliau dari sampai ke Masjidil-Haram pada tahun yang keenam Hijrah. Kemudian mereka mengadakan perjanjian damai Hudaybiyah yang membenarkan beliau mengerjakan 'umrah pada tahun hadapan. Ada riwayat yang menyebut bahawa di sinilah ayat ini diturunkan dan bahawa Rasulullah s.a.w. telah memerintah orang-orang Islam yang ada bersama beliau supaya menyembelihkan binatang-binatang korban di tempat mereka sampai dan bertahallul dari ihram mereka, tetapi mereka berlengah-lengah dari melaksanakan perintah itu. Mereka merasa amat berat untuk bertahallul sebelum binatang-binatang korban itu sampai ke tempatnya yang wajar, iaitu tempat yang lazim disembelihkan korban itu sehingga Nabi s.a.w. sendiri menyembelihkan binatang korbannya di hadapan mereka dan bertahallul dari ihramnya. Barulah mereka turut membuatnya.[8]

Maksud binatang-binatang korban yang mudah didapati ialah binatang-binatang unta, lembu, biri-biri dan kambing. Seekor unta atau lembu boleh dikongsi oleh beberapa orang haji sebagaimana yang telah

---

[8] *Sila lihat huraian terperinci dalam pentafsiran surah al-Fath.*

berlaku pada 'umrah di Hudaybiyah, di mana setiap tujuh orang berkongsi menyembelih seekor unta. Inilah maksud menyembelih binatang-binatang korban yang boleh didapati dengan mudah, dan harus bagi seorang mengorbankan seekor biri- biri atau kambing dan korban ini dikira memada baginya.

Hikmat dan tujuan pengecualian dalam kes ihsar yang dilakukan oleh musuh sebagaimana yang telah berlaku pada tahun al-Hudaybiyah atau dalam kes ihsar kerana ditimpa sakit ialah untuk memberi kemudahan. Tujuan utama dari amalan-amalan ibadat haji ialah untuk merangsangkan perasaan taqwa dan keinginan berdamping dengan Allah dan melaksanakan keta'atan-keta'atan yang difardhukan Allah. Kemudian apabila musuh berhenti menghalang atau jika sakit dan sebagainya tidak lagi menghalangkan perjalanan, maka orang yang mengerjakan haji atau 'umrah itu tidak dinafikan dari pahala haji atau 'umrahnya dan dia dianggap telah menyempurnakan ibadat itu. Oleh itu bolehlah ia menyembelihkan binatang korbannya dan bertahallul dari ihramnya. Inilah kemudahan yang sesuai dengan semangat Islam dan dengan matlamat peraturan-peraturan upacara haji dan dengan matlamat ibadat.

Selepas mengemukakan pengecualian dari perintah pertama yang am itu, ayat yang berikut kembali mengumumkan satu peraturan am yang baru dari peraturan- peraturan ibadat haji dan 'umrah.

وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحِلَّهُ

"Dan janganlah kamu mencukurkan kepala kamu sehingga binatang-binatang korban itu sampai ke tempat penyembelihannya."

Hukum Bercukur

Larangan ini dikenakan ke atas orang yang dapat menyempurnakan ibadat haji atau 'umrah tanpa mendapat halangan (ihsar). Dalam keadaan ini ia tidak diharuskan mencukurkan kepala, iaitu bertahallul dari ihram haji atau 'umrah atau kedua-duanya (jika dilakukan serentak) setelah binatang korban itu sampai ke tempat penyembelihannya selepas wuquf di 'Arafah dan bertolak darinya. Penyembelihan itu dilakukan di Mina pada hari yang kesepuluh Zulhijjah dan di waktu inilah seorang yang berihram itu bertahallul. Adapun sebelum binatang-binatang korban itu sampai ke tempat penyembelihannya, maka tidak dibolehkan bercukur dan bergunting dan bertallahul.

Untuk dikeluarkan (kes tertentu) dari peraturan am ini dikemukakan pengecualian (yang berikut):

فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ بِهِۦٓ أَذًى مِّن رَّأْسِهِۦ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ

"Dan jika di antara kamu ada yang sakit atau mendapat gangguan yang menyakiti di kepalanya lalu ia bercukur, maka wajiblah ia membayar fidyah dengan berpuasa atau bersedekah atau menyembelih korban."

Yakni dalam keadaan menghidapi penyakit yang memerlukan dicukur kepala atau mendapat gangguan yang menyakiti diri dari kutu-kutu yang terkumpul di dalam rambut yang memanjang dan tidak disikat, maka Islam - selaku agama yang mudah dan tunduk kepada kenyataan - mengharuskan kepada orang yang sedang dalam ihram itu mencukurkan rambutnya sebelum binatang korban yang dibawa olehnya ketika ihram itu sampai ke tempatnya dan sebelum ia menyempurnakan kerja-kerja haji, tetapi wajiblah ia membayar fidyah, iaitu berpuasa selama tiga hari atau bersedekah dengan memberi makan enam orang miskin atau menyembelih kambing atau biri-biri dan bersedekah dengannya. Penentuan fidyah ini berdasarkan hadith Nabi s.a.w. - ujar al-Bukhari dengan isnadnya kepada Ka'b ibn Ujrah katanya: "Aku telah dibawa kepada Nabi s.a.w. sedangkan kutu-kutu bertaburan di mukaku lalu beliau bersabda: 'Aku tidak fikir engkau tenat sampai begini. Apakah engkau boleh mendapat biri-biri?' Jawabku: "Tidak." lalu beliau bersabda:

صم ثلاثة أيام، أو أطعم ستة مساكين، لكل مسكين نصف صاع من طعام، وأحلق رأسك.

"Berpuasalah tiga hari atau beri makan enam orang miskin, setiap orang miskin setengah gantang makanan dan cukurlah kepala engkau."

Kemudian ayat yang berikut kembali menjelaskan satu peraturan am yang baru mengenai haji dan 'umrah:

فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَمَن تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ

"Dan jika kamu berada dalam keadaan aman, maka sesiapa yang ingin meni'mati kesenangan mengerjakan 'umrah sebelum haji (dalam bulan haji) maka wajiblah ia menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati."

Hukum Haji Tamattu'

Yakni jika kamu tidak diihsar dan dapat menunaikan syi'ar-syi'ar ibadat haji dan 'umrah, maka sesiapa yang ingin bertamattu' mengelakkan 'umrah sebelum haji, maka hendaklah ia menyembelihkan mana-mana binatang korban yang mudah didapati. Huraian peraturan ini ialah begini: Seseorang Muslim kadang-kadang keluar untuk mengerjakan 'umrah lalu ia berihram dengan 'umrah di miqatnya dan apa-bila ia selesai mengerjakan 'umrah - iaitu dengan mengerjakan tawaf di Baitullah dan Sa'i di antara bukit Safa dan bukit Marwah - maka ia berihram pula dengan haji dengan menunggu harinya. Ini jika ia berada di dalam bulan-bulan haji, iaitu Syawal, Zulkaedah dan sepuluh hari pertama Zulhijjah. Ini merupakan salah satu gambaran tamattu' mengerjakan 'umrah sebelum haji. Gambaran yang kedua ialah ia berihram di Miqat dengan 'umrah dan haji sekali dan apabila ia selesai menunaikan ibadat 'umrah ia menunggu pula sehingga tiba masa haji. Inilah gambaran yang kedua tamattu' dan dalam

kedua- dua gambaran itu orang yang mengerjakan 'umrah yang bertamattu' itu wajiblah menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati selepas selesai 'umrahnya supaya ia bertahallul darinya dan dia boleh meni'mati kebebasan melakukan larangan-larangan semasa ihram di antara masa selepas menunaikan 'umrah dengan masa ia menunaikan haji. Binatang-binatang korban yang mudah didapati ialah meliputi binatang korban yang boleh didapati sama ada unta dan lembu, biri-biri dan kambing.

Dan jika ia tidak boleh mendapat mana-mana binatang korban, maka hendaklah ia membayar fidyah:

فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ أَيَّامٍ فِى ٱلْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۗ تِلْكَ عَشَرَةٌ كَامِلَةٌ ۗ

"Dan sesiapa yang tidak boleh mendapat binatang- binatang korban, maka hendaklah kamu berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari lagi selepas kamu pulang (ke tempat kamu) itulah sepuluh hari genap berpuasa."(196)

Yang aula ialah berpuasa tiga hari sebelum wuquf di 'Arafah pada hari yang kesembilan Zulhijjah, dan berpuasa tujuh hari yang baki selepas ia pulang dari haji ke negerinya itulah:

تِلْكَ عَشَرَةٌ كَامِلَةٌ ۗ

"Itulah sepuluh hari genap berpuasa."

Penjelasan ini ditekankan supaya bertambah terang. Mungkin juga hikmat menyembelih korban dan berpuasa itu ialah untuk melanjutkan hubungan hati dengan Allah dalam masa di antara 'umrah dan haji agar keadaan bebas di antara keduanya tidak mengeluarkan seseorang dari suasana haji, suasana muraqabah dan suasana segan dan malu yang menemani hati di dalam ibadat ini.

Oleh sebab penduduk tanah haram yang tinggal di sana tidak diberi peluang mengerjakan 'umrah kepada mereka, malah hanya diberi peluang mengerjakan haji sahaja, maka tidak ada tamattu' bagi mereka dan tidak ada kebebasan bagi mereka di antara 'umrah dan haji itu, oleh kerana itulah dengan sendirinya tidak dikenakan fidyah dan puasa ke atas mereka:

ذَٰلِكَ لِمَن لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُۥ حَاضِرِى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۚ

"Kewajipan itu adalah bagi orang yang tidak menetap di sekitar Masjidil-Haram (Makkah)."

Apabila penerangan hukum-hukum haji dan 'umrah itu sampai di sini, maka Al-Qur'an berhenti sebentar untuk membuat ulasan ala Qur'an yang bertujuan mengikatkan hati kepada Allah dan kepada ketaqwaan kepadanya:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah amat berat balasan seksanya."

Yakni taqwalah yang menjamin pelaksanaan hukum-hukum ini. Taqwa ialah perasaan takut kepada Allah dan gerun kepada pembalasan-Nya. Keadaan ihram itu diiringi oleh perasaan segar dan malu, oleh itu apabila keadaan bebas telah memberi kebebasan kepada mereka seketika, maka perasaan taqwa dan takut kepada Allah akan merangsangkan perasaan sopan santun terhadap Allah dan mengadakan kawalan yang berhemat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 197)

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus menjelaskan hukum-hukum ibadat haji khususnya. Ia menjelaskan masa- masa ibadat haji dan peradaban-peradabannya dan mengakhiri bahagian ayat yang baru ini dengan saranan taqwa sama seperti pengakhirannya di bahagian awal tadi:

ٱلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَٰتٌ ۚ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ ٱلْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِى ٱلْحَجِّ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ ۗ وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٧﴾

"Masa untuk mengerjakan haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh itu sesiapa yang telah menetapkan niatnya hendak mengerjakan haji dalam bulan-bulan itu, maka tidak dibenar mengeluarkan kata-kata seks, membuat sebarang maksiat, melakukan sebarang pertengkaran dalam masa mengerjakan haji dan apa sahaja kebajikan yang dilakukan kamu adalah diketahui Allah dan hendaklah kamu mengadakan bekalan, dan sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal."(197)

Bulan-bulan Haji

Zahir nas ini menjelaskan bahawa haji itu mempunyai waktu yang tertentu, iaitu pada beberapa bulan yang tertentu iaitu Syawal, Zulkaedah, dan sepuluh hari pertama Zulhijjah. Berdasarkan nas ini tidak sah ihram untuk haji melainkan di dalam bulan-bulan yang ditentukan itu sahaja. Walaupun begitu ada setengah mazhab mengatakan sah berihram dengan haji di sepanjang tahun dan menentukan bulan-bulan yang tertentu ini untuk menunaikan syi'ar-syi'ar haji pada masa-masanya yang termaklum. Pendapat yang akhir ini dipegang oleh imam- imam Malik, Abu Hanifah dan Ahmad ibn Hanbal. Pendapat ini juga diriwayatkan dari Ibrahim an-Nakh'i, at-Thauri dan al-Laith ibn Sa'ad, sementara pendapat yang pertama pula dipegang oleh al-Imam asy-Syafi'i dan

pendapat ini juga diriwayatkan dari Ibn Abbas, Jubayr, 'Atta', Tawus dan Mujahid dan ia merupakan pendapat yang azhar.

Oleh itu barang siapa yang mewajibkan ke atas dirinya menunaikan ibadat haji dengan berihram dengannya pada bulan-bulan yang termaklum itu, (maka hendaklah ia mematuhi larangan-larangan ini).

فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي ٱلْحَجِّ

"Maka tidak dibenar mengeluarkan sebarang kata-kata seks, membuat sebarang maksiat, melakukan sebarang pertengkaran dalam masa mengerjakan haji."(197)

Pantang-larang Semasa Mengerjakan Haji

Makna ar-Rafath ialah perbuatan menyebut kata-kata persetubuhan dan kata-kata yang mendorong ke arahnya sama ada secara umum atau di hadapan perempuan. Makna "al-Jidal" ialah perbuatan bertengkar atau berbalah yang menimbulkan kemarahan, dan makna al-Fusuq ialah melakukan maksiat sama ada besar atau kecil. Larangan ini bertujuan meninggalkan segala sesuatu yang bertentangan dengan suasana sopan santun terhadap Allah dan suasana penumpuan diri kepada Allah dalam masa ihram, juga bertujuan meningkatkan diri dari keinginan-keinginan bumi dan melakukan latihan rohani supaya bergantung kepada Allah sahaja, beradab sopan di rumah-Nya bagi sesiapa yang berkunjung kepadanya dengan diri yang bersih dari segala-galanya hingga dari segala pakaian yang berjahit.

Setelah melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang buruk, maka ayat berikut menggalakkan pula melakukan perbuatan-perbuatan yang elok:

وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ

"Dan apa sahaja kebajikan yang dilakukan kamu adalah diketahui Allah."

Bagi hati seorang Mu'min, kenangan bahawa Allah mengetahui segala kebajikan yang dilakukan olehnya sudah cukup untuk menjadi pendorong ke arah melakukan perbuatan yang baik supaya Allah melihat dan mengetahuinya. Ini sahaja merupakan satu balasan sebelum mendapat balasan Akhirat.

Bekalan Dalam Perjalanan Haji

Kemudian (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an menyeru mereka menyediakan bekalan di dalam perjalanan haji, iaitu bekalan jasmani dan bekalan rohani. Ada riwayat yang menyebut bahawa serombongan penduduk negeri Yaman keluar dari kampung halaman mereka untuk mengerjakan haji tanpa membawa apa-apa bekalan. Mereka berkata: Kami berkunjung ke rumah Allah dan takkanlah Dia tidak memberi makan kepada kami! Perkataan ini - di samping bertentangan dengan ajaran Islam yang menyuruh seseorang menyediakan kelengkapan-kelengkapan yang cukup ketika hatinya bertawajjuh kepada Allah dan bergantung sepenuh kepada-Nya - adalah juga membawa bau tidak sopan-santun ketika bercakap tentang Allah dan membawa bau membangkit-bangkit terhadap Allah dengan mengatakan bahawa mereka adalah pengunjung-pengunjung ke rumah Allah, dan kerana itu Allahlah yang berkewajipan memberi makan kepada mereka. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengarah (orang-orang yang hendak mengerjakan haji) supaya mengadakan dua jenis bekalan serta menyaran supaya bertaqwa dalam satu ungkapan am yang memberi saranan yang berkekalan:

وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ
يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿١٩٧﴾

"Dan hendaklah kamu mengadakan bekalan dan sebaik-baik bekalan ialah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal."(197)

Taqwa merupakan bekalan dan makanan hati dan jiwa. Dengan taqwa hati mendapat tenaga kekuatannya, mencapai kesuburan dan kegemilangannya. Taqwa merupakan tempat pergantungan hati untuk sampai kepada Allah dan mencapai keselamatan, dan orang-orang yang berakal merupakan orang-orang yang pertama dapat memahami bimbingan kepada taqwa dan merekalah sebaik-baik orang yang mendapat manfa'at dari bekalan taqwa ini.

Pentafsiran ayat-ayat (198 - 199)

Hukum Berniaga Dalam Mengerjakan Haji

Kemudian ayat-ayat berikut terus menjelaskan hukum- hukum haji dan peraturan-peraturannya. Di sini ia menjelaskan hukum menjalankan perniagaan atau bekerja mengambil upah atau memberi sewa kenderaan oleh orang yang mengerjakan haji, dan hukum ifadhah (bertolak dari 'Arafah) dan tempatnya, serta zikir-zikir dan istighfar yang seharusnya dibaca selepas ifadhah itu:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا
مِّن رَّبِّكُمْ ۚ فَإِذَآ أَفَضْتُم مِّنْ عَرَفَـٰتٍ
فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ عِندَ ٱلْمَشْعَرِ ٱلْحَرَامِ ۖ
وَٱذْكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمْ وَإِن كُنتُم
مِّن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿١٩٨﴾
ثُمَّ أَفِيضُوا۟ مِنْ حَيْثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ
وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٩٩﴾

"Tidak menjadi apa-apa kesalahan bagi kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan berniaga).

Kemudian apabila kamu bertolak dari padang 'Arafah ke Muzdalifah maka hendaklah kamu berzikir kepada Allah (dengan do'a dan talbiyah) di al-Masy'aril-Haram dan berzikirlah kepada-Nya sebagaimana Ia telah memberi hidayat kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk dalam golongan orang-orang yang sesat(198). Kemudian hendaklah kamu bertolak dari ('Arafah) tempat bertolaknya sekalian orang dan pohonlah keampunan dari Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(199)

Ujar al-Bukhari dengan isnadnya dari Ibn Abbas katanya: 'Ukkaz, Majanah dan Zul-majaz merupakan pasar-pasar di zaman jahiliyah. Mereka enggan dan merasa berdosa menjalankan perniagaan di musim haji lalu turun ayat:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ

Abu Daud telah meriwayatkan dengan isnadnya dari satu saluran yang lain hingga kepada Ibn Abbas katanya: Dahulu mereka mengelakkan diri dari jual beli dan berniaga di dalam musim haji. Mereka berkata: Musim haji itu ialah musim berzikir lalu Allah menurunkan ayat:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ

Dalam satu riwayat lain dari Abu Umamah at-Taymi katanya aku bertanya kepada Ibn 'Umar: Kami memberi sewa kenderaan, adakah kami mendapat pahala haji? Lalu Ibn 'Umar bertanya: "Tidakkah kamu bertawaf di Baitullah dan melakukan kebaikan, melontar jamrah dan mencukur kepala kamu?" Katanya: Kami menjawab: "Ya. Maka Ibn 'Umar pun mencerita: "Ada seorang lelaki datang menemui Nabi s.a.w. dan bertanya kepadanya masalah yang engkau bertanya kepada aku tadi, tetapi beliau tidak menjawab pertanyaannya sehingga Jibril turun dengan ayat ini:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ

Dalam satu riwayat lain dari Abu Saleh Maula 'Umar (diriwayatkan oleh Ibn Jarir) katanya: Aku berkata (kepada 'Umar): "Wahai Amirul Mu'minin! Adakah anda sekalian berniaga di musim haji?"Jawab 'Umar: "Bukankah mereka tidak mencari kehidupan mereka melainkan di dalam musim haji?".

Perasaan segan dan merasa bersalah berniaga (di musim haji) yang disebut oleh dua riwayat yang pertama dan merasa bersalah memberi sewa dan mengambil upah dalam musim haji yang disebut di dalam riwayat yang ketiga merupakan sebahagian dari perasaan-perasaan segan dan bersalah yang ditanam oleh Islam di dalam hati mereka terhadap setiap perkara yang lumrah di masa jahiliyah. Mereka lebih dahulu menunggu pendapat Islam sebelum melakukannya. Inilah keadaan yang telah kami jelaskan di awal juzu' ini ketika memperkatakan tentang perasaan segan mereka hendak bertawaf di Bukit Safa dan Marwah.

Ayat yang mengharuskan berjual beli, mengambil upah dan memberi sewa kenderaan di musim haji telah diturunkan, dan Al-Qur'an menamakan kegiatan itu sebagai kegiatan mencari limpah kurnia Allah:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ

"Tidak menjadi apa-apa kesalahan bagi kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan berniaga)"

supaya setiap orang yang melakukan kegiatan ini merasa bahawa dia sebenarnya mencari limpah kurnia Allah ketika ia berniaga, mengambil upah dan mencari rezeki. Dia bukannya memberi rezeki kepada diri sendiri dengan kerja-kerjanya itu, malah dia hanya mencari limpah kurnia Allah lalu rezeki itu diberikan oleh Allah. Oleh itu adalah lebih wajar baginya jangan melupakan hakikat ini, iaitu dia hanya mencari limpah kurnia Allah dan dia mendapat limpah kurnia ini ketika dia berusaha dan ketika dia memperolehi rezekinya dari punca-punca pencarian rezeki. Apabila perasaan ini tertanam di dalam hatinya ketika mencari rezeki, maka dia sedang berada di dalam keadaan ibadat kepada Allah yang tidak bertentangan dengan ibadat haji yang bertawajjuh kepada Allah itu. Apabila Islam telah menanamkan perasaan ini di dalam hati seseorang Mu'min, maka ia membebaskannya bekerja dan bergiat dalam apa bidang yang dikehendakinya kerana setiap kegiatannya itu dikira ibadat belaka di maqam ini.

Oleh sebab itulah Allah menjadikan pembicaraan mencari rezeki sebagai sebahagian dari ayat yang membicarakan saki-baki peraturan-peraturan atau syi'ar-syi'ar haji, di mana ia menyebut peraturan ifadhah dan berzikir di al-Masy'aril-Haram.

فَإِذَآ أَفَضْتُم مِّنْ عَرَفَٰتٍ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ عِندَ ٱلْمَشْعَرِ ٱلْحَرَامِ ۖ وَٱذْكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمْ وَإِن كُنتُم مِّن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿١٩٨﴾

"Kemudian apabila kamu bertolak dari padang 'Arafah ke Muzdalifah maka hendaklah kamu berzikir kepada Allah (dengan do'a dan talbiyah) di al-Masy'aril-Haram dan berzikirlah kepada-Nya sebagaimana Ia telah memberi

hidayat kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk dalam golongan orang-orang yang sesat."(198)

Wuquf di 'Arafah merupakan tiang seri amalan-amalan haji. Ashabus-Sunan telah meriwayatkan dengan isnad yang sahih daripada at-Thauri dari Bukayr, dari 'Atta', dari Abdul Rahman ibn Ma'mar ad-Daylami katanya: Aku dengar Nabi s.a.w. bersabda:

ألحج عرفات – ثلاثاً – فمن أدرك عرفة قبل أن يطلع الفجر فقد أدرك، وأيام منى ثلاثة، فمن تعجل فى يومين فلا إثم عليه، ومن تأخر فلا إثم عليه

"Haji itu ialah wuquf di 'Arafah - tiga kali - oleh itu barang siapa sempat wuquf di 'Arafah sebelum naik fajar bererti ia telah mendapat ibadat haji. Hari-hari tinggal di Mina itu tiga hari dan sesiapa yang bertolak segera meninggalkan Mina pada hari yang kedua, maka tidak ada apa-apa dosa ke atasnya dan sesiapa yang lambat meninggalkan Mina, maka tidak ada apa-apa dosa ke atasnya."

Wukuf Di 'Arafah Dan Peraturan Bertolak Darinya

Waktu wuquf di 'Arafah ialah mulai dari gelincir matahari (Zohor) hari 'Arafah - iaitu hari yang kesembilan Zulhijjah - sehingga naik fajar hari korban. Di sana ada satu pendapat yang dipegang oleh al-Imam Ahmad, iaitu waktu wuquf itu mulai dari awal hari 'Arafah. Ini berpegang kepada satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan para Ashabus-Sunan dan disahihkan oleh at-Tirmizi. Dari al-Sya'bi dari 'Urwah ibn Mudharris ibn Harithah ibn Lam at-Ta'i katanya: Aku datang menemui Rasulullah s.a.w. di Muzdalifah ketika beliau keluar sembahyang lalu aku berkata kepadanya: Wahai Rasulullah, saya datang dari Jabal Tay'i, saya telah mengalungkan kenderaan saya dan memenatkan diri saya. Demi Allah tiada bukit melainkan kami berhenti padanya. Adakah saya mendapat haji? Jawab Rasulullah s.a.w.:

من شهد صلاتنا هذه فوقف معنا حتى ندفع، وقد وقف بعرفة قبل ذلك ليلاً أو نهاراً، فقد تم حجه وقضى تفثه

"Barang siapa yang mengikuti solat kami ini dan wuquf bersama kami hingga kami bertolak dan sebelum ini dia telah wuquf di 'Arafah sama ada di waktu malam atau di waktu siang, maka sempurnalah hajinya dan habislah kekotorannya."

Rasulullah s.a.w. telah menetapkan waktu wuquf ini dengan mana-mana waktu dari dua pendapat ini, dan melanjutkan waktu wuquf di 'Arafah sehingga naik fajar hari korban, iaitu hari yang ke sepuluh Zulhijjah untuk menyalahi masa wuquf kaum Musyrikin. Menurut riwayat Ibn Mardawayh dan al-Hakim di dalam Al-Mustadrak dan kedua-duanya dari hadith Abdul Rahman ibn al-Mubarak al-'Aisyi dengan isnadnya dari al-Miswar ibn Makhramah katanya: Rasulullah s.a.w. telah berucap kepada kami di 'Arafah. Beliau mengucap Alhamdulillah dan memuji-muji Allah kemudian bersabda - amma ba'adu - biasanya apabila beliau berkhutbah beliau mengucap amma ba'adu:

فإن هذا اليوم الحج الأكبر. ألا وإن أهل الشرك والأوثان كانوا يدفعون فى هذا اليوم قبل أن تغيب الشمس، إذا كانت الشمس في رؤوس الجبال كأنها عمائم الرجال فى وجوهها. وإنا ندفع قبل أن تطلع الشمس، مخالفاً هدينا هدى أهل الشرك.

"Sesungguhnya hari ini ialah haji akbar. Ketahuilah! Sesungguhnya kaum Musyrikin dan penyembah-penyembah berhala bertolak (dari sini) sebelum matahari terbenam iaitu ketika matahari berada di kemuncak- kemuncak bukit seolah-olah seperti serban lelaki di mukanya. Sesungguhnya kita (kaum Muslimin) pasti bertolak (dari sini) sebelum matahari naik lagi supaya peraturan haji kita berlainan dari acara haji kaum Musyrikin."

Riwayat yang menceritakan tentang amalan Rasulullah s.a.w. ialah beliau telah bertolak selepas terbenamnya matahari hari 'Arafah. Tersebut di dalam hadith Jabir ibn Abdullah - di dalam Sahih Muslim - "Beliau (Nabi s.a.w.) terus wuquf yakni di 'Arafah - sehingga jatuh matahari dan kelihatan sedikit cahaya kuning dan sehingga bulatan matahari itu hilang. Usamah membonceng di belakangnya. Kemudian Rasulullah s.a.w. bertolak dan beliau menarik tali kekang unta Qaswa' sehingga kepala unta itu tersentuh dengan tempat letak kaki di kenderaannya dan beliau bersabda mengisyaratkan dengan tangan kanannya "Wahai sekalian orang! Bertenanglah! Bertenanglah!" Setiap kali beliau sampai di mana-mana bukit beliau menghulurkan tali kekangnya sedikit sehingga unta itu mendaki bukit dan akhirnya beliau sampai di Muzdalifah, dan di sana beliau sembahyang Maghrib dan Isyak dengan satu azan dan dua kali qamat dan beliau tidak bertasbih sesuatu apa di antara keduanya, kemudian beliau berbaring sehingga naik fajar lalu beliau sembahyang fajar ketika ternyata kepadanya waktu pagi dengan azan dan qamat. Kemudian beliau menunggang al-Qaswa' sehingga sampai di al-Masy'aril-Haram lalu beliau mengadap kiblat berdo'a kepada Allah, mengucap takbir dan tahlil dan mentauhidkan Allah dan terus wuquf di situ hingga cahaya pagi terserlah terang lalu beliau pun bertolak dari situ sebelum matahari naik."

Amalan yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ialah amalan yang diisyaratkan oleh ayat (yang berikut):

فَإِذَآ أَفَضۡتُم مِّنۡ عَرَفَٰتٖ فَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ عِندَ ٱلۡمَشۡعَرِ ٱلۡحَرَامِۖ وَٱذۡكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمۡ وَإِن كُنتُم مِّن قَبۡلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ۝١٩٨

"Kemudian apabila kamu bertolak dari padang 'Arafah ke Muzdalifah maka hendaklah kamu berzikir kepada Allah (dengan do'a dan talbiyah) di al-Masy'aril-Haram dan berzikirlah kepada-Nya sebagaimana Ia telah memberi

hidayat kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk dalam golongan orang-orang yang sesat."(198)

Berzikir Di Al-Masy'aril-Haram

Al-Masy'aril-Haram ialah Muzdalifah. Di sini Al-Qur'an menyuruh berzikir di al-Masy'aril-Haram selepas bertolak dari 'Arafah, kemudian ia mengingatkan kaum Muslimin bahawa berzikir adalah dari hidayat Allah kepada mereka dan ia merupakan pernyataan bersyukur di atas hidayat ini, juga mengingatkan tentang keadaan mereka sebelum Allah memberi hidayat kepada mereka:

وَإِن كُنتُم مِّن قَبۡلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿١٩٨﴾

"Dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk di dalam golongan orang-orang yang sesat."(198)

Kepercayaan-kepercayaan Karut Orang-orang Arab

Angkatan Muslimin yang pertama benar-benar memahami sejauh mana dan sedalam mana wujudnya hakikat ini di dalam hidup mereka. Mereka sangat dekat dengan zaman kesesatan orang-orang Arab, iaitu kesesatan dalam pemikiran dan kefahaman, di mana gejalanya ialah menyembah berhala, jin dan malaikat, mempercayai malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak Allah dan mempercayai Allah mempunyai hubungan perkahwinan dengan jin dan sebagainya dari kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan kacau-bilau, iaitu kepercayaan- kepercayaan ini melahirkan kekacauan di dalam ibadat, syi'ar- syi'ar ibadat haji dan perilaku seperti mengharamkan mengenderai setengah-setengah binatang atau mengharamkan lemak-lemaknya tanpa sebab-sebab yang wajar kecuali kerana mempercayai adanya hubungan- hubungan tertentu di antara binatang-binatang itu dengan tuhan-tuhan yang disembah mereka, juga seperti menazarkan setengah-setengah anak mereka kepada tuhan-tuhan dan memperkongsikan anak-anak mereka dengan jin dan berbagai-bagai adat jahiliyah yang tidak berasas yang terbit dari timbunan kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan kesesatan di dalam kehidupan kemasyarakatan dan akhlak yang tergambar di dalam perbezaan-perbezaan kelas yang diisyaratkan oleh ayat yang berikut:

ثُمَّ أَفِيضُواْ مِنۡ حَيۡثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ

"Kemudian hendaklah kamu bertolak dari ('Arafah) tempat bertolaknya sekalian orang."

yang mana ayat ini telah menghapuskan perbezaan-perbezaan kelas itu sebagaimana akan dijelaskan kelak, juga tergambar di dalam peperangan-peperangan dan pergaduhan-pergaduhan kabilah yang tidak pernah menjadikan umat Arab satu umat yang disegani atau dihitung kira dalam dunia antarabangsa, dan tergambar dalam keruntuhan akhlak di bidang hubungan-hubungan seks, hubungan-hubungan suami isteri dan hubungan-hubungan keluarga umumnya, juga tergambar dalam tindakan-tindakan yang zalim yang dilakukan oleh orang-orang yang kuat terhadap orang-orang yang lemah di dalam masyarakat tanpa neraca keadilan yang teguh yang melindungi semua orang, dan seterusnya tergambar di dalam kehidupan umat Arab umumnya dan kedudukan kemanusiaan mereka yang mundur yang tidak terangkat melainkan sesudah diangkatkan oleh Islam.

Apabila mereka mendengar ayat yang berikut:

وَٱذۡكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمۡ وَإِن كُنتُم مِّن قَبۡلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿١٩٨﴾

"Dan berzikirlah kepada-Nya sebagaimana Ia telah memberi hidayat kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk di dalam golongan orang-orang yang sesat."(198)

maka tidak syak lagi khayalan, ingatan dan perasaan mereka perlahan-lahan dipenuhi oleh gambaran-gambaran hidup mereka yang sesat, hina dan mundur yang mencorakkan seluruh sejarah mereka yang silam. Kemudian apabila mereka menoleh semula kepada diri mereka untuk melihat kedudukan mereka yang baru yang diangkatkan oleh Islam, iaitu kedudukan di mana Allah telah membimbingkan mereka kepadanya dengan perantaraan agama Islam ini, maka sudah tentu mereka akan menginsafi betapa dalam dan betapa kuatnya hakikat ini bertapak dalam seluruh kewujudan atau kehidupan mereka tanpa dapat dipertikaikan lagi.

Perbezaan Hidup Di Bawah Jahiliyah Dan Hidup Di Bawah Islam

Hakikat ini juga masih tetap benar dan teguh dibandingkan kepada kaum Muslimin yang lain dari setiap umat dan generasi. Siapakah mereka tanpa Islam?. Apakah yang akan terjadi kepada mereka tanpa 'aqidah agama ini? Apabila mereka telah diberi petunjuk kepada agama Islam dan apabila sistem hidup Islam telah menjadi hakikat hidup mereka, maka kedudukan mereka terus berubah dari satu tahap kedudukan yang rendah, hina, sesat dan tidak menetap kepada suatu tahap kedudukan yang lain; iaitu tahap kedudukan yang tinggi, agung, lurus dan mendapat hidayat Allah. Perpindahan ini tidak dapat dirasakan mereka melainkan setelah mereka menjadi orang-orang Islam yang sebenar, iaitu setelah mereka tegakkan seluruh hidup mereka di atas sistem hidup Islam. Seluruh umat manusia akan terus sesat dalam kehidupan jahiliyah yang buta selama mereka tidak mendapat hidayat dari agama ini. Hakikat ini tidak dapat ditanggap melainkan oleh orang yang pernah hidup di dalam jahiliyah ciptaan manusia yang tegak di merata pelosok bumi, kemudian selepas itu ia dapat hidup pula dengan pemikiran dan kefahaman Islam yang tinggi terhadap hidup. Di sini barulah dia dapat menanggapkan hakikat sistem hidup Islam yang tinggi yang mengatasi segala sistem yang wujud di

sekelilingnya, yang penuh dengan kekotoran, paya-paya busuk dan lumpur-lumpur yang cemar.

Apabila seseorang itu melihat dari kemuncak pemikiran dan kefahaman Islam dan meninjau dari kemuncak sistem hidup Islam, memperhatikan seluruh umat manusia dengan segala bentuk pemikiran dan corak sistem mereka, termasuk hasil-hasil pemikiran dan kefahaman ahli-ahli falsafah mereka yang paling agung dahulu dan sekarang, juga termasuk aliran-aliran pemikiran yang diciptakan oleh para cendikiawan mereka yang paling besar dahulu dan sekarang... Apabila seseorang itu meninjau dari kemuncak yang tinggi ini, ia akan merasa hairan dan takjub mengapa umat manusia kini begitu sibuk dengan hasil-hasil pemikiran yang penuh dengan kesesiaan, kepenatan, kecelakaan, kekeliruan dan kekacauan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang yang berakal terhadap dirinya hingga sanggup mendakwa bahawa ia tidak lagi memerlukan Tuhan atau sekurang-kurangnya tidak lagi memerlukan syari'at dan peraturan Tuhan.

Hakikat inilah yang diperingati Allah kepada kaum Muslimin apabila ia membangkitkan ni'mat hidayat-Nya yang agung.

وَٱذۡكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمۡ وَإِن كُنتُم مِّن قَبۡلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿١٩٨﴾

"Dan berzikirlah kepada-Nya sebagaimana Ia telah memberi hidayat kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum ini termasuk di dalam golongan orang-orang yang sesat."(198)

Tidak Ada Perbezaan Dalam Ibadat Haji

Ibadat haji merupakan mu'tamar agung umat Muslimin. Mereka berkumpul di dalam mu'tamar ini dengan menolak segala tali hubungan yang lain kecuali hubungan Islam, menolak segala sifat yang lain kecuali sifat Islam dan menolak segala pakaian yang lain kecuali pakaian yang tidak berjahit yang menutup 'aurat, iaitu pakaian yang tidak membezakan seseorang dari seseorang yang lain, tidak membezakan satu suku kaum dari satu suku kaum yang lain dan tidak membezakan satu bangsa dari satu bangsa yang lain. Tali ikatan Islam itulah satu-satunya tali ikatan mereka. Keturunan Islam itulah satu-satunya keturunan mereka dan warna/celupan Islam itulah satu-satunya warna/celupan mereka. Kaum Quraysy menamakan diri mereka di zaman jahiliyah dengan gelaran "al-Humus" jama' Ahmas (orang kuat beragama). Mereka mengadakan tanda-tanda istimewa yang membezakan mereka dari seluruh orang-orang Arab yang lain. Di antara tanda-tanda istimewa ialah mereka tidak wuquf bersama orang ramai di 'Arafah, dan mereka tidak bertolak balik dari tempat orang ramai bertolak. Kemudian Allah menurunkan perintah berikut untuk memulangkan mereka kepada kedudukan sama tinggi dan sama rendah yang dikehendaki Islam dan kepada corak perpaduan yang menghapuskan segala perbezaan palsu yang diwujudkan di antara manusia itu:

ثُمَّ أَفِيضُواْ مِنۡ حَيۡثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ وَٱسۡتَغۡفِرُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿١٩٩﴾

"Kemudian hendaklah kamu bertolak dari ('Arafah) tempat bertolaknya sekalian orang dan pohonlah keampunan dari Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(199)

Ujar al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Hisyam daripada bapanya daripada 'Aisyah katanya: Dahulu orang- orang Quraysy dan orang-orang yang seagama dengan mereka wuquf di Muzdalifah dan mereka digelarkan sebagai "Humus" (orang-orang yang kuat beragama), sedangkan orang-orang Arab yang lain semuanya wuquf di 'Arafah, tetapi apabila datang Islam, Allah memerintah Nabi-Nya s.a.w. supaya datang ke 'Arafah dan wuquf di sana dan kemudian bertolak pulang dari sana. Itulah maksud firman Allah:

ثُمَّ أَفِيضُواْ مِنۡ حَيۡثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ

"Kemudian hendaklah kamu bertolak dari ('Arafah) tempat bertolaknya sekalian orang."

Yakni wuquflah bersama orang ramai di mana mereka wuquf dan kemudian bertolaklah bersama mereka dari tempat mereka bertolak. Islam tidak mengenal keturunan dan tidak mengenal kelas. Seluruh manusia itu merupakan satu umat yang sama tinggi dan sama rendah laksana gigi-gigi sikat, tiada siapa yang melebihi orang lain melainkan dengan taqwa. Islam mewajibkan mereka menanggalkan segala pakaian yang membezakan mereka di dalam ibadat haji agar mereka bertemu di Baitullah selaku saudara yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi. Mereka tidak seharusnya menanggalkan pakaian-pakaian yang membezakan itu untuk berbangga-bangga dengan keturunan pula. Tinggallah 'Asabiyah jahiliyah itu dan masuklah ke dalam warna/celupan (صبغة) Islam. Pohonlah keampunan Allah dari keangkuhan dan kesombongan jahiliyah dan pohonlah keampunan-Nya dari segala kesilapan walau sedikit sekalipun yang menyentuh ibadat haji, iaitu kesilapan-kesilapan yang terlintas di dalam hati atau terlancar oleh lidah dari kata-kata yang mencarut, perbuatan-perbuatan yang berupa maksiat, perbalahan dan pertengkaran.

Demikianlah Islam menegakkan perilaku kaum Muslimin di dalam ibadat haji di atas asas kepercayaan yang diserukan manusia kepadanya, iaitu asas sama rendah dan sama tinggi dan asas kesatuan umat yang tidak dipisahkan oleh darjah dan kelas, oleh bangsa dan bahasa, dan tidak dibezakan oleh mana-mana sifat yang wujud di bumi ini. Demikianlah Al-Qur'an mendorong mereka supaya beristighfar kepada Allah dari segala kesilapan dan kesalahan yang bertentangan dengan kepercayaan Islam yang bersih dan luhur ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 200 - 203)

فَإِذَا قَضَيْتُم مَّنَاسِكَكُمْ فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ
آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا ۗ فَمِنَ النَّاسِ مَن
يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي
الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ ﴿٢٠٠﴾
وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
أُولَٰئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا ۚ وَاللَّهُ
سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٢٠٢﴾

"Apabila kamu selesai menunaikan ibadat haji kamu maka hendaklah kamu menyebut-nyebut (kebesaran) Allah sebagaimana kamu menyebut-nyebutkan (kemegahan) datuk nenek kamu atau lebih banyak dari itu lagi. Di antara manusia terdapat orang-orang yang hanya berdo'a: 'Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia sedangkan di Akhirat ia tidak mendapat sebarang habuan'(200). Dan di antara mereka terdapat pula orang-orang yang berdo'a: 'Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebajikan di dunia dan kebajikan di Akhirat dan lindungkan kami dari 'azab Neraka'(201). Mereka akan memperolehi habuan yang baik dari amalan yang dilakukan mereka dan sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya."(202)

Pasar-pasar 'Ukkaz, Majanah Dan Zul-Majaz

Sebelum ini telah diterangkan bahawa kaum Quraysy datang ke pasar-pasar 'Ukkaz, Majanah dan Zul-Majaz. Pasar-pasar ini bukan hanya merupakan pasar-pasar berjual beli sahaja, malah ia juga merupakan pasar berpidato dan bermegah-megah dengan datuk nenek dan berbangga-bangga dengan keturunan kerana di waktu itu orang-orang Arab tidak mempunyai minat-minat dan cita-cita yang besar yang boleh memalingkan mereka dari kegiatan-kegiatan bermegah-megah dan berbangga-bangga itu. Mereka belum lagi mempunyai tugas insaniyah yang dapat mereka curahkan tenaga kata dan tenaga kerja mereka, kerana satu-satunya tugas insaniyah mereka ialah tugas yang diserahkan oleh Islam kepada mereka. Sebelum Islam dan tanpa Islam, orang-orang Arab tidak mempunyai apa-apa tugas di bumi ini dan mereka tidak disebut apa-apa di langit. Oleh sebab itulah mereka menghabiskan masa mereka di pasar-pasar 'Ukkaz, Majanah dan Zul-Majaz dalam kegiatan melahirkan minat-minat dan cita-cita yang kosong, iaitu bermegah-megah dengan keturunan dan berbangga-bangga dengan datuk nenek. Tetapi kini Islam telah menjadi tugas mereka yang amat besar, dan Islam telah menciptakan untuk mereka satu kefahaman yang baru setelah ia membentuk mereka dengan satu pembentukan yang baru. Kini mereka dibimbing dan diarah oleh Al-Qur'an kepada segala kebaikan. Ia membimbing mereka ke arah menyebut-nyebut kebesaran Allah setelah mereka selesai menunaikan ibadat haji sebagai ganti menyebut-nyebut kebesaran datuk nenek mereka:

فَإِذَا قَضَيْتُم مَّنَاسِكَكُمْ فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ
آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا ۗ

"Apabila kamu selesai menunaikan ibadat haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut (kebesaran) Allah sebagaimana kamu menyebut-nyebutkan (kemegahan) datuk nenek kamu atau lebih banyak dari itu lagi."

Firman Allah kepada mereka:

كَذِكْرِكُمْ آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا ۗ

"Sebagaimana kamu menyebut-nyebut (kemegahan) datuk nenek kamu atau lebih banyak dari itu lagi."

Ayat ini bukanlah bererti menyuruh mereka supaya menyebut-nyebut kemegahan datuk nenek mereka di samping menyebut-nyebut kebesaran Allah, tetapi firman ini mengandungi sindiran mencela mereka dan menyarankan kepada mereka supaya melakukan perbuatan yang lebih wajar dan lebih utama dari itu. Ia seolah-olah berkata kepada mereka: Kamu menyebut-nyebut kemegahan datuk nenek kamu, sedangkan yang sepatutnya kamu hanya menyebut-nyebut kebesaran Allah. Oleh itu tukarkan amalan menyebut-nyebut kemegahan datuk nenek itu dengan amalan menyebut-nyebut kebesaran Allah, malah sebutkan kebesaran Allah lebih banyak lagi ketika kamu keluar kepada-Nya (mengerjakan haji) dengan meninggalkan segala pakaian yang berjahit. Oleh itu tinggalkanlah semangat bermegah-megah dengan keturunan kamu. Ia seolah-olah berkata kepada mereka: Amalan menyebut kebesaran Allah itulah amalan yang sebenar yang boleh mengangkatkan darjah seseorang hamba bukannya amalan bermegah-megah dengan datuk nenek. Neraca pertimbangan yang baru untuk menentukan nilai manusia ialah neraca taqwa, iaitu neraca hubungan yang rapat dengan Allah, neraca (kecintaan) mengingati Allah dan bertaqwa kepada-Nya.

Kemudian ayat yang berikut menentukan nilai mereka dengan neraca ini dan menunjukkan kepada mereka nilai- nilai dan kesudahan-kesudahan manusia berdasarkan ukuran neraca ini:

فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا
وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ ﴿٢٠٠﴾

"Di antara manusia terdapat orang-orang yang hanya berdo'a: 'Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami

kebaikan di dunia sedangkan di Akhirat ia tidak mendapat sebarang habuan.'"(200)

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا۟ ۚ وَٱللَّهُ
سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٢٠٢﴾

"Dan di antara mereka terdapat pula orang-orang yang berdo'a: 'Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebajikan di dunia dan kebajikan di Akhirat dan lindungkan kami dari 'azab Neraka'(201). Mereka akan memperolehi habuan yang baik dari amalan yang dilakukan mereka dan sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya."(202)

Golongan Yang Berminat Kepada Kesenangan Dunia

Di sana ada dua golongan manusia. Satu golongan hanya berminat kepada kesenangan dunia sahaja. Mereka hanya tamak dan sibuk dengan kesenangan dunia sahaja. Dahulu ada kaum Arab badwi datang ke tempat wukuf di musim haji dan berdo'a: "Ya Allah ya Tuhanku! Jadikanlah tahun ini tahun hujan, tahun subur dan tahun beranak yang baik." Mereka tidak sedikit pun menyebut perkara Akhirat. Mengikut riwayat dari Ibn Abbas r.a. ayat ini diturunkan mengenai golongan manusia ini, namun begitu tujuan ayat ini lebih luas dan lebih kekal dari itu lagi. Golongan manusia seperti ini merupakan satu contoh manusia yang berulang-ulang di setiap zaman dan tempat, iaitu golongan manusia yang hanya berminat kepada kesenangan hidup dunia sahaja. Kesenangan inilah sahaja yang diingati mereka walaupun ketika mereka bertawajjuh kepada Allah, kerana persoalan kesenangan dunia merupakan satu-satunya minat yang difikirkan mereka. Kesenangan inilah yang memenuhi kekosongan jiwa mereka, melingkungi alam hidup mereka dan mengongkongi mereka. Golongan ini mungkin dikurniakan Allah habuan kesenangan mereka di dunia, tetapi di Akhirat mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan lagi.

Satu golongan lagi mempunyai pandangan yang lebih jauh dan mempunyai jiwa yang lebih besar, kerana mereka berhubung rapat dengan Allah. Mereka inginkan kesenangan hidup dunia, tetapi mereka tidak lupa kepada kesenangan mereka di Akhirat. Mereka berdo'a:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

"Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami kebajikan di dunia dan kebajikan di Akhirat, dan lindungkan kami dari 'azab Neraka."(201)

Golongan Yang Berminat Kepada Kesenangan Dunia Dan Akhirat

Yakni mereka memohon dari Allah kebajikan dan kesenangan dunia dan Akhirat. Mereka tidak menentukan jenis kebajikan dan kesenangan itu, malah menyerahkannya kepada pilihan Allah. Mereka mengharapkan Allah memilih untuk mereka apa sahaja kebajikan yang diketahuinya baik untuk mereka, dan mereka akan menerimanya dengan penuh kerelaan. Golongan inilah yang mendapat habuan kurnia Allah yang terjamin dan ia tidak akan diperlambat-lambatkan kepada mereka kerana Allah amat cepat hisab-Nya.

Pengajaran Ilahi ini menentukan kepada siapakah manusia harus berdo'a dan menjelaskan bahawa sesiapa yang berdo'a kepada Allah dan menyerahkan urusannya kepada Allah dan kepada pilihan-Nya serta redha menerima apa sahaja yang dipilihkan Allah untuknya, maka segala kebajikan dunia dan Akhirat tidak akan terluput darinya, tetapi sesiapa yang menumpukan minatnya kepada kesenangan dunia, maka dia akan kehilangan segala habuan kesenangan di Akhirat. Golongan yang pertama beruntung walaupun mengikut perkiraan manusia yang zahir dan mereka lebih beruntung lagi mengikut pertimbangan neraca Allah, kerana do'a mereka mengandungi permohonan kebajikan dunia dan Akhirat dalam bentuk yang sederhana dan lurus mengikut kefahaman yang tenang dan imbang yang diciptakan oleh Islam.

Islam tidak mahu orang-orang yang beriman meninggalkan urusan dunia kerana mereka sememangnya dijadikan Allah untuk memerintah dunia ini, tetapi Islam mahu mereka bertawajjuh kepada Allah ketika menjalankan urusan dunia ini, dan mahu mereka supaya jangan menyempit-nyempitkan pandangan mereka dan jangan menjadikan dunia itu sebagai pagar yang mengurungkan mereka. Islam mahu membebaskan manusia dari pagar- pagar bumi yang sempit ini. Islam mahu manusia bekerja di bumi dan menganggapkan dirinya lebih besar dari bumi. Islam mahu manusia melaksanakan urusan pemerintahan di bumi dan menjalinkan hubungan yang rapat dengan Allah Yang Maha Tinggi. Oleh sebab itulah minat-minat yang tertumpu kepada kehidupan di bumi sahaja itu merupakan minat-minat yang remeh-temeh apabila dilihat oleh seseorang dari kemuncak kefahaman Islam.

* * * * * *

Bertakbir Pada Hari 'Arafah, Korban Dan Hari-hari Tasyriq

Kemudian hari-hari haji dan acara ibadat-ibadatnya diakhiri dengan perintah supaya berzikir kepada Allah dan bertaqwa kepada-Nya:

وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ فِىٓ أَيَّامٍ مَّعْدُودَٰتٍ ۚ فَمَن تَعَجَّلَ
فِى يَوْمَيْنِ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَن تَأَخَّرَ فَلَآ إِثْمَ

عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ
إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

"Dan berzikirlah kepada Allah pada hari-hari yang tertentu dan sesiapa yang segera meninggalkan Mina pada hari yang kedua, maka tidak ada apa-apa dosa ke atasnya dan sesiapa yang lewat meninggalkan Mina tidak ada apa-apa dosa ke atasnya bagi mereka yang bertaqwa dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu akan dikumpulkan kepada-Nya."(203)

Hari-hari berzikir atau menyebut nama Allah (dengan takbir dan tahmid) mengikut pendapat yang arjah ialah hari 'Arafah, hari korban dan hari tasyriq selepasnya. Ujar Ibn Abbas yang dimaksudkan dengan *"hari-hari yang tertentu"*(أيام معدودات) itu ialah hari-hari tasyriq. Ujar 'Ikrimah: Maksud berzikir kepada Allah pada hari-hari yang tertentu itu ialah bertakbir pada hari-hari tasyriq selepas menunaikan sembahyang fardhu iaitu ucapan Allahu Akbar, Allahu Akbar.(الله أكبر، الله أكبر) Di dalam hadith yang telah lepas daripada Abdul Rahman ibn Ma'mar ad-Daylami, Rasulullah s.a.w. bersabda:

Hukum Bertolak Segera Dan Bertolak Lewat Dari Mina

وأيام منى ثلاثة فمن تعجل فى يومين فلا إثم عليه ومن تأخر فلا إثم عليه.

"Dan hari-hari tinggal di Mina itu tiga hari dan sesiapa yang bertolak segera meninggalkan Mina pada hari yang kedua, maka tidak ada apa-apa dosa ke atasnya dan sesiapa yang lewat meninggalkan Mina, maka tidak ada apa-apa dosa ke atasnya."

Hari-hari 'Arafah, korban dan tasyriq, merupakan hari- hari yang wajar untuk berzikir kepada Allah, iaitu dua hari yang pertama darinya atau dua hari yang akhir darinya. Semuanya itu dengan syarat taqwa.

لِمَنِ اتَّقَىٰ ۗ

"Bagi mereka yang bertaqwa."

Kemudian ayat yang berikut mengingatkan mereka dengan pemandangan mahsyar sesuai dengan pemandangan haji. Ia merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka di hadapan pemandangan mahsyar yang ngeri itu:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

"Dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu akan dikumpulkan kepada-Nya."(203)

* * * * * *

Demikianlah kita dapati di dalam ayat-ayat ini bagaimana Al-Qur'an menjadikan haji sebagai satu ibadat Islam yang wajib, dan bagaimana ia mencabut darinya segala akar umbi jahiliyah dan mengikatkannya dengan tali ikatan Islam dan menambatkannya pada tiang paksi Islam serta menaunginya dengan kefahaman-kefahaman dan kepercayaan-kepercayaan Islam dan membersihkannya dari segala noda dan keladak (jahiliyah). Inilah cara yang dilakukan oleh Islam dalam mana-mana adat dan upacara ibadat yang mahu dikekalkannya. Ia tidak lagi berada dalam bentuk lamanya yang wujud di zaman jahiliyah, malah ia kembali dalam bentuk yang baru sesuai dengan pakaiannya yang baru. Ia bukan lagi merupakan satu tradisi orang Arab, malah ia kembali menjadi ibadat Islamiyah. Hanya Islam sahaja yang kekal dan terpelihara.

* * * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 204 - 214)

وَمِنَ النَّاسِ مَن يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا وَيُشْهِدُ اللَّهَ عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَدُّ
الْخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾
وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ
الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِثْمِ ۚ
فَحَسْبُهُ جَهَنَّمُ ۚ وَلَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾
وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ
اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٠٧﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً
وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ
مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾
فَإِن زَلَلْتُم مِّن بَعْدِ مَا جَاءَتْكُمُ الْبَيِّنَاتُ فَاعْلَمُوا
أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٠٩﴾
هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا أَن يَأْتِيَهُمُ اللَّهُ فِي ظُلَلٍ مِّنَ
الْغَمَامِ وَالْمَلَائِكَةُ وَقُضِيَ الْأَمْرُ ۚ وَإِلَى اللَّهِ
تُرْجَعُ الْأُمُورُ ﴿٢١٠﴾

سَلۡ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ كَمۡ ءَاتَيۡنَٰهُم مِّنۡ ءَايَةِۭ بَيِّنَةٖۗ وَمَن يُبَدِّلۡ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَتۡهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٢١١

زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُواْ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَا وَيَسۡخَرُونَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْۘ وَٱلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ فَوۡقَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۗ وَٱللَّهُ يَرۡزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٢١٢

كَانَ ٱلنَّاسُ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ فَبَعَثَ ٱللَّهُ ٱلنَّبِيِّـۧنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنزَلَ مَعَهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ لِيَحۡكُمَ بَيۡنَ ٱلنَّاسِ فِيمَا ٱخۡتَلَفُواْ فِيهِۚ وَمَا ٱخۡتَلَفَ فِيهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ أُوتُوهُ مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَتۡهُمُ ٱلۡبَيِّنَٰتُ بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۖ فَهَدَى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَا ٱخۡتَلَفُواْ فِيهِ مِنَ ٱلۡحَقِّ بِإِذۡنِهِۦۗ وَٱللَّهُ يَهۡدِي مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٍ ٢١٣

أَمۡ حَسِبۡتُمۡ أَن تَدۡخُلُواْ ٱلۡجَنَّةَ وَلَمَّا يَأۡتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ خَلَوۡاْ مِن قَبۡلِكُمۖ مَّسَّتۡهُمُ ٱلۡبَأۡسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ وَزُلۡزِلُواْ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصۡرُ ٱللَّهِۗ أَلَآ إِنَّ نَصۡرَ ٱللَّهِ قَرِيبٞ ٢١٤

"Dan di antara manusia terdapat orang yang engkau kagumi oleh tutur katanya dalam urusan kehidupan dunia dan ia mempersaksikan Allah atas kebenaran isi hatinya, sedangkan sebenarnya dialah musuh yang paling ketat(204). Dan apabila dia beredar di bumi dia berusaha untuk melakukan kerosakan dan membinasakan tanaman dan turunan, sedangkan Allah tidak sukakan kerosakan(205). Dan apabila dikatakan kepadanya: 'Bertaqwalah kepada Allah' ia terus dikongkong oleh kebanggaan untuk (terus) melakukan dosa. Oleh itu padanlah baginya balasan Neraka Jahannam dan sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman(206). Dan ada di antara manusia orang yang sanggup menjualkan dirinya kerana mencari keredhaan Allah dan Allah itu Maha Penyayang terhadap sekalian hamba-Nya(207). Wahai orang-orang yang beriman masuklah ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa kamu dan janganlah kamu menurut jejak syaitan-syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang amat nyata(208). Oleh itu jika kamu tergelincir juga setelah datang kepada kamu keterangan-keterangan yang jelas, maka ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(209). Tiada apa lagi yang ditunggukan mereka melainkan ketibaan kedatangan Allah kepada mereka dalam gumpalan-gumpalan awan dan para malaikat-Nya dan perkara itu telah pun diputuskan (Allah) dan seluruh urusan dikembalikan kepada Allah belaka(210). Tanyakanlah Bani Israel: Berapa banyak bukti kebenaran yang telah Kami kurniakan kepada mereka. Dan sesiapa yang menukarkan ni'mat Allah setelah ia datang kepadanya, maka sesungguhnya Allah amat keras keseksaan-Nya(211). Kehidupan dunia telah dihias indah pada (pandangan) orang-orang kafir dan mereka mempersenda-sendakan orang-orang yang beriman, sedangkan (kedudukan) orang-orang yang bertaqwa mengatasi mereka pada hari Qiamat kelak, dan Allahlah yang memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki- Nya(212). Manusia itu adalah satu umat lalu Allah mengutuskan para nabi selaku penyampai-penyampai berita gembira dan selaku pemberi-pemberi amaran serta menurunkan bersama mereka kitab suci yang membawa ajaran yang benar untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan mereka dan tiada yang mempertikaikannya melainkan orang- orang yang telah dikurniakan kitab itu sendiri setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas kerana pencerobohan di antara sesama mereka. Lalu Allah menunjukkan kebenaran perkara yang dipertikaikan mereka itu kepada orang-orang yang beriman dengan keizinan-Nya. Dan Allahlah yang memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus(213). Apakah kamu fikir bahawa kamu akan memasuki Syurga sedangkan belum lagi datang kepada kamu cubaan seperti yang dialami oleh orang-orang yang terdahulu dari kamu. Mereka ditimpa kesusahan dan penderitaan dan mereka telah digoncang (dengan hebatnya) sehingga rasul dan orang-orang yang beriman yang berada bersamanya bersungut: "Bilakah datangnya pertolongan Allah?" Ingatlah, sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat."(214)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di celah-celah bimbingan-bimbingan, undang-undang dan peraturan-peraturan Al-Qur'an yang membentuk sistem hidup Rabbani yang sempurna untuk mengendalikan kehidupan manusia itu, setiap pemerhati dapat melihat bahawa bimbingan-bimbingan Al-Qur'an ini juga membentuk satu sistem pendidikan yang ditegakkan di atas pengalaman dan pengetahuan yang sempurna tentang jiwa manusia dan segala alirannya yang lahir dan batin. Sistem ini mengolahkan jiwa manusia dari segala bidangnya di samping mengandungi lukisan contoh-contoh jiwa manusia yang begitu jelas dan terang segala sifat-sifat dan ciri-cirinya sehingga ternampak kepada seseorang yang meneliti sifat- sifat dan ciri-ciri itu bahawa dia melihat tubuh-tubuh manusia contoh itu sendiri yang bergerak di bumi di kalangan orang ramai. Dia hampir-hampir dapat menjamah tubuh mereka dan menyatakan dengan lantang inilah orang yang dikehendaki oleh Al-Qur'an.

Di dalam pelajaran ini kita dapati perwatakan-perwatakan yang jelas bagi dua contoh dari contoh-contoh manusia. Contoh yang pertama ialah contoh manusia yang berpura-pura, jahat dan pintar bercakap. Ia memperlihatkan dirinya sebagai tokoh yang amat penting dalam seluruh kegiatan kehidupan. Rupanya menarik dan mengkagumi anda, tetapi budinya yang buruk menyakiti anda. Apabila

diseru kepada kebaikan dan bertaqwa kepada Allah dia tidak pernah kembali kepada kebenaran, tidak pernah mencuba membetulkan dirinya, malah dia terus dikongkong perasaan takbur untuk melakukan dosa. Dia merasa begitu sombong apabila diajak kepada kebenaran dan kebaikan, dan dia terus berusaha membinasakan tanaman dan anak-anak. Yang kedua, contoh orang yang beriman yang jujur. Ia mengorbankan seluruh dirinya untuk mencapai keredhaan Allah hingga tiada suatu pun yang tinggal. Dia tidak mengira kepentingan dirinya dalam segala usaha yang dilakukannya, kerana dia fana dalam kecintaannya kepada Allah dan kerana dia bertawajjuh kepada Allah dengan seluruh jiwa raganya.

Selepas tayangan dua contoh manusia ini kita mendengar pula seruan Allah mengajak orang-orang yang beriman supaya menyerah diri kepada Allah dengan keseluruhan jiwa raga mereka tanpa teragak-agak dan berlengah-lengah dan tanpa menguji Allah dengan meminta mu'jizat-mu'jizat seperti yang telah dilakukan oleh Bani Israel ketika mereka menukar dan mengingkarkan ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka. Al-Qur'an menamakan penyerahan diri yang seperti itu sebagai masuk ke dalam kedamaian. Dengan kalimat ini Al-Qur'an membuka satu pintu kefahaman yang sebenar dan sempurna terhadap hakikat keimanan kepada agama Allah dan hakikat mematuhi sistem Islam di dalam kehidupan (sebagaimana kami akan huraikan ketika menghadapi ayat ini kelak dengan izin Allah).

Sebagai lawan kepada ni'mat keimanan yang agung dan hakikat kedamaian yang menaungi orang-orang yang beriman itu, dibentangkan pula kefahaman yang buruk orang-orang kafir terhadap agama ini dan sikap mereka yang memandang hina kepada orang-orang yang beriman akibat kefahaman mereka yang sesat, dan di samping itu dijelaskan pula hakikat nilai di dalam neraca Allah.

وَٱلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ فَوۡقَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۗ

"Sedangkan (kedudukan) orang-orang yang bertaqwa mengatasi mereka pada hari Qiamat."

Selepas itu diiringi dengan intisari kisah perselisihan dan pertikaian manusia, dan dengan kenyataan mengenai neraca pertimbangan yang seharusnya digunakan mereka untuk mengadili pertikaian di antara mereka, juga kenyataan mengenai fungsi kitab suci yang diturunkan Allah dengan membawa kebenaran untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka.

Dan dari sini Al-Qur'an memperkatakan pula tentang kesukaran dan kesulitan yang akan ditempuh oleh orang-orang yang menggunakan neraca itu. Ia berbicara dengan kaum Muslimin dan menerangkan kepada mereka kesusahan dan penderitaan yang menunggu mereka di jalan perjuangan mereka yang sulit itu, iaitu kesusahan, penderitaan dan kepayahan yang ditemui oleh setiap kelompok da'wah yang diserahkan amanah ini kepada mereka di masa-masa yang silam supaya mereka menyediakan diri mereka untuk memikul tugas-tugas amanah yang tidak dapat dihindari mereka, dan supaya mereka melaksanakan tugas-tugas itu dengan jiwa yang tenang dan hati nurani yang tenteram, iaitu jiwa yang sentiasa mengharapkan pertolongan Allah setiap kali alam mendung dan setiap kali fajar kelihatan masih amat jauh.

Demikianlah kita dapati di sini pembicaraan-pembicaraan mengenai sistem pendidikan Rabbani untuk mendidik dan menyediakan kelompok Muslimin yang diterangkan dengan berbagai-bagai nada yang berkesan di celah-celah bimbingan-bimbingan, arahan-arahan, undang-undang dan peraturan-peraturan, dan dari keseluruhan bimbingan-bimbingan, undang-undang dan peraturan-peraturan inilah terbentuknya sistem Rabbani yang lengkap untuk mengendali kehidupan manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 204 - 207)

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُعۡجِبُكَ قَوۡلُهُۥ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ
ٱلدُّنۡيَا وَيُشۡهِدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا فِي قَلۡبِهِۦ وَهُوَ أَلَدُّ
ٱلۡخِصَامِ ٢٠٤
وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي ٱلۡأَرۡضِ لِيُفۡسِدَ فِيهَا وَيُهۡلِكَ
ٱلۡحَرۡثَ وَٱلنَّسۡلَۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلۡفَسَادَ ٢٠٥
وَإِذَا قِيلَ لَهُ ٱتَّقِ ٱللَّهَ أَخَذَتۡهُ ٱلۡعِزَّةُ بِٱلۡإِثۡمِۚ
فَحَسۡبُهُۥ جَهَنَّمُۖ وَلَبِئۡسَ ٱلۡمِهَادُ ٢٠٦
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشۡرِي نَفۡسَهُ ٱبۡتِغَآءَ مَرۡضَاتِ
ٱللَّهِۚ وَٱللَّهُ رَءُوفُۢ بِٱلۡعِبَادِ ٢٠٧

"Dan di antara manusia terdapat orang yang engkau kagumi oleh tutur katanya dalam urusan kehidupan dunia dan ia mempersaksikan Allah atas kebenaran isi hatinya, sedangkan sebenarnya dialah musuh yang paling ketat(204). Dan apabila dia beredar di bumi dia berusaha untuk melakukan kerosakan dan membinasakan tanaman dan turunan, sedangkan Allah tidak sukakan kerosakan(205). Dan apabila dikatakan kepadanya: 'Bertaqwalah kepada Allah' ia terus dikongkong oleh kebanggaan untuk melakukan dosa. Oleh itu padanlah baginya balasan Neraka Jahannam dan sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman(206). Dan ada di antara manusia orang yang

sanggup menjualkan dirinya kerana mencari keredhaan Allah dan Allah itu Maha Penyayang terhadap sekalian hamba-Nya."(207)

Inilah lukisan-lukisan yang menarik dari pena yang maha kreatif dalam menggambarkan sifat-sifat manusia. Lukisan-lukisan itu sendiri membayangkan bahawa ianya bukanlah sekali-kali terbit dari manusia, kerana lukisan-lukisan manusia tidak mungkin dapat menyelami - dengan coretan-coretan sekilas ini - ciri-ciri keperibadian contoh-contoh insan yang amat mendalam dengan begitu jelas dan sempurna.

Setiap kalimat ayat ini serupa dengan satu coretan dari coretan-coretan lukisan dalam menggambarkan perwatakan-perwatakan dan membentuk sifat-sifat dan rupa paras, dan dalam masa yang pantas gambar insan contoh itu terlukis seolah-olah seorang insan yang hidup dengan sifat-sifat syakhsiyahnya yang jelas sehingga anda dapat menuding kepadanya dan membezakannya di tengah-tengah jutaan individu insan yang lain dan dapat mengatakan dengan tegas inilah orang yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an. Itulah proses penciptaan Ilahi yang serupa dengan proses penciptaan Ilahi yang lain yang muncul pada setiap detik dari qudrat Allah di dalam alam makhluk-makhluk hidup.

Contoh Insan Yang Berpura-pura

Orang yang bercakap dengan anda dan menggambarkan dirinya kepada anda sebagai seorang yang sangat baik, sangat ikhlas dan jujur, sangat pengasih, bermaruah tinggi, sangat gemar memberi kebajikan, kebaktian, kebahagiaan dan kesucian kepada orang ramai...... inilah orang yang anda kagumi tutur katanya, kagumi kepetahan lidahnya, kagumi nada suaranya dan kagumi pembicaraan-pembicaraannya tentang kebajikan dan kebaikan.

وَيُشْهِدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا فِى قَلْبِهِۦ

"Dan dia mempersaksikan Allah atas kebenaran isi hatinya."

untuk menguatkan lagi kesan dan saranan kata-katanya itu dan untuk menekankan saranan keikhlasan dan kejujurannya dan seterusnya untuk menonjol-nonjolkan taqwa dan khasyiahnya kepada Allah.

وَهُوَ أَلَدُّ ٱلْخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾

"Sedangkan sebenarnya dialah musuh yang paling ketat."(204)

jiwanya penuh dengan ghairah perseteruan dan permusuhan. Ia tidak menampakkan sebarang bayang kasih mesra dan perasaan samahah (toleransi). Ia tidak menunjukkan sebarang ruang untuk kasih sayang dan kebajikan, untuk berbudi dan mementingkan kebajikan orang lain.

Inilah orang yang zahirnya bertentangan dengan batinnya, rupanya berlainan dari budinya. Inilah orang yang pintar berdusta dan memutar belit sehingga apabila tiba peranan bertindak terbukalah tembelang budinya yang tersembunyi, terdedahlah segala akhlaknya yang tertutup dan terpampanglah hakikat kejahatannya, kezalimannya, hasad dengkinya dan kerosakan akhlaknya:

وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِى ٱلْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ ٱلْحَرْثَ وَٱلنَّسْلَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾

"Dan apabila dia beredar di bumi dia berusaha untuk melakukan kerosakan dan membinasakan tanaman dan turunan, sedangkan Allah tidak sukakan kerosakan."(205)

Yakni apabila dia bertindak, ia bertindak ke arah kejahatan dan kerosakan dan bertindak kejam, kasar dan dengan dendam kesumat yang ketat. Ini tergambar dalam tindakan-tindakannya yang memusnahkan setiap yang hidup, iaitu membinasakan bumi yang menghasilkan tanaman, tumbuhan dan buah-buahan dan memusnahkan turunan yang merupakan kesinambungan hidupan manusia. Pemusnahan hayat seperti ini merupakan satu gambaran dari dendam kesumat, kejahatan, pengkhianatan dan kebejatan - yang berkecamuk di dalam hati insan yang malang ini yang selama ini ditutup dan ditabiri oleh kepintaran percakapannya, kelicinan sikap muka duanya dan kepura-puraannya menunjukkan kebaikan, kebaktian, toleransi dan kebaikannya.

وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾

"Sedangkan Allah tidak sukakan kerosakan."(205)

dan tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan di bumi. Hakikat golongan orang-orang yang seperti ini tidak pernah terlindung kepada Allah, dan Allah tidak pernah terkeliru dengan sikap muka dua mereka yang telah mengelirukan manusia di dalam kehidupan dunia. Allah tidak pernah tertarik dengan kepintaran golongan orang-orang yang malang ini sebagaimana tertariknya manusia yang tertipu dengan keadaan-keadaan mereka yang lahir dan tidak mengetahui rahsia batin mereka yang sebenar.

Kemudian ayat yang berikut terus menjelaskan gambaran lukisan itu dengan beberapa coretan yang lain lagi:

وَإِذَا قِيلَ لَهُ ٱتَّقِ ٱللَّهَ أَخَذَتْهُ ٱلْعِزَّةُ بِٱلْإِثْمِ ۚ فَحَسْبُهُۥ جَهَنَّمُ ۚ وَلَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾

"Dan apabila dikatakan kepadanya: 'Bertaqwalah kepada Allah' ia terus dikongkong oleh kebanggaan untuk (terus) melakukan dosa. Oleh itu padanlah baginya balasan Neraka Jahannam dan sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman."(206)

Apabila ia bertindak melakukan kerosakan di bumi, iaitu memusnahkan tanaman dan turunan, melakukan kebinasaan dan kehancuran di sana sini dan

meluahkan segala dendam kesumat, kejahatan dan kebejatan...... apabila ia melakukan semua ini lalu ditegur dan dinasihatkan dengan da'wah:

ٱتَّقِ ٱللَّهَ

"Bertaqwalah kepada Allah."

dengan tujuan mengingatkannya supaya takut dan merasa malu kepada Allah dan gentar terhadap kemurkaan-Nya, maka ia terus memberontak menentang nasihat itu. Ia merasa begitu angkuh untuk menerima nasihat supaya bertaqwa dan merasa begitu sombong untuk ditegur kesalahannya dan dibetulkan kesilapannya. Ia merasa bangga bukan dengan kebenaran, keadilan dan kebaikan tetapi dengan perbuatan-perbuatannya yang berdosa. Ia berbangga dengan jenayah, dosa dan kesalahannya. Dia mengangkat kepalanya dengan angkuh menentang kebenaran yang diperingatkan kepadanya. Dia mengangkat kepalanya dengan sombong di hadapan Allah tanpa malu 'aib, sedangkan dialah juga yang pernah mempersaksikan Allah atas kebenaran isi hatinya. Dia berpura-pura baik, ikhlas, jujur dan sopan santun.

Itulah coretan yang menyempurnakan gambaran lukisan itu. Ia membuat perwatakan orang ini bertambah terang dan jelas berbeza, dan menjadikan lukisan ini seolah-olah hidup dan bergerak hingga ia dapat berkata dengan pasti: Inilah orang yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an dan anda dapat melihat orang ini berada di hadapan anda di dunia ini sekarang dan pada bila-bila masa sahaja.

Untuk melawan sikap angkuh dan berbangga dengan dosa, untuk menentang perseteruan yang ketat, kerosakan yang kejam dan bejat, maka ayat yang berikut memberi tamparan yang sesuai dengan tabi'at yang jahat itu:

فَحَسْبُهُۥ جَهَنَّمُ ۚ وَلَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾

"Oleh itu padanlah baginya balasan Neraka Jahannam dan sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman."(206)

Yakni padanlah orang ini dihumbankan ke dalam Neraka, di mana bahan bakarnya ialah manusia dan batu-bata. Itulah Neraka Jahannam tempat dihumbankan sekalian orang yang sesat dan sekalian bala tentera iblis. Itulah Neraka Huthamah yang menjilat hati manusia. Itulah Neraka Jahannam yang membakar habis-habisan tidak meninggal dan membiarkan selamat sesuatu apa. Itulah Neraka Jahannam yang hampir-hampir meledak pecah kerana terlalu marah. Padanlah orang ini dibalas dengan Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman. Menyebut Neraka sebagai tempat kediaman itu merupakan satu ejekan yang amat menghinakan. Alangkah malangnya orang yang ditempatkan di dalam Neraka sebagai tempat kediamannya, setelah ia menunjukkan sikap angkuh, sombong dan takbur.

Itulah satu contoh manusia dan di sana ada satu lagi contoh yang lain yang bertentangan dengannya:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشْرِى نَفْسَهُ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ رَءُوفٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٢٠٧﴾

"Dan ada di antara manusia orang yang sanggup menjualkan dirinya kerana mencari keredhaan Allah dan Allah itu Maha Penyayang terhadap sekalian hamba-Nya."(207)

Contoh Insan Yang Beriman

Yakni ia sanggup menjualkan seluruh jiwa raganya kerana Allah. Ia sanggup menyerah seluruh jiwa raganya kepada Allah tanpa meninggalkan sebarang baki. Ia tidak mengharapkan sesuatu apa di sebaliknya selain dari keredhaan Allah. Ia tidak memperolehi sesuatu apa dan mendapat sesuatu apa di sebaliknya. Ia menjualkan dirinya kepada Allah secara mutlak tanpa ragu-ragu dan teragak-agak dan tanpa menyimpan sebarang bakinya untuk yang lain dari Allah. Ungkapan "يشرى نفسه" mungkin diertikan dengan makna yang lain (yakni dengan makna membeli) tetapi membawa kepada tujuan yang sama, iaitu ayat ini mungkin bermakna dia sanggup membeli dirinya dengan segala harta dan kesenangan hidup dunia untuk membebaskan dan memberikan dirinya semata-mata untuk Allah, agar tiada lagi suatu hak yang lain yang bergantung dengan dirinya selain dari hak Allah. Yakni dia sanggup mengorbankan segala harta dan kesenangan hidup dunia dan menyerahkan dirinya semata-mata untuk Allah. Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai sebab nuzul ayat ini yang sesuai dengan pentafsiran yang akhir ini.

Sebab Nuzulnya Ayat

Ujar ibn Kathir di dalam tafsirnya: Ujar Ibn Abbas, Anas, Sa'id ibn al-Musayab, Abu 'Uthman al-Nahdi, 'Ikrimah dan beberapa orang yang lain: Ayat ini diturun mengenai Suhayb ibn Sinan al-Rumi. Ceritanya begini: Setelah dia memeluk Islam di Mekah dan mahu berhijrah ke Madinah, maka orang-orang Quraysy telah menahannya dari berhijrah ke Madinah dengan membawa harta kekayaannya. Andainya dia sanggup mengorbankan harta kekayaannya, barulah dapat ia berhijrah. Lalu dia membebaskan dirinya dari mereka dan memberikan semua harta kekayaannya kepada mereka. Kerana peristiwa inilah turunnya ayat ini. Kedatangannya disambut oleh 'Umar ibn al-Khattab dengan satu rombongannya hingga ke perbatasan al-Harrat dan di sana mereka berkata kepadanya: "Beruntunglah perniagaan awak" lalu dia pun berkata: Kamu juga beruntung dan semoga Allah tidak merugikan perniagaan kamu, tetapi apa ceritanya? Lalu mereka pun memberitahu bahawa Allah telah menurunkan ayat ini mengenai peristiwanya. Menurut satu riwayat yang lain, Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada Suhayb: "Beruntunglah perniagaan Suhayb. Ujar Ibn

Mardawayh kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ibrahim, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abdullah ibn Mardawayh, kami telah diceritakan oleh Sulaiman ibn Daud, kami telah diceritakan oleh Ja'afar ibn Sulaiman al-Dhabbi, kami telah diceritakan oleh 'Auf dari Abu 'Uthman al-Nahdi daripada Suhayb katanya: "Sewaktu aku hendak berpindah dari Mekah ke Madinah untuk bersama Nabi s.a.w. kaum Quraysy telah berkata kepadaku: Wahai Suhayb! Dahulu awak datang kepada kami tanpa mempunyai sebarang harta dan kini bagaimana awak hendak keluar (dari sini) dengan membawa harta? Ini tidak mungkin sama sekali berlaku. Lalu aku berkata kepada mereka: Bagaimana jika aku serahkan semua harta kekayaanku, adakah kamu akan melepaskan aku (keluar dari sini)? Jawab mereka: Ya. Lalu aku menyerahkan semua harta kekayaanku kepada mereka dan mereka pun membebaskanku, kemudian aku keluar dari Mekah dan akhirnya sampai ke Madinah. Apabila cerita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w. beliau pun, bersabda: Untunglah Suhayb! Untunglah Suhayb! Dua kali.

Sama ada ayat ini turun kerana peristiwa ini atau sesuai dengan peristiwa ini, namun skopnya lebih jauh dari sesuatu peristiwa yang tertentu dan seseorang yang tertentu sahaja. Ia melukiskan satu gambaran jiwa dan menggariskan sifat-sifat satu contoh insan yang tertentu yang dapat dilihat contoh-contoh yang sama dengannya di kalangan umat manusia di sana sini.

Lukisan pertama dengan tepat menggambarkan sifat-sifat setiap munafiq yang berpura-pura, pintar berbicara, tetapi berhati kejam, bertabi'at jahat, bermusuh ketat dan mempunyai fitrah yang rosak. Lukisan yang kedua dengan tepat menggambarkan sifat-sifat setiap Mu'min yang mempunyai keimanan yang tulus kepada Allah semata-mata dan memandang rendah kepada segala harta dan kesenangan hidup di dunia. Kedua-duanya merupakan dua contoh insan yang terkenal di dunia manusia. Kedua-duanya dilukiskan oleh pena Ilahi Yang Maha Kreatif dengan gambaran yang penuh sejarah. Ia meletakkan dua contoh ini di hadapan mata manusia supaya mereka dapat meneliti mu'jizat Al-Qur'an dan mu'jizat penciptaan manusia dengan sifat-sifat perbezaan yang begitu jauh yang wujud di antara insan yang munafiq dengan insan yang beriman, dan supaya mereka dapat mempelajari watak-watak kedua insan itu agar mereka tidak tertipu dengan kata-kata bersalut madu dan sifat-sifat berpura-pura yang menarik, dan seterusnya supaya mereka berusaha mencari hikmat yang sebenar di sebalik kata-kata yang berbunga-bunga dan nada-nada palsu, di sebalik sikap muka dua, pura-pura dan hiasan alat-alat solek, di samping mempelajari dari kedua-dua contoh insan itu bagaimana hendak mengenal nilai-nilai di dalam neraca keimanan.

* * * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 208 - 209)

Di bawah bayangan dua lukisan yang menggambarkan contoh nifak yang jahat dan contoh iman yang bersih ini, ayat-ayat yang berikut menyeru kaum Muslimin dengan sifat iman, iaitu sifat mereka yang dikenali umum supaya masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka, dan supaya berwaspada dari mengikut jejak syaitan serta mengingatkan mereka dari tergelincir setelah mereka mendapat penerangan yang jelas:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

فَإِن زَلَلْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْكُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٠٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah ke dalam 'al-silm' (kedamaian) dengan keseluruhan jiwa kamu dan janganlah kamu menurut jejak syaitan-syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang amat nyata(208). Oleh itu jika kamu tergelincir juga setelah datang kepada kamu keterangan-keterangan yang jelas, maka ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(209)

Itulah seruan kepada orang-orang Mu'min dengan nama keimanan iaitu seruan dengan sifat yang disukai mereka dan membezakan mereka, sifat yang menghubungkan mereka dengan Allah yang menyeru mereka agar seluruh mereka masuk ke dalam kedamaian.

Konsep Da'wah Kepada ((السلم))

Maksud pertama dari seruan ini ialah supaya orang-orang Mu'min menyerah seluruh jiwa raga mereka kepada Allah dan menyerah segala urusan mereka sama ada kecil atau besar kepada Allah. Mereka hendaklah menyerah secara mutlak kepada Allah tanpa meninggalkan sesuatu yang sumbang sama ada berupa fikiran atau perasaan, niat atau tindakan, kegemaran atau ketakutan yang tidak tunduk kepada Allah dan tidak redha dengan ketetapan dan keputusan-Nya. Mereka hendaklah memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah dengan penuh keyakinan dan kerelaan. Mereka hendaklah menyerah diri mereka kepada qudrat Ilahi yang memimpin langkah-langkah mereka dengan keyakinan bahawa Allah mahukan mereka mendapat kebaikan, pengajaran dan petunjuk, dan dengan keyakinan bahawa mereka sedang menuju ke jalan dan kesudahan yang baik dunia dan Akhirat.

Penujuan da'wah yang seperti ini kepada orang-orang yang beriman itu membayangkan bahawa di sana ada orang-orang yang masih teragak-agak untuk memberi keta'atan dan kepatuhan yang mutlak

kepada Allah sama ada di dalam keadaan sulit atau di dalam keadaan terang. Wujudnya orang-orang yang seumpama ini di dalam masyarakat Islam di samping golongan orang-orang yang penuh yakin dan redha itu memanglah suatu perkara yang biasa. Da'wah ini adalah ditujukan setiap masa kepada orang-orang yang beriman supaya mereka sentiasa ikhlas kepada Allah, dan supaya aliran fikiran dan perasaan mereka selaras dengan kehendak Allah terhadap mereka dan selaras dengan matlamat yang dipimpin oleh nabi dan agama mereka tanpa digugatkan oleh sebarang keraguan dan keteragakkan.

Apabila seseorang Islam menyambut da'wah itu dengan sambutan yang seperti itu bererti ia memasuki sebuah alam yang seluruhnya diselubungi kedamaian dan keamanan, sebuah alam yang seluruhnya dipenuhi kepercayaan dan keyakinan, kerelaan dan kemantapan, di mana tidak terdapat lagi sebarang kerunsingan dan kegelisahan, sebarang kedurhakaan dan kesesatan, iaitu kedamaian dengan jiwa dan hati nurani sendiri, kedamaian dengan akal dan logik, kedamaian dengan manusia dan makhluk-makhluk yang hidup, kedamaian dengan seluruh alam buana dan seluruh yang maujud, kedamaian dan keimanan yang menerangi liku-liku hati nubari, kedamaian dan keamanan yang memayungi kehidupan dan masyarakat, kedamaian dan keamanan di bumi dan di langit.

Kesan pertama yang dilimpahkan oleh kedamaian ini di dalam hati ialah kesahihan kefahaman dan kepercayaannya terhadap Allah, juga kejelasan dan kemudahan kefahaman dan kepercayaan itu sendiri bahawa Allah Tuhan Yang Maha Esa dan setiap Muslim hanya bertawajjuh kepada-Nya sahaja dengan hati yang teguh dan yakin. Hatinya bulat kepada Allah tanpa dikelirukan oleh berbagai-bagai kepercayaan yang lain. Ia tidak diburu oleh berbagai-bagai tuhan di sana sini seperti di dalam kepercayaan-kepercayaan paganisme dan jahiliyah. Ia hanya bertuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan hanya kepada Allah ia membulatkan hatinya dengan penuh keyakinan, ketenteraman, terang dan jelas.

Allah Maha Kuat, Maha Kuasa, Maha Perkasa dan Maha Gagah. Setiap Muslim yang bertawajjuh kepada Allah bererti ia bertawajjuh kepada kekuatan dan kuasa yang haqiqi dan tunggal di alam al-wujud ini. Ia tidak lagi takut kepada segala kekuatan dan kuasa lain yang palsu. Dia benar-benar merasa tenteram dan senang hati. Ia tidak lagi takut kepada sesiapa dan kepada sesuatu apa kerana ia menyembah Allah Yang Maha Kuat, Maha Kuasa, Maha Perkasa dan Maha Gagah. Ia tidak lagi bimbang kehilangan sesuatu dan tidak mengharapkan sesuatu pada yang lain dari Allah yang berkuasa menahan dan memberi.

Allah Maha Adil dan Maha Bijaksana. Kekuatan dan qudrat kuasa-Nya menghindarkannya dari kezaliman, dari hawa nafsu dan penganiayaan. Allah tidak sama dengan tuhan-tuhan di dalam kepercayaan-kepercayaan paganisme dan jahiliyah yang mempunyai berbagai-bagai keinginan dan kehendak hawa nafsu. Setiap Muslim yang berlindung pada Allah bererti ia telah berlindung pada satu kuasa Yang Maha Kuat, di mana ia boleh meni'mati keadilan, pembelaan dan keamanan.

Allah Maha Pengasih dan Maha Penyayang, Pemberi dan Pengurnia segala ni'mat, Pengampun dosa dan Penerima taubat. Dialah yang menyambut do'a orang yang berada di dalam kesusahan dan menghapuskan kesusahan itu apabila ia memohon kepada-Nya. Oleh itu setiap Muslim yang berada di bawah naungan-Nya merasa aman, tenteram, selamat dan beruntung. Ia diberi rahmat apabila lemah dan diberi keampunan apabila bertaubat.

Demikianlah tanggapan seseorang Muslim terhadap sifat-sifat Allah yang telah diajarkan oleh Islam kepadanya. Ia dapati dalam setiap sifat Allah itu hakikat-hakikat yang mententeramkan hatinya, menenangkan jiwanya dan menjamin perlindungan, rahmat kasihan belas, kekuatan dan keteguhan, kemantapan dan kedamaian.

Demikianlah hati seseorang Muslim dilimpahi kedamaian yang terbit dari kesahihan kepercayaan dan kefahamannya terhadap hubungan yang wujud di antara hamba dan Allah, di antara Allah dan alam buana, dan di antara alam buana dan manusia. Allah telah menciptakan alam buana ini dengan hikmat yang benar dan Ia telah menciptakan segala makhluk di alam buana ini dengan takdir-takdir/perencanaan-perencanaan yang rapi dan kebijaksanaan. Manusia adalah diciptakan dengan sengaja dan tidak akan dibiarkan sia-sia sahaja. Segala suasana dan keadaan alam yang sesuai dengan kewujudannya telah disediakan untuknya. Segala kejadian yang ada di bumi ini telah diciptakan untuk faedah dan kepentingannya. Ia dipandang tinggi di sisi Allah dan dialah khalifah Allah di bumi ini dan Allahlah yang menolongnya dalam melaksanakan tugas khilafah ini. Alam buana di sekelilingnya menjadi sahabat baiknya. Rohnya berpaut dengan roh alam buana apabila kedua-duanya bertawajjuh kepada Allah. Ia diundang menyaksikan pameran Ilahi yang diadakan di langit dan di bumi supaya ia meni'matinya dan bermesra dengannya dengan sepenuh mata dan hati. Ia diseru supaya berhubung mesra dengan segala sesuatu dan segala yang hidup di alam buana yang besar ini, yang penuh dengan sahabat handai yang juga turut diundang untuk menyaksikan pameran itu dan seluruh mereka turut membentuk pameran itu.

Agama yang membuat penganutnya berdiri di hadapan tumbuh-tumbuhan yang kecil dan menyarankan bahawa dia akan mendapat pahala apabila dia menyiram tumbuh-tumbuhan itu dan berusaha supaya subur dan menghapuskan segala sesuatu yang menghalangkan kesuburannya, adalah satu agama yang sungguh indah dan sungguh mulia. Itulah agama yang mencurahkan kedamaian di dalam

rohnya dan membebaskan rohnya berpeluk dengan alam buana dan berpeluk dengan segala makhluk yang ada, dan menyebarkan suasana aman, mesra, kasih sayang dan damai di sekeliling alam buana.

Kesan Kepercayaan Kepada Hari Akhirat Ke Atas Jiwa Manusia

Kepercayaan kepada hari Akhirat menunaikan peranan asasinya dalam melimpahkan kedamaian ke atas jiwa seseorang Mu'min dan alamnya, dan menghapuskan perasaan keluh kesah, bosan dan putus asa. Kira-kira penghabisan tidak dibuat di bumi ini dan balasan yang sempurna juga tidak dibuat di dunia ini. Kira-kira penghabisan akan diadakan di Akhirat, dan keadilan yang mutlak tetap terjamin di dalam kira-kira ini. Oleh sebab itu seseorang Mu'min tidak merasa menyesal terhadap usaha-usaha kebajikan dan terhadap jihadnya demi kepentingan agama Allah andainya usaha dan jihadnya itu tidak berjaya di bumi ini, dan andainya ia tidak pernah mendapat apa-apa balasan dia tidak merasa gelisah terhadap upah dan ganjaran kerjanya jika upah dan ganjaran itu tidak diberi dengan sempurna di dunia ini mengikut penilaian-penilaian manusia, kerana dia yakin bahawa upah dan ganjaran itu akan disempurnakan kepadanya mengikut neraca pertimbangan Allah. Dia tidak merasa berputus asa dari mendapat keadilan apabila habuan-habuan kebaikan itu dibahagi-bahagikan bertentangan dengan kehendaknya dalam perjalanan hidup yang pendek ini. Keadilan pasti wujud kerana Allah tidak sekali-kali mahu menzalimi hamba-hamba-Nya.

Kepercayaan kepada hari Akhirat juga merupakan tembok yang menghalangkan pertarungan gila-gilaan dan pertentangan yang sengit, di mana nilai-nilai dan kehormatan-kehormatan dipijak-pijak tanpa segan silu, kerana di Akhirat manusia akan mendapat pemberian dan pengurniaan yang cukup dan akan mendapat pampasan terhadap hak-haknya yang terluput di dunia. Kepercayaan yang seperti ini dapat mencurahkan rasa damai di medan perlumbaan dan pertandingan, dan dapat menyalutkan suasana budi bahasa dan bersopan santun ke atas gerak-geri atau tindak-tanduk para peserta dalam perlumbaan dan pertandingan itu. Ia dapat mengurangkan kegelojohan dan kerakusan yang terbit dari perasaan bahawa peluang yang wujud di dalam usia yang pendek ini merupakan satu-satunya peluang yang terbuka kepadanya.

Kesan Mengetahui Matlamat Kewujudan Manusia

Seseorang Mu'min yang mengetahui bahawa matlamat kewujudan manusia ialah beribadat kepada Allah, iaitu ia diciptakan untuk mengabdikan dirinya kepada Allah, maka kesedaran yang seperti ini tidak syak lagi dapat mengangkatkannya ke puncak yang gemilang, iaitu ia meningkatkan perasaan dan hati nuraninya, meningkatkan kegiatan dan pekerjaannya, membersihkan cara-cara dan alat-alat pekerjaannya, kerana dia mahu berbakti kepada Allah dengan kegiatan dan pekerjaannya. Dia mahu beribadat kepada Allah dengan pendapatan dan perbelanjaannya dan dia mahu mengabdikan dirinya kepada Allah dengan kerja-kerja memerintah dan mentadbir di bumi dan menegakkan agama Allah. Oleh sebab itulah ia tidak seharusnya melakukan pengkhianatan dan penipuan, tidak seharusnya berlagak angkuh dan bertindak sewenang-wenang dan tidak seharusnya menggunakan cara-cara yang kotor dan hina. Begitu juga ia tidak seharusnya bertindak gopoh, memotong-motong jalan dan memayah-mayahkan kerja, kerana ia tetap akan sampai ke matlamat ibadatnya dengan niatnya yang ikhlas dan amalannya yang tekun dalam batas kemampuannya. Semuanya ini akan membuat dirinya tidak lagi dilambung-lambung oleh berbagai-bagai kebimbangan dan tamak haloba, dan tidak lagi dikongkong oleh kegelisahan-kegelisahan di mana-mana peringkat perjalanan hidupnya kerana dia beribadat pada setiap langkah yang dihayuni dan melaksanakan matlamat kewujudannya pada setiap mundar-mandirnya, dan dia mendaki menuju kepada Allah pada setiap kegiatan dan pada setiap bidang.

Kesan Mengetahui Hidup Dengan Takdir Allah

Seseorang Mu'min yang merasa bahawa dia berjalan dengan takdir Allah dan dengan keta'atan kepada Allah untuk melaksanakan iradat Allah, maka perasaan ini akan mencurahkan rasa ketenteraman, kedamaian dan kemantapan di dalam jiwanya. Dia dapat meneruskan perjalanannya tanpa digugatkan oleh rasa keseksaan dan keluh-kesah, rasa bosan dan marah apabila menghadapi halangan-halangan dan kesulitan, rasa putus harapan dari mendapat pertolongan, rasa takut kesesatan jalan atau rasa takut dari kehilangan balasan dan ganjaran. Oleh sebab itulah dia merasa begitu damai dan aman dalam jiwanya sehingga di sa'at-sa'at ia memerangi musuh-musuh Allah dan musuh-musuhnya, kerana dia berperang kerana Allah, kerana sabilillah dan kerana meninggikan agama Allah. Dia bukannya berperang kerana mengejar kedudukan dan keuntungan atau kerana memuaskan keinginan atau kerana harta kekayaan dan kesenangan hidup dunia.

Matlamat Orang Mu'min Sama Dengan Matlamat Alam Buana

Seseorang Mu'min juga merasa bahawa dia berjalan seiringan dengan alam buana mengikut Sunnatullah. Undang-undang yang dipatuhinya ialah undang-undang yang dipatuhi oleh alam buana, dan arah yang ditujuinya ialah arah yang ditujui alam buana. Di sana tidak ada sebarang pertentangan dan permusuhan di antara dia dengan alam buana, tidak ada sebarang pembaziran kerja dan tenaga. Seluruh kekuatan alam buana bergabung dengan kekuatannya dan berpedoman dengan nur hidayat Allah yang menjadi pedomannya, serta sama-sama bertawajjuh kepada Allah yang juga menjadi matlamat tawajjuhnya.

Taklif Yang Diwajibkan Allah Bersesuaian Dengan Fitrah Manusia

Taklif-taklif yang diwajibkan ke atas setiap Muslim itu adalah taklif-taklif yang sesuai dengan fitrah manusia dan bertujuan untuk membetulkan fitrah itu. Taklif-taklif itu tidak melampaui batas kemampuan manusia dan tidak mengabaikan tabi'at dan struktur kejadiannya. Ia tidak mensia-siakan mana-mana tenaga manusia, malah setiap tenaga dibebaskan bekerja, membena dan menyubur. Ia tidak melupakan mana-mana keperluan jasmani dan rohani manusia malah ia memenuhi setiap keperluannya dengan mudah, toleransi dan mewah. Oleh sebab itu seseorang Mu'min tidak merasa bingung dan keluh-kesah dalam melaksanakan taklif-taklif yang diwajibkan ke atasnya. Ia memikul taklif-taklif itu mengikut keupayaan dan kemampuannya dan meneruskan perjalanannya menuju Allah dengan tenang, tenteram dan aman damai.

Ciri-ciri Masyarakat Di Bawah Sistem Rabbani

Masyarakat yang diwujudkan oleh sistem hidup Rabbani ini dan hidup di bawah naungan peraturan-peraturan yang melahirkan 'aqidah yang indah ini di samping jaminan-jaminannya terhadap keselamatan jiwa, maruah dan harta benda adalah semuanya memainkan peranan mengembangkan kedamaian dan menyebarkan semangat keamanan.

Masyarakat yang berkasih sayang, bersatu padu, bertakaful dan seimbang yang telah diwujudkan sekali oleh Islam dengan bentuknya yang paling tinggi dan bersih, kemudian terus mewujudkannya dengan berbagai-bagai bentuk di dalam berbagai-bagai zaman yang berbeza-beza darjah kebersihannya, tetapi pada keseluruhannya ia masih merupakan satu masyarakat yang lebih baik dari segala masyarakat yang lain yang dibentuk oleh jahiliyah dahulu dan sekarang, dan lebih baik dari segala masyarakat yang dicemari oleh jahiliyah dengan kepercayaan-kepercayaan dan peraturan-peraturan keduniaannya.

Masyarakat ini hanya diikat oleh seutas tali hubungan sahaja, iaitu tali hubungan 'aqidah, di mana leburnya hubungan-hubungan bangsa dan negara, bahasa dan warna dan segala hubungan sementara yang lain, yang tidak ada hubungan dengan hakikat insan.

Masyarakat ini ialah masyarakat yang mematuhi perintah Allah yang menyarankan:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

"Sesungguhnya orang-orang Mu'min itu saudara."

(Surah al-Hujurat : 10)

Ia juga sebuah masyarakat yang melihat bentuknya yang telah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya:

مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم وتعاطفهم مثل الجسد إذا اشتكى منه عضو تداعى له سائر الجسد بالسهر والحمى. - رواه الامام احمد ومسلم-

"Bandingan perpaduan orang-orang mu'min dalam hubungan saling mesra mereka, hubungan saling kasih dan saling simpati mereka sama dengan perpaduan sebuah jasad, jika mana-mana satu anggotanya sakit, maka seluruh jasad akan berjaga dan mengidap demam kerananya."

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Muslim)

Masyarakat ini mempunyai peradaban-peradabannya di antaranya ialah:

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا۟ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ

"Dan apabila kamu diberi ucapan salam, maka jawablah ucapan itu dengan ucapan yang lebih baik darinya atau balaskannya dengan ucapan yang sama."

(Surah an-Nisa' : 86)

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

"Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak suka sekalian orang yang sombong dan membanggakan diri."

(Surah Luqman : 18)

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

"Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang lebih baik nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia."

(Surah Fussilat : 34)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَٰبِ ۖ بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum menghinakan satu kaum yang lain kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik dari kaum yang menghina dan janganlah pula wanita-wanita menghinakan wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi wanita-wanita yang dihinakan itu lebih baik dari wanita-wanita yang menghina. Dan janganlah

kamu mengaibkan diri kamu sendiri. Dan janganlah kamu memanggil di antara kamu dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk nama ialah nama fasiq sesudah seseorang itu beriman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka merekalah orang-orang yang zalim."

(Surah al-Hujurat : 11)

وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

"Dan janganlah kamu mengumpat satu sama lain. Apakah seseorang dari kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentulah kamu jijiknya. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."

(Surah al-Hujurat : 12)

Masyarakat ini mempunyai jaminan-jaminan di antaranya ialah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman jika seorang yang fasiq datang menemui kamu membawa sesuatu berita, maka selidikilah (kebenarannya) kerana dikhuatiri kamu mengenakan tindakan yang buruk terhadap sesuatu kaum dengan sebab kejahilan dan menyebabkan kamu menyesal terhadap tindakan yang telah dilakukan kamu."

(Surah al-Hujurat : 6)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan prasangka, kerana setengah-setengah prasangka itu berdosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari keaiban orang lain)."

(Surah al-Hujurat : 12)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya."

(Surah an-Nur : 27)

dan......

كل المسلم على المسلم حرام: دمه وعرضه وماله. —
أخرجه مالك والشيخان—

"Setiap Muslim terhadap satu sama lain diharamkan darahnya, kehormatannya dan harta bendanya."

Masyarakat ini adalah masyarakat yang bersih. Di dalam masyarakat ini kejahatan seks tidak berkembang, kegiatan-kegiatan yang membangkitkan hawa nafsu berahi tidak berleluasa, perbuatan mendedahkan tubuh dan hiasan tidak tersebar, biji-biji mata tidak berkeliaran memandang 'aurat, nafsu-nafsu keinginan tidak galak menceroboh kehormatan-kehormatan, kegilaan seks dan kerakusan nafsu darah dan daging tidak terlepas bebas seperti di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah dahulu dan sekarang. Masyarakat ini sentiasa dibimbing oleh berbagai-bagai arahan Rabbaniyah. Ia sentiasa mematuhi perintah Allah S.W.T. yang berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۚ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."

(Surah an-Nur : 19)

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Dan hendaklah penyeksaan keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman."

(Surah an-Nur : 2)

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾

"Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan mohsan (dengan tuduhan berzina) kemudian mereka tidak dapat membawa empat orang saksi, maka sebatkanlah mereka delapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka untuk selama-lamanya dan merekalah orang-orang yang fasiq."

(Surah an-Nur : 4)

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا
فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا
يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾
وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ
وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا
مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ
آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ
إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ
نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ
أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ
يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ
لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا
أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui segala apa yang dibuat oleh kamu(30). Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota kelamin mereka. Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara perempuan mereka atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka atau hamba-hamba yang dimilik mereka atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang 'aurat-'aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang apa sahaja perhiasan yang disembunyikan mereka, dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah wahai orang-orang yang beriman supaya kamu mendapat keberuntungan."(31)

(Surah an-Nur : 30 - 31)

Dalam masyarakat ini isteri-isteri nabi sendiri - selaku isteri yang paling suci yang hidup di rumah yang paling suci dan di zaman yang paling suci - diberi perintah yang sama:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ إِنِ اتَّقَيْتُنَّ
فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ
وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾
وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ
الْأُولَىٰ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ وَآتِينَ الزَّكَاةَ
وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ
عَنكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

"Wahai isteri-isteri nabi, kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk (lembut manja) semasa bercakap-cakap (dengan lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya dan bercakaplah di dalam perkara yang baik(32). Dan tetaplah di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah dahulu. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan perkara-perkara yang boleh mencemarkan dari kamu wahai Ahlil Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."

(Surah al-Ahzab : 32-33)

Di dalam masyarakat yang seperti ini isteri merasa aman terhadap suaminya dan suami merasa aman terhadap isterinya. Sekalian wali-wali merasa aman terhadap kehormatan-kehormatan dan maruah-maruah mereka, dan seluruh orang merasa aman terhadap saraf dan hati mereka, kerana mata mereka tidak terlihat pemandangan-pemandangan yang menimbulkan nafsu berahi. Mata mereka tidak menarik hati mereka melakukan perbuatan-perbuatan haram, iaitu melakukan pengkhianatan suami isteri yang bertimbal-balik ketika itu atau hidup dengan keinginan-keinginan nafsu yang tertekan dan menderita penyakit-penyakit jiwa dan kemeranaan saraf. Masyarakat Islam yang bersih dan suci akan terus aman dan tenang di bawah kebebasan sayap-sayap kedamaian, kesucian dan keamanan.

Akhir kata, masyarakat Islam menjamin kerja dan rezeki kepada setiap yang berdaya. Ia menjamin hidup yang baik kepada setiap yang lemah, dan menjamin isteri yang solehah kepada setiap orang yang ingin hidup dengan nafsu yang bersih dan terkawal. Ia menganggapkan setiap orang yang hidup di dalam

masyarakat sebagai bertanggungjawab dari segi kanun jenayah andainya ada seseorang yang mati kelaparan di dalam kalangan mereka, sehingga ada setengah-setengah ahli perundangan Islam berpendapat supaya mereka dikenakan denda membayar diyah.

Masyarakat Islam menjamin kebebasan dan keselamatan kehormatan, maruah dan harta benda dengan kekuatan undang-undang setelah dijamin dengan perintah-perintah dan arahan-arahan Allah yang pasti dipatuhi. Dalam masyarakat Islam tiada siapa yang boleh dihukum dengan prasangka. Tiada siapa yang boleh memanjat rumahnya kerana mencari rahsianya. Tiada siapa yang boleh diintip oleh pengintip rahsia. Tiada darah yang tumpah sia-sia selagi ada undang-undang qisas, dan tiada seorang pun yang kehilangan harta kerana dicuri atau dirompak selagi ada undang-undang hudud.

Masyarakat Islam ditegakkan di atas dasar syura, nasihat dan saling membantu di samping ditegakkan di atas dasar persamaan dan keadilan yang tegas, yang membuat seseorang itu merasa haknya terjamin dengan kekuatan syari'at Allah bukannya dengan kehendak pemerintah, kehendak pembesar-pembesar yang berada di sekeliling pemerintah dan kehendak kaum kerabat seorang pembesar.

Akhir kata masyarakat Islam adalah satu-satunya masyarakat di antara seluruh masyarakat manusia yang lain yang membuat manusia tidak tunduk kepada sesama manusia, malah setiap orang, baik pemerintah mahu pun rakyat wajib tunduk kepada Allah dan syari'at-Nya belaka dan wajib melaksanakan hukum Allah dan syari'at-Nya. Seluruh mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di hadapan Allah Tuhan semesta alam, pemerintah yang paling adil dengan penuh ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan.

Semuanya ini merupakan sebahagian dari makna-makna kedamaian (السلم) yang diisyaratkan ayat ini, iaitu ayat yang menyeru umat manusia supaya memasuki dalam kedamaian agar mereka menyerahkan seluruh jiwa raga mereka kepada Allah, tiada satu pun yang pulang kepada mereka, malah semuanya pulang kepada Allah belaka dengan penuh kepatuhan dan penyerahan.

Makna kedamaian (السلم) ini tidak dapat difahami dengan kefahaman yang sebenar oleh orang yang tidak pernah mengetahui bagaimana hebatnya kebingungan dan kegelisahan itu berleluasa dan berkecamuk di dalam jiwa yang tidak mendapat ketenangan iman, dan berkecamuk di dalam masyarakat-masyarakat yang tidak mengenal Islam atau pernah mengenal Islam kemudian meninggalkannya kerana kembali kepada jahiliyah yang memakai berbagai-bagai nama di sepanjang zaman. Inilah masyarakat-masyarakat yang malang dan berada di dalam kebingungan walaupun ia mempunyai segala sesuatu yang dapat memberikan kemewahan kebendaan, kemajuan ketamadunan dan seluruh nilai-nilai kemajuan mengikut tradisi jahiliyah yang menganut kepercayaan-kepercayaan yang sesat dan berpedomankan neraca-neraca yang rosak.

Di Sebalik Masyarakat Yang Termaju Di Eropah

Cukuplah kepada kita merenungi satu contoh yang telah berlaku di sebuah negeri Eropah yang dianggap sebagai sebuah negeri yang paling maju di seluruh dunia, iaitu negara Sweden di mana habuan subsidi yang diberikan kepada setiap seorang rakyat dari jumlah pendapatan kebangsaan ialah menyamai lima ratus paun[9] setahun, dan di mana setiap orang diberi perlindungan kesihatan dan bantuan-bantuan sakit percuma di samping perubatan-perubatan percuma di hospital-hospital. Ia juga diberi pelajaran percuma di semua peringkat pelajaran di samping disediakan bantuan-bantuan pakaian dan pinjaman-pinjaman kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Kerajaan juga memberi subsidi perkahwinan kira-kira tiga ratus paun untuk menyiapkan rumahtangga di samping berbagai-bagai kemewahan kebendaan dan ketamaddunan yang menarik.

Tetapi apakah yang ada di sebalik kemewahan kebendaan, ketamadunan dan kekosongan hati dari keimanan kepada Allah itu? Umat Sweden merupakan satu umat yang terancam dengan kepupusan keturunan. Jumlah kelahiran zuriat di kalangan mereka terus menurun dengan sebab kebebasan pergaulan dan jumlah perceraian yang tinggi, iaitu satu perceraian dalam setiap enam perkahwinan akibat kebebasan hawa nafsu, pendedahan kegiatan seks dan kebebasan percampuran lelaki dan perempuan. Kehidupan generasi barunya menyeleweng. Mereka menagih arak dan dadah untuk menggantikan kekosongan jiwa mereka dari keimanan, dan menggantikan ketenteraman hati mereka yang tidak mempunyai 'aqidah. Penyakit-penyakit jiwa dan saraf di samping berbagai-bagai perilaku yang ganjil menyerang ribuan jiwa dan saraf. Kemudian kejadian membunuh diri juga lumrah. Keadaan yang seperti ini juga berlaku di Amerika dan ia berlaku lebih buruk lagi di Rusia. Itulah kecelakaan hidup yang telah ditulis di atas setiap hati yang kosong dari kemanisan keimanan dan ketenteraman 'aqidah. Ia tidak dapat mengecapi rasa kedamaian yang diseru Allah supaya sekalian orang-orang Mu'min diseru masuk dan hidup di dalamnya untuk meni'mati keamanan, naungan kerehatan dan kemantapan.

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَـٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa kamu dan janganlah

---

[9] *Matawang Mesir*

kamu menurut jejak syaitan-syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang amat nyata".(208)

Setelah Allah menyeru orang-orang yang beriman supaya masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka, maka Al-Qur'an mengingatkan mereka supaya jangan mengikut langkah-langkah syaitan, kerana di sana hanya terdapat dua haluan sahaja; Sama ada masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa atau mengikut jejak-jejak syaitan, sama ada memilih hidayat atau memilih kesesatan, sama ada mengikut Islam atau mengikut jahiliyah, sama ada menuju jalan Allah atau menuju jalan syaitan, sama ada memilih petunjuk Allah atau memilih penyesatan syaitan. Setiap Muslim harus memahami sikapnya dengan ketegasan yang seperti ini. Ia tidak seharusnya teragak-agak dan termangu-mangu di tengah-tengah berbagai-bagai jalan dan hala tujuan.

Di sana tidak ada banyak sistem hidup yang harus dipilih salah satunya oleh seorang Mu'min, atau mencampurkan salah satunya dengan yang lain. Tidak sekali-kali begitu! Sesiapa yang tidak masuk ke dalam kedamaian dengan seluruh jiwanya dan tidak menyerahkan dirinya semata-mata kepada kepimpinan Allah dan syari'at-Nya, sesiapa yang tidak membuang segala kepercayaan yang lain, segala sistem hidup yang lain dan segala undang-undang yang lain, maka bererti dia berada di jalan syaitan dan berjalan mengikut jejak-jejak syaitan.

Di sana tidak ada penyelesaian jalan tengah, di sana tidak ada sistem hidup separuh-separuhan, tidak ada peraturan separuh di sana dan separuh di sini. Malah pilihan yang ada di sana hanya salah satu dari dua, iaitu yang hak atau yang batil, hidayat atau kesesatan, Islam atau jahiliyah, sistem Allah atau penyesatan syaitan. Dalam bahagian ayat yang pertama Allah menyeru para Mu'minin supaya masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka dan dalam bahagian ayat yang kedua ia mengingatkan mereka dari mengikut jalan syaitan. Ia menggerakkan hati nurani dan perasaan mereka di samping menimbulkan perasaan takut di dalam hati mereka, iaitu dengan mengingatkan dendam kesumat dan permusuhan syaitan yang ketat terhadap mereka. Permusuhan itu amat jelas dan tiada siapa yang melupakannya melainkan manusia yang lalai dan kelalaian tidak wujud bersama iman.

Kemudian ayat yang berikut mengingatkan kepada mereka akibat kegelinciran setelah mendapat penerangan yang jelas.

فَإِن زَلَلْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْكُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٠٩﴾

"Oleh itu jika kamu tergelincir juga setelah datang kepada kamu keterangan-keterangan yang jelas, maka ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(209)

Peringatan yang menyebut bahawa Allah "Maha Perkasa"(العزيز) mengisyaratkan kekuatan dan qudrat kuasa Allah dan menyarankan bahawa mereka akan terdedah kepada tindakan qudrat Allah apabila mereka menyalahi perintah-Nya.

Sementara peringatan yang menyebut bahawa Allah "Maha Bijaksana"(الحكيم) menyarankan bahawa apa yang dipilih oleh Allah untuk mereka itulah yang paling baik dan sesuatu yang dilarangkan Allah itulah yang paling tidak baik, di samping menyarankan bahawa mereka akan menghadapi kerugian jika mereka tidak mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Kedua-dua peringatan itu mengandungi ancaman dan amaran di tempat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 210)

Kecaman Terhadap Sikap Teragak-agak Memasuki Ke Dalam Kedamaian

Selepas itu rangkaian ayat yang berikut menggunakan satu cara yang baru untuk mengingatkan manusia terhadap akibat penyelewengan dari memasuki ke dalam kedamaian dan mengikut jejak syaitan. Ia berbicara dengan menggunakan kata-kata "mereka" bukan dengan kata-kata "kamu":

هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن يَأْتِيَهُمُ ٱللَّهُ فِى ظُلَلٍ مِّنَ ٱلْغَمَامِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَقُضِىَ ٱلْأَمْرُ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٢١٠﴾

"Apakah lagi yang ditunggukan mereka melainkan ketibaan kedatangan Allah kepada mereka dalam gumpalan-gumpalan awan dan para malaikat-Nya dan perkara itu telah pun diputuskan (Allah) dan seluruh urusan dikembalikan kepada Allah belaka."(210)

Itulah pertanyaan yang bermaksud mengecam sikap orang-orang yang teragak-agak dan berlengah-lengah dari memasuki ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka. Apakah yang menyebabkan mereka enggan menyahut seruan itu? Apakah yang ditunggu-tunggu mereka? Apakah mereka akan terus bersikap begini sehingga mereka didatangi oleh Allah di dalam gumpalan awan bersama para malaikat-Nya? Dengan lain-lain perkataan, adakah mereka tertunggu-tunggu dan mahu berlengah-lengah sehingga tiba hari yang amat ditakuti yang dijanjikan Allah yang telah menegaskan bahawa dia akan datang di dalam gumpalan awan dan para malaikat juga datang berbaris-barisan tanpa bercakap sepatah pun melainkan apabila diizinkan oleh Allah dan bercakap benar?

Tiba-tiba - dalam masa kita sedang menghadapi pertanyaan dalam bentuk kecaman yang mengandungi ancaman yang menakutkan - kita dapati hari yang ngeri itu telah pun tiba dan segala sesuatu telah selesai dan seluruh mereka menghadapi peristiwa mendadak yang telah diperingatkan Allah kepada mereka:

وَقُضِيَ ٱلۡأَمۡرُۚ

"Dan perkara itu telah pun diputuskan (Allah)."

Masa telah berlalu, peluang telah terluput dan keselamatan tidak dapat dicapaikan lagi. Mereka telah berdiri di hadapan Allah, di mana seluruh urusan hanya dikembalikan kepada-Nya:

وَإِلَى ٱللَّهِ تُرۡجَعُ ٱلۡأُمُورُ ﴿٢١٠﴾

"Dan seluruh urusan dikembalikan kepada Allah belaka."(210)

Itulah cara Al-Qur'an yang amat menarik yang membezakannya dari segala kalam yang lain, iaitu cara menayangkan gambaran yang hidup tepat pada sa'at dan waktunya, di mana hati berdiri di hadapannya seolah-olah orang yang melihat, mendengar dan menghayatinya (di alam kenyataan).

Sampai bilakah mereka ponteng dari memasuki ke dalam kedamaian, sedangkan peristiwa agung yang ngeri ini sedang menunggu mereka? Malah peristiwa yang ngeri itu telah pun menimpa mereka ketika kedamaian masih dekat kepada mereka, iaitu kedamaian di dunia dan kedamaian di Akhirat pada hari langit kelihatan pecah dan bergumpal-gumpal dengan awan mendung dan para malaikat turun begitu ramai dan hebat, iaitu pada hari roh dan malaikat berdiri berbaris-baris tanpa bercakap sepatah pun kecuali diizinkan Allah dan bercakap benar, iaitu hari Allah menyelesaikan urusan dan segala urusan telah diselesaikan dan

وَإِلَى ٱللَّهِ تُرۡجَعُ ٱلۡأُمُورُ ﴿٢١٠﴾

"Dan seluruh urusan dikembalikan kepada Allah belaka."(210)

Rangkaian ayat yang berikut pula menoleh kepada Nabi s.a.w. dan berbicara dengannya. Ia menyuruh beliau bertanya Bani Israel - merekalah contoh manusia yang teragak-agak dari menyambut da'wah Allah sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini di dalam surah ini - berapa banyak bukti-bukti kebenaran yang telah ditunjukkan kepada mereka, tetapi mereka tidak pernah menyambutnya dengan baik? Dan bagaimana mereka telah menukarkan ni'mat Allah, iaitu ni'mat keimanan dan kedamaian setelah mereka diberi penjelasan yang terang.

(Pentafsiran ayat 211)

سَلۡ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ كَمۡ ءَاتَيۡنَٰهُم مِّنۡ ءَايَةِۭ بَيِّنَةٖۗ وَمَن
يُبَدِّلۡ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَتۡهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ﴿٢١١﴾

"Tanyakanlah Bani Israel: Berapa banyak bukti kebenaran yang telah Kami kurniakan kepada mereka. Dan sesiapa yang menukarkan ni'mat Allah setelah ia datang kepadanya, maka sesungguhnya Allah amat keras keseksaan-Nya."(211)

Rujukan kepada Bani Israel di sini merupakan satu rujukan yang tabi'i kerana ia mengingatkan sikap Bani Israel yang teragak-agak menyambut da'wah, sikap mereka yang menolak dan enggan memasuki ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka, sikap mereka yang degil dan menuntut mu'jizat-mu'jizat, kemudian sikap mereka yang terus keras kepala dan kufur. Sikap-sikap inilah yang menjadi penggelincir-penggelincir jalan yang diperingatkan Allah kepada kaum Muslimin supaya mereka menghindarinya agar mereka terselamat dari akibat kecelakaan yang telah menimpa Bani Israel.

سَلۡ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ كَمۡ ءَاتَيۡنَٰهُم مِّنۡ ءَايَةِۭ بَيِّنَةٖۗ

"Tanyakanlah Bani Israel: Berapa banyak bukti kebenaran yang telah Kami kurniakan kepada mereka?"

Pertanyaan ini tidak terhenti setakat hakikatnya (yang lahir sahaja), malah pertanyaan ini merupakan salah satu cara penerangan untuk menjelaskan betapa banyaknya bukti-bukti kebenaran yang telah ditunjukkan Allah kepada Bani Israel, dan betapa banyaknya mu'jizat-mu'jizat yang diperlihatkan kepada mereka sama ada atas permintaan mereka atau kerana kedegilan mereka atau diperlihatkan terus secara langsung kepada mereka kerana sesuatu hikmat yang tertentu. Walaupun sebanyak mana mujizat-mujizat yang telah diperlihatkan kepada mereka, namun mereka masih menunjukkan sikap ragu-ragu, teragak-agak, degil dan menjauhkan diri dari kedamaian yang memayungi dengan naungan keimanan.

Kemudian diiringi dengan serangkai kata kesimpulan umum:

وَمَن يُبَدِّلۡ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَتۡهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ
شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ﴿٢١١﴾

"Dan sesiapa yang menukarkan ni'mat Allah setelah ia datang kepadanya, maka sesungguhnya Allah amat keras keseksaan-Nya."(211)

Ni'mat Allah yang telah disebutkan di sini ialah ni'mat kedamaian atau ni'mat keimanan, kedua-duanya seerti sahaja. Amaran dari perbuatan menukarkan ni'mat itu adalah tepat dengan sikap Bani Israel dan keadaan mereka yang dinafikan dari ni'mat kedamaian, ketenteraman dan kemantapan sejak mereka menukarkan ni'mat Allah dan enggan mematuhi perintah Allah dengan menyerah kepada arahan-Nya. Mereka selama-lamanya bersikap ragu-ragu, teragak-agak dan meminta-minta bukti mu'jizat

pada setiap langkah dan harakat. Kemudian mereka tidak juga percaya kepada mu'jizat dan yakin kepada nur Allah dan hidayat-Nya. Ancaman dengan keseksaan Allah yang amat berat itu memang sesuai dengan sikap Bani Israel, juga sesuai dengan orang-orang yang menukarkan ni'mat Allah dan berlagak angkuh terhadapnya di setiap zaman.

Keseksaan Dunia Ke Atas Umat Manusia Yang Menukar Ni'mat Keimanan

Mana-mana umat manusia yang menukarkan ni'mat keimanan akan menerima keseksaan yang teruk dalam kehidupan mereka di dunia sebelum menerima balasan keseksaan di Akhirat. Lihatlah umat manusia yang malang pada hari ini di seluruh dunia. Mereka mengalami keseksaan yang teruk dan keadaan hidup yang malang. Mereka mengalami kegelisahan dan kebingungan, mereka makan satu sama lain. Sementara individunya pula makan jiwa dan sarafnya sendiri. Ia memburu jiwanya dan jiwanya memburunya dengan berbagai-bagai momok dan hantu dan dengan kekosongan batin yang cuba dipenuhi oleh manusia-manusia moden hari ini dengan minuman-minumam keras dan dadah, dan kadang-kadang dengan harakat-hakarat yang tidak menentu yang kelihatan kepada anda seolah-olah mereka sedang lari kerana diburu hantu-hantu.

Dengan sekilas pandang kepada gambar-gambar mereka dengan berbagai-bagai kedudukan yang aneh dan nampak jelas dibuat-buat, iaitu ada perempuan yang memerengkan kepalanya, ada yang mendedahkan dadanya, ada yang memakai gaun singkat, ada yang memakai topi yang ganjil berbentuk binatang, ada lelaki yang memakai tali leher yang dilukis dengan gambar kambing liar atau gajah, ada yang memakai kemeja yang bergambar singa atau beruang.

Dengan sekilas pandang kepada tarian mereka yang gila-gilaan, nyanyian-nyanyian mereka yang simpang-siur, gerak-geri mereka yang dibuat-buat, pakaian-pakaian mereka yang menyolok mata dalam setengah-setengah majlis keraian dan pertemuan, percubaan-percubaan mereka untuk menarik perhatian dengan kelakuan-kelakuan yang ganjil atau untuk memuaskan selera dengan cara dan gaya khas yang mengaibkan.

Dengan sekilas pandang kepada perubahan-perubahan mereka yang kerap dan cepat dalam selera-selera nafsu mereka, dalam cara mereka memilih suami dan isteri, sahabat teman dan fesyen-fesyen pakaian yang di antara musim ke musim, malah di antara pagi dan petang .

Semuanya itu membayangkan keadaan jiwa mereka yang amat gelisah dan jiwa mereka yang tidak tenteram dan damai, membayangkan keadaan jiwa mereka yang dikongkong oleh perasaan jemu dan bosan yang dibencikan mereka dan seterusnya membayangkan "pelarian" dari diri sendiri yang kosong dan lompong dan dari jiwa sendiri yang sunyi sepi seolah-olah diburu oleh jin dan hantu.

Itu semua adalah balasan keseksaan dari Allah terhadap orang-orang yang menyeleweng dari agama Allah dan tidak mempedulikan da'wah-Nya yang menyeru:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah ke dalam kedamaian dengan seluruh jiwa kamu."(208)

Keimanan yang percaya kepada ni'mat Allah yang dikurniakan kepada para hamba-Nya. Sesiapa tidak dapat menukarnya melainkan ia akan ditimpa oleh azab keseksaan Allah (jika ia bertukar). Wal'iyazubillahi

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 212)

Di bawah bayangan amaran terhadap sikap ragu-ragu menyambut da'wah Allah dan terhadap perbuatan menukarkan ni'mat Allah, maka ayat-ayat yang berikut menyebut pula keadaan orang-orang yang kafir dan keadaan orang-orang yang beriman sambil mendedahkan perbezaan di antara neraca orang-orang kafir dengan neraca orang-orang yang beriman dalam mengukur nilai-nilai, keadaan-keadaan dan orang-orang:

زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَيَسْخَرُونَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۘ وَٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ فَوْقَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢١٢﴾

"Kehidupan dunia telah dihias indah pada (pandangan) orang-orang kafir dan mereka mempersenda-sendakan orang-orang yang beriman, sedangkan (kedudukan) orang-orang yang bertaqwa mengatasi mereka pada hari Qiamat kelak, dan Allahlah yang memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(212)

Neraca Orang-orang Kafir Dan Neraca Orang-orang Mu'min

Yakni kehidupan dunia dengan segala keni'matannya yang sedikit, cita-cita dan minat-minatnya yang kecil dipandang begitu cantik dan indah oleh orang-orang yang kafir hingga mereka terhenti setakat keni'matan-keni'matan itu sahaja tanpa melampauinya. Mereka tidak memanjangkan pandangan mata mereka kepada sesuatu yang lain di sebaliknya. Mereka tidak mengenali nilai-nilai yang lain selain dari nilai-nilai hidup dunia. Dan sesiapa yang berhenti di perbatasan-perbatasan hidup dunia ini sahaja tidak dapat meningkatkan pemikiran dan kefahamannya kepada cita-cita dan minat-minat yang luhur yang difikir dan dipandang oleh orang-orang yang Mu'min pada ufuk-ufuknya yang jauh. Orang-

orang yang Mu'min kadang-kadang memandang kecil kepada seluruh ni'mat-ni'mat kesenangan dunia, ini bukanlah kerana semangat dan cita-citanya begitu kecil untuk merangkul ni'mat-ni'mat kesenangan dunia atau kerana tenaga kekuatannya begitu lemah untuk mencapaikannya, dan bukan pula kerana ia bersikap pasif tidak mahu membangun dan memajukan kehidupan dunia, tetapi kerana dia memandang dari atas, walaupun dialah yang memegang teraju pemerintahan di bumi ini dan membangunkan kemajuan dan tamadunnya dan berusaha menyubur dan mempelbagaikannya. Oleh sebab itulah dalam hidupnya dia mahu mencari sesuatu yang lebih besar dan lebih mahal dari ni'mat-ni'mat kesenangan hidup di dunia ini. Ia mahu menegakkan sistem Allah di bumi ini dan mahu memimpin manusia ke arah yang lebih luhur dan lebih sempurna. Dia mahu menegakkan panji-panji Allah di kemuncak bumi dan di atas kepala manusia supaya mereka dapat melihatnya di tempatnya yang tinggi dan supaya mereka dapat memandang lebih jauh di sebalik realiti hidup yang sedikit dan terbatas ini, ruang hidup yang dihayati oleh orang-orang yang tidak mempunyai matlamat yang tinggi, cita-cita dan minat yang besar dan pandangan yang sempurna.

Orang-orang yang berjiwa kecil dan tenggelam di dalam lumpur hidup dunia, orang-orang yang memperhambakan diri mereka kepada matlamat-matlamat hidup dunia, orang-orang ini melihat orang-orang yang beriman meninggalkan tanah-tanah lumpur dunia ini kepada mereka dan meninggalkan segala keni'matan dunia yang kecil untuk menegakkan cita-cita yang besar yang bukan hanya membabitkan kepentingan diri mereka, malah membabitkan kepentingan seluruh umat manusia, iaitu cita-cita yang bukan bersangkutan dengan diri mereka, tetapi bersangkutan dengan 'aqidah mereka. Mereka melihat orang-orang yang beriman itu sanggup menderita kesusahan dan kesulitan kerana menegakkan cita-cita itu. Mereka sanggup menafikan diri mereka dari kesenangan-kesenangan hidup yang dianggap oleh orang-orang yang berjiwa kecil sebagai intipati dan setinggi-tinggi matlamat hidup dunia. Apabila mereka yang berjiwa kecil dan padam cahaya hati nurani itu memandang kepada orang-orang Mu'min yang hidup sedemikian rupa tanpa memahami rahsia cita-cita mereka yang tinggi itu, mereka pun mengejek keadaan hidup mereka, mengejek cara mereka berfikir dan mengejek jalan hidup yang dijalani mereka:

زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَيَسْخَرُونَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Kehidupan dunia telah dihias indah pada pandangan orang-orang kafir dan mereka mempersenda-sendakan orang-orang yang beriman...."

Tetapi neraca yang digunakan oleh orang-orang kafir untuk menimbangkan nilai hidup itu bukanlah suatu neraca yang benar. Itu hanya neraca dunia, neraca kekafiran dan neraca jahiliyah, sedangkan neraca yang sebenar berada di tangan Allah S.W.T. Hanya Allahlah yang dapat menimbangkan nilai orang-orang yang beriman dengan ukuran yang sebenar mengikut neraca-Nya:

وَٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ فَوْقَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ

"Sedangkan kedudukan orang-orang yang bertaqwa mengatasi mereka pada hari Qiamat."

Inilah neraca haqiqi yang berada di tangan Allah. Oleh itu hendaklah orang-orang yang beriman mengetahui nilai mereka yang sebenar mengikut neraca Allah dan hendaklah mereka teruskan pejuangan mereka tanpa menghiraukan ketololan orang-orang yang bodoh, ejekan para pengejek dan nilai-nilai orang-orang kafir. Kedudukan mereka tetap mengatasi kedudukan orang-orang kafir pada hari Qiamat semasa dilakukan hisab penghabisan kelak. Mereka mengatasi orang-orang kafir dengan pengakuan Allah Yang Maha Adil dari segala para pengadil.

Di samping itu Allah menyediakan sesuatu yang lebih baik dan lebih luas dari pengurniaan rezeki. Allah memberikannya kepada mereka di mana sahaja yang disukainya sama ada di dunia atau di Akhirat atau di kedua-dua negeri itu sekali mengikut yang dilihat-Nya baik untuk mereka:

وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢١٢﴾

"Dan Allahlah yang memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(212)

Yakni Allahlah pengurnia dan pemberi yang melimpahkan kurnia-Nya kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Tidak ada bendahari dan pengawal yang mengawasi pemberiannya. Kadang-kadang Dia mengurniakan ni'mat kesenangan hidup dunia kepada orang-orang kafir kerana sesuatu hikmat yang tertentu dan bukanlah diberikan kerana sesuatu kelebihan mereka. Dialah yang mengurniakan rezeki kepada para hamba-Nya yang terpilih mengikut kehendak dan pilihan-Nya sama ada di dunia atau di Akhirat. Semua pemberian adalah dari Allah belaka dan limpah kurnia pilihan-Nya kepada para hamba-Nya yang terpilih itulah yang lebih kekal dan lebih tinggi.

Hidup dunia selama-lamanya akan terus mengenali dua bentuk manusia, iaitu mengenali golongan Mu'min yang menerima nilai-nilai, neraca-neraca dan cara-cara berfikir dari Allah, dan dengan penerimaan itu Allah mengangkat mereka dari mutu hidup dan ni'mat-ni'mat hidup dunia yang rendah dan dari cita-cita yang kecil agar dengan demikian mereka dapat menegakkan insaniyah mereka dan menjadi tuan hidup bukannya hamba hidup. Begitu juga ia mengenali golongan yang lain, iaitu golongan yang memandang hidup dunia ini begitu indah dan cantik hingga mereka menjadi abdi kepada ni'mat-ni'mat kesenangan dan nilai-nilai hidup dunia. Mereka telah

diikat oleh keperluan-keperluan hidup dunia mereka pada tanah, di mana mereka bergelimang dengannya dan tidak terangkat darinya lagi.

Para Mu'minin akan terus memandang dari tempat mereka yang tinggi kepada golongan manusia yang rendah itu biar bagaimana besar mereka dikurniakan kesenangan dan harta benda dunia, sedangkan golongan manusia yang rendah itu akan menganggapkan diri mereka sebagai orang-orang yang memperolehi limpah kurnia Allah dan menganggap orang-orang yang beriman sebagai orang-orang yang dinafikan dari ni'mat-ni'mat Allah, kerana itu kadang-kadang mereka menyatakan rasa kasihan-belas kepada orang-orang Mu'min dan kadang-kadang mengejek mereka, sedangkan pada hakikatnya merekalah orang-orang yang wajar dikasihan-belaskan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 213)

Neraca Untuk Mengadili Pertikaian Kefahaman Dan Kepercayaan

Sesuai dengan pembicaraan tentang neraca-neraca dan nilai-nilai, juga tentang anggapan orang-orang kafir terhadap orang-orang yang beriman dan hakikat kedudukan dan nilai mereka di sisi Allah, maka ayat yang berikut beralih pula kepada pembicaraan mengenai perbezaan dan perselisihan pendapat yang berlaku di kalangan manusia mengenai pemikiran-pemikiran, kefahaman-kefahaman, kepercayaan-kepercayaan, neraca-neraca pertimbangan dan nilai-nilai, dan kemudian diakhiri dengan menjelaskan dasar dan sumber yang harus dirujukkan oleh mereka yang berselisih itu, juga menjelaskan neraca terakhir yang harus digunakan untuk mengadili perkara-perkara yang dipertikaikan mereka:

كَانَ ٱلنَّاسُ أُمَّةً وَٰحِدَةً فَبَعَثَ ٱللَّهُ ٱلنَّبِيِّـۧنَ
مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنزَلَ مَعَهُمُ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ
لِيَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ فِيمَا ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ ۚ وَمَا ٱخْتَلَفَ
فِيهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ أُوتُوهُ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ
بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۖ فَهَدَى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَا ٱخْتَلَفُوا۟
فِيهِ مِنَ ٱلْحَقِّ بِإِذْنِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ
صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢١٣﴾

"Manusia itu adalah satu umat, lalu Allah mengutuskan para nabi selaku penyampai-penyampai berita gembira dan selaku pemberi-pemberi amaran serta menurunkan bersama mereka kitab suci yang membawa ajaran yang benar untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan mereka dan tiada yang mempertikaikannya melainkan orang-orang yang telah dikurniakan kitab itu sendiri setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas kerana ingin menceroboh di antara sesama mereka. Lalu Allah menunjukkan kebenaran perkara yang dipertikaikan mereka itu kepada orang-orang yang beriman dengan keizinan-Nya. Dan Allahlah yang memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus".(213)

Manusia Berasal Dari Satu Umat

Kisahnya begini. Dahulu manusia merupakan satu umat sahaja. Mereka hidup di atas satu agama, satu kepercayaan dan kefahaman sahaja. Ini mungkin merupakan isyarat kepada sekumpulan umat manusia yang pertama dan kecil dari keluarga Adam dan Hawa dan anak-anak pinak keturunan mereka sebelum timbulnya perselisihan kefahaman-kefahaman dan kepercayaan-kepercayaan. Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa manusia itu adalah berasal dari satu keturunan sahaja, iaitu dari zuriat anak-anak keluarga pertama Adam dan Hawa. Dan telah menjadi kehendak masyi'ah Allah menciptakan seluruh umat manusia dari hasil zuriat keturunan satu keluarga yang kecil untuk menjelaskan dasar keluarga dalam kehidupan mereka, dan menjadikan keluarga sebagai asas pertama masyarakat. Kemudian zaman semua manusia berada dalam satu tahap, satu aliran dan satu kefahaman dalam lingkungan keluarga yang pertama itu telah berlalu dan kini bilangan mereka telah berkembang menjadi ramai dan berpecah di merata tempat. Bentuk dan cara hidup mereka juga telah berubah, dan di sini muncullah di kalangan mereka berbagai-bagai bakat kebolehan yang dijadikan Allah untuk mereka kerana sesuatu hikmat yang diketahui-Nya, iaitu hikmat kebaikan kehidupan manusia yang terletak di sebalik kepelbagaian bakat-bakat kebolehan, kepelbagaian kekuatan dan tenaga dan kepelbagaian haluan dan tujuan.

Di waktu ini berlakulah perbezaan kefahaman dan kelainan pendapat, dan timbullah berbagai-bagai cara berfikir dan berbagai-bagai kepercayaan dan di waktu inilah Allah mengutuskan para anbia' untuk menyampaikan berita-berita balasan yang baik dan menyampaikan amaran-amaran terhadap balasan-balasan keseksaan Allah:

Peranan Kitab Suci

وَأَنزَلَ مَعَهُمُ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ
فِيمَا ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ ۚ

"Serta menurunkan bersama mereka kitab suci yang membawa ajaran yang benar untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan mereka."

Di sini ketaralah hakikat agung itu, iaitu di antara tabi'at manusia ialah mereka berbeza pendapat, kerana perbezaan pendapat ini merupakan salah satu lunas dari lunas-lunas tabi'at kejadian mereka.

Perbezaan ini dapat merealisasikan satu hikmat yang tinggi dari perlantikan manusia menjadi khalifah di muka bumi ini, kerana urusan pemerintahan memerlukan kepada berbagai-bagai fungsi dan berbagai-bagai bakat kebolehan dari bermacam-macam jenis supaya semuanya bersepadu dan selaras dan dapat menyempurnakan peranan agungnya menegakkan pemerintahan dan pembangunan di bumi mengikut perancangan induk yang telah ditentukan di dalam ilmu Allah. Oleh sebab itu wujudnya kepelbagaian bakat kebolehan merupakan sesuatu yang pasti untuk memenuhi kehendak-kehendak kepelbagaian fungsi. Perbezaan bakat-bakat kesediaan itu perlu untuk melayani berbagai-bagai keperluan.

وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾ إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ ۚ وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ

"Dan mereka (umat manusia) masih terus berselisih satu sama lain - kecuali mereka yang dirahmati Allah dan memang begitulah Allah telah ciptakan mereka."

(Surah Hud : 118-119)

Perbezaan bakat-bakat kebolehan dan kelainan tugas itu pula melahirkan perbezaan kefahaman, perbezaan minat dan cita-cita, perbezaan cara berfikir dan jalan hidup. Tetapi Allah mahukan perbezaan-perbezaan yang dikehendaki dan wujud dalam realiti itu kekal dalam satu pemidang yang luas dan dapat memuat semuanya apabila ia berjalan dengan baik dan jujur. Yang dimaksudkan dengan pemidang yang luas ini ialah pemidang kefahaman keimanan yang betul dan luas hingga dapat merangkul semua bakat kesediaan dan kebolehan dan berbagai-bagai daya tenaga, tanpa membunuh atau menyekatkannya, tetapi mengatur, menyusun dan mendorong semua bakat-bakat dan daya tenaga itu ke arah kebaikan.

Oleh sebab itu di sana pasti ada suatu neraca yang tetap, hakim yang adil yang dapat dirujukkan oleh pihak-pihak yang berselisih, dan kata pemutus yang boleh menamatkan pertikaian yang boleh membawa semua orang kepada keyakinan:

فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ ۚ

"Lalu Allah mengutuskan para nabi selaku penyampai-penyampai berita gembira dan selaku pemberi-pemberi amaran serta menurunkan bersama mereka kitab suci yang membawa ajaran yang benar untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan mereka."

Kita pastilah berhenti pada firman Allah: (بالحق) *"ajaran yang benar"*. Itulah kata pemutus bahawa apa yang dibawa oleh kitab suci itu ialah ajaran yang benar. Ajaran yang benar itu telah diturunkan Allah untuk menjadi hakim yang adil dan kata pemutus di antara pendapat-pendapat manusia yang lain, di antara kefahaman-kefahaman dan cara-cara berfikir mereka, di antara nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan mereka. Tiada yang benar melainkan apa yang diterangkan oleh kitab suci. Tiada hakim yang lain melainkan hakim kitab suci, dan tiada keputusan yang lain selepas keputusan kitab suci. Tanpa ajaran benar yang tunggal tidak berbilang, tanpa berhakimkan kepada ajaran yang benar dalam perkara-perkara yang dipertikaikan manusia dan tanpa menerima keputusannya dengan patuh tanpa membantah...... tanpa wujud semuanya ini, maka urusan kehidupan dunia ini tidak mungkin berjalan betul. Dan manusia tidak akan berhenti dari berselisih, berbalah dan berpecah. Kedamaian dan keamanan tidak akan wujud di bumi dan manusia tidak akan dapat memasuki ke dalam kedamaian.

Hakikat ini mempunyai nilainya yang agung dalam menentukan pihak/sumber di mana mereka harus menerima kefahaman-kefahaman, kepercayaan-kepercayaan dan syari'at-syari'at mereka dan di mana mereka harus mengakhiri segala bentuk perselisihan yang berlaku di kalangan mereka. Itulah pihak Ilahi yang tunggal yang telah menurunkan kitab suci yang membawa ajaran yang benar ini. Yakni satu-satunya sumber ajaran yang benar ialah kitab suci yang telah diturunkan Allah untuk mengadili di antara manusia di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka.

Ia adalah sebuah kitab yang sama yang dibawa oleh para anbia' dari segi hakikatnya. Ia adalah sebuah kitab yang sama dari segi asalnya. Ia merupakan satu agama yang sama dari segi keseluruhannya dan ia merupakan satu kepercayaan dan kefahaman yang sama dari segi dasarnya, iaitu kepercayaan kepada Tuhan Pencipta Yang Maha Esa, Tuhan Pentadbir Yang Maha Esa, Tuhan yang disembah Yang Maha Esa dan Tuhan Pengatur undang-undang manusia Yang Maha Esa. Kemudian berlakulah perbezaan dalam butir-butir perincian mengikut keperluan umat-umat dan generasi-generasi, dan mengikut kehendak perkembangan-perkembangan dan pertalian-pertalian hidup hingga ia mengambil bentuknya yang terakhir yang dibawa oleh Islam. Dan di sini Islam memberi kepada kehidupan manusia kebebasan berkembang subur dalam ruang lingkupnya yang luas dan meliputi segala-galanya tanpa halangan-halangan dan rintangan-rintangan di bawah kepimpinan Allah, agama-Nya dan syari'at-Nya yang dinamis dan sentiasa membaharu dalam batas ruang lingkupnya yang luas dan meliputi itu.

Asal-usul Agama Menurut Islam

Penjelasan yang dikemukakan oleh Al-Qur'an mengenai kitab suci itu merupakan satu pandangan Islamiyah yang betul terhadap garis perjalanan agama-agama dan 'aqidah-'aqidah, iaitu setiap nabi membawa satu agama yang sama dari segi asalnya, yang ditegakkan di atas tapak asasnya yang kukuh, iaitu tapak asas Tauhid yang mutlak, kemudian penyelewengan berlaku selepas tiap-tiap kerasulan,

dan sejak itu muncullah berbagai-bagai kepercayaan tahyul dan dongeng-dongeng sehingga pada akhirnya menjauhkan manusia dari asal agama yang agung itu. Kemudian datang pula kerasulan yang baharu memulihkan 'aqidah yang asli itu dan menghapuskan segala penyelewengan yang menodainya, serta menyesuaikan perincian-perinciannya dengan keadaan-keadaan dan tahap perkembangan umat itu. Pandangan ini lebih utama diikut dari teori-teori yang dikemukakan oleh para pengkaji bukan Islam mengenai perkembangan agama-agama, iaitu teori-teori yang banyak mempengaruhi para pengkaji Muslim tanpa disedari mereka. Mereka telah membuat kajian-kajian mereka berdasarkan teori perkembangan asal-usul agama dan kepercayaan, sebagaimana yang dikatakan oleh orientalis-orientalis dan rakan-rakan sejawat mereka dari pengkaji-pengkaji Barat yang berfikiran jahiliyah.

Keteguhan dasar kefahaman keimanan ini adalah sesuai dengan fungsi kitab suci yang diturunkan Allah dengan membawa ajaran yang benar untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka di setiap zaman, bersama setiap rasul, sejak dari zaman berzaman.

Neraca Dari Allah

Di sana pastilah wujud satu neraca yang teguh yang dapat dirujukkan oleh manusia, dan pastilah ada satu kata pemutus untuk pegangan mereka yang muktamad. Di samping itu neraca ini pastilah dari ciptaan sumber yang lain dari sumber manusia, dan kata pemutus itu pastilah terbit dari hakim Yang Maha Adil yang tidak terpengaruh dengan hawa nafsu manusia, tidak terjejas dengan kelemahan-kelemahan dan kejahilan-kejahilan manusia.

Untuk menegakkan neraca yang teguh ini memerlukan ilmu yang tidak terbatas, iaitu ilmu yang mengetahui segala yang telah berlaku, segala yang sedang berlaku dan segala yang akan berlaku. Seluruh ilmunya tidak terbatas dengan pagar-pagar zaman yang memisahkan sesuatu kewujudan kepada masa silam, masa kini dan masa depan, dan kepada sesuatu yang diyakini, sesuatu yang dilandai dan sesuatu yang tidak diketahui dan seterusnya memisahkan kepada sesuatu yang hadir dan dapat disaksi, kepada sesuatu yang ghaib dan tersembunyi. Seluruh ilmunya tidak terbatas dengan batas-batas tempat yang memisahkan sesuatu kewujudan kepada sesuatu yang dekat dan yang jauh, kepada sesuatu yang dapat dilihat dan sesuatu yang tersembunyi, sesuatu yang boleh dirasa dan sesuatu yang tidak dapat dirasa....... semuanya ini memerlukan kepada satu Tuhan yang mengetahui segala sesuatu yang diciptakan-Nya, dan mengetahui sekalian manusia yang diwujudkan-Nya, mengetahui segala yang layak dan segala yang tidak layak dengan keadaan-keadaan seluruh makhluk-Nya.

Untuk menegakkan neraca yang teguh ini juga memerlukan kepada keunggulan jiwa yang boleh mengatasi segala keperluan, keunggulan jiwa yang boleh mengatasi segala kekurangan, keunggulan jiwa yang boleh mengatasi kemusnahan, keunggulan jiwa yang boleh mengatasi keluputan, keunggulan jiwa yang boleh mengatasi segala perasaan tamak haloba dan mengatasi segala keinginan dan ketakutan dan keunggulan jiwa yang boleh mengatasi seluruh alam buana dengan segala isi dan penghuninya...... dan semuanya ini memerlukan kepada satu Tuhan yang tidak mempunyai apa-apa keperluan dan keinginan, Tuhan yang tidak mengingini apa-apa kelazatan, Tuhan yang tidak mempunyai apa-apa kelemahan dan kekurangan pada zat-Nya Yang Maha Suci. Adapun akal manusia, maka cukuplah baginya bekerja menghadapi keadaan-keadaan yang berkembang dan melayani suasana-suasana yang berubah dan keperluan-keperluan yang baru muncul, kemudian berusaha menyelaraskan keadaan-keadaan dan suasana-suasana ini dengan dirinya pada setiap detik yang berlalu dan pada setiap masa yang tertentu dengan syarat di sana pasti wujud satu neraca yang teguh yang dapat ia rujukkan kepadanya untuk mengetahui salah betulnya, sama ada ia berada di jalan yang sesat atau di jalan yang betul, sama ada ia tegak di atas kebenaran atau di atas kebatilan berdasarkan neraca pertimbangan itu. Hanya dengan cara inilah sahaja kehidupan manusia dapat berjalan dengan betul dan dengan cara inilah sahaja mereka yakin bahawa satu-satunya yang dapat memimpin mereka pada akhirnya ialah Allah.

Kitab suci yang membawa kebenaran bukanlah diturun dengan tujuan untuk menghapuskan perbezaan kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat kebolehan manusia, juga menghapuskan perbezaan-perbezaan cara-cara dan saranan-saranan yang digunakan mereka, malah ia diturun supaya manusia berhakim kepadanya sahaja apabila mereka bertelingkah dan bertikai satu sama lain.

Hakikat ini melahirkan pula satu hakikat yang lain yang menjadi tapak asas pandangan persejarahan Islam, iaitu Islam telah meletakkan kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan Allah dengan membawa pengajaran yang benar untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka itu sebagai tapak asas kehidupan manusia. Kemudian dari sinilah kehidupan manusia bertolak dan berlangsung. Jika corak kehidupan itu selaras dengan tapak asas itu dan terus mematuhi ajarannya, maka itulah jalan yang benar dan andainya kehidupan mereka menyimpang darinya dan berjalan di atas tapak-tapak asas yang lain, maka itulah jalan yang salah walaupun ia direstukan oleh semua manusia di mana-mana zaman dari zaman-zaman sejarah, kerana manusia bukannya hakim-hakim yang menentukan jalan yang benar dan jalan yang salah dan apa yang diputuskan mereka bukannya jalan yang benar dan bukannya agama. Pandangan Islam dari awal lagi ditegakkan di atas asas bahawa sebarang perbuatan manusia, sebarang pendapat manusia dan sebarang

dasar yang dijadikan manusia sebagai dasar hidup mereka adalah tidak boleh menjadi sesuatu yang benar jika ia bertentangan dengan kitab suci Al-Qur'an, dan tidak boleh menjadi suatu dasar dari dasar-dasar agama, dan tidak boleh menjadi suatu pentafsiran haqiqi agama ini, iaitu ia tidak dapat diterima oleh Islam semata-mata dengan alasan wujudnya beberapa generasi manusia yang bersilih ganti yang telah mengikut dan mematuhinya.

Amalan Bid'ah Yang Dimasukkan Ke Dalam Agama Bukan Dari Agama

Hakikat ini mempunyai makna yang amat penting untuk memisahkan asas-asas agama dari bid'ah-bid'ah yang dimasukkan oleh manusia ke dalam agama, misalnya di dalam sejarah Islam telah terjadi suatu penyelewengan yang terus berkembang subur, maka sekali-kali tidak boleh dianggapkan apabila penyelewengan itu telah berlaku dan dihayati oleh orang ramai Islam bahawa penyelewengan itu merupakan gambaran Islam yang sebenar. Tidak sekali-kali tidak! Islam tidak ada kena mengena dengan realiti sejarah itu dan segala apa yang berlaku secara salah dan menyeleweng itu tidak boleh dijadikan hujah dan teladan preseden. Dan di antara kewajipan bagi pejuang-pejuang Islam yang ingin menegakkan semula hayat Islamiyah ialah menghapuskan penyelewengan itu dan kembali kepada kitab Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah dengan membawa pengajaran yang benar untuk mengadili di antara manusia dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka.

Kitab suci Al-Qur'an telah pun datang, namun demikian hawa nafsu masih terus menguasai manusia di sana sini, tamak, haloba, keinginan-keinginan, ketakutan-ketakutan dan kesesatan-kesesatan masih terus menjauhkan manusia dari menerima kitab Al-Qur'an dan kembali kepada Allah yang benar yang menunjuk mereka ke jalan yang benar.

وَمَا ٱخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ أُوتُوهُ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۖ

"Dan tiada yang mempertikaikannya melainkan orang-orang yang telah dikurniakan kitab itu sendiri kerana ingin menceroboh di antara sesama mereka."

Pencerobohan itu ialah pencerobohan kerana hasad dengki, pencerobohan kerana tamak haloba dan pencerobohan kerana hawa nafsu. Pencerobohan inilah yang telah membawa manusia terus berselisih dan bertikai mengenai dasar kepercayaan dan kefahaman dan mengenai sistem hidup, dan terus berpecah-belah, berbantah dan berdegil.

Inilah suatu hakikat yang benar. Oleh itu tidak mungkin dua orang berselisih faham mengenai dasar ajaran yang benar di dalam kitab suci Al-Qur'an yang kuat, terang dan gemilang itu, melainkan salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya mempunyai keinginan menceroboh dan keinginan hawa nafsu, sebaliknya apabila jiwa mereka dipenuhi iman, maka di sana pastilah wujud titik pertemuan dan persamaan faham di antara mereka:

فَهَدَى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَا ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ مِنَ ٱلْحَقِّ بِإِذْنِهِۦ ۗ

"Lalu Allah menunjukkan kebenaran perkara yang dipertikaikan mereka itu kepada orang-orang yang beriman dengan keizinan-Nya."

Yakni Allah memberi hidayat kepada mereka dengan sebab jiwa mereka bersih, roh mereka ikhlas kepada Allah dan hati mereka benar-benar inginkan kebenaran dan alangkah mudahnya di waktu itu untuk sampai ke jalan yang lurus.

وَٱللَّهُ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢١٣﴾

"Dan Allahlah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus."(213)

Itulah jalan yang ditunjukkan oleh kitab suci Al-Qur'an dan itulah jalan yang ditegakkan di atas kebenaran dan teguh di atas kebenaran tanpa dipermainkan oleh keinginan-keinginan hawa nafsu, kegemaran-kegemaran dan kecenderungan-kecenderungan yang berubah-ubah.

Dan Allahlah yang memilih para hamba yang dikehendaki oleh-Nya untuk menjalani jalan yang lurus itu, iaitu dari para hamba yang diketahui-Nya mempunyai kesediaan untuk menerima hidayat dan berdiri teguh dan jujur di atas jalan yang lurus. Merekalah orang-orang yang dapat memasuki ke dalam kedamaian, dan merekalah golongan manusia yang paling tinggi walaupun mereka pada pandangan orang-orang kafir yang tidak menimbang dengan neraca Allah dianggap sebagai golongan yang tidak mendapat ni'mat-ni'mat Allah, dan walaupun mereka diejek-ejek orang sebagaimana golongan kafir mengejek golongan Mu'minin.

* * * * * *

Seorang Mu'min Sanggup Menderita Kerana 'Aqidahnya

Perintah-perintah dan arahan-arahan yang bertujuan membentuk satu konsep keimanan yang sempurna dan jelas dalam hati kaum Muslimin ini berakhir dengan satu pembicaraan yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman yang mengalami kesulitan kerana wujudnya pertikaian di antara mereka dengan musuh mereka yang terdiri dari kaum Musyrikin dan Ahlil-Kitab yang membawa akibat tercetusnya peperangan-peperangan dan timbulnya kesusahan-kesusahan dan penderitaan-penderitaan. Di sini Allah berfirman kepada mereka bahawa perkara yang seumpama itu adalah dari sunnatullah dari zaman berzaman lagi untuk menguji dan menyediakan orang-orang yang beriman supaya dapat memasuki Syurga dan layak menjadi penghuninya. Oleh itu penganut-penganut agama ini pastilah sanggup mempertahankan 'aqidah mereka,

pastilah sanggup menanggung kerananya kesusahan dan kesakitan, kesulitan dan kemudharatan, dan pastilah sanggup menghadapi kalah dan menang sehingga apabila mereka benar-benar telah berdiri teguh di atas agama mereka dan tidak lagi dapat digoncangkan oleh kesusahan, tidak lagi takut kepada mana-mana kekuatan dan tidak lagi merasa lemah di bawah pukulan-pukulan ujian, maka barulah mereka wajar menerima pertolongan dari Allah, kerana di waktu itu mereka benar-benar menjadi pemegang-pemegang amanah agama Allah dan benar-benar boleh dipercayai untuk memegang amanah itu dan benar-benar layak untuk memelihara dan mempertahankan amanah agama Allah. Mereka wajar ditempatkan di dalam Syurga kerana jiwa mereka bebas dari ketakutan dan kehinaan, bebas dari ketamakan terhadap kesenangan dan kemewahan hidup dunia. Roh mereka di waktu itu amat dekat dengan alam Syurga dan amat tinggi dari alam bumi.

(Pentafsiran ayat 214)

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ
ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُم ۖ مَّسَّتْهُمُ ٱلْبَأْسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ
وَزُلْزِلُوا۟ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ
مَتَىٰ نَصْرُ ٱللَّهِ ۗ أَلَآ إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

"Apakah kamu fikir bahawa kamu akan memasuki Syurga sedangkan belum lagi datang kepada kamu cubaan seperti yang dialami oleh orang-orang yang terdahulu dari kamu. Mereka ditimpa kesusahan dan penderitaan dan mereka telah digoncang (dengan hebatnya) sehingga rasul dan orang-orang yang beriman yang berada bersamanya bersungut: "Bilakah datangnya pertolongan Allah?" Ingatlah, sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat."(214)

Kesanggupan Berjuang Dan Menderita Kerana Mempertahankan Agama

Demikianlah Allah berbicara dengan angkatan Muslimin yang pertama dan mengemukakan kepada mereka pengalaman-pengalaman golongan-golongan orang yang beriman di zaman silam, dan membentangkan sunnah-Nya kepada mereka dalam mendidik para hamba-Nya yang terpilih yang diserahkan kepada mereka panji-panji agama-Nya dan dibebankan di bahu mereka amanah-Nya, sistem hidup-Nya dan syari'at-Nya. Firman ini terus berkuatkuasa kepada setiap orang yang dipilih untuk memainkan peranan yang agung ini.

Itulah satu ujian yang amat mendalam, besar dan ngeri. Pertanyaan yang terbit dari Rasulullah yang sentiasa berhubung rapat dengan Allah, dan dari orang-orang yang beriman kepada Allah yang berbunyi: *"Bilakah datangnya pertolongan Allah?"* (متى نصر الله) menggambarkan betapa hebatnya kesusahan yang menggoncangkan hati rasul dan para Mu'minin yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah. Kesusahan itu tentulah di luar daya cerita. Kesusahan itu telah memayungkan hati mereka dengan bayangan yang mendung dan menyebabkan terkeluarnya dari mereka pertanyaan yang malang ini, *"Bilakah datangnya pertolongan Allah?"*

Apabila hati mereka dapat berdiri teguh menghadapi ujian yang menggoncangkan ini, maka di waktu itulah terlaksananya keputusan Allah dan tiba pertolongan dari Allah:

أَلَآ إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

"Ingatlah! Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat." (214)

Kemenangan itu adalah disimpan untuk mereka yang wajar menerimanya dan tiada yang wajar menerimanya melainkan orang-orang yang sanggup berdiri teguh sehingga akhir, iaitu mereka yang sanggup berdiri teguh menghadapi kesusahan dan penderitaan, dan sanggup berdiri teguh menghadapi goncangan-goncangan dan mereka sanggup menghadapi rempuhan ribut badai. Mereka yakin bahawa tiada kemenangan melainkan kemenangan dari Allah dan ketika dikehendaki Allah. Dan apabila kesusahan dan penderitaan itu sampai ke puncaknya, maka mereka hanya mengharapkan pertolongan dari Allah sahaja bukannya mengharapkan sesuatu penyelesaian yang lain, dan bukannya pula mengharapkan mana-mana pertolongan yang bukan datang dari Allah, kerana pertolongan yang sebenar itu adalah datang dari Allah.

Dengan keteguhan yang seperti itulah para Mu'minin dapat memasuki Syurga dan layak menjadi penghuninya setelah menempuh perjuangan dan ujian, kesabaran dan kegigihan, keikhlasan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, pembulatan perasaan terhadap Allah, pengabaian terhadap segala sesuatu dan sekalian yang lain dari Allah.

Perjuangan dan sabar dalam perjuangan memberi kekuatan kepada jiwa manusia. Ia mengangkatkan jiwa manusia mengatasi jasadnya. Ia membersihkan jiwa manusia dalam dapur peleburan susah derita supaya unsurnya bersih dan cerah berkilat. Ia memberi kedalaman, kekuatan dan kedinamisan kepada agama Allah hingga kelihatan bergemerlapan pada pandangan musuh-musuhnya. Dan di waktu inilah manusia akan berduyun-duyun masuk ke dalam agama Allah sebagaimana yang pernah berlaku dan sebagaimana yang selalu berlaku dalam setiap perjuangan yang benar, di mana para pejuangnya telah menemui berbagai-bagai kesulitan di permulaan jalan sehingga apabila mereka berjaya berdiri teguh menghadapi ujian-ujian itu, maka orang-orang yang selama ini menjadi penentang mereka yang paling sengit dan degil akan berpihak dan menolong mereka.

Andainya perkara ini tidak berlaku, maka akan berlaku perkara yang lebih besar dari itu lagi dari segi hakikat, iaitu jiwa para pejuang da'wah akan meningkat tinggi mengatasi segala kekuatan di bumi, mengatasi segala kejahatan dan fitnah pesonanya dan akan terlepas bebas dari belenggu-belenggu tamak haloba kepada kesenangan dan kerehatan hidup, dan pada akhirnya bebas dari tamak haloba kepada hidup itu sendiri. Kebebasan ini merupakan suatu keuntungan kepada umat manusia seluruhnya, dan suatu kejayaan kepada jiwa yang berjaya mencapainya menerusi usaha peningkatan diri. Ia merupakan suatu keuntungan yang mengatasi segala kesakitan, kesusahan dan penderitaan yang dialami para Mu'minin yang diserahkan kepada mereka panji-panji Allah dan amanah-amanah-Nya, agama dan syari'at-Nya.

Kebebasan inilah yang melayakkan seseorang Mu'min hidup di dalam Syurga di penghabisan hayat dunia dan inilah jalan yang benar.

Inilah jalan yang benar yang digambarkan Allah kepada angkatan Muslimin yang pertama dan kepada angkatan Muslimin di setiap generasi.

Inilah jalan yang benar, iaitu beriman dan berjihad, menghadapi ujian dan dugaan, bersikap sabar dan gigih dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dan selepas itu barulah datang pertolongan dan kemenangan dan barulah datangnya ni'mat Syurga.

(Kumpulan ayat-ayat 215 - 220)

يَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ ۖ قُلْ مَآ أَنفَقْتُم مِّنْ خَيْرٍ
فَلِلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ
ٱلسَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾
كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن
تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّوا۟
شَيْـًٔا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾
يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلشَّهْرِ ٱلْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ ۖ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ
كَبِيرٌ ۖ وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَكُفْرٌۢ بِهِۦ
وَٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِۦ مِنْهُ أَكْبَرُ
عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَٱلْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ ٱلْقَتْلِ ۗ وَلَا يَزَالُونَ
يُقَٰتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَٰعُوا۟ ۚ
وَمَن يَرْتَدِدْ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ ۖ
وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢١٧﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾
يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ
وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ
وَيَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلِ ٱلْعَفْوَ ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْـَٔايَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾
فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ ۗ وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْيَتَٰمَىٰ ۖ قُلْ إِصْلَاحٌ
لَّهُمْ خَيْرٌ ۖ وَإِن تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ
ٱلْمُفْسِدَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَعْنَتَكُمْ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٠﴾

"Mereka bertanya kepadamu: Apakah jenis perbelanjaan yang harus mereka belanjakan? Jawablah: Apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya, maka belanjakanlah untuk dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang yang miskin dan musafir yang terlantar di perjalanan dan apa sahaja kebajikan yang dilakukan kamu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya(215). Kamu telah diwajibkan berperang, sedangkan peperangan ini tidak disukai kamu, (tetapi) boleh jadi sesuatu yang kamu bencikan itu lebih baik untuk kamu dan boleh jadi sesuatu yang kamu sukakan itu tidak baik untuk kamu dan hanya Allah sahaja Yang Maha Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui (216). Mereka bertanya kepadamu tentang hukum berperang di bulan haram. Jawablah: Perbuatan berperang di dalam bulan haram itu adalah suatu dosa yang besar (tetapi) perbuatan menghalangkan orang dari jalan Allah dan perbuatan kufur terhadap Allah, dan terhadap Masjidil-Haram dan perbuatan mengusir penduduknya adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah. Dan penindasan itu lebih besar dosanya dari pembunuhan. Dan mereka sentiasa berusaha memerangi kamu sehingga mereka dapat memalingkan kamu dari agama kamu jika mereka mampu berbuat demikian. Dan sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya lalu ia mati dalam keadaan kafir, maka merekalah orang-orang yang sia-sia segala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan merekalah penghuni Neraka yang kekal abadi di dalamnya(217). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah dan berjihad kerana

Sabilullah merekalah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih(218). Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi. Jawablah: Kedua-duanya mengandungi dosa besar dan manfa'at-manfa'at kepada manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfa'at keduanya. Dan mereka bertanya kepadamu tentang kadar perbelanjaan yang harus dibelanjakan mereka. Jawablah: 'Yang lebih dari keperluan (kamu).' Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat kepada kamu supaya kamu berfikir(219). Dalam urusan dunia dan Akhirat. Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak-anak yatim jawablah: Mengislahkan keadaan hidup mereka adalah suatu amalan yang baik. Dan jika kamu campurkan (makanan dan minuman kamu dengan makanan dan minuman) mereka, (maka tiada apa-apa kesalahan kepada kamu) kerana mereka adalah saudara-saudara kamu, dan Allah mengetahui orang yang merosak (tidak jujur) dari orang yang membuat kebaikan (jujur) dan andainya Allah kehendaki tentulah Dia memberatkan hukum-Nya ke atas kamu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(220).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Gejala yang menonjol dalam bahagian ini dari surah ini ialah gejala mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai hukum-hukum agama dan gejala ini sebagaimana telah kami huraikan ketika mentafsirkan firman Allah:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَهِلَّةِ

"Mereka bertanya kepada kamu tentang anak-anak bulan."(189)

Di dalam juzu' ini ada satu gejala yang membayangkan kesegaran 'aqidah Islam dan bagaimana ia menguasai jiwa kaum Muslimin di masa itu, juga mencerminkan kegemaran orang-orang yang beriman untuk mengetahui hukum-hukum agama dalam urusan-urusan hidup seharian mereka supaya dapat menyelaraskan di antara tindak-tanduk mereka dengan hukum-hukum agama mereka. Inilah petanda seorang Muslim yang sebenar. Dia berusaha memeriksa dengan berhemat hukum-hukum Islam mengenai urusan hidup sehariannya sama ada kecil atau besar, dan dia tidak melakukan sesuatu perbuatan sehingga dia lebih dahulu mengetahui hukumnya dengan yakin. Segala apa yang telah ditetapkan hukumnya oleh Islam, maka itulah yang menjadi undang-undang dan perlembagaan yang dita'atinya, dan segala apa yang ditegah oleh Islam, maka itulah larangan-larangan yang dipatuhinya. Kepekaan ini merupakan petanda iman kepada 'aqidah Islam.

Begitu juga setengah-setengah pertanyaan itu telah dikemukakan dengan sebab adanya kempen-kempen tipu daya dan putar belit yang dilancarkan oleh kaum Yahudi, kaum Munafiqin dan kaum Musyrikin mengenai setengah-setengah tindakan. Sebab-sebab inilah yang telah mendorong setengah-setengah orang Islam mengemukakan pertanyaan-pertanyaan, sama ada untuk mempastikan hakikat dan hukum tindakan-tindakan itu atau kerana terpengaruh kepada kempen-kempen dan propaganda-propaganda yang beracun itu. Oleh itu Al-Qur'an menurunkan kata-kata pemutusnya mengenai persoalan-persoalan itu supaya dapatlah kaum Muslimin berpegang kepadanya dengan penuh keyakinan, dan dengan sendirinya terhapuslah tipu daya dan matilah fitnah-fitnah itu, dan seterusnya tipudaya-tipudaya jahat itu kembali memakan tuannya sendiri.

Ini menggambarkan sebahagian dari perjuangan yang ditempuhi oleh Al-Qur'an, kadang-kadang ditempuhi di dalam jiwa kaum Muslimin dan kadang-kadang dalam barisan mereka untuk menentang tipu daya musuh-musuhnya.

Di dalam pelajaran ini terdapat sekumpulan pertanyaan, iaitu pertanyaan mengenai infaq atau perbelanjaan, iaitu tempat-tempat infaq, kadarnya dan jenis harta yang harus diinfaqkan, pertanyaan mengenai peperangan di bulan haram, pertanyaan mengenai arak dan judi dan pertanyaan mengenai anak-anak yatim. Motif-motif dari pertanyaan ini ialah sebab-sebab yang telah kami sebutkan sebelum ini, dan kita akan membicarakannya dengan terperinci ketika memperkatakan nas-nasnya masing-masing.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 215)

يَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ ۖ قُلْ مَآ أَنفَقْتُم مِّنْ خَيْرٍ فَلِلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

"Mereka bertanya kepadamu: Apakah jenis perbelanjaan yang harus mereka belanjakan? Jawablah: Apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya, maka belanjakanlah untuk dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang yang miskin dan musafir yang terlantar di perjalanan. Dan apa sahaja kebajikan yang dilakukan kamu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya."(215)

Fungsi Infaq Dalam Masyarakat Islam

Banyak ayat-ayat Al-Qur'an yang memperkatakan tentang infaq telah diturunkan sebelum dikemukakan pertanyaan ini. Khidmat infaq dalam suasana-suasana pertumbuhan Islam itu merupakan satu khidmat yang perlu untuk membangun masyarakat Islam bagi menghadapi cabaran kesulitan-kesulitan, kesusahan-kesusahan dan peperangan-peperangan yang sedang dihadapi olehnya. Ia juga merupakan satu khidmat yang perlu dari segi kerjasama dan takaful antara ahli-ahli kelompok Muslimin, dan dari segi untuk menghapuskan perbezaan-perbezaan perasaan agar setiap ahli kelompok merasa dirinya sebagai satu anggota dalam badan kelompok itu, di mana dia tidak dihalang dan tidak ditahan dari suatu apa. Tegasnya khidmat infaq itu mempunyai nilainya yang amat

besar dalam menegakkan kelompok Muslimin dari segi perasaan, kerana khidmat memenuhi keperluan kelompok itu mempunyai nilai dalam menegakkan kelompok dari segi amali.

Di sini setengah-setengah orang Islam bertanya:

مَاذَا يُنفِقُونَ ۖ

"Apakah jenis perbelanjaan yang harus mereka belanjakan?"

Yakni mereka bertanya tentang jenis infaq yang harus mereka infaqkan, lalu mereka menerima jawapan yang menjelaskan sifat infaq dan menentukan tempat-tempat infaq yang lebih utama dan lebih hampir:

قُلْ مَآ أَنفَقْتُم مِّنْ خَيْرٍ

"Jawablah: Apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya."

Ungkapan ini memberi dua saranan. Pertama ia menyarankan bahawa sesuatu yang dibelanjakan itu adalah baik, iaitu baik kepada si pemberi, baik kepada si penerima, baik kepada masyarakat, dan ia sendiri merupakan suatu kebaikan kerana ia adalah suatu amalan yang baik, jasa yang baik, dan khidmat yang baik. Kedua ia menyarankan agar pihak yang memberi infaq itu memilih sesuatu yang terbaik yang ada padanya untuk diinfaqkannya agar orang lain dapat berkongsi meni'matinya bersama-sama dengannya. Khidmat infaq itu membersihkan hati dan menyucikan jiwa, di samping memberi faedah dan pertolongan kepada orang lain. Kesanggupan memilih harta milik yang baik dan melepaskan kepada orang lain itulah yang dapat mewujudkan kebersihan kepada hati dan jiwa. Kesanggupan mengutamakan kepentingan orang lain mempunyai maknanya yang amat mulia.

Tetapi saranan ini bukannya bererti suatu tuntutan yang diwajibkan, kerana tuntutan yang ditetapkan syara'- sebagaimana disebut di dalam ayat yang lain - ialah seseorang itu harus menginfaqkan suatu harta yang sederhana sifatnya bukannya suatu harta yang paling murah atau paling mahal yang ada padanya, namun demikian saranan di sini cuba membiasakan seseorang supaya mengorbankan hartanya yang paling baik dan cuba menggalakkannya berbuat demikian mengikut cara Al-Qur'an yang mendidik jiwa manusia dan melengkapkan hati mereka.

Cara dan tempat infaq itu diterangkan selepas menentukan jenis kebajikan yang harus dibelanjakan itu:

فَلِلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۗ

"Maka belanjakanlah untuk dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan musafir yang terlantar di perjalanan."(215)

Pihak-pihak Yang Menerima Infaq

Infaq itu menjadi tali hubungan di antara berbagai-bagai kumpulan manusia. Setengah mereka mempunyai hubungan 'asabah dengan pemberi infaq, dan setengah yang lain mempunyai hubungan zawil-arham dengannya, dan setengah pula mempunyai hubungan kasihan belas, dan setengah yang lain mempunyai hubungan kemanusiaan yang agung dalam lingkungan 'aqidah. Seluruh kumpulan ini berkumpul dalam sepotong ayat sahaja, iaitu para ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan musafir yang terlantar di perjalanan. Seluruh mereka berpadu dalam ikatan takaful sosial yang rapat di antara sesama manusia dalam lingkungan 'aqidah yang kukuh.

Tertib pemberian yang tersebut di dalam ayat ini, dan di dalam ayat-ayat yang lain diterangkan lebih jelas lagi oleh beberapa Hadith Nabawi seperti hadith yang tersebut di dalam Sahih Muslim dari Jabir: Bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada seorang lelaki:

إبدأ بنفسك فتصدق عليها، فإن فضل شيء فلأهلك ، فإن فضل شيء عن أهلك فلذى قرابتك، فإن فضل عن ذى قرابتك شيء فهكذا وهكذا.

"Mulakan dengan diri anda sendiri dan belanjakan untuknya, jika ada sesuatu yang lebih, maka bolehlah dibelanjakan kepada keluarga anda, dan jika ada sesuatu yang lebih dari keluarga anda, maka bolehlah dibelanjakan kepada kaum kerabat anda dan jika ada sesuatu yang lebih dari kaum kerabat anda, maka bolehlah dibelanjakan kepada orang lain beginilah seterusnya."

Tertib ini memperlihatkan betapa bijaksana dan mudahnya cara Islam mendidik dan membimbing jiwa manusia. Ia melayani manusia mengikut fitrah dan kecenderungan-kecenderungan semulajadinya, juga mengikut bakat-bakat kebolehan yang ada padanya, kemudian ia membimbingnya sebagai makhluk yang sedang berhenti dan berdiri dan kemudian membawanya selangkah demi selangkah mendaki anak-anak tangga yang tinggi dengan perlahan-lahan dan selesa. Akhirnya manusia dapat naik dengan rehat memenuhi kehendak fitrah dan kecenderungan-kecenderungan semulajadinya serta bakat-bakat kebolehannya di samping menyubur dan memajukan kehidupannya tanpa merasa penat dan letih lesu, tanpa diikat dengan rantai dan belenggu untuk ditarik naik tangga, tanpa disekat dan ditindas daya tenaga dan kecenderungan semulajadinya supaya ia dapat terbang dengan bebas, tanpa menempuh jalan bengkang bengkok dan tanpa membuat penerbangan yang sukar di tanah tinggi, malah ia dapat naik dengan mudah dan senang. Dua tapak kakinya berpijak di bumi, matanya tergantung di langit, hatinya menjulang ke alam al-Mala'ul-'A'la dan rohnya berhubung rapat dengan Allah.

Allah memang mengetahui bahawa manusia amat kasihkan dirinya sendiri. Oleh sebab itu Allah mula-mula menyuruh manusia supaya mereka memenuhi

keperluan-keperluan diri mereka lebih dahulu sebelum Dia memerintah supaya mereka menginfaqkan harta mereka untuk orang yang lain. Di samping itu Allah menghalalkan kepada mereka segala rezeki yang baik dan menggalakkan mereka supaya meni'matinya tanpa terlalu mewah dan tanpa angkuh. Derma dan sedekah tidak dimulakan melainkan setelah cukup keperluan diri. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

خير الصدقة ما كان عن ظهر غنى، واليد العليا خير من اليد السفلى، وابدأ بمن تعول.

"Sebaik-baik sedekah ialah dari harta lebihan yang tidak diperlukan dan tangan di atas lebih baik dari tangan di bawah dan mulakanlah infaq anda dengan orang-orang yang di bawah tanggungan anda."

(Diriwayatkan oleh Muslim, diriwayatkan oleh Abu Hurayrah)

Daripada Jabir r.a. katanya: Seorang lelaki datang membawa seketul emas sebesar telur dan berkata: Wahai Rasulullah! Saya mendapat emas ini dari sebuah lombong. Terimalah ia sebagai sedekah, saya tidak mempunyai harta yang lain darinya. Lalu Rasulullah s.a.w. berpaling darinya. Kemudian orang itu datang pula dari sebelah kanan beliau dan berkata seperti tadi. Tetapi beliau berpaling darinya. Kemudian orang itu datang lagi dari sebelah kirinya dan mengeluarkan kata-kata yang sama. Tetapi beliau berpaling darinya. Kemudian orang itu datang pula dari sebelah belakang beliau dan mengeluarkan kata-kata yang sama. Lalu Rasulullah s.a.w mengambilnya dan melontarkannya (balik), dan andainya lontaran itu mengenai orang itu tentulah ia menyakitkannya. Dan beliau bersabda:

يأتى أحدكم بما يملك فيقول هذه صدقة ثم يقعد يتكفف الناس. خير الصدقة ما كان عن ظهر غنى.

"(Tidaklah wajar) seseorang kamu datang dengan membawa segala harta yang di milikinya kemudian berkata: Inilah sedekah kemudian ia duduk meminta-minta pada orang lain. Sebaik-baik sedekah ialah dari harta lebihan yang tidak diperlukan."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Allah mengetahui bahawa manusia amat kasihkan anggota-anggota keluarga mereka yang dekat, iaitu anak isteri dan dua ibu bapa. Oleh sebab itulah Allah membawa mereka melangkah setapak lagi supaya membelanjakan harta mereka dengan penuh kerelaan kepada keluarga mereka yang dekat yang dikasihi mereka selepas membelanjakannya kepada diri mereka sendiri. Dengan khidmat ini mereka dapat memenuhi keinginan semulajadi mereka yang tidak mendatangkan apa-apa kemudharatan, malah khidmat ini mengandungi hikmat dan kebaikan, dan dalam waktu yang sama ia menanggung dan memelihara anak-anak buah mereka yang dekat. Ya, anak-anak buah yang dekat itu merupakan sekumpulan dari umat, jika mereka tidak diberi perbelanjaan tentulah mereka susah. Penerimaan bantuan dari keluarga yang dekat lebih mulia kepada mereka dari menerima bantuan dari keluarga yang jauh. Dalam waktu yang sama khidmat ini dapat mengembangkan kasih sayang dan kedamaian di kalangan keluarga sebagai tapak semaian pertama. Ia dapat mengukuhkan pertalian-pertalian kekeluargaan yang telah dijadikan Allah sebagai batu asas pertama bagi pembinaan kemanusiaannya yang besar.

Allah mengetahui bahawa manusia suka memanjangkan kasih sayang dan perlindungan mereka kepada seluruh keluarga mereka yang jauh dan dekat. Khidmat ini tidak mendatangkan apa-apa kemudharatan, kerana kumpulan keluarga merupakan anggota-anggota tubuh umat atau merupakan anggota-anggota masyarakat. Oleh sebab itulah Allah membawa mereka melangkah setapak lagi supaya membelanjakan harta mereka kepada anak-anak buah mereka yang jauh, sesuai dengan sentimen-sentimen dan kecenderungan-kecenderungan mereka yang semulajadi. Di sini mereka memenuhi keperluan-keperluan anak-anak buah mereka yang jauh, mengukuhkan hubungan kekeluargaan dengan mereka dan menjaga satu unit yang kuat dari unit-unit masyarakat Islam yang rapat dan teguh hubungannya.

Setelah mereka menghulurkan perbelanjaan-perbelanjaan kepada golongan-golongan itu selepas berbelanja kepada diri mereka sendiri, maka Islam membimbing mereka supaya mengeluarkan infaq untuk beberapa golongan manusia yang lain pula, yang mana kelemahan dan kesusahan golongan-golongan ini telah menimbulkan perasaan belas kasihan dan rasa simpati terhadap mereka. Golongan-golongan ini dikepalai oleh kumpulan anak-anak yatim yang masih kecil dan lemah, kemudian orang-orang miskin yang tidak mempunyai wang untuk berbelanja, tetapi mereka mengambil sikap berdiam diri dan tidak meminta-minta kepada orang lain kerana menjaga kehormatan dan air muka mereka, kemudian para musafir yang terlantar di perjalanan. Mereka mungkin mempunyai harta kekayaan tetapi kedudukan mereka telah terputus darinya. Mereka telah dihalang oleh berbagai-bagai halangan dari mendapatkan harta mereka. Dahulu kumpulan ini sangat ramai dalam kelompok Muslimin yang telah berhijrah dari Mekah dengan meninggalkan segala harta benda mereka, sedangkan mereka sekalian merupakan anggota-anggota masyarakat Islam. Kerana itu Islam membimbing orang-orang yang berada supaya mengeluarkan infaq kepada kumpulan ini. Ia membimbing mereka melalui perasaan-perasaan semulajadi mereka yang baik iaitu ia menggerak, merangsang dan membersihkan perasaan-perasaan ini. Dengan bimbingan yang sedemikian Islam berjaya mencapai semua matlamatnya. Pertama ia berjaya membersihkan jiwa para penginfaq yang telah mengeluarkan infaq dengan baik, penuh kerelaan dan penuh keikhlasan

kepada Allah tanpa merasa bosan dan marah. Kedua ia berjaya memberi bantuan kepada kumpulan-kumpulan yang memerlukan bantuan dan pembelaan. Ketiga ia berjaya mengembleng kaum Muslimin supaya bersatu padu dan bantu-membantu terhadap satu sama lain tanpa menimbulkan apa-apa kemudharatan dan kemarahan kepada mereka. Ia memimpin mereka dengan satu pimpinan yang lemah-lembut, selesa, memenuhi maksud dan mencapai segala kebaikan tanpa bertindak sewenang-wenang, pura-pura dan tanpa menggunakan kekerasan.

Kemudian ayat berikut mengikatkan semuanya ini dengan alam al-Mala'ul-'A'la dan merangsangkan di dalam hati hubungannya dengan Allah dalam sebarang pemberian yang dihulurkannya dan dalam sebarang tindakan yang dilakukannya, dan seterusnya dalam setiap niat dan perasaan yang disembunyikannya:

وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

"Dan apa sahaja kebajikan yang dilakukan kamu, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya."(215)

Yakni Allah mengetahui amalan kebajikan itu serta mengetahui motifnya dan niat yang menyertainya. Jadi amalan kebajikan itu tidak hilang percuma. Ia tercatat dalam kiraan Allah yang tidak pernah kehilangan sesuatu, tidak pernah mengurangi hak manusia sedikit pun dan tidak pernah menganiayai mereka, dan kerana itu infaq tidak harus dilakukan dengan ria' dan tipu.

Demikianlah ayat ini menghubungkan hati manusia kepada alam al-Mala'ul-'A'la, kepada darjah ketulusan dan keikhlasan kepada Allah dengan cara yang lemah-lembut dan perlahan-lahan tanpa sewenang-wenang dan berpura-pura. Inilah cara pendidikan yang diaturkan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya dan di atas pendidikan inilah ditegakkan sistem yang memimpin manusia mengikut fitrah mereka dan membawa mereka ke puncak yang sama sekali tidak dapat dicapai oleh manusia dengan perantaraan sarana yang lain dari sarana ini. Mereka sama sekali tidak akan sampai ke puncak ini melainkan apabila mereka mengikut cara dan jalan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 216)

Fardhu Jihad

Dengan cara yang sama juga dikeluarkan perintah mewajibkan jihad ke atas mereka yang disebut selepas pembicaraan mengenai infaq:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

"Kamu telah diwajibkan berperang, sedangkan peperangan ini tidak disukai kamu, (tetapi) boleh jadi sesuatu yang kamu bencikan itu lebih baik untuk kamu dan boleh jadi sesuatu yang kamu sukakan itu tidak baik untuk kamu dan hanya Allah sahaja Yang Maha Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(216)

Berperang kerana Sabilullah merupakan satu kewajipan yang amat sukar, tetapi ia menjadi satu kewajipan yang wajib ditunaikan kerana ia membawa banyak kebaikan kepada individu Muslim, kepada masyarakat Islam, kepada seluruh umat manusia, kepada kebenaran, kepada kebajikan dan kepada kebagusan.

Hikmat Difardhukan Jihad

Islam membuat perhitungan mengikut perhitungan fitrah manusia. Islam tidak menafikan kesulitan kewajipan berperang ini dan tidak memperkecil-kecilkannya. Ia juga tidak menyangkal bahawa jiwa manusia mempunyai perasaan semulajadi lagi tidak sukakan peperangan dan merasakannya sebagai sesuatu perkara yang sangat berat. Islam tidak membantah dan menentang fitrah. Ia tidak mengharamkan fitrah dari melahirkan perasaan-perasaan semulajadi yang tidak dapat disangkalkan itu, tetapi ia mendekati persoalan jihad ini dari aspek yang lain dan memberi satu sorotan cahaya yang baru kepadanya. Ia menjelaskan bahawa di antara fardhu-fardhu yang difardhukan ke atas manusia ada fardhu-fardhu yang sukar, pahit dan tidak enak rasanya, tetapi di sebaliknya terdapat hikmat yang dapat meringankan kesukarannya, menghilangkan kepahitannya dan melahirkan kebaikan yang tersembunyi yang kadang-kadang tidak dapat dilihat oleh pandangan manusia yang pendek. Dengan cara ini ia membuka satu jendela baru di dalam jiwa manusia, dan menerusi jendela ini ia boleh memikirkan persoalan jihad itu dari sudut yang berlainan dari sudut yang dilihat selama ini, satu jendela yang dapat dilalui angin yang lembut dan menyegarkan ketika jiwa dikepung kesusahan dan kerunsingan dan ketika menghadapi perkara-perkara yang sukar. Siapa tahu bahawa boleh jadi di sebalik sesuatu yang tidak disukai ada kebaikan, dan di sebalik sesuatu yang disukai itu ada keburukan dan kejahatan. Hanya Allah sahaja, Yang Maha Mengetahui segala matlamat-matlamat yang jauh dan segala akibat-akibat yang tersembunyi sahaja yang tahu perkara-perkara yang seperti ini, sedangkan manusia tidak mengetahui sedikit pun dari hakikat itu.

Apabila tiupan bayu yang lembut dan menyegarkan itu membelai jiwa manusia, ia meringankan kesulitan dan kesukaran, ia membuka pintu dan merehatkan hati di waktu panas terik dan membuat hati cenderung mematuhi perintah dan menunaikan kewajipan dengan penuh keyakinan dan kerelaan.

Demikianlah Islam melayani fitrah manusia. Ia tidak membantah perasaan-perasaan semulajadinya dan

tidak memaksa melakukan sesuatu yang sukar dengan semata-mata mengeluar perintah wajib atau taklif, tetapi ia mendidik fitrah manusia ke arah keta'atan dan kepatuhan dengan membuka pintu-pintu harapan agar ia bersedia mengorbankan serendah-rendah pengorbanan untuk jalan Allah yang lebih baik, dan agar ia meningkatkan dirinya ke taraf sukarela bukannya terpaksa, dan agar ia merasa dengan belas kasihan Ilahi yang memang mengetahui titik-titik kelemahannya dan mengakui kesulitan kewajipan yang difardhukan ke atasnya. Allah memahami keuzurannya dan menghargainya, tetapi Allah menggalakkannya supaya berusaha meningkatkan diri dan meletakkan harapan pada Allah.

Cara Islam Mendidik Fitrah Manusia

Dan demikianlah Islam mendidik fitrah manusia hingga ia tidak jemukan taklif, tidak terperanjat pada kejutan yang pertama, tidak lemah ketika menghadapi kesulitan yang jelas dan tidak malu dan rebah ketika mengetahui kelemahannya sewaktu berdepan dengan kesulitan, malah ia tetap berdiri teguh kerana ia tahu bahawa Allah memaafkan kelemahannya dan akan memberi pertolongan kepadanya dan menguatkan kedudukannya. Ia berazam untuk terus menghadapi ujian. Kerana di dalam ujian, kadang-kadang tersembunyi kebaikan selepas menghadapi kemudharatan dan kemudahan, selepas mengharungi kepayahan, kerehatan besar selepas menempuh kepenatan. Ia tidak rakus bermati-matian apabila ia sukakan sesuatu dan meni'matinya, kerana terkadang-kadang di sebalik keni'matan itu tersembunyi penyesalan, dan terkadang-kadang sesuatu yang tidak disukai itu tersembunyi di belakang sesuatu yang disukai, dan kadang-kadang kebinasaan itu menunggu di sebalik sesuatu yang digemari dan amat menarik.

Itulah cara pendidikan yang mengkagumkan, mendalam tetapi mudah. Ia adalah satu cara pendidikan yang mengenal liku-liku jalan untuk memasuki ke dalam jiwa manusia dan lorong-lorongnya yang banyak. Ia membawa saranan yang benar, bukannya saranan yang palsu dan cakap-cakap yang menipu. Memang benar jiwa manusia yang lemah itu membencikan sesuatu sedangkan pada hakikatnya ia penuh mengandungi kebaikan. Begitu juga memang benar jiwa manusia menyukai sesuatu dan sanggup bermati-matian kerananya, sedangkan pada hakikatnya ia penuh mengandungi kejahatan dan kemudharatan, dan memanglah benar pula bahawa hanya Allah sahaja yang mengetahui, sedangkan manusia tidak tahu. Apakah manusia mengetahui akibat-akibat dari sesuatu urusan? Apakah manusia mengetahui rahsia di sebalik tabir? Apakah manusia mengetahui hakikat-hakikat yang tidak terjejas oleh hawa nafsu, kejahilan dan kelemahan?

Cara sentuhan Rabbani terhadap hati manusia dapat membuka di hadapannya sebuah alam yang lain dari alam yang dilihat oleh dua matanya, dan dapat menonjolkan di hadapannya beberapa faktor yang lain yang bekerja di hati alam buana; mengubahkan keadaan-keadaan dan mengaturkan akibat-akibat yang berlainan dari apa yang difikir dan diduga olehnya. Sentuhan Rabbani akan menjadikan seseorang itu - apabila hatinya menyambut sentuhan itu - begitu patuh kepada kuasa takdir Allah, di mana ia bekerja sambil berharap, bercita-cita dan merasa takut kepada Allah, tetapi ia memulangkan segala-galanya kepada kuasa Allah Yang Maha Bijaksana dan kepada ilmu-Nya yang meliputi segala sesuatu dengan hati yang rela dan tenang. Itulah erti masuk ke dalam kedamaian dari pintunya yang luas. Hati seseorang itu tidak akan merasa hakikat kedamaian kecuali ia yakin bahawa sesuatu yang terpilih itu ialah sesuatu yang dipilih oleh Allah, dan bahawa kebaikan itu adalah terletak pada keta'atan kepada Allah tanpa berusaha menguji Allah dan menuntut bukti dari Allah. Pengakuan yang yakin, harapan yang tenteram dan usaha yang tenang merupakan pintu-pintu kedamaian yang diseru oleh Allah agar dimasuki para hamba-Nya dengan keseluruhan jiwa mereka. Allah membimbing mereka ke arah kedamaian dengan menggunakan cara pendidikan yang menarik, mendalam dan mudah. Ia memimpin mereka dengan mudah, perlahan-lahan dan selesa. Ia memimpin mereka dengan cara pendidikan ini menuju kedamaian sehingga ketika ia mewajibkan jihad ke atas mereka, kerana kedamaian yang haqiqi ialah kedamaian roh dan hati nurani walaupun di medan pertempuran.

Kebaikan Di Sebalik Sesuatu Yang Tidak Disukai

Saranan yang dibawa oleh nas Al-Qur'an ini bukan hanya terhenti setakat peperangan sahaja, kerana peperangan itu tidak lain dan tidak bukan melainkan hanya suatu contoh bagi sesuatu perkara yang tidak disukai manusia, tetapi di sebaliknya tersembunyi kebaikan. Saranan ini bergiat cergas di dalam seluruh kehidupan seseorang Mu'min dan menyorotkan bayangannya ke atas seluruh peristiwa-peristiwa hidup. Seseorang manusia tidak mengetahui di mana letaknya kebaikan dan kejahatan. Dahulu orang-orang Mu'min yang keluar pada hari Peperangan Badar bertujuan menyerang angkatan kafilah Quraysy yang membawa dagangan-dagangannya. Mereka mengharapkan angkatan Quraysy yang telah dijanjikan Allah kepada mereka ialah angkatan kafilah Quraysy yang membawa dagangan-dagangannya bukannya angkatan pengawal dan pejuang Quraysy, tetapi Allah jadikan qafilah yang membawa dagangan itu terlepas dan menemukan mereka dengan angkatan pejuang Quraysy. Kemenangan yang telah dicapai mereka dalam menewaskan angkatan pejuang Quraysy telah bergema ke seluruh Semenanjung Tanah Arab dan telah menyebabkan panji-panji Islam terangkat tinggi. Di manakah angkatan kafilah

Quraysy yang membawa dagangan itu dibandingkan dengan kebaikan yang besar (kerana dapat menewas angkatan pejuang Quraysy) yang telah dikehendaki Allah kepada kaum Muslimin. Di manakah pilihan kaum Muslimin untuk diri mereka dibandingkan dengan pilihan Allah untuk mereka. Allah mengetahui, sedangkan manusia tidak mengetahui.

Pemuda yang menemani Musa a.s. telah terlupa kepada ikan yang disediakan sebagai bekalan makanan mereka, lalu ikan itu menggelongsor ke dalam laut ketika berhenti di batu besar:

فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِفَتَىٰهُ ءَاتِنَا غَدَآءَنَا لَقَدْ لَقِينَا مِن
سَفَرِنَا هَٰذَا نَصَبًا ﴿٦٢﴾
قَالَ أَرَءَيْتَ إِذْ أَوَيْنَآ إِلَى ٱلصَّخْرَةِ فَإِنِّى نَسِيتُ ٱلْحُوتَ
وَمَآ أَنسَىٰنِيهُ إِلَّا ٱلشَّيْطَٰنُ أَنْ أَذْكُرَهُۥ ۚ وَٱتَّخَذَ سَبِيلَهُۥ
فِى ٱلْبَحْرِ عَجَبًا ﴿٦٣﴾
قَالَ ذَٰلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِ ۚ فَٱرْتَدَّا عَلَىٰٓ ءَاثَارِهِمَا قَصَصًا ﴿٦٤﴾
فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَآ ءَاتَيْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا
..... ﴿٦٥﴾

"Apabila kedua-duanya berjalan sekian jauh, Musa berkata kepada teman pemudanya: 'Bawalah ke mari makanan kita. Sesungguhnya kita amat letih lesu kerana perjalanan kita (yang jauh ini)'(62). Jawab temannya: Tidakkah engkau ingat sewaktu kita berhenti di atas batu yang besar tadi kerana sesungguhnya aku telah terlupa kepada ikan (bekalan) itu dan tiada yang menyebabkan aku terlupa menyebutkannya (kepadamu) melainkan hanya syaitan sahaja dan (sebetulnya) ikan itu telah mengambil jalannya menggelongsor ke dalam laut dengan cara yang aneh sekali(63). Ujar Musa: Itulah tempat yang kita cari. Lalu kedua-duanya kembali semula (ke tempat itu) menyusuli jejak-jejak mereka(64). Lalu mereka dapati (di sana) seorang hamba dari hamba-hamba kami......."(65)

(Surah al-Kahfi : 62 - 65)

Inilah orang yang dicari oleh Musa dan andainya tidak berlaku peristiwa kehilangan ikan itu tentu mereka berdua tidak berpatah balik, dan tentulah orang yang dicari dalam perjalanan mereka itu akan terluput dari mereka.

Setiap orang dalam pengalaman-pengalaman peribadinya boleh mendapati - andainya ia menungi - banyak perkara yang tidak disukainya, tetapi di sebaliknya ia mendapat kebajikan yang besar, juga banyak keni'matan-keni'matan yang disukainya, tetapi di sebaliknya ia mendapat akibat-akibat yang amat buruk. Berapa banyak yang dicari oleh seseorang hingga hampir-hampir ia membinasakan dirinya kerana kesal tidak berjaya mendapatkannya, kemudian tidak lama selepas itu ternyata bahawa kegagalan itulah merupakan pertolongan Allah yang menyelamatkannya dari malapetaka sesuatu yang dicarinya itu. Berapa banyak penderitaan dan kesusahan yang ditelan dengan nafas yang termengah-mengah kerana terlalu dahsyat, kemudian tidak lama selepas itu ia dapat mewujudkan kebaikan-kebaikan dalam kehidupannya yang tidak dapat diwujudkan oleh kehidupan mewah dan senang yang panjang.

Manusia tidak mengetahui dan hanya Allah sahaja yang mengetahui. Apakah ruginya kepada manusia jika ia berserah kepada Allah?

Inilah cara didikan Al-Qur'an melayani jiwa manusia supaya ia beriman, berserah dan menyerah kepada Allah dalam urusan-urusan ghaib yang tersembunyi setelah ia berusaha sedaya upayanya di bidang usaha yang terbuka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 217 - 218)

Di antara langkah memimpin kaum Muslimin ke arah kedamaian ialah mengemukakan fatwa yang berikut mengenai hukum berperang di bulan haram:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلشَّهْرِ ٱلْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ ۖ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ
كَبِيرٌ ۖ وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَكُفْرٌۢ بِهِۦ
وَٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِۦ مِنْهُ أَكْبَرُ
عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَٱلْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ ٱلْقَتْلِ ۗ وَلَا يَزَالُونَ
يُقَٰتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَٰعُوا۟ ۚ
وَمَن يَرْتَدِدْ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ
وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢١٧﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang hukum berperang di bulan haram. Jawablah: Perbuatan berperang di dalam bulan haram itu adalah suatu dosa yang besar (tetapi) perbuatan menghalangkan orang dari jalan Allah dan perbuatan kufur terhadap Allah, dan terhadap Masjidil-Haram dan perbuatan mengusir penduduknya adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah. Dan penindasan itu lebih besar dosanya dari pembunuhan. Dan mereka sentiasa berusaha memerangi kamu sehingga mereka dapat memalingkan kamu dari

agama kamu jika mereka mampu berbuat demikian. Dan sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya lalu ia mati dalam keadaan kafir, maka merekalah orang-orang yang sia-sia segala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan merekalah penghuni Neraka yang kekal abadi di dalamnya(217). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah dan berjihad kerana Sabilullah, merekalah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(218)

Pasukan Perisik Abdullah Ibn Jahsy

Menurut riwayat-riwayat yang banyak, ayat ini turun mengenai pasukan tentera yang dipimpin oleh Abdullah ibn Jahsy r.a. Dia telah dikirim oleh Rasulullah s.a.w. bersama-sama lapan orang Muhajirin dan tiada seorang Ansar pun di dalam pasukan ini. Kepada Abdullah beliau serahkan sepucuk surat yang tertutup dan beliau telah memerintahnya supaya jangan membuka surat itu sehingga selepas berlalunya dua malam. Apabila Abdullah membuka surat itu ia dapati tertulis begini: "Setelah awak membaca suratku ini teruskan perjalanan anda sehingga anda berhenti di Batni Nakhlah - di antara Mekah dan Ta'if - dan di sini perhatikan gerak-geri orang-orang Quraysy dan sampaikan kepada kami berita-berita mereka, tetapi anda jangan paksa mana-mana sahabat anda meneruskan perjalanan bersama anda." Peristiwa ini berlaku sebelum Peperangan Besar Badar. Setelah selesai melihat surat itu Abdullah pun berkata: "Segala perintah dijunjung", kemudian dia berkata kepada sahabatnya: Rasulullah s.a.w. telah menyuruh supaya aku meneruskan perjalanan sehingga sampai kepada Batni Nakhlah untuk memperhatikan pergerakan orang-orang Quraysy di sana dan menyampaikan berita mereka kepada beliau. Beliau juga melarang aku memaksa sesiapa dari kamu. Oleh itu sesiapa yang mahu mati syahid dan gemar kepadanya, maka bolehlah ia ikut pergi, dan sesiapa yang tidak suka, maka hendaklah ia pulang sahaja. Aku sendiri akan pergi melaksanakan perintah Rasulullah s.a.w. itu. Lalu dia pun pergi bersama-sama sahabat-sahabatnya, tiada seorang pun yang ketinggalan. Dia mengikut jalan ke Hijaz dan apabila sampai di pertengahan jalan unta kepunyaan Sa'ad ibn Abi Waqqas dan 'Utbah ibn Ghazwan telah kehilangan lalu kedua-dua sahabat itu meninggal kumpulan Abdullah ibn Jahsy untuk mencari unta yang hilang itu, dan enam orang sahabat yang lain meneruskan perjalanan mereka. Dan apabila pasukan ini sampai di Batni Nakhlah, tiba-tiba satu kafilah Quraysy yang membawa dagangan lalu di situ dan dalam kafilah itu terdapat 'Amru ibn al-Hadhrami dan tiga orang yang lain, lalu pasukan ini membunuh 'Amru ibn al-Hadhrami dan menawan dua orang yang lain, dan orang yang keempat berjaya melarikan diri. Mereka juga telah merampas unta-unta yang membawa dagangan itu. Mereka fikir mereka berada pada hari terakhir bulan Jamadil-Akhir, tiba-tiba mereka dapati mereka berada pada hari pertama bulan Rejab yang menandakan masuknya bulan-bulan haram yang dihormati oleh orang-orang Arab, juga dihormati oleh Islam dan diakui kesuciannya. Apabila pasukan ini membawa unta-unta dan dua orang tawanan itu kepada Rasulullah s.a.w. beliau bersabda: "Aku tidak menyuruh kamu berperang di bulan haram", unta-unta dan kedua-dua tawanan itu berdiri di situ (tidak bergerak), sedangkan beliau enggan menerima suatu apa pun. Setelah Rasulullah s.a.w. bersabda begitu mereka pun menyesal dan menyangka bahawa mereka tetap binasa. Perbuatan mereka telah dikecam oleh saudara-saudara mereka kaum Muslimin. Orang Quraysy berkata: Muhammad dan sahabat-sahabatnya telah menghalalkan bulan haram. Mereka menumpahkan darah, merampaskan harta dan menawan tawanan-tawanan di bulan itu. Orang-orang Yahudi pula mengambil sempena dengan kejadian itu untuk memburuk-burukkan Muhammad. Mereka berkata: (Memang tepatlah) 'Amru ibn al-Hadhrami dibunuh oleh Waqid ibn Abdullah kerana kata-kata 'Amru ('Amar) itu diambil dari kata-kata , عمرت الحرب"api peperangan telah hidup",dan kata-kata al-Hadhrami diambil dari kata-kata حضرت الموت "peperangan telah tiba",dan kata-kata Waqid ibn Abdullah diambil dari kata-kata " وقدت الحرب"- "peperangan telah bernyala".

Demikianlah propaganda-propaganda yang mengeliru telah dilakukan dengan berbagai-bagai cara yang jahat yang digembar-gemburkan di dalam masyarakat Arab. Propaganda-propaganda itu menonjolkan Muhammad dan para sahabatnya sebagai penceroboh yang mencabul kesucian-kesucian orang Arab dan sanggup melanggar kesucian-kesucian itu apabila ada muslihat, sehingga apabila turun ayat ini yang memotongkan segala propaganda itu dan menjelaskan perkara itu dengan penjelasan yang benar barulah Rasulullah s.a.w. menerima dua orang tawanan dan rampasan itu:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلشَّهْرِ ٱلْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ ۖ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ ۖ

"Mereka bertanya kepadamu tentang hukum berperang di bulan haram. Jawablah: Perbuatan berperang di dalam bulan haram itu adalah satu dosa yang besar."

Ayat ini menjelaskan kehormatan bulan haram dan menjelaskan bahawa perbuatan berperang di dalam bulan ini adalah suatu dosa yang besar, tetapi........

وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَكُفْرٌۢ بِهِۦ وَٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِۦ مِنْهُ أَكْبَرُ عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَٱلْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ ٱلْقَتْلِ ۗ

"(Tetapi) perbuatan menghalangkan orang dari jalan Allah dan perbuatan kufur terhadap Allah dan terhadap Masjidil-Haram dan perbuatan mengusir penduduknya adalah lebih

besar lagi dosanya di sisi Allah dan penindasan itu lebih besar dosanya dari pembunuhan."

Pencabulan Di Bulan Haram

Orang-orang Islam tidak pernah memulakan peperangan dan tidak pernah memulakan pencerobohan, malah yang selalu memulakannya ialah kaum Musyrikin. Merekalah yang menahan orang dari agama Allah. Merekalah yang kufur terhadap Allah dan merekalah yang menghalangkan orang dari Masjidil-Haram. Mereka telah melakukan segala dosa besar untuk menyekat orang dari agama Allah. Mereka telah kufur terhadap Allah dan memaksa orang lain supaya turut kufur terhadap Allah. Mereka telah kufur terhadap Masjidil-Haram. Mereka mencabul kehormatannya dan mengganggu kaum Muslimin dalam kawasannya. Mereka menindas kaum Muslimin kerana agama mereka selama tiga belas tahun sebelum Hijrah, mereka telah mengusir penduduk tanah haram, sedangkan ia negeri suci yang telah dijadikan Allah sebagai sebuah kawasan aman damai. Mereka tidak memulia kehormatannya dan tidak menghormati kesuciannya.

Perbuatan mengusir penduduk Tanah Haram adalah lebih besar dosanya dari perbuatan berperang di Bulan Haram, dan perbuatan menindas orang-orang Islam kerana agama mereka adalah lebih besar dosanya di sisi Allah dari perbuatan membunuh. Kaum Musyrikin telah melakukan dua dosa yang besar ini. Oleh sebab itu gugurlah hujjah mereka untuk berlindung di sebalik tabir kesucian Baitul-Haram dan kesucian Bulan Haram, dan jelaslah kebenaran pendirian kaum Muslimin yang menolak kaum Musyrikin yang menceroboh kesucian-kesucian itu. Mereka telah menggunakan kesucian itu sebagai tabir apabila mereka suka dan mencabulkan kehormatannya apabila mereka suka. Adalah menjadi kewajipan kaum Muslimin membunuh kaum Musyrikin itu di mana sahaja mereka berada, kerana merekalah penceroboh-penceroboh dan pencabul-pencabul yang jahat. Mereka tidak memuliakan kehormatan dan tidak malu segan di hadapan kesucian. Adalah menjadi kewajipan kaum Muslimin jangan membiarkan mereka berselindung di sebalik tabir kesucian-kesucian yang palsu yang tidak dihormati dan dipandang suci di dalam hati mereka.

Alasan mereka merupakan kata-kata yang benar tetapi bertujuan jahat. Perbuatan mereka menyebut-nyebut kehormatan Bulan Haram adalah semata-mata tabir palsu untuk mereka berlindung di sebaliknya bagi memburukkan kedudukan kaum Muslimin dan menonjolkan mereka dengan sifat-sifat penceroboh, sedangkan sebenarnya merekalah dari awal-awal lagi yang telah mencabul kehormatan Baitullah.

Islam adalah sistem hidup yang waqi'i/realistik. Ia tidak ditegakkan di atas asas-asas mithali atau idealistik yang khayali dan beku dalam acuan-acuan sebuah teori. Ia menghadapi hidup manusia dengan apa yang ada padanya, iaitu termasuk segala yang menghalangnya, segala yang menariknya dan segala hubungannya yang wujud dalam realiti. Ia hadapi semuanya untuk memimpin manusia dengan kepimpinan yang waqi'i/realistik supaya dapat maju ke depan dan meningkat tinggi dalam satu waktu. Ia hadapi semuanya dengan penyelesaian-penyelesaian yang amali yang sesuai dengan realiti-realitinya. Ia tidak terbang di alam khayal yang penuh impian-impian yang tidak berguna sedikitpun kepada realiti hidup.

Kaum Musyrikin adalah satu kaum yang zalim, pencabul dan penceroboh. Mereka tidak menghormati kesucian-kesucian, tidak malu segan di hadapan kehormatan-kehormatan. Mereka memijak budi pekerti, agama dan 'aqidah yang dihormati masyarakat, mereka menghalangkan orang lain dari kebenaran, mereka menindas dan menyeksa orang-orang Mu'min dengan seteruk-teruknya. Kemudian mereka berani mengangkat suara mereka menuduh: "Lihatlah Muhammad dan pengikut-pengikutnya mencabul kehormatan bulan haram!"

Bagaimana Islam menghadapi mereka? Adakah ia menghadapi dengan penyelesaian-penyelesaian mithali yang berupa teori yang terbang tinggi? Jika Islam bertindak begitu bererti ia melucutkan kaum Muslimin yang baik dari segala senjata sedangkan musuh mereka menggunakan segala senjata dan tidak pernah mengelak dari sebarang senjata. Tidak, sekali-kali tidak! Islam tidak akan bertindak begitu kerana Islam mahu menghadapi kenyataan untuk menolak dan menghapuskannya. Ia mahu menghapuskan kezaliman dan kejahatan. Ia mahu memotong kuku kebatilan dan kesesatan. Ia mahu menyerahkan bumi kepada kuasa yang baik dan mahu menyerahkan kepimpinan kepada kelompok yang jujur. Oleh sebab itu Islam tidak mahu menjadikan kehormatan-kehormatan itu sebagai kubu-kubu, di mana golongan perosak dan pencabul berlindung di sebaliknya untuk menyerang orang-orang yang baik, jujur dan membina, sedangkan mereka aman dari mendapat serangan balas dari pemanah-pemanah.

Islam memelihara kehormatan-kehormatan mereka yang memelihara kehormatan. Ia menjaga dan memelihara dasar ini dengan tegas dan ketat, tetapi Islam tidak membenar kehormatan-kehormatan itu dijadikan benteng-benteng bagi mereka yang menceroboh kehormatan-kehormatan, mengganggu orang-orang yang jujur, membunuh orang-orang yang baik, menindas orang-orang yang beriman dan melakukan segala macam kejahatan, sedangkan mereka terselamat dari balasan kerana mereka berlindung di sebalik kehormatan-kehormatan yang wajib dipelihara.

Tidak Salah Mengumpat Orang Fasiq

Islam mengamalkan dasar ini dengan teratur. Ia mengharamkan perbuatan mengumpat, tetapi tidak menjadi kesalahan mengumpat seseorang yang benar-benar fasiq. Orang yang terkenal fasiq dan jahat tidak mempunyai apa-apa kehormatan yang

harus didiamkan oleh orang-orang yang terseksa dengan tindak-tanduknya yang jahat. Islam mengharamkan perbuatan meluahkan perkataan-perkataan yang keji secara terang-terangan, tetapi ia mengecualikan mereka yang dizalimkan, oleh itu orang yang teraniaya mempunyai hak meluahkan kata-kata yang keji terhadap orang yang menzaliminya, kerana apa yang dikatakan itu memang benar dan kerana mendiamkan diri dari mengeluarkan kata-kata itu boleh menggalakkan orang yang zalim itu mencari perlindungan di sebalik dasar yang mulia yang tidak wajar dengannya.

Walaupun demikian Islam tetap kekal pada tahapnya yang tinggi. Ia sama sekali tidak akan turun ke tahap orang-orang yang jahat yang zalim, dan tidak pula akan turun menggunakan senjata-senjata mereka yang jahat dan cara-cara mereka yang hina. Dia hanya menggalakkan kaum Muslimin memberhentikan perbuatan penjahat-penjahat itu, juga memerangi mereka dan membunuh mereka dan seterusnya membersihkan suasana hidup dari mereka dengan terus terang dan di siang hari.

Apabila kepimpinan berada di tangan-tangan yang bersih, jujur, beriman dan lurus dan apabila muka bumi itu bersih dari mereka yang mencabul kehormatan-kehormatan dan memijak kesucian-kesucian, maka di waktu itulah kehormatan perkara-perkara yang suci dapat dipelihara dengan sepenuhnya seperti yang dikehendaki Allah.

Inilah agama Islam, sentiasa terus-terang, jelas, kuat, tidak berbelit-belit dan berpusing-pusing dan tidak memberi peluang kepada sesiapa yang ingin berbelit-belit dan berpusing-pusing di sekelilingnya.

Demikianlah Al-Qur'an menempatkan kaum Muslimin di bumi yang keras dan pejal, di mana tapak kaki mereka tidak terumbang-ambing apabila mereka meneruskan perjuangan mereka kerana Sabilullah untuk membersihkan bumi dari kejahatan dan kerosakan. Ia tidak membiarkan hati nurani mereka gelisah dan serba salah dimamah dan digugat oleh berbagai-bagai fikiran yang karut dan perasaan-perasaan was-was, ini adalah suatu keburukan, kerosakan, keterlaluan dan kebatilan. Oleh sebab itu ia tidak mempunyai kehormatan dan tidak seharusnya berkubukan kehormatan-kehormatan untuk menyerang kehormatan-kehormatan. Kewajipan kaum Muslimin ialah meneruskan jalan perjuangan mereka dengan penuh keyakinan dan kepercayaan, iaitu damai dengan hati nurani mereka dan dalam aman dari kemurkaan Allah.

Setelah selesai menyatakan hakikat ini dan menegakkan dasar ini, dan setelah selesai menenangkan hati kaum Muslimin dan menetapkan pendirian mereka, maka ayat yang berikut terus mendedahkan betapa dalamnya kejahatan yang tertanam di dalam hati musuh-musuh mereka, betapa teguhnya tunjang perseteruan yang wujud di dalam niat-niat dan perancangan mereka (terhadap orang-orang yang beriman):

وَلَا يَزَالُونَ يُقَٰتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَٰعُوا۟ ۚ

"Mereka sentiasa berusaha memerangi kamu sehingga mereka dapat memalingkan kamu dari agama kamu jika mereka mampu berbuat demikian."

Keazaman Musuh Islam Untuk Menggugat Islam

Penjelasan yang benar ini adalah dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya. Ia mendedahkan keazaman kaum Musyrikin yang degil untuk meneruskan kejahatan mereka, dan untuk menindaskan kaum Muslimin kerana agama mereka, kerana penindasan itu merupakan satu-satunya matlamat yang tetap bagi musuh-musuh mereka, iaitu satu matlamat yang tidak berubah bagi musuh-musuh Islam di mana-mana negeri dan dalam mana-mana generasi manusia. Kewujudan agama Islam di mana-mana negeri itu sendiri merupakan satu kemarahan dan ketakutan kepada musuh-musuh agama ini dan musuh-musuh kaum Muslimin di setiap zaman. Agama Islam itu sendiri menyakiti mereka, menyebabkan mereka marah dan takut. Islam mempunyai kekuatan dan keteguhan yang ditakuti oleh setiap pembohong, dan digeruni oleh setiap yang zalim dan dibenci oleh setiap manusia perosak. Islam itu sendiri merupakan satu peperangan dengan segala apa yang dibawa olehnya, iaitu kebenaran yang jelas, cara hidup yang lurus dan sistem hidup yang sihat. Dengan ini semua, Islam merupakan satu peperangan menentang kebatilan, kezaliman dan kerosakan. Oleh sebab itu para pendusta, orang-orang yang zalim dan manusia-manusia perosak tidak sanggup berdepan dengan Islam dan oleh sebab itulah juga mereka mengintip penganut-penganutnya untuk ditindas supaya meninggalkan agama itu dan mengembalikan mereka semula menjadi kafir di dalam mana-mana bentuk dari berbagai-bagai bentuk kufur, kerana mereka tidak merasa aman melakukan kebatilan, kezaliman dan kerosakan selagi ada di bumi ini golongan Muslimin yang beriman dengan agama ini dan mengikut cara hidupnya dan hidup dengan sistem ini.

Musuh-musuh kaum Muslimin itu menggunakan berbagai-bagai cara dan alat peperangan, tetapi matlamat mereka hanya satu sahaja, iaitu mereka mahu memalingkan orang-orang Islam yang benar itu dari agama mereka jika mereka mampu berbuat demikian. Patah sebilah pedang di tangan, mereka hunus pedang yang lain pula. Tumpul satu alat di tangan, mereka asah alat yang lain pula. Amaran yang benar dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya setiap waktu mengingatkan kaum Muslimin dari menyerah kalah dan mengingatkan mereka terhadap bahaya, serta menyeru mereka supaya sabar menghadapi tipu daya

musuh dan sabar menghadapi peperangan. Jika tidak, mereka akan menerima kerugian dunia dan Akhirat, dan akan menerima 'azab yang tidak dapat ditolak dengan sebarang keuzuran dan alasan:

وَمَن يَرْتَدِدْ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢١٧﴾

"Dan sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya lalu dia mati dalam keadaan kafir, maka merekalah orang-orang yang sia-sia segala amalan mereka di dunia dan di Akhirat dan merekalah penghuni Neraka yang kekal abadi di dalamnya."(217)

Kata-kata "حبطت" berasal dari حبطت الناقة apabila unta itu makan rumput beracun menyebabkan perutnya kembung yang membawa maut. Al-Qur'an menggunakan kata-kata ini untuk menggambarkan kesesiaan-kesesiaan amalan, dan dengan ini selaraslah pengertian fizikal dengan pengertian mental, iaitu pemandangan amalan yang batil yang menggelembung dan kembung dan akhirnya membawa maut dan kemusnahan itu selaras dengan pemandangan unta yang kembung perutnya dan akhirnya mati dengan penyakit kembung itu.

Hukum Murtad Dari Agama Islam

Sesiapa yang murtad dari agama Islam setelah ia mengecapi dan mengenali Islam kerana diganggu dan ditindas - biar bagaimana hebat sekalipun - maka ia akan menerima nasib kesudahannya yang telah ditentukan Allah iaitu kesesiaan amalan mereka di dunia dan di Akhirat dan mendapat 'azab yang berkekalan di dalam Neraka.

Hati yang telah mengecapi dan mengenali Islam tidak mungkin sekali-kali murtad darinya dengan kemurtadan yang haqiqi kecuali hati itu telah rosak hingga ke tahap yang tidak dapat dibaiki lagi. Murtad bukannya langkah keselamatan untuk menghindari tindasan yang sampai ke tahap di luar kemampuan. Allah Maha Pengasih. Dia membenarkan seseorang Muslim yang tidak mampu menanggung keseksaan supaya menyelamatkan dirinya dengan berpura-pura keluar dari agama itu, tetapi hatinya tetap kekal dengan Islam dan yakin dengan keimanan, tetapi Allah tidak sekali-kali membenarkan seseorang itu kembali kepada kekafiran yang haqiqi atau murtad dengan kemurtadan yang haqiqi sehingga ia mati dalam keadaan kafir. Dipohon perlindungan dari Allah.

Amaran dari Allah ini tetap berkuatkuasa sehingga akhir zaman. Seorang Muslim tidak dibenarkan tunduk kepada keseksaan dan penindasan dengan meninggalkan agama dan kepercayaannya atau dengan murtad dari keimanan dan keislamannya dan meninggalkan agama yang benar yang dikecapi dan dikenalinya. Di sana ia harus berjuang, harus bertahan dengan gigih dan sabar sehingga diizinkan Allah, kerana Allah tidak membiarkan para hamba yang beriman dengannya dan sabar menanggung penderitaan kerana agamanya. Dialah yang akan menggantikan kebaikan kepada mereka iaitu salah satu dari dua balasan yang terbaik, kemenangan atau mati syahid.

Allah sentiasa menyediakan rahmat-Nya yang diharapkan oleh mereka yang ditindas kerana agama Allah, dan setiap Mu'min yang hatinya dipenuhi keimanan tidak akan berputus asa dari rahmat Allah itu:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah dan berjihad kerana Sabilullah merekalah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(218)

Harapan seseorang Mu'min terhadap rahmat Allah tidak sekali-kali dikecewakan Allah. Kumpulan Mu'minin yang ikhlas kepada Allah dan sanggup berhijrah meninggalkan negeri ' Mekah telah mendengar janji yang benar ini, lalu mereka berjihad untuk Sabilullah sehingga Allah memenuhi janji-Nya terhadap mereka dengan memberi kemenangan atau penghormatan mati syahid, dan kedua-duanya merupakan kebaikan dan rahmat belaka. Mereka telah berjaya mendapat keampunan Allah dan rahmat-Nya:

وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾

"Dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(218)

Itulah jalan para Mu'minin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 219 - 220)

Kemudian ayat yang berikut menerangkan kepada kaum Muslimin hukum arak dan berjudi. Kedua-duanya merupakan keni'matan-keni'matan hidup yang amat disukai oleh orang-orang Arab pada masa mereka belum lagi mempunyai minat dan cita-cita yang tinggi, yang dapat mereka habiskan kegiatan-kegiatan mereka, atau belum lagi mempunyai minat dan cita-cita yang tinggi yang melibatkan seluruh perasaan mereka dan menelan seluruh waktu mereka.

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ

"Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan Judi. Jawablah: Kedua-duanya mengandungi dosa besar dan manfa'at-manfa'at kepada manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfa'at keduanya."

Hukum Arak Dan Judi

Sehingga kepada waktu ini belum lagi diturunkan hukum mengharamkan arak dan judi tetapi tidak ada pula satu nas di dalam Al-Qur'an yang menghalalkan kedua-duanya. Malah Allah membimbing kelompok Muslimin yang baru itu selangkah demi selangkah ke jalan yang dikehendaki oleh-Nya. Allah menciptakan kelompok ini di bawah perhatian-Nya untuk memainkan peranan yang telah ditentukan untuk mereka. Dan peranan yang amat besar ini tentulah tidak sesuai dengan kegiatan membuang waktu di dalam penagihan arak dan permainan judi. Ia tidak selaras dengan kerja-kerja membuang umur, membuang masa sedar dan membuang tenaga yang dilakukan oleh orang-orang yang kosong dari pekerjaan, iaitu orang-orang yang asyik memuaskan keni'matan nafsu mereka sahaja atau orang-orang yang diburu oleh kekosongan hidup lalu mereka penuhkannya dengan kemabukan dengan menagih arak dan bermain judi, atau mereka diburu oleh jiwa mereka lalu mereka melarikan diri di dalam arak dan judi sebagaimana dilakukan oleh orang-orang yang hidup di dalam jahiliyah dahulu, sekarang dan masa akan datang. Tetapi dalam menjalankan cara pendidikannya terhadap jiwa manusia, Islam bertindak dengan perlahan-lahan, selesa dan hati-hati.

Ayat yang kita sedang bicarakan sekarang ini merupakan langkah pertama dari langkah-langkah pengharaman. Segala benda dan segala perbuatan kadang-kadang tidak semuanya tidak baik belaka. Yang baik kadang-kadang bercampur dengan yang tidak baik dan yang tidak baik bercampur dengan yang baik di bumi ini, tetapi yang menjadi asas halal dan haram ialah wujudnya lebih banyak kebaikan atau wujudnya lebih banyak kejahatan dan jika dosa (keburukan) dalam penagihan arak dan permainan judi itu lebih besar dari manfa'atnya, maka itulah sebab pengharaman dan larangan walaupun tidak dijelaskan di sini dengan lafaz pengharaman dan larangan.

Di sini kelihatan jelas kepada kita sebahagian dari cara pendidikan Islam atau pendidikan Al-Qur'an atau pendidikan Rabbani Yang Maha Bijaksana, iaitu cara pendidikan yang dapat diselidiki dalam kebanyakan syari'at-syari'atnya, fardhu-fardhunya dan arahan-arahannya. Kami ingin sentuhkan di sini satu dasar dari dasar-dasar cara pendidikan Islam ini sehubungan dengan pembicaraan mengenai arak dan judi.

Apabila sesuatu perintah atau larangan itu bergantung dengan mana-mana dasar dari dasar-dasar kepercayaan keimanan atau dengan sesuatu masalah i'tiqad, maka Islam telah memutuskan dengan keputusan yang tegas sejak detik permulaan lagi.

Cara Islam Menghadapi Persoalan Adat Dan 'Aqidah

Tetapi apabila sesuatu perintah atau larangan itu bergantung dengan sesuatu adat atau tradisi atau dengan sesuatu kedudukan sosial yang rumit, maka Islam bertindak dengan hati-hati. Ia menghadapi persoalan itu dengan cara yang mudah, lemah-lembut dan beransur-ansur. Ia menyediakan keadaan-keadaan realiti yang sesuai yang dapat memudahkan pelaksanaan hukum itu dan memudahkan mereka menta'ati dan mematuhinya.

Apabila persoalan merupakan persoalan Tauhid atau syirik, maka Islam telah menyelesaikan persoalan itu sejak dari detik yang awal lagi. Ia menetapkan keputusannya yang tegas, tanpa teragak-agak, tanpa mengambil hati, tanpa tawar-menawar dan tanpa pertemuan di separuh jalan, kerana persoalan yang terbabit di sini ialah persoalan dasar pokok kepercayaan dan kefahaman. Tanpa dasar ini keimanan tidak mungkin wujud dan Islam tidak mungkin ditegakkan.

Adapun dalam persoalan arak dan judi, maka persoalan ini adalah suatu persoalan adat kebiasaan yang memerlukan kepada pengubatan dan rawatan. Oleh sebab itu Islam mulakan dengan menggerakkan kesedaran agama dan logik perundangan di dalam hati kaum Muslimin, iaitu dengan menjelaskan bahawa dosa atau keburukan di dalam arak dan judi itu adalah lebih besar dari manfa'atnya, dan ungkapan ini (secara tidak langsung) menyarankan bahawa meninggalkan arak dan judi itu adalah lebih baik. Kemudian datang pula langkah yang kedua disusulkan dengan ayat Surah an-Nisa':

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat sedangkan kamu mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang kamu kata."

(Surah An-Nisa' : 43)

Masa solat di dalam lima waktu itu kebanyakannya berdekat-dekatan, dan ruang waktu kosong yang wujud di antara solat-solat itu tidak cukup untuk mabuk dan siuman dan kesan perintah ini telah menyempitkan peluang untuk melakukan adat kebiasaan minum arak dan telah memecahkan adat kebiasaan ketagihan minum yang ditetapkan pada waktu-waktu yang tertentu, kerana biasanya seorang penagih merasa ketagih kepada arak atau kepada dadah di waktu-waktu tertentu yang menjadi waktu kebiasaannya minum arak. Apabila ia tidak dapat minum hingga melampaui waktu kebiasaan ini berulang-ulang kali, maka kekuatan ketagihannya yang biasa itu akan berkurangan dan perlahan-lahan dapat diatasi. Setelah dua langkah ini sempurna dipatuhi, maka barulah datang larangan yang tegas mengharamkan arak dan judi:

إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَٰمُ رِجْسٌ مِّنْ

عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

"Sesungguhnya arak dan judi, berhala-berhala dan mengundi nasib dengan azlam adalah semuanya kotor dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu men-jauhinya supaya kamu mendapat keberuntungan."

(Surah al-Ma'idah : 90)

Cara Islam Menghapuskan Adat Perhambaan

Adapun perkara hamba abdi pula, maka persoalan ini adalah persoalan kedudukan sosial dan ekonomi, persoalan tradisi antarabangsa yang membolehkan memperhambakan tawanan-tawanan dan mengguna-kan hamba abdi. Kedudukan sosial yang rumit itu memerlukan kepada satu perubahan yang menyeluruh yang membabitkan nilai-nilai dan perhubungan-perhubungannya sebelum diubahkan gejala-gejalanya yang lahir dan kesan-kesannya. Adat dan tradisi antarabangsa itu memerlukan kepada persetujuan-persetujuan dan perjanjian-perjanjian antarabangsa. Islam tidak pernah menyuruh melakukan perhambaan dan di dalam Al-Qur'an tidak terdapat satu pun ayat yang menyuruh memperhambakan tawanan-tawanan perang. Tetapi Islam datang dan dapati perhambaan telah menjadi satu peraturan antarabangsa. Begitu juga ia dapati amalan memperhamba-kan orang-orang tawanan perang itu sebagai suatu tradisi antarabangsa yang diterima dan diamal oleh semua pihak yang berperang. Oleh sebab itu Islam pastilah bertindak perlahan-lahan untuk menangani kedudukan sosial yang ada di masa itu dan menangani peraturan antarabangsa yang menyeluruh.

Islam telah memilih langkah mengeringkan sumber-sumber perhambaan sehingga peraturan perhambaan ini perlahan-lahan berakhir kepada penghapusan tanpa menimbulkan kegemparan sosial yang tidak dapat dikawal. Islam memilih langkah itu di samping mengadakan jaminan-jaminan hidup yang munasabah kepada hamba abdi dan jaminan terhadap kehormatan insaniyah dalam batasnya yang luas.

Islam mula dengan mengeringkan sumber-sumber perhambaan yang lain dari tawanan-tawanan perang yang sah dan keturunan hamba-hamba abdi. Ini disebabkan kerana masyarakat-masyarakat yang memusuhi Islam memper-hambakan tawanan-tawanan Islam mengikut tradisi yang dihormati di masa itu. Dan di waktu itu Islam belum lagi berupaya untuk memaksa masyarakat-masyarakat yang memusuhinya supaya melanggar tradisi itu, iaitu suatu tradisi yang menjadi prinsip sistem sosial dan ekonomi di seluruh dunia. Andainya Islam bertindak menghapus peraturan memperhambakan tawanan-tawanan perang, maka langkah itu hanya membabitkan tawanan-tawanan (kafir) yang berada di dalam tangan orang-orang Islam sahaja, sedangkan orang-orang Islam yang menjadi tawanan-tawanan (di tangan orang-orang kafir) tetap akan menerima nasib mereka yang buruk di alam perhambaan di sana. Dan kedudukan yang seperti ini akan membuat musuh-musuh Islam lebih tamak dan bernafsu terhadap orang-orang Islam. Dan andainya Islam bertindak membebaskan semua keturunan hamba abdi yang ada pada masa itu sebelum diatur kedudukan ekonomi negara Islam dan sekalian rakyat jelatanya, tentulah hamba-hamba abdi itu akan tinggal terbiar tanpa mempunyai sumber pencarian rezeki, tanpa penjaga dan pemelihara dan tanpa wujudnya hubungan kekeluargaan yang dapat melindungkan mereka dari kemiskinan dan keruntuhan akhlak yang merosakkan kehidupan masyarakat Islam yang masih muda itu. Namun demikian Al-Qur'an tidak pernah memberi nas yang membenarkan tindakan memperhambakan orang-orang tawanan, malah Al-Qur'an menjelaskan:

فَإِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَضَرْبَ ٱلرِّقَابِ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَثْخَنتُمُوهُمْ فَشُدُّوا۟ ٱلْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنًّۢا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَآءً حَتَّىٰ تَضَعَ ٱلْحَرْبُ أَوْزَارَهَا

"Oleh itu apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir (di medan pertempuran) maka pancunglah leher mereka sehingga apabila kamu dapat membunuh mereka dengan banyak dan mengalahkan mereka, maka ikatlah mereka dengan kuatnya (tawankan mereka dan setelah itu terserahlah kepada kamu) sama ada membebaskan mereka atau menerima tebusan dari mereka sehingga peperangan itu selesai."

(Surah Muhammad : 4)

Tetapi Al-Qur'an juga tidak memberi nas yang melarangkan tindakan memperhambakan orang-orang tawanan perang, dan meninggalkan perkara ini kepada budi bicara kerajaan Islam menangani tawanan-tawanan perangnya mengikut kehendak-kehendak keadaan, iaitu seperti melakukan tebus menebus tawanan di antara dua pihak, melakukan pertukaran tawanan di antara dua pihak dan memperhambakan tawanan-tawanan yang patut diperhambakan mengikut keadaan-keadaan yang menjadi realiti dalam peraturan layanan terhadap musuh-musuh yang berperang dengannya.

Dengan langkah mengeringkan berbagai-bagai sumber perhambaan yang amat banyak itu bilangan hamba itu menjadi kecil, dan Islam terus berusaha membebaskan bilangan yang kecil sebaik sahaja mereka bergabung dalam jamaah Muslimin dan memutuskan hubungan mereka dengan khemah-khemah yang berseteru dengan kaum Muslimin. Islam memberi hak yang sempurna kepada hamba abdi untuk menuntut kebebasan dirinya dengan mengadakan bayaran tebusan diri yang tertentu dengan 'aqad mukatabah dengan tuanmasnya. Dan sejak sa'at ia mahu mendapatkan kebebasan dirinya itu, ia memiliki kebebasan bekerja, kebebasan mencari makan dan memilik harta, di mana ia dapat memilik upah kerja-kerja yang dibuat olehnya dan dia boleh bekerja di luar perkhidmatan tuanmasnya untuk mendapat wang tebusan dirinya. Ini bererti ia

mempunyai kewujudan yang bebas dan mendapat asas-asas kebebasan yang terpenting. Di samping itu dia berhak mendapat habuan zakat dari Baitul-Mal kaum Muslimin, dan kaum Muslimin pula ditaklifkan supaya memberi bantuan kewangan kepadanya untuk membolehkannya mengambil balik kemerdekaannya. Semuanya ini tidak termasuk denda-denda kifarat yang mewajibkan pembebasan seseorang hamba seperti dalam setengah-setengah kes tersalah bunuh, fidyah sumpah, kifarat zihar, dan dengan langkah-langkah yang seperti ini kedudukan perhambaan lama kelamaan berakhir secara tabi'i, sedangkan langkah menghapuskan perhambaan sekaligus itu boleh membawa kepada suatu kegemparan yang tidak perlu dan kepada suatu kerosakan dan kekacauan di dalam masyarakat yang boleh dihindari.

Gejala bertambah ramainya jumlah hamba abdi selepas itu di dalam masyarakat Islam adalah berlaku akibat penyelewengan dari sistem hidup Islam yang berlangsung sedikit demi sedikit. Inilah hakikat yang sebenar. Tetapi dasar-dasar Islam tidak bertanggungjawab terhadap gejala ini. Ia tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas Islam yang tidak dapat menjalankan dasar-dasar itu dengan betul di setengah-setengah masa kerana penyelewengan kaum Muslimin dari sistem hidup Islam sama ada banyak atau sedikit. Dan menurut pandangan Islam dari segi sejarah yang telah kami huraikan sebelum ini, segala peraturan yang berlaku akibat penyelewengan-penyelewengan ini tidak boleh dianggap sebagai peraturan-peraturan Islamiyah, dan tidak boleh dianggap sebagai mata-mata kesinambungan rantai di dalam sejarah Islam, kerana Islam tidak pernah berubah dan tidak ada dasar-dasar baru yang ditambahkan kepada dasar-dasarnya yang telah sedia ada, yang berubah ialah pemeluk-pemeluknya. Mereka telah berjauhan darinya dan ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mereka, dan mereka sendiri tidak lagi merupakan mata rantai kesinambungan dalam sejarah Islam.

Apabila ada orang yang mahu memulakan semula kehidupan Islamiyah, maka ia tidak boleh memulakannya dari titik di mana berakhirnya masyarakat-masyarakat yang menghubungkan dirinya dengan Islam di sepanjang sejarah, malah ia harus mulakannya dengan mengambil secara langsung dari sumber-sumber Islam yang betul.

Hakikat ini amat penting sama ada dari segi penentuan teori atau dari segi perkembangan harakat 'aqidah Islamiyah dan sistem hidup Islam. Kami tegaskan hakikat ini bagi kali yang keduanya di dalam juzu' ini sesuai dengan pembicaraan ini, kerana kami dapati terlalu banyak kekeliruan dan kesilapan dalam memahami teori sejarah Islam dan dalam memahami realiti sejarah Islam, juga terlalu banyak kekeliruan dan kesilapan di dalam memahami kehidupan Islamiyah yang sebenar dan harakat Islamiyah yang sahih terutama di dalam kajian-kajian yang dibuat oleh orientalis-orientalis mengenai sejarah Islam. Dan orang-orang yang terpengaruh kepada methodologi orientatis yang salah dalam memahami sejarah Islam ini termasuklah setengah-setengah pengkaji yang ikhlas yang telah tertipu.

* * * * * *

Kemudian kita ikuti bersama ayat yang berikut penjelasan mengenai dasar-dasar Islam dalam menghadapi pertanyaan-pertanyaan ini:

وَيَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلِ ٱلْعَفْوَ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْـَٔايَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ .... ﴿٢٢٠﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang kadar perbelanjaan yang harus dibelanjakan mereka. Jawablah: Yang lebih dari keperluan (kamu), demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat kepada kamu supaya kamu berfikir dalam urusan dunia dan Akhirat."(219-220)

Antara Zakat Dan Infaq

Dahulu mereka telah bertanya sekali: Apakah perbelanjaan yang harus dibelanja mereka. Lalu diberi jawapan dari segi jenis perbelanjaan dan pihak yang diberikan perbelanjaan itu, tetapi di sini diberi jawapan dari segi kadar dan taraf perbelanjaan itu. Kata-kata "العفو" bererti sesuatu yang lebih, iaitu harta yang lebih dari perbelanjaan peribadi yang tidak bersifat mewah dan megah itulah yang harus dibelanja atau diinfaqkan dengan mengutamakan yang paling dekat kemudian yang dekat kemudian barulah orang lain yang jauh sebagaimana telah kami ulaskan sebelum ini. Zakat sahaja tidak memadai, tetapi ayat ini tidaklah memansukhkan ayat zakat dan tidak pula mentakhsiskannya. Menurut pendapat saya zakat itu tidak membersihkan tanggungan seseorang melainkan menggugurkan fardhunya sahaja, sedangkan arahan supaya mengeluarkan infaq tetap wujud. Zakat merupakan hak Baitul-Mal kaum Muslimin yang dipungut oleh kerajaan yang menjalankan syari'at Allah dan membelanjakannya ke saluran-salurannya yang tertentu, tetapi selepas itu kewajipan seseorang terhadap Allah dan para hamba Allah masih tetap wujud, kerana zakat tidak dapat menghabiskan seluruh harta lebihan, sedangkan harta lebihan itulah yang seharusnya dibelanjakan mengikut nas yang terang ini dan kerana sabda Rasulullah s.a.w.:

فى المال حق سوى الزكاة

"Di dalam harta (seseorang itu) ada hak yang lain dari zakat"[10]

---

10 *Dari riwayat Syuraik daripada Abi Hamzah daripada Amir daripada Fatimah binti Qais daripada Nabi s.a.w. dinukil oleh al-Imam al-Jassas di dalam kitanya: Ahkam al-Qur'an.*

iaitu yang kadang-kadang ditunaikan oleh seseorang untuk mencari keredhaan Allah. Inilah yang lebih sempurna dan lebih elok. Dan andainya ia tidak tunaikan hak ini, sedangkan kerajaan Islam yang menjalankan syari'at Islam memerlukan kepada wang itu, maka bolehlah ia mengambilnya dan membelanjakannya untuk faedah kaum Muslimin agar harta itu tidak hilang di dalam kemewahan yang merosakkan kehidupan atau tidak tertahan dari kegiatan muamalah atau disimpan sia-sia sahaja.

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُمْ
تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۗ

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat kepada kamu supaya kamu berfikir dalam urusan dunia dan Akhirat."(219-220)

Kewajipan Berfikir Dalam Urusan Dunia Dan Akhirat

Kenyataan ini untuk menggalakkan manusia berfikir di dalam urusan dunia dan Akhirat, kerana kegiatan berfikir dalam urusan dunia sahaja tidak dapat memberi kepada akal dan hati manusia gambaran yang sempurna tentang hakikat kewujudan manusia dan tentang hakikat hidup, taklif-taklifnya dan hubungan-hubungannya. Juga tidak dapat mewujudkan satu gambaran yang betul bagi peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan. Dunia merupakan separuh hidup yang paling dekat dan paling pendek. Oleh sebab itu pembinaan perasaan dan perilaku di atas perhitungan separuh hidup yang pendek itu tidak akan membawa selama-lamanya kepada satu kefahaman dan pemikiran yang betul, dan tidak pula membawa kepada perilaku yang betul. Persoalan infaq itu sendiri memerlukan kepada perhitungan dunia dan Akhirat. Kekurangan harta seseorang dengan sebab infaq itu akan dipulangkan semula kepadanya dalam bentuk kesucian hati dan kebersihan perasaannya, juga akan dipulangkan semula kepadanya dalam bentuk kebaikan, keharmonian dan kedamaian masyarakat yang menjadi arena hidupnya, tetapi semuanya ini mungkin tidak dapat diperhatikan oleh setiap individu. Di waktu inilah kesedaran terhadap Akhirat, segala balasannya, nilai-nilainya dan neraca-neracanya memberat-kan daun neraca infaq dan membuat hati Mu'min yakin dan tenteram kepadanya, dan membuat neraca di tangannya betul dan tidak menjadi berat dengan nilai-nilai palsu yang mempunyai cahaya yang menarik.

* * * * * *

فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۗ وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْيَتَٰمَىٰ ۖ قُلْ إِصْلَاحٌ
لَّهُمْ خَيْرٌ ۖ وَإِن تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ
ٱلْمُفْسِدَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَعْنَتَكُمْ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٠﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak-anak yatim jawablah: Memperbaiki keadaan hidup mereka adalah suatu amalan yang baik. Dan jika kamu campurkan (makanan dan minuman kamu dengan makanan dan minuman) mereka, (maka tiada apa-apa kesalahan kepada kamu) kerana mereka adalah saudara-saudara kamu, dan Allah mengetahui orang yang merosak tidak jujur dari orang yang membuat kebaikan (jujur) dan andainya Allah kehendaki tentulah Dia mengenakan tugas-tugas yang berat ke atas kamu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(220)

Dasar Takaful Sosial

Dasar takaful sosial itulah dasar masyarakat Islam. Kaum Muslimin diwajibkan menjaga kepentingan-kepentingan golongan yang lemah di dalam masyarakat. Anak-anak yatim yang kehilangan bapa mereka dan masih kecil merupakan golongan yang lebih utama mendapat perhatian dan perlindungan kaum Muslimin terhadap keselamatan diri dan harta mereka. Dahulu setengah-setengah penjaga anak-anak yatim itu mencampurkan makanan anak-anak yatim dengan makanan mereka dan harta-harta anak-anak yatim dengan harta mereka untuk sama-sama dilaburkan di dalam perniagaan menyebabkan kadang-kadang berlaku penganiayaan terhadap anak-anak yatim, lalu turun ayat-ayat yang menakutkan mereka dari memakan harta anak-anak yatim. Sejak itu orang-orang yang bertaqwa merasa keberatan (untuk makan bersama anak-anak yatim) hingga mereka asingkan makanan anak-anak yatim dari makanan mereka. Ada orang yang memelihara anak yatim. Lalu ia memberi makan kepadanya dengan hartanya dan jika makanan itu lebih atau berbaki, maka disimpan semula supaya dapat dihidangkan kepadanya sekali lagi dan jika makanan itu rosak, maka ia terus dibuang. Langkah memberat-berat seperti ini bukanlah dari ajaran Islam di samping ianya kadang-kadang merugikan anak-anak yatim. Oleh sebab itulah Al-Qur'an sekali lagi mengembalikan kaum Muslimin kepada sikap yang sederhana dan menggunakan cara yang mudah dalam menghadapi perkara ini, dan mencari kebaikan untuk anak-anak yatim dan bertindak dalam batas-batas yang mendatangkan muslihat kepada mereka. Mengusahakan kebaikan-kebaikan untuk anak-anak yatim itu lebih baik dari berasing dari mereka, kerana tidak ada apa-apa kesalahan dalam percampuran dengan mereka selama percampuran itu mendatangkan kebaikan kepada mereka. Anak-anak yatim itu adalah sama seperti saudara-saudara kepada para penjaga mereka. Mereka adalah saudara seagama dalam Islam. Mereka adalah anggota-anggota dalam keluarga Islam yang besar, dan Allah mengetahui sesiapa yang membuat kerosakan dan sesiapa yang membuat kebaikan. Yang menjadi asas pegangan bukannya tindakan-tindakannya yang lahir, tetapi ialah niat dan hasilnya. Dan Allah tidak mahu menyusahkan kaum Muslimin dalam taklif-taklif yang dikenakan ke atas mereka. Dan andainya Allah

kehendaki tentulah Dia mewajibkan taklif yang menyusahkan mereka, tetapi Allah tidak kehendaki kerana Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana. Allah Maha Kuasa di atas segala apa yang dikehendaki oleh-Nya, tetapi Allah Maha Bijaksana. Dia tidak menghendaki melainkan kebajikan kemudahan dan kebaikan.

Demikianlah segala urusan ini dihubungkan kepada Allah dan diikatkan pada paksinya yang kukuh di mana berlegarnya 'aqidah dan hayat. Inilah kelebihan perundangan yang diasaskan di atas 'aqidah. Oleh itu jaminan pelaksanaan undang-undang selama-lamanya tidak datang dari luar andainya ia tidak tercetus dan bertunjang di dasar-dasar hati nurani.....

(Kumpulan ayat-ayat 221 - 242)

وَلَا تَنكِحُوا۟ ٱلْمُشْرِكَٰتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَّ ۚ وَلَأَمَةٌ
مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّن مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ ۗ وَلَا
تُنكِحُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا۟ ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّن
مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ ۖ
وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلْجَنَّةِ وَٱلْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِۦ ۖ وَيُبَيِّنُ
ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾
وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَٱعْتَزِلُوا۟
ٱلنِّسَآءَ فِى ٱلْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ
فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾
نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ ۖ
وَقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُم
مُّلَٰقُوهُ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٢٣﴾
وَلَا تَجْعَلُوا۟ ٱللَّهَ عُرْضَةً لِّأَيْمَٰنِكُمْ أَن تَبَرُّوا۟ وَتَتَّقُوا۟
وَتُصْلِحُوا۟ بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٤﴾
لَّا يُؤَاخِذُكُمُ ٱللَّهُ بِٱللَّغْوِ فِىٓ أَيْمَٰنِكُمْ وَلَٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا
كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٢٥﴾
لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِن
فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾
وَإِنْ عَزَمُوا۟ ٱلطَّلَٰقَ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾
وَٱلْمُطَلَّقَٰتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَٰثَةَ قُرُوٓءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ
لَهُنَّ أَن يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِىٓ أَرْحَامِهِنَّ إِن كُنَّ يُؤْمِنَّ
بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِى ذَٰلِكَ
إِنْ أَرَادُوٓا۟ إِصْلَٰحًا ۚ وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ
بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾
ٱلطَّلَٰقُ مَرَّتَانِ ۖ فَإِمْسَاكٌۢ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌۢ بِإِحْسَٰنٍ ۗ
وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَأْخُذُوا۟ مِمَّآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْـًٔا إِلَّآ
أَن يَخَافَآ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا
حُدُودَ ٱللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا ٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ تِلْكَ حُدُودُ
ٱللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٢٩﴾
فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُۥ مِنۢ بَعْدُ حَتَّىٰ تَنكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُۥ ۗ
فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَآ أَن يَتَرَاجَعَآ إِن ظَنَّآ
أَن يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ ۗ وَتِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ
يَعْلَمُونَ ﴿٢٣٠﴾
وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ
بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ ۚ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ
ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا۟ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُۥ ۚ وَلَا
تَتَّخِذُوٓا۟ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ هُزُوًا ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ
وَمَآ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْحِكْمَةِ يَعِظُكُم بِهِۦ ۚ وَٱتَّقُوا۟

ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٣١﴾
وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ
أَن يَنكِحْنَ أَزْوَٰجَهُنَّ إِذَا تَرَٰضَوْا۟ بَيْنَهُم بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ
ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ مِنكُمْ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ
ذَٰلِكُمْ أَزْكَىٰ لَكُمْ وَأَطْهَرُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٢﴾
وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَنْ أَرَادَ أَن
يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ ۚ وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُۥ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ
بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَا تُضَآرَّ
وَٰلِدَةٌۢ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَّهُۥ بِوَلَدِهِۦ ۚ وَعَلَى ٱلْوَارِثِ مِثْلُ
ذَٰلِكَ ۗ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْهِمَا ۗ وَإِنْ أَرَدتُّمْ أَن تَسْتَرْضِعُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُم مَّآ ءَاتَيْتُم بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ وَٱتَّقُوا۟
ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾
وَٱلَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَٰجًا يَتَرَبَّصْنَ
بِأَنفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِىٓ أَنفُسِهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ
وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٣٤﴾
وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُم بِهِۦ مِنْ خِطْبَةِ
ٱلنِّسَآءِ أَوْ أَكْنَنتُمْ فِىٓ أَنفُسِكُمْ ۚ عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمْ
سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَٰكِن لَّا تُوَاعِدُوهُنَّ سِرًّا
إِلَّآ أَن تَقُولُوا۟ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ۚ وَلَا تَعْزِمُوا۟ عُقْدَةَ
ٱلنِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ ٱلْكِتَٰبُ أَجَلَهُۥ ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ
ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ فَٱحْذَرُوهُ ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟
أَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٣٥﴾
لَّا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ مَا لَمْ تَمَسُّوهُنَّ
أَوْ تَفْرِضُوا۟ لَهُنَّ فَرِيضَةً ۚ وَمَتِّعُوهُنَّ عَلَى ٱلْمُوسِعِ
قَدَرُهُۥ وَعَلَى ٱلْمُقْتِرِ قَدَرُهُۥ مَتَٰعًۢا بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى
ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾
وَإِن طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ
لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ إِلَّآ أَن يَعْفُونَ
أَوْ يَعْفُوَا۟ ٱلَّذِى بِيَدِهِۦ عُقْدَةُ ٱلنِّكَاحِ ۚ وَأَن تَعْفُوٓا۟ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَلَا تَنسَوُا۟ ٱلْفَضْلَ بَيْنَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ
بَصِيرٌ ﴿٢٣٧﴾
حَٰفِظُوا۟ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ
وَقُومُوا۟ لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾
فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا ۖ فَإِذَآ أَمِنتُمْ
فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا۟
تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾
وَٱلَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنكُمْ وَيَذَرُونَ
أَزْوَٰجًا وَصِيَّةً لِّأَزْوَٰجِهِم مَّتَٰعًا إِلَى ٱلْحَوْلِ
غَيْرَ إِخْرَاجٍ ۚ فَإِنْ خَرَجْنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِى
مَا فَعَلْنَ فِىٓ أَنفُسِهِنَّ مِن مَّعْرُوفٍ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ ﴿٢٤٠﴾
وَلِلْمُطَلَّقَٰتِ مَتَٰعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾
كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ
تَعْقِلُونَ ﴿٢٤٢﴾

"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman dan sesungguhnya hamba perempuan yang beriman itu lebih baik dari perempuan yang musyrik walaupun ia menarik hati

kamu. Dan janganlah kamu kahwinkan (perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki musyrik sehingga mereka beriman. Sesungguhnya hamba lelaki yang beriman itu lebih baik dari seorang lelaki yang musyrik walaupun ia menarik hati kamu. Mereka (orang-orang yang musyrik itu) mengajak (kamu) ke Neraka, sedangkan Allah mengajak (kamu) ke Syurga dan kepada keampunan dengan keizinan-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran(221). Dan mereka bertanya kepadamu tentang hukum haidh. Jawablah: Haidh itu suatu kekotoran. Oleh itu jauhilah diri dari perempuan semasa haidh. Dan janganlah kamu dekati mereka (untuk bersetubuh) sehingga mereka suci dan apabila mereka suci maka datangilah mereka mengikut jalan yang diperintahkan Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah kasihkan orang yang banyak bertaubat dan kasihkan orang-orang yang hemat membersihkan diri(222). Isteri-isteri kamu laksana sawah bendang kamu. Oleh itu datangilah sawah bendang kamu dari mana sahaja kamu sukai dan sediakanlah (amalan-amalan yang baik) untuk diri kamu dan bertaqwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawa kamu tetap akan menemui Allah dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang Mu'min(223). Dan janganlah kamu jadikan Allah dalam sumpah kamu sebagai penghalang yang menghalangi kamu daripada berbuat kebaikan dan bertaqwa serta mendamaikan di antara manusia. Dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(224). Allah tidak mempersalahkan kamu dengan sumpah kamu yang tidak dimaksudkan itu, tetapi Allah mempersalahkan kamu dengan sumpah yang memang dirancangkan oleh hati kamu dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Sabar(225). Kepada orang-orang yang bersumpah tidak mahu mencampuri isteri-isteri mereka diberi tempoh selama empat bulan. Jika - selepas itu - mereka kembali (mencampuri isteri mereka) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang(226). Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talaq, maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui(227). Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahankan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga suci (dari haidh) dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan sesuatu yang telah dijadikan Allah di dalam rahim mereka jika benar mereka beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan suami-suami mereka lebih berhak meruju'kan mereka dalam masa 'iddah itu jika mereka mahu berdamai, dan isteri-isteri juga mempunyai hak yang sama seperti kewajipan-kewajipan yang terbeban ke atas mereka mengikut cara yang baik dan bagi kaum lelaki sedarjah lebih tinggi di atas kaum perempuan dan Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(228). Talaq (yang boleh diruju' kembali itu) ialah dua kali. Sesudah itu bolehlah ia memegang isteri itu dengan cara yang baik atau melepaskannya (menceraikannya) dengan cara yang baik. Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu yang telah kamu berikannya kepada isteri-isteri kamu (yang diceraikan itu) kecuali jika kedua-duanya takut tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepada kedua-dua mereka mengenai bayaran tebusan talaq yang diberikan oleh isteri untuk menebuskan dirinya (dan diterima oleh suaminya) itulah batas-batas Allah, oleh itu janganlah kamu melanggarnya dan barang siapa yang melanggar peraturan-peraturan Allah, maka merekalah orang-orang yang zalim(229). Dan jika ia menceraikan isterinya itu (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidaklah halal kepadanya sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain darinya, dan jika suami (yang baru itu) telah menceraikan pula, maka tidak ada apa kesalahan kepada keduanya untuk berkahwin kembali jika mereka fikir dapat menegakkan batas-batas Allah. Dan itulah batas-batas Allah yang dijelaskannya kepada kaum yang mengetahui(230). Dan jika kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu mereka (hampir) sampai tempoh 'iddah mereka, maka bolehlah kamu pegang mereka (ruju') dengan cara yang baik atau melepaskan mereka (ceraikan mereka) dengan cara yang baik dan janganlah kamu pegang mereka (ruju') dengan tujuan mendatangkan kemudharatan kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka)dan sesiapa yang bertindak demikian, bererti ia menganiayai diri sendiri dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat Allah itu sebagai bahan-bahan sendaan dan kenangilah ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu dan (kenangilah) apa yang telah diturunkan ke atas kamu dari kitab suci Al-Qur'an dan ilmu pengetahuan hikmat untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah kamu bahawa Allah itu mengetahui segata sesuatu(231). Dan apabila kamu telah menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu mereka sampai 'iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai para wali) halangi mereka daripada berkahwin semula dengan bekas-bekas suami mereka jika mereka bersetuju sesama mereka dengan cara yang baik. Itulah yang dinasihatkan kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Itulah yang lebih bersih dan lebih suci bagi kamu. Dan Allah itu mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui(232). Dan ibu-ibu itu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu-ibu itu mengikut cara yang baik. Tidaklah ditaklifkan seseorang itu melainkan sekadar kemampuannya. Janganlah seseorang ibu dijadikan menderita dengan sebab anaknya dan janganlah pula seseorang bapa dijadikan menderita kerana anaknya. Dan waris juga menanggung kewajipan yang seperti itu (jika bapa tiada) kemudian apabila keduanya (bapa dan ibu) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan dan rundingan dari keduanya, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada keduanya. Dan jika kamu mahu mengadakan penyusu kepada anak-anak kamu, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu jika kamu serahkan upah yang diberikan kamu dengan cara yang baik. Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu(233). Dan orang-orang yang mati di antara kamu dan meninggalkan isteri-isteri, maka hendaklah isteri-isteri itu menahankan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila mereka sampai tempoh 'iddah mereka, maka tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu tentang apa yang telah dilakukan mereka terhadap diri mereka mengikut cara yang baik. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(234). Dan tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu tentang hasrat yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang (perempuan yang kematian suami dan masih dalam 'iddah itu) atau tentang keinginan yang kamu simpan di dalam hati kamu (untuk berkahwin dengan perempuan itu). Allah telah mengetahui bahawa kamu akan mengingati mereka, tetapi janganlah kamu membuat perjanjian dengan mereka secara sulit kecuali sekadar engkau mengucapkan kata-kata yang baik. Dan janganlah kamu berazam untuk ber'aqad nikah sehingga sampai 'iddah yang telah ditetapkan itu. Dan ketahuilah bahawa Allah mengetahui segala isi hati kamu. Oleh itu hendaklah kamu takuti-Nya dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Sabar(235). Tidak ada apa-apa kesalahan (atau apa-apa maskahwin) di atas kamu

jika kamu menceraikan isteri kamu sebelum kamu menyentuh mereka (mengadakan hubungan kelamin) atau sebelum kamu menentukan maskahwin kepada mereka. Dan hendaklah kamu memberi bayaran saguhati kepada mereka, iaitu di atas orang yang senang mengikut kadar kesenangannya dan di atas orang yang susah mengikut kadar kesusahannya sebagai bayaran saguhati mengikut pertimbangan yang baik yang menjadi kewajipan ke atas orang-orang yang membuat kebaikan(236). Dan jika kamu menceraikan mereka sebelum kamu menyentuh mereka (mengadakan hubungan kelamin) sedangkan kamu telah menentukan maskahwin untuk mereka, maka bayarlah separuh dari jumlah maskahwin yang telah ditentukan itu kecuali mereka (pihak isteri) mema'afkannya atau pihak yang memegang teraju perkahwinan (wali) mema'afkannya dan tindakan kamu berma'af-ma'afan itu adalah lebih dekat kepada (semangat) taqwa. Dan janganlah kamu lupa budi baik yang wujud di antara kamu. Sesungguhnya Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu(237). Peliharalah segala solat dan solat wusta dan berdirilah kerana Allah dengan khusyu' dan patuh(238). Dan jika kamu berada dalam keadaan takut, maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu berada dalam keadaan aman, maka hendaklah kamu menyebut Allah (mendirikan solat dengan sempurna) sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang tidak diketahui oleh kamu(239). Dan orang-orang yang (hampir-hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka iaitu nafkah saguhati selama setahun tanpa mengeluarkan mereka dari (rumah suaminya), tetapi jika mereka keluar, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu tentang apa-apa yang dilakukan mereka terhadap diri mereka dari perbuatan-perbuatan yang baik. Dan Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(240). Dan isteri-isteri yang diceraikan itu berhak mendapat pemberian saguhati dengan kadar yang wajar sebagai suatu kewajipan ke atas orang-orang yang bertaqwa(241). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mengerti."(242).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam pelajaran ini kita berdepan dengan sebahagian undang-undang keluarga, iaitu sebahagian penyusunan tapak asas yang kukuh untuk ditegakkan di atasnya kelompok Muslimin dan masyarakat Islam umumnya. Inilah tapak asas yang diberi perhatian yang berat oleh Islam, yang disusun dengan rapi, dijaga dengan hemat dan dibersihkan dari noda-noda jahiliyah hingga memakan tenaga yang besar yang dapat dilihat bertaburan di sana sini di dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'an. Ia dilingkungi dengan segala teras-teras nilainya yang perlu untuk membangunkan tapak asas yang agung ini.

Sistem kemasyarakatan Islam ialah sebuah sistem kekeluargaan di samping ianya sebuah sistem Rabbani di mana dipeliharakan segala ciri-ciri fitrah insaniyah, keperluan-keperluannya dan teras-teras nilainya.

Sistem kekeluargaan Islam adalah terpancar dari sumber fitrah insan dan asal kejadiannya. Ia terpancar dari dasar penciptaan yang pertama bagi seluruh makhluk yang hidup khususnya, dan seluruh makhluk umumnya. Pandangan ini jelas terdapat di dalam firman Allah:

وَمِن كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan segala sesuatu Kami jadikannya berpasangan supaya kamu mengingati kebesaran Allah."

(Surah az-Zariat : 49)

سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنبِتُ
الْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menciptakan seluruh pasangan makhluk-makhluk dari tumbuh-tumbuhan bumi dan dari kejadian diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang tidak diketahui mereka."

(Surah Yasin : 36)

Kemudian pandangan Islam terhadap insan itu disebut berperingkat-peringkat, mula-mula disebut manusia yang pertama yang darinya lahirnya suami isteri, kemudian disebut zuriat keturunan, kemudian disebut umat manusia seluruhnya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا
اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ
رَقِيبًا ﴿١﴾

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari satu diri (Adam) dan daripadanya Allah ciptakan isterinya (Hawa) dan dari keduanya Allah membiakkan lelaki dan perempuan yang ramai dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu memohon dengan nama-Nya dan peliharalah hubungan rahim. Sesungguhnya Allah amat mengawasi kamu."

(Surah an-Nisa' : 1)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ

"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan suku-suku kaum supaya kamu saling kenal mengenal."

(Surah al-Hujurat : 13)

Kemudian pandangan Islam menerangkan daya tarikan semulajadi yang wujud di antara dua jenis itu, bukan dengan maksud untuk semata-mata memadukan di antara lelaki dan perempuan, tetapi dengan maksud supaya mereka berusaha mendirikan keluarga dan rumahtangga:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا
لِّتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Ia menciptakan isteri-isteri untuk kamu dari jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan tenteram kepada mereka dan Ia jadikan di antara kamu perasaan kasih dan sayang."

(Surah ar-Rum : 21)

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

"Mereka laksana pakaian kamu dan kamu pakaian kepada mereka."

(Surah al-Baqarah : 187)

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ ۖ
وَقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُم
مُّلَـٰقُوهُ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٢٣﴾

"Isteri-isteri kamu laksana sawah bendang kamu. Oleh itu datangilah sawah bendang kamu dari mana sahaja kamu sukai dan sediakanlah amalan-amalan yang baik untuk diri kamu dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu tetap akan menemui Allah dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang Mu'min."

(Surah al-Baqarah : 223)

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنۢ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا

"Dan Allah menjadikan untuk kamu dari rumah-rumah kamu sebagai tempat kediaman."

(Surah an-Nahl : 80)

Fitrahlah yang bekerja dan keluargalah yang memenuhi kehendak fitrah yang amat mendalam ini, iaitu kehendak fitrah yang wujud pada asal alam buana dan pada kejadian insan. Kerana itu peraturan keluarga di dalam Islam merupakan peraturan semulajadi yang terbit dari asal kejadian insan, malah terbit dari asal kejadian segala sesuatu di alam buana ini, iaitu mengikut cara Islam yang mengikatkan peraturan yang diadakan Allah untuk manusia dengan peraturan yang diadakan untuk seluruh alam buana, dan di antaranya termasuk manusia.

Keluarga merupakan tapak semaian semulajadi yang melindungi dan menjaga kanak-kanak yang masih mentah itu. Ia menjaga kesuburan tubuh badan, akal fikiran dan jiwa mereka. Dan di bawah naungan keluargalah kanak-kanak menerima perasaan-perasaan kasih sayang dan semangat takaful dan menerima kesan-kesan yang kekal padanya di sepanjang hidup, dan di bawah bimbingan keluarga mereka memandang kehidupan, mereka mentafsirkan kehidupan dan berurusan dengan kehidupan.

Masa keanakan manusia merupakan masa keanakan yang paling panjang di antara makhluk-makhluk hidup yang lain. Yakni masa keanakannya berlanjutan lebih panjang dari masa mana-mana kanak-kanak yang lain dari makhluk-makhluk hidup yang lain. Masa keanakan merupakan masa penyediaan, pelengkapan dan latihan untuk memegang peranan yang dikehendaki dari setiap yang hidup dalam umur hayatnya yang masih tinggal itu. Dan oleh sebab tugas manusia merupakan tugas yang paling besar dan peranannya di bumi merupakan peranan yang paling agung, maka masa keanakannya telah berlanjutan lebih panjang lagi supaya persediaan dan latihannya dapat dilaksanakan dengan baikuntuk masa depannya. Dan kerana itu kanak-kanak manusia perlu mendampingi dua ibu bapanya lebih dari anak-anak haiwan yang lain. Keluarga yang mantap dan aman itu lebih diperlukan oleh sistem hidup manusia dan lebih sesuai dengan fitrah manusia dan kejadiannya, juga dengan peranannya dalam kehidupan ini.

Ujian-ujian amali telah membuktikan bahawa mana-mana sistem yang lain tidak dapat menggantikan sistem keluarga dan tidak boleh mengambil tempat keluarga, malah sistem yang lain tidak sunyi dari kemudharatan-kemudharatan yang merosakkan pembentukan kanak-kanak dan didikannya, terutama sistem taman-taman asuhan berkelompok yang mana setengah-setengah aliran pemikiran yang sewenang-wenang mahu menukarkannya dengan sistem keluarga dalam revolusinya yang liar terhadap sistem semulajadi yang baik yang dijadikan Allah untuk manusia, atau sistem taman-taman asuhan yang terpaksa didirikan oleh setengah-setengah negeri Eropah kerana ramai kanak-kanak telah kehilangan keluarga mereka di dalam peperangan yang ganas yang diceburi oleh jahiliyah Barat yang bebas dari ikatan-ikatan kepercayaan agama, iaitu peperangan yang tidak membezakan di antara orang-orang yang tidak berperang dengan orang-orang yang berperang pada hari ini,[11] atau taman-taman asuhan yang terpaksa mereka gunakannya kerana sistem hidup yang malang yang memaksa ibu-ibu keluar bekerja kerana terpengaruh kepada pemikiran-pemikiran jahiliyah yang menyeleweng dari sistem sosial dan ekonomi yang sesuai dengan manusia. Sistem yang terkutuk yang telah menafikan kanak-kanak dari mendapat kasih sayang ibu dan belaan mereka di bawah naungan keluarga inilah yang telah melontarkan kanak-kanak yang malang itu ke taman-taman asuhan yang menjalankan peraturan yang bertentangan dengan fitrah kanak-kanak dan kehendak kejiwaan mereka dan mengakibatkan jiwa mereka dipenuhi dengan bermacam-macam konflik dan kekacauan. Yang amat menganehkan ialah penyelewengan pemikiran-pemikiran jahiliyah itu telah membawa manusia di zaman sekarang memandang sistem bekerja bagi kaum perempuan itu

---

[11] *Lihat buku "Kanak-kanak Tanpa Keluarga" karangan Anna Freud dan Dorothy Burlingham terjemahan Profesor Badrain dan Profesor Yas. Tajuk asal karya tersebut ialah "Infants Without Families" (1943).*

sebagai satu kemajuan, kebebasan dan kemerdekaan dari kekolotan, sedangkan sistem inilah yang telah mengorbankan kesihatan jiwa manusia-manusia simpanan yang paling mahal di muka bumi ini, iaitu kanak-kanak yang menjadi modal untuk masa depan manusia. Ibu-ibu itu bekerja untuk apa? Untuk mendapat kemasukan yang lebih dalam pendapatan keluarga atau untuk sara hidup ibu. Keengganan jahiliyah Barat dan Timur yang sezaman dan kerosakan sistem kemasyarakatan dan ekonominya telah sampai ke tahap tidak mahu menyarakan kaum ibu yang tidak bekerja, iaitu kaum ibu yang sepatutnya mencurahkan tenaga usahanya dalam kerja-kerja menjaga dan membela kanak-kanak yang menjadi modal dan harta perbendaharaan manusia yang mahal di muka bumi ini.[12]

Oleh sebab itu kita dapati sistem kemasyarakatan Islam yang dikehendaki Allah untuk memasukkan kaum Muslimin ke dalam kedamaian agar dapat meni'mati kesenangan di bawah naungan kedamaian-nya yang syumul adalah ditegakkan di atas asas keluarga. Ia memberi perhatian yang besar kepada keluarga sesuai dengan peranannya yang amat penting, dan oleh sebab itulah kita dapati di dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'an peraturan-peraturan bagi aspek-aspek dan teras-teras nilai yang menjadi tapak tegak sistem ini dan surah ini merupakan salah satu dari surah-surah itu.

Ayat-ayat yang datang dalam surah ini membicarakan setengah-setengah hukum perkahwinan dan pergaulan suami isteri, hukum ila', talaq, 'iddah, nafkah, mut'ah, penyusuan dan pemeliharaan kanak-kanak.

Tetapi hukum-hukum ini tidak disebut kosong begitu sahaja sebagaimana kebiasaan orang ramai melihat hukum-hukum ini di dalam kitab-kitab fekah dan undang-undang. Tidak, sekali-kali tidak! Malah ia disebut dalam satu suasana yang membuat hati manusia merasa bahawa dia sedang menghadapi satu dasar agung dari dasar-dasar sistem hidup Ilahi atau berdepan dengan satu lunas yang amat besar dari lunas-lunas 'aqidah yang melahirkan sistem hidup Islam. Dan lunas ini dihubungkan secara langsung dengan Allah S.W.T., dihubungkan dengan iradat-Nya, dengan hikmat dan kehendak masyi'ah-Nya terhadap manusia, dan dihubungkan dengan sistem-Nya yang mahu menegakkan kehidupan manusia mengikut cara yang ditetap dan dikehendaki-Nya untuk manusia. Oleh sebab inilah lunas-lunas itu dihubungkan dengan kemurkaan dan keredhaan-Nya, dengan keseksaan dan ganjaran-Nya dan dihubungkan dengan 'aqidah yang menentukan kewujudan dan ketiadaannya mengikut hakikat yang sebenar.

Dalam detik yang pertama lagi seorang Muslim merasa perkara ini amat penting; ia merasa segala sesuatu sama ada kecil atau besar dari perkara ini mendapat perhatian Allah, dan segala sesuatu sama ada kecil atau besar adalah amat penting belaka dalam neraca pertimbangan Allah. Ia merasa Allah sendiri mengambil berat mengaturkan kehidupan manusia yang Mu'min ini dan menyediakan secara langsung pembentukan kelompok Muslimin ini dengan suatu pembentukan yang istimewa di bawah perhatian-Nya yang istimewa, dan menyediakan mereka untuk melaksanakan tugas agung yang disediakan untuk mereka di alam ini, dan seterusnya merasa bahawa perbuatan mencabul sistem hidup ini akan mendatangkan kemurkaan Allah dan mewajarkan mereka ini hukuman yang teruk.

Hukum-hukum ini diterangkan dengan teliti dan terperinci. Ia tidak memulakan sesuatu hukum yang baru melainkan sesudah selesai menghuraikan hukum yang lepas dengan segala hubungan-hubungannya, kemudian selepas setiap hukum diiringi dengan kata-kata ulasan dan kesimpulan yang menarik dan kadang-kadang kata-kata ulasan dan kesimpulan disebut di celah-celah pembicaraan hukum-hukum itu untuk menunjukkan betapa pentingnya hukum-hukum ini hingga ia terus mengejar hati nurani manusia untuk menyedar, menghidup dan memberi saranan-saranan kepadanya terutama ketika disampaikan arahan-arahan yang menghubungkan pelaksanaannya dengan ketaqwaan dan kepekaan hati nurani, kerana tanpa penyedar, pengawal dan penggerak yang seperti ini manusia boleh mempermain-mainkan nas-nas dan hukum-hukum ini.

Hukum yang pertama mengenai tegahan yang melarang seorang Muslim berkahwin dengan seorang perempuan Musyrik dan melarang mengahwinkan orang Musyrik dengan perempuan Muslim kemudian diiringi dengan kata ulasan:

---

[12] *Di antara hasil kajian taman-taman asuhan kanak-kanak ialah kanak-kanak di dalam usia dua tahun pertama dari segi psikologi dan kehendak semulajadi memerlukan kepada dua ibu bapa yang khusus untuk mereka sahaja, terutamanya memerlukan ibu yang tidak dikongsikan oleh kanak-kanak yang lain. Dan selepas usia ini mereka memerlukan - secara fitrah semulajadi – kepada perasaan bahawa mereka mempunyai bapa dan ibu yang tersendiri yang dinasabkan kepada keduanya. Keperluan yang pertama tidak boleh didapati di taman-taman asuhan. Begitu juga keperluan yang kedua tidak boleh didapati melainkan di dalam sistem keluarga. Kanak-kanak yang tidak boleh mendapat salah satu dari dua ibu bapa akan besar dengan perkembangan jiwa yang menyeleweng, sakit dan merana sedikit sebanyak dari segi batin. Apabila di sana berlaku sesuatu peristiwa yang menafikan kanak-kanak dari dua keperluan ini, maka tidak syak lagi suatu malapetaka telah berlaku dalam hidupnya. Mengapa jahiliyyah yang liar ini mahu membahagikan malapetaka-malapetaka itu di dalam kehidupan semua kanak-kanak? Kemudian ada kumpulan manusia yang telah menafikan diri mereka dari ni'mat kedamaian yang dikehendaki Allah untuk mereka tampil mendakwa bahawa inilah kemajuan, kebebasan dan tamadun. Silalah lihat huraian dalam bab "*المشكلة الجنسية*" dalam buku: "* الانسان بين المادية والاسلام*" dan bab "*الاسلام والمرأة*" dalam buku "* شبهات حول الإسلام*" karangan Muhammad Qutb. (buku ini telah diterjemah oleh penterjemah tafsir ini dengan nama "Salah Faham Terhadap Islam.").*

أُو۟لَٰٓئِكَ يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ ۖ وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلْجَنَّةِ
وَٱلْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِۦ ۖ وَيُبَيِّنُ ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ
يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

"Mereka (orang-orang yang musyrik itu) mengajak (kamu) ke Neraka, sedangkan Allah mengajak (kamu) ke Syurga dan kepada keampunan dengan keizinan-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran."(221)

Hukum yang kedua mengenai tegahan yang melarang mencampuri isteri semasa di dalam haidh. Beberapa ulasan berturut-turut dibuat mengenai perkara ini, di mana Al-Qur'an meningkatkan hubungan kelamin di antara lelaki dan perempuan itu dari tahap nafsu jasad yang dipuaskan dalam sejenak masa kepada tahap melakukan fungsi insaniyah yang mempunyai matlamat yang lebih tinggi dan lebih besar dari sejenak masa itu, malah lebih tinggi dari matlamat-matlamat diri manusia sendiri, kerana ia mempunyai hubungan dengan iradat Allah yang mahu membersihkan hamba-Nya dengan beribadat dan bertaqwa kepada-Nya:

فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

"Dan apabila mereka suci, maka datangilah mereka mengikut jalan yang diperintahkan Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah kasihkan orang yang banyak bertaubat dan kasihkan orang-orang yang hemat membersihkan diri."(222)

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ ۖ
وَقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُم
مُّلَٰقُوهُ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٢٣﴾

"Isteri-isteri kamu laksana sawah bendang kamu. Oleh itu datangilah sawah bendang kamu dari mana sahaja kamu sukai dan sediakanlah amalan-amalan yang baik untuk diri kamu dan bertaqwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawa kamu tetap akan menemui Allah dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang Mu'min."(223)

Hukum yang ketiga ialah hukum bersumpah secara umumnya - sebagai muqaddimah untuk membicarakan hukum ila' dan talaq - dan menghubungkan hukum bersumpah dengan Allah dan dengan taqwa kepada-Nya dan diiringi dengan kata-kata ulasan sekali, dengan ungkapan:

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٤﴾

"Dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(224)

dan sekali pula dengan ungkapan:

وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٢٥﴾

"Dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Sabar."(225)

Hukum yang keempat ialah hukum ila' dengan iringan kata kesimpulannya:

فَإِن فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾

"Jika - selepas itu mereka kembali (mencampuri isteri mereka) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(226)

وَإِنْ عَزَمُوا۟ ٱلطَّلَٰقَ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾

"Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talaq, maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(227)

Hukum yang kelima ialah hukum 'iddah perempuan yang dicerai diiringi dengan berbagai-bagai kata-kata ulasan:

وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَن يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِىٓ أَرْحَامِهِنَّ إِن
كُنَّ يُؤْمِنَّ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ

"Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan sesuatu yang telah dijadikan Allah di dalam rahim mereka jika benar mereka beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."(228)

وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾

"Dan Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(228)

Hukum yang keenam ialah hukum bilangan talaq, kemudian hukum mengambil balik sebahagian dari maskahwin dan belanja dalam kes talaq diiringi dengan kata-kata ulasan yang berikut:

وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَأْخُذُوا۟ مِمَّآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْـًٔا إِلَّآ
أَن يَخَافَآ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا
حُدُودَ ٱللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا ٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ تِلْكَ حُدُودُ
ٱللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٢٩﴾

فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُۥ مِنۢ بَعْدُ حَتَّىٰ تَنكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُۥ ۗ
فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَآ أَن يَتَرَاجَعَآ إِن ظَنَّآ
أَن يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ ۗ وَتِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ
يَعْلَمُونَ ﴿٢٣٠﴾

"Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu yang telah kamu berikannya kepada isteri-isteri kamu (yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya takut tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepada kedua-dua mereka mengenai bayaran tebusan talaq yang diberikan oleh isteri untuk menebuskan dirinya (dan diterima oleh suaminya). Itulah batas-batas Allah, oleh itu janganlah kamu melanggarnya, dan barang siapa yang melangggar peraturan-peraturan Allah, maka merekalah orang-orang yang zalim(229). Dan jika suami (yang baru itu) telah menceraikan pula, maka tidak ada apa kesalahan kepada keduanya untuk berkahwin kembali jika mereka fikir dapat menegakkan batas-batas Allah. Dan itulah batas-batas Allah yang dijelaskannya kepada kaum yang mengetahui."(230)

Hukum yang ketujuh ialah hukum memegang dengan baik atau melepas dengan baik selepas talaq, dan di sini dinyatakan:

وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَقَدْ
ظَلَمَ نَفْسَهُ ۚ وَلَا تَتَّخِذُوا آيَاتِ اللَّهِ هُزُوًا ۚ وَاذْكُرُوا
نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةِ
يَعِظُكُم بِهِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ
عَلِيمٌ ﴿٢٣١﴾

"Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan tujuan mendatangkan kemudharatan kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka) dan sesiapa yang bertindak demikian, bererti ia menganiayai diri sendiri dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat Allah itu sebagai bahan-bahan sendaan. Kenangilah ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu dan (kenangilah) apa yang telah diturunkan ke atas kamu dari kitab suci Al-Qur'an dan ilmu pengetahuan hikmat untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah kamu bahawa Allah itu mengetahui segala sesuatu."(231)

ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِ مَن كَانَ مِنكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۗ
ذَٰلِكُمْ أَزْكَىٰ لَكُمْ وَأَطْهَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٢﴾

"Itulah yang dinasihatkan kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Itulah yang lebih bersih dan lebih suci bagi kamu. Dan Allah itu mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(232)

Hukum yang kelapan ialah hukum penyusuan, hukum mencari penyusu, dan upahnya, kemudian hukum-hukumnya yang terperinci dalam setiap kes itu diiringi dengan kenyataannya:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu."(233)

Hukum yang kesembilan ialah hukum yang khusus mengenai 'iddah perempuan yang kematian suaminya dan diiringi dengan kenyataannya:

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِي
أَنفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٣٤﴾

"Kemudian apabila mereka sampai tempoh 'iddah mereka, maka tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu tentang apa yang telah dilakukan mereka terhadap diri mereka mengikut cara yang baik. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(234)

Hukum yang kesepuluh ialah hukum melamar perempuan secara sindiran atau bayangan semasa dalam 'iddah, di mana dijelaskan:

عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَٰكِن لَّا
تُوَاعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَن تَقُولُوا قَوْلًا مَّعْرُوفًا ۚ
وَلَا تَعْزِمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْكِتَابُ
أَجَلَهُ ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي أَنفُسِكُمْ
فَاحْذَرُوهُ ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٣٥﴾

"Allah telah mengetahui bahawa kamu akan mengingati mereka, tetapi janganlah kamu membuat perjanjian dengan mereka secara sulit kecuali sekadar engkau mengucapkan kata-kata yang baik. Dan janganlah kamu berazam untuk ber'aqad nikah sehingga sampai 'iddah yang telah ditetapkan itu. Dan ketahuilah bahawa Allah mengetahui segala isi hati kamu. Oleh itu hendaklah kamu takuti-Nya dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Sabar."(235)

Hukum yang kesebelas ialah hukum perempuan yang dicerai sebelum mengadakan hubungan kelamin dalam kes apabila si suami telah menentukan maskahwin dan dalam kes ia belum lagi menentukan maskahwin, dan di sini Al-Qur'an membuat kenyataan yang menyentuh perasaan:

وَأَن تَعْفُوا أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَلَا تَنسَوُا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ ۚ إِنَّ
اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٧﴾

"Dan tindakan kamu berma'af-ma'afan itu adalah lebih dekat kepada (semangat) taqwa. Dan janganlah kamu lupa budi baik yang wujud di antara kamu. Sesungguhnya Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu."(237)

Hukum yang kedua belas ialah hukum pemberian saguhati kepada isteri yang mati suami dan perempuan yang dicerai, dan di sini Al-Qur'an menyebut kenyataannya:

وَلِلْمُطَلَّقَاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾

"Dan isteri-isteri yang diceraikan itu berhak mendapat pemberian saguhati dengan kadar yang wajar sebagai suatu kewajipan ke atas orang-orang yang bertaqwa."(241)

Kata-kata ulasan umum terhadap semua hukum-hukum ini ialah:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢٤٢﴾

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mengerti."(242)

Itulah ibadat kepada Allah dalam urusan perkahwinan, ibadat kepada Allah dalam bidang hubungan kelamin dan melahirkan anak, ibadat kepada Allah dalam urusan talaq perceraian, ibadat kepada Allah dalam urusan 'iddah dan ruju', ibadat kepada Allah dalam urusan nafkah dan pemberian saguhati, ibadat kepada Allah dalam tindakan memegang dengan baik atau melepas dengan baik, ibadat kepada Allah dalam tindakan membayar tebusan diri atau pampasan, ibadat kepada Allah dalam urusan penyusuan dan lepas susu, ibadat kepada Allah pada setiap harakat dan pada setiap fikiran. Oleh sebab itulah di tengah-tengah hukum-hukum ini datangnya hukum solat dalam ketakutan dan dalam keamanan:

حَٰفِظُوا۟ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ وَقُومُوا۟ لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا ۖ فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا۟ تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾

"Peliharalah segala solat dan solat wusta dan berdirilah kerana Allah dengan khusyu' dan patuh(238). Dan jika kamu berada dalam keadaan takut maka sembahyang-lah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu berada dalam keadaan aman, maka hendaklah kamu menyebut Allah (mendirikan solat dengan sempurna) sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang tidak diketahui oleh kamu."(239)

Yakni hukum solat ini datang di celah-celah hukum-hukum itu sebelum rangkaian ayat-ayat ini selesai membicarakannya. Ia membuat ibadat solat itu bergabung di dalam ibadat-ibadat kehidupan iaitu satu pergabungan yang terbit dari tabi'at Islam dan dari matlamat kewujudan manusia dalam kefahaman Islam. Rangkaian ayat-ayat ini nampak jelas menyampaikan saranan yang amat halus ini. Ia menyarankan bahawa semuanya ini merupakan ibadat-ibadat. Dan keta'atan kepada Allah yang wujud pada ibadat-ibadat itu adalah dari jenis keta'atan kepada Allah yang wujud di dalam solat. Kehidupan ini merupakan suatu kesatuan, dan keta'atan-keta'atan di dalam kehidupan merupakan kumpulan keta'atan dan seluruh urusannya adalah dari Allah belaka. Dan itulah sistem Allah bagi kehidupan ini.[13]

Suatu gejala yang dapat diperhatikan dari hukum-hukum ini ialah dalam masa ia menggambarkan ibadat, menciptakan suasana ibadat dan memasang bayangan ibadat, ia tidak mengabaikan satu hubungan pun dari hubungan-hubungan realiti kehidupan dan hubungan-hubungan fitrah manusia dan kejadiannya, juga hubungan-hubungan keperluannya yang wujud dalam hayatnya di bumi ini.

Islam mengatur undang-undang dan peraturan untuk kelompok manusia bukannya untuk kelompok malaikat dan bukan pula untuk kumpulan-kumpulan hantu yang dilihat di dalam mimpi. Oleh sebab itulah Islam tidak lupa - ketika ia mengangkat mereka kepada suasana ibadat dengan undang-undang dan arahan-arahannya - bahawa mereka adalah manusia dan bahawa ibadat itu adalah ibadat dari manusia, iaitu manusia yang mempunyai keinginan-keinginan, kekurangan dan kelemahan, mempunyai keperluan-keperluan dan emosi-emosi, mempunyai sentimen-sentimen dan perasaan-perasaan, mempunyai sa'at-sa'at cerah dan gemilang dan sa'at-sa'at tebal dan gelap. Semua keadaan ini diperhatikan oleh Islam dan ia memimpin keseluruhannya di jalan ibadat yang bersih menuju ke sumber cahaya yang gemilang tanpa sewenang-wenang dan tanpa berpura-pura, dan ia membangun seluruh peraturannya di atas asas bahawa manusia ini ialah manusia.

Oleh sebab itulah Islam mengharuskan ila' iaitu melahirkan keazaman untuk menahankan diri dari hubungan kelamin dalam beberapa waktu dengan

---

[13] *Dahulu saya tidak dapat memahami seketika rahsia rangkaian ayat Al-Qur'an yang amat menarik itu. Dalam cetakan pertama juzu' ini dan dalam cetakan yang menyempurnakan cetakan yang pertama saya telah berkata: Aku mengaku bahawa aku berdiri begitu lama di hadapan perpindahan ini (perpindahan dari hukum-hukum perkahwinan kepada hukum-hukum solat) dan rahsianya tidak terbuka kepadaku. Aku tidak mahu membuat ulasan yang bukan-bukan terhadapnya dan tidak pula berpuas hati dengan huraian-huraian yang terdapat dalam setengah-setengah tafsir yang mengatakan bahawa pembicaraan solat dimasukkan di dalam suasana pembicaraan mengenai keluarga merupakan isyarat solat itu diberi perhatian yang berat, juga supaya menjadi peringatan yang tidak dilupai....... sehingga akhir muka surat 84 - 85 dari cetakan itu. Dan saya berkata pula: "Tetapi aku - sebagaimana telah ku katakan secara ikhlas - bahawa aku tidak merasa cukup senang dengan kefahaman yang aku telah dapat, dan andainya aku diberikan satu petunjuk yang lain, maka aku akan terangkannya dalam cetakan yang akan datang. Dan andainya ada mana-mana pembaca yang diberi Allah petunjuk, maka silalah dia menyampaikannya kepadaku dan aku amat bersyukur di atas petunjuk yang telah dikurniakan Allah kepadanya."*
Kini saya merasa cukup senang dan tenang dengan pembukaan fahaman ini dan merasa telah menemui jalannya.
الحمد لله الذى هدانا لهذا وما كنا لنهتدى لولا ان هدانا الله .

syarat tidak lebih dari empat bulan. Islam juga membenarkan talaq dan mengadakan peraturan-peraturannya yang kemas dan dalam waktu yang sama Islam berusaha dengan segala tenaga dan upaya untuk mengukuhkan asas-asas rumahtangga, menguatkan tali hubungan keluarga dan meningkatkan hubungan ini ke tahap ibadat. Itulah keseimbangan yang menjadikan idealisme-idealisme seluruh sistem ini sebagai idealisme-idealisme yang waqi'i/realistik, luhur dan berada dalam lingkungan kemampuan manusia dan ditujukan untuk manusia.

Talaq itu merupakan satu kemudahan kepada fitrah manusia, satu kemudahan yang bijaksana kepada lelaki dan perempuan. Andainya institusi rumahtangga ini tidak mendapat kejayaan, andainya sel yang pertama (masyarakat) ini tidak dapat meni'mati kemantapan, maka Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Melihat, yang mengetahui urusan manusia yang tidak diketahui oleh manusia sendiri, tidak mahu menjadikan hubungan dua jenis itu sebagai suatu belenggu dan suatu penjara yang tidak membolehkan kedua-duanya berpisah dan bercerai walaupun kehidupan mereka berdua lemas tercekik, penuh ditumbuhi duri-duri dan diselubungi gelap-gelita kerana Allah mahukan hubungan itu menjadi hubungan yang kasih mesra, dan andainya matlamat ini tidak tercapai - dengan sebab realiti dari fitrah dan tabi'at di antara (suami isteri) - maka lebih baik keduanya berpisah, dan membuat percubaan ini sekali lagi setelah habis segala usaha yang lain untuk menyelamat-kan institusi yang mulia ini, di samping itu mengadakan jaminan dari segi undang-undang dan perasaan supaya pihak suami dan pihak isteri tidak mendapat apa-apa kemudharatan, dan pihak bayi yang masih menyusu dan janin yang masih berada dalam kandungan tidak juga mendapat apa-apa kemudharatan.

Inilah sistem hidup Rabbani yang disyari'atkan Allah untuk manusia.

Apabila seseorang itu menimbangkan di antara asas-asas sistem Rabbani yang dikehendaki Allah untuk manusia atau di antara masyarakat bersih yang imbang dan damai dengan masyarakat yang wujud di masa lampau di dalam kehidupan manusia, tentulah dia akan dapati perpindahan itu amat jauh. Begitu juga perpindahan ini dapat memelihara kedudukannya yang tinggi apabila dibandingkan dengan keadaan manusia pada hari ini yang berada di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah yang mendakwa dirinya sebagai masyarakat-masyarakat progresif di Barat dan di Timur. Dia juga akan merasa betapa tingginya kehormatan, kebersihan dan kedamaian yang dikehendaki Allah untuk manusia apabila Allah mensyari'atkan sistem ini kepada mereka, dan kaum perempuan terutamanya akan melihat betapa tingginya perhatian Allah dan penghormatan-Nya yang diberikan kepada mereka sehingga saya yakin tidak ada perempuan yang normal yang dapat memahami perhatian Allah yang amat jelas terhadap kaum perempuan di dalam sistem hidup Rabbani ini melainkan akan terdetik di dalam hatinya perasaan kasih terhadap Allah.[14]

(Pentafsiran ayat 221)

Sekarang marilah kita hadapi nas-nas Al-Qur'an secara terperinci:

وَلَا تَنكِحُوا۟ ٱلْمُشْرِكَٰتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَّ ۚ وَلَأَمَةٌ
مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّن مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ ۗ وَلَا
تُنكِحُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا۟ ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّن
مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ ۖ
وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلْجَنَّةِ وَٱلْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِۦ ۖ وَيُبَيِّنُ
ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

"Dan Janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman dan sesungguhnya hamba perempuan yang beriman itu lebih baik dari perempuan yang musyrik walaupun ia menarik hati kamu.Dan janganlah kamu kahwinkan (perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki musyrik sehingga mereka beriman. Sesungguhnya hamba lelaki yang beriman itu lebih baik dari seorang lelaki yang musyrik walaupun ia menarik hati kamu. Mereka (orang-orang yang musyrik itu) mengajak (kamu) ke Neraka, sedangkan Allah mengajak (kamu) ke Syurga dan kepada keampunan dengan keizinan-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran."(221)

Pernikahan atau perkahwinan merupakan hubungan yang paling mendalam, paling kuat dan paling kekal yang mengikatkan di antara dua manusia. Hubungan ini meliputi sambutan-sambutan dan penerimaan-penerimaan timbal-balik yang paling luas yang dilakukan oleh dua manusia itu. Oleh sebab itu hubungan ini memerlukan kepada perpaduan hati dan titik pertemuannya dalam satu ikatan yang tidak terhurai lagi. Untuk mencapai perpaduan hati pastilah kedua-duanya bersatu di atas satu 'aqidah dan tujuan hidup, kerana 'aqidah merupakan sesuatu yang paling mendalam dan luas mengimarahkan jiwa manusia. 'Aqidahlah yang mempengaruhi jiwa manusia, menyesuaikan dan menentukan perasaan-perasaannya, dan penerimaan-penerimaannya, dan seterusnya 'aqidahlah yang menentukan jalannya dalam seluruh kehidupan. Walaupun ramai orang

---

14 *Lihat huraian yang panjang lebar dalam bab "المساواة الانسانية" dalam kitab "العدالة الإجتماعية" oleh pengarang, bab "المشكلة الجنسية" dalam kitab "الإنسان بين المادية والإسلام" dan bab "الإسلام والمرأة" dalam kitab "شبهات حول الإسلام" oleh Muhammad Qutb (buku ini telah diterjemah oleh penterjemah tafsir ini dengan nama: Salah Faham Terhadap Islam). Begitu juga sila lihat tafsir surah-surah an-Nisa', al-Ahzab dan at-Talak khususnya.*

yang kadang-kadang tertipu dengan ketersembunyian 'aqidah atau ketidak-aktifannya lalu mereka menyangka bahawa 'aqidah itu hanya suatu perasaan yang mendatang sahaja dan boleh digantikan dengan setengah-setengah fikiran falsafah atau dengan setengah-setengah isme kemasyarakatan. Ini nyatalah suatu pendapat yang salah dan kurang pengalaman dengan hakikat jiwa manusia dan teras-teras nilainya yang sebenar, dan suatu pendapat berpura-pura jahil terhadap realiti dan tabi'at jiwa manusia.

Pengharaman Antara Orang-orang Islam Dengan Orang-orang Musyrikin

Dahulu pertumbuhan pertama kelompok Muslimin di Mekah pada mulanya tidak membenarkan adanya perpisahan sosial yang total dan tegas dari kaum Musyrikin seperti perpisahan perasaan dari segi 'aqidah yang wujud di dalam jiwa orang-orang Islam, kerana kedudukan-kedudukan sosial yang berasingan memerlukan kepada masa dan kepada penyusunan-penyusunan yang beransur-ansur. Tetapi oleh sebab Allah mahukan kelompok Muslimin mempunyai kedudukan yang merdeka di kota Madinah, di mana ia mempunyai perbezaan keperibadian sosialnya di samping mempunyai perbezaan keperibadian 'aqidahnya, maka satu penyusunan yang baru mulai dibuat, dan ayat ini diturunkan bagi mengharamkan sebarang perkahwinan yang baru di antara orang-orang Islam dan orang-orang Musyrikin. Adapun perkahwinan-perkahwinan yang telah sedia wujud, maka perkahwinan itu terus dikekalkan sehingga kepada tahun yang ke enam Hijrah, di mana turun di Hudaybiyah ayat dari Surah al-Mumtahanah yang berbunyi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا جَآءَكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتُ مُهَٰجِرَٰتٍ فَٱمْتَحِنُوهُنَّ ۖ ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَٰنِهِنَّ ۖ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَٰتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى ٱلْكُفَّارِ ۖ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ ۖ .... وَلَا تُمْسِكُواْ بِعِصَمِ ٱلْكَوَافِرِ ....

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila datang kepada kamu wanita-wanita Mu'min yang berhijrah (dari Mekah), maka ujilah mereka. Allah lebih mengetahui kebenaran keimanan mereka. Dan jika kamu mengetahui mereka beriman, maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada suami-suami mereka yang kafir kerana mereka tidak halal kepada suami mereka dan suami mereka tidak halal kepada mereka....... Dan janganlah kamu terus berpegang dengan tali perkahwinan dengan wanita-wanita yang kafir........."

(Surah al-Mumtahanah :10)

Dengan ayat ini berakhirlah perhubungan yang terakhir di antara orang-orang Islam dengan orang-orang Musyrikin.

Perkahwinan Orang-orang Yang Beriman Dengan Orang-orang Yang Tidak Beriman

Kini telah diharamkan seorang lelaki Muslim berkahwin dengan seorang wanita musyrik atau seorang lelaki musyrik berkahwin dengan wanita Islam. Kini diharamkan perkahwinan yang mengikat di antara dua hati yang tidak bersatu di atas satu agama. Perkahwinan dalam keadaan ini merupakan satu tali ikatan yang palsu dan lemah. Kedua-duanya tidak bertemu pada titik Allah, dan ikatan hidup keduanya tidak ditegakkan di atas sistem hidup yang diatur oleh Allah. Allah S.W.T., yang telah memuliakan makhluk insan dan mengangkatkannya ke atas darjah haiwan mahukan hubungan perkahwinan ini bukannya hubungan keinginan haiwan dan bukannya keberahian nafsu semata-mata, malah Allah mahu mengangkatkannya hingga ke tahap yang berhubung dengan-Nya, dan mahu menghubungkan di antaranya dengan masyi'ah Allah dan dengan agama-Nya di dalam perkembangan hidup dan kesuciannya.

Dan dari sinilah datang perintah yang tegas:

وَلَا تَنكِحُواْ ٱلْمُشْرِكَٰتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَّ ۚ

"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman."

Dan apabila mereka beriman, maka bererti halangan itu pun hilang dan kedua-dua hati itu boleh bertemu pada titik Allah. Dan tali hubungan insaniyah di antara dua manusia itu pun terselamat dari sesuatu yang menghalang dan merosakkannya. Tali hubungan itu menjadi sihat dan kuat dengan ikatan yang baru itu, iaitu ikatan 'aqidah atau agama.

وَلَأَمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّن مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ ۗ

"Dan sesungguhnya hamba perempuan yang beriman itu lebih baik dari perempuan yang musyrik walaupun ia menarik hati kamu."

Perasaan tertarik dan terpikat ini hanya diambil dari naluri sahaja, tidak diikuti sama oleh perasaan-perasaan insan yang luhur dan tidak terlepas dari pengaruh anggota dan pancaindera sahaja, sedangkan kejelitaan hati itu lebih mendalam dan lebih mahal lagi walaupun wanita Muslim itu seorang hamba yang belum merdeka, kerana hubungannya dengan agama Islam telah mengangkatkan tarafnya melebihi wanita musyrik dari keturunan yang baik-baik. Islam itu satu hubungan dengan Allah, iaitu setinggi-tinggi hubungan.

وَلَا تُنكِحُواْ ٱلْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُواْ ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّن مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۗ

"Dan janganlah kamu kahwinkan (perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki musyrik sehingga mereka beriman. Sesungguhnya hamba lelaki yang beriman itu lebih baik dari seorang lelaki yang musyrik walaupun ia menarik hati kamu."

Persoalan yang sama berulang dalam satu bentuk yang lain untuk menguatkan dan menghaluskan penjelasannya dengan sebab yang sama dalam gambaran yang pertama dan yang kedua:

أُوْلَٰٓئِكَ يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ ۖ وَٱللَّهُ يَدْعُوٓاْ إِلَى ٱلْجَنَّةِ وَٱلْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِۦ ۖ وَيُبَيِّنُ ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

"Mereka (orang-orang musyrik itu) mengajak (kamu) ke Neraka, sedangkan Allah mengajak (kamu) ke Syurga dan kepada keampunan-Nya dengan keizinan-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran."(221)

Kedua-dua jalan itu berlainan dan kedua-dua da'wah itu juga berlainan, dan bagaimanakah kedua-dua golongan dapat bertemu dalam satu perpaduan yang dapat ditegakkan kehidupan di atasnya?

Jalan lelaki-lelaki musyrik dan wanita-wanita musyrik menuju ke Neraka, dan da'wah mereka juga mengajak ke Neraka, sedangkan jalan lelaki-lelaki Mu'min dan wanita-wanita Mu'min ialah menuju ke jalan Allah, dan Allah pula mengajak mereka ke Syurga dan kepada keampunan-Nya dengan keizinan-Nya. Alangkah jauhnya perbezaan da'wah kaum musyrikin dari da'wah Allah!

Tetapi apakah benar orang-orang musyrik lelaki dan perempuan itu mengajak ke Neraka? Siapakah yang mengajak dirinya dan orang lain ke Neraka?

Itulah hakikat terakhir perjalanan mengikut yang disimpulkan oleh rangkaian ayat ini. Dari awal-awal lagi ia tonjolkan hakikat ini sebagai da'wah yang mengajak ke Neraka kerana hujung jatuh da'wah ini membawa kepada Neraka, dan Allah mengingatkan orang-orang Islam dari da'wah yang membawa kepada kebinasaan ini:

وَيُبَيِّنُ ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

"Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran."(221)

Oleh itu sesiapa yang tidak mengambil pengajaran dan tidak menyahut da'wah ini dialah yang bertanggungjawab.

Masalah Perkahwinan Lelaki Islam Dengan Perempuan Ahlil-Kitab

Di sini kita teringat bahawa Allah tidak mengharamkan perkahwinan lelaki Muslim dengan perempuan dari Ahlil-Kitab walaupun agama berlainan, tetapi masalah di sini berbeza, kerana lelaki Muslim dan perempuan dari Ahlil-Kitab mempunyai titik pertemuan pada 'aqidah mengenai Allah walaupun berbeza tentang perincian syari'at masing-masing.

Di sana terdapat perselisihan fiqhi dalam kes perempuan Ahlil-Kitab yang beri'tiqad bahawa Allah itu salah satu dari tiga uqnum atau Allah itu ialah al-Masih ibn Maryam atau al-'Uzayr itu anak Allah adakah dia dikira sebagai perempuan musyrik yang diharam kahwin dengannya atau masih dianggap sebagai perempuan Ahlil-Kitab yang termasuk di dalam nas yang tersebut dalam Surah al-Ma'idah:

ٱلْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ ٱلطَّيِّبَٰتُ ۖ ...... وَٱلْمُحْصَنَٰتُ مِنَ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ وَٱلْمُحْصَنَٰتُ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ

"Pada hari ini dihalalkan kepada kamu makanan-makanan yang baik ... (Dan dihalalkan kepada kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan muhson dari perempuan-perempuan yang telah dikurniakan kitab dahulu daripada kamu."

(Surah al-Ma'idah : 5)

Menurut pendapat jumhur ulama' perempuan itu termasuk di dalam nas ini, tetapi saya lebih cenderung kepada pendapat yang mengatakan haram berkahwin dengan perempuan yang mempunyai i'tiqad yang seperti ini. Menurut riwayat al-Imam al-Bukhari dari ibn 'Umar r.a. katanya: Ujar ibn 'Umar: "Aku tidak mengenal syirik yang lebih besar dari i'tiqad perempuan ini yang mengatakan bahawa tuhannya ialah 'Isa."

Adapun perkara perkahwinan lelaki Ahlil-Kitab dengan perempuan Muslim, maka perkahwinan itu adalah diharamkan kerana realiti berbeza dari perkahwinan lelaki Muslim dengan perempuan Ahlil-Kitab yang bukan musyrik. Dari sinilah terletaknya perbezaan hukum. Mengikut syari'at Islam, kanak-kanak itu dipanggil mengikut bapanya. Begitu juga si isterilah yang berpindah kepada keluarga suami dan kaumnya dan semua anak-anak darinya dipanggil dengan bin bapanya. Di sini Islamlah yang menguasai dan menaungi suasana yang baik itu. Tetapi keadaan akan berlaku sebaliknya apabila perempuan Islam berkahwin dengan lelaki Ahlil-Kitab. Dia akan hidup berjauhan dari kaumnya. Dia mungkin tidak dapat mempertahankan Islamnya kerana kelemahannya dan sebatang karanya. Anak-anaknya akan dipanggil dengan nama suaminya dan memeluk agama yang berlainan dari agamanya. Pendeknya dalam persoalan ini Islam pastilah selama-lamanya menguasai keadaan.

Di sana terdapat beberapa perhitungan amali yang membuat keharusan perkahwinan lelaki Muslim dengan perempuan Ahlil-Kitab menjadi makruh. Inilah pendapat 'Umar ibn al-Khattab r.a. apabila berdepan dengan beberapa perhitungan.

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya: "Kata Abu Ja'afar ibn Jarir Rahimahullah - setelah menerangkan kata ijma' yang mengharuskan berkahwin dengan perempuan-perempuan Ahlil-Kitab - sebab 'Umar memakruhkan perkahwinan itu ialah supaya lelaki-lelaki Muslim tidak meninggalkan perempuan-

perempuan Islam atau sebagainya dari tujuan-tujuan yang lain."

Mengikut riwayat, Huzayfah telah berkahwin dengan seorang perempuan Yahudi lalu 'Umar menulis kepadanya supaya ia menceraikannya. Kemudian Huzayfah menulis kepadanya bertanya: "Adakah anda mengatakan perempuan itu haram (dikahwini) hingga saya kena menceraikannya? "Jawab 'Umar: "Saya tidak mengatakan dia ini haram dikahwini, tetapi saya takut kamu menyulitkan perempuan-perempuan Mu'min kerana mereka", dan di satu riwayat yang lain 'Umar berkata: Jika lelaki Muslim berkahwin dengan perempuan Nasrani, maka perempuan Muslim hendak berkahwin dengan siapa pula?

Pada hari ini kita dapat melihat bahawa perkahwinan-perkahwinan yang seperti ini telah membawa keburukan kepada rumahtangga orang Islam, kerana di dalam realiti kita tidak dapat mengingkari bahawa isteri yang beragama Yahudi atau beragama Kristian atau tidak menganut apa-apa agama itu akan mencorak rumahtangga dan anak-anak mereka dengan corak mereka. Mereka akan melahirkan satu generasi yang jauh dari Islam terutama di dalam masyarakat jahiliyah yang kita hayati sekarang ini, iaitu masyarakat yang pada hakikatnya dipanggilkan masyarakat Islam dari segi nama sahaja, sedangkan ia tidak berpegang dengan Islam kecuali dengan tali-tali benang yang lemah dari segi bentuknya yang lahir yang dapat dihancur dan dimusnahkan terus oleh mana-mana isteri yang datang dari sebelah sana (dari Ahlil-Kitab).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 222 - 223)

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَٱعْتَزِلُوا۟
ٱلنِّسَآءَ فِى ٱلْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ
فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ ۖ
وَقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُم
مُّلَٰقُوهُ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٢٣﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang hukum haidh. Jawablah: Haidh itu suatu kekotoran. Oleh itu jauhilah diri dari perempuan semasa haidh. Dan janganlah kamu dekati mereka (untuk bersetubuh) sehingga mereka suci, dan apabila mereka suci maka datangilah mereka mengikut jalan yang diperintahkan Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah kasihkan orang yang banyak bertaubat dan kasihkan orang-orang yang hemat membersihkan diri(222). Isteri-isteri kamu laksana sawah bendang kamu. Oleh itu datangilah sawah bendang kamu dari mana sahaja kamu sukai dan sediakanlah amalan-amalan yang baik untuk diri kamu dan bertaqwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawa kamu tetap akan menemui Allah dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang Mu'min."(223)

Ini satu lagi tarikan perhatian kepada perhubungan yang ditingkatkannya kepada Allah. Ia meningkatkan matlamat-matlamat perhubungan ini lebih tinggi dari kelazatan jasmani hingga pada bahagian matlamat yang mempunyai hubungan yang sangat dekat dengan jisim itu, iaitu hubungan kelamin.

Hubungan Kelamin Dalam Masa Haidh

Hubungan kelamin dalam perhubungan itu merupakan wasilah sahaja bukannya matlamat, iaitu wasilah untuk mencapai satu matlamat yang lebih mendalam dalam tabi'at hidup, iaitu matlamat melahirkan zuriat keturunan dan melanjutkan hayat dan menghubungkan segala-galanya dengan Allah. Mengadakan hubungan kelamin dalam masa haidh kadang-kadang boleh mencapai kelazatan haiwaniyah di samping mendapat kemudharatan-kemudharatan yang membahayakan kesihatan kepada lelaki dan perempuan. Tetapi ia tidak dapat mencapai matlamat yang luhur lebih-lebih lagi ia dijijik oleh fitrah semulajadi yang sihat dan bersih dalam masa itu, kerana fitrah yang sihat itu dikuasai dari dalam oleh hati nurani yang mempunyai undang-undang yang mengendalikan kehidupan ini. Oleh sebab itulah fitrah itu dengan sendirinya jijik mengikut undang-undang ini dari melakukan hubungan kelamin dalam masa haidh yang tidak mungkin mendatangkan anak dan melahirkan hayat, sedangkan hubungan kelamin dalam masa suci boleh mencapai kelazatan yang tabi'i di samping mencapai matlamat fitrah pula. Oleh sebab itu tegahan dikemukakan sebagai jawapan di atas pertanyaan itu.

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَٱعْتَزِلُوا۟
ٱلنِّسَآءَ فِى ٱلْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang hukum haidh. Jawablah: Haidh itu suatu kekotoran. Oleh itu jauhilah diri dari perempuan semasa haidh dan janganlah kamu dekati mereka (untuk bersetubuh) sehingga mereka suci."

Tetapi selepas suci pun, persoalan ini bukanlah persoalan yang boleh dilakukan sewenang-wenang mengikut kemahuan hawa nafsu dan cara-cara yang menyeleweng, malah ia tetap terikat dengan perintah Allah, kerana hubungan kelamin merupakan tugas yang terbit dari perintah dan taklif dan terikat dengan cara dan batas-batas yang tertentu:

فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ

"Dan apabila mereka suci, maka datangilah mereka mengikut jalan yang diperintahkan Allah kepada kamu."

Yakni datangilah mereka pada tempat yang melahirkan anak bukan pada tempat yang lain. Matlamat hubungan kelamin bukanlah semata-mata melepaskan keinginan nafsu, malah matlamatnya ialah melanjutkan hayat dan mencari apa yang telah ditetapkan Allah. Allah telah menetapkan sesuatu yang halal dan memfardhukannya, dan kewajipan seorang Muslim ialah mencari apa yang telah ditetapkan oleh Tuhannya dan bukannya menciptakan sendiri apa yang dikehendakinya. Allah memfardhukan segala apa yang difardhukannya itu untuk membersihkan para hamba-Nya, dan Dia amat sayangkan mereka yang bertaubat apabila mereka melakukan kesilapan dan pulang kepada-Nya memohon keampunan:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

"Sesungguhnya Allah kasihkan orang yang banyak bertaubat dan kasihkan orang yang berhemat membersihkan diri."(222)

Di bawah bayangan inilah ayat yang berikut menggambarkan salah satu dari hubungan-hubungan suami isteri yang sesuai dan selaras dengan garis-garisnya:

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ

"Isteri-isteri kamu laksana sawah-sawah bendang kamu, oleh itu datangilah sawah-sawah bendang kamu dari mana sahaja kamu sukai."

Matlamat Hubungan Kelamin

Ungkapan yang halus ini mengandungi isyarat-isyarat kepada sifat hubungan itu dari segi hubungan kelamin ini, juga isyarat kepada matlamat-matlamat dan tujuan-tujuannya. Ya, memang benar bahawa segi hubungan kelamin ini tidak merangkumi seluruh hubungan di antara suami dan isteri. Hubungan-hubungan itu telah dijelaskan dan disebut di tempat-tempat yang lain yang sesuai dengan pembicaraan ayat-ayat di sana seperti firman Allah:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

"Mereka (isteri-isteri) adalah pakaian kamu dan kamu adalah pakaian mereka."(187)

(Surah al-Baqarah)

dan firman-Nya:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia ciptakan isteri-isteri untuk kamu dari jenis kamu sendiri supaya kamu tenang tenteram bersamanya dan Dia jadikan di antara kamu rasa kemesraan dan perasaan kasih sayang."

(Surah ar-Rum : 21)

Semua ungkapan ini menggambarkan satu sudut dari sudut-sudut hubungan suami isteri yang amat mendalam dan besar itu di tempatnya yang sesuai. Dan kesesuaian yang wujud dalam rangkaian ayat ini diungkapkan dengan sawah bendang iaitu sesuai dengan proses pembenihan, penyemaian, kelahiran anak dan kesuburan zuriat. Dan selama isteri itu merupakan sawah bendang, maka datangilah mereka dengan cara mana yang kamu sukai tetapi pada tempat yang membiakkan tanaman yang menjadi matlamat sawah bendang:

فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ

"Oleh itu datangilah sawah-sawah bendang kamu dari mana sahaja kamu sukai."(223)

Dan dalam waktu yang sama hendaklah kamu ingat kepada tujuan dan matlamat (hubungan ini) dan bertawajjuhlah pada-Nya dengan ibadat dan taqwa kepada Allah agar ia menjadi amalan yang soleh yang kamu sediakan untuk diri kamu, dan yakinlah kepada pertemuan dengan Allah yang akan memberi balasan kepada setiap amalan yang telah dilakukan kamu:

وَقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُم مُّلَٰقُوهُ

"Dan sediakanlah amalan-amalan yang baik untuk diri kamu dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu tetap akan menemui Allah."

Kemudian ayat ini ditamatkan dengan menyampaikan berita gembira dan balasan yang baik ketika bertemu dengan Allah dan mendapat hasil sawah bendang yang diusahakan mereka. Setiap amalan itu adalah kebajikan kepada orang yang beriman selama ia bertawajjuh kepada Allah ketika melakukan amalan itu:

وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٢٣﴾

"Dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang Mu'min."(223)

Islam Tidak Memandang Kotor Kepada Keinginan Seks

Di sini kita dapat melihat samahah/toleransi Islam yang menerima insan mengikut apa yang ada padanya, iaitu ia menerima insan dengan segala keinginan, kecenderungan dan keperluannya, dan Islam tidak pernah mencuba menghancurkan fitrah insan atas nama peningkatan dan pembersihan diri dan tidak pernah memandang kotor kepada keperluan-keperluan seks yang tidak dapat dielak olehnya, malah pada hakikatnya ia ditaklifkan dengan keperluan-keperluan seks itu untuk kepentingan hayat, untuk kesinambungan dan kesuburannya, malah apa yang diusahakan oleh Islam ialah menegakkan insaniyahnya dan meningkatkannya dan menghubungkannya dengan Allah ketika ia menyahuti dorongan jasmaniyahnya. Islam berusaha mencampurkan di antara dorongan jasmani dengan perasaan-perasaan insaniyah pada mulanya dan dengan kesedaran keagamaan yang halus pada

akhirnya. Ia mencampurkan di antara keduanya dalam satu ketika, dalam satu harakat dan dalam satu tujuan, iaitu percampuran yang sebati pada diri manusia itu sendiri, yang menjadi khalifah Allah di buminya. Dan manusia memang layak menjadi khalifah Allah kerana di dalam tabi'at dan di dalam dirinya telah dipasang dengan kekuatan-kekuatan dan daya-daya tenaga yang cukup. Sistem yang menangani manusia itulah yang memberi perhatian kepada semua kehendak-kehendak fitrah manusia kerana sistem ini dari ciptaan Allah yang menciptakan fitrah manusia dan setiap sistem yang lain darinya, sama ada sedikit atau banyak, akan bercanggah dengan fitrah manusia, dan akibatnya ia akan gagal dan manusia akan celaka baik sebagai individu atau sebagai kelompok. Hanya Allah sahaja yang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 224 - 227)

Kemudian rangkaian ayat yang berikut beralih dari pembicaraan mengenai hukum hubungan kelamin dalam masa haidh kepada pembicaraan mengenai ila', iaitu bersumpah memulau atau enggan dari melakukan hubungan kelamin (dengan isteri). Sesuai dengan pembicaraan ini ia menyentuh perbuatan bersumpah itu sendiri dan menjadikannya sebagai muqaddimah bagi pembicaraan mengenai hukum ila':

وَلَا تَجْعَلُوا۟ ٱللَّهَ عُرْضَةً لِّأَيْمَٰنِكُمْ أَن تَبَرُّوا۟ وَتَتَّقُوا۟ وَتُصْلِحُوا۟ بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٤﴾ لَّا يُؤَاخِذُكُمُ ٱللَّهُ بِٱللَّغْوِ فِىٓ أَيْمَٰنِكُمْ وَلَٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٢٥﴾ لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِن فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾ وَإِنْ عَزَمُوا۟ ٱلطَّلَٰقَ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾

"Dan janganlah kamu jadikan Allah dalam sumpah kamu sebagai penghalang yang menghalangi kamu daripada berbuat kebaikan dan bertaqwa dan mendamaikan di antara manusia. Dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(224). Allah tidak mempersalahkan kamu dengan sumpah kamu yang tidak dimaksudkan itu, tetapi Allah mempersalahkan kamu dengan sumpah yang memang dirancangkan oleh hati kamu dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Sabar(225). Kepada orang-orang yang bersumpah tidak mahu mencampuri isteri-isteri mereka diberi tempoh empat bulan. Jika - selepas itu - mereka kembali (men-campuri isteri mereka) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang(226). Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talaq, maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(227)

Hukum Bersumpah

Pentafsiran yang diriwayatkan dari Ibn Abbas radhiallahu 'an huma mengenai ayat ini:

وَلَا تَجْعَلُوا۟ ٱللَّهَ عُرْضَةً

"Dan janganlah kamu jadikan Allah dalam sumpah kamu sebagai penghalang......"(224)

ialah katanya: Janganlah engkau jadikan sumpah engkau sebagai penghalang dari engkau berbuat kebaikan, tetapi keluarkanlah bayaran kifarat kerana sumpah engkau itu dan buatlah kebaikan. Beginilah juga kata Masruk, as-Sya'bi, Ibrahim al-Nakh'i, Mujahid, Tawus, Sa'id ibn Jubayr, 'Atta', 'Ikrimah, Makhul, az-Zuhri, al-Hassan, Qatadah, Muqatil, Ibn Hayan, ar-Rabi' ibn Anas, ad-Dhahhak, 'Atta 'al-Khurasani dan as-Suddi rahimahumullah sebagaimana telah dinaqalkan oleh Ibn Kathir.

Di antara hadith yang dijadikan dalil bagi pentafsiran ini ialah hadith yang telah diriwayatkan oleh Muslim dengan isnadnya dari Abu Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من حلف على يمين فرأى غيرها خيرا منها فليكفر عن يمينه، وليفعل الذى هو خير.

"Sesiapa yang membuat suatu sumpah kemudian dia melihat sesuatu yang lain lebih baik dari sumpah itu, maka hendaklah dia membayar kifarat sumpahnya dan hendaklah dia membuat sesuatu yang lebih baik dari sumpah itu."

Dan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan isnadnya dari Abu Hurayrah katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

والله لأن يلج أحدكم بيمينه في أهله آثم له عند الله من أن يعطي كفارته التي افترض الله عليه.

"Demi Allah sesungguhnya jika seseorang kamu terus berdegil dengan sumpahnya terhadap ahlinya (sedangkan dia melihat ada yang lebih baik dari sumpahnya) maka perbuatan itu adalah lebih berdosa baginya di sisi Allah dari membayar kifarat sumpahnya yang telah diwajibkan Allah ke atasnya."

Berdasarkan dalil-dalil ini, maka makna ayat ini ialah: Janganlah engkau jadikan bersumpah dengan nama Allah suatu penghalang bagi kamu dari berbuat kebaktian, taqwa dan islah di antara orang ramai. Jika kamu telah bersumpah tidak mahu melakukan perbuatan-perbuatan itu, maka hendaklah kamu membayar kifarat sumpah kamu dan buatlah kebaikan kerana membuat kebaktian, taqwa dan islah itu lebih baik dari berpegang dengan sumpah.

Hal itu samalah seperti yang telah berlaku kepada Abu Bakr r.a. apabila beliau bersumpah tidak mahu membantu Mistah kerabatnya kerana terlibat dalam

peristiwa fitnah dusta terhadap 'Aisyah r.a., lalu Allah turunkan ayat di dalam Surah an-Nur yang berbunyi:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُوا الْفَضْلِ مِنكُمْ وَالسَّعَةِ أَن يُؤْتُوا أُولِي الْقُرْبَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۖ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ ۗ

"Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi bantuan kepada kaum kerabat, orang-orang miskin, dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan mema'af. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu."

(Surah an-Nur : 22)

Lalu Abu Bakr pun membatalkan sumpahnya dan membayar kifaratnya.

Tetapi Allah amat kasihan belas terhadap manusia kerana itu Allah hanya mewajibkan kifarat ke atas sumpah yang benar-benar dimaksud dan diniatkan oleh seseorang yang bersumpah. Adapun sumpah yang terlancar oleh lidah tanpa sengaja, maka Allah telah mema'afkan sumpah itu dan tidak mewajibkan kifarat ke atasnya:

لَّا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٢٥﴾

"Allah tidak mempersalahkan kamu dengan sumpah kamu yang tidak dimaksudkan itu, tetapi Allah mempersalahkan kamu dengan sumpah yang memang dirancangkan oleh hati kamu dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Sabar."(225)

Sumpah-sumpah Yang Tidak Dikira

Abu Daud telah meriwayatkan dengan isnadnya dari 'Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

اللغو في اليمين هو كلام الرجل في بيته: كلا والله، وبلى والله

"Sumpah yang tidak dikira itu ialah percakapan seseorang di rumahnya: Tidak! Demi Allah, ya, demi Allah!"

Mengikut riwayat Ibn Jarir dari saluran 'Urwah yang mauquf di atas 'Aisyah: Maksud "Allah tidak mempersalahkan kamu dengan sumpah kamu yang tidak dimaksudkan itu" ialah kata-kata: Tidak! Demi Allah. Ya! Demi Allah." Dalam sebuah hadith yang mursal dari al-Hasan ibn Abi al-Hasan katanya: Rasulullah s.a.w. telah melalui sekumpulan orang yang sedang memanah, dan bersama Rasulullah s.a.w. ada seorang lelaki dari sahabatnya. Kemudian seorang dari kumpulan itu berdiri dan berkata: "Aku sudah kena demi Allah, dan awak tidak kena demi Allah". Lalu sahabat yang ada bersama Nabi s.a.w. itu berkata kepada Nabi s.a.w.: 'Wahai Rasulullah! Lelaki ini telah melanggar sumpahnya." Jawab beliau:

كلا أيمان الرماة لغو لا كفارة فيها ولا عقوبة

"Tidak, sumpah pemanah-pemanah itu tidak dikira, tidak ada apa-apa kifarat dan tidak ada apa-apa hukuman padanya."

Mengikut keterangan yang datang dari Ibn Abbas radhiallahu 'an huma sumpah yang tidak dikira itu ialah engkau bersumpah ketika engkau sedang marah. Begitu juga diriwayatkan dari Ibn Abbas: Sumpah yang tidak dikira itu ialah engkau mengharamkan apa yang dihalalkan Allah, sumpah yang demikian tidak terkena kifarat di atas engkau.

Dan dari Sa'id ibn al-Musaiyab: Ada dua orang bersaudara dari orang-orang Ansar. Di antara keduanya ada pusaka (yang belum dibahagi). Salah seorang dari keduanya minta saudaranya yang seorang lagi supaya membahagi pusaka itu. Lalu dijawabnya: Jika awak kembali lagi meminta aku membahagikan pusaka itu, maka semua hartaku untuk pintu Ka'bah (yakni untuk Ka'bah). 'Umar pun berkata kepadanya: Ka'bah tidak memerlukan harta awak. Bayarlah kifarat sumpah engkau itu dan bercakaplah dengan saudaramu kerana aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

لا يمين عليك ولا نذر في معصية الرب عزوجل، ولا في قطيعة الرحم ولا فيما لا تملك

"Tidak ada sumpah dan tidak ada nazar dalam perkara yang menderhakakan Allah 'Azzawajalla, begitu juga (tidak ada sumpah dan nazar) dalam perkara yang memutuskan hubungan rahim dan dalam perkara yang engkau tidak milik."

Sumpah Yang Dikenakan Bayaran Kifarat

Dari athar-athar ini dapatlah diambil kesimpulan bahawa sumpah yang tidak diniatkan oleh hati dan diucap kosong oleh lidah itu tidak dikenakan apa-apa kifarat dan hanya sumpah yang diniatkan oleh seseorang yang bersumpah dan ia berazam melakukan apa yang disumpahkannya itu sama ada mengambil atau meninggal itulah sahaja sumpah yang dikira dan diwajibkan bayaran kifarat apabila seorang itu membatalkannya. Dan sumpah itu wajib dibatalkan jika akibatnya membawa kepada keengganan membuat kebaikan atau menggalakkan seorang kepada melakukan kejahatan. Adapun jika seorang itu bersumpah terhadap sesuatu dan dia tahu bahawa sumpahnya itu bohong, maka setengah-setengah pendapat mengatakan ia tidak dikenakan apa-apa kifarat yakni tidak membayar apa-apa kifarat. Ujar al-Imam Malik di dalam al-Muwatta': Pandangan yang paling elok yang aku telah dengar mengenai sumpah ialah sumpah yang tidak dikira itu ialah sumpah seseorang terhadap sesuatu yang ia yakin begitu kemudian didapati berlainan dari itu, maka sumpah ini tidak dikenakan apa-apa kifarat. Dan seorang yang bersumpah terhadap sesuatu yang ia tahu bahawa ia berdosa dan berdusta untuk menyenangkan seorang yang lain dan untuk mendapatkan wang dengannya, maka sumpah ini adalah lebih besar dari dikenakan kifarat.

Ayat hukum menghindari sumpah kepada anjuran melakukan kebaktian dan kebaikan berikut mengulas dengan kenyataan:

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٤﴾

"Dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui,"(224)

untuk menyarankan kepada hati bahawa Allah S.W.T. mendengar sebarang apa yang dikata dan mengetahui di mana letaknya kebaikan. Oleh sebab itulah Allah membuat hukum ini.

Sementara ayat hukum sumpah yang tidak dikira dan sumpah yang dikira dan diniatkan oleh hati diiringi dengan kenyataan:

وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٢٥﴾

"Dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Sabar,"(225)

untuk mengingatkan hati bahawa Allah amat sabar, dan Ia tidak mempersalahkan para hamba-Nya dengan segala sumpah yang terlanjur oleh lidah mereka, juga mengingatkan hati bahawa Allah sentiasa bersedia untuk memberi keampunan - selepas bertaubat - kepada sumpah-sumpah yang membuat hati mereka berdosa dengannya.

Dengan kenyataan-kenyataan ini Al-Qur'an mengingatkan persoalan bersumpah dengan Allah dan membawa hati manusia bertawajjuh kepada Allah dalam setiap perbuatan yang dilakukannya dan dalam setiap perkataan yang diucapkannya.

Setelah selesai menjelaskan dasar umum dalam bersumpah, ayat yang berikut mulai memperkatakan tentang sumpah ila', iaitu si suami bersumpah tidak akan mengadakan hubungan kelamin dengan isterinya sama ada untuk tempoh yang tidak terhad atau untuk satu tempoh yang panjang yang tertentu:

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ فَإِن فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾

"Kepada orang-orang yang bersumpah tidak mahu mencampuri isteri-isteri mereka diberi tempoh empat bulan. Jika - selepas itu - mereka kembali (mencampuri isteri mereka) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(226)

وَإِنْ عَزَمُوا۟ ٱلطَّلَٰقَ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾

"Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talaq maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(227)

Di sana terdapat keadaan-keadaan jiwa yang dialami oleh setengah-tengah suami yang berpunca dari suatu sebab dari berbagai-bagai sebab yang terjadi dalam kehidupan suami isteri yang mempunyai bermacam-macam hubungannya. Keadaan-keadaan inilah yang mendorong suami-suami itu melenting dan bersumpah tidak mahu bersetubuh dengan isterinya. Pemulauan atau pemboikotan ini tentulah menyakitkan hati si isteri. Ia tentulah menimbulkan kesengsaraan dan kesulitan dari segi jiwa dan saraf kepada isteri, di samping menjatuhkan kehormatannya sebagai seorang perempuan dan melumpuhkan kehidupan suami isteri. Ia merupakan satu kerenggangan yang mengoyakkan tali pergaulan mesra dan menghancurkan bangunan keluarga apabila kerenggangan itu berpanjangan dari masanya yang munasabah.

Hukum 'Ila

Islam tidak bertindak terus mengharamkan ila' ini dari awal-awal lagi, kerana ia kadang-kadang boleh menjadi ubat yang berguna dalam setengah-setengah kes untuk menundukkan isteri yang keras kepala, sombong dan angkuh dengan kejelitaan dan kebolehannya menggoda, memikat dan menyulitkan kaum lelaki, di samping kadang-kadang memberi peluang untuk melepaskan kejemuan yang mendadak atau kemarahan yang meledak, dan selepas itu hidup mereka dapat kembali semula lebih cergas dan kuat.

Tetapi Islam tidak memberi kebebasan yang sewenang-wenang kepada lelaki, kerana dia mungkin bertindak zalim dan melampaui batas dalam setengah kes kerana semata-mata mahu menyusahkan dan menghinakan perempuan (isterinya) atau mahu menyakitinya supaya ia terus tergantung-gantung tidak dapat meni'mati hidup suami isteri bersama dengannya dan tidak pula terpisah dari ikatan suami isteri hingga ia dapat mendirikan rumahtangga yang baru.

Untuk menyelaraskan di antara berbagai-bagai kemungkinan dan untuk menghadapi keadaan-keadaan yang berlaku dalam kehidupan, Islam menetapkan had ila' yang maksima, iaitu tidak lebih dari empat bulan. Penetapan had masa ini mungkin dilihat kepada had ketahanan yang maksima supaya ia tidak merosakkan hati perempuan dan tidak meletakkan matanya pada lelaki yang lain apabila ditekan oleh keinginan semulajadinya. Mengikut riwayat, 'Umar ibn al-Khattab r.a. keluar membuat pemeriksaan di waktu malam yakni memeriksa keperluan-keperluan orang ramai dan keadaan-keadaan mereka secara bersembunyi, lalu dia mendengar seorang perempuan bersajak:

Panjang sungguh malam ini

sudutnya gelap menghitam

masakan mata lena

tiada teman untuk bercanda

demi Allah, jika tidak kerana setia

hati ini bermuraqabah dengan Dia

tentulah sudut-sudut katil ini

bergerak di sana sini

Lalu 'Umar bertanya anaknya Hafsah r.a.: Berapa lama perempuan boleh bersabar dari suaminya? Jawab Hafsah: Enam bulan - atau empat bulan - maka kata 'Umar: "Aku tidak akan menahan mana-mana askar lebih dari tempoh ini", dan beliau memutuskan bahawa para Mujahidin tidak .boleh tinggal negeri lebih dari tempoh ini.

Walau bagaimanapun tabi'at manusia berbeza-beza di dalam perkara-perkara yang seperti ini. Tetapi tempoh empat bulan merupakan satu tempoh yang cukup untuk seorang itu menguji diri sendiri dan hatinya sama ada ia patut pulang memulakan satu kehidupan suami isteri yang betul dan pulang ke pangkuan isterinya dan sarangnya, atau ia masih berada dalam keadaan liar dan tidak dapat menerima dan dalam keadaan ini dia pastilah bertindak merombakkan ikatan perkahwinan itu dan memulangkan kepada isterinya kemerdekaannya dengan talaq. Sama ada dia sendiri yang menggugurkan talaq itu atau pihak qadhi yang menggugurkannya. Ini ialah untuk membolehkan suami dan isteri itu berusaha mendirikan rumahtangga yang baru dengan seorang yang lain. Langkah ini lebih terhormat dan lebih suci bagi isteri, dan lebih selesa dan berguna kepada suami, dan lebih dekat kepada semangat keadilan dan kesungguhan dalam menjaga hubungan suami isteri yang telah dikehendaki Allah sebagai satu hubungan untuk melanjutkan hayat bukan untuk membekukannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 228)

Kini pembicaraan rangkaian ayat yang berikut tiba pula kepada persoalan talaq dan di sini ia menjelaskan hukum-hukum talaq dan segala yang seiringan dengannya seperti 'iddah, tebus talaq, nafkah, pemberian sagu hati (mut'ah) dan sebagainya dari kesan-kesan yang terbit dari talaq.

Ia mulakan dengan hukum 'iddah dan ruju':

وَٱلْمُطَلَّقَٰتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَٰثَةَ قُرُوٓءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ
لَهُنَّ أَن يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِىٓ أَرْحَامِهِنَّ إِن كُنَّ يُؤْمِنَّ
بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِى ذَٰلِكَ
إِنْ أَرَادُوٓا۟ إِصْلَٰحًا ۚ وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ
بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾

"Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahankan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga quru', dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan sesuatu yang telah dijadikan Allah di dalam rahim mereka jika benar mereka beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan suami-suami mereka lebih berhak meruju'kan mereka dalam masa 'iddah itu jika mereka mahu berdamai dan isteri-isteri juga mempunyai hak yang sama seperti kewajipan-kewajipan yang terbeban ke atas mereka mengikut cara yang baik dan bagi kaum lelaki sedarjah lebih tinggi di atas kaum perempuan dan Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(228)

Hendaklah mereka menunggu dengan menahankan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga quru' yakni tiga kali haidh atau tiga kali suci dari haidh mengikut khilaf fiqhi.

Tujuan Menahan Diri Bagi Perempuan Yang Dicerai

"Hendaklah mereka menunggu dengan menahan diri mereka"....... Kita berada di hadapan satu ungkapan yang memberi gambaran yang seni terhadap satu keadaan jiwa yang halus...... Pengertian biasa yang dimaksudkan dari ungkapan ini ialah supaya perempuan-perempuan itu menunggu tanpa kahwin sehingga habis tiga kali haid atau sehingga mereka suci dari tiga kali haidh tetapi ungkapan Al-Qur'an ini memberi makna bayangan yang lain di samping makna biasa itu. Ia membayangkan wujudnya kegemaran dan keinginan yang kuat untuk mendirikan rumahtangga yang baru, iaitu keinginan jiwa yang menyeru mereka supaya menunggu dengan sabar serta bersikap waspada dan berhati-hati yang menyertai gambaran menunggu itu. Ini adalah satu keadaan yang tabi'i yang berlaku kerana keinginan perempuan untuk membuktikan kepada dirinya dan kepada orang lain bahawa kegagalannya dalam kehidupan suami isteri itu bukan kerana kelemahan atau kekurangannya dan bahawa dia masih berupaya menarik lelaki yang lain dan membina sebuah kehidupan yang baru. Dorongan yang seperti ini tentulah tidak terdapat di dalam jiwa lelaki kerana dia yang menggugurkan talaq, sedangkan dorongan ini terdapat dengan kuatnya di dalam jiwa perempuan kerana dialah pihak yang digugurkan talaq ke atasnya. Demikianlah Al-Qur'an menggambarkan keadaan jiwa dari celah-celah kata-kata pengungkapan dan memberi perhatian dan perhitungannya kepada keadaan ini.

Mereka diperintah menunggu dan menahan diri mereka selama masa itu supaya dapat dipastikan kebersihan rahim mereka dari kesan-kesan perkahwinan yang silam sebelum mereka berkahwin baru:

وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَن يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِىٓ أَرْحَامِهِنَّ إِن
كُنَّ يُؤْمِنَّ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ

"Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan sesuatu yang telah dijadikan Allah di dalam rahim mereka jika benar mereka beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."

Hukum 'Iddah Dan Hukum Ruju'

Yakni mereka tidak dihalalkan menyembunyikan sesuatu yang telah dijadikan Allah di dalam

kandungan mereka sama ada anak kandungan atau haidh. Di sini Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan menyebut Allah yang menjadikan sesuatu di dalam rahim mereka. Begitu juga Al-Qur'an merangsangkan kesedaran beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Jadi, syarat keimanan ini ialah janganlah mereka menyembunyikan sesuatu yang telah dijadikan Allah di dalam rahim mereka. Sebutan hari Akhirat secara khusus di sini mempunyai nilainya kerana di sanalah terletaknya balasan yang sebenarnya. Di sanalah ganti rugi yang akan dikurniakan kerana keluputan sesuatu akibat menunggu, dan di sanalah balasan yang akan diterima mereka jika mereka menyembunyikan sesuatu yang dijadikan Allah di dalam rahim mereka dan Allah mengetahuinya kerana Dialah yang menjadikannya dan tiada suatu pun yang tersembunyi dari ilmu-Nya. Oleh itu tidaklah harus disembunyikan kepada Allah kerana desakan keinginan atau suatu tujuan dari berbagai-bagai tujuan yang dihadapi hati mereka.

Ini dari satu segi dan dari satu segi yang lain pula kedua-dua suami isteri itu memerlukan kepada suatu masa yang sesuai untuk mereka mengujikan sentimen-sentimen mereka selepas perpisahan itu. Mungkin dalam hati mereka masih ada lagi saki-baki kasih sayang yang boleh dipulihkan, mungkin ada lagi saki-baki sentimen yang baik yang boleh dirangsangkan, mungkin ada lagi pertimbangan yang baik yang telah ditewaskan oleh sesuatu nafsu keinginan, atau sesuatu kesilapan atau suatu sikap yang angkuh. Apabila kemarahan kembali tenang, dendam kesumat mereda, jiwa mula tenteram, maka semua sebab yang mendesak kepada perceraian itu menjadi kecil belaka dan muncullah pertimbangan-pertimbangan yang baru, kembalilah kerinduan untuk memulakan kembali kehidupan yang terkandas atau kembalilah rasa segan dan malu demi memelihara sesuatu kewajipan. Tambahan pula talaq itu merupakan perkara halal yang paling dimurkai Allah dan ia merupakan satu proses pemotongan yang tidak seharusnya dilakukan melainkan apabila tidak dapat diubati dengan cara yang lain (di tempat-tempat yang lain dari Al-Qur'an disebut usaha-usaha yang harus dibuat sebelum digugurkan talaq. Begitu juga pengguguran talaq itu pastilah dilakukan dalam masa suci, di mana tidak berlaku sebarang hubungan kelamin. Semuanya ini bertujuan untuk mewujudkan tempoh penangguhan di antara keazaman hendak bercerai dengan tindakan menggugurkan talaq dalam kebanyakan kes, kerana si suami harus menunggu sehingga datang masa suci kemudian barulah dia dapat menggugurkan talaq....... dan lain-lain usaha).

Talaq yang pertama merupakan satu ujian, di mana suami isteri dapat mengetahui hakikat perasaan mereka yang sebenar. Oleh itu apabila ternyata kepada kedua-duanya dalam masa 'iddah bahawa mereka boleh memulakan semula kehidupan mereka, maka jalan ke arahnya terbuka lebar:

وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَٰلِكَ إِنْ أَرَادُوٓا۟ إِصْلَٰحًا ۚ

"Dan suami-suami mereka lebih berhak merujukkan mereka dalam masa ('iddah) itu jika mereka mahu berdamai."

Dalam masa 'iddah yakni dalam masa menunggu jika mereka mahu berdamai dengan ruju' ini yang bukan bertujuan untuk menyulitkan isteri dan membelenggunya semula dalam satu kehidupan yang penuh duri kerana membalas dendam atau kerana menunjukkan keangkuhan atau kerana tidak mahu memberi peluang kepadanya bersuamikan orang lain.

وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ

"Isteri-isteri juga mempunyai hak-hak yang sama seperti kewajipan yang terbeban ke atas mereka mengikut cara yang baik."

Yakni di dalam keadaan ini isteri-isteri yang dicerai itu mempunyai hak-hak yang sama dengan kewajipan-kewajipan ke atas mereka, iaitu mereka diwajib menunggu dan jangan menyembunyikan sesuatu yang telah dijadikan Allah di dalam rahim mereka dan suami-suami mereka pula diwajibkan mempunyai niat yang baik di dalam ruju' mereka, iaitu tidak bertujuan menyakiti mereka dan tidak pula bertujuan mendatangkan kemudharatan, juga menanggung nafkah sebagai balasan terhadap isteri yang tertahan kerana 'iddah.

Maksud Lelaki Melebihi Perempuan Sedarjah Lebih Tinggi

وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ

"Dan bagi kaum lelaki sedarjah lebih tinggi di atas kaum perempuan."

Saya fikir kenyataan dalam ayat ini dikaitkan dengan hak lelaki meruju'kan perempuan ke dalam naungan mereka dalam tempoh 'iddah. Allah telah menjadikan hak ruju' ini di tangan lelaki kerana dialah yang menggugurkan talaq, dan tentulah tidak munasabah jika lelaki yang menggugurkan talaq kemudian diberikan hak ruju' itu kepada perempuan, lalu perempuan pergi kepadanya dan meruju'kan lelaki ke dalam naungannya, kerana hak ruju' itu adalah suatu hak yang ditentukan oleh tabi'at keadaan. Dan darjah kelebihan yang dimaksudkan di sini ialah darjah kelebihan yang terbatas bukannya darjah kelebihan dengan pengertiannya yang mutlak seperti yang difahamkan oleh kebanyakan orang dan digunakan mereka sebagai dalil yang bukan pada tempatnya.[15]

Kemudian diiringi dengan kenyataan:

---

[15] *Saya tidak mahu membersihkan diri saya kerana saya juga telah terjatuh ke dalam pentafsiran ini – yang saya kini tarjihkannya tidak betul – dalam setengah-setengah tulisan saya.*

وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾

"Dan Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(228)

Kenyataan ini bertujuan menyedarkan terhadap kuatkuasa Allah yang menetapkan hukum-hukum itu dan terhadap hikmat kebijaksanaan-Nya memfardhukan hukum-hukum itu ke atas manusia. Kenyataan ini juga bertujuan mengembalikan hati dari kesesatan dan penyelewengan yang berlaku akibat terdesak di bawah berbagai-bagai faktor dan keadaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-229)

Bilangan Talaq Yang Boleh Diruju'

Hukum-hukum yang berikut ialah mengenai bilangan talaq, mengenai hak perempuan yang dicerai untuk memiliki maskahwin, mengenai haram mengambil sesuatu dari maskahwin ketika bercerai kecuali dalam satu kes sahaja, iaitu kes perempuan yang bencikan suaminya dan takut melakukan maksiat jika ia terus terikat dengan perkahwinan yang tidak disukainya itu. Inilah kes khul'u atau tebusan talaq, di mana isteri membeli kebebasan dirinya dengan membayar tebusan:

ٱلطَّلَٰقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكٌۢ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌۢ بِإِحْسَٰنٍ وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَأْخُذُوا۟ مِمَّآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْـًٔا إِلَّآ أَن يَخَافَآ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا ٱفْتَدَتْ بِهِۦ تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٢٩﴾

"Talaq (yang boleh dirujuk kembali itu) ialah dua kali. Sesudah itu bolehlah ia memegang isteri itu dengan cara yang baik atau melepaskannya (menceraikannya) dengan cara yang baik. Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu yang telah kamu berikannya kepada isteri-isteri kamu (yang diceraikan itu) kecuali jika kedua-duanya takut tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepada kedua-dua mereka mengenai bayaran tebusan talaq yang diberikan oleh isteri untuk menebuskan dirinya (dan diterima oleh suaminya). Itulah batas-batas Allah, oleh itu janganlah kamu melanggarnya, dan barangsiapa yang melanggar peraturan-peraturan Allah, maka merekalah orang-orang yang zalim."(229)

Bilangan talaq yang boleh dimulakan semula kehidupan suami isteri ialah dua kali. Apabila talaq itu melebihi dua kali, maka tidak ada jalan lagi untuk kembali kecuali dengan syarat yang telah dinaskan oleh ayat selanjutnya, iaitu perempuan itu berkahwin dengan orang lain kemudian suami yang baru ini menceraikannya dengan talaq biasa kerana sesuatu sebab yang tertentu dan tidak meruju'kannya hingga ia terpisah darinya. Di waktu inilah sahaja harus bagi suaminya yang pertama berkahwin semula dengannya jika perempuan itu redha menerimanya sebagai suami yang baru.

Ada hadith yang datang mengenai sebab nuzul syarat ini, iaitu talaq di permulaan Islam tidak dihadkan dengan bilangan kali yang tertentu. Seorang lelaki bebas meruju'kan isteri yang diceraikannya dalam masa 'iddah, kemudian menceraikannya semula dan meruju'kannya balik. Demikianlah dia berbuat sesuka hatinya. Kemudian ada seorang Ansar berselisih faham dengan isterinya lalu dia menaruh dendam terhadapnya dan berkata: "Demi Allah, aku tidak akan tinggal bersama awak, tetapi tidak pula berpisah dengan awak." Isterinya bertanya. "Bagaimana?" Jawabnya: "Aku akan ceraikan awak dan apabila 'iddah awak hampir habis aku akan ruju'kan awak." Lalu perempuan itu menceritakan perkara ini kepada Rasulullah s.a.w., maka Allah 'Azawajjala menurunkan ayat:

ٱلطَّلَٰقُ مَرَّتَانِ

"Talaq (yang boleh ruju' kembali itu) ialah dua kali......."

Kebijaksanaan agama Allah yang dipegang oleh kaum Muslimin terus menerus menurunkan hukum-hukum apabila timbul keadaan-keadaan yang memerlukan kepada hukum-hukum itu sehingga seluruh dasar agama itu lengkap dan sempurna dan tidak ada lagi yang tinggal kecuali membuat tafri'-tafri' (mengeluarkan hukum-hukum dari dasar yang am) bagi kes-kes yang baru dan mengadakan jawapan-jawapan baginya yang diambil dari dasar yang am itu.

Penjelasan ayat ini telah menjadikan talaq itu terbatas dan tidak ada lagi jalan untuk mempermainkan talaq dengan menggunakannya dalam masa yang lama. Oleh itu apabila talaq yang pertama gugur, maka bolehlah bagi suami meruju'kan isterinya dalam masa 'iddah tanpa memerlukan kepada sesuatu tindakcara yang lain. Tetapi jika ia membiarkan 'iddah itu berlalu hingga habis, maka si isteri itu terpisah darinya dan dia tidak boleh mengembalikannya melainkan dengan 'aqad dan maskahwin yang baru. Dan jika ia meruju'kannya dalam masa 'iddah atau jika ia berkahwin semula dengannya dalam kes perpisahan atau bainunah kecil (sughra), maka dia masih mempunyai satu talaq lagi di atas isterinya yang sama dengan talaq yang pertama dari segi semua hukumnya. Tetapi jika dia menggugurkan talaq bagi kali yang ketiga maka perempuan itu akan terpisah darinya dengan perpisahan atau bianunah besar (Kubra) sebaik sahaja gugurnya talaq itu, dan dia tidak lagi mempunyai apa-apa hak ruju' dalam masa 'iddah dan tidak pula dapat mengembalikannya selepas 'iddah melainkan setelah perempuan ini berkahwin dengan orang yang lain,

kemudian suami yang baru ini pula - kerana sesuatu sebab yang biasa - telah menceraikannya pula hingga terpisah darinya kerana dia tidak meruju'kannya atau kerana dia telah menggugurkan talaq ke atasnya sebanyak tiga kali, maka waktu ini sahaja barulah perempuan ini boleh balik semula kepada suaminya yang pertama.

Talaq yang pertama merupakan batu uji dan talaq yang kedua juga merupakan satu ujian lagi dan andainya selepas ini kehidupan rumahtangga boleh jadi baik, maka bererti ujian itu telah berjaya, dan jika tidak juga baik, maka talaq yang ketiga merupakan bukti kerosakan yang sebenar dalam kehidupan suami isteri yang tidak sesuai lagi untuk dihayati.

Walau bagaimanapun, talaq itu tidak seharusnya digunakan melainkan sebagai satu pengubatan yang terakhir bagi satu penyakit yang tidak dapat diubati dengan ubat yang lain darinya. Apabila dua talaq telah digugurkan, (maka tiada lagi pilihan melainkan) sama ada memegang isteri itu dengan baik dan memulakan kehidupan yang mesra dan lemah lembut atau melepaskan isteri itu dengan baik tanpa menyusah dan menyakitinya. Itulah talaq yang ketiga yang memberi laluan kepada isteri ke jalan hidup yang baru. Inilah suatu undang-undang amali untuk menghadapi keadaan-keadaan yang berlaku dengan penyelesaian-penyelesaian yang amali. Ia tidak mengingkari keadaan-keadaan yang berlaku kerana mengingkari itu tidak berguna lagi dan ia tidak cuba menciptakan semula manusia dengan satu tabi'at yang lain dari tabi'at mereka yang telah dijadikan Allah, dan ia juga tidak mengabaikan keadaan-keadaan yang berlaku kerana pengabaian itu tidak berguna.

Hukum Khul'u (Tebus Talaq)

Dan tidak halal bagi suami mengambil balik sebahagian dari maskahwin atau nafkah yang telah dibelanjakannya dalam masa hidup suami isteri itu sebagai pampasan melepaskan isteri itu jika hidupnya tidak secocok dengannya, kecuali si isteri itu sendiri tidak suka dan tidak sanggup hidup bersama dengannya kerana sesuatu sebab yang menyentuh perasaan peribadinya atau kerana dia benar-benar merasa bahawa kebencian terhadap suaminya itu akan membawanya melanggar batas-batas Allah yang menyaran supaya menunjukkan pergaulan yang baik, kesucian hati dan sopan santun. Maka di sini si isteri boleh memohon talaq dari suaminya dan membayar pampasan kepadanya kerana memecahkan rumahtangganya tanpa sebab yang disengaja darinya, dalam bentuk memulangkan kembali maskahwin yang telah diberikan kepadanya dulu atau memulangkan semua atau sebahagian nafkah yang telah dibelanjakan ke atasnya untuk memeliharakan dirinya dari melakukan maksiat terhadap Allah dan melampaui batas-batasnya, dan dari menganiayai dirinya dan yang lain darinya dalam keadaan ini. Demikianlah Islam mengawasi semua keadaan yang berlaku kepada manusia dan menjaga perasaan hati mereka yang serius yang tidak terdaya dielak oleh mereka. Islam tidak memaksa isteri supaya menghayati kehidupan yang dibenci olehnya, dan dalam waktu yang sama Islam tidak mensia-siakan segala apa yang dibelanjakan oleh suami tanpa kesalahan yang dilakukannya.

Untuk mendapat gambaran betapa pentingnya nas ini eloklah kita ruju'kan kepada satu contoh tatbiqnya di zaman Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan sejauh mana kesungguhan, penghargaan, dan keadilan sistem hidup Rabbani yang lurus ini.

Al-Imam Malik telah meriwayatkan dalam kitabnya al-Muwatta'......... bahawa Habibah binti Sahl al-Ansari adalah berada di bawah (isteri kepada) Thabit ibn Qays ibn Syammas. Pada suatu pagi Rasulullah s.a.w. telah keluar dan didapati Habibah binti Sahl berada di pintunya di dalam gelap, lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: "Siapa ini?" Jawab dia: "Saya Habibah binti Sahl! " Beliau bertanya lagi, "Apa hal anda?" Jawabnya: "Tidak saya dan tidak pula Thabit ibn Qais" [16] - suaminya -. Apabila suaminya Thabit ibn Qays datang, Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Ini Habibah binti Sahl telah menyebut perkara-perkara yang telah dikehendaki Allah supaya ia menyebutkannya...... Kemudian Habibah berkata: "Segala pemberian yang telah ia berikan kepada saya ada bersama saya sekarang." Lalu Rasulullah s.a.w. pun berkata (kepada Thabit): "Ambillah pemberianmu itu dari dia!" Lalu Thabit mengambilnya dan Habibah pun duduk dengan keluarganya.

Al-Bukhari meriwayatkan dengan isnadnya dari Ibn Abbas r.a. bahawa isteri Thabit ibn Qays ibn Syammas datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu berkata: Wahai Rasulullah, saya tidak mencacatkan perangai dan keagamaannya, tetapi saya bencikan sesuatu yang membawa kepada kekufuran di dalam Islam. Maka Rasulullah s.a.w. bertanya: Adakah anda bersedia memulangkan balik kebunnya? (kebun itu telah dijadikannya sebagai maskahwinnya). Jawab isterinya, "Ya." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Thabit, "Terimalah kebun itu dan ceraïlah dia dengan satu talaq."

Mengikut satu riwayat yang lebih terperinci yang diriwayatkan oleh Ibn Jarir dengan isnad dari bapa Jarir bahawa dia bertanya 'Ikrimah: Apakah Khul'u ini ada asal usulnya? Jawabnya: Ibn Abbas ada berkata: Peristiwa Khul'u yang pertama di dalam Islam berlaku pada saudara perempuan Abdullah ibn Ubay. Dia datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah, tidak ada suatu pun yang dapat menyatukan kepala saya dan kepala dia (suaminya) buat selama-lamanya. Sesungguhnya dahulu saya

---

[16] *Ia bermaksud mengatakan bahawa dia datang untuk mengadu bahawa dia tidak sanggup lagi hidup dengan Thabit - Penterjemah*

telah mengangkat tepi khemah lalu saya lihat dia datang dalam satu rombongan, tiba-tiba dialah yang paling hitam dari mereka, paling pendek dari mereka dan paling buruk mukanya dari mereka." Maka suaminya pun berkata: 'Wahai Rasulullah! Saya telah memberi kepadanya harta saya yang paling bernilai, iaitu sebuah kebun milik saya. Adakah dia sanggup memulangkan kembali kebun saya?" Lalu beliau bertanya (kepada perempuan itu). "Apa kata anda?" Jawab perempuan itu: 'Ya, saya sanggup dan jika dia mahu saya boleh tambah lagi". Kata Ibn Abbas: Lalu beliau pisahkan di antara keduanya."

Kumpulan riwayat-riwayat ini menggambarkan keadaan jiwa yang telah diterima oleh Rasulullah s.a.w. dan dihadapinya dengan sikap seorang yang sedar bahawa keadaan itu adalah suatu keadaan terpaksa yang tidak berguna dibantah dan dipaksa perempuan supaya terus hidup bersama dengan suaminya. Tidak ada apa-apa kebaikan untuk hidup bersama selama perasaan (yang pahit) itu menyelubungi kehidupan itu. Oleh sebab itulah beliau memilih jalan penyelesaian dari sistem hidup Rabbani yang melayani fitrah manusia dengan layanan yang terus-terang, amali dan waqi'i/realistik, dan melayani jiwa manusia dengan layanan seorang yang faham terhadap perasaan-perasaan yang sebenar yang berkecamuk di dalam jiwanya.

Oleh sebab punca sikap bersungguh-sungguh atau bermain-main, sikap benar atau menipu dalam keadaan-keadaan ini ialah perasaan taqwa kepada Allah dan takut kepada balasan-Nya, maka ayat ini diiringi dengan sebuah kenyataan yang menakutkan mereka dari menceroboh peraturan-peraturan Allah:

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٢٩﴾

"Itulah batas-batas Allah, oleh itu janganlah kamu melanggarnya dan barang siapa yang melanggar batas-batas Allah, maka merekalah orang-orang yang zalim."(229)

Di sini eloklah kita berhenti sebentar di hadapan perbezaan yang seni dalam dua ungkapan Al-Qur'an mengenai satu amaran yang sama, tetapi berlainan keadaan.

Sehubungan dengan pembicaraan mengenai puasa yang telah berlalu di dalam surah ini telah diiringi dengan sebuah kenyataan:

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا

"Itulah batas-batas Allah, oleh itu janganlah kamu dekatinya."(187)

tetapi sehubungan dengan pembicaraan ini telah diiringi dengan kenyataan:

Perbezaan Di Antara Larangan Mendekati Dan Larangan Melanggar

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا

"Itulah batas-batas Allah. Oleh itu janganlah kamu melanggarnya." (229)

Dalam hubungan yang pertama mereka diberi amaran supaya jangan mendekati, dan dalam hubungan yang kedua mereka diberi amaran supaya jangan melanggar. Mengapakah amaran ini berbeza?

Dalam hubungan yang pertama pembicaraan di sana memperkatakan tentang perkara-perkara larangan yang menjadi idaman nafsu.

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ ٱلصِّيَامِ ٱلرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَآئِكُمْ ۚ هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ ۗ عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمْ كُنتُمْ تَخْتَانُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنكُمْ ۖ فَٱلْـَٰٔنَ بَٰشِرُوهُنَّ وَٱبْتَغُوا۟ مَا كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمْ ۚ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتِمُّوا۟ ٱلصِّيَامَ إِلَى ٱلَّيْلِ ۚ وَلَا تُبَٰشِرُوهُنَّ وَأَنتُمْ عَٰكِفُونَ فِى ٱلْمَسَٰجِدِ ۗ تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا ۗ

"Dihalalkan kepada kamu mengadakan hubungan kelamin dengan isteri-isteri kamu pada malam puasa. Mereka adalah pakaian kamu dan kamu adalah pakaian mereka. Allah telah mengetahui bahawa kamu telah mengkhianati diri kamu lalu dia menerima taubat kamu dan mema'afkan kesalahan kamu. Maka sekarang lakukanlah hubungan yang telah ditetapkan Allah untuk kamu. Dan makan dan minumlah kamu sehingga jelas kelihatan kepada kamu benang yang putih (cahaya siang) dari benang yang hitam (kegelapan malam) dari cahaya fajar, kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga malam dan janganlah kamu mengadakan hubungan kelamin dengan mereka dalam masa kamu beri'tikaf di dalam masjid. Itulah batas-batas yang telah ditetapkan Allah. Oleh itu janganlah kamu dekatinya."(187)

Perkara-perkara larangan yang menjadi idaman nafsu itu memang amat menarik hati manusia, oleh sebab itu adalah lebih baik mereka diberi amaran dari semata-mata hendak mendekatinya sahaja untuk menghindarkan kelemahan iradat mereka di hadapan tarikan-tarikannya apabila mereka mendekati atau masuk ke dalam lingkungan perangkapnya.

Adapun di sini, maka bidangnya ialah mengenai perkara-perkara yang tidak disukai, perkara-perkara perbalahan dan perselisihan (suami isteri), dan kebimbangan yang wujud di sini ialah kebimbangan melanggar batas-batas Allah dalam sa'at-sa'at hangat perbalahan itu, di mana perbalahan itu boleh melampaui batas dan tidak terhenti setakatnya sahaja. Oleh sebab itu di sini mereka diberi amaran supaya jangan melanggar batas-batas itu bukan mendekatinya. Perbezaan ini ialah kerana wujudnya hubungan yang berlainan. Itulah kehalusan

pengungkapan yang mengkagumkan yang menggambarkan berbagai-bagai kehendak yang tepat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 230)

Membangun Semula Rumahtangga Selepas Talaq

Kemudian kita terus bersama ayat-ayat yang berikut yang membicarakan hukum-hukum talaq:

فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُۥ مِنۢ بَعۡدُ حَتَّىٰ تَنكِحَ زَوۡجًا غَيۡرَهُۥۗ فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡهِمَآ أَن يَتَرَاجَعَآ إِن ظَنَّآ أَن يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِۗ وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوۡمٖ يَعۡلَمُونَ ٢٣٠

"Dan jika ia menceraikan isterinya itu (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidaklah halal kepadanya sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain darinya, dan jika suami (yang baru itu) telah menceraikan pula, maka tidak ada apa kesalahan kepada keduanya untuk berkahwin kembali jika mereka fikir dapat menegakkan batas-batas Allah. Dan itulah batas-batas Allah yang dijelaskannya kepada kaum yang mengetahui."(230)

Talaq yang ketiga - sebagaimana dijelaskan - merupakan bukti yang menunjukkan ada kerosakan yang sebenar dalam kehidupan suami isteri ini, yang tidak ada jalan lagi untuk memperbaikinya dalam masa yang hampir - jika si suami itu sungguh-sungguh dan benar-benar hendak bercerai - dalam kes yang seperti ini eloklah keduanya masing-masing berusaha mencari kongsi hidup yang baru. Tetapi talaq-talaq yang dilakukan dengan sikap bermain-main atau gopoh-gapah atau tolol, maka perbuatan ini pasti dibataskan agar ia tidak terus mempermain-mainkan hak talaq yang telah disyari'atkan supaya menjadi injap keselamatan (rumahtangga) dan supaya ia menjadi ubat dharurat untuk mengubati penyakit yang sukar diubati, bukannya supaya ia menjadi sasaran permainan, gopoh dan ketololan. Dan di waktu itu kehidupan rumahtangga ini pastilah ditamatkan kerana ia tidak lagi mendapat penghormatan dan pengawasan dari suami.

Mungkin ada orang berkata: Apakah dosa perempuan yang terancam hidupnya, keamanannya dan kemantapannya disebabkan sepatah kata yang keluar dari mulut seorang lelaki yang bersikap bermain-main? Kita sedang menghadapi satu realiti dalam kehidupan manusia. Apakah suatu cara yang lain untuk menghadapi perkara ini jika kita tidak menggunakan cara ini? Apakah anda berpendapat kita pasti memaksa si suami yang seperti ini supaya ia terus hidup dengan isteri yang ia tidak lagi hormati hubungan dengannya dan tidak lagi memandang hormat kepadanya? Misalnya kita boleh kata kepada si suami itu: Kami tidak mahu berpegang dengan talaq awak ini kerana kami tidak mengi'tirafkannya dan kami tidak akuinya. Ini isteri awak. Ia adalah di bawah tanggunggjawab awak. Sekarang ambillah dia! Tentulah kita tidak boleh buat begitu kerana perbuatan ini merupakan satu penghinaan terhadap isteri dan terhadap hubungan suami isteri yang tidak diredhai oleh Islam yang menghormati perempuan, menghormati hubungan suami isteri dan yang telah mengangkatkan hubungan ini ke tahap ibadat kepada Allah. Malah hukuman yang betul terhadapnya ialah mengharamkannya dari isteri yang ia telah mempermain-mainkan kehormatan perhubungan dengannya dan mewajibkan ke atasnya mengadakan maskahwin dan 'aqad yang baru jika ia membiarkan isterinya (hingga habis 'iddah) dan berpisah darinya tanpa ruju' di dalam dua talaq yang pertama itu, dan mengharamkannya dari isterinya pada talaq yang ketiga secara mutlak kecuali si isteri itu telah berkahwin dengan orang lain. Ini bermakna ia telah kehilangan maskahwin dan nafkah yang telah dibelanjakan kepada isterinya dan selepas itu kita mewajibkan ke atasnya nafkah 'iddah dalam semua keadaan. Yang penting kepada kita ialah kita harus melihat kepada realiti jiwa manusia dan realiti kehidupan mereka, bukannya melayang-layang dalam alam impian yang tidak berpijak di bumi atau di alam hidup!

Apabila kehidupan berlangsung seperti biasa dan si isteri telah berkahwin dengan suami yang lain selepas talaq yang ketiga, kemudian suami yang baru ini telah menceraikannya pula, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepadanya dan kepada suaminya yang pertama untuk ruju' kembali tetapi dengan syarat:

إِن ظَنَّآ أَن يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِۗ

"Jika mereka fikir dapat menegakkan batas-batas Allah."

Yakni persoalan di sini bukanlah persoalan mengikut nafsu dan melayani kehendak keinginan kerana mereka berdua tidak ditinggalkan bebas kepada diri dan nafsu keinginan mereka dalam menentukan perkahwinan dan perpisahan itu. Malah persoalan di sini ialah persoalan menegakkan batas-batas atau peraturan-peraturan Allah, dan itulah garis-garis sempadan lingkungan hidup dan andainya hidup itu melampaui garis sempadan ini, maka ia bukanlah lagi bentuk hidup yang dikehendaki dan diredhai Allah.

وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوۡمٖ يَعۡلَمُونَ ٢٣٠

"Dan itulah batas-batas Allah yang dijelaskan kepada kaum yang mengetahui."(230)

Di antara bukti rahmat Allah terhadap para hamba-Nya ialah Dia tidak tinggalkan batas-batas peraturan-Nya dalam keadaan kabur dan majhul, malah semua batas-batas peraturan itu dijelaskan di dalam Al-Qur'an, iaitu dijelaskan kepada golongan manusia

yang mengetahui, dan orang-orang yang benar-benar mengetahui itulah orang-orang yang mengerti batas-batas peraturan Allah dan berhenti di garis sempadannya. Jika tidak, maka itulah kejahilan yang keji dan jahiliyah yang buta.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 231 - 232)

Selepas itu datang pula arahan Ilahi kepada suami-suami yang menggugurkan talaq supaya menunjukkan sikap yang baik, memberi kemudahan dan membuat kebaikan selepas menggugurkan talaq dalam semua keadaan:

وَإِذَا طَلَّقۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغۡنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمۡسِكُوهُنَّ
بِمَعۡرُوفٍ أَوۡ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعۡرُوفٖۚ وَلَا تُمۡسِكُوهُنَّ
ضِرَارٗا لِّتَعۡتَدُواْۚ وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ فَقَدۡ ظَلَمَ نَفۡسَهُۥۚ وَلَا
تَتَّخِذُوٓاْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ هُزُوٗاۚ وَٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ
وَمَآ أَنزَلَ عَلَيۡكُم مِّنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَٱلۡحِكۡمَةِ يَعِظُكُم بِهِۦۚ وَٱتَّقُواْ
ٱللَّهَ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ٢٣١
وَإِذَا طَلَّقۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغۡنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعۡضُلُوهُنَّ
أَن يَنكِحۡنَ أَزۡوَٰجَهُنَّ إِذَا تَرَٰضَوۡاْ بَيۡنَهُم بِٱلۡمَعۡرُوفِۗ
ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ مِنكُمۡ يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۗ
ذَٰلِكُمۡ أَزۡكَىٰ لَكُمۡ وَأَطۡهَرُۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا
تَعۡلَمُونَ ٢٣٢

"Dan jika kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu mereka (hampir) sampai tempoh 'iddah mereka, maka bolehlah kamu pegang mereka (ruju') dengan cara yang baik atau melepaskan mereka (ceraikan mereka) dengan cara yang baik dan janganlah kamu pegang mereka (ruju') dengan tujuan mendatangkan kemudharatan kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka). Dan sesiapa yang bertindak demikian, bererti ia menganiayai diri sendiri, dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat Allah itu sebagai bahan-bahan sendaan dan kenangilah ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu dan (kenangilah) apa yang telah diturunkan ke atas kamu dari kitab suci Al-Qur'an dan ilmu pengetahuan hikmat untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah kamu bahawa Allah itu mengetahui segala sesuatu(231). Dan apabila kamu telah menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu mereka sampai 'iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai para wali) halangi mereka daripada berkahwin semula dengan bekas-bekas suami mereka jika mereka bersetuju sesama mereka dengan cara yang baik. Demikianlah dinasihatkan dengannya kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Itulah yang lebih bersih dan lebih suci bagi kamu. Dan Allah itu mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(232)

Suasana Talaq Hendaklah Dinaungi Dengan Sikap Yang Baik Dan Budi Yang Elok

Sikap yang baik, budi yang elok dan berbuat kebaikan pastilah menyelubungi suasana kehidupan suami isteri sama ada yang masih teguh tali hubungannya atau telah putus ikatan perhubungannya. Niat untuk menyakiti atau untuk menimbulkan kesulitan dan kesusahan tidak seharusnya menjadi salah satu dari unsur-unsur hidup ini. Dan tahap toleransi yang luhur ini tidak mungkin dicapai dalam suasana perpisahan dan perceraian, di mana jiwa semua pihak berada dalam keadaan yang genting dan tegang, melainkan dengan wujudnya satu unsur yang lebih tinggi dari perhubungan-perhubungan hidup di bumi, satu unsur yang dapat mengangkat jiwa manusia mengatasi dendam kesumat dan meluaskan ufuk hidupnya melewati alam kenyataan masa kini yang kecil, iaitu unsur keimanan kepada Allah dan keimanan kepada hari Akhirat, dan mengingati ni'mat Allah di dalam berbagai-bagai bentuknya mulai dari ni'mat keimanan - selaku ni'mat yang paling tinggi - kepada ni'mat kesihatan dan rezeki, juga mengenangkan ketaqwaan kepada Allah dan menaruh .harapan mendapat gantian dari Allah selepas perkahwinan yang gagal dan perbelanjaan yang hilang itu. Inilah unsur yang dibawa oleh dua ayat yang memperkatakan di sini tentang pentingnya menunjukkan sikap yang baik, budi yang elok dan melakukan kebaikan sama ada kehidupan suami isteri itu masih kukuh tali hubungannya atau telah putus tali ikatannya.

Kaum wanita di zaman jahiliyah telah mengalami kesulitan dan penderitaan yang sesuai dengan kekasaran dan penyelewengan jahiliyah. Ia mengalami penderitaan dalam usia kanak-kanak yang kadang-kadang ditanam hidup-hidup atau hidup dalam kehinaan dan kesusahan. Ia mengalami penderitaan semasa menjadi seorang isteri yang diperlakukannya laksana sebahagian dari barang-barang yang dimiliki lelaki, di mana unta dan kuda lebih mahal dan lebih mulia darinya. Ia mengalami penderitaan ketika ia menjadi isteri yang dicerai, di mana ia dihalang dan ditahan dari berkahwin sehingga dibenar dan diizinkan oleh suami yang telah menceraikannya, atau ia dihalang oleh keluarganya dari kembali kepada suami yang telah menceraikannya apabila kedua-duanya mahu ruju' kembali. Dahulu pandangan terhadap kaum wanita pada umumnya sangat rendah dan hina. Pandangan ini samalah dengan pandangan seluruh masyarakat jahiliyah yang lain yang wujud di masa itu di dunia ini.

Kemudian Islam datang meniupkan angin-angin yang lembut ini ke atas kehidupan wanita dan sebahagian dari contoh-contohnya kita dapat melihatnya di sini. Ia datang mengangkatkan pandangan terhadap kaum wanita. Ia menjelaskan bahawa wanita dan lelaki itu adalah berasal dari satu

diri yang diciptakan Allah. Ia datang mengangkatkan hubungan-hubungan suami isteri ke tahap ibadat apabila dilakukannya dengan ihsan, walaupun ia tidak dituntut atau dicari sedikit pun oleh perempuan dan lelaki dan tidak pula diketahui dan difikir oleh mereka. Malah itulah penghormatan yang dikurniakan Allah dari limpah rahmat-Nya kepada kedua-dua lelaki dan perempuan ke atas kehidupan manusia seluruhnya.

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ
بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ ۚ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ
ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا۟ ۚ

"Dan jika kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu mereka (hampir) sampai tempoh 'iddah mereka, maka bolehlah kamu pegang mereka (ruju') dengan cara yang baik atau melepaskan mereka (ceraikan mereka) dengan cara yang baik, dan janganlah kamu pegang mereka (ruju') dengan tujuan mendatangkan kemudharatan kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka)."

Yang dimaksudkan dengan sampai tempoh 'iddah, di sini ialah hampir berakhirnya tempoh 'iddah yang telah dijelaskan dalam ayat yang lepas. Yakni apabila 'iddah itu hampir berakhir, maka (keputusan yang pasti diambil ialah) sama ada ruju' semula dengan niat islah dan mu'amalah yang baik, inilah yang dimaksudkan dengan "pegang dengan cara yang baik". Atau membiarkan tempoh 'iddah itu habis dan menyebabkan perempuan itu terpisah darinya, inilah yang dimaksudkan dengan "melepas dengan cara yang baik" tanpa menyakiti dan tanpa menuntut bayaran tebusan dari isteri dan tanpa menghalanginya dari bersuami dengan sesiapa yang disukainya:

وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا۟ ۚ

"Dan janganlah kamu pegang mereka (ruju') dengan tujuan mendatangkan kemudharatan kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka)."

Iaitu seperti perbuatan yang tersebut dalam satu riwayat tentang seorang Ansar yang telah berkata kepada isterinya: "Aku tidak akan tinggal bersama awak dan tidak pula berpisah dengan awak". Inilah "pegang tanpa tujuan yang baik" atau pegang kerana mendatangkan kemudharatan kepada perempuan, yang tidak diredhai oleh samahah/ toleransi Islam. Inilah pegang yang berulang-ulang kali ditekankan dalam rangkaian ayat-ayat ini kerana perbuatan ini nampaknya begitu lumrah di dalam masyarakat Arab dan mungkin tersebar di dalam mana-mana masyarakat yang tidak diasuhkan oleh Islam dan tidak diangkatkan oleh keimanan.

Di sini (dalam ayat berikut) Al-Qur'an merangsangkan perasaan-perasaan yang paling gemilang di samping merangsangkan perasaan malu dan takut terhadap Allah dalam waktu yang sama, dan ia mengemblengkan seluruh perasaan ini untuk menyelamatkan jiwa manusia dari tradisi-tradisi jahiliyah dan kesan-kesannya serta mengangkatkannya ke taraf yang mulia yang ia pimpinkan mereka ke arahnya:

وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُۥ ۚ وَلَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَايَٰتِ
ٱللَّهِ هُزُوًا ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَآ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنَ
ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْحِكْمَةِ يَعِظُكُم بِهِۦ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ
بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٣١﴾

"Dan sesiapa yang bertindak demikian, bererti ia menganiayai diri sendiri, dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat Allah itu sebagai bahan-bahan sendaan. Dan kenangilah ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu dan (kenangilah) apa yang telah diturunkan ke atas kamu dari kitab suci Al-Qur'an dan ilmu pengetahuan hikmat untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah kamu bahawa Allah itu mengetahui segala sesuatu."(231)

Orang yang memegang perempuan yang ditalaq dengan maksud melakukan kemudharatan dan kezaliman bererti telah menzalimkan dirinya sendiri, kerana isterinya adalah saudara perempuannya yang sejenis dengan dirinya dan jika ia menzalimkannya bererti ia menzalimkan dirinya sendiri. Ia menzalimi diri sendiri kerana ia membawa dirinya ke jalan maksiat dan menyeleweng dari jalan keta'atan. Inilah sentuhan pertama (dari ayat ini).

Penyalahgunaan Hak Ruju'

Ayat-ayat Allah yang dijelaskan mengenai kehidupan suami isteri dan talaq amat jelas, lurus dan serius. Ia bertujuan mengaturkan kehidupan suami isteri dan menegakkannya di atas dasar kesungguhan. Jika si suami menggunakan peraturan ini untuk menyusah dan menyakiti perempuan, untuk mempermain-mainkan kemudahan-kemudahan yang telah diadakan oleh Allah sebagai jalan keluar dan sebagai injap keselamatan rumahtangga, dan mempergunakan hak ruju' yang diadakan Allah sebagai satu peluang bagi memulihkan dan membaiki semula kehidupan rumahtangga yang pecah itu, untuk memegang dan menahan perempuan dengan tujuan menyakiti dan menyeksakannya..... jika dia melakukan sesuatu dari perbuatan ini bererti ia telah mempermain-mainkan ayat-ayat Allah. Hal yang seperti inilah yang kita dapat lihat berlaku dalam masyarakat jahiliyah kita yang dinamakan sebagai masyarakat Islam pada hari ini, di mana kemudahan-kemudahan hukum (rukhsah fiqhiyah) telah digunakan sebagai alat untuk melakukan penipuan, penganiayaan dan keburukan dan menggunakan hak talaq itu sendiri dengan cara yang sewenang-wenangnya. Celakalah bagi mereka yang mempermain-mainkan ayat-ayat Allah tanpa merasa malu kepada Allah.

Ayat ini juga merangsangkan perasaan malu dan kesedaran mengi'tirafkan ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka dan ni'mat kitab suci dan hikmat yang diturunkan sebagai pengajaran kepada mereka. Mengingatkan kaum Muslimin terhadap ni'mat-ni'mat Allah pada masa itu dapat membangkitkan kenangan-kenangan yang besar yang telah berlaku di dalam kehidupan mereka termasuk kehidupan perkahwinan ini.

Ni'mat Islam Kepada Umat Arab

Pertama-tama ni'mat Allah yang terlintas di dalam hati mereka ialah ni'mat kemunculan mereka sebagai satu umat. Siapakah orang-orang Arab dan orang-orang Badwi itu sebelum mereka didatangi Islam? Mereka tidak disebut apa-apa. Dunia tidak pernah mengenal mereka dan tidak pernah merasakan kewujudan mereka. Mereka hidup porak peranda tidak mempunyai apa-apa kekuatan dan nilai. Mereka tidak mempunyai sesuatu apa pun untuk diberikan kepada umat-umat yang lain hingga mereka dapat dikenali dengannya. Malah mereka tidak mempunyai sesuatu apa pun untuk mereka berikan kepada diri mereka sendiri yang mencukupi mereka. Mereka tidak mempunyai sesuatu apa pun walaupun dalam bentuk kebendaan atau kerohanian. Mereka miskin dan hidup dalam kesusahan dan kesempitan kecuali segelintir sahaja dari mereka yang hidup senang dan mewah, tetapi kemewahan itu adalah kemewahan yang kasar, bersahaja dan rendah. Ia adalah lebih serupa dengan kemewahan burung-burung yang hidup tetap di suatu tempat, di mana banyak terdapat mangsa-mangsa di sarang-sarangnya! Mereka juga miskin dari segi akal, roh dan hati nurani. Kepercayaan mereka tidak kukuh, bersahaja dan karut-marut. Pemikiran dan pemahaman mereka terhadap hidup masih bersifat primitif dan sukuan yang terbatas. Minat dan cita-cita mereka dalam hidup tidak lebih dari melakukan serangan-serangan yang mendadak, pembalasan-pembalasan dendam yang sengit, berhibur, minum-minum, berjudi dan mencari keni'matan yang bersahaja dan kecil pada umumnya!

Dari lembah yang tertutup inilah Islam membebaskan mereka, malah Islam menciptakan mereka sebagai satu umat yang baru dan mengurniakan kepada mereka satu kewujudan yang agung. Dengan kewujudan inilah mereka dikenali oleh seluruh umat manusia. Islam telah memberi kepada mereka apa yang dapat mereka berikan kepada umat manusia. Ia memberi kepada mereka satu agama yang agung, yang meliputi segala bidang hidup, agama yang mentafsirkan kewujudan (alam al-wujud) dengan pentafsiran yang tidak pernah ditafsirkan oleh agama yang lain, agama yang membolehkan mereka memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang betul dan luhur. Islam telah memberi kepada mereka satu syakhsiyah yang berbeza dengan agama ini, satu syakhsiyah yang memberi kewujudan yang istimewa kepada mereka di kalangan umma-umat dan negara-negara di dunia, sedangkan sebelum ini mereka tidak pernah mempunyai apa-apa kewujudan. Islam telah memberi kekuatan kepada mereka dan dengan kekuatan inilah mereka dikenal di dunia ini dan dunia membuat perhitungan yang hemat terhadap mereka, sedangkan mereka sebelum ini hanya menjadi budak-budak suruhan kepada empayar-empayar yang wujud di sekeliling mereka atau tinggal terbiar tidak dirasa kewujudan mereka oleh sesiapa pun. Begitu juga Islam telah memberi harta kekayaan kepada mereka melalui penaklukan-penaklukan mereka di merata penjuru alam. Dan lebih banyak dari itu Islam telah memberi kepada mereka kedamaian, iaitu kedamaian jiwa, kedamaian rumahtangga dan kedamaian masyarakat yang dihayati mereka. Islam telah memberi kepada mereka ketenteraman hati, kerehatan dhamir dan kemantapan hidup di atas agama Allah..... Dan Islam telah memberi kepada mereka kedudukan yang tinggi dan dengan kedudukan inilah mereka melihat kepada umat-umat manusia yang sesat di seluruh masyarakat jahiliyah di merata pelosok bumi ini. Di sinilah mereka sedar bahawa Allah telah mengurniakan kepada mereka ni'mat-ni'mat yang tidak pernah diberikan kepada satu umat yang lain.

Apabila Allah mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat-Nya di sini, maka bererti mereka akan terus teringat kepada sesuatu yang wujud di dalam hidup mereka yang tidak memerlukan kepada berfikir panjang, kerana mereka sendiri pernah hidup dalam kehidupan jahiliyah, kemudian mereka hidup pula dalam kehidupan Islamiyah dalam satu generasi yang sama. Mereka telah menyaksikan perpindahan yang amat jauh ini, iaitu satu perpindahan yang tidak mungkin dicapai melainkan dengan satu mu'jizat yang di luar fikiran manusia. Mereka akan terus teringat kepada ni'mat-ni'mat ini dalam bentuk kitab suci dan hikmat yang diturun dan diajarkan kepada mereka. Al-Qur'an berkata kepada mereka:

وَمَآ أَنزَلَ عَلَيۡكُم

"Dan (kenangilah) apa yang telah diturunkan ke atas kamu."

Dengan menggunakan ganti nama "Kamu" supaya mereka sedar betapa besarnya ni'mat itu dan betapa banyaknya limpah kurnia Allah kepada mereka dan betapa sebatinya ni'mat-ni'mat itu dengan diri mereka apabila Allah menurunkan ayat-ayat itu kepada mereka, iaitu ayat-ayat yang darinya terbentuk sistem hidup Rabbani dan undang-undang keluarga yang menjadi tapak hayat.

Kemudian di dalam ayat yang berikut Allah menyentuh hati mereka dengan sentuhan terakhir, di mana ia menyuruh supaya mereka takut kepada Allah dan mengingatkan mereka bahawa Allah mengetahui segala sesuatu.

وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ٢٣١

"Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah kamu bahawa Allah itu mengetahui segala sesuatu."(231)

Di sini Al-Qur'an merangsangkan perasaan takut dan waspada selepas merangsangkan perasaan malu dan kesedaran bersyukur. Al-Qur'an menguasai segala sudut hati mereka untuk memimpin mereka ke jalan samahah/toleransi, bersikap lemah-lembut dan berbudi bahasa.

Wali Dilarang Menjadi Batu Penghalang Perkahwinan

Begitu juga Al-Qur'an melarang wali menahan dan menyekat perempuan yang telah diceraikan itu - setelah habis 'iddah - dari kembali semula kepada suaminya apabila kedua-duanya telah bersetuju untuk berbaik semula:

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَن يَنكِحْنَ أَزْوَٰجَهُنَّ إِذَا تَرَٰضَوْا۟ بَيْنَهُم بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ

"Dan apabila kamu telah menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu mereka sampai 'iddah mereka maka janganlah kamu (wahai para wali) halangi mereka daripada berkahwin semula dengan bekas-bekas suami mereka jika mereka bersetuju sesama mereka dengan cara yang baik."(232)

At-Tirmizi telah meriwayatkan dari Ma'qil ibn Yasar bahawa dia telah mengahwinkan saudara perempuannya dengan seorang lelaki dari kaum Muslimin di zaman Rasulullah s.a.w. dan setelah hidup sekian lama bersama dengannya dia telah menceraikannya dengan satu talaq dan dia tidak merujukkannya hingga habis 'iddahnya. Kemudian dia kembali menyintainya dan saudara perempuannya juga menyintainya, kemudian dia datang meminang bersama-sama para peminang lalu dia pun berkata kepadanya: Wahai si bodoh anak si bodoh aku telah memuliakan engkau dengan mengahwinkan engkau dengannya kemudian engkau menceraikannya. Demi Allah engkau tidak akan balik kepadanya buat selama-lamanya. Kemudian ia berkata: Allah mengetahui dia memerlukan kepada isterinya dan isterinya juga memerlukan suaminya lalu Allah menurunkan ayat ini:

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَن يَنكِحْنَ أَزْوَٰجَهُنَّ إِذَا تَرَٰضَوْا۟ بَيْنَهُم بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ مِنكُمْ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ ذَٰلِكُمْ أَزْكَىٰ لَكُمْ وَأَطْهَرُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٢﴾

"Dan apabila kamu telah menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu mereka sampai 'iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai para wali) halangi mereka daripada berkahwin semula dengan bekas-bekas suami mereka jika mereka bersetuju sesama mereka dengan cara yang baik. Itulah peringatan yang dinasihatkan kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Itulah yang lebih bersih dan lebih suci bagi kamu. Dan Allah itu mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(232)

Apabila Ma'qil mendengar ayat ini, ia pun berkata: Hamba patuh dan ta'at kepada Tuhanku. Lalu dia memanggil lelaki itu dan berkata kepadanya: Aku sanggup kahwinkan engkau dan muliakan engkau kembali.

Sambutan mesra dari Allah S.W.T. terhadap hasrat hati manusia yang diketahui benar dan ikhlas itu menunjukkan sebahagian dari rahmat Allah terhadap hamba-Nya. Pada umumnya ayat ini memperlihatkan kemudahan yang dikehendaki Allah untuk para hamba-Nya, juga memperlihatkan cara didikan Al-Qur'an yang mendidik kelompok Muslimin, dan seterusnya memperlihatkan ni'mat Allah yang telah dilimpahkan ke atas mereka dengan agama yang lurus ini, iaitu agama yang sentiasa menghadapi realiti dalam kehidupan manusia dalam segala keadaan.

Di sini juga Al-Qur'an merangsangkan kesedaran dan keinsafan hati nurani setelah melarang dan memberi amaran kepada mereka:

ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ مِنكُمْ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ ذَٰلِكُمْ أَزْكَىٰ لَكُمْ وَأَطْهَرُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٢﴾

"Itulah yang dinasihatkan kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Itulah yang lebih bersih dan suci bagi kamu dan Allah itu mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(232)

Keimanan kepada Allah dan hari Akhirat itulah yang membuat nasihat ini menjejak di dalam hati, kerana hati ini berpaut dengan sebuah alam yang lebih luas dari alam bumi dan mengharapkan keredhaan Allah dalam segala apa yang diambil dan yang ditinggal. Wujudnya kesedaran bahawa Allah mahukan sesuatu yang lebih bersih dan suci itu boleh menggerakkan orang yang beriman ke arah menjunjung perintah itu dan memilih kebersihan dan kesucian baik untuk dirinya sendiri mahupun untuk masyarakat di sekelilingnya. Begitu juga wujudnya keinsafan hati bahawa pihak yang memilih jalan ini ialah Allah sendiri Tuhan yang mengetahui apa yang tidak diketahui manusia, boleh mempercepatkan orang yang beriman menjunjung perintah ini dengan penuh kerelaan dan penyerahan diri.

Demikianlah segala-galanya ditingkatkan ke tahap ibadat dan dihubungkan dengan Allah dan dibersihkannya dari segala noda bumi, dari segala kecemaran hayat dan dari segala tarikan dan sentakan yang wujud dalam suasana talaq dan perpisahan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 233)

Hukum Penyusuan Kanak-kanak Selepas Penceraian

Hukum yang berikut ialah hukum yang berhubung dengan penyusuan kanak-kanak selepas talaq.

Undang-undang keluarga pastilah mengandungi penjelasan mengenai hubungan yang tidak dapat diputuskan di antara suami isteri selepas talaq, iaitu hubungan anak yang telah disumbangkan oleh mereka berdua. Dan si anak inilah yang mengikatkan mereka berdua. Apabila ayah dan ibu tidak dapat hidup bersama lagi, maka si anak yang masih mentah itu pastilah mendapat jaminan-jaminan yang hemat dan terperinci yang meliputi segala keadaan:

وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَن
يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُۥ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ
بِٱلْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَآرَّ
وَٰلِدَةٌۢ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَّهُۥ بِوَلَدِهِۦ وَعَلَى ٱلْوَارِثِ مِثْلُ
ذَٰلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدتُّمْ أَن تَسْتَرْضِعُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُم مَّآ ءَاتَيْتُم بِٱلْمَعْرُوفِ وَٱتَّقُوا۟
ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾

"Dan ibu-ibu itu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu-ibu itu mengikut cara yang baik. Tidaklah ditaklifkan seseorang itu melainkan sekadar kemampuannya. Janganlah seseorang ibu dijadikan menderita dengan sebab anaknya dan janganlah pula seseorang bapa dijadikan menderita kerana anaknya. Dan waris juga menanggung kewajipan yang seperti itu (jika bapa tiada), kemudian apabila keduanya (bapa dan ibu) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan dan rundingan dari keduanya, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada keduanya. Dan jika kamu mahu mengadakan penyusu kepada anak-anak kamu, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu jika kamu serahkan upah yang diberikan kamu dengan pertimbangan yang baik. Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu."(233)

Si ibu yang dicerai mempunyai kewajipan terhadap anaknya yang masih menyusu, iaitu kewajipan yang difardhukan Allah ke atasnya. Allah tidak membiarkan si ibu itu dalam menghadapi perkara ini kepada fitrah dan emosinya yang mungkin dirosakkan oleh perbalahan-perbalahan suami isteri dan menyebabkan si anak yang kecil itu menanggung penderitaan. Oleh itu Allah sendiri yang memelihara si anak dan memfardhukan kewajipan itu ke atas leher ibunya, kerana Allah lebih melindungi manusia dari mereka melindungi diri sendiri, kerana Allah lebih berbakti dari mereka dan lebih kasihan belas dari ibu bapa mereka. Allah memfardhukan ke atas si ibu menyusukan anaknya selama dua tahun genap kerana Allah S.W.T. mengetahui bahawa tempoh ini adalah suatu tempoh yang paling penting dari segi kesihatan dan kejiwaan seseorang kanak-kanak:

لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ

"Iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu."

Dua Tahun Pertama Merupakan Usia Penting Kepada Pembinaan Kanak-kanak

Menurut hasil kajian-kajian kesihatan dan kejiwaan pada hari ini ternyata bahawa tempoh dua tahun itu adalah satu tempoh yang perlu untuk membolehkan kanak-kanak itu subur dengan kesuburan yang sihat dari segi kesihatan dan kejiwaan. Tetapi ni'mat Allah kepada kaum Muslimin tidak menunggu mereka mengetahui hakikat ini dari hasil ujian-ujian mereka. Potensi insaniyah yang mengandungi perbendaharaan pengalaman zaman kanak-kanak tidak pernah dibiarkan hingga dimakan oleh kejahilan selama masa yang panjang ini kerana Allah Maha Pengasih terhadap para hamba-Nya terutama terhadap kanak-kanak yang kecil yang memerlukan kepada kasih sayang dan belaan.

Dan bagi si ibu pula telah diwajibkan ke atas bapa si anak, sebagai balasan terhadap kewajipan yang difardhukan Allah ke atasnya, supaya memberi kepada si ibu perbelanjaan makan minum dan pakaian mengikut pertimbangan yang baik kerana kedua-duanya berkongsi dalam tanggungjawab itu. Kedua-duanya sama-sama bertanggungjawab terhadap bayi yang masih menyusu itu. Si ibu membantu dengan susu dan jagaan, dan si bapa pula membantu dengan makanan dan pakaian untuk membelanya. Setiap orang dari keduanya menunaikan kewajipan masing-masing dalam batas kemampuannya.

لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا

"Tidaklah ditaklifkan seorang itu melainkan sekadar kemampuannya."

Oleh itu tidak seharusnya bagi mana-mana pihak dari dua ibu bapa itu menggunakan kanak-kanak itu sebagai punca untuk menyusahkan pihak yang lain.

لَا تُضَآرَّ وَٰلِدَةٌۢ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَّهُۥ بِوَلَدِهِۦ

"Janganlah seorang ibu dijadikan menderita dengan sebab anaknya dan janganlah pula seorang bapa dijadikan menderita dengan sebab anaknya."

Oleh sebab itu janganlah si bapa mempergunakan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya untuk membuat sesuatu ancaman terhadapnya atau supaya

si ibu menerima untuk menyusui si anak itu tanpa bayaran dan janganlah pula si ibu mempergunakan kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya untuk memberatkan tanggungannya dengan mengemukakan berbagai-bagai tuntutan.

Kewajipan-kewajipan yang dibebankan ke atas si bapa akan berpindah jika ia mati kepada tanggungan warisnya yang 'akil baligh:

وَعَلَى ٱلۡوَارِثِ مِثۡلُ ذَٰلِكَۗ

"Dan waris juga menanggung kewajipan yang seperti itu."

Si waris itu diwajibkan memberi nafkah makanan dan pakaian kepada si ibu yang menyusu mengikut pertimbangan yang baik untuk menegakkan takaful kekeluargaan, yang mana satu seginya terlaksana dengan mendapat pusaka dan satu segi yang lain terlaksana dengan memikul tanggungjawab-tanggungjawab peninggal pusaka.

Dengan demikian kanak-kanak tidak akan kehilangan haknya jika bapanya meninggal dunia, kerana haknya dan hak ibunya tetap terpelihara dalam semua keadaan. Setelah selesai menjelaskan langkah-langkah jalan selamat itu, Al-Qur'an kembali pula menyempurnakan penerangan mengenai hal-hal penyusuan:

فَإِنۡ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٖ مِّنۡهُمَا وَتَشَاوُرٖ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيۡهِمَاۗ

"Apabila keduanya (bapa dan ibu) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan dan rundingan dari keduanya, maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada keduanya."

Yakni apabila si bapa dan si ibu atau si ibu dan waris mahu menghentikan penyusuan kanak-kanak itu sebelum genap tempoh dua tahun kerana mereka berdua melihat ada baiknya kanak-kanak itu dilepaskan susunya kerana sebab-sebab kesihatan atau lain-lainnya, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepada keduanya berbuat demikian jika persetujuan tercapai di antara keduanya, dan jika rundingan dibuat di antara keduanya untuk melindungi kepentingan kanak-kanak yang sedang menyusu itu yang telah diletak di bawah jagaan keduanya dan diwajibkan ke atas keduanya melindunginya.

Mengguna Khidmat Penyusu Upahan

Begitu juga apabila si bapa ingin mengadakan seorang penyusu upahan - jika kepentingan kanak-kanak itu dapat disempurnakan dengan penyusuan ini - maka bolehlah dia berbuat begitu dengan syarat ia membayar upah kepada penyusu itu dan memberi layanan yang baik kepadanya.

وَإِنۡ أَرَدتُّمۡ أَن تَسۡتَرۡضِعُوٓاْ أَوۡلَٰدَكُمۡ فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ إِذَا
سَلَّمۡتُم مَّآ ءَاتَيۡتُم بِٱلۡمَعۡرُوفِۗ

"Dan jika kamu mahu mengadakan penyusu kepada kanak-kanak kamu maka tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu jika kamu serahkan upah yang diberikan kamu dengan pertimbangan yang baik."

Ini merupakan satu jaminan agar kanak-kanak itu mendapat seorang perempuan yang bertindak selaku penasihat, pemelihara dan penjaga.

Pada akhirnya Al-Qur'an menghubungkan segala-galanya itu dengan ikatan Ilahi iaitu dengan kesedaran taqwa iaitu satu perasaan yang amat mendalam dan amat seni, dan kepada perasaan inilah diserahkan segala sesuatu yang tidak dapat dicapai melainkan dengannya:

وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ﴿٢٣٣﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu."(233)

Inilah jaminan akhir yang kuat dan inilah satu-satunya jaminan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 234 - 235)

Setelah selesai menjelaskan hukum-hukum dan peraturan-peraturan bagi perempuan-perempuan yang dicerai dan bagi menghadapi kesan-kesan yang terbit dari perceraian itu, maka Al-Qur'an mulai menjelaskan hukum perempuan yang kematian suaminya, iaitu hukum 'iddahnya, hukum melamarnya selepas habis 'iddah dan hukum melamarnya secara sindiran semasa dalam 'iddah:

وَٱلَّذِينَ يُتَوَفَّوۡنَ مِنكُمۡ وَيَذَرُونَ أَزۡوَٰجٗا يَتَرَبَّصۡنَ
بِأَنفُسِهِنَّ أَرۡبَعَةَ أَشۡهُرٖ وَعَشۡرٗاۖ فَإِذَا بَلَغۡنَ أَجَلَهُنَّ
فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ فِيمَا فَعَلۡنَ فِيٓ أَنفُسِهِنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۗ
وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ﴿٢٣٤﴾
وَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ فِيمَا عَرَّضۡتُم بِهِۦ مِنۡ خِطۡبَةِ
ٱلنِّسَآءِ أَوۡ أَكۡنَنتُمۡ فِيٓ أَنفُسِكُمۡۚ عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمۡ
سَتَذۡكُرُونَهُنَّ وَلَٰكِن لَّا تُوَاعِدُوهُنَّ سِرًّا
إِلَّآ أَن تَقُولُواْ قَوۡلٗا مَّعۡرُوفٗاۚ وَلَا تَعۡزِمُواْ عُقۡدَةَ
ٱلنِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبۡلُغَ ٱلۡكِتَٰبُ أَجَلَهُۥۚ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ
ٱللَّهَ يَعۡلَمُ مَا فِيٓ أَنفُسِكُمۡ فَٱحۡذَرُوهُۚ وَٱعۡلَمُوٓاْ
أَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٞ ﴿٢٣٥﴾

"Dan orang-orang yang mati di antara kamu dan meninggalkan isteri-isteri, maka hendaklah isteri-isteri itu menahankan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila mereka sampai tempoh 'iddah mereka, maka tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu tentang apa yang telah dilakukan mereka terhadap diri mereka mengikut cara yang baik. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(234). Dan tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu tentang hasrat yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang (perempuan yang kematian suami dan masih dalam 'iddah itu) atau tentang keinginan yang kamu simpan di dalam hati kamu (untuk berkahwin dengan perempuan itu). Allah telah mengetahui bahawa kamu akan mengingati mereka, tetapi janganlah kamu membuat perjanjian dengan mereka secara sulit kecuali sekadar engkau mengucapkan kata-kata yang baik. Dan janganlah kamu berazam untuk ber'aqad nikah sehingga sampai 'iddah yang telah ditetapkan itu. Dan ketahuilah bahawa Allah mengetahui segala isi hati kamu. Oleh itu hendaklah kamu takuti-Nya dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Sabar."(235)

'Iddah Perempuan Yang Kematian Suami

Dahulu perempuan yang kematian suaminya menerima berbagai-bagai layanan kasar dari keluarga-keluarga kaum kerabat suami dan masyarakat seluruhnya. Menurut tradisi Arab, apabila suaminya meninggal dunia dia akan masuk di tempat yang buruk dan memakai pakaiannya yang paling hodoh. Dia tidak boleh menyentuh minyak wangi selama setahun. Selepas itu dia keluar menunaikan beberapa upacara jahiliyah yang karut yang sesuai dengan kekarutan-kekarutan jahiliyah seperti mengambil dan membaling tahi binatang, menunggang keldai atau kibasy dan lain-lain. Tetapi apabila Islam datang ia meringankan penderitaan perempuan yang kematian suami itu, malah ia menghapuskan semua penderitaan itu darinya. Ia tidak melonggokkan ke atasnya beban kehilangan suami dan beban penderitaan kerana layanan kasar dari keluarga selepas kehilangan itu .... juga beban tertutup jalan hidup yang terhormat dan jalan hidup kekeluargaan yang tenteram dihadapannya. Ia menetapkan 'iddahnya hanya empat bulan sepuluh hari. Jika ia hamil, maka 'iddahnya ialah iddah perempuan hamil iaitu lebih lama sedikit dari 'iddah perempuan yang dicerai untuk membersihkan rahimnya dalam masa itu. Dia tidak melukakan perasaan keluarga suaminya dengan keluar terus (selepas kematian itu). Dalam masa 'iddah ini dia dikehendaki memakai pakaian yang sopan santun dan tidak berhias untuk peminangan. Tetapi selepas habis 'iddah, maka tiada siapa yang boleh mengganggu kebebasannya sama ada dari keluarganya sendiri atau dari keluarga suaminya, malah ia mempunyai kebebasan dalam menentukan perilakunya yang baik yang termasuk dalam garisan undang-undang Allah dan syari'at-Nya. Ia boleh menghiaskan dirinya dengan hiasan-hiasan yang dibenarkan kepada perempuan-perempuan Islam. Ia boleh menerima pinangan dan boleh berkahwin dengan sesiapa yang disukainya, dan hasrat keinginannya itu tidak boleh dihalang oleh tradisi yang lapuk atau oleh keangkuhan yang palsu, dan tiada yang mengawasinya melainkan Allah:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ٢٣٤

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu.".

Inilah hal ehwal perempuan... Kemudian ayat yang berikut beralih pula kepada kaum lelaki yang menaruh hati kepada perempuan itu dalam masa 'iddahnya. Ia memberi arahan supaya mereka menjaga peradaban diri dan peradaban pergaulan, juga memelihara dan menghormati perasaan-perasaan di samping memelihara keperluan-keperluan dan kepentingan:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ فِيمَا عَرَّضۡتُم بِهِۦ مِنۡ خِطۡبَةِ ٱلنِّسَآءِ أَوۡ أَكۡنَنتُمۡ فِيٓ أَنفُسِكُمۡۚ

"Dan tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu tentang hasrat yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang (perempuan yang kematian suami dan masih dalam 'iddah itu) atau tentang keinginan yang kamu simpan di dalam hati kamu (untuk berkahwin dengan perempuan itu)."

Perempuan yang berada dalam masa 'iddah masih tergantung dengan kenangan-kenangan yang tidak mati, masih terikat dengan perasaan keluarga si mati, juga masih terikat dengan kemungkinan adanya kandungan dalam rahim yang belum lagi ketara atau terikat dengan kandungan yang telah ketara, yang mana 'iddahnya bergantung dengan kelahirannya. Semua perhitungan ini menghalangkan sebarang percakapan di sekitar mendirikan rumahtangga yang baru, kerana percakapan yang seperti ini belum lagi sampai waktunya dan kerana ia boleh mengguriskan perasaan-perasaan dan menodai kenangan-kenangan manis.

Hukum Melamar Perempuan Dalam 'Iddah (Kematian Suami)

Di samping menghormati perhitungan-perhitungan ini, namun melamar perempuan dalam 'iddah dengan menggunakan sindiran, bukan kata-kata yang terus-terang, adalah diharuskan syara'. Isyarat-isyarat yang jauh yang membayangkan keinginan melamar boleh digunakan, iaitu isyarat-isyarat yang dapat diertikan oleh perempuan bahawa lelaki itu mahukan dirinya menjadi isterinya selepas habis 'iddahnya nanti.

Telah diriwayatkan dari Ibn Abbas radhiallahu 'an huma bahawa penggunaan kata-kata sindiran itu ialah seperti: Saya nak kahwin. Saya perlukan kepada perempuan. Saya bercita-cita untuk mendapat perempuan yang soleh.[17]

Begitu juga diharuskan seorang itu menyimpan keinginan yang tersembunyi (terhadap perempuan dalam 'iddah) iaitu keinginan yang tidak dijelaskan

---

[17] *Riwayat ini dikeluarkan oleh al-Bukhari.*

secara terus-terang atau secara bayangan atau isyarat, kerana Allah mengetahui bahawa iradat manusia tidak berkuasa untuk menolak keinginan itu:

عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ

"Allah telah mengetahui bahawa kamu akan mengingati mereka."

Allah telah mengharuskan perasaan itu kerana perasaan itu mempunyai hubungan dengan kecenderungan semulajadi yang halal dan harus. Hanya keadaan-keadaan sahaja yang meminta agar ditundakan pengambilan langkah yang amali dalam perkara ini. Yang diamati Islam ialah ia tidak bertindak menghancurkan kecenderungan-kecenderungan semulajadi manusia, malah ia mendidik dan menghaluskan kecenderungan itu. Ia juga tidak bertindak menindas dan menekan kecenderungan-kecenderungan manusia, malah ia mengawal kecenderungan-kecenderungan itu. Oleh sebab itulah Islam hanya melarang perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan kebersihan perasaan dan kesucian hati nurani.

وَلَٰكِن لَّا تُوَاعِدُوهُنَّ سِرًّا

"Tetapi janganlah kamu membuat perjanjian dengan mereka secara sulit."

Maksudnya tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu membayangkan secara sindiran hasrat kamu untuk melamar mereka atau menaruh keinginan di dalam hati kamu terhadap mereka. Tetapi yang ditegah oleh syara' ialah membuat perjanjian secara sulit sebelum habis 'iddah untuk mengahwini mereka, kerana perbuatan itu melanggar peradaban diri dan merampas kenangan-kenangan terhadap suami dan menunjukkan kelakuan kurang sopan terhadap Allah yang telah menetapkan tempoh 'iddah itu sebagai masa pemisah di antara dua zaman hidup.

إِلَّآ أَن تَقُولُوا۟ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ۚ

"Kecuali engkau mengucapkan kata-kata yang baik."

Iaitu perkataan-perkataan yang tidak mengandungi kata-kata yang keji dan lucah dan tidak melanggar batas-batas Allah yang telah diterangkannya dalam situasi yang halus ini.

وَلَا تَعْزِمُوا۟ عُقْدَةَ ٱلنِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ ٱلْكِتَٰبُ أَجَلَهُۥ ۚ

"Dan janganlah kamu berazam untuk ber'aqad nikah sehingga sampai 'iddah yang telah ditetapkan itu."

Di sini Allah tidak berfirman: "Janganlah kamu meng'aqadkan nikah, malah Dia berfirman: "Janganlah kamu berazam untuk ber'aqad nikah" untuk menambahkan lagi perasaan segan dan malu, kerana keazaman yang mewujudkan 'aqad nikah itulah yang ditegahkan syara'. Ini samalah dengan firman Allah Taala yang berbunyi:

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا ۗ

"Itulah batas-batas Allah. Oleh itu janganlah kamu dekatinya."

(Surah al-Baqarah : 187)

yang menyarankan suatu pengertian yang sangat seni dan halus.

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ فَٱحْذَرُوهُ ۚ

"Dan ketahuilah bahawa Allah mengetahui segala isi hati kamu oleh itu hendaklah kamu takutinya."(235)

Di sini Al-Qur'an menghubungkan di antara undang-undang dengan perasaan takut kepada Allah yang mengetahui segala isi hati. Perasaan-perasaan dan hasrat-hasrat yang tersembunyi di dalam hati mempunyai nilainya di dalam hubungan-hubungan di antara lelaki dan perempuan. Itulah hubungan-hubungan yang amat peka yang terlekat di hati dan terpendam di dhamir, sedangkan perasaan takut kepada Allah dan rasa kebimbangan diketahui Allah yang berkecamuk dalam hati itulah jaminan terakhir untuk melaksanakan undang-undang Allah.

Apabila hati nurani seseorang bergegar merasa takut dan bimbang, ia akan sedar dan gementar dengan perasaan taqwa, perasaan malu dan segan, ia akan pulang ke pangkal jalan, di mana ia dicurahkan dengan kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada kema'afan-Nya, kepada kebesaran-Nya dan kepada keampunan-Nya:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٣٥﴾

"Dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Sabar." (235)

Allah Maha Pengampun. Ia mengampunkan kesalahan-kesalahan hati yang sedar terhadap Allah dan bimbang terhadap isi kandungannya. Dan Allah Maha Sabar, Ia tidak menjatuhkan hukuman dengan segera kerana mungkin hamba-Nya yang bersalah itu ingin bertaubat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 236 - 237)

Kemudian datang pula hukum perempuan yang dicerai sebelum disetubuhi. Ini adalah satu kes baru yang berlainan dari kes-kes talaq yang melibatkan perempuan-perempuan yang telah disetubuhi yang telah diterangkan sebelum ini. Kes ini memang banyak berlaku dan di sini Al-Qur'an menerangkan kewajipan-kewajipan dan hak-hak bagi kedua-dua suami isteri itu (dalam kes ini):

لَّا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ مَا لَمْ تَمَسُّوهُنَّ

أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً ۚ وَمَتِّعُوهُنَّ عَلَى الْمُوسِعِ
قَدَرُهُ وَعَلَى الْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى
الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾
وَإِن طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ
لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ إِلَّا أَن يَعْفُونَ
أَوْ يَعْفُوَ الَّذِي بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ ۚ وَأَن تَعْفُوا أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَلَا تَنسَوُا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ
بَصِيرٌ ﴿٢٣٧﴾

"Tidak ada apa-apa kesalahan (atau apa-apa maskahwin) di atas kamu jika kamu menceraikan isteri kamu sebelum kamu menyentuh mereka (mengadakan hubungan kelamin) atau sebelum kamu menentukan maskahwin kepada mereka. Dan hendaklah kamu memberi bayaran saguhati kepada mereka, iaitu di atas orang yang senang mengikut kadar kesenangannya dan di atas orang yang susah mengikut kadar kesusahannya sebagai bayaran saguhati mengikut pertimbangan yang baik yang menjadi kewajipan ke atas orang-orang yang membuat ihsan(236). Dan jika kamu menceraikan mereka sebelum kamu menyentuh mereka (mengada-kan hubungan kelamin) sedangkan kamu telah menentukan maskahwin untuk mereka, maka bayarlah separuh dari jumlah maskahwin yang telah ditentukan itu kecuali mereka (pihak isteri) mema'afkannya atau pihak yang memegang teraju perkahwinan (wali) mema'afkannya dan tindakan kamu berma'af-ma'afan itu adalah lebih dekat kepada (semangat) taqwa. Dan janganlah kamu lupa budi baik yang wujud di antara kamu. Sesungguhnya Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu."(237)

Hukum Perempuan Yang Dicerai Sebelum Disetubuhi

Kes yang pertama, ialah kes perempuan yang dicerai sebelum disetubuhi dan belum ditetapkan kepadanya bayaran maskahwin yang tertentu, sedangkan maskahwin itu merupakan suatu kefardhuan. Oleh itu dalam kes ini wajib di atas suami memberi bayaran saguhati mengikut kemampuannya. Tindakan ini mempunyai nilai kejiwaan di samping ianya merupakan semacam bayaran pampasan. Putusnya tali ikatan kahwin sebelum dimulakannya itu menimbulkan perasaan yang pahit di dalam hati perempuan. Ia membuat perceraian dan perpisahan itu sebagai tikaman yang membawa dendam dan perseteruan. Tetapi dengan bayaran saguhati itu boleh menghilangkan suasana yang mendung dan melepaskan tiupan bayu yang mesra dan meminta ma'af dan menyalutkan talaq itu dengan suasana sedih dan dukacita. Jadi, apa yang berlaku itu merupakan satu percubaan yang gagal bukannya satu pukulan yang memang sengaja ditujukan. Oleh sebab itulah Allah menyuruh mereka memberi bayaran saguhati mengikut pertimbangan yang baik untuk mengekalkan perasaan kemesraan dan memelihara kenangan yang manis, dan di dalam waktu yang sama Allah tidak mentaklifkan suami dengan pemberian yang di luar kemampuannya. Oleh itu suami yang kaya mengikut taraf kekayaannya dan suami yang miskin mengikut batas-batas kemampuannya:

عَلَى الْمُوسِعِ قَدَرُهُ وَعَلَى الْمُقْتِرِ قَدَرُهُ

"Iaitu di atas orang yang senang mengikut kadar kesenangannya dan di atas orang yang susah mengikut kadar kesusahannya."

Ayat yang berikut menyebut kata-kata pertimbangan yang baik dan kata-kata membuat ihsan untuk membasahkan hati-hati yang kering dan menjernihkan udara sekitar yang mendung:

مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾

"Sebagai bayaran saguhati mengikut pertimbangan yang baik yang menjadikan kewajipan ke atas orang-orang yang membuat kebaikan."(236)

Kes yang kedua, ialah kes si suami telah menentukan kadar maskahwin yang tertentu, Dalam kes ini ia wajib membayar separuh dari kadar maskahwin yang telah ditentukan itu. Inilah kehendak undang-undang. Tetapi Al-Qur'an menyerahkan perkara ini kepada semangat toleransi, budi baik dan kemudahan. Oleh itu si isteri - atau walinya jika dia masih kecil boleh mema'af (tidak menuntut) dan meninggalkan apa yang telah diwajibkan oleh undang-undang itu. Tanazul atau pengguguran hak maskahwin dalam kes ini merupakan tanazul dari seorang yang redha, mampu, pema'af dan lapang dada yang enggan mengambil harta seseorang lelaki yang telah berpisah darinya. Namun demikian Al-Qur'an terus mendesak hati mereka supaya jernih dan bersih dari segala kekotoran.

وَأَن تَعْفُوا أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَلَا تَنسَوُا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ ۚ إِنَّ
اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٧﴾

"Tindakan kamu berma'af-ma'afan itu lebih dekat kepada (semangat) taqwa dan janganlah kamu lupa budi baik yang wujud di antara kamu. Sesungguhnya Allah melihat segala apa yang dilakukan kamu."(237)

Yakni Al-Qur'an terus memburu hati mereka dengan merangsangkan perasaan taqwa, perasaan berlapang dada dan berbudi baik, juga merangsangkan kesedaran bermuraqabah dengan Allah supaya semangat budi baik itu menyelubungi hubungan perkahwinan sama ada berjaya atau gagal, dan supaya hati mereka sentiasa bersih ikhlas, jernih dan berhubung rapat dengan Allah dalam segala keadaan.

* * * * * *

Keta'atan Kepada Allah Dalam Hukum-hukum Nikah Merupakan Satu Ibadat Yang Sama Dengan Ibadat Solat

Dalam suasana yang mengikatkan hati dengan Allah ini dan suasana menjadikan amalan membuat budi yang baik di dalam pergaulan suami isteri itu sebagai amalan ibadat kepada Allah, maka Al-Qur'an menyelitkan pembicaraan mengenai solat - sebesar-besar ibadat dalam Islam - sedangkan ia belum lagi selesai menjelaskan hukum-hukum ini; kerana di antara hukum-hukum yang belum lagi dibicarakan ialah hukum perempuan yang kematian suami dan haknya dalam mendapatkan wasiat yang membolehkannya tinggal di rumah suaminya dan hidup dengan perbelanjaan harta suaminya, dan hukum bayaran saguhati kepada perempuan-perempuan yang dicerai secara umumnya. Al-Qur'an menyelitkan pembicaraan solat di dalam suasana ini, untuk menyarankan bahawa keta'atan kepada Allah di dalam hukum-hukum ini merupakan satu ibadat sama seperti ibadat solat dan sejenis dengannya. Ini adalah satu saranan yang amat seni dari saranan-saranan Al-Qur'an dan selaras dengan kefahaman Islam terhadap matlamat kewujudan manusia yang disebut di dalam firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepada-Ku."

(Surah az-Zariat : 56)

Juga selaras dengan kefahaman Islam yang menganggap ibadat itu tidak hanya terbatas pada upacara-upacara ibadat biasa, malah merangkumi segala kegiatan yang menuju kepada Allah dan bertujuan mematuhi perintah Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 238 - 239)

حَٰفِظُواْ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ وَقُومُواْ لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَٱذْكُرُواْ ٱللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُواْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾

"Peliharalah segala solat dan solat wusta dan berdirilah kerana Allah dengan khusyu' dan patuh(238). Dan Jika kamu berada dalam keadaan takut maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu berada dalam keadaan aman, maka hendaklah kamu menyebut Allah (mendirikan solat dengan sempurna) sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang tidak diketahui oleh kamu."(239)

Maksud Solat Wusta

Dalam ayat ini diperintahkan supaya dipeliharakan semua solat, iaitu mendirikannya di dalam waktu-waktunya masing-masing dan menyempurnakan segala rukun dan segala syaratnya. Adapun solat wusta maka mengikut pendapat yang arjah yang dipilih dari berbagai-bagai riwayat ialah solat Asar kerana Rasulullah s.a.w. bersabda pada hari peperangan al-Ahzab:

شغلونا عن الصلاة الوسطى صلاة العصر. ملأ الله قلوبهم وبيوتهم ناراً. – أخرجه المسلم –

"Mereka telah menghalangi kita dari solat wusta, iaitu solat Asar. Allah penuhkan hati dan rumah mereka dengan api Neraka!"

(Dikeluarkan oleh Muslim)

Tujuan beliau menyebut solat Asar secara khusus mungkin kerana waktunya datang selepas tidur tengahari yang mungkin terluput dikerjakan oleh seseorang.

Mengikut pendapat yang arjah bahawa yang dimaksudkan dengan "Qanitina" dalam ayat ini ialah khusyu' dan menumpukan ingatan kepada Allah di dalam solat, kerana dahulu mereka pernah bercakap-cakap di dalam solat apabila mereka menghadapi keperluan-keperluan yang mendadak sehingga turun ayat ini barulah mereka faham darinya bahawa tidak boleh dilakukan kerja yang lain di dalam solat melainkan zikir Allah, khusyu' dan menumpukan ingatan kepadanya.

Solat Di Medan Pertempuran Merupakan Senjata

Jika seorang itu menghadapi ketakutan yang tidak memberi peluang untuk mendirikan solat dengan menghala ke kiblat, maka solat hendaklah ditunaikan terus tanpa terhenti. Dan di sini yang menunggang binatang dan yang berjalan kaki dan sibuk bertempur dan menghindari bahaya dibenarkan mengadap ke arah mana sahaja yang sesuai dengan keadaannya dan bolehlah ia membuat isyarat-isyarat yang ringan untuk sujud dan ruku'. Solat ini berlainan dari solat yang dinyatakan kaifiatnya di dalam Surah an-Nisa'. Kerana solat yang diterangkan di dalam Surah an-Nisa' itu adalah dikerjakan dalam keadaan, di mana kedudukan di medan perang membenarkan diletakkan satu saf ma'mum yang bersembahyang serakaat di belakang imam sementara satu saf lagi di belakangnya berdiri mengawalnya, kemudian datang pula saf yang kedua bersembahyang serakaat sementara saf yang pertama yang telah sembahyang kali yang pertama tadi berdiri mengawalnya...... tetapi jika keadaan ketakutan itu bertambah dan pertempuran sedang berlaku, maka solat yang disebut dalam Surah al-Baqarah - di sini yang diamalkan.

Perintah solat ini amat mengkagumkan. Ia menunjukkan bagaimana pentingnya solat pada pandangan Allah yang menyarankannya kepada hati

kaum Muslimin bahawa solat selaku senjata untuk menghadapi ketakutan dan kesusahan. Oleh sebab itu solat tidak seharusnya ditinggal di sa'at-sa'at ketakutan yang sedang memuncak. Solat adalah senjata. Oleh kerana itu ia ditunaikan oleh pejuang di medan pertempuran ketika pedang terhunus di tangannya dan ketika pedang (musuh) menghayun di atas kepalanya. Ia tetap menunaikan solat kerana solat adalah senjata Mu'min sama seperti pedang yang terhunus di tangannya. Solat adalah perisai Mu'min sama seperti perisai yang melindunginya. Ia menunaikan solat untuk berhubung dengan Allah di sa'at-sa'at yang paling diperlukannya, di sa'at-sa'at yang dirasakannya paling dekat kepada Allah, iaitu ketika ketakutan mengepung di sekelilingnya.

Agama ini sungguh mengkagumkan. Ia adalah agama ibadat, iaitu ibadat dalam segala bentuk rupa dan solat itulah judul utamanya, dan menerusi ibadat manusia dapat sampai ke maqam yang setinggi-tingginya. Menerusi ibadat juga Allah mengukuhkan pendiriannya di dalam kesusahan dan mendidikkan dirinya dengan baik di dalam kesenangan dan kemewahan. Seterusnya melalui ibadat juga Allah memasukkannya ke dalam kedamaian dengan seluruh jiwa raganya dan melimpahkan ke atasnya ni'mat keamanan dan kesejahteraan. Oleh sebab itulah ibadat solat diberi perhatian yang begitu tinggi walaupun ketika pedang terhunus di tangan dan pedang musuh mengancam di lehernya.

Apabila berada dalam suasana aman, maka hendaklah mereka dirikan solat biasa yang diajarkan Allah kepada kaum Muslimin dan hendaklah mereka mengingati Allah sebagai bersyukur terhadap apa yang diajarkan Allah tentang hal-hal yang tidak diketahui mereka:

فَإِذَآ أَمِنتُمۡ فَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمۡ
تَكُونُواْ تَعۡلَمُونَ ٢٣٩

"Apabila kamu berada dalam keadaan aman maka hendaklah kamu menyebut Allah sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang tidak diketahui oleh kamu."(239)

Apakah yang dapat diketahui manusia jika mereka tidak diajar oleh Allah setiap hari dan setiap sa'at di sepanjang hayat mereka?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 240 -242)

Sentuhan ini telah menunaikan peranannya dalam pembicaraan mengenai hukum-hukum perkahwinan dan perceraian dan dalam menjelaskan kefahaman Islam terhadap dasar agung Islam, iaitu ibadat itu adalah muncul dalam setiap amalan keta'atan, kemudian ayat-ayat yang berikut kembali membuat huraian penamat tentang hukum-hukum tersebut.

وَٱلَّذِينَ يُتَوَفَّوۡنَ مِنكُمۡ وَيَذَرُونَ
أَزۡوَٰجٗا وَصِيَّةٗ لِّأَزۡوَٰجِهِم مَّتَٰعًا إِلَى ٱلۡحَوۡلِ
غَيۡرَ إِخۡرَاجٖۚ فَإِنۡ خَرَجۡنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ فِي
مَا فَعَلۡنَ فِيٓ أَنفُسِهِنَّ مِن مَّعۡرُوفٖۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ
حَكِيمٞ ٢٤٠
وَلِلۡمُطَلَّقَٰتِ مَتَٰعُۢ بِٱلۡمَعۡرُوفِۖ حَقًّا عَلَى
ٱلۡمُتَّقِينَ ٢٤١
كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمۡ
تَعۡقِلُونَ ٢٤٢

"Dan orang-orang yang (hampir-hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka iaitu nafkah saguhati selama setahun tanpa mengeluarkan mereka dari (rumah suaminya), tetapi jika mereka keluar, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu tentang apa-apa yang dilakukan mereka terhadap diri mereka dari perbuatan-perbuatan yang baik. Dan Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana (240). Dan isteri-isteri yang diceraikan itu berhak mendapat pemberian saguhati dengan kadar yang wajar sebagai suatu kewajipan ke atas orang-orang yang bertaqwa (241). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mengerti."(242)

Kewajipan Suami Yang Hampir Mati Mewasiatkan Nafkah Saguhati Selama Setahun

Ayat yang pertama menjelaskan bahawa perempuan yang kematian suaminya itu berhak mendapat wasiat dari suaminya untuk membolehkannya tinggal di rumah suaminya dan hidup dengan perbelanjaan dari hartanya selama setahun genap, tanpa keluar dan tanpa berkahwin, jika ia dapati perasaannya dan keadaan-keadaan di sekelilingnya membolehkannya tinggal selama masa itu. Namun demikian ia bebas untuk keluar dari rumah suaminya selepas empat bulan sepuluh hari ini seperti yang telah diterangkan oleh ayat yang silam. Menjalani 'iddah itu suatu kefardhuan yang diwajibkan ke atasnya dan kemudahan tinggal di rumah suami selama setahun itu merupakan suatu hak baginya. Setengah ulama' berpendapat bahawa ayat ini telah dimansuhkan dengan ayat tadi. Tetapi sebenarnya tidak perlu kepada andaian bahawa ayat ini mansuh kerana kedua-duanya mempunyai tujuan yang berlainan mengikut pendapat kami, iaitu ayat ini bertujuan menjelaskan hak yang diberikan kepadanya dan andainya ia suka ia boleh menggunakannya, dan ayat yang silam bertujuan menjelaskan kewajipan yang diwajibkan ke atasnya dan tidak boleh dielakkan olehnya.

فَإِنْ خَرَجْنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِيٓ
أَنفُسِهِنَّ مِن مَّعْرُوفٍ

"Jika mereka keluar, maka tidak ada apa-apa kesalahan kepada kamu tentang apa yang dilakukan mereka terhadap diri mereka dari perbuatan-perbuatan yang baik."(240)

Kelompok Muslimin Bertanggungjawab Terhadap Masyarakatnya

Kata-kata "kepada kamu" menyarankan kelompok Muslimin yang padu dan bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku di dalam masyarakat, kerana kelompok Musliminlah yang diserahkan urusan agama dan syari'at Allah dan diserahkan urusan setiap individu dan setiap tindakan yang berlaku dalam lingkungan masyarakat mereka. Merekalah yang menanggung kesalahan terhadap penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan individu-individu masyarakat mereka. Saranan ini mempunyai nilainya dalam memahami hakikat kelompok Muslimin dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka, juga mempunyai nilainya di dalam keperluan mewujudkan kelompok ini untuk mengawal dan menjaga agama Allah dari penyelewengan mana-mana individunya. Kelompok inilah pada akhirnya bertanggungjawab terhadap individu-individu Muslimin di dalam persoalan-persoalan kecil dan besar. Ayat ini ditujukan kepada mereka dengan sifat ini untuk menjelaskan hakikat ini di dalam hati mereka dan di dalam hati setiap individu yang ada di dalam kelompok mereka. Kemudian diiringi dengan kenyataan:

وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٤٠﴾

"Dan Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana." (240)

Kenyataan ini bertujuan menarik hati manusia menginsafi kekuatan Allah dan hikmat kebijaksanaan-Nya dalam segala apa yang difardhu dan diarahkan oleh-Nya. Dan kenyataan ini juga mengandungi ancaman dan amaran.

Ayat yang kedua pula menjelaskan hak perempuan-perempuan yang ditalaq umumnya dan seluruh perintah ini juga dihubungkan dengan taqwa:

وَلِلْمُطَلَّقَٰتِ مَتَٰعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى
ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾

"Dan isteri-isteri yang diceraikan itu berhak mendapat pemberian saguhati dengan kadar yang wajar sebagai suatu kewajipan ke atas orang-orang yang bertaqwa"(241)

Pemberian Saguhati Kepada Isteri Yang Diceraikan

Setengah ulama' berpendapat ayat ini juga telah dimansuhkan dengan hukum-hukum yang telah lalu, sedangkan sebenarnya tidak perlu ayat-ayat itu diandaikan sebagai mansukh kerana bayaran saguhati berlainan dari bayaran nafkah. Di antara penjelasan yang selaras dengan saranan-saranan Al-Qur'an ialah penjelasan mengenai bayaran saguhati kepada setiap perempuan yang ditalaq sama ada yang telah disetubuhi atau belum disetubuhi, sama ada yang telah ditentukan kadar maskahwinnya atau belum ditentukan kadar maskahwinnya, kerana bayaran saguhati itu dapat membasahkan suasana talaq yang kering itu dan dapat menyukakan hati yang kesunyian kerana bercerai. Ayat ini merangsangkan kesedaran taqwa dan menghubungkan persoalan ini dengan taqwa dan taqwalah satu-satunya jaminan yang kuat.

Ayat yang ketiga membuat ulasan terhadap semua hukum yang telah lepas:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ
تَعْقِلُونَ ﴿٢٤٢﴾

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mengerti."(242)

Demikianlah penjelasan hukum-hukum yang telah silam, iaitu satu penjelasan yang kemas, halus dan membawa saranan-saranan yang berkesan. Demikianlah Allah menghuraikan ayat-ayat-Nya kepada kamu untuk membimbing kamu supaya kamu memikir dan meneliti ayat-ayat itu, juga memikirkan hikmat yang tersembunyi di sebaliknya dan rahmat yang terselit di celah-celah ayat itu dan seterusnya supaya kamu memikirkan tentang ni'mat yang nampak jelas di dalam ayat itu, iaitu ni'mat kemudahan dan toleransi tetapi tegas dan ni'mat kesejahteraan yang melimpah ke atas kehidupan mereka.

Sekiranya manusia memikir dan merenungi agama Allah dengan teliti tentulah mereka memilih sikap yang lain terhadapnya, iaitu sikap ta'at, menyerah, redha dan menerima dan tentulah mereka mendapat kesejahteraan yang melimpah di dalam roh dan akal mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 243-252)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ
حَذَرَ ٱلْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ ٱللَّهُ مُوتُوا۟ ثُمَّ أَحْيَٰهُمْ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ
أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾

وَقَٰتِلُوا۟ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٤﴾

مَّن ذَا ٱلَّذِي يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ
لَهُۥٓ أَضْعَافًا كَثِيرَةً ۚ وَٱللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُۜطُ

وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾
أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلْمَلَإِ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ مِنۢ بَعْدِ
مُوسَىٰٓ إِذْ قَالُوا۟ لِنَبِىٍّ لَّهُمُ ٱبْعَثْ لَنَا مَلِكًا
نُّقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِن كُتِبَ
عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ أَلَّا تُقَٰتِلُوا۟ ۖ قَالُوا۟ وَمَا لَنَآ أَلَّا
نُقَٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِن دِيَٰرِنَا
وَأَبْنَآئِنَا ۖ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ تَوَلَّوْا۟ إِلَّا
قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٤٦﴾
وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ
طَالُوتَ مَلِكًا ۚ قَالُوٓا۟ أَنَّىٰ يَكُونُ لَهُ ٱلْمُلْكُ
عَلَيْنَا وَنَحْنُ أَحَقُّ بِٱلْمُلْكِ مِنْهُ وَلَمْ يُؤْتَ
سَعَةً مِّنَ ٱلْمَالِ ۚ قَالَ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰهُ
عَلَيْكُمْ وَزَادَهُۥ بَسْطَةً فِى ٱلْعِلْمِ وَٱلْجِسْمِ ۖ وَٱللَّهُ
يُؤْتِى مُلْكَهُۥ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٧﴾
وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ ءَايَةَ مُلْكِهِۦٓ أَن
يَأْتِيَكُمُ ٱلتَّابُوتُ فِيهِ سَكِينَةٌ مِّن
رَّبِّكُمْ وَبَقِيَّةٌ مِّمَّا تَرَكَ ءَالُ مُوسَىٰ
وَءَالُ هَٰرُونَ تَحْمِلُهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَةً لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٤٨﴾
فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِٱلْجُنُودِ قَالَ إِنَّ ٱللَّهَ
مُبْتَلِيكُم بِنَهَرٍ فَمَن شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّى
وَمَن لَّمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُۥ مِنِّىٓ إِلَّا مَنِ ٱغْتَرَفَ
غُرْفَةًۢ بِيَدِهِۦ ۚ فَشَرِبُوا۟ مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۚ
فَلَمَّا جَاوَزَهُۥ هُوَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ قَالُوا۟
لَا طَاقَةَ لَنَا ٱلْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ ۚ قَالَ
ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُوا۟ ٱللَّهِ كَم مِّن
فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةًۢ بِإِذْنِ
ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٢٤٩﴾
وَلَمَّا بَرَزُوا۟ لِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ قَالُوا۟ رَبَّنَآ
أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا
عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾
فَهَزَمُوهُم بِإِذْنِ ٱللَّهِ وَقَتَلَ دَاوُۥدُ جَالُوتَ
وَءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلْمُلْكَ وَٱلْحِكْمَةَ وَعَلَّمَهُۥ
مِمَّا يَشَآءُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ
لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ ذُو فَضْلٍ عَلَى
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٥١﴾
تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ ۚ
وَإِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٥٢﴾

"Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah keluar dari kampung halaman mereka, sedangkan bilangan mereka beribu-ribu orang kerana takut mati. Lalu Allah berfirman kepada mereka: "Matilah kamu!" Kemudian Allah telah menghidupkan mereka kembali. Sesungguhnya Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak di atas manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur (243). Dan berperanglah kamu sekalian kerana Sabilullah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui (244). Siapakah yang sanggup memberi pinjaman yang baik kepada Allah, maka Allah akan menggandakan ganjaran kepadanya dengan gandaan yang amat banyak. Dan Allahlah yang menyempit dan meluaskan rezeki dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan (245). Apakah tidak kamu melihat kepada pemimpin-pemimpin dari Bani Israel selepas Musa ketika mereka berkata kepada seorang nabi mereka: "Angkatkanlah untuk kami seorang raja agar kami dapat berperang kerana Sabilullah". Kata (nabi mereka): Apakah mungkin jika kamu diwajibkan berperang bahawa kamu tidak mahu berperang? Kata mereka: Mengapa kami tidak mahu berperang kerana Sabilullah, sedangkan kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami? Maka apabila peperangan telah diwajibkan ke atas mereka, mereka berpaling darinya kecuali sedikit sahaja dari mereka. Dan Allah itu Maha Mengetahui keadaan orang-orang yang

zalim (246). Lalu nabi mereka berkata kepada mereka: "Allah telah mengangkatkan Talut sebagai raja untuk kamu." Jawab mereka: "Bagaimana Talut hendak memerintah kami sedangkan kami lebih berhak darinya memegang pemerintahan itu, lagi pula dia tidak diberikan harta kekayaan yang luas? Kata (nabi mereka): Sesungguhnya Allah telah memilihnya untuk memerintah kamu dan Dia telah menambahkan kepadanya keluasan ilmu pengetahuan dan keperkasaan tubuh badan dan Allah mengurniakan kuasa pemerintahan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah itu Maha Luas Limpah Kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui (247). Lalu nabi mereka berkata kepada mereka: "Sesungguhnya tanda kelayakannya menjadi raja ialah datangnya Talut kepada kamu yang mengandungi ketenteraman dari Tuhan kamu dan sisa-sisa dari peninggalan keluarga Musa dan keluarga Harun dibawa oleh para malaikat. Sesungguhnya kejadian itu suatu tanda kepada kamu jika kamu benar orang-orang yang beriman (248). Apabila Talut keluar membawa bala tentera ia berkata: "Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebuah sungai. Sesiapa yang minum dari sungai itu, maka dia bukan dari pengikutku dan sesiapa yang tidak meminumnya maka dia dari pengikutku kecuali orang yang mencedok secedok dengan tangannya" lalu mereka minum air sungai itu kecuali sedikit sahaja dari mereka. Dan apabila Talut dan orang-orang beriman yang ada bersamanya telah menyeberangi sungai itu, mereka pun berkata: "Kami tidak mempunyai tenaga kekuatan lagi pada hari ini untuk melawan Jalut dan tentera-tenteranya." Lalu berkatalah orang-orang yang yakin bahawa mereka akan tetap menemui Allah: "Berapa banyak peristiwa kumpulan yang sedikit telah mengalahkan kumpulan yang banyak dengan keizinan Allah" dan Allah itu bersama orang-orang yang sabar (249). Dan apabila (mereka yang beriman) keluar menentang Jalut dan tenteranya mereka berdo'a: "Wahai Tuhan kami! Curahkanlah kesabaran ke atas kami dan kukuhkan pendirian kami dan tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir (250). Lalu mereka mengalahkan musuh mereka dengan keizinan Allah dan Daud telah membunuh Jalut dan Allah mengurniakan kepadanya kerajaan dan hikmat dan mengajarkan kepadanya sebahagian dari ilmu yang dikehendaki-Nya. Dan andainya Allah tidak menolak setengah manusia dengan penentangan setengah yang lain tentulah bumi menjadi rosak, tetapi Allah mempunyai limpah kurnia ke atas semesta alam (251). Itulah ayat-ayat Allah yang kami bacakannya kepadamu dengan membawa kebenaran dan sesungguhnya engkau adalah dari nabi-nabi yang diutuskan (Allah)."(252)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Al-Qur'an Perlembagaan Hidup Muslimin

Kita dapat memahami nilai pelajaran ini, yang mengandungi pengalaman-pengalaman kelompok-kelompok Muslimin dan umat-umat di zaman dahulu apabila kita kenangkan di dalam hati kita bahawa Al-Qur'an adalah kitab suci umat Muslimin yang tetap hidup dan tetap menjadi pemimpin dan penasihat kepada mereka. Al-Qur'anlah sekolah tempat mereka menerima pelajaran-pelajaran hidup mereka, dan dengan Al-Qur'anlah Allah telah mendidik angkatan Muslimin yang pertama yang telah diserahkan kepada mereka tugas membangun sistem hidup Rabbani di bumi ini. Allah telah menyerahkan kepada mereka peranan yang amat besar ini setelah ia menyedia dan melengkapkan mereka dengan Al- Qur'anul-Karim. Allah S.W.T. telah menghendaki agar Al-Qur'an ini dijadikan pemimpin yang hidup dan kekal selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. untuk memimpin generasi-generasi umat Muslimin dan mendidik mereka serta menyediakan mereka untuk memegang peranan kepimpinan yang betul yang dijanjikan kepada mereka apabila mereka menerima hidayat Allah dan berpegang teguh kepada perjanjian mereka dengan Allah dan mengambil seluruh peraturan hidup mereka dari Al-Qur'an, serta berbangga dengannya dan memandangnya sebagai satu sistem hidup yang mengatasi segala sistem hidup yang diciptakan di bumi, iaitu sistem-sistem hidup jahiliyah.

Al-Qur'an bukanlah semata-mata kalam yang dibaca, tetapi Al-Qur'an adalah sebuah perlembagaan hidup yang lengkap. Ia merupakan perlembagaan didikan di samping perlembagaan hidup yang amali. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengandungi pembentangan pengalaman-pengalaman manusia dalam bentuk yang menarik kepada kelompok Muslimin untuk membangun dan mendidik mereka, dan mengandungi secara khususnya pengalaman-pengalaman da'wah imaniah di muka bumi ini sejak Adam a.s. Al-Qur'an mengemukakan pengalaman-pengalaman itu sebagai bekalan kepada umat Muslimin untuk seluruh generasinya, iaitu pengalaman-pengalaman mereka di dalam hati dan pengalaman- pengalaman mereka di dalam realiti kehidupan supaya umat Muslimin berada di jalan yang terang apabila ia berbekal dengan bekalan yang amat besar itu dan dengan tabung modal simpanan yang beraneka jenis itu.

Mengapa Kisah Bani Israel Begitu Banyak Disebut Dalam Al-Qur'an

Oleh sebab itulah di dalam Al-Qur'an dimuatkan dengan kisah-kisah yang banyak, beraneka ragam dan saranan. Kisah-kisah Bani Israel merupakan kisah-kisah yang paling banyak diceritakan di dalam Al-Qur'an kerana beberapa sebab. Sebahagian dari sebab-sebab itu telah kami sebutkan di dalam juzu' yang pertama kitab Fi Zilal ini ketika menyebut peristiwa-peristiwa Bani Israel, dan sebahagian pula kami sebutkan di dalam juzu' ini di berbagai-bagai tempat terutama di bahagian awalnya dan di sini kami tambahkan lagi dengan sebab yang lain yang kami fikirkannya, iaitu Allah S.W.T. mengetahui bahawa generasi-generasi umat Muslimin ini akan melalui tahap-tahap yang telah dilalui oleh Bani Israel dan akan mengambil sikap terhadap agama mereka sama dengan sikap-sikap yang telah diambil oleh Bani Israel. Oleh itu Allah menunjukkan kepada mereka jalan-jalan yang telah menggelincirkan Bani Israel yang digambarkan di dalam sejarah mereka supaya menjadi pengajaran dan teladan kepada mereka dan supaya mereka dapat melihat rupa mereka di dalam cermin yang telah diangkatkan Allah di hadapan mereka sebelum mereka jatuh tergelincir di jalan itu atau sebelum mereka asyik bertengkar di sepanjang jalan.

Al-Qur'an ini harus dibaca dan diterima oleh generasi-generasi umat Muslimin dengan penuh kesedaran. Ia seharusnya dipandang sebagai arahan-arahan yang hidup yang diturunkan pada hari ini untuk menghadapi masalah-masalah hari ini dan untuk menerangi jalan menuju masa depan, bukannya dipandang sebagai semata-mata kalam yang indah yang dibaca dengan tertil atau sebagai sebuah rekod yang memuatkan hakikat yang telah berlalu dan tidak akan pulang lagi.

Kita tidak akan mendapat apa-apa manfa'at dari Al-Qur'an sehingga kita membacanya dengan tujuan mencari bimbingan-bimbingan untuk memandu kehidupan kita pada hari ini dan pada masa depan sebagaimana angkatan Muslimin yang pertama menerima Al-Qur'an untuk mencari pedoman-pedoman bagi menghadapi urusan-urusan hidup mereka yang sedang berlaku. Apabila kita membaca Al-Qur'an dengan kesedaran ini, maka kita akan memperolehi darinya apa yang kita kehendaki. Kita akan dapati di dalamnya keanehan- keanehan yang tidak terlintas di hati yang lalai. Kita akan dapati kalimat-kalimatnya, ungkapan-ungkapannya dan arahan-arahannya itu hidup, bergerak dan memberi isyarat- isyarat kepada tanda-tanda jalan seolah-olah berkata kepada kita: Ini pasti dibuat dan ini tidak boleh dibuat! Ini musuh kamu dan ini sahabat kamu! Hati-hatilah dari ini dan bersedialah untuk ini! Ia mengeluarkan arahan-arahan yang begitu panjang, terperinci dan halus kepada kita dalam semua urusan hidup yang dihadapi oleh kita. Dan di waktu inilah kita akan memperolehi keni'matan dan hayat di dalam Al-Qur'an dan kita dapat memahami maksud firman Allah yang berbunyi:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada sesuatu yang menghidupkan kamu."

(Surah al-Anfal : 24)

Yakni da'wah Allah adalah da'wah untuk hidup, iaitu untuk hidup yang sentiasa membaharu, bukan untuk hidup dalam suatu sejarah yang terbatas di atas lembaran-lembaran sejarah yang berlalu.

* * * * * *

Pengalaman-pengalaman Dari Umat-umat Yang Silam

Pelajaran ini membentangkan dua pengalaman dari pengalaman-pengalaman umat-umat yang lampau untuk ditambahkan kepada perbendaharaan pengalaman-pengalaman umat Muslimin. Ia menyediakan dua pengalaman ini untuk persiapan kelompok Muslimin menghadapi berbagai-bagai keadaan dalam hidup mereka, dengan sebab mereka ditugas melaksanakan peranan yang agung dengan sifat mereka selaku pewaris agama Allah dan selaku pewaris pengalaman-pengalaman di bidang da'wah yang subur ini.

Pengalaman yang pertama ialah pengalaman satu kaum yang tidak disebutkan nama mereka oleh Al-Qur'an. Ia dibentangkan dengan cukup ringkas tetapi sempurna. Ia adalah pengalaman sekumpulan manusia:

خَرَجُوا۟ مِن دِيَـٰرِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ ٱلْمَوْتِ

"Yang telah keluar dari kampung halaman mereka, sedangkan bilangan mereka beribu-ribu orang kerana takut mati."

Tetapi tindakan mereka keluar melarikan diri kerana takut mati itu tidak berguna apa-apa kepada mereka, kerana suratan takdir Allah yang ditakuti mereka itu telah mendapatkan mereka lalu:

فَقَالَ لَهُمُ ٱللَّهُ مُوتُوا۟ ثُمَّ أَحْيَـٰهُمْ

"Lalu Allah berfirman kepada mereka: 'Matilah kamu!' Kemudian Allah telah menghidupkan mereka kembali."

Yakni, usaha-usaha mereka untuk menghindari maut tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka dan mereka juga tidak mungkin berusaha untuk mengembalikan hayat kerana maut dan hayat itu adalah takdir Allah.

Dan di bawah bayangan pengalaman ini Al-Qur'an menyeru orang-orang yang beriman supaya berperang dan berderma untuk Sabilullah Tuhan Penganugerah hayat dan Pengurnia harta kekayaan yang berkuasa menarik hayat dan menarik harta kekayaan.

Pengalaman yang kedua ialah pengalaman hidup Bani Israel selepas Musa a.s., iaitu setelah hilangnya kerajaan mereka dan tercabulnya tempat-tempat suci mereka, dan selepas mereka dihina oleh musuh mereka dan selepas mereka merasa malapetaka yang telah menimpa mereka dengan sebab mereka menyeleweng dari petunjuk Allah dan ajaran-ajaran nabi mereka. Kemudian jiwa mereka bangkit semula dengan kesedaran yang baru dan agama Allah hidup semula di dalam hati mereka dan kini mereka begitu bersemangat untuk berperang kerana Sabilullah lalu mereka:

قَالُوا۟ لِنَبِىٍّ لَّهُمُ ٱبْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُّقَـٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ

"Lalu mereka berkata kepada seorang nabi mereka: Angkatkanlah untuk kami seorang raja agar kami dapat berperang kerana Sabilullah."

Dari celah-celah pengalaman ini - sebagaimana yang dibentangkan oleh ayat-ayat Al-Qur'an yang penuh mengandungi saranan-saranan itu - muncullah sejumlah hakikat yang membawa saranan-saranan yang kuat kepada kelompok Muslimin di setiap generasi di samping saranan-saranan yang dibawa kepada angkatan muslimin pertama di zaman itu.

Teladan umum yang muncul dari seluruh kisah ini ialah kebangkitan semula agama Allah walaupun di hadapan pengalaman yang berlaku itu ia telah mengalami kelemahan, kekurangan dan ia telah ditinggal oleh kaum Israel sekumpulan demi sekumpulan di berbagai peringkat perjalanannya, namun keteguhan iman sekumpulan kecil orang-orang yang beriman dari mereka telah berjaya menghasilkan natijah-natijah yang amat besar kepada Bani Israel. Mereka telah berjaya mencapai kemenangan, kemuliaan dan kedudukan yang teguh setelah mengalami kekalahan yang teruk, penghinaan yang memalukan, pembuangan diri yang lama dan hidup hina dina di bawah tapak kaki pihak-pihak yang berkuasa. Mereka telah dianugerahkan dengan kerajaan Daud kemudian kerajaan Sulaiman dan inilah kemuncak kekuasaan yang telah dicapai oleh kerajaan Bani Israel di bumi ini. Itulah zaman keemasan mereka yang menjadi buah mulut mereka, iaitu satu zaman keemasan yang belum pernah dicapai mereka sebelum ini di zaman nubuwwah yang agung. Seluruh kemenangan ini merupakan hasil secara langsung dari kebangkitan semula agama Allah yang tertimbus di bawah timbunan sampah sarap dan hasil dari keteguhan iman segelintir kaum Mu'min yang sanggup menentang angkatan-angkatan tentera Jalut.

Dan dari celah-celah pengalaman ini juga muncul beberapa pengajaran kecil yang lain yang semuanya amat berharga kepada kelompok Muslimin di setiap masa.

Di antara pengajaran-pengajaran itu ialah keghairahan orang ramai itu kadang-kadang boleh mengelirukan para pemimpin apabila mereka memandang lahirnya sahaja. Oleh sebab itulah mereka perlu menguji keghairahan itu sebelum mereka memasuki perjuangan yang muktamad. Golongan cerdik pandai dan orang-orang yang mempunyai kedudukan di kalangan Bani Israel telah datang menemui nabi mereka di zaman itu. Mereka menuntut beliau memilih seorang raja untuk memimpin mereka di dalam peperangan menentang musuh-musuh agama mereka, iaitu musuh-musuh yang telah merampas kerajaan dan harta kekayaan mereka termasuklah peninggalan-peninggalan para anbia' mereka dari keluarga Musa dan keluarga Harun. Apabila beliau mahu menguji untuk memastikan apakah mereka benar-benar mempunyai keazaman untuk berperang, beliau berkata kepada mereka:

قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِن كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ أَلَّا تُقَٰتِلُوا۟

"Kata nabi mereka: Apakah mungkin jika kamu diwajibkan berperang bahawa kamu tidak mahu berperang?"

Mereka segera membantah pertanyaan ini dan keghairahan mereka terus memuncak tinggi apabila mereka berkata kepada beliau:

وَمَا لَنَآ أَلَّا نُقَٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِن دِيَٰرِنَا وَأَبْنَآئِنَا

"Mengapa kami tidak mahu berperang kerana Sabilullah, sedangkan kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami?"

Tetapi api keghairahan yang berkobar-kobar ini telah padam dalam masa yang sebentar sahaja dan jatuh di dalam beberapa langkah perjalanan sebagaimana disebut oleh cerita ini atau sebagaimana diceritakan dengan ringkas oleh ayat ini:

فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ تَوَلَّوْا۟ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ

"Maka apabila peperangan telah diwajibkan ke atas mereka, mereka berpaling darinya kecuali sedikit sahaja dari mereka."

Walaupun Bani Israel itu mempunyai satu sifat istimewa suka memungkiri perjanjian dan berpecah-belah di pertengahan jalan, namun gejala ini adalah pada umumnya gejala manusia, iaitu gejala yang boleh didapati pada kelompok-kelompok manusia yang didikan keimanannya belum mencapai tahap latihan yang tinggi. Gejala ini merupakan satu gejala biasa yang akan dihadapi oleh kepimpinan kelompok Muslimin dalam mana-mana generasi. Oleh itu di sini eloklah digunakan pengalaman Bani Israel itu.

Di antara pengajaran itu lagi ialah ujian terhadap keghairahan dan semangat perjuangan yang berkobar-kobar di dalam jiwa kelompok Muslimin seharusnya jangan terhenti setakat ujian yang pertama, kerana kebanyakan Bani Israel itu telah enggan berjuang sebaik sahaja mereka diwajibkan berperang sebagai memenuhi permintaan mereka, kecuali sebilangan kecil dari mereka yang tetap teguh memelihara janji dengan nabi mereka. Merekalah tentera-tentera yang telah keluar bersama Talut setelah berlaku pertengkaran dan perdebatan di sekitar kelayakan beliau menjadi raja dan pemimpin mereka dan setelah timbulnya alamat Allah memilih beliau untuk memimpin mereka dan setelah kembalinya peti atau Tabut yang mengandungi peninggalan-peninggalan para anbia' mereka yang dibawa oleh para malaikat. Namun demikian kebanyakan tentera-tentera itu telah gugur di peringkat pertama lagi. Mereka telah gagal dalam ujian pertama yang telah diadakan oleh pemimpin mereka:

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِٱلْجُنُودِ قَالَ إِنَّ ٱللَّهَ مُبْتَلِيكُم بِنَهَرٍ فَمَن شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّى

وَمَن لَّمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُۥ مِنِّىٓ إِلَّا مَنِ ٱغْتَرَفَ غُرْفَةًۢ بِيَدِهِۦ ۚ فَشَرِبُوا۟ مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۚ

"Apabila Talut keluar membawa bala tentera ia berkata: Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebuah sungai. Sesiapa yang minum dari sungai itu, maka dia bukan dari pengikutku dan sesiapa yang tidak meminumnya, maka dia dari pengikutku kecuali orang yang mencedok secedok dengan tangannya lalu mereka minum air sungai itu kecuali sedikit sahaja dari mereka."

Kumpulan yang sedikit ini pula tidak juga teguh sampai akhir, kerana apabila mereka berhadapan dengan ketakutan dan musuh yang ramai dan kuat, keazaman mereka pun patah dan hati mereka menjadi goyah:

فَلَمَّا جَاوَزَهُۥ هُوَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ قَالُوا۟ لَا طَاقَةَ لَنَا ٱلْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ ۚ

"Dan apabila Talut dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya telah menyeberangi sungai itu, maka mereka berkata: Kami tidak mempunyai tenaga kekuatan lagi pada hari ini untuk melawan Jalut dan tentera-tenteranya."

Namun demikian keazaman satu kumpulan kecil dari mereka yang terpilih itu tetap teguh di hadapan kelemahan semangat itu. Mereka berpegang teguh dan percaya kepada Allah dan berkata:

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةًۢ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

"Berapa banyak peristiwa kumpulan yang sedikit telah mengalahkan kumpulan yang banyak dengan keizinan Allah dan Allah itu bersama orang-orang yang sabar."(249)

Golongan inilah yang memberatkan daun neraca, menerima kemenangan, mendapat kemuliaan dan kedudukan yang kuat.

Di celah-celah pengalaman inilah tersembunyinya teladan kepimpinan yang baik, tegas dan beriman dan semuanya itu dapat dilihat dengan jelas dalam kepimpinan Talut, iaitu satu kepimpinan yang memperlihatkan kearifan beliau dengan jiwa manusia dan bagaimana beliau tidak tertipu dengan keghairahan yang zahir dan tidak merasa cukup dengan ujian yang pertama, dan bagaimana beliau berusaha menguji kepatuhan dan keazaman di dalam jiwa tentera-tenteranya sebelum beliau memasuki peperangan, dan bagaimana beliau mengasing dan meninggalkan orang-orang yang bersemangat lemah di belakang beliau. Kemudian - dan inilah yang paling penting - beliau tetap tidak lemah semangat walaupun bilangan tenteranya semakin kecil selepas melalui ujian demi ujian kerana tidak ada yang tinggal teguh berjuang bersama beliau hingga akhir melainkan hanya sekumpulan kecil Mu'min yang terpilih itu. Dengan kumpulan inilah beliau mengharungi peperangan ini dengan kekuatan iman yang tulen. Dan janji Allah yang benar itu tetap diberikan kepada orang-orang yang beriman.

Teladan terakhir yang tersembunyi dalam kesudahan peperangan itu ialah hati yang sentiasa berhubung dengan Allah itu berubah neraca-neraca pertimbangannya dan cara-cara pemikirannya kerana dia melihat realiti yang kecil terbatas itu dengan mata yang menjangkau kepada realiti yang besar, luas dan sampai kepada Allah dan menjangkau kepada punca seluruh urusan yang terletak di sebalik realiti yang kecil dan terbatas itu. Kumpulan Mu'min yang kecil, yang teguh dengan keazaman dan memasuki peperangan serta mencapai kemenangan itu adalah melihat bilangan mereka yang sedikit dan bilangan musuh mereka yang ramai sama seperti yang dilihat oleh kumpulan lain yang berkata:

لَا طَاقَةَ لَنَا ٱلْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ ۚ

"Kami tidak mempunyai tenaga kekuatan lagi pada hari ini untuk melawan Jalut dan tentera-tenteranya,"

tetapi mereka tidak membuat keputusan seperti keputusan yang telah dibuat oleh kumpulan yang lain itu, malah mereka membuat keputusan yang berlainan. Mereka berkata:

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةًۢ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

"Berapa banyak peristiwa kumpulan yang kecil telah mengalahkan kumpulan yang banyak dengan keizinan Allah dan Allah itu bersama orang-orang yang sabar."(249)

Kemudian mereka bertawajjuh kepada Allah dan berdo'a:

قَالُوا۟ رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

"Wahai Tuhan kami! Curahkanlah kesabaran ke atas kami dan kukuhkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir."(250)

Mereka sedar bahawa neraca kekuatan bukannya di tangan orang-orang yang kafir, malah berada di tangan Allah dan kerana itulah mereka memohon kemenangan dan pertolongan dari Allah dan mereka telah memperolehi kemenangan itu dari Allah yang memiliki kemenangan dan menganugerahinya. Demikianlah kefahaman-kefahaman dan neraca-neraca pertimbangan untuk menentukan sesuatu itu akan berubah apabila wujudnya perhubungan yang sebenar dengan Allah dan apabila wujudnya keimanan yang betul di dalam hati. Dan demikianlah juga ternyata bahawa berurusan dengan janji Allah yang sebenar dan jelas di hati itu lebih tepat dari berurusan dengan realiti yang kecil yang hanya ternampak di mata.

Kita tidak payah menghuraikan semua saranan yang terkandung di dalam kisah ini kerana nas-nas Al-Qur'an - sebagaimana kita telah pelajari dari pengalaman - sentiasa mendedahkan saranan-saranannya kepada setiap hati mengikut sejauh mana ia terlibat dalam perkara itu dan mengikut kadar keperluannya yang jelas di dalam perkara itu, sementara simpanan baki saranan nas-nas itu terus dibuka kepada hati-hati manusia yang berada di dalam berbagai-bagai keadaan dan suasana mengikut kadar yang tertentu.

Oleh itu marilah kita berpindah dari ulasan secara umum ini kepada huraian mengikut nas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 243)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَـٰرِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ
حَذَرَ ٱلْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ ٱللَّهُ مُوتُوا۟ ثُمَّ أَحْيَـٰهُمْ
إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَـٰكِنَّ
أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾

"Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah keluar dari kampung mereka, sedangkan bilangan mereka beribu-ribu orang, kerana takut mati. Lalu Allah berfirman kepada mereka: 'Matilah kamu!' Kemudian Allah menghidupkan mereka kembali. Sesungguhnya Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak di atas manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."(243)

Kisah Kaum Yang Takut Kepada Maut Dan Teladannya

Saya tidak ingin menjelajah di padang gurun pentafsiran-pentafsiran yang kelam-kabut mengenai kaum yang keluar meninggalkan kampung halaman mereka dengan bilangan mereka yang beribu-ribu banyaknya kerana takut mati........siapakah mereka? Dari negeri manakah mereka? Dan di zaman manakah mereka keluar? Kerana jika Allah mahu menjelaskan hakikat mereka tentulah Dia menjelaskan seperti kisah-kisah tertentu yang lain yang disebut di dalam Al-Qur'an, tetapi kisah ini hanya suatu kisah teladan dan pengajaran yang dipentingkan isi tujuannya sahaja, bukannya dipentingkan peristiwa-peristiwanya, tempat-tempatnya dan zaman-zamannya. Penentuan tempat dan zaman di dalam kisah ini tidak menambahkan suatu teladan dan tujuan kisah.

Tujuan yang dikehendaki dari kisah ini ialah untuk membetulkan kefahaman dan kepercayaan terhadap persoalan mati dan hidup dan sebab-sebab keduanya yang lahir dan hakikat-hakikat keduanya yang tersembunyi dan memulangkan kedua-dua persoalan ini kepada qudrat Allah yang mentadbir serta menaruh kepercayaan yang teguh kepada takdir-takdir Allah dalam dua persoalan itu, dan bertindak terus memikul tanggungan dan kewajipan tanpa takut dan gelisah. Segala yang ditentukan Allah itu tetap wujud, hidup dan mati pada akhirnya berada di tangan qudrat Allah.

Tujuan kisah ini ialah untuk mengatakan bahawa takut kepada maut itu tidak berguna. Ketakutan dan kegelisahan tidak menambahkan hayat, tidak memanjang-kan ajal dan tidak dapat menolakkan qadha' Ilahi. Hanya Allah jua yang menganugerahkan hayat dan Dialah juga yang mengambil hayat. Allah bertindak dengan limpah kemurahan-Nya apabila Dia memberi dan mengambil balik. Dan di sebalik pemberian dan pengambilan balik itu, di sana tersembunyi hikmat Ilahi yang agung dan kepentingan manusia adalah sentiasa tercapai dalam pemberian dan pengambilan balik itu. Limpah kurnia Allah terhadap manusia sentiasa tercapai sama ada Ia memberi atau mengambil balik:

إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَـٰكِنَّ
أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾

"Sesungguhnya Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak di atas manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."

Perhimpunan kaum yang beribu-ribu ramainya itu dan tindakan mereka keluar meninggalkan kampung halaman mereka kerana takut mati tentulah berlangsung dalam suasana yang penuh ketakutan dan kegelisahan sama ada mereka keluar kerana takut di serang musuh atau takut kepada wabak yang sedang menyerang mereka. Semuanya itu tidak dapat menghalangkan mereka sedikit pun dari maut:

فَقَالَ لَهُمُ ٱللَّهُ مُوتُوا۟

"Lalu Allah berfirman kepada mereka: Matilah kamu!"

Bagaimana Allah berfirman kepada mereka? Bagaimana mereka mati? Adakah mereka mati dengan sebab yang sama, iaitu sebab yang kerananya mereka lari dan takut? Adakah mereka mati dengan sebab yang lain yang tidak terfikir oleh mereka? Semuanya ini tidak dihuraikan oleh Al-Qur'an, kerana perkara-perkara seperti ini bukannya menjadi isi pengajaran dan teladan, kerana yang menjadi intisari pengajaran dan teladan ialah bahawa persoalan cemas dan gelisah, keluar melarikan diri dan takut mati tidak dapat mengubahkan nasib kesudahan mereka, tidak dapat menolak maut dari mereka dan tidak dapat menghalangkan qadha' Allah ke atas mereka, malah keteguhan hati, kesabaran dan ketabahan lebih baik bagi mereka jika mereka pulang kepada Allah.

ثُمَّ أَحْيَـٰهُمْ

"Kemudian Allah telah menghidupkan mereka kembali."

Bagaimana? Apakah Allah telah membangkitkan mereka dari maut dan memulangkan hayat kepada mereka? Apakah mereka telah meninggalkan di belakang mereka satu zuriat keturunan yang hidup dengan semangat dan jiwa yang kuat, mereka tidak lagi berperasaan cemas dan takut seperti bapa-bapa mereka? Hal ini juga tidak dihuraikan oleh Al-Qur'an. Oleh itu kita tidak perlu membuat ta'wilan-ta'wilan dan pentafsiran-pentafsiran supaya kita tidak tersesat di dalam dongeng-dongeng yang tidak berasas sebagaimana yang terdapat dalam setengah-setengah kitab tafsir. Saranan yang diterima oleh hati dari ayat ini ialah Allah telah mengurniakan hayat kepada mereka tanpa apa-apa usaha dari mereka, sedangkan usaha-usaha mereka pula tidak dapat menolak maut dari mereka.

Perasaan takut dan cemas tidak dapat menolak qadha' Ilahi dan tidak dapat memelihara hayat. Hayat itu hanya di tangan Allah. Hayat merupakan suatu anugerah dari Allah tanpa sesuatu usaha dari makhluk-makhluk yang hidup. Jika demikian apalah gunanya mata para pengecut itu tidak tidur?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 244)

وَقَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ﴿٢٤٤﴾

"Dan berperanglah kamu sekalian kerana Sabilullah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(244)

Seruan Berjihad Kerana Sabilullah

Di sini kita dapat memahami sebahagian dari tujuan peristiwa ini, iaitu kita dapat memahami sebahagian dari hikmat Allah menceritakan pengalaman ini kepada kaum Muslimin dalam generasinya yang pertama dan dalam seluruh generasinya yang lain, iaitu janganlah kamu enggan berjihad kerana Sabilullah kerana cintakan kesenangan hidup dan takutkan mati, sebab mati dan hidup itu berada di tangan Allah. Oleh itu berperanglah kamu kerana Sabilullah, bukannya kerana sesuatu tujuan yang lain, dan berjuanglah kamu di bawah panji-panji Allah bukannya di bawah panji-panji yang lain. Berperanglah kerana Sabilullah:

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ﴿٢٤٤﴾

"Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(244)

Maksudnya Allah mendengar segala perkataan dan mengetahui segala rahsia atau tujuan di sebaliknya. Allah mendengar segala permohonan dan memperkenankannya dan Dia mengetahui pula segala sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada kehidupan dan hati mereka. Berperanglah kerana Sabilullah kerana di dalam perjuangan ini tidak ada amalan yang sia-sia di sisi Allah Tuhan yang mengurniakan hayat dan mengambil balik hayat.

Jihad kerana Sabilullah itu merupakan suatu pengorbanan. Pendermaan harta dan infaq kerana Sabilullah biasanya digandingkan di dalam Al-Qur'an dengan pembicaraan jihad dan peperangan, terutama di masa jihad itu merupakan amalan sukarela dan para Mujahid terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri. Kadang-kadang ia tidak dapat berjihad kerana harta tidak ada, oleh sebab itulah perlu adanya galakan yang berterusan (mendesak orang ramai) mengeluarkan derma untuk memberi kemudahan kepada para Mujahidin Fi Sabilillah. Oleh itu di sini (ayat yang berikut) mengemukakan seruan derma dan infaq dalam bentuk yang amat menarik.

(Pentafsiran ayat 245)

مَّن ذَا ٱلَّذِي يُقۡرِضُ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنٗا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضۡعَافٗا كَثِيرَةٗۚ وَٱللَّهُ يَقۡبِضُ وَيَبۡصُۜطُ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

"Siapakah yang sanggup memberi pinjaman yang baik kepada Allah, maka Allah akan menggandakan ganjaran kepadanya dengan gandaan yang amat banyak. Dan Allahlah yang menyempit dan meluaskan rezeki dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(245)

Seruan Infaq Kerana Sabilullah

Jika mati dan hidup di tangan Allah dan hidup tidak akan hilang dengan sebab peperangan apabila Allah hendak mengkekalkannya maka begitu juga harta tidak akan hilang dengan sebab infaq, kerana infaq itu merupakan satu pinjaman yang baik kepada Allah dan terjamin ganjaran di sisi Allah yang akan membalas dengan gandaan yang banyak. Di dunia dibalaskannya berganda-ganda dalam bentuk harta, keberkatan, kebahagiaan dan kerehatan dan di Akhirat dibalaskannya berganda-ganda dalam bentuk berbagai-bagai keni'matan, keredhaan dan perdampingan dengan Allah.

Punca kaya dan miskin adalah terpulang kepada iradat Allah bukannya kerana sikap tamak dan bakhil dan bukan pula kerana berperanan dan infaq.

وَٱللَّهُ يَقۡبِضُ وَيَبۡصُۜطُ

"Dan Allahlah yang menyempit dan meluaskan rezeki."

Perjalanan yang terakhir tetap kembali kepada Allah S.W.T. Di manakah letaknya harta kekayaan, sedangkan manusia sendiri semuanya pulang kepada Allah:

وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

"Dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(245)

Jika demikian, apalah gunanya takut kepada mati dan apalah faedahnya takut kepada kemiskinan, kerana mahu tidak mahu kepada Allah juga kita kembali. Oleh itu hendaklah orang-orang yang beriman sanggup berjihad kerana Sabilullah dan

hendaklah mereka sanggup mengorbankan jiwa dan harta. Yakinlah bahawa bilangan nafas mereka adalah terbatas dan rezeki mereka juga terbatas. Mereka lebih baik menghayati hidup yang kuat, bebas, berani dan mulia dan selepas itu mereka sekalian akan dikembalikan kepada Allah.

* * * * * *

Pengungkapan Yang Seni

Selepas menjelaskan saranan-saranan imaniyah dan saranan-saranan didikan yang baik yang terkandung di dalam ayat-ayat itu saya mengambil peluang memperkatakan tentang keindahan seni dalam pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an yang berikut:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ ٱلْمَوْتِ

"Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah keluar dari kampung halaman mereka, sedangkan bilangan mereka beribu-ribu orang kerana takutkan mati."

Ungkapan ini menayangkan perhimpunan ribuan manusia yang berjejal-jejal dengan satu gambaran yang hebat yang hanya dilukiskan oleh dua perkataan "الم تر" (apakah tidak engkau melihat?) Tidak ada kata-kata yang lain yang dapat menayangkan perhimpunan ini dengan sehebat ini di dalam daya khayal seperti yang dapat digambarkan oleh dua kata-kata ini pada tempatnya yang terpilih.

Kemudian dari pandangan perhimpunan ribuan manusia yang takut mati dan berpaling-paling cemas dan gelisah itu beralih pula kepada pemandangan maut yang tiba-tiba meragut nyawa mereka dalam satu sa'at. Dan dari celah kata-kata:

مُوتُوا۟

"Matilah kamu!"

maka seluruh ketakutan dan kecemasan, seluruh perhimpunan dan percubaan melarikan diri itu hilang belaka dalam sepatah kata itu untuk menyarankan ke dalam hati betapa sia-sianya percubaan itu dan betapa sesatnya jalan yang dipilih itu, di samping menyarankan betapa tegasnya qadha' Ilahi dan betapa pantasnya keputusan Allah.

ثُمَّ أَحْيَٰهُمْ

"Kemudian Allah telah menghidupkan mereka kembali."

Demikianlah dinyatakan tanpa menghuraikan caranya. Itulah gambaran qudratIlahi yang memegang teraju maut dan teraju hayat dan menguasai seluruh urusan para hamba-Nya. Tiada sesuatu yang dapat menolak iradat-Nya dan tiada yang berlaku melainkan mengikut iradat-Nya. Ungkapan ini menyorotkan bayangan yang sesuai ke atas pemandangan maut dan pemandangan hayat.

Kita di sini di dalam pemandangan yang menggambar-kan tindakan yang memati dan menghidup atau pemandangan mengambil roh dan melepaskan roh. Apabila diterangkan persoalan rezeki, maka Al-Qur'an mengungkapkan begini:

وَٱللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُۜطُ

"Dan Allahlah yang menyempit dan meluaskan rezeki"

iaitu selaras dengan harakat mengambil roh dan melepaskan roh dan dengan seringkas itu juga.

Demikianlah dapat dilihat keselarasan yang menarik dalam penggambaran pemandangan-pemandangan di samping wujudnya keselarasan yang menarik dalam menghidupkan makna-makna kalimat dan keindahan dalam menyusun pengungkapan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 246 - 252)

Kemudian Al-Qur'an menceritakan pengalaman yang kedua dan para pahlawannya ialah Bani Israel selepas Musa:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلْمَلَإِ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰٓ إِذْ قَالُوا۟ لِنَبِىٍّ لَّهُمُ ٱبْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُّقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِن كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ أَلَّا تُقَٰتِلُوا۟ ۖ قَالُوا۟ وَمَا لَنَآ أَلَّا نُقَٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِن دِيَٰرِنَا وَأَبْنَآئِنَا ۖ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ تَوَلَّوْا۟ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٤٦﴾

"Apakah tidak kamu melihat kepada pemimpin-pemimpin dari Bani Israel selepas Musa ketika mereka berkata kepada seorang nabi mereka: Angkatkanlah untuk kami seorang raja agar kami dapat berperang kerana Sabilullah. Kata (nabi mereka): Apakah mungkin jika kamu diwajibkan berperang bahawa kamu tidak mahu berperang? Kata mereka: Mengapa kami tidak mahu berperang kerana Sabilullah, sedangkan kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami? Maka apabila peperangan telah diwajibkan ke atas mereka, mereka berpaling darinya kecuali sedikit sahaja dari mereka. Dan Allah itu Maha Mengetahui terhadap orang-orang yang zalim."(246)

Keinginan Berjihad

Apakah tidak engkau melihat? Seolah-olah kejadian ini sedang berlaku dan dapat dilihat dengan mata kepala. Para pembesar dan cerdik pandai Bani Israel telah berkumpul dan menemui nabi mereka. Al-Qur'an tidak menyebut nama nabi ini kerana nama itu

tidak penting di sini, dan menyebut nama itu di sini tidak menambah suatu apa dalam saranan cerita sedangkan Bani Israel mempunyai ramai nabi-nabi yang lahir berturut-turut di dalam sejarah mereka yang panjang itu. Mereka menemui nabi mereka dan menuntut beliau melantikkan seorang raja bagi mereka agar mereka dapat berperang kerana Sabilullah di bawah pimpinannya. Perbuatan mereka menentukan sifat peperangan itu sebagai peperangan untuk Sabilullah itu membayangkan satu kesedaran keagamaan yang terbungkas di dalam hati mereka dan kesedaran keimanan yang tercetus di dalam jiwa mereka, juga membayangkan kesedaran bahawa mereka adalah penganut agama Allah yang benar dan bahawa musuh mereka berada di atas jalan yang sesat, kafir dan batil, dan seterusnya membayangkan betapa terangnya jalan di hadapan mereka untuk bangkit berjihad Fi Sabilillah.

Jalan perjuangan yang jelas dan tegas itu merupakan separuh jalan menuju kemenangan. Oleh itu setiap Mu'min pastilah merasa jelas di dalam hatinya bahawa dia berada di atas jalan yang benar dan musuhnya berada di atas jalan yang bathil. Matlamat di dalam hatinya pastilah membulat pada Sabilullah. Ia jangan sekali-kali diselubungi kekeliruan hingga membuat ia tidak mengetahui ke mana ia menuju.

Lalu nabi mereka mahu memastikan sejauh mana benarnya keazaman mereka dan sejauh mana kukuhnya niat dan keazaman mereka untuk melaksanakan tanggungjawab yang amat berat itu dan sejauh mana kesungguhan mereka menawar perjuangan mereka kepadanya.

قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِن كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ أَلَّا تُقَٰتِلُوا۟ ۖ

"Apakah mungkin jika kamu diwajibkan berperang bahawa kamu tidak mahu berperang?"

Yakni apakah tidak mungkin bahawa kamu enggan berperang jika peperangan itu telah diwajibkan ke atas kamu? Kamu sekarang masih berada dalam keadaan bebas dalam perkara ini, tetapi jika saya mempersetujui permintaan kamu lalu peperangan pun diwajibkan ke atas kamu, maka ini bererti ia telah menjadi satu kewajipan yang difardhukan ke atas kamu dan tidak ada jalan lagi untuk kamu mengelakkan diri darinya. Itulah pertanyaan dan mencari kepastian yang layak dengan seorang nabi, kerana perkataan-perkataan dan perintah-perintah para anbia' tidak seharusnya diterima dengan ragu-ragu, main-mainan atau acuh tak acuh sahaja.

Di sini darjah keghairahan dan semangat ingin berjuang melonjak-lonjak tinggi dan para pemimpin itu terus menyebut sebab-sebab yang mendorongkan mereka untuk berperang kerana Sabilullah dan ini menjadikan peperangan itu pastilah dilakukan tanpa teragak-agak lagi:

قَالُوا۟ وَمَا لَنَآ أَلَّا نُقَٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِن دِيَٰرِنَا وَأَبْنَآئِنَا ۖ

"Kata mereka: Mengapa kami tidak mahu berperang kerana Sabilullah, sedangkan kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami?"

Di sini kita dapati perkara ini cukup jelas di dalam perasaan mereka dan tertanam di dalam jiwa mereka bahawa musuh-musuh mereka adalah musuh-musuh Allah dan agama Allah. Musuh mereka telah mengusir mereka dari kampung halaman mereka dan menawan anak-anak mereka. Oleh sebab itulah musuh mereka wajib diperangi. Dan satu-satunya jalan yang ada di hadapan mereka ialah berperang. Oleh itu tidak perlu lagi mereka menyemak keazaman mereka atau tidak perlu lagi kepada apa-apa perdebatan.

Tetapi keghairahan yang berkobar-kobar di sa'at-sa'at senang itu tidak berkekalan panjang. Oleh itu ayat yang berikut dengan segera menerangkan apa yang telah berlaku selepas itu:

فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ تَوَلَّوْا۟ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۗ

"Maka apabila peperangan telah diwajibkan ke atas mereka, mereka berpaling darinya kecuali sedikit sahaja dari mereka."

Di sini kita dapat melihat sifat istimewa Bani Israel yang suka memungkiri janji, mengelak dari keta'atan, enggan melaksanakan tugas, berpecah belah dan berpaling dari kebenaran yang jelas. Tetapi sifat ini juga merupakan sifat setiap kelompok Mu'min yang belum matang pendidikan keimanan mereka, malah ia merupakan sifat manusia umumnya. Hanya didikan keimanan yang tinggi, lama masa dan mendalam sahaja yang dapat mengubahkan sifat ini. Oleh sebab itulah sifat ini perlu mendapat perhatian yang hati-hati dari pihak kepimpinan dan pastilah diberi perhitungan yang berhemat ketika menghadapi jalan perjuangan yang sukar agar mereka tidak menghadapinya secara mendadak yang membuat perkara ini bertambah buruk kepada mereka: Sifat ini memang diduga dari kelompok-kelompok manusia yang belum bersih dari kekotoran (jiwa) dan belum bersih dari saki baki penyakit-penyakit (rohani).

Perbuatan berpaling dari berperang itu telah diiringi dengan kenyataan:

وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٤٦﴾

"Dan Allah itu Maha Mengetahui terhadap orang-orang yang zalim."(246)

Kenyataan ini membayangkan kecaman dan menyifatkan orang ramai yang berpaling dari kewajipan berjihad setelah mereka menuntutnya dan sebelum mereka menghadapi jihad secara amali itu sebagai orang-orang yang zalim, iaitu zalim terhadap diri mereka sendiri, zalim terhadap nabi mereka dan

zalim terhadap perjuangan yang benar yang telah dikecewakan mereka, sedangkan mereka sedar bahawa perjuangan itu adalah perjuangan yang benar kemudian mereka menyerahkannya kepada pejuang-pejuang kebathilan.

Orang yang mengetahui bahawa dia berada di jalan yang benar dan musuhnya berada di jalan yang salah sebagaimana yang diketahui oleh pemimpin-pemimpin Bani Israel ketika mereka menuntut nabi mereka mengangkatkan untuk mereka seorang raja bagi memimpin mereka dalam perjuangan Fi Sabilillah, kemudian mereka berpaling dari perjuangan itu dan enggan memikul tugas kebenaran yang diketahui mereka untuk menentang kebathilan yang diketahui mereka, maka mereka adalah orang-orang yang zalim yang akan menerima balasan kerana kezaliman-kezaliman mereka. *"Dan Allah itu Maha Mengetahui terhadap orang-orang yang zalim."*.

* * * * * *

Kisah Bani Israel Dengan Talut

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ
طَالُوتَ مَلِكًا ۚ قَالُوٓا۟ أَنَّىٰ يَكُونُ لَهُ ٱلْمُلْكُ
عَلَيْنَا وَنَحْنُ أَحَقُّ بِٱلْمُلْكِ مِنْهُ وَلَمْ يُؤْتَ
سَعَةً مِّنَ ٱلْمَالِ ۚ قَالَ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰهُ
عَلَيْكُمْ وَزَادَهُۥ بَسْطَةً فِى ٱلْعِلْمِ وَٱلْجِسْمِ ۖ وَٱللَّهُ
يُؤْتِى مُلْكَهُۥ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٧﴾

"Lalu nabi mereka berkata kepada mereka: Allah telah mengangkatkan Talut sebagai raja kamu. Jawab mereka: Bagaimana Talut diberi kuasa memerintah kami sedangkan kami lebih berhak darinya memegang kuasa pemerintahan itu, lagi pula dia tidak diberikan harta kekayaan yang luas? Kata (nabi mereka): Sesungguhnya Allah telah memilihnya untuk memerintah kamu dan dia telah menambahkan kepadanya keluasan ilmu pengetahuan dan keperkasaan tubuh badan dan Allah mengurniakan kuasa pemerintahan-Nya kepada siapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."(247)

Di dalam perdebatan ini terbukalah satu sifat dari sifat-sifat Bani Israel yang banyak disentuh di dalam surah ini. Sebelum ini mereka meminta supaya diangkatkan untuk mereka seorang raja yang mereka ingin berjuang di bawah kepimpinannya. Mereka telah berkata: Bahawa mereka mahu berjuang kerana Sabilullah, tetapi kini mereka menekur kepala mereka, memutarkan leher mereka dan membantah pilihan Allah yang telah memilih Talut sebagai raja mereka. Mengapa? Kerana mereka lebih berhak dari Talut dari segi warisan, kerana Talut bukanlah dari keturunan raja di dalam kalangan mereka, dan kerana Talut tidak mempunyai harta kekayaan yang boleh dijadikan alasan untuk menafikan hak warisan itu. Semuanya ini merupakan kekeliruan dalam kefahaman dan pemikiran di samping merupakan satu sifat dari sifat-sifat Bani Israel yang terkenal.

Kemudian nabi mereka menjelaskan kelayakan peribadi Talut dan hikmat beliau dipilih oleh Allah:

قَالَ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُۥ بَسْطَةً
فِى ٱلْعِلْمِ وَٱلْجِسْمِ ۖ وَٱللَّهُ يُؤْتِى مُلْكَهُۥ مَن يَشَآءُ ۚ
وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٧﴾

"Sesungguhnya Allah telah memilihnya untuk memerintah kamu dan dia telah menambahkan kepadanya keluasan ilmu pengetahuan dan keperkasaan tubuh badan. Dan Allah mengurniakan kuasa pemerintahan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."(247)

Yakni Talut itu seorang lelaki yang telah dipilih oleh Allah...... ini satu....... kemudian beliau ditambahkan dengan kelebihan ilmu pengetahuan dan kekuatan jasmani .... ini satu lagi........ kemudian Allah mengurniakan kuasa pemerintahan-Nya kepada sesiapa yang disukai-Nya.......jadi hak pemerintahan ini adalah milik-Nya dan Dialah Pengurus dan Pengendalinya dan Dialah yang memilih sesiapa yang disukai-Nya dari kalangan hamba-Nya....... kemudian Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui. Tiada pengawal bagi limpah kurnia-Nya dan tiada batas bagi pemberian-Nya. Dialah yang mengetahui segala yang baik dan mengetahui meletakkan segala sesuatu pada tempatnya yang wajar.

Inilah hakikat yang sepatutnya boleh membetulkan kefahaman dan pemikiran mereka yang salah dan boleh menghapuskan kekeliruan mereka, tetapi tabi'at Bani Israel tidak cukup dengan hakikat-hakikat yang tinggi ini sahaja ketika mereka hendak menghadapi peperangan, malah mereka memerlukan kepada satu mu'jizat yang zahir yang boleh menggerakkan hati mereka dan memulangkannya kepada kepercayaan dan keyakinan:

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ ءَايَةَ مُلْكِهِۦٓ أَن
يَأْتِيَكُمُ ٱلتَّابُوتُ فِيهِ سَكِينَةٌ مِّن
رَّبِّكُمْ وَبَقِيَّةٌ مِّمَّا تَرَكَ ءَالُ مُوسَىٰ
وَءَالُ هَٰرُونَ تَحْمِلُهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَةً لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٤٨﴾

"Lalu nabi mereka berkata kepada mereka: Sesungguhnya tanda kelayakannya menjadi raja ialah datangnya Tabut kepada kamu yang mengandungi ketenteraman dari Tuhan kamu dan sisa-sisa dari peninggalan keluarga Musa dan keluarga Harun dibawa oleh para malaikat. Sesungguhnya kejadian itu suatu tanda kepada kamu jika kamu benar orang-orang yang beriman."(248)

Dahulu musuh-musuh mereka, yang telah mengusir mereka dari bumi suci - yang dapat ditakluk mereka di bawah pimpinan Nabi Yusya' selepas masa merayau di padang gurun dan wafatnya Nabi Musa a.s., telah merampas peninggalan-peninggalan suci mereka, iaitu sebuah peti atau Tabut yang mengandungi barang-barang peninggalan para anbia' mereka dari keluarga Musa dan keluarga Harun. Menurut satu riwayat peti itu mengandungi naskhah loh-loh Taurat yang dikurniakan Allah kepada Musa di atas Bukit Tursina... nabi mereka telah menentukan satu alamat dari Allah kepada mereka, iaitu mereka akan menyaksi satu mu'jizat, di mana Tabut yang berisi peninggalan suci itu akan datang kepada mereka dibawa oleh para malaikat dan ketika itu hati mereka akan dilimpahi ketenangan dan ketenteraman dan beliau telah berkata kepada mereka: Bahawa mu'jizat ini cukup untuk menjadi bukti bahawa Talut itu benar dipilih oleh Allah jika kamu benar beriman.

Nampaknya dari keterangan ayat ini mu'jizat itu telah berlaku dan telah berjaya membawa kaum Israel kembali kepada keyakinan.

* * * * * *

Kemudian Talut menyiapkan tenteranya yang terdiri dari mereka yang tidak mengelakkan diri dari kewajipan jihad dan tidak memungkiri janji dengan nabi mereka dari awal lagi. Rangkaian ayat-ayat Al-Qur'an mengikut cara biasanya[18] dalam memberikan kisah-kisah ialah ia meninggalkan ruang kosong di antara dua adegan dan (di dalam kisah ini ia) terus menayangkan adegan selanjutnya secara langsung, di mana Talut keluar memimpin tenteranya:

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِٱلْجُنُودِ قَالَ إِنَّ ٱللَّهَ مُبْتَلِيكُم بِنَهَرٍ فَمَن شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّى وَمَن لَّمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُۥ مِنِّىٓ إِلَّا مَنِ ٱغْتَرَفَ غُرْفَةًۢ بِيَدِهِۦ ۚ فَشَرِبُوا۟ مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۚ

"Apabila Talut keluar membawa bala tentera, ia berkata: Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebuah sungai. Sesiapa yang minum dari sungai itu, maka dia bukan dari pengikutku dan sesiapa yang tidak meminumnya, maka dia dari pengikutku kecuali orang yang mencedok secedok dengan tangannya. Lalu mereka minum air sungai itu kecuali sedikit sahaja dari mereka."(249)

Peperangan Dengan Tentera Talut

Di sini ternyatalah kepada kita kebenaran hikmat Allah dalam memilih Talut. Beliau kini sedang menuju kepada satu peperangan dan bersama beliau ialah satu angkatan tentera dari satu umat yang kalah, iaitu umat yang mengalami kekalahan dan kehinaan berulang-ulang kali di dalam sejarah mereka. Beliau akan berdepan dengan angkatan tentera satu umat yang menang. Oleh sebab itu tentera-tenteranya pastilah mempunyai kekuatan batin untuk menentang kekuatan lahir yang telah mengalahkan mereka itu. Kekuatan batin ini adalah terletak pada kekuatan iradat, iaitu iradat yang sanggup mengawal keinginan nafsu, sanggup menghadapi ketiadaan dan kesusahan, sanggup mengatasi kesempitan dan keperluan-keperluan, sanggup mementingkan kepatuhan dan memikul tugas dan sanggup menempuh ujian demi ujian. Oleh sebab itu seorang pemimpin tentera yang terpilih pastilah menguji iradat tentera-tenteranya dan semangat ketahanan dan kesabaran mereka, iaitu pertama ketahanan mereka dalam menghadapi keinginan-keinginan nafsu dan kesabaran mereka dalam menghadapi ketiadaan dan kesusahan. Beliau telah memilih ujian ini ketika mereka sedang dahaga sebagaimana diceritakan oleh riwayat-riwayat untuk mengetahui siapakah di antara mereka yang benar-benar sabar dan siapakah yang ponteng dan suka memilih apa yang senang dan apa yang diduga oleh beliau itu adalah benar:

فَشَرِبُوا۟ مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۚ

"Lalu mereka minum air sungai itu kecuali sedikit sahaja dari mereka."

Yakni mereka minum dengan sepuas-puasnya. Sebelum ini Talut telah membenarkan kepada mereka yang mahu minum supaya minum dengan mencedok secedok tangan sahaja untuk membasahkan kedahagaan, tetapi ini tidaklah membayangkan keinginan mahu ponteng dari perjuangan. Kini mereka (yang minum sepuas-puas itu) telah memisahkan diri mereka dari Talut sebaik sahaja mereka menyerah kalah dan enggan berjuang. Mereka telah memisahkan diri mereka dari Talut kerana mereka tidak layak dengan tugas yang diletakkan ke atas bahu mereka. Memanglah menjadi suatu kebaikan dan ketegasan apabila mereka keluar dari barisan tentera yang sedang mara untuk berjuang kerana mereka merupakan benih-benih kelemahan dan kekalahan. Pasukan tentera itu bukan dinilai dengan bilangan yang ramai, tetapi dengan hati yang cekal dan berani, dengan iradat yang kukuh dan keimanan yang teguh dan lurus.

Ujian ini menunjukkan bahawa niat yang tersimpan di dalam hati sahaja tidak cukup, malah pastilah diuji dengan ujian amali dan pastilah menghadapi realiti jalan menuju perjuangan sebelum menceburinya. Ia juga membuktikan ketabahan hati pemimpin yang terpilih itu, yang tidak bergoncang apabila sebilangan terbesar dari angkatan tenteranya telah

---

[18] *Lihat bab* "القصة فى القرآن" *dalam buku* " التصوير الفنى فى القرآن".

mengundurkan diri dalam ujian yang pertama, malah ia terus mara ke depan.

Kini ujian itu telah menapis angkatan tentera Talut, tetapi ujian-ujian masih lagi belum selesai:

فَلَمَّا جَاوَزَهُۥ هُوَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ قَالُوا۟
لَا طَاقَةَ لَنَا ٱلْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ ۚ

"Dan apabila Talut dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya menyeberangi sungai itu, mereka pun berkata: Kami tidak mempunyai tenaga kekuatan lagi pada hari ini untuk melawan Jalut dan tentera-tenteranya."(249)

Kini bilangan mereka telah menjadi kecil, sedangkan mereka tahu bahawa musuh mereka kuat dan ramai di bawah pimpinan Jalut. Mereka adalah golongan Mu'min yang belum pernah memungkiri janji dengan nabi mereka, tetapi di sini mereka berdepan dengan realiti yang dilihat dengan mata kepala mereka dan mereka merasa lemah untuk menghadapinya. Itulah ujian yang penentu, iaitu ujian untuk berpegang dengan satu kekuatan lain yang lebih besar dari kekuatan realiti yang dapat dilihat. Ujian ini tidak dapat ditempuh melainkan oleh mereka yang mempunyai keimanan yang sempurna dan mempunyai hati yang berhubung rapat dengan Allah hingga mereka mempunyai neraca-neraca pertimbangan yang baru yang diambil dari realiti keimanan mereka (yang tinggi itu), iaitu neraca-neraca pertimbangan yang berlainan dari neraca-neraca pertimbangan yang diambil oleh kebanyakan orang dari realiti hidup mereka.

Di sini tampillah kumpulan Mu'min (sejati), iaitu satu kumpulan kecil yang terpilih yang menggunakan neraca-neraca pertimbangan Rabbani:

قَالَ ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُوا۟ ٱللَّهِ كَم
مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةًۢ بِإِذْنِ
ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

"Lalu berkatalah orang-orang yang yakin bahawa mereka akan tetap menemui Allah: Berapa banyak peristiwa kumpulan yang sedikit telah mengalahkan kumpulan yang banyak dengan keizinan Allah, dan Allah itu bersama-sama orang-orang yang sabar."(249)

Kumpulan Mu'min Selalunya Kecil Tetapi Kuat

Demikian peristiwa yang banyak berlaku. Ini merupakan satu peraturan di dalam hati orang yang yakin akan menemui Allah. Peraturan itu ialah: Kumpulan Mu'min itu selalunya kecil kerana merekalah orang-orang yang berjaya mendaki anak tangga yang sukar hingga akhirnya sampai ke martabat pilihan, tetapi kumpulan inilah yang kuat dan menang kerana mereka berhubung rapat dengan sumber kekuatan dan kerana mereka melambangkan kekuatan yang amat kuat, iaitu kekuatan Allah yang menguasai urusannya dan menguasai para hamba-Nya, kekuatan Allah yang meleburkan kuasa-kuasa yang bermaharajalela, menggagalkan orang-orang yang zalim dan menewaskan orang-orang yang angkuh.

Mereka menyerahkan kemenangan itu kepada Allah:

بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ

"Dengan keizinan Allah."

Dan mereka memberi alasan yang haqiqi kepada kemenangan itu.

وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

"Dan Allah itu bersama-sama orang-orang yang sabar."(249)

Mereka telah membuktikan dengan semuanya ini bahawa mereka adalah kumpulan yang telah dipilih Allah untuk bertempur dalam satu perjuangan yang menentukan di antara kebenaran dan kebathilan.

Marilah kita ikuti kisah ini seterusnya dan di sana kita dapati bahawa kumpulan kecil yang yakin bertemu dengan Allah dan mengambil seluruh kesabarannya dari keyakinan kepada pertemuan ini, juga mengambil seluruh kekuatannya dari keizinan Allah dan dari keyakinan kepada kepercayaannya kepada Allah yang sentiasa menyertai orang-orang yang sabar... kita dapati kumpulan yang kecil yakin, sabar dan tabah menghadapi musuh yang ramai dan kuat, sedangkan mereka lemah dan sedikit.... kita dapati kumpulan inilah yang telah menentukan nasib perjuangan itu setelah mereka memperbaharu janji mereka dengan Allah dan bertawajjuh kepadanya dengan hati mereka dan memohon pertolongan dan kemenangan dalam menghadapi peperangan yang ngeri itu.

وَلَمَّا بَرَزُوا۟ لِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ قَالُوا۟ رَبَّنَآ
أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا
عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

"Dan apabila (mereka yang beriman) keluar menentang Jalut dan tenteranya mereka berdo'a: Wahai Tuhan Kami! Curahkanlah kesabaran ke atas kami dan kukuhkan pendirian kami dan tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir."(250)

فَهَزَمُوهُم بِإِذْنِ ٱللَّهِ وَقَتَلَ دَاوُۥدُ جَالُوتَ
وَءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلْمُلْكَ وَٱلْحِكْمَةَ وَعَلَّمَهُۥ
مِمَّا يَشَآءُ ۗ

"Lalu mereka mengalahkan musuh mereka dengan keizinan Allah dan Daud telah membunuh Jalut dan Allah mengurniakan kepadanya kerajaan dan hikmat dan

mengajarkan kepadanya sebahagian dari ilmu yang dikehendaki-Nya"(251)

demikianlah (mereka berdo'a):

رَبَّنَآ أَفۡرِغۡ عَلَيۡنَا صَبۡرٗا

"Wahai Tuhan kami! Curahkanlah kesabaran ke atas kami."

Ungkapan ini menggambarkan pemandangan sabar selaku limpah kurnia Allah yang dicurahkan ke atas mereka dan membuat mereka diselubungi ketenangan, ketenteraman dan ketabahan menghadapi kesusahan.

وَثَبِّتۡ أَقۡدَامَنَا

"Dan kukuhkan pendirian kami."

Pendirian yang teguh itu berada di tangan Allah dan apabila Allah meneguhkannya,maka ia tidak akan bergoncang lagi.

وَٱنصُرۡنَا عَلَى ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

"Dan tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir."(250)

Ungkapan ini menggambarkan kedudukan mereka yang jelas iaitu keimanan menentang kekafiran dan kebenaran menentang kebathilan. Ia merupakan do'a kepada Allah agar membantu para hamba kesayangannya yang Mu'min untuk mengalahkan musuh-musuh mereka yang kafir. Tidak ada apa-apa keraguan di dalam hati nurani mereka dan tidak ada apa-apa kekeliruan dalam kefahaman dan pandangan mereka, tidak ada apa-apa keraguan terhadap keikhlasan tujuan perjuangan mereka dan terhadap kejelasan jalan yang diambil mereka.

Hasil perjuangan itu ialah hasil perjuangan yang diduga dan diyakini oleh mereka:

فَهَزَمُوهُم بِإِذۡنِ ٱللَّهِ

"Lalu mereka mengalahkan musuh mereka dengan keizinan Allah."

Hakikat kemenangan ini telah ditekankan dengan ungkapan "dengan keizinan Allah" supaya diketahui oleh orang-orang yang beriman atau supaya menambahkan pengetahuan mereka dengan kenyataan ini, juga supaya jelaslah satu kefahaman yang sempurna terhadap hakikat yang berlaku di alam buana ini dan terhadap hakikat kekuatan yang menjalankan alam buana ini. Para Mu'minin itu merupakan seolah-olah tabir qudrat, di mana Allah melakukan terhadap mereka apa yang dikehendaki olehnya dan Allah melaksanakan dengan perantaraan mereka apa yang dipilih olehnya dengan keizinan-Nya. Mereka tidak mempunyai apa-apa saham di dalam urusan itu dan tidak pula mempunyai apa-apa daya dan kekuatan, tetapi Allah memilih mereka untuk melaksanakan kehendak masyi'ah-Nya agar berlakulah dari mereka sesuatu yang dikehendaki-Nya dengan keizinan-Nya. Inilah hakikat yang seharusnya membuat hati setiap Mu'min dipenuhi kedamaian, ketenangan dan keyakinan bahawa dia adalah hamba kesayangan Allah. Ia telah dipilih oleh Allah untuk memainkan peranannya. Inilah penghormatan dan limpah kurnia dari Allah apabila dia menunaikan peranan yang terpilih ini dan melaksanakan takdir Allah, kemudian Allah memuliakannya pula setelah ia diberi penghormatan mendapat pilihan dengan balasan pahala (yang besar). Andainya tidak kerana limpah kurnia Allah tentulah dia tidak dapat menunaikan peranan itu dan tentulah dia tidak mendapat pahala yang besar itu. Di samping itu ia yakin pula terhadap keluhuran matlamat, kebersihan tujuan dan kebersihan jalan perjuangan, kerana dalam semua tindak-tanduknya ini ia tidak mempunyai apa-apa kepentingan diri sendiri. Malah dia hanya melaksanakan kehendak Allah dan melakukan apa yang dikehendaki oleh-Nya. Semuanya ini memerlukan niat yang baik dan keazaman yang kukuh untuk terus ta'at dan bertawajjuh kepada Allah dengan penuh keikhlasan.

Ayat yang berikut menjelaskan peranan Daud:

وَقَتَلَ دَاوُۥدُ جَالُوتَ

"Dan Daud telah membunuh Jalut."(251)

Daud Membunuh Jalut

Daud ketika itu adalah seorang anak muda Bani Israel yang masih belia, sedangkan Jalut adalah seorang raja yang gagah perkasa dan panglima perang yang amat ditakuti, tetapi Allah mahu kaum manusia di zaman itu melihat bahawa urusan hidup ini tidak berlangsung mengikut keadaan-keadaannya yang lahir, malah ia berlangsung mengikut hakikat-hakikat dan tiada siapa yang mengetahui hakikat-hakikatnya melainkan Allah dan semua ukuran hakikat-hakikat itu hanya berada di tangan Allah sahaja. Kewajipan mereka ialah melaksanakan tugas-tugas mereka dan menyempurnakan janji-janji mereka, dan selepas itu apa yang dikehendaki Allah akan berlaku dalam bentuk yang dikehendaki oleh-Nya. Allah mahu kematian Jalut yang sewenang-wenangnya dan zalim itu berlaku di tangan anak muda yang masih belia supaya orang ramai (di zaman itu) dapat melihat bahawa panglima-panglima yang zalim yang ditakuti mereka adalah sebenarnya orang-orang yang lemah. Mereka boleh dikalahkan oleh anak-anak muda apabila Allah hendak membunuh mereka. Di samping itu di sana ada lagi satu hakikat ghaib yang lain yang dikehendaki Allah, iaitu Allah telah mengaturkan takdir-Nya agar Daud itulah yang menerima teraju pemerintahan dari Talut kemudian mewariskannya kepada puteranya Sulaiman a.s. Oleh itu zaman Daud merupakan zaman keemasan Bani Israel di dalam sejarah mereka yang panjang. Ia merupakan ganjaran kepada kesedaran keagamaan yang hidup di dalam hati mereka selepas menempuh kesesatan, kejatuhan dan pelanggaran terhadap agama Allah:

وَءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلۡمُلۡكَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَعَلَّمَهُۥ

مِمَّا يَشَآءُ ۗ

"Dan Allah mengurniakan kepadanya kerajaan dan hikmat dan mengajarkan kepadanya sebahagian dari ilmu yang dikehendaki-Nya."

* * * * * *

Daud adalah seorang raja dan seorang nabi dan Allah telah mengajarkan beliau ilmu pertukangan membuat baju-baju besi dan alat-alat perang yang diterangkan oleh Al-Qur'an pada tempat-tempatnya di dalam surah-surah yang lain. Ada pun di sini ayat-ayat Al-Qur'an ditujukan kepada satu matlamat yang lain di sebalik kisah ini semuanya. Apabila sampai kepada bahagian penghabisan ini, diumumkan kemenangan akhir kepada kekuatan 'aqidah bukannya kepada kekuatan kebendaan, kepada kekuatan iradat yang kuat bukannya kepada bilangan yang banyak, maka ketika ini barulah Al-Qur'an mengumumkan tujuan yang tertinggi dari pertarungan kuasa-kuasa itu, iaitu tujuan dari pertarungan itu bukanlah untuk mendapat harta-harta rampasan perang dan bukan pula untuk mendapat kemuliaan, dan keagungan yang gilang-gemilang, malah untuk mewujudkan kebaikan di bumi dan meneguhkan kedudukan kebaikan dengan melancarkan perjuangan menentang kejahatan:

وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ ذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٥١﴾

"Dan andainya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan setengah yang lain tentulah bumi menjadi rosak, tetapi Allah mempunyai limpah kurnia ke atas semesta alam."(251)

Di sini lenyaplah tokoh-tokoh dan peristiwa-peristiwa dan muncullah di sebalik ayat yang pendek ini hikmat Allah yang tertinggi di bumi yang terbit dari pertarungan kuasa-kuasa, pertandingan tenaga-tenaga dan cetusan daya usaha dalam arus gelombang hidup yang mengalir kuat itu, dan di sinilah terbentangnya di sepanjang pandangan mata gelanggang hidup yang sayup saujana, di mana arus manusia bersesak-sesak dan berlumba-lumba menuju ke arah berbagai-bagai matlamat, dan di belakang gelanggang itu kelihatan tangan qudratIlahi yang Maha Bijaksana dan Maha Pentadbir memegang seluruh tali-temali dan memimpin angkatan manusia yang bersesak, bertarung dan berlumba-lumba itu menuju kebajikan, kebaikan dan kesuburan di akhir perjalanan.

Hakikat Diwujudkan Tabi'at Bertarung Dalam Fitnah Manusia

Seluruh hidup ini akan menjadi rosak dan buruk jika Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan setengah yang lain, dan jika kerana tidak wujudnya tabi'at bertarung yang dijadikan Allah dalam fitrah manusia yang membuat mereka bertentangan satu sama lain dari segi kepentingan-kepentingan dan tujuan-tujuan mereka yang lahir dan dekat. Pertentangan inilah yang melepaskan seluruh daya tenaga itu berebut-rebut, bertarung dan berlawan-lawan satu sama lain dan pertentangan inilah yang menghapuskan kemalasan dan kelemahan dari jiwa mereka. Pertentangan ini juga menggerakkan segala daya tenaga yang terpendam dan menjadikannya sentiasa sedar dan giat bekerja mengeluarkan perbendaharaan bumi dan menggunakan tenaga-tenaganya dan rahsia-rahsianya yang terpendam. Dan pada akhirnya muncullah kebaikan, kebajikan dan kesuburan apabila munculnya kelompok manusia yang terpilih, yang mendapat hidayat Allah dan ikhlas kepada Allah, iaitu kelompok yang mengenal kebenaran yang telah diterangkan Allah kepada mereka dan mengenal pula jalan yang terang menuju ke arahnya, kelompok yang sedar bahawa mereka ditugas untuk menolak kebathilan dan menegakkan kebenaran dan seterusnya sedar bahawa mereka tidak akan selamat dari 'azab Allah melainkan apabila mereka menunaikan peranan yang luhur ini dan melainkan apabila mereka sanggup menanggung apa sahaja penderitaan di bumi ini untuk mematuhi perintah Allah dan mencari keredhaan-Nya.

Di sini Allah menguatkuasakan perintah-Nya, melaksanakan takdir-Nya dan meletakkan kalimat kebenaran, kebajikan dan kebaikan sebagai kalimat yang tertinggi, iaitu Allah meletakkan hasil pertarungan, pertandingan dan perjuangan itu di tangan kekuatan yang baik dan membina, iaitu pertarungan yang merangsangkan sesuatu yang paling luhur dan mulia yang ada pada kekuatan ini dan menyampaikan kekuatan ini ke setinggi-tinggi darjah kesempurnaan yang telah ditetapkan kepadanya di dalam hidup ini.

Oleh sebab itulah kumpulan kecil yang beriman dan percaya kepada Allah itu mendapat kemenangan pada akhir perjuangan mereka. Ini ialah kerana mereka melambangkan iradat Allah yang tertinggi yang mahu menolak kerosakan dari bumi dan menegakkan kebaikan dalam kehidupan manusia. Mereka mendapat kemenangan kerana mereka melambangkan matlamat Ilahi yang tertinggi yang wajar mendapat kemenangan.

* * * * * *

Pada akhirnya diiringi dengan sebuah ulasan terakhir terhadap kisah ini:

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ ۚ وَإِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٥٢﴾

"Itulah ayat-ayat Allah yang Kami bacakannya kepadamu dengan membawa kebenaran dan sesungguhnya engkau adalah dari nabi-nabi yang diutuskan (Allah)."(252)

Maksudnya itulah ayat-ayat yang amat tinggi darjatnya dan amat jauh maksudnya yang kami "bacakannya kepadamu". Yakni Allah S.W.T. sendiri yang membacanya. Itulah kenyataan yang amat besar apabila manusia memikirkan hakikatnya yang amat mendalam dan hebat.

نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ

"Yang Kami bacakan kepadamu dengan membawa kebenaran."

Perlembagaan Hidup Rasulullah s.a.w. Dan Kelompok Muslimin Dibekalkan Dengan Pengalaman Umat Manusia Di Semua Zaman

Maksudnya ayat-ayat itu membawa kebenaran dan ia dibaca oleh Allah yang mempunyai hak membaca dan menurunkannya. Ia dijadikan Allah sebagai perlembagaan hidup para hamba-Nya. Dan hak membuat perlembagaan ini tidak diberikan kepada yang lain dari Allah S.W.T. Oleh itu sesiapa yang menggubal suatu sistem hidup yang lain dari-Nya untuk para hamba-Nya, maka bererti ia telah menceroboh hak Allah, menzalimi diri sendiri dan para hamba Allah dan bererti ia telah mendakwa mempunyai kuasa yang tidak dimilikinya dan bererti ia adalah seorang pejuang kebathilan yang tidak wajar dita'ati, kerana satu-satunya yang dita'ati ialah perintah Allah dan perintah mereka yang bersuluhkan hidayat Allah........tiada yang lain darinya.

وَإِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ٢٥٢

"Dan sesungguhnya engkau adalah dari nabi-nabi yang diutuskan (Allah)."(252)

Oleh sebab itulah Kami bacakan ayat-ayat ini kepada engkau dan bekalkan engkau dengan seluruh pengalaman umat manusia di semua zamannya dan dengan seluruh pengalaman angkatan para Mu'minin di semua peringkat perkembangan dan mengurniakan kepada engkau warisan sekalian rasul.

* * * * * *

Dengan ini berakhirlah pelajaran yang amat bernilai ini, yang penuh dengan perbendaharaan pengalaman, dan dengan pelajaran ini berakhirlah pula juzu' (yang kedua) ini yang telah membawa kelompok Muslimin menjelajah di dalam berbagai-bagai bidang dan arah tujuan untuk mendidik dan menyediakan mereka untuk memainkan peranan yang amat penting yang telah ditetapkan oleh Allah di muka bumi ini. Allah telah menjadikan mereka sebagai penjaga dan pengurus peranan itu dan menjadikan mereka satu umat yang adil yang memerintah manusia dengan sistem hidup Rabbani ini hingga ke akhir zaman.

(Tamat Juzu' Yang Kedua)

JUZU' YANG KETIGA

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Juzu' yang ketiga ini tersusun dari dua bahagian. Bahagian pertama ialah penyempurnaan Surah Al-Baqarah yang telah menghabisi dua juzu' yang pertama dan bahagian yang kedua ialah ayat-ayat awalan dari Surah Aali 'Imran. Kami akan memperkatakan tentang bahagian pertama secara ringkas sahaja di sini. Adapun bahagian yang kedua ia akan dibicarakan ketika menghuraikan Surah Aali 'Imran, Insya 'Allah.

Ayat-ayat baki dari Surah al-Baqarah itu masih terus membicarakan Maudhu' pokoknya yang telah kami huraikan di pendahuluan juzu' yang pertama dan yang masih kami terus olahkannya di dalam rangkaian ayat-ayat surah ini hingga akhir juzu' yang kedua. Maudhu' pokok yang dibicarakan itu ialah menyediakan kelompok Muslimin di Madinah untuk memikul tugas-tugas umat Islam. Mereka disediakan untuk tugas itu dan mereka telah pun bersedia untuk memikul amanah yang besar dengan kefahaman dan pemikiran keagamaan yang betul. Mereka telah dibekalkan dengan pengalaman-pengalaman umat Islam di sepanjang zaman rasul-rasul yang silam. Mereka telah mengenal bekalan di jalan perjuangan dan mengenal pula tempat-tempat gelincir di jalan itu. Mereka telah diperingatkan terhadap tipu daya musuh-musuh mereka, iaitu musuh-musuh Allah, musuh-musuh kebenaran dan musuh-musuh keimanan supaya kedudukan mereka jelas kepada mereka dalam setiap peringkat perjalanan.

Langkah penyediaan ini dilakukan dengan segala cara dan wasilah, dengan segala bekalannya dan pengalamannya dan dengan segala matlamat dan tujuannya. Dan langkah-langkah penyediaan inilah merupakan sarana yang digunakan oleh Al-Qur'an untuk menangani generasi-generasi kelompok Muslimin di sepanjang zaman selepas angkatan generasi Muslimin yang pertama. Langkah-langkah penyediaan itu merupakan satu aturcara yang tetap, jelas dan teguh untuk mewujudkan kelompok Muslimin dan untuk memimpin Harakah Islamiyah di setiap generasi. Oleh sebab itulah Al-Qur'an merupakan satu alat yang dinamis, aktif dan positif dan merupakan satu perlembagaan yang lengkap dan aktif di setiap waktu, malah Al-Qur'an merupakan satu kepimpinan yang jujur kepada siapa yang ingin mencari kejujuran, hidayat dan nasihat dalam setiap keadaan, setiap langkah dan setiap generasi.

* * * * * *

Ayat baki Surah al-Baqarah ini datang selepas firman Allah kepada Nabi-Nya s.a.w. di akhir juzu' yang kedua surah ini (yang berbunyi):

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ ۚ وَإِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٥٢﴾

"Itulah ayat-ayat Allah yang Kami bacakannya kepadamu dengan membawa kebenaran dan sesungguhnya engkau adalah dari nabi-nabi yang diutuskan (Allah)."(252)

iaitu sebagai ulasan terhadap kisah pemimpin-pemimpin Bani Israel yang tersebut di dalam ayat:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلْمَلَإِ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰٓ إِذْ قَالُوا۟ لِنَبِىٍّ لَّهُمُ ٱبْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُّقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ

"Apakah tidak kamu melihat kepada pemimpin-pemimpin dari Bani Israel selepas Musa ketika mereka berkata kepada seorang nabi mereka: "Angkatkanlah untuk kami seorang raja agar kami dapat berperang kerana Sabilullah...."(246)

Kemudian di akhiri dengan ayat:

وَقَتَلَ دَاوُۥدُ جَالُوتَ وَءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلْمُلْكَ وَٱلْحِكْمَةَ وَعَلَّمَهُۥ مِمَّا يَشَآءُ ۗ

"Dan Daud telah membunuh Jalut dan Allah mengurniakan kepadanya kerajaan dan hikmat dan mengajarkan kepadanya sebahagian dari ilmu yang dikehendaki-Nya...."(251)

Penghabisan juzu' yang kedua ialah penceritaan tentang kaum Musa kemudian penceritaan mengenai Daud a.s. di samping singgungan terhadap kerasulan Nabi s.a.w. dan bagaimana beliau dibekalkan dengan pengalaman para rasul.

Dan oleh sebab itulah selepas penceritaan ini juzu' yang ketiga ini dimulai dengan satu penceritaan yang bersambung dengan penceritaan yang silam mengenai rasul-rasul yang lain dan bagaimana Allah melebihkan setengah mereka dari yang lain, bagaimana Ia mengurniakan ciri-ciri istimewa kepada setengah mereka dengan mengangkatkan darjat setengah-setengah mereka, juga penceritaan tentang perselisihan pengikut-pengikut mereka yang datang selepas mereka dan bagaimana pengikut-pengikut itu memerangi satu sama lain:

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۘ مِّنْهُم مَّن كَلَّمَ ٱللَّهُ ۖ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَٰتٍ ۚ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَيَّدْنَٰهُ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ ۗ وَلَوْ شَآءَ

ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلَ ٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ
ٱلْبَيِّنَٰتُ وَلَٰكِنِ ٱخْتَلَفُوا۟ فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ وَمِنْهُم
مَّن كَفَرَ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلُوا۟ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَفْعَلُ
مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٣﴾

"Rasul-rasul itu Kami lebihkan setengah-setengah mereka dari setengah-setengah yang lain. Di antara mereka ada rasul yang Allah berbicara dengannya (secara langsung) dan Allah angkatkan setengah-setengahnya ke darjat-darjat yang tinggi dan Kami telah kurniakan kepada 'Isa putera Maryam bukti-bukti yang jelas dan Kami kuatkannya dengan roh al-Qudus. Dan jika Allah kehendaki tentulah pengikut-pengikut yang datang selepas mereka tidak berbunuhan (sesama mereka) setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas, tetapi mereka telah berselisih faham, di antara mereka ada orang yang beriman dan ada pula di antara mereka orang yang kafir. Dan jika Allah kehendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan, tetapi Allah membuat apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya."(253)

Kesesuaian sambungan penceritaan ini amat jelas dalam penceritaan mengenai rasul-rasul yang disebut di antara ayat-ayat akhir juzu' yang kedua dengan ayat-ayat permulaan juzu' yang ketiga ini. Kesesuaian itu juga jelas di dalam seluruh rangkaian ayat-ayat surah ini. Kebanyakan perdebatan dan pertengkaran yang diceritakan di dalam rangkaian ayat-ayat ini adalah berlaku di antara kelompok Muslimin yang baru muncul dengan kaum Bani Israel - sebagaimana jelasnya dalam pembicaraan dua juzu' yang pertama - oleh sebab itulah di sini diceritakan tentang perselisihan dan perbunuhan yang berlaku di antara pengikut-pengikut rasul-rasul itu selepas kepergian mereka, iaitu berlaku setelah munculnya golongan yang kafir dan golongan yang beriman dari mereka. Jadi penceritaan mengenai perselisihan dan perbunuhan memang sesuai dengan tempatnya agar umat Muslimin terus berjalan mengikut jalan mereka menghadapi Bani Israel dan lainnya mengikut yang diperlukan oleh keadaan yang wujud di antara pengikut-pengikut kepada rasul-rasul itu sama ada mereka yang tetap teguh di atas jalan hidayat atau mereka yang menyeleweng darinya. Dan supaya umat Muslimin terus melaksanakan tugas-tugasnya kerana merekalah kelompok yang mendapat hidayat Allah yang berkewajipan menentang golongan-golongan penyeleweng.

Oleh sebab itulah penjelasan mengenai rasul-rasul dan pengikut mereka serta perselisihan dan perbunuhan yang berlaku di kalangan mereka diiringi dengan seruan yang bersungguh-sungguh supaya mereka menghulurkan infaq:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰكُم مِّن قَبْلِ
أَن يَأْتِىَ يَوْمٌ لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَٰعَةٌ ۗ

"Wahai orang-orang yang beriman belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum tibanya hari yang tiada lagi jual-beli, tiada lagi persahabatan dan tiada pula syafa'at...."(254)

Infaq itu suatu kewajipan harta yang berganding dengan kewajipan jihad di dalam segala keadaan terutama di dalam keadaan, di mana kelompok Muslimin sedang melengkapkan persediaan perang bagi para pejuang Fi Sabilillah dengan membelanjakan harta mereka sendiri dan harta penderma-penderma Fi Sabilillah.

Kemudian diiringi pula dengan penjelasan mengenai asas-asas atau dasar-dasar kefahaman dan kepercayaan Islam yang ditegakkan di atasnya kewujudan kelompok Muslimin, iaitu penjelasan tentang wahdaniyah Allah dan hayat-Nya, tentang pengurusan Allah di atas segala sesuatu dan tentang tertakluknya segala sesuatu itu kepada Allah, tentang pemilikan Allah yang mutlak terhadap segala sesuatu, tentang ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu, tentang penguasaan Allah yang sempurna terhadap segala sesuatu dan tentang kudrat Allah dan pemeliharaan-Nya yang sempurna terhadap segala sesuatu. Tiada syafa'at di sisi Allah melainkan dengan keizinan-Nya dan tiada ilmu pengetahuan melainkan ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah, supaya (dengan penjelasan ini) setiap Muslim dapat berjalan di atas jalannya dengan kefahaman yang jelas terhadap 'aqidahnya yang menjadi tapak asas seluruh sistem hidupnya.

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ
وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن
ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ
أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ
إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

"Allah! Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, Maha Pentadbir (yang menjadi sumber pergantungan makhluk), tidak pernah mengantuk dan tidak pernah tidur. Dia memiliki segala isi langit dan bumi. Siapakah yang berkuasa memberi syafa'at di sisi-Nya melainkan dengan keizinan-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu dari ilmu-Nya melainkan apa yang dikehendaki oleh-Nya. Luas singgahsana-Nya meliputi langit dan bumi dan ia tidak memberatkan-Nya untuk memeliharakan kedua-duanya dan Dia Maha Tinggi lagi Maha Besar."(255)

Kemudian seorang Muslim berperang Fi Sabilillah bukan dengan tujuan untuk memaksa orang lain supaya memeluk agamanya dan menganut kepercayaannya, malah supaya jalan yang benar itu

ternyata dari jalan yang salah dan supaya terhapusnya faktor-faktor fitnah dan kesesatan, dan selepas itu manusia bebas membuat keputusannya:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشۡدُ مِنَ ٱلۡغَيِّۚ فَمَن
يَكۡفُرۡ بِٱلطَّٰغُوتِ وَيُؤۡمِنۢ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱسۡتَمۡسَكَ
بِٱلۡعُرۡوَةِ ٱلۡوُثۡقَىٰ لَا ٱنفِصَامَ لَهَاۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ٢٥٦

"Tiada sebarang paksaan di dalam agama. Jalan yang benar telah ternyata dari jalan yang sesat. Oleh itu sesiapa yang kafir terhadap Taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang dengan ikatan tali yang kukuh yang tidak akan putus lagi dan Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(256)

Kemudian dia meneruskan perjalanannya dengan tenang di bawah pemeliharaan Allah dan naungan-Nya dan dengan penuh keyakinan mendapat hidayat Allah dan ri'ayah-Nya:

ٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ
إِلَى ٱلنُّورِۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَوۡلِيَآؤُهُمُ ٱلطَّٰغُوتُ
يُخۡرِجُونَهُم مِّنَ ٱلنُّورِ إِلَى ٱلظُّلُمَٰتِۗ أُوْلَٰٓئِكَ
أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٢٥٧

"Allah itulah Pelindung orang-orang yang beriman yang mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan, kepada nur, sedangkan orang-orang yang kafir pelindung mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari nur kepada kegelapan-kegelapan. Merekalah penghuni-penghuni Neraka. Mereka kekal di dalamnya."(257)

Demikianlah berlalunya siri ceraian-ceraian ayat di permulaan juzu' ini. Ia berlalu menyusuli jalan yang diambilnya sejak awal-awalnya untuk mencapai matlamat-matlamatnya di dalam kehidupan kelompok Muslimin dan tujuan-tujuannya.

Dan selepas itu disambung pula dengan penerangan untuk menjelaskan kefahaman imaniyah terhadap hakikat mati dan hakikat hidup dalam satu siri pengalaman-pengalaman, di mana dua di antaranya disebut nama Ibrahim a.s. dan seorang lagi yang tidak ditentukan namanya telah disebut di dalam pengalaman yang ketiga. Semua pengalaman-pengalaman ini berakhir untuk menjelaskan hakikat mati dan hakikat hidup dan hubungan keduanya secara langsung dengan iradat dan ilmu Allah. Rahsia-rahsia ini adalah sukar kepada daya fikiran manusia untuk memahami hakikatnya kerana ia di luar bidang kefahaman mereka dan punca rahsia itu hanya terpulang kepada Allah sahaja tiada yang lain dari-Nya.

Hubungan penerangan ini dengan persoalan peperangan dan jihad adalah jelas sebagaimana hubungannya dengan pembetulan kefahaman imaniyah secara umumnya juga jelas.

Dan dari sinilah dimulakan pembicaraan yang panjang mengenai hubungan-hubungan yang menjadi asas masyarakat Islam. Di sini ia menjelaskan bahawa dasar takaful itulah yang menjadi asas masyarakat Islam dan amalan riba adalah disingkirkan dari masyarakat itu dan dikutuk. Dan oleh sebab itulah dikemukakan satu pembicaraan mengenai infaq dan sedekah yang mengambil halaman yang luas di dalam ayat-ayat baki surah ini, iaitu satu pembicaraan yang penuh dengan berbagai-bagai gambaran dan bayangan, berbagai-bagai nada dan saranan yang elok ditundakan dahulu pembicaraannya sehingga sampai pada tempatnya yang wajar ketika mentafsirkan nas-nasnya yang indah itu nanti. Dan pembicaraan itu di sini amat sesuai dengan persoalan peperangan dan jihad. Di samping itu infaq Fi Sabilillah dan sedekah merupakan satu aspek yang penting dari aspek-aspek kehidupan Islamiyah yang am yang diaturkan oleh surah ini dengan berbagai-bagai undang-undang dan arahan-arahan.

Di satu sudut yang lain yang bertentangan dengan sudut infaq dan sedekah di sanalah tegaknya sistem riba, iaitu satu sistem yang keji yang diserang oleh Al-Qur'an dengan serangan yang meleburkan di celah-celah lembaran Al-Qur'an. Serangan itu seolah-olah panahan petir-petir untuk menghancurkan satu asas kehidupan ekonomi dan sosial yang jahat dan untuk menegakkan satu asas lain yang sihat dan kuat untuk dibinakan di atasnya bangunan masyarakat Islam yang diciptakan Allah S.W.T. dengan Al-Qur'an ini.

Kemudian diikuti pula dengan perundangan mengenai hutang-piutang, iaitu satu maudhu' yang dibicarakan Al-Qur'an mendahului segala perundangan yang lain. Ia dijelaskan di dalam dua ayat, salah satu dari keduanya merupakan satu ayat yang terpanjang di dalam Al-Qur'an. Dan di dalam penerangan kedua-dua ayat ini jelas keistimewaan Al-Qur'an dalam menyusun perundangan-perundangannya dengan susunan yang hidup, menarik, tiada tolok bandingnya dan (dalam bentuk yang) melemahkan manusia.

Pada akhirnya surah ini diakhiri dengan kata penamat yang selaras dengan pembukaannya dan dengan isi kandungannya, iaitu satu kata penamat yang merangkumi asas kefahaman dan kepercayaan Islam mengenai keimanan kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, kepada kitab-kitab (yang diturunkan-Nya) dan kepada para nabi-Nya:

لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّن رُّسُلِهِۦۚ

"Kami tidak membeza-bezakan seorang pun (dengan yang lain) dari para rasul-Nya...."(285)

ini merupakan satu asas dan dasar yang berulang-ulang kali ditonjolkan di dalam surah ini sebelum ini. Dan kata penamat itu juga merangkumi do'a yang lembut gemalai dari kaum Muslimin kepada Allah, iaitu do'a yang menjelaskan sifat hubungan yang wujud di antara Mu'min dengan Allah dan keadaan dirinya dengan Allah. Dan dalam do'a ini juga terdapat singgungan terhadap sejarah Bani Israel yang telah berlalu di dalam surah ini.

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا
وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى
الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ
لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنتَ
مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau persalahkan kami jika kami terlupa atau tersilap.Wahai Tuhan kami! Jangan-lah Engkau bebankan ke atas kami dengan bebanan yang berat sebagaimana Engkau telah bebankan ke atas orang-orang yang sebelum kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan ke atas kami dengan bebanan di luar keupayaan kami. Ma'afkan kami, ampunkan dan rahmatkan kami Engkaulah Pelindung kami. Oleh itu tolonglah kami mengalahkan orang-orang yang kafir."(286)

Itulah kata penamat yang sesuai dengan kata permulaan dan sesuai dengan seluruh rangkaian ayat yang panjang dan halus itu.

* * * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 253- 257)

تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ مِّنْهُم مَّن
كَلَّمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ
مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ وَلَوْ شَاءَ
اللَّهُ مَا اقْتَتَلَ الَّذِينَ مِن بَعْدِهِم مِّن بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ
الْبَيِّنَاتُ وَلَٰكِنِ اخْتَلَفُوا فَمِنْهُم مَّنْ آمَنَ وَمِنْهُم
مَّن كَفَرَ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا اقْتَتَلُوا وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ
مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٣﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُم مِّن قَبْلِ
أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَاعَةٌ
وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ
وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَن
ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِندَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ
أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ
إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَد تَّبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن
يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ
بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ
إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطَّاغُوتُ
يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَٰئِكَ
أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥٧﴾

"Rasul-rasul itu Kami lebihkan setengah-setengah mereka dari setengah-setengah yang lain. Di antara mereka ada rasul yang Allah berbicara dengannya (secara langsung) dan Allah angkatkan setengah-setengahnya ke darjat-darjat (yang tinggi) dan Kami telah kurniakan kepada 'Isa putera Maryam bukti-bukti yang jelas dan Kami kuatkannya dengan roh al-Qudus. Dan jika Allah kehendaki tentulah pengikut-pengikut yang datang selepas mereka tidak berbunuhan (sesama mereka) setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas, tetapi mereka telah berselisih faham. Di antara mereka ada orang yang beriman dan ada pula di antara mereka orang yang kafir. Dan jika Allah kehendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan, tetapi Allah membuat apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya (253). Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum tibanya hari yang tiada lagi jual-beli, tiada lagi persahabatan dan tiada pula syafa'at. Dan orang-orang yang kafir itulah orang-orang yang zalim (254). Allah! Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, Maha Pentadbir (yang menjadi sumber pergantungan makhluk), tidak pernah mengantuk dan tidak pernah tidur. Dia memiliki segala isi langit dan bumi. Siapakah yang berkuasa memberi syafa'at di sisi-Nya melainkan dengan keizinan-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu dari ilmu-Nya melainkan apa yang dikehendaki oleh-Nya. Luas singgahsana-Nya meliputi langit dan bumi dan tidaklah memberatkan-Nya untuk memeliharakan kedua-duanya dan Dia Maha Tinggi lagi

Maha Besar (255). Tiada sebarang paksaan di dalam agama. Jalan yang benar telah ternyata dari jalan yang sesat. Oleh itu sesiapa yang kafir terhadap Taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang dengan ikatan tali yang kukuh yang tidak akan putus lagi dan Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui (256). Allah itulah Pelindung orang-orang yang beriman yang mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur, sedangkan orang-orang yang kafir, pelindung mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari nur kepada kegelapan-kegelapan. Merekalah penghuni-penghuni Neraka. Mereka kekal di dalamnya."(257)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Perkara pertama yang kita hadapi di dalam pelajaran ini ialah ungkapan mengenai para rasul yang berbunyi :

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ

"Rasul-rasul itu..."(253)

Al-Qur'an tidak mengatakan: "Merekalah para rasul". Ia mulakan pembicaraan mengenai rasul-rasul dengan menggunakan ungkapan ini kerana ia mengandungi satu saranan yang kuat dan terang. Eloklah kita perkatakan sepatah mengenai perkara ini sebelum kita menghuraikan nas-nas pelajaran ini semuanya.

Hakikat Rasul Dan Kerasulan

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ

"Rasul-rasul itu."

Mereka adalah satu kelompok manusia istimewa, mempunyai tabi'at yang istimewa walaupun mereka manusia seperti manusia-manusia yang lain. Siapakah mereka? Apakah kerasulan itu? Apakah hakikat kerasulan itu? Bagaimana berlangsungnya kerasulan itu? Mengapa mereka sahaja yang menjadi rasul? Dan dengan apa?

Itulah pertanyaan-pertanyaan yang sering membimbangkan saya untuk mencari jawapannya! Hati saya penuh dengan berbagai-bagai perasaan dan konsep yang saya tidak mendapat susunan-susunan kata yang cukup untuk mengungkapkannya tetapi perasaan-perasaan dan konsep itu pastilah diperdekatkan dengan susunan-susunan kata.

Sejauh Mana Manusia Mengetahui Undang-undang Alam?

Alam buana yang kita hidup di dalamnya dan menjadi sebahagian darinya itu mempunyai undang-undang yang teguh yang menjadi tapak tegaknya. Itulah undang-undang alam yang ditetapkan Allah kepada alam ini supaya ia berjalan, bergerak dan bertindak mengikut garis-garisnya.

Manusia mengetahui bahagian-bahagian undang-undang ini apabila semakin tinggi ia mendaki anak-anak tangga kemajuan ilmu pengetahuan. Ia mengetahui undang-undang itu atau ia dibukakan pintu hatinya mengetahui undang-undang itu sekadar yang sesuai dengan kefahamannya yang terbatas, iaitu sekadar yang diperlukannya untuk menjalankan tugas khilafah di bumi dalam masa yang terbatas.

Untuk mengetahui bahagian-bahagian undang-undang alam ini, manusia berpegang kepada dua wasilah yang asasi - dibandingkan kepadanya - iaitu pengamatan dan ujian. Kedua-duanya merupakan dua wasilah juz'i yang tidak muktamad dan tidak mutlak dari segi natijah-natijahnya, tetapi kedua-duanya kadang-kadang membawa kepada bahagian-bahagian undang-undang kulli/semesta dalam masa yang panjang, tetapi penemuan ini akan terus bersifat juz'i yang tidak muktamad dan tidak mutlak, kerana rahsia keselarasan di antara semua undang-undang itu merupakan rahsia undang-undang kulli/semesta yang menyelaraskan seluruh undang-undang itu, dan rahsia ini akan terus tersembunyi tidak dapat ditemui oleh pengamatan yang juz'i dan nisbi/relatif itu walaupun selama mana masa itu........ zaman bukannya satu unsur muktamad atau penghabisan di dalam bidang ini, malah ia merupakan suatu had yang ditetapkan kepada manusia itu sendiri berdasarkan kejadiannya dan peranannya di alam al-wujud ini, iaitu satu peranan yang juz'i dan nisbi. Kemudian datang pula masa yang nisbi yang diberikan kepada seluruh umat manusia di muka bumi ini dan masa ini juga bersifat juz'i dan terbatas. Oleh sebab itulah segala wasilah atau saranan ilmu pengetahuan dan segala hasil atau natijah yang dicapai oleh manusia melalui wasilah-wasilah ini adalah terbatas di dalam lingkungan juz'i dan nisbi belaka.

Peranan Kerasulan Dalam Memahami Undang-undang Alam

Di sinilah letaknya peranan kerasulan, iaitu peranan tabi'at istimewa yang dikurniakan Allah kepadanya kesediaan laduni untuk berhubung - dengan cara yang kita masih belum mengetahui hakikatnya walaupun kita memahami kesan-kesannya - dengan undang-undang kulli/semesta yang menjadi tapak tegak alam al-wujud ini.

Tabi'at istimewa inilah yang menerima wahi dan ia mampu menerimanya kerana ia memang disediakan untuk menerimanya. Ia dapat menerima isyarat-isyarat Ilahiyah yang diterima oleh alam buana ini kerana ia berhubung secara langsung dengan undang-undang kulli/semesta yang mengendalikan alam al-wujud ini....... bagaimana ia menerima isyarat-isyarat itu? Apakah alat yang digunakannya untuk menerima isyarat-isyarat itu? Untuk menjawab pertanyaan ini kita perlu mempunyai tabi'at khas ini yang dikurniakan Allah kepada para hamba-Nya yang terpilih:

ٱللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُۥ

"Allah lebih mengetahui di mana hendak meletakkan risalah-Nya."

(Surah al An'am : 124)

Kerasulan itu adalah suatu perkara yang amat besar. Ia lebih besar dari rahsia-rahsia besar alam al-wujud yang terlintas di dalam hati.

Seluruh rasul telah memahami hakikat Tauhid dan seluruh mereka telah dibangkitkan dengan hakikat Tauhid kerana nada undang-undang semesta yang tunggal di dalam seluruh entiti mereka telah membawa mereka kepada sumbernya yang tunggal tidak berbilang - ia tidak berbilang kerana jika ia berbilang, maka undang-undang semesta juga berbilang-bilang dan nada yang diterima mereka juga berbilang - dan pemahaman hakikat Tauhid itu wujud di permulaan kelahiran umat manusia lagi, iaitu sebelum suburnya pengetahuan luaran mereka yang diasaskan di atas pengamatan dan ujian dan sebelum terdedahnya kepada mereka setengah-setengah undang-undang alam yang membuktikan hakikat keesaan atau Tauhid itu.

Seluruh rasul menyeru kepada beribadat kepada Allah Yang Maha Esa. Mereka menyeru kepada hakikat ini kerana hakikat inilah yang diterima oleh mereka dan diperintahkan mereka supaya menyampaikannya. Pemahaman mereka terhadap hakikat ini merupakan suatu logik semulajadi yang terbit dari nada undang-undang semesta yang tunggal di dalam fitrah mereka yang menghubungkan dengan Allah. Begitu juga tindakan mereka untuk menyampaikan hakikat ini merupakan hasil yang tabi'i dari keimanan mereka yang mutlak terhadap hakikat ini sebagai hakikat yang disampaikan kepada mereka dari Allah Yang Maha Esa yang tidak mungkin berbilang mengikut nada undang-undang semesta yang kuat dan mengikut yang diterima oleh fitrah mereka.

Keadaan yang mengikat dan mendesak yang dirasakan oleh fitrah para rasul ini kadang-kadang dapat dilihat dengan jelas pada percakapan mereka yang diceritakan oleh Al-Qur'an atau pada kalimat-kalimat yang digunakan oleh Al-Qur'an untuk memerikan keadaan mereka pada setengah-setengah ketika.

Misalnya kita boleh dapati dalam perkataan Nuh a.s. kepada kaumnya:

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي وَءَاتَىٰنِي
رَحۡمَةٗ مِّنۡ عِندِهِۦ فَعُمِّيَتۡ عَلَيۡكُمۡ أَنُلۡزِمُكُمُوهَا
وَأَنتُمۡ لَهَا كَٰرِهُونَ ٢٨
وَيَٰقَوۡمِ لَآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ مَالًاۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِۚ
وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْۚ إِنَّهُم مُّلَٰقُواْ رَبِّهِمۡ
وَلَٰكِنِّيٓ أَرَىٰكُمۡ قَوۡمٗا تَجۡهَلُونَ ٢٩
وَيَٰقَوۡمِ مَن يَنصُرُنِي مِنَ ٱللَّهِ إِن طَرَدتُّهُمۡۚ أَفَلَا
تَذَكَّرُونَ ٣٠

"Nuh berkata: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku berada di atas bukti yang terang dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan rahmat dari sisi-Nya kepadaku, kemudian bukti itu dikaburkan kepada kamu apakah wajar kami memaksa kamu menerimanya sedangkan kamu tidak menyukainya(28). Wahai kaumku! Aku tidak meminta apa-apa harta (sebagai upah) di atas da'wahku. Sesungguhnya tiada upahku melainkan dari Allah dan aku tidak sekali-kali akan mengusir orang-orang yang beriman. Sesungguhnya mereka tetap akan menemui Tuhan mereka, tetapi aku melihat kamu satu kaum yang tidak mengerti(29). Wahai kaumku! Siapakah yang berkuasa menolongku dari 'azab Allah jika aku mengusir mereka. Tidakkah kamu mengambil pengajaran?"(30)

(Surah Hud : 28 - 30)

Juga kita boleh dapatinya di dalam perkataan Soleh a.s.:

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي
وَءَاتَىٰنِي مِنۡهُ رَحۡمَةٗ فَمَن يَنصُرُنِي مِنَ ٱللَّهِ إِنۡ
عَصَيۡتُهُۥۖ فَمَا تَزِيدُونَنِي غَيۡرَ تَخۡسِيرٖ ٦٣

"Soleh berkata: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku berada di atas bukti yang terang dari Tuhanku dan Dia mengurniakan rahmat dari-Nya kepadaku, maka siapakah yang berkuasa menolongku dari 'azab Allah, jika aku menderhakakan-Nya? Oleh itu kamu tidak akan menambahkan apa-apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata."(63)

(Surah Hud : 63)

Juga kita dapatinya di dalam sirah Ibrahim a.s.:

وَحَآجَّهُۥ قَوۡمُهُۥۚ قَالَ أَتُحَٰٓجُّوٓنِّي فِي ٱللَّهِ وَقَدۡ هَدَىٰنِۚ
وَلَآ أَخَافُ مَا تُشۡرِكُونَ بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَشَآءَ رَبِّي شَيۡـٔٗاۚ
وَسِعَ رَبِّي كُلَّ شَيۡءٍ عِلۡمًاۚ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ٨٠
وَكَيۡفَ أَخَافُ مَآ أَشۡرَكۡتُمۡ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمۡ
أَشۡرَكۡتُم بِٱللَّهِ مَا لَمۡ يُنَزِّلۡ بِهِۦ عَلَيۡكُمۡ سُلۡطَٰنٗاۚ
فَأَيُّ ٱلۡفَرِيقَيۡنِ أَحَقُّ بِٱلۡأَمۡنِۖ إِن كُنتُمۡ
تَعۡلَمُونَ ٨١

"Dan dia telah dibantah oleh kaumnya lalu dia berkata: Apakah kamu membantah aku tentang Allah, sedangkan Dialah yang telah memberi hidayat kepadaku. Aku tidak

takut kepada sembahan-sembahan yang kamu sekutui Allah dengannya kecuali jika Allah menghendaki sesuatu. Ilmu Tuhanku meliputi segala sesuatu. Apakah tidak kamu mengambil pengajaran?(80). Dan bagaimana aku akan takut kepada sembahan yang kamu telah sekutukan Allah dengannya, sedangkan kamu tidak takut bahawa kamu telah mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang Allah sendiri tidak menurunkan apa-apa keterangan ke atas kamu. Manakah di antara dua golongan ini yang lebih berhak mendapat keimanan, jika kamu mengetahui?"(81)

(Surah al-An'am : 80 - 81)

Juga kita dapatinya dalam kisah Syu'aib a.s.:

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي
وَرَزَقَنِي مِنۡهُ رِزۡقًا حَسَنٗاۚ وَمَآ أُرِيدُ أَنۡ أُخَالِفَكُمۡ
إِلَىٰ مَآ أَنۡهَىٰكُمۡ عَنۡهُۚ إِنۡ أُرِيدُ إِلَّا ٱلۡإِصۡلَٰحَ
مَا ٱسۡتَطَعۡتُۚ وَمَا تَوۡفِيقِيٓ إِلَّا بِٱللَّهِۚ عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُ وَإِلَيۡهِ
أُنِيبُ ٨٨

"Kata Syu'aib: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku berada di atas bukti yang terang dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan rezeki yang baik darinya kepadaku (patutkah aku menyalahi perintah-Nya). Dan aku tidak mahu menyalahi kamu dengan melakukan perkara yang telah aku melarang kamu darinya. Tujuanku tiada lain melainkan hanya melakukan islah sedaya upayaku. Tiada taufiq kejayaanku melainkan dengan pertolongan Allah. Kepadanya aku berserah dan kepadanya aku kembali."(88)

(Surah Hud : 88)

Juga kita dapati di dalam perkataan Ya'kub a.s. kepada anak-anaknya:

قَالَ إِنَّمَآ أَشۡكُواْ بَثِّي وَحُزۡنِيٓ إِلَى ٱللَّهِ وَأَعۡلَمُ
مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٨٦

"Hanya kepada Allah sahaja aku mengadu kesusahanku dan kesedihanku dan dari Allah jua aku mengetahui sesuatu yang kamu tidak mengetahui."(86)

(Surah Yusuf : 86)

Demikianlah kita dapatinya di dalam perkataan-perkataan para rasul dan cerita-cerita mereka kesan nada (ilham) yang mendalam yang mendesak fitrah mereka. Perkataan-perkataan mereka membayangkan apa yang didapati mereka di dalam hati nurani mereka.

Di Antara Pengetahuan Ahli Sains Dan Pengetahuan Para Rasul

Sehari demi sehari terbuka kepada pengetahuan luaran manusia berbagai-bagai gejala yang menunjukkan dari jauh kepada wujudnya undang-undang kesatuan alam ini. Ahli-ahli sains melihat gejala kesatuan penciptaan dan kesatuan harakat di alam buana yang lebar ini. Gejala-gejala ini menunjukkan - dalam batas kemampuan pengetahuan yang ada pada manusia - bahawa atom itulah asas pembinaan seluruh alam yang lebar ini dan atom itu ialah tenaga. Di sini benda bertemu dengan kekuatan di alam ini dalam bentuk atom dan hilanglah dualisme yang kelihatan selama ini. Kemudian benda - iaitu himpunan dari atom-atom - menjadi tenaga apabila atom-atom itu dilebur dan berubah menjadi salah satu dari tenaga-tenaga. Gejala-gejala itu juga menunjukkan - dalam batas kemampuan pengetahuan yang ada pada manusia - bahawa atom sentiasa berada di dalam harakat yang berterusan dari dalamnya dan ia tersusun dari elektron-elektron yang beredar di sekeliling nukelius atau jantung atom. Harakat ini berterusan di dalam setiap atom. Setiap atom itu - sebagaimana kata Faridud-Din al-'Attar - laksana sebuah matahari yang beredar di sekelilingnya planet-planet sama seperti matahari kita dengan planet-planetnya yang beredar di sekelilingnya pada setiap waktu.

Kesatuan penciptaan dan kesatuan harakat di alam ini merupakan dua gejala yang telah ditemui manusia dan kedua-duanya menunjukkan dari jauh kepada wujudnya undang-undang kesatuan yang besar dan meliputi. Kedua-duanya telah dapat dicapai oleh ilmu pengetahuan manusia sekadar yang dapat dicapai oleh daya pengamatan dan ujian manusia. Adapun tabi'at-tabi'at istimewa yang dianugerahi Allah (kepada rasul-rasul), maka ia telah dapat memahami dan mengetahui undang-undang yang besar dan meliputi ini dalam sekelip mata sahaja kerana ia menerima nadanya (wahyu) secara langsung dan ia mampu menerimanya dengan sendirinya sahaja.

Para rasul tidak mengumpul bukti-bukti dan gejala-gejala untuk memahami kesatuan-kesatuan itu menerusi ujian-ujian 'ilmiyah, tetapi mereka telah dikurniakan alat penerima secara langsung yang sempurna. Mereka menerima nada (wahyu) undang-undang agung yang tunggal dengan penerimaan secara langsung dari dalam. Dan oleh itu secara langsung pula mereka dapat memahami bahawa nada (wahyu) yang tunggal pastilah terbit dari undang-undang yang tunggal dan pastilah keluar dari sumber yang tunggal. Alat penerima laduni yang ada di dalam tabi'at istimewa yang dikurniakan Allah (kepada para rasul), ini adalah lebih halus, lebih meliputi dan lebih sempurna kerana ia dapat menanggap dan memahami dengan sekaligus sahaja rahsia di sebalik kesatuan nada itu, iaitu rahsia kesatuan sumber-sumber kesatuan iradat dan kudrat di alam al-wujud ini. Oleh sebab itu ia mengakui keesaan zat Ilahiyah yang mentadbir alam buana ini.

Saya tidak membawa pembicaraan ini kerana sains moden berpendapat bahawa ia telah dapat memahami satu atau dua gejala dari gejala-gejala kesatuan kauniyah/kebuanaan. Memang sains berfungsi mensabitkan atau menafikan sesuatu di

dalam bidangnya dan segala hakikat yang dicapai oleh sains kita namakannya sebagai hakikat juz'i yang terbatas, kerana sains selama-lamanya tidak akan berupaya sampai kepada satu hakikat penghabisan yang mutlak tambahan pula teori-teori sains itu sering berubah-ubah, mendusta dan mengubahkan satu sama lain. Apabila saya menyebut sesuatu mengenai kesatuan penciptaan dan kesatuan harakat, maka tujuan saya bukanlah sekali-kali untuk menghubungkan kepada keduanya kebenaran kesatuan undang-undang yang diterima oleh hati para rasul, malah saya mempunyai satu tujuan yang lain. Tujuan saya ialah untuk menentukan sumber penerimaan yang muktamad untuk membentuk kefahaman yang betul, sempurna dan meliputi terhadap hakikat alam al-wujud.

Penemuan sains mungkin membawa kepada memahami beberapa gejala kebuanaan yang berhubung dengan hakikat kesatuan yang agung. Kesatuan inilah yang telah menyentuh hati para rasul sebelum ini dalam lingkungannya yang luas, meliputi dan secara langsung atau kesatuan inilah yang ditanggap oleh fitrah laduni (para rasul) dengan tanggapan yang sempurna, meliputi dan secara langsung. Dan apa yang ditanggap oleh fitrah laduni ini adalah benar, sama ada teori-teori sains moden telah menemui gejala-gejala itu atau tidak menemuinya. Teori-teori sains terus menjadi sasaran kajian dan semakan dari sains itu sendiri. Teori-teori itu tidak tetap dan tidak pula bersifat penghabisan atau muktamad dan mutlak. Oleh sebab itu teori-teori sains tidak layak menjadi kayu ukur untuk mengukur kesahihan risalah atau agama yang dibawa oleh rasul kerana kayu ukur mestilah bersifat tetap dan mutlak. Dari sinilah risalah yang dibawa oleh rasul itu layak menjadi satu-satunya kayu pengukur yang tetap dan mutlak.

Dari hakikat ini lahir pula satu hakikat yang lain yang mempunyai makna yang amat besar.

Tabi'at-tabi'at istimewa (para rasul) yang berhubung dengan undang-undang alam al-wujud dengan hubungan secara langsung itulah yang berupaya menggariskan arah tujuan yang sempurna bagi umat manusia, iaitu arah tujuan yang sesuai dengan fitrah alam dan undang-undangnya yang tetap dan berterusan. Tabi'at-tabi'at istimewa inilah yang menerima secara langsung wahyu dari Allah. Oleh sebab itu ia tidak tersalah dan tidak tersesat, ia tidak berdusta dan tidak menyembunyi. Ia tidak dilindungi oleh faktor-faktor zaman dan tempat dari hakikat yang sebenar, kerana ia menerima hakikat ini dari Allah yang tidak berzaman dan bertempat.

Risalah Merupakan Satu-satunya Sumber Pengetahuan Yang Benar

Iradat Ilahi Yang Maha Tinggi menghendaki dari satu masa ke satu masa mengutuskan rasul-rasul untuk menghubungkan umat manusia dengan hakikat yang mutlak, iaitu hakikat yang mereka tidak dapat sampai kepada sebahagian darinya melalui pengamatan dan ujian mereka melainkan setelah dilalui masa ratusan abad dan mereka tidak akan sampai kepada seluruh hakikat itu buat selama-lamanya di sepanjang abad. Nilai dari hubungan ini ialah mewujudkan integriti langkah-langkah mereka dengan langkah-langkah alam buana, integriti harakat mereka dengan harakat alam buana dan integriti fitrah mereka dengan fitrah alam.

Oleh sebab itu di sana terdapat satu sumber, di mana manusia menerima darinya kefahaman yang benar, sempurna dan meliputi terhadap hakikat alam al-wujud dan terhadap kewujudan manusia, juga terhadap matlamat alam al-wujud dan matlamat kewujudan manusia dan dari kefahaman inilah dapat melahirkan satu sistem hidup yang betul dan lurus, yang sesuai dengan hakikat penciptaan alam dan hakikat harakat dan arah tujuannya. Dan dengan sistem hidup ini dapat membawa manusia masuk ke dalam kedamaian seluruhnya, iaitu kedamaian dengan alam buana, kedamaian dengan fitrah mereka yang merupakan sebahagian dari fitrah alam, dan kedamaian di antara sesama mereka di dalam segala usaha dan kegiatan mereka, dan di dalam perkembangan dan kemajuan mereka yang disediakan untuk mereka di dunia ini.

Sumber yang satu atau yang tunggal itu ialah sumber risalah yang dibawa oleh para rasul. Dan yang lain dari sumber ini adalah sesat dan bathil belaka kerana ia tidak diterima dari sumber yang tunggal yang menghubungkan Allah dan dihubungkan kepada Allah.

Wasilah-wasilah ilmu pengetahuan yang lain yang diluangkan kepada manusia adalah diberi kepada mereka sekadarnya sahaja, iaitu sekadar untuk membolehkan mereka mengetahui setengah-setengah gejala alam, setengah-setengah undang-undangnya dan setengah-setengah tenaganya dan sekadar yang perlu untuk melaksanakan tugas khilafah di bumi dan untuk memperkembangkan dan memajukan kehidupan. Kadang-kadang mereka sampai ke bidang-bidang ini dalam masa yang amat jauh, tetapi masa yang amat jauh itu selama-lamanya tidak akan dapat menyampaikan mereka kepada hakikat yang mutlak iaitu hakikat yang diperlukan oleh manusia untuk menyelaraskan hidup mereka. Bukan sahaja dengan keadaan-keadaan yang baru berkembang tetapi juga dengan undang-undang alam yang tetap yang menjadi asas kewujudan dan dengan matlamat agung kewujudan manusia seluruhnya, dan matlamat ini hanya dapat dilihat oleh Allah yang menciptakan manusia, yang mengatasi segala hubungan zaman dan tempat dan ia tidak dapat dilihat oleh manusia yang terbatas dan terpengaruh dengan hubungan-hubungan zaman dan tempat.

Sesungguhnya Allah yang mengaturkan garis perjalanan untuk jalan ini. Dialah sahaja yang mengetahui seluruh liku-liku jalan ini, sedangkan manusia adalah terhijab dari melihat jalan ini, malah ia terhijab dari melihat detik masa yang akan datang

selepas ini. Di antara manusia dengan detik masa mendatang telah dilabuhkan tirai yang tidak membolehkan manusia melihat di sebaliknya. Oleh sebab itu bagaimana mungkin bagi manusia mengatur garis perjalanan untuk melalui jalan yang majhul itu.

(Pilihan hanya satu) sama ada meraba-raba di dalam kesesatan atau pulang kepada jalan yang diambil dari Allah yang menciptakan alam al-wujud ini, iaitu jalan risalah-risalah yang dibawa rasul-rasul atau jalan para rasul atau jalan fitrah yang bersambung dengan alam al-wujud dan dengan Pencipta alam al-wujud.

Risalah-risalah yang dibawa oleh para rasul itu telah berlalu satu demi satu memimpin umat manusia dan meningkatkan mereka ke jalan hidayat dan nur. Kemudian manusia terus sesat di sana sini dan menyeleweng dari jalan yang lurus, mengabaikan seruan penda'wah dan menyimpang seketika sebelum dibangkitkan seorang rasul yang baru.

Risalah Terakhir

Setiap kali dibangkitkan rasul, manusia mendapat hakikat yang sama tetapi dalam bentuk yang lebih tinggi yang sesuai dengan pengalaman-pengalaman yang baru sehingga apabila tiba masa risalah yang terakhir, maka masa itu zaman kemajuan akal telah mencapai tahap yang gemilang. Oleh sebab itulah risalah yang akhir ini berbicara dengan akal manusia mengenai seluruh hakikat kulli/semesta supaya manusia dapat meneruskan langkah-langkahnya mengikut garis-garis panduan penghabisan yang luas itu: Garis-garis hakikat agung (risalah yang terakhir) itu amat jelas sekali hingga ia tidak lagi memerlukan kepada satu risalah yang baru dan ia adalah juga untuk ditafsirkan oleh para Mufassirin yang silih berganti di sepanjang abad.

(Pilihan hanya satu) sama ada manusia berjalan dalam lingkaran ini iaitu satu lingkaran luas, meliputi dan selama-lamanya memberi ruang yang selesa kepadanya dan kepada kegiatan-kegiatannya yang terus membaharu dan maju itu dan boleh menghubungkannya dengan hakikat mutlak yang tidak dapat sampai kepadanya menerusi jalan yang lain atau meraba-raba di dalam kesesatan di padang gurun jauh dari jalan-jalan yang mempunyai tanda-tanda pedoman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 253)

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ مِّنْهُم مَّن
كَلَّمَ ٱللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَٰتٍ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ٱبْنَ
مَرْيَمَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَيَّدْنَٰهُ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ وَلَوْ شَآءَ
ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلَ ٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ
ٱلْبَيِّنَٰتُ وَلَٰكِنِ ٱخْتَلَفُوا۟ فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ وَمِنْهُم
مَّن كَفَرَ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلُوا۟ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَفْعَلُ
مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٣﴾

"Rasul-rasul itu Kami lebihkan setengah-setengah mereka dari setengah-setengah yang lain. Di antara mereka ada rasul yang Allah berbicara dengannya (secara langsung) dan Allah angkatkan setengah-setengahnya ke darjat-darjat (yang tinggi) dan kami telah kurniakan kepada 'Isa anak Maryam bukti-bukti yang jelas dan Kami kuatkannya dengan roh al-Qudus. Dan jika Allah kehendaki tentulah pengikut-pengikut yang datang selepas mereka tidak berbunuhan (sesama mereka) setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas, tetapi mereka telah berselisih faham. Di antara mereka ada orang yang beriman dan ada pula di antara mereka orang yang kafir. Dan jika Allah kehendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan, tetapi Allah membuat apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya."(253)

Ayat ini mengintisarikan kisah rasul-rasul dan risalah-risalah di samping memisahkan kelompok para rasul dan membezakan mereka dari manusia-manusia yang lain, maka ayat ini juga menjelaskan bahawa Allah telah melebihkan setengah-setengah rasul dari setengah-setengah rasul yang lain dan menyebut setengah-setengah tanda kelebihan itu. Kemudian ia memberi isyarat kepada perselisihan faham yang berlaku di kalangan pengikut-pengikut yang datang selepas rasul-rasul itu dari generasi-generasi yang kemudian setelah datang kepada mereka keterangan yang jelas, juga memberi isyarat kepada pembunuhan yang berlaku di antara mereka dengan sebab perselisihan faham itu. Ia juga menjelaskan bahawa setengah-setengah mereka ada yang beriman dan ada yang kafir dan seterusnya menjelaskan bahawa Allah telah mentakdirkan peperangan berlaku di antara mereka untuk menolak kekafiran dengan keimanan dan menolak kejahatan dengan kebaikan. Semua hakikat yang banyak ini yang diisyaratkan oleh ayat itu menggambarkan kisah kerasulan dan sejarahnya yang lama.

Ciri-ciri Perbezaan Kelebihan Antara Para Rasul

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

"Rasul-rasul itu kami lebihkan setengah-setengah mereka dari setengah-setengah yang lain"

Kelebihan dan keutamaan yang dimaksudkan di sini kadang-kadang ada kaitan dengan lingkungan yang ditentukan kepada seseorang rasul, iaitu lingkungan yang meliputi da'wah dan kegiatannya seperti ia dibangkit selaku rasul untuk satu suku kaum atau rasul untuk satu umat atau rasul untuk satu generasi atau rasul untuk seluruh umat manusia dari seluruh generasi, begitu juga ada kaitan dengan kelebihan-kelebihan yang dikurniakan kepada tubuh seseorang rasul atau kepada umatnya dan seterusnya ada kaitan dengan tabi'at risalah itu sendiri dan sejauh mana ia

merangkumi aspek-aspek hidup insan dan alam buana.

Dalam nas yang berikut Al-Qur'an menyebut dua contoh pada Nabi Musa dan 'Isa a.s. dan memberi isyarat secara umum kepada Nabi-Nabi yang lain dari keduanya:

مِّنْهُم مَّن كَلَّمَ ٱللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَٰتٍ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَيَّدْنَٰهُ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ

"Di antara mereka ada rasul yang Allah berbicara dengannya (secara langsung) dan Allah angkatkan setengah-setengahnya ke darjat-darjat (yang tinggi) dan Kami telah kurniakan kepada 'Isa putera Maryam bukti-bukti yang jelas dan Kami kuatkannya dengan roh al-Qudus."(253)

Dongeng-dongeng Karut Tentang 'Isa a.s.

Apabila Al-Qur'an menyebut cerita Allah berbicara dengan salah seorang dari para rasul-Nya, maka fikiran kita terus tertumpu kepada Musa a.s dan oleh sebab itulah nama beliau tidak disebut di sini. Al-Qur'an menyebut 'Isa putera Maryam. Demikianlah nama beliau selalu dihubungkan dengan ibunya di dalam kebanyakan tempat di dalam Al-Qur'an dan hikmat dibuat begini amat jelas, kerana semasa Al-Qur'an ini diturunkan Allah, di sana terdapat banyak dongeng-dongeng yang lumrah di sekitar 'Isa a.s. selaku anak Allah S.W.T. atau dongeng-dongeng mengenai 'Isa a.s. yang dikatakan mempunyai dua tabi'at iaitu tabi'at lahut/ketuhanan dan tabi'at nasut/kemanusiaannya atau dongeng-dongeng mengenai 'Isa yang dikatakan mempunyai tabi'at ketuhanan dan di dalam tabi'at inilah larutnya tabi'at kemanusiaannya sebagaimana larutnya setitis air di dalam gelas dan sebagainya dari kepercayaan-kepercayaan dongeng yang telah menyebabkan gereja dan dewan-dewan persidangan paderi tenggelam dalam perdebatan dan perbahasan di sekitarnya dan menyebabkan pertumpahan darah yang mengalir seperti sungai di dalam negara Roman. Oleh sebab itulah penekanan yang menegaskan 'Isa a.s. sebagai manusia itu sentiasa dibuat dan penekanan 'Isa selaku putera Maryam itu sering disebut pada kebanyakan tempat di dalam Al-Qur'an.

Pengertian Roh Al-Qudus

Adapun roh al-Qudus, maka yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an ialah Jibril a.s. pembawa wahyu kepada para rasul. Inilah sebesar-besar sokongan Allah kepada beliau. Jibril-lah yang memindahkan isyarat-isyarat Ilahiyah kepada para rasul yang menunjukkan bahawa mereka telah dipilih untuk melaksanakan peranan rasul yang unik dan agung ini. Dialah yang mengukuhkan pendirian mereka supaya meneruskan persoalanan mereka yang sukar dan jauh itu dan dialah yang menurunkan ke atas mereka ketenangan, keteguhan hati dan pertolongan ketika menghadapi ketakutan dan kesusahan di tengah jalan perjuangan. Semuanya merupakan sokongan dari Allah belaka untuk menguatkan kedudukan mereka.

Pengertian Bukti-bukti Yang Jelas

Adapun bukti-bukti yang jelas yang telah dikurniakan Allah kepada 'Isa a.s., maka ia meliputi kitab Injil yang diturunkan kepadanya di samping meliputi mu'jizat-mu'jizat yang telah diperlakukan Allah di atas tangan beliau, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang disebut dengan terperinci di tempat-tempatnya yang sesuai di dalam Al-Qur'an untuk membenarkan kerasulannya dalam menghadapi Bani Israel yang degil itu.

Ayat ini tidak menyebut Nabi Muhammad s.a.w. kerana pembicaraan ini ditujukan kepada beliau sebagaimana telah diterangkan di dalam ayat yang silam (di akhir ayat juzu' yang kedua yang berbunyi):

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ وَإِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٥٢﴾

"Itulah ayat-ayat Allah yang Kami bacakan kepadamu dengan membawa kebenaran dan sesungguhnya engkau adalah dari nabi-nabi yang diutuskan Allah."(252)

Jadi penerangan rangkaian ayat-ayat ini adalah penerangan Allah yang ditujukan kepada beliau mengenai rasul-rasul yang lain darinya.

Apabila kita melihat kepada maqam-maqam para rasul Salawatullah Wasalamuhu 'alaihim dari mana-mana sudut sekalipun, maka kita dapati Nabi Muhammad s.a.w. tetap berada di kemuncaknya. Sama ada kita melihat risalah mereka dari segi syumul/keliputan dan penyeluruhannya atau dari segi lingkungan dan kesinambungannya, maka natijahnya (adalah sama) tidak berubah.

Islam merupakan kefahaman yang paling sempurna terhadap hakikat kesatuan atau ketunggalan yang menjadi hakikat yang paling besar di antara seluruh hakikat yang lain, iaitu hakikat kesatuan atau ketunggalan pencipta yang tiada tolok bandingnya, hakikat kesatuan iradat yang melahirkan seluruh yang maujud ini dengan sepatah kata "كن", hakikat kesatuan kewujudan yang lahir dari iradat itu, hakikat kesatuan undang-undang semesta yang mengendalikan seluruh alam al-wujud, hakikat kesatuan hayat yang bermula dari sel yang bersahaja kepada insan yang natiq, hakikat kesatuan umat manusia mulai dari Adam a.s. hingga kepada anak cucunya yang terakhir di bumi ini, hakikat kesatuan agama yang terbit dari Allah yang tunggal untuk umat manusia yang sama, hakikat kesatuan para rasul yang menyampaikan da'wah ini, hakikat kesatuan umat yang beriman yang menyambut da'wah ini, hakikat kesatuan kegiatan manusia yang bertawajjuh kepada Allah dan seluruh kegiatan itu diberi nama ibadat, hakikat kesatuan dunia dan Akhirat iaitu dua alam, alam bekerja dan menerima balasan, hakikat kesatuan sistem hidup yang diaturkan Allah untuk manusia yang mana Dia tidak menerima dari mereka (amalan-amalan mereka dari) sistem yang lain dari sistem ini dan hakikat kesatuan sumber, di mana

mereka menerima seluruh kefahaman, kepercayaan dan peraturan hidup mereka.

Kelebihan Nabi Muhammad s.a.w. Dan Risalahnya

Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai jiwa yang mampu mengadakan hubungan harmoni yang sempurna dengan hakikat kesatuan yang agung ini, mempunyai akal yang berupaya memahami dan menggambarkan kesatuan ini dan mempunyai keperibadian melambangkan kesatuan ini dalam realiti kehidupannya yang terdedah kepada orang ramai.

Demikianlah sifat seorang rasul yang diutuskan untuk seluruh umat manusia sejak ia dibangkit sehingga Allah mewarisi bumi dan segala isinya (Qiamat). Risalah yang dibawa beliau adalah risalah yang bergantung kepada kefahaman manusia yang insaf semata-mata tanpa sebarang tekanan walaupun tekanan dari mu'jizat fizikal yang kuat. Ini ialah untuk mengisytiharkan pembukaan zaman kearifan atau kematangan manusia.

Oleh sebab itulah beliau menjadi penamat para rasul dan risalah yang dibawa beliau merupakan risalah Allah yang terakhir, dan oleh sebab itulah wahyu Allah terputus selepas beliau dan kesatuan agung itu terlukis di dalam risalah beliau untuk umat manusia. Dan satu sistem hidup diisytiharkan untuk mereka, iaitu satu sistem yang luas yang merangkumi segalanya dan memberi ruang yang lega kepada semua kegiatan manusia yang akan datang. Tidak ada lagi yang diperlukan mereka kecuali perincian-perincian dan pentafsiran-pentafsiran yang dapat dilakukan oleh akal mereka sendiri dalam batas-batas sistem Rabbani tanpa memerlukan kepada suatu risalah Ilahiyah yang baru.

Allah S.W.T. telah mengetahui - kerana Dialah yang telah menciptakan manusia dan mengetahui apa dan siapa mereka, apakah hakikat urusan mereka dan apakah yang berlaku kepada mereka - bahawa risalah yang terakhir ini dan sistem hidup yang lengkap yang terbit darinya itu adalah sebaik-baik undang-undang Allah yang menjamin kemajuan, kesuburan, pembaharuan dan kebebasan kepada kehidupan manusia. Oleh itu mana-mana orang yang mendakwa sebagai lebih tahu tentang kepentingan-kepentingan manusia dari Allah sendiri atau mendakwa bahawa sistem Rabbani ini tidak lagi layak untuk kehidupan manusia yang sentiasa membaharu dan maju di bumi atau mendakwa mempunyai kuasa mengadakan dan merangkakan satu sistem hidup yang lebih unggul dari sistem hidup yang dikehendaki Allah...... mana-mana orang yang berani membuat salah satu dari dakwaan-dakwaan ini atau kesemuanya, maka bererti ia telah kufur secara terus-terang tanpa ragu-ragu lagi, dan bererti ia mahukan sesuatu yang paling buruk terhadap dirinya sendiri dan terhadap umat manusia seluruhnya, dan seterusnya bererti ia telah memilih sikap perseteruan yang terus-terang terhadap Allah dan terhadap umat manusia sendiri yang telah dirahmati Allah dengan risalah ini, yang telah dikehendaki Allah untuk memberikan kebaikan kepada mereka melalui sistem hidup Rabbani yang terbit dari risalah ini untuk mengurus kehidupan mereka sehingga akhir zaman.

* * * * * *

Perselisihan Antara Pengikut-pengikut Para Rasul

Selepas itu pengikut-pengikut para rasul itu telah bergaduh dan berperang sesama mereka. Kesatuan tabi'at para rasul dan kesatuan risalah yang dibawa mereka tidak dapat menghalang perselisihan faham di antara pengikut-pengikut mereka sehingga mengakibatkan mereka bergaduh dan berperang:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلَ ٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا
جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ وَلَٰكِنِ ٱخْتَلَفُوا۟ فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ
وَمِنْهُم مَّن كَفَرَ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلُوا۟ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ
يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٣﴾

"Dan jika Allah kehendaki tentulah pengikut-pengikut yang datang selepas mereka tidak berbunuh-bunuhan (sesama mereka) setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas, tetapi mereka telah berselisih faham. Di antara mereka ada orang yang beriman dan ada pula di antara mereka orang yang kafir. Dan jika Allah kehendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan, tetapi Allah membuat apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya."(253)

Pergaduhan ini bukanlah berlaku bertentangan dengan iradat Allah, kerana tidak mungkin berlaku di alam ini sesuatu yang bertentangan dengan kehendak masyi'ah Allah S.W.T. Di antara kehendak masyi'ah Allah ialah makhluk insan ini tetap dengan sifatnya yang ada, iaitu tetap dengan struktur kejadiannya yang ada dan tetap dengan kesediaan-kesediaannya untuk menerima hidayat dan kesesatan dan seterusnya tetap terserah kepada dirinya sendiri dalam menentukan pilihan jalan hidupnya sama ada jalan kepada hidayat atau jalan kepada kesesatan. Oleh sebab itulah segala sesuatu yang terjadi dari struktur kejadian ini atau dari sesuatu yang keluar dari struktur ini atau yang terjadi dari arah tujuan struktur ini adalah termasuk dalam lingkungan kehendak masyi'ah Allah belaka dan berlaku mengikut kehendak masyi'ah itu.

Demikianlah (kehendak masyi'ah Allah) kerana kelainan dan perbezaan kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat kebolehan di antara satu individu dengan satu individu manusia yang lain merupakan salah satu dari undang-undang Allah untuk mempelbagaikan ciptaan - di samping persamaan asal dan kejadian - agar kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat kebolehan yang tidak sama dan berbeza-beza itu dapat disesuaikan dengan tugas-tugas khilafah yang beraneka ragam itu, kerana masakan Allah

menjadikan seluruh manusia serupa belaka seperti naskhah-naskhah ulangan yang dicetak di atas kertas karban, sedangkan tugas-tugas yang diperlukan oleh pentadbiran khilafah di bumi untuk memperkembangkan dan memajukan kehidupan berlain-lainan dan beraneka ragam. Setelah kehendak masyi'ah Allah berlaku dalam mempelbagaikan tugas-tugas khilafah itu, maka kehendak masyi'ah Allah juga telah berlaku dalam mempelbagaikan kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat kebolehan itu supaya perbezaan dan kelainan itu menjadi sarana untuk mewujudkan kesepaduan. Setiap insan adalah diwajibkan mencari hidayat, jalan yang betul dan keimanan dan dia mempunyai kesediaan yang tersembunyi di dalam jiwanya untuk membolehkannya bertindak begitu, sementara di hadapannya pula terbentang berbagai-bagai bukti hidayat di dalam kejadian-kejadian alam buana di samping adanya hidayat risalah-risalah dan para rasul di sepanjang zaman. Dan di dalam lingkungan hidayat dan keimanan ini bolehlah kepelbagaian dan keragaman yang baik ini berlangsung, iaitu kepelbagaian yang tidak mengumpulkan semua contoh-contoh manusia dalam satu acuan yang beku.

وَلَٰكِنِ ٱخْتَلَفُوا۟ فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ وَمِنْهُم مَّن كَفَرَ

"Tetapi mereka telah berselisih faham, di antara mereka ada orang yang beriman dan ada pula di antara mereka orang yang kafir."

Apabila perselisihan itu sampai ke tahap ini, iaitu ke tahap perselisihan di antara keimanan dan kekafiran, maka tentulah pergaduhan dan peperangan akan berlaku di antara mereka untuk menolak satu sama lain, iaitu menolak kekafiran dengan keimanan, kesesatan dengan hidayat dan kejahatan dengan kebaikan kerana bumi tidak boleh menjadi baik dengan kekafiran, kesesatan dan kejahatan dan tidak cukup bagi suatu kaum itu berkata: Bahawa mereka adalah pengikut-pengikut Nabi-Nabi tertentu apabila perselisihan di kalangan mereka sampai ke tahap kekafiran dan keimanan. Inilah keadaan yang dihadapi oleh kaum Muslimin di Madinah pada masa turunnya ayat ini. Dahulu kaum Musyrikin di Makkah mendakwa bahawa mereka adalah penganut agama Ibrahim sementara kaum Yahudi di Madinah pula mendakwa bahawa mereka berpegang dengan agama Musa dan kaum Nasara mendakwa berpegang dengan agama 'Isa, sedangkan setiap golongan ini telah menyeleweng begitu jauh dari agama mereka yang asal dan dari risalah nabi-nabi mereka. Mereka telah menyeleweng hingga ke tahap yang boleh disifatkan sebagai kafir. Kaum Muslimin ketika turunnya ayat ini sedang memerangi kaum Musyrikin Arab dan hampir-hampir diarahkan pula supaya memerangi orang-orang kafir dari golongan AhlilKitab. Oleh sebab itulah ayat ini menjelaskan bahawa peperangan yang berlaku di antara golongan yang berselisih faham dalam 'aqidah hingga ke tahap ini adalah dari kehendak masyi'ah Allah dan keizinan-Nya:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلُوا۟

"Dan jika Allah kehendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan,"

Tetapi Allah telah kehendaki untuk menolak kekafiran dengan keimanan dan untuk menegakkan di bumi ini hakikat 'aqidah yang betul dan tunggal yang dibawa oleh sekalian rasul. Dari 'aqidah inilah mereka telah menyeleweng. Allah telah mengetahui bahawa kesesatan itu tidak berdiri pasif dan beku, malah kesesatan selama-lamanya mempunyai tabi'at yang jahat. Ia pasti menceroboh dan mencabul. Dia pasti berusaha menyesatkan orang-orang yang beriman dan ia pasti mahukan jalan yang bengkok dan memerangi jalan yang lurus. Oleh sebab itu ia pasti diperangi supaya segala urusan menjadi baik.

وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٣﴾

"Tetapi Allah membuat apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya."(253)

Kehendak masyi'ah Allah adalah kehendak masyi'ah yang bebas dan bersama masyi'ah yang bebas ini ialah kudrat Allah yang aktif. Allah telah mentakdirkan bahawa manusia itu berbeza-beza dan tidak sama di dalam struktur kejadian mereka. Allah mentakdirkan bahawa urusan menentukan pemilihan jalan hidup mereka adalah terserah kepada keputusan mereka sendiri. Allah telah mentakdirkan bahawa siapa yang tidak mendapat hidayat dari mereka akan sesat. Allah telah mentakdirkan bahawa kejahatan pasti menceroboh dan mahukan jalan yang bengkok. Allah telah mentakdirkan bahawa pertempuran tetap berlaku di antara hidayat dan kesesatan dan Allah telah mentakdirkan bahawa pendokong-pendokong keimanan pastilah berjuang untuk menegakkan hakikat yang tunggal, jelas dan lurus. Yang dikira di sini bukannya hubungan para pengikut dengan para rasul, malah yang dikira di sini ialah hakikat 'aqidah dan hakikat amalan mereka. Mereka tidak dapat dilindungi dari tentangan orang-orang Mu'min terhadap mereka dengan semata-mata kerana mereka mewarisi agama Allah, sedangkan mereka telah menyeleweng darinya.

Hakikat yang dijelaskan Allah kepada kaum Muslimin di Madinah ini adalah satu hakikat yang mutlak yang tidak terikat dengan zaman. Malah itulah cara Al-Qur'an yang menggunakan sesuatu peristiwa yang terikat dengan zaman sebagai suatu kesempatan untuk menegakkan hakikat mutlak yang berterusan (di sepanjang zaman).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 254)

Infaq Untuk Sabilullah

Oleh sebab itulah, selepas pembicaraan mengenai perselisihan dan peperangan itu, ayat yang berikut diiringi dengan seruan,"Wahai orang-orang yang beriman!" Ia mengajak mereka mengeluarkan infaq Fi Sabilillah dari sebahagian rezeki yang telah

dikurniakan Allah kepada mereka. Infaq itu gambaran jihad dan nadi jihad.

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَـٰكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ يَوْمٌ لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَـٰعَةٌ ۗ وَٱلْكَـٰفِرُونَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum tibanya hari yang tiada lagi jual-beli, tiada lagi persahabatan dan tiada pula syafa'at. Dan orang-orang yang kafir itulah orang-orang yang zalim."(254)

Itulah seruan dengan menyebut sifat yang sangat disukai oleh orang-orang yang beriman; iaitu sifat beriman yang menghubungkan mereka dengan Allah yang menyeru mereka dan yang dipercayai oleh mereka:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟

"Wahai orang-orang yang beriman."

Itulah seruan kepada infaq Fi Sabilillah dengan menghulurkan sebahagian dari rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, kerana Allahlah yang memberi dan Dialah juga yang menyeru supaya membelanjakan apa yang telah diberikannya (ke jalan Allah).

أَنفِقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَـٰكُم

"Belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu."

Itulah seruan merebut suatu peluang yang andainya terluput dari mereka ia tidak akan kembali lagi:

مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ يَوْمٌ لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَـٰعَةٌ ۗ

"Sebelum tibanya hari yang tiada lagi jual-beli, tiada lagi persahabatan dan tiada pula syafa'at."

Itulah peluang dan kesempatan yang tiada lagi selepasnya - jika mereka kehilangannya - sebarang jual-beli yang memberi keuntungan dan sebarang persahabatan atau pertolongan yang dapat menghindarkan mereka dari akibat kegagalan dan kecuaian itu.

Ayat yang berikut memberi isyarat kepada maudhu' infaq yang keranannya Allah menyeru mereka supaya membelanjakan harta mereka, iaitu maudhu' infaq kerana jihad fi Sabilillah untuk menolak kekafiran dan menolak kezaliman yang wujud di dalam kekafiran itu.

وَٱلْكَـٰفِرُونَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

"Dan orang-orang yang kafir itulah orang-orang yang zalim."(254)

Orang-orang Kafir Adalah Musuh-musuh Manusia

Mereka telah menzalimi kebenaran kerana itulah mereka mengingkarkannya. Mereka telah menzalimi diri mereka sendiri dengan meletakkan diri mereka di jalan kebinasaan. Mereka telah menzalimi orang ramai dengan perbuatan mereka menghalangkan mereka dari hidayat dan menindaskan mereka supaya meninggal keimanan, melakukan pengeliruan dan pemalsuan terhadap mereka dan menafikan mereka dari kebajikan iman yang tiada tolok bandingnya, iaitu kebajikan mendapat kedamaian, rahmat, ketenteraman, kebaikan dan keyakinan.

Orang-orang yang memerangi hakikat keimanan supaya tidak bertapak kukuh di dalam hati dan orang-orang yang memerangi sistem keimanan supaya tidak bertapak kukuh dalam kehidupan dan orang-orang yang memerangi syari'at keimanan supaya tidak bertapak kukuh dalam masyarakat...... orang-orang ini adalah musuh manusia yang paling ketat dan paling zalim. Oleh itu kewajipan manusia ialah memburu mereka sehingga mereka menjadi lemah dari melakukan kezaliman itu. Mereka seharusnya mengemblengkan segala apa yang dimiliki mereka sama ada jiwa raga dan harta benda untuk memerangi orang-orang yang seperti itu. Inilah kewajipan kaum Muslimin dan kerana kewajipan inilah mereka di arah dan diseru berjuang dengan menyebut sifat iman, iaitu satu seruan yang amat menarik dan amat mendalam ertinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 255)

Sesuai dengan pembicaraan mengenai perselisihan dan pergaduhan yang berlaku selepas para rasul dan mengenai kekafiran selepas datangnya keterangan-keterangan yang jelas dan selepas beriman, maka diiringi pula dengan sebuah ayat yang mengandungi asas-asas kefahaman dan kepercayaan keimanan. Ia menyebut sifat-sifat Allah yang menjelaskan konsep Wahdaniyah di bidang-bidangnya yang amat halus dan dengan ciri-cirinya yang amat jelas. Ayat ini adalah sebuah ayat yang amat besar dan amat mendalam makna dan maksudnya dan amat luas bidang dan ruang lingkupnya:

ٱللَّهُ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

"Allah! Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Hidup, Maha Pentadbir (yang menjadi sumber pergantungan makhluk), tidak pernah mengantuk dan tidak pernah tidur. Dia memiliki segala isi langit dan bumi. Siapakah yang berkuasa memberi syafa'at di sisi-Nya melainkan dengan keizinan-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu dari ilmu-Nya melainkan apa yang dikehendaki oleh-Nya. Luas singgahsana-Nya meliputi langit dan bumi dan ia tidaklah memberatkan-Nya untuk memeliharakan keduanya dan Dia Maha Tinggi lagi Maha Besar."(255)

Asas-asas Kepercayaan Islam Yang Semesta

Setiap sifat dari sifat-sifat ini mengandungi asas dari asas-asas kefahaman dan kepercayaan Islam yang semesta. Walaupun ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah pada umumnya berlegar di sekitar pembinaan kefahaman dan kepercayaan ini, namun di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Madinah juga kita dapat menemui di dalam berbagai-bagai kesempatan pembicaraan mengenai maudhu' yang pokok dan penting ini, iaitu maudhu' yang menjadi asas seluruh sistem hidup Islam dan sistem itu tidak akan tegak di dalam hati kecuali tegaknya asas itu, jelas dan berubah kepada hakikat-hakikat yang diterima oleh hati dengan penuh kejelasan dan keyakinan.

Sebelum ini saya telah memperkatakan sewaktu mentafsirkan Surah al-Fatihah di awal juzu' pertama Fi Zilal cetakan ini tentang betapa pentingnya kejelasan sifat Allah S.W.T. di dalam hati manusia. Ini disebabkan kerana timbunan sampah sarap kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang menyelubungi hati manusia adalah sebahagian besarnya berpunca dari kekaburan hakikat ini, juga berpunca kerana hakikat ini telah dikuasai oleh kepercayaan-kepercayaan khurafat dan dongeng-dongeng dan seterusnya berpunca dari kekeliruan yang menyelubungi hakikat ini walaupun dalam kajian ahli falsafah yang paling besar sehingga lahir agama Islam lalu ia menjelaskan hakikat ini dengan sejelas-jelasnya dan menyelamatkan hati nurani manusia dari timbunan sampah sarap yang berat itu dan dari kesesatan dan meraba-raba di dalam gelap-gelita.

Setiap sifat dari sifat-sifat yang terkandung di dalam ayat ini melambangkan asas kepercayaan Islam yang jelas dan asas sistem hidup Islam yang terang.

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

"Allah! Tiada Tuhan melainkan Dia."

Konsep Wahdaniyah

Inilah konsep Wahdaniyah yang tegas, yang tidak memberi ruang kepada sebarang penyelewengan dan kekeliruan sebagaimana yang berlaku kepada agama-agama yang terdahulu selepas kedatangan rasul-rasul seperti kepercayaan triniti atau menigakan Tuhan yang direkakan oleh dewan-dewan gereja selepas 'Isa a.s. Ia juga tidak memberi ruang kepada sebarang kekeliruan sebagaimana yang berlaku kepada kepercayaan-kepercayaan wathaniyah yang cenderung kepada konsep Tauhid yang disalutkan dengan dongeng-dongeng seperti kepercayaan orang-orang Mesir purba - di suatu masa - terhadap Wahdaniyah Allah kemudian mereka salutkan Wahdaniyah itu dengan kepercayaan bahawa Tuhan menjelma pada matahari dan kepercayaan adanya tuhan-tuhan kecil yang tunduk kepadanya.

Konsep Wahdaniyah yang tegas dan jelas inilah yang menjadi asas kefahaman dan kepercayaan Islam dan dari asas kepercayaan inilah lahirnya seluruh sistem hidup Islam. Oleh itu dari kefahaman dan kepercayaan inilah lahirnya konsep bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dengan 'Ubudiyah dan amal ibadat, dengan erti seseorang itu tidak memperhambakan dirinya melainkan hanya kepada Allah dan tidak melakukan amal ibadat melainkan kerana Allah dan tidak mengikatkan dirinya dengan sesuatu keta'atan yang lain melainkan keta'atan kepada Allah dan kepada perintah-perintah-Nya. Dan dari kefahaman ini lahirnya dasar bahawa hak hakimiyah atau hak memerintah itu hanya milik Allah sahaja. Oleh itu hanya Allah sahaja yang berhak mengaturkan undang-undang bagi manusia dan perundangan manusia pastilah mengambil dari syari'at Allah. Dan dari kefahaman ini lahirlah dasar mengambil seluruh nilai dari Allah S.W.T. sahaja. Mana-mana nilai dari seluruh nilai-nilai hidup adalah tidak dimasuk kira jika ia tidak diterima di dalam neraca pertimbangan Allah. Mana-mana undang-undang atau adat tradisi atau peraturan yang bertentangan dengan agama Allah adalah tidak mempunyai sebarang hak undang-undang (legaliti) dan sebagainya dari perasaan-perasaan di dalam hati atau peraturan-peraturan di dalam kehidupan dunia yang terkeluar dari konsep Wahdaniyah.

ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ

"Yang Maha Hidup, Maha Pentadbir, (yang menjadi sumber pergantungan makhluk)."

Sifat Hayat Allah Yang Maha Esa

Sifat Hayat yang menjadi sifat Allah Yang Maha Esa itu ialah Hayat Zati, iaitu Hayat yang bukan datang dari satu sumber yang lain seperti hayat yang dikurniakan Allah kepada makhluk-makhluk. Oleh sebab itu hanya Allah S.W.T. sahaja yang mempunyai sifat Hayat dalam ertikata yang seperti ini. Itulah Hayat yang azali dan abadi yang tidak bermula dari satu titik mula dan tidak berakhir kepada satu titik penghabisan. Itulah Hayat yang bersih dari konsep masa yang menyertai hayat para makhluk yang mendapat hayatnya dari Allah, iaitu hayat yang dibatas dengan titik permulaan dan titik penghabisan. Oleh sebab itu hanya Allah S.W.T. sahaja yang mempunyai sifat Hayat dalam ertikata yang seperti ini. Seterusnya itulah Hayat yang bebas dari ciri-ciri hayat biasa yang dikenali manusia kerana tiada suatu pun yang serupa dan setanding dengan Allah S.W.T. Oleh sebab itulah terhapusnya dari Allah segala keserupaan sifat-sifat yang menjadi ciri hayat makhluk dan

thabitlah bagi Allah sifat Hayat yang bebas dari segala ciri yang membataskan konsep hayat dalam pengertian manusia. Dan dengan ini tertolaklah segala kefahaman dongeng yang berlegar di dalam khayal manusia.

Pengertian Sifat Qayum

Yang dimaksudkan dengan sifat "القيوم" ialah Allah S.W.T. ini mentadbir, mengurus dan mengendalikan segala makhluk yang wujud di samping bermaksud bahawa segala makhluk yang maujud adalah bergantung kepada kewujudan Allah dan pentadbiran-Nya bukan seperti yang difahamkan oleh Aristotle, failasuf Greek yang teragung bahawa Allah tidak memikirkan suatu apa tentang para makhluk-Nya kerana Allah terlalu tinggi untuk memikirkan sesuatu yang lain dari zat-Nya. Dan kefahaman ini pada hemat failasuf itu adalah membersihkan dan memuliakan Allah, kerana kefahaman ini memutuskan hubungan di antara Allah dengan makhluk yang diciptakan-Nya dan membiarkannya begitu sahaja. Oleh itu kefahaman Islam adalah satu kefahaman yang positif bukannya negatif. Ia dilandaskan di atas asas bahawa Allah itu mentadbir, mengurus dan mengendalikan segala sesuatu dan kewujudan segala sesuatu itu bergantung kepada iradat dan tadbir Allah. Oleh sebab itulah hati seseorang Muslim, hidupnya, kewujudannya dan kewujudan segala sesuatu di sekelilingnya adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah yang mentadbir dan mengendalikan urusannya dan urusan segala sesuatu di sekelilingnya mengikut hikmat dan pentadbiran-Nya. Oleh itu manusia seharusnya mengikatkan hidupnya dengan sistem yang telah diaturkan oleh Allah mengikut hikmat dan pentadbiran-Nya dan mengambil dari Allah segala nilai dan neraca pertimbangannya serta bermuraqabah dengan Allah ketika menggunakan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan itu.

لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ

"Tidak pernah mengantuk dan tidak pernah tidur."

Maksud Tidak Mengantuk Dan Tidak Tidur

Ini ialah kata penegasan untuk menguatkan lagi kenyataan bahawa Allah itu sentiasa mentadbir dan menguruskan segala sesuatu dan segala sesuatu itu sentiasa bergantung kepada-Nya. Tetapi penegasan ini dibuat dalam bentuk pengungkapan yang mendekatkan kepada tanggapan manusia akan gambaran pentadbiran dan pergantungan yang berterusan itu dan sekaligus itu juga menggambarkan hakikat kelainan Allah S.W.T. dari segala sesuatu, kerana tiada sesuatu pun yang serupa dan setanding dengan Allah. Ayat ini mengandungi penafian dari tidur yang ringan dan tidur yang nyenyak dan kesucian Allah S.W.T. dari kedua-duanya.

Hakikat pentadbiran dan pengurusan Allah terhadap alam al-wujud yang meliputi segala kulli dan juz'inya di setiap masa dan keadaan itu merupakan satu hakikat yang amat besar apabila seseorang itu cuba memahaminya atau cuba merenungi dengan daya khayalnya yang terbatas bersama atom-atom, sel-sel, makhluk-makhluk hidup, benda-benda dan peristiwa-peristiwa yang tidak terhingga banyaknya di alam buana yang besar ini, dan apabila seseorang itu cuba - sekadar kemampuannya - memahami pentadbiran Allah terhadap kejadian-kejadian itu dan terhadap pergantungan kejadian-kejadian itu kepada Allah dan pentadbiran-Nya. Ini adalah suatu perkara yang tidak dapat difahami oleh daya pemikiran manusia. Dan sekelumit pengetahuan yang telah dapat difahami oleh manusia mengenai perkara ini merupakan suatu pengetahuan yang amat besar. Ia memeningkan kepala dan mengkagumkan akal dan meyakinkan hati.

Allah Pemilik Alam Buana Yang Mutlak

لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ

"Dia memiliki segala isi langit dan bumi."

Itulah pemilikan yang meliputi segalanya di samping merupakan pemilikan mutlak, iaitu pemilikan yang tidak dibatas dengan sebarang ikatan, sebarang syarat, sebarang jarak dan sebarang perkongsian. Pemilikan yang mutlak ini merupakan satu konsep dari konsep-konsep ketuhanan Yang Maha Esa, iaitu Allah Yang Maha Esa itulah Tuhan yang hidup yang tunggal, Pentadbir yang tunggal dan Pemilik yang tunggal. Pemilikan yang mutlak ini menafikan segala bentuk perkongsian yang terlintas di dalam pemikiran dan kefahaman manusia dan di samping itu ia mempunyai kesan dalam mewujudkan konsep pemilikan dan hakikatnya dalam dunia manusia. Apabila jelaslah pemilikan yang hakiki itu hanya dipunyai oleh Allah sahaja, maka bererti manusia dari awal-awal lagi tidak memiliki sesuatu apa, malah mereka hanya diberi perwakilan selaku penjaga sahaja oleh Allah selaku Pemilik asal yang memiliki segala sesuatu. Oleh sebab itu dalam menjalankan tugas perwakilan itu mereka wajib tunduk dan patuh kepada syarat-syarat Allah selaku Pemilik dan Pewakil hak milik ini. Syarat-syarat Allah Pemilik yang memberi perwakilan itu telah diterangkan kepada mereka di dalam syari'at-Nya iaitu mereka tidak berhak keluar dari syari'at itu. Jika tidak, nescaya batallah hak pemilik mereka yang terbit dari perjanjian perwakilan itu dan segala pengurusan mereka juga tidak sah dan wajiblah ditolak pengurusan-pengurusan seperti ini oleh orang-orang yang beriman kepada Allah di bumi ini. Demikianlah kita dapat melihat kesan kefahaman dan kepercayaan Islam di dalam perundangan Islam dan di dalam realiti kehidupan mereka yang ditegakkan di atas kepercayaan itu. Apabila Allah berfirman di dalam Al-Qur'an:

لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ

"Dia memiliki segala isi langit dan bumi"

maka Allah bukan bermaksud semata-mata hendak menjelaskan suatu hakikat kepercayaan, malah Allah bermaksud meletakkan satu asas dari asas-asas perlembagaan hidup manusia, juga menentukan jenis pertalian-pertalian di dalam kehidupan itu.

Tetapi dengan semata-mata adanya hakikat ini tertanam di dalam hati, dengan semata-mata adanya kesedaran seseorang terhadap Allah selaku Pemilik yang hakiki terhadap segala isi langit dan bumi, dengan semata-mata adanya kefahaman seseorang bahawa dia sebenarnya tidak memiliki suatu apa yang dikatakan orang sebagai miliknya itu dan memulangkan semua hak milik ini kepada Allah yang memiliki segala isi langit dan bumi, dengan semata-mata adanya perasaan pada seseorang bahawa segala apa yang ada di dalam tangannya hanya pinjaman-pinjaman dari Allah untuk satu jangka waktu yang tertentu sahaja, kemudian pinjaman-pinjaman ini akan diambil balik oleh tuan punyanya yang telah memberi pinjam kepadanya untuk satu masa yang tertentu..... dengan semata-mata adanya hakikat-hakikat dan kesedaran-kesedaran ini sudah cukup untuk merendahkan tekanan perasaan tamak haloba, tekanan perasaan bakhil dan kikir dan tekanan pertarungan dan perlumbaan gila-gilaan (untuk merebut kekayaan), juga sudah cukup untuk mencurahkan rasa berpada dan redha dengan kadar rezeki yang telah dicapai; untuk mencurahkan perasaan toleransi dan murah hati dengan apa yang ada dan mencurahkan rasa ketenteraman dan ketenangan sama ada di waktu mendapat rezeki dan di waktu tidak mendapat rezeki, di mana jiwa tidak merasa hampa dan kecewa terhadap sesuatu yang terluput dan hilang dan tidak merasa begitu kempunan terhadap sesuatu yang jauh.

Anugerah Syafa'at Hak Mutlak Allah

مَن ذَا ٱلَّذِى يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

"Siapakah yang berkuasa memberi syafa'at di sisi-Nya melainkan dengan keizinan-Nya?"

Ini satu lagi sifat dari sifat-sifat Allah yang menjelaskan maqam Uluhiyah dan maqam 'Ubudiyah. Sekalian hamba berdiri di hadapan Allah dengan pendirian 'Ubudiyah tanpa melewati batasnya, Mereka berdiri di maqam seorang hamba yang khusyu' dan rendah diri dan tidak menampilkan dirinya di hadapan Tuhannya dan tidak berani memberi syafa'at di sisi-Nya kecuali sesudah diberi keizinan. Ia akan mematuhi keizinan itu. Dan memberi syafa'at mengikut batas-batas keizinan itu. Mereka mempunyai kelebihan-kelebihan yang berbeza di antara sesama mereka dan mempunyai kelebihan yang berbeza di dalam neraca pertimbangan Allah, tetapi mereka tetap berdiri di garisan batas yang tidak boleh dilampaui oleh seorang hamba.

Ayat ini menyarankan kebesaran dan kehebatan di bawah naungan Uluhiyah Yang Maha Agung dan saranan itu bertambah mendalam lagi apabila ia diungkapkan dengan bentuk pertanyaan yang bertujuan mengecam. Ungkapan ini menyarankan bahawa perkara itu tidak mungkin berlaku dan tidak sepatutnya berlaku. Oleh itu siapakah yang berkuasa memberi syafa'at di sisi-Nya kecuali dengan kebenaran-Nya?

Di bawah bayangan hakikat ini jelas kelihatan segala kepercayaan-kepercayaan yang sesat dan menyeleweng bagi golongan orang-orang yang datang selepas rasul-rasul itu.

Mereka telah mencampuradukkan di antara hakikat Uluhiyah dengan hakikat 'Ubudiyah. Mereka mendakwa Allah S.W.T. mempunyai sekutu yang bersekutu dengannya melalui hubungan selaku anak atau sebagainya dari berbagai bentuk dan gambaran perkongsian, atau mendakwa Allah S.W.T. mempunyai tandingan-tandingan yang berkuasa memberi syafa'at di sisi-Nya dan dengan secara pasti akan memberi syafa'at kepada mereka, atau mendakwa bahawa Allah S.W.T. mempunyai khalifah-khalifah dari manusia yang mengambil kuasa mereka dari hubungan kerabat mereka dengan Allah .... di bawah bayangan hakikat ini kelihatanlah bahawa semua kepercayaan itu adalah kepercayaan-kepercayaan yang keji dan mustahil yang tidak terlintas di dalam akal fikiran dan khayal (yang sihat).

Inilah kejelasan yang menjadi ciri istimewa kepercayaan Islam. Kejelasan ini tidak meninggalkan ruang kepada sebarang kekeliruan dan anggapan yang karut atau sebarang getaran kepada pandangan dan penglihatan. Uluhiyah tetap Uluhiyah dan 'Ubudiyah tetap 'Ubudiyah dan di sana tidak ada sebarang titik pertemuan di antara keduanya. Tuhan tetap Tuhan dan hamba tetap hamba dan di sana tidak ada ruang untuk perkongsian dan titik pertemuan di antara tabi'at keduanya.

Adapun hubungan hamba dengan Tuhan dan rahmat Tuhan terhadap hamba, juga hubungan yang dekat dan mesra dan hubungan memberi pertolongan, maka Islam mengakui hubungan itu. Ia mencurahkan hubungan itu sepenuhnya ke dalam jiwa dan hati orang yang beriman. Ia meninggalkan setiap Mu'min hidup di bawah naungan hubungan yang lembut dan manis itu tanpa memerlukan kepada mencampuradukkan tabi'at Uluhiyah dengan tabi'at 'Ubudiyah dan tanpa memerlukan kepada pengeliruan kepercayaan-kepercayaan yang karut, pengabuan mata dan keadaan keketaran yang tidak dapat menunjukkan satu gambaran yang terang dan jelas.

Ilmu Allah Yang Syumul

يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ

"Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu dari ilmu-Nya melainkan apa yang dikehendaki oleh-Nya."

Hakikat ini dengan kedua-dua bahagiannya turut memberi sumbangan dalam memperkenalkan kepada orang Islam sifat Tuhannya dan dalam menentukan kedudukannya dengan Tuhannya. Allah mengetahui apa yang ada di hadapan manusia dan apa yang ada di belakang mereka. Ungkapan ini menggambarkan ilmu Allah yang sempurna dan meliputi segala apa yang ada di sekeliling mereka. Ia meliputi hal-hal yang ada di hadapan mereka dan meliputi hal-hal mereka yang ghaib yang telah berlalu dan yang akan berlaku yang masih terlindung dari mereka. Begitu juga ia meliputi segala perkara yang diketahui dan tidak diketahui mereka pada setiap waktu. Pada umumnya ungkapan ini merupakan satu ungkapan bahasa yang menggambarkan ilmu yang merangkumi segala-galanya. Adapun manusia, maka mereka tidak mengetahui sesuatu apa kecuali sesuatu yang diizinkan Allah.

Bahagian pertama hakikat ini ialah ilmu Allah yang mengetahui apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka. Bahagian ini boleh menimbulkan perasaan gementar di dalam hati seseorang. Di sini seseorang itu berdiri dengan keadaan terdedah pada setiap detik di hadapan Allah yang menciptakannya dan mengetahui segala sesuatu yang ada di hadapan dan di belakangnya, yang mengetahui segala sesuatu yang disembunyikan dan dinyatakannya, yang mengetahui segala sesuatu yang diketahui dan tidak diketahui olehnya dan yang mengetahui segala sesuatu yang telah berlalu dan yang akan datang yang tidak diketahui olehnya. Wujudnya kesedaran yang seperti ini pada hati seseorang sudah cukup untuk menimbulkan perasaan gementar yang dirasai oleh seseorang yang berdiri dengan keadaan terdedah dengan segala rahsia hatinya di hadapan Allah dan sudah cukup untuk mencurahkan ke dalam hatinya perasaan berserah kepada Allah yang mengetahui segala sesuatu zahir dan batin.

Bahagian yang kedua hakikat ini ialah manusia tidak mengetahui melainkan sesuatu yang dikehendaki Allah sahaja. Bahagian ini sepatutnya difikirkan oleh manusia dengan panjang lebar terutama di zaman ini, di mana mereka terpesona dengan kemajuan sains dalam mana-mana aspek alam dan kehidupan.

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ

"Sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu dari ilmu-Nya melainkan apa yang dikehendaki oleh-Nya."

Maksudnya hanya Allah S.W.T. sahaja yang mengetahui segala sesuatu secara mutlak dan sempurna dan Dialah yang memberi keizinan lalu membuka sesuatu dari ilmu-Nya kepada manusia sekadar yang tertentu untuk memenuhi janji-Nya yang benar:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu benar."

(Surah Fusilat : 53)

Tetapi manusia lupa kepada hakikat ini. Mereka terpesona dengan ilmu yang diizinkan Allah kepada mereka mengetahuinya sama ada ilmu yang diizinkan itu berupa ilmu mengenai sesuatu dari undang-undang alam atau berupa kebolehan melihat sesuatu yang ghaib dalam detik sepintas lalu dan ke batas yang tertentu. Mereka terpesona dengan ilmu-ilmu itu hingga mereka lupakan keizinan Allah yang telah mengurniakan ilmu-ilmu itu kepada mereka. Mereka tidak ingat lagi dan tidak bersyukur, malah mereka berlagak angkuh dan kadang-kadang mereka kufur.

Penganugerahan Ilmu Kepada Manusia

Allah S.W.T. telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada manusia sejak tugas khilafah diserahkan kepadanya. Allah telah berjanji dengannya bahawa Dia akan memperlihatkan kepadanya bukti-bukti kekuasaan-Nya yang terdapat di merata pelosok alam dan di dalam diri mereka sendiri dan janji-Nya memang benar. Allah telah menepati janji-Nya dengan membukakan kepadanya - sehari demi sehari, satu generasi demi satu generasi dalam satu garis yang hampir-hampir meninggi selama-lamanya - setengah kuasa dan tenaga alam dan setengah rahsia undang-undang alam buana yang diperlu olehnya untuk menjalankan tugas khilafah di bumi ini supaya dengannya ia dapat sampai ke puncak kesempurnaan yang telah ditentukan kepadanya di dalam perjalanan yang diaturkan ini.

Bagaimana Allah mengizinkan kepada manusia mengetahui dan menemui sebahagian dari rahsia-rahsia itu, maka begitulah juga Allah telah menjauh dan mengasingkan darinya rahsia-rahsia yang lain yang tidak diperlukannya dalam melaksanakan tugas khilafah. Ia dijauhkan dari rahsia hayat dan rahsia ini masih tetap tersembunyi dan amat sukar untuk diterokai dan segala usaha untuk mengkajinya masih meraba-raba di padang gurun tanpa sebarang pemandu. Ia juga dijauhkan dari rahsia detik-detik masa yang akan datang, kerana detik-detik masa yang akan datang itu merupakan masa-masa ghaib yang tidak dapat diketahui. Ia dilindungi oleh tabir yang tebal yang tidak dapat diangkatkan oleh manusia. Kadang-kadang dari sebalik tabir itu terpancar sekilat cahaya kepada sebuah hati yang ikhlas dengan kebenaran istimewa dari Allah, dan selepas itu tabir dilabuhkan kembali dan alam buana kembali sepi dan manusia terhenti digaris perbatasannya tanpa berkuasa melampauinya.

Berbagai-bagai rahsia telah dijauhkan dari manusia, iaitu rahsia-rahsia yang tidak ada hubungan dengan tugas khilafah di bumi, sedangkan bumi pula ialah

sebiji zarrah yang kecil yang terapung-apung di angkasaraya seperti biji-biji debu.

Manusia Di Zaman Moden Terpesona Dengan Ilmunya

Namun begitu, manusia terpesona dengan sekelumit ilmu yang didapati olehnya setelah diizinkan Allah. Ia begitu terpesona hingga menganggapkan dirinya sebagai Tuhan di bumi ini. Ia tidak lagi percaya bahawa alam buana ini mempunyai Tuhan walaupun abad dua puluh ini mulai membawa balik ahli-ahli sains kepada sikap merendah diri. Mereka mulai mengetahui bahawa mereka belum dikurnia ilmu pengetahuan kecuali sedikit sahaja. Hanya orang-orang jahil yang terperasan alim dan pandai sahaja menganggapkan diri mereka sebagai orang-orang yang banyak mempunyai ilmu pengetahuan.

Singgahsana Pemerintahan Ilahi Digambarkan Dalam Bentuk Fizikal

وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا

"Luas singgahsana-Nya meliputi langit dan bumi dan tidaklah memberatkan-Nya untuk memelihara keduanya"

Pengungkapan dengan bentuk gambaran fizikal ini telah digunakan untuk menggambarkan satu konsep majarrad (abstrak) yang mutlak mengikut cara Al-Qur'an dalam pengungkapan secara gambaran, kerana gambaran seperti ini dapat memberi pengertian yang kuat, mendalam dan kukuh bagi hakikat yang hendak diterangkan kepada hati manusia. Kata singgahsana biasanya digunakan dengan makna kuasa pemerintahan. Apabila luas singgahsana-Nya meliputi langit dan bumi, maka ini bererti bahawa luas kuasa pemerintahan-Nya merangkumi langit dan bumi. Inilah hakikat dari segi tanggapan mental, tetapi gambaran pengertian yang terlukis di dalam hati dari pengungkapan dengan gambaran fizikal itu lebih kukuh dan teguh lagi. Begitu juga pengungkapan dengan kata-kata berikut:

وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا

"Dan tidaklah memberatkan-Nya untuk memelihara keduanya"

ia menggambarkan kudrat kuasa yang sempurna dalam bentuk gambaran fizikal, iaitu gambaran tidak wujudnya sebarang kepenatan dan keletihan, kerana pengungkapan Al-Qur'an bertujuan melukiskan gambaran-gambaran bagi konsep-konsep yang dinyatakan secara fizikal kepada hati manusia agar lebih berkesan, lebih mendalam dan lebih jelas dirasai.

Kita tidak perlu membincangkan perdebatan yang timbul di sekitar pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an yang seperti ini apabila kita telah memahami cara pengungkapan Al-Qur'an dan kita tidak perlu meminjam dari falsafah-falsafah asing yang telah merosakkan banyak kefahaman kita dari gambaran Al-Qur'an yang mudah dan jelas.[1]

Eloklah saya tambahkan di sini bahawa saya tidak pernah menemui hadith-hadith yang sahih mengenai persoalan kursi dan 'arasy yang dapat menjelas dan menentukan maksudnya yang dikehendaki di dalam Al-Qur'an. Oleh sebab itu saya lebih suka memilih tidak mahu membincangkan persoalan itu lebih banyak dari huraian ini.

Sifat Maha Tinggi Dan Maha Besar Hanya Tertentu Kepada Allah Sahaja

وَهُوَ ٱلْعَلِيُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

"Dan Dia Maha Tinggi lagi Maha Besar."(255)

Inilah sifat-sifat yang penamat di dalam ayat ini. Ia menjelas dan menyarankan hakikat ini kepada hati manusia, iaitu hakikat keesaan Allah S.W.T. dengan sifat Maha Tinggi dan dengan sifat Maha Besar. Pengungkapan dengan kata-kata "**العلي العظيم**" mengandungi erti bahawa ketinggian dan kebesaran hanya tertentu bagi Allah sahaja. Al-Qur'an tidak berkata: "**وهو علي عظيم**" untuk semata-mata menthabitkan sifat ketinggian dan kebesaran, malah ia berkata: "**العلي العظيم**" untuk menentukan sifat itu kepada Allah S.W.T. sahaja tanpa sebarang sekutu.

Allahlah yang satu-satunya bersifat Maha Tinggi dan Maha Besar dan tiada seorang hamba yang berlagak tinggi dan besar hingga ke maqam ini melainkan akan dikembalikan Allah kepada kerendahan dan kehinaan dan akan dihumbankan ke dalam 'azab dan kehinaan di Akhirat. Allah berfirman:

تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا

"Itulah negeri Akhirat yang kami peruntukkan kepada orang-orang yang tidak mahu menunjukkan kesombongan di bumi dan tidak melakukan kerosakan."

(Surah al-Qasas : 83)

Dan firman-Nya lagi mengenai Fir'aun yang sedang menghadapi kebinasaan:

إِنَّهُۥ كَانَ عَالِيًا مِّنَ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya dia (Fir'aun) seorang yang takbur dari golongan pelampau-pelampau (31)."

(Surah ad-Dukhan : 31)

Seseorang itu boleh menjadi tinggi seberapa tinggi yang ia dapat dan boleh menjadi besar seberapa besar yang ia dapat, tetapi ia tidak boleh melampaui maqam 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati seseorang, maka ia akan membawa

---

[1] *Lihat huraian panjang lebar dalam bab "التصوير الفنى" dan bab "طريقة القرآن" dalam buku "التصوير الفنى في القرآن".*

manusia kembali kepada maqam 'Ubudiyah dan akan merendahkan rasa kesombongan dan keangkuhannya. Ia akan membawanya kepada perasaan takut kepada Allah dan kepada kesedaran terhadap kebesaran dan keagunganNya, dan ia akan membawanya kepada adab sopan menjunjung hak Allah dan merasa segan dan malu berlagak angkuh terhadap para hamba Allah. Ia merupakan 'aqidah dan kefahaman di samping merupakan amalan dan perilaku.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 256 - 257)

Setelah rangkaian ayat ini selesai menjelaskan asas-asas kepercayaan dan kefahaman imaniyah dalam sudut-sudutnya yang paling halus dan menerangkan sifat-sifat Allah dan hubungan manusia dengan-Nya dengan penerangan yang seterang ini, maka ia beralih pula kepada satu penerangan untuk menjelaskan jalan perjuangan para Mu'minin, yang mendokong kepercayaan ini dan menyebarkan da'wah ini dan melaksanakan tugas memimpin manusia yang sesat dan kehilangan pedoman:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشۡدُ مِنَ ٱلۡغَيِّۚ فَمَن
يَكۡفُرۡ بِٱلطَّٰغُوتِ وَيُؤۡمِنۢ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱسۡتَمۡسَكَ
بِٱلۡعُرۡوَةِ ٱلۡوُثۡقَىٰ لَا ٱنفِصَامَ لَهَاۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ٢٥٦

ٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ
إِلَى ٱلنُّورِۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَوۡلِيَآؤُهُمُ ٱلطَّٰغُوتُ
يُخۡرِجُونَهُم مِّنَ ٱلنُّورِ إِلَى ٱلظُّلُمَٰتِۗ أُوْلَٰٓئِكَ
أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٢٥٧

"Tiada sebarang paksaan di dalam agama. Jalan yang benar telah ternyata dari jalan yang sesat. Oleh itu sesiapa yang kafir terhadap Taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang dengan ikatan tali yang kukuh yang tidak akan putus lagi dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (256). Allah itulah pelindung orang-orang yang beriman yang mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur, sedangkan orang-orang yang kafir, pelindung mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari nur kepada kegelapan-kegelapan. Merekalah penghuni-penghuni Neraka. Mereka kekal di dalamnya."(257)

Konsep Tiada Paksaan Dalam Agama

Persoalan 'aqidah yang dibawa oleh agama Islam ialah persoalan keyakinan setelah mendapat penerangan dan pemahaman dan bukannya persoalan memaksa dan menekan dengan kekerasan. Agama ini datang untuk berbicara dengan segala daya pemikiran manusia, iaitu berbicara dengan akalnya yang berfikir dan dengan pemikirannya yang spontan, berbicara dengan perasaannya yang terharu dan dengan fitrahnya yang tenang. Ia berbicara dengan seluruh entiti manusia dan dengan seluruh daya pemikiran dari segala sudutnya tanpa menggunakan sebarang paksaan dan tekanan sekalipun tekanan dengan mu'jizat fizikal yang kadang-kadang pemandangannya boleh mendorong kepada keimanan tanpa difikirkan oleh hatinya dan difahami oleh akalnya kerana mu'jizat itu di luar hati dan akalnya.

Dan andainya agama ini tidak menghadapi hati manusia dengan mu'jizat fizikal yang kuat, maka lebih-lebih lagi ia tidak menghadapi hati manusia dengan menggunakan kekuatan dan paksaan agar agama ini dianuti di bawah ugutan dan ancaman atau dengan menggunakan tekanan dan paksaan tanpa penjelasan dan huraian yang menyakinkan dan tanpa berpuas hati dengan hujjah-hujjah dan alasan-alasan.

Dahulu agama Kristian - selaku agama terakhir sebelum Islam - telah memaksa manusia dengan api, besi dan alat-alat penyeksaan yang digunakan oleh kerajaan Roman sebaik sahaja Seri Maharaja Constantine memeluk agama Kristian. Ia digunakan dengan keganasan dan kekejaman yang sama dengan keganasan yang dilakukan oleh kerajaan Roman sebelum ini terhadap segolongan kecil rakyatnya yang telah memeluk agama Kristian kerana yakin dan cintakan agama ini. Alat-alat penyeksaan dan penindasan itu bukan sahaja dilakukan terhadap orang-orang yang belum lagi memeluk agama Kristian, malah digunakan untuk menindas orang-orang Kristian itu sendiri yang tidak berpegang dengan mazhab yang dianuti oleh negara dan menyalahi setengah-setengah kepercayaannya mengenai sifat al-Masih.

Apabila Islam datang selepas itu, maka dasar pertama yang diumumkan ialah dasar kebebasan yang agung:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشۡدُ مِنَ ٱلۡغَيِّۚ

"Tiada sebarang paksaan di dalam agama. Jalan yang benar telah ternyata dari jalan yang sesat."

Dalam dasar ini ternyata bagaimana Allah memuliakan manusia dan menghormati kemahuannya, fikirannya dan perasaannya. Allah menyerahkan kepada mereka kebebasan membuat keputusan terhadap perkara 'aqidah yang menentukan hidayat dan kesesatan dan menyerahkan kepadanya tanggungjawab amalan-amalannya dan hisab dirinya. Inilah ciri kebebasan manusia yang paling utama, iaitu kebebasan yang sedang ditindas di abad dua puluh ini oleh berbagai-bagai aliran pemikiran atau isme-isme yang sewenang-wenang dan sistem-sistem hidup yang menghinakan manusia.

Itulah isme-isme dan sistem hidup yang tidak membenarkan makhluk insan yang dimuliakan Allah dengan agamanya berpegang dengan sesuatu kefahaman dan sesuatu sistem hidup selain dari apa yang direncanakan oleh negara melalui berbagai-bagai alat bimbingannya dan selepas itu direncanakan pula melalui undang-undang dan peraturan-peraturannya. (Ia tidak mempunyai pilihan yang lain) sama ada ia menganut mazhab negara yang mengharamkannya dari beriman kepada Allah yang mentadbirkan alam ini atau mendedahkan dirinya kepada hukum maut dengan berbagai-bagai cara dan punca.

Kebebasan i'tiqad merupakan hak pertama manusia yang memberikan kepadanya sifat insan. Seseorang yang dirampaskan kebebasan i'tiqadnya bererti telah dirampaskan insaniyahnya dari awal lagi. Di samping kebebasan i'tiqad ialah kebebasan berda'wah atau memperjuangkan 'aqidah dan keamanan dari gangguan dan penindasan. Jika tidak, maka ia hanya kebebasan pada namanya sahaja tetapi tidak ada apa-apa ertinya di dalam realiti kehidupan.

Islam - selaku pandangan dan kefahaman yang paling tinggi terhadap alam buana dan kehidupan dan selaku sistem hidup yang paling lurus bagi masyarakat manusia tanpa sebarang keraguan - telah mengumumkan dasar tiada paksaan di dalam agama. Ia telah menjelaskan kepada para penganutnya sebelum orang-orang yang lain bahawa mereka adalah dilarang memaksa orang lain memeluk agama ini. Bagaimana Islam hendak dibandingkan dengan aliran-aliran pemikiran dan sistem-sistem ciptaan manusia yang lemah dan sewenang-wenang yang telah memaksa manusia dengan menggunakan kuasa kerajaan dan tidak membenarkan penentang-penentangnya hidup?

Ungkapan penafian di sini di buat dalam bentuk penafian yang mutlak "tiada sebarang paksaan" iaitu penafian jenis mengikut ahli nahu yang bermaksud menolak segala jenis paksaan dari awal-awal lagi. Penafian itu menjauhkannya dari alam al-wujud dan realiti bukannya semata-mata menahan melakukan paksaan dan larangan dalam bentuk penafian jenis lebih mendalam kesannya dan lebih kuat maknanya.

Ayat berikut tidak lebih dari menyentuh hati nurani manusia dengan sentuhan yang menyedarkannya, sentuhan yang menimbulkan kerinduan kepada hidayat dan membimbing ke jalan yang betul, sentuhan yang menjelaskan hakikat iman yang diumumkannya sebagai amat jelas dan terang dalam firman-Nya:

قد تبين الرشد من الغي

"Jalan yang benar telah ternyata dari jalan yang sesat."

Itulah Jalan Yang Benar

Yakni keimanan itulah jalan yang betul yang seharusnya dicari oleh manusia dengan bersungguh-sungguh, dan kekafiran itulah jalan yang sesat yang seharusnya dijauhi manusia dan dihindari dari dicapkan dengannya.

Demikianlah hakikat yang benar. Apabila seseorang itu memikirkan ni'mat keimanan yang memberi kepercayaan dan kefahaman jelas kepada akal manusia dan memberi ketenangan dan kedamaian kepada hatinya dan melahirkan di dalam jiwanya minat dan cita-cita yang luhur dan perasaan-perasaan yang bersih dan seterusnya melahirkan di dalam masyarakat manusia sistem hidup yang sihat, lurus dan mendorong ke arah kehidupan yang subur dan maju...... Apabila ia memikirkan ni'mat keimanan itu dengan cara ini tentulah dia akan menemui jalan yang benar, iaitu jalan yang tiada siapa menolaknya melainkan si tolol yang meninggalkan jalan yang benar kerana memilih jalan yang sesat dan meninggalkan hidayat kerana memilih kesesatan dan mengutamakan jalan hidup yang meraba-raba tidak tenang, rendah dan kerdil dari jalan hidup yang mantap tenteram, tinggi dan unggul.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan lebih terang lagi hakikat keimanan itu:

فمن يكفر بالطاغوت ويؤمن بالله فقد استمسك بالعروة الوثقى لا انفصام لها

"Oleh itu sesiapa yang kafir terhadap Taghut, dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang dengan ikatan tali yang kukuh yang tidak akan putus lagi."

Kekufuran itu seharusnya dihadapkan kepada sesuatu yang wajar diingkarkan iaitu "Taghut" (الطاغوت) dan keimanan itu wajib dihadapkan kepada Khaliq yang wajar diimani iaitu "Allah".

Pengertian Taghut

Taghut ialah kata-kata pecahan dari sumber kata (طغيان) yang mengertikan segala sesuatu yang melampaui siuman, melampaui kebenaran dan melewati batas yang digariskan Allah kepada para hamba-Nya, sesuatu yang tidak dikawal dengan kepercayaan kepada Allah dan dengan undang-undang syari'at yang diatur oleh Allah. Termasuk dalam pengertian Taghut ialah segala sistem hidup yang tidak diambil dari Allah, segala kefahaman dan pemikiran atau peraturan atau peradaban atau tradisi yang tidak diambil dari Allah. Oleh itu sesiapa yang kufur atau menolak segala rupa bentuk Taghut ini dan beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mengambil dari Allah Yang Maha Esa sahaja, maka bererti ia telah selamat dan keselamatannya tergambar pada sikapnya yang berpegang teguh dengan ikatan tali keimanan yang kukuh yang tidak akan putus lagi itu.

Di sini kita berada di hadapan satu gambaran fizikal yang menggambarkan satu hakikat perasaan dan hakikat mental, iaitu iman kepada Allah itu merupakan ikatan tali yang kukuh yang tidak akan putus buat selama-lamanya, tali yang amat teguh dan tidak mungkin putus dan sesiapa yang berpegang

dengannya tidak akan tersesat dari jalan yang benar. Tali itu menghubungkan seseorang dengan Allah yang memiliki teraju kebinasaan dan keselamatan. Hakikat keimanan itu ialah petunjuk yang membimbing terhadap hakikat yang pertama yang menjadi asas seluruh hakikat di alam al-wujud ini, iaitu hakikat Allah, dan penemuan terhadap undang-undang semesta yang diaturkan Allah untuk alam buana ini dan dengan undang-undang inilah tegaknya alam buana ini. Setiap orang yang berpegang dengan ikatan tali keimanan dia akan berjalan mengikut jalan yang betul menuju terus kepada Allah, iaitu dia tidak akan berlanggar, tidak akan ketinggalan di tengah jalan dan tidak akan tersimpang-siur dan sesat jalan.

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

"Dan Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(256)

Yakni Allah mendengar pertuturan lidah dan mengetahui kandungan isi hati. Oleh itu setiap Mu'min yang berhubung dengan Allah tidak akan dikurangi haknya, tidak akan dianiayai dan tidak akan kecewa.

Allah Pelindung Mu'minin Dan Taghut Pelindung Kafirin

Kemudian rangkaian ayat berikut terus menggambarkan jalan hidayat dan jalan kesesatan dengan satu pemandangan fizikal yang hidup dan bergerak. Ia menggambarkan bagaimana keadaan hidayat dan keadaan kesesatan itu. Ia menggambarkan bagaimana Allah selaku pelindung para Mu'minin, memegang tangan mereka dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur, sedangkan para Taghut selaku pelindung orang-orang yang kafir memegang tangan mereka dan mengeluarkan mereka dari nur kepada kegelapan-kegelapan.

Itulah satu pemandangan yang menarik, hidup dan penuh dengan saranan. Ia membuat daya khayal kita mengikuti golongan itu dan golongan itu sekali ke sana dan sekali pula ke sini. (Ia menggunakan gambaran fizikal ini) sebagai ganti menggunakan pengungkapan mental semata-mata yang tidak menggerakkan khayal, tidak mencubit hati dan tidak merangsangkan kesedaran. Ia hanya berbicara dengan minda sahaja dengan menggunakan konsep-konsep dan kata-kata.

Apabila kita hendak memahami kelebihan cara gambaran Al-Qur'an, maka cubalah kita gantikan di tempat pemandangan fizikal yang hidup ini dengan mana-mana pengungkapan mental misalnya kita katakan begini: Allah itu Pelindung orang-orang yang beriman. Ia memimpin mereka kepada keimanan dan orang-orang yang kafir pelindung-pelindung mereka ialah Taghut yang memimpin mereka kepada kekafiran. Tentulah pengungkapan ini akan mati begitu sahaja di depan kita dan segala kehangatan, segala harakat dan segala nada yang ada padanya akan turut hilang.[2]

Keimanan Itu Nur

Di samping pengungkapan yang memberi gambaran yang hidup dan penuh saranan ini kita dapat menemui pengungkapan yang halus mengenai hakikat ini:

ٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُخْرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ
إِلَى ٱلنُّورِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَوْلِيَآؤُهُمُ ٱلطَّٰغُوتُ
يُخْرِجُونَهُم مِّنَ ٱلنُّورِ إِلَى ٱلظُّلُمَٰتِ ۗ

"Allah itulah Pelindung orang-orang yang beriman yang mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur, sedangkan orang-orang yang kafir, pelindung mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari nur kepada kegelapan-kegelapan."

Iman itu nur, iaitu nur yang tunggal dari segi sifat dan hakikat, sedangkan kekafiran itu kegelapan-kegelapan, iaitu berbagai-bagai kegelapan yang beraneka ragam tetapi semuanya kegelapan belaka.

Tidak ada hakikat yang lebih tepat dan halus dari mengungkapkan iman dengan nur dan mengungkapkan kekafiran dengan kegelapan.

Iman itu nur yang menyinari keperibadian Mu'min dan itulah nur yang mula-mula tercetus di dalam hati nuraninya. Itulah nur yang menyinari rohnya dan menjadikannya halus, jernih dan memancarkan cahaya yang terang benderang di sekelilingnya. Itulah nur yang mendedahkan hakikat-hakikat segala sesuatu, hakikat-hakikat segala nilai dan hakikat-hakikat kefahaman dan kepercayaan dan membuat semuanya dapat dilihat oleh hati orang yang beriman dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan, tetap teguh tanpa bergoncang. Oleh itu dia dapat mengambil dari hakikat-hakikat itu apa yang harus diambil olehnya dan meninggalkan apa yang harus ditinggalkan olehnya dengan tenang dan tenteram dengan yakin dan teguh tanpa goyah. Itulah nur yang menunjukkan jalan kepada undang-undang alam buana agar orang yang beriman dapat menyelaraskan di antara harakatnya dengan harakat undang-undang alam buana di sekelilingnya dan dapat meneruskan perjalanannya menuju kepada Allah dengan lemah-lembut tanpa bertindak sewenang-wenang, tanpa berlanggar dengan tanah-tanah longgok dan tanpa meraba-raba di sana sini, kerana jalan menuju kepada Allah di dalam fitrahnya memang terbuka dan terkenal.

---

[2] *Lihat huraian panjang lebar pada bab "* طريقة القرآن *" dalam buku* التصوير الفني في القرآن

Itulah nur yang tunggal yang membawa ke jalan yang tunggal, tetapi kesesatan kekafiran mengandungi berbagai-bagai jenis kegelapan, iaitu kegelapan hawa nafsu, kegelapan penyelewengan dan kesesatan, kegelapan keangkuhan dan keterlaluan, kegelapan kelemahan dan kehinaan, kegelapan ria' dan muka dua, kegelapan tamak haloba, kegelapan keraguan dan kegelisahan dan bermacam-macam kegelapan yang tidak terhitung dan seluruhnya terkumpul apabila wujud kesesatan dari jalan Allah, apabila wujud penerimaan (perintah dan nilai) dari yang lain dari Allah dan apabila wujudnya perbuatan berhakimkan sistem yang lain dari sistem hidup yang diatur oleh Allah. Sebaik sahaja seseorang itu meninggalkan nur Allah Yang Tunggal, iaitu meninggalkan nur al-Haq Yang Tunggal yang tidak pernah keliru itu, maka ia akan terus terjerumus ke dalam berbagai-bagai jenis kegelapan. Dan akibat yang sesuai dengan pencinta-pencinta kegelapan-kegelapan itu ialah:

أُو۟لَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ ﴿٢٥٧﴾

"Merekalah penghuni-penghuni Neraka, mereka kekal di dalamnya."(257)

Oleh sebab mereka tidak mahu bersuluh dengan nur, maka hendaklah mereka tinggal kekal di dalam Neraka.

Kebenaran hanya satu tidak berbilang-bilang, sedangkan kesesatan itu berbagai-bagai jenis dan bentuk..... dan tiada selepas kebenaran itu melainkan kesesatan.

* * * * * *

Sebelum kita beralih dari pelajaran ini eloklah kita berkata sepatah tentang dasar "Tiada paksaan dalam agama" di samping wujudnya fardhu jihad di dalam Islam dan wujudnya peperangan-peperangan yang telah diceburi oleh Islam dan wujudnya firman Allah di dalam ayat yang telah silam:

وَقَـٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ

"Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi penindasan dan sehingga agama itu untuk Allah semata-mata."(193)

Percubaan Menghapuskan Semangat Jihad

Setengah-setengah musuh Islam yang bertujuan jahat telah menuduh Islam sebagai agama yang bertentangan. Mereka mendakwa: Islam memaksa dengan mata pedang dan dalam waktu yang sama Islam menetapkan dasar "Tiada paksaan dalam agama". Setengah musuh Islam yang lain pula berpura-pura mempertahankan Islam dengan menolak tuduhan itu, sedangkan tujuan mereka yang sebenar ialah mereka berusaha secara jahat untuk memadamkan semangat jihad di dalam hati orang Islam. Mereka memperkecil-kecilkan alat jihad ini di dalam sejarah Islam dan di dalam kebangkitan dan perkembangannya. Mereka menyarankan - secara tidak jujur, halus dan lihai - kepada kaum Muslimin bahawa mereka tidak lagi perlu menggunakan alat jihad ini pada masa ini dan masa akan datang. Dan semuanya ini dilakukan dalam bentuk orang yang mahu menolak tuduhan yang jahat itu dari Islam.[3]

Kedua-dua golongan itu adalah dari kaum orientalis yang bekerja dalam satu bidang untuk memerangi Islam dan memesongkan sistemnya dan membunuh saranan-saranannya yang menarik dalam hati kaum Muslimin supaya mereka terselamat dari kebangkitan semangat jihad ini yang mereka tidak pernah sekalipun dapat menahannya di mana-mana medan. Mereka kini telah merasa aman dan tenteram sejak mereka dapat melumpuhkan semangat jihad itu dengan berbagai-bagai cara. Mereka telah melakukan serangan-serangan yang ganas terhadap semangat jihad itu di mana-mana tempat. Mereka telah mencampak ke dalam hati umat Muslimin bahawa peperangan di antara penjajah dengan negeri mereka bukanlah sekali-kali peperangan agama yang memerlukan jihad, malah peperangan itu adalah peperangan kerana kepentingan pasaran, bahan-bahan mentah dan strategi-strategi tentera. Oleh sebab itu ia tidak memerlukan jihad.

Islam telah menghunuskan pedang berjuang dan berjihad di sepanjang sejarahnya bukan untuk memaksa seseorang supaya memeluk Islam, tetapi untuk menjamin beberapa matlamat yang semuanya memerlukan jihad.

Matlamat-matlamat Jihad Islam

Pertama, Islam berjihad untuk mempertahankan orang-orang Mu'min dari gangguan dan penindasan yang dideritai mereka dan untuk menjaminkan keamanan dan keselamatan diri mereka, harta benda mereka dan agama mereka. Dan di sini Islam telah menetapkan satu dasar agung yang telah diterangkan dalam juzu' yang kedua surah ini, iaitu dasar:

وَٱلْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ ٱلْقَتْلِ

"Dan penindasan itu lebih besar dosanya dari pembunuhan."(217)

Oleh itu Islam menganggapkan pencerobohan terhadap 'aqidah, perbuatan mengganggu dan menyakiti kerana 'aqidah dan perbuatan menindas penganut-penganutnya lebih kejam dari pencerobohan terhadap keselamatan hidup mereka sendiri, kerana 'aqidah itu lebih tinggi nilainya dari hidup itu sendiri mengikut dasar yang agung ini. Apabila seseorang Mu'min itu diizin berperang kerana mempertahankan nyawa dan hartanya, maka lebih wajar lagi ia diizin berperang kerana mempertahankan 'aqidah dan agamanya. Dahulu orang-orang Islam ditindas, diganggu dan disakiti supaya meninggalkan agama mereka. Mereka diseksa

---

[3] *Mereka dikepalai oleh Sir Thomas Walker Arnold pengarang buku "The Preaching of Islam: A History of the Propagation of Muslim Faith"(1913), yang telah diterjemahkan oleh Dr. Ibrahim Hassan dan saudaranya.*

kerana 'aqidah mereka di berbagai-bagai negeri di dunia ini. Negeri Andalus telah menyaksi kekejaman penyeksaan dan pembunuhan beramai-ramai untuk menindas orang-orang Islam supaya meninggal agama mereka dan menindas penganut-penganut Kristian dari mazhab-mazhab yang lain supaya masuk mazhab Katholik. Dari kekejaman itu Andalus dapat menyaksi akibat yang ditinggal oleh Sepanyol, di mana di sana tidak ada lagi bayangan Islam dan bayangan mazhab-mazhab Kristian yang lain, sebagaimana Baitul-Maqdis dan negeri di sekelilingnya telah menyaksi kekejaman serangan perang salib yang dituju semata-mata untuk menghancurkan agama Islam. Tetapi kaum Muslimin telah mengharungi peperangan itu di bawah panji-panji 'aqidah mereka dan mereka telah berjaya memenangi peperangan itu dan berjaya menyelamatkan kawasan itu dari menerima nasib Andalus yang amat sedih. Kaum Muslimin (hari ini) masih lagi ditindas di negeri-negeri Komunis, negeri yang menyembah berhala, di kawasan-kawasan Zionis dan negeri-negeri Kristian di berbagai-bagai pelosok dunia. Dan jihad tetap difardhukan ke atas mereka untuk menghapuskan penindasan itu jika mereka Muslimin yang sebenar.

Yang kedua, Islam telah berjihad untuk menegakkan kebebasan da'wah - selepas ditegakkan kebebasan 'aqidah - kerana Islam telah membawa satu kepercayaan dan kefahaman yang paling sempurna terhadap alam buana dan terhadap kehidupan. Ia membawa setinggi-tinggi sistem untuk memajukan kehidupan. Ia membawa semua kebaikan itu untuk dipersembahkan kepada umat manusia; untuk menyampaikannya ke telinga dan hati mereka. Oleh itu selepas mendapat penerangan dan penjelasan ini mereka adalah bebas membuat keputusan. Siapa suka boleh beriman dan siapa tidak suka ia boleh kufur dan di sana tiada paksaan di dalam agama. Tetapi sebelum itu, segala halangan dan rintangan pastilah dihapuskan dari jalan yang menyampaikan kebaikan (agama) ini kepada seluruh manusia sebagaimana ia dibawa dari Allah untuk seluruh umat manusia. Semua halangan dan rintangan yang boleh menyekat orang ramai dari mendengar, menerima dan bergabung dalam angkatan orang-orang yang beriman jika mereka suka itu pastilah dihapuskan. Dan di antara halangan-halangan itu ialah wujudnya sistem-sistem pemerintahan yang zalim yang menghalangkan orang ramai dari mendengar seruan hidayat dan menindas orang-orang yang menerima hidayat. Islam berjihad untuk meleburkan sistem-sistem yang zalim ini dan menggantikannya dengan satu sistem yang 'adil yang menjamin kebebasan berda'wah kepada agama yang benar di setiap tempat dan menjamin kebebasan para penda'wah. Matlamat ini masih tetap teguh dan jihad masih tetap difardhukan ke atas kaum Muslimin untuk mencapai matlamat ini jika mereka Muslimin yang sebenar.

Yang ketiga Islam berjihad untuk menegak dan melindungi sistem hidupnya yang istimewa, iaitu satu-satunya sistem yang menegakkan kebebasan manusia terhadap sesama manusia. Apabila Islam menjelaskan bahawa di sana hanya ada satu 'Ubudiyah sahaja iaitu 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi dan apabila Islam berjuang untuk menghapuskan dari muka bumi ini segala bentuk perhambaan manusia kepada manusia, maka di sana tidak ada lagi individu atau kelas atau umat yang berhak mengaturkan undang-undang bagi manusia atau memperbudak-budakkan mereka melalui undang-undang. Di sana hanya ada satu Tuhan sahaja bagi manusia dan Dialah sahaja yang berhak mengaturkan undang-undang untuk mereka. Dialah sahaja satu-satunya Tuhan yang wajib dita'ati dan dipatuhi mereka sebagaimana mereka wajib beriman dan beribadat kepada-Nya sahaja. Oleh itu di dalam sistem hidup Islam tiada keta'atan kepada mana-mana manusia kecuali ia menjalankan syari'at Allah, sebagai mewakili kelompok Muslimin untuk melaksanakan syari'at itu, kerana dari awal-awal lagi ia tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, kerana urusan mengatur undang-undang itu adalah dari urusan Allah. Kerja-kerja menyusun undang-undang merupakan salah satu gejala Uluhiyah dalam kehidupan manusia. Oleh sebab itu tiada siapa pun yang berhak melakukan kerja ini dan mendakwakan dirinya mempunyai maqam Uluhiyah, sedangkan ia hanya seorang hamba di antara hamba-hamba Allah yang lain.

Inilah dasar sistem hidup Rabbani yang dibawa oleh Islam dan di atas dasar inilah ditegakkan sistem akhlak yang bersih, yang menjamin kebebasan kepada setiap orang, sehingga kepada mereka yang tidak menganut agama Islam itu sendiri dan memelihara kehormatan setiap orang, sehingga kehormatan mereka yang tidak beragama Islam. Di dalam sistem Islam segala hak setiap warganegara di dalam negeri Islam adalah dipelihara biar apapun agama yang dianuti mereka dan tiada siapa pun yang boleh dipaksa memeluk agama Islam, tiada sebarang paksaan di dalam agama Islam, kerana tugas agama Islam hanya menyampai.

Islam berjihad untuk menegak dan melindungi sistem yang luhur ini di muka bumi. Dan oleh itu adalah menjadi kewajipan Islam berjihad untuk menghancurkan sistem-sistem yang zalim yang memperhambakan sesama manusia, iaitu sistem-sistem di mana ada golongan manusia yang mendakwa mempunyai maqam Uluhiyah dan menjalankan tugas Uluhiyah tanpa kuasa yang sebenar. Dan Islam sudah pasti akan ditentang dan dimusuhi oleh sistem-sistem yang zalim itu di seluruh dunia ini dan oleh sebab itulah Islam pasti bertindak menghancurkan sistem-sistem itu untuk menegakkan sistemnya yang luhur. Kemudian Islam akan biarkan manusia hidup bebas di bawah naungannya dengan 'aqidah-'aqidah mereka masing-masing. Dan mereka tidak diwajibkan selain dari mematuhi peraturan-

peraturan sosial, akhlak, ekonomi dan antarabangsa secara Islam. Adapun hal yang bersangkutan dengan kepercayaan dan 'aqidah hati, juga hal-hal yang bersangkutan dengan peribadi, maka mereka diberi kebebasan penuh. Mereka bebas mengamalkannya mengikut agama masing-masing. Tugas Islam ialah melindungi keselamatan mereka, kebebasan 'aqidah mereka dan menjamin hak-hak mereka serta memelihara kehormatan-kehormatan mereka dalam batas sistem Islam.

Kewajipan jihad untuk menegakkan sistem hidup yang luhur ini tetap difardhukan ke atas umat Muslimin agar....

حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ

"Sehingga tidak ada lagi penindasan dan sehingga agama itu untuk Allah semata-mata."(193)

Yakni sehingga tidak ada lagi manusia yang mendakwa menjadi Tuhan di bumi dan tidak ada lagi keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah.[4]

Jelaslah, Islam tidak mengangkat pedang untuk memaksa manusia menganut 'aqidahnya dan Islam tidak pernah tersebar secara ini sebagaimana yang dituduh oleh setengah-setengah musuhnya. Malah Islam berjihad untuk menegakkan satu sistem hidup yang aman, di mana seluruh penganut agama-agama yang lain dapat hidup aman damai di bawah naungannya dengan mematuhi undang-undang dan peraturannya walaupun tidak menganuti 'aqidahnya.

Islam memerlukan kekuatan untuk menjamin kewujudannya, perkembangannya dan ketenteraman para penganutnya terhadap keselamatan agama mereka, dan ketenteraman orang-orang yang hendak memeluknya terhadap keselamatan diri mereka. Kekuatan itu juga perlu untuk menegak dan melindungi sistem Islam yang baik ini. Kewajipan jihad tidak pernah menjadi alat yang tidak penting dan tidak diperlukan oleh masa kini Islam dan masa depannya sebagaimana yang hendak disarankan oleh musuh-musuhnya yang paling licin kepada kaum Muslimin.

Islam memerlukan sistem, Islam memerlukan kekuatan dan Islam memerlukan jihad. Inilah sifat dan tabi'at Islam dan tanpa ini semua Islam tidak mungkin tegak, hidup dan memimpin.

Memang benar tiada sebarang paksaan di dalam agama tetapi Allah berfirman:

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka apa sahaja (kelengkapan perang) yang kamu mampu mengadakannya dari kekuatan dan kuda-kuda tambatan yang dapat kamu takutkan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu dan orang-orang yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, tetapi Allah mengetahuinya."

(Surah al-Anfal: 60)

Inilah kedudukan jihad di dalam pandangan Islam dan beginilah seharusnya umat Muslimin mengetahui hakikat agama mereka dan hakikat sejarah mereka. Mereka tidak seharusnya berdiri dengan agama mereka dengan pendirian orang yang tertuduh yang berusaha untuk mempertahankan dirinya, malah ia seharusnya berdiri selama-lamanya dengan pendirian seorang yang penuh yakin kepada agamanya yang mengatasi segala kepercayaan, segala sistem hidup dan aliran pemikiran yang ada di muka bumi ini. Mereka tidak seharusnya tertipu kepada orang-orang yang berpura-pura mempertahankan agama Islam dengan menghapuskan dari hati mereka kewajipan berjihad untuk menjaga keselamatan para penganut agama mereka dan kewajipan berjihad untuk membolehkan umat manusia meni'mati kebaikan dan kebajikan yang dibawa oleh Islam. Tidak ada jenayah yang lebih besar yang dilakukan oleh seseorang dari perbuatan menafi dan menghalangkan manusia dari menerima kebaikan dan kebajikan yang dibawa oleh Islam. Dialah sebesar-besar musuh umat manusia yang pasti diburu dan diusir oleh mereka jika mereka mempunyai fikiran yang matang. Dan sebelum umat manusia dapat berfikir dengan matang, maka wajiblah orang-orang ini diburu dan diusir oleh orang Mu'min yang telah dipilih dan dikurniakan Allah dengan ni'mat keimanan. Itulah kewajipan mereka terhadap diri mereka sendiri dan terhadap umat manusia seluruhnya dan mereka bertanggungjawab dengan kewajipan ini di hadapan Allah.

(Kumpulan ayat-ayat 258 - 260)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِى حَآجَّ إِبْرَٰهِـۧمَ فِى رَبِّهِۦٓ أَنْ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّىَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا۠ أُحْىِۦ وَأُمِيتُ ۖ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأْتِى بِٱلشَّمْسِ مِنَ ٱلْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ ٱلْمَغْرِبِ فَبُهِتَ ٱلَّذِى كَفَرَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٢٥٨﴾

أَوْ كَٱلَّذِى مَرَّ عَلَىٰ قَرْيَةٍ وَهِىَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا قَالَ أَنَّىٰ يُحْىِۦ هَـٰذِهِ ٱللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا ۖ فَأَمَاتَهُ

[4] *Untuk huraian yang lebih jelas mengenai jihad lihat buku "الجهاد" oleh Pemimpin Besar Islam al-Sayyid Abul A'la al-Maududi dan buku "السلام العالمي فى الاسلام" oleh penulis sendiri.*

ٱللَّهُ مِاْئَةَ عَامٍ ثُمَّ بَعَثَهُۥۖ قَالَ كَمْ لَبِثْتَۖ قَالَ
لَبِثْتُ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍۖ قَالَ بَل لَّبِثْتَ مِاْئَةَ
عَامٍ فَٱنظُرْ إِلَىٰ طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ يَتَسَنَّهْۖ
وَٱنظُرْ إِلَىٰ حِمَارِكَ وَلِنَجْعَلَكَ ءَايَةً لِّلنَّاسِۖ
وَٱنظُرْ إِلَى ٱلْعِظَامِ كَيْفَ نُنشِزُهَا ثُمَّ
نَكْسُوهَا لَحْمًاۚ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥ قَالَ أَعْلَمُ
أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٥٩﴾
وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِۦمُ رَبِّ أَرِنِى كَيْفَ تُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰۖ
قَالَ أَوَلَمْ تُؤْمِنۖ قَالَ بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِىۖ قَالَ
فَخُذْ أَرْبَعَةً مِّنَ ٱلطَّيْرِ فَصُرْهُنَّ إِلَيْكَ ثُمَّ ٱجْعَلْ
عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُزْءًا ثُمَّ ٱدْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ
سَعْيًاۚ وَٱعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦٠﴾

"Apakah tidak engkau melihat orang yang berdebat dengan Ibrahim tentang Tuhannya kerana Allah telah mengurniakan kepadanya kuasa memerintah ketika Ibrahim berkata (kepadanya): "Tuhanku yang menghidupkan dan yang mematikan?" Jawab orang itu: "Aku juga berkuasa menghidupkan dan mematikan." Kata Ibrahim: "Sesungguhnya Allah membawa matahari dari sebelah Timur oleh itu bawalah matahari itu dari sebelah Barat pula!" Maka tercenganglah orang yang kafir itu dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim (258). Atau (melihat) seperti orang yang melalui sebuah negeri, sedangkan segala bangunannya roboh belaka, lalu dia berkata: "Bagaimana Allah akan menghidupkan negeri ini sesudah ia mati (begini)?" Lalu Allah matikannya selama seratus tahun kemudian Dia menghidupkannya kembali dan bertanya: "Berapa lama engkau tinggal di sini?" Jawabnya: "Saya tinggal di sini sehari atau setengah hari." Allah berfirman: "Sebenarnya engkau tinggal di sini selama seratus tahun. Lihatlah kepada makanan dan minumanmu yang masih lagi belum berubah dan lihatlah pula kepada keldaimu dan sesungguhnya Kami hendak menjadikan engkau suatu bukti kekuasaan Kami kepada manusia dan lihatlah kepada tulang-tulang bagaimana Kami menyusunnya kembali, kemudian Kami balutkannya dengan daging." Setelah ternyata (hakikat ini) kepadanya dia pun berkata: "(Sekarang) aku mengetahui (dengan penuh yakin) bahawa Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu (259). Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berkata:"Wahai Tuhanku! Tunjukkan kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan orang-orang yang mati?" Allah berfirman: "Apakah engkau belum percaya?" Jawab Ibrahim: "Saya memang percaya, tetapi supaya hati saya tenteram". Allah berfirman: "Ambillah empat ekor burung dan jinakkan burung-burung itu kepadamu (dan cincangkannya) kemudian letakkan di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian dari burung-burung (yang dicincangkan itu) kemudian panggillah burung-burung itu nescaya ia akan datang dengan segera kepadamu dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(260)

(Pentafsiran ayat 258)

Ketiga-tiga ayat ini pada umumnya memperkatakan satu maudhu' sahaja, iaitu rahsia hidup dan mati atau hakikat hayat dan maut. Ia merupakan salah satu aspek dari aspek-aspek kefahaman dan pandangan Islam dan ia ditambahkan kepada asas-asas kepercayaan yang telah dijelaskan oleh ayat-ayat yang lepas mulai permulaan juzu' ini. Ia mempunyai hubungan secara langsung dengan ayat al-Kursi yang telah menjelaskan sifat-sifat Allah. Dan seluruhnya itu merupakan sebahagian dari usaha-usaha Al-Qur'anul-Karim yang berpanjangan untuk membentuk kefahaman yang betul terhadap hakikat-hakikat alam al-wujud ini di dalam hati dan akal seseorang Muslim. Ini adalah satu perkara yang pasti supaya ia dapat menghadapi hidup ini dengan pandangan yang jelas dan terang, iaitu pandangan yang terbit dari wawasan yang betul dan jelas dan berpijak di atas keyakinan yang kukuh dan tenteram. Peraturan hidup, peraturan perilaku, peraturan akhlak dan peradaban adalah tidak terpisah dari sistem kepercayaan, malah ia menjadi tapak tegaknya dan sumber pengambilannya. Peraturan-peraturan itu tidak mungkin tegak dan teguh dan tidak mungkin mempunyai neraca pertimbangan yang mantap kecuali ia mempunyai pertalian dengan 'aqidah dan dengan kefahaman yang sempurna terhadap alam buana ini dan hubungan-hubungannya dengan Allah yang telah mengurniakan kewujudan kepadanya. Oleh sebab itulah diadakan penekanan yang kuat ini untuk menjelaskan asas-asas kepercayaan hingga menghabiskan seluruh ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah, malah masih terus dikemukakan kepada manusia di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Madinah ketika mengemukakan setiap peraturan dan setiap arahan di dalam segala urusan hidup.

Ayat yang pertama mengisahkan dialog di antara Nabi Ibrahim a.s. dengan seorang raja di zamannya yang berdebat dengan beliau mengenai Allah. Al-Qur'an tidak menyebut nama raja itu kerana sebutan namanya tidak menambah apa-apa dari segi teladan dan pengajaran yang hendak disampaikan oleh ayat ini. Dialog ini ditayangkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan kepada kelompok Muslimin dengan uslub yang membayangkan kehairanan terhadap sikap raja yang berdebat dengan Ibrahim mengenai Tuhannya. Seolah-olah pemandangan dialog diulangkan tayangannya dari celah-celah pengungkapan Al-Qur'an yang mengkagumkan itu:

Ibrahim Berdebat Dengan Raja Yang Menolak Konsep Wahdaniyah Dan Kuasa Hakimiyah

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِى حَآجَّ إِبْرَٰهِـۧمَ فِى رَبِّهِۦٓ أَنْ ءَاتَىٰهُ
ٱللَّهُ ٱلْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّىَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ
وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا۠ أُحْىِۦ وَأُمِيتُ ۖ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ فَإِنَّ
ٱللَّهَ يَأْتِى بِٱلشَّمْسِ مِنَ ٱلْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ
ٱلْمَغْرِبِ فَبُهِتَ ٱلَّذِى كَفَرَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى
ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٥٨﴾

"Apakah tidak engkau melihat orang yang berdebat dengan Ibrahim tentang Tuhannya kerana Allah telah mengurniakan kepadanya kuasa memerintah ketika Ibrahim berkata (kepadanya): "Tuhanku yang menghidup dan yang mematikan?" Jawab orang itu: "Aku juga berkuasa menghidup dan mematikan." Kata Ibrahim: "Sesungguhnya Allah membawa matahari dari sebelah Timur oleh itu bawalah matahari itu dari sebelah Barat pula!" Maka tercenganglah orang yang kafir itu dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(258)

Raja yang berdebat dengan Ibrahim mengenai Tuhannya itu bukanlah menolak kewujudan Allah, malah ia hanya menolak Wahdaniyah Allah dari segi Uluhiyah dan Rububiyah dan menolak pentadbiran dan pengurusan-Nya yang tunggal terhadap perjalanan alam buana ini, samalah dengan setengah-setengah golongan sesat di zaman jahiliyah yang mengi'tirafkan kewujudan Allah, tetapi mereka mengadakan tuhan-tuhan tandingan bagi Allah dan kepada tuhan-tuhan inilah mereka hubungkan sesuatu aktiviti atau amalan di dalam hidup mereka. Raja itu juga menolak bahawa hak hakimiyah atau hak memerintah itu adalah milik Allah Yang Maha Esa sahaja, tiada undang-undang melainkan undang-undang Allah dalam segala urusan hidup di bumi dan di dalam perundangan masyarakat.

Raja yang menolak Wahdaniyah Allah dengan degil itu berbuat demikian atas suatu sebab yang sepatutnya menjadikan dia beriman dan bersyukur. Sebab itu ialah kerana Allah telah mengurniakan pemerintahan kepadanya dan meletakkan kuasa di tangannya. Sepatutnya dia bersyukur dan mengakui Wahdaniyah Allah, tetapi kuasa telah membuat orang yang tidak menghargai ni'mat Allah dan tidak memahami sumber pemberian itu lalu dia menjadi manusia yang melampau dan angkuh. Oleh sebab itulah mereka meletakkan kekufuran di tempat kesyukuran dan menjadi sesat dengan sebab yang seharusnya mereka boleh menjadi Mu'min. Mereka dapat menjadi pemerintah kerana Allah mengangkat mereka menjadi pemerintah, tetapi Allah tidak membenarkan mereka memperhambakan orang ramai dengan memaksa mereka mengikut undang-undang yang dibuat oleh mereka, sedangkan mereka juga bersifat hamba seperti orang ramai. Mereka seharusnya menerima undang-undang atau syari'at dari Allah dan tidak membuat undang-undang sendiri yang lain dari syari'at Allah, kerana mereka hanya khalifah atau wakil pemerintah bukannya pemerintah yang sebenar.

Oleh sebab itulah Allah menyatakan kehairanan terhadap kelakuan raja ini apabila dia bentangkan ceritanya kepada nabi-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِى حَآجَّ إِبْرَٰهِـۧمَ فِى رَبِّهِۦٓ أَنْ ءَاتَىٰهُ
ٱللَّهُ ٱلْمُلْكَ

"Apakah tidak engkau melihat orang yang berdebat dengan Ibrahim tentang Tuhannya kerana Allah telah mengurniakan kepadanya kuasa memerintah?"

Apakah tidak engkau melihat? Itulah pertanyaan yang mengandungi maksud mengeji dan memburuk. Bantahan dan kecaman itu tercetus dari susunan kalimat pertanyaan ini sendiri dan susunan maknanya. Perbuatan itu adalah satu perbuatan yang sungguh keji. Adalah tidak wajar bagi seseorang berdebat dan membantah dengan sebab ni'mat dan kurnia. Adalah tidak wajar bagi seseorang hamba mendakwa mempunyai sesuatu kuasa dari ikhtisas Allah. Adalah tidak wajar bagi seseorang pemerintah memerintah manusia dengan hawa nafsunya tanpa mengambil undang-undang dari Allah.

إِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّىَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ

"Ketika Ibrahim berkata (kepadanya): 'Tuhanku yang menghidup dan yang mematikan.'"

Hakikat Hayat Dan Maut

Kerja-kerja menghidup dan memati merupakan dua gejala yang berulang-ulang kali berlaku pada setiap sa'at dan sentiasa terdedah kepada perasaan dan akal manusia, tetapi di dalam waktu yang sama kedua-duanya merupakan rahsia yang membingungkan mereka. Akal manusia terpaksa merujukkan rahsia ini kepada sumber yang lain yang bukan bersifat manusia dan kepada urusan yang lain dari urusan para makhluk. Mereka pasti merujukkan rahsia ini kepada Allah yang berkuasa mencipta dan memusnah untuk menghuraikan teka-teki yang melemahkan sekalian yang hidup.

Kita tidak mengetahui sesuatu apa pun mengenai hakikat hidup dan hakikat mati sehingga ke sa'at ini, tetapi kita hanya memahami gejala-gejalanya sahaja pada yang hidup dan yang mati. Kita terpaksa menyerahkan sumber hidup dan mati ini kepada satu kuasa yang bukan dari jenis kuasa-kuasa yang kita mengetahui seluruhnya, iaitu kuasa Allah.

Oleh sebab itulah Ibrahim a.s. memperkenalkan Tuhannya (kepada raja itu) dengan sifat yang tidak ada pada sesiapa pun dan tidak boleh didakwa oleh sesiapa pun apabila raja itu bertanya beliau, siapakah Tuhannya yang menjadi sumber hukum dan undang-undang itu? Ibrahim menjawab: *"Tuhanku yang*

menghidup dan yang mematikan" dan oleh kerana itu Dialah juga yang berhak memerintah dan mengatur undang-undang.

Sebagai seorang rasul yang dikurniakan kebolehan laduni sebagaimana telah kami terangkan di permulaan juzu' ini, tentulah Ibrahim a.s. tidak bermaksud dengan sifat menghidup dan memati itu ialah semata-mata untuk menyatakan kerja menghidup dan memati itu sahaja kerana kerja ini memanglah kerja Allah Yang Maha Esa yang tiada siapa pun dari para makhluk-Nya yang turut mengambil bahagian dalam kerja itu, tetapi raja yang berdebat dengan Ibrahim mengenai Tuhannya itu telah memandang dirinya mempunyai sifat Tuhan kerana dia memerintah kaumnya dan berkuasa menghukumkan mereka hidup atau mati dan kerana itu dia berkata kepada Ibrahim: "Aku penghulu mereka dan akulah yang mentadbirkan segala urusan mereka dan kerana itu maka akulah tuhan yang engkau wajib patuhi segala perintah dan hukumnya."

قَالَ أَنَا۠ أُحۡيِۦ وَأُمِيتُۖ

"Aku juga berkuasa menghidup dan mematikan."

Sampai di sini Ibrahim a.s. tidak lagi mahu meneruskan perdebatannya mengenai persoalan menghidup dan memati itu dengan seorang yang cuba memutar belitkan hakikat yang agung itu, iaitu hakikat pengurniaan hidup dan penarikannya kembali. Hakikat ini telah menjadi rahsia yang tidak dapat difaham sedikitpun oleh manusia sehingga hari ini. Sampai di sini Ibrahim a.s. mengalihkan pembicaraannya dari persoalan undang-undang alam yang tersembunyi (undang-undang hidup mati) kepada undang-undang alam yang zahir yang boleh dilihat, iaitu ia membuat perubahan dari cara membentang undang-undang alam dan sifat-sifat ketuhanan yang terkandung di dalam firman-Nya, "*Tuhanku yang menghidup dan mematikan*" kepada cara membuat cabaran dan meminta kepada raja yang ingkar, degil dan mempertikaikan Allah itu supaya mengubahkan undang-undang alam untuk menyedarkannya bahawa Allah itu bukannya raja suatu kaum di suatu sudut bumi, malah Allah itu ialah pentadbir dan pengurus seluruh alam buana, dan dari kuasa Rububiyah-Nya terhadap alam inilah Dia berhak menjadi Tuhan yang mengatur undang-undang hidup manusia:

فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأۡتِي بِٱلشَّمۡسِ مِنَ ٱلۡمَشۡرِقِ فَأۡتِ بِهَا مِنَ ٱلۡمَغۡرِبِ

"Ibrahim berkata: Sesungguhnya Allah membawa matahari dari sebelah Timur. Oleh itu bawalah matahari itu dari sebelah Barat pula."

Itulah hakikat alam yang berulang-ulang kali dilihat oleh mata dan akal manusia setiap hari, tidak pernah mungkir dan tidak pernah terlewat walau sekalipun. Hakikat itu tersergam di hadapan mata dan dapat berbicara dengan fitrah manusia walaupun seseorang itu tidak pernah mengetahui suatu apa pun tentang susunan kejadian alam ini dan tidak pernah belajar sedikitpun tentang hakikat-hakikat dan teori-teori ilmu falak, kerana semua risalah (yang dibawa para rasul) itu dapat berbicara dengan fitrah manusia yang berada di mana-mana tahap perkembangan 'aqliyah, kebudayaan dan kemasyarakatan untuk memimpin mereka dari tempat di mana mereka berada. Oleh sebab itulah cabaran Ibrahim itu berbicara dengan fitrah manusia seolah-olah ia berbicara dengan lidah realiti yang tidak dapat dipertikaikan lagi:

فَبُهِتَ ٱلَّذِي كَفَرَۗ

"Maka tercenganglah orang yang kafir itu."

Kini cabaran terus terbuka. Kini persoalan amat jelas tidak ada jalan untuk disalahertikan atau untuk dipertikaikan. Lebih baik menyerah sahaja dan lebih wajar beriman sahaja, tetapi perasaan angkuh untuk kembali ke jalan yang benar itu telah menghalangkan raja yang kafir itu. Lalu dia menjadi kaget, putus asa dan bingung. Allah tidak menunjukkannya ke jalan yang benar kerana dia tidak pernah mencari hidayat, tidak pernah mencintai kebenaran dan tidak pernah menjunjung ke'adilan:

وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٥٨﴾

"Dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(258)

Perdebatan yang diceritakan oleh Al-Qur'an kepada Nabi-Nya s.a.w. dan kepada kelompok Muslimin ini berlalu sebagai contoh kesesatan dan kedegilan dan sebagai satu pengalaman yang dapat dijadikan bekalan kepada para rasul yang baru untuk menghadapi para pengingkar dan untuk melatihkan hati menghadapi kedegilan mereka.

Begitu juga ayat ini berlalu dengan menjelaskan hakikat-hakikat yang menjadi asas kepercayaan yang terang (yang terkandung di dalam ayat):

رَبِّيَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ

"Tuhanku yang menghidupkan dan yang mematikan."

فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأۡتِي بِٱلشَّمۡسِ مِنَ ٱلۡمَشۡرِقِ فَأۡتِ بِهَا مِنَ ٱلۡمَغۡرِبِ

"Sesungguhnya Allah membawa matahari dari sebelah Timur. Oleh itu bawalah matahari itu dari sebelah Barat pula..."

satu hakikat mengenai diri manusia dan satu hakikat lagi mengenai cakerawala. Kedua-duanya merupakan dua hakikat alam yang besar yang sentiasa berulang-ulang dan sentiasa boleh dilihat oleh mata hati dan mata kasar di waktu malam dan siang tanpa

memerlukan ilmu pengetahuan yang banyak dan fikiran yang panjang.

Persoalan Keimanan Diserahkan Kepada Penemuan Fitrah

Oleh kerana Allah amat kasihan kepada manusia, maka dia tidak menyerahkan mereka dalam perkara keimanan dan mencari keimanan ini kepada pencapaian ilmu pengetahuan yang mungkin terlewat dan tersangkut dan kepada hasil pemikiran yang mungkin tidak dapat dilakukan oleh golongan manusia yang primitif, malah Allah menyerahkan mereka - dalam perkara keimanan yang amat penting ini yang diperlukan oleh fitrah mereka, yang menjadi asas kebaikan hidup mereka dan ketertiban masyarakat mereka dan seterusnya menjadi sumber undang-undang, nilai-nilai dan peradaban-peradaban mereka - kepada semata-mata penemuan fitrah mereka dengan hakikat-hakikat alam yang terbentang kepada seluruh insan, iaitu hakikat-hakikat yang memaksa dirinya ke atas fitrah manusia hingga menyebabkan mereka tidak dapat menghindarkan diri dari saranan-saranannya melainkan dengan usaha-usaha yang sukar, sulit dan degil.

Persoalan kepercayaan atau keimanan samalah dengan semua persoalan hayawi(vital) yang menjadi teras hidup makhluk insan. Setiap makhluk yang hidup mencari makanan, minuman, udara dan anak pinak dengan dorongan naluri semulajadi. Perkara-perkara hayawi(vital) seperti itu tidak ditinggalkan sehingga pemikiran seseorang itu sempurna dan matang atau sehingga ia mempunyai ilmu pengetahuan yang banyak dan andainya ditinggalkan begitu tentulah hidup makhluk yang hidup itu akan terdedah kepada bahaya. Keimanan merupakan sesuatu yang hayawi(vital) kepada manusia sama seperti hayawinya makanan, minuman dan udara kepada mereka. Oleh sebab itulah Allah menyerahkan manusia dalam perkara ini kepada penemuan fitrah mereka dengan bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan di lembaran-lembaran seluruh alam buana ini sama ada di dalam kejadian diri mereka sendiri atau kejadian-kejadian di merata pelosok alam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 259)

Di dalam pembicaraan mengenai rahsia mati dan hidup datang pula kisah yang lain:

أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَىٰ قَرْيَةٍ وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا
قَالَ أَنَّىٰ يُحْيِۦ هَٰذِهِ ٱللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا ۖ فَأَمَاتَهُ
ٱللَّهُ مِائَةَ عَامٍ ثُمَّ بَعَثَهُۥ ۖ قَالَ كَمْ لَبِثْتَ ۖ قَالَ
لَبِثْتُ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۖ قَالَ بَل لَّبِثْتَ مِائَةَ
عَامٍ فَٱنظُرْ إِلَىٰ طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ يَتَسَنَّهْ ۖ
وَٱنظُرْ إِلَىٰ حِمَارِكَ وَلِنَجْعَلَكَ ءَايَةً لِّلنَّاسِ ۖ
وَٱنظُرْ إِلَى ٱلْعِظَامِ كَيْفَ نُنشِزُهَا ثُمَّ
نَكْسُوهَا لَحْمًا ۚ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥ قَالَ أَعْلَمُ
أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٥٩﴾

"Atau (melihat) seperti orang yang melalui sebuah negeri, sedangkan segala bangunannya roboh belaka, lalu dia berkata: Bagaimana Allah akan menghidupkan negeri ini sesudah ia mati (begini)? Lalu Allah matikannya selama seratus tahun kemudian dia menghidupkannya kembali dan bertanya: 'Berapa lama engkau tinggal di sini?' Jawabnya: 'Saya tinggal di sini sehari atau setengah hari.' Allah berfirman: 'Sebenarnya engkau tinggal di sini selama seratus tahun. Lihatlah kepada makanan dan minumanmu yang masih lagi belum berubah dan lihatlah pula kepada keldaimu dan sesungguhnya Kami hendak menjadikan engkau suatu bukti kekuasaan Kami kepada manusia. Dan lihatlah kepada tulang-tulang bagaimana Kami menyusunnya kembali, kemudian Kami balutkannya dengan daging setelah ternyata (hakikat ini) kepadanya dia pun berkata: '(Sekarang) aku mengetahui (dengan penuh yakin) bahawa Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu.'"(259)

Siapakah orang yang telah melalui negeri itu? Apakah nama negeri roboh yang dilalui itu? Al-Qur'an tidak menerangkan suatu apa mengenainya. Dan andainya Allah kehendaki tentu Dia menerangkannya dan andainya tujuan ayat ini tidak tercapai melainkan dengan adanya penerangan ini tentulah Al-Qur'an tidak mengabaikannya. Di sini marilah kita berhenti seperti kebiasaan kita dalam tafsir ini pada bayanganbayangan ayat ini. Pemandangan (dalam ayat ini) terlukis begitu jelas, terang dan penuh saranan, iaitu pemandangan kematian, kehancuran dan keruntuhan. Ia terlukis dengan sifat:

وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا

"Sedangkan segala bangunannya roboh belaka."

Yakni runtuh di atas tapak-tapak asasnya. Pemandangan itu juga terlukis pada perasaan lelaki (yang ta'jub) yang melalui negeri itu yang diungkapkan dengan perkataannya:

قَالَ أَنَّىٰ يُحْيِۦ هَٰذِهِ ٱللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا ۖ

"Bagaimana Allah akan menghidupkan negeri ini sesudah ia mati (begini)?"

Lelaki yang mengeluarkan kata-kata itu memang tahu bahawa di sana adanya Allah, tetapi pemandangan kehancuran dan keruntuhan dan kesannya yang berat di dalam hatinya menyebabkan lelaki ini bingung dan ta'jub. Bagaimana Allah akan menghidupkan negeri ini sesudah ia hancur musnah begini? Inilah kesan yang kuat dan mendalam dari saranan pemandangan itu. Demikianlah pengungkapan Al-Qur'an menyampaikan bayangan-bayangan dan saranan-saranannya dan menggambarkan pemandangan itu seolah-olah pada

sa'at ini tersergam di hadapan mata dan perasaan kita.

قَالَ أَنَّىٰ يُحْيِۦ هَٰذِهِ ٱللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا

"Bagaimana Allah akan menghidupkan negeri ini sesudah ia mati (begini)?"

Yakni bagaimana hayat boleh berdenyut di bumi yang mati ini?

فَأَمَاتَهُ ٱللَّهُ مِأْئَةَ عَامٍ ثُمَّ بَعَثَهُۥ

"Lalu Allah matikannya selama seratus tahun kemudian Dia menghidupkan kembali."

Allah tidak menceritakan kepadanya bagaimana Dia menghidupkan yang mati, malah Allah menunjukkan kepadanya di alam kenyataan bagaimana Dia menghidupkan yang mati, kerana perasaan-perasaan itu kadang-kadang begitu kuat dan mendalam hingga tidak dapat dilayani dengan dalil-dalil aqli dan tidak pula dengan logik hati dan tidak pula dengan realiti umum yang dapat dilihat oleh mata, malah pasti dilayani dengan pengalaman peribadi secara langsung yang memuaskan perasaan dan menenangkan hati tanpa kalam!

قَالَ كَمْ لَبِثْتَ قَالَ لَبِثْتُ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ

"Dia bertanya: Berapa lama engkau tinggal di sini?" Jawabnya: 'Saya tinggal di sini sehari atau setengah hari.

Bagaimana dia boleh tahu berapa lama dia tinggal di sana, sedangkan kesedaran terhadap waktu itu tidak mungkin wujud tanpa hayat dan kesedaran? Tetapi perasaan seseorang itu bukanlah kayu ukur yang halus bagi sesuatu hakikat kerana perasaan itu boleh mengeliru dan menyesat, di mana masa yang panjang dirasanya pendek dan masa yang pendek dirasainya panjang kerana sesuatu peristiwa yang mendadak.

قَالَ بَل لَّبِثْتَ مِأْئَةَ عَامٍ

"Allah berfirman: 'Sebenarnya engkau tinggal di sini selama seratus tahun'."

Sebagai satu pengalaman fizikal yang berlaku di alam kenyataan, kita dapat memikirkan bahawa di sana tentulah ada kesan-kesan fizikal yang menggambarkan kesan seratus tahun itu. Kesan fizikal ini tidak terdapat pada makanan dan minuman lelaki ini kerana kedua-duanya masih lagi tidak berubah, rosak dan busuk:

فَٱنظُرْ إِلَىٰ طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ يَتَسَنَّهْ

"Lihatlah kepada makanan dan minumanmu yang masih lagi belum berubah."

Kini jelaslah bahawa kesan-kesan fizikal itu pastilah terdapat pada diri lelaki itu atau pada keldainya:

وَٱنظُرْ إِلَىٰ حِمَارِكَ وَلِنَجْعَلَكَ ءَايَةً لِّلنَّاسِ وَٱنظُرْ إِلَى ٱلْعِظَامِ كَيْفَ نُنشِزُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا

"Dan lihatlah pula kepada keldaimu dan sesungguhnya Kami hendak menjadikan engkau satu bukti kekuasaan Kami kepada manusia dan lihatlah kepada tulang-tulang bagaimana Kami menyusunnya kembali kemudian Kami balutkannya dengan daging."

Tulang-tulang siapa? Tulang-tulang lelaki itukah? Jika tulang-tulang itu ialah tulang-tulang lelaki itu sendiri yang telah tidak berdaging lagi seperti yang dikatakan oleh setengah-setengah mufassirin tentulah pemandangan ini akan menarik perhatiannya sewaktu ia sedar dari tidurnya dan tentulah juga ia akan mencubitkan perasaannya dan tentulah dia tidak menjawab begini:

لَبِثْتُ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ

"Saya tinggal di sini sehari atau setengah hari."

Oleh sebab itulah kami tarjihkan bahawa tulang-tulang yang tidak berdaging itu ialah tulang-tulang himar. Bukti kekuasaan Allah adalah terletak pada pencantuman tulang-tulang himar ini satu sama lain dan membalutkannya dengan daging serta menghidupkan kembali di hadapan mata tuannya yang tidak disentuh oleh kereputan dan kehancuran dan makanan dan minumannya juga tidak busuk dan rosak sedangkan semuanya berada di tempat yang sama dan terdedah kepada kesan-kesan udara dan alam sekitar yang sama, menjadi satu lagi bukti kekuasaan Allah yang tidak dapat dilemahkan oleh sesuatu apa pun, iaitu kekuasaan yang bertindak bebas dari segala ikatan, dan supaya lelaki itu dapat memahami dengan jelas bagaimana Allah berkuasa menghidupkan kembali negeri itu sesudah ia roboh dan musnah.

Darwin Dan Sumber Hayat

Bagaimanakah mu'jizat ini berlaku? Ia berlaku seperti segala mu'jizat yang lain. Ia berlaku seperti berlakunya mu'jizat hayat yang pertama, iaitu satu mu'jizat yang sering kita lupa ia telah berlaku dan kita tidak tahu bagaimana ia berlaku dan kita juga tidak tahu bagaimana mu'jizat hayat itu datang kecuali ianya datang dari sisi Allah dengan cara yang dikehendaki Allah........ lihatlah Darwin, ahli fisiologi yang terkemuka, telah menurunkan hayat ini di dalam teorinya tahap demi tahap dan menyelami pedalamannya dasar demi dasar sehingga akhirnya sampai kepada sel yang pertama. Kemudian dia hanya berhenti setakat ini sahaja kerana dia tidak tahu sumber hayat di dalam sel yang pertama ini, tetapi dia tidak mahu menerima hakikat yang seharusnya diterima oleh akal manusia, iaitu hakikat yang mendesak logik fitrah dengan desakan yang amat kuat bahawa di sana pasti ada Tuhan Pengurnia hayat yang telah memberi hayat kepada sel yang pertama

ini. Darwin tidak mahu menerima hakikat ini kerana beberapa sebab yang bukan bersifat ilmiyah malah kerana sebab-sebab sejarah, iaitu sejarah pertentangannya dengan gereja. Oleh kerana itu tiba-tiba ia berkata: "Pentafsiran urusan-urusan hayat dengan kewujudan Tuhan Pencipta itu samalah dengan memasukkan unsur mu'jizat di dalam satu ciptaan mekanik yang tulen."

Yang mana satu ciptaan mekanik, kerana ilmu mekanik merupakan sejauh-jauh ilmu dari hakikat ini, iaitu hakikat yang memaksa akal supaya mencari sumber rahsia hayat yang ada di depan mata kasar dan mata hati.

Sebenarnya Darwin sendiri yang takut kepada desakan logik fitrah yang memaksa akal manusia mengakui hakikat di sebalik sel yang pertama supaya mengembalikan segala sesuatu itu kepada puncanya yang pertama. Dia tidak berkata apa-apa tentang apakah punca yang pertama itu? Apakah punca ini yang berkuasa mewujudkan hayat bagi kali yang pertama? Kemudian berkuasa pula - mengikut teorinya yang boleh dipertikaikan dengan panjang lebar - mengarahkan sel yang pertama itu meneruskan perjalanan - yang diandaikan oleh beliau - naik ke atas mengikuti jalan yang ada itu sahaja tidak jalan-jalan yang lain.

Itulah pelarian dari hakikat dan dalihan.[5] Marilah kita kembali kepada mu'jizat yang berlaku di negeri yang roboh itu untuk bertanya: Bagaimana hendak ditafsirkan kehancuran dan kereputan yang berlaku kepada keldai tetapi tidak berlaku kepada tuannya di tempat yang sama dan dalam suasana yang sama? Mu'jizat penciptaan hayat pada pertama kali dan mu'jizat mengembalikan semula hayat itu tidak dapat mentafsirkan perbezaan akibat-akibat kesudahan pada beberapa benda yang mempunyai keadaan-keadaan yang sama.

Punca Kesilapan Penilaian-penilaian Kita

Yang dapat mentafsirkan gejala ini ialah kebebasan kehendak Ilahiyah, iaitu kebebasannya dari terikat dengan apa yang kita fikirkannya sebagai satu undang-undang semesta/kulli yang tetap dan mengikat, yang tidak dapat dilanggari dan tidak boleh dikecuali. Apa yang kita fikirkan itu adalah salah dibandingkan kepada kehendak masyi'ah Allah yang bebas. Kesalahan itu berpunca kerana kita memaksakan penentuan-penentuan dan penilaian-penilaian kita, keputusan-keputusan 'aqliyah dan ilmiyah kita ke atas Allah S.W.T. Kesalahan itu menggambarkan berbagai-bagai kesalahan.

Pertama: Mengapa kita 'adili qudrat Ilahiyah yang mutlak itu dengan undang-undang yang kita ciptakan? Iaitu undang-undang yang diambil dari pengalaman-pengalaman dan ujian-ujian kita yang terbatas dan dari pentafsiran kita terhadap pengalaman-pengalaman dan ujian-ujian itu, sedangkan daya akal kita terbatas.

Kedua: Katakanlah kita telah memahami satu undang-undang dari undang-undang alam, tetapi siapa kata kepada kita bahawa undang-undang itu undang-undang muktamad, semesta/kulli dan mutlak dan tiada lagi sebarang undang-undang di sebaliknya.

Ketiga: Katakanlah ia merupakan satu undang-undang yang muktamad dan mutlak, dan kehendak Ilahiyah yang mutlak itulah yang menciptakan undang-undang itu, tetapi ia tidak terikat dengannya dan bebas membuat pilihan di dalam segala keadaan.

Demikianlah berlalunya pengalaman ini sebagai tambahan kepada tabung pengalaman para rasul yang baru dan tambahan kepada tabung kefahaman keimanan yang betul. Di samping menjelaskan hakikat mati dan hidup dan memulangkan keduanya kepada Allah, maka pengalaman ini juga menjelaskan satu hakikat yang lain yang telah disebutkan sekejap tadi, iaitu hakikat kebebasan kehendak masyi'ah Ilahiyah yang amat banyak diberi perhatian oleh Al-Qur'an dan menanamkannya ke dalam hati nurani para Mu'minin supaya mereka secara langsung bergantung kepada Allah di sebalik sebab-sebab yang zahir dan muqaddimah-muqaddimah yang dapat dilihat, kerana Allah Maha Bebas bertindak mengikut iradat-Nya,dan beginilah keyakinan yang diungkapkan oleh lelaki yang telah melalui ujian dan pengalaman itu:

فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥ قَالَ أَعْلَمُ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٥٩﴾

"Setelah ternyata (hakikat ini) kepadanya dia pun berkata: "(Sekarang) aku mengetahui (dengan penuh yakin) bahawa Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(259)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 260)

Kemudian datang pula pengalaman dan ujian yang ketiga, iaitu pengalaman Nabi Ibrahim a.s. nabi yang paling hampir kepada (kaum Muslimin) yang menjunjung Al-Qur'an ini:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّ أَرِنِى كَيْفَ تُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ ۖ
قَالَ أَوَلَمْ تُؤْمِن ۖ قَالَ بَلَىٰ وَلَـٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِى ۖ قَالَ
فَخُذْ أَرْبَعَةً مِّنَ ٱلطَّيْرِ فَصُرْهُنَّ إِلَيْكَ ثُمَّ ٱجْعَلْ
عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُزْءًا ثُمَّ ٱدْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ
سَعْيًا ۚ وَٱعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berkata: 'Wahai Tuhanku! Tunjukkan kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan orang-orang yang mati?' Allah berfirman: 'Apakah engkau

---

[5] *Lihat huraian yang panjang lebar bab "Freud" dalam buku "الإنسان بين المادية والإسلام" oleh Muhammad Qutb.*

belum percaya?' Jawab Ibrahim: 'Saya memang percaya, tetapi supaya hati saya tenteram'. Allah berfirman: 'Ambillah empat ekor burung dan jinakkan burung-burung itu kepadamu (dan cincangkannya) kemudian letakkan di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian dari burung-burung (yang dicincangkan itu) kemudian panggillah burung-burung itu nescaya ia akan datang dengan segera kepadamu dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.'"(260)

Nabi Ibrahim Ingin Mengetahui Rahsia Ciptaan Allah Dari Dekat Dan Tujuannya

Itulah perasaan ingin tahu rahsia ciptaan Ilahi dari dekat. Apabila perasaan ini datang dari Ibrahim seorang yang amat takut kepada Allah, amat sabar, amat beriman, amat redha, amat khusyu', amat kuat beribadat, amat hampir dengan Allah dan disayangi Allah, maka beliau terus meluahkan keinginan yang kadang-kadang berkecamuk di dalam hati para muqarrabin yang paling dekat untuk melihat rahsia ciptaan Ilahi itu.

Itulah perasaan ingin tahu yang tidak ada sangkut paut dengan kewujudan keimanan atau dengan keteguhan, kesempurnaan dan kemantapan keimanan. Perasaan ingin tahu itu bukannya menuntut bukti dan bukannya bertujuan untuk menguatkan keimanan, malah ia merupakan satu perkara yang lain yang mempunyai rasa yang lain. Ia merupakan suatu keinginan jiwa untuk mengetahui rahsia Ilahi dari dekat, iaitu ketika ia sedang berlaku dan rasa pengalaman ini pada diri manusia berlainan dengan rasa iman kepada perkara yang ghaib walaupun iman Nabi Ibrahim al-Khalil sendiri yang berbicara dengan Allah. Tidak ada apa-apa iman di sebalik keinginan ini dan ia bukannya mencari bukti keimanan, tetapi beliau hanya mahu melihat kudrat Ilahi ketika ia sedang bertindak untuk meni'mati rasa hubungan yang dekat ini, untuk bernafas dalam suasananya dan hidup bersamanya dan ini adalah satu perkara yang berlainan dari iman yang tidak ada selepasnya suatu iman yang lain.

Pengalaman ini dan dialog yang terdapat di dalamnya telah mendedahkan beberapa rasa keimanan di dalam hati Ibrahim yang inginkan rasa-rasa ini.

وَإِذۡ قَالَ إِبۡرَٰهِـۧمُ رَبِّ أَرِنِي كَيۡفَ تُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰۖ قَالَ أَوَلَمۡ تُؤۡمِنۖ قَالَ بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطۡمَئِنَّ قَلۡبِيۖ

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berkata: 'Wahai Tuhanku! Tunjukkan kepadaku bagaimana engkau menghidupkan orang yang mati?' Allah berfirman: 'Apakah engkau belum percaya?' Jawab Ibrahim: 'Saya memang percaya, tetapi supaya hati saya tenteram.'"

Tujuan Ibrahim a.s. mahu mencari ketenteraman melihat kudrat Allah bertindak dan mahu mencari ketenteraman meni'mati rasa rahsia yang tersembunyi ketika ia terdedah dan terbuka. Allah sememangnya mengetahui iman hamba kesayangannya Ibrahim itu, tetapi dia hanya meminta pendedahan, penjelasan dan pengenalan dengan mengumumkan rasa ingin tahunya itu. Itu hanya permohonan bermesra dengan Allah Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap hamba-Nya yang amat takut kepada Tuhannya, amat sabar dan banyak bertaubat.

Dan Allah telah memperkenankan hasrat ingin tahu yang terpendam di dalam hati Ibrahim dan mengurniakan kepadanya pengalaman peribadi secara langsung:

قَالَ فَخُذۡ أَرۡبَعَةٗ مِّنَ ٱلطَّيۡرِ فَصُرۡهُنَّ إِلَيۡكَ ثُمَّ ٱجۡعَلۡ عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٖ مِّنۡهُنَّ جُزۡءٗا ثُمَّ ٱدۡعُهُنَّ يَأۡتِينَكَ سَعۡيٗاۚ وَٱعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٞ ٢٦٠

"Allah berfirman: 'Ambillah empat ekor burung dan jinakkan burung-burung itu kepadamu (dan cincangkannya) kemudian letakkan di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian dari burung-burung (yang dicincangkan itu) kemudian panggillah burung-burung itu nescaya ia akan datang dengan segera kepadamu dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(260)

Yakni Allah menyuruh Ibrahim a.s. memilih empat ekor burung supaya beliau mendekati dan menjinakkan burung-burung itu kepadanya agar beliau dapat mengenalpastikan sifat-sifatnya masing-masing tanpa tersalah, kemudian hendaklah beliau menyembelihkan burung-burung itu dan mencaingkan badannya. Setelah itu hendaklah beliau bahagikan caingan-caingan badan burung itu di atas bukit-bukau yang ada di sekelilingnya kemudian hendaklah beliau memanggil burung (yang mati dicincang) itu nescaya seluruh bahagian badannya yang tercincang itu akan berkumpul sekali lagi dan akan hidup kembali dan akan pulang kepadanya dengan segera. Dan beginilah apa yang telah berlaku.

Kini Ibrahim telah melihat rahsia Ilahi berlaku di hadapan matanya, dan itulah rahsia yang berlaku pada setiap sa'at tetapi tidak dilihat oleh manusia kecuali kesan-kesannya sahaja setelah ia berlaku dengan sempurna. Itulah rahsia pengurniaan hayat, iaitu hayat yang datang pertama kali, sedangkan sebelum ini ia tidak wujud dan itulah hayat yang tercetus berkali-kali yang tidak terhingga pada setiap makhluk hidup yang baru.

Kini Ibrahim telah melihat rahsia itu berlaku di hadapan matanya. Beberapa ekor burung telah mati dan caingan-caingan tubuh badannya telah dibahagi-bahagikan di tempat-tempat yang jauh, kemudian burung-burung yang dicaingkan itu sekali lagi hidup kembali dan pulang mendapatkan beliau.

Bagaimana? Inilah suatu rahsia yang di luar kemampuan kejadian manusia memahaminya. Mereka mungkin melihat rahsia ini sebagaimana dilihat oleh Ibrahim dan mereka mungkin

mempercayainya sebagaimana dipercayai oleh setiap Mu'min, tetapi mereka tidak dapat memahami hakikat rahsia ini dan tidak dapat mengetahui caranya, kerana rahsia ini adalah dari urusan Ilahi, sedangkan manusia tidak mengetahui sesuatu dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki olehnya, dan Allah tidak kehendaki manusia mengetahui rahsia ini kerana ia lebih besar dari mereka, kerana tabi'at rahsia ini berlainan dari tabi'at mereka dan kerana rahsia ini tidak diperlukan mereka di dalam pentadbiran khilafah mereka.

Rahsia ini adalah urusan khas Ilahi yang tidak mampu dijenguk oleh para makhluk. Andainya mereka menjenguk juga untuk melihatnya, maka tiada apa yang dapat dilihat mereka selain dari tirai yang menutupi rahsia itu. Segala usaha mereka sia-sia sahaja. Itulah usaha orang-orang yang tidak mahu menyerahkan urusan ghaib yang tersembunyi itu kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib.

(Kumpulan ayat-ayat 261 - 274)

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ
حَبَّةٍ أَنۢبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ سُنۢبُلَةٍ مِّائَةُ
حَبَّةٍ ۗ وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ
عَلِيمٌ (٢٦١)
ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ثُمَّ لَا
يُتْبِعُونَ مَآ أَنفَقُوا۟ مَنًّا وَلَآ أَذًى ۙ لَّهُمْ أَجْرُهُمْ
عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (٢٦٢)
قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّن صَدَقَةٍ
يَتْبَعُهَآ أَذًى ۗ وَٱللَّهُ غَنِىٌّ حَلِيمٌ (٢٦٣)
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُبْطِلُوا۟ صَدَقَٰتِكُم بِٱلْمَنِّ
وَٱلْأَذَىٰ كَٱلَّذِى يُنفِقُ مَالَهُۥ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ
بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ
تُرَابٌ فَأَصَابَهُۥ وَابِلٌ فَتَرَكَهُۥ صَلْدًا ۖ لَّا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ
شَىْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ
ٱلْكَٰفِرِينَ (٢٦٤)
وَمَثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمُ ٱبْتِغَآءَ
مَرْضَاتِ ٱللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍۭ
بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَـَٔاتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ
فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
بَصِيرٌ (٢٦٥)
أَيَوَدُّ أَحَدُكُمْ أَن تَكُونَ لَهُۥ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ
وَأَعْنَابٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ لَهُۥ فِيهَا مِن
كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ وَأَصَابَهُ ٱلْكِبَرُ وَلَهُۥ ذُرِّيَّةٌ
ضُعَفَآءُ فَأَصَابَهَآ إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَٱحْتَرَقَتْ ۗ
كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُمْ
تَتَفَكَّرُونَ (٢٦٦)
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا كَسَبْتُمْ
وَمِمَّآ أَخْرَجْنَا لَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا۟
ٱلْخَبِيثَ مِنْهُ تُنفِقُونَ وَلَسْتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن
تُغْمِضُوا۟ فِيهِ ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ حَمِيدٌ (٢٦٧)
ٱلشَّيْطَٰنُ يَعِدُكُمُ ٱلْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُم بِٱلْفَحْشَآءِ ۖ
وَٱللَّهُ يَعِدُكُم مَّغْفِرَةً مِّنْهُ وَفَضْلًا ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ
عَلِيمٌ (٢٦٨)
يُؤْتِى ٱلْحِكْمَةَ مَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُؤْتَ ٱلْحِكْمَةَ
فَقَدْ أُوتِىَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟
ٱلْأَلْبَٰبِ (٢٦٩)
وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن نَّفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُم مِّن نَّذْرٍ
فَإِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُهُۥ ۗ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ
أَنصَارٍ (٢٧٠)
إِن تُبْدُوا۟ ٱلصَّدَقَٰتِ فَنِعِمَّا هِىَ ۖ وَإِن

تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا ٱلْفُقَرَآءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ
وَيُكَفِّرُ عَنكُم مِّن سَيِّـَٔاتِكُمْ وَٱللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾
لَّيْسَ عَلَيْكَ هُدَىٰهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى
مَن يَشَآءُ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنفُسِكُمْ
وَمَا تُنفِقُونَ إِلَّا ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ ٱللَّهِ وَمَا تُنفِقُوا۟
مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٢﴾
لِلْفُقَرَآءِ ٱلَّذِينَ أُحْصِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ لَا
يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِى ٱلْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
ٱلْجَاهِلُ أَغْنِيَآءَ مِنَ ٱلتَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُم
بِسِيمَٰهُمْ لَا يَسْـَٔلُونَ ٱلنَّاسَ إِلْحَافًا وَمَا
تُنفِقُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾
ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ سِرًّا
وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾

"Bandingan (ganjaran) orang yang menginfaqkan harta mereka kerana Sabilullah adalah laksana sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan setiap tangkai mengandungi seratus biji, dan Allah memberi ganjaran yang berlipat ganda kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah itu Maha Luas (limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui(261). Orang-orang yang menginfaqkan harta mereka kerana Sabilullah kemudian mereka tidak mengiringi apa yang diinfaqkan mereka dengan perkataan yang membangkit-bangkit dan menyakiti hati, mereka memperolehi pahala mereka di sisi Tuhan mereka dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka. Dan tidak pula mereka berdukacita(262). Perkataan yang baik dan memberi kema'afan lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakiti hati. Dan Allah itu Maha Kaya lagi Maha Sabar(263). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghapuskan pahala sedekah-sedekah kamu dengan perkataan yang membangkit-bangkit dan menyakiti hati seperti orang yang menginfaqkan hartanya kerana menunjuk-nunjuk kepada manusia, sedangkan ia tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Bandingan orang ini samalah dengan batu licin yang ditutupi tanah di atasnya kemudian ia ditimpa hujan yang lebat lalu meninggalkan batu itu terdedah licin. Mereka tidak mendapat suatu apa pun dari apa yang telah mereka usahakan dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang kafir (264). Dan bandingan orang-orang yang menginfaqkan harta mereka untuk mencari keredhaan Allah dan untuk meneguhkan hati mereka adalah laksana sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi dan ia ditimpa air hujan yang lebat lalu menghasilkan buah-buahannya dua kali ganda dan andainya ia tidak ditimpai hujan yang lebat, maka cukuplah ia ditimpa gerimis dan Allah amat melihat segala apa yang dilakukan kamu(265). Apakah seseorang dari kamu ingin mempunyai sebuah kebun kurma dan anggur yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan di dalam kebun itu dia mendapat segala jenis buah-buahan kemudian dia ditimpa umur yang tua dan mempunyai zuriat yang lemah tiba-tiba kebun itu dipukul ribut yang kencang yang mengandungi api lalu menyebabkannya terbakar. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat itu kepada kamu supaya kamu berfikir (266). Wahai orang-orang yang beriman! Infaqkanlah (untuk Sabilullah) sebahagian dari hasil pendapatan kamu yang baik dan dari hasil pendapatan yang Kami keluarkan untuk kamu dari bumi. Dan janganlah kamu sengaja mencari yang tidak baik dari hasil itu untuk kamu infaqkannya, sedangkan kamu sendiri tidak sudi mengambilnya melainkan kamu menurunkan harganya. Dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Kaya lagi Maha Terpuji (267). Syaitan itu menjanjikan kemiskinan kepada kamu dan menyuruh kamu melakukan kejahatan, sedangkan Allah menjanjikan kepada kamu keampunan dan limpah kurnia dari-Nya dan Allah itu Maha Luas Pengurniaan-Nya dan Maha Mengetahui(268). Allah mengurniakan hikmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang dikurniakan hikmat, maka sesungguhnya ia telah dikurniakan kebajikan yang banyak dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal(269). Apa sahaja perbelanjaan yang kamu infaqkan dan apa sahaja nazar yang kamu nazarkan, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya. Dan orang-orang yang zalim itu tidak mempunyai penolong-penolong (270). Jika kamu menzahirkan (pemberian) sedekah-sedekah maka itu adalah perbuatan yang baik dan jika kamu sembunyikannya dan kamu berikannya kepada fakir miskin maka itulah yang lebih baik bagi kamu. Dan Allah menghapuskan dari kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu. Dan Allah itu amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(271). Bukanlah tanggunganmu memberi hidayat kepada mereka, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakan, maka kebaikannya kembali kepada diri kamu sendiri dan tiadalah kamu membelanjakan sesuatu melainkan semata-mata kerana mencari keredhaan Allah dan apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya akan disempurnakan balasannya dan kamu tidak akan dianiayai(272). (Infaqlah) kepada orang-orang fakir miskin yang telah ditumpukan untuk jihad Fi Sabilillah, yang tidak berupaya merantau (mencari rezeki) di bumi. Orang-orang yang tidak tahu menyangka mereka sebagai orang-orang kaya kerana mereka menahan diri dari meminta. Engkau dapat mengenal mereka dengan tanda-tanda dan keadaan mereka. Mereka tidak meminta dari orang lain secara mendesak. Apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya (273). Orang-orang yang menginfaqkan harta mereka (ke jalan Allah) malam dan siang, secara sulit atau secara terang-terangan, maka mereka akan memperolehi pahala mereka di sisi Allah. Tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka berdukacita.(274)"

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Tiga pelajaran yang telah lepas di dalam juzu' ini pada umumnya berlegar di sekitar pembinaan beberapa asas pandangan atau kefahaman imaniyah, iaitu menjelaskan pandangan ini dan memperdalamkan tunjangan akar-akarnya di dalam berbagai-bagai aspek. Ini diletakkan di garisan Surah (al-Baqarah) yang panjang yang memperkatakan tentang penyediaan kelompok Muslimin untuk melaksanakan tugas-tugas dan peranan mereka di dalam memimpin umat manusia.

Sejak sekarang hingga hampir penghabisan surah, rangkaian-rangkaian ayat ini memperkatakan tentang asas-asas sistem ekonomi dan sosial yang dikehendaki oleh Islam supaya menjadi tapak tegak masyarakat Islam dan menjadi peraturan hidup kelompok Muslimin. Itulah sistem takaful dan tolong-menolong yang diwujudkan di dalam fardhu zakat dan sedekah-sedekah sukarela dan bukannya sistem riba yang lumrah di zaman jahiliyah. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memperkatakan tentang adab-adab bersedekah dan mengutuk riba, juga menerangkan hukum-hukum hutang-piutang dan perniagaan di dalam pelajaran-pelajaran yang akan datang di dalam surah ini. Pelajaran-pelajaran ini pada keseluruhannya merupakan satu bahagian yang asasi dari sistem ekonomi Islam dan kehidupan kemasyarakatan yang ditegakkan di atasnya. Dan di antara tiga pelajaran yang akan datang itu terdapat satu hubungan yang amat rapat kerana ketiga-tiga pelajaran itu membicarakan satu maudhu' yang sama yang berlainan cabang-cabangnya, iaitu maudhu' sistem ekonomi Islam.

Di dalam pembicaraan ini kita dapati pembicaraan mengenai kewajipan-kewajipan berkorban harta dan infaq fi Sabilillah, juga undang-undang bersedekah dan takaful. Infaq fi Sabilillah merupakan cabang dari jihad yang diwajibkan Allah ke atas umat Muslimin. Mereka telah diwajibkan Allah supaya memikul amanah berda'wah kepadanya dan melindungi keselamatan para Mu'minin dengan jihad di samping menolak kejahatan, kerosakan dan kezaliman dan menghapuskan kekuatannya yang selalu digunakannya untuk mengganyang orang-orang yang beriman, melakukan kerosakan di bumi, menghalangkan orang ramai dari jalan Allah dan mengharamkan manusia dari kebajikan yang besar yang dibawa oleh sistem Islam kepada mereka. Pengharaman ini dianggap sebagai satu jenayah yang mengatasi segala jenayah yang lain dan satu pencerobohan yang lebih dahsyat dari pencerobohan terhadap nyawa dan harta benda.

Seruan kepada infaq fi Sabilillah telah dibuat berulang-ulang kali dalam surah ini dan kini rangkaian ini menggariskan undang-undang bersedekah dengan terperinci dan panjang lebar. Ia menggariskan undang-undang ini dengan berteduhkan di bawah bayangan-bayangan yang mesra, iaitu ia menjelaskan peradaban-peradabannya dari segi kejiwaan dan kemasyarakatan, iaitu peradaban-peradaban yang mengubahkan sedekah menjadi suatu amalan yang membersihkan jiwa para pemberinya dan suatu amalan yang berguna dan menguntungkan kepada para penerimanya serta mengubahkan masyarakat menjadi satu keluarga yang saling tolong-menolong, bertakaful, bermesra dan saling bersimpati dan mengangkatkan manusia kepada satu taraf yang mulia sama ada bagi para pemberi atau bagi para penerima.

Walaupun perintah-perintah dan arahan-arahan yang terkandung di dalam pelajaran ini merupakan satu undang-undang atau perlembagaan yang berterusan tidak terikat dengan masa dan keadaan-keadaan yang tertentu, namun kita tidak terluput dari memperhatikan di sebaliknya bahawa pelajaran ini (pada mulanya) datang untuk memberi jawapan kepada keadaan-keadaan yang berlaku yang dihadapi oleh nas-nas itu di dalam kelompok Muslimin pada masa itu -sebagaimana ia mungkin menghadapinya di dalam mana-mana masyarakat Islam yang lain selepas itu- juga memperhatikan bahawa di sana ada hati-hati yang kikir dan bakhil yang memerlukan kepada nada-nada arahan yang kuat dan saranan-saranan yang berkesan di samping memerlukan kepada membuat perbandingan-perbandingan dan menggambarkan hakikat-hakikat itu dengan pemandangan-pemandangan yang hidup supaya sampai ke lubuk hati.

Di sana ada orang-orang yang bakhil memberi harta mereka. Oleh itu mereka tidak memberi melainkan dengan mengenakan riba. Dan di sana ada pula orang-orang yang memberi dengan perasaan benci atau dengan tujuan menunjuk-nunjukkan kepada orang ramai dan ada pula orang-orang yang mengiringkan pemberian mereka dengan perkataan yang membangkit-bangkit dan menyakitkan hati dan seterusnya di sana ada pula orang-orang yang memberi dengan memilih harta-harta yang buruk dan menyimpan harta-harta yang baik. Semua golongan ini adalah wujud di samping golongan orang-orang yang menginfaq fi Sabilillah dengan ikhlas. Mereka mengorbankan harta mereka yang paling baik. Mereka memberi secara sulit apabila keadaan memerlukan pemberian secara sulit dan memberi secara terang-terangan apabila keadaan memerlukan pemberian secara terang-terangan dengan hati yang ikhlas dan bersih.

Hakikat-hakikat Yang Perlu Difahami

Semua golongan itu wujud dalam kelompok Muslimin di masa itu. Pemahaman terhadap hakikat ini memberi banyak faedah kepada kita.

Pertama: Ia memberi faedah kepada kita dalam memahami tabi'at Al-Qur'an dan fungsi-fungsinya, iaitu Al-Qur'an adalah (kalam) yang hidup dan bergerak dan di dalam bayangan kejadian-kejadian ini kita dapat melihat bagaimana Al-Qur'an bertindak dan bergerak di tengah kelompok Muslimin dan menghadapi keadaan yang berlaku, dimana ia

bertindak menghapuskan yang ini dan menegakkan yang itu, dan di mana ia menolak dan mengarah kelompok Muslimin. Ia sentiasa bekerja dan bertindak dan ia tidak berhenti bergerak. Ia sentiasa berada di medan perjuangan dan medan kehidupan. Ia merupakan unsur pendorong dan penggerak dalam medan perjuangan.

Kita amat perlu merasakan perasaan yang seperti ini terhadap Al-Qur'an dan perlu melihat Al-Qur'an selaku (kalam) yang hidup bergerak dan mendorong. Zaman telah begitu jauh memisahkan di antara kita dengan harakat Islamiyah, kehidupan Islamiyah dan realiti Islamiyah dan Al-Qur'an telah terpisah dalam perasaan kita dari realiti sejarahnya yang hidup, iaitu ia tidak lagi menggambarkan dalam perasaan kita corak hidup yang pernah wujud di bumi ini di dalam sejarah kelompok Muslimin, kita tidak lagi ingat bahawa di dalam masa perjuangan yang berterusan itu Al-Qur'an merupakah "perintah harian" kepada Muslim yang hidup sebagai tentera itu. Al-Qur'anlah yang merupakan arahan yang diterima olehnya untuk ditindak dan dilaksanakan... Al-Qur'an telah mati di dalam perasaan kita... atau telah tidur... ia tidak lagi mempunyai gambarannya yang hakiki dalam perasaan kaum Muslimin seperti gambarannya semasa ia diturunkan dahulu. Kini yang menjadi kebiasaan dan kelaziman kita ialah kita menerima Al-Qur'an sama ada sebagai bacaan yang didendangkan dengan lagu yang menyenangkan hati kita atau bacaan yang membuat kita mengalami suatu emosi keterharuan yang sulit yang menyerap di dalam hati atau kita membacakannya sebagai wirid-wirid yang mana kemuncak kesannya ia melahirkan di dalam hati rasa kerinduan atau ketenangan atau ketenteraman yang sulit dan umum. Al-Qur'an dapat melahirkan semua perasaan ini, tetapi yang dituntut dari Al-Qur'an di samping semua perasaan ini ialah melahirkan kesedaran dan hayat. Ya, yang dituntut dari Al-Qur'an ialah melahirkan keadaan yang sedar yang membolehkan Al-Qur'an bergerak bersamanya melakukan harakat hayat, yang menjadi tujuan kedatangan Al-Qur'an. Yang dituntut ialah supaya orang Islam memandang Al-Qur'an sebagai berada di medan perjuangan yang telah diceburinya dan masih bersedia untuk mengharungi perjuangan itu di dalam kehidupan umat Muslimin. Yang dituntut ialah supaya orang Islam menumpu kepada Al-Qur'an untuk mendengar darinya apakah yang seharusnya dibuat olehnya seperti yang telah dilakukan oleh orang Islam yang pertama dahulu, juga untuk memahami hakikat arahan-arahan dan bimbingan-bimbingan Al-Qur'an dalam menghadapi peristiwa-peristiwa, masalah-masalah dan berbagai-bagai keadaan hidup yang mengelilinginya pada hari ini, dan seterusnya untuk melihat sejarah kelompok Muslimin (yang pertama itu) tergambar di dalam Al-Qur'an dan bergerak dalam kalimah-kalimah dan arahan-arahannya dan di waktu inilah dia akan merasa bahawa sejarah ini bukanlah suatu sejarah yang asing darinya. Ia adalah sejarahnya juga dan realitinya yang wujud pada hari ini adalah lanjutan dari sejarah ini, dan segala peristiwa yang dihadapinya pada hari ini adalah hasil dari peristiwa-peristiwa yang dihadapi oleh nenek moyangnya, iaitu dari peristiwa-peristiwa yang diarahkan oleh Al-Qur'an kepada mereka supaya melakukan sesuatu tindakan yang tertentu terhadapnya. Dan dari sinilah ia akan merasa bahawa Al-Qur'an ini adalah Al-Qur'an kepunyaannya juga, iaitu Al-Qur'an yang menjadi sumber tempat ia meminta nasihat dalam menghadapi peristiwa-peristiwa dan keadaan-keadaan yang mencabarnya dan Al-Qur'an yang menjadi perlembagaan pandangan, kefahaman, pemikiran, kehidupan dan pergerakan-pergerakannya pada hari ini dan pada masa akan datang tanpa putus-putus.

Kedua: Ia memberi faedah kepada kita untuk melihat hakikat tabi'at manusia yang tetap terhadap da'wah iman dan tugas-tugasnya iaitu melihatnya itu adalah secara waqi'i/realistik dari celah-celah peristiwa yang berlaku di dalam kehidupan kelompok Muslimin yang pertama yang diisyaratkan oleh ayat-ayat Al-Qur'an iaitu kelompok Muslimin yang diturunkan Al-Qur'an kepada mereka dan diasuhkan oleh Rasulullah s.a.w. itu adalah mempunyai titik-titik kelemahan dan kekurangan yang memerlukan perhatian, bimbingan dan saranan yang berterusan, tetapi titik-titik kelemahan ini tidaklah menghalangkan mereka dari melambangkan generasi manusia yang paling baik. Memahami hakikat ini adalah berguna kepada kita, kerana ia memperlihatkan kepada kita hakikat kelompok-kelompok manusia tanpa keterlaluan, tanpa kilauan cahaya dan tanpa tanggapan-tanggapan yang melayang-layang tinggi. Ia berguna kepada kita kerana ia dapat menyingkirkan perasaan putus asa dari hati kita apabila kita melihat perjuangan kita belum sampai kepada kemuncak-kemuncak yang digariskan oleh Islam, iaitu kemuncak-kemuncak yang diseru oleh Islam supaya dicapai oleh kita manusia. Cukuplah dengan adanya kita di tengah jalan perjuangan itu dan dengan adanya usaha kita yang berterusan dan ikhlas untuk sampai ke kemuncak itu. Ia berguna kepada kita untuk memahami satu lagi hakikat yang lain, iaitu da'wah kepada kesempurnaan itu pastilah memburu dan mengejar manusia. Ia tidak boleh jemu, lemah dan putus asa apabila timbul kekurangan-kekurangan dan kecelaan-kecelaan pada manusia, kerana hakikat jiwa manusia memang begini. Ia terangkat perlahan-lahan, sedikit demi sedikit mengikuti seruan yang mengajaknya menunaikan kewajipan dan menuju ke arah kesempurnaan yang dikehendaki itu, dan menyahut seruan yang sentiasa mengingatkan kebaikan kepadanya, sentiasa memuji kebaikan dan mengeji kejahatan dan sentiasa menimbulkan dalam hatinya perasaan benci terhadap kekurangan dan kelemahan. Dan seterusnya menyahut seruan yang selalu menolong dan memimpinnya apabila ia jatuh di tengah jalan dan apabila ia berjalan terlalu jauh.

Ketiga: Ia berguna kepada kita dalam menerima hakikat yang mudah ini, hakikat yang seringkali diabai dan dilupai oleh kita, iaitu manusia tetap manusia, da'wah tetap da'wah dan perjuangan tetap perjuangan. Perjuangan yang pertama sebelum segala sesuatu yang lain ialah perjuangan menentang kelemahan, kekurangan, kebakhilan dan ketamakan di dalam hati manusia, kemudian perjuangan menentang kejahatan, kepalsuan, kesesatan dan kezaliman di dalam realiti kehidupan. Kedua-dua perjuangan pasti diceburi dan diharungi. Para pemimpin kelompok Muslimin di dunia ini pastilah menghadapi kedua perjuangan ini sebagaimana yang dihadapi oleh Al-Qur'an bagi pertama kali juga dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. (dan dalam perjuangan itu) pastilah berlakunya kesilapan-kesilapan dan keterlanjuran-keterlanjuran, pastilah timbulnya kelemahan dan kekurangan di peringkat-peringkat perjuangan itu. Dan usaha-usaha pastilah pula dibuat untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan yang dibuktikan oleh peristiwa-peristiwa dan pengalaman-pengalaman itu. Usaha-usaha untuk mem-bimbing hati menuju Allah pastilah dilakukan dengan cara-cara bimbingan yang diikuti oleh Al-Qur'an. Hingga di sini marilah kita kembali ke pangkal pembicaraan yang pertama, iaitu mencari nasihat dan bimbingan Al-Qur'an dalam pergerakan-pergerakan dan keadaan-keadaan hidup kita dan melihat Al-Qur'an bertindak dan bergerak di dalam perasaan dan kehidupan kita sebagaimana ia bertindak dan bergerak di dalam kehidupan kelompok Muslimin yang pertama.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 261 - 263)

Sekarang marilah kita hadapi nas-nas Al-Qur'an di dalam pelajaran ini secara terperinci:

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنۢبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ سُنۢبُلَةٍ مِّا۟ئَةُ حَبَّةٍ ۗ وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

"Bandingan (ganjaran) orang-orang yang menginfaqkan harta mereka kerana Sabilullah adalah laksana sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan setiap tangkai mengandungi seratus biji. Dan Allah memberi ganjaran yang berlipat ganda kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah itu Maha Luas (limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."(261)

Cara Pendekatan Perlembagaan Islam

Perlembagaan Islam tidak dimulai dengan menyebut kewajipan dan tugas, tetapi ia dimulakan dengan pemberangsangan dan penjinakan hati. Ia merangsangkan perasaan-perasaan dan emosi-emosi yang hidup di dalam diri manusia seluruhnya. Ia menayangkan satu gambaran dari gambaran-gambaran hidup yang segar, subur dan memberi hasil, iaitu gambaran tanaman yang merupakan hadiah bumi atau pemberian Allah, tanaman tersebut yang memberi berganda-ganda lebih banyak dari apa yang diambil olehnya dan tanaman yang hasilnya berganda-ganda lebih banyak dari benihnya. Ia menayangkan gambaran yang menarik itu sebagai perbandingan bagi mereka yang menginfaqkan harta mereka untuk Sabilullah.

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنۢبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ سُنۢبُلَةٍ مِّا۟ئَةُ حَبَّةٍ ۗ

"Bandingan (ganjaran) orang-orang yang menginfaqkan harta mereka kerana Sabilullah adalah laksana sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan setiap tangkai mengandungi seratus biji."

Pengertian Ayat Secara Mental Dan Secara Tayangan Gambar

Pengertian secara mental bagi ayat ini berakhir dengan satu kiraan hisab yang menggandakan sebutir benih dengan tujuh ratus biji buah, tetapi (pengertian yang disampaikan oleh) pemandangan fizikal yang hidup yang ditayangkan oleh ayat ini adalah lebih luas dan lebih indah dari pengertian ini lagi. Ia lebih membangkitkan perasaan dan lebih memberi kesan kepada hati nurani. Itulah pemandangan hidup yang subur, pemandangan alam yang hidup, pemandangan tanaman yang memberi hasil. Kemudian itulah pemandangan yang menarik di alam tumbuhan-tumbuhan, iaitu pemandangan sebatang pokok gandum membawa tujuh tangkai buah dan pemandangan setangkai gandum yang mengandungi seratus biji buah.

Ganjaran Infaq Yang Berlipat Ganda

Dalam angkatan hidup tanaman yang subur dan memberi hasil itu Al-Qur'an mengajak hati nurani manusia berkorban dan memberi, kerana (pada hakikatnya) dia tidak memberi, tetapi mengambil dan dia tidak kurang tetapi bertambah. Kemudian gelombang pemberian dan kesuburan meneruskan perjalanannya dan menambahkan lagi perasaan ingin memberi yang dirangsangkan oleh pemandangan tanaman yang banyak memberi hasil itu. Sesungguhnya Allah memberi ganjaran yang berlipat ganda kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, iaitu ganjaran yang berlipat ganda yang tidak terhingga dan terkira. Allah melipatgandakan rezeki-Nya yang tiada siapa pun mengetahui batasnya dan melipat gandakan rahmat-Nya yang tiada siapa mengetahui sempadannya.

وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

"Dan Allah itu Maha Luas (limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."(261)

Maha Luas yakni limpah kurnia-Nya tidak pernah picik, tidak pernah tertahan dan tidak pernah kering. Maha Mengetahui yakni mengetahui segala niat (yang ikhlas) dan memberi pahala kepadanya dan tiada suatu pun yang terluput dari ilmu-Nya.

Tetapi mana satu infaq yang sentiasa bertambah subur itu? Mana satu pemberian yang diberi Allah ganjaran yang berlipat ganda di dunia dan di Akhirat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya itu?

Itulah infaq yang mengangkat dan tidak mencemarkan perasaan-perasaan kemanusiaan, iaitu infaq yang tidak menjatuhkan kehormatan dan tidak menggoreskan perasaan, iaitu infaq yang terbit dari hati yang murah dan bersih, infaq yang ditujukan semata-mata kerana mencari keredhaan-Nya:

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ثُمَّ لَا
يُتْبِعُونَ مَآ أَنفَقُوا۟ مَنًّا وَلَآ أَذًى لَّهُمْ أَجْرُهُمْ
عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٦٢﴾

"Orang-orang yang menginfaqkan harta mereka kerana Sabilullah kemudian mereka tidak mengiringi apa yang diinfaqkan mereka dengan perkataan yang membangkit-bangkit dan menyakiti hati, mereka memperolehi pahala mereka di sisi Tuhan mereka dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka berdukacita."(262)

Infaq Yang Diiringi Dengan Bangkitan

Perbuatan membangkit-bangkitkan pemberian itu adalah satu sifat yang amat dibenci dan satu perasaan yang hina dan rendah. Seseorang itu tidak membangkit-bangkitkan pemberiannya melainkan kerana ingin menunjukkan kelebihannya yang palsu atau kerana ingin menghinakan penerimanya atau kerana ingin menarik perhatian orang ramai. Di sini jelaslah bahawa tujuan pemberiannya ialah kerana manusia bukannya kerana Allah. Seluruh perasaan yang buruk ini tidak timbul di dalam hati yang baik dan tidak terlintas di dalam hati yang Mu'min. Oleh sebab itulah perbuatan membangkit-bangkitkan pemberian itu mengubahkan sedekah menjadi pemberian yang mendatangkan kemudharatan sama ada kepada pemberi atau kepada penerima. Ia mendatangkan kemudharatan kepada pemberi kerana ia menimbulkan di dalam hatinya perasaan sombong dan takbur dan kerana ia ingin melihat penerimanya hina dina di sisinya dan kerana ia mengisi di dalam hatinya sikap bermuka-muka, menunjuk-nunjuk dan jauh dari Allah. Ia mendatangkan kemudharatan kepada penerima kerana ia menimbulkan di dalam hatinya perasaan kalah dan tewas dan mencetuskan reaksi dendam dan membalas dendam. Islam tidak mahu infaq itu dilakukan semata-mata untuk tujuan menutup kejahatan, mengisi perut dan memenuhi keperluan. Tidak! Sekali-kali tidak! Malah Islam mahu infaq itu dilakukan untuk tujuan membersihkan akhlak dan hati pihak pemberi, iaitu merangsangkan perasaan kemanusiaannya dan pertaliannya dengan saudaranya yang miskin kerana Allah dan kerana kemanusiaan, juga mengingatkannya terhadap ni'mat Allah yang dikurniakan kepadanya dan terhadap janjinya dengan Allah dalam menggunakan ni'mat-ni'mat ini, iaitu janji untuk memakannya tanpa membazir dan menunjukkan keangkuhan dan janji menginfaqkan sebahagian darinya ke jalan Allah tanpa bakhil dan membangkit-bangkitkan pemberiannya. Yakni ia menginfaqkannya tepat seperti yang dikehendaki Allah iaitu untuk menyuka dan menyenangkan hati penerima, untuk mengukuhkan hubungan dengan saudaranya kerana Allah dan kerana kemanusiaan dan untuk memenuhi keperluan seluruh kelompok Muslimin agar (kehidupan kelompok ini) tegak di atas asas takaful dan saling bantu-membantu, iaitu asas kehidupan yang mengingatkan mereka kepada kesatuan dasar, kesatuan kehidupan, kesatuan tujuan dan kesatuan tugas. Perbuatan membangkit-bangkitkan pemberian akan menghapuskan semua kebaikan ini dan mengubahkan infaq itu menjadi racun dan api. Perbuatan itu adalah satu perbuatan yang mudharat walaupun tidak disertai dengan perbuatan mudharat yang lain seperti memukul dan mencaci maki. Ia adalah satu perbuatan mudharat yang menghapuskan pahala infaq, memecah belahkan masyarakat dan menimbulkan dendam kesumat.

Pendapat Ahli Kaji Jiwa Tentang Reaksi Manusia Terhadap Bantuan Insan Dan Jawapannya

Setengah-setengah ahli kaji jiwa pada hari ini berpendapat bahawa reaksi tabi'at jiwa manusia terhadap bantuan ihsan ialah lahirnya permusuhan di suatu hari yang akan datang. Mereka memberi sebab kerana si penerima itu merasa dirinya rendah dan kurang di hadapan si pemberi. Perasaan ini akan terus menghiriskan hatinya lalu ia berusaha mengatasi perasaan ini dengan mengambil sikap bermasam muka terhadap si pemberi dan memendam perasaan permusuhan terhadapnya, kerana pada hematnya pemberi inilah yang menyebabkan dia selalu merasa lemah dan kurang di hadapannya, juga kerana si pemberi ini mahu supaya penerima selalu merasa bahawa dia terhutang budi kepadanya. Inilah perasaan yang menambahkan kepedihan hati penerima dan akhirnya perasaan ini berubah kepada permusuhan.

Semuanya ini mungkin betul berlaku di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah, iaitu masyarakat-masyarakat yang tidak dikuasai semangat Islam dan diperintahkan oleh Islam, tetapi agama Islam telah menghadapi masalah ini dengan suatu cara yang lain. Ia menghadapinya dengan menanamkan di dalam hati manusia bahawa harta itu ialah harta Allah dan segala rezeki yang ada di dalam tangan para hartawan itu adalah rezeki Allah belaka. Inilah satu hakikat yang tiada siapa pun mahu

mempertikaikannya kecuali si jahil yang tidak mengetahui punca-punca rezeki yang jauh dan yang dekat. Seluruh punca rezeki adalah dari limpah kurnia Allah. Tiada suatu pun dari punca-punca rezeki itu dimiliki manusia. (Misalnya) untuk mewujudkan sebiji gandum berbagai-bagai kuasa dan tenaga alam turut bekerjasama, iaitu mulai dari matahari kepada bumi, kepada air dan kepada udara dan seluruhnya tidak terletak di bawah kuasa manusia. Demikianlah juga setitis air, seurat benang pakaian dan segala benda yang lain adalah sama dengan sebiji gandum (dalam proses kewujudannya). Oleh itu apabila seorang hartawan memberi sedikit hartanya, maka sebenarnya ia memberi harta Allah dan apabila ia meminjamkan sesuatu kepada seseorang, maka sebenarnya ia adalah pinjaman kepada Allah yang akan membalas dengan ganjaran yang berlipat kali ganda. Penerima yang susah dan miskin hanya alat dan sebab sahaja untuk membolehkan pemberi itu menerima ganjaran yang berlipat kali ganda dari infaq yang telah diberikannya dari harta Allah itu. Kemudian Al-Qur'an menerangkan peradaban-peradaban yang sedang dibicarakan sekarang untuk menguatkan konsep ini di dalam hati manusia supaya tiada seseorang pemberi pun yang merasa angkuh dan tiada seseorang penerima pun yang merasa terhina kerana keduaduanya makan dari rezeki Allah belaka. Dan bagi para pemberi, mereka akan memperolehi ganjaran mereka dari Allah jika mereka memberi harta Allah ke jalan Allah itu dengan menjunjung peradaban-peradaban yang digariskan oleh Allah dan mematuhi perjanjian yang dimeterikannya dengan Allah.

وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ

"Dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka"

iaitu kebimbangan dari kemiskinan, dari hasad dengki dan dari penipuan.

وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٦٢﴾

"Dan tidak pula mereka berdukacita." (262)

Yakni berdukacita terhadap harta yang telah dibelanjakan mereka di dunia dan tidak pula berdukacita terhadap nasib kesudahan mereka di Akhirat.

Untuk menguatkan lagi konsep tujuan infaq dan pengorbanan yang telah dibicarakan itu, iaitu konsep membersihkan jiwa dan menyenangkan hati dan menghubungkan pemberi dan penerima dengan tali hubungan kasih kerana Allah, maka Allah berfirman di dalam ayat yang berikut:

قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّن صَدَقَةٍ يَتْبَعُهَا أَذًى وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴿٢٦٣﴾

"Perkataan yang baik dan memberi kema'afan lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakiti hati. Dan Allah itu Maha Kaya lagi Maha Sabar."(263)

Di sini Allah menjelaskan bahawa sedekah yang diikuti dengan sesuatu yang menyakiti hati itu adalah tidak diperlukan, malah lebih baik dari sedekah yang seperti ini ialah kata-kata yang baik dan perasaan yang memberi kema'afan iaitu kata-kata yang baik itu boleh mengubati hati yang luka dan memenuhkannya dengan rasa kerelaan dan kegembiraan, dan pemberian kema'afan itu dapat mencuci perasaan-perasaan dendam di dalam hati dan menggantikannya dengan perasaan persaudaraan dan setiakawan. Perkataan yang baik dan pemberian kema'afan dalam keadaan seperti ini kedua-duanya dapat melaksanakan tugas utama sedekah iaitu membersihkan jiwa dan menjinakkan hati.

Oleh sebab sedekah itu bukannya suatu kemurahan dari pemberi kepada penerima, malah suatu pinjaman kepada Allah, maka ia diiringi dengan firman-Nya:

وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴿٢٦٣﴾

"Dan Allah itu Maha Kaya lagi Maha Sabar."(263)

Yakni Allah Maha Kaya dari sedekah yang menyakitkan hati. Maha sabar, iaitu Allah mengurniakan rezeki kepada para hamba-Nya, tetapi mereka tidak bersyukur. Namun demikian Allah tidak bertindak segera menghukumkan mereka dan tidak mengambil daya utama menyeksakan mereka. Allahlah yang mengurniakan segala-galanya kepada mereka dan Dialah yang mengurniakan kewujudan kepada diri mereka sebelum mengurniakan sesuatu yang lain kepada mereka. Oleh sebab itu manusia hendaklah belajar dari kesabaran Allah S.W.T. terhadap mereka. Oleh itu mereka seharusnya jangan gopoh melakukan sesuatu perbuatan yang menyakiti hati dan menunjukkan kemarahan kepada orang yang mereka telah berikan sebahagian dari rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka apabila orang-orang itu menunjukkan kelakuan yang tidak menyenangkan mereka atau tidak berterima kasih kepada mereka.

Manusia Digalakkan Mencontohi Sifat-sifat Allah

Al-Qur'an sentiasa mengingatkan manusia dengan sifat-sifat Allah S.W.T. supaya mereka mengambil adab sopan mereka dari sifat-sifat itu sekadar yang terdaya oleh mereka. Peradaban seseorang Muslim juga sentiasa melihat (dan mencari contoh) pada sifat-sifat Allah. Dia berusaha mendaki anak-anak tangganya hingga dia berjaya mencapai sebahagian darinya yang telah ditentukan kepadanya mengikut kemampuan tabi'atnya.

Apabila keterharuan perasaan batin telah mencapai matlamatnya setelah ditayangkan pemandangan tanaman yang subur dan memberi hasil itu sebagai contoh perbandingan bagi orang-orang yang menginfaqkan harta mereka kerana jalan Allah tanpa diiringi dengan perbuatan membangkit-bangkitkan pemberian dan perkataan yang menyakiti hati, dan setelah diperingatkan bahawa Allah itu Maha Kaya dari sedekah-sedekah yang menyakiti hati dan

bahawa Dialah Pengurnia rezeki (yang sabar) dan tidak cepat marah dan menghukum, maka Al-Qur'an tujukan perintah-Nya kepada orang-orang yang beriman supaya mereka jangan menghapuskan pahala sedekah mereka dengan perbuatan membangkit-bangkitkan pemberian dan perkataan yang menyakiti hati itu, dan ia melukiskan satu pemandangan yang menarik atau dua pemandangan yang menarik yang selari dengan pemandangan yang pertama. Pemandangan itu adalah tanaman dan hasilnya yang subur. Kedua-dua pemandangan itu menggambarkan sifat infaq yang ikhlas kepada Allah dan sifat infaq yang bercampur dengan perbuatan membangkit-bangkitkan pemberian dan perkataan yang menyakitkan hati mengikut cara penggambaran yang seni di dalam Al-Qur'an, di mana sesuatu konsep itu ditayangkan dalam bentuk gambaran dan kesannya ditayangkan dalam bentuk harakat dan seluruh keadaan itu ditayangkan dalam bentuk pemandangan yang tersergam di dalam daya khayal.

(Pentafsiran ayat-ayat 264 - 265)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُبْطِلُوا۟ صَدَقَٰتِكُم بِٱلْمَنِّ
وَٱلْأَذَىٰ كَٱلَّذِى يُنفِقُ مَالَهُۥ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ
بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ
تُرَابٌ فَأَصَابَهُۥ وَابِلٌ فَتَرَكَهُۥ صَلْدًا ۖ لَّا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ
شَىْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ
ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

وَمَثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمُ ٱبْتِغَآءَ
مَرْضَاتِ ٱللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍۭ
بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَـَٔاتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ
فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghapuskan pahala sedekah-sedekah kamu dengan perkataan yang membangkit-bangkit dan menyakiti hati seperti orang yang menginfaqkan hartanya kerana menunjuk-nunjuk kepada manusia, sedangkan ia tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Bandingan orang ini samalah dengan batu licin yang ditutupi tanah di atasnya kemudian ia ditimpa hujan yang lebat lalu meninggalkan batu itu terdedah licin. Mereka tidak mendapat suatu apa pun dari apa yang telah mereka usahakan dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang kafir(264). Dan bandingan orang-orang yang menginfaqkan harta mereka untuk mencari keredhaan Allah dan untuk meneguhkan jiwa mereka adalah laksana sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi dan ia ditimpa air hujan yang lebat lalu menghasilkan buah-buahannya dua kali ganda dan andainya ia tidak ditimpai hujan yang lebat, maka cukuplah ia ditimpa gerimis dan Allah Amat Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(265)

Inilah adegan yang pertama, iaitu satu adegan yang sempurna yang mengandungi dua pemandangan yang bertentangan dari segi bentuk, kedudukan dan hasil akibat. Setiap pemandangan mengandungi perincian yang selaras satu sama lain dari segi seni lukis dan seni pembentangan. Ianya juga selaras dengan perasaan-perasaan dan konsep-konsep yang digambarkan oleh pemandangan itu untuk menggambar, menjelma dan menghidupkannya.

Kini kita berada dalam pemandangan pertama di hadapan hati yang keras licin:

كَٱلَّذِى يُنفِقُ مَالَهُۥ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ
وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ

"Seperti orang yang menginfaqkan hartanya kerana menunjuk-nunjukkankan kepada manusia, sedangkan ia tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."

Yakni dia belum merasa kelembutan dan kemanisan imàn, tetapi dia menutup kekerasan hatinya dengan selimut ria'. Hati yang keras yang ditutup dengan selimut ria' ini dilambangkan dengan batu licin:

صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ

"Batu licin yang ditutupi tanah di atasnya."

Iaitu batu yang tidak boleh ditanam dengan apa-apa tanaman dan keras tidak lembut. Ia ditutupi tanah yang tipis yang melindungi kekerasannya dari penglihatan mata sebagaimana ria' melindungi kekerasan hati yang kosong dari iman.

فَأَصَابَهُۥ وَابِلٌ فَتَرَكَهُۥ صَلْدًا ۖ

"Kemudian ia ditimpa hujan yang lebat lalu meninggalkan batu itu terdedah licin."

Yakni air hujan yang lebat itu telah menghapuskan tanah yang nipis (yang menutupi batu itu) lalu terdedahlah batu itu dengan segala kekerasan dan kepejalannya. Ia tidak pernah menumbuhkan apa-apa tanaman dan tidak pernah menghasilkan apa-apa buah-buahan. Demikianlah juga hati orang yang menginfaqkan hartanya di jalan Allah kerana ria' atau menunjuk-nunjukkan kepada manusia tidak pernah menghasilkan kebajikan dan tidak pernah diberi pahala.

Pemandangan yang kedua yang bertentangan dengan pemandangan yang pertama dalam adegan itu ialah pemandangan hati yang dipenuhi keimanan

dan dibasahi dengan kemanisan keimanan. Ia menginfaqkan hartanya kerana Allah:

ٱبۡتِغَآءَ مَرۡضَاتِ ٱللَّهِ

"Untuk mencari keredhaan Allah."

Perbandingan Yang Indah Di Antara Penginfaq Yang Tidak Ikhlas Dan Penginfaq Yang Ikhlas

Ia menginfaqkan harta kerana keyakinannya yang teguh kepada kebajikan, kerana kesedaran yang lahir dari keimanannya dan kerana keimanannya yang bertunjang dengan mendalam di dalam hati nuraninya. Jika hati yang keras ditutup dengan tabir ria' itu dilambangkan dengan batu licin yang keras yang ditutupi tanah, maka hati yang Mu'min itu dilambangkan dengan sebuah kebun yang subur yang mempunyai tanah yang dalam, dibandingkan dengan segenggam tanah di atas batu yang keras tadi, sebuah kebun yang terletak di atas sebuah dataran yang tinggi dibandingkan dengan segenggam tanah yang terletak di atas batu keras yang licin tadi. Ini menjadikan pemandangan itu mempunyai bentuk-bentuk yang selaras. Apabila kebun ini ditimpa hujan yang lebat, maka ia tidak menghakiskan tanahnya yang subur sebagaimana ia menghakiskan tanah yang tipis di atas batu yang pejal itu; malah ia menghidupkan tanaman-tanamannya dan menyuburkannya serta membanyakkan hasilnya.

أَصَابَهَا وَابِلٌ فَـَٔاتَتۡ أُكُلَهَا ضِعۡفَيۡنِ

"Dan ia ditimpa air hujan yang lebat lalu menghasilkan buah-buahannya dua kali ganda."

Yakni air hujan itu menghidupkan pokok di kebun itu sebagaimana sedekah menghidupkan hati yang Mu'min lalu ia menjadi bersih dan bertambah kuat hubungannya dengan Allah, dan hartanya juga turut bersih dan Allah melipat gandakan balasannya seberapa banyak yang Ia sukai, dan seterusnya kehidupan kelompok Muslimin juga turut menjadi bersih, baik dan berkembang subur dengan sebab infaq itu.

فَإِن لَّمۡ يُصِبۡهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ

"Dan andainya ia tidak ditimpa hujan yang lebat, maka cukuplah ia ditimpa hujan gerimis."

Yakni jika tidak ada hujan yang lebat, maka hujan gerimis yang sedikit pun cukup untuk tanah kebun yang subur itu.

Itulah satu adegan yang sempurna yang menayangkan pemandangan-pemandangan yang bertentangan dan dengan perincian-perincian yang tersusun rapi. Ia dibentangkan dengan cara keselarasan yang melemahkan manusia. Ia melambangkan setiap perasaan di dalam hati dan setiap fikiran dengan pemandangan-pemandangan yang jelas. Ia menggambarkan perasaan-perasaan dan pergerakan-pergerakan jiwa dengan keadaan dan pemandangan-pemandangan fizikal yang setanding dengannya. Ia menyarankan ke dalam hati supaya memilih jalan yang betul dengan cara mudah yang menarik.

Oleh sebab adegan ini dari satu aspek menjadi bidang tontonan mata kasar dan mata hati dan segala yang disebut di dalamnya juga dikembalikan kepada Allah Yang Melihat dan Mengetahui segala apa yang ada di sebalik segala yang nyata, maka ayat ini diakhiri dengan satu kenyataan yang menyentuh hati:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٌ ٢٦٥

"Dan Allah Amat Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(265)

Adegan yang kedua pula menggambarkan kesudahan dan akibat dari perbuatan membangkit-bangkitkan pemberian dan mengeluarkan perkataan yang menyakitkan hati bagaimana ia memusnahkan kesan-kesan sedekah di waktu si pemberinya tidak mempunyai apa-apa kekuatan dan penolong dan tidak mempunyai daya untuk menolak kemusnahan itu. Ia menggambarkan kesudahan yang malang itu dengan suatu gambaran yang penuh dengan saranan yang keras, iaitu gambaran ribut badai yang berlaku selepas hidup yang aman dan mewah.

(Pentafsiran ayat 266)

أَيَوَدُّ أَحَدُكُمۡ أَن تَكُونَ لَهُۥ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعۡنَابٍ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ لَهُۥ فِيهَا مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ وَأَصَابَهُ ٱلۡكِبَرُ وَلَهُۥ ذُرِّيَّةٌ ضُعَفَآءُ فَأَصَابَهَآ إِعۡصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَٱحۡتَرَقَتۡۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِ لَعَلَّكُمۡ تَتَفَكَّرُونَ ٢٦٦

"Apakah seseorang dari kamu ingin mempunyai sebuah kebun kurma dan anggur yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan di dalam kebun itu dia mendapat segala buah-buahan kemudian dia ditimpa umur yang tua dan mempunyai zuriat yang lemah tiba-tiba kebun itu dipukul ribut yang kencang yang mengandungi api lalu menyebabkannya terbakar. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat itu kepada kamu supaya kamu berfikir."(266)

Asal sedekah dan kesan-kesannya digambarkan di alam fizikal (seperti berikut):

جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعۡنَابٍ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ لَهُۥ فِيهَا مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ

"Sebuah kebun kurma dan anggur yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan di dalam kebun itu dia mendapat segala jenis buah-buahan."

Iaitu sebuah kebun yang teduh, rimbun, subur dan berbuah. Demikianlah juga sifat sedekah dan kesan-kesannya dan beginilah keadaannya dalam hidup si pemberi, dalam hidup si penerima dan dalam hidup masyarakat manusia. Demikianlah juga sedekah itu mempunyai roh, bayang yang teduh, kebajikan dan keberkatan, mempunyai makanan dan minuman dan mempunyai kebersihan, kesuburan dan pertambahan.

Siapakah yang ingin mempunyai kebun atau kebajikan yang seperti ini kemudian ia melepaskan (ribut) perbuatan yang membangkit-bangkitkan pemberian dan perkataan yang menyakitkan hati, nescaya dimusnahkan kebajikan itu sebagaimana kebun dimusnahkan oleh ribut yang kencang yang mengandungi api.

Bilakah kebun itu dimusnahkan? Ia dimusnahkan pada waktu tuannya berada dalam keadaan yang paling lemah untuk menyelamatkannya dan paling berkehendak kepada bayangan-bayangannya yang teduh dan hasilnya yang baik.

وَأَصَابَهُ ٱلْكِبَرُ وَلَهُۥ ذُرِّيَّةٌ ضُعَفَآءُ فَأَصَابَهَآ
إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَٱحْتَرَقَتْ ۗ

"Kemudian dia ditimpa umur yang tua dan mempunyai zuriat yang lemah tiba-tiba kebun itu dipukul ribut yang kencang yang mengandungi api lalu menyebabkannya terbakar."

Siapakah yang mahukan kesudahan ini? Siapakah yang pernah memikirkan nasib kesudahan yang seperti ini kemudian tidak berusaha menghindarinya?

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْـَٔايَـٰتِ لَعَلَّكُمْ
تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٦٦﴾

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat itu kepada kamu supaya kamu berfikir."(266)

Demikianlah berlangsungnya adegan yang hidup dan nyata, di mana pada mulanya memperlihatkan kepuasan, kemewahan, keni'matan, kesegaran, kesuburan, semangat (yang hidup) dan keindahan, kemudian diikuti ribut yang kencang yang mencetuskan api. Adegan yang menarik ini berlangsung dengan saranan-saranan yang menimbulkan perasaan takut, iaitu perasaan takut yang tidak memberi ruang kepada sikap teragak-agak dalam menentukan pilihan sebelum terlepas peluang dan sebelum kebun yang rimbun, teduh dan berbuah itu dilanggar ribut badai yang mencetuskan api.

Di samping itu keselarasan yang amat halus dan indah yang dapat diperhatikan pada susunan setiap adegan dan pada cara tayangan dan penyusunannya tidak hanya terhenti di atas pemandangan-pemandangan secara persendirian, malah ia menjangkau lebih jauh hingga merangkumi pemandangan-pemandangan secara berkelompok dari awal pelajaran hingga akhirnya. Semuanya ditayangkan dalam satu lingkungan yang sejenis iaitu lingkungan pertanian, iaitu sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, batu pejal yang licin yang ditutupi tanah kemudian ditimpa air hujan yang lebat, sebuah kebun terletak di dataran tinggi yang menghasilkan buah-buahan dua kali ganda banyaknya, iaitu kebun kurma dan anggur.... sehingga hujan lebat, hujan gerimis dan ribut kencang yang menyempurnakan lingkungan pertanian itu turut serta dalam skop tayangan yang seni dan mengharukan itu.

Di sana terdapat satu hakikat yang agung yang wujud di sebalik tayangan yang seni dan mengharukan itu, iaitu hakikat hubungan di antara jiwa manusia dengan tanah bumi. Hakikat asal yang sama, hakikat tabi'at yang sama, hakikat hayat yang sama, yang tumbuh di dalam jiwa dan hayat yang tumbuh di dalam tanah dan hakikat pemusnah atau pembinasa yang sama yang menyerang hayat di dalam jiwa dan hayat di dalam tanah.

Itulah Al-Qur'an kalam yang benar dan indah dan sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 267)

Rangkaian ayat yang berikut melangkah setapak lagi dalam perlembagaan sedekah untuk menerangkan jenis sedekah dan cara mengeluarkannya setelah menjelaskan peradaban dan hasil-hasil ganjarannya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِن طَيِّبَـٰتِ مَا كَسَبْتُمْ
وَمِمَّآ أَخْرَجْنَا لَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا۟
ٱلْخَبِيثَ مِنْهُ تُنفِقُونَ وَلَسْتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن
تُغْمِضُوا۟ فِيهِ ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Infaqkanlah (untuk Sabilullah) sebahagian dari hasil pendapatan kamu yang baik dan dari hasil pendapatan yang Kami keluarkan untuk kamu dari bumi. Dan janganlah kamu sengaja mencari yang tidak baik dari hasil itu untuk kamu infaqkannya, sedangkan kamu sendiri tidak sudi mengambilnya melainkan kamu menurunkan harganya. Dan ketahuilah bahawa Allah itu Maha Kaya lagi Maha Terpuji."(267)

Sedekah Dengan Harta Yang Paling Baik Dan Tinggi Mutunya

Ayat-ayat yang lepas telah menjelaskan asas amalan sedekah dan di atas asas-asas inilah ditegakkan amalan sedekah dan dari asas-asas inilah terbitnya amalan sedekah. Asas-asas inilah yang menghendaki agar pemberian sedekah itu dilakukan dengan harta

yang paling baik. Ia tidak seharusnya dilakukan dengan harta yang kurang mutunya atau harta yang tidak baik yang tidak disukai oleh tuanpunyanya sendiri. Andainya harta yang tidak baik ini dikemukakan kepadanya dalam satu 'aqad jual beli tentulah dia tidak mahu menerimanya kecuali dengan menurunkan harganya. Allah S.W.T. adalah Maha Kaya dari menerima harta sedekah yang tidak baik dan buruk.

Semua Jenis Harta Diwajibkan Zakat

Ini adalah satu seruan umum kepada orang-orang yang beriman di setiap zaman dan dalam setiap generasi. Ia meliputi segala harta kekayaannya yang dapat dicapai oleh daya tenaga; ia meliputi segala hasil pendapatannya dari pencarian yang halal dan baik. Ia meliputi segala hasil bumi yang dikeluarkan Allah untuk mereka seperti hasil-hasil pertanian dan bukan pertanian termasuk logam-logam dan minyak petrol. Oleh sebab itulah nas ini meliputi segala jenis harta sama ada harta yang diketahui di zaman Rasulullah s.a.w. atau harta yang baru diketahui (selepas zaman beliau). Nas ini tetap meliputi dan merangkumi segala jenis harta, tiada satu pun harta yang baru ditemui di mana-mana zaman terlepas dari nas ini. Semuanya diwajibkan zakat mengikut nas ini. Adapun kadar-kadar zakat (yang wajib dikeluarkan) maka ia telah dijelaskan oleh as-Sunnah berdasarkan jenis-jenis harta yang terkenal di zaman itu dan di atas kadar-kadar dan dengan jenis-jenis harta inilah diqiaskan dan dihubungkan jenis-jenis harta yang lain yang baru ditemui.

Ada beberapa riwayat mengenai sebab asal mulanya diturunkan ayat ini dan tidak mengapa disebutkan di sini untuk menghadirkan hakikat kehidupan yang dihadapi oleh Al-Qur'an (di zaman itu) dan hakikat usaha yang dicurahkan oleh Al-Qur'an untuk mendidik dan mengangkatkan jiwa manusia ke tahapnya yang wajar.

Sebab Nuzul Ayat Ini

Ibn Jarir telah meriwayatkan dengan isnadnya daripada al-Bara' ibn Azib r.a. katanya: (Ayat ini) diturunkan kerana orang-orang Ansar. Dahulu kebiasaan orang-orang Ansar apabila tiba masa memotong buah-buah kurma mereka mengeluarkan dari kebun-kebun mereka buah-buah tamar muda yang belum masak lalu mereka gantungkannya di atas tali yang direntangkan di antara dua tiang di masjid Rasulullah s.a.w. kemudian dimakan oleh orang-orang Muhajirin yang miskin, tetapi ada seorang lelaki sengaja memilih buah-buah tamar yang paling rendah mutunya lalu dimasukkannya bersama tandan tamar yang muda itu dengan anggapan harus dibuat begitu. Lalu Allah turunkan ayat yang berikut mengenai mereka yang telah melakukan perbuatan itu:

وَلَا تَيَمَّمُوا۟ ٱلْخَبِيثَ مِنْهُ تُنفِقُونَ

"Dan janganlah kamu sengaja mencari yang tidak baik dari hasil itu untuk kamu infaqkannya."

Begitu juga hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bara' dan katanya: Hadith ini adalah hadith yang sahih mengikut syarat al-Bukhari dan Muslim, tetapi keduanya tidak mengeluarkan hadith ini.

Ibn Abi Hatim pula meriwayatkan hadith ini dengan isnadnya dari satu saluran yang lain daripada al-Bara', katanya: Ayat ini diturunkan kerana kami......... kami adalah tuan-tuan kebun kurma. Setiap orang membawa (mengeluarkan) buah kurmanya (untuk sedekah) mengikut banyak atau sedikitnya. Ia membawa dengan tandannya sekali lalu digantungkannya di dalam masjid. Pada masa itu ahli-ahli as-Suffah tidak mempunyai makanan. Apabila seorang dari mereka merasa lapar ia datang ke tempat itu dan memukul tandan itu dengan tongkatnya lalu gugurlah buah-buah tamar muda dan tamar yang masak dan ia pun makanlah. Di waktu itu ada orang-orang dari mereka yang tidak gemar berbuat kebajikan membawa tandan buah-buah tamar yang paling tidak baik dan buah-buah tamar yang rendah mutunya. Ia membawa tandan tamar yang telah patah lalu digantungkannya (di dalam masjid) oleh itu turunlah ayat:

وَلَا تَيَمَّمُوا۟ ٱلْخَبِيثَ مِنْهُ تُنفِقُونَ وَلَسْتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن تُغْمِضُوا۟ فِيهِ

"Dan janganlah kamu sengaja mencari yang tidak baik dari hasil itu untuk kamu infaqkannya, sedangkan kamu sendiri tidak sudi mengambilnya melainkan kamu menurunkan harganya."(267)

Kata (al-Bara'): Jika seseorang dari kamu dihadiahkan dengan buah kurma seperti yang diberikannya itu tentulah dia tidak akan menerimanya kecuali kerana mengambil mudah atau kerana malu. Selepas itu setiap orang dari kami membawa buah tamar yang baik yang ada padanya.

Kedua-dua riwayat ini hampir-hampir sama dan kedua-duanya menunjukkan kepada satu keadaan yang berlaku di Madinah dan memperlihatkan kepada kita satu lembaran sejarah yang bertentangan dengan lembaran sejarah yang telah dicatatkan oleh orang-orang Ansar di dalam sejarah pengorbanan yang amat murah hati dan pemberian yang amat banyak. Ia memperlihatkan kepada kita bahawa di dalam satu kelompok Muslimin itu terdapat kumpulan yang menjadi contoh-contoh yang menarik dan tinggi dan terdapat pula kumpulan yang memerlukan kepada didikan, asuhan dan bimbingan untuk menuju kepada kesempurnaan sebagaimana setengah-setengah orang Ansar perlu dilarang dari memilih harta-harta yang tidak baik untuk dijadikan sedekah, iaitu harta-harta yang tidak baik yang biasanya tidak diterima oleh mereka dalam pemberian hadiah kecuali kerana malu memulangkan balik dan di dalam 'aqad jual beli kecuali dengan menurunkan harganya, tetapi mereka (tidak segan pula) memberikannya harta yang seperti itu sebagai sedekah kerana Allah.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an iringi dengan kenyataan ini:

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ٢٦٧

"Dan ketahui bahawa Allah itu Maha Kaya lagi Maha Terpuji."(267)

Yakni Maha Kaya (الغني) dari menerima sebarang pemberian manusia, kerana apa yang dikorbankan mereka (ke jalan Allah itu) adalah kebajikan untuk diri mereka sendiri. Oleh sebab itu hendaklah mereka mengorbankan harta yang baik, iaitu harta yang menyenangkan hati mereka.

"Maha Terpuji" (الحميد) yakni menerima segala yang baik dan membalasnya dengan ganjaran yang amat baik.

Setiap sifat dari kedua-dua sifat Allah yang disebut di tempat ini mengandungi saranan yang menggentarkan hati sebagaimana ia telah menggentarkan hati sekumpulan orang-orang Ansar.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا كَسَبۡتُمۡ

"Wahai orang-orang yang beriman! Infaqkanlah (untuk Sabilullah) sebahagian dari hasil pendapatan kamu yang baik."

Yakni jika tidak, maka Allah itu Maha Kaya dari hasil pendapatan kamu yang tidak baik yang kamu sengaja memilihnya untuk di keluarkan sebagai sedekah kamu. Sementara itu Allah S.W.T. memuji kamu apabila kamu mengeluarkan sedekah dari hasil pendapatan yang baik dan akan membalasnya dengan balasan yang penuh keredhaan dan terima kasih walaupun Dia sendiri yang memberi rezeki dan menghulur limpah kurnia-Nya. Ia memberi balasan kepada kamu atas pemberian sedekah itu sebagai berterima kasih, sedangkan Dialah yang telah memberi rezeki itu sebelum ini. Alangkah tingginya saranan Ilahi! Alangkah tingginya galakan Ilahi! Dan alangkah tingginya didikan hati dengan uslub yang amat menarik ini.

Oleh sebab motif keengganan dari mengeluarkan infaq atau motif mengeluarkan sedekah dengan hasil pendapatan yang buruk dan tidak baik itu adalah terbit dari dorongandorongan hati yang tidak baik dan terbit dari kegoyahan keyakinan terhadap rezeki yang tersimpan di sisi Allah, juga terbit dari ketakutan jadi miskin dan papa, iaitu satu perasaan yang tidak pernah menyerang jiwa yang berhubung rapat dengan Allah dan bergantung kepada-Nya, iaitu jiwa yang menginsafi bahawa segala apa yang ada padanya akan kembali kepada Allah.... maka Allah dedahkan dorongan-dorongan yang tidak baik itu kepada orang-orang yang beriman agar dorongan-dorongan itu jelas kepada mereka supaya mereka tahu dari mana dorongan-dorongan itu tumbuh dalam jiwa mereka dan siapakah yang merangsangkan dorongan-dorongan itu di dalam hati mereka.... itulah syaitan.

(Pentafsiran ayat-ayat 268 - 269)

Antara Janji Allah Dengan Janji Syaitan

ٱلشَّيۡطَٰنُ يَعِدُكُمُ ٱلۡفَقۡرَ وَيَأۡمُرُكُم بِٱلۡفَحۡشَآءِۖ وَٱللَّهُ يَعِدُكُم مَّغۡفِرَةٗ مِّنۡهُ وَفَضۡلٗاۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٞ ٢٦٨

يُؤۡتِي ٱلۡحِكۡمَةَ مَن يَشَآءُۚ وَمَن يُؤۡتَ ٱلۡحِكۡمَةَ فَقَدۡ أُوتِيَ خَيۡرٗا كَثِيرٗاۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٢٦٩

"Syaitan itu menjanjikan kemiskinan kepada kamu dan menyuruh kamu melakukan kejahatan, sedangkan Allah menjanjikan kepada kamu keampunan dan limpah kurnia dari-Nya dan Allah itu Maha Luas pengurniaan-Nya dan Maha Mengetahui(268). Allah mengurniakan hikmat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang dikurniakan hikmat, maka sesungguhnya ia telah dikurniakan kebajikan yang banyak. Dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal."(269)

Maksudnya syaitan itu menakut-nakutkan kamu dengan kemiskinan kerana itu ia merangsangkan di dalam hati kamu perasaan tamak haloba dan keinginan berebut-rebut (harta dunia). Syaitan menyuruh kamu melakukan fahsya', iaitu tiap-tiap perbuatan jahat yang melampaui batas, walaupun kata-kata ini kebanyakannya dipakai kepada jenis-jenis kejahatan yang tertentu sahaja, namun ia meliputi segala jenis kejahatan. Takut kepada kemiskinan itulah yang mendorong orang-orang Arab di zaman jahiliyah menanam anak-anak perempuan mereka dan ini adalah suatu kejahatan. Tamak mengumpulkan harta kekayaan itulah yang mendorong setengah-setengah mereka makan riba dan ini adalah suatu kejahatan, tetapi takut kepada kemiskinan dengan sebab infaq kerana jalan Allah itu sendiri merupakan suatu kejahatan juga.

Ketika syaitan sibuk menakut-nakutkan kamu dengan kemiskinan dan menyuruh kamu melakukan kejahatan, maka Allah menjanjikan kamu dengan keampunan dan limpah kurnia:

وَٱللَّهُ يَعِدُكُم مَّغۡفِرَةٗ مِّنۡهُ وَفَضۡلٗاۗ

"Sedangkan Allah menjanjikan kepada kamu keampunan dan limpah kurnia dari-Nya."

Di sini didahului keampunan dan dikemudiankan limpah kurnia, kerana limpah kurnia itu merupakan ni'mat tambahan kepada keampunan dan ia juga merangkumi pemberian rezeki di bumi ini sebagai balasan terhadap pengorbanan kerana jalan Allah dan kerana infaq.

وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦٨﴾

"Dan Allah itu Maha Luas pengurniaan-Nya dan Maha Mengetahui."(268)

Yakni Allah memberi pengurniaan-Nya yang luas dan mengetahui segala apa yang dibisikkan di dalam dada dan segala yang terlintas di dalam hati nurani. Dan Allah tidak hanya memberi harta sahaja dan tidak juga memberi keampunan sahaja malah ia memberi pula "hikmat" iaitu kebijaksanaan mencari jalan saksama dan sederhana, memahami sebab musabab dan matlamat-matlamat dan meletakkan segala sesuatu pada tempatnya yang wajar dengan penuh hemat, hati-hati dan mengerti:

يُؤْتِي ٱلْحِكْمَةَ مَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُؤْتَ ٱلْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ

"Allah mengurniakan hikmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang dikurniakan hikmat, maka sesungguhnya ia telah dikurniakan kebajikan yang banyak."

Yakni ia dikurniakan sikap yang saksama dan sederhana. Oleh sebab itu ia tidak melakukan kejahatan dan tidak melampaui batas; Ia dikurniakan kebolehan memahami sebab musabab dan matlamat-matlamat, oleh sebab itu ia tidak sesat dalam menilaikan sesuatu urusan, ia juga dikurniakan mata hati yang terang yang dapat menunjukkannya kepada harakat-harakat dan amalan-amalan yang baik dan betul. Itulah berbagai-bagai kebajikan yang beraneka warna.

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٢٦٩﴾

"Dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal."(269)

Yakni orang yang berakal itulah yang mengambil pengajaran. Oleh kerana itu ia selalu ingat dan tidak lupa, ia selalu sedar dan tidak lalai. Ia selalu mengambil i'tibar dan oleh kerana itu ia tidak tersesat jalan. Inilah fungsi akal. Fungsi (utamanya) ialah mengingati pernyataan-pernyataan yang membawa hidayat dan bukti-buktinya serta mengambil manfa'at darinya dan tidak lagi hidup dengan keadaan lalai cuai.

Hikmat ini dikurniakan Allah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya. Ia diikatkan dengan kehendak Allah S.W.T. Inilah dasar pokok dalam kefahaman Islam, iaitu dasar mengembalikan segala sesuatu kepada kehendak Allah yang bebas dan dalam waktu yang sama Al-Qur'an menetapkan satu hakikat yang lain iaitu sesiapa yang berkehendak kepada hidayat dan berjuang untuk mendapatkannya, maka Allah tidak akan mengharamkan hidayat dari-Nya, malah Dia akan menolongnya untuk mencapaikannya:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَمَعَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

"Dan orang-orang yang berjuang untuk mendapat keredhaan Kami, Kami tetap menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami dan sesungguhnya Allah tetap bersama-sama para Muhsinin."

(Surah al-Ankabut : 69)

Oleh itu setiap orang yang menuju kepada hidayat Allah hendaklah yakin bahawa masyi'ah Allah akan mengurniakan hidayat dan hikmat kepadanya dan akan menganugerahkannya kebajikan yang banyak.

Di sana ada lagi satu hakikat yang kami ingin perkatakannya sebelum meninggalkan perhentian ini iaitu pada firman-Nya:

ٱلشَّيْطَٰنُ يَعِدُكُمُ ٱلْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُم بِٱلْفَحْشَآءِ ۖ وَٱللَّهُ يَعِدُكُم مَّغْفِرَةً مِّنْهُ وَفَضْلًا ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦٨﴾

"Syaitan itu menjanjikan kemiskinan kepada kamu dan menyuruh kamu melakukan kejahatan, sedangkan Allah menjanjikan kepada kamu keampunan dan limpah kurnia dari-Nya dan Allah itu Maha Luas Pengurniaan-Nya dan Maha Mengetahui."(268)

يُؤْتِي ٱلْحِكْمَةَ مَن يَشَآءُ ۚ

"Allah mengurniakan hikmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(269)

Di hadapan manusia hanya ada dua jalan sahaja, tiada jalan yang ketiga iaitu jalan Allah dan jalan syaitan. Sama ada dia mendengar janji Allah atau mendengar janji syaitan. Dan sesiapa yang tidak berjalan di jalan Allah dan mendengar janji Allah bererti ia berjalan di jalan syaitan dan mengikut bisikannya. Di sana tiada sistem hidup yang lain melainkan hanya satu sistem hidup sahaja, iaitu sistem hidup yang benar yang diatur oleh Allah dan selain dari sistem ini ialah sistem untuk syaitan dan dari syaitan belaka.

Hakikat ini dijelaskan oleh Al-Qur'anul-Karim berulang-ulang kali dan ditegaskannya dengan segala macam penegasan supaya tidak ada sebarang alasan bagi sesiapa yang hendak menyeleweng dari sistem Allah, kemudian mendakwa mengikut jalan hidayat dan jalan yang betul dalam apa-apa perkara sekalipun. Di sana tidak ada sebarang kekeliruan dan kesamaran lagi sama ada mengikut Allah atau mengikut syaitan, sama ada mengikut sistem Allah atau mengikut sistem syaitan, sama ada mengikut jalan Allah atau mengikut jalan syaitan. Setiap orang boleh memilih dengan bebas.

لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَىَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ ۗ

"Supaya yang binasa, binasa dengan pengertian yang jelas, dan yang hidup, hidup dengan pengertian yang jelas."

(Surah al-Anfal : 42)

Tidak ada apa-apa kekeliruan dan kesamaran lagi sama ada hidayat atau kesesatan. Kebenaran itu hanya satu, tidak berbilang dan tiada selepas kebenaran melainkan kesesatan.

Selepas itu kita kembali semula kepada pembicaraan sedekah bersama rangkaian ayat-ayat yang berikut, iaitu Allah mengetahui segala apa yang diinfaqkan oleh seseorang sama ada berupa sedekah atau nazar, sama ada secara sembunyi-sembunyi atau secara terang-terangan dan berdasarkan ilmu-Nya inilah Allah membalas setiap perbuatan dan niat di sebaliknya.

(Pentafsiran ayat-ayat 270 - 271)

Pemberian Sedekah Secara Sembunyi Dan Secara Terbuka

وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن نَّفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُم مِّن نَّذْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُهُۥ ۗ وَمَا لِلظَّـٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿٢٧٠﴾

إِن تُبْدُوا۟ ٱلصَّدَقَـٰتِ فَنِعِمَّا هِىَ ۖ وَإِن تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا ٱلْفُقَرَآءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ وَيُكَفِّرُ عَنكُم مِّن سَيِّـَٔاتِكُمْ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

"Apa sahaja perbelanjaan yang kamu infaqkan dan apa sahaja nazar yang kamu nazarkan, maka sesungguhnya Allah Amat Mengetahuinya. Dan orang-orang yang zalim itu tidak mempunyai penolong-penolong(270). Jika kamu menzahirkan (pemberian) sedekah-sedekah, maka itu adalah perbuatan yang baik dan jika kamu sembunyikannya dan kamu berikannya kepada fakir miskin, maka itulah yang lebih baik bagi kamu. Dan Allah menghapuskan dari kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu."(271)

Perbelanjaan (yang dimaksudkan di sini) merangkumi segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh seseorang dari hartanya; sama ada berupa zakat atau sedekah atau derma sukarela untuk jihad. Nazar ialah salah satu dari jenis-jenis perbelanjaan yang diwajibkan oleh seorang ke atas dirinya sendiri dengan menentukan kadar yang tertentu. Nazar tidak boleh dibuat kepada yang lain dari Allah. Ia hanya untuk Allah dan untuk Sabilullah sahaja. Nazar yang dibuat kepada mana-mana hamba Allah merupakan satu perbuatan syirik sama seperti sembelihan-sembelihan yang dipersembahkan oleh kaum Musyrikin kepada tuhan-tuhan dan berhala-berhala mereka di berbagai-bagai zaman jahiliyah.

وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن نَّفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُم مِّن نَّذْرٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُهُۥ ۗ

"Apa sahaja perbelanjaan yang kamu infaqkan dan apa sahaja nazar yang kamu nazarkan, maka sesungguhnya Allah Amat Mengetahuinya."

Kesedaran seseorang Mu'min bahawa Allah sentiasa melihat niat dan hati nuraninya, melihat harakat dan tindak-tanduknya menimbulkan di dalam hatinya berbagai-bagai perasaan yang hidup, iaitu perasaan taqwa dan perasaan segan kalau terlintas di dalam benaknya fikiran ria' atau menunjuk-nunjuk, fikiran kikir atau bakhil dan fikiran takut kepada kemiskinan atau kerugian, juga perasaan ketenteraman dan keyakinan terhadap balasan Allah, perasaan puas hati dan senang dengan amalan-amalan yang dilakukannya kerana Allah dan dengan perbuatan mensyukuri ni'mat Allah dengan menginfaqkan sebahagian rezeki yang telah dikurniakan kepadanya.

Adapun orang yang tidak menunaikan kewajipan ni'mat harta kepada Allah dan kepada para hamba-Nya dan orang yang menahankan ni'mat harta setelah dikurniakan Allah kepadanya, maka ia adalah seorang yang zalim, iaitu zalim terhadap janjinya dengan Allah, zalim terhadap manusia dan zalim terhadap dirinya sendiri:

وَمَا لِلظَّـٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿٢٧٠﴾

"Dan orang-orang yang zalim itu tidak mempunyai penolong-penolong."(270)

Menunaikan kewajipan ni'mat harta itu adalah perbuatan yang 'adil dan menahankan ni'mat harta adalah perbuatan yang zalim. Dan manusia dalam persoalan ini terbahagi kepada dua jenis: Manusia yang 'adil yang menunaikan janjinya dengan Allah iaitu jika dikurniakan ni'mat, dia menyempurnakan kewajipannya dan bersyukur, dan manusia yang zalim yang memungkiri janjinya dengan Allah dan tidak menunaikan kewajipan dan tidak bersyukur.

وَمَا لِلظَّـٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿٢٧٠﴾

"Dan orang-orang yang zalim itu tidak mempunyai penolong-penolong."(270)

Mengeluarkan sedekah secara sembunyi apabila sedekah itu sedekah sukarela adalah lebih afdal dan lebih disukai oleh Allah. Ia lebih wajar dibuat begitu agar sedekah itu bersih dari kekotoran keinginan menunjuk-nunjuk dan ria', tetapi apabila sedekah itu merupakan sedekah yang wajib, maka mengeluarkannya secara terang-terangan dan terbuka itu mengandungi tujuan melahirkan kepatuhan dan tujuan. Ini lebih baik tersebar dan terbuka (kepada

umum). Oleh sebab itulah ayat yang berikut menjelaskan:

إِن تُبْدُوا۟ ٱلصَّدَقَـٰتِ فَنِعِمَّا هِىَ ۖ وَإِن
تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا ٱلْفُقَرَآءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ

"Jika kamu menzahirkan (pemberian) sedekah-sedekah, maka itu adalah perbuatan yang baik dan jika kamu sembunyikannya dan kamu berikannya kepada fakir miskin maka itulah yang lebih baik bagi kamu."

Ayat ini mengandungi dua keadaan sedekah dan setiap keadaan disesuaikan dengan cara penanganannya dan kedua-duanya diberi kepujian pada tempat-tempat masing-masing dan kedua-duanya dijanjikan dengan penghapusan dosa:

وَيُكَفِّرُ عَنكُم مِّن سَيِّـَٔاتِكُمْ ۗ

"Dan Allah menghapuskan dari kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu."

Kemudian ayat yang berikut merangsangkan di dalam hati mereka perasaan taqwa dan perasaan segan melakukan dosa di satu aspek dan merangsangkan perasaan ketenteraman dan ketenangan di satu aspek yang lain, dan menghubungkan hati mereka dengan Allah tentang niat dan tindak-tanduk mereka dalam segala keadaan:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

"Dan Allah itu mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(271)

Mengapa Infaq Dijelaskan Dengan Panjang Lebar Oleh Al-Qur'an

Kita pastilah memerhatikan bagaimana Al-Qur'an memberi bimbingan dan arahan yang panjang lebar mengenai infaq dan bagaimana ia menggunakan berbagai-bagai cara galakan dan ancaman mengenainya supaya kita dapat memahami dua perkara (yang penting). Pertama: Memahami betapa jauhnya pandangan Islam terhadap tabi'at manusia dan perasaan tamak dan bakhil yang mengongkongi jiwanya, juga terhadap perlunya digerakkan dan dirangsangkan secara berterusan supaya ia dapat mengatasi perasaan tamak dan dapat membebaskan dirinya dari perasaan kikir dan bakhil dan dapat meningkat ke tahap yang luhur yang dikehendaki Allah. Kedua: Memahami tabi'at manusia yang dihadapi oleh Al-Qur'an, iaitu tabi'at manusia yang wujud di dalam masyarakat Arab yang amat dikenali umum sebagai murah hati dan dermawan, tetapi kemurahan dan kedermawanan itu adalah bertujuan untuk mendapat kemasyhuran dan sanjungan manusia agar berita-berita kemurahan mereka menjadi berita-berita yang dipindah-pindahkan ke merata perkhemahan. Oleh itu bukanlah menjadi satu perkara yang mudah kepada Islam untuk mengajar mereka bersedekah dengan ikhlas tanpa mengharapkan semuanya ini, iaitu bersedekah kerana Allah semata-mata bukannya kerana manusia. Sudah tentu perkara yang seperti ini memerlukan kepada didikan dan asuhan yang lama, usaha-usaha yang banyak dan seruan-seruan yang berterusan ke arah keluhuran jiwa, keikhlasan dan kebersihan, dan semuanya telah berlaku.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 272)

Oleh sebab itulah satu peralihan pembicaraan dibuat iaitu dari berbicara dengan orang-orang yang beriman kepada berbicara dengan Rasulullah s.a.w. untuk menjelaskan beberapa hakikat yang besar yang mempunyai kesan yang mendalam dalam usaha menegakkan kefahaman Islam di atas asas-asasnya (yang kukuh) dan menegakkan tingkahlaku Islam di atas jalannya (yang sebenar):

لَّيْسَ عَلَيْكَ هُدَىٰهُمْ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى
مَن يَشَآءُ ۗ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنفُسِكُمْ ۚ
وَمَا تُنفِقُونَ إِلَّا ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ ٱللَّهِ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟
مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٢﴾

"Bukanlah tanggunganmu memberi hidayat kepada mereka, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakan, maka kebaikannya kembali kepada diri kamu sendiri dan tiadalah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredhaan Allah dan apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakan Kami akan sempurnakan balasannya dan kamu tidak akan dianiayai."(272)

Ibn Abi Hatim telah meriwayatkan dengan isnadnya daripada Ibn Abbas radhiallahu 'anhuma daripada Nabi s.a.w. bahawa dahulu beliau menyuruh supaya jangan diberi sedekah melainkan kepada orang-orang Islam sehingga turun ayat:

لَّيْسَ عَلَيْكَ هُدَىٰهُمْ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى
مَن يَشَآءُ ۗ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنفُسِكُمْ ۚ
وَمَا تُنفِقُونَ إِلَّا ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ ٱللَّهِ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟
مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٢﴾

Dan selepas turun ayat ini beliau pun menyuruh supaya sedekah itu diberikan kepada siapa sahaja yang meminta kepada anda dari segala agama.

Hidayat Adalah Urusan Allah Bukannya Dari Ikhtisas Manusia

Adapun urusan hati, hidayatnya dan kesesatannya, maka ia bukan urusan seseorang makhluk Allah walaupun dia itu Rasulullah s.a.w. sendiri. Ia adalah urusan Allah Yang Maha Esa sahaja. Kerana hati itu adalah dari ciptaan Allah dan tiada siapa selain Allah yang boleh menguasai dan mengendalikannya. Tiada siapa yang mempunyai kuasa di atas hati-hati itu

selain dari Allah. Tugas rasul hanya menyampaikan perintah dan urusan hidayat terletak di tangan Allah. Ia mengurniakannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari mereka yang diketahui wajar menerima hidayat dan berusaha untuk mendapatkannya. Mengeluarkan urusan hidayat dari ikhtisas manusia itu menjelaskan hakikat yang pasti ditanam di dalam hati setiap Muslim agar ia bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam usahanya untuk mencari hidayat dan agar ia menerima bukti-bukti hidayat dari Allah Yang Maha Esa sahaja. Kemudian hakikat ini juga melapangkan dada Rasulullah Sahibud-Da'wah dalam menghadapi kedegilan orang-orang yang sesat. Kerana itu hatinya tidak merasa bosan terhadap mereka apabila beliau berda'wah kepada mereka, malah beliau menaruh perasaan belas kasihan terhadap mereka dan menunggu-nunggu keizinan Allah semoga hati mereka mendapat hidayat dan semoga Allah memberi taufiq kepada mereka ke arah mendapat ma'rifat Allah apabila Ia kehendaki.

لَّيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى مَن يَشَآءُ ۗ

"Bukanlah tanggunganmu memberi hidayat kepada mereka tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya."

Oleh itu hendaklah engkau lapangkan dadamu kepada mereka dan banyakkan toleransimu kepada mereka dan hulurkan kebajikan dan pertolongan yang diperlukan mereka darimu dan serahkan perkara mereka kepada Allah dan ganjaran setiap pemberi bantuan tersimpan di sisi Allah.

Setiap Mereka Yang Berkeperluan Berhak Mendapat Pertolongan

Dari sinilah kita dapat melihat beberapa kemuncak toleransi yang tinggi dan gemilang dan ke kemuncak inilah Islam mengangkatkan hati kaum Muslimin dan melatihkan mereka supaya mencapaikannya. Islam bukan sahaja menegakkan dasar kebebasan beragama dan bukan sahaja melarang paksaan memeluk agama, malah Islam menegakkan dasar yang lebih jauh dari itu lagi, iaitu ia menegakkan dasar toleransi insaniyah yang diambil dari arahan Allah S.W.T. yang menetapkan bahawa seluruh orang yang berkeperluan itu berhak mendapat pertolongan dan bantuan - selama mereka tidak berada dalam keadaan perang dengan kelompok Muslimin - tanpa memandang kepada agama mereka, ia juga menetapkan bahawa ganjaran bagi orang-orang yang memberi pertolongan itu tetap tersimpan di sisi Allah dalam segala keadaan selama infaq itu bertujuan mencari keredhaan Allah. Itulah toleransi yang membangkit dan menampilkan umat manusia ke depan. Hanya Islam sahaja yang dapat melakukannya dan hanya orang-orang Islam sahaja yang mengetahui hakikat-hakikatnya:

وَمَا تُنفِقُوا۟ مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنفُسِكُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُونَ إِلَّا ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ ٱللَّهِ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٢﴾

"Dan apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakan, maka kebaikannya kembali kepada diri kamu sendiri dan tiadalah kamu membelanjakan sesuatu melainkan semata-mata kerana mencari keredhaan Allah. Dan apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya, akan disempurnakan balasannya dan kamu tidak akan dianiayai."(272)

Kita tidak sepatutnya terluput dari memahami tujuan kenyataan yang menarik perhatian yang disebut di dalam ayat ini mengenai sikap orang-orang yang beriman apabila mereka membelanjakan sesuatu:

وَمَا تُنفِقُونَ إِلَّا ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ ٱللَّهِ ۚ

"Dan tiadalah kamu membelanjakan sesuatu melainkan semata-mata kerana mencari keredhaan Allah."

Dasar Memberi Infaq Semata-mata Kerana Allah

Inilah satu-satunya sikap orang yang beriman. Dia tidak membelanjakan sesuatu melainkan semata-mata kerana mencari keredhaan Allah. Dia tidak membelanjakan sesuatu kerana hawa nafsu dan tidak pula kerana sesuatu tujuan. Dia tidak membelanjakan sesuatu sedangkan matanya melihat kepada orang ramai untuk mendengar apakah mereka kata. Dia tidak membelanjakan sesuatu untuk menguasai dan mempengaruhi orang ramai atau untuk berlagak angkuh dan sombong terhadap mereka. Dia tidak membelanjakan sesuatu supaya ia disukai oleh orang yang berkuasa atau supaya ia dikurniakan bintang atau pingat penghargaan. Dia tidak membelanjakan sesuatu melainkan semata-mata kerana mencari keredhaan Allah dan semata-mata ikhlas kerana Allah dan oleh sebab itulah dia yakin Allah akan menerima sedekahnya, yakin bahawa Allah akan memberkati hartanya, yakin kepada ganjaran dan limpah kurnia Allah dan yakin kepada balasan yang baik dari Allah kepada para hamba-Nya. Dan hatinya meningkat luhur dan bersih dengan sedekah yang diberikannya itu sedangkan dia masih berada di bumi ini lagi. Dan selepas itu dia akan memperolehi pemberian Allah di Akhirat pula dan seluruhnya merupakan limpah kurnia Ilahi.

Kemudian ayat yang berikut secara khusus menyebut salah satu dari saluran-saluran mengeluarkan sedekah dan menayangkan satu gambaran peribadi yang halus, bersih, jujur dan mulia bagi sekumpulan orang-orang yang beriman, iaitu satu gambaran yang menggerakkan perasaan dan menyedarkan hati untuk memahami kumpulan manusia yang berjiwa enggan meminta pertolongan dan bantuan kerana itu mereka tidak menghinakan

diri dan tidak boleh dihinakan. Mereka enggan meminta dan enggan bercakap:

(Pentafsiran ayat 273)

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا
يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُم
بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا ۗ وَمَا
تُنفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾

"(Infaqlah) kepada orang-orang fakir miskin yang telah ditumpukan untuk jihad fi Sabilillah, yang tidak berupaya merantau (mencari rezeki) di bumi. Orang-orang yang tidak tahu menyangka mereka sebagai orang-orang kaya kerana menahan diri dari meminta. Engkau dapat mengenal mereka dengan tanda-tanda dan keadaan mereka. Mereka tidak meminta dari orang lain secara mendesak. Apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya."(273)

Golongan Miskin Yang Enggan Mengemis

Dahulu sifat yang menarik ini menjadi sifat sekumpulan orang-orang Muhajirin. Mereka telah meninggal harta benda dan keluarga mereka di Makkah untuk menetap di Madinah. Mereka tumpukan diri mereka untuk berjihad di jalan Allah dan mengawal Rasulullah s.a.w. seperti ahli as-Suffah yang tinggal di pinggir masjid untuk menjaga rumah-rumah Rasulullah s.a.w. supaya tidak dicerobohi musuh. Mereka telah ditumpukan untuk berjihad dan kerana itu mereka tidak dapat merantau kerana berniaga dan mencari rezeki. Namun demikian, mereka tidak meminta-minta sesuatu dari orang lain, mereka menahan diri dari meminta hingga orang-orang yang tidak mengetahui keadaan mereka menyangka bahawa mereka adalah orang-orang kaya kerana mereka menahan diri dari meminta dan enggan dari menunjukkan kemiskinan mereka dan tiada siapa yang mengetahui mereka melainkan orang-orang yang mempunyai perhatian yang tajam.

Namun demikian, nas ini adalah satu nas yang umum yang mencakupi orang-orang yang lain dari mereka (Muhajirin) di setiap zaman, iaitu mencakupi orang-orang miskin yang berjiwa tinggi yang hidup dalam satu keadaan yang menghalangkan mereka dari berusaha mencari rezeki dan mereka mempunyai kehormatan diri yang menghalangkan mereka dari meminta pertolongan dan bantuan. Mereka menahan diri dari meminta supaya kemiskinan mereka tidak ketara dan kerana itu mereka disangkakan kaya oleh orang-orang yang tidak mengetahui keadaan mereka, tetapi orang-orang yang peka dan mempunyai mata hati yang terbuka dapat memahami apa yang sebenar di sebalik jaga diri itu, kerana perasaan-perasaan jiwa mereka dapat dilihat dengan jelas pada tanda-tanda dan keadaan mereka walaupun mereka cuba menyembunyikannya kerana malu.

Itulah satu gambaran yang mempunyai saranan yang amat mendalam. Ia digambarkan oleh sepotong ayat yang pendek untuk menunjukkan satu contoh manusia yang mulia. Itulah satu gambaran yang sempurna yang memperlihatkan sifat menahan diri dari meminta. Setiap rangkaian kata merupakan satu coretan lukisan yang menggambarkan watak dan sifat, menggambarkan perasaan dan emosi. Dan sebaik sahaja seseorang itu selesai membaca ayat ini, maka segala wajah dan peribadi yang digambarkan itu muncul dengan jelas seolah-olah dapat dilihat olehnya. Itulah cara Al-Qur'an menggambarkan contoh-contoh manusia dengan gambaran yang seolah-olah hidup dan bergerak.

Mereka yang miskin dan menyembunyikan kemiskinan mereka seolah-olah mereka menutup 'aurat itu hendaklah diberi sedekah kepada mereka dengan cara sembunyi dan lemah-lembut supaya maruah dan kehormatan mereka tidak terguris. Oleh sebab itulah ayat ini diiringi dengan kenyataan yang menyarankan supaya sedekah itu diberi dengan cara sembunyi dan meyakinkan para pemberinya bahawa Allah mengetahui setiap pemberiannya dan akan memberi ganjaran kepadanya:

وَمَا تُنفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾

"Apa sahaja kebajikan yang kamu belanjakannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahuinya."(273)

Hanya Allah sahaja yang mengetahui rahsia dan sebarang kebajikan tidak akan hilang di sisi-Nya.

Pada akhirnya ayat yang berikut mengakhiri perlembagaan sedekah di dalam pelajaran ini dengan mengemukakan satu nas yang umum yang meliputi segala cara infaq dan segala masa infaq, juga mengemukakan satu hukum yang meliputi setiap orang yang mengeluarkan infaq kerana Allah:

(Pentafsiran ayat 274)

الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُم بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا
وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾

"Orang-orang yang menginfaqkan harta mereka (ke jalan Allah) malam dan siang, secara sulit atau secara terang-terangan, maka mereka akan memperolehi pahala mereka di sisi Allah. Tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka berdukacita."(274)

Keselarasan dapat dilihat dengan jelas pada kenyataan penamat ini dari segi keumuman dan kesyumulan nas itu sama ada di permulaan ayat atau pada akhirnya seolah-olah kenyataan penamat ini merupakan nada akhir yang meliputi segala-galanya walaupun pendek.

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُم

"Orang-orang yang menginfaqkan harta mereka (ke jalan Allah)."

Demikianlah ia jelaskan secara umum meliputi segala jenis hartanya.

بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً

"Malam dan siang secara sulit atau secara terang-terangan."

Yakni merangkumi segala waktu dan segala keadaan.

فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ

"Maka mereka akan memperolehi pahala mereka di sisi Allah."

Demikianlah ia dijelaskan secara umum bahawa mereka akan mendapat harta yang berlipatganda, keberkatan umur, balasan di Akhirat dan keredhaan Allah.

وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾

"Tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka berdukacita."(274)

Yakni tiada apa-apa kebimbangan dari sesuatu yang boleh menakutkan mereka dan tiada apa-apa kedukacitaan dari sesuatu yang boleh mendukacitakan mereka sama ada di dunia atau di Akhirat.

Itulah keselarasan yang terdapat dalam kata penamat perlembagaan sedekah yang lurus, yang menyarankan keumuman dan kesyumulan.

* * * * * *

Islam Tidak Menegakkan Kehidupan Pemeluknya Di Atas Pemberian Sedekah

Walau bagaimanapun, Islam tidak menegakkan kehidupan pemeluknya di atas pemberian sedekah, kerana seluruh sistem Islam adalah ditegakkan pertama-tamanya di atas dasar memberi kemudahan kerja dan rezeki kepada setiap orang yang mampu mencari makan dan di atas dasar pengagihan kekayaan yang baik di antara para pemeluknya berdasarkan pertimbangan yang benar dan 'adil di antara usaha dan ganjaran. Tetapi di sana terdapat keadaan-keadaan yang terkecuali kerana sebab-sebab yang khas dan keadaan-keadaan inilah yang diatasi dengan sedekah, kadang-kadang dalam bentuk zakat yang wajib dipungut oleh kerajaan Islam yang melaksanakan syari'at Allah semuanya. Inilah satu-satunya kerajaan yang berhak memungut zakat itu. Ia merupakan salah satu sumber yang penting dari sumber-sumber kewangan negara bagi kerajaan Islam, dan kadang-kadang pula dalam bentuk sedekah sukarela yang tidak terbatas yang diberikan secara langsung oleh orang-orang yang mampu kepada orang-orang yang tidak mampu dengan memelihara peradaban-peradaban yang telah diterangkan sebelum ini. Ia juga memelihara sifat menjaga diri dan segan meminta para penerima sedekah yang telah digambarkan dengan jelas oleh ayat ini. Sifat ini telah diasuh oleh Islam di dalam jiwa para penganutnya dan membuat seseorang dari mereka merasa segan untuk meminta-minta pada orang lain walaupun ia mempunyai harta yang terlalu sedikit untuk memenuhi keperluan hidupnya.

Al-Bukhari telah meriwayatkan dengan isnadnya dari 'Ata' ibn Yasar dan Abdul Rahman ibn Abi 'Amrah kedua-duanya berkata: "Kami telah mendengar Abu Hurayrah berkata: Sabda Rasulullah s.a.w.:

ليس المسكين الذى ترده التمرة والتمرتان ولا اللقمة واللقمتان، انما المسكين الذى يتعفف: اقرأوا ان شئتم يعني قوله «لا يسئلون النّاس إلحافاً.»

"Orang-orang yang miskin itu bukanlah orang yang mendapat sebiji dua buah tamar dan bukan pula orang yang mendapat sesuap dua makanan, tetapi orang yang miskin yang sebenar itu ialah orang yang segan meminta". Bacalah jika kamu suka firman Allah:

لَا يَسْـَٔلُونَ ٱلنَّاسَ إِلْحَافًا

"Mereka tidak meminta dari orang lain secara mendesak."

Al-Imam Ahmad meriwayatkan: Kami telah diceritakan oleh Abu Bakar al-Hanafi, kami telah diceritakan oleh Abdul Hamid ibn Ja'afar daripada bapanya daripada seorang lelaki dari Madinah: Bahawa ibunya telah berkata kepadanya: Mengapakah engkau tidak pergi meminta kepada Rasulullah s.a.w. seperti orang lain meminta kepadanya? Lalu aku pun pergi untuk meminta kepadanya dan aku dapati beliau sedang berdiri berpidato katanya:

ومن استعف أعفه الله، ومن استغنى أغناه الله. ومن يسأل الناس وله عدل خمس أواق فقد سأل الناس إلحافاً

"Sesiapa yang menahan dirinya dari meminta, nescaya Allah jadikannya seorang yang mempunyai daya menahan diri dari meminta dan sesiapa yang berdikari nescaya Allah jadikannya seorang yang mempunyai daya berdikari dan sesiapa yang meminta-minta kepada orang lain sedangkan dia mempunyai harta senilai lima uqiyah (perak)[6] bererti ia meminta kepada orang lain secara mendesak."

Lalu aku pun berkata kepada diriku sendiri: Seekor unta yang dimilik olehku itu lebih baik (tinggi harganya) dari lima uqiyah. Hambaku juga memiliki seekor unta yang lain, maka unta ini juga lebih baik dari lima uqiyah. Lalu aku pun terus balik dan tidak meminta apa-apa kepada beliau!

---

[6] *Nilai satu uqiyah ialah empat puluh dirham.*

Ujar al-Hafiz at-Tabrani dengan isnadnya dari Muhammad ibn Sirin katanya: Telah sampai berita kepada al-Harith - seorang lelaki Quraisy yang berada di Syam - bahawa Abu Zar ada kesuntukan wang lalu ia kirimkan kepadanya tiga ratus dinar, maka berkatalah Abu Zar: Tiada seorang hamba Allah ini yang menemui seorang yang lebih senang dari saya kerana saya dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

من سأل وله أربعون فقد ألحف

"Sesiapa yang meminta, sedangkan dia mempunyai empat puluh dirham, maka bererti dia telah meminta secara mendesak."

Keluarga Abu Zar sememangnya mempunyai harta senilai empat puluh dirham iaitu seekor kibasy dan dua orang Mahan iaitu dua orang khadam mengikut Abu Bakar ibn 'Ayasy.

Islam Satu Sistem Yang Sepadu

Islam adalah satu sistem hidup yang sepadu. Seluruh perintahnya, arahannya, undang-undang dan peraturannya adalah beroperasi secara bersepadu. Ia tidak boleh diambil secara bahagian-bahagian yang berasingan. Ia mengaturkan semua peraturannya supaya beroperasi serentak dan sepadu dalam satu waktu. Dengan cara inilah Islam telah berjaya melahirkan masyarakatnya yang unik dan tidak ada tolok bandingnya di dalam masyarakat-masyarakat lain di dunia ini sejauh yang diketahui manusia.

(Kumpulan ayat-ayat 275 - 281)

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ
ٱلَّذِي يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ
قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰاْۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ
وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ
فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۖ وَمَنْ عَادَ
فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾
يَمْحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰاْ وَيُرْبِي ٱلصَّدَقَٰتِۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ
كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَقَامُواْ
ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ
وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَذَرُواْ مَا بَقِيَ مِنَ
ٱلرِّبَوٰٓاْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾
فَإِن لَّمْ تَفْعَلُواْ فَأْذَنُواْ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ
وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ
وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾
وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍۚ وَأَن
تَصَدَّقُواْ خَيْرٌ لَّكُمْۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾
وَٱتَّقُواْ يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى ٱللَّهِۖ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ
نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

"Orang-orang yang makan riba tidak dapat berdiri lurus melainkan seperti berdirinya orang yang direbahkan syaitan kerana rasukannya. Itu adalah disebabkan kerana mereka berkata: Sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, sedangkan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang sampai kepadanya pengajaran dari Tuhannya lalu dia berhenti (dari mengambil riba), maka segala pengambilannya yang telah lepas adalah menjadi haknya dan terserahlah urusannya kepada Allah dan sesiapa yang mengulangi (mengambil riba), maka mereka adalah penghuni-penghuni Neraka. Mereka kekal abadi di dalamnya(275). Allah memusnahkan kebaikan riba dan menyuburkan kebaikan sedekah dan Allah tidak sukakan setiap orang kafir yang berdosa(276). Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amalan yang soleh, mendirikan solat dan menunaikan zakat mereka akan memperolehi pahala di sisi Tuhan mereka dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka berdukacita(277). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkanlah sisa-sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu benar orang-orang yang beriman(278). Dan jika kamu tidak melakukan (perintah itu), maka ketahuilah kamu akan perisytiharan perang dari Allah dan rasul-Nya dan jika kamu bertaubat (dari mengambil riba), maka kamu berhak memperolehi harta pokok kamu. Kamu tidak boleh menganiayai dan tidak pula kamu boleh dianiayakan(279). Dan jika orang yang berhutang itu dalam kesempitan, berilah tempoh sehingga ia berada dalam kelapangan, (tetapi) kesanggupan kamu mensedekahkan hutang itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui(280). Dan peliharalah dirimu dari ('azab) hari di mana kamu dikembalikan kepada Allah kemudian (di sana) setiap orang diberi balasan yang sempurna terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka tidak sekali-kali dianiayai(281)".

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Wajah yang sebelah lagi yang bertentangan dengan wajah sedekah - yang telah diterangkan perlembagaannya di dalam pelajaran yang silam - ialah wajah riba yang masam kusam dan jahat.

Jika sedekah merupakan pemberian dan kemurahan, kesucian dan kebersihan batin, tolong-menolong dan takaful, maka riba pula merupakan kebakhilan dan kekikiran, kekotoran dan kecemaran, pementingan diri dan keindividuan.

Di Antara Sedekah Dan Riba

Sedekah merupakan penyerahan wang tanpa gantian dan pulangan, sedangkan riba merupakan pengambilan balik hutang dengan bayaran tambahan yang haram yang dipotong dari hasil penat lelah orang yang berhutang atau dipotong dari dagingnya. Ia dipotong dari hasil penat lelahnya jika orang yang berhutang itu melaburkan wang yang dipinjamkannya itu dan mendapat keuntungan, atau ia dipotong dari dagingnya jika ia rugi atau tidak mendapat keuntungan atau dia menggunakan wang itu untuk perbelanjaan diri dan keluarganya tanpa melaburkannya sedikit pun.

Oleh sebab itulah wajah riba yang berada di sebelah yang bertentangan dengan wajah sedekah itu merupakan satu wajah yang masam kusam dan jahat.

Oleh sebab itulah rangkaian ayat ini secara langsung menayangkan wajah riba sebaik sahaja selesai menayangkan wajah sedekah yang jujur, murah hati, bersih, cantik dan mesra. Ia menayangkannya dengan gambaran yang menakutkan, yang mendedahkan segala keburukan yang wujud dalam amalan riba, iaitu gambaran kekejaman hati, keburukan dalam masyarakat, kerosakan di bumi dan kebinasaan manusia.

Sistem Riba Dan Kedurjanaannya Di Zaman Dahulu Dan Di Zaman Moden

Tidak ada kecaman yang memburukkan sesuatu perkara yang mahu dihapuskan oleh Islam yang sama dengan kecaman memburukkan amalan riba. Dan tidak ada ancaman kata-kata dan maknanya yang sama dengan ancaman terhadap amalan riba, yang disebut di dalam ayat-ayat ini dan ayat-ayat yang lain di tempat-tempat yang lain. Maha Tinggilah hikmat kebijaksanaan Allah. Dahulu amalan riba di zaman jahiliyah telah melahirkan berbagai-bagai keburukan dan kejahatan, tetapi aspek-aspek buruk dari wajah riba yang masam kusam itu tidak ketara sepenuhnya di dalam masyarakat jahiliyah sebagaimana ia ketara dan terdedah sepenuhnya di alam kita pada hari ini. Tiada biji-biji kudis dan bisul-bisul yang terdapat pada wajah riba yang buruk itu terdedah sepenuhnya sebagaimana ia terdedah pada hari ini dalam masyarakat kita yang moden. Serangan yang menakutkan yang terdapat di dalam ayat-ayat ini terhadap sistem riba yang dibenci itu semakin ternampak kebenarannya pada hari ini berdasarkan realiti yang menyedihkan di dalam kehidupan manusia, malah kebenarannya lebih jelas lagi dari kebenarannya yang telah terdedah di zaman jahiliyah yang pertama. Sesiapa yang ingin memikirkan hikmat kebijaksanaan Ilahi dan kebesaran agama ini, kesempurnaan dan kehalusan sistem hidup Islam dapatlah ia memahami semuanya ini pada hari ini, dengan kefahaman yang tidak dapat difahami oleh orang-orang yang telah menghadapi ayat-ayat ini bagi pertama kalinya (di zaman dahulu). Pada hari ini realiti dunia terpampang di hadapannya, iaitu realiti yang membenarkan setiap kalimah yang dikatakan oleh Al-Qur'an secara langsung dan realistik. Umat manusia yang sesat dan memakan riba dan bergantung dengan riba sedang ditimpa berbagai-bagai malapetaka yang memusnahkan kehidupan mereka akibat sistem riba itu. Ia memusnahkan akhlak mereka, agama mereka, kesihatan mereka dan ekonomi mereka. Mereka benar-benar telah menerima peperangan dari Allah yang mencurahkan kemurkaan dan keseksaan ke atas mereka sama ada dalam bentuk individu-individu, kelompok-kelompok, umat-umat dan bangsa-bangsa dan hingga kini mereka belum lagi sedar dan mengambil pengajaran.

Apabila rangkaian ayat di dalam pelajaran yang lepas mengemukakan perlembagaan sedekah, maka ini bererti ia mengemukakan salah satu dari dasar-dasar sistem ekonomi dan sosial yang dikehendaki Allah supaya masyarakat Islam ditegakkan di atasnya. Itulah dasar yang dikehendaki Allah agar manusia dapat meni'mati rahmat kebaikan yang ada padanya. Itulah dasar sistem yang bertentangan dengan satu sistem yang lain, iaitu sistem yang ditegakkan di atas dasar riba yang jahat dan kejam.

Kedua-dua sistem itu iaitu sistem Islam dan sistem riba adalah bertentangan satu sama lain. Kedua-duanya tidak bertemu dalam satu garis pemikiran dan tidak sekata dalam sesuatu dasar dan tidak pula berakhir dengan natijah yang sama. Kedua-dua sistem itu masing-masing ditegakkan di atas satu kefahaman yang tertentu terhadap hidup, matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan yang benar-benar bertentangan satu sama lain. Kedua-duanya masing-masing membawa hasil dalam kehidupan manusia yang benar-benar berlainan satu sama lain. Oleh sebab itulah Al-Qur'an melancarkan serangan yang menakutkan dan memberi ancaman yang ngeri.

Islam membangunkan sistem ekonominya dan seluruh sistem hidup yang lain di atas satu kefahaman yang tertentu yang melambangkan kebenaran yang wujud di alam buana ini. Ia membangunkannya di atas dasar bahawa Allah S.W.T. itulah Pencipta seluruh alam buana ini dan kerana itu Dialah Pencipta bumi dan Dialah Pencipta manusia dan Dialah yang telah mengurniakan kewujudan kepada segala yang maujud.

Manusia Dilantik Menjadi Khalifah Dengan Syarat-syarat Tertentu

Dan Allah S.W.T. - selaku Pemilik segala yang maujud di samping selaku Penciptanya - telah melantikkan bangsa manusia selaku khalifah-Nya di bumi ini dan membolehkan mereka - dengan perjanjian dan syarat dari-Nya - menggunakan segala

rezeki, makanan, kekuatan dan tenaga yang disimpankan untuk mereka di bumi ini. Allah tidak menyerahkan kerajaan bumi yang lebar kepada mereka dengan keadaan kucar-kacir, di mana mereka bebas berbuat apa sahaja dan dengan apa cara sahaja malah Allah melantikkan mereka selaku khalifah-Nya di bumi ini dalam lingkungan batas-batas yang jelas dengan syarat mereka menjalankan pentadbiran khilafah itu mengikut sistem dan syari'at Allah. Oleh itu segala 'aqad, segala amalan, segala mu'amalat, segala akhlak dan segala ibadat yang dilakukan mereka mengikut syarat perjanjian ini adalah dikira sah dan lulus. Tetapi segala apa yang bertentangan dengan syarat perjanjian adalah dikira tidak sah dan tidak diluluskan dan andainya mereka laksanakan juga secara kekerasan dan paksaan, maka perbuatan itu dianggap suatu perbuatan yang zalim dan suatu pencerobohan yang tidak diakui Allah dan orang-orang yang beriman kepada Allah kerana hak hakimiyah atau hak memerintah di bumi - sama dengan hak memerintah alam buana - adalah milik Allah Yang Maha Esa sahaja, sedangkan manusia - termasuk pemerintah dan rakyat yang diperintah - pastilah mengambil kuasa menjalankan pemerintahan itu dari syari'at dan sistem yang diatur oleh Allah. Mereka tidak mempunyai kuasa keluar dari syari'at itu kerana mereka hanya wakil-wakil yang dilantikkan untuk memerintah bumi ini dengan syarat dan perjanjian yang tertentu. Mereka bukannya tuanpunya-tuanpunya yang menciptakan segala rezeki yang ada di dalam tangan mereka.

Di antara isi perjanjian itu ialah menegakkan sistem takaful di antara orang-orang yang beriman kepada Allah, iaitu sistem bantu membantu di antara satu sama lain agar mereka mengambil manfa'at dari rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah itu di atas dasar takaful ini, bukan di atas dasar milik bersama secara mutlak seperti yang dikatakan oleh faham Marxisme, tetapi di atas dasar milik perseorangan yang terbatas. Oleh itu sesiapa di antara mereka yang telah dikurniakan Allah kelapangan rezeki hendaklah ia melimpahkan sebahagian dari kelapangannya kepada orang-orang yang picik rezekinya, di samping itu semua orang diwajibkan bekerja mengikut daya upaya dan bakat-bakat kemudahan yang diberikan Allah kepada masing-masing supaya tidak ada orang yang mampu bekerja menjadi beban kepada saudaranya atau kepada masyarakatnya sebagaimana kami telah huraikannya sebelum ini. Perjanjian itu telah menjadikan zakat suatu bayaran yang wajib pada harta yang terbatas kadarnya dan menjadikan sedekah suatu bayaran sukarela yang tidak terbatas kadarnya.

Perjanjian itu juga telah mensyaratkan ke atas mereka supaya mereka bersikap sederhana dan menjauhi pembaziran dan pemborosan dalam membelanjakan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dan dalam meni'mati ni'mat yang baik yang telah dihalalkan Allah kepada mereka, agar dengan demikian keperluan mereka menggunakan harta dan ni'mat-ni'mat yang baik itu terhad dengan batas kesederhanaan dan agar kelebihan rezeki itu dapat dikenakan fardhu zakat dan sedekah sukarela apatah lagi setiap Mu'min dituntut supaya melabur dan mengembangkan hartanya.

Perjanjian itu mensyaratkan lagi supaya mereka sentiasa menggunakan cara-cara yang tidak mengganggu atau menyakiti orang lain dalam usaha-usaha melabur dan mengembangkan harta mereka, dan janganlah menggunakan cara-cara yang boleh menghalang atau melumpuhkan peredaran rezeki di kalangan orang ramai dan menyekatkan peredaran harta kekayaan dalam skop yang seluas-luasnya:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ

"Supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja dalam golongan kamu."

(Surah al-Hasyr : 7)

Perjanjian itu juga mewajibkan ke atas mereka kebersihan niat dan tindakan, kebersihan wasilah dan tujuan dan mewajibkan syarat-syarat tertentu dalam menjalankan pelaburan harta, iaitu syarat-syarat yang menghalangkan mereka dari mengikuti jalan-jalan yang boleh merosakkan hati nurani dan akhlak seseorang atau merosakkan kehidupan dan entiti masyarakat.[7]

Semuanya ini ditegakkan di atas asas kefahaman dan pandangan yang melambangkan hakikat yang sebenar di alam al-wujud ini dan di atas asas perjanjian pelantikan khalifah yang mengikatkan segala tindak-tanduk manusia yang menjadi khalifah dalam kerajaan bumi yang luas ini.

Asas Kefahaman Sistem Riba

Dari sini dapat disimpulkan bahawa riba itu adalah satu amalan yang bertentangan dari awal-awal lagi dengan asas-asas kefahaman keimanan. Ia adalah satu sistem yang ditegakkan di atas satu kefahaman yang lain, iaitu satu kefahaman yang tidak memberi sebarang pandangan kepada Allah S.W.T. dan oleh kerana itulah sistem riba tidak mempedulikan dasar-dasar, tujuan-tujuan dan akhlak yang dikehendaki Allah agar kehidupan manusia ditegakkan di atasnya.

Sistem riba dari awal-awal lagi ditegakkan di atas asas bahawa di sana tidak ada sebarang hubungan di antara iradat Allah Ta'ala dengan kehidupan manusia, kerana manusia dari awal-awal lagi merupakan tuanpunya bumi ini dan dia tidak terikat dengan sebarang perjanjian dengan Allah dan langsung tidak diwajibkan mematuhi perintah-perintah Allah.

Di samping itu setiap individu bebas memilih cara-cara untuk mendapatkan wang dan melaburkan hartanya, sebagaimana ia bebas meni'mati harta kekayaannya. Ia tidak terikat langsung dalam perkara-perkara yang seperti ini dengan mana-mana

---

7 *Lihat bab "سياسة المال" dalam buku "العدالة الإجتماعيه فى الإسلام" oleh pengarang.*

perjanjian atau syarat dari Allah dan ia juga tidak terikat dengan kepentingan-kepentingan orang lain. Dan kerana itu ia tidak mengambil kira sama ada berjuta-juta manusia akan menerima kesan yang buruk apabila ia menambahkan perbendaharaan atau tabung kekayaannya sebanyak yang dapat ditambahkannya. Kadang-kadang undang-undang ciptaan manusia terpaksa campurtangan untuk membataskan kebebasannya yang berleluasa itu seperti membataskan had faedah (bunga) dan menyekatkan berbagai-bagai perbuatan menipu, merampas dan sebagainya dari perbuatan yang mendatangkan kemudharatan atau kesan yang buruk kepada orang lain. Tetapi campurtangan ini dirujukkan kepada asas yang dipersetujui bersama oleh manusia itu sendiri atau kepada kehendak-kehendak nafsu mereka bukannya dirujukkan kepada satu dasar yang tetap yang diwajibkan oleh kuasa Ilahi.

Sistem riba juga ditegakkan di atas asas kefahaman yang salah dan rosak, iaitu matlamat kemuncak bagi kewujudan seseorang manusia itu ialah mengumpulkan harta kekayaan dengan apa cara sekalipun dan meni'mati harta kekayaan mengikut bagaimana cara yang disukainya. Berasaskan kefahaman inilah manusia berlumba-lumba dan berebut-rebut mengumpul harta kekayaan dan meni'matinya walaupun di tengah jalan pencarian itu mereka memijak segala dasar dan segala kepentingan orang lain.

Akhirnya amalan riba telah mewujudkan satu sistem ekonomi yang menindas manusia dengan penindasan yang kejam. Ia menjadikan hidup mereka menderita baik selaku individu, kelompok atau selaku bangsa-bangsa dan umat-umat kerana kepentingan segelintir manusia pemakan riba. Ia merosakkan manusia dari segi akhlak, jiwa dan saraf dan menimbulkan kekacauan dalam peredaran wang dan pertumbuhan normal ekonomi umat manusia. Ia akan berakhir - sebagaimana berakhirnya di zaman moden ini - dengan pemusatan kuasa yang hakiki dan pengaruh yang amali di atas seluruh umat manusia di tangan sekumpulan makhluk Allah yang paling rendah budi pekertinya dan paling jahat, iaitu sekumpulan (pemakan riba) yang tidak mempeduli dan menghormati suatu apa pun pada umat manusia. Merekalah yang memberi hutang kepada individu di samping memberi hutang kepada kerajaan-kerajaan dan bangsa-bangsa sama ada di dalam negeri atau di luarnya. Dengan ini seluruh hasil keuntungan yang hakiki dari usaha-usaha titik peluh dan darah manusia pulang ke tangan mereka dalam bentuk faedah-faedah riba tanpa sebarang usaha dan penat lelah yang dikorbankan mereka.

Mereka bukan sahaja memiliki kekayaan tetapi sekaligus itu juga mereka memiliki pengaruh dan kuasa. Dan oleh sebab mereka tidak mempunyai dasar dan akhlak, tidak mempunyai kepercayaan keagamaan atau pegangan akhlak, malah oleh kerana mereka mempersenda-sendakan agama, akhlak, tanggapan-tanggapan unggul dan dasar-dasar yang mulia, maka mereka dengan sendirinya menggunakan pengaruh dan kuasa yang besar yang dimiliki mereka untuk mewujudkan peraturan-peraturan, gagasan-gagasan dan rancangan-rancangan yang membolehkan mereka menambahkan eksploitasi mereka atau mewujudkan peraturan-peraturan, gagasan-gagasan dan rancangan-rancangan yang tidak menjadi batu penghalang kepada ketamakan dan matlamat-matlamat mereka yang hina. Cara paling dekat untuk mencapai maksud itu ialah menghancurkan akhlak manusia dan membuangkannya ke dalam paya nafsu keinginan yang busuk, di mana sebilangan besar manusia bersedia untuk mengorbankan segala wang yang dimiliki mereka dan gugurnya wang-wang mereka di dalam berbagai-bagai jerat dan perangkap yang dipasang untuk maksud itu, di samping usaha mereka menguasai pengaliran ekonomi antarabangsa agar pengalirannya mengikut kepentingan-kepentingan mereka yang tertentu walaupun mengakibatkan berbagai-bagai krisis berkala yang terkenal di alam ekonomi dan menyebabkan seluruh pengeluaran perusahaan dan ekonomi menyimpang dari arah kepentingan umat manusia ke arah kepentingan pemodal-pemodal yang makan riba yang tergenggam di dalam tangan mereka segala punca kekayaan dunia.

Malapetaka yang telah berlaku di zaman moden ini dan tidak pernah berlaku seburuk ini di zaman jahiliyah ialah kerana golongan pemakan riba - dahulu dalam bentuk individu-individu dan sekarang dalam bentuk institusi-institusi kewangan seperti bank-bank yang moden - telah berjaya dengan kuasa dan pengaruh mereka yang amat besar di dalam badan-badan pentadbiran antarabangsa dan di luarnya, dan dengan alat-alat media massa yang dimiliki mereka di seluruh dunia ini termasuk akhbar-akhbar, buku-buku, universiti-universiti, pensyarah-pensyarah, stesen-stesen radio, pawagam-pawagam dan sebagainya...... mereka mewujudkan satu corak pemikiran umum di kalangan orang ramai yang miskin, yang mana tulang-tulang dan daging-daging merekalah yang dimakan oleh pemakan-pemakan riba itu, keringat dan darah merekalah yang dihisap di bawah naungan sistem riba itu.... Mereka berjaya mewujudkan satu corak pemikiran umum yang tunduk kepada saranan mereka yang jahat dan beracun bahawa riba adalah satu sistem tabi'i yang dapat diterima akal dan satu asas ekonomi yang betul dan tiada asas yang lain darinya untuk pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Dan dengan jasa kebaikan sistem ribalah tercapainya kemajuan tamadun di Barat, dan orang-orang yang mahu menghapuskan riba adalah sekumpulan manusia khayali yang tidak amali yang hanya berpegang kepada teori-teori akhlak, tanggapan-tanggapan unggul yang khayali yang tidak sedikitpun bertapak di alam kenyataan. Mereka boleh merosakkan seluruh

sistem ekonomi jika mereka dibenarkan campurtangan dalam sistem itu. Hingga akhirnya menyebabkan para pengkritik sistem riba dicemuhkan oleh orang ramai yang pada hakikatnya merupakan mangsa yang malang bagi sistem riba itu sendiri. Nasib mereka samalah dengan nasib ekonomi dunia itu sendiri yang telah dipaksa oleh geng-geng pemakan riba dunia berjalan di jalan yang tidak tabi'i dan normal dan menyebabkannya menghadapi krisis-krisis berkala yang teratur dan menyimpang dari arah yang memberi manfa'at kepada seluruh manusia ke arah memberi manfa'at kepada segelintir serigala manusia sahaja.

Pandangan Schacht Terhadap Sistem Riba

Sistem riba adalah satu sistem yang buruk dari segi ekonomi yang tulen. Keburukannya telah sampai ke tahap, di mana setengah-setengah pakar ekonomi Barat sendiri telah menyedari titik-titik keburukannya walaupun mereka hidup dan membesar di bawah naungan sistem itu, di mana akal dan pendidikan mereka telah dipenuhi dengan racun-racun yang telah ditabur oleh geng-geng pemodal dalam setiap cabang kebudayaan, kefahaman dan akhlak. Dan yang paling terkemuka dari antara pakar-pakar yang mencela sistem riba dari segi ekonomi yang tulen ialah Dr. Schacht dari bangsa Jerman, bekas presiden Reichsbank.[8] Di antara kata-kata yang telah diucapkan oleh beliau dalam ceramahnya di Damsyik dalam tahun 1953:

> *"Dengan kiraan matematik (yang tidak terhingga) ternyata bahawa seluruh wang di dunia ini berakhir ke tangan sebilangan yang amat kecil dari pemakan riba. Ini disebabkan kerana pemberi hutang yang mengenakan riba itu sentiasa mendapat untung dalam setiap urusniaga, sedangkan orang yang berhutang pula selalu terdedah kepada keuntungan dan kerugian dan inilah sebabnya semua wang pada akhirnya - mengikut kiraan matematik - pasti pergi ke tangan orang yang selalu untung. Teori ini sedang dalam perjalanan berkembang dengan sempurnanya kerana kebanyakan harta dunia sekarang adalah dimiliki - secara milik yang hakiki - oleh beberapa ribu orang sahaja. Adapun semua pemilik yang lain dan tuanpunya-tuanpunya kilang yang berhutang dengan bank-bank, juga kaum pekerja dan lain-lainnya, maka mereka semua tidak lebih dari orang-orang gaji yang bekerja untuk faedah pemodal-pemodal itu dan segala hasil usaha mereka dipungut oleh pemodal-pemodal yang berjumlah beberapa ribu orang sahaja itu."*

Ini bukannya satu-satunya jenayah yang ada di dalam sistem riba, kerana sistem ekonomi yang ditegakkan di atas asas riba telah membuat hubungan di antara golongan pemodal dengan golongan usahawan yang bergiat dalam perniagaan dan perusahaan itu sentiasa berada dalam keadaan perjudian dan pergeseran yang berterusan; golongan pemodal yang mengambil riba berusaha untuk mendapatkan faedah yang setinggi-tingginya. Oleh sebab itulah mereka menahan wang sehingga sektor perniagaan dan perusahaan itu semakin memerlukan kepada pinjaman wang, maka di waktu inilah mereka meninggikan kadar faedah dan akan terus meninggikannya sehingga para usahawan dalam perniagaan dan perusahaan dapati tidak ada faedah lagi kepada mereka menggunakan wang pinjaman itu kerana ia tidak menghasilkan keuntungan yang dapat menjelaskan faedah pinjaman dan dapat memberi lebihan keuntungan untuk faedah mereka. Dan di waktu ini saiz atau jumlah kewangan yang digunakan dalam bidang-bidang ini akan menjadi kecil, sedangkan di sinilah berjuta-juta manusia bekerja. Akibatnya kilang-kilang akan mengurangkan pengeluarannya dan menyebabkan kaum pekerja menganggur dan daya membeli pada orang ramai menjadi kecil. Apabila keadaan sampai ke tahap ini dan para pemodal yang makan riba mendapati permintaan terhadap pinjaman wang telah berkurangan atau terhenti terus, maka mereka terpaksa kembali menurunkan kadar faedah itu, dan diwaktu itu para usahawan dalam sektor perniagaan dan perusahaan akan kembali semula membuat pinjaman-pinjaman dan kehidupan akan kembali menjadi mewah. Demikianlah dan beginilah akan berlaku seterusnya krisis-krisis ekonomi berkala dunia dan beginilah nasib manusia akan terus berputar-putar dalam krisis itu seperti binatang ternakan.

Di samping itu seluruh pengguna terpaksa membayar cukai secara tidak langsung kepada pemodal-pemodal pemakan riba, kerana tuanpunya-tuanpunya perusahaan dan para peniaga itu tidak akan membayar faedah pinjaman wang yang telah dipinjam mereka melainkan dari saku pengguna dengan menambahkan kadar faedah itu pada harga barang-barang pengguna (yang dikeluarkan oleh mereka) dan dengan ini beban bayaran faedah itu diagihkan ke atas orang ramai dunia supaya masuk ke dalam saku pemakan riba di akhir pusingan. Adapun hutang-hutang negara yang dipinjam oleh kerajaan-kerajaan dari institusi-institusi kewangan untuk melaksanakan projek-projek kemajuan dan rancangan-rancangan pembangunan, maka rakyat negara-negara itulah yang terpaksa membayar faedah-faedah pinjaman itu kepada institusi-institusi kewangan itu, kerana kerajaan-kerajaan terpaksa menaikkan kadar berbagai-bagai cukai untuk membolehkannya membayar hutang-hutang itu bersama dengan faedah-faedahnya. Ini bererti setiap rakyat turut membayar faedah kepada pemakan-pemakan riba di akhir pusingan; tetapi sedikit sekali perkara ini berakhir setakat ini sahaja, malah hutang-hutang itu selalunya berakhir dengan penjajahan dan peperangan akan meletus pula dengan sebab penjajahan itu.

---

[8] *Nama penuhnya, Dr. Horace Greeley Hjalmar Schacht (1877-1970), merupakan pakar ekonomi terkemuka di zaman Hitler dan beliau memegang jawatan Presiden Reichsbank dari 1933-1939.*

Hakikat-hakikat Asasi Keburukan Sistem Riba

Tujuan kami di sini - di dalam tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini - bukanlah untuk memperincikan secara habis-habisan segala keburukan sistem riba, kerana bidang ini memerlukan satu kajian yang berasingan[9]. Cukuplah bagi kami membuat huraian setakat ini sahaja untuk terus menyedarkan kaum Muslimin kepada sekumpulan hakikat-hakikat yang asasi yang membuat Islam bencikan sistem riba yang terkutuk itu.

Hakikat yang pertama: Yang wajib diyakini di dalam hati kaum Muslimin ialah Islam tidak boleh hidup bersama di satu tempat dengan sistem riba. Segala pendapat yang mungkin dikatakan oleh kalangan pengeluar fatwa sama ada dari ahli-ahli agama atau bukan ahli agama yang berlainan dari hakikat ini adalah penipuan dan pengeliruan belaka, kerana asas kefahaman dan pandangan Islam - sebagaimana telah kami terangkan adalah bertentangan secara langsung dengan sistem riba dan natijah-natijah amalinya di dalam kehidupan manusia, kefahaman dan akhlak mereka.

Hakikat yang kedua: Sistem riba merupakan malapetaka kepada umat manusia bukan sahaja kepada keimanan, akhlak dan pandangan mereka terhadap hidup; malah kepada jantung kehidupan ekonomi dan amali mereka. Ia adalah satu sistem yang paling buruk yang memusnahkan kebahagiaan manusia dan melumpuhkan pertumbuhan insaniyah yang imbang, walaupun pada lahirnya ia memperlihatkan cat yang mengeliru seolah-olah sistem ribalah yang membantu pertumbuhan ekonomi umum.

Hakikat yang ketiga: Peraturan akhlak dan peraturan kerja di dalam Islam mempunyai pertalian yang amat rapat, kerana tindak-tanduk seseorang manusia itu mempunyai pertalian dengan perjanjian dan syarat-syarat perlantikannya selaku khalifah di bumi. Dia diuji dalam setiap kegiatan yang dilakukan di dalam hidupnya. Dan setiap kegiatannya akan dihisab pada hari Akhirat. Di sana tidak ada peraturan akhlak yang berdiri sendiri dan peraturan kerja yang berdiri sendiri malah kedua-duanya bekerjasama membentuk kegiatan manusia dan kedua-duanya merupakan amalan ibadat yang diberi pahala jika ia melakukannya dengan baik dan akan menjadi dosa kepadanya jika ia melakukannya dengan cara yang salah. Ekonomi Islam yang berjaya tidak mungkin tegak tanpa akhlak dan akhlak itu bukanlah merupakan sesuatu yang sunat atau amalan tambahan yang boleh diketepikan tanpa menjejaskan kejayaan kehidupan amali manusia.

Hakikat yang keempat: Mu'amalat yang berasaskan riba hanya merosakkan hati nurani, perangai dan perasaan seseorang terhadap saudaranya dalam satu kelompok. Ia hanya merosakkan kehidupan dan perpaduan masyarakat manusia kerana ia menaburkan semangat tamak, mementing diri, tipu menipu dan berjudi, dan di zaman moden ini ia dikira sebagai pendorong utama yang menggerakkan modal ke arah jenis-jenis pelaburan yang paling rendah dan kotor untuk membolehkan modal yang dipinjam dengan bayaran faedah itu mendapat keuntungan yang terjamin agar keuntungan ini dapat membayar faedah pinjaman dan memberi sedikit lebihan keuntungan kepada peminjam. Oleh sebab itulah ia menjadi pendorong secara langsung ke arah melaburkan modal di dalam perusahaan-perusahaan mengeluarkan filem-filem yang kotor, akhbar-akhbar yang cemar, mengadakan dewan-dewan tarian, tempat-tempat hiburan dan pelacuran dan segala macam pekerjaan dan tujuan yang merosakkan akhlak manusia. Harta yang dipinjamkan dengan bayaran faedah itu tidak berminat untuk mengadakan projek-projek yang paling berguna kepada manusia, malah ia hanya berminat untuk mengadakan projek-projek yang paling menguntungkan walaupun keuntungan itu datang dari usaha-usaha membangkit dan memuaskan naluri-naluri dan nafsu syahwat manusia yang paling rendah dan kotor. Inilah yang dapat dilihat pada hari ini di merata pelosok dunia dan sebab utamanya ialah mu'amalat yang berasaskan riba.

Hakikat yang kelima: Islam adalah satu sistem hidup yang sepadu. Oleh itu apabila ia mengharamkan mu'amalat yang berasaskan riba, maka ia tegakkan seluruh peraturannya di atas asas yang menolak dan menepikan mu'amalat itu. Ia mengatur segala aspek kehidupan kemasyarakatannya dengan cara yang tidak memerlukan lagi kepada jenis mu'amalat yang seperti ini tanpa menyentuh pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan kemanusiaan yang teratur.

Hakikat yang keenam: Apabila Islam diberi peluang mengaturkan kehidupan manusia mengikut pandangan dan sistem hidupnya yang istimewa, maka ketika itu ia akan bertindak menghapuskan mu'amalat yang berasaskan riba tanpa memerlukan kepada menghapuskan institusi-institusi dan badan-badan kewangan yang diperlukan oleh perkembangan kehidupan ekonomi moden supaya ia dapat berkembang secara tabi'i dan sihat, tetapi Islam hanya akan membersihkan institusi-institusi dan badan-badan itu dari noda-noda riba sahaja kemudian ia akan meninggalkannya beroperasi mengikut dasar-dasar lain yang sihat. Di antara institusi-institusi dan badan-badan yang utama itu ialah bank-bank, syarikat-syarikat dan sebagainya dari institusi-institusi ekonomi moden.

Hakikat yang ketujuh: Inilah hakikat yang paling penting yang wajib dii'tiqadkan oleh setiap orang yang mahu menjadi seorang Muslim yang sebenar.

---

9 *Lihat kajian-kajian yang bernilai dan halus yang ditulis oleh tokoh besar Islam as-Sayyid Abul A'la al-Maududi mengenai riba dan asas-asas ekonomi di antara sistem Islam dengan sistem-sistem semasa.*

Hakikat ini ialah mustahil dari segi 'aqidah bahawa Allah mengharamkan sesuatu yang menjadi asas kehidupan dan kemajuan manusia, begitu juga mustahil dari segi 'aqidah adanya sesuatu yang buruk dan keji dan dalam waktu yang sama juga ia merupakan sesuatu yang wajib dan pasti untuk menegak dan memajukan kehidupan manusia. Oleh sebab Allah S.W.T. itu pencipta kehidupan dunia ini, di mana Ia telah melantikkan manusia sebagai khalifah yang mentadbirkannya dan menyuruh mereka mengembang dan memajukannya. Oleh sebab Allah berkehendak dan memberi taufiq kepada manusia supaya melakukan semua kerja ini, maka tentulah mustahil - dalam pandangan seorang Muslim - adanya di sana sesuatu yang diharamkan oleh Allah, sedangkan ianya menjadi asas kehidupan dan kemajuan manusia, juga mustahil adanya di sana sesuatu yang buruk dan keji, sedangkan ianya merupakan sesuatu yang pasti dan wajib untuk menegak dan memajukan kehidupan manusia..... Malah itulah hasil pandangan dan kefahaman yang salah dan itulah kesan di'ayah yang beracun, jahat dan melampau yang telah bekerja generasi demi generasi untuk menaburkan fikrah bahawa riba itu perlu untuk pertumbuhan ekonomi dan kemajuan pembangunan dan bahawa sistem riba itu adalah suatu sistem yang tabi'i. Pemikiran yang mengelirukan ini telah ditabur dalam sumber-sumber pendidikan umum dan sumber-sumber ilmu pengetahuan manusia di Timur dan di Barat, kemudian ditegakkan pula kehidupan yang moden ini di atas asas sistem riba dengan daya usaha institusi-institusi kewangan dan para pemakan riba dan timbulnya kesukaran dan kesulitan berfikir untuk menegak dan memajukan kehidupan dengan asas yang lain dari riba, sedangkan punca kesulitan itu pertama-tamanya adalah akibat dari tidak ada keimanan dan keduanya adalah akibat dari kelemahan berfikir dan kelemahan untuk membebaskan diri dari tanggapan yang salah yang disebarkan oleh golongan pemakan riba yang mempunyai daya bimbing manusia dan mempunyai pengaruh di dalam kerajaan-kerajaan dunia serta menguasai segala alat sebaran umum dan khusus.

Hakikat yang kedelapan: Tanggapan ketidak-mungkinan ekonomi dunia hari ini dan esok ditegakkan di atas sesuatu asas yang lain dari asas riba adalah suatu tanggapan yang karut semata-mata atau suatu tanggapan dusta besar yang hidup kerana alat-alat yang digunakan oleh pihak yang berkepentingan untuk mengekalkan sistem itu adalah alat-alat yang sungguh besar. Sebenarnya jika di sana benar-benar ada niat dan azam umat manusia atau azam umat Muslimin untuk merampaskan kembali kebebasan mereka dari genggaman geng-geng ribawan (pemakan riba) dunia dan untuk mendapatkan kebajikan, kebahagiaan dan keberkatan di samping kebersihan akhlak dan masyarakat, maka peluang masih terbuka untuk menegakkan satu sistem lain yang baik yang diatur oleh Allah untuk manusia, iaitu satu sistem yang telah pun dilaksanakan dalam kehidupan manusia dan pernah subur di bawah naungannya dan hingga kini masih bersedia untuk tumbuh subur di bawah pentadbiran dan naungannya jika manusia berfikir dan mengerti berfikir.

Di sini bukannya bidang untuk memberi huraian yang terperinci tentang bagaimana dan cara-cara hendak menegakkan sistem itu. Cukuplah dengan sekadar huraian yang ringkas ini sahaja.[10] Kini nyatalah bahawa sistem riba yang buruk dan keji itu bukannya merupakan satu keperluan dari keperluan-keperluan kehidupan ekonomi. Begitu juga ternyata bahawa manusia yang telah sesat dari jalan yang betul di zaman dahulu sehingga diselamatkan oleh Islam itu ialah manusia yang sama dengan manusia yang sedang sesat dalam kesesatan yang sama pada hari ini dan masih belum lagi kembali ke jalan yang betul, jalan yang penuh timbang rasa dan sihat itu.

Sekarang marilah kita lihat bagaimana Islam melancarkan pemberontakannya terhadap sistem riba yang buruk itu yang membuat umat manusia tidak pernah menderita suatu bala yang lebih teruk dari balanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 275 - 276)

ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ
ٱلَّذِي يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيۡطَٰنُ مِنَ ٱلۡمَسِّۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ
قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡبَيۡعُ مِثۡلُ ٱلرِّبَوٰاْۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلۡبَيۡعَ
وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوۡعِظَةٞ مِّن رَّبِّهِۦ
فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمۡرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۖ وَمَنۡ عَادَ
فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٢٧٥
يَمۡحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰاْ وَيُرۡبِي ٱلصَّدَقَٰتِۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ
كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ٢٧٦

"Orang-orang yang makan riba tidak dapat berdiri lurus melainkan seperti berdirinya orang yang direbahkan syaitan kerana rasukannya. Itu adalah disebabkan kerana mereka berkata: Sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, sedangkan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang sampai kepadanya pengajaran dari Tuhannya lalu dia berhenti (dari mengambil riba), maka segala ambilannya yang telah lepas adalah menjadi haknya dan terserahlah urusannya kepada Allah dan sesiapa yang mengulangi (mengambil riba), maka

---

[10] *Silalah rujuk kepada cadangan-cadangan amali yang telah dikemukakan di dalam kajian-kajian al-Ustaz as-Sayyid Abul A'la al-Maududi yang telah disebut sebelum ini.*

mereka adalah penghuni-penghuni Neraka. Mereka kekal abadi di dalamnya(275). Allah memusnahkan kebaikan riba dan menyuburkan kebaikan sedekah dan Allah tidak sukakan setiap orang kafir yang berdosa."(276)

Itulah serangan yang menakut dan gambaran yang ngeri.

لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ

"Mereka tidak dapat berdiri lurus melainkan seperti berdirinya orang yang direbahkan syaitan kerana rasukannya."(275)

Pemakan Riba Hidup Dalam Keadaan Terumbang-Ambing

Tidak ada ancaman mental yang sampai ke hati sehebat ancaman yang disampaikan dalam bentuk gambaran fizikal yang hidup dan bergerak ini iaitu gambaran orang yang rebah kerana dirasuk syaitan. Ini satu gambaran yang biasa dilihat orang ramai. Al-Qur'an membawa gambaran ini untuk memberi saranan yang menakutkan hati dan menyedarkan perasaan para ribawan dan untuk menggerakkan mereka dengan kuatnya agar mereka meninggalkan adat kebiasaan mereka (yang buruk) di dalam sistem ekonomi mereka. Dan meninggalkan tamak haloba mereka untuk mendapat faedah riba itu. Gambaran ini merupakan satu cara memberi kesan didikan yang berjaya di tempat-tempatnya yang sesuai. Dan dalam waktu yang sama ia juga menggambarkan hakikat yang berlaku di alam kenyataan. Di masa yang silam kebanyakan tafsir menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan gambaran berdiri yang menakutkan itu ialah gambaran berdiri pada hari manusia dibangkitkan dari kubur kelak, tetapi sebenarnya gambaran berdiri seperti ini juga - menurut pendapat kami - telah berlaku dalam kehidupan manusia di dunia ini. Ini adalah sesuai dengan keterangan ayat selepas ini yang menyatakan perisytiharan perang dari Allah dan rasul-Nya dan kita dapat melihat bahawa peperangan ini sedang berlaku sekarang dan sedang dilancarkan ke atas manusia sesat yang terhuyung-hayang jatuh seperti orang yang dirasukkan hantu yang tersepit dalam tindasan sistem riba. Dan sebelum kami memberi huraian yang terperinci untuk membuktikan kebenaran hakikat ini dalam realiti manusia pada hari ini, eloklah kami lebih dahulu mulakan dengan membentangkan gambaran mu'amalat riba yang dihadapi oleh Al-Qur'an di Semenanjung Tanah Arab dan fikiran-fikiran ahli jahiliyah mengenai mu'amalat itu.

Jenis-jenis Riba Di Zaman Jahiliyah

Riba yang terkenal di zaman jahiliyah dan yang diturunkan kerananya ayat-ayat ini dan lainnya dengan tujuan untuk menghapuskannya adalah mempunyai dua bentuknya yang pokok, iaitu riba tangguh bayaran (riba an-Nasi'ah - ربا النسيئة) dan riba lebih tukaran (riba al-Fadhl - ربا الفضل).

Adapun riba tangguh bayaran, maka Qatadah menerangkannya dengan katanya: "Riba ahlil-jahiliyah ialah seorang menjual sesuatu jualan dengan bayaran yang ditangguhkan kepada suatu masa yang tertentu. Dan apabila tempoh itu sampai sedangkan pembelinya tidak dapat menjelaskannya, maka ia akan menambahkan lagi bayaran itu ke atas pembeli dan memberi tempoh yang baru kepadanya".

Kata Mujahid pula: "Mereka di zaman jahiliyah dahulu apabila seorang berhutang kepada seseorang yang lain ia akan berkata kepadanya: "Saya akan membayar kepada awak sekian-sekian dan awak tempohkan saya sekian masa, lalu ia diberikan tempoh itu."

Ujar Abu Bakar al-Jassas: "Adalah dimaklumi umum bahawa riba jahiliyah itu ialah berupa hutang yang ditangguhkan bayarannya dengan dikenakan bayaran lebih yang disyaratkan. Bayaran lebih itu ialah sebagai ganti tangguhan bayaran. Oleh sebab itu Allah hapuskan riba ini."

Ujar al-Imam al-Razi dalam tafsirnya: "Riba tangguh bayaran (riba an-Nasi'ah) itulah yang masyhur di zaman jahiliyah, kerana seorang dari mereka memberi hutang kepada seseorang yang lain dengan bayaran yang bertangguh dengan syarat ia mengambil faedah sebanyak yang tertentu dari orang itu pada tiap-tiap bulan sedangkan pokok hutang kekal tidak terjejas apa-apa. Apabila sampai tempoh ia akan menuntut si yang berhutang itu menjelaskan pokok hutangnya dan apabila ia tidak dapat menjelaskannya, maka si pemberi hutang akan menambahkan bayaran dan melanjutkan tempohnya."

Tersebut di dalam hadith Usamah ibn Zaid r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

لا ربا إلا في النسيئة

"Tiada riba melainkan pada hutang yang ditangguhkan bayarannya." [11]

Adapun riba lebih tukaran (riba al-Fadhl) ialah seorang menjual sesuatu dengan sesuatu yang sama sejenis dengannya disertakan dengan tambahan seperti menjual emas dengan emas, dirham dengan dirham, gandum dengan gandum, barli (sya'ir) dengan barli. Begitulah seterusnya jual beli seperti ini dimasukkan ke dalam jenis riba kerana ada titik keserupaan dengan riba dan kerana di dalam jual beli itu terdapat perasaan yang sama dengan perasaan yang menemani mu'amalat riba. Inilah titik tolak yang amat penting bagi kita apabila memperkatakan tentang mu'amalat riba yang ada sekarang.

---

[11] *Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.*

Daripada Abu Sa'id al-Khudri katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

الذهب بالذهب، والفضة بالفضة، والبر بالبر، والشعير بالشعير، والتمر بالتمر، والملح بالملح.. مثلاً بمثل يدًا بيد، فمن زاد أو استزاد فقد أربى الآخذ والمعطي فيه سواء - رواه الشيخان -

"Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam sama serupa dan bertukar tangan. Sesiapa yang memberi tukaran yang lebih atau menuntut tukaran yang lebih, maka bererti ia telah makan riba dan dalam perkara ini sama sahaja di antara yang mengambil dan yang memberi."[12]

Daripada Abu Sa'id al-Khudri juga katanya: Bilal telah membawa kepada Nabi s.a.w. buah tamar barni (yang baik) lalu Nabi s.a.w. pun bertanya: "Dari mana anda dapat buah tamar ini?" Jawab Bilal: "Kami ada buah tamar yang tidak baik kemudian jual dua gantang darinya dengan segantang (barni)". Beliau pun bersabda:

أوّه ! عين الربا، لا تفعل ولكن إذا أردت أن تشترى فبع التمر ببيع آخر ثم اشتربه

"Oh! itulah riba, itulah riba! Jangan anda buat begitu. Tetapi jika anda hendak membeli (tamar itu) maka jual dahulu (tamar anda yang tidak baik itu) dengan suatu yang lain, kemudian beli tamar itu dengan harganya."

Adapun jenis yang pertama iaitu riba tangguh bayaran (riba an-Nasiah), maka aspek riba dalam jenis ini amatlah jelas tidak lagi memerlukan huraian. Kerana ia mengandungi segala unsur pokok dalam setiap mu'amalat riba iaitu: Bayaran yang lebih di atas pokok hutang atau wang pokok pinjaman dan tangguhan yang kerananya dikenakan bayaran tambahan ini dan pengenaan faedah itu dijadikan syarat yang disebut dalam 'aqad. Di sini harta dapat melahirkan harta semata-mata dengan sebab adanya tangguhan bayaran.

Adapun jenis yang kedua iaitu riba lebih tukaran atau (riba al-Fadhl), maka di antara perkara yang tidak diragui lagi ialah wujudnya di sana perbezaan-perbezaan pokok di dalam dua benda yang bersamaan jenis itulah yang memerlukan tukaran yang lebih. Ini jelas dalam kes Bilal apabila dia memberi dua gantang buah tamarnya yang tidak baik untuk mendapatkan segantang buah tamar yang baik... tetapi oleh sebab wujudnya persamaan jenis di antara dua benda itu menimbulkan kekeliruan bahawa di sana adanya mu'amalat riba. Di sini tamar melahirkan tamar dan ia disifatkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai riba dan melarang Bilal melakukannya, kemudian beliau menyuruh Bilal menjual buah tamarnya yang hendak ditukarkannya itu dengan tunai kemudian membeli buah tamar yang dikehendakinya dengan tunai juga untuk menjauhi bayangan riba di dalam mu'amalat itu.

Begitu juga disyaratkan penerimaan barang-barang itu secara bertukar tangan supaya tidak ada tangguhan dalam jual beli barang yang sama sejenis walaupun tanpa lebih tukaran, kerana tangguhan itu mengandungi bayangan riba dan ia merupakan salah satu dari unsur riba.

Hingga ke batas ini sampainya kepekaan Rasulullah s.a.w. terhadap bayangan riba di dalam sesuatu mu'amalat. Dan hingga sampai setinggi itu juga kebijaksanaan beliau dalam merawati mentaliti riba yang lumrah di zaman jahiliyah itu.

Percubaan Menghalalkan Riba Di Zaman Moden

Tetapi pada hari ini setengah-setengah orang yang mengaku kalah kepada pandangan kapitalisme Barat dan kepada sistem-sistem kapitalisme Barat mahu menentukan pengharaman itu ke atas satu bentuk riba sahaja di antara bentuk-bentuk riba yang lain iaitu riba tangguh bayaran (riba an-Nasi'ah) kerana berpegang dengan hadith Usamah dan kepada gambaran ulama' salaf tentang mu'amalat riba di zaman jahiliyah dan mereka mahu menghalalkan dari segi agama dan di atas nama Islam segala bentuk mu'amalat riba yang baru diadakan dan sama sekali tidak sama dengan riba jahiliyah.

Tetapi percubaan ini tidak lebih dari merupakan suatu gejala dari gejala-gejala kekalahan jiwa dan daya berfikir, kerana Islam bukanlah suatu sistem bentuk-bentuk lahir, malah ia suatu sistem yang ditegakkan di atas satu kefahaman dan pemikiran yang kukuh. Oleh itu apabila Islam mengharamkan riba maka ia tidak mengharamkan salah satu bentuk riba dan menghalalkan bentuk-bentuk riba yang lain, malah Islam menentang apa sahaja konsep yang bertentangan dengan konsepnya dan memerangi apa sahaja cara berfikir yang tidak sesuai dengan cara berfikirnya. Islam amat peka di dalam perkara ini hingga ia mengharamkan riba lebih tukaran (riba al-Fadhl) untuk menjauhkan bayangan pemikiran riba dan perasaan-perasaan riba.

Oleh sebab itulah segala bentuk mu'amalat yang berunsur riba itu haram sama ada ia datang dalam bentuk-bentuk yang dikenali di zaman jahiliyah atau di dalam bentukbentuk yang baru diadakan selama ia mengandungi unsur-unsur riba yang pokok atau mempunyai ciri-ciri pemikiran riba, iaitu pemikiran yang mementingkan diri, tamak, keakuan dan berjudi dan selama ia mempunyai perasaan yang buruk, iaitu perasaan mahu mendapat untung dengan apa cara sahaja.

Kerana itu kita seharusnya mengetahui hakikat ini dengan baik dan yakin kepada perisytiharan perang dari Allah dan rasul-Nya terhadap masyarakat yang mengamalkan sistem riba.

---

[12] *Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.*

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ

"Orang-orang yang makan riba tidak dapat berdiri lurus melainkan seperti berdirinya orang yang direbahkan syaitan kerana rasukannya."

Dan orang-orang yang makan riba itu bukannya orang-orang yang mengambil faedah riba sahaja - walaupun merekalah pihak pertama yang diancamkan dengan nas yang menakutkan ini - tetapi seluruh warga masyarakat yang mengamalkan sistem riba itu.

Dari Jabir ibn Abdullah r.a. bahawa katanya:

لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم – آكل الربا وموكله وشاهديه وكاتبه، وقال: ((هم سواء))

"Rasulullah s.a.w. telah melaknatkan pemakan riba, pemberi dan dua saksinya dan penulisnya, dan beliau bersabda: 'Mereka semuanya sama sahaja."

Masyarakat Yang Ditegakkan Di Atas Asas Riba

Ini adalah dalam mu'amalat riba secara individu, tetapi di dalam masyarakat yang ditegakkan seluruhnya di atas asas riba, maka semua warganya terkutuk belaka dan terdedah kepada perisytiharan perang dari Allah, di mana mereka diusir dari rahmat Allah.

Mereka tidak dapat berdiri dan bergerak di dalam kehidupan melainkan terumbang-ambing seperti gerakan orang yang dirasuk hantu yang terhuyung-hayang dan jatuh rebah, tidak pernah menetap, tenteram dan rehat. Andainya hal yang seperti ini diragui di masa lampau iaitu pada masa pertumbuhan sistem kapitalisme moden dalam empat abad yang silam, namun pengalaman-pengalaman di dalam abad-abad ini telah menghapuskan ruang keraguan itu.

Sistem Riba Telah Melahirkan Masyarakat Manusia Yang Tidak Tenteram

Dunia yang kita hayati pada hari ini di seluruh pelosok bumi adalah sebuah dunia yang penuh dengan kegelisahan, kekacauan, ketakutan dan penuh dengan penyakit-penyakit saraf dan jiwa. Ini diakui oleh para bijak pandai dunia, para pemikirnya, para ahli ilmunya dan para pengkajinya dan disaksikan oleh para pemerhatinya dan para pengunjung yang melintasi negeri-negeri tamadun Barat. Semuanya berlaku walaupun tamadun kebendaan dan pengeluaran perusahaan telah mencapai kemajuan yang besar di negeri-negeri itu walaupun gejala-gejala kemewahan kebendaan di sana mempesonakan mata yang melihat. Di samping itu alam yang kita hayati ini juga sebuah alam yang penuh dengan peperangan-peperangan yang besar, penuh dengan ancaman-ancaman perang yang membawa kemusnahan, penuh dengan perang saraf, rusuhan-rusuhan dan huru-hara yang tidak pernah putus di sana sini.

Itulah keadaan hidup yang malang dan celaka yang tidak dapat dihapuskan oleh tamadun kebendaan dan kemewahan fizikal. Ia tidak dapat dihapuskan oleh kesenangan dan kelembutan hidup kebendaan di kebanyakan negeri-negeri di dunia. Apakah nilai semuanya ini andainya ia tidak dapat mewujudkan rasa bahagia, rasa puas, tenang dan tenteram di dalam hati manusia?

Itulah hakikat yang tersergam di hadapan mata orang yang ingin melihat, iaitu orang yang tidak meletakkan penutup mata dari perbuatannya sendiri di atas dua matanya supaya ia tidak dapat melihat. Itulah hakikat bahawa manusia di kebanyakan negeri-negeri mewah di dunia ini seperti di Amerika, di Sweden dan lain-lainnya dari negeri-negeri yang melimpah ruah dengan kemewahan kebendaan adalah manusia-manusia yang tidak bahagia. Mereka hidup dalam kegelisahan dan tanda-tanda kegelisahan itu nampak jelas dari mata mereka walaupun mereka kaya-raya. Perasaan jemu dan bosan memakan hidup mereka walaupun mereka sibuk mengeluarkan berbagai-bagai hasil pengeluaran. Mereka membenamkan kebosanan mereka kadang-kadang di dalam pergaduhan-pergaduhan dan kegiatan-kegiatan yang bising, kadang-kadang di dalam fesyen-fesyen dan cara-cara hidup yang ganjil dan kadang-kadang di dalam kegiatan seks dan jiwa yang tidak normal. Kemudian timbul perasaan ingin hendak lari, iaitu lari dari diri mereka sendiri, lari dari kekosongan hidup yang bersarang di dalam jiwa mereka dan lari dari kecelakaan batin yang pada zahirnya tidak berpunca dari kesenangan hidup mereka, lalu mereka lari dengan membunuh diri, lari dengan tingkahlaku gila-gilaan dan lari dengan perangai-perangai yang ganjil kemudian mereka terus diburu hantu kegelisahan dan kekosongan yang selama-lamanya tidak memberi peluang kepada mereka untuk meni'mati ketenangan.

Mengapa?

Sebab yang pokok ialah kekosongan jiwa manusia yang kebingungan, menderita, sesat dan malang itu - walaupun mewah dari segi kebendaan - dari bekalan rohani, iaitu kekosongan dari keimanan, dari keyakinan kepada Allah, kekosongan dari matlamat-matlamat insaniyah yang agung yang diwujud dan digariskan oleh keimanan kepada Allah dan jawatan khalifah di bumi mengikut syarat dan perjanjian-Nya.

Kemudian dari sebab yang pokok ini terbit pula bala riba, iaitu bala ekonomi yang berkembang subur, tetapi malangnya ia tidak berkembang subur secara sihat, normal dan sederhana; ia tidak berkembang subur mengagihkan kebaikan-kebaikan dan keberkatan-keberkatan pertumbuhan dan kemajuannya kepada seluruh umat manusia, malah ia berkembang subur memberi kebaikannya kepada

segelintir pemodal ribawan yang hanya duduk di belakang meja-meja besar di bank-bank memberi hutang kepada sektor-sektor perusahaan dan perniagaan dengan mengenakan faedah-faedah yang tertentu dan terjamin. Merekalah dalang-dalang yang memaksa sektor perusahaan dan perdagangan itu supaya berjalan mengikut rel yang tertentu, sedangkan matlamatnya yang utama bukannya untuk melayani kepentingan-kepentingan manusia dan keperluan-keperluan mereka agar seluruhnya berbahagia, bukan untuk memenuhi keperluan-keperluan manusia agar mereka mendapat pekerjaan yang teratur dan rezeki yang terjamin kepada seluruh mereka, bukan untuk memenuhi keperluan-keperluan yang dapat mewujudkan ketenteraman jiwa dan jaminan sosial kepada semua orang. Malah matlamat utamanya ialah menghasilkan sesuatu yang dapat memberi keuntungan maksima walaupun terpaksa menghancur dan menafikan hak berjuta-juta manusia yang lain, dan merosakkan kehidupan berjuta-juta jiwa dan menanamkan keraguan, kegelisahan dan ketakutan dalam kehidupan seluruh manusia.

Alangkah tepatnya dan benarnya firman Allah yang Maha Agung:

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ

"Orang-orang yang makan riba tidak dapat berdiri lurus melainkan seperti berdirinya orang yang direbahkan syaitan kerana rasukannya."

Kini kita dapat melihat bukti kebenaran hakikat ini dalam realiti dunia hari ini.

Para ribawan di zaman Rasulullah s.a.w. telah membantah pengharaman riba itu, kerana menurut mereka di sana tidak ada alasan bagi mengharamkan mu'amalat riba dan menghalalkan mu'amalat berniaga:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰاْ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْ

"Itu adalah disebabkan kerana mereka berkata: Sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, sedangkan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."

Perbezaan Di Antara Mu'amalat Riba Dengan Mu'amalat Jual Beli

Titik keserupaan yang dipegang oleh mereka ialah jika jual beli itu mendatangkan faedah dan keuntungan, maka riba juga mendatangkan faedah dan keuntungan. Ini adalah titik keserupaan yang amat lemah, kerana mu'amalat jual beli atau berniaga terdedah kepada keuntungan dan kerugian. Kemahiran, usaha peribadi seperti dan suasana-suasana kehidupan itulah yang menentukan keuntungan dan kerugian, tetapi mu'amalat riba adalah mu'amalat yang tetap untung dalam segala keadaan. Inilah titik perbezaan pokok dan inilah landasan yang menentukan pengharaman dan penghalalan.

Setiap mu'amalat yang menjamin keuntungan dalam segala keadaan itulah mu'amalat riba yang diharamkan dengan sebab ia menjamin dan menentukan keuntungan. Ini adalah satu hakikat yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْ

"Sedangkan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba"

kerana unsur jaminan keuntungan ini tidak terdapat di dalam jual beli dan kerana berbagai-bagai sebab yang lain yang menjadikan mu'amalat perniagaan dari asal lagi berguna kepada kehidupan manusia, sedangkan mu'amalat riba dari asal lagi merosakkan kehidupan manusia.[13]

Cara Islam Merawati Mu'amalat Riba Di Zaman Rasulullah

Islam telah merawati keadaan-keadaan yang wujud di zaman itu dengan rawatan yang waqi'i/realistik tanpa mengakibatkan sebarang krisis ekonomi dan sosial:

فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ

"Oleh itu sesiapa yang sampai kepadanya pengajaran dari Tuhannya lalu dia berhenti (dari mengambil riba) maka segala pengambilannya yang telah lepas adalah menjadi haknya dan terserahlah urusannya kepada Allah."

Di sini Allah menjadikan tarikh penguatkuasaan peraturan ini bermula dari masa diperundangkannya. Oleh itu sesiapa yang telah mendengar pengajaran dari Tuhannya, maka segala bayaran riba yang telah diambilnya di masa yang lepas itu tidaklah diambil balik darinya dan terserahlah perkara ini kepada Allah memutuskan mengikut pertimbangan-Nya. Ungkapan ini menyarankan kepada hati bahawa keselamatan dari dosa riba yang telah lepas itu adalah bergantung kepada iradat dan rahmat Allah, ini membuat seseorang itu terus merasa bimbang dan berkata di dalam hatinya: Cukuplah aku dengan amalan riba yang buruk yang telah aku lakukan, semoga Allah mengampunkan dosa-dosa itu jika aku berhenti dan bertaubat dari sekarang dan tidak lagi menambahkannya dengan amalan yang baru. Demikianlah Al-Qur'an merawati perasaan-perasaan hati dengan caranya yang unik.

وَمَنْ عَادَ فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ هُمْ فِيهَا

---

[13] *Lihat kajian-kajian yang bernilai dalam maudhu' ini oleh al-Ustaz as-Sayyid Abul A'la al-Maududi yang telah pun disebutkan sebelum ini.*

خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

"Dan sesiapa yang mengulangi (mengambil riba) maka mereka adalah penghuni-penghuni Neraka. Mereka kekal abadi di dalamnya."(275)

Ancaman dengan hakikat 'azab di Akhirat itu menguatkan lagi sifat-sifat methodologi pendidikan Al-Qur'an yang telah kami sebutkan sebelum ini dan mendalamkan tunjangnya di dalam hati.

Tetapi mungkin ramai yang tertipu dengan kelambatan masa kedatangan Qiamat dan dengan waktu kedatangannya yang tidak diketahui itu. Oleh sebab itulah mereka ketepikan kira-kira Akhirat dari perhitungan mereka. Kini Al-Qur'an mengancam mereka pula dengan kemusnahan di dunia dan di Akhirat kedua-dua sekali dan menjelaskan bahawa hanya sedekah-sedekah, bukannya riba, yang subur dan bertambah kebaikan dan kebajikannya. Kemudian Al-Qur'an mengecap orang yang tidak menyambut pengharaman riba itu sebagai orang yang kafir dan berdosa dan menyarankan kepada mereka bahawa Allah amat benci kepada orang-orang yang kafir yang berdosa.

يَمۡحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰاْ وَيُرۡبِي ٱلصَّدَقَٰتِۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

"Allah memusnahkan kebaikan riba dan menyuburkan kebaikan sedekah dan Allah tidak sukakan setiap orang kafir yang berdosa."(276)

Kebaikan Sedekah Dan Keburukan Riba

Apa yang diancam dan dijanjikan Allah adalah tepat dan benar. Kini kita dapat melihat tidak ada masyarakat yang bermu'amalat dengan riba yang dapat hidup dengan keberkatan atau kemewahan atau kebahagiaan atau keamanan atau ketenteraman, kerana Allah menghapuskan kebaikan riba. Oleh itu mana-mana masyarakat yang mengamalkan sistem yang kotor ini, maka Allah tidak akan melimpahkan ke atasnya melainkan keadaan yang kemarau dan celaka. Mungkin yang dilihat mata pada lahirnya masyarakat itu mewah, penuh dengan pengeluaran dan cukup dengan sumber-sumber ekonomi, tetapi keberkatan itu bukannya terletak pada sebesar mana sumber-sumber ekonomi itu, malah terletak pada sejauh mana ia dapat dini'mati dengan baik dan aman tenteram. Sebelum ini kami telah sentuhkan tentang penderitaan batin yang malang yang mengongkongi hati manusia di negeri-negeri yang kaya raya dengan sumber-sumber ekonomi, juga tentang kegelisahan jiwa mereka yang tidak dapat ditolak dengan kekayaan malah menambahkannya lagi. Dan dari negeri-negeri yang kaya inilah melimpahnya kegelisahan, ketakutan dan kekacauan ke atas seluruh dunia pada hari ini, di mana umat manusia sentiasa hidup dalam ancaman perang yang membawa kemusnahan. Mereka jaga dan tidur dalam kesibukan perang dingin dan tekanan kehidupan terus menekan saraf manusia hari demi hari sama ada mereka sedar atau tidak sedar. Mereka tidak dikurniakan Allah keberkatan harta, keberkatan umur, keberkatan kesihatan dan keberkatan dalam bentuk ketenteraman hati.

Mana-mana masyarakat yang dibangunkan di atas asas takaful dan tolong-menolong yang diwujudkan di dalam amalan sedekah wajib dan sedekah sukarela, mana-mana masyarakat yang dikuasai semangat kasih sayang, keredhaan hati dan toleransi, mana-mana masyarakat yang sentiasa berharap kepada limpah kurnia Allah dan balasan-Nya dan sentiasa yakin kepada pertolongan Allah dan gantian-Nya yang berlipat kali ganda terhadap sedekah-sedekah yang dikeluarkannya, maka masyarakat itu akan diberkati Allah, seluruh warganya baik individu-individu mahupun kelompok-kelompok akan diberkati Allah pada harta dan rezeki mereka, pada kesihatan dan kekuatan mereka dan pada ketenteraman dan ketenangan hati mereka.

Orang-orang yang tidak melihat hakikat ini di dalam realiti umat manusia sekarang itulah orang-orang yang sengaja tidak mahu melihat kerana nafsu mereka tidak ingin melihat atau itulah orang-orang yang mempunyai mata yang telah diselaputi oleh kesesatan-kesesatan dan pengeliruan-pengeliruan yang ditaburkan dengan sengaja oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam menegakkan sistem riba yang terkutuk itu. Dan kerana inilah mereka lemah untuk melihat hakikat ini.

وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

"Dan Allah tidak sukakan setiap orang kafir yang berdosa."(276)

Hukum Orang Yang Menghalalkan Riba

Kenyataan ini cukup jelas dan tegas menganggapkan orang-orang yang terus berdegil bermu'amalat dengan riba selepas diharamkan Allah sebagai orang-orang yang tergolong di dalam golongan orang-orang kafir yang berdosa yang tidak disukai Allah, malah tidak syak lagi bahawa orang-orang yang menghalalkan apa yang telah diharamkan Allah itu adalah tercakup ke atas mereka sifat kafir dan berdosa walaupun dia telah mengucap " لا إله إلا الله محمد رسول الله" seribu kali dengan lidah mereka, kerana Islam itu bukannya kata-kata yang diucapkan dengan lidah, malah ia adalah satu sistem hidup dan satu cara beramal. Perbuatan menolak sebahagian dari sistem Islam bererti menolak seluruh sistem itu - tidak ada sebarang kekeliruan lagi dalam keharaman riba dan sebarang perbuatan untuk menganggapkan riba sebagai halal dan meletakkannya sebagai asas pembangunan kehidupan, maka itulah perbuatan yang kafir dan berdosa. Wal'iyazubillah!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 277)

Di sebelah lembaran yang bertentangan dengan lembaran yang menayangkan kekafiran dan dosa dan ancaman terhadap pendokong-pendokong sistem riba itu ditayangkan pula keimanan dan amalan yang salih, sifat-sifat kelompok Mu'min dalam aspek ini dan tapak asas kehidupan yang ditegakkan di atas sistem zakat yang bertentangan riba:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَقَامُوا۟
ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ
وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amalan yang salih, mendirikan solat dan menunaikan zakat mereka akan memperolehi pahala di sisi Tuhan mereka dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka berdukacita."(277)

Unsur yang muncul di lembaran ini ialah unsur zakat, iaitu unsur pengorbanan tanpa gantian dan pulangan. Ayat ini menayangkan sifat orang-orang yang beriman dan asas masyarakat Mu'min, kemudian menayangkan gambaran keamanan, ketenteraman dan keredhaan Ilahi yang dilimpahkan ke atas masyarakat Mu'min ini.

Zakat merupakan tapak asas masyarakat yang bertakaful dan saling bantu membantu, iaitu masyarakat yang tidak memerlukan kepada jaminan-jaminan sistem riba di dalam mana-mana aspek kehidupannya.

Kekaburan Gambaran Zakat Di Sisi Muslimin

Gambaran zakat telah menjadi kabur di dalam perasaan kita dan dalam perasaan generasi-generasi umat Muslimin yang malang yang tidak pernah melihat sistem Islam dilaksanakan di alam kenyataan dan tidak pernah melihat sistem itu dibangunkan di atas kefahaman keimanan, didikan keimanan dan akhlak keimanan untuk membentuk jiwa manusia dengan pembentukan istimewa kemudian membangunkan untuk mereka satu sistem yang dapat melahirkan kefahaman-kefahaman mereka yang betul, akhlak-akhlak mereka yang bersih dan budipekerti-budipekerti mereka yang tinggi, kemudian ia menjadikan zakat sebagai asas sistem ini untuk menggantikan sistem jahiliyah yang ditegakkan di atas asas riba dan menjadikan hidup manusia berkembang subur dan ekonomi mereka meningkat maju melalui usaha-usaha perseorangan atau melalui usaha saling bantu membantu yang bersih dari riba.

Ya, gambaran ini telah menjadi kabur di dalam generasi-generasi yang malang dan tidak bernasib baik ini, yang tidak sempat melihat satu gambaran yang luhur dari gambaran-gambaran insaniyah kerana mereka dilahir dan hidup di tengah-tengah gelombang sistem kebendaan yang dibangunkan di atas asas riba, di mana mereka menyaksi sifat bakhil dan kikir, sifat saling berebut-rebut dan bertarung, sikap keakuan dan pementingan diri menguasai hati nurani manusia. Sifat-sifat inilah yang membuat aliran wang itu tidak berpindah kepada mereka yang memerlukannya melainkan dalam bentuk mu'amalat riba yang keji. Ia membuat manusia hidup tanpa jaminan-jaminan jika mereka tidak mempunyai tabung simpanan wang atau tidak ikut melaburkan sebahagian dari wangnya di dalam syarikat-syarikat insuran riba. Ia membuat sektor perniagaan dan perusahaan tidak mendapat modal yang diperlukannya kecuali dengan pinjaman secara riba. Hingga tertanam di dalam perasaan generasi yang malang ini bahawa di sana tidak ada suatu sistem yang lain dari sistem ini dan kehidupan manusia tidak dapat ditegakkan melainkan di atas asas riba.

Gambaran zakat ini telah menjadi begitu kabur sehingga generasi-generasi sekarang ini memikirkannya sebagai derma kasihan belas individu yang sangat kecil yang tidak boleh dibangunkan di atas asasnya satu sistem yang moden, tetapi hasil zakat itu amatlah besar. Ia memungut dua peratus setengah dari harta modal orang ramai dan keuntungannya.[14] Ia dikeluarkan oleh orang-orang yang dicipta dan dididikkan oleh Islam dengan didikan istimewa melalui bimbingan-bimbingan perundangan-perundangan dan sistem hidup yang membuat pemikiran mereka mengatasi hati nurani mereka yang tidak pernah hidup di dalam sistem ini. Ia dipungut oleh kerajaan Islam sebagai satu bayaran yang wajib bukan sebagai derma kasihan belas individu, dan dengan hasil pungutan zakat inilah kerajaan dapat membantu kelompok Muslimin yang lemah hasil pendapatan peribadi mereka supaya setiap orang merasa bahawa hidupnya dan hidup anak-anaknya adalah terjamin dalam segala keadaan, dan supaya yang berhutang dapat dibayar hutangnya dari hasil pungutan zakat sama ada hutang perniagaan atau bukan perniagaan.

Yang penting bukannya bentuk sistem itu, tetapi jiwa dan semangatnya. Masyarakat yang dididik oleh Islam melalui bimbingan-bimbingan, undang-undang dan peraturannya adalah, sebuah masyarakat yang sepadu dengan bentuk sistem dan tatacaranya, sepadu dengan undang-undang dan bimbingan-bimbingan. Dan dari hati nurani dan susunan masyarakat yang sepadu inilah lahirnya semangat takaful. Hakikat ini mungkin tidak dapat difaham oleh orang yang lahir dan membesar di bawah naungan sistem kebendaan yang lain, tetapi bagi kita selaku penganut-penganut Islam itulah hakikat yang kita kenali dan kita kecapinya dengan selera keimanan kita. Dan jika mereka tidak dapat merasakan kecapan ini kerana nasib mereka yang malang dan kerana nasib umat manusia yang dipimpin mereka juga

---

[14] *Nisbah ini meningkat kepada 5% kepada 10% kepada 20% pada zakat tanaman dan harta-harta terpendam di dalam bumi.*

malang, maka biarlah ini menjadi habuan mereka dan biarlah mereka dinafikan dari meni'mati kebaikan yang disampaikan berita baiknya oleh Allah kepada orang-orang yang beriman, yang mengerjakan amalan yang soleh, mendirikan solat dan menunaikan zakat itu." Biarlah mereka dinafikan dari meni'mati ketenteraman dan kepuasan di samping dinafikan dari ganjaran dan pahala. Kerana mereka dinafikan dari keni'matan-keni'matan itu dengan sebab kejahilan, jahiliyah, kesesatan dan kedegilan mereka sendiri.

Allah S.W.T. menjanjikan kepada orang-orang yang membangunkan kehidupan mereka di atas asas keimanan, kebaikan, ibadat dan tolong menolong bahawa Ia akan menyampaikan ganjaran mereka di sisi-Nya dan berjanji akan memberi keamanan dan kebahagiaan kepada mereka hingga mereka tidak akan merasa risau dan dukacita lagi:

لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ
يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

"Mereka akan memperolehi pahala di sisi Tuhan mereka dan tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka berdukacita."(277)

Dan dalam waktu yang sama Allah mengancam para pemakan riba dan masyarakat yang mengamalkan sistem riba dengan 'azab kemusnahan, terumbang-ambing dalam kesesatan, kegelisahan dan ketakutan.

Umat manusia telah menyaksikan janji ini telah berlaku di dalam masyarakat Islam dan mereka juga melihat ancaman ini sedang berlaku pada hari ini dalam masyarakat yang mengamalkan sistem riba. Andainya kita berkuasa memegang setiap hati yang lalai dan menggoncangkannya dengan kuat agar ia menyedari hakikat yang tersergam ini, dan andainya kita berkuasa memegang setiap mata yang pejam dan membukakan dua kelopaknya supaya melihat realiti itu tentulah kita lakukannya, tetapi apa boleh buat kita tidak berkuasa menunjuk kepada mereka hakikat ini. Semoga Allah sahaja memberi hidayat kepada umat manusia yang malang ini kerana hati mereka berada di antara dua jari Allah Yang Rahman dan kerana hidayat yang sebenar itu ialah hidayat yang datang dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 278 - 279)

Hubungan Keimanan Dan Kewajipan Meninggalkan Amalan Riba

Di bawah naungan kesenangan yang aman yang dijanjikan Allah kepada kaum Muslimin yang membuang mu'amalat riba di dalam kehidupan mereka dan ini bererti mereka membuang kekafiran dan perbuatan yang berdosa dan membangunkan kehidupan mereka di atas asas keimanan, amalan yang salih, ibadat dan zakat .... di bawah naungan kesenangan yang aman ini Allah membuat seruan terakhir kepada orang-orang yang beriman supaya mereka mengubahkan kehidupan mereka dari sistem riba yang kotor dan terkutuk itu, jika tidak, maka terimalah perisytiharan perang dari Allah dan rasul tanpa berlembut dan tanpa diberi tempoh lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ
ٱلرِّبَوٰٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾
فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ
وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ
وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkanlah sisa-sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu benar orang-orang yang beriman(278). Dan jika kamu tidak melakukan (perintah itu) maka ketahuilah kamu akan perisytiharan perang dari Allah dan rasul-Nya dan jika kamu bertaubat (dari mengambil riba), maka kamu berhak memperolehi harta pokok kamu. Kamu tidak boleh menganiayai dan tidak pula kamu boleh dianiayakan."(279)

Ayat ini menggantungkan keimanan orang-orang yang beriman di atas kesanggupan mereka meninggalkan saki-baki riba. Ini bererti mereka bukan orang-orang yang beriman kecuali mereka bertaqwa kepada Allah dan meninggalkan saki-baki riba. Mereka bukan orang-orang yang beriman walaupun mereka mengisytiharkan diri mereka sebagai orangorang yang beriman, kerana tiada keimanan tanpa keta'atan dan kepatuhan menjunjung perintah Allah. Nas Al-Qur'an ini cukup jelas ia tidak meninggalkan sesuatu yang mengelirukan mereka dalam perkara ini. Ia tidak membiarkan seseorang pun berlindung di sebalik kalimah iman apabila ia tidak mematuhi dan menjunjung undang-undang yang disyari'atkan Allah dan melaksanakannya dalam kehidupannya dan mengamalkannya di dalam segala mu'amalatnya. Orang-orang yang membezakan di dalam agama di antara i'tiqad dan mu'amalat bukannya orang-orang yang beriman walaupun mereka mendakwa beriman dan mengisytiharkan dengan lidah mereka atau dengan syi'ar-syi'ar ibadat yang lain bahawa mereka beriman.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ
ٱلرِّبَوٰٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkanlah sisa-sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu benar orang-orang yang beriman."(278)

Allah kekalkan riba yang telah diambil mereka di masa yang lalu sebagai milik mereka. Allah tidak memerintah supaya diambil balik dari mereka. Allah

tidak memerintah supaya semua atau sebahagian dari harta mereka dirampas kerana harta itu dimasuki riba, kerana pengharaman tidak boleh dilakukan tanpa nas dan hukuman tidak boleh dilaksanakan tanpa undang-undang. Sementara undang-undang pula hanya berkuatkuasa dan mewujudkan kesannya selepas ia diisytiharkan.

Undang-undang Pengharaman Riba Tiada Mempunyai Kesan Kebelakangan

Adapun kesalahan yang telah lalu maka ia terserah kepada Allah bukannya kepada hukum undang-undang. Dengan sikap ini Islam mengelakkan terjadinya krisis ekonomi dan sosial yang besar, yang mana krisis ini tentu berlaku jika Islam jadikan undang-undang pengharaman riba itu mempunyai kesan kebelakangan. Inilah dasar yang baru diambil oleh perundangan moden. Yang demikian kerana undang-undang Islam itu adalah diatur untuk tujuan melayani kehidupan manusia yang berlaku di alam kenyataan serta membimbingnya, membersihkan dan membebaskannya agar terus subur dan meningkat maju dan sekaligus itu juga sifat keimanan mereka digantungkan di atas kesanggupan mereka menjunjung undang-undang itu dan melaksanakannya dalam kehidupan mereka sebaik sahaja undang-undang itu diturunkan Allah dan mereka mengetahuinya. Dan di samping itu dirangsangkan kesedaran taqwa kepada Allah di dalam hati mereka. Itulah kesedaran yang dijadikan Islam sebagai landasan untuk menguatkuasakan undang-undang dan dijadikannya sebagai jaminan yang wujud di dalam hati yang mengatasi segala jaminan yang dijamin dengan kekuatan undang-undang itu sendiri. Dengan ini undang-undang Islam mempunyai jaminan-jaminan penguatkuasaan yang tidak dimiliki oleh undang-undang ciptaan manusia yang hanya bergantung kepada kawalan dan pengawasan luaran sahaja! Sedangkan pengawasan luaran boleh ditipu dengan mudah apabila hati nurani tidak dikawal oleh pengawal taqwa kepada Allah.

Inilah lambaran galakan dan pemberangsangan dan di sampingnya dibuka lembaran amaran yang menggegarkan hati:

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ

"Dan jika kamu tidak melakukan (perintah itu) maka ketahuilah kamu akan perisytiharan perang dari Allah dan rasul-Nya."

Perisytiharan Perang Dari Allah Terhadap Masyarakat Ribawi

Alangkah dahsyatnya perisytiharan perang dari Allah dan rasul-Nya, iaitu satu peperangan yang harus dihadapi jiwa manusia, satu peperangan yang ngeri yang memang diketahui akibatnya. Masakan manusia yang lemah itu dapat bertahan di hadapan kekuatan Ilahi yang Maha Gagah yang membawa kebinasaan dan kemusnahan itu.

Rasulullah s.a.w. telah memerintah gabenornya di Makkah selepas turunnya ayat-ayat ini di masa kebelakangan supaya memerangi keluarga al-Mughirah jika mereka tidak berhenti menjalankan mu'amalat dengan riba, dan sebelum ini beliau telah pun memerintah di dalam pidatonya pada hari penaklukan kota Makkah supaya dihapuskan semua hutang riba di dalam jahiliyah, terutamanya hutang riba bapa saudaranya al-'Abbas, dari tanggungan orang-orang yang berhutang yang masih dipikul oleh mereka dalam satu tempoh yang lama selepas Islam, sehingga masyarakat Islam menjadi matang dan kukuh segala asasnya dan di waktu ini tibalah masanya bagi sistem ekonominya berubah seluruhnya dari asas riba itu. Rasulullah s.a.w. telah bersabda dalam pidatonya ini:

وكل ربا في الجاهلية موضوع تحت قدمي هاتين، وأول ربا اضع ربا العباس

"Seluruh (hutang) riba di dalam jahiliyah adalah diletakkan di bawah dua tapak kakiku ini (dihapuskan) dan awal-awal (hutang) riba yang aku letakkan di bawah kakiku (hapuskan) ialah (hutang) riba al-Abbas".

Beliau tidak menyuruh mereka memulangkan segala pendapatan riba yang telah diambil mereka di dalam masa jahiliyah.

Al-Imam atau pemerintah Islam - apabila masyarakat Islam telah dibangunkan - adalah berkewajipan memerangi orang-orang yang masih berdegil mengamalkan sistem riba dan menyalahi perintah Allah walaupun mereka mengisytiharkan diri mereka sebagai orang-orang Islam sebagaimana Abu Bakr r.a. telah memerangi golongan yang enggan mengeluarkan zakat walaupun mereka mengucap dua kalimah syahadah لا إله إلا الله dan محمد رسول الله serta mendirikan solat, kerana seseorang yang enggan mematuhi syari'at Allah dan enggan melaksanakannya dalam realiti hidupnya bukanlah seorang Muslim yang sebenar.

Tetapi perisytiharan perang dari Allah dan rasul itu membawa pengertian yang lebih luas dari pengertian perang dengan mata pedang dan meriam dari pihak pemerintah, malah peperangan ini - sebagaimana diumumkan oleh Allah yang paling benar perkataanNya - adalah diisytiharkan ke atas setiap masyarakat yang menjadikan riba sebagai asas sistem ekonomi dan sosialnya. Peperangan ini dilancarkan dalam bentuknya yang syumul dan merangkumi segala-galanya, iaitu peperangan yang menyerang saraf dan hati manusia, peperangan yang menyerang keberkatan dan kemewahan, peperangan yang menyerang kebahagiaan dan ketenteraman..... peperangan yang dilancarkan Allah yang membuat penderhaka undang-undang dan peraturan-peraturannya itu berperang satu sama lain, peperangan, pengusiran dan pergaduhan peperangan kerugian dan kezaliman, peperangan kegelisahan dan ketakutan dan akhir sekali ialah peperangan bersenjata di antara bangsa-bangsa, di antara tentera-tentera dan di antara negara-negara, iaitu

peperangan yang membawa kemusnahan dan kebinasaan yang tercetus akibat dari sistem riba yang terkutuk. Pemakan-pemakan riba dari kaum kapitalis dunia inilah yang menyalakan api peperangan itu baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Merekalah yang memasangkan pukat-pukat riba mereka lalu mengenakan syarikat-syarikat dan perusahaan-perusahaan kemudian mengenakan bangsa-bangsa dan negara-negara lalu mereka berkelahi dengan mangsa-mangsa mereka menyebabkan tercetus peperangan atau mereka bergerak dengan kekuatan kerajaan-kerajaan atau tentera-tentera kerana melindungi harta mereka dan akibatnya menimbulkan peperangan, atau kerajaan mengenakan cukai-cukai yang tinggi ke atas rakyat untuk membolehkannya membayar faedah-faedah hutang negara dan menyebabkan kemiskinan dan kemarahan umum dirasai oleh golongan pekerja dan golongan pengeluar. Akibatnya mereka membuka pintu hati mereka kepada propaganda-propaganda yang meruntuh dan akhirnya peperangan meletus, jika semuanya ini tidak berlaku, maka sekurang-kurangnya yang berlaku (akibat riba) ialah kerosakan jiwa, keruntuhan akhlak dan terlepasnya kerakusan nafsu keinginan dan hancurnya entiti manusia, iaitu lebih dahsyat dari kehancuran yang diakibatkan oleh perang nuklear yang ngeri.

Itulah perang yang tidak kunjung padam yang diisytiharkan Allah ke atas golongan manusia yang bermu'amalat dengan riba. Kini perang itu sedang bernyala membakar segala yang hijau dan segala yang kering di dalam kehidupan manusia yang sesat, tetapi mereka tidak sedar, malah mereka fikir mereka sedang mengaut keuntungan dan maju ke depan setiap kali mereka melihat bukit-bukit barangan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang mereka. Bukit-bukit barangan itu sepatutnya dapat memberi kebahagiaan kepada umat manusia andainya ia dihasilkan dari modal-modal yang bersih, tetapi malangnya barangan-barangan itu dikeluarkan dari sumber riba yang kotor yang hanya melambangkan timbunan sampah sarap yang mencekik pernafasan manusia dan menghempapkannya, dan di atas timbunan itu kelihatan tersimpuh segelintir pemakan-pemakan riba dunia yang tidak pernah merasa kesakitan manusia yang terhempap di bawah timbunan barangan riba yang terkutuk itu.

Cara Bertaubat Dari Amalan Riba

Islam telah menyeru angkatan Muslimin yang pertama dan masih terus menyeru seluruh umat manusia kepada sumber modal yang suci dan bersih dan kepada bertaubat dari dosa dan sistem riba yang kotor:

وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

"Dan jika kamu bertaubat (dari mengambil riba), maka kamu berhak memperolehi harta pokok kamu. Kamu tidak boleh menganiayai dan tidak pula kamu boleh dianiayakan."(279)

Itulah taubat dari dosa jahiliyah, iaitu jahiliyah yang tidak tertakluk kepada sesuatu zaman atau sesuatu sistem sahaja, kerana jahiliyah ialah penyelewengan dari syari'at dan sistem hidup yang diatur oleh Allah pada bila-bila masa sahaja dan di mana-mana sahaja. Itulah dosa jahiliyah yang melahirkan kesan-kesannya dalam perasaan individu-individu, dalam akhlak dan kefahaman mereka terhadap kehidupan. Ia melahirkan kesan-kesannya di dalam kehidupan kelompok dan segala hubungannya dan melahirkan kesan-kesannya di dalam kehidupan umat manusia seluruhnya, iaitu dalam perkembangan ekonomi mereka sendiri walaupun orang-orang yang tertipu dengan da'yah-da'yah golongan pemakan riba itu menyangkakan bahawa sistem riba itu adalah satu-satunya asas yang baik bagi pertumbuhan ekonomi.

Sarana-sarana Pelabur Yang Bersih

Mengambil balik modal tanpa faedah itu merupakan satu perbuatan yang 'adil, di mana si pemberi hutang dan si yang berhutang tidak dianiayai apa-apa. Pelaburan harta itu mempunyai cara-cara dan sarana-sarana bersih yang lain, iaitu sarana usaha peribadi dan sarana perkongsian secara mudharabah iaitu memberi modal kepada orang-orang yang menjalankan sesuatu perusahaan kemudian berkongsi untung rugi dengannya, sarana syarikat-syarikat yang meletakkan saham-sahamnya secara langsung di pasaran - tanpa saham-saham keutamaan[15] yang membolot kebanyakan keuntungan - dan mendapat keuntungan yang halal melaluinya, saranan menyimpan harta-harta itu di bank tanpa faedah dengan syarat pihak bank melaburkannya di dalam syarikat-syarikat, perusahaan-perusahaan dan kegiatan-kegiatan perniagaan secara langsung atau tidak secara langsung tanpa memberi keuntungan yang tetap kepadanya, kemudian untung ruginya di bahagi kepada para penyimpannya mengikut peraturan yang tertentu jika berlaku, dan pihak bank boleh mengambil kadar upah yang tertentu, iaitu kadar upah pengurusan mentadbirkan harta-harta itu. Di sana terdapat berbagai-bagai sarana pelaburan yang lain lagi yang tidak dapat dihuraikan dengan terperinci di sini. Sarana-sarana itu memang wujud dan mudah jika hati benar-benar beriman dan jika seseorang itu benar-benar berniat mencari punca pendapatan yang bersih dan suci dan benar-benar ingin menjauhi sumber-sumber yang busuk dan kotor.[16]

* * * * * *

---

[15] *Preference Shares*

[16] *Lihat kajian-kajian al-Ustaz as-Sayyid Abul A'la al-Maududi yang telah disebutkan sebelum ini.*

(Pentafsiran ayat 280)

Ayat yang berikut menjelaskan hukum-hukum hutang yang sukar untuk mendapat bayarannya. Cara melayani hutang yang seperti ini bukannya dengan mengenakan riba tangguh bayaran, iaitu melanjutkan tempoh bayaran dengan mengenakan bayaran yang lebih, tetapi dengan melanjutkan tempoh bayaran sehingga kepada waktu kelapangan membayarnya di samping menggalakkan kepada amalan mensedekahkan hutang itu kepada mereka yang ingin mendapat kebajikan yang lebih sempurna:

Hukum-hukum Yang Sukar Mendapatkan Bayaran

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَن تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

"Dan jika orang yang berhutang itu dalam kesempitan, berilah tempoh sehingga ia berada dalam kelapangan, (tetapi) kesanggupan kamu mensedekahkan hutang itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui."(280)

Itulah toleransi yang murah hati yang dibawa oleh Islam kepada umat manusia. Itulah naungan yang teduh, yang memberi perlindungan kepada golongan manusia yang letih lesu di bawah pancaran matahari tengahari nafsu tamak, bakhil dan rakus. Itulah bayangan rahmat kepada si pemberi hutang, kepada si yang berhutang dan kepada masyarakat yang melindungi mereka semua.

Kita memang sedar bahawa kata-kata ini tidak memberi apa-apa erti kepada akal manusia yang hidup di bawah panas matahari jahiliyah dan kebendaan sekarang ini. Kecapan harum manis dari kata-kata ini tidak dirasa apa-apa di dalam hati mereka yang telah keras membatu itu terutama hati golongan pemakan riba yang buas sama ada mereka terdiri dari individu-individu yang berasingan di ceruk-ceruk negeri. Mereka duduk bersimpuh menjilat-jilat bibir menunggu mangsa-mangsanya yang terdiri dari insan-insan yang menderita akibat dilanda berbagai-bagai kesusahan. Mereka amat memerlukan wang untuk membeli makanan, pakaian dan ubat-ubat atau pada setengah-setengah ketika untuk perbelanjaan mengkebumikan keluarga mereka yang telah meninggal dunia, tetapi malangnya di dunia yang tamak dan bakhil ini mereka tidak dapat menemui orang-orang yang sanggup menghulurkan pertolongan yang ikhlas kepada mereka. Oleh itu mereka terpaksa meminta pertolongan di sarang-sarang pemakan-pemakan riba yang buas itu dan pergi menyerahkan diri kepada perangkap-perangkap mereka kerana terlalu memerlukan wang..... Sama ada mereka terdiri dari individu-individu yang seperti ini atau mereka berada dalam bentuk institusi-institusi kewangan dan bank-bank ribawi. Mereka sama sahaja, cuma yang berbeza ialah golongan yang akhir ini duduk di pejabat-pejabat yang indah di atas kerusi-kerusi yang empuk dan di belakang mereka tersusun buku-buku teori-teori ekonomi, karangan-karangan ilmiyah, profesor-profesor, institusi-institusi pelajaran tinggi, Universiti-universiti, undang-undang dan peraturan, pasukan polis, mahkamah-mahkamah dan angkatan tentera. Seluruhnya siap sedia untuk menjustifikasikan jenayah mereka dan melindungi mereka, dan seterusnya untuk mempersalahkan sesiapa sahaja yang teragak-agak untuk membayar faedah riba kepada peti wang mereka atas nama undang-undang.

Kita memang tahu bahawa kata-kata ini tidak sampai ke dalam hati mereka, tetapi kita yakin itulah kata-kata yang sebenar, malah kita percaya bahawa kebahagiaan umat manusia adalah bergantung kepada kesanggupan mereka mendengar dan mengamalkan kata-kata ini:

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَن تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

"Dan jika orang yang berhutang itu dalam kesempitan, berilah tempoh sehingga ia berada dalam kelapangan, (tetapi) kesanggupan kamu mensedekahkan hutang itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui."(280)

Orang yang picik di dalam Islam tidak boleh diburu dan ditindas oleh tuanpunya-tuanpunya hutang atau oleh undang-undang dan mahkamah-mahkamah, malah ia diberi tempoh sehingga ia senang, di samping itu masyarakat Islam tidak membiarkan orang picik itu menanggung hutang, kerana itu Allah menyeru tuanpunya hutang supaya mensedekahkan sahaja hutangnya itu. Jika ia membuat kebajikan itu dengan sukarela, maka itulah yang lebih baik untuk dirinya di samping lebih baik untuk si berhutang dan lebih baik untuk masyarakat umumnya dan untuk kehidupan mereka yang saling bertakaful andainya dia mengetahui bahawa Allah mengetahui tentang hakikat ini.

Hal yang demikian kerana tujuan dari penghapusan riba itu akan hilang sebahagian besar darinya jika pemberi hutang akan terus menekan si berhutang itu, sedangkan dia seorang yang picik yang tidak mampu membayar. Di sini datanglah perintah - dalam bentuk andaian dan jawapan - supaya menunggu sehingga dia senang dan mampu membayar dan di samping itu Allah menggalakkannya supaya mensedekahkan sahaja semua hutang itu atau sebahagian darinya apabila si berhutang itu dalam kepicikan untuk menjelaskannya.

Si Berhutang Yang Picik Berhak Menerima Zakat

Tetapi di sana ada ayat-ayat yang lain yang memberi kepada si berhutang yang kepicikan itu hak mendapat habuan dari bahagian-bahagian zakat untuk menjelaskan hutangnya dan melapangkan kehidupannya:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ ....

وَالْغَارِمِينَ ....

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin..... dan orang-orang yang berhutang........"

(Surah at-Taubah: 60)

Iaitu orang-orang yang berhutang yang menggunakan hutang itu bukan untuk memuaskan hawa nafsu mereka atau untuk meni'mati keni'matan-keni'matan hidup mereka, malah mereka menggunakan hutang itu untuk tujuan yang baik dan bersih, kemudian suasana hidup tiba-tiba menjadikannya picik.

Kemudian diiringi pula dengan satu kenyataan yang mempunyai saranan yang mendalam, iaitu saranan yang menggentarkan hati orang yang beriman dan mengharapkan agar dia bersedia melepaskan semua hutangnya supaya dapat berlalu dengan selamat pada hari hisab kelak.

(Pentafsiran ayat 281)

Hari Qiamat Merupakan Hari Penyelesaian Agung

وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ۖ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ
نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

"Dan peliharalah diri kamu dari ('azab) hari kamu dikembalikan kepada Allah kemudian (di sana) setiap orang diberi balasan yang sempurna terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka tidak sekalikali dianiayai."(281)

Yakni hari kepulangan mereka kepada Allah dan hari setiap orang mendapat balasannya yang sempurna adalah hari yang amat sukar dan memberi kesan yang mendalam ke dalam hati orang yang beriman. Pemandangan hari ini terbentang jelas di hadapan hati nuraninya. Kedahsyatan hari ini menggegarkan hati nuraninya, kerana berdiri di hadapan Allah pada hari ini adalah satu kenangan yang menjadikan seluruh dirinya gementar dan menggigil.

Kenyataan ini sesuai dengan suasana mu'amalat-mu'amalat, suasana mengambil dan memberi, suasana kerja dan ganjaran. Itulah hari penyelesaian agung untuk seluruh amalan yang telah lepas dan itulah hari peng'adilan terakhir terhadap seluruh kes yang telah lalu di antara semua orang yang terlibat di dalamnya. Alangkah wajarnya bagi hati yang Mu'min merasa takut dan menjauhinya.

Taqwa itulah pengawal yang berjaga di pendalaman hati nurani. Ia telah ditugas oleh Islam mengawal di sana dan hati manusia tidak dapat melarikan diri darinya kerana dia mengawal di pendalaman hati itu sendiri.

Itulah Islam .... suatu sistem yang kuat, sabar, lemah-lembut dan tegak dalam realiti bumi. Itulah rahmat Allah kepada umat manusia dan itulah penghormatan Ilahi kepada manusia. Itulah kebajikan yang dihindari oleh manusia dan dihalangi darinya oleh musuh-musuh Allah dan musuh-musuh manusia.

(Kumpulan ayat-ayat 282 - 284)

Hukum-hukum Hutang Piutang, Perniagaan Tunai Dan Gadaian

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ
مُسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ
بِالْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا
عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ
وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ
الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ
يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ ۚ وَاسْتَشْهِدُوا
شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۖ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ
فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ
تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا
يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ۚ وَلَا تَسْأَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ
صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ
اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا ۖ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ
جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ۗ وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ۚ وَلَا
يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ۚ وَإِنْ تَفْعَلُوا فَإِنَّهُ
فُسُوقٌ بِكُمْ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ ۗ
وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾
وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ
مَقْبُوضَةٌ ۖ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُمْ بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي
اؤْتُمِنَ أَمَانَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۗ وَلَا تَكْتُمُوا
الشَّهَادَةَ ۚ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ ۗ وَاللَّهُ

بِمَا تَعۡمَلُونَ عَلِيمٞ ٢٨٣
لِّلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَإِن تُبۡدُواْ مَا
فِيٓ أَنفُسِكُمۡ أَوۡ تُخۡفُوهُ يُحَاسِبۡكُم بِهِ
ٱللَّهُۖ فَيَغۡفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ٢٨٤

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu berurusniaga dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke masa yang tertentu, maka hendaklah kamu catatkannya dan hendaklah ada seorang penulis di antara kamu yang mencatat dengan 'adil dan janganlah penulis itu enggan menulis sebagaimana yang telah diajar oleh Allah kepadanya, oleh itu hendaklah ia mencatat dan hendaklah orang yang berhutang merencanakan (pengakuan hutang) dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sedikit pun dari hutang itu. Dan jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau tidak dapat merencanakan sendiri (pengakuan hutang itu), maka hendaklah walinya merencanakannya dengan 'adil dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Dan jika tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu bersetuju menjadi saksi, supaya jika salah seorang dari dua saksi perempuan itu tersasul dapatlah diperingatkan oleh saksi yang seorang lagi. Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi, dan janganlah kamu merasa jemu mencatatkan hutang piutang itu sama ada kecil atau besar serta dengan tempoh pembayarannya. Itulah yang lebih 'adil di sisi Allah dan lebih teguh bagi keterangan saksi dan lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali urusniaga itu suatu urusniaga tunai yang kamu uruskannya di antara kamu, maka tiadalah salah jika kamu tidak mencatatkannya. Dan adakanlah saksi jika kamu berjual beli dan janganlah dilakukan apa-apa kesusahan kepada mana-mana penulis dan saksi dan jika kamu lakukannya, maka itulah perbuatan penyelewengan yang membabitkan kamu. Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan (ingatlah) Allah mengajar kamu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(282). Dan jika kamu berada dalam persafiran dan kamu tidak boleh mendapat penulis, maka adakanlah barang gadaian yang boleh dipegang dan jika kamu telah mempercayai terhadap satu sama lain, maka hendaklah orang yang dipercayai itu menunaikan amanahnya dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhan Pemeliharanya dan janganlah kamu menyembunyikan keterangan saksi dan barangsiapa menyembunyikannya maka sesungguhnya berdosalah hatinya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (283). Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau menyembunyikannya, nescaya Allah hisabkan kamu dengannya, Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan meng'azabkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu(284).

Hukum-hukum yang khusus bersangkutan dengan hutang piutang, perniagaan tunai dan gadaian ini adalah pelengkap bagi hukum-hukum yang telah lepas mengenai sedekah dan riba. Pelajaran yang telah lepas menyeru supaya dijauhi segala urusniaga ribawi, hutang piutang ribawi dan jualbeli-jualbeli ribawi. Adapun pembicaraan di sini ialah mengenai pinjaman kebajikan (القرض الحسن) iaitu pinjaman tanpa riba dan faedah, juga mengenai urusniaga-urusniaga tunai yang bersih dari riba.

Pengungkapan Undang-undang Di Dalam Al-Qur'an

Setiap orang akan berdiri ta'jub dan kagum di hadapan pengungkapan-pengungkapan mengenai undang-undang di dalam Al-Qur'an, di mana kehalusan yang amat menarik kelihatan jelas dalam penyusunan ayat-ayat yang bersangkutan dengan undang-undang sehingga tiada sepatah perkataan pun yang boleh ditukar dengan perkataan yang lain dan tiada satu ceraian pun yang boleh didahulu atau dikemudiankan dari tempatnya, namun demikian kehalusan pengungkapan undang-undang itu tidak pula menghilangkan keindahan pengucapannya. Di samping itu pengungkapan undang-undang itu pula mengikatkan undang-undang dengan kesedaran keagamaan dengan ikatan yang halus, tetapi memberi kesan dan saranan yang mendalam dan kuat dan tanpa merosakkan pertalian ayat-ayat itu dari segi maksud perundangan. Pengungkapan undang-undang itu juga memberi perhatian kepada segala faktor yang mungkin mempengaruhi pendirian dua pihak yang ber'aqad atau mempengaruhi pendirian para saksi dan penulis lalu ia menolak semua faktor-faktor itu dan mengambil sikap yang hemat terhadap segala kemungkinan-kemungkinannya. Ia juga tidak berpindah dari satu persoalan kepada satu persoalan yang lain melainkan setelah ia selesai menjelaskannya dari segi undang-undang hingga tidak perlu lagi dikembalikan kepadanya kecuali ada sesuatu hubungan di antaranya dengan sesuatu persoalan yang baru yang memerlukan isyarat kepada hubungan itu.

Ciri mu'zijat dalam penyusunan ayat-ayat undang-undang di sini ialah sama dengan ciri mu'jizat dalam penyusunan ayat-ayat yang memberi saranan dan bimbingan, malah ia lebih jelas dan lebih kuat lagi kerana tujuan di dalam perundangan itu amat halus dan ia boleh berubah dengan sepatah perkataan sahaja dan tiada sepatah perkataannya boleh digantikan dengan perkataan yang lain. Jika tidak kerana ciri mu'jizat tentulah kehalusan pengungkapan undang-undang dan keindahan pengucapan seni yang sempurna itu tidak tercapai dalam bentuknya yang unik ini.

Di samping semua ciri-ciri mu'jizat ini, perundangan Islam juga telah mendahului perundangan-perundangan yang lain dalam mengemukakan dasar-dasar perundangan sivil/madani dan perniagaan kira-kira sepuluh abad lebih awal sebagaimana telah diakui oleh ahli-ahli perundangan moden.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 282)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا تَدَايَنتُم بِدَيْنٍ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَٱكْتُبُوهُ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu berurus niaga dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke masa yang tertentu, maka hendaklah kamu catatkannya."

Inilah dasar umum yang hendak dijelaskan oleh Al-Qur'an. Tugas mencatat atau menulis hutang piutang itu merupakan satu tugas yang diwajibkan dengan nas, bukannya ditinggalkan kepada pilihan sukarela sahaja dalam urusniaga hutang piutang yang bertempoh. Tugas ini diwajibkan kerana sesuatu hikmat yang akan dijelaskan di akhir ayat ini nanti.

وَلْيَكْتُب بَّيْنَكُمْ كَاتِبٌۢ بِٱلْعَدْلِ ۚ

Dan hendaklah ada seorang penulis diantara kamu yang mencatat dengan 'adil."

Peraturan Mencatat Hutang-Piutang

Ayat ini menentukan orang yang akan melaksanakan tugas mencatat hutang piutang itu, iaitu seorang penulis asing yang bukan salah seorang dari dua pihak yang ber'aqad. Tujuan memanggil orang yang ketiga dan bukannya salah seorang dari dua pihak yang ber'aqad ialah mengambil jalan selamat atau berhemat dan mengambil sikap berkecuali yang mutlak. Penulis diperintah oleh Allah supaya menulis dengan 'adil tanpa memihak kepada mana-mana seorang dari dua pihak yang ber'aqad dan tanpa mengurang atau menambahkan sesuatu dalam butir-butir surat hutang itu.

وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَن يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ ٱللَّهُ ۚ

"Dan janganlah penulis itu enggan menulis sebagaimana yang telah diajar oleh Allah."

Yang menentukan taklif ini - terhadap penulis - ialah Allah S.W.T. supaya dia tidak berlengah-lengah dan tidak enggan menulis dan supaya dia tidak mengirakan tugas itu sebagai suatu kerja yang berat kepada dirinya, kerana tugas ini telah difardhukan Allah dengan nas undang-undang dan balasan untuknya kerana menjalani tugas ini telah disanggupi Allah. Tugas ini juga merupakan pernyataan kesyukuran di atas limpah kurnia Allah yang telah mengajarnya kepandaian menulis. Oleh itu hendaklah dia menulis sebagaimana ia diajar oleh Allah.

Setakat ini Allah telah menjelaskan dasar pencatatan hutang piutang yang bertempoh dan menentukan orang yang mencatatkan hutang itu dan mewajibkan ke atasnya supaya mencatat hutang piutang itu. Di samping ia diwajibkan menjalankan tugas itu, ia diperingatkan secara halus supaya mengingati ni'mat kepandaian menulis yang telah dikurniakan Allah kepadanya, juga disarankan supaya mematuhi ke'adilan.

Kemudian Al-Qur'an berpindah pula kepada ceraian yang berikut untuk menjelaskan cara mencatat:

وَلْيُمْلِلِ ٱلَّذِى عَلَيْهِ ٱلْحَقُّ وَلْيَتَّقِ ٱللَّهَ رَبَّهُۥ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْـًٔا ۚ فَإِن كَانَ ٱلَّذِى عَلَيْهِ ٱلْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَن يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُۥ بِٱلْعَدْلِ ۚ

"Dan hendaklah orang yang berhutang merencanakan (pengakuan hutang) dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sedikit pun dari hutang itu. Dan jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau tidak dapat merencanakan sendiri (pengakuan hutang itu), maka hendaklah walinya merencanakannya dengan 'adil."

Orang yang berhutang ditugas merencanakan sendiri kepada penulis pengakuan hutangnya, jumlah hutangnya, syaratnya dan tempoh bayarannya. Peraturan ini dibuat kerana bimbang berlakunya sesuatu kerugian kepada orang yang berhutang jika surat hutang itu direncanakan oleh pemberi hutang, kerana ia mungkin menambahkan jumlah hutang atau memendekkan tempoh bayarannya atau menyebut syarat-syarat tertentu untuk kepentingannya, sedangkan orang yang berhutang berada dalam kedudukan yang lemah, di mana ia mungkin tidak dapat menyatakan bangkangannya sebab inginkan 'aqad itu diselesaikan segera kerana ia amat memerlukannya. Di sini orang yang berhutang akan menanggung kerugian; tetapi jika orang yang berhutang ditugas merencanakan sendiri pengakuan hutangnya, maka sudah tentu ia tidak merencana melainkan pengakuan-pengakuan yang ia ingin mematuhinya dengan hati yang ikhlas. Di samping itu pengakuan dari orang yang berhutang itu pula adalah lebih kuat dan lebih kukuh apabila dia sendiri yang merencanakan pengakuan itu. Dan dalam waktu yang sama juga Al-Qur'an merayu kepada hati orang yang berhutang supaya ia bertaqwa kepada Allah apabila dia merencana, iaitu janganlah ia mengurangkan pengakuan jumlah hutangnya dan lain-lain perkara yang pokok dalam pengakuan itu. Jika orang yang berhutang itu bodoh tidak pandai mengendalikan urusan dirinya atau lemah yakni masih kecil atau lemah akal atau tidak dapat merencana sama ada kerana lemah atau jahil atau kerana kecacatan pada lidahnya atau lain-lain sebab dari sebab-sebab fizikal atau akal, maka hendaklah wali yang menjadi penjaga merencanakan pengakuan hutang itu dengan 'adil. Tujuan disebut kata-kata "ke'adilan" di sini ialah untuk menambahkan kehalusan perencanaan itu dan mengelakkan pihak wali dari melakukannya secara

sambil lewa kerana hutang itu tidak membabitkan dirinya sendiri. Semuanya ini hendaklah dipatuhi supaya segala jaminan itu wujud untuk kebaikan 'aqad itu.

Dengan ini tamatlah pembicaraan mengenai pencacatan hutang piutang dari segala segi.

Mengadakan Saksi-saksi Hutang-Piutang

Kemudian Al-Qur'an beralih pula kepada perkara yang lain di dalam 'aqad itu iaitu perkara saksi:

وَٱسْتَشْهِدُوا۟ شَهِيدَيْنِ مِن رِّجَالِكُمْ ۖ فَإِن لَّمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَٱمْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ ٱلشُّهَدَآءِ أَن تَضِلَّ إِحْدَىٰهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَىٰهُمَا ٱلْأُخْرَىٰ ۚ

"Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Dan jika tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu bersetuju menjadi saksi, supaya jika salah seorang dari dua orang saksi perempuan itu tersasul - dapatlah diperingatkan oleh saksi yang seorang lagi."

Yakni dua orang saksi hendaklah diadakan untuk menyaksikan 'aqad itu, iaitu diambil dari orang-orang yang telah dipersetujui untuk menjadi saksi.

مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ ٱلشُّهَدَآءِ

"Dari orang-orang yang kamu bersetuju menjadi saksi."

Persetujuan itu mencakupi dua perkara. Pertama: Hendaklah kedua-dua orang saksi itu bersifat 'adil dan disukai dalam kelompok Muslimin. Kedua: Hendaklah kedua belah pihak bersetuju dengan penyaksian kedua-duanya. Namun demikian, di sana terdapat suasana-suasana tertentu yang kadang-kadang membuat keadaan tidak begitu mudah untuk mendapatkan dua orang saksi lelaki. Di sini undang-undang memberi kemudahan boleh memanggil perempuan menjadi saksi. Pada mulanya undang-undang hanya memanggil lelaki untuk menjadi saksi kerana merekalah yang biasanya di dalam masyarakat Islam yang normal yang melaksanakan urusan-urusan pekerjaan, sedangkan di dalam masyarakat ini perempuan tidak perlu bekerja untuk menyarakan hidupnya, sehingga menganiayai sifat ke-perempuanannya dan keibuannya dan mencabul kewajipannya selaku penjaga tabung modal insan yang paling mahal iaitu tabung modal dalam bentuk anak-anak yang masih mentah yang melambangkan generasi masa depan. Ia tidak menukarkan tugas ini dengan beberapa suap makanan atau beberapa puluh sen wang upah kerja seperti yang terpaksa dilakukan oleh perempuan dalam masyarakat moden yang malang dan menyeleweng yang kita hayati sekarang ini. Apabila dua orang saksi lelaki tidak boleh diadakan, maka bolehlah diadakan seorang saksi lelaki dengan dua orang saksi perempuan.

Tetapi mengapa dua orang saksi perempuan? Ayat ini tidak memberi peluang kepada kita membuat tekaan, kerana setiap ayat dalam bidang undang-undang pastilah jelas dan terang serta lengkap dengan sebab-sebabnya:

أَن تَضِلَّ إِحْدَىٰهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَىٰهُمَا ٱلْأُخْرَىٰ ۚ

"Supaya jika salah seorang dari dua saksi perempuan itu tersasul dapatlah diperingatkan oleh saksi yang seorang lagi."

Ketersasulan di sini berlaku akibat dari berbagai-bagai sebab. Ia mungkin berlaku kerana kurang pengalaman perempuan dalam perkara membuat perjanjian 'aqad menyebabkan ia tidak dapat memahami segala perkara yang halus yang bersangkutan dengan 'aqad itu dan oleh kerana itu perkara ini menjadi tidak begitu jelas kepada akalnya dan tidak membolehkannya untuk memberi keterangan saksi yang halus ketika diperlukan. Jika keadaan ini berlaku, maka bolehlah saksi perempuan yang seorang lagi itu bekerjasama dengannya untuk mengingati segala keterangan yang ada hubungan dengan perkara itu. Kadang-kadang ketersasulan itu terjadi kerana sifat keperempuanannya yang mudah diharui emosi dan perasaan, kerana fungsi keibuan organik biologi memerlukan perempuan itu mempunyai reaksi kejiwaan yang tetap iaitu ia memerlukan emosi dan perasaan yang amat peka untuk menyambut tuntutan-tuntutan anak-anaknya dengan segera dan aktif tanpa menggunakan cara berfikir yang lambat. Itulah limpah kurnia Allah kepada kaum perempuan dan kepada kanak-kanak. Tabi'at keibuan ini tidak berbelahbagi oleh sebab itulah perempuan merupakan satu syakhsiyah yang padu dan inilah tabi'atnya ketika ia berada dalam keadaan normal. Sedangkan sifat menjadi saksi dalam urusan hutang-piutang yang seperti ini memerlukan seseorang itu tidak dikongkong emosi dan dapat mengingati segala perkara yang berlaku tanpa terpengaruh kepada sesuatu dan tanpa menyarankan sesuatu. Dan dengan adanya dua orang saksi itu dapatlah menjaminkan bahawa kedua-duanya dapat mengingatkan satu sama lain apabila ia tersasul kerana dipengaruhi emosi dan dapatlah ia teringat semula dan kembali kepada perkara-perkara yang sebenar.

Hikmat Peraturan Mencatat Hutang-Piutang Dan Mengadakan Saksi

Jika di permulaan ayat perintah telah dihadapkan kepada penulis-penulis hutang piutang supaya mereka jangan enggan menulis, maka di sini pula perintah telah dihadapkan kepada saksi-saksi supaya mereka jangan enggan menjadi saksi:

وَلَا يَأْبَ ٱلشُّهَدَآءُ إِذَا مَا دُعُوا۟ ۚ

"Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi."

Di sini jelaslah bahawa tugas memenuhi permintaan menjadi saksi itu adalah satu tugas yang wajib bukannya tugas sukarela, kerana menjadi saksi itu adalah wasilah untuk menegakkan ke'adilan dan kebenaran. Allah telah mewajibkan tugas ini supaya disempurnakan oleh saksi-saksi dengan semangat sukarela tanpa merasa keberatan atau teragak-agak dan tanpa menganggapkannya sebagai suatu budi kepada dua pihak yang ber'aqad itu atau kepada salah seorang dari keduanya jika permintaan itu datang dari kedua-duanya atau dari salah seorang dari keduanya.

Sampai di sini berakhirlah pembicaraan mengenai tugas menjadi saksi dan Al-Qur'an beralih pula memperkatakan satu tujuan yang lain, iaitu tujuan am diadakan undang-undang ini. Di sini ia menegaskan tentang perlunya hutang piutang itu dicatatkan dengan baik sama ada besar atau kecil jumlahnya, dan memperkatakan tentang perasaan-perasaan keberatan untuk mencatat hutang piutang itu yang mungkin timbul di dalam hati dengan alasan hutang itu tidak perlu dicatat kerana jumlahnya kecil atau kerana pertimbangan-pertimbangan yang lain seperti segan, malu atau malas atau kurang minat, kemudian Al-Qur'an memberi alasan dari segi psikologi dan amali mengapa tugas mencatat hutang piutang itu ditekankan sebegitu berat:

وَلَا تَسْـَٔمُوٓا۟ أَن تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰٓ أَجَلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَـٰدَةِ وَأَدْنَىٰٓ أَلَّا تَرْتَابُوٓا۟

"Dan janganlah kamu merasa jemu mencatatkan hutang-piutang itu sama ada kecil atau besar serta dengan tempoh pembayarannya. Itulah yang lebih 'adil di sisi Allah dan lebih teguh bagi keterangan saksi dan lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu."

وَلَا تَسْـَٔمُوٓا۟

"Janganlah kamu merasa jemu."

Itulah ilmu Allah yang mengetahui perasaan-perasaan hati manusia apabila mereka merasa beban-beban pekerjaan itu lebih besar dari nilainya.

ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ

"Itulah yang lebih 'adil di sisi Allah."

Yakni lebih saksama dan lebih baik. Ini adalah suatu saranan bahawa Allah sukakan perbuatan ini dan mengutamakannya.

وَأَقْوَمُ لِلشَّهَـٰدَةِ

"Dan lebih teguh bagi keterangan saksi."

Yakni kesaksian di atas sesuatu yang bertulis itu lebih teguh dari kesaksian mulut yang hanya berpegang kepada daya ingatan semata-mata, dan kesaksian dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan lebih teguh dan lebih betul dari kesaksian seorang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan seorang saksi perempuan.

وَأَدْنَىٰٓ أَلَّا تَرْتَابُوٓا۟

"Dan lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu."

Yakni lebih hampir kepada ketiadaan keraguan, iaitu keraguan terhadap kesahihan butir-butir keterangan dalam surat 'aqad itu atau keraguan di dalam hati kamu atau terhadap orang yang lain dari kamu apabila perkara hutang piutang itu ditinggal tanpa dicatatkan.

Demikianlah tujuan-tujuan yang ternyata dari peraturan-peraturan ini, di mana setiap yang terbabit merasa yakin betapa perlunya diadakan undang-undang ini, betapa halus matlamat-matlamatnya dan betulnya peraturan-peraturan itu. Pendeknya tujuan undang-undang ini ialah menegakkan kesahihan, kehalusan, kepercayaan dan ketenteraman hati.

Cara Menangani Perniagaan Tunai

Itulah cara melayani hutang piutang yang bertempoh. Adapun dalam urusan perniagaan tunai, maka segala jual belinya dikecualikan dari pencatatan dan memadailah dengan adanya saksi-saksi untuk memudahkan perjalanan urusniaga dari kerumitan-kerumitan agar ia dapat dilakukan dengan segera kerana urusniaga tunai itu berulang-ulang dalam waktu yang pendek. Apabila Islam mengaturkan semua peraturan kehidupan, maka ia memandang dan menimbangkan segala sesuatu yang ada hubungan dengannya, oleh sebab itulah Islam merupakan satu syari'at yang amali, berasaskan realiti, tidak mendatangkan kerumitan dan gangguan kepada aliran kehidupan:

إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَـٰرَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ۗ وَأَشْهِدُوٓا۟ إِذَا تَبَايَعْتُمْ ۚ

"Kecuali urusniaga itu suatu urusniaga tunai yang kamu uruskannya di antara kamu, maka tiadalah salah jika kamu tidak mencatatkannya.Dan adakanlah saksi jika kamu berjualbeli."

Mengikut zahir ayat ini pengecualian dari pencatatan itu merupakan satu kebenaran (rukhsah) yang tidak dikenakan apa-apa kesalahan, tetapi pengadaan saksi merupakan satu perkara yang diwajibkan. Dalam setengah-setengah riwayat terdapat keterangan-keterangan bahawa pengadaan saksi ini hanya merupakan perkara yang sunat sahaja bukannya wajib, tetapi pendapat yang arjah ialah wajib.

Setelah selesai Al-Qur'an menjelaskan undang-undang hutang piutang yang bertempoh dan perniagaan yang tunai dan kedua-duanya telah dikenakan dua syarat iaitu pencatatan dan pengadaan saksi - sebagai suatu tugas yang wajib dan sebagai suatu kebenaran - Al-Qur'an menjelaskan hak-hak para penulis dan para saksi setelah menjelaskan kewajipan-kewajipan mereka sebelum ini, iaitu ia telah mewajibkan mereka supaya jangan enggan menulis dan menjadi saksi, dan sekarang Al-Qur'an mewajibkan supaya diberi perlindungan kepada mereka agar hak dan kewajipan mereka itu berada dalam garis yang imbang dalam menunaikan kewajipan-kewajipan terhadap umum.

وَلَا يُضَآرَّ كَاتِبٞ وَلَا شَهِيدٞۚ وَإِن تَفۡعَلُواْ
فَإِنَّهُۥ فُسُوقُۢ بِكُمۡۗ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ وَيُعَلِّمُكُمُ
ٱللَّهُۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ٢٨٢

"Dan janganlah dilakukan apa-apa kesusahan kepada mana-mana penulis dan saksi dan jika kamu lakukannya, maka itulah perbuatan penyelewengan yang membabitkan kamu. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan (ingatlah) Allah mengajar kamu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(282)

Yakni jangan ada sebarang kesusahan menimpa mana-mana penulis dan saksi dengan sebab ia telah melaksanakan tugas yang telah diwajibkan Allah ke atasnya. Jika ini berlaku, maka itulah penyelewengan kamu dari syari'at Allah dan pelanggaran kamu terhadapnya. Perkara ini pasti dijaga kerana kedudukan para penulis dan saksi itu seringkali terdedah kepada kemarahan salah seorang dari dua pihak yang ber'aqad. Mereka pastilah mendapat jaminan terhadap keselamatan diri mereka dan mereka pastilah diberi galakan menunaikan kewajipan mereka dengan penuh tanggung-jawab, amanah dan cergas dan mengambil sikap berkecuali dalam segala keadaan. Kemudian mengikut kebiasaan Al-Qur'an dalam usaha menyedarkan hati nurani dan merangsangkan kesedaran manusia apabila ia hendak menetapkan sesuatu taklif agar taklif itu mendapat kekuatannya dari dalam hati manusia bukannya semata-mata dari kekuatan tekanan ayat Al-Qur'an, maka ia menyeru para Mu'min supaya bertaqwa kepada Allah pada akhir ayat, serta mengingatkan mereka bahawa Allah itulah yang menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka dan Dialah yang mengajar dan menunjukkan jalan yang betul kepada mereka, juga menyarankan bahawa taqwa kepada Allah itulah yang dapat membuka pintu hati mereka kepada ilmu pengetahuan dan menyediakan jiwa mereka untuk menerima pengajaran agar mereka membalaskan limpah kurnia itu dengan keta'atan, keredhaan dan kepatuhan:

وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱللَّهُۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ
شَيۡءٍ عَلِيمٞ ٢٨٢

"Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan(ingatlah)Allah mengajar kamu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(282)

Kemudian Al-Qur'an kembali menyempurnakan penerangan mengenai hukum hutang piutang yang sengaja ditundakan di dalam nas ini kerana hukum-hukum ini mempunyai suasana-suasananya yang tersendiri dan oleh kerana inilah ia tidak disebut di dalam nas yang umum di sana. Suasana di sini ialah orang yang memberi hutang dan orang yang berhutang berada dalam persafiran dan kerana itu mereka tidak boleh mendapat penulis (untuk mencatatkan hutang piutang mereka) untuk memudahkan urusan mu'amalat dan mendapatkan jaminan bayaran, maka Allah membenarkan diadakan perjanjian secara lisan tanpa pencatatan serta menyerahkan gadaian atau cagaran yang boleh dipegang oleh pemberi hutang sebagai jaminan terhadap hutang itu:

(Pentafsiran ayat 283)

وَإِن كُنتُمۡ عَلَىٰ سَفَرٖ وَلَمۡ تَجِدُواْ كَاتِبٗا فَرِهَٰنٞ
مَّقۡبُوضَةٞۖ

"Dan jika kamu berada dalam persafiran dan kamu tidak boleh mendapat penulis, maka adakanlah barang gadaian yang boleh dipegang."

Di bawah ini Al-Qur'an menggerakkan hati nurani orang-orang yang beriman supaya menyempurnakan amanah membayar hutang itu dengan dorongan perasaan taqwa kepada Allah. Inilah jaminan terakhir untuk melaksanakan segala hukum syara' dan memulangkan hutang dan barang-barang gadaian kepada tuanpunya masing-masing dan menjaganya dengan jagaan yang sempurna:

فَإِنۡ أَمِنَ بَعۡضُكُم بَعۡضٗا فَلۡيُؤَدِّ ٱلَّذِي ٱؤۡتُمِنَ
أَمَٰنَتَهُۥ وَلۡيَتَّقِ ٱللَّهَ رَبَّهُۥۗ

"Dan jika kamu telah mempercayai terhadap satu sama lain, maka hendaklah orang yang dipercayai itu menunaikan amanahnya dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhan Pemeliharanya."(283)

Dasar Amanah Dalam Mu'amalat Dan Memberi Kesaksian

Pihak yang berhutang diamanahkan dengan hutang dan pihak yang memberi hutang diamanahkan dengan barang gadaian. Dan kedua-dua pihak itu diseru supaya menunaikan amanah masing-masing atas nama taqwa kepada Allah Tuhan Pemeliharanya. Kata-kata "الرب" atau "Tuhan Yang Maha Pemelihara" bererti Tuhan Yang Maha Penjaga, Maha Pengasuh, Pemilik Yang Maha Agung, Pemerintah Yang Maha Agung dan Peng'adil Yang Maha Agung. Semua pengertian ini mempunyai saranan (yang berkesan) dalam situasi bermu'amalat, menanggung amanah dan menunaikan amanah. Setengah-

setengah pendapat mengatakan bahawa ayat ini telah memansukhkan ayat yang mewajibkan pencatatan hutang piutang apabila ada kepercayaan terhadap satu sama lain, tetapi kami tidak menerima pendapat ini, kerana itu pencacatan hutang piutang adalah wajib kecuali di dalam persafiran dan soal kepercayaan terhadap satu sama lain itu adalah khas dalam kes persafiran sahaja, di mana kedua-dua pihak yang memberi hutang dan yang berhutang masing-masing diberi kepercayaan.

Di bawah naungan seruan kepada taqwa disempurnakan pembicaraan mengenai kewajipan menjadi saksi ketika berlaku perguaman pada kali ini bukan ketika 'aqad kerana menjadi saksi itu merupakan satu amanah yang diletakkan Allah ke atas leher saksi dan hatinya:

وَلَا تَكْتُمُوا۟ ٱلشَّهَـٰدَةَ ۚ وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ قَلْبُهُۥ ۗ

"Dan janganlah kamu menyembunyikan keterangan saksi dan barangsiapa menyembunyikannya maka sesungguhnya berdosalah hatinya."(283)

Ayat ini melandaskan ungkapannya di atas hati dan menghubungkan dosa penyembunyian itu kepadanya untuk menyelaraskan di antara kerja menyembunyikan dosa dengan kerja menyembunyikan keterangan saksi kerana kedua-duanya merupakan suatu kegiatan yang berlaku di pendalaman hati. Kemudian ungkapan itu diiringi dengan suatu ancaman yang halus, iaitu di sana tiada suatu pun yang tersembunyi kepada ilmu Allah:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(283)

Dan Dialah kelak akan membalaskan perbuatan itu mengikut ilmu-Nya yang mengetahui segala dosa yang terpendam di dalam hati.

Kemudian ayat yang berikut terus menguatkan lagi keterangan sepintas lalu itu dan menyedarkan hati supaya takut kepada Allah yang memiliki langit, bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya, dan yang mengetahui segala isi hati sama ada yang terpendam atau yang ketara serta membalasnya, Allah yang mengendalikan nasib kesudahan para hamba-Nya dengan kesudahan-kesudahan rahmat dan 'azab yang dikehendaki oleh-Nya, dan yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu yang ditaklukkan oleh iradat-Nya dan tiada siapa pun yang dapat membantah-Nya.

(Pentafsiran ayat 284)

Jaminan Dari Undang-undang Dan Jaminan Dari Hati Nurani

لِّلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَإِن تُبْدُوا۟ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُم بِهِ ٱللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾

"Allah memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau menyembunyikannya, nescaya Allah hisabkan kamu dengannya, Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(284)

Demikianlah kesimpulan Al-Qur'an yang dibuat dalam pembicaraannya mengenai undang-undang madani atau sivil itu dengan mengemukakan bimbingan yang ditujukan kepada hati nurani dan menghubungkan di antara undang-undang kehidupan dan Allah yang menciptakan kehidupan itu dengan tali ikatan yang kukuh yang terdiri dari perasaan takut dan harapan kepada Allah yang memiliki bumi dan langit. Ini bererti Al-Qur'an menambahkan jaminan-jaminan dari hati nurani di samping jaminan-jaminan undangundang, sedangkan jaminan hati nurani itu merupakan satu jaminan yang amat kuat dan istimewa bagi syari'at Islam di dalam hati kaum Muslimin yang hidup dalam masyarakat Islam. Jaminan hati nurani dan undang-undang di dalam Islam merupakan dua perkara yang sepadu, kerana Islam menciptakan hati dan mengaturkan undang-undang untuknya dan Islam juga menciptakan masyarakat dan menyusun undang-undang dan peraturan untuknya. Itulah ciptaan Allah selama-lamanya sepadu dan seimbang. Itulah tarbiyah/didikan di samping undang-undang. Itulah rasa taqwa di samping kuasa undang-undang. Itulah sistem hidup untuk manusia dari ciptaan Allah yang menciptakan manusia. Oleh itu ke manakah akan perginya undang-undang, peraturan-peraturan dan sistem-sistem ciptaan manusia di bumi ini? Ke manakah akan perginya pandangan manusia yang lemah, yang mempunyai usia, ilmu pengetahuan dan fikiran yang terbatas, mempunyai keinginan dan kemahuan yang berubah-ubah di sana sini yang tidak pernah mantap dalam satu keadaan, di mana hampir-hampir tiada dua orang yang seia sekata dalam satu fikiran, satu pandangan dan satu kefahaman? Ke manakah akan perginya umat manusia yang sesat dari Tuhannya, iaitu Tuhan yang telah menciptakannya, yang mengetahui makhluk yang diciptakannya dan mengetahui segala sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada makhluk yang diciptakannya dalam segala keadaan dan dalam segala waktu?

Kecelakaan Manusia Bermula Dari Pelariannya Dari Sistem Hidup Ilahi

Ketahuilah bahawa itulah kecelakaan umat manusia kerana pelarian mereka dari sistem hidup dan syari'at yang diatur oleh Allah. Di dunia Barat kecelakaan itu bermula dari pelarian mereka dari pengaruh gereja

yang zalim dan dari Tuhannya. Gereja mendakwa bahawa ia bercakap atas nama Tuhan lalu ia mengharamkan manusia dari berfikir dengan teliti, mewajibkan orang ramai dengan menggunakan nama Tuhan supaya membayar rasuah-rasuah yang tinggi dan bertindak terhadap mereka dengan menggunakan kuasa yang sewenang-wenang. Dan apabila orang ramai mahu menyelamatkan diri mereka dari momok yang menakutkan ini, mereka terus melarikan diri dari gereja dan kuasanya, tetapi mereka tidak terhenti setakat garis yang sederhana sahaja, malah mereka terus melarikan diri dari tuhan gereja itu sendiri dan kuasanya kemudian melarikan diri dari segala agama yang memimpin kehidupan mereka di bumi ini dengan undang-undang dan peraturan Allah dan akibatnya mereka menempuh kecelakaan dan malapetaka.[17]

Tetapi bagi kita para penganut Islam, mengapa pula kita bertindak begitu juga? Mengapa kita juga bertindak lari dari Allah? Lari dari sistem hidup dan syari'at yang diatur oleh-Nya? Mengapa kita bertindak begitu, sedangkan agama kita agama yang toleran dan lurus. Ia tidak sekali-kali mewajibkan ke atas kita melainkan amalan-amalan yang boleh menyelamatkan kita dari belenggu-belenggu (kepercayaan khurafat), menggugurkan beban-beban (dosa) dari kita dan melimpahkan ke atas kita rahmat, hidayat, kemudahan, kejujuran dan keteguhan sikap mengikuti jalan yang membawa kepada Allah, kepada kemajuan dan keberuntungan di Akhirat?

(Kumpulan ayat-ayat 285 - 286)

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۚ
كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ
وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّن رُّسُلِهِۦۚ وَقَالُواْ
سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَاۖ غُفۡرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيۡكَ ٱلۡمَصِيرُ ٢٨٥
لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِلَّا وُسۡعَهَاۚ لَهَا مَا كَسَبَتۡ وَعَلَيۡهَا
مَا ٱكۡتَسَبَتۡۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذۡنَآ إِن نَّسِينَآ أَوۡ
أَخۡطَأۡنَاۚ رَبَّنَا وَلَا تَحۡمِلۡ عَلَيۡنَآ إِصۡرٗا كَمَا
حَمَلۡتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِنَاۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلۡنَا
مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦۖ وَٱعۡفُ عَنَّا وَٱغۡفِرۡ لَنَا
وَٱرۡحَمۡنَآۚ أَنتَ مَوۡلَىٰنَا فَٱنصُرۡنَا عَلَى ٱلۡقَوۡمِ
ٱلۡكَٰفِرِينَ ٢٨٦

"Rasulullah telah beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadanya dari Tuhan Pemeliharanya, juga orang-orang yang beriman. Seluruh mereka beriman kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya dan kepada para rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan di antara sesiapa pun dari rasul-rasul-Nya itu" dan mereka berkata: "Kami dengar dan kami ta'at, kami pohon keampunan-Mu wahai Tuhan dan kepada Mu-lah tempat kembali(285). Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala apa sahaja kebaikan yang telah dilakukannya dan ia menanggung dosa apa sahaja kejahatan yang telah dilakukannya. Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau mempersalahkan kami jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan ke atas kami dengan bebanan yang berat sebagaimana Engkau telah bebankan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kami dengan sesuatu yang kami tidak berupaya memikulnya. Dan ma'afkan kami dan ampunkan kami serta rahmatkan kami. Engkau Pelindung kami oleh itu tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir."(286)

Kelebihan Surah Al-Baqarah

Inilah ayat-ayat penamat surah yang besar ini, iaitu ia besar dengan saiz pengungkapannya kerana ia merupakan surah Al-Qur'an yang paling panjang, juga besar dengan maudhu'-maudhu'nya yang merupakan bahagian pembicaraan yang amat besar dan luas meliputi asas-asas kefahaman keimanan, ciri-ciri kelompok Muslimin, sistem hidup mereka, tugas-tugas mereka, sikap dan peranan mereka di alam al-wujud ini, sikap dan tabi'at musuh-musuh yang menentang mereka, cara musuh-musuh mereka memerangi mereka dan cara mereka menghindari bahaya musuh mereka di satu aspek dan mengelak dari nasib kesudahan mereka yang malang di satu aspek yang lain. Di samping itu surah ini juga mengulaskan tabi'at peranan manusia di bumi ini, sifat-sifat fitrahnya dan faktor-faktor yang menggelincirkan langkah-langkah mereka yang digambarkan di dalam sejarah umat manusia dan kisah-kisahnya yang berlaku di dalam realiti dan sebagainya dari huraian-huraian yang telah disebut sebelum ini semasa mempelajari nas-nasnya yang panjang itu.

Inilah penamat surah yang besar yang terkumpul di dalam dua ayat yang menjadi intisari yang sempurna kepada bahagian-bahagian maudhu' surah yang terbesar yang wajar dijadikan sebagai penamatnya, iaitu penamat yang selaras dengan maudhu'-maudhu' surah, selaras dengan suasana dan matlamat-matlamatnya.

Surah ini dimulakan dengan firman Allah Ta'ala:

الٓمٓ ١
ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ٢

[17] *Lihat pembicaraan ini dalam buku "*الإنسان بين المادية والإسلام*" dan buku "*معركة التقاليد*" oleh Muhammad Qutb.*

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
يُنفِقُونَ ﴿٣﴾
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ
وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

"Alif, Lam, Mim(1). Kitab Al-Qur'an itu tiada padanya sebarang keraguan. Ia memberi hidayat kepada orang-orang yang bertaqwa(2). Iaitu orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka (3). Dan orang yang beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu dan mereka yakin terhadap hari Akhirat."(4)

Dan di celah-celah surah ini terdapat singgungan-singgungan kepada hakikat ini terutama hakikat keimanan kepada seluruh rasul. Dan di sini ia diakhiri dengan firman Allah Ta'ala:

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِن رَّبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ ۚ
كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ
وَرُسُلِهِ

"Rasulullah telah beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadanya dari Tuhan Pemeliharanya juga orang-orang yang beriman. Seluruh mereka beriman kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya dan kepada para rasul-Nya. (Mereka berkata): 'Kami tidak membezakan di antara sesiapa pun dari rasul-rasul-Nya itu."(285)

Ini adalah satu pengakhiran yang selaras dengan permulaannya seolah-olah kedua-duanya merupakan kulit sebuah kitab.

Surah ini membuat banyak pembicaraan mengenai tugas-tugas umat Muslimin dan undang-undang berbagai-bagai urusan kehidupan mereka di samping memuatkan banyak pembicaraan mengenai keengganan Bani Israel dari melaksanakan tugas-tugas dan syari'at-syari'at mereka. Dan pada akhir surah ini datanglah ayat yang menjelaskan garis pemisah di antara kesanggupan melaksanakan taklif-taklif Ilahi dan keengganan melaksanakannya, juga menjelaskan bahawa Allah S.W.T. tidak sekali-kali bermaksud hendak menyulitkan dan memberatkan umat Muslimin dan tidak pula bersikap memilih kasih terhadap mereka seperti yang didakwakan oleh kaum Yahudi bahawa Tuhan mereka bersikap memilih kasih terhadap mereka, dan seterusnya menjelaskan bahawa Allah tidak akan membiarkan mereka hidup percuma:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا
مَا اكْتَسَبَتْ ۗ

"Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala apa sahaja kebaikan yang telah dilakukannya dan ia menanggung dosa apa sahaja kejahatan yang telah dilakukannya." (286)

Surah ini mengandungi beberapa kisah Bani Israel, bagaimana mereka telah dikurniakan Allah dengan berbagai-bagai ni'mat dan bagaimana mereka membalasnya dengan keingkaran dan seterusnya bagaimana Allah mengenakan ke atas mereka kifarat-kifarat hingga sampai ke tahap bunuh:

فَتُوبُوا إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَاقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ

"Oleh itu bertaubatlah kepada Tuhan yang menciptakan kamu dan bunuhlah diri kamu (mana-mana yang bersalah dari kamu)."(54)

Dan pada akhir surah ini datanglah sebuah do'a yang khusyu' dari orang-orang yang beriman:

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا
وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى
الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ
لَنَا بِهِ ۖ وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا ۚ

"Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau mempersalahkan kami jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau bebankan ke atas kami dengan bebanan yang berat sebagaimana Engkau telah bebankan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kami dengan sesuatu yang kami tidak berupaya memikulnya. Dan ma'afkan kami dan ampunkan kami serta rahmatkan kami."(286)

Di dalam surah ini difardhukan jihad dan infak Fi Sabilillah ke atas orang-orang yang beriman untuk menumpaskan kekufuran dan orang-orang kafir dan pada akhirnya ditamatkan dengan do'a orang-orang yang beriman memohon pertolongan Allah untuk melaksanakan tugas jihad itu dan mengalahkan musuh mereka:

أَنتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

"Engkaulah Pelindung kami oleh itu tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir."(286)

Itulah pengakhiran surah yang memberi intisari dan isyarat serta menyelaraskan dengan garis asal surah ini.

Dalam dua ayat ini setiap kalimatnya tepat dengan tempatnya dan mempunyai peranannya serta mempunyai maksudnya yang besar. Maksudnya terkandung di dalam susunan kata ayat-ayat itu untuk menggambarkan hakikat-hakikat 'aqidah yang besar di sebaliknya, iaitu menggambarkan tabi'at keimanan, ciri-cirinya dan aspek-aspeknya di dalam agama ini. Ia juga menggambarkan keadaan keimanan para

Mu'minin terhadap Allah, menggambarkan kefahaman mereka tentang kehendak-kehendak Allah terhadap mereka, menggambarkan taklif-taklif yang diwajibkan ke atas mereka dan menggambarkan bagaimana mereka sentiasa berlindung di bawah naungan Allah dan berserah kepada kehendak masyi'ah-Nya dan mengharapkan pertolongan-Nya. Ya, setiap kalimat-Nya mempunyai peranannya yang besar dan memberi gambaran yang mengkagumkan walaupun di dalam hati mereka yang telah hidup di dalam bayangan Al-Qur'an dan mengetahui sedikit sebanyak rahsia-rahsia pengungkapannya dan melihat rahsia-rahsia itu di dalam setiap ayatnya.

Marilah kita teliti nas-nas ini dengan lebih terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 285)

Gambaran Keimanan Para Mu'minin

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۚ
كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ
وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّن رُّسُلِهِۦۚ وَقَالُواْ
سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَاۖ غُفۡرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيۡكَ ٱلۡمَصِيرُ ٢٨٥

"Rasulullah telah beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadanya dari Tuhan Pemeliharanya, juga orang-orang yang beriman. Seluruh mereka beriman kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya dan kepada para rasul-Nya. (Mereka berkata): 'Kami tidak membezakan di antara sesiapa pun dari rasul-rasul-Nya itu' dan mereka berkata: 'Kami dengar dan kami ta'at, kami pohon keampunan-Mu wahai Tuhan kami dan kepada Mu-lah tempat kembali."(285)

Itulah gambaran para Mu'minin, gambaran kelompok manusia yang terpilih, di mana tergambarnya pada mereka hakikat keimanan yang sebenar. Itulah gambaran setiap kelompok Mu'min yang tergambar pada mereka hakikat keimanan yang besar ini. Oleh sebab itulah mereka telah diberi penghormatan oleh Allah S.W.T. apabila Ia mengumpulkan mereka bersama Rasulullah s.a.w. di dalam hakikat keimanan yang luhur ini, iaitu satu penghormatan yang dapat difaham hakikatnya oleh kelompok para Mu'minin kerana mereka memahami hakikat rasul yang agung itu dan mengenal maqam mereka yang telah diangkatkan Allah di sisi-Nya apabila Allah mengumpulkan di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. dalam satu sifat dan dalam satu ayat dari kalam-Nya Yang Maha Mulia.

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۚ

"Rasulullah telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan kepadanya dari Tuhan Pemeliharanya, juga orang-orang yang beriman."

Keimanan Rasulullah kepada wahyu yang diturunkan kepadanya dari Allah itu ialah keimanan yang hasil dari penerimaan wahyu secara langsung, iaitu penerimaan hati beliau yang bersih terhadap wahyu yang luhur dan hubungan beliau secara langsung dengan hakikat yang langsung dari Allah itu, iaitu hakikat yang tergambar di dalam jiwanya tanpa usaha dan susah payah dan tanpa alat atau wasitah. Itulah darjah keimanan yang tidak dapat diperi dan disifatkan kecuali oleh orang yang mengecapinya sendiri. Begitu juga sifat hakikat darjah keimanan ini tidak dapat ditanggapi melainkan oleh orang yang telah merasanya sendiri. Keimanan ini, iaitu keimanan Rasulullah s.a.w. itulah keimanan yang Allah muliakan para Mu'minin dengan mengumpulkan mereka sejajar dengan beliau dalam sifat itu. Tetapi di sana tentulah terdapat perbezaan di antara rasa keimanan pada diri Rasulullah s.a.w. dan rasa keimanan pada diri orang yang lain dari beliau, iaitu dari mereka yang tidak menerima hakikat secara langsung itu dari Allah.

Apakah tabi'at keimanan ini dan apakah batas-batasnya?

كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ
وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّن رُّسُلِهِۦۚ وَقَالُواْ
سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَاۖ غُفۡرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيۡكَ ٱلۡمَصِيرُ ٢٨٥

"Seluruh mereka beriman kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya dan kepada para rasul-Nya. (Mereka berkata): 'Kami tidak membezakan di antara sesiapa pun dari para rasul-rasul-Nya itu" dan mereka berkata: "Kami dengar dan kami ta'at, kami pohon keampunan-Mu wahai Tuhan kami dan kepada Mu-lah tempat kembali."'(285)

Itulah keimanan yang syumul dan lengkap yang dibawa oleh agama ini. Itulah bentuk keimanan yang layak dengan umat Muslimin yang mewarisi agama Allah dan mengendalikan da'wahnya di bumi ini sehingga hari Qiamat, iaitu umat yang mempunyai jalaran akar-akar yang bertunjang di pendalaman-pendalaman zaman, umat yang berjalan bersama angkatan da'wah, angkatan rasul-rasul dan angkatan iman yang berarak sayup saujana di celah-celah lipatan sejarah umat manusia, iaitu keimanan yang menggambarkan seluruh umat manusia dari permulaan wujudnya hingga akhirnya di dalam dua barisan iaitu barisan para Mu'minin dan barisan para kafirin, hizb Allah dan hizb as-Syaitan. Di sana tidak ada barisan yang ketiga di sepanjang zaman.

Keimanan Kepada Allah

كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ

"Seluruh mereka beriman kepada Allah."

Di dalam Islam keimanan kepada Allah merupakan asas kefahaman dan pandangan dan asas sistem hidup yang mengendalikan kehidupan manusia, juga

asas akhlak dan kehidupan ekonomi, malah asas setiap harakat manusia Mu'min yang bergerak di sana sini.

Maksud beriman kepada Allah ialah beri'tiqad bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang layak dengan Uluhiyah, Rububiyah dan ibadat, dan oleh sebab itu Allah sahaja yang berhak memerintah dan menguasai hati dan tindak-tanduk manusia dalam segala urusan kehidupannya.

Kini jelaslah bahawa di sana tiada sekutu-sekutu bagi Allah dalam Uluhiyah dan Rububiyah. Tiada sebarang sekutu bagi Allah dalam urusan penciptaan dan pengendalian segala urusan alam. Tiada siapa pun yang turut campurtangan dalam pentadbiran mengendalikan alam buana dan kehidupan. Tiada siapa pun yang turut memberi rezeki kepada manusia bersama Allah. Tiada siapa pun yang lain dari Allah yang berkuasa memberi manfa'at dan mudharat. Tiada suatu pun yang mungkin berlaku di alam ini sama ada kecil atau besar kecuali dengan diizinkan dan diredhai oleh Allah.

Dan di sana juga tiada sekutu-sekutu bagi Allah yang layak dihadapi manusia dengan ibadat sama ada ibadat dalam bentuk upacara-upacara amalan atau ibadat dengan pengertian keta'atan dan kepatuhan. Tiada ibadat melainkan hanya untuk Allah sahaja dan tiada keta'atan melainkan hanya untuk Allah sahaja. Seterusnya tiada keta'atan melainkan kepada mereka yang menjunjung perintah Allah dan melaksanakan syari'atnya dan dari sumber inilah mereka menerima kuasanya dan tiada kuasa melainkan kuasa yang diambil dari sumber ini. Oleh itu hak memerintah dan menguasai hati dan tingkah laku manusia hanya dimiliki oleh Allah sahaja mengikut kehendak keimanan dan kepercayaan ini. Oleh sebab itulah undang-undang, dasar-dasar akhlak, peraturan-peraturan kemasyarakatan dan perekonomian tidak boleh diterima melainkan dari Allah yang memiliki kuasa memerintah yang tunggal. Inilah konsep beriman kepada Allah dan dari sinilah manusia terlepas bebas terhadap segala yang lain dari Allah. Ia bebas dari segala ikatan kecuali ikatan dari undang-undang yang diatur oleh Allah dan gagah perkasa terhadap semua orang kecuali terhadap kuasa dari Allah.

Keimanan Kepada Malaikat

وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ

"Dan kepada para malaikat-Nya."

Keimanan kepada para malaikat Allah adalah sebahagian dari keimanan kepada perkara-perkara ghaib yang telah kita huraikan nilainya di dalam kehidupan manusia di permulaan surah ini, iaitu dalam juzu' pertama Fi Zilal. Keimanan ini mengeluarkan insan dari daerah alam pancaindera yang dikhaskan kepada haiwan. Ia membebaskan insan untuk membolehkannya menerima ilmu pengetahuan dari sumber di sebalik daerah haiwan ini. Dengan demikian keimanan menzahirkan ciri-ciri insaniyah yang istimewa di samping memenuhi kehendak fitrah dan keinginan semula jadi manusia untuk mengetahui perkara-perkara ghaib yang majhul yang tidak dapat ditangkap oleh pancainderanya, sedangkan kewujudan perkara-perkara ghaib itu adalah dirasakan dengan fitrahnya. Oleh itu apabila kehendak-kehendak dan keinginan-keinginan semula jadi ini tidak dipenuhi dengan hakikat-hakikat alam ghaib yang dikurniakan Allah kepada-Nya, maka keinginan-keinginan itu akan menyeleweng jauh dan berkejar di belakang dongeng-dongeng dan kepercayaan-kepercayaan khurafat yang karut marut untuk menghilangkan kelaparannya atau jiwa manusia akan di timpa kekosongan dan kekacauan.[18]

Keimanan kepada para malaikat merupakan keimanan kepada satu hakikat yang ghaib yang tidak mampu diketahui dengan daya pemikiran manusia itu sendiri, iaitu dengan perantaraan daya-daya deria dan daya-daya akalnya, sedangkan jiwa manusia telah difitrahkan dengan keinginan hendak mengetahui sesuatu dari hakikat-hakikat yang ghaib itu. Oleh sebab itulah Allah dengan limpah rahmat-Nya selaku Pencipta manusia yang mengetahui susunan kejadiannya, keinginan-keinginan dan segala sesuatu yang memberi kebaikan kepadanya mengurniakan kepadanya sebahagian dari hakikat-hakikat ghaib itu dan menolongnya supaya ia dapat memahaminya walaupun ia mempunyai peralatan-peralatan yang tidak cukup untuk sampai kepada hakikat-hakikat itu. Dengan pengurniaan dan pertolongan ini dapatlah merehatkan manusia dari kepenatan membuang tenaga dalam usaha untuk sampai kepada hakikat-hakikat ghaib itu, iaitu hakikat-hakikat yang membuat jiwa dan fitrah manusia tidak boleh menjadi baik kecuali ia mengetahuinya, dan ia membuat hati manusia tidak tenteram dan tenang sebelum ia mengetahui hakikat-hakikat itu. Sebagai buktinya lihatlah orang-orang yang cuba melawan keinginan fitrah mereka dengan menolak hakikat-hakikat ghaib dari kehidupan mereka. Setengah-setengah mereka telah dikongkong oleh khurafat-khurafat dan kepercayaan-kepercayaan karut-marut yang lucu atau fikiran dan saraf mereka menjadi kacau dan dipenuhi dengan berbagai-bagai kompleks dan penyelewengan.

Di samping itu semua, keimanan kepada hakikat malaikat - samalah dengan keimanan kepada hakikat-hakikat ghaib lain, yang dipercayai datang dari Allah - dapat meluaskan ufuk-ufuk perasaan dan kesedaran manusia terhadap alam al-wujud ini, yang mana gambarannya tidaklah kelihatan kecil di dalam pemikiran orang yang beriman sehingga terbatas kepada apa yang dapat ditangkap oleh

---

[18] *Lihat buku "منهج التربية الإسلامية" oleh Muhammad Qutb bab "خطوط متقابلة فى النفس البشرية"*

pancainderanya sahaja, kerana gambaran alam yang berada dalam lingkungan pancaindera ini adalah sangat kecil. Keimanan kepada hakikat malaikat juga dapat menjadikan hati manusia merasa mesra terhadap malaikat-malaikat selaku roh-roh yang beriman yang sentiasa ada di sekelilingnya, yang turut bersamanya beriman kepada Allah dan memohon keampunan untuknya. Ini bererti bahawa para malaikat itu sentiasa bersedia untuk menolongnya menuju kebaikan dengan izin Allah. Ini tidak syak lagi merupakan satu perasaan yang indah, mesra dan menghibur di samping mendapat ma'rifat dan pengetahuan tentang hakikat ini, sedangkan ma'rifat terhadap hakikat ini sendiri merupakan limpah kurnia Allah yang dianugerahkan Allah kepada orang-orang yang beriman kepada-Nya dan kepada para malaikat-Nya.

وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِۦ

"Dan kepada kitab-kitab-Nya dan kepada para rasul-Nya (mereka berkata): Kami tidak membezakan di antara sesiapa pun dari rasul-rasul-Nya itu."

Keimanan Kepada Kitab-kitab Dan Para Rasul

Keimanan kepada kitab-kitab Allah dan kepada para rasul-Nya tanpa membezakan di antara sesiapa pun dari rasul-rasul itu merupakan keimanan yang dikehendaki dan tabi'i yang terbit dari keimanan kepada Allah dalam bentuk yang digariskan oleh Islam, kerana keimanan kepada Allah memerlukan kepada kepercayaan bahawa segala apa yang dibawa dari sisi Allah itu adalah benar belaka, dan bahawa sekalian rasul yang dibangkitkan Allah itu adalah benar belaka. Dan seterusnya mempercayai bahawa sumber yang menjadi asas kerasulan mereka dan asas pengajaran yang terkandung dalam kitab-kitab suci yang diturunkan kepada mereka adalah sama sahaja. Oleh sebab itulah tidak wujudnya titik perbezaan di antara para rasul itu di dalam hati seseorang Muslim. Seluruh mereka adalah datang dari sisi Allah membawa agama Islam dalam bentuknya yang sesuai dengan keadaan kaum yang diutuskan mereka kepadanya sehingga berakhir kepada penamat anbia' iaitu Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa bentuk yang terakhir dari agama Islam yang sama untuk diserukan seluruh umat manusia kepadanya sehingga hari Qiamat.

Umat Muslimin Pewaris Risalah Sekalian Rasul

Demikianlah umat Muslimin menerima warisan risalah sekalian rasul dan menjadi pengawal dan penjaga agama Allah di muka bumi ini. Merekalah pewaris seluruh agama Allah. Oleh sebab itulah mereka sedar betapa besarnya peranan mereka di muka bumi ini sehingga hari Qiamat, merekalah penjaga tabung amanah yang paling mulia yang pernah diketahui umat manusia di dalam sejarah mereka yang panjang. Merekalah orang-orang yang dipilih untuk mengibarkan satu-satunya panji Allah di muka bumi dan berjuang dengannya untuk menentang panji-panji jahiliyah yang beraneka corak dan ragam , iaitu panji-panji jahiliyah itu wujud dalam bentuk-bentuk faham perkauman, faham kenegerian, faham kebangsaan, faham keturunan, faham Zionis, faham Salib, faham penjajahan dan faham Atheis dan sebagainya dari panji-panji perjuangan yang dikibarkan oleh manusia-manusia jahiliyah di muka bumi ini mengikut perbezaan nama-nama dan istilah-istilah dan perbezaan zaman dan tempat.

Tabung amanah iman yang dijaga dan diwarisi umat Muslimin sejak zaman rasul-Rasul itu adalah tabung amanah yang paling mulia dan paling baik dalam kehidupan manusia. Itulah tabung amanah hidayat dan nur, kepercayaan dan ketenteraman, keredhaan dan kebahagiaan, ma'rifat dan keyakinan. Mana-mana hati manusia yang kosong dari tabung simpanan amanah ini akan dilanda kegelisahan dan kegelapan, akan diselubungi was-was dan keraguan-keraguan dan akan dikongkong oleh rasa sedih dan malang, kemudian ia akan berkelana dan mengembara di dalam gelap gelita tanpa mengetahui di mana hendak meletak dua tapak kakinya di dalam kesesatan yang merunsingkan itu.

Suara Jeritan Hati Yang Tidak Mempunyai Bekalan Iman

Jeritan-jeritan hati yang tidak mempunyai bekalan iman ini dan tidak meni'mati kemesraan dan nur iman ini merupakan jeritan-jeritan yang memilukan di sepanjang zaman[19]. Ini adalah baik jika hati-hati yang seperti ini masih terdapat kepekaan, kecergasan dan keinginan untuk mencari ma'rifat dan keyakinan. Tetapi bagi hati yang bodoh, mati, kasar dan keras, ia mungkin tidak lagi mempunyai kerinduan dan keinginan untuk mencari ma'rifat. Oleh kerana itu mereka akan terus hidup di bumi ini seperti binatang. Mereka makan, minum dan mencari keni'matan seperti ternakan. Kadang-kadang mereka menanduk dan menendang atau membaham mangsa seperti

---

19

Ujar penyair Ibn al-Khayyam:

Aku merasa dalam jiwaku jejak-jejak mati
Tiada ku capai dalam hidup ini kecuali sengsara
Alangkah ruginya jika aku mati
Tanpa fikiranku mengetahui teka-teki qada'
Hari-hari hidupku berlalu tanpa berganti
Laksana hembusan angin di padang belantara
Dua hari yang tidak didukacitakan hati
Kelmarin yang berlalu dan esok yang belum tiba.
Esok tersembunyi di alam ghaib yang sepi
Hari ini hariku, hari esok selalu kecewa.
Aku bukannya lalai tidak sedarkan diri
Melihat keindahan dunia tanpa menghening cipta
aku dengar sebuah suara dalam mimpi
Lantas tidurku membuka kelompok hati muda
Sedarlah kini!
Tidur itu gambaran mati!
Minumlah sepuas-puasnya, tempat kembalimu bumi yang rata
Kepada maut aku tuju dengan langkah yang berani
Tak lama lagi hapuslah namaku dalam alam buana
Berilah aku minuman wahai kekasih hati
Hari hidup berakhir dengan tidur yang lama.

binatang liar. Mereka bertindak zalim dan sewenang-wenang dan menyebarkan kerosakan di bumi, kemudian mereka terus hidup mendapat laknat dari Allah dan kutukan dari manusia.

Masyarakat-masyarakat yang tidak mendapat ni'mat keimanan adalah masyarakat-masyarakat yang malang walaupun ia tenggelam di dalam kemewahan kebendaan. Ia adalah masyarakat-masyarakat yang kosong walaupun ia mempunyai daya pengeluaran yang tinggi. Ia adalah masyarakat yang tidak tenteram walaupun ia cukup mempunyai kebebasan-kebebasan, keamanan dan keselamatan luaran. Di hadapan kita terdapat berbagai-bagai umat di dunia ini yang dapat dijadikan bukti bagi gejala-gejala yang buruk ini, iaitu bukti-bukti yang jelas yang tidak sanggup di ingkar melainkan oleh penipu-penipu yang berpura-pura tidak nampak apa yang dapat di lihat dengan mata kepala.

Orang-orang yang beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan para rasul-Nya sentiasa bertawajjuh kepada Allah dengan penuh keta'atan dan kepatuhan. Mereka yakin akan kembali kepada Allah. Oleh itu mereka memohon keampunan Allah terhadap segala kecuaian mereka.

وَقَالُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۖ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

"Dan mereka berkata: Kami dengar dan kami ta'at, kami pohon keampunan-Mu wahai Tuhan kami dan kepada Mu-lah tempat kembali."(285)

Dalam kata-kata ini dapat di lihat dengan jelas kesan keimanan kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan para rasul-Nya. Kesan itu dapat di lihat pada pengakuan ta'at dan patuh mereka, iaitu ta'at dan patuh kepada segala arahan yang datang dari Allah. Ta'at dan patuh kepada setiap perintah Allah. Keimanan itu ialah beri'tiqad bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang memegang kuasa memerintah sebagaimana telah kami huraikan sebelum ini dan hanya Allah S.W.T. sahaja sumber untuk menerima arahan dalam segala urusan. Tiada Islam tanpa ta'at kepada perintah Allah dan tanpa melaksanakan sistem hidupnya di dalam kehidupan. Dan tiada keimanan apabila manusia menolak perintah Allah dalam segala urusan hidup mereka, besar dan kecil atau apabila mereka tidak melaksanakan syari'atnya atau apabila mereka menerima pandangan-pandangan dan kefahaman-kefahaman mereka mengenai peraturan-peraturan akhlak, tingkah laku, sosial, ekonomi dan politik dari sumber yang lain dari Allah, kerana keimanan itu sesuatu yang dipercayakan di dalam hati dan dibuktikan dengan amalan.

Di samping kepatuhan dan keta'atan ialah kesedaran terhadap ketaqsiran dan kelemahan diri dalam menunaikan kesyukuran yang sempurna terhadap ni'mat-ni'mat Allah, juga ketaqsiran dan kelemahan diri dalam menunaikan kewajipan yang sempurna terhadap perintah-perintah yang difardhukan Allah. Dan di samping kesedaran ini ialah mencari perlindungan pada rahmat Allah agar mema'afkan ketaqsiran dan kelemahan mereka.:

غُفْرَانَكَ رَبَّنَا

"Kami pohon keampunan-Mu wahai Tuhan kami!"

Di sini permohonan keampunan itu dibuat selepas pengakuan menyerah diri dan selepas pengumuman ta'at dan patuh dari awal-awal lagi tanpa sebarang kedegilan dan bantahan. Kemudian diiringi pula dengan keyakinan bahawa tempat kembali itu ialah kepada Allah. Dialah tempat kembali di dunia dan Akhirat. Dialah tempat kembali dalam segala urusan dan tindakan. Oleh itu tiada tempat perlindungan dari 'azab Allah melainkan kepada Allah dan tiada yang dapat melindung dan menolak qadar dan qadha' Allah dan tiada yang dapat menyelamat dari hukuman Allah melainkan dengan rahmat dan keampunan Allah.

Keimanan Kepada Hari Akhirat

وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

"Dan kepada Mu-lah tempat kembali."(285)

Perkataan ini mengandungi pengakuan beriman kepada hari Akhirat sebagaimana telah kami terangkan. Dan keimanan kepada hari Akhirat merupakan salah satu syarat dari syarat-syarat keimanan kepada Allah mengikut pandangan Islam yang dilandaskan di atas hakikat bahawa Allah telah menciptakan manusia dan melantikkannya selaku khalifah di bumi ini dengan perjanjian dan syarat dari-Nya yang mencakupi seluruh kegiatannya di bumi sama ada besar atau kecil, dan bahawa Allah telah

---

Sementara al-Jami'ah bin Daud pula berkata di dalam "Perjanjian Lama": "Itulah intisari segala kepalsuan. Segala-galanya palsu belaka. Apakah faedah yang didapati manusia dari segala penat lelah yang di alaminya di bawah matahari ini? Satu pusingan berlalu dan satu pusingan yang lain pula tiba. Sedangkan bumi tetap abadi. Matahari naik, matahari membenam dan berlari segera ke tempat naiknya. Angin bertiup ke selatan kemudian berpusing ke utara. Ia bertiup dalam satu pusingan kemudian balik semula ketempat peredarannya. Segala sungai mengalir ke laut dan laut tidak pernah penuh. Kemudian air kembali ke tempat di mana sungai-sungai itu mengalir. Ia kembali semula ke sana. Segala percakapan tidak sempurna belaka. Seseorang itu tidak berupaya menceritakan segala-galanya. Mata tidak pernah puas memandang dan telinga tidak pernah jenuh mendengar. Apa yang pernah wujud. Dan yang pernah mencipta Dialah juga yang mencipta. Tiada suatu yang baru di bawah matahari ini. Jika ada sesuatu, maka orang akan berkata kepadanya: Tengoklah ini benda baru, sedangkan sebenarnya sebelum ini ia pernah wujud di zaman yang berlalu sebelum kita. Tiada kenangan bagi generasi-generasi zaman dahulu. Dan generasi-generasi kebelakangan yang akan muncul juga tidak akan dikenangi oleh generasi-generasi yang akan muncul selepas mereka"

menciptakan manusia dan melantikkannya selaku khalifah untuk mengujinya dalam kehidupan dunianya kemudian dia akan menerima balasannya selepas tamat ujian itu. Oleh sebab itu hari Akhirat dan balasan di Akhirat merupakan salah satu kepastian dari kepastian-kepastian iman mengikut pandangan Islam. Keimanan yang seperti inilah yang membentuk hati nurani dan tingkah laku seorang Muslim, juga mencorakkan penilaian terhadap nilai-nilai dan hasil-hasil di dunia ini. Dia akan terus mengikut jalan keta'atan, melakukan kebaikan, menegakkan kebenaran dan menuju kepada kebaktian sama ada hasil usahanya itu memberi kesenangan atau kepenatan kepadanya di dunia ini atau memberi keuntungan atau kerugian, kemenangan atau kekalahan, memberi pendapatan atau kosong, hidup atau mati syahid, kerana tempat balasan yang sebenar ialah di negeri Akhirat selepas ia berjaya menghadapi dan menempuh ujian itu nanti. Dia tidak akan berganjak dari keta'atan, kebenaran, kebajikan dan kebaktian walaupun seluruh dunia menentangnya, menindasnya, bertindak jahat terhadapnya dan cuba membunuhnya, kerana dia sebenarnya sedang berurusan dengan Allah dan sedang berusaha melaksanakan janji dan syarat-syarat Allah dan akan menunggu balasannya di Negeri Akhirat sana!

Inilah kesatuan keimanan yang agung yang menjadi ciri 'aqidah Islam yang telah digariskan oleh ayat yang pendek tadi, iaitu beriman kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, beriman kepada kitab-kitab-Nya dan para rasul-Nya tanpa membeza-bezakan di antara mereka, menjunjung dan mematuhi perintah Allah, kembali kepada Allah dan yakin kepada hari hisab.

Inilah Islam satu agama yang layak menjadi penamat agama-agama dan menjadi risalah Allah yang terakhir. Ia adalah agama yang menggambarkan angkatan iman yang berdiri teguh dari sejak permulaan manusia hingga penghabisan kewujudannya (di dunia ini). Ia menggambarkan garis hidayat yang sambung menyambung di tangan seluruh Rasul-rasul Allah. Ia beransur-ansur meningkatkan manusia di tangga ketinggian. Ia membuka kepada manusia undang-undang yang sama sekadar yang dapat dicapai oleh daya pemikiran mereka sehingga datang Islam mengumumkan kesatuan undang-undang yang lengkap dan meninggalkan kepada daya akal manusia tugas mengaturkan perincian dan perlaksanaan.

Di samping itu Islam adalah agama yang mengi'tirafkan insan sebagai insan bukan sebagai haiwan dan batu-batan, bukan pula sebagai malaikat dan syaitan. Ia mengi'tirafkan insan dengan segala apa yang ada padanya, dengan segala kelemahan dan kekuatan yang dimilikinya. Ia mengambil insan sebagai satu unit yang syumul yang terdiri dari jasad yang mempunyai keinginan-keinginan, akal yang mempunyai daya-daya penilaian dan roh yang mempunyai kerinduan-kerinduan. Ia memfardhukan taklif-taklif ke atas insan sekadar daya kemampuannya. Ia menjaga imbangan yang 'adil di antara taklif dengan tenaga kemampuan tanpa menimbulkan kesulitan dan menyebabkan kesusahan. Ia memenuhi segala keperluan jasad, akal dan roh dalam bentuk yang imbang yang sesuai dengan fitrah manusia. Dan selepas itu ia meletakkan ke atas bahu insan tanggungjawab terhadap jalan hidup yang dipilih olehnya.

(Pentafsiran ayat 286)

Imbangan Yang 'adil Di Antara Taklif Allah Dengan Daya Kemampuan Manusia

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ

"Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala apa sahaja kebaikan yang telah dilakukannya dan ia menanggung dosa apa sahaja kejahatan yang telah dilakukannya."

Demikianlah fikiran dan kefahaman seorang Muslim terhadap rahmat dan ke'adilan Allah di dalam taklif-taklif yang difardukan Allah ke atasnya dalam melaksanakan tugas khilafah di bumi ini dan dalam ujian-ujian Allah terhadap dirinya semasa menjalankan tugas khilafah ini dan seterusnya dalam pembalasan-pembalasan Allah terhadap amalnya di penghabisan perjalanan nanti. Ia merasa begitu yakin dan tenteram terhadap rahmat dan ke'adilan Allah dalam semua persoalan ini. Oleh itu ia tidak merasa bosan terhadap taklif-taklif Allah dan tidak merasa marah dan berat. Ia begitu percaya bahawa Allah yang telah memfardhukan taklif-taklif itu ke atasnya adalah lebih mengetahui hakikat daya kemampuannya dan andainya taklif-taklif itu di luar daya kemampuannya tentulah Allah tidak akan memfardhukan ke atasnya. Pandangan dan pemahaman yang seperti ini di samping mencurahkan rasa ketenangan dan ketenteraman di dalam hati, ia juga merangsangkan keazaman orang yang beriman untuk mematuhi dan menjunjung taklif-taklif itu. Kerana ia benar-benar merasa bahawa taklif-taklif itu adalah berada dalam bidang daya kemampuannya dan andainya tidak begitu tentulah Allah tidak mewajibkan ke atasnya. Dan jika sekali sekala ia merasa lemah atau penat atau merasa berat, ia mengerti bahawa itu hanya kerana kepenatan sahaja bukannya kerana keberatan taklif. Dan selepas itu ia kembali merangsangkan keazamannya dan membuang perasaan lemah dari hatinya dan membuat tekad yang baru untuk melaksanakan taklif-taklif itu selama taklif itu berada dalam bidang daya kemampuannya. Oleh itu ayat ini merupakan satu saranan yang amat berharga untuk membangkitkan semangat dan keazaman apabila dilanda kelemahan di tengah jalan. Ia juga merupakan satu didikan kepada jiwa, semangat, keazaman dan kemahuan orang yang beriman selain dari membekalkan fikiran dan kefahamannya dengan hakikat iradat Allah terhadap insan dalam segala taklif yang diwajibkan ke atasnya.

Bahagian yang kedua dari konsep ayat ini:

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ

"Ia mendapat pahala apa sahaja kebaikan yang telah dilakukannya dan ia menanggung dosa apa sahaja kejahatan yang telah dilakukannya."(286)

(Ayat ini menjelaskan konsep) tanggungjawab peribadi, iaitu seseorang itu tidak mendapat pahala melainkan dari kebaikan yang telah dilakukannya dan tidak menanggung dosa melainkan dari kejahatan yang telah dilakukannya. Setiap insan itu pulang kepada Allah dengan membawa laporan amalan peribadinya dengan segala catatan pahala dan dosanya. Oleh itu ia tidak boleh meletakkan kesalahannya ke atas bahu orang lain dan tidak boleh menunggu pertolongan dari sesiapa pun.

Tanggungjawab Peribadi

Konsep kepulangan manusia kepada Allah dengan tanggungjawab peribadi masing-masing itu -apabila telah diyakini di dalam hati- akan membuat setiap orang menjadi insan yang positif yang tidak akan menyerah hak Allah pada dirinya kepada seseorang yang lain melainkan dengan alasan yang benar. Ia menjadikan setiap insan berdiri dengan gigih mempertahankan hak Allah pada dirinya dari segala godaan, segala kezaliman, segala perbuatan yang mahu menyesatkan dan merosakkannya, kerana ia bertanggungjawab terhadap dirinya dan terhadap hak Allah pada dirinya. Maksud hak Allah pada dirinya ialah kewajipannya menta'ati segala perintah Allah dan mematuhi segala larangan-Nya, juga kewajipan 'Ubudiyahnya kepada Allah Yang Tunggal sahaja baik dari segi perasaan mahupun dari segi tingkah laku. Apabila ia cuai dan menyerahkan hak ini kepada mana-mana manusia yang lain di bawah tekanan godaan dan desakan-desakan yang menyesatkan atau di bawah tekanan paksaan dan kezaliman - kecuali orang yang dipaksa, sedangkan hatinya tetap beriman - maka tiada siapa pun yang dapat membela dan menolongnya pada hati Qiamat kelak. Tiada siapa pun yang dapat menanggung sesuatu dari dosanya dan tiada sesiapa pun yang dapat menolong menyelamatkannya dari 'azab Allah pada hari Akhirat kelak. Oleh sebab itulah setiap orang harus bersungguh-sungguh mempertahankan dirinya dan mempertahankan hak Allah pada dirinya, kerana dialah sahaja yang akan menerima balasan itu dengan seorang diri! Semangat keindividuan di tempat ini tidaklah merbahaya, kerana di antara kehendak-kehendak keimanan ialah setiap individu dalam masyarakat hendaklah menunaikan kewajipannya terhadap masyarakat, kerana hak masyarakat merupakan sebahagian dari hak Allah ke atas dirinya. Dia disuruh bekerjasama dan bertakaful dengan masyarakat dengan mengorbankan harta dan pendapatannya, usaha dan nasihatnya dan bertindak menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebathilan di dalam masyarakat, meneguhkan amalan kebajikan dan kebaktian dan membenteraskan kejahatan dan kemungkaran. Semuanya itu akan ditulis dalam laporan amalannya pada hari Akhirat, di mana ia akan menemui Allah dengan seorang diri dan menerima balasan-Nya di sana.

Hakikat ini seolah-olah didengar dan difahami oleh orang-orang yang beriman lalu tercetuslah dari dalam hati mereka sebuah do'a yang perlahan dan gementar. Do'a ini disebut oleh Al-Qur'an mengikut cara gambaran Al-Qur'an yang membuat kita seolah-olah berada di hadapan pemandangan berdo'a, di mana barisan-barisan para Mu'minin berdiri berjejal-jejal mengulangkan do'a itu dengan penuh khusyu' setelah diumumkan hakikat taklif dan hakikat balasan:

Do'a Mu'min

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا
وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ عَلَى
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ
لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ ۚ أَنتَ
مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mempersalahkan kami jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan ke atas kami dengan bebanan yang berat sebagaimana Engkau telah bebankan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kami dengan sesuatu yang kami tidak berupaya memikulnya. Dan ma'afkan kami dan ampunkan kami serta rahmatkan kami. Engkaulah Pelindung kami oleh itu tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir."(286)

Itulah do'a yang menggambarkan keadaan para Mu'minin dengan Allah, menggambarkan kesedaran mereka terhadap kedha'ifan dan kelemahan diri mereka, menggambarkan keperluan mereka kepada rahmat Allah dan keampunan-Nya, kepada pertolongan dan bantuan-Nya. Ia menggambarkan bagaimana mereka berserah kepada Allah dan mencari perlindungan di bawah naungan-Nya, bagaimana mereka menghubung dan menumpukan diri mereka kepada Allah dan menolak segala yang lain dari Allah. Ia menggambarkan kesediaan mereka berjihad untuk jalan Allah dan bagaimana mereka memohon pertolongan dari Allah untuk mendapat kemenangan. Seluruh do'a itu diucapkan dalam satu pengucapan yang khusyu' dan gementar, yang mana nada-nadanya menggambarkan hati yang berdebar takut dan jiwa yang menggeletar.

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mempersalahkan kami jika kami lupa atau kami tersalah."(286)

Daerah tersalah dan terlupa itulah yang mengongkong tindak-tanduk seseorang Muslim apabila dia dilanda kelemahan kemanusiaan yang tidak dapat dielak olehnya. Dan di sinilah ia memohon kema'afan dan keampunan Allah. (Sikap seorang Mu'min dengan Allah) bukannya bermegah-megah dengan dosa atau mengingkari perintah dari awal-awal lagi atau menunjukkan sikap angkuh untuk menta'ati Allah dan menyerahkan dirinya kepada-Nya atau melakukan penyelewengan dengan sengaja. Semuanya ini bukannya keadaan seorang Mu'min dengan Allah dan semuanya ini bukanlah sifat orang yang mengharapkan kema'afan dan keampunan dari Allah, kecuali ia bertaubat dan kembali kepada Allah. Dan Allah memperkenankan do'a para Mu'minin itu. Oleh itu Rasulullah s.a.w. bersabda:

– رفع عن أمتي الخطأ والنسيان وما استكرهوا عليه –
رواه الطبراني وغيره–

"Telah dima'afkan dari umatku apa yang tersalah dan terlupa dan apa yang dipaksakan ke atas mereka."

رَبَّنَا وَلَا تَحۡمِلۡ عَلَيۡنَآ إِصۡرٗا كَمَا حَمَلۡتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِنَاۚ

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan ke atas kami dengan bebanan yang berat sebagaimana Engkau telah bebankan ke atas orang yang terdahulu dari kami."(286)

Do'a ini terbit dari hasil pengetahuan umat Muslimin yang mewarisi seluruh agama Allah telah dimaklumkan Allah kepada mereka di dalam Al-Qur'an, iaitu hasil tentang perjalanan umat-umat sebelum mereka yang telah menerima agama Allah dan bagaimana Allah telah membebankan mereka dengan kewajipan dan perintah yang berat sebagai balasan terhadap mereka kerana kesalahan yang telah dilakukan mereka. Allah telah mengharamkan setengah-setengah makanan yang baik ke atas Bani Israel kerana perbuatan-perbuatan mereka yang menderhaka. Firman Allah dalam Surah al-An'am:

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُواْ حَرَّمۡنَا كُلَّ ذِي ظُفُرٖۖ وَمِنَ ٱلۡبَقَرِ وَٱلۡغَنَمِ حَرَّمۡنَا عَلَيۡهِمۡ شُحُومَهُمَآ إِلَّا مَا حَمَلَتۡ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلۡحَوَايَآ أَوۡ مَا ٱخۡتَلَطَ بِعَظۡمٖۚ ذَٰلِكَ جَزَيۡنَٰهُم بِبَغۡيِهِمۡۖ

"Dan Kami haramkan ke atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku dan dari lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemaknya kecuali lemak belakang keduanya atau lemak yang menyelaputi perkakas dalam perut atau lemak yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami kenakan balasan ke atas mereka kerana kederhakaan mereka."

(Surah al-An'am : 146)

Dan Allah telah mewajibkan mereka membunuh diri mereka untuk menebuskan dosa mereka yang telah menyembah patung anak lembu sebagaimana telah diceritakan di awal surah ini. Allah juga telah mengharamkan mereka menjalankan perniagaan atau memburu pada hari Sabtu. Oleh sebab itulah para Mu'minin berdo'a kepada Allah agar Ia tidak membebankan ke atas mereka dengan bebanan-bebanan yang berat sebagaimana Ia telah bebankan ke atas umat-umat sebelum mereka. Allah telah membangkitkan Nabi Muhammad yang ummi untuk menghapuskan bebanan-bebanan yang berat dan belenggu-belenggu dari seluruh manusia yang beriman kepada-Nya. Oleh itu agama Islam ini datang dengan ciri-cirinya yang mudah, senang dan lembut sesuai dengan fitrah manusia. Allah telah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.:

وَنُيَسِّرُكَ لِلۡيُسۡرَىٰ ٨

"Dan Kami memberi kepadamu taufiq ke jalan yang mudah."

(Surah al-A'la : 8)

Umat Manusia Dibebaskan Dari Beban Yang Amat Berat

Tetapi bebanan yang terbesar yang telah dihapuskan oleh Allah dari bahu umat Muslimin - iaitu bebanan yang telah di bebankan Allah ke atas leher umat-umat yang telah dilantik oleh Allah selaku khalifah di bumi sebelum mereka, kemudian umat-umat itu membatalkan perjanjian perlantikan khalifah itu dan menyimpang darinya - ialah bebanan perhambaan kepada manusia, iaitu perhambaan manusia terhadap sesama manusia, yang dapat di lihat dalam bentuk manusia membuat undang-undang kepada manusia dan dalam bentuk manusia tunduk kepada manusia kerana tubuhnya atau kerana kelasnya atau kerana bangsanya. Inilah bebanan yang terbesar yang Allah bebaskan para Mu'minin darinya dan mengembalikan mereka kepada menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja, menta'ati perintah Allah sahaja dan menerima undang-undang dari Allah sahaja. Dan dengan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Tunggal inilah Allah membebaskan jiwa, akal dan seluruh kehidupan mereka dari perhambaan kepada manusia.

Hak 'Ubudiyah itu hanya untuk Allah sahaja dengan erti seluruh undang-undang, peraturan-peraturan, nilai-nilai, neraca-neraca pertimbangan hendaklah diterima dari Allah sahaja. Inilah titik tolak kebebasan manusia, iaitu kebebasan dari kuasa manusia-manusia yang zalim dan sewenang-wenang, kebebasan dari kuasa sami-sami dan kahin-kahin, kebebasan dari kuasa kepercayaan karut dan khurafat-khurafat, kebebasan dari kuasa tradisi dan adat-adat resam yang lapuk, kebebasan dari kuasa hawa nafsu dan kebebasan dari segala kuasa palsu yang menjadi bebanan berat yang melipatkan leher manusia dan menundukkan dahi mereka kepada yang lain dari Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa.

Do'a Para Mu'min yang berbunyi *"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan ke atas kami dengan bebanan yang berat sebagaimana Engkau telah bebankannya ke atas orang-orang yang terdahulu dari kami"* menggambarkan perasaan mereka terhadap ni'mat kebebasan dari perhambaan kepada sesama manusia di samping menggambarkan ketakutan mereka dari terhumban kembali ke dalam lembah perhambaan yang hina itu.

رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kami dengan sesuatu yang kami tidak berupaya memikulnya."

Inilah do'a yang membayangkan hakikat penyerahan diri kepada Allah, kerana para Mu'minin itu sama sekali tidak pernah berniat untuk mengingkari apa sahaja perintah Allah. Tetapi mereka hanya berdo'a kepada Allah untuk menyampaikan harapan agar Allah menimbangkan kelemahan diri mereka dan tidak mentaklifkan mereka dengan perintah-perintah yang tidak mampu dilaksanakan mereka supaya mereka tidak menjadi lemah dan taqsir. (Inilah sahaja maksud mereka) dan tanpa ini pun mereka tetap memberi keta'atan dan penyerahan yang bulat kepada Allah. Inilah harapan insan yang kerdil untuk mendapat rahmat dari Allah Yang Maha Besar. Itulah harapan hamba yang dha'if untuk mendapat keampunan dari Allah yang memiliki dan mentadbirkan alam buana. Itulah permohonan meminta sesuatu yang menjadi kebiasaan Allah mengurniakannya dalam hubungan-Nya dengan para hamba-Nya, iaitu meminta limpah kemurahan-Nya, rahmat dan kebaikan, kasih mesra dan kemudahan.

Kemudian mereka mengaku lemah dan menyatakan kebimbangan berlaku taqsir yang tidak dapat dihapuskan kesan-kesannya melainkan dengan limpah keampunan dari Allah Yang Maha Pengampun.

وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ

"Dan ma'afkan Kami dan diampunkan kami serta rahmatkan Kami."

Inilah jaminan yang hakiki untuk menempuh ujian Allah dan mencapai keredaanNya, kerana seorang hamba itu tetap taqsir walaupun ia cuba sedaya upaya untuk menunaikan kewajipannya dengan sempurna. Dan setengah dari rahmat Allah terhadapnya ialah Allah melayaninya dengan keampunan, kasihan belas dan kema'afan. Daripada 'Aisyah r.a. sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يدخل احدكم الجنة بعمله، قالوا: ولا أنت يا رسول الله؟ قال: ولا أنا إلا ان يتغمدني الله برحمته

"Seseorang dari kamu tidak masuk Syurga dengan semata-mata amalannya, lalu mereka bertanya: 'Walaupun anda sendiri wahai Rasulullah? Jawab beliau: 'Ya, walau pun aku sendiri kecuali Allah limpahkan aku dengan rahmat-Nya."

Inilah asas peraturan yang sebenar yang dirasa oleh hati orang yang beriman, iaitu beramal dengan sedaya upaya sambil menyedari ketaqsiran dan kelemahan diri dan menaruh harapan yang tidak putus-putus kepada rahmat Allah serta memohon keampunan dan kema'afan.

Pada akhirnya para Mu'minin itu menyandarkan belakang mereka di tiang Allah ketika mereka bertekad hendak berjihad kerana Sabilullah untuk menegakkan kebenaran yang dikehendakinya dan untuk meneguhkan agama dan sistem hidup Allah di bumi ini supaya terhapus segala penindasan dan supaya agama itu tertentu kepada Allah sahaja. Mereka menyandarkan belakang mereka di tiang Allah yang kukuh dan mengibarkan bendera Allah di atas kepala mereka dan mereka hanya menghubungkan diri mereka dengan Allah Yang Maha Esa sahaja, sedangkan jahiliyah menghubungkan dirinya dengan berbagai-bagai lambang dan cogan. Mereka memohon pertolongan Allah kerana Allahlah satu-satunya Pelindung dan Penaung mereka dan di atas nama Allah lah mereka memerangi orang-orang kafir yang derhaka:

أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

"Engkaulah Pelindung kami. Oleh itu tolonglah kami mengalahkan kaum yang Kafir."(286)

Inilah akhir kata yang mengintisarikan surah ini, mengintipatikan 'aqidah Islam dan menyaringkan pandangan dan kefahaman orang-orang yang beriman dan keadaan hubungan mereka dengan Allah dalam setiap masa.

* * * * * *

JUZU' KE-3

SURAH AALI- 'IMRAN

SURAH KE

3

سُورَةُ آلِ عِمۡرَانَ

SURAH AALI 'IMRAN

Surah Keluarga Imran

(Madaniyyah)

JUMLAH AYAT

200

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Al-Qur'an Ruh Da'wah

Al-Qur'an ialah kitab suci da'wah Islam. Al-Qur'an ruh da'wah dan penggeraknya. Al-Qur'an tiang seri da'wah dan asas kewujudannya. Al-Qur'an pengawal dan pemelihara da'wah. Al-Qur'an ialah penyataan da'wah dan jurucakapnya. Al-Qur'an ialah perlembagaan da'wah dan sistemnya. Dan akhirnya Al-Qur'an ialah tempat rujukan da'wah dan darinya para penda'wah mengambil cara-cara bekerja dan bertindak, peraturan-peraturan bergerak dan bekalan di perjalanan.

Tetapi di sana akan terus wujud satu jurang pemisahan yang amat dalam di antara kita dengan Al-Qur'an selama kita tidak jelmakan dalam hati kita dan hadirkan dalam kefahaman kita bahawa Al-Qur'an adalah ditujukan kepada satu umat yang hidup dan mempunyai kewujudan yang haqiqi. Ia telah ditujukan kepada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di dalam realiti hidup umat ini. Ia telah ditujukan kepada kehidupan insaniyah yang haqiqi di muka bumi ini. Ia telah mencetuskan satu perjuangan yang amat besar di dalam jiwa manusia dan dalam sebuah gelanggang di bumi ini, iaitu perjuangan yang menimbulkan berbagai-bagai perkembangan dan perubahan, berbagai-bagai emosi dan reaksi.

Dan di sana akan terus wujud sebuah dinding pemisah yang tebal di antara hati kita dengan Al-Qur'an selama kita membaca Al-Qur'an atau mendengar seolah-olah bacaan-bacaan ibadat yang membuat kita tersengguk-sengguk mengantuk, iaitu selaku bacaan-bacaan yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan realiti-realiti hidup setiap hari yang dihadapi oleh makhluk yang bernama insan dan umat yang bernama kaum Muslimin, sedangkan dahulunya ayat-ayat ini di turun untuk menghadapi manusia-manusia dan peristiwa-peristiwa yang hidup dan wujud di dalam realiti. Dan ayat-ayat ini telah pun membimbing dan mengarahkan manusia-manusia dan peristiwa-peristiwa di zaman itu dengan arahan dan bimbingan yang berpijak pada realiti dan aktif hingga dapat mewujudkan satu kewujudan yang mempunyai ciri-ciri istimewa dalam kehidupan manusia umumnya dan umat Muslimin khususnya.

Mu'jizat Al-Qur'an yang paling menonjol adalah terletak pada hakikat bahawa Al-Qur'an itu adalah di turunkan untuk menghadapi suatu peristiwa yang tertentu yang berlaku dalam hidup satu umat yang tertentu dalam satu zaman dari zaman-zaman sejarah yang tertentu. Dan Al-Qur'an telah membawa umat ini mengharungi satu perjuangan yang amat besar yang telah mengubahkan sejarahnya dan sejarah umat manusia seluruhnya. Namun demikian Al-Qur'an masih hidup dan masih mampu untuk menghadapi kehidupan moden hari ini, seolah-olah ia baru sahaja diturunkan sekarang ini untuk membimbing kelompok Muslimin menghadapi urusan-urusan kehidupan mereka yang sedang berlangsung ini, dan menghadapi perjuangan mereka menentang jahiliyah yang wujud di sekeliling mereka, dan seterusnya menghadapi perjuangan mereka di dalam jiwa dan hati nurani mereka sendiri dengan semangat perjuangan yang sama hebat dan dengan realiti yang sama kukuh dengan perjuangannya di masa lampau.

Untuk mendapat daya kekuatan Al-Qur'an yang aktif dan memahami hakikat dinamisme yang tersembunyi di dalam Al-Qur'an serta menerima bimbingan-bimbingannya yang tersimpan untuk kelompok Muslimin di setiap zaman itu, kita harus mengenangkan dalam pemikiran kita kewujudan kelompok Muslimin pertama yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi pertama kalinya, iaitu kewujudan mereka ketika mereka bergerak di dalam realiti hidup dan menghadapi peristiwa-peristiwa di Madinah dan di Semenanjung Tanah Arab umumnya, juga ketika mereka berurusan dengan musuh-musuh dan sahabat-sahabat mereka dan ketika mereka berjuang menentang desakan-desakan hawa nafsu mereka. Al-Qur'an diturunkan di waktu itu untuk menghadapi keadaan-keadaan ini semuanya. Al-Qur'an membimbing langkah-langkah mereka di bumi perjuangan yang agung, iaitu perjuangan dengan hati mereka sendiri yang terletak di antara dua lambung mereka dan perjuangan menentang musuh-musuh mereka yang menunggu di Madinah, di Makkah, di kawasan sekitar dan di belakang negeri-negeri itu.

Ya, kita mestilah hidup bersama kelompok Muslimin pertama dan memahami sifat-sifat kemanusiaan mereka yang sebenar, memahami realiti hidup mereka dan masalah-masalah kemanusiaan mereka. Kita mesti memerhatikan bagaimana Al-Qur'an memimpin mereka dengan pimpinan secara langsung dalam urusan-urusan seharian mereka dan matlamat-matlamat semesta mereka. Kita mesti melihat bagaimana Al-Qur'an memimpin tangan mereka

selangkah demi selangkah ketika mereka jatuh bangun, menyimpang dan berjalan betul, ketika mereka lemah dan bertahan, ketika mereka sakit dan bersabar. Mereka meningkat naik setangga demi setangga dengan lambat dan sulit, dengan sabar dan susah payah, di mana dapat di lihat dengan jelas segala ciri-ciri manusia, segala kelemahan manusia dan segala daya tenaga manusia.

Dan dari sinilah kita dapat merasa bahawa kita juga diperintah dengan Al-Qur'an ini sama seperti kelompok Muslimin yang pertama diperintahkan dengan Al-Qur'an, dan sifat-sifat kemanusiaan kita yang kita lihat, kita kenal dan kita rasakannya dengan segala ciri-cirinya juga mempunyai daya kemampuan untuk menyahuti seruan Al-Qur'an dan mengambil manfa'at dari kepimpinannya di jalan yang sama.

Dengan pandangan inilah kita akan melihat Al-Qur'an itu hidup dan bertindak aktif dalam kehidupan kelompok Muslimin yang pertama dan dapat bertindak aktif pula di dalam kehidupan kita sekarang. Dan kita akan merasa bahawa Al-Qur'an akan terus bersama kita pada hari ini dan pada hari esok. Kita akan insaf bahawa Al-Qur'an itu bukannya semata-mata bacaan ibadat yang membuat kita tersengguk-sengguk mengantuk dan membawa kita jauh dari realiti hidup kita yang tertentu. Begitu juga Al-Qur'an itu bukannya sebuah sejarah yang telah berlalu dan selesai, sebuah sejarah yang telah hilang keaktifannya dan hubungannya dengan kehidupan manusia.

Al-Qur'an adalah sebuah hakikat yang mempunyai kewujudan yang berterusan seperti kewujudan alam buana ini sendiri. Jika alam buana merupakan sebuah kitab Allah yang ditonton dan di lihat, maka Al-Qur'an merupakan sebuah kitab Allah yang ditatap dan dibaca. Kedua-duanya merupakan saksi dan dalil yang memperkenalkan Allah tuan punya alam buana atau Pemiliknya Yang Maha Pencipta. Begitu juga kedua-duanya adalah diwujudkan untuk bekerja dan bertindak. Jika alam buana dengan segala undang-undangnya masih terus bergerak dan menunaikan peranan yang telah ditetapkan oleh Allah Penciptanya, iaitu matahari masih terus beredar di falaknya atau di lingkaran kelilingnya dan menunaikan peranannya. Bulan, bumi dan seluruh bintang dan planet juga masih terus menunaikan peranan masing-masing tanpa dihalangi oleh kelamaan masa dan kebaharuan peranan ini di dalam lingkungan alam buana, maka Al-Qur'an demikian juga telah menunaikan peranannya kepada umat manusia dan ia masih berterusan seperti itu, manakala manusia juga masih terus seperti itu juga dari segi hakikat dan fitrahnya. Al-Qur'an ini ialah kalam Allah yang dihadapkan kepada manusia, iaitu kalam Allah yang tidak pernah berubah kerana manusia sendiri juga tidak pernah berubah menjadi satu makhluk yang lain walaupun keadaan dan suasana di sekelilingnya telah berubah begitu banyak dan walaupun begitu banyak manusia telah terpengaruh dan mempengaruhi keadaan dan suasana itu. Al-Qur'an berbicara dengan manusia mengikut hakikat dan fitrahnya yang tidak pernah berubah dan bertukar dan Al-Qur'an masih mampu membimbing kehidupan manusia hari ini dan hari esok kerana Al-Qur'an memang selama-lamanya disediakan untuk maksud ini, kerana ianya kalam Allah yang terakhir, juga kerana tabi'at Al-Qur'an itu sama dengan tabi'at alam buana, iaitu tetap bergerak dan bertindak tanpa berubah-ubah.

Jika menjadi suatu kelucuan andainya ada orang yang berkata misalnya: Ini bintang lama "kolot" dan elok digantikan dengan bintang yang baru (progresif) atau manusia ini makhluk lama "kolot" eloklah ditukarkan dengan satu makhluk yang lain yang progresif untuk membangunkan bumi ini.

Jika kata-kata sedemikian menjadi suatu kelucuan, maka lebih lucu lagi, apabila kata-kata itu dikatakan kepada Al-Qur'an yang merupakan kalam Allah yang terakhir kepada umat manusia.

* * * * * *

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Aali 'Imran Memuat Sebahagian Dari Kehidupan Kaum Muslimin Di Madinah

Surah ini menggambarkan sebahagian dari kehidupan kelompok Muslimin di Kota Madinah selepas Peperangan Badar di dalam tahun yang kedua Hijrah sehingga selepas Peperangan Uhud di dalam tahun yang ketiga serta keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang beraneka ragam yang melingkungi kehidupan itu dalam tempoh tersebut, juga menggambarkan pengaruh Al-Qur'an, di samping peristiwa-peristiwa itu, terhadap kehidupan itu dan interaksi Al-Qur'an dengan kehidupan itu di dalam berbagai-bagai bidang.

Ayat-ayat surah ini begitu kuat dan hidup membawa gambaran di zaman itu dan gambaran hidup yang dihayati oleh kelompok Muslimin juga membawa gambaran pertembungan-pertembungan dan suasana yang melingkungi kehidupan mereka. Ia membongkar rahsia-rahsia dan segala perasaan yang berkecamuk di dalam hati mereka yang membuat pembaca seolah-olah hidup di dalam peristiwa-peristiwa itu dan turut menghayati bersama umat muslimin yang mengharunginya dan berinteraksi dengannya. Dan jika seseorang itu memejamkan matanya mungkin ternampak kepadanya - sebagaimana ternampak kepada saya - rupa kelompok Muslimin sedang mundar-mandir dengan tanda-tanda mereka yang jelas di wajah mereka dan perasaan-perasaan yang tersembunyi di dalam hati nurani mereka, sedangkan di sekeliling mereka kelihatan musuh-musuh mereka sedang menunggu-nunggu untuk menyerang mereka, sedang sibuk menyebar fitnah-fitnah yang dusta dan kekeliruan-kekeliruan di kalangan mereka, sedang berdendam terhadap mereka dan bersatu padu menentang

mereka, sedangkan bertempur dengan mereka di medan Perang Uhud dan tewas di hadapan mereka, kemudian melakukan serangan balas dan membunuh sejumlah besar dari mereka, malah ternampak jelas segala apa yang berlaku di medan pertempuran itu dari harakat-harakat dan emosi-emosi serta sifat-sifat lahir yang menyertai gerak-geri mereka. Sedangkan Al-Qur'an di turun untuk menghadapi tipu daya itu, menghapuskan fitnah-fitnah dusta dan kekeliruan itu, meneguhkan hati (kelompok Muslimin) dan memimpin jiwa dan fikiran mereka, membuat ulasan terhadap sesuatu peristiwa dan mencungkilkan contoh teladan darinya, menegakkan kefahaman yang betul dan menghapuskan segala kesamaran, mengingatkan kelompok Muslimin dari musuh mereka yang licin dan tipu daya mereka yang jahat, memimpin langkah-langkah mereka yang berjalan di celah-celah duri, perangkap-perangkap dan jerat-jerat dengan kepimpinan yang mempunyai pengertian yang bijaksana terhadap fitrah manusia dan mengetahui segala apa yang tersembunyi di dalam dada mereka.

Di sebalik semuanya ini, bimbingan-bimbingan dan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam surah ini tetap tinggal bersih dan bebas dari segala ikatan zaman dan tempat, dan bebas dari ikatan keadaan dan suasana. Ia tetap tinggal bersih dan bebas menghadapi jiwa manusia dan menghadapi kelompok Muslimin pada hari ini dan esok, malah menghadapi seluruh umat manusia, seolah-olah ayat-ayat itu diturunkan di waktu ini kepada mereka dan berbicara dengan mereka mengenai urusan mereka sekarang atau menghadapi mereka dalam realiti yang ada pada masa ini, kerana ayat-ayat ini menyentuh berbagai-bagai urusan, peristiwa-peristiwa, perasaan-perasaan dan keadaan-keadaan jiwa yang seolah-olah diberi perhatian khas dalam penjelasan surah ini, malah ia secara pastinya telah mendapat perhatian istimewa dalam penilaian Allah yang amat mengetahui seluruh jiwa, seluruh benda dan seluruh urusan.

Dari sini ternyatalah bahawa Al-Qur'an ini adalah Al-Qur'an bagi da'wah Islam di mana-mana tempat dan zaman sekalipun. Ia merupakan perlembagaan umat muslimin di dalam mana-mana generasi dan kelompok sekalipun. Al-Qur'an merupakan pemandu dan petunjuk jalan di sepanjang abad. Ini ialah kerana Al-Qur'an itu merupakan kalam Allah yang terakhir yang ditujukan kepada manusia di seluruh zaman.

* * * * * *

Kaum Muslimin Di Madinah

Pada masa ini kelompok Muslimin di Madinah telah mendapat kedudukan yang agak stabil di tanah air mereka yang baru di Madinatur-Rasul s.a.w. Mereka telah melangkah setapak lagi ke depan dari kedudukan mereka yang kami telah terangkan dalam Tafsir Fi Zilal ini di permulaan pentafsiran Surah al-Baqarah.

Peperangan Besar Badar telah pun berlaku dan Allah telah memberi kemenangan kepada kaum Muslimin dengan mengalahkan kaum Quraisy. Dan kemenangan ini dengan segala keadaan dan suasana yang melingkunginya memperlihatkan tanda-tanda mu'jizat yang mengkagetkan. Oleh sebab itulah seorang tokoh seperti Abdullah ibn Ubay ibn Salul dari pembesar Khazraj terpaksa menepikan keangkuhan dan kebenciannya terhadap agama Islam dan Nabinya Muhammad s.a.w. Ia terpaksa memendamkan hasad dengki dan dendam kesumatnya terhadap Rasul yang mulia itu dan dia terpaksa menyertai barisan kelompok Muslim secara munafiq dan pura-pura seraya berkata: "Agama ini telah bertemu jalannya" yakni ia telah mendapat jalan laluannya yang tiada siapa lagi boleh menghalanginya.

Kemunculan Benih Nifaq Di Madinah

Inilah yang menyebabkan wujudnya benih nifaq di Madinah atau subur dan berkembangnya benih nifaq itu. Sebelum Peperangan Badar terdapat ramai orang yang berpura-pura menunjukkan Islam kepada keluarga-keluarga mereka yang telah memeluk Islam dan menyebabkan sekumpulan lelaki dan tokoh-tokoh yang mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat terpaksa berpura-pura menganut Islam dan menyertai barisan Muslimin, sedangkan dalam hati, mereka menyembunyikan perasaan dendam dan permusuhan terhadap Islam dan kaum Muslimin. Mereka sentiasa menunggu kesempatan untuk melakukan tindakan-tindakan yang merbahaya dan menyusahkan kaum Muslimin. Mereka sentiasa mencari-cari lubang-lubang untuk memecahkan barisan kaum Muslimin. Mereka menunggu-nunggu peristiwa-peristiwa yang dapat menggugatkan kekuatan kaum Muslimin atau menggoncangkan barisan mereka supaya mereka dapat meluahkan dendam kesumat yang terpendam di dalam dada mereka atau supaya mereka dapat memberi pukulan maut kepada kaum Muslimin jika mereka mampu.

Golongan Munafiqin ini mendapat sekutu-sekutu seperjuangan dalam kalangan kaum Yahudi yang telah menaruh dendam kesumat terhadap Islam dan kaum Muslimin juga terhadap Nabi s.a.w. sama seperti dendam yang dirasakan oleh kaum Munafiqin, malah lebih hebat lagi, kerana Islam telah menggugatkan dengan teruknya kedudukan kaum Yahudi di kalangan umat Arab yang ummi di Madinah. Islam telah menutup lubang-lubang yang selama ini digunakan mereka untuk melaga-lagakan di antara suku Aus dan Khazraj setelah mereka bersatu-padu sebagai saudara dengan ni'mat iman dari Allah dan setelah mereka berada di bawah naungan Islam dalam satu barisan yang kukuh.

Kaum Yahudi merasa kerongkong mereka bagai tercekik apabila kaum Muslimin memenangi Peperangan Badar. Dendam kesumat mereka semakin mendidih terhadap kaum Muslimin. Oleh itu mereka terus bertindak melakukan apa sahaja tipu daya yang mampu dilakukan mereka untuk menghancurkan barisan Islam, mencetuskan kegelisahan dan

kebingungan di kalangan orang-orang Islam, menyebarkan kekeliruan dan keraguan-keraguan di dalam agama dan jiwa mereka.

Di zaman ini juga berlakunya peristiwa Bani Qainuqa' menyebabkan perseteruan itu terus ketara dengan jelas walaupun di antara kaum Yahudi dan Nabi s.a.w. telah diadakan perjanjian-perjanjian selepas kedatangan beliau ke Madinah.

Begitu juga kaum Musyrikin begitu terkilan dengan kekalahan mereka di dalam Peperangan Badar. Mereka membuat seribu satu perhitungan terhadap kemenangan Muhammad s.a.w. dan khemah Muslimin di Madinah, dan bahaya yang mengancam perniagaan mereka, kedudukan dan kewujudan mereka. Oleh sebab itulah mereka bersiap sedia untuk menolak bahaya itu sebelum ia berkembang ke tahap yang tidak mungkin lagi dihapuskannya.

Ketika musuh-musuh kaum Muslimin berada di tahap permulaan kekuatan dan permulaan dendam kesumat mereka, maka barisan kaum Muslimin juga berada di tahap permulaan pertumbuhan mereka di Madinah dan belum lagi cukup selaras. Di dalam kalangan mereka terdapat tokoh-tokoh pilihan dari kaum Muhajirin dan kaum Ansar dan di dalam kalangan mereka terdapat orang-orang dan tokoh-tokoh yang belum matang lagi. Pada umumnya kaum Muslimin di waktu itu belum lagi mempunyai pengalaman-pengalaman yang sebenar hingga ke tahap yang dapat membetulkan segala yang tidak betul dan menjelaskan hakikat da'wah dan hakikat suasana-suasananya dan juga hakikat sistem amali da'wah dan tugas-tugasnya.

Kaum Munafiqin yang dikepalai oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul mempunyai kedudukan di dalam masyarakat. Hubungan kekeluargaan dan kesukuan mereka belum lagi terputus, sedangkan di dalam hati kaum Muslimin kesedaran belum lagi matang bahawa agama mereka itulah satu-satunya keluarga mereka, satu-satunya suku mereka dan satu-satunya tali perhubungan mereka. Oleh sebab itulah di sana terdapat hubungan yang longgar dan tidak padu di dalam barisan kaum Muslimin kerana adanya anasir-anasir Munafiqin dalam barisan mereka yang memberi kesan yang buruk kepada perjalanan mereka (sebagaimana dapat di lihat dalam peristiwa-peristiwa Perang Uhud ketika di tafsir ayat-ayat yang berkaitan dengannya di dalam surah ini).

Kaum Yahudi juga mempunyai kedudukan mereka di Kota Madinah. Mereka mempunyai hubungan ekonomi dan perjanjian dengan penduduk Madinah dan sikap perseteruan mereka belum lagi ketara di waktu itu. Hati kaum Muslimin belum lagi mempunyai kesedaran yang matang bahawa agama mereka itulah satu-satunya perjanjian dan satu-satunya tanah air dan satu-satunya asas hubungan dan perjanjian timbal balik. Mana-mana hubungan tidak boleh dikekalkan jika ia bertentangan dengan agama. Dari sinilah kaum Yahudi mendapat peluang untuk membimbangkan, menimbulkan keraguan dan kegelisahan. Sementara dalam kelompok Muslimin pula terdapat orang-orang yang suka mendengar dan terpengaruh kepada di'ayah kaum Yahudi dan di sana juga terdapat orang-orang yang mempertahan dan membela kaum Yahudi apabila Rasulullah s.a.w. hendak bertindak mengenakan peraturan-peraturan untuk menolak tipu daya mereka dari barisan kaum Muslimin (sebagaimana yang telah berlaku di dalam permohonan Abdullah ibn Ubay ibn Salul untuk menolong Bani Qainuqa' dan bagaimana dia berlaku kasar terhadap Rasulullah s.a.w.).

Dari satu segi yang lain, kaum Muslimin telah berjaya mencapai kemenangan yang sempurna dan gemilang di dalam Peperangan Badar dengan usaha dan pengorbanan yang kecil sahaja, di mana sekumpulan kecil orang-orang Islam keluar berjuang tanpa dibekalkan dengan alat kelengkapan perang kecuali sedikit sahaja dan mereka telah berdepan dengan angkatan Quraisy yang besar dan lengkap dengan alat senjata, tetapi dalam waktu yang singkat mereka telah mencapai kemenangan yang gemilang yang diberi pertolongan dari Allah.

Kemenangan di dalam peperangan yang pertama ini di mana tentera Allah bertarung dengan tentera syirik merupakan salah satu dari takdir-takdir yang diatur oleh Allah, yang mana kita dapat memahami sebahagian dari hikmatnya, iaiatu mungkin untuk meneguhkan kedudukan da'wah yang masih muda itu, malah untuk meneguhkan kewujudannya yang sebenar di batu uji peperangan agar selepas itu ia dapat meneruskan perjalanannya.

Bagi kaum Muslimin pula mereka mungkin merasa di dalam hati mereka bahawa kemenangan itu merupakan suatu perkara tabi'i, kerana kemenangan pasti bersama mereka di semua peringkat perjuangan, sebab bukankah mereka kelompok Muslimin? Bukankah musuh-musuh mereka golongan kafir belaka? Jika demikian tentulah mereka berhak menerima kemenangan apabila orang-orang Islam berperang dengan orang-orang kafir.

Tetapi undang-undang Allah dalam urusan kemenangan dan kekalahan tidaklah semudah dan sebersahaja itu. Undang-undang itu memerlukan prasyarat-prasyaratnya, iaitu membentuk jiwa, membentuk barisan-barisan, menyediakan alat kelengkapan perang, mengikut sistem hidup Ilahi, mematuhi perintah dan peraturan, berwaspada terhadap keinginan-keinginan hati dan terhadap gerak langkah di medan perang. Inilah perkara-perkara yang mahu diajar oleh Allah kepada mereka apabila mereka tewas di dalam Peperangan Uhud sebagaimana dibentangkan oleh surah ini dengan pembentangan yang hidup dan memberi kesan yang mendalam. Di sana dinyatakan sebab-sebab kekalahan itu akibat dari tindak-tanduk setengah-setengah orang Islam di samping dikemukakan

kepada mereka pengajaran-pengajaran yang membina baik untuk diri mereka mahupun untuk barisan mereka.

Pelajaran Dari Peperangan Uhud

Apabila kita mengkaji Peperangan Uhud kita dapati bahawa kaum Muslimin yang diajar dengan pelajaran itu terpaksa menanggung kesusahan-kesusahan, kecederaan-kecederaan yang parah, keguguran para syuhada' yang amat sukar dicari ganti yang didahului oleh Hamzah r.a. malah mereka terpaksa menanggung kesedihan yang lebih dari semuanya itu, iaitu apabila mereka melihat Rasul mereka yang dikasihi telah mendapat luka-luka di dahinya, patah giginya, terjatuh di dalam lubang, dan terbenamnya cincin baju besi di pipi beliau s.a.w.. Ini adalah kemalangan yang tidak dapat dinilaikan dengan suatu apa pun di dalam hati kaum Muslimin.

Sebelum dikisahkan Peperangan Uhud dan peristiwa-peristiwanya di dalam surah ini lebih dahulu dikemukakan satu ruangan yang luas yang dipenuhi dengan berbagai-bagai arahan dan bimbingan untuk membersihkan kefahaman Islam dari segala kekotoran dan untuk menjelaskan hakikat tauhid dengan terang, juga untuk menjawab kekeliruan-kekeliruan yang telah ditabur oleh Ahlil-Kitab sama ada kekeliruan-kekeliruan yang lahir dari penyelewengan-penyelewengan mereka di dalam kepercayaan-kepercayaan agama mereka sendiri atau kekeliruan jahat yang sengaja disebarkan mereka di dalam barisan kaum Muslimin dengan tujuan untuk menggoncangkan 'aqidah mereka dan melemahkan barisan mereka di sebalik kelemahan 'aqidah itu.

Sebab-sebab Nuzul Ayat-ayat Bahagian Awal Surah Ini

Ada beberapa riwayat menyebut bahawa ayat 1 hingga 83 telah di turun mengenai dialog dengan rombongan Nasara Najran yang telah datang ke Madinah pada tahun yang ke Sembilan Hijrah. Kami tidak dapat menerima tahun yang ke sembilan itu sebagai masa turunnya ayat-ayat ini, kerana yang jelas dari tabi'at dan suasana ayat-ayat ini ia adalah di turun pada masa permulaan Hijrah, di mana jamaah Muslimin masih lagi baru dan di'ayah tipu daya kaum Yahudi dan lainnya memberi kesan yang kuat kepada diri dan perilaku mereka.

Sama ada riwayat yang mengatakan bahawa ayat-ayat ini diturunkan mengenai rombongan Najran itu sah atau tidak sah, namun yang jelas dari maudhu' yang dibicarakankan ialah ayat-ayat ini sedang menghadapi kekeliruan-kekeliruan kaum Nasara terutama kekeliruan yang berkaitan dengan Isa a.s. di samping itu memperkatakan tentang 'aqidah tauhid yang tulen seperti yang dibawa oleh agama Islam, dan membetulkan penyelewengan, campur-aduk dan pemesongan yang menimpa kepercayaan-kepercayaan mereka, serta menyeru mereka kepada kebenaran yang tunggal yang terkandung di dalam kitab-kitab suci mereka yang sahih yang diakui oleh Al-Qur'an.

Tetapi bahagian ayat-ayat ini juga mengandungi singgungan-singgungan dan kecaman-kecaman terhadap kaum Yahudi dan amaran-amaran kepada kaum Muslimin dari tipu daya Ahlil-Kitab dan tiada Ahlil-Kitab yang lain yang memberi ancaman bahaya yang seperti ini selain dari kaum Yahudi yang hidup berjiran dengan mereka di Madinah.

Walau bagaimanapun bahagian ayat-ayat ini yang mengambil halaman kira-kira separuh surah ini adalah menggambarkan sebahagian dari pertarungan di antara 'aqidah Islamiyah dengan 'aqidah-'aqidah yang menyeleweng di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Ia bukanlah suatu pertarungan dari segi teori semata-mata malah ia merupakan aspek teori dari pertarungan besar yang syamil di antara kelompok Muslimin yang masih muda dengan musuh-musuhnya yang sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk mencerobohi mereka. Musuh-musuh itu bersiap sedia di sekeliling mereka dan menggunakan segala senjata dan segala sarananya untuk memerangi mereka. Senjata yang utama ialah gerakan menggoncangkan 'aqidah mereka dan gerakan ini pada hakikatnya merupakan satu pertarungan yang masih terus bernyala sehingga sampai pada hari ini di antara umat muslimin dan musuh-musuhnya. Musuh-musuh itu adalah sama sahaja. Mereka terdiri dari golongan Mulhidin atau Atheis yang mengingkari kewujudan Allah, Zionisme Antarabangsa dan Kristian Antarabangsa.

Dari kajian ayat-ayat surah ini ternyata bahawa wasilah-wasilah dan matlamat-matlamat itu adalah tetap wasilah-wasilah dan matlamat-matlamat juga, dan ternyata bahawa Al-Qur'an ini ialah Al-Qur'an da'wah yang tetap menjadi tempat rujukan umat muslimin pada hari ini dan hari esok sebagaimana ia telah menjadi Al-Qur'an da'wah dan tempat umat Muslimin dalam pertumbuhan mereka yang pertama. Dan tiada Muslim yang enggan meminta nasihat dari Al-Qur'an dan menggunakannya sebagai rujukan di dalam pertarungan yang tercetus hari ini melainkan orang yang lemah akal fikirannya, yang menolak senjata yang menjamin kemenangan dalam perjuangan dan menipu diri sendiri atau menipu umat muslimin untuk memberi khidmat kepada musuh mereka yang lama dan baru dengan kelalaian yang bodoh atau pekerti yang jahat.

* * * * * *

Pendirian Ahlil-Kitab Dan Arahan Al-Qur'an Untuk Menghadapi Mereka

Di tengah-tengah perdebatan, tayangan dan arahan dalam bahagian pertama surah ini, ketaralah perbezaan pendirian di antara Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari kitab suci mereka dengan kelompok Muslimin dan agama yang baru itu. Ini dapat dilihat dalam ayat-ayat yang seperti berikut:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ
هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ ۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى

قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepadamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayat yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilannya......"(7)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يُدْعَوْنَ إِلَىٰ كِتَٰبِ ٱللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya Ia mengadili di antara mereka, kemudian segolongan dari mereka berpaling darinya dan mereka sentiasa membelakangi (kebenaran)."(23)

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تُحَآجُّونَ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمَآ أُنزِلَتِ ٱلتَّوْرَىٰةُ وَٱلْإِنجِيلُ إِلَّا مِنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٥﴾

"Katakanlah! Wahai Ahlil-Kitab: Mengapakah kamu berbantah-bantah tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil itu tidak diturunkan melainkan selepas Ibrahim. Apakah tidak kamu berfikir."(65)

وَدَّت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يُضِلُّونَكُمْ

"Segolongan dari Ahlil-Kitab ingin andainya mereka dapat menyesatkan kamu."(69)

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَأَنتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٧٠﴾

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَلْبِسُونَ ٱلْحَقَّ بِٱلْبَٰطِلِ وَتَكْتُمُونَ ٱلْحَقَّ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٧١﴾

وَقَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ ءَامِنُوا۟ بِٱلَّذِىٓ أُنزِلَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَجْهَ ٱلنَّهَارِ وَٱكْفُرُوٓا۟ ءَاخِرَهُۥ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Wahai Ahlil-Kitab: Mengapakah kamu ingkarkan ayat Allah, sedangkan kamu menyaksikan (kebenarannya)" (70). "Wahai Ahlil-Kitab: Mengapakah kamu mengelirukan kebenaran dengan kebatilan dan menyembunyikan kebenaran, sedangkan kamu mengetahui?"(71). "Segolongan Ahlil-Kitab berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di pagi hari dan ingkarkannya pula di petang hari supaya mereka (orang-orang yang beriman itu) kembali (kepada kekafiran)."(72)

وَلَا تُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada mereka yang mengikut agama kamu."(73)

وَمِنْهُم مَّنْ إِن تَأْمَنْهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِۦٓ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَآئِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا۟ لَيْسَ عَلَيْنَا فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Di antara mereka, Ahlil-Kitab, ada orang yang jika engkau amanahkan kepadanya satu dinar nescaya ia tidak mengembalikannya kepadamu kecuali engkau terus berdiri menuntutnya. Yang demikian kerana mereka berkata: Tidak ada apa-apa dosa di atas kami terhadap orang-orang (Arab) yang ummi. Dan mereka berkata dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui."(75)

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُۥنَ أَلْسِنَتَهُم بِٱلْكِتَٰبِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمَا هُوَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan di antara mereka (Ahlil-Kitab) ada sekumpulan yang memutar-mutarkan lidah mereka membaca al-kitab supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari al-kitab, sedangkan ianya bukan dari al-kitab dan mereka berkata: 'Ia dari sisi Allah. Sedangkan ianya bukan dari sisi Allah. Mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui.'"(78)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Mengapa kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksi segala apa yang dilakukan kamu."(98)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ تَبْغُونَهَا عِوَجًا وَأَنتُمْ شُهَدَآءُ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu menghalangkan mereka yang beriman dari jalan Allah. Kamu hendak menjadikannya jalan itu bengkok, sedangkan kamu menyaksikannya?"(99)

هَٰٓأَنتُمْ أُو۟لَآءِ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
بِٱلْكِتَٰبِ كُلِّهِۦ وَإِذَا لَقُوكُمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟
عَضُّوا۟ عَلَيْكُمُ ٱلْأَنَامِلَ مِنَ ٱلْغَيْظِ

"Beginilah kamu sekalian kasih kepada mereka, sedangkan mereka tidak kasih kepada kamu dan kamu sekalian percaya kepada kitab-kitab suci semuanya. Dan apabila mereka menemui kamu mereka berkata: Kami juga telah beriman dan apabila mereka bersendirian mereka menggigit jari-jari mereka kerana terlalu marah terhadap kamu."(119)

إِن تَمْسَسْكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن تُصِبْكُمْ سَيِّئَةٌ
يَفْرَحُوا۟ بِهَا

"Jika kamu mendapat sesuatu kebaikan mereka merasa susah hati dan jika kamu di timpa sesuatu keburukan mereka bergembira dengannya."(120)

Demikianlah kita melihat musuh-musuh kaum Muslimin (di masa itu) bukan sahaja memerangi mereka di medan perang dengan pedang dan panah, dan bukan sahaja mengemblengkan musuh-musuh untuk memerangi mereka dengan kekuatan mata pedang dan lembing, malah musuh-musuh itu memerangi mereka mula-mulanya dengan menyerang 'aqidah mereka, iaitu dengan menyebarkan keraguan dan kekeliruan dan mengaturkan berbagai-bagai tipu muslihat. Mula-mula mereka bertindak menggugatkan

'Aqidah-'aqidah keimanan kaum Muslimin yang melahirkan syakhsiyah dan kewujudan mereka. Mereka bekerja keras meruntuh dan melemahkan 'aqidah keimanan itu kerana mereka sedar - begitu juga di zaman ini mereka sedar - bahawa umat muslimin tidak boleh digugatkan kecuali dari pintu 'aqidah ini. Mereka tidak akan lemah kecuali 'aqidah mereka telah lemah dan mereka tidak akan tewas kecuali sesudah jiwa mereka tewas. Musuh-musuh mereka tidak akan berjaya menggugat mereka selama mana mereka berpegang teguh dengan tali keimanan mereka, selama mana mereka tetap bersandar di tiang keimanan, tetap berjalan di jalan keimanan, tetap mengibarkan panji-panji keimanan, tetap berada dalam kumpulan keimanan, tetap menghubungkan diri mereka kepada keimanan dan berbangga dengan hubungan keimanan sahaja.

Dari sini ternyatalah bahawa musuh yang paling besar kepada umat muslimin ialah musuh yang berusaha melalaikan mereka dari 'aqidah keimanan mereka, memesongkan mereka dari sistem dan cara hidup yang diatur oleh Allah dan mengelirukan mereka dari hakikat musuh-musuh mereka yang sebenar dan matlamat-matlamat mereka yang jauh.

Pertarungan di antara umat muslimin dengan musuh-musuh mereka - sebelum segala pertarungan yang lain - ialah pertarungan 'aqidah kerana dalam perjuangan-perjuangan menakluki bumi, menguasai hasil mahsul ekonomi dan bahan-bahan mentah yang dirancang oleh musuh-musuh terhadap mereka, maka langkah pertama yang diusahakan mereka ialah mengalahkan umat muslimin di bidang 'aqidah, kerana mereka mengetahui dari pengalaman mereka yang lama bahawa mereka tidak akan berjaya mencapai apa yang dikehendaki mereka selagi umat muslimin berpegang teguh dengan 'aqidah mereka, mematuhi sistem hidup mereka dan menyedari tipu helah musuh-musuh mereka. Oleh sebab itulah musuh-musuh dan agen-agen mereka bekerja keras untuk mengelirukan umat muslimin dari hakikat perjuangan (yang dilancarkan mereka) supaya mereka berjaya mencapai segala apa yang dikehendaki mereka untuk menjajah dan memerah umat muslimin, sedangkan mereka aman dari kekuatan 'aqidah yang tertanam di dalam dada mereka.

Apabila cara-cara tipu daya untuk menggugat, menabur keraguan dan melemahkan 'aqidah Islam itu meningkat maju, maka musuh-musuh kaum Muslimin akan menggunakan cara-cara baru yang maju ini untuk mencapai matlamat yang lama:

وَدَّت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يُضِلُّونَكُمْ

"Segolongan dari Ahlil-Kitab ingin andainya mereka dapat menyesatkan kamu."(69)

Inilah matlamat tetap yang terpendam dalam hati mereka.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an dari awal-awal lagi menolak senjata yang beracun ini. Ia mendesak kaum Muslimin supaya berdiri teguh di atas kebenaran yang dipegang oleh mereka dan menolak segala kekeliruan dan keraguan yang ditabur oleh Ahlil-Kitab. Ia menjelaskan hakikat agung yang dibawa oleh agama ini. Ia meyakinkan kaum Muslimin terhadap hakikat dan nilai mereka di muka bumi ini, juga terhadap peranan mereka dan peranan 'aqidah yang dibawa oleh mereka di dalam sejarah umat manusia.

Al-Qur'an sentiasa memberi amaran (kepada kaum Muslimin) dari tipu daya musuh-musuh mereka dan mendedahkan niat-niat jahat mereka yang tersembunyi, cara-cara mereka yang kotor, matlamat-matlamat mereka yang merbahaya dan hasad dengki mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin kerana mereka sahaja yang memperolehi limpah kurnia yang agung ini.

Al-Qur'an menjelaskan kepada kaum Muslimin hakikat kekuatan-kekuatan dan nilai nilainya di alam al-wujud ini. Ia menerangkan kepada mereka betapa kerdil dan hinanya musuh-musuh mereka di sisi Allah, betapa sesat dan kafirnya mereka terhadap apa yang diturunkan Allah kepada mereka dan betapa kejamnya mereka membunuh Nabi-Nabi mereka. Dan di samping itu Al-Qur'an menegaskan bahawa Allah tetap bersama kaum Muslimin, iaitu Allah yang memiliki kerajaan alam buana, yang menentukan kemuliaan dan kehinaan, Yang Maha Esa dan tanpa

sekutu, juga menegaskan bahawa Allah akan menghukum orang-orang kafir (yang dimaksudkan di sini ialah orang-orang Yahudi) dengan 'azab ke seksaan sebagaimana Dia telah menghukumkan kaum Musyrikin di dalam Peperangan Badar baru-baru ini.

Arahan-arahan dan bimbingan-bimbingan ini terkandung di dalam ayat-ayat seperti berikut:

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir".(2)

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التَّوْرَاةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٣﴾

"Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil".(3)

مِنْ قَبْلُ هُدًى لِلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ ۗ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ ﴿٤﴾

"Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat. Dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan pembalasan."(4)

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya suatu apa pun di bumi dan tidak pula di langit."(5)

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا أَوْلَادُهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمْ وَقُودُ النَّارِ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun dan mereka adalah bahan-bahan bakar api Neraka".(10)

كَدَأْبِ آلِ فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ۚ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ ۗ وَاللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١١﴾

"Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka, mereka mendustakan ayat-ayat Kami lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Allah itu amat berat hukuman-Nya."(11)

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ ۚ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan di kalahkan dan dikumpulkan ke dalam Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(12)

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِئَتَيْنِ الْتَقَتَا ۖ فِئَةٌ تُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُمْ مِثْلَيْهِمْ رَأْيَ الْعَيْنِ ۚ وَاللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِ مَنْ يَشَاءُ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِأُولِي الْأَبْصَارِ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya di dalam peristiwa itu satu pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati."(13)

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah itu ialah agama Islam dan orang-orang yang dikurniakan kitab itu tidak berselisih melainkan setelah datang kepada mereka ilmu pengetahuan (yang cukup) kerana hasad dengki di kalangan mereka. Dan barang siapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisabnya."(19)

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka tidak akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak ia tergolong di dalam golongan orang-orang yang rugi."(85)

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ ۖ بِيَدِكَ الْخَيْرُ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

"Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki kerajaan alam buana! Engkaulah yang mengurniakan kerajaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kerajaan dari mereka yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki, di tangan Engkaulah terletaknya segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(26)

لَّا يَتَّخِذِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِى شَىْءٍ
إِلَّآ أَن تَتَّقُوا۟ مِنْهُمْ تُقَىٰةً ۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ
نَفْسَهُۥ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai hubungan dengan Allah pada suatu apa pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali."(28)

إِنَّ أَوْلَى ٱلنَّاسِ بِإِبْرَٰهِيمَ لَلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ وَهَٰذَا ٱلنَّبِىُّ
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya orang yang paling dekat dengan Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutnya dan Nabi (Muhammad) serta orang-orang yang beriman dan Allah itu pelindung para Mu'minin."(68)

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah. Sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi menyerah diri kepada-Nya dengan sukarela dan terpaksa dan kepada-Nya mereka dikembalikan."(83)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تُطِيعُوا۟ فَرِيقًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟
ٱلْكِتَٰبَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ كَٰفِرِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikut sekumpulan orang-orang yang dikurniakan kitab nescaya mereka mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir setelah kamu beriman."(100)

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ
وَفِيكُمْ رَسُولُهُۥ ۗ وَمَن يَعْتَصِم بِٱللَّهِ فَقَدْ هُدِىَ
إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Dan bagaimana kamu tergamak menjadi kafir, sedangkan ayat-ayat Allah dibacakan kepada kamu dan Rasul-Nya juga berada dalam kalangan kamu. Sesiapa yang berpegang teguh dengan (agama) Allah, maka sesungguhnya dia telah diberi hidayat ke jalan yang lurus."(101)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu sekalian dalam keadaan beragama Islam."(102)

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ
قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ
شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpeganglah kamu sekalian pada tali Allah (Al-Qur'an) dan janganlah kamu berpecah-belah. Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu dahulu bermusuh-musuhan satu sama lain, lalu Allah menjinakkan di antara hati kamu dan jadilah kamu dengan ni'mat-Nya itu sebagai orang-orang yang bersaudara, dan kamu telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat."(103)

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم ۚ
مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿١١٠﴾

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia. Kamu menyuruh melakukan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan dan kamu beriman kepada Allah. Sekiranya Ahlil-Kitab itu beriman tentulah lebih baik kepada mereka, di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang menyeleweng."(110)

لَن يَضُرُّوكُمْ إِلَّآ أَذًى ۖ وَإِن يُقَٰتِلُوكُمْ يُوَلُّوكُمُ
ٱلْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١١١﴾

"Mereka tidak akan dapat memudharatkan kamu selain dari gangguan (kecil) sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu nescaya mereka melarikan diri kemudian mereka tidak akan diberi pertolongan."(111)

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ
مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْمَسْكَنَةُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟
يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ٱلْأَنۢبِيَآءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

"Mereka tetap ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada kecuali mereka berpegang pada tali dari Allah dan tali (perjanjian damai) dengan manusia. Dan mereka kembali dengan kemurkaan dari Allah. Mereka tetap di timpa kecelakaan. Yang demikian kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh Nabi-Nabi tanpa alasan yang benar. Yang demikian kerana mereka telah menderhaka dan melampaui batas."(112)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ بِطَانَةً مِّن دُونِكُمْ
لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا۟ مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
ٱلْبَغْضَآءُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ وَمَا تُخْفِى صُدُورُهُمْ
أَكْبَرُ ۚ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ ٱلْـَٔايَٰتِ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١٨﴾

"Wahai orang-orang Yang beriman! Janganlah kamu mengambil mereka yang luar daripada golongan kamu sebagai orang-orang kepercayaan (kerana) mereka tidak akan berhenti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka inginkan segala sesuatu yang boleh menyusahkan kamu. Sesungguhnya kebencian mereka telah ketara dengan jelasnya dari mulut mereka dan kebencian yang disembunyikan di dalam dada mereka adalah lebih besar lagi. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kamu jika kamu benar-benar berfikir."(118)

هَٰٓأَنتُمْ أُو۟لَآءِ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
بِٱلْكِتَٰبِ كُلِّهِۦ وَإِذَا لَقُوكُمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟
عَضُّوا۟ عَلَيْكُمُ ٱلْأَنَامِلَ مِنَ ٱلْغَيْظِ ۚ قُلْ مُوتُوا۟
بِغَيْظِكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿١١٩﴾

"Beginilah kamu sekalian kasih kepada mereka, sedangkan mereka tidak kasih kepada kamu dan kamu sekalian percaya kepada kitab-kitab suci semuanya dan apabila mereka menemui kamu mereka berkata: Kami juga telah beriman dan apabila mereka bersendirian mereka menggigit jari-jari mereka kerana terlalu marah terhadap kamu. Katakanlah: 'Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada.'"(119)

إِن تَمْسَسْكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن تُصِبْكُمْ سَيِّئَةٌ
يَفْرَحُوا۟ بِهَا ۖ وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ
شَيْـًٔا ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾

"Jika kamu mendapat sesuatu kebaikan mereka merasa susah hati dan jika kamu di timpa sesuatu keburukan mereka bergembira dengannya. Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka tipu daya mereka tidak dapat memudharatkan kamu sedikit pun. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa dilakukan kamu."(120)

Dari seruan-seruan yang panjang ini, yang kami telah petikkan ayat-ayat ini darinya dan dari keragaman arahan, bimbingan dan ajaran-ajarannya, ternyatalah kepada kita beberapa hakikat yang penting:

Pertama: Wujudnya usaha-usaha yang amat besar yang dicurahkan oleh Ahlil-Kitab di Madinah dan lainnya dan bagaimana mendalamnya tipu daya mereka dan keragaman cara-caranya dan bagaimana mereka menggunakan segala sarana untuk menggoncangkan 'aqidah (kaum Muslimin) dan seterusnya menggugatkan barisan mereka.

Kedua: Wujudnya kesan-kesan yang besar yang ditinggalkan oleh usaha-usaha mereka di dalam hati kaum Muslimin dan di dalam kehidupan masyarakat Islam. Inilah yang memerlukan kepada penerangan Ilahi yang panjang lebar yang disampaikan dengan berbagai gaya dan uslub.

Ketiga: Ialah hakikat yang kita dapat perhatikan pada hari ini di sebalik abad-abad silam yang panjang. Di antaranya ialah musuh-musuh Islam (Ahlil-Kitab) itulah yang terus memburu da'wah Islam dan para penda'wah di seluruh dunia. Merekalah musuh-musuh yang dihadapi oleh agama Islam dan para penganutnya. Oleh sebab itulah Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui menghendaki agar ditegakkan obor dan penyuluh yang besar yang jauh suaran cahayanya itu supaya dapat di lihat oleh generasi-generasi kaum Muslimin agar dengan suluhannya yang kuat, jelas dan terpusat itu dapat mendedahkan musuh-musuh tradisional umat muslimin dan agama Islam ini.

* * * * * *

Bahagian yang kedua dari surah ini khusus memperkatakan tentang Peperangan Uhud, juga mengandungi penjelasan-penjelasan mengenai hakikat-hakikat kefahaman Islam dan 'aqidah keimanan dan arahan-arahan membangunkan kelompok Muslimin di atas asas hakikat-hakikat itu di samping menayangkan peristiwa-peristiwa, fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan dengan tayangan yang menjelaskan kedudukan kelompok Muslimin pada masa itu dengan berbagai-bagai sektor yang telah disinggungkan di awal pendahuluan ini.

Hubungan bahagian ini dengan bahagian pertama surah ini boleh di lihat dengan jelas. Ia menjelaskan proses pembinaan kefahaman Islam di medan pertempuran ketika besi masih panas di samping menjelaskan proses menegakkan kelompok Muslimin ini di atas taklif-taklif yang diwajibkan ke atas penda'wah-penda'wah agama yang benar di bumi

serta mengajar kepada mereka tentang undang-undang Allah di dalam kemenangan dan kekalahan. Ia mendidik mereka dengan bimbingan-bimbingan Al-Qur'an di samping mendidik mereka dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Sesungguhnya sukar untuk membicarakan di sini dengan huraian yang sepenuhnya tentang sifat-sifat bahagian yang kedua ini, isi kandungannya dan nilainya dalam pembinaan 'aqidah dan pembinaan kelompok Muslimin. Oleh sebab keseluruhan bahagian ini termuat dalam juzu' yang keempat, maka marilah kita tangguhkan pembicaraannya sehingga sampai kepada juzu' itu insya'Allah.

Apabila kita teruskan perjalanan sehingga akhir surah ini selepas pembicaraan Peperangan Uhud - kita dapati ia mengintisarikan persoalan-persoalan asasi yang dibicarakannya. Mula-mula ia mengemukakan satu isyarat yang menarik mengenai pembuktian alam buana selaku kitab Allah yang dipandang dengan mata dan sarana-sarananya kepada hati para Mu'minin. Ia menyebut sebuah do'a yang lemah-lembut yang terbit dari hati dengan bersaksikan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat dalam kitab alam yang terbuka:

إِنَّ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ
وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٠﴾
ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾
رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدْخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُۥ ۖ وَمَا
لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿١٩٢﴾
رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِى لِلْإِيمَٰنِ أَنْ
ءَامِنُوا۟ بِرَبِّكُمْ فَـَٔامَنَّا ۚ رَبَّنَا فَٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ
عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾
رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدتَّنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang terdapat bukti-bukti bagi orang-orang yang berakal(190). Iaitu orang-orang yang mengingati Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka. Dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata kaget) wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau jadikan semuanya ini sia-sia sahaja. Maha sucilah Engkau, dan perliharalah kami dari 'azab Neraka(191). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka, maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim itu sekali-kali tidak mempunyai penolong-penolong(192). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru (Rasul) yang menyeru kepada keimanan: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu' lalu kami pun beriman. Oleh itu wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan wafatkan kami bersama-sama orang-orang yang berbakti(193). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui rasul-rasul Engkau dan janganlah Engkau hampakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(194)

Do'a ini menggambarkan kebersihan pemikiran dan kejelasan kefahaman, juga menggambarkan kekhusyu'kan dan ketaqwaannya.

Kemudian datang ayat Istijabah Allah S.W.T. memperkenankan do'a itu dan di sana ia menyebut tentang hijrah, jihad dan penindasan kerana agama Allah:

فَٱسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّى لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٍ
مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ ۖ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۖ فَٱلَّذِينَ
هَاجَرُوا۟ وَأُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأُوذُوا۟ فِى سَبِيلِى
وَقَٰتَلُوا۟ وَقُتِلُوا۟ لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ
وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
ثَوَابًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾

"Lalu Tuhan mereka memperkenankan permohonan mereka: "Sesungguhnya aku tidak mensia-siakan sebarang amalan yang dilakukan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) saling melahirkan satu sama lain. Oleh itu orang-orang yang berhijrah dan diusir keluar dari kampung halaman mereka dan orang-orang yang ditindas kerana agama Ku, dan orang-orang yang berperang dan dibunuh maka Aku hapuskan dosa-dosa mereka dan Aku masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai sebagai balasan dari sisi Allah dan Allah itu tersedia di sisi-Nya balasan yang baik."(195)

Di dalam ayat ini terdapat isyarat dan hubungan dengan Peperangan Uhud, kejadian-kejadiannya dan kesan-kesannya.

Kemudian ia menyebut Ahlil-Kitab yang telah dibicarakan sepenuhnya oleh bahagian yang pertama untuk mengingatkan kepada kaum Muslimin bahawa kebenaran yang ada di tangan mereka tidaklah di ingkarkan oleh seluruh Ahlil-Kitab, kerana di antara mereka ada yang beriman dan mengakui kebenarannya:

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَمَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَآ

أُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِمۡ خَٰشِعِينَ لِلَّهِ لَا
يَشۡتَرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنٗا قَلِيلًاۚ

"Dan sesungguhnya di antara Ahlil-Kitab terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan kepada mereka, sedangkan mereka merendahkan diri kepada Allah dan mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit."(199)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu seruan mengajak orang-orang Islam -dengan sifat keimanan mereka - supaya bersabar, tabah dalam perjuangan dan mengawal perbatasan-perbatasan dan bertaqwa:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱصۡبِرُواْ وَصَابِرُواْ
وَرَابِطُواْ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah, tabahlah (dalam perjuangan) dan berkawallah (di perbatasan-perbatasan) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan."(200)

Inilah pengakhiran yang sesuai dengan suasana surah dan dengan semua maudhu'-maudhu'nya.

* * * * * *

Tiga Garis Lebar Surah Ini

Pengenalan ringkas mengenai surah ini tidak sempurna sehingga kita kumpulkan tiga garis lebar, yang terdapat di dalamnya, di mana titik-titiknya bertaburan di dalam surah ini kemudian titik-titik ini berkumpul dan memusat di dalam keseluruhan surah ini sehingga terlukis garis-garis yang lebar ini dengan jelas dan tegas.

Garis yang pertama menjelaskan konsep "agama" (ad-din) dan konsep "Islam". Agama - mengikut yang digaris dan dikehendaki oleh Allah - bukannya segala kepercayaan atau i'tiqad mengenai Allah sahaja, malah ia adalah salah satu dari gambaran-gambaran kepercayaan kepada Allah S.W.T., iaitu gambaran tauhid yang sempurna, bersih dan muktamad yakni Tauhid Uluhiyah, di mana seluruh manusia bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana seluruh makhluk yang lain di alam buana ini bertawajjuh kepada-Nya sahaja dengan 'Ubudiyah, juga tauhid pentadbiran dan pengurusan Allah di atas seluruh manusia dan seluruh alam buana. Oleh itu tiada suatu pun di alam ini yang boleh berdiri melainkan dengan pentadbiran dan pengurusan Allah dan tiada yang mentadbir dan mengurus semua makhluk ini melainkan Allah Taala. Oleh sebab itulah agama yang diterima oleh Allah dari para hamba-Nya ialah agama Islam (yang menyerah diri kepada Allah), iaitu menyerah diri secara mutlak kepada pentadbiran dan pengurusan Allah dan menerima arahan dari Allah selaku satu-satunya sumber arahan dalam segala urusan kehidupan, dan seterusnya berhakimkan kitab Allah yang diturunkan dari sumber Allah dan mengikut para Rasul yang diturunkan kepada mereka kitab-kitab suci itu. Kitab-kitab itu pada hakikatnya merupakan sebuah kitab yang sama dan satu agama yang sama, iaitu agama Islam yakni Islam dengan pengertiannya yang sebenar yang wujud di dalam hati dan amalan kedua-dua sekali dan Islam dengan pengertian yang menjadi titik pertemuan bagi para Mu'minin yang mengikut para Rasul itu, iaitu Islam dengan pengertian mempercayai dan beriman kepada keesaan Uluhiyah dan keesaan pentadbiran dan pengurusan, keesaan keta'atan dan kepatuhan di dalam seluruh peraturan hidup tanpa kecuali.

Garisan inilah yang menjadi landasan penerangan ayat surah ini dan garisan ini telah dijelaskan lebih dari tiga puluh tempat di dalam surah ini dalam bentuk yang begitu ketara. Berikut ialah setengah-setengah contoh pengenalan ringkas ini:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ
وَأُوْلُواْ ٱلۡعِلۡمِ قَآئِمَۢا بِٱلۡقِسۡطِۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡعَزِيزُ
ٱلۡحَكِيمُ ﴿١٨﴾

"Allah sendiri menyaksikan tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikan) Ia menegakkan keadilan. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(18)

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah itu ialah agama Islam."(19)

فَإِنۡ حَآجُّوكَ فَقُلۡ أَسۡلَمۡتُ وَجۡهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ
ٱتَّبَعَنِۗ وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡأُمِّيِّـۧنَ
ءَأَسۡلَمۡتُمۡۚ فَإِنۡ أَسۡلَمُواْ فَقَدِ ٱهۡتَدَواْۖ وَّإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّمَا
عَلَيۡكَ ٱلۡبَلَٰغُۗ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِٱلۡعِبَادِ ﴿٢٠﴾

"Dan jika mereka mendebatkan engkau (tentang kebenaran Islam) maka katakanlah: 'Aku telah menyerahkan diriku kepada Allah dan (demikian juga) orang-orang yang mengikutku dan katakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: 'Adakah kamu telah menganut Islam? Jika mereka menganut Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah amat melihat akan para hamba-Nya."(20)

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُدْعَوْنَ
إِلَىٰ كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
وَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Tidakkah kamu melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya mengadili di antara mereka, kemudian segolongan dari mereka berpaling darinya, dan mereka sentiasa membelakangi (kebenaran)."(23)

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ

"Katakanlah jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah akan menyintai kamu."(31)

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْكَافِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ اللَّهِ آمَنَّا بِاللَّهِ
وَاشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾

"Para Hawariy (sahabat setia 'Isa) berkata: 'Kamilah penyokong-penyokong (agama) Allah. Kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang Muslim belaka."(52)

رَبَّنَا آمَنَّا بِمَا أَنزَلْتَ وَاتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَاكْتُبْنَا
مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu) oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang yang menjadi saksi."(53)

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَاءٍ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ
شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ ۚ
فَإِن تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah kamu berpegang kepada satu perjanjian yang lurus di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah: Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang yang Muslim."(64)

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَٰكِن
كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

"Bukanlah Ibrahim itu seorang Yahudi dan bukan pula seorang Nasara, tetapi dia adalah seorang yang berpegang dengan agama tauhid yang menyerah diri kepada Allah dan dia bukan sekali-kali dari golongan Musyrikin."(67)

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَن فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi menyerah diri kepada-Nya dengan sukarela dan terpaksa, dan kepada-Nya mereka dikembalikan!"(83)

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ

"Dan siapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka tidak akan diterima darinya."(85)

Dan selain dari ayat-ayat ini terdapat banyak lagi ayat-ayat yang lain.

Adapun garis yang kedua yang ditumpukan oleh penerangan surah ini ialah penggambaran keadaan kaum Muslimin dengan Tuhan mereka, iaitu bagaimana mereka menyerahkan diri mereka kepada Allah dan menerima segala arahan yang datang dari Allah dengan keta'atan, kepatuhan dan ikutan yang hemat. Di bawah ini kita membawa setengah-setengah contoh dalam pengenalan surah ini dan kita akan huraikannya dengan terperinci apabila kita mentafsirkan ayat-ayat ini satu persatu:

وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ
رَبِّنَا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

"Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepada ayat mutasyabihah. Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal."(7)

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ
رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau jadikan hati kami menyeleweng sesat setelah engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya engkau Maha Pengurnia."(8)

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا
يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٩﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji-Nya."(9)

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا

ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٦﴾

"Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka."(16)

ٱلصَّـٰبِرِينَ وَٱلصَّـٰدِقِينَ وَٱلْقَـٰنِتِينَ وَٱلْمُنفِقِينَ
وَٱلْمُسْتَغْفِرِينَ بِٱلْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

"Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfaqkan (ke jalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu dinihari."(17)

قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ ٱللَّهِ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ
وَٱشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾

"Para Hawariy (sahabat-sahabat setia 'Isa) berkata: 'Kamilah penyokong-penyokong (agama) Allah. Kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka."(52)

رَبَّنَآ ءَامَنَّا بِمَآ أَنزَلْتَ وَٱتَّبَعْنَا ٱلرَّسُولَ فَٱكْتُبْنَا
مَعَ ٱلشَّـٰهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut rasul-rasul. Oleh itu tulislah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi."(53)

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِٱللَّهِ ۗ

"Kamu adalah sebaik umat yang dilahirkan untuk manusia. Kamu menyuruh melakukan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan dan kamu beriman kepada Allah."(110)

مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ أُمَّةٌ قَآئِمَةٌ يَتْلُونَ ءَايَـٰتِ
ٱللَّهِ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾

"Di antara Ahlil-Kitab terdapat satu golongan yang lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam hari dan mereka juga bersujud (mendirikan solat)."(113)

يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَيَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُسَـٰرِعُونَ
فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ مِنَ ٱلصَّـٰلِحِينَ ﴿١١٤﴾

"Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan, dan mereka berlumba-lumba mengerjakan kebajikan-kebajikan dan mereka termasuk dalam golongan para salihin."(114)

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِىٍّ قَـٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا
وَهَنُوا۟ لِمَآ أَصَابَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا۟ وَمَا
ٱسْتَكَانُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

"Dan berapa banyak Nabi yang berperang bersamanya sebilangan ramai pencinta-pencinta Allah. Mereka tidak patah semangat kerana kesusahan yang telah menimpa mereka kerana perjuangan untuk Sabilullah dan mereka tidak lemah dan tidak menyerah kalah. Dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar."(146)

وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى
ٱلْقَوْمِ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾

"Tidak ada perkataan mereka kecuali mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa kami dan keterlaluan kami dalam urusan kami dan teguhkan pendirian kami dan tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir."(147)

ٱلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ مِنۢ بَعْدِ مَآ أَصَابَهُمُ ٱلْقَرْحُ ۚ
لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ مِنْهُمْ وَٱتَّقَوْا۟ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾

"Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul setelah mereka mendapat kecederaan (di dalam Peperangan Uhud) bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari mereka dan bertaqwa ialah pahala yang amat besar."(172)

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ
فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَـٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ
وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

"Iaitu mereka yang telah di katakan oleh orang-orang kepada mereka: 'Sesungguhnya manusia yang ramai telah mengumpulkan pejuang-pejuang untuk memerangi kamu. Oleh itu takutlah kepada mereka. Maka perkataan itu telah menambahkan lagi keimanan mereka lalu mereka berkata: 'Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Penolong."(173)

ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقْتَ هَـٰذَا بَـٰطِلًا سُبْحَـٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾

"Iaitu orang-orang yang mengingati Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata kaget): 'Wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau

jadikan semuanya ini sia-sia sahaja. Maha sucilah Engkau dan peliharalah kami dari 'azab Neraka."(191)

رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدْخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُۥ ۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿١٩٢﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka, maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim itu sekali-kali tidak mempunyai penolong."(192)

رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِى لِلْإِيمَٰنِ أَنْ ءَامِنُوا۟ بِرَبِّكُمْ فَـَٔامَنَّا ۚ رَبَّنَا فَٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru (Rasul) yang menyeru kepada keimanan: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu' lalu kami pun beriman. Oleh itu wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan wafatkan kami bersama-sama orang-orang yang berbakti."(193)

رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدتَّنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

"Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang telah Engkau janjikannya kepada kami melalui rasul-rasul Engkau dan janganlah Engkau hampakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(194)

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَمَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَٰشِعِينَ لِلَّهِ لَا يَشْتَرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۗ

"Dan sesungguhnya di antara Ahlil-Kitab terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kamu, dan kepada apa yang diturunkan kepada mereka sedangkan mereka merendahkan diri kepada Allah dan mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit."(199)

Dan berbagai-bagai ayat yang lain lagi.

Garis lebar yang ketiga dalam penerangan rangkaian ayat-ayat surah ini ialah memberi amaran supaya jangan mengambil orang-orang bukan Mu'min sebagai sahabat setia dan supaya memandang enteng kepada orang-orang kafir di samping amaran tersebut dan seterusnya menjelaskan bahawa tiada keimanan dan tiada hubungan dengan Allah apabila diambil sahabat-sahabat setia dari golongan orang-orang kafir yang tidak berhakimkan kitab Allah dan tidak mengikut sistem Allah di dalam kehidupan. Sebelum ini kami telah pun menyebut garis ini. Tetapi ia ditonjolkan semula di sini berdasarkan ianya merupakan satu garis yang menonjol dan asasi di dalam penerangan rangkaian ayat-ayat surah ini. Berikut ialah contoh-contoh dari garis yang lebar ini:

لَّا يَتَّخِذِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِى شَىْءٍ إِلَّآ أَن تَتَّقُوا۟ مِنْهُمْ تُقَىٰةً ۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفْسَهُۥ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai hubungan dengan Allah pada sesuatu apa pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka, dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali."(28)

قُلْ إِن تُخْفُوا۟ مَا فِى صُدُورِكُمْ أَوْ تُبْدُوهُ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ ۗ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

"Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya, dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(29)

وَدَّت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يُضِلُّونَكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾

"Segolongan dari Ahlil-Kitab ingin menyesatkan kamu, sedangkan (sebenarnya) mereka tidak menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar."(69)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تُطِيعُوا۟ فَرِيقًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ كَٰفِرِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikut sekumpulan orang-orang yang dikurniakan kitab nescaya mereka mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir setelah kamu beriman."(100)

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُۥ ۗ وَمَن يَعْتَصِم بِٱللَّهِ فَقَدْ هُدِىَ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Dan bagaimana kamu tergamak menjadi kafir, sedangkan ayat-ayat Allah dibacakan kepada kamu dan Rasul-Nya juga berada dalam kalangan kamu. Sesiapa yang berpegang

teguh dengan (agama) Allah, maka sesungguhnya dia telah diberi hidayat ke jalan yang lurus."(101)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu sekalian dalam keadaan beragama Islam."(102)

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟

"Dan berpeganglah kamu sekalian dengan tali (agama) Allah dan janganlah kamu berpecah-belah."(103)

لَن يَضُرُّوكُمْ إِلَّآ أَذًى ۖ وَإِن يُقَٰتِلُوكُمْ يُوَلُّوكُمُ
ٱلْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١١١﴾

"Mereka tidak akan dapat memudharatkan kamu selain dari gangguan (kecil) sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu nescaya mereka melarikan diri kemudian mereka tidak akan diberi pertolongan."(111)

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ . . .

"Mereka tetap ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada....."(112)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ بِطَانَةً مِّن دُونِكُمْ
لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا۟ مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
ٱلْبَغْضَآءُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ وَمَا تُخْفِى صُدُورُهُمْ
أَكْبَرُ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil mereka yang di luar dari golongan kamu sebagai orang-orang kepercayaan (kerana) mereka tidak akan berhenti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka inginkan segala sesuatu yang menyusahkan kamu. Sesungguhnya kebencian mereka telah ketara dengan jelas dari mulut mereka dan kebencian yang disembunyikan di dalam dada mereka adalah lebih besar lagi."(118)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تُطِيعُوا۟ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ
فَتَنقَلِبُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka akan mengembalikan kamu ke belakang (kepada kekafiran) dan akibatnya kamu terbalik menjadi orang-orang yang rugi."(149)

بَلِ ٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلنَّٰصِرِينَ ﴿١٥٠﴾

"Malah Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Penolong."(150)

سَنُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ بِمَآ
أَشْرَكُوا۟ بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًا ۖ
وَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ ۚ وَبِئْسَ مَثْوَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٥١﴾

"Kami akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang yang kafir kerana mereka telah mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Dia sendiri tidak menurunkan apa-apa keterangan mengenainya. Tempat kediaman mereka kelak ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim."(151)

لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿١٩٦﴾

"Janganlah engkau (Muhammad) terpesona kepada kebebasan hidup orang-orang kafir di dalam negeri."(196)

مَتَٰعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾

"Itu hanya suatu keni'matan yang sedikit, kemudian tempat kediaman mereka kelak Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(197)

Dan berbagai-bagai ayat yang lain lagi.

Tiga garis yang lebar ini mempunyai ikatan yang selaras dan sepadu dalam menjelaskan pandangan dan kefahaman Islam dan menjelaskan hakikat tauhid dan kehendaknya dalam kehidupan manusia dan dalam perasaan mereka terhadap Allah dan kesan 'aqidah tauhid dalam pendirian mereka terhadap musuh-musuh Allah iaitu pendirian yang tiada lagi pendirian yang lain bagi mereka selain dari-Nya.

Ayat-ayat ini di tempat-tempatnya yang sebenar adalah lebih dinamis dan memberi saranan-saranan yang lebih mendalam, kerana ayat-ayat ini telah diturunkan di dalam gelanggang pertarungan, iaitu pertarungan 'aqidah, pertarungan di medan perang, pertarungan dalam jiwa dan pertarungan di dalam realiti kehidupan. Oleh sebab itulah ayat-ayat ini mengandungi tabung simpanan modal yang hidup dan mengkagumkan, iaitu tabung harakat, penerapan kesan dan saranan.

Oleh itu marilah kita terus menghadapi ayat-ayat ini di dalam rangkaiannya yang hidup, kuat, menarik dan indah.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 32)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

الٓمٓ ﴿١﴾
ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ﴿٢﴾

نَزَّلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ
ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ ٣
مِن قَبْلُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَأَنزَلَ ٱلْفُرْقَانَ ۗ إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ ذُو
ٱنتِقَامٍ ٤
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَىْءٌ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى
ٱلسَّمَآءِ ٥
هُوَ ٱلَّذِى يُصَوِّرُكُمْ فِى ٱلْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا
هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٦
هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ
هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ ۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى
قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ
وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ ۗ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ
فِى ٱلْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ۗ وَمَا
يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ٧
رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ
رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ٨
رَبَّنَآ إِنَّكَ جَامِعُ ٱلنَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا
يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ٩
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن تُغْنِىَ عَنْهُمْ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ
أَوْلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ وَقُودُ ٱلنَّارِ ١٠
كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَّبُوا۟
بِـَٔايَٰتِنَا فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ ۗ وَٱللَّهُ شَدِيدُ
ٱلْعِقَابِ ١١
قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ
إِلَىٰ جَهَنَّمَ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ١٢
قَدْ كَانَ لَكُمْ ءَايَةٌ فِى فِئَتَيْنِ ٱلْتَقَتَا ۖ فِئَةٌ
تُقَٰتِلُ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُم
مِّثْلَيْهِمْ رَأْىَ ٱلْعَيْنِ ۚ وَٱللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِۦ مَن
يَشَآءُ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُو۟لِى
ٱلْأَبْصَٰرِ ١٣
زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ
وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ
وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ
مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ
ٱلْمَـَٔابِ ١٤
قُلْ أَؤُنَبِّئُكُم بِخَيْرٍ مِّن ذَٰلِكُمْ ۚ لِلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟
عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ
ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ١٥
ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ إِنَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغْفِرْ لَنَا
ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ١٦
ٱلصَّٰبِرِينَ وَٱلصَّٰدِقِينَ وَٱلْقَٰنِتِينَ وَٱلْمُنفِقِينَ
وَٱلْمُسْتَغْفِرِينَ بِٱلْأَسْحَارِ ١٧
شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ
وَأُو۟لُوا۟ ٱلْعِلْمِ قَآئِمًۢا بِٱلْقِسْطِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْعَزِيزُ
ٱلْحَكِيمُ ١٨
إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ ۗ وَمَا ٱخْتَلَفَ ٱلَّذِينَ
أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ

بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ
سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ١٩
فَإِنۡ حَآجُّوكَ فَقُلۡ أَسۡلَمۡتُ وَجۡهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ
ٱتَّبَعَنِۗ وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡأُمِّيِّـۧنَ
ءَأَسۡلَمۡتُمۡۚ فَإِنۡ أَسۡلَمُواْ فَقَدِ ٱهۡتَدَواْۖ وَّإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّمَا
عَلَيۡكَ ٱلۡبَلَٰغُۗ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِٱلۡعِبَادِ ٢٠
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقۡتُلُونَ
ٱلنَّبِيِّـۧنَ بِغَيۡرِ حَقّٖ وَيَقۡتُلُونَ ٱلَّذِينَ يَأۡمُرُونَ
بِٱلۡقِسۡطِ مِنَ ٱلنَّاسِ فَبَشِّرۡهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٢١
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ حَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ فِي ٱلدُّنۡيَا
وَٱلۡأٓخِرَةِ وَمَا لَهُم مِّن نَّٰصِرِينَ ٢٢
أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُواْ نَصِيبٗا مِّنَ ٱلۡكِتَٰبِ يُدۡعَوۡنَ
إِلَىٰ كِتَٰبِ ٱللَّهِ لِيَحۡكُمَ بَيۡنَهُمۡ ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٞ مِّنۡهُمۡ
وَهُم مُّعۡرِضُونَ ٢٣
ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ قَالُواْ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامٗا
مَّعۡدُودَٰتٖۖ وَغَرَّهُمۡ فِي دِينِهِم مَّا كَانُواْ يَفۡتَرُونَ ٢٤
فَكَيۡفَ إِذَا جَمَعۡنَٰهُمۡ لِيَوۡمٖ لَّا رَيۡبَ فِيهِ وَوُفِّيَتۡ
كُلُّ نَفۡسٖ مَّا كَسَبَتۡ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ٢٥
قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلۡمُلۡكِ تُؤۡتِي ٱلۡمُلۡكَ مَن تَشَآءُ
وَتَنزِعُ ٱلۡمُلۡكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ
مَن تَشَآءُۖ بِيَدِكَ ٱلۡخَيۡرُۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٢٦
تُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِۖ
وَتُخۡرِجُ ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَتُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتَ مِنَ ٱلۡحَيِّۖ
وَتَرۡزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٢٧

لَّا يَتَّخِذِ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ فَلَيۡسَ مِنَ ٱللَّهِ فِي شَيۡءٍ
إِلَّآ أَن تَتَّقُواْ مِنۡهُمۡ تُقَىٰةٗۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ
نَفۡسَهُۥۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلۡمَصِيرُ ٢٨
قُلۡ إِن تُخۡفُواْ مَا فِي صُدُورِكُمۡ أَوۡ تُبۡدُوهُ يَعۡلَمۡهُ
ٱللَّهُۗ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَٱللَّهُ
عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٢٩
يَوۡمَ تَجِدُ كُلُّ نَفۡسٖ مَّا عَمِلَتۡ مِنۡ خَيۡرٖ مُّحۡضَرٗا
وَمَا عَمِلَتۡ مِن سُوٓءٖ تَوَدُّ لَوۡ أَنَّ بَيۡنَهَا وَبَيۡنَهُۥٓ أَمَدَۢا
بَعِيدٗاۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفۡسَهُۥۗ وَٱللَّهُ رَءُوفُۢ
بِٱلۡعِبَادِ ٣٠
قُلۡ إِن كُنتُمۡ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحۡبِبۡكُمُ ٱللَّهُ
وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٣١
قُلۡ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَۖ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلۡكَٰفِرِينَ ٣٢

"Alif. Lam. Mim(1). Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir(2). Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an membawa kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil(3). Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan(4). Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatu apa pun di bumi dan tidak pula di langit(5). Dialah yang membentuk rupa kamu di dalam rahim mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijak-sana(6). Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang dalam hati mereka mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: 'Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah).

Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal'(7). Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia(8). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji(9). Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun dan mereka menjadi bahan-bahan bakar api Neraka(10). Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Kami lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Allah itu amat berat hukuman-Nya(11). Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman(12). Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang, satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya dalam peristiwa itu satu pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati(13). Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan iaitu kepada wanita, anak-anak, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas, perak, kuda yang dipelihara, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah keni'matan hidup dunia dan di sisi Allah terdapat tempat kediaman yang baik (Syurga)(14). Katakanlah! inginkah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih baik dari keni'matan-keni'matan itu semua iaitu untuk orang-orang yang benar-benar bertaqwa telah disediakan di sisi Tuhan mereka taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai. Mereka akan kekal (hidup) di dalamnya, juga isteri-isteri yang suci serta keredhaan dari Allah. Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya(15). Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka(16). Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfaqkan (ke jalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu dinihari(17). Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(18). Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah ialah Islam dan tiadalah orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara sesama mereka. Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya(19). Dan jika mereka mendebatkan engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja. Dan Allah itu Amat Melihat akan para hamba-Nya(20). Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirakanlah mereka dengan 'azab yang amat pedih(21). Merekalah orang-orang yang terhapus pahala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan mereka sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong(22). Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya Ia mengadili di antara mereka kemudian segolongan mereka berpaling darinya dan mereka membelakangi (da'wah)(23). Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka(24). Bagai-manakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiaya(25). Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki di tangan Engkaulah terletaknya segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu(26). Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab(27). Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikit pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan dari sesuatu yang ditakuti dari mereka dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali(28). Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(29). Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya(30). Katakanlah: Jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(31). Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Apabila kita menerima riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa ayat-ayat pertama surah ini hingga kepada delapan puluh ayat lebih telah diturunkan kerana peristiwa kedatangan orang-orang Nasara Najran dari Yaman, di mana mereka telah berbahas dengan Rasulullah s.a.w. mengenai persoalan 'Isa a.s., maka keseluruhan pelajaran ini dapatlah dimasukkan ke dalam lingkungan peristiwa ini kerana riwayat-riwayat ini menentukan waktu kedatangan rombongan itu pada tahun yang ke

sembilan Hijrah, iaitu tahun yang terkenal di dalam sejarah Islam sebagai "Tahun Rombongan", di mana Islam telah berada di satu tahap kekuatan dan kemasyhuran di seluruh Semenanjung Tanah Arab dan di negeri-negeri sebaliknya yang mendorong rombongan-rombongan dari berbagai-bagai pelosok Semenanjung Tanah Arab datang mengunjungi Rasulullah s.a.w. untuk melamar perhubungan mesra dengan beliau atau mengadakan perjanjian dengannya atau untuk mengetahui keadaan beliau yang sebenar.

Kami - sebagaimana telah diterangkan sebelum ini - merasa bahawa maudhu' yang dibicarakan oleh ayat-ayat ini dan cara pengolahannya kedua-duanya menguatkan bahawa ayat-ayat ini adalah di turun di masa yang lebih awal lagi iaitu di tahun-tahun pertama Hijrah. Oleh sebab itulah kami lebih cenderung mengatakan bahawa perdebatan-perdebatan dengan Ahli-Kitab yang terkandung di dalam surah ini juga penolakan kekeliruan yang wujud di dalam kepercayaan-kepercayaan mereka yang sesat atau kekeliruan-kekeliruan yang sengaja ditaburkan oleh mereka di sekitar kesahihan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan di sekitar hakikat "aqidah tauhid Islamiyah, juga tipudaya yang dilakukan oleh Ahli-Kitab - hingga perlu diberi peringatan dan amaran kepada kaum Muslimin dan diteguhkan pendirian mereka... kami lebih cenderung mengatakan bahawa semuanya ini tidak terikat dengan peristiwa rombongan orang Nasara Najran yang berlaku dalam tahun yang ke sembilan Hijrah, malah di sana ada peristiwa-peristiwa lain yang lebih awal yang menjadi sebab turunnya ayat-ayat ini di dalam surah ini.

Oleh sebab itulah kami akan terus mentafsirkan ayat-ayat ini selaku ayat-ayat yang menghadapi Ahlil-Kitab tanpa terikat dengan satu peristiwa khas yang berlaku pada masa kebelakangan di dalam sejarah.[1]

Tetapi ayat-ayat ini - sebagaimana telah kami terangkan dalam pendahuluan surah ini - mendedahkan pertarungan semula jadi yang berterusan di antara kelompok Muslimin dan "aqidah mereka dengan kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin serta 'aqidah-'aqidah mereka. Pertarungan ini tidak pernah reda sejak lahirnya Islam - terutama sejak kedatangannya ke Madinah dan penubuhan kerajaannya di sana iaitu satu pertarungan hebat yang disertai oleh kaum Musyrikin dan kaum Yahudi dan pertarungan ini telah dirakamkan oleh Al-Qur'an dengan rakaman yang indah dan halus.

Dan tidak menghairankan andainya setengah-setengah tokoh gereja di negeri-negeri di hujung Semenanjung Tanah Arab turut serta dalam perjuangan mereka (menentang kelompok Muslimin) dalam mana-mana bentuk. Dan tidaklah jauh dari realiti andainya beberapa orang atau kumpulan-kumpulan dari mereka datang (ke Madinah) untuk berbahas dengan Nabi s.a.w. dalam perkara-perkara yang menimbulkan perselisihan di antara 'aqidah-'aqidah mereka yang menyeleweng dengan "aqidah agama baru yang ditegakkan di atas konsep tauhid yang tulen dan jelas terutama dalam persoalan yang menyangkut sifat 'Isa a.s.

Di dalam pelajaran ini dari awal-awal lagi ditentukan persimpangan jalan di antara "aqidah tauhid yang tulen dan jelas dengan kepercayaan-kepercayaan yang penuh dengan kekeliruan-kekeliruan dan penyelewengan-penyelewengan juga diberi amaran dan ancaman terhadap mereka yang ingkarkan al-Furqan dan ayat-ayat Allah yang terkandung di dalamnya dan mengirakan mereka sebagai orang-orang kafir walaupun mereka dari Ahlil-Kitab, di samping menerangkan bagaimana keadaan orang-orang yang beriman terhadap Allah dan bagaimana sikap mereka terhadap wahyu-wahyu yang diturunkan kepada Rasul-Nya. Ini adalah satu kenyataan yang menentukan pendirian, kerana keimanan mempunyai tanda-tanda yang jelas dan kekafiran juga mempunyai tanda-tanda yang tidak dapat dikelirukan.

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ

---

[1] *Al-Ustaz Muhammad 'Izat Daruzat telah menyebut dalam bukunya yang bernilai (Sirah ar-Rasul: Sirah Rasul yang diambil dari al-Quran) katanya: "Difaham dari riwayat-riwayat bahawa rombongan ini (Nasara dari Najran) telah datang ke Madinah pada seperempat pertama tahun Hijrah". Saya tidak mengetahui riwayat manakah yang dipegang oleh beliau dalam menentukan tarikh (kedatangan mereka ini), kerana semua riwayat yang telah saya rujukkan kepadanya menentukan tahun yang ke sembilan belaka atau tidak menyebut tahun, tetapi hanya menyebut kisah rombongan Najran di samping rombongan-rombongan yang lain (dan yang dimaklumi umum tahun rombongan-rombongan itu ialah tahun yang ke sembilan).*

Ya, Ibn Kathir dalam tafsirnya telah menyebut kemungkinan kedatangan rombongan Najran itu sebelum peristiwa Hudaybiyyah dan beliau juga tidak menyebut di atas alasan apakah beliau berpegang dengan kemungkinan ini dan beliau tidak menyebut satu riwayat pun dari al-salaf sebagai sandarannya tentang kemungkinan itu.

Tetapi walau bagaimanapun kemungkinan turunnya ayat-ayat ini kerana kedatangan rombongan Najran adalah bergantung kepada kemungkinan kedatangan rombongan ini sebelum peristiwa Hudaybiyyah. Jika kemungkinan ini sah, maka sahlah pula kemungkinan itu. Ada pun jika kita berpegang dengan riwayat-riwayat yang banyak yang menentukan masa kedatangan rombongan Najran pada tahun rombongan-rombongan iaitu pada tabun yang ke sembilan, maka kami terpaksalah memisahkan ayat-ayat ini dari peristiwa yang disebutkan oleh riwayat-riwayat sebagai sebab nuzulnya.

ٱلتَّوۡرَىٰةَ وَٱلۡإِنجِيلَ ﴿٣﴾

"Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil."(3)

مِن قَبۡلُ هُدٗى لِّلنَّاسِ وَأَنزَلَ ٱلۡفُرۡقَانَۗ إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ لَهُمۡ عَذَابٞ شَدِيدٞۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٞ ذُو
ٱنتِقَامٍ ﴿٤﴾

"Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan."(4)

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ مِنۡهُ ءَايَٰتٞ مُّحۡكَمَٰتٌ
هُنَّ أُمُّ ٱلۡكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٞۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِي
قُلُوبِهِمۡ زَيۡغٞ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنۡهُ ٱبۡتِغَآءَ ٱلۡفِتۡنَةِ
وَٱبۡتِغَآءَ تَأۡوِيلِهِۦۖ وَمَا يَعۡلَمُ تَأۡوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ
فِي ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلّٞ مِّنۡ عِندِ رَبِّنَاۗ وَمَا
يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿٧﴾

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu.Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Ada pun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal."(7)

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ
وَأُوْلُواْ ٱلۡعِلۡمِ قَآئِمَۢا بِٱلۡقِسۡطِۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡعَزِيزُ
ٱلۡحَكِيمُ ﴿١٨﴾

"Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(18)

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ وَمَا ٱخۡتَلَفَ ٱلَّذِينَ
أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلۡعِلۡمُ
بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ
سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah agama Islam dan tiada orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara sesama mereka. Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."(19)

Pelajaran ini juga mengandungi ancaman dan ancaman ini jelas mengandungi sindiran yang ditujukan kepada kaum Yahudi, iaitu dalam firman Allah Ta'ala:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقۡتُلُونَ
ٱلنَّبِيِّـۧنَ بِغَيۡرِ حَقّٖ وَيَقۡتُلُونَ ٱلَّذِينَ يَأۡمُرُونَ
بِٱلۡقِسۡطِ مِنَ ٱلنَّاسِ فَبَشِّرۡهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirakanlah mereka dengan 'azab yang amat pedih."(21)

Kerana itu apabila disebut sahaja tentang pembunuhan Nabi-Nabi, maka fikiran kita secara langsung terus tertumpu kepada kaum Yahudi.

Begitu juga tegahan Allah yang terkandung di dalam ayat yang berikut:

لَّا يَتَّخِذِ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ ...

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman......."(28)

adalah ghalib-Nya dimaksudkan dengan kaum Yahudi walaupun dari segi keharusannya ia juga merangkumi kaum Musyrikin. Sehingga kepada tarikh ini setengah-setengah orang Islam masih mempunyai hubungan setia kawan dengan kerabat-kerabat mereka yang Musyrikin sebagaimana mereka mengadakan hubungan setia kawan dengan kaum Yahudi. Oleh sebab itu mereka ditegah berbuat begitu dan diberi amaran yang sekeras ini sama ada mereka bersetia kawan dengan orang-orang Yahudi atau dengan orang-orang Musyrikin, kerana Al-Qur'an menamakan seluruh mereka sebagai "orang-orang kafir" belaka.

Adalah jelas bahawa firman Allah yang berbunyi:

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ سَتُغۡلَبُونَ وَتُحۡشَرُونَ
إِلَىٰ جَهَنَّمَۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمِهَادُ ﴿١٢﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(12)

قَدْ كَانَ لَكُمْ ءَايَةٌ فِى فِئَتَيْنِ ٱلْتَقَتَا ۖ فِئَةٌ
تُقَٰتِلُ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُم
مِّثْلَيْهِمْ رَأْىَ ٱلْعَيْنِ ۚ

"Sesungguhnya bagi kamu terdapat satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka."(13)

adalah mengandungi isyarat kepada kejadian-kejadian di dalam Peperangan Badar dan ayat ini ditujukan kepada kaum Yahudi. Ini telah disebut dalam satu riwayat daripada Ibn Abbas r.a. katanya: "Apabila Rasulullah s.a.w. telah berjaya menewaskan kaum Quraysy pada hari Peperangan Badar beliau pun datang ke Madinah dan mengumpul orang-orang Yahudi lalu berkata kepada mereka: Anutilah agama Islam sebelum kamu ditimpa kekalahan yang telah menimpa kaum Quraysy. Lalu mereka berkata: Wahai Muhammad! Janganlah engkau terpedaya dengan kekuatan dirimu kerana dapat membunuh orang-orang Quraysy yang jahil yang tidak tahu berperang itu. Sebenarnya jika engkau berperang dengan kami barulah engkau tahu bahawa kami adalah orang-orang yang handal dan engkau tidak akan menemui orang-orang yang sekuat kami. Lalu turunlah ayat (yang berikut).

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ
إِلَىٰ جَهَنَّمَ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٢﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(12)

قَدْ كَانَ لَكُمْ ءَايَةٌ فِى فِئَتَيْنِ ٱلْتَقَتَا ۖ فِئَةٌ
تُقَٰتِلُ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ

"Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir."(13)

(Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Begitu juga nampak jelas dari ajaran yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. yang terkandung di dalam ayat ini:

فَإِنْ حَآجُّوكَ فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِىَ لِلَّهِ وَمَنِ
ٱتَّبَعَنِ ۗ وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْأُمِّيِّۦنَ
ءَأَسْلَمْتُمْ ۚ فَإِنْ أَسْلَمُوا۟ فَقَدِ ٱهْتَدَوا۟ ۖ وَّإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا
عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٢٠﴾

"Dan jika mereka mendebatkan engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah itu Amat Melihat para hamba-Nya."(20)

Bahawa walaupun arahan ini mengenai satu perdebatan yang timbul di masa itu, namun ia adalah suatu arahan am untuk membolehkan Nabi s.a.w. menghadapi sekalian orang yang menentangnya di dalam 'aqidah Islam.

Adalah jelas dari firman Allah Ta'ala yang berbunyi:

وَّإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ
بِٱلْعِبَادِ ﴿٢٠﴾

"Dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja. Dan Allah itu Maha Melihat para hamba-Nya."(20)

bahawa Rasulullah s.a.w. hingga ke masa itu belum lagi diperintah supaya memerangi kaum Ahlil-Kitab atau mengambil cukai jizyah dari mereka dan ini menguatkan pendapat yang kami tarjihkan bahawa ayat-ayat ini adalah diturunkan dalam masa yang awal.

Demikianlah kita dapat melihat dari tabi'at ayat-ayat ini bahawa ia merupakan satu pembicaraan am yang tidak terikat dengan satu peristiwa yang tertentu, iaitu peristiwa kedatangan rombongan Najran. Mungkin juga peristiwa ini merupakan salah satu dari peristiwa-peristiwa yang menjadi sebab diturunkan ayat-ayat ini untuk menghadapinya. Peristiwa-peristiwa itu memang banyak dan berulang-ulang di dalam pertarungan di antara Islam dengan seterunya yang ramai di Semenanjung Tanah Arab terutama kaum Yahudi Madinah.

Makna Islam

Kemudian pelajaran yang pertama ini juga mengandungi penerangan-penerangan yang jelas dan kuat tentang asas-asas pandangan dan kefahaman Islam dari segi 'aqidah di samping penerangan-penerangan yang jelas dan kuat tentang tabi'at 'aqidah ini dan kesan-kesannya di dalam realiti kehidupan, iaitu kesan-kesan yang terbit dari keimanan kepada 'aqidah ini, iaitu 'aqidah mentauhidkan Allah. Oleh sebab itulah 'aqidah ini menjadikan agama sebagai penyerahan diri kepada Allah. Dan tiada pengertian agama yang lain dari pengertian ini. Islam bererti menyerah diri, patuh,

ta'at dan mengikut, iaitu menyerah diri kepada perintah-Nya, ta'at dan patuh kepada syari'atnya, mengikut Rasul dan cara hidupnya. Oleh itu sesiapa yang tidak menyerah diri, tidak patuh dan ta'at dan tidak mengikut, maka dia bukanlah seorang Muslim yakni dia bukanlah penganut agama yang diredhai Allah, kerana Allah tidak meredhai melainkan agama Islam dan erti Islam - sebagaimana telah kami terangkan - ialah menyerah diri, patuh, ta'at dan mengikut. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya dan membuka tembelang Ahlil-Kitab yang diseru supaya menjadikan kitab Allah sebagai hakim yang mengadili pertikaian di antara mereka tiba-tiba sekumpulan dari mereka berpaling dan enggan berbuat demikian:

ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka membelakangi (kebenaran)."(23)

Al-Qur'an menganggap perbuatan enggan dan berpaling dari berhakimkan kepada kitab Allah itu sebagai bukti kekafiran yang menolak dakwaan beriman kepada Allah secara mutlak.

Pembicaraan bahagian yang kedua dari pelajaran ini adalah berlegar di sekitar hakikat yang agung ini.

Sekarang marilah kita mulai mengkaji secara terperinci ayat-ayat di dalam pelajaran ini:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Pendapat-pendapat Yang Dipilih Mengenai Huruf-huruf Potongan Di Awal Surah

الٓمٓ ﴿١﴾

Alif. Lam. Mim.(1)

Dalam mentafsirkan huruf-huruf potongan ini, iaitu Alif Lam. Mim., kami pilih pendapat, secara tarjih dan bukannya secara pasti, ketika membicarakan huruf potongan yang sama di awal Surah al-Baqarah iaitu ianya merupakan satu isyarat untuk mengingatkan manusia bahawa kitab Al-Qur'an adalah digubah dari jenis huruf-huruf potongan ini. Ia boleh digunakan oleh semua orang-orang Arab yang ditujukan kitab Al-Qur'an itu kepada mereka, namun demikian kitab Al-Qur'an tetap sebagai sebuah kitab mu'jizat yang manusia tidak mampu menggubah dan mengarang sepertinya dari huruf-huruf yang sama.

Pendapat yang kami pilih dalam mentafsirkan huruf-huruf potongan di pangkal surah-surah, secara tarjih bukannya secara pasti, adalah sesuai dengan kami untuk memahami pertalian "isyarat" ini di dalam berbagai-bagai surah. Isyarat di dalam Surah al-Baqarah adalah mengandungi cabaran yang disebut di dalam surah selepas isyarat itu iaitu.

وَإِن كُنتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا شُهَدَآءَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٣﴾

"Dan jika kamu masih dalam keraguan (terhadap Al-Qur'an) yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami, maka bawalah satu surah yang serupa dengannya dan panggillah saksi-saksi kamu selain dari Allah jika kamu benar."

(Surah al-Baqarah : 23)

Adapun isyarat di dalam Surah Aali'Imran ini maka nampaknya ia mempunyai suatu pertalian yang lain pula, iaitu kitab Al-Qur'an ini adalah diturun dari Allah yang tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Ia digubah dari huruf-huruf dan kalimah-kalimah yang sama dengan cara penggubahan kitab-kitab samawi sebelumnya yang diakui oleh Ahlil-Kitab yang ditujukan kepada mereka ayat-ayat di dalam surah ini. Oleh itu di sana tidak ada suatu keganjilan bahawa Allah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada Rasul-Nya dengan bentuk yang seperti ini.

* * * * * *

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ﴿٢﴾
نَزَّلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ ﴿٣﴾
مِن قَبْلُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَأَنزَلَ ٱلْفُرْقَانَ ۗ إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٤﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَىْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ ﴿٥﴾
هُوَ ٱلَّذِي يُصَوِّرُكُمْ فِي ٱلْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٦﴾
هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ ۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ ۖ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُولُوا ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٧﴾

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٩﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir(2). Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran, yang membenarkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil(3). Sebelum ini, untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat. Dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan(4). Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatu apa pun di bumi dan tidak pula di langit(5). Dialah yang membentuk rupa kamu di dalam rahim mengikut bagaimana yang dikehendakinya. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(6). Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka, dan tiada yang meng-ambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal(7). Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia(8). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(9)

Demikianlah surah ini memulakan pembicaraannya dengan menghadapi Ahlil-Kitab yang ingkarkan kerasulan Nabi s.a.w., sedangkan mereka selaku orang-orang yang cukup arif tentang Nabi-Nabi, rasul-rasul, kitab-kitab suci dan wahyu dari Allah adalah sepatutnya menjadi orang-orang yang pertama mengakui kebenarannya dan menjadi pelopor orang-orang yang menganut Islam andainya persoalan ini merupakan persoalan pengakuan yang berdasarkan hujah dan dalil.

Demikianlah surah ini memulakan pembicaraannya dengan menghadapi Ahlil-Kitab dengan ayat-ayat yang tegas dan pemutus dalam persoalan kekeliruan yang paling besar yang berkecamuk di dalam hati mereka atau kekeliruan-kekeliruan yang sengaja ditabur oleh mereka di dalam hati kaum Muslimin. Ayat-ayat itu mendedahkan segala pintu dan lorong kekeliruan di dalam hati. Ia menentukan pendirian orang-orang Mu'min yang sebenar terhadap ayat-ayat Allah dan pendirian orang-orang yang sesat dan menyeleweng. Ia menggambarkan keadaan para Mu'minin dengan Tuhan mereka dan bagaimana mereka sentiasa mencari perlindungan dan berdo'a kepada-Nya dan bagaimana mereka mengenal sifat-sifat-Nya.

(Pentafsiran ayat 2)

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

Gambaran Tauhid Yang Tulen

Tauhid yang tulen dan jelas ini merupakan persimpangan jalan di antara 'aqidah seseorang dengan seluruh ''aqidah yang lain darinya. Di antaranya ialah 'aqidah kaum Mulhidin/Atheis dan kaum Musyrikin dan 'aqidah-'aqidah kaum Ahlil-Kitab yang sesat dan menyeleweng, iaitu kaum Yahudi atau kaum Nasara dari berbagai-bagai mazhab dan puak. Ia juga merupakan persimpangan jalan di antara hidup seorang Muslim dengan hidup seluruh penganut agama yang lain di muka bumi ini, kerana 'aqidah tauhid yang dijelaskan di sini menentukan sistem hidup dan peraturan-peraturannya dengan lengkap dan terperinci.

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia."(2)

Oleh itu tiada sebarang sekutu bagi Allah dalam sifat Uluhiyah.

الْحَيُّ

"Yang Maha Hidup."(2)

Yakni yang bersifat dengan hakikat hidup yang zati, yang bebas dari segala kaitan. Oleh itu tiada sebarang sekutu bagi Allah di dalam sifatnya.

الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Yang Maha Pentadbir."(2)

Yakni tiada yang hidup dan tiada yang maujud melainkan semuanya bergantung kepada-Nya. Dialah juga yang mentadbir dan mengendalikan segala yang hidup dan segala yang maujud. Oleh itu setiap yang hidup dan setiap yang maujud tidak mungkin wujud dan berdiri di alam buana ini melainkan dengan qudrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Inilah persimpangan jalan kefahaman dan kepercayaan, juga persimpangan jalan hidup dan perilaku.

Ia merupakan persimpangan jalan kefahaman dan kepercayaan yang membezakan di antara keesaan Allah dengan sifat Uluhiyah dan kepercayaan-kepercayaan karut jahiliyah (yang mensyirikkan Allah)

sama ada kepercayaan-kepercayaan karut yang terdapat dalam pemikiran-pemikiran kaum Musyrikin pada zaman itu di Semenanjung Tanah Arab atau kepercayaan-kepercayaan karut yang terdapat dalam pemikiran-pemikiran kaum Yahudi dan Nasara terutama pemikiran-pemikiran kaum Nasara.

Penyelewengan 'Aqidah Kaum Yahudi

Al-Qur'an telah menceritakan kepercayaan karut kaum Yahudi yang mendakwa bahawa 'Uzayr anak Allah. Sebagaimana penyelewengan yang dirakamkan oleh apa yang dikatakan oleh kaum Yahudi sebagai "kitab suci" adalah mengandungi sedikit sebanyak dakwaan yang seperti itu. Sebagaimana tersebut di dalam Kitab Kejadian (Genesis) bab yang keenam.[2]

Penyelewengan Kristian

Ada pun penyelewengan-penyelewengan 'aqidah Kristian, maka Al-Qur'an telah menceritakan sebahagian darinya. Di antaranya ialah dakwaan mereka bahawa Allah ialah yang ketiga dari tiga dan dakwaan mereka bahawa Allah itu ialah al-Masih Putera Maryam. Mereka telah mengambil al-Masih dan ibunya selaku dua tuhan yang lain dari Allah juga mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah.

Di dalam buku "Da'wah Kepada Islam[3]" karangan Sir Thomas Walker Arnold terdapat sedikit huraian mengenai kefahaman-kefahaman ini:

Perselisihan Tentang Tabi'at 'Isa

"Seratus tahun sebelum penaklukan Islam, Seri-maharaja Jastinian (482 - 565) telah berjaya menyatupadukan Empayar Rom, tetapi empayar itu dengan segera pecah sebaik sahaja baginda mangkat. Ia berada dalam keadaan yang amat memerlukan kepada wujudnya perasaan kesedaran kebangsaan rakyatnya yang dapat mengikatkan wilayah-wilayahnya dengan kerajaan yang ada. Adapun Serimaharaja Heraclius (610-641) pula telah berusaha untuk mengikatkan kembali Negeri Syam dengan Kerajaan Pusat. Tetapi usaha itu tidak pernah mendapat kejayaan yang sempurna, malah saranan-saranan umum yang digunakan oleh baginda untuk tujuan merapatkan hubungan itu, malangnya telah membawa kepada menambahkan lagi perpecahan itu bukannya menghapuskannya. Oleh sebab di sana tidak ada perasaan kesedaran yang dapat menggantikan perasaan kesedaran kebangsaan selain dari perasaan keagamaan, maka baginda telah berusaha mentafsirkan "aqidah dengan satu pentafsiran yang dapat membantu menenteramkan hati rakyat dan merentikan pertelagahan-pertelagahan yang mungkin berlaku di antara puak-puak yang bermusuh-musuhan itu juga dapat membantu untuk menyatupadukan di antara penentang-penentang agama dengan gereja Ortodoks dan di antara mereka dengan Kerajaan Pusat. Dewan paderi Khalqiduniyah telah mengumumkan pada tahun 451 Miladiyah bahawa al-Masih ('Isa) seharusnya diakui bahawa beliau melambangkan dua tabi'at iaitu tabi'at lahutiyah (ketuhanan) dan tabi'at nasutiyah (kemanusiaan) yang tidak bercampur di antara keduanya, tidak berubah, tidak berbelah-bahagi dan tidak terpisah, dan tidak boleh dinafikan perbezaan keduanya dengan sebab persatuan keduanya, malah yang lebih wajar setiap tabi'at dari dua tabi'at itu masing-masing memelihara ciri-cirinya dan berkumpul dalam satu uqnum dan satu jasad bukannya berbelah bagi atau terpisah dalam dua uqnum, malah terkumpul dalam satu uqnum sahaja iaitu anak, Allah dan kalimat. Para pengikut mazhab Ya'kubiyah telah menolak keputusan dewan paderi ini. Mereka mengakui bahawa al-Masih itu hanya mempunyai satu tabi'at sahaja, mereka mendakwa bahawa al-Masih itu adalah campuran uqnum-uqnum yang mempunyai segala sifat-sifat ketuhanan dan kemanusiaan, tetapi bahan yang menanggung sifat-sifat ini tidak lagi dua, malah telah menjadi satu kesatuan (unit) yang tersusun dari uqnum-uqnum. Perdebatan telah berlarut-larut hebat hampir dua abad di antara puak Ortodoks dengan puak Ya'kubiyah (Jacobites) yang telah berkembang dengan cemerlang terutama di Mesir, Syam dan negeri-negeri luar lingkungan empayar Byzantine, iaitu semasa Serimaharaja Heraclius berusaha untuk mendamaikan pertelingkahan itu dengan perantaraan mazhab yang mengemukakan pendapat bahawa al-Masih mempunyai satu masyi'ah atau iradat. Ketika kita dapati mazhab ini mengakui dua tabi'at pada al-Masih, tiba-tiba ia berpegang pula dengan i'tiqad kesatuan uqnum-uqnum dalam hidup al-Masih secara manusia, iaitu dengan mengingkarkan kewujudan dua jenis hidup dalam uqnum yang tunggal. Oleh itu al-Masih yang tunggal yang menjadi anak Allah merealisasikan aspek kemanusiaan dan aspek ketuhanan dengan kekuatan Ilahiyah insaniyah yang tunggal. Ini bererti di sana tidak ada iradat yang lain kecuali iradat yang tunggal dalam kalimat yang berlembaga (al-Masih), tetapi Heraclius telah menemui nasib kegagalan yang sama yang diterima oleh segolongan terbesar dari mereka yang menaruh harapan untuk menegakkan asas-asas keamanan dan kesejahteraan. Ini disebabkan kerana perdebatan itu bukan sahaja tercetus sekali lagi dalam bentuk yang lebih hebat, malah Heraclius sendiri telah dicapkan sebagai Mulhidin / Atheis dan

---

[2] *Ayat-ayat: Apabila manusia mulai bertambah ramai di muka bumi dan melahirkan anak-anak perempuan, maka putera-putera tuhan melihat anak-anak perempuan manusia itu cantik-cantik belaka lalu mereka mengambil mereka sebagai isteri mereka seberapa banyak yang mereka sukai. Kemudian tuhan berkata: Rohku tidak tunduk buat selama-lamanya pada manusia kerana ia sesat. Lama masa hidupnya ialah seratus dua puluh tahun. Pada masa itu di bumi terdapat raksasa-raksasa yang zalim. Begitu juga selepas masa itu apabila putera-putera tuhan membuat hubungan kelamin dengan anak-anak perempuan manusia dan melahirkan putera-putera. Merekalah raksasa-raksasa yang zalim zaman dahulu selaku manusia-manusia yang terkenal.*

[3] *Terjemahan dari karangan asal "The Preaching of Islam: A History of the Propagation of Muslim Faith"(1913), yang telah diterjemahkan oleh Dr. Ibrahim Hassan dan saudaranya.*

menjadi sasaran kemarahan dari kedua-dua belah puak itu."

Seorang pengkaji Kristian yang lain pula iaitu Cannon Taylor telah menyifatkan keadaan kaum Nasara Timur ketika kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. begini: "Orang ramai di masa itu sebenarnya menganut kepercayaan syirik. Mereka menyembah sekumpulan syuhada', wali-wali dan malaikat-malaikat."[4]

Penyelewengan Kaum Musyrikin

Adapun penyelewengan-penyelewengan 'aqidah kaum Musyrikin maka ia telah diceritakan oleh Al-Qur'an. Mereka menyembah jin, malaikat, matahari, bulan dan berhala-berhala. Sekurang-kurang "aqidah mereka yang sesat ialah "aqidah mereka yang mengatakan tentang tuhan-tuhan itu "kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka dapat mendekatkan kami kepada Allah."

Di hadapan timbunan kepercayaan-kepercayaan yang karut dan sesat yang telah kami sebut secara sepintas lalu inilah datangnya agama Islam - dalam surah ini - untuk mengumumkan 'aqidah yang betul dengan jelas dan tegas.

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

'Aqidah Yang Betul

Itulah persimpangan jalan di dalam kefahaman dan kepercayaan. Juga persimpangan jalan di dalam kehidupan dan perilaku.

Seseorang yang mempunyai kesedaran yang penuh terhadap kewujudan Allah Yang Maha Esa yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, Allah yang hidup, Yang Maha Tunggal. Tiada yang hidup dengan sebenar-benar hidup melainkan hanya Dia. Allah Pentadbir Yang Maha Esa, yang mana segala yang hidup dan segala yang wujud adalah bergantung kepada pentadbiran-Nya dan Dialah yang mentadbir dan mengendalikan segala yang hidup dan segala yang maujud.

Seseorang yang mempunyai kesedaran yang penuh terhadap kewujudan Allah Yang Maha Esa yang mempunyai sifat-sifat seperti ini pastilah mempunyai cara dan peraturan hidup yang berbeza - dari segi asasnya lagi - dari orang yang mempunyai hati yang diselubungi dengan kefahaman dan pandangan sesat yang karut-marut itu. Kerana itu ia tidak mendapati di dalam hati nuraninya sebarang kesan hakikat ketuhanan yang aktif yang mengendali dan mentadbirkan dalam kehidupannya.

Dengan pegangan tauhid yang jelas dan bersih ini, maka tiada tempat bagi 'Ubudiyah melainkan 'Ubudiyah kepada Allah sahaja, tiada sumber mengambil dan menerima perintah dan arahan melainkan dari Allah sahaja sama ada dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan undang-undang, atau peraturan-peraturan atau mengenai peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak atau mengenai urusan ekonomi dan sosial. Juga tiada tempat tawajjuh kepada yang lain dari Allah di dalam mana-mana urusan kehidupan dunia dan Akhirat. Adapun di dalam kepercayaan-kepercayaan yang sesat, menyeleweng, goyah dan samar-samar, maka di sana tidak ada haluan dan tujuan, tidak ada kemantapan dan kestabilan, tidak ada batas halal atau haram, tidak ada garis betul atau salah sama ada di dalam undang-undang atau peraturan, peradaban-peradaban atau akhlak-akhlak, mu'amalat atau perilaku. Semua perkara ini akan mendapat garis-garis yang terang dan jelas - apabila sumber penerimaan perintah, haluan bertawajjuh, dan tempat memberi keta'atan, konsep 'Ubudiyah dan penyerahan diri itu terang dan jelas.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menghadapi perkara-perkara ini dengan penuh ketegasan di persimpangan jalan lagi:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

Dan dari sinilah lahirnya titik perbezaan dan keunikan tabi'at kehidupan Islamiyah - bukannya perbezaan dan keunikan dari segi i'tiqad sahaja - kerana kehidupan Islamiyah dengan segala asas dan terasnya adalah terbit dari hakikat kefahaman dan kepercayaan Islam terhadap 'aqidah tauhid yang tulen dan tegas ini, dan 'aqidah tauhid ini tidak dianggap sebagai 'aqidah yang tertanam teguh di hati nurani selagi tidak diikuti oleh kesan-kesan amali di dalam kehidupan seperti menerima undang-undang dan peraturan dari Allah di dalam segala urusan kehidupan dan bertawajjuh kepada Allah dalam segala kegiatan dan tujuan.

Kesatuan Sumber

Selepas memberi penjelasan yang tegas di persimpangan jalan iaitu dengan mengisytiharkan "aqidah Wahdaniyah yang mutlak bagi zat Allah dan sifat-sifat-Nya, maka dibentangkan pula pembicaraan mengenai Wahdaniyah atau keesaan pihak dan sumber yang menurunkan agama-agama, kitab-kitab suci dan risalah-risalah yakni keesaan sumber yang menurunkan sistem hidup yang mengendalikan kehidupan manusia dalam segala generasi.

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 4)

نَزَّلَ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ مُصَدِّقٗا لِّمَا بَيۡنَ يَدَيۡهِ وَأَنزَلَ

[4] *Dari sumber yang sama.*

ٱلتَّوۡرَىٰةَ وَٱلۡإِنجِيلَ ۝٣ مِن قَبۡلُ هُدٗى لِّلنَّاسِ وَأَنزَلَ ٱلۡفُرۡقَانَۗ إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ لَهُمۡ عَذَابٞ شَدِيدٞۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٞ ذُو ٱنتِقَامٍ ۝٤

"Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil(3). Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan."(4)

Bahagian pertama ayat-ayat ini mengandungi beberapa hakikat asasi mengenai kefahaman kepercayaan, juga mengandungi jawapan terhadap Ahlil-Kitab dan lainnya dari golongan-golongan yang menolak kerasulan Muhammad s.a.w. dan kesahihan kitab Al-Qur'an yang telah dibawa oleh beliau dari sisi Allah.

Ia menjelaskan keesaan dan kesatuan sumber yang menurunkan kitab-kitab suci kepada para Rasul iaitu Allah Yang Maha Esa yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia Yang Maha hidup dan Maha Pentadbir itulah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepadamu Wahai Muhammad, sebagaimana Dia telah menurunkan at-Taurat kepada Musa a.s. dan al-Injil kepada 'Isa a.s. sebelum ini. Di sini jelaslah tiada campuraduk di antara Uluhiyah dan 'Ubudiyah. Di sana hanya Allah Yang Maha Esa sahaja yang telah menurunkan kitab-kitab suci kepada para hamba pilihan-Nya dan di sana terdapat hamba-hamba yang telah menerima kitab-kitab itu dan mereka adalah hamba-hamba bagi Allah walaupun mereka berpangkat Nabi dan Rasul.

Ia menjelaskan persamaan dan kesatuan agama, persamaan dan kesatuan kebenaran al-Haq yang dikandungi oleh kitab-kitab suci yang diturunkan dari Allah. Dan kitab Al-Qur'an ini telah diturunkan kepadamu Wahai Muhammad dengan membawa kebenaran dan ia membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya seperti at-Taurat dan al-Injil dan seluruh kitab ini menuju kepada satu matlamat iaitu:

هُدٗى لِّلنَّاسِ

"Untuk menjadi hidayat kepada manusia."(4)

dan kitab suci yang baru ini adalah kitab al-Furqan, iaitu kitab yang membeza dan memisahkan di antara kebenaran yang terkandung dalam kitab-kitab suci yang diturunkan Allah dengan kesesatan-kesesatan, penyelewengan-penyelewengan dan kekeliruan-kekeliruan yang dihubungkan kepada kitab-kitab itu kerana pengaruh hawa nafsu dan arus-arus pemikiran dan politik (yang telah kita lihat sebahagian dari contohnya yang kita telah nukilkan dari seorang pengarang Kristian iaitu Sir. T. W. Arnold dalam bukunya).

Ia menjelaskan secara tidak langsung bahawa di sana tidak ada sebab bagi Ahlil-Kitab mendustakan risalah baru (yang dibawa oleh Muhammad s.a.w.) kerana perjalanan risalah ini sama dengan perjalanan risalah-risalah yang lain sebelumnya dan kitab suci risalah ini diturunkan membawa kebenaran yang sama dengan kitab-kitab suci yang diturun sebelum ini iaitu diturunkan kepada seorang rasul dari bangsa manusia sebagaimana kitab-kitab suci sebelumnya diturunkan kepada rasul-rasul dari bangsa manusia juga. Ia mengesahkan kitab-kitab Allah yang lain yang diturunkan sebelumnya yang mengandungi pengajaran-pengajaran yang dikandung oleh kitab-kitab suci sebelumnya. Ia diturun oleh Allah yang memiliki kuasa menurunkan kitab-kitab suci yakni ia diturunkan dari sumber yang mempunyai hak meletakkan sistem hidup untuk manusia, membina kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman keimanan mereka dan mengatur undang-undang, peraturan-peraturan, garis-garis akhlak dan peradaban-peradaban untuk mereka di dalam kitab yang diturunkan kepada Rasul-Nya itu.

Kemudian bahagian yang kedua ayat ini mengandungi ancaman yang ngeri kepada orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan ia menunjukkan kepada mereka kekuasaan, kekuatan dan kedahsyatan 'azab keseksaan-Nya kerana orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah itulah orang-orang yang mendustakan agama yang sama pada keseluruhannya ini. Kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari kitab Allah yang betul yang diturunkan kepada mereka sebelum ini - hingga penyelewengan itu telah mendorong mereka kepada mendustakan kitab suci yang baru yang begitu jelas membezakan di antara yang benar dan yang bathil itu - merupakan orang-orang yang pertama yang dimaksudkan di sini sebagai orang-orang kafir. Merekalah orang-orang yang mula-mula ditujukan ancaman dengan 'azab Allah yang ngeri dan keseksaan-Nya yang dahsyat ini serta pembalasan yang berat.

Sehubungan dengan ancaman 'azab dan balasan, Al-Qur'an menekankan kepada mereka tentang kesyumulan ilmu Allah yang tiada suatu pun yang terluput, tersembunyi dan terlepas darinya:

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَخۡفَىٰ عَلَيۡهِ شَيۡءٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ ۝٥

"Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatu apapun di bumi dan tidak pula di langit."(5)

Ilmu Allah

Penekanan tentang ilmu Allah yang mutlak yang tiada suatu pun yang tersembunyi darinya dan

mengithbatkan sifat ini kepada Allah di maqam ini adalah sesuai dengan prinsip-prinsip Wahdaniyah / Keesaan Uluhiyah dan Qiwamah/Pentadbiran Ilahi yang dijadikan pembukaan rangkaian ayat-ayat ini di samping sesuai dengan ancaman yang ngeri di dalam ayat yang telah lepas. Oleh itu tiada "suatu" pun yang akan terlepas dari ilmu Allah sama ada di bumi atau di langit dengan kesyumulan dan keumuman pengertiannya yang seperti ini dan kini jelaslah bahawa tidak akan mungkin sekali-kali disembunyikan segala niat-niat dan tipu daya yang jahat dari ilmu Allah begitu juga tidak akan mungkin sekali-kali seseorang dapat menghindarkan diri dari balasan Allah yang halus dan melarikan dirinya dari liputan ilmu Allah Yang Maha Seni dan Maha Mendalam.

Kemudian di bawah bayangan ilmu Allah Yang Maha Seni dan Syumul yang tiada suatu pun sama ada di bumi atau di langit yang tersembunyi dari liputannya, Al-Qur'an menyentuh perasaan-perasaan manusia dengan sentuhan yang lemah-lembut dan mendalam mengenai asal kelahiran kejadian manusia yang majhul yang berlaku di dalam kegelapan alam ghaib dan kegelapan alam rahim, di mana manusia tidak mempunyai sebarang ilmu, sebarang qudrat dan sebarang kefahaman:

هُوَ ٱلَّذِى يُصَوِّرُكُمْ فِى ٱلْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا
هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٦﴾

"Dialah yang membentuk rupa kamu di dalam rahim mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(6)

Allah Yang Menciptakan Rupa Bentuk Di Dalam Rahim

Demikianlah Allah membentuk rupa kamu, iaitu mengurniakan rupa bentuk yang dikehendaki-Nya kepada kamu dan mengurniakan ciri-ciri yang membezakan kepada setiap rupa bentuk itu. Dialah sahaja yang mengendalikan pembentukan rupa itu dengan iradat dan kehendak-Nya yang bebas dan mutlak mengikut bagaimana yang disukai-Nya.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٦﴾

"Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(6)

Yakni Dia mempunyai qudrat dan kekuatan untuk mencipta dan menentukan bentuk rupa dan mentadbirkan dengan kebijaksanaan-Nya segala urusan penentuan bentuk rupa dan mencipta tanpa ditegur oleh sebarang pengkritik dan tanpa dibantu oleh sebarang sekutu.

Di dalam sentuhan ini terdapat penjelasan terhadap kekeliruan-kekeliruan kaum Nasara mengenai asal kejadian 'Isa a.s. dan kelahirannya iaitu Allahlah yang telah membentuk rupa paras ''Isa mengikut potongan yang dikehendaki oleh-Nya bukannya 'Isa yang menjadi Tuhan atau bukannya dia yang menjadi Allah atau anak Allah atau menjadi uqnum lahut/ketuhanan dan nasut/kemanusiaan dan sebagainya dari kepercayaan-kepercayaan yang sesat, kabur dan bertentangan dengan konsep tauhid yang bersih, jelas, mudah difaham dan senang ditanggap.

Selepas itu Al-Qur'an mendedahkan tembelang golongan yang mempunyai hati yang cenderung ke arah kesesatan, iaitu mereka yang sengaja meninggalkan hakikat-hakikat yang jelas dan muktamad yang terkandung di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang muhkamah dan mengikut ayat-ayat yang boleh dibuat ta'wilan dengan tujuan untuk mewujudkan kekeliruan-kekeliruan di sekitarnya. Di samping itu Al-Qur'an menggambarkan pula sifat-sifat para Mu'minin yang sebenar dan keimanan mereka yang tulen dan bagaimana mereka menyerahkan diri mereka kepada Allah dalam segala perintah dan penerangan yang datang dari Allah tanpa sebarang bantahan.

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Ayat-ayat Muhkamah Dan Ayat-ayat Mutasyabihah

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ
هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ ۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى
قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ
وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ ۗ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ
فِى ٱلْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ۗ وَمَا
يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٧﴾
رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ
رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴿٨﴾
رَبَّنَآ إِنَّكَ جَامِعُ ٱلنَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا
يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٩﴾

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu.Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: 'Kami beriman kepadanya (ayat-ayat mutasyabihah). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal(7). Wahai

Tuhan kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah Engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia (8). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji-janji."(9)

Menurut riwayat bahawa orang-orang Nasara dari Najran telah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Tidakkah anda berkata tentang al-Masih bahawa dia adalah kalimah Allah dan rohnya?" Tujuan mereka ialah hendak menggunakan ungkapan ini sebagai alat untuk menegakkan kepercayaan mereka tentang 'Isa a.s. bahawa dia bukannya dari jenis manusia. Malah dia adalah ruh Allah - mengikut apa yang difahamkan mereka dari ungkapan ini - sedangkan mereka meninggalkan ayat-ayat yang jelas dan muhkamah yang menjelaskan prinsip Wahdaniyah Allah yang mutlak dan menolak sekutu dan anak dalam segala rupa bentuknya. Lalu turunlah ayat ini mendedahkan percubaan mereka yang mahu menggunakan ayat-ayat majaziyah/metafora yang bergambar dan meninggalkan ayat-ayat yang tegas dan jelas.

Tetapi nas ayat ini lebih umum dari peristiwa itu lagi. Ia menggambarkan pendirian manusia yang berbelah-bahagi terhadap kitab Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada Nabi-Nya s.a.w. yang mengandungi hakikat-hakikat kefahaman keimanan dan sistem kehidupan Islamiyah. Ia juga mengandungi perkara-perkara ghaib yang tidak dapat difahami oleh akal manusia dengan wasilah-wasilah dan alat-alat yang ada pada mereka. Dan tidak ada ruang bagi mereka untuk memahami perkara-perkara itu lebih banyak dari apa yang diberikan oleh nas-nas itu sendiri.

Adapun ayat-ayat yang menerangkan prinsip-prinsip 'aqidah dan syari'at yang halus, maka ia dapat difahami dan dimengerti tujuan-tujuannya dan maksud-maksudnya dengan jelas dan muktamad, dan ayat-ayat inilah yang menjadi induk kitab suci Al-Qur'an. Adapun ayat-ayat yang menerangkan perkara-perkara sam'iyat dan perkara ghaib termasuk kejadian 'Isa a.s. dan kelahirannya, maka ia datang sekadar untuk difahami maksud-maksud yang dekat serta mempercayainya kerana ia terbit dari Allah selaku sumber yang benar. Dan ia sukar untuk difahami hakikat-hakikat dan kaifiyat-kaifiyatnya kerana kedudukan perkara-perkara ini mengatasi daya-daya kefahaman manusia yang terbatas.

Di sinilah manusia berbeza - mengikut kelurusan atau kesesatan fitrah mereka masing-masing - dalam menerima dan menyambut ayat-ayat Al-Qur'an itu. Bagi mereka yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan dan penyelewengan dari fitrah yang lurus, maka mereka meninggalkan ayat-ayat muhkamah yang menerangkan prinsip yang jelas dan halus yang menjadi asas 'aqidah, syari'at dan peraturan amali bagi kehidupan Islamiyah dan berkejar di belakang ayat-ayat mutasyabihah yang ditegakkan kebenarannya di atas keimanan kepada Allah selaku sumber yang menurunkannya yang mengetahui segala yang benar, sedangkan daya kefahaman manusia terhadapnya amat terbatas. Ia juga ditegakkan di atas kelurusan fitrah manusia yang dapat memahami secara langsung kebenaran seluruh kandungaan kitab Al-Qur'an dan memahami bahawa ia diturunkan dengan membawa kebenaran tanpa sebarang kebathilan dan kepalsuan dari mana-mana sudut sekalipun. Mereka berkejar di belakang ayat-ayat yang mutasyabihah kerana di dalam ayat-ayat ini mereka mendapat ruang-ruang untuk menabur fitnah dengan mengadakan ta'wilan-ta'wilan yang menggoncangkan 'aqidah dan menimbulkan perselisihan-perselisihan akibat kekacauan fikiran kerana memasuki bidang yang tidak dapat ditafsirkan dengan ta'wilan-ta'wilan dari daya fikiran.

وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ

"Dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah."

Tetapi bagi orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh dan mendalam - iaitu orang-orang yang ilmu pengetahuannya dapat memahami bidang-bidang akal dan tabi'at fikiran manusia dan memahami batas-batas bidang yang dapat diterokai akal manusia dengan alat-alat yang ada pada mereka - maka mereka berkata dengan penuh ketenangan dan keyakinan:

ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ۗ

"Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah) semuanya dari sisi Tuhan kami belaka."

Sikap Ahli Ilmu Yang Matang

Ketenangan ini adalah didorong oleh keyakinan bahawa ayat-ayat yang mutasyabihah itu adalah dari Allah dan oleh itu jelaslah bahawa ayat-ayat itu adalah tetap benar dan segala apa yang dijelaskan Allah adalah tetap benar dan bukanlah dari tugas akal manusia dan bukan pula dalam lingkungan daya kemampuan akal manusia untuk mengkaji segala punca-punca dan sebab-sebabnya, dan bukan pula dalam lingkungan keupayaan mereka untuk memahami hakikat dan tabi'at sebab yang tersembunyi di sebaliknya.

Orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh dan mendalam dari awal-awal lagi yakin kepada kebenaran yang disampaikan kepada mereka dari Allah. Mereka yakin kepadanya dengan fitrah mereka yang benar dan bersambung dengan Allah. Kemudian mereka tidak menyimpan apa-apa keraguan di dalam akal mereka kerana mereka sedar bahawa di antara hakikat ilmu ialah menahan akal dari memikirkan perkara-perkara yang di luar bidang ilmu manusia dan perkara-perkara yang tidak membolehkan akal mengetahuinya dengan menggunakan wasilah dan alat-alat yang ada pada mereka.

Inilah pandangan yang benar dari orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh dan mendalam, kerana tiada orang yang gemar berlagak angkuh dan suka mengingkar melainkan orang-orang yang mempunyai ilmu yang cetek yang terpesona dengan kulit-kulit luar ilmu. Mereka menyangka diri mereka memahami segala sesuatu dan sesuatu yang tidak difahami mereka adalah dianggap tidak wujud, atau mereka memaksakan kefahaman mereka di atas segala hakikat. Oleh kerana itu mereka tidak membenarkan hakikat-hakikat itu wujud kecuali dalam bentuk yang difahami olehnya. Mereka bertindak menyesuaikan kalam Allah dengan pendapat-pendapat akal mereka, yang dihasilkan oleh akal fikiran mereka yang terbatas. Adapun ahli-ahli ilmu yang benar maka sikap mereka banyak merendahkan diri dan lebih bersedia menerima hakikat kelemahan akal manusia dari memahami hakikat-hakikat yang lebih besar dari daya kemampuannya dan mengatasi keupayaannya. Begitu juga mereka mempunyai fitrah yang amat jujur dan benar, yang sentiasa berhubung dengan kebenaran dan yakin kepadanya.

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلْأَلْبَٰبِ ۝٧

"Dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal."(7)

Seolah-olah, tiada hubungan di antara orang-orang yang berakal dengan usaha memahami kebenaran itu melainkan ialah keinginan mengambil pengajaran dan di waktu itu kebenaran yang tertanam di dalam fitrah mereka yang bersambung dengan Allah itu akan bergerak, muncul dan mengambil tempat yang teguh di dalam akal mereka.

Ketika itu lidah dan hati mereka akan berdo'a memohon dengan penuh khusyu' agar Allah meneguhkan pendirian mereka di atas kebenaran dan tidak membiarkan hati mereka menjadi sesat setelah mendapat hidayat serta melimpahkan rahmat dan kemurahan anugerah-Nya ke atas mereka. Mereka mengingati hari perhimpunan agung iaitu hari Qiamat yang tidak syak lagi akan berlaku dan hari perjanjian yang tidak akan dimungkiri:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ۝٨ رَبَّنَآ إِنَّكَ جَامِعُ ٱلنَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ۝٩

"Wahai Tuhan Kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah Engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia(8). Wahai Tuhan Kami! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(9)

Inilah keadaan dan sikap orang-orang yang mempunyai ilmu yang kukuh dan mendalam terhadap Allah. Itulah keadaan dan sikap yang sesuai dengan keimanan yang tercetus dari keyakinan kepada firman Allah dan janji-Nya kepada kalimah Allah dan kepada perjanjian-Nya, juga keimanan yang tercetus dari ma'rifat terhadap rahmat dan limpah kurnia Allah. Namun demikian perasaan bimbang (tetap wujud) terhadap keputusan qadha' dan qadar Allah yang ghaib. Perasaan taqwa, peka dan hati-hati yang diterapkan oleh keimanan ke dalam hati orang-orang yang beriman (tetap segar dan aktif). Oleh sebab itulah mereka tidak lalai, tidak tertipu dan tidak lupa siang dan malam.

Perasaan Bimbang Kembali Sesat

Hati yang Mu'min amat menyedari nilai mendapat hidayat selepas dilamun kesesatan, nilai penglihatan yang terang setelah (terseksa dengan penglihatan) yang rabun, nilai menemui jalan yang lurus setelah mengalami kebingungan dalam perjalanan, nilai keyakinan kepada kebenaran setelah sekian lama terumbang-ambing, nilai bebas dari perhambaan kepada sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah Yang Maha Esa, nilai mempunyai minat dan cita-cita yang tinggi dan besar selepas leka dengan minat dan cita-cita kecil dan rendah. Hati yang Mu'min menyedari bahawa Allah telah mengurniakan semua bekalan ini dengan sebab keimanan. Oleh sebab itu ia merasa bimbang dan takut kembali kepada kesesatan sebagaimana orang yang sedang berjalan di jalan yang lurus dan terang takut kembali meraba-raba di jalan yang berliku-liku dan gelap-gelita, dan sebagaimana orang yang sedang meni'mati keteduhan naungan bayang yang lembut bimbang dan takut kembali diselar oleh pancaran cahaya tengahari yang panas terik. Dalam senyuman iman terdapat kemanisan yang tidak dapat difahami melainkan oleh orang yang pernah mengecapi ketandusan, kekeringan dan keseksaan jiwa yang pahit kerana mengingkarkan Tuhan. Dalam ketenangan iman terdapat kemanisan yang tidak dapat dini'mati melainkan oleh orang yang pernah merasa kemeranaan batin kerana kesesatan.

Oleh sebab itulah para Mu'minin bertawajjuh kepada Allah mengangkatkan do'a yang khusyu'.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا

"Wahai Tuhan Kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah Engkau memberi hidayat kepada kami."

Mereka memohon rahmat Allah yang telah menolong mereka dengan ni'mat hidayat setelah mereka bergelimang di dalam kesesatan dan setelah mengurniakan kepada mereka rahmat yang tiada tolok bandingannya ini:

وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴿٨﴾

"Dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia."(8)

Mereka sedar dengan ilham dari keimanan mereka bahawa mereka tidak berupaya memperolehi sesuatu melainkan dengan limpah kurnia dan rahmat dari Allah dan mereka tidak dapat menguasai hati mereka kerana ia berada dalam genggaman tangan qudrat Allah. Oleh sebab itulah mereka berdo'a kepada Allah agar Ia memberi pertolongan, kejayaan dan keselamatan kepada mereka.

Daripada 'Aisyah r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. seringkali berdo'a dengan do'a ini:

يا مقلب القلوب ثبت قلبي على دينك

"Wahai Tuhan yang mengubahkan hati, teguhkan hatiku di atas agama-Mu."

Lalu aku bertanya: "Wahai Rasulullah! Alangkah banyaknya anda berdo'a dengan do'a ini" maka jawab beliau:

ليس من قلب إلا وهو بين أصبعين من أصابع الرحمن. إذا شاء أن يقيمه أقامه، وإن شاء ان يزيغه أزاغه.

"Tiada hati melainkan semuanya berada di antara dua jari dari jari-jari Allah Yang Maha Penyayang. Jika Dia kehendaki membetulkannya Dia betulkannya dan jika Dia kehendaki menyesatkannya Dia sesatkannya."

Apabila hati yang Mu'min menyedari kesan masyi'ah Allah yang seperti ini, maka ia tidak mempunyai pilihan selain dari menambatkan dirinya pada tiang Allah dengan segala kesungguhan hati, dan berlindung di bawah naungan-Nya dengan penuh tekad dan bertawajjuh kepada-Nya, memohon limpah rahmat-Nya untuk mengekalkan perbendaharaan iman dan limpah anugerah yang telah dikurniakan Allah kepadanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 13)

Selepas penerangan ini Al-Qur'an beralih pula menjelaskan nasib kesudahan orang-orang yang kafir dan undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir menghukumkan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka, juga mengancam orang-orang yang kafir dari kaum Ahlil-Kitab yang menentang agama ini serta mengajar Rasulullah s.a.w. supaya memberi amaran kepada mereka dan mengingatkan mereka dengan peristiwa yang dilihat sendiri oleh mata mereka di dalam Peperangan Badar, di mana kumpulan para Mu'minin yang kecil dapat menewaskan kumpulan orang-orang kafir yang ramai:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن تُغْنِىَ عَنْهُمْ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ
أَوْلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ وَقُودُ ٱلنَّارِ ﴿١٠﴾

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَّبُوا۟
بِـَٔايَٰتِنَا فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ ۗ وَٱللَّهُ شَدِيدُ
ٱلْعِقَابِ ﴿١١﴾
قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ
إِلَىٰ جَهَنَّمَ ۚ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٢﴾
قَدْ كَانَ لَكُمْ ءَايَةٌ فِى فِئَتَيْنِ ٱلْتَقَتَا ۖ فِئَةٌ
تُقَٰتِلُ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُم
مِّثْلَيْهِمْ رَأْىَ ٱلْعَيْنِ ۚ وَٱللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِۦ مَن
يَشَآءُ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُو۟لِى
ٱلْأَبْصَٰرِ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun. Dan mereka adalah bahan-bahan bakar api Neraka(10). Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Dan Allah itu amat berat hukuman-Nya(11). Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahanam. Dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman (12). Sesungguhnya bagi kamu terdapat satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka. Dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya di dalam peristiwa itu terdapat pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati."(13)

Amaran Kepada Bani Israel

Ayat-ayat ini datang untuk ditujukan kepada Bani Israel dan mengancam mereka dengan nasib kesudahan yang telah menimpa orang-orang kafir sebelum dan selepas mereka. Ia mengandungi tarikan perhatian yang halus dan mendalam maksudnya. Ia mengingatkan mereka dengan nasib kesudahan yang telah diterima oleh kaum Fir'aun. Allah telah membinasakan kaum Fir'aun dan menyelamatkan Bani Israel. Tetapi ini bukanlah bererti Allah memberi hak istimewa kepada Bani Israel jika mereka memilih jalan yang sesat dan kafir. Ini tidaklah pula bererti Allah melindungkan mereka dari dicap sebagai kafir apabila mereka menyeleweng dan menyelamatkan mereka dari menerima balasan orang-orang yang kafir di dunia dan Akhirat sebagaimana yang telah diterima oleh kaum Fir'aun yang mana Allah telah selamatkan kaum mereka darinya.

Begitu juga Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan kekalahan kaum kafir Quraysy di dalam Peperangan Badar, untuk menegaskan kepada mereka bahawa undang-undang Allah itu tidak pernah mungkir dan bahawa tiada siapa yang berkuasa menyelamatkan mereka dari balasan Allah seperti yang telah ditimpakan-Nya ke atas kaum Quraysy. Yang menjadi sebab dan punca balasan itu ialah kekafiran, tiada siapa pun yang mempunyai pengaruh ke atas Allah dan tiada siapa pun yang berhak mendapat syafa'at melainkan dengan keimanan yang betul.

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَن تُغۡنِيَ عَنۡهُمۡ أَمۡوَٰلُهُمۡ وَلَآ
أَوۡلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيۡـٔٗاۖ

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun."

Harta kekayaan dan anak-anak merupakan tempat-tempat harapan untuk mendapat naungan dan perlindungan, tetapi kedua-duanya tidak berguna suatu apa pun pada hari Qiamat yang pasti akan tiba itu, kerana Allah tidak pernah memungkiri janji-Nya. Pada hari itulah mereka akan menjadi:

هُمۡ وَقُودُ ٱلنَّارِ ١٠

"Bahan-bahan bakar api Neraka."(10)

Ungkapan ini mencabut dari mereka segala ciri-ciri istimewa makhluk insan yang ada pada mereka dan menggambarkan mereka sebagai kayu-kayu dan bahan-bahan bakar sahaja.

Ya, harta kekayaan dan anak-anak yang disertai pula dengan pangkat kebesaran dan kuasa itu tidak dapat menyelamatkan mereka sedikit pun dari 'azab Allah di dunia ini:

كَدَأۡبِ ءَالِ فِرۡعَوۡنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ كَذَّبُواْ
بِـَٔايَٰتِنَا فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمۡۗ وَٱللَّهُ شَدِيدُ
ٱلۡعِقَابِ ١١

"Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Allah itu amat berat hukuman-Nya."(11)

Ini adalah satu contoh yang telah berlalu dan berulang-ulang di dalam sejarah dan Allah telah mengesahkannya dengan terperinci di dalam kitab suci Al-Qur'an. Ia menggambarkan undang-undang Allah terhadap orang-orang yang mendustakan ayat-ayat-Nya, iaitu undang-undang yang dikendalikan-Nya mengikut kehendak iradat-Nya. Oleh itu jelaslah tiada keamanan dan tiada jaminan bagi setiap pendusta ayat-ayat Allah.

Kini jelaslah bahawa orang-orang yang kafir dan mendustakan da'wah Muhammad s.a.w. dan ayat-ayat Al-Qur'an yang membawa kebenaran yang diturunkan Allah kepada beliau adalah terdedah kepada akibat yang sama di dunia dan Akhirat. Oleh sebab itulah Allah mengajar Rasulullah s.a.w. supaya memberi amaran kepada mereka terhadap akibat ini di dunia dan Akhirat dan mengemukakan contoh peristiwa di hari Peperangan Badar yang masih baru kepada mereka, kerana mereka mungkin terlupa terhadap contoh Fir'aun dan umat-umat sebelumnya yang telah mendustakan ayat-ayat Allah dan menerima balasan-Nya yang amat berat itu:

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ سَتُغۡلَبُونَ وَتُحۡشَرُونَ
إِلَىٰ جَهَنَّمَۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمِهَادُ ١٢

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman (12).

Angkatan Mu'minin Yang Kecil Mengalahkan Angkatan Kafirin Yang Besar

قَدۡ كَانَ لَكُمۡ ءَايَةٞ فِي فِئَتَيۡنِ ٱلۡتَقَتَاۖ فِئَةٞ
تُقَٰتِلُ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخۡرَىٰ كَافِرَةٞ يَرَوۡنَهُم
مِّثۡلَيۡهِمۡ رَأۡيَ ٱلۡعَيۡنِۚ وَٱللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصۡرِهِۦ مَن
يَشَآءُۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبۡرَةٗ لِّأُوْلِي
ٱلۡأَبۡصَٰرِ ١٣

Sesungguhnya bagi kamu terdapat satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang, satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka. Dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya di dalam peristiwa itu terdapat pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai matahati."(13)

Firman Allah Ta'ala:

يَرَوۡنَهُم مِّثۡلَيۡهِمۡ رَأۡيَ ٱلۡعَيۡنِۚ

"Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka"

dapat dimaknakan dengan dua tafsiran, iaitu (pertama) gantinama yang pertama pada kata-kata:

يَرَوۡنَهُم

"Mereka melihat"

itu kembali kepada orang-orang kafir (yakni orang-orang kafir melihat) dan gantinama yang kedua pada kata-kata "*melihat mereka*" kembali kepada orang-

orang Islam. Jadi erti ungkapan ini ialah: Orang-orang kafir yang ramai itu melihat orang-orang Islam yang sedikit itu sebanyak dua kali ganda bilangan mereka. Ini adalah dari kehendak tadbir Allah yang telah membuat daya khayal kaum Musyrikin melihat kaum Muslimin berada di dalam bilangan yang banyak, sedangkan bilangan mereka hanya sedikit dan kecil dan ini menyebabkan hati dan pendirian mereka menjadi goyah dan takut.

Tafsiran yang kedua ialah kebalikan dari tafsiran yang pertama iaitu orang-orang Islam melihat bilangan orang-orang kafir dua kali ganda lebih ramai dari mereka. Sedangkan sebenarnya bilangan kaum Musyrikin tiga kali ganda lebih ramai dari kaum Muslimin, namun demikian mereka berjuang dengan tabah dan berjaya mendapat kemenangan.

Yang penting di sini ialah Al-Qur'an mengembalikan kemenangan itu kepada pertolongan dan tadbir Allah kerana ini merupakan penghinaan dan amaran kepada orang-orang yang kafir di samping merupakan peneguhan kedudukan orang-orang yang beriman dan pengecilan terhadap kedudukan musuh-musuh mereka supaya mereka tidak takut kepada musuh-musuh mereka. Keadaan di masa itu memang memerlukan berlakunya peristiwa yang menentukan kalah dan menang itu sebagaimana kami telah terangkan di dalam pendahuluan surah ini dan Al-Qur'an telah bekerja di sana sini.

Dan Al-Qur'an terus bekerja dengan hakikatnya yang agung dan dengan isi kandungannya yang sama dengan hakikat ini, iaitu janji Allah yang akan menimpakan kekalahan ke atas orang-orang kafir yang mendusta dan menyeleweng dari sistem Allah itu adalah teguh pada setiap sa'at. Begitu juga janji Allah yang akan menolong kelompok orang-orang yang beriman walaupun bilangan mereka kecil adalah tetap teguh pada setiap sa'at.

Hakikat kemenangan yang bergantung kepada pertolongan Allah - yang diberikan kepada siapa yang dikehendaki-Nya itu - adalah satu hakikat yang tetap teguh tidak berganjak dan menjadi undang-undang yang tetap berkuatkuasa tanpa berhenti.

Kewajipan kelompok orang-orang yang beriman ialah menaruh keyakinan kepada hakikat ini dan meletakkan kepercayaan mereka pada janji Allah, berusahalah melengkapkan diri dengan sempurna, bersabar sehingga diizinkan Allah dan jangan bersikap gopoh dan berputus asa apabila masa yang dijanjikan itu dirasakan mereka terlalu lama. Kerana masa yang ghaib (dari pengetahuan orang-orang beriman) itu tetap wujud di dalam ilmu Allah yang mengendalikan segala pentadbiran dengan kebijaksanaan-Nya dan masa itu sengaja ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang dapat merealisasikan kebijaksanaan itu.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ ١٣

"Sesungguhnya dalam peristiwa itu terdapat pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati."(13)

Mata pastilah memandang lebar dan hati nurani pastilah berfikir panjang untuk membolehkan pengajaran itu dicungkil dan diingati oleh hati. Jika tidak, maka pengajaran itu akan berlalu begitu sahaja pada setiap sa'at di waktu malam dan siang.

* * * * * *

Dalam bidang pendidikan kelompok Muslimin, Al-Qur'an mendedahkan kepada mereka pendorong-pendorong atau kecenderungan-kecenderungan semulajadi manusia yang halus yang menjadi titik tolak penyelewengan apabila kecenderungan-kecenderungan itu tidak dikawal dengan penuh kewaspadaan dan apabila jiwa manusia tidak mempunyai cita-cita yang tinggi dan tidak menyintai ni'mat-ni'mat yang disediakan di sisi Allah yang lebih baik dan lebih bersih.

Keinginan Semulajadi Manusia

Perbuatan asyik dan leka dalam memuaskan keinginan nafsu yang rendah dan melayani kecenderungan-kecenderungan semulajadi itulah yang membuat hati manusia terlalu sibuk untuk berfikir dan mengambil i'tibar. Ia mendorong manusia membenamkan diri mereka di dalam urusan keni'matan-keni'matan fizikal yang dekat dan menghalangkan mereka dari keni'matan-keni'matan yang lebih luhur dan tinggi. Ia menjadikan perasaan manusia kasar hingga mereka tidak dapat mencapai keni'matan meletakkan harapan pada ni'mat-ni'mat (yang lebih tinggi) yang wujud di sebalik keni'matan yang dekat itu. Ia juga tidak dapat mencapai keni'matan mempunyai minat dan cita-cita yang besar yang layak dengan peranan manusia yang agung di bumi ini dan layak dengan makhluk yang telah dilantikkan Allah selaku khalifah di dalam kerajaan bumi yang lebar ini.

Namun demikian oleh sebab keinginan-keinginan dan kecenderungan-kecenderungan ini merupakan keinginan-keinginan semulajadi yang ditugaskan oleh Allah untuk memainkan peranan yang asasi bagi memelihara hayat manusia dan kesinambungannya, maka Islam tidak menyaran agar keinginan-keinginan itu ditekan dan dibunuh. Malah ia menyaran supaya keinginan itu dikawal, diatur, dikurangkan kekencangannya dan ditahankan sifat keterburuannya. Islam menyaran agar seseorang itu mengawal dan menguasai dorongan-dorongan keinginan-keinginannya bukannya dikuasai oleh keinginan-keinginannya. Islam menyuruh seseorang itu menguatkan semangat mempertingkatkan diri dan memandang kepada matlamat-matlamat yang lebih tinggi.

Oleh sebab itulah ayat-ayat Al-Qur'an yang mengendali bimbingan pendidikan ini membentangkan keinginan semulajadi ini dan di sampingnya ia membentangkan sejauh mata memandang berbagai-bagai jenis keni'matan jiwa raga di alam Akhirat yang akan dicapai oleh mereka yang berjaya mengawal diri mereka di dalam

kehidupan dunia ini dari asyik dan leka di dalam keni'matan-keni'matannya yang amat enak dan berjaya memeliharakan sifat-sifat kemanusiaan mereka yang luhur.

Hanya dalam sepotong ayat sahaja, Al-Qur'an mengumpulkan keni'matan-keni'matan dunia yang paling disukai oleh nafsu manusia, iaitu wanita, anak-anak, harta kekayaan yang banyak, kuda-kuda, ladang-ladang dan bendang-bendang yang subur dan ternakan. Inilah intisari dari keni'matan-keni'matan dunia yang digemari manusia sama ada kegemaran itu kerana keni'matan-keni'matan itu sendiri atau dengan sebab keni'matan-keni'matan itu dapat memberi keni'matan-keni'matan yang lain kepada mereka. Kemudian di dalam ayat selanjutnya Al-Qur'an membentangkan keni'matan-keni'matan yang lain di alam Akhirat, iaitu taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, isteri-isteri yang suci dan kemuncaknya ialah keredhaan Allah. Semua keni'matan-keni'matan ini disediakan untuk mereka yang memandang lebih jauh dari ni'mat-ni'mat dunia dan menyambungkan hatinya dengan Allah sebagaimana diterangkan oleh dua rangkaian ayat yang berikut:

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 17)

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ
وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ
وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ
مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ
ٱلْمَـَٔابِ ﴿١٤﴾
قُلْ أَؤُنَبِّئُكُم بِخَيْرٍ مِّن ذَٰلِكُمْ ۚ لِلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟
عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ
ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿١٥﴾
ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ إِنَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغْفِرْ لَنَا
ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٦﴾
ٱلصَّٰبِرِينَ وَٱلصَّٰدِقِينَ وَٱلْقَٰنِتِينَ وَٱلْمُنفِقِينَ
وَٱلْمُسْتَغْفِرِينَ بِٱلْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

"Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan iaitu kepada wanita, anak-anak, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas, perak, kuda yang dipelihara, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah keni'matan hidup dunia dan di sisi Allah terdapat tempat kediaman yang baik (Syurga)(14). Katakanlah! Inginkah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih baik dari keni'matan-keni'matan itu semua? Untuk orang-orang yang benar bertaqwa telah disediakan di sisi Tuhan mereka taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai. Mereka akan kekal (hidup) di dalamnya, (disediakan) juga isteri-isteri yang suci serta (beroleh) keredhaan dari Allah. Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya(15). Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka(16). Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfaqkan (kejalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu sahur(17). "

"زين للناس"-*"Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia."*. Penggunaan "sighah majhul"[5] di sini menunjukkan bahawa susunan kejadian semulajadi mereka mengandungi kecenderungan dan keinginan ini, iaitu suatu kecenderungan yang amat digemari dan dihiaskan dengan indahnya. Ini adalah penjelasan hakikat (fitrah manusia) dari salah satu dari dua bahagiannya, kerana dalam diri manusia terdapat kecenderungan kepada keinginan-keinginan ini, iaitu keinginan-keinginan yang menjadi sebahagian dari susunan kejadiannya yang semulajadi dan keinginan-keinginan ini sendiri tidak perlu ditentang dan dikecam kerana ia merupakan suatu keinginan yang perlu bagi kehidupan manusia agar kewujudan mereka bertunjang kuat, subur dan berterusan sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini, tetapi realiti hidup juga menyaksikan bahawa fitrah manusia mempunyai satu bahagian lagi yang mengimbangi kecenderungan ini. Bahagian ini berfungsi mengawal manusia supaya tidak leka dalam keinginan itu sahaja dan supaya tidak hilang kekuatan tiupan Ilahi (yang ada di dalam rohnya) atau hilang kekuatan maknanya dan saranannya. Bahagian yang satu lagi ini ialah bahagian kebolehan manusia mempertingkatkan dirinya dan kebolehan mengawal diri dan menahankannya di tahap yang selamat ketika melayani kecenderungan-kecenderungan dan keinginan-keinginan nafsu itu, iaitu tahap yang dapat membina diri dan kehidupan di samping memelihara cita-cita yang berterusan untuk mengangkat dan mempertingkatkan kehidupannya ke maqam puncak yang diseru oleh tiupan Ilahi (yang ada di dalam rohnya) dan untuk menghubungkan hatinya dengan alam al-Mala'ul-A'la dan dengan negeri Akhirat dan keredhaan Allah. Kebolehan yang kedua ini memurnikan kebolehan yang pertama dan membersihkannya dari kekotoran-kekotoran dan meletakkannya di garis sempadan yang aman, di mana aspek keni'matan fizikal dan cita-cita yang

---

[5] صياغة الفعل للمجهول

dekat itu tidak mengatasi ruh insaniyah dan cita-citanya yang jauh, tidak menggugat hala tujuannya kepada Allah dan tidak merosakkan taqwanya. Kebolehan yang kedua ini merupakan garis naik dan peningkatan diri menuju cita-cita yang jauh.

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ

"Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan."

Iaitu keinginan-keinginan yang disukai dan digemari bukannya keinginan-keinginan yang kotor dan jijik. Ungkapan ayat ini tidak menyarankan supaya memandang kotor dan bencikan keinginan-keinginan itu, malah ia hanya menyaran supaya mengenal tabi'at dan pendorong-pendorong keinginan-keinginan itu dan meletakkannya di tempat yang wajar supaya ia tidak mencerobohi matlamat-matlamat yang lebih mulia dan tinggi dalam kehidupan manusia, juga menyarankan supaya memandang kepada matlamat-matlamat yang lain setelah memuaskan keinginan-keinginan itu sekadar yang diperlukan tanpa leka dan membenamkan diri di dalamnya.

Di sinilah letaknya keistimewaan Islam melayani fitrah manusia dan menerimanya dengan realitinya, sambil berusaha memurnikan dan meningkatkannya bukan menekan dan menindaskannya. Orang-orang yang bercakap pada hari ini tentang "tekanan" dan akibatnya yang buruk dan tentang "kompleks jiwa" yang berlaku sebagai akibat dari tekanan dan tindasan itu menjelaskan bahawa punca utama kompleks itu ialah "tekanan" bukannya "kawalan", iaitu memandang kotor dan menentang keinginan-keinginan semulajadi itu pada dasarnya hingga membuat seseorang itu tertindas di bawah dua tekanan yang bertentangan, iaitu tekanan perasaannya - yang diwujudkan oleh saranan, atau agama atau tradisi - bahawa keinginan-keinginan semulajadi itu adalah keinginan-keinginan yang kotor dan tidak harus wujud sama sekali, kerana ia merupakan keinginan-keinginan yang berdosa dan keinginan syaitan, juga tekanan keinginan-keinginan semulajadi itu sendiri yang tidak dapat dibendung kerana kedudukannya yang begitu mendalam di dalam fitrah manusia dan kerana ia mempunyai fungsi yang kuat di dalam kehidupan manusia, yang mana kehidupan itu tidak sempurna melainkan dengannya dan ia tidak diciptakan Allah di dalam fitrah manusia dengan sia-sia. Di waktu itu dan dalam pertarungan itulah terjadinya "kompleks-kompleks jiwa". Sekalipun apabila kita menerima teori-teori kaji jiwa ini dari segi hujahnya, namun kita berpendapat bahawa Islam telah menjamin keselamatan manusia dari pertarungan ini, iaitu pertarungan yang berlaku di antara dua bahagian jiwa manusia, di antara keinginan-keinginan nafsu dan keni'matan dengan keinginan-keinginan kepada peningkatan diri dan Islam dapat merealisasikan kegiatan yang berterusan kedua-dua bahagian ini dalam batas yang sederhana.[6]

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ
وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ
وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ

"Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan iaitu kepada wanita, anak-anak, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas, perak, kuda yang dipelihara, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang."

Wanita dan anak-anak merupakan keinginan dari keinginan-keinginan jiwa manusia yang kuat kemudian digandingkan pula kepada keduanya keinginan kepada "harta kekayaan yang bertimbun-timbun" dari emas dan perak. Keinginan yang tamak kepada harta kekayaan itu digambarkan dengan ungkapan:

وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ

"Harta kekayaan yang bertimbun-timbun."

Sekiranya Al-Qur'an semata-mata bermaksud menyatakan keinginan kepada harta sahaja tentulah ia mengungkapkan dengan kata-kata "harta kekayaan" atau "emas dan perak" sahaja, tetapi ungkapan "harta kekayaan yang bertimbun-timbun" itu memberi satu bayangan khas yang memang dimaksudkan, iaitu bayangan keinginan yang tamak untuk mengumpulkan emas dan perak bertimbun-timbun banyaknya. Kerana penimbunan harta kekayaan itu sendiri merupakan satu keinginan yang berasingan tanpa memandang kepada sejauh mana harta kekayaan itu dapat menyempurnakan keinginan-keinginan yang lain kepada pemiliknya.

Kemudian digandingkan kepada wanita, anak-anak dan harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas dan perak itu, keinginan kepada kuda-kuda peliharaan. Hingga ke zaman alat kebendaan (yang maju) pada hari ini, kuda masih tetap merupakan perhiasan yang digemari dan disukai, kerana pada kuda terdapat kecantikan, kesatriaan, kebebasan dan kekuatan di samping kecerdikan, kejinakan dan kemesraan sehingga orang-orang yang tidak menungganginya juga turut terpesona melihatnya selama ada di dalam hati mereka semangat yang dinamis yang bersemarak apabila melihat kuda-kuda muda yang kuat.

Kemudian digandingkan lagi kepada keinginan-keinginan itu keinginan kepada ternakan dan sawah ladang. Biasanya kedua-duanya bergandingan satu sama lain dalam minda dan realiti. Di mana ada

---

[6] *Lihat huraian yang luas di dalam buku "*الإنسان بين المادية والإسلام*" oleh Muhammad Qutb.*

ternakan di sana ada sawah ladang yang subur. Manusia gemarkan sawah ladang kerana di sana terdapat pemandangan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan yang subur. Pemandangan hayat yang berkembang di sana merupakan satu pemandangan yang menimbulkan rasa kemesraan dan apabila pemandangan itu ditambahkan pula dengan keinginan memilik maka sawah ladang dan ternakan menjadi sesuatu yang amat diingini manusia.

Keinginan-keinginan yang disebutkan di sini merupakan satu contoh dari keinginan-keinginan manusia, iaitu keinginan-keinginan yang menggambarkan keinginan masyarakat yang mula-mula dihadapkan Al-Qur'an ini kepadanya. Di antara keinginan-keinginan itu ada keinginan yang menjadi keinginan setiap manusia di sepanjang zaman. Al-Qur'an menayangkan keinginan-keinginan itu, kemudian ia menjelaskan nilainya yang sebenar supaya keinginan-keinginan itu tetap berada di tempatnya yang wajar tanpa melampaui batasnya dan tanpa mencerobohi nilai-nilai yang lain:

ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ

"Itulah keni'matan hidup dunia."(14)

Yakni segala keni'matan dan keinginan yang dibentangkan oleh Al-Qur'an itu adalah keni'matan hidup dunia sahaja, bukannya keni'matan hidup yang luhur dan bukannya matlamat-matlamat hidup yang jauh. Ia hanya suatu keni'matan hidup di bumi yang dekat ini sahaja. Oleh itu sesiapa yang inginkan keni'matan yang lebih baik dari itu, iaitu keni'matan yang lebih luhur yang dapat mempertingkatkan seseorang (ke maqam yang tinggi) dan dapat memeliharakannya dari terleka di dalam keinginan-keinginan itu dan dari keasyikan menyembamkan diri di bumi tanpa melihat ke langit dan siapa yang ingin mendapatkan keni'matan yang lebih baik maka ia boleh mendapati keni'matan itu di sisi Allah. Dan keni'matan inilah yang boleh menggantikan keni'matan dari keinginan-keinginan itu.

قُلْ أَؤُنَبِّئُكُم بِخَيْرٍ مِّن ذَٰلِكُمْ ۚ لِلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿١٥﴾

"Katakanlah! Inginkah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih baik dari keni'matan-keni'matan itu semua? Untuk orang-orang yang benar bertaqwa telah disediakan di sisi Tuhan mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai. Mereka akan kekal (hidup) di dalamnya,(disediakan) juga isteri-isteri yang suci serta (beroleh)keredhaan dari Allah. Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya."(15)

Keni'matan-keni'matan Dunia Dan Keni'matan-keni'matan Akhirat

Keni'matan Akhirat yang disebut oleh ayat ini dan diperintahkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya menyampaikan beritanya kepada orang-orang yang bertaqwa adalah pada umumnya merupakan keni'matan fizikal. Tetapi di sana terdapat satu perbezaan pokok di antaranya dengan keni'matan dunia, iaitu keni'matan Akhirat hanya dapat dicapai oleh orang-orang yang bertaqwa, iaitu orang-orang yang sentiasa takut dan mengingati Allah di dalam hati mereka. Perasaan taqwa ialah perasaan yang memurnikan jiwa dan hati, perasaan yang mengawal hati dari dilekakan oleh keinginan-keinginan nafsu dan dari tertunduk kepadanya seperti haiwan. Oleh itu apabila orang-orang yang bertaqwa kepada Allah mengharapkan keni'matan-keni'matan fizikal yang ditabsyirkan Allah itu, maka mereka mengharapkannya dengan perasaan yang halus yang bersih dari kekasaran dan keinginan kebinatangan. Mereka mengharapkan keni'matan tu semasa mereka berada di bumi ini lagi dan sebelum perjalanan mereka tamat di sisi Allah.

Keni'matan yang bersih dan suci ini merupakan suatu tukaran yang sempurna bagi keni'matan dunia, malah terdapat kelebihan yang lain lagi, iaitu jika keni'matan mereka di dunia berupa sawah ladang yang subur, maka keni'matan di Akhirat berupa kebun-kebun yang lengkap sempurna, di mana mengalir di bawahnya aneka sungai dan selain dari itu, keni'matan ini pula kekal buat selama-lamanya dan mereka hidup di sana kekal abadi bukan seperti ni'mat sawah ladang dunia yang terbatas waktunya. Dan jika keni'matan mereka di dunia berupa wanita-wanita dan anak-anak, maka keni'matan di Akhirat berupa isteri-isteri yang suci dan kesucian ini merupakan suatu kelebihan dan ketinggian yang mengatasi keni'matan-keni'matan hidup di bumi.

Di dunia, kuda-kuda peliharaan, ternakan, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas dan perak merupakan alat-alat untuk menghasilkan keni'matan-keni'matan hidup, tetapi keni'matan-keni'matan di Akhirat tidak memerlukan kepada alat-alat dan wasilah-wasilah yang seperti itu untuk mencapai matlamat-matlamat keni'matan itu.

Kemudian di Akhirat terdapat sesuatu yang lebih besar dari segala keni'matan, iaitu:

وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ ۗ

"Keredhaan dari Allah."

Keredhaan ini menyamai nilai kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat kedua-dua sekali, malah lebih lagi, iaitu keredhaan dengan segala bunyi katanya yang lemah-lembut dan segala bayangan pengertiannya yang penuh dengan kasih dan mesra.

وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿١٥﴾

"Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya."

Yakni Allah melihat hakikat fitrah mereka dengan segala kecenderungan dan keinginannya. Allah melihat segala bimbingan dan arahan yang mendatangkan kebaikan kepada fitrah mereka. Allah melihat perubahan fitrah mereka semasa hidup dan selepas hidup.

Sifat-sifat Para Hamba Yang Bertaqwa

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan keadaan para hamba yang bertaqwa kepada Allah itu, iaitu keadaan yang mewajarkan mereka menerima keredhaan Allah:

ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ إِنَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغۡفِرۡ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٦﴾ ٱلصَّٰبِرِينَ وَٱلصَّٰدِقِينَ وَٱلۡقَٰنِتِينَ وَٱلۡمُنفِقِينَ وَٱلۡمُسۡتَغۡفِرِينَ بِٱلۡأَسۡحَارِ ﴿١٧﴾

"Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka (16). Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfaqkan (ke jalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu sahur."(17)

Ungkapan do'a mereka membuktikan ketaqwaan mereka. Ia merupakan satu pengumuman iman, satu permohonan syafa'at di sisi Allah, satu permohonan keampunan dan pemeliharaan dari 'azab Neraka.

Dalam setiap sifat mereka terdapat ciri yang amat bernilai di dalam kehidupan manusia dan kehidupan kelompok Muslimin.

Dalam sifat sabar terdapat ciri memandang enteng kepada kesakitan dan penderitaan, ciri gigih memikul tugas-tugas da'wah dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang benar, menyerah dan berserah kepada Allah dan kepada apa sahaja masyi'ah-Nya terhadap mereka dan menerima keputusan dari kebijaksanaan dan keredhaan-Nya.

Dalam sifat benar terdapat ciri berpegang teguh dengan kebenaran yang menjadi asas kewujudan dan memandang rendah kepada kelemahan, kerana sifat berdusta adalah lahir dari kelemahan untuk berkata benar demi menghindari sesuatu bahaya atau mencari sesuatu faedah.

Di dalam sifat ta'at kepada Allah terdapat ciri menunaikan hak Uluhiyah dan menunaikan kewajipan 'Ubudiyah, menegakkan kehormatan diri dengan menunjukkan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa, yang mana tiada keta'atan kepada yang lain dari-Nya.

Di dalam sifat infaq terdapat ciri pembebasan diri dari perhambaan harta dan dari belenggu kebakhilan dan menegakkan hakikat persaudaraan insaniyah di atas keinginan dan keni'matan peribadi dan mewujudkan hubungan saling bantu-membantu di antara mereka yang layak dengan alam yang didiami manusia.

Memohon keampunan di waktu sahur memberi bayangan-bayangan yang lemah-lembut dan mendalam. Kata-kata "al-Ashar" itu sendiri menggambarkan bayangan masa akhir malam sebelum fajar, iaitu masa, di mana suasana kelihatan begitu jernih, lembut dan tenang dan di mana hati melepaskan bisikan-bisikannya yang terpendam dan apabila gambaran memohon keampunan itu bercantum dengan masa itu, maka ia akan memantulkan bayangan-bayangan yang menyerap di alam jiwa dan di hati alam al-wujud dan membuat ruh manusia bertemu dengan ruh alam buana dan sama-sama bertawajjuh kepada Allah Pencipta alam buana dan manusia.

Orang-orang yang sabar, yang benar, yang ta'at, yang menginfaq dan yang memohon keampunan di waktu sahur itu akan memperolehi:

وَرِضۡوَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِۗ

"Keredhaan dari Allah."(15)

Merekalah orang-orang yang layak menerima keredhaan Allah. Bayangan keredhaan itu sungguh lembut dan maknanya sungguh mesra dan keredhaan itu adalah lebih baik dari segala keinginan dan keni'matan.

Demikianlah Al-Qur'an memulakan pembicaraan tentang jiwa manusia dari tempatnya di muka bumi ini kemudian sedikit demi sedikit ia membawanya ke ufuk-ufuk yang tinggi dan gemilang hingga berakhir ke alam al-Mala'ul-'Ala dengan mudah dan selesa, dengan lemah-lembut dan kasihan belas, dengan menghormati seluruh fitrahnya, seluruh keinginan dan kecenderungannya, menghormati titik-titik kelemahannya, merangsangkan tenaga-tenaga dan kerinduan-kerinduannya tanpa menekan dan memaksa dan tanpa merentikan perjalanan hidup. Itulah undang-undang Allah dan itulah peraturan Allah bagi fitrah manusia.... "والله بصير بالعباد" – *"Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya."*(15).....

* * * * * *

Hakikat Islam

Sampai di sini berakhirnya rangkaian ayat-ayat surah ini yang bertujuan menjelaskan hakikat-hakikat tauhid, iaitu tauhid Uluhiyah dan Qiwamah / Pentadbiran, tauhid kitab suci dan tauhid risalah, juga menggambarkan pendirian para Mu'mininin yang sebenar dan orang-orang yang menyeleweng yang mempunyai kecenderungan yang sesat di dalam hati mereka terhadap ayat-ayat Allah dan kitab-Nya. Kemudian ia mengancam orang-orang yang menyeleweng dengan akibat buruk yang telah menimpa orang-orang yang kafir di zaman-zaman dahulu dan sekarang, kemudian ia mendedahkan

keinginan-keinginan semulajadi yang melalaikan seseorang dari mengambil pengajaran dan menggambarkan keadaan hubungan orang-orang yang bertaqwa dengan Allah dan bagaimana mereka mencari perlindungan pada Allah.

Kini - dan hingga ke penghabisan pelajaran ini - kita dapati diri kita berdepan dengan satu hakikat yang lain, iaitu hakikat yang merupakan kehendak dari hakikat tauhid yang utama, kerana hakikat tauhid memerlukan buktinya di alam realiti hidup manusia dan inilah yang mahu dijelaskan oleh bahagian yang kedua dari pelajaran ini.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an memulakan dengan mengulangi semula penjelasan tentang hakikat tauhid yang utama itu untuk menerangkan kesan-kesannya yang tetap. Al-Qur'an memulakan dengan pengakuan Allah S.W.T. sendiri bahawa: "Tiada Tuhan melainkan Allah" dan pengakuan para Malaikat dan para ahlil ilmu terhadap hakikat tauhid ini. Di samping itu Al-Qur'an menjelaskan sifat Allah yang bersangkutan dengan pentadbiran menegakkan keadilan dalam urusan manusia dan urusan alam buana.

Selama Allah sahaja yang berhak dengan sifat Uluhiyah dan Qiwamah/Pentadbiran, maka kewajipan yang pertama dari pengakuan terhadap hakikat ini ialah membuat pengakuan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa dan pengakuan berhakimkan kepada Allah dalam segala urusan manusia, juga penyerahan diri dan keta'atan kepada Allah dan kepatuhan menjunjung kitab suci-Nya dan ajaran-ajaran Rasul-Nya s.a.w.

Hakikat ini terkandung di dalam firman-Nya:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ ۗ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam."(19)

Yakni Allah tidak menerima agama yang lain dari agama Islam dari sesiapa pun. Erti Islam ialah menyerah, ta'at dan mengikut. Di sini jelaslah bahawa agama yang diterima oleh Allah dari manusia itu bukannya semata-mata kefahaman di dalam akal atau kepercayaan di dalam hati, malah ianya adalah melaksanakan kewajipan dari kepercayaan dan kefahaman itu, iaitu berhakimkan kepada undang-undang Allah di dalam seluruh urusan hidup manusia, ta'at kepada hukum-hukum-Nya dan mengikut ajaran Rasul-Nya.

Al-Qur'an menyatakan kehairanan-Nya terhadap sikap kaum Ahlil-Kitab dan membuka tembelang mereka apabila mereka mendakwa bahawa mereka berpegang dengan agama Allah kemudian..

يُدْعَوْنَ إِلَىٰ كِتَٰبِ ٱللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Mereka diseru kepada kitab Allah supaya Ia mengadili di antara mereka, kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka membelakangi (kebenaran)."(23)

Perbuatan ini pada dasarnya telah membatalkan dakwaan mereka bahawa mereka berpegang dengan agama Allah. Oleh itu tiada agama yang diterima oleh Allah melainkan agama Islam dan tiada Islam melainkan dengan menyerah diri kepada Allah, menta'ati Rasul-Nya, mengikut peraturan dan undang-undang-Nya dan berhakimkan kitab suci Al-Qur'an dalam seluruh urusan kehidupan.

Al-Qur'an mendedahkan punca yang membuat mereka menolak dan membelakangi keimanan itu dan kata-kata "*membelakangi*" itu merupakan pengungkapan yang haqiqi yang menggambarkan ketiadaan kepercayaan kepada agama Allah, punca penolakan itu ialah kerana mereka tidak percaya kepada kesungguhan dasar "keadilan" dalam balasan Allah pada hari hisab:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا۟ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۖ وَغَرَّهُمْ فِى دِينِهِم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka."(24)

Mereka semata-mata berpegang kepada alasan kerana mereka kaum Ahlil-Kitab. Ini adalah satu keangkuhan menipu diri sendiri, kerana sebenarnya mereka bukannya Ahlil-Kitab dan mereka sama sekali tidak beriman, dan sama sekali tidak berpegang dengan agama Allah. Mereka pernah diseru supaya berhakimkan kepada kitab Allah, tetapi sebahagian dari mereka membelakangi seruan itu.

Dengan ayat yang tegas Allah S.W.T. menjelaskan di dalam Al-Qur'an makna agama dan hakikat beragama. Oleh itu Allah tidak menerima dari hamba-Nya melainkan satu bentuk agama yang bersih dan jelas. Yang dimaksudkan dengan agama itu ialah Islam. Dan erti Islam ialah keta'atan berhakimkan kepada kitab Allah, mematuhinya dan mengikutinya. Sesiapa yang tidak berbuat demikian, maka tidak ada agama baginya dan dia bukannya seorang Muslim walaupun dia mendakwa beragama Islam dan berpegang dengan agama Allah. Kerana agama Allah digaris, dijelas dan ditafsirkan oleh Allah sendiri dan bukannya tunduk kepada pentafsiran dan penggarisan hawa nafsu manusia yang masing-masing menggaris dan mentafsirkan mengikut sesuka hati mereka.

Malah orang yang mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia - dan ta'rif orang-orang kafir mengikut apa yang telah dijelaskan oleh rangkaian ayat-ayat ini ialah mereka yang tidak menerima dasar berhakimkan kepada kitab-kitab Allah - maka:

فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِي شَيْءٍ

"Maka ia tidak mempunyai apa hubungan dengan Allah sedikit pun(28)

ia tidak lagi mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah apabila ia menjelaskan orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia atau dia menolong atau memohon pertolongan orang-orang kafir yang enggan berhakimkan kitab Allah walaupun mereka mendakwa bahawa mereka berada di atas agama Allah.

Amaran terus ditekankan terhadap pengambilan orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia yang boleh menghapuskan agama dari akar umbinya itu. Di samping amaran ditambahkan pula dengan penerangan membuka mata kaum Muslimin terhadap hakikat kuasa-kuasa yang bertindak di alam al-wujud ini, iaitu Allahlah satu-satunya kuasa yang mentadbir, menguasai kerajaan alam buana. Dialah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mencabut kekuasaan dari sesiapa yang dikehendaki-Nya, Dialah yang memuliakan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menghinakan sesiapa yang dikehendaki-Nya. Pentadbiran-Nya terhadap urusan manusia merupakan sebahagian dari pentadbiran-Nya terhadap seluruh alam buana. Dialah juga yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam. Dialah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Inilah pentadbiran menegakkan keadilan dalam urusan manusia dan urusan alam buana. Oleh itu jelaslah tiada sebab wujudnya naungan yang lain dari naungan Allah, iaitu naungan dari hamba-hamba-Nya walaupun sebanyak mana mereka mempunyai kekuatan, harta kekayaan dan anak-pinak.

Amaran yang tegas dan berulang-ulang ini membayangkan sesuatu yang telah berlaku di dalam kelompok Muslimin pada masa itu, iaitu wujudnya suatu keadaan yang tidak jelas dan wujudnya setengah-setengah mereka yang masih berpegang teguh dengan hubungan kekeluargaan, perkauman dan perekonomian dengan kaum Musyrikin di Makkah dan dengan kaum Yahudi di Madinah. Inilah keadaan yang memerlukan amaran dan penjelasan. Di samping itu ia juga membayangkan tabi'at kecenderungan jiwa manusia ke arah terpengaruh kepada kuasa-kuasa manusia yang zahir dan betapa perlunya mereka diperingatkan dengan hakikat yang sebenar dan dengan hakikat kuasa yang sebenar di samping perlunya dijelaskan dasar 'aqidah dan kehendak-kehendaknya di dalam realiti kehidupan.

Pelajaran ini diakhiri dengan satu pertanyaan yang tegas dan pemutus, iaitu Islam ialah keta'atan kepada Allah dan Rasul dan jalan menuju kepada Allah ialah jalan mengikuti Rasulullah s.a.w., bukannya semata-mata kepercayaan dengan hati dan pengakuan dengan lidah semata-mata:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ

"Katakanlah jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu."(31)

قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

Yakni salah satu dari dua sama ada menunjukkan keta'atan dan ikutan yang disukai Allah atau menunjukkan kekufuran yang dibencikan Allah, inilah persimpangan jalan yang terang dan jelas.

Marilah kita masuk ke dalam pentafsiran yang terperinci setelah mempelajari intisarinya.

(Pentafsiran ayat 18)

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْعِلْمِ قَآئِمًۢا بِٱلْقِسْطِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

"Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(18)

Inilah hakikat utama yang menjadi tapak asas kepercayaan dan i'tiqad di dalam Islam. Inilah hakikat tauhid, iaitu tauhid Uluhiyah dan tauhid Qiwamah/Pentadbiran iaitu pentadbiran yang menegakkan keadilan. Inilah hakikat yang dinyatakan pada permulaan surah ini:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir"(2)

hakikat ini bertujuan menjelaskan hakikat 'aqidah Islamiyah dari satu segi dan menghapuskan kekeliruan-kekeliruan yang ditaburkan oleh Ahlil-Kitab dari satu segi yang lain pula, iaitu menghapuskan kekeliruan dari kaum Ahlil-Kitab itu sendiri dan juga dari kaum Muslimin kerana mungkin kekeliruan-kekeliruan itu mempengaruhi 'aqidah mereka.

Pengakuan Allah S.W.T. sendiri bahawa tiada Tuhan yang lain melainkan Dia merupakan satu pengakuan yang cukup bagi mereka yang beriman kepada Allah. Mungkin ada yang berkata: Pengakuan Allah itu tidak mencukupi melainkan bagi mereka yang beriman kepada Allah dan mereka yang beriman kepada Allah itu pula tidak memerlukan kepada pengakuan Allah, tetapi sebenarnya kaum Ahlil-Kitab memang beriman kepada Allah, tetepi dalam waktu yang sama mereka

mengi'tiqadkan Allah itu mempunyai anak dan sekutu, malah kaum Musyrikin juga beriman kepada Allah, tetapi mereka disesatkan dari segi kepercayaan kepada sekutu-sekutu, tandingan-tandingan dan anak-anak Allah lelaki dan perempuan. Oleh itu apabila Allah menjelaskan kepada kedua-dua golongan ini bahawa Allah S.W.T. sendiri menyaksi dan mengakui bahawa tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, maka penjelasan itu merupakan satu penjelasan yang kuat dan berkesan untuk membetulkan pandangan dan kefahaman mereka.

Tetapi persoalan ini - sebagaimana yang ternyata dari kajian-kajian rangkaian ayat ini yang telah kami lakukan sebelum ini - adalah lebih mendalam dan lebih halus dari ini lagi, kerana pengakuan Allah S.W.T. bahawa tiada Tuhan melainkan Allah adalah dibentangkan di sini dengan tujuan untuk dibentangkan selepasnya kehendak-kehendak, dan kewajipan-kewajipan-Nya, iaitu jelas bahawa Allah tidak menerima dari para hamba-Nya melainkan 'Ubudiyah yang tulen dan bersih kepada-Nya, iaitu 'Ubudiyah yang digambarkan di dalam Islam dengan makna menyerah diri - bukan di dalam bentuk i'tiqad dan perasaan sahaja - tetapi dalam bentuk amalan, keta'atan dan kepatuhan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang amali yang digambarkan oleh hukum-hukum yang terkandung di dalam kitab Al-Qur'an. Dari sudut inilah kita dapati ramai manusia di setiap zaman yang mendakwa bahawa mereka beriman kepada Allah, tetapi mereka mempersekutui Allah dengan pihak-pihak yang lain, apabila mereka berhakimkan kepada syari'at yang diaturkan oleh pihak yang lain dan apabila mereka menta'ati orang-orang yang tidak mengikut Rasul dan kitab sucinya. Dan apabila mereka menerima pandangan dan kefahaman, nilai-nilai, neraca-neraca, akhlak dan peradaban-peradaban dari pihak-pihak yang lain. Ini semua merupakan amalan-amalan yang bertentangan dengan dakwaan bahawa mereka beriman kepada Allah dan tidak selaras dengan pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah.

Adapun pengakuan para malaikat dan pengakuan para ahli ilmu, maka ia tergambar pada keta'atan dan kepatuhan mereka terhadap perintah-perintah Allah Yang Maha Esa dan tergambar pada penerimaan mereka dari Allah Yang Maha Esa sahaja dan pada penerimaan mereka segala apa sahaja yang datang kepada mereka dari Allah tanpa ragu-ragu dan tanpa membantah asalkan ia thabit datang dari Allah. Sebelum ini - di dalam surah ini - telah pun diterangkan keadaan para ahli ilmu dalam firman Allah:

وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلّٞ مِّنۡ عِندِ رَبِّنَاۗ

"Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya. Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka."(7)

Inilah pengakuan para ahli ilmu dan para malaikat, iaitu mereka percaya, ta'at, mengikut dan menyerah diri.

Pengakuan Allah S.W.T. dan pengakuan para malaikat dan para ahlil ilmu terhadap Wahdaniyah Allah diiringi pula dengan pengakuan mereka bahawa Allah Ta'ala mentadbir dengan penuh keadilan selaku sifat Uluhiyahnya yang tetap.

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَأُوْلُواْ ٱلۡعِلۡمِ قَآئِمَۢا بِٱلۡقِسۡطِۚ

"Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil."

Itulah sifat Uluhiyah Allah yang tetap sebagaimana difahamkan oleh susunan ayat dan ini merupakan penerangan bagi erti Qiwamah/Pentadbiran yang disebut pada awal surah dalam ayat:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

Iaitu pentadbiran yang menegakkan keadilan. Pentadbiran Allah terhadap alm buana dan kehidupan manusia adalah selama-lamanya dilakukan dengan penuh keadilan. Oleh itu keadilan dalam kehidupan manusia tidak akan wujud dan urusan kehidupan mereka tidak akan berjalan teguh dan lurus selurus urusan alam buana - di mana setiap makhluk menunaikan peranannya selaras dengan peranan setiap makhluk yang lain - melainkan dengan berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan Allah yang telah dipilihkan untuk mengendalikan kehidupan manusia dan dihuraikannya di dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an. Jika tidak maka di sana tidak akan wujud keadilan, keteguhan, keselarasan dan tidak akan wujud persesuaian di antara perjalanan alam buana dengan perjalanan manusia, malah akan wujud kezaliman, pertentangan, kehancuran dan kehilangan.

Kita sendiri dapat melihat di sepanjang sejarah bahawa masa-masa yang diamalkan undang-undang dan peraturan-peraturan dari kitab Allah sahaja merupakan satu-satunya masa di mana manusia dapat mengecap rasa keadilan, dan di mana kehidupan mereka dapat berjalan teguh dan lurus seteguh dan selurus peredaran bintang-bintang mengikut kadar kemampuan tabi'at manusia yang mempunyai kecenderungan kepada keta'atan dan kecenderungan kepada penderhakaan dan terumbang-ambing di antara dua kecenderungan itu. Dan ia mendekati keta'atan apabila sistem Ilahi itu ditegakkan dan apabila kitab Allah dijadikan hakim yang memerintah kehidupan manusia. (Begitu juga kita dapat melihat) apabila kehidupan manusia itu

diperintah dan dikendalikan dengan sistem hidup yang lain, daripada sistem ciptaan manusia, maka sistem itu akan terbabit dengan kejahilan dan kelemahan-kelemahan manusia, di samping terbabit dengan kezaliman pertentangan dalam mana-mana bentuknya. Iaitu kezaliman individu terhadap kelompok atau kezaliman satu kelas terhadap satu kelas yang lain atau kezaliman satu umat terhadap satu umat yang lain atau kezaliman satu generasi terhadap satu generasi yang lain. Hanya keadilan Allah sahaja yang bersih dari kecenderungan-kecenderungan (yang tidak adil) terhadap mereka semua, kerana Allah adalah Tuhan kepada semua manusia dan Dia (Maha Mengetahui) tiada suatu apa pun yang terlindung kepada-Nya baik di bumi mahu pun di langit.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ١٨

"Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(18)

Hakikat Tauhid

Ayat ini menekankan sekali lagi konsep keesaan Uluhiyah dalam satu rangkaian ayat disertakan dengan sifat kuat perkasa dan bijaksana yang perlu bagi pentadbiran yang adil. Keadilan ialah meletakkan segala sesuatu pada tempatnya yang wajar serta mempunyai kuasa dan kekuatan untuk melaksanakannya. Semua sifat-sifat Allah S.W.T. menggambar dan menyarankan aktiviti yang aktif dan positif. Oleh sebab itu tidak ada salbiyah/kenegatifan dalam pandangan Islam terhadap Allah. Malah pandangan Islam terhadap Allah merupakan pandangan yang paling sempurna dan benar kerana dalam pandangan ini, Allah sendiri yang menjelaskan sifat-sifat-Nya. Dan nilai keaktifan dan kepositifan sifat-sifat Allah ini ialah ia dapat mengingatkan hati manusia terhadap Allah, terhadap iradat dan tindakannya. Dan ini menjadikan kepercayaan itu berkesan, hidup dan mendorong dan bukan hanya merupakan kefahaman mental yang dingin sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 – 20)

Kemudian Al-Qur'an membuat kesimpulan dari hakikat keesaan Uluhiyah yang ditekankan sebanyak dua kali dalam satu rangkaian ayat itu, iaitu tiada 'Ubudiyah melainkan kepada Uluhiyah Yang Maha Esa.

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ وَمَا ٱخۡتَلَفَ ٱلَّذِينَ
أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلۡعِلۡمُ
بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ
سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ١٩

فَإِنۡ حَآجُّوكَ فَقُلۡ أَسۡلَمۡتُ وَجۡهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ
ٱتَّبَعَنِۗ وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡأُمِّيِّـۧنَ
ءَأَسۡلَمۡتُمۡۚ فَإِنۡ أَسۡلَمُواْ فَقَدِ ٱهۡتَدَواْۖ وَّإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّمَا
عَلَيۡكَ ٱلۡبَلَٰغُۗ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِٱلۡعِبَادِ ٢٠

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam. Dan tiadalah orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara mereka. Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisabnya(19). Dan jika mereka mendebatkan engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku. Dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya."(20)

Hubungan Tauhid Dengan Islam

Berdasarkan Uluhiyah Yang Maha Esa, maka jelaslah bahawa agama juga esa, jelaslah bahawa seluruh penyerahan diri adalah kepada Uluhiyah Yang Maha Esa, di mana tiada suatu pun yang tertinggal di dalam hati manusia atau di dalam kehidupan mereka yang terkeluar dari kuasa Allah.

Berdasarkan Uluhiyah Yang Maha Esa, maka jelaslah bahawa di sana hanya ada satu pihak sahaja yang berhak memperhambakan manusia dan memerintah mereka ta'at kepada perintah-Nya, menjalankan syari'at dan hukum-hukum-Nya di dalam kehidupan mereka. Hanya satu pihak yang berhak menetapkan nilai-nilai dan neraca-neraca supaya diikuti oleh mereka dan seterusnya membangunkan seluruh kehidupan mereka mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang diredhai oleh-Nya.

Berdasarkan Uluhiyah Yang Maha Esa, maka jelaslah bahawa agama yang diredhai Allah dari para hamba-Nya hanya satu sahaja, iaitu agama tauhid yang tulen dan jelas dan segala kehendak-kehendak dan kewajipan tauhid yang telah kami terangkan sebelum ini:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam."

Islam bukannya semata-mata dakwaan, bukannya semata-mata panji-panji, bukannya semata-mata kata-kata yang diucapkan lisan, malah bukannya kepercayaan yang dikandung oleh hati dengan diam dan tenang, bukannya upacara-upacara ibadat perseorangan yang ditunaikan oleh individu-individu di dalam solat, haji dan puasa..... Tidak, ini bukannya Islam yang menjadi satu-satunya agama yang diredhai

Allah dari para hamba-Nya, malah Islam ialah penyerahan diri, keta'atan dan ikutan yang patuh. Islam ialah berhakimkan kitab Allah dalam segala urusan hamba sebagaimana akan diterangkan sebentar lagi di dalam penerangan ayat Al-Qur'an sendiri.

Perselisihan Di Kalangan Ahlil-Kitab Terhadap Hakikat Tauhid

Islam ialah tauhid Uluhiyah dan Qiwamah/ Pentadbiran, tetapi kaum Ahlil-Kitab telah mencampuradukkan di antara zat Allah S.W.T. dengan zat al-Masih a.s. sebagaimana mereka mencampuradukkan di antara iradat Allah dengan iradat al-Masih dan mereka bertelagah sesama mereka mengenai kefahaman-kefahaman ini dengan pertelingkahan dan perselisihan yang hebat dan sering kali sampai ke tahap berbunuh-bunuhan dan peperangan. Dalam ayat yang berikut Allah menjelaskan kepada kaum Ahlil-Kitab dan kepada kaum Muslimin punca perselisihan dan pertelingkahan itu:

وَمَا ٱخْتَلَفَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ
مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۗ

"Dan tiadalah orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara mereka."

Yakni perselisihan dan pertelagahan itu bukannya berpunca dari kejahilan terhadap hakikat yang sebenar, kerana mereka telah pun menerima ilmu pengetahuan yang jelas dan muktamad mengenai Wahdaniyah Allah dan keesaan Uluhiyah, mengenai tabi'at manusia dan hakikat 'Ubudiyah, tetapi mereka berselisih dan bertelagah kerana pencerobohan sesama mereka dan kerana keinginan melakukan pencerobohan dan kezaliman setelah mereka mengabaikan konsep keadilan Allah yang terkandung di dalam 'aqidah-Nya, syari'at-Nya dan kitab-kitab suci-Nya.

Sebelum ini kita telah melihat dalam petikan yang kita nukilkan dari seorang pengarang Kristian di zaman moden bagaimana arus-arus politik telah mencetuskan perselisihan-perselisihan mazhab ini dalam agama Kristian. Ini hanya suatu contoh dari perselisihan-perselisihan yang berulang-ulang berlaku dalam kehidupan kaum Yahudi dan Kristian. Kita juga telah melihat bagaimana kebencian Mesir dan Syam dan lain-lain negeri terhadap pemerintahan Roman menjadi punca negeri-negeri itu menolak mazhab rasmi yang dipegang oleh pemerintah Roman dan menganut mazhab yang lain. Begitu juga usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh setengah-setengah Serimaharaja Rom untuk menyelaraskan di antara negeri-negeri yang menjadi bahagian-bahagian kerajaannya telah menjadi punca usaha mewujudkan satu mazhab baru yang pertengahan yang difikir dapat menyesuaikan dengan kehendak-kehendak semua pihak, seolah-olah agama itu suatu mainan yang digunakan di dalam mengaturkan taktik-taktik politik dan nasionalisme. Inilah pencerobohan yang paling buruk yang dilakukan dengan sengaja dan penuh pengetahuan.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mengemukakan ancaman yang keras yang sesuai dengan tempatnya:

وَمَن يَكْفُرْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ
ٱلْحِسَابِ ١٩

"Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."(19)

Dalam ayat ini Allah telah mengira perselisihan terhadap hakikat tauhid itu sebagai suatu perbuatan yang kufur dan mengancam orang-orang yang kafir dengan hisab yang pantas supaya penangguhan kepada suatu masa yang tertentu itu tidak mendorong mereka kepada kekufuran, keingkaran dan perselisihan yang lebih jauh dan lebih degil lagi.

Kemudian Allah mengajar nabi-Nya s.a.w. kata pemutus dalam pendiriannya terhadap kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin supaya perkara ini dapat diputus dengan mereka dengan jelas dan selepas itu serahkan sahaja urusan mereka kepada Allah. Dengan ini dapatlah beliau meneruskan perjalanannya di jalan yang terang dan berbeza dari mereka:

فَإِنْ حَآجُّوكَ فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِىَ لِلَّهِ وَمَنِ
ٱتَّبَعَنِ ۗ وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْأُمِّيِّـۧنَ
ءَأَسْلَمْتُمْ ۚ فَإِنْ أَسْلَمُوا۟ فَقَدِ ٱهْتَدَوا۟ ۖ وَّإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا
عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ٢٠

"Dan jika mereka mendebatkan engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku. Dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah itu amat Melihat para hamba-Nya."(20)

Tidak ada jalan yang lebih terang dari penerangan yang telah dikemukakan itu. Oleh itu (tiada pilihan melainkan satu di antara dua, iaitu) sama ada mengakui keesaan Uluhiyah dan Qiwamah(القوامة)/ Pentadbiran, dengan menyerah diri dan mengikut dengan patuh atau (mengambil sikap) bertikai dan berdebat, iaitu di sana tiada tauhid dan tiada penyerahan diri.

Oleh sebab itulah Allah Ta'ala mengajar Rasul-Nya s.a.w. sepatah kata yang menjelaskan 'aqidah dan menjelaskan sistem hidup yang diikutinya:

فَإِنْ حَآجُّوكَ

"Dan jika mereka mendebatkan engkau."

yakni dalam persoalan tauhid dan agama.

فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِىَ لِلَّهِ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِ

"Maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku"

Pengungkapan dengan kata-kata:

ٱتَّبَعَنِ

"Yang mengikutku."

mempunyai tujuan yang khusus di sini, kerana agama bukannya semata-mata tasdiq atau percaya, malah mengikut dan mematuhi. Begitu juga pengungkapan dengan kata-kata:

أَسْلَمْتُ وَجْهِىَ

"Menyerahkan wajahku"

mempunyai tujuan yang khusus, kerana agama bukannya semata-mata pengakuan dengan lisan atau i'tiqad dengan hati malah ialah penyerahan diri, iaitu ta'at dan mengikut. Penyerahan wajah merupakan kiasan dari penyerahan diri. Wajah merupakan anggota yang paling tinggi dan paling mulia pada manusia dan penyerahan wajah menggambarkan keta'atan dan kepatuhan yang sentiasa tunduk, mengikut dan menerima (segala arahan dan perintah).

Inilah i'tiqad dan cara hidup Muhammad s.a.w. dan para Muslimin pula adalah mengikut dan meneladani i'tiqad dan cara hidup beliau. Oleh itu hendaklah beliau bertanya kepada kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin yang ummi dengan tujuan mencari penjelasan dan perbezaan dan meletakkan tanda yang membezakan di antara dua khemah itu dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan lagi:

وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْأُمِّيِّـۧنَ ءَأَسْلَمْتُمْ

"Dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam?"

Kedua-dua golongan kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab ini adalah sama sahaja. Kedua-dua diseru kepada menerima agama Islam dengan pengertiannya yang telah kami huraikan sebelum ini. Mereka diseru supaya mengakui keesaan zat Allah, mengakui keesaan Uluhiyah dan Qiwamah/Pentadbiran, dan selepas pengakuan ini, mereka diseru pula supaya tunduk kepada kehendak dan kewajipan pengakuan ini, iaitu berhakimkan kitab Allah, undang-undang dan peraturan-Nya di dalam kehidupan manusia.

فَإِنْ أَسْلَمُوا۟ فَقَدِ ٱهْتَدَوا۟

"Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat."

Hidayat itu hanya tergambar di dalam satu bentuk pengertian sahaja, iaitu dalam bentuk pengertian Islam atau penyerahan diri dengan hakikat dan tabi'atnya (yang telah dihuraikan). Dan di sana tidak ada bentuk pengertian yang lain lagi, tidak ada kefahaman dan pandangan yang lain, tidak ada peraturan dan sistem yang lain yang boleh memberi hidayat, malah segala yang lain itu adalah kesesatan, jahiliyah, kebingungan, penyelewengan dan penyimpangan belaka.

وَّإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَـٰغُ

"Dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja."

Tanggungjawab dan kerja Rasulullah s.a.w. adalah berakhir dengan penyampaian da'wah. Ini adalah sebelum beliau diperintah memerangi mereka yang tidak menerima Islam sehingga mereka membuat keputusan, sama ada memeluk agama Islam dan tunduk kepada sistem pemerintahan yang didokong olehnya atau berjanji ta'at kepada sistem pemerintahannya dalam bentuk membayar jizyah. Kerana (di dalam Islam) tidak ada paksaan di dalam agama.

وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٢٠﴾

"Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya."(20)

Dia mentadbirkan urusan mereka mengikut penglihatan dan ilmu-Nya dan segala urusan mereka terpulang kepada-Nya dalam segala keadaan.

Tetapi Allah tidak meninggalkan mereka sehingga Dia menerangkan kepada mereka akibat kesudahan yang menunggu mereka dan orang-orang yang seperti mereka mengikut undang-undang Allah yang berlaku selama-lamanya terhadap para pendusta dan orang-orang yang melakukan kezaliman dan pencerobohan.

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 22)

Nasib Kesudahan Orang-orang Kafir

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ
ٱلنَّبِيِّـۧنَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ ٱلَّذِينَ يَأْمُرُونَ
بِٱلْقِسْطِ مِنَ ٱلنَّاسِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾
أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ حَبِطَتْ أَعْمَـٰلُهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا
وَٱلْـَٔاخِرَةِ وَمَا لَهُم مِّن نَّـٰصِرِينَ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirakanlah mereka dengan 'azab yang amat pedih (21). Merekalah orang-orang yang terhapus pahala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan mereka sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong."(22)

Dan Kesesiaan Amalan Mereka Yang Baik

Inilah nasib kesudahan yang pasti (berlaku kepada mereka) iaitu 'azab yang amat pedih. Al-Qur'an tidak menentukan 'azab ini di dunia atau di Akhirat, oleh itu 'azab ini diduga akan menimpa mereka di dunia dan di Akhirat. Gambaran amalan-amalan mereka yang disia-siakan di dunia dan di Akhirat itu digambarkan dengan ungkapan-ungkapan yang hidup, kerana kata-kata "حبوط" pada asalnya bermakna penyakit kembung perut yang dihidapi binatang yang memakan sejenis tumbuhan yang beracun dan penyakit ini merupakan penyakit yang akan membawa maut kepada binatang itu. Demikianlah juga amalan-amalan orang-orang yang kafir mungkin kelihatan mengembung besar dan hebat pada penglihatan orang ramai, tetapi kekembungan itu hanya membawa kepada kesesiaan dan kebinasaan sahaja (pada hari Akhirat), di mana mereka tidak akan ditolong dan dipertahankan oleh sesiapa pun.

Di dalam ayat ini perbuatan mengingkarkan ayat-ayat Allah disertakan dengan perbuatan membunuh para nabi tanpa sesuatu alasan yang benar - dan tidak mungkin adanya alasan yang benar pada jenayah membunuh mana-mana nabi - juga membunuh orang-orang yang menyuruh orang ramai melakukan keadilan, iaitu orang-orang yang menyuruh mereka supaya mengikut undang-undang dan peraturan Allah yang ditegakkan di atas keadilan dan menghasilkan keadilan. Sebutan sifat-sifat ini membayangkan bahawa ancaman itu ditujukan kepada kaum Yahudi, kerana inilah sifat-sifat mereka di dalam sejarah mereka dan mereka dikenal dengannya apabila disebut sifat-sifat itu. Tetapi ini tidak pula menghalangkan bahawa perkataan ini juga ditujukan kepada kaum Nasara kerana mereka juga - sehingga ke tarikh itu - telah membunuh beribu-ribu penganut mazhab yang bertentangan dengan mazhab kerajaan Kristian Roman termasuk mereka yang berterus-terang mengakui keesaan Allah Ta'ala dan kemanusiaan al-Masih a.s. Dan mereka ini tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang menyuruh orang ramai berlaku adil. Begitu juga ancaman ini merupakan satu ancaman yang berterusan kepada setiap mereka yang melakukan perbuatan yang keji itu. Dan orang-orang ini memang ramai di setiap zaman.

Eloklah kita sentiasa ingat apakah maksud Al-Qur'an apabila ia menyebut sifat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ

"Orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah,"(21)

kerana maksudnya bukanlah semata-mata ditujukan kepada mereka yang mengumumkan kalimah keingkaran sahaja, malah termasuk sama di dalam sifat ini mereka yang tidak mengakui keesaan Uluhiyah dan tidak menentukan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Ini secara terus-terang termasuk pengakuan terhadap keesaan pihak yang mentadbirkan kehidupan manusia dengan undang-undang dan peraturan, dengan bimbingan dan pimpinan, dengan nilai-nilai dan neraca-neraca (selain daripada yang Allah tetapkan). Oleh itu sesiapa yang dari awal lagi mengakui mana-mana kerja ini kepada yang lain dari Allah, maka dia adalah seorang musyrik atau seorang yang kafir terhadap Uluhiyah Allah walaupun dia mengakui Uluhiyah Allah dengan lidah mereka seribu kali. Kita akan melihat di dalam ayat-ayat selanjutnya bukti kebenaran kesimpulan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 25)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يُدْعَوْنَ إِلَىٰ كِتَٰبِ ٱللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا۟ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۖ وَغَرَّهُمْ فِى دِينِهِم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

فَكَيْفَ إِذَا جَمَعْنَٰهُمْ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya Ia mengadili di antara mereka, kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka menghindari (seruan itu)(23). Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka(24). Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka pada hari (Qiamat) yang tidak mempunyai sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekati-kali tidak akan dianiayai."(25)

Al-Qur'an Berfungsi Sebagai Pengesah Seluruh Kitab-kitab Suci Yang Lain

Itulah pertanyaan yang bertujuan menyatakan kehairanan dan mengecam sikap kaum Ahlil-Kitab yang aneh dan bertentangan. Mereka dikurniakan habuan dari kitab suci iaitu Taurat yang dikurniakan kepada kaum Yahudi dan di samping Taurat ialah kitab Injil yang dikurniakan kepada kaum Nasara.

Kedua-dua kaum itu masing-masing dikurniakan habuan kitab suci memandangkan kitab Allah itu merupakan seluruh yang telah diturunkan Allah kepada para Rasul-Nya dan di sanalah dijelaskan konsep keesaan Uluhiyah dan Qiwamah/Pentadbiran Allah. Segala kitab yang diturunkan kepada para Rasul itu pada hakikatnya merupakan satu kitab sahaja, yang mana kaum Yahudi dikurniakan sebahagian darinya dan kaum Nasara juga dikurniakan sebahagian darinya, sedangkan kaum Muslimin dikurniakan semua kitab itu memandang Al-Qur'an sebagai sebuah kitab yang merangkumi seluruh dasar-dasar agama Allah dan mengesahkan semua kitab suci yang diturunkan sebelumnya. Pertanyaan ini merupakan pertanyaan menyatakan kehairanan terhadap kaum Ahlil-Kitab yang diseru supaya berhakimkan kitab Allah di dalam pertelingkahan-pertelingkahan mereka, dan dalam segala urusan hidup mereka, tiba-tiba seluruh mereka tidak menyambut seruan itu, malah segolongan dari mereka menolak dari berhakimkan kitab Allah dan syari'at-Nya, iaitu satu perkara yang bertentangan dengan keimanan mereka terhadap mana-mana bahagian kitab Allah dan tidak selaras dengan dakwaan mereka selaku Ahlil-Kitab:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يُدْعَوْنَ
إِلَىٰ كِتَٰبِ ٱللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
وَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya mengadili di antara mereka, kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka menghindari (seruan itu)."(23)

Keengganan Ahlil-Kitab Berhakimkan Kitab Allah

Demikianlah Allah menyatakan kehairanan terhadap sikap Ahlil-Kitab apabila segolongan dari mereka menolak dari berhakimkan kitab Allah di dalam perkara-perkara i'tiqad dan urusan-urusan kehidupan. Bagaimana pula dengan mereka yang mengaku sebagai orang-orang Islam kemudian mereka mengeluarkan syari'at Allah dari seluruh bidang kehidupan mereka, namun begitu mereka masih terus mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam? Ini adalah satu contoh yang dikemukakan Allah kepada kaum Muslimin juga supaya mereka mengetahui hakikat agama dan tabi'at Islam dan supaya mereka berwaspada dari menjadi sasaran pernyataan kehairanan Allah dan kecaman-Nya. Jika kecaman ini ditujukan kepada sikap Ahlil-Kitab, yang tidak mendakwa diri mereka Islam, apabila segolongan dari mereka enggan berhakimkan kepada kitab Allah, maka bagaimana pula kecaman Allah apabila orang-orang Islam sendiri yang enggan berhakimkan kepada kitab Allah. Tentulah ia menjadi suatu kehairanan yang tidak putus-putus dan menjadi bala yang tidak dapat diduga dan melamarkan kemurkaan Allah yang membawa kepada kecelakaan dan terusir dari rahmat Allah, wal-Iyazu-billahi.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan punca pendirian mereka yang keji dan bertentangan itu:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا۟ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا
مَّعْدُودَٰتٍ ۖ وَغَرَّهُمْ فِى دِينِهِم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja, dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka."(24)

Inilah sebab keengganan mereka dari berhakimkan kitab Allah dan punca pertentangan mereka dengan dakwaan mereka sebagai orang-orang yang beriman dan sebagai Ahlil-Kitab. Ia berpunca dari ketiadaan kepercayaan terhadap kesungguhan hisab pada hari Qiamat dan kesungguhan keadilan Ilahi yang tidak memilih kasih. Ini ternyata di dalam perkataan mereka:

لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۖ

"Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja."

Jika tidak, mengapa api Neraka tidak menyentuh mereka melainkan sekadar beberapa hari sahaja? Mengapa mereka berkata begitu sedangkan mereka menyeleweng sama sekali dari hakikat agama, iaitu enggan berhakimkan kitab Allah dalam segala perkara dan urusan? Mengapa mereka berkata begitu jika mereka benar-benar percaya kepada keadilan Allah dan benar-benar yakin terhadap pertemuan dengan Allah? Mereka berkata begitu semata-mata dusta sahaja kemudian mereka tertipu dengan kedustaan mereka sendiri:

وَغَرَّهُمْ فِى دِينِهِم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka."(24)

Sebenarnya tidak mungkin terkumpul dalam sebuah hati kesungguhan kepercayaan terhadap pertemuan dengan Allah dan kesungguhan perasaan terhadap hakikat pertemuan dengan kelemahan dan kegoyahan kepercayaan terhadap balasan dan keadilan Allah.

Sebenarnya tidak mungkin terkumpul di dalam sebuah hati perasaan takut kepada hari Akhirat dan malu kepada Allah dengan perasaan enggan berhakimkan kepada kitab Allah di dalam segala urusan kehidupannya.

Sifat Ahlil-Kitab itu sama dengan sifat mereka yang mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam pada hari ini. Apabila mereka diseru kepada berhakimkan kitab Allah, mereka enggan dan menolak dan ada pula di antara mereka yang berlagak angkuh dan biadab. Mereka mendakwa

bahawa kehidupan manusia itu adalah urusan dunia bukan urusan agama dan agama tidak perlu dilibatkan di dalam kehidupan amali manusia, di dalam perhubungan-perhubungan ekonomi dan sosial mereka, malah dalam kehidupan kekeluargaan mereka. Namun demikian, mereka masih terus mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam. Ada pula setengah mereka secara bodoh dan bebal beranggapan bahawa Allah tidak akan mengazabkan mereka (di Akhirat) melainkan semata-mata untuk membersihkan mereka dari dosa-dosa maksiat, kemudian selepas itu mereka akan dimasukkan ke dalam Syurga kerana bukankah mereka orang-orang Islam belaka? Anggapan ini sama sahaja dengan anggapan kaum Ahlil-Kitab dan keangkuhan mereka sama sahaja dengan keangkuhan Ahlil-Kitab yang tertipu dengan kedustaan yang telah diada-adakan mereka tanpa sebarang prinsip dalam agama. Kedua-dua golongan ini sama sahaja dalam tindak-tanduk mereka yang melencong dari prinsip pokok dan hakikat agama yang diredhai oleh Allah, iaitu penyerahan diri, keta'atan dan kepatuhan kepada perintah dan penerimaan peraturan dan undang-undang dari Allah Yang Maha Esa sahaja dalam segala urusan kehidupan:

فَكَيۡفَ إِذَا جَمَعۡنَٰهُمۡ لِيَوۡمٖ لَّا رَيۡبَ فِيهِ وَوُفِّيَتۡ
كُلُّ نَفۡسٖ مَّا كَسَبَتۡ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ٢٥

"Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai."(25)

Bagaimana? Itulah ancaman yang menggerunkan hati Mu'min yang menghadapinya apabila ia menyedari kesungguhan hari Qiamat dan kesungguhan pertemuan dengan Allah itu, juga kesungguhan keadilan Allah. Kepercayaan dan kesedarannya tidak menjadi lemah bersama angan-angan yang palsu dan kebohongan-kebohongan yang mengeliru. Di samping itu ia merupakan ancaman kepada semua pihak, iaitu kaum Musyrikin, kaum Mulhidin/Atheis, kaum Ahlil-Kitab dan pendakwa-pendakwa Islam. Semua golongan ini sama sahaja, iaitu mereka tidak merealisasikan Islam di dalam kehidupan mereka.

فَكَيۡفَ إِذَا جَمَعۡنَٰهُمۡ لِيَوۡمٖ لَّا رَيۡبَ فِيهِ

"Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka pada hari (Qiamat) Yang tidak mempunyai sebarang keraguan itu?"

dan keadilan mengambil jalannya:

وَوُفِّيَتۡ كُلُّ نَفۡسٖ مَّا كَسَبَتۡ وَهُمۡ لَا
يُظۡلَمُونَ ٢٥

"Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai"(25)

yakni dilakukan kezaliman dan pilih kasih di dalam hisab Allah.

Pertanyaan ini dikemukakan tanpa jawapan...... tetapi hati telah menjadi begitu takut dan gementar untuk mencari jawapan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Hakikat Uluhiyah Dan Qiwamah

Selepas itu Allah mengajar Rasulullah s.a.w. dan setiap Mu'min supaya berdo'a kepada Allah dan mengakui hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa dan hakikat Qiwamah/ Pentadbiran yang tunggal di dalam kehidupan manusia dan di dalam pengurusan alam buana. Keduanya merupakan gejala dari Uluhiyah dan Hakimiyah iaitu kuasa kehakiman dan kepemerintahan Allah yang tiada sekutu dan tiada tandingan bagi-Nya:

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلۡمُلۡكِ تُؤۡتِي ٱلۡمُلۡكَ مَن تَشَآءُ
وَتَنزِعُ ٱلۡمُلۡكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ
مَن تَشَآءُۖ بِيَدِكَ ٱلۡخَيۡرُۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٢٦
تُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِۖ
وَتُخۡرِجُ ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَتُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتَ مِنَ ٱلۡحَيِّۖ
وَتَرۡزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٢٧

"Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan. Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki, di tangan Engkaulah terletaknya segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu(26). Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab."(27)

Ini adalah suatu seruan yang penuh khusyu'. Di dalam susunan katanya terdapat nada do'a dan dalam bayangan maknanya terdapat jiwa dan intisari memohon dan di dalam tudingannya kepada kitab alam buana yang terbuka merangsangkan perasaan manusia dengan halus dan lemah-lembut. Dan seterusnya di dalam pengumpulan di antara pengurusan Allah dan pengendalian-Nya terhadap

urusan manusia dan urusan alam buana terdapat isyarat kepada hakikat yang agung, iaitu hakikat Uluhiyah dan Qiwamah/ Pentadbiran Yang Maha Esa terhadap alam buana dan manusia, dan hakikat bahawa urusan hal ehwal manusia itu merupakan sebahagian dari urusan alam buana yang besar yang dikendalikan Allah. Dan prinsip memberi keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja itu merupakan tugas seluruh alam buana di samping menjadi tugas manusia. Dan perbuatan menyeleweng dari prinsip ini merupakan satu perbuatan yang ganjil, bebal dan sesat.

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلْمُلْكِ تُؤْتِى ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ

"Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan. Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki."

Itulah hakikat yang terbit dari hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa. Dari hakikat Tuhan Yang Maha Esa lahirlah hakikat Pemilik Yang Maha Esa. Dialah "yang memilik teraju kekuasaan" tanpa sebarang sekutu. Kemudian Dialah yang mengurniakan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sebahagian dari kekuasaan-Nya sebagai suatu pinjaman, yang bebas diambil balik pada bila-bila masa yang dikehendaki-Nya. Tiada seorang pun yang mempunyai hak milik yang tulen yang dapat berbuat sekehendak hatinya, malah hak milik itu adalah hak milik pinjaman yang tunduk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan pemilik sejati. Apabila si peminjam melakukan urus tindak yang bertentangan dengan syarat-syarat itu, maka urus tindak itu tidak sah dan wajiblah ia mengembalikan kuasa itu balik di dunia ini dan adapun di Akhirat dia akan dihisab terhadap urus tindaknya yang salah dan bertentangan dengan syarat pemilik asal yang telah memberi milik kepadanya itu.

Demikianlah juga, Dialah yang memuliakan siapa yang dikehendaki-Nya dan menghinakan siapa yang dikehendaki-Nya dan tiada siapa yang berhak menegurkan keputusan-Nya, tiada siapa yang berkuasa menolak keputusan dan ketetapan-Nya. Dialah yang memegang teraju segala urusan dan tiada sesiapa pun yang berhak mengendalikan ikhtisas ini selain dari Allah.

Dalam pentadbiran Allah terdapat kebajikan dan kebaikan belaka. Dia menjalankan pentadbiran itu dengan adil dan saksama. Dia memberi kekuasaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mencabutkan kekuasaan dari sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama. Dia memuliakan siapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama dan menghinakan siapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama. Keadilan itulah kebaikan dan kebajikan yang haqiqi dalam segala keadaan dan itulah kehendak iradat Allah yang mutlak dan qudrat Allah yang mutlak untuk merealisasikan kebajikan. Dan kebaikan ini dalam segala keadaan:

بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

"Ditangan Engkaulah terletaknya segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(26)

Pentadbiran Allah terhadap urusan-urusan hidup dan kebajikan manusia merupakan sebahagian dari pentadbiran agung-Nya terhadap seluruh urusan alam buana dan urusan hidup.

تُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ وَتُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ وَتَرْزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

"Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, dan Engkau-lah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab."(27)

Harakat Siang Dan Malam

Pengungkapan secara gambaran mengenai hakikat yang besar ini dapat memenuhi hati, perasaan, penglihatan dan pancaindera seseorang dengan hakikat ini. Harakat yang halus yang saling masuk memasuki, iaitu harakat memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan hakikat mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup adalah harakat yang membuktikan qudrat Allah tanpa sebarang kekeliruan dan pertikaian apabila hati seseorang memberi perhatian yang teliti kepadanya dan apabila ia mendengar kepada suara fitrah yang benar dan mendalam.

Sama ada pengertian memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam ialah siang mengambil sebahagian dari malam atau malam mengambil sebahagian dari siang dalam masa peredaran musim-musim atau masuknya siang ke dalam malam dan masuknya malam ke dalam siang ketika kegelapan merangkak masuk di waktu senja, dan ketika kecerahan merangkak masuk di limun pagi. Kedua-dua pengertian itu membuat hati seseorang melihat tangan qudrat Allah menggerakkan bintang-bintang dan mengedarkan bumi yang gelap itu di hadapan matahari yang terang-benderang, menukarkan tempat-tempat yang gelap dengan tempat-tempat yang cerah, kemudian kegelapan malam perlahan-lahan bertukar kepada kecerahan siang dan pagi perlahan-lahan bernafas di dalam

kegelapan. Kemudian malam perlahan-lahan menjadi panjang apabila ia memakan hari siang pada permulaan musim dingin, kemudian perlahan-lahan pula siang menjadi panjang apabila ia menarik sebahagian malam di permulaan musim panas. Kedua-dua harakat siang dan malam itu tidak pernah didakwa oleh seseorang pun bahawa dialah yang memegang benang-benang rahsianya yang halus dan tidak ada seseorang yang berakal pun pernah mendakwa bahawa harakat siang dan malam itu berlangsung secara kebetulan sahaja tanpa pentadbiran.

Hayat Dan Maut

Demikian juga hayat dan maut atau hidup dan mati salah satunya bergerak meniti pada yang lain dengan beransur-ansur dan perlahan-lahan. Pada setiap sa'at yang melalui setiap yang hidup kita dapati maut bergerak meniti pada yang hidup dan memakannya. Kemudian hayat dibina kembali padanya yakni sel-selnya yang hidup mati dan kemudian sel-sel yang baru pula muncul dan bekerja. Mana-mana yang hilang dan mati akan kembali hidup dalam pusingan yang lain dan mana-mana yang muncul hidup akan kembali mati dalam pusingan yang lain. Inilah yang berlaku pada yang hidup. Kemudian lingkungan maut itu semakin meluas, iaitu yang hidup itu mati semuanya, tetapi sel-selnya akan berubah kepada zarah-zarah yang masuk ke dalam satu rangka susunan yang lain kemudian masuk ke dalam satu jisim yang hidup lalu ia bergerak hidup. Demikianlah pusingan hayat dan maut itu berlangsung setiap sa'at malam dan siang dan tiada seorang pun yang pernah mendakwa bahawa dialah yang melakukan sesuatu dari pusingan itu dan tiada seorang yang berakal pun yang mendakwa bahawa pusingan itu berlaku sedemikian secara kebetulan tanpa pentadbiran.

Harakat yang berlaku di seluruh alam buana dan harakat yang berlaku pada setiap yang hidup adalah harakat yang halus, mendalam, seni dan hebat. Harakat ini telah ditonjolkan oleh ayat Al-Qur'an yang pendek ini kepada hati dan akal manusia. Harakat ini membayangkan qudrat Allah Yang Maha Kuasa, Maha Pencipta, Maha Halus dan Maha Pentadbir. Bagaimana manusia berusaha mengasingkan pentadbiran urusan kehidupan kreatif dari Allah Yang Maha Halus dan Maha Pentadbir? Bagaimana manusia memilih untuk mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan dari ciptaan hawa nafsu mereka sendiri, sedangkan mereka merupakan sebahagian dari alam buana yang ditadbirkan oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya?

Kemudian bagaimana manusia memperhambakan satu sama lain dan mempertahankan satu sama lain, sedangkan seluruh mereka diberi rezeki oleh Allah dan seluruh mereka bergantung kepada kemurahan Allah?

وَتَرۡزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٢٧

"Dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab."(27)

Inilah sentuhan yang mengembalikan hati manusia kepada hakikat yang agung, iaitu hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa, hakikat pentadbiran Yang Maha Esa, hakikat penciptaan Yang Maha Esa, hakikat pengendalian Yang Maha Esa, hakikat pemilikan Yang Maha Esa dan hakikat pengurniaan Yang Maha Esa. Ia juga mengembalikan hati manusia kepada hakikat bahawa keta'atan itu hanya kepada Allah Yang Maha Pentadbir sahaja, yang memiliki teraju kekuasaan, yang menentukan kemuliaan dan kehinaan, yang mematikan dan menghidup, yang mengurnia dan yang menahan dan yang mentadbirkan urusan alam buana dan manusia dengan adil saksama dan penuh kebajikan dalam segala keadaan.

Sentuhan ini juga menguatkan kecaman yang telah dikemukakan dalam ceraian ayat yang silam terhadap sikap Ahlil-Kitab yang enggan berhakimkan kitab Allah yang mengandungi peraturan-peraturan dan undang-undang Allah untuk manusia, sedangkan undang-undang Allahlah yang mentadbirkan seluruh urusan alam buana dan urusan manusia....... dan dalam waktu yang sama ia membuka jalan kepada amaran yang akan disebut di dalam ceraian ayat yang berikut yang melarang orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman, sedangkan orang-orang kafir itu tidak mempunyai apa-apa kuasa di alam buana ini, malah segala urusan alam ini tergenggam di tangan qudrat Allah dan Dialah Penaung dan Pelindung para Mu'min bukannya yang lain dari-Nya:

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 30)

لَّا يَتَّخِذِ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ فَلَيۡسَ مِنَ ٱللَّهِ فِي شَيۡءٍ
إِلَّآ أَن تَتَّقُواْ مِنۡهُمۡ تُقَىٰةٗۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ
نَفۡسَهُۥۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلۡمَصِيرُ ٢٨
قُلۡ إِن تُخۡفُواْ مَا فِي صُدُورِكُمۡ أَوۡ تُبۡدُوهُ يَعۡلَمۡهُ
ٱللَّهُۗ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَٱللَّهُ
عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٢٩
يَوۡمَ تَجِدُ كُلُّ نَفۡسٖ مَّا عَمِلَتۡ مِنۡ خَيۡرٖ مُّحۡضَرٗا
وَمَا عَمِلَتۡ مِن سُوٓءٖ تَوَدُّ لَوۡ أَنَّ بَيۡنَهَا وَبَيۡنَهُۥٓ أَمَدَۢا

بَعِيدًاۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفۡسَهُۥۗ وَٱللَّهُ رَءُوفُۢ بِٱلۡعِبَادِ ﴿٣٠﴾

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman, dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikit pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah mengingatkan dirinya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali(28). Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya. Dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (29). Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya, begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh. Dan Allah mengingatkan dirinya kepada kamu. Dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya."(30)

Di dalam ayat yang silam, Al-Qur'an merangsangkan kesedaran bahawa seluruh urusan itu di tangan qudrat Allah, seluruh kekuatan adalah milik Allah, seluruh teraju pentadbiran dipegang oleh Allah dan seluruh punca rezeki di tangan kemurahan Allah. Oleh itu apakah ertinya orang yang beriman bersahabat dengan musuh-musuh Allah? Di dalam sebuah hati tidak mungkin terkumpul keimanan kepada Allah dan persahabatan setia dengan musuh-musuh Allah yang enggan berhakimkan kitab Allah apabila mereka diserukan berbuat demikian. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memberi amaran yang sekeras ini, di mana ia dengan tegas menjelaskan keluarnya seseorang Muslim dari keislamannya apabila ia bersahabat setia dengan orang-orang kafir yang tidak redha berhakimkan kitab Allah di dalam kehidupan mereka, sama ada bersahabatan setia ini dengan hubungan kasih mesra di dalam hati atau dengan menolong mereka atau dengan meminta pertolongan dari mereka.

Hukum Bersahabat Setia Dengan Orang Kafir

لَّا يَتَّخِذِ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ فَلَيۡسَ مِنَ ٱللَّهِ فِي شَيۡءٍ

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman, dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikitpun."(28)

Demikianlah dia tidak ada apa-apa hubungan dan sangkut-paut dengan Allah, tidak ada apa-apa hubungan agama dan 'aqidah, tidak ada apa-apa pertalian dan naungan, malah dia jauh dari Allah dan putus segala hubungan dengan-Nya.

Taqiyah Yang Dibenarkan

Perbuatan taqiyah(تقية) (atau berlagak pura-pura melakukan sesuatu pada zahir kerana menjaga keselamatan diri) hanya dibenarkan kepada mereka yang takut di setengah-setengah negeri dan di waktu-waktu yang tertentu sahaja, tetapi hendaklah taqiyah itu berupa taqiyah lisan sahaja bukannya taqiyah kasih mesra dan kesetiaan di hati dan bukan pula kesetiaan dalam bentuk amalan dan tindakan. Ujar Ibn Abbas r.a.: Taqiyah itu bukannya dengan tindakan tetapi hanya dengan lisan. Oleh itu tidak termasuk di dalam taqiyah yang di benar syara' mengadakan hubungan yang mesra di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang kafir, iaitu orang yang tidak redha berhakimkan kepada kitab Allah di dalam urusan kehidupan umumnya sebagaimana difahamkan oleh ayat ini secara tidak langsung dan oleh ayat lain di tempat yang lain di dalam surah ini secara terus-terang. Begitu juga ia tidak termasuk dalam taqiyah yang dibenarkan syara' orang-orang yang beriman mengadakan usaha kerjasama dan saling bantu-membantu dengan orang kafir secara amali dalam apa bentuk sekalipun atas nama taqiyah. Tipu helah yang seperti ini tidak harus dilakukan ke atas Allah.

Oleh sebab perkara yang seumpama ini diserahkan kepada hati nurani dan kepada ketaqwaan seseorang dan ketakutannya kepada Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia yang ghaib, maka ancaman berikut mengandungi peringatan kepada para Mu'minin supaya berwaspada terhadap kemurkaan Allah. Dan peringatan itu disampaikan dengan ungkapan yang amat menarik:

وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفۡسَهُۥۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

"Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali."(28)

Kemudian ayat yang berikut terus memberi peringatan dan mencubit hati manusia dan menyedarkan mereka bahawa Allah sentiasa melihat mereka dan ilmu Allah mengikuti segala gerak-geri mereka:

قُلۡ إِن تُخۡفُواْ مَا فِي صُدُورِكُمۡ أَوۡ تُبۡدُوهُ يَعۡلَمۡهُ ٱللَّهُۗ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴿٢٩﴾

"Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya. Dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha berkuasa di atas segala sesuatu."(29)

Ayat ini menekankan lagi peringatan dan ancaman, menguatkan lagi pemberangsang supaya takut kepada Allah dan menjaga keselamatan diri dari terdedah kepada kemurkaan Allah yang berasaskan ilmu dan qudrat-Nya. Oleh itu tiada tempat

perlindungan dan tiada pertolongan yang dapat menyelamatkan seorang dari kemurkaan-Nya.

Kemudian ayat yang berikut selangkah lagi menyambung peringatan dan mencubit hati dengan membawa hari Qiamat yang ditakuti, di mana tiada satu amalan dan satu niat pun yang terlepas dari hisab dan di mana setiap orang akan menghadapinya dengan seluruh tabung simpanan amalannya:

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحْضَرًا
وَمَا عَمِلَتْ مِن سُوٓءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُۥٓ أَمَدًۢا
بَعِيدًا ۗ

"Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya, begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh."(30)

Ini adalah satu persemukaan yang menutup segala jalan kepada hati manusia. Ia mengepungnya dengan tabung amalannya yang baik dan jahat dan ia menggambarkan keadaan dirinya ketika dia berdepan dengan tabung amalan ini, di mana dia berangan-angan - tetapi sayang kini bukan masa berangan-angan - andainya wujud di antara dia dan amalan-amalannya yang jahat yang telah dilakukannya itu satu masa yang amat jauh atau wujud di antara dia dan hari Qiamat itu masa yang amat jauh. Sedangkan hari itu terus menghadapinya dan memegang lehernya dan masa itu bukan lagi masa menyelamatkan diri dan bukan lagi masa lari.

Kemudian ayat yang berikut menyambung serangan ke atas hati manusia. Ia mengulangi amaran Allah S.W.T. yang mengingatkan diri-Nya kepada manusia:

وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفْسَهُۥ ۗ

"Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu."

Kemudian Allah mengingatkan rahmat-Nya kepada mereka di dalam amaran itu dan mengingatkan bahawa peluang masih terbuka dan belum luput waktunya:

وَٱللَّهُ رَءُوفٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٣٠﴾

"Dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya."(30)

Dan di antara bukti kesayangan Allah ialah Dia memberi amaran dan peringatan ini dan inilah bukti bahawa Allah mahukan kebajikan dan rahmat kepada para hamba-Nya.

Islam Melarang Hubungan Setiakawan Dengan Orang-orang Kafir

Penerangan besar-besaran ini yang telah menggunakan berbagai-bagai singgungan, saranan, gaya pengungkapan dan isyarat membayangkan wujudnya keadaan yang merbahaya yang berlaku di dalam masyarakat kaum Muslimin, kerana terjalin hubungan-hubungan baik di antara individu-individu dari khemah Muslimin dengan kaum kerabat, sahabat handai dan agen-agen mereka di Makkah yang terdiri dari orang Musyrikin dan hubungan mereka di Madinah dengan kaum Yahudi di bawah motif hubungan kekeluargaan atau perniagaan. Sedangkan Islam mahu membangunkan asas masyarakat Islam yang baru itu di atas asas 'aqidah semata-mata dan di atas asas sistem hidup yang lahir dari 'aqidah ini. Itulah matlamat yang membuat Islam sama sekali tidak membenarkan sikap yang goyah dan terumbang-ambing itu.

Penerangan besar-besaran itu juga membayangkan bagaimana perlunya hati manusia berusaha setiap waktu untuk membebaskan dirinya dari ikatan-ikatan hubungan ini dan pulang ke jalan Allah dan berpegang teguh dengan sistem hidup yang diatur oleh-Nya.

Islam tidak melarang orang-orang Islam bermu'amalah dengan baik terhadap mereka yang tidak memerangi agamanya walaupun mereka berpegang dengan agama yang lain dari agamanya, tetapi persahabatan setia itu adalah sesuatu hubungan yang lain dari mu'amalah yang baik, kerana persahabatan setia itu suatu hubungan mesra dan tolong-menolong satu sama lain, dan hubungan sedemikian tidak mungkin wujud di dalam hati Mu'min yang sebenar melainkan terhadap sesama orang-orang yang beriman yang sama-sama mempunyai pertalian dengan Allah dan sama-sama tunduk kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah dan sama-sama berhakimkan kitab Allah dengan penuh keta'atan dan kepatuhan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Pada akhirnya pelajaran ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang tegas yang memutuskan persoalan yang dibicarakannya, iaitu persoalan yang menjadi garis terbesar yang asasi di dalam surah ini. Kenyataan itu diatur dengan susunan kalimah yang pendek untuk menjelaskan hakikat iman dan hakikat agama. Ia menggariskan perbezaan yang tegas di antara keimanan dan kekafiran dengan kejelasan yang tidak meninggalkan sebarang keraguan dan kekeliruan.

Kepatuhan Kepada Allah Pasti Dibuktikan Dengan Kepatuhan Mengikut Sunnah

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾
قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Katakanlah jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(31). Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

Cinta kepada Allah bukannya dakwaan dengan lisan dan bukannya kerinduan hati semata-mata. Malah semestinya disertai dengan mengikuti sunnah Rasulullah, berjalan mengikut hidayatnya dan mengamalkan sistem hidupnya di dalam kehidupan. Keimanan juga bukannya kalimah-kalimah yang diucapkan dan bukannya perasaan-perasaan yang berkobar-kobar dan bukan pula syi'ar-syi'ar yang diadakan. Tetapi keimanan itu ialah keta'atan kepada Allah dan Rasul dan mengamalkan sistem hidup yang diatur oleh Allah yang dibawa oleh Rasul.

Ujar al-Imam ibn Kathir dalam tafsirnya mengenai ayat yang pertama: "Ayat yang mulia ini menghukumkan setiap orang yang mendakwa kasihkan Allah, sedangkan dia tidak mengikut sunnah Nabi Muhammad bahawa dia sebenarnya dusta sehingga dia mengikut syari'at Muhammad dan agama nabi-Nya dalam segala tutur kata dan amalan-amalannya, sebagaimana telah thabit di dalam sebuah hadith yang sahih dari Rasulullah s.a.w. sabdanya:

من عمل عملاً ليس عليه أمرنا فهو رد

"Sesiapa yang mengerjakan sesuatu amalan yang tidak disahkan oleh agama kami, maka amalan itu adalah ditolak."

Kemudian ujar beliau pula mengenai ayat yang kedua:

قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir"(32)

"Jika kamu berpaling." (فإن تولوا) - Yakni jika kamu menyalahi perintah Rasulullah.

فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir"(32)

Ini menunjukkan bahawa perbuatan menyalahi Rasulullah di dalam agama itu adalah satu perbuatan yang kufur dan Allah tidak suka kepada mereka yang bersifat demikian walaupun mereka mendakwa dan menyangka di dalam hatinya bahawa mereka cintakan Allah.

Ujar al-Imam Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad ibn Qayim al-Jauziyah di dalam kitabnya "زاد المعاد فى هدى خير العباد" :

"Sesiapa yang memperhatikan sirah Rasulullah s.a.w. dan riwayat-riwayat yang sah mengenai pengakuan sebilangan ramai Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin yang mengakui kerasulan dan kebenaran beliau, sedangkan pengakuan yang seperti itu tidak dapat memasukkan mereka ke dalam Islam..... maka dia tentulah sedar bahawa Islam itu suatu perkara yang lebih dari pengakuan itu lagi. Ia bukannya semata-mata kenal sahaja dan bukan pula semata-mata kenal dan mengaku sahaja, malah Islam ialah kenal, mengaku, mengikut, menta'ati dan mematuhi agamanya lahir dan batin....."

Agama Islam mempunyai hakikatnya yang tersendiri. Ia tidak wujud tanpa hakikat itu. Hakikat itu ialah hakikat keta'atan kepada syari'at Allah, mengikut sunnah Rasulullah dan berhakimkan kitab Allah. Itulah hakikat yang lahir dari hakikat tauhid yang dibawa oleh Islam, iaitu tauhid Uluhiyah, yang mana Allah sahaja yang berhak disembah manusia dan berhak dita'ati perintah-Nya, berhak dijalankan syari'at-Nya di dalam kehidupan mereka dan berhak menentukan nilai-nilai dan neraca-neraca untuk mereka berhakimkan kepadaNya dan merelakan keputusan-keputusan-Nya. Dan dari sinilah lahirnya tauhid qiwamah yang menjadikan hak memerintah dan mentadbir kehidupan manusia dan segala hubungannya hanya bagi Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana ia menjadikan hak memerintah dan mentadbirkan seluruh alam buana ini hanya bagi Allah Yang Maha Esa sahaja sedangkan manusia hanya merupakan sebahagian dari alam buana.

(Kumpulan ayat-ayat 33 - 64)

Pelajaran pertama dari surah ini telah menjelaskan hakikat ini dalam satu gambaran yang jelas dan lengkap yang pasti dihadapi dan diterima oleh siapa yang mahu menjadi seorang Islam, kerana agama yang diredhai di sisi Allah itu ialah agama Islam. Inilah satu-satunya pengertian Islam yang disyari'atkan Allah bukannya Islam seperti yang digambarkan oleh anggapan-anggapan yang dusta dan kepercayaan-kepercayaan yang salah.

إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰٓ ءَادَمَ وَنُوحًا وَءَالَ إِبْرَٰهِيمَ وَءَالَ
عِمْرَٰنَ عَلَى ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٣٣﴾
ذُرِّيَّةًۢ بَعْضُهَا مِنۢ بَعْضٍ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٤﴾
إِذْ قَالَتِ ٱمْرَأَتُ عِمْرَٰنَ رَبِّ إِنِّى نَذَرْتُ لَكَ مَا فِى
بَطْنِى مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّىٓ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٥﴾
فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّى وَضَعْتُهَآ أُنثَىٰ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ
بِمَا وَضَعَتْ وَلَيْسَ ٱلذَّكَرُ كَٱلْأُنثَىٰ ۖ وَإِنِّى سَمَّيْتُهَا
مَرْيَمَ وَإِنِّىٓ أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ ٱلشَّيْطَـٰنِ
ٱلرَّجِيمِ ﴿٣٦﴾

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنۢبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا
وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيۡهَا زَكَرِيَّا ٱلۡمِحۡرَابَ
وَجَدَ عِندَهَا رِزۡقًا قَالَ يَٰمَرۡيَمُ أَنَّىٰ لَكِ هَٰذَا قَالَتۡ هُوَ
مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ إِنَّ ٱللَّهَ يَرۡزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٍ ٣٧
هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُۥ قَالَ رَبِّ هَبۡ لِي مِن
لَّدُنكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ٣٨
فَنَادَتۡهُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَهُوَ قَآئِمٞ يُصَلِّي فِي ٱلۡمِحۡرَابِ
أَنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحۡيَىٰ مُصَدِّقَۢا بِكَلِمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ
وَسَيِّدٗا وَحَصُورٗا وَنَبِيّٗا مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ٣٩
قَالَ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَٰمٞ وَقَدۡ بَلَغَنِيَ ٱلۡكِبَرُ
وَٱمۡرَأَتِي عَاقِرٞ قَالَ كَذَٰلِكَ ٱللَّهُ يَفۡعَلُ مَا يَشَآءُ ٤٠
قَالَ رَبِّ ٱجۡعَل لِّيٓ ءَايَةٗ قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ
ٱلنَّاسَ ثَلَٰثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمۡزٗا وَٱذۡكُر رَّبَّكَ كَثِيرٗا
وَسَبِّحۡ بِٱلۡعَشِيِّ وَٱلۡإِبۡكَٰرِ ٤١
وَإِذۡ قَالَتِ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرۡيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصۡطَفَىٰكِ
وَطَهَّرَكِ وَٱصۡطَفَىٰكِ عَلَىٰ نِسَآءِ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٤٢
يَٰمَرۡيَمُ ٱقۡنُتِي لِرَبِّكِ وَٱسۡجُدِي وَٱرۡكَعِي مَعَ
ٱلرَّٰكِعِينَ ٤٣
ذَٰلِكَ مِنۡ أَنۢبَآءِ ٱلۡغَيۡبِ نُوحِيهِ إِلَيۡكَۚ وَمَا كُنتَ لَدَيۡهِمۡ
إِذۡ يُلۡقُونَ أَقۡلَٰمَهُمۡ أَيُّهُمۡ يَكۡفُلُ مَرۡيَمَ وَمَا كُنتَ
لَدَيۡهِمۡ إِذۡ يَخۡتَصِمُونَ ٤٤

"Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga 'Imran di atas sekalian manusia yang lain(33). Iaitu satu keturunan yang setengahnya berasal dari setengah yang lain. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui(34). (Kenangilah) ketika isteri 'Imran berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada di dalam perutku dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata. Oleh itu terimalah (nazar ini) dariku. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui(35). Dan apabila ia telah melahirkannya ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya - dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan, dan sesungguhnya aku namakannya Maryam, dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk(36). Lalu ia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik dan ia dipeliharakan oleh Zakaria. Setiap kali Zakaria masuk menemuinya di Mihrab, ia dapati ada rezeki (buah-buahan) di sisinya. Lalu Zakaria bertanya: Wahai Maryam! Dari mana Engkau mendapat rezeki ini? Jawab Maryam: Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab(37). Di sanalah Zakaria berdo'a kepada Tuhannya, katanya: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar do'a(38). Lalu ia diseru oleh malaikat ketika ia sedang berdiri bersembahyang di mihrab: Sesunggguhnya Allah menyampaikan berita gembira bahawa engkau akan mendapat seorang putera (bernama) Yahya, yang beriman kepada kalimat dari Allah, menjadi seorang ketua, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh(39). Ujar Zakaria: Bagaimanakah aku akan memperolehi seorang putera sedangkan aku telah tua dan isteriku pula mandul? Allah berfirman: Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendakiNya(40). Ujar Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah suatu tanda untukku. Firman Allah: Tandamu ialah engkau tidak dapat bercakap dengan orang ramai selama tiga hari melainkan secara isyarat sahaja. Dan banyakkan berzikir menyebut Tuhanmu dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu petang dan pagi(41). Dan (kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu dan membersihkanmu serta melebihkanmu di atas sekalian perempuan yang lain(42). Wahai Maryam! Patuhlah kepada Tuhanmu dan sujud dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'(43). Peristiwa itu adalah dari berita-berita ghaib yang Kami wayhukan kepadamu. Dan engkau tidak ada bersama mereka ketika mereka mencampakkan kalam-kalam mereka (kerana mengundi) siapakah di antara mereka yang berhak memelihara Maryam, dan engkau juga tidak ada bersama mereka ketika mereka berbalah sesama mereka(44)."

إِذۡ قَالَتِ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرۡيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكِ
بِكَلِمَةٖ مِّنۡهُ ٱسۡمُهُ ٱلۡمَسِيحُ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ وَجِيهٗا
فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ وَمِنَ ٱلۡمُقَرَّبِينَ ٤٥
وَيُكَلِّمُ ٱلنَّاسَ فِي ٱلۡمَهۡدِ وَكَهۡلٗا وَمِنَ
ٱلصَّٰلِحِينَ ٤٦
قَالَتۡ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي وَلَدٞ وَلَمۡ يَمۡسَسۡنِي بَشَرٞ قَالَ
كَذَٰلِكِ ٱللَّهُ يَخۡلُقُ مَا يَشَآءُۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا
يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٤٧

وَيُعَلِّمُهُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ ﴿٤٨﴾

وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَنِّى قَدْ جِئْتُكُم بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ أَنِّىٓ أَخْلُقُ لَكُم مِّنَ ٱلطِّينِ كَهَيْـَٔةِ ٱلطَّيْرِ فَأَنفُخُ فِيهِ فَيَكُونُ طَيْرًۢا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۖ وَأُبْرِئُ ٱلْأَكْمَهَ وَٱلْأَبْرَصَ وَأُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۖ وَأُنَبِّئُكُم بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدَّخِرُونَ فِى بُيُوتِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَةً لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٤٩﴾

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَلِأُحِلَّ لَكُم بَعْضَ ٱلَّذِى حُرِّمَ عَلَيْكُمْ ۚ وَجِئْتُكُم بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿٥٠﴾

إِنَّ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۗ هَـٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

فَلَمَّآ أَحَسَّ عِيسَىٰ مِنْهُمُ ٱلْكُفْرَ قَالَ مَنْ أَنصَارِىٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ ٱللَّهِ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَٱشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾

رَبَّنَآ ءَامَنَّا بِمَآ أَنزَلْتَ وَٱتَّبَعْنَا ٱلرَّسُولَ فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّـٰهِدِينَ ﴿٥٣﴾

وَمَكَرُوا۟ وَمَكَرَ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَـٰكِرِينَ ﴿٥٤﴾

"(Kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah menyampaikan kepadamu berita gembira akan mendapat putera dari kalimat Allah, namanya al-Masih 'Isa Putera Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan tergolong dari para muqarrabin(45). Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia tergolong dari para salihin(46). Ujar Maryam: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun? Allah berfirman: Demikianlah Allah berkuasa mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Apabila Dia berkehendak mengadakan sesuatu, maka Dia hanya berfirman: Jadilah! Maka sesuatu itu pun muncul ke alam al-wujud(47). Dan Allah akan mengajarnya kitab suci, hikmat, Taurat dan Injil(48). Dan (akan melantikkannya) sebagai Rasul kepada Bani Israel (dengan menyatakan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan kamu, iaitu aku boleh ciptakan untuk kamu dari tanah suatu lembaga seperti lembaga burung, lalu aku tiupkan padanya dan ia terus menjadi seekor burung dengan keizinan Allah, dan aku boleh menyembuhkan orang buta dan orang yang berpenyakit sopak dan aku boleh menghidupkan orang yang mati dengan izin Allah, juga aku boleh menceritakan kepada kamu segala apa yang kamu makan dan segala apa yang kamu simpan di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya (kebolehan-kebolehan) yang sedemikian merupakan bukti kepada kamu jika kamu orang-orang yang beriman(49). (Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang mengesahkan kebenaran kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu. Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan mu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku(50). Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus(51). Apabila 'Isa menyedari kekafiran setengah dari mereka (kaum Yahudi) dia pun berkata: Siapakah yang sanggup menjadi penyokongku ke jalan Allah. Ujar para sahabat setia (hawari): Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka (52). Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu) oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi(53). Dan mereka (kaum Yahudi) telah merancangkan tipu daya dan Allah merancangkan balasan tipu daya itu, dan Allah sebaik-baik perancang balasan tipu daya(54)."

إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَـٰعِيسَىٰٓ إِنِّى مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىَّ وَمُطَهِّرُكَ مِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَجَاعِلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوكَ فَوْقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۖ ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٥﴾

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَأُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ وَمَا لَهُم مِّن نَّـٰصِرِينَ ﴿٥٦﴾

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ فَيُوَفِّيهِمْ أُجُورَهُمْ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥٧﴾

ذَٰلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ ٱلْـَٔايَـٰتِ وَٱلذِّكْرِ ٱلْحَكِيمِ ﴿٥٨﴾

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِندَ ٱللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ ۖ خَلَقَهُۥ مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾

ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ٦٠
فَمَنْ حَآجَّكَ فِيهِ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ فَقُلْ
تَعَالَوْا۟ نَدْعُ أَبْنَآءَنَا وَأَبْنَآءَكُمْ وَنِسَآءَنَا
وَنِسَآءَكُمْ وَأَنفُسَنَا وَأَنفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَل
لَّعْنَتَ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَـٰذِبِينَ ٦١
إِنَّ هَـٰذَا لَهُوَ ٱلْقَصَصُ ٱلْحَقُّ ۚ وَمَا مِنْ إِلَـٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ
وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٦٢
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِٱلْمُفْسِدِينَ ٦٣
قُلْ يَـٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ
شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ٦٤

"(Kenangilah) " ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa! Sesungguhnya Aku akan mewafatkan engkau dan akan mengangkatkan engkau kepada-Ku dan akan membersihkan engkau dari orang-orang yang kafir dan akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat, kemudian kepada-Kulah tempat kamu kembali dan Aku akan mengadili di antara kamu dalam persoalan-persoalan yang telah dipertikaikan kamu(55). Adapun orang-orang yang kafir, maka Aku akan azabkan mereka dengan azab yang amat berat di dunia dan Akhirat dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi penolong-penolong mereka(56). Dan adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka. Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (57). (Kisah-kisah dan bimbingan-bimbingan) yang sedemikian yang Kami bacakan kepadamu itu adalah sebahagian dari ayat-ayat dan peringatan yang bijaksana (58). Sesungguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Dia ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud(59). Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, oleh itu janganlah sekali-kali engkau jadi dari golongan orang-orang yang ragu-ragu(60). Kerana itu sesiapa yang membantah engkau mengenainya setelah datang kepadamu pengetahuan (yang jelas) maka katakanlah: Marilah kamu sekalian! Kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, diri kami dan diri kamu, kemudian kita sama-sama memohon kepada Allah dan meminta agar ditimpakan laknat Allah ke atas orang-orang yang berdusta(61). Sesungguhnya ini adalah kisah-kisah yang benar. Dan tiada Tuhan yang lain melainkan Allah. Dan sesungguhnya Allah itulah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(62). Dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan(63) Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin(64)."

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Mengikut riwayat-riwayat yang menceritakan tentang perdebatan di antara Nabi s.a.w. dengan rombongan Najran dari Yaman bahawa kisah-kisah yang disebut di dalam surah ini mengenai kelahiran 'Isa a.s., kelahiran bondanya Maryam, kelahiran Yahya a.s. dan lain-lain kisah adalah dibawa untuk menjawab pengeliruan-pengeliruan yang mahu ditimbulkan oleh rombongan itu berdasarkan kepada keterangan Al-Qur'an sendiri tentang 'Isa a.s yang disifatkannya sebagai kalimat Allah kepada Maryam dan sebagai ruh dari-Nya. Dan mereka juga telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang tidak disebutkan di dalam Surah Maryam dan menuntut jawapan-jawapannya.

Pendapat ini mungkin betul, tetapi datangnya kisah-kisah ini di dalam surah ini dalam bentuk ini adalah sesuai dengan cara umum Al-Qur'an yang membawa kisah-kisah untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang tertentu yang mahu diterangkan itu dan biasanya hakikat-hakikat inilah yang menjadi maudhu' surah yang disebutkan kisah-kisah itu. Di sini kisah-kisah itu disebut sekadarnya dan dengan gaya cara yang menekankan hakikat-hakikat itu, menonjolkannya dan menghidupkannya. Tidak syak lagi bahawa kisah-kisah itu mempunyai cara-cara yang tersendiri dalam membentangkan hakikat-hakikat dan memasukkannya ke dalam hati manusia dalam satu gambaran yang hidup dan dengan nada yang mendalam yang mana hakikat-hakikat itu digambarkan dengan gambaran yang waqi'i, yang berlaku di dalam kehidupan manusia. Cara ini lebih berkesan kepada jiwa manusia dari semata-mata menerangkan hakikat-hakikat secara penerangan sahaja.

Di sini kita dapati kisah-kisah ini memperkatakan tentang hakikat-hakikat yang ditekankan oleh pembicaraan surah ini dan melahirkan garis-garisnya yang lebar. Oleh sebab itu kisah-kisah ini terpisah dari sesuatu peristiwa tertentu yang disebut di dalamnya, malah kisah itu kekal sebagai satu unsur pokok yang berdiri sendiri yang mengandungi hakikat-hakikat pokok yang kekal di dalam kefahaman kepercayaan Islam.

Persoalan pokok yang ditekankan oleh pembicaraan surah ini sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini ialah persoalan tauhid, iaitu tauhid Uluhiyah dan tauhid qiwamah. Sedangkan kisah 'Isa a.s. - dan lain-

lain kisah yang menyempurnakannya di dalam pelajaran ini - menguatkan hakikat tauhid ini dan menolak gagasan anak dan sekutu bagi Allah dan menjauhkan keduanya dengan sejauh-jauhnya. Kisah itu memperlihatkan kepalsuan kepercayaan yang keliru itu dan kekarutan kefahamannya. Ia menjelaskan kelahiran Maryam dan sejarah kelahiran 'Isa dan sejarah kebangkitannya menjadi rasul serta peristiwa-peristiwanya dengan cara yang tidak sedikit pun memberi ruang keraguan terhadap sifat kemanusiaan 'Isa yang sempurna dan bahawa beliau adalah salah seorang dari zuriat keturunan para rasul. Sifat dan keadaan beliau sama sahaja dengan sifat dan keadaan mereka dan tabi'at beliau sama dengan tabi'at mereka. Kisah itu juga mentafsirkan peristiwa-peristiwa luar biasa yang menyertai kelahiran dan sirah beliau dengan satu pentafsiran yang jelas tanpa rumit dan samar-samar, iaitu satu pentafsiran yang menyenangkan hati dan akal dan meninggalkan perkara itu di dalam hati dan akal sebagai satu perkara tabi'i dan biasa yang tidak ada apa-apa keganjilan. Sehingga apabila Allah menyimpulkan kisah itu dengan firman-Nya:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِندَ ٱللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ ۖ خَلَقَهُۥ
مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾

"Sesungguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Allah ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud"(59)

maka hati terus mendapat keyakinan dan ketenangan dan merasa hairan bagaimana kekeliruan-kekeliruan itu boleh timbul di sekitar hakikat yang mudah ini?

Persoalan yang kedua yang terbit dari persoalan yang pertama di dalam seluruh penerangan surah ini ialah persoalan hakikat agama, iaitu Islam, dan makna Islam ialah mengikut, menyerah diri dan patuh. Hakikat ini juga disebut di celah kisah-kisah dengan jelas. Ia disebut dalam sabda 'Isa a.s. kepada Bani Israel:

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَلِأُحِلَّ
لَكُم بَعْضَ ٱلَّذِى حُرِّمَ عَلَيْكُمْ

"(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang mengesahkan kebenaran kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu."(50)

Di dalam sabda ini terdapat penjelasan terhadap tabi'at kerasulan, di mana rasul itu datang untuk menegakkan sesuatu peraturan dan undang-undang, untuk melaksanakan sesuatu sistem dan untuk menerangkan yang halal dan yang haram supaya ia diikuti oleh orang-orang yang beriman dengan agama ini dan patuh kepadanya. Kemudian konsep penyerahan diri dan ikutan dengan patuh itu disebut di atas lidah para Hawariy atau sahabat-sahabat setia 'Isa a.s:

فَلَمَّآ أَحَسَّ عِيسَىٰ مِنْهُمُ ٱلْكُفْرَ قَالَ مَنْ
أَنصَارِىٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ
ٱللَّهِ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَٱشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾
رَبَّنَآ ءَامَنَّا بِمَآ أَنزَلْتَ وَٱتَّبَعْنَا ٱلرَّسُولَ فَٱكْتُبْنَا
مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Apabila 'Isa menyedari kekafiran mereka (kaum Yahudi) dia pun berkata: Siapakah yang sanggup menjadi penyokongku ke jalan Allah? Para Hawariy (sahabat setia 'Isa) berkata: Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka(52). Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul(Mu) oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi."(53)

Di antara pembicaraan-pembicaraan yang ditekankan oleh penerangan surah ini ialah menggambarkan keadaan orang-orang Mu'min dengan Tuhan mereka. Kisah-kisah ini menayangkan sejumlah keadaan itu di dalam golongan manusia pilihan yang telah dipilih oleh Allah dan menjadikannya zuriat keturunan satu sama lain. Gambaran-gambaran hubungan yang gemilang ini dapat di lihat dengan jelas di dalam percakapan isteri 'Imran dan di dalam munajat 'Imran mengenai anaknya, juga di dalam percakapan Maryam dengan Zakaria dan di dalam do'a Zakaria dan munajatnya dengan Allah, dan di dalam jawapan para Hawariy kepada Nabi mereka dan do'a mereka kepada Allah demikianlah seterusnya.

Sehingga apabila kisah-kisah itu berakhir, maka dikemukakan suatu kesimpulan yang mencakup dan mengintisarikan hakikat-hakikat ini berdasarkan kejadian-kejadian kisah itu untuk menegakkan hakikat-hakikat yang hendak ditegakkannya. Oleh itu kesimpulan ini telah menyentuh hakikat 'Isa a.s., tabi'at penciptaan Allah, iradat Allah dan konsep wahdaniyah yang bersih dan tulen dan seruan kepada Ahlil-Kitab supaya berpegang dengan konsep wahdaniyah. Juga seruan mengajak mereka mengadakan mubahalah kerana konsep itu. Pelajaran ini berakhir dengan sebuah kenyataan yang lengkap dan mencakup dasar hakikat ini agar Nabi s.a.w. berdepan dan menyeru kaum Ahlil-Kitab seluruhnya sama ada mereka yang menghadiri perdebatan itu atau tidak hadir, sama ada mereka dari generasi itu atau dari generasi kemudian sehingga akhir zaman:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ
شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin."(64)

Dengan ini tamatlah perdebatan itu dan jelaslah apa yang sebenar dikehendaki oleh Islam dari manusia dan apakah asas kehidupan yang telah diletakkan Islam untuk mereka. Juga jelaslah tergaris makna agama dan makna Islam dan tertolaklah segala gambaran salah dan karut yang didakwa oleh pemikir-pemikirnya sebagai gambaran agama atau gambaran Islam. Inilah matlamat akhir dari pelajaran ini dan dari seluruh surah ini. Semuanya diterangkan oleh kisah-kisah dengan penerangan dalam bentuk cerita-cerita yang indah, menarik dan mengandungi saranan-saranan yang mendalam. Inilah fungsi kisah-kisah Al-Qur'an dan tabi'at dari kisah-kisah itulah yang menentukan cara gaya pembentangannya di dalam berbagai-bagai surah mengikut satu kaedah yang tersendiri.

Kisah 'Isa telah diceritakan di dalam Surah Maryam dan dibentangkan juga di dalam surah ini. Apabila dikaji nas-nas di sana sini ternyata bahawa di sini terdapat beberapa tambahan babak dan keterangan yang ringkas di dalam setengah-setengah babak. Dan di sana terdapat perincian yang panjang lebar di dalam Surah Maryam mengenai babak kelahiran 'Isa, sedangkan di sana tidak ada babak kelahiran Maryam. Tetapi di sini pula terdapat huraian yang panjang tentang kerasulan 'Isa dan kisah para Hawariy dan keterangan yang ringkas mengenai kisah kelahirannya. Begitu juga kata-kata kesimpulan di sini adalah lebih panjang kerana kesimpulan itu bersangkutan dengan perdebatan-perdebatan, di sekitar persoalan yang lebih luas, iaitu persoalan-persoalan tauhid, agama, wahyu dan kerasulan yang tidak wujud di dalam Surah Maryam. Semuanya ini mendedahkan tabi'at cara gaya Al-Qur'an dalam membentangkan kisah-kisah yang sesuai dengan suasana surah yang membentangkan kisah-kisah itu dan hubungannya di dalam surah ini.

Sekarang marilah kita mulai mentafsirkan ayat-ayat itu secara terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 34)

Tokoh-tokoh Hamba Allah Yang Dipilih Menjadi Rasul

Kisah-kisah ini dimulakan dengan menerangkan para hamba yang telah dipilih oleh Allah untuk menjadi Rasul yang sama yang membawa agama yang sama sejak diciptakan manusia. Merekalah yang menjadi pasukan pertama dari angkatan iman di dalam berbagai-bagai peringkat perkembangannya yang bersambung-sambung di sepanjang generasi dan abad. Al-Qur'an menjelaskan bahawa merekalah zuriat keturunan yang berasal dari satu sama lain. Ia tidak semestinya zuriat dari segi keturunan, kerana keturunan mereka semua bertemu pada Adam dan Nuh, malah zuriat itu merupakan hubungan pilihan Ilahi dan hubungan 'aqidah yang bersambung-sambung di dalam angkatan iman yang mulia itu:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰٓ ءَادَمَ وَنُوحًا وَءَالَ إِبْرَٰهِيمَ وَءَالَ عِمْرَٰنَ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٣﴾

ذُرِّيَّةًۢ بَعْضُهَا مِنۢ بَعْضٍ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga Imran di atas sekalian manusia yang lain(33). Iaitu satu keturunan yang setengahnya berasal dari setengahnya yang lain. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(34)

Ayat ini menyebut Adam dan Nuh sebagai dua individu dan menyebut keluarga Ibrahim dan keluarga 'Imran sebagai dua keluarga. Ini untuk memberi isyarat bahawa Adam dan Nuh itu adalah dipilih kerana tubuh atau peribadi kedua-duanya, sedangkan Ibrahim dan 'Imran adalah dipilih kerana peribadi dan kerana zuriat kedua-duanya sekali mengikut dasar yang telah ditetapkan di dalam Surah al-Baqarah mengenai keluarga Ibrahim, iaitu warisan Nubuwwah dan keberkatan di dalam keluarganya bukan warisan darah, malah warisan 'aqidah:

وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَٰتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah-perintah-Nya lalu disempurnakannya. Allah berfirman: (Wahai Ibrahim) sesungguhnya Aku lantikkan engkau menjadi pemimpin umat manusia. (Ibrahim) memohon: Lantikkan juga zuriat keturunanku. Jawab Allah: Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim."

(Surah al-Baqarah : 124)

Setengah-setengah riwayat menyebut bahawa 'Imran adalah dari keluarga Ibrahim. Ia disebut khusus di sini kerana adanya kesesuaian yang tertentu, iaitu membentangkan kisah Maryam dan kisah 'Isa a.s. Begitu juga kita perhati bahawa rangkaian ayat-ayat ini tidak menyebut keluarga Ibrahim, tidak juga keluarga Musa dan Ya'kub (iaitu Israel) sebagaimana ia menyebut keluarga 'Imran. Ini disebabkan kerana penerangan ayat di sini berpindah kepada perdebatan di sekitar 'Isa putera Maryam dan disekitar Ibrahim

sebagaimana akan diterangkan di dalam pelajaran-pelajaran yang berikut dan kerana itu di sana tidak ada apa-apa hubungan yang sesuai untuk menyebut Musa atau Ya'kub di tempat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 37)

Dari pengumuman pertama ini rangkaian ayat yang berikut berpindah secara langsung kepada keluarga 'Imran dan kelahiran Maryam.

Keluarga Imran Dan Kelahiran Maryam

إِذْ قَالَتِ ٱمْرَأَتُ عِمْرَٰنَ رَبِّ إِنِّى نَذَرْتُ لَكَ مَا فِى
بَطْنِى مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّىٓ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ٣٥
فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّى وَضَعْتُهَآ أُنثَىٰ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ
بِمَا وَضَعَتْ وَلَيْسَ ٱلذَّكَرُ كَٱلْأُنثَىٰ ۖ وَإِنِّى سَمَّيْتُهَا
مَرْيَمَ وَإِنِّىٓ أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ
ٱلرَّجِيمِ ٣٦
فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنۢبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا
وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا ۖ كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا ٱلْمِحْرَابَ
وَجَدَ عِندَهَا رِزْقًا ۖ قَالَ يَٰمَرْيَمُ أَنَّىٰ لَكِ هَٰذَا ۖ قَالَتْ هُوَ
مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ٣٧

"(Kenangilah) ketika isteri 'Imran berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada di dalam perutku dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata. Oleh itu terimalah (nazar ini) dariku. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui(35). Dan apabila ia telah melahirkannya ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya - dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan, dan sesungguhnya aku namakannya Maryam, dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk(36). Lalu ia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik dan ia diperliharakan oleh Zakaria. Setiap kali Zakaria masuk menemuinya di mihrab, ia dapati ada rezeki (buah-buahan) di sisinya. Lalu Zakaria bertanya: Wahai Maryam! Dari mana engkau mendapat rezeki ini? Jawab Maryam: Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab."(37)

Kisah nazar mendedahkan kepada kita bagaimana isi hati isteri 'Imran bonda Maryam yang dipenuhi iman itu dan bagaimana beliau berdo'a menazarkan kepada Allah dengan sesuatu yang paling disayangi yang dimiliki olehnya, iaitu bayi yang sedang dikandung di dalam perutnya. Ia menazarkannya dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada Allah semata-mata, iaitu bebas dari sebarang syarat, dari perkongsian dan dari sebarang hak kepada yang lain dari Allah S.W.T. Keikhlasannya yang mutlak diungkapkan dengan kata-kata kebebasan itu adalah suatu pengungkapan yang amat menarik kerana seseorang itu tidak sebenar-benar bebas kecuali ia memberi seluruh keikhlasannya kepada Allah, kecuali ia bertawajjuh kepada Allah dengan keseluruhan jiwa raganya dan menyelamatkan dirinya dari Ubudiyah kepada sesiapa dan kepada sesuatu apa sahaja dan kepada mana-mana nilai sekalipun. Ubudiyahnya hanya semata-mata bagi Allah Yang Maha Esa sahaja. Inilah erti kebebasan yang tulen dan yang lain darinya adalah Ubudiyah (yang tidak tulen) walaupun kelihatan di dalam gambaran kebebasan.

Dari sinilah tauhid kelihatan menjadi gambaran yang mithali/ideal kepada kebebasan kerana seseorang itu tidak dianggap bebas selama ia masih memberi keta'atan dan kepatuhannya kepada yang lain dari Allah dalam apa-apa peraturan yang mengenai dirinya atau kehidupannya atau di dalam urusan adat resam, nilai-nilai, undang-undang dan syari'at yang mengatur kehidupan ini. Tidak ada kebebasan yang sebenar, jika di dalam hati seseorang itu masih wujud pergantungan atau harapan atau perhambaan pada yang lain dari Allah, dan jika dalam hidupnya ada undang-undang atau nilai-nilai atau neraca-neraca pertimbangan yang diambil dari yang lain dari Allah. Apabila Islam datang membawa 'aqidah tauhid, ia membawa satu gambaran kebebasan yang tunggal ke alam manusia.

Inilah do'a yang khusyu' dari isteri 'Imran memohon kepada Allah agar menerima nazarnya iaitu jantung hatinya sendiri. Dengan do'a ini sempurnalah penyerahan diri yang ikhlas kepada Allah, sempurnalah tawajjuh yang bulat kepada-Nya, sempurnalah kebebasan dari segala syarat dan ikatan dan sempurnalah keikhlasan kepada-Nya yang tiada lain melainkan hasrat keinginan untuk mendapat perkenan dan keredhaan-Nya.

إِذْ قَالَتِ ٱمْرَأَتُ عِمْرَٰنَ رَبِّ إِنِّى نَذَرْتُ لَكَ مَا فِى
بَطْنِى مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّىٓ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ٣٥

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada di dalam perutku dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata. Oleh itu terimalah (nazar ini) dariku. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(35)

Tetapi dia melahirkan anak perempuan bukannya anak lelaki:

فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّى وَضَعْتُهَآ أُنثَىٰ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ
بِمَا وَضَعَتْ وَلَيْسَ ٱلذَّكَرُ كَٱلْأُنثَىٰ ۖ وَإِنِّى سَمَّيْتُهَا

مَرۡيَمَ وَإِنِّيٓ أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ
ٱلرَّجِيمِ ٣٦

"Dan apabila ia telah melahirkannya ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya - dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan, dan sesungguhnya aku namakannya Maryam, dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk."(36)

Dia mengharapkan kelahiran anak lelaki, kerana nazar kepada rumah-rumah ibadat itu biasanya dengan budak-budak lelaki supaya mereka berkhidmat di rumah ibadat itu dan memusatkan kehidupan mereka dalam kegiatan ibadat tetapi anak yang diperolehinya sekarang ialah anak perempuan lalu dia berdo'a kepada Allah dengan nada yang sedih:

رَبِّ إِنِّي وَضَعۡتُهَآ أُنثَىٰ وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا وَضَعَتۡ

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya."

Tetapi dia berdo'a kepada Allah dengan apa yang diperolehinya seolah-olah dia meminta ma'af kerana tidak mendapat anak lelaki untuk menjalankan tugas khidmat itu:

وَلَيۡسَ ٱلذَّكَرُ كَٱلۡأُنثَىٰۖ

"Dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan."

Yakni anak perempuan tentulah tidak dapat melaksanakan tugas itu sama seperti yang dapat dilaksanakan oleh anak lelaki dalam bidang ini.

وَإِنِّي سَمَّيۡتُهَا مَرۡيَمَ

"Dan sesungguhnya aku namakannya Maryam."

Percakapan yang seperti ini merupakan satu bentuk munajat yang dekat, iaitu munajat orang yang merasa dirinya bersendirian dengan Tuhannya, di mana dia meluahkan isi hatinya, menunjukkan apa yang ada di hadapannya dan mempersembahkan secara langsung dan lemah-lembut apa sahaja yang dimilikinya. Itulah perilaku para hamba pilihan terhadap Tuhan mereka, iaitu perilaku kasih mesra, mendampingi diri, berhubung secara langsung dan bermunajat dengan susunan kata-kata yang mudah, tidak buat-buat dan berbelit-belit. Inilah munajat orang yang merasa dirinya sedang bercakap dengan yang dekat, yang di kasih, yang mendengar dan memperkenankan permohonan.

وَإِنِّيٓ أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ ٣٦

"Dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk.(36)"

Inilah kata-kata terakhir seorang ibu memberi selamat tinggal kepada anaknya yang telah dinazarkannya kepada Tuhannya. Dia tinggalkannya di bawah naungan Allah dan pemeliharaan-Nya. Dan dia meletakkan anaknya dan zuriatnya di bawah perlindungan Allah dari kejahatan syaitan yang terkutuk.

Inilah juga kata-kata dan hasrat dari hati yang ikhlas. Tiada suatu kebaikan yang lebih diingini untuk bayinya selain dari ia berada di dalam jagaan dan pemeliharaan Allah dari kejahatan syaitan yang terkutuk.

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٖ وَأَنۢبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنٗا

"Lalu ia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik."

Sebagai balasan terhadap keikhlasan yang memenuhi hati bonda Maryam dan terhadap keikhlasan nazarnya, juga sebagai langkah menyediakannya untuk melayakkannya menerima tiupan ruh dari Allah dan kalimat Allah dan seterusnya melahirkan 'Isa a.s. dengan cara yang berlainan dari cara kelahiran manusia yang lain.

وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّاۖ

"Dan dia dipelihara oleh Zakaria."

Yakni Allah menjadikan Zakaria sebagai pemelihara dan penjaganya, Zakaria a.s. ialah ketua rumah ibadat Yahudi dan beliau dari zuriat keturunan Nabi Harun a.s. yang mewarisi urusan menjaga rumah ibadat.

Maryam membesar dalam suasana keberkatan yang tidak putus-putus. Allah menyediakan rezeki untuknya dari limpah kurnia-Nya yang istimewa:

كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيۡهَا زَكَرِيَّا ٱلۡمِحۡرَابَ وَجَدَ عِندَ
هَا رِزۡقٗاۖ قَالَ يَٰمَرۡيَمُ أَنَّىٰ لَكِ هَٰذَاۖ قَالَتۡ هُوَ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِۖ
إِنَّ ٱللَّهَ يَرۡزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٍ ٣٧

"Setiap kali Zakaria masuk menemuinya di mihrab, ia dapati ada rezeki (buah-buahan) di sisinya. Lalu Zakaria bertanya: Wahai Maryam! Dari mana engkau mendapat rezeki ini? Jawab Maryam: Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab."(37)

Kita tidak mahu mengharungi dalam pembicaraan yang panjang lebar tentang sifat rezeki yang (dikurniakan kepada Maryam) sebagaimana telah diharungi oleh berbagai-bagai riwayat. Cukuplah kita mengetahui bahawa rezeki itu adalah suatu rezeki yang dekat, yang melimpahkan kebaikan kepada mereka yang berada di sekeliling Maryam dan melimpahkan segala sesuatu yang dikatakan rezeki. Hinggakan mena'jubkan pemeliharanya Zakaria a.s. - sedangkan beliau seorang Nabi - terhadap

kelimpahan rezeki itu, lalu beliau bertanya Maryam: "Bagaimana dan dari mana semuanya ini?" Namun begitu Maryam tidak menjawab lebih dari menyatakan dengan khusyu' dan tawadhu' seorang Mu'min yang mengakui ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya serta menyerahkan segala-galanya kepada Allah:

هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٧﴾

"Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab."(37)

Kelahiran Nabi Yahya

Perkataan ini menggambarkan peri keadaan orang Mu'min dengan Tuhannya dan bagaimana ia memelihara rahsia di antaranya dengan Allah, bagaimana ia memperlihatkan sifat rendah diri atau tawadhu'nya dalam memperkatakan rahsia itu, bukannya menunjukkan sifat takbur dan bermegah-megah dengannya. Begitu juga kejadian yang luar biasa yang menimbulkan kehairanan Nabi Allah Zakaria a.s. itu merupakan pembukaan jalan bagi keajaiban-keajaiban yang akan berlaku selanjutnya dalam kelahiran Yahya dan kelahiran 'Isa a.s.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 41)

Di waktu itu tergeraklah di dalam hati Zakaria, yang telah tua dan tidak pernah mendapat zuriat keturunan itu, keinginan semulajadi manusia yang kuat untuk mendapat anak dan kelanjutan zuriat keturunan. Keinginan sedemikian tidak mati di dalam jiwa para hamba yang zahid yang telah memberi diri mereka untuk ibadat dan menazarkannya untuk berkhidmat kepada rumah ibadat. Itulah fitrah semulajadi yang Allah telah fitrahkan manusia di atasnya kerana suatu hikmat yang tinggi untuk melanjut dan memajukan hayat:

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُۥ ۖ قَالَ رَبِّ هَبْ لِى مِن
لَّدُنكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً ۖ إِنَّكَ سَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ﴿٣٨﴾
فَنَادَتْهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَهُوَ قَآئِمٌ يُصَلِّى فِى ٱلْمِحْرَابِ
أَنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَىٰ مُصَدِّقًۢا بِكَلِمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٣٩﴾
قَالَ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى غُلَٰمٌ وَقَدْ بَلَغَنِىَ ٱلْكِبَرُ
وَٱمْرَأَتِى عَاقِرٌ ۖ قَالَ كَذَٰلِكَ ٱللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَآءُ ﴿٤٠﴾
قَالَ رَبِّ ٱجْعَل لِّىٓ ءَايَةً ۖ قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ
ٱلنَّاسَ ثَلَٰثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمْزًا ۗ وَٱذْكُر رَّبَّكَ كَثِيرًا
وَسَبِّحْ بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٤١﴾

"Di sanalah Zakaria berdo'a kepada Tuhannya, katanya: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar do'a(38). Lalu ia diseru oleh malaikat ketika ia sedang berdiri bersembahyang di Mihrab: Sesungguhnya Allah menyampaikan berita gembira bahawa engkau akan mendapat seorang putera (bernama) Yahya, yang beriman kepada kalimat dari Allah, menjadi seorang ketua, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh(39). Ujar Zakaria: Bagaimanakah aku akan memperolehi seorang putera sedangkan aku telah tua dan isteriku pula mandul? Allah berfirman: Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya(40). Ujar Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah suatu tanda untukku. Firman Allah: "Tandamu ialah engkau tidak dapat bercakap dengan orang ramai selama tiga hari melainkan secara isyarat sahaja. Dan banyakkan berzikir menyebut Tuhanmu dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu petang dan pagi."(41)

Di sini juga kita dapati kita berdepan dengan suatu peristiwa yang luar biasa yang membawa gejala dari gejala-gejala masyi'ah Allah yang bebas dan tidak terikat dengan kebiasaan-kebiasaan manusia yang dianggap mereka sebagai undang-undang yang tidak boleh dilanggarinya. Oleh sebab itulah mereka akan meragui setiap peristiwa yang tidak berlaku di dalam batas undang-undang kebiasaan itu. Dan jika mereka tidak dapat mendustakan peristiwa itu kerana ia benar-benar berlaku dalam kenyataan, maka mereka akan mengadakan di sekelilingnya kepercayaan-kepercayaan khurafat dan dongeng-dongeng yang karut.

Kini Zakaria yang sangat tua yang mempunyai isteri yang mandul, yang tidak pernah melahirkan anak di waktu mudanya, sedang dirangsangkan oleh keinginan semulajadi yang mendalam kepada zuriat keturunan apabila dia melihat Maryam di hadapannya, seorang gadis sunti yang soleh yang sentiasa dikurniakan rezeki secara istimewa oleh Allah. Beliau berdo'a kepada Allah memohon agar dikurniakan kepadanya zuriat yang baik:

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُۥ ۖ قَالَ رَبِّ هَبْ لِى مِن
لَّدُنكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً ۖ إِنَّكَ سَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ﴿٣٨﴾

"Di sanalah Zakaria berdo'a kepada Tuhannya katanya: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar do'a."(38)

Apakah hasil dari do'a yang khusyu', hangat dan benar-benar kembali bertelut kepada Allah ini?

Hasilnya ia telah mendapat limpah perkenan yang tidak terikat dengan umur dan tidak terikat dengan kebiasaan manusia, kerana limpah perkenan itu datang dari kehendak Allah yang mutlak, yang berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya:

فَنَادَتْهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَهُوَ قَآئِمٌ يُصَلِّى فِى ٱلْمِحْرَابِ
أَنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَىٰ مُصَدِّقًۢا بِكَلِمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٣٩﴾

"Lalu ia diseru oleh malaikat ketika ia sedang berdiri sembahyang di Mihrab: Sesungguhnya Allah menyampaikan berita gembira bahawa engkau akan mendapat seorang putera (bernama) Yahya, yang beriman kepada kalimat dari Allah, menjadi seorang ketua, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh.(39)

Yakni do'a yang terbit dari hati yang suci, yang menggantungkan harapan kepada Allah yang mendengar do'a dan berkuasa memenuhinya itu, telah diterima dan diperkenankan. Dan malaikat telah menyampaikan berita gembira kepada Zakaria bahawa beliau akan mendapat seorang putera yang namanya terkenal sebelum ia dilahirkan, begitu juga sifat-sifatnya, iaitu Yahya yang akan menjadi seorang ketua yang mulia, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan dapat memegang tali kekangnya dari terlucut, seorang yang beriman dan percaya kepada kalimat yang datang dari Allah[7] dan seorang Nabi yang soleh di dalam angkatan para salihin.

Do'a itu telah diperkenankan Allah. Ia tidak dapat dihalangkan oleh kebiasaan manusia yang dianggapkan mereka sebagai undang-undang. Kemudian mereka mengira masyi'ah Allah S.W.T. terikat dengan undang-undang itu. Sebenarnya segala apa yang dilihat dan dikira manusia sebagai undang-undang itu tidak terkeluar dari sesuatu yang nisbi/relatif sahaja, bukannya sesuatu yang mutlak dan terakhir. Manusia yang terbatas umur dan ilmu pengetahuannya dan akal yang tunduk kepada tabi'at manusia yang seperti itu tidak berupaya untuk sampai kepada satu undang-undang yang terakhir dan untuk memahami satu hakikat yang mutlak. Oleh itu alangkah wajarnya bagi manusia beradab sopan di hadapan Allah. Dan alangkah wajar baginya berdiri teguh di sempadan tabi'atnya dan di garis-garis bidang kemampuannya sahaja tanpa meraba-raba di dalam kesesatan tanpa pemandu ketika memperkatakan sesuatu yang mungkin dan sesuatu yang mustahil dan juga ketika meletakkan batas-batas panduan, dari pengalaman-pengalamannya, pendapat-pendapatnya dan ilmu-ilmunya yang sedikit, terhadap masyi'ah Allah yang mutlak.

Penerimaan do'a itu merupakan sesuatu peristiwa yang memeranjatkan Zakaria sendiri - kerana Zakaria tidak lain melainkan seorang manusia biasa - beliau ingin mengetahui dari Allah bagaimana peristiwa luar biasa itu berlaku dibandingkan kepada kebiasaan manusia:

قَالَ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى غُلَٰمٌ وَقَدْ بَلَغَنِىَ ٱلْكِبَرُ
وَٱمْرَأَتِى عَاقِرٌ ۖ

"Ujar Zakaria: Bagaimanakah aku akan memperolehi seorang putera sedangkan aku telah tua dan isteriku pula mandul?"

Jawapan datang kepada beliau dengan mudah. Ia memulangkan perkara itu kepada punca asalnya dan kepada hakikatnya yang senang di fahami dan tidak mempunyai apa keganjilan:

قَالَ كَذَٰلِكَ ٱللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَآءُ ﴿٤٠﴾

"Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya."(40)

Demikianlah perkara ini adalah suatu perkara biasa yang berulang-ulang kali berlaku apabila dipulangkan kepada masyi'ah Allah dan ciptaan-Nya yang sentiasa berlangsung secara ini. Tetapi insan sahaja yang tidak memikirkan jalan itu dan tidak memperhatikan ciptaan itu dan tidak mengingati hakikat itu.

Demikianlah Allah mencipta segala apa yang dikehendaki-Nya dengan semudah dan sebebas ini. Apakah sulitnya kepada Allah untuk mengurniakan anak kepada Zakaria yang telah meningkat kepada usia yang sangat tua dan isterinya pula mandul? Hanya kebiasaan manusia sahaja yang membuat mereka menjadikannya sebagai undang-undang sedangkan kepada Allah tidak ada undang-undang kebiasaan dan tidak ada keganjilan, malah segala-galanya terpulang kepada masyi'ah Allah yang bebas dari segala ikatan.

Tetapi oleh kerana Zakaria terlalu kepingin hendak melihat pelaksanaan dari berita gembira itu dan terlalu terkejut dengan berita itu, beliau memohon kepada Allah agar memberikan kepadanya satu alamat yang menenangkan hatinya: Dia terus memohon kepada Allah:

قَالَ رَبِّ ٱجْعَل لِّىٓ ءَايَةً ۖ

"Ujar Zakaria! Wahai Tuhanku! Jadikanlah suatu tanda untukku."

Di sini Allah menunjukkan kepadanya jalan ketenangan dan keyakinan yang haqiqi, lalu Allah mengeluarkannya dari keadaan biasa dirinya sendiri, iaitu alamatnya ialah lidahnya akan menjadi kelu selama tiga hari ketika beliau berdepan dengan manusia dan akan menjadi lancar apabila beliau bertawajjuh kepada Allah, berzikir, dan bertasbih kepada-Nya:

قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ ٱلنَّاسَ ثَلَٰثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمْزًا ۗ
وَٱذْكُر رَّبَّكَ كَثِيرًا وَسَبِّحْ بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٤١﴾

---

[7] *Setengah-setengah tafsir menyebut bahawa maksud dari beliau mempercayai kalimat dari Allah ialah beliau mempercayai 'Isa a.s., sedangkan di sana tidak ada alasan yang menentukan pemahaman ini.*

"Firman Allah: Tandamu ialah engkau tidak dapat bercakap dengan orang ramai selama tiga hari melainkan secara isyarat sahaja. Dan banyakkan berzikir menyebut Tuhanmu dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu petang dan pagi."(41)

Penerangan ayat berhenti setakat ini sahaja dan kita mengetahui bahawa segala apa yang disebut itu telah berlaku. Zakaria dapati pada dirinya sesuatu yang luar biasa dalam hidupnya, dan hidup orang lain juga walaupun lidah itu lidahnya, dan ia menjadi kelu tidak dapat bercakap dengan orang ramai, tetapi ia menjadi lancar ketika beliau bermunajat dengan Allah. Apakah undang-undang yang menguasai kejadian ini? Itulah undang-undang kebebasan masyi'ah Allah yang sempurna. Tanpa undang-undang ini kejadian yang ganjil itu tidak dapat ditafsirkan. Demikianlah Allah telah mengurniakan putera Yahya kepada Zakaria a.s. walaupun usianya begitu tua dan isterinya mandul.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 43)

Kelahiran Nabi 'Isa

Seolah-olah peristiwa luar biasa ini merupakan pembuka jalan kepada peristiwa kelahiran 'Isa yang menimbulkan berbagai-bagai dongeng dan kekeliruan. Peristiwa ini merupakan satu babak dalam satu siri kejadian-kejadian luar biasa yang diciptakan oleh masyi'ah Allah yang bebas. Di sini (dalam ayat yang berikut) dimulakan kisah al-Masih a.s. dan kisah penyediaan Maryam untuk menerima tiupan ruh dari Allah, di mana ia diperintah supaya membersihkan diri, patuh dan beribadat kepada Allah.

وَإِذۡ قَالَتِ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرۡيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصۡطَفَىٰكِ
وَطَهَّرَكِ وَٱصۡطَفَىٰكِ عَلَىٰ نِسَآءِ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٤٢﴾
يَٰمَرۡيَمُ ٱقۡنُتِي لِرَبِّكِ وَٱسۡجُدِي وَٱرۡكَعِي مَعَ
ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu dan membersihkanmu serta melebihkanmu di atas sekalian perempuan yang lain(42). Wahai Maryam! Patuhilah kepada Tuhanmu dan sujud dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'."(43)

Apakah maksud pilihan itu? Maksudnya Allah memilih Maryam untuk menerima tiupan ruh dari Allah secara langsung sebagaimana telah diterima oleh manusia yang pertama Adam. Allah menayangkan peristiwa mu'jizat ini kepada umat manusia melalui Maryam. Itulah pilihan untuk melaksanakan satu perkara yang unik di dalam sejarah manusia dan pilihan itu tidak syak lagi adalah suatu perkara yang amat besar.

Tetapi Maryam sehingga di sa'at ini belum lagi mengetahui perkara yang amat besar itu.

Isyarat kepada kesucian di dalam ayat itu adalah satu isyarat yang mempunyai tujuan yang tertentu. Kerana kelahiran 'Isa a.s. diselubungi kekeliruan-kekeliruan yang secara tidak segan-segan telah ditampalkan oleh kaum Yahudi kepada Maryam yang suci dengan alasan kerana kelahiran 'Isa tidak ada tolok bandingnya di dalam alam manusia. Oleh itu mereka beranggapan bahawa di sebalik kelahiran itu ada rahsia yang cemar.

Di sinilah ternyata kebesaran agama Islam dan ternyata kebenaran sumbernya dengan penuh keyakinan. Lihatkan Nabi Muhammad s.a.w., Rasul Islam yang telah menerima pendustaan, kedegilan, bantahan dan pengeliruan dari Ahlil-Kitab - di antara mereka ialah kaum Nasara - membentangkan penjelasan dari Allah tentang hakikat Maryam yang agung dan bagaimana ia dilebihkan Allah di atas sekalian perempuan-perempuan yang lain. Pengumuman inilah yang mengangkatkan Maryam ke maqam yang setinggi-tingginya. Beliau membuat penjelasan itu semasa berdebat dengan kaum Nasara yang memandang tinggi kepada Maryam dan menjadikan penghormatan mereka terhadap Maryam sebagai alasan untuk tidak beriman kepada Muhammad dan kepada agama yang baru.

Manakah bukti yang lebih benar dari ini? Manakah kebesaran agama yang lebih besar dari ini? Manakah dalil yang lebih jelas dari ini yang menunjukkan benarnya sumber agama ini dan benarnya Rasul pembawanya yang jujur dan amanah itu?

Beliau menerima penjelasan yang benar itu dari Allah mengenai Maryam dan mengenai 'Isa a.s.. Lalu beliau mengumumkan penjelasan yang benar itu di bidang ini. Andainya beliau bukannya seorang Rasul yang benar dari Allah, tentulah beliau tidak dapat mengemukakan penjelasan yang benar di bidang ini.

يَٰمَرۡيَمُ ٱقۡنُتِي لِرَبِّكِ وَٱسۡجُدِي وَٱرۡكَعِي مَعَ
ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

"Wahai Maryam! Patuhilah kepada Tuhanmu dan sujud dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'."(43)

Itulah pernyataan keta'atan, ibadat, khusyu', ruku' dan kehidupan yang berhubung dengan Allah sebagai persediaan dan pembuka jalan kepada peristiwa yang amat besar dan amat penting.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 44)

Apabila kisah itu tiba setakat ini dan sebelum peristiwa yang besar itu diceritakan, maka ayat yang berikut menerangkan sebahagian dari hikmat diperikan kisah-kisah itu. Ianya untuk membuktikan kebenaran wahyu yang menceritakan kepada Nabi s.a.w. berita-berita ghaib mengenai perkara ini yang tidak disaksikan oleh beliau:

ذَٰلِكَ مِنۡ أَنۢبَآءِ ٱلۡغَيۡبِ نُوحِيهِ إِلَيۡكَۚ وَمَا كُنتَ لَدَيۡهِمۡ
إِذۡ يُلۡقُونَ أَقۡلَٰمَهُمۡ أَيُّهُمۡ يَكۡفُلُ مَرۡيَمَ وَمَا كُنتَ

لَدَيْهِمْ إِذْ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٤﴾

"Peristiwa itu adalah dari berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu. Dan engkau tidak ada bersama mereka ketika mereka mencampakkan kalam-kalam mereka (kerana mengundi) siapakah di antara mereka yang berhak memelihara Maryam, dan engkau juga tidak ada bersama mereka ketika mereka berbalah sesama mereka."(44)

Ini adalah isyarat kepada peristiwa para penjaga rumah ibadat yang berlumba-lumba hendak memelihara Maryam apabila ia dibawa oleh ibunya ke rumah ibadat kerana menunaikan nazar dan janjinya dengan Allah. Ayat ini menunjukkan kepada satu peristiwa yang tidak disebut oleh perjanjian lama (at-Taurat) dan perjanjian baru (al-Injil) yang ada sekarang ini. Tetapi peristiwa ini tentulah terkenal di sisi para paderi Yahudi dan para paderi Nasara, iaitu peristiwa para penjaga rumah ibadat mencampakkan kalam mereka masing-masing untuk mengetahui siapakah yang berhak memelihara Maryam. Ayat Al-Qur'an tidak menerangkan peristiwa ini dengan terperinci - mungkin kerana memandangkan peristiwa itu telah terkenal di sisi para pendengarnya atau kerana perincian itu tidak menambahkan sesuatu apa kepada hakikat asal yang mahu dibentangkannya kepada generasi-generasi yang akan datang. Oleh itu bolehlah kita faham bahawa para penjaga rumah ibadat itu telah berpakat menggunakan satu cara khas, iaitu dengan mencampakkan kalam-kalam mereka untuk mengetahui siapakah yang berhak dan layak menjadi pemeliharanya sebagaimana kita lakukan dalam pengundian. Setengah-setengah riwayat telah menyebut bahawa mereka telah mencampakkan kalam-kalam mereka di dalam sungai Jordan, maka semua kalam itu telah dihanyutkan oleh arus sungai kecuali kalam Zakaria sahaja yang tetap tidak hanyut. Dan inilah tanda kelayakan di antara mereka. Lalu mereka menyerah Maryam kepada jagaan beliau.

Semuanya dari peristiwa ghaib yang tidak disaksi oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak pula sampai kepada pengetahuannya. Mungkin juga ia merupakan rahsia dari rahsia-rahsia rumah ibadat mereka yang tidak boleh dihambur dan dihebah. Lalu digunakan oleh Al-Qur'an untuk menghadapi para pembesar Ahlil-Kitab di masa itu sebagai bukti yang menunjukkan bahawa Al-Qur'an adalah wahyu dari Allah kepada Rasul-Nya yang benar. Dan di sana tidak ada riwayat yang menyebut bahawa mereka telah menolak hujah ini. Andainya perkara ini boleh dipertikaikan tentulah mereka telah membantah beliau kerana tujuan kedatangan mereka ialah untuk berdebat.

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 51)

Sekarang tibalah kita kepada kisah kelahiran 'Isa a.s., iaitu satu kelahiran yang amat ganjil dan aneh mengikut kelaziman manusia, sedangkan sebenarnya ia merupakan satu perkara biasa kepada masyi'ah Allah yang bebas:

إِذْ قَالَتِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرْيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكِ
بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ ٱسْمُهُ ٱلْمَسِيحُ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا
فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾
وَيُكَلِّمُ ٱلنَّاسَ فِى ٱلْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ
ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٤٦﴾
قَالَتْ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى وَلَدٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِى بَشَرٌ قَالَ
كَذَٰلِكِ ٱللَّهُ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ إِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا
يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٤٧﴾
وَيُعَلِّمُهُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَٱلتَّوْرَىٰةَ
وَٱلْإِنجِيلَ ﴿٤٨﴾
وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَنِّى قَدْ جِئْتُكُم
بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ أَنِّىٓ أَخْلُقُ لَكُم مِّنَ ٱلطِّينِ
كَهَيْـَٔةِ ٱلطَّيْرِ فَأَنفُخُ فِيهِ فَيَكُونُ طَيْرًۢا بِإِذْنِ ٱللَّهِ
وَأُبْرِئُ ٱلْأَكْمَهَ وَٱلْأَبْرَصَ وَأُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ بِإِذْنِ
ٱللَّهِ وَأُنَبِّئُكُم بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدَّخِرُونَ فِى بُيُوتِكُمْ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٤٩﴾
وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَلِأُحِلَّ
لَكُم بَعْضَ ٱلَّذِى حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُم بِـَٔايَةٍ
مِّن رَّبِّكُمْ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿٥٠﴾
إِنَّ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ هَٰذَا صِرَٰطٌ
مُّسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

"(Kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah menyampaikan kepadamu berita gembira akan mendapat putera dari kalimat Allah, namanya al-Masih 'Isa putera Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan tergolong dari para muqarrabin(45). Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia tergolong dari para salihin(46). Ujar Maryam: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan memperolehi anak,

sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun? Allah berfirman: "Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendakinya". Apabila Dia berkehendak mengadakan sesuatu, maka Dia hanya berfirman: "Jadilah!" Maka sesuatu itu pun muncul ke alam al-wujud(47). Dan Allah akan mengajarnya kitab suci, hikmat, Taurat dan Injil(48). Dan (akan melantikkannya) sebagai Rasul kepada Bani Israel (dengan menyatakan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan kamu, iaitu aku boleh ciptakan untuk kamu dari tanah suatu lembaga seperti lembaga burung, lalu aku tiupkan padanya dan ia terus menjadi seekor burung dengan keizinan Allah, dan aku boleh menyembuhkan orang buta dan berpenyakit sopak, aku boleh menghidupkan orang yang mati dengan keizinan Allah, juga aku boleh menceritakan kepada kamu segala apa yang kamu makan dan segala apa yang kamu simpan di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya (kebolehan-kebolehan) yang sedemikian merupakan bukti kepada kamu jika kamu orang-orang yang beriman(49). (Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang membenarkan kebenaran kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu. Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan Mu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku(50). Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus."(51)

Jelaslah kini bahawa Maryam telah berkelayakan dengan kesucian, keta'atan dan amalan ibadatnya untuk menerima kurnia istimewa ini dan untuk menghadapi peristiwa ini. Kini bagi pertama kalinya dia menerima penyampaian berita yang amat penting itu melalui malaikat:

إِذْ قَالَتِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرْيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكِ
بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ ٱسْمُهُ ٱلْمَسِيحُ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا
فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾
وَيُكَلِّمُ ٱلنَّاسَ فِى ٱلْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ
ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٤٦﴾

"(Kenangilah) ketika Malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah menyampaikan kepadamu berita gembira akan mendapat putera dari kalimat Allah, namanya al-Masih 'Isa putera Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan dari para muqarrabin(45). Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia dari para salihin."(46)

Itulah berita gembira yang sempurna dan penerangan yang jelas mengenai kurnia itu, iaitu berita kelahiran kalimat Allah yang bernama al-Masih 'Isa ibn Maryam. Kata-kata al-Masih di dalam ayat ini adalah kata ganti (badal) dari "kalimat Minallah" kerana al-Masih itu pada hakikatnya adalah kalimat Allah. Apakah yang wujud di sebalik ungkapan ini?

Ungkapan ini dan ungkapan-ungkapan seumpamanya adalah dari perkara-perkara ghaib yang tidak dapat diketahui hakikatnya secara pasti. Ungkapan-ungkapan itu mungkin tergolong di dalam kumpulan ayat-ayat mutasyabihah yang dimaksudkan Allah di dalam

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ
هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ ۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى
قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ
وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ ۗ

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang dalam hati mereka mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan."(7)

Tetapi perkara ini menjadi lebih mudah dari tafsiran ini lagi apabila kita mahu memahami tabi'at hakikat ini dengan kefahaman yang menghubungkan hati kita kepada Allah, kepada penciptaan dan qudrat-Nya dan kepada masyi'ah-Nya yang bebas.

Allah telah menghendaki memulakan hidup manusia dengan menciptakan Adam dari tanah sama ada Allah ciptakannya secara langsung dari tanah atau Allah ciptakan keturunan pertama yang berakhir kepada Adam itu dari tanah. Maka ini tidak menjejaskan sesuatu apa terhadap tabi'at rahsia yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah, iaitu rahsia hayat yang berhubung dengan makhluk hidup yang pertama itu atau rahsia hayat yang berhubung dengan Adam jika ia ciptakannya secara langsung dari tanah yang mati. Kedua-duanya sama dalam ciptaan Allah. Salah satu dari keduanya tidak menjadi lebih baik dari yang satu lagi dari segi kewujudan dan keadaan.[8]

Hakikat Hayat Dan Tiupan Ruh Pada Maryam

Dari mana datangnya hayat ini? Bagaimana ia datang? Ia adalah sesuatu yang lain dari tanah dan lain dari segala bahan yang mati di muka bumi ini. Ia adalah sesuatu yang lebih dan berlainan, sesuatu yang melahirkan kesan-kesan dan gejala-gejala yang tidak terdapat sama sekali pada tanah dan pada benda-benda mati.

Rahsia ini dari mana datangnya? Tidak cukup bagi kita untuk menolak dan mengingkarkannya semata-mata dengan alasan kerana kita tidak tahu, sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang yang berfaham kebendaan (materialis) dengan sikap mereka yang degil yang tidak dihormati oleh orang yang berakal, apatah lagi orang yang berilmu.

---

8 *Kami bercakap di sini secara andaian sahaja bukannya hendak membincangkan teori evolusi, iaitu satu teori yang telah bilang asas-asas ilmiahnya. Ia hanya merupakan teori semata-mata.*

Kita tidak mengetahui kerana segala usaha percubaan kita, manusia, untuk mengetahui sumber hayat dengan alat-alat kebendaan yang ada pada kita dan untuk mewujudkan hayat dengan tangan kita dari yang mati itu telah hilang dengan sia-sia sahaja.

Kita tidak mengetahui, tetapi hanya Allah yang telah mengurniakan hayat itu sahaja yang mengetahui. Dia menjelaskan kepada kita bahawa hayat itu adalah tiupan ruh dari ciptaan Allah dan urusan penciptaan itu hanya disempurnakan dengan sepatah kata "كن" (Jadilah!) dari Allah dan sesuatu itu pun wujud di dalam kenyataan.

Apakah tiupan ruh itu? Bagaimana ia ditiupkan pada yang mati lalu lahir padanya rahsia hayat yang seni dan halus dan tersembunyi dari kefahaman manusia itu?

Apakah dia? Dan bagaimana? Inilah rahsia yang akal manusia tidak dijadikan untuk memahaminya, kerana ia bukan dari urusan manusia dan kerana manusia tidak dikurniakan keupayaan untuk memahaminya. Sebenarnya mengenal hakikat hayat dan cara tiupan ruh itu tidak memberi apa-apa faedah kepada tugas menjadi khalifah di bumi yang telah dijadikan Allah untuk manusia, kerana manusia tidak akan berkuasa menciptakan hayat dari yang mati. Oleh sebab itu apakah gunanya ia mengetahui tabi'at hayat, hakikat tiupan ruh dari Allah, cara perhubungan ruh dengan Adam atau dengan anak tangga hayat yang pertama di mana melaluinya keturunan makhluk yang hidup.

Allah S.W.T. menjelaskan bahawa tiupan ruh dari-Nya pada Adam itulah yang menjadikan Adam mempunyai keistimewaan dan darjah kemuliaan hingga mengatasi malaikat. Oleh itu tentulah tiupan ruh itu merupakan suatu kurnia yang lain dari semata-mata hayat seperti yang diberikan kepada ulat dan kuman. Inilah yang membawa kita menganggapkan manusia itu sebagai sejenis makhluk yang diciptakan dengan ciptaan istimewa dan mempunyai kedudukan istimewa di dalam sistem alam buana ini yang tidak dini'mati oleh seluruh makhluk hidup yang lain.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah menjadi maudhu' pembicaraan kita di sini, malah ia hanya merupakan satu pandangan sepintas lalu sahaja ketika membentangkan ayat ini untuk menolak kekeliruan yang mungkin wujud di dalam hati pembaca apabila kami bentangkan secara andaian di sekitar asal-usul kejadian manusia.

Yang penting di sini ialah Allah menjelaskan kepada kita tentang kejadian rahsia hayat walaupun kita tidak dapat memahami tabi'at rahsia ini dan bagaimana tiupan rahsia hayat itu pada yang mati.

Allah telah menghendaki - selepas menciptakan Adam dengan ciptaan istimewa secara langsung - menjadikan satu cara yang tertentu bagi mengulangi penciptaan manusia itu, iaitu cara pertemuan lelaki dengan perempuan dan percantuman telur perempuan dengan sel benih lelaki. Demikian berlangsunglah kehamilan dan kelahiran manusia. Telur perempuan itu hidup dan sel benih lelaki juga hidup dan bergerak.

Makna Kalimat Dari Allah

Kemudian kebiasaan kelahiran manusia berlangsung mengikut peraturan ini sehingga Allah kehendaki menyalahi peraturan ini dalam menciptakan seorang dari makhluk insan. Maka Dia menciptakannya dengan cara yang mirip dengan cara penciptaan manusia yang pertama walaupun tidak benar-benar sama dan serupa. Dia ciptakannya dari perempuan sahaja yang menerima tiupan ruh yang mewujudkan hayat lalu terjadilah hayat (seorang yang hidup).

Apakah tiupan ruh inilah yang dimaksudkan dengan kalimat-kalimat itu atau apakah kalimat itu ialah penentuan iradat Allah atau apakah kalimat itu ialah kalimat "كن" yang mungkin dikehendaki secara haqiqi dan mungkin pula sebagai kinayah dari penentuan iradat Allah? Apakah maksud kalimat itu ialah 'Isa atau dari kalimat itulah lahirnya kewujudan 'Isa?

Semuanya ini merupakan titik-titik perbincangan yang tidak ada apa-apa faedah di sebaliknya kecuali kekeliruan-kekeliruan sahaja. Sebagai kesimpulan ialah Allah S.W.T. telah menghendaki menciptakan hayat tanpa suatu contoh yang telah sedia ada. Lalu Dia ciptakannya mengikut iradat-Nya yang bebas yang mewujudkan hayat dengan tiupan dari ruh Allah yang kita dapat memahami kesan-kesannya.Tetapi kita tidak mengetahui hakikatnya dan kita seharusnya tidak mengetahuinya kerana ia tidak menambahkan apa-apa keupayaan kita dalam menjalankan tugas khilafah di muka bumi ini, selama penciptaan hayat itu tidak termasuk di dalam tugas khalifah.

Huraian yang seperti ini mudah difahami dan kesannya tidak menimbulkan kekeliruan-kekeliruan.

Sifat-sifat 'Isa Yang Ditabsyirkan Kepada Maryam

Beginilah juga malaikat menyampaikan bisyarah kepada Maryam bahawa dia akan mengandung dan melahirkan kalimat dari Allah yang bernama al-Masih 'Isa ibn Maryam. Bisyarah itu menentukan jenis anak itu, namanya dan nasabnya (binnya) dan jelaslah dari bin ini bahawa ia dihubungkan dengan ibunya, kemudian bisyarah itu menyebut pula sifatnya dan kedudukannya di sisi Allah:

وَجِيهًا فِي ٱلدُّنْيَا وَٱلْآخِرَةِ وَمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan dari para muqarrabin."(45)

Bisyarah itu juga menyebut peristiwa mu'jizat yang menyertai kelahirannya:

وَيُكَلِّمُ ٱلنَّاسَ فِي ٱلْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ

الصَّٰلِحِينَ ﴿٤٦﴾

"Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia dari para salihin."(46)

Ayat ini memberi penerangan sekilas tentang keadaan masa depannya, sifatnya dan angkatan yang dimasukinya.

Adapun Maryam gadis sunti yang suci yang terikat pemikirannya dengan adat kebiasaan manusia dalam kehidupan telah menerima bisyarah itu sebagaimana yang dapat diterima oleh seorang gadis sepertinya. Ia bertawajjuh kepada Allah memohon dan mengharapkan Allah mendedahkan kepadanya rahsia teka-teki yang membingungkan akal manusia:

قَالَتْ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ

"Ujar Maryam: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?"

Kemudian Maryam menerima jawapannya yang mengembalikannya kepada hakikat yang mudah, iaitu hakikat yang dilupai manusia kerana terlalu biasa dengan perjalanan undang-undang sebab dan musabab yang lahir disebabkan mereka mempunyai ilmu yang sedikit dan kebiasaan yang terbatas:

قَالَ كَذَٰلِكِ ٱللَّهُ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٤٧﴾

"Allah berfirman: "Demikianlah Allah berkuasa mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya". Apabila Dia berkehendak mengadakan sesuatu, maka Dia hanya berfirman: "Jadilah!" Maka sesuatu itu pun muncul ke alam al-wujud."(47)

Apabila perkara ini dipulangkan kepada hakikat yang pertama, maka lenyaplah segala kehairanan dan kepelikan dan hati akan kembali tenang dan yakin dan seorang itu akan kembali menyoal dirinya dengan penuh kehairanan mengapa aku hairankan perkara semulajadi yang amat terang ini!

Demikianlah Al-Qur'an membentuk kefahaman dan pandangan Islam terhadap hakikat-hakikat yang besar ini dengan huraian secara semulajadi yang mudah dan dekat. Dan demikianlah Al-Qur'an menghilangkan kekeliruan-kekeliruan yang disulit-sulitkan oleh falsafah-falsafah yang berbelit-belit dan sukar itu dan menjelaskan perkara itu di dalam hati dan akal.

Kemudian malaikat itu menyambung bisyarahnya kepada Maryam tentang anak yang telah dipilihkan Allah untuk dilahirkan olehnya secara luar biasa yang tidak ada tolok bandingnya dan bagaimana anak ini akan meneruskan perjalanan hidupnya di kalangan Bani Israel. Di sini bisyarahnya kepada Maryam itu bercampur dengan masa depan sejarah al-Masih dan kedua-duanya bertemu dalam satu rangkaian ayat seolah-olah berlaku dalam satu masa yang sama mengikut cara gaya Al-Qur'an:

وَيُعَلِّمُهُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ ﴿٤٨﴾

"Dan Allah akan mengajarnya kitab suci, hikmat, Taurat dan Injil."(48)

Taurat Ruh Agama Kristian

Kata-kata "Kitab" dalam ayat ini mungkin dimaksudkan dengan kepandaian menulis dan mungkin maksudnya ialah kitab suci Taurat dan Injil, dan 'ataf (kata hubung) di sini ialah kata hubung untuk penjelasan sahaja. Hikmat (kebijaksanaan) ialah suatu keadaan kebolehan dalam jiwa seseorang yang membolehkan meletakkan segala perkara di tempatnya yang wajar dan membolehkannya memahami sesuatu yang betul dan mengikutnya. Dan hikmat ini merupakan kebajikan yang amat banyak. Taurat ialah kitab 'Isa seperti Injil juga. Ia merupakan asas agama yang dibawa oleh beliau, sedangkan kitab Injil merupakan kitab yang melengkap dan menghidupkan ruh kitab Taurat dan ruh agama yang telah terhapus di dalam hati Bani Israel. Inilah yang membuat ramai orang-orang yang bercakap tentang Kristian itu tersalah kerana mereka abaikan kitab Taurat, sedangkan kitab ini menjadi asas agama 'Isa al-Masih a.s., kerana di dalam Taurat terdapat syari'at yang menjadi asas bagi sistem hidup masyarakat dan syari'at ini hanya sedikit sahaja dipinda oleh Injil. Adapun kitab Injil itu sendiri ia merupakan satu tiupan untuk menghidupkan semula dan membaharukan semula ruh agama Allah. Ia juga untuk membersihkan hati manusia dengan menghubungkannya secara langsung dengan Allah di sebalik ayat-ayat itu. Tetapi apabila kedua-dua usaha ini diperjuangkan oleh 'Isa al-Masih, mereka terus bertindak jahat terhadapnya sebagaimana akan diterangkan nanti.

وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَنِّي قَدْ جِئْتُكُم بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ أَنِّيٓ أَخْلُقُ لَكُم مِّنَ ٱلطِّينِ كَهَيْـَٔةِ ٱلطَّيْرِ فَأَنفُخُ فِيهِ فَيَكُونُ طَيْرًۢا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۖ وَأُبْرِئُ ٱلْأَكْمَهَ وَٱلْأَبْرَصَ وَأُحْيِ ٱلْمَوْتَىٰ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۖ وَأُنَبِّئُكُم بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدَّخِرُونَ فِي بُيُوتِكُمْ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَـَٔايَةً لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٤٩﴾

"Dan (akan melantikkannya) sebagai Rasul kepada Bani Israel (dengan menyatakan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan kamu, iaitu aku boleh ciptakan untuk kamu dari tanah suatu lembaga seperti lembaga burung, lalu aku tiupkan padanya dan ia terus menjadi seekor burung dengan keizinan Allah, dan aku boleh menyembuhkan orang buta dan berpenyakit sopak dan aku boleh menghidupkan orang mati dengan keizinan Allah, juga aku boleh menceritakan kepada kamu segala apa yang kamu makan dan segala apa

yang kamu simpan di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya (kebolehan-kebolehan) yang sedemikian merupakan bukti kepada kamu jika kamu orang-orang yang beriman."(49)

Ayat ini menjelaskan bahawa risalah 'Isa a.s. adalah untuk Bani Israel dan beliau adalah salah seorang dari para anbiya' mereka. Oleh sebab itulah Kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa a.s. - yang mengandungi syari'at untuk mengaturkan kehidupan Bani Israel dan mengandungi undang-undang mu'amalah dan tanzim - adalah kitab untuk 'Isa, yang juga ditambahkan dengan Kitab Injil yang mengandungi pengajaran-pengajaran yang menghidupkan ruh, membersihkan hati dan menyedarkan dhamir manusia.

Mu'jizat yang telah diberikan bisyarah oleh Allah kepada ibunya Maryam selaku mu'jizat yang akan ada bersama anaknya ('Isa) dan mu'jizat yang beliau akan hadapi Bani Israel dengannya ialah mu'jizat tiupan ruh pada sesuatu tidak bernyawa lalu memasukkan ke dalamnya rahsia hayat, juga mu'jizat menghidupkan orang-orang yang mati, menyembuhkan orang-orang yang dilahirkan buta, menyembuhkan pesakit sopak dan kebolehan menceritakan perkara yang ghaib - yang sesuai dengan beliau - iaitu makanan-makanan dan sebagainya yang tersimpan di rumah-rumah orang-orang Israel, sedangkan beliau berada di tempat yang jauh dan tidak dapat melihatnya.

Ayat-ayat Al-Qur'an begitu hemat menyebut di atas lidah 'Isa al-Masih a.s. - sebagaimana telah ditentukan dalam ilmu Allah yang ghaib ketika memberi bisyarah kepada Maryam dan sebagaimana yang telah terlaksana selepas itu di atas lidah 'Isa - bahawa setiap mu'jizat dari mu'jizat-mu'jizat yang dibawa oleh beliau itu adalah dibawa dari sisi Allah dan beliau menyebut keizinan Allah selepas menyebut tiap-tiap mu'jizat itu dengan terperinci. Beliau tidak menemankan perkataannya melainkan diakhiri dengan kata-kata "dengan keizinan Allah" untuk menambahkan lagi kehematannya.

Mu'jizat-mu'jizat ini pada umumnya berhubung kait dengan penciptaan hayat atau mengembalikan hayat atau memulihkan 'afiat yang merupakan satu cabang dari hayat atau melihat sesuatu yang ghaib yang jauh dari penglihatan mata. Mu'jizat-mu'jizat ini pada dasarnya adalah selaras dengan kelahiran 'Isa yang telah dikurniakan kewujudan dan hayat tanpa bandingan kecuali bandingan dengan Adam a.s.. Jika Allah berkuasa memperlakukan mu'jizat-mu'jizat itu di tangan seorang dari para makhluk-Nya, maka Dia juga berkuasa mencipta seorang dari mereka tanpa bandingan. Kini jelaslah tidak perlu adanya kekeliruan-kekeliruan dan dongeng-dongeng yang timbul ekoran dari kelahiran secara istimewa ini apabila dipulangkan perkara ini kepada masyi'ah Allah yang bebas kerana manusia tidak boleh mengikat Allah S.W.T dengan kebiasaan-kebiasaan manusia.

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَاةِ وَلِأُحِلَّ

لَكُم بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُم بِآيَةٍ

مِّن رَّبِّكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿٥٠﴾

إِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَٰذَا صِرَاطٌ

مُّسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

"(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang membenarkan kebenaran kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu. Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhanmu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku(50). Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus."(51)

Dari kata-kata penamat dalam da'wah 'Isa a.s. kepada Bani Israel ini terdedahlah hakikat yang tulen di dalam tabi'at agama Allah dan konsepnya di dalam da'wah seluruh Rasul Alaihimus-solatu was-salam, iaitu hakikat yang mempunyai nilai yang istimewa kerana ia disebut di atas lidah 'Isa a.s. itu sendiri, yang mana kelahirannya dan hakikatnya telah menimbulkan berbagai-bagai kekeliruan yang semuanya terbit dari penyelewengan dari hakikat agama Allah yang tidak berubah-ubah di antara satu Rasul ke satu Rasul.

Ketika beliau berkata:

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَاةِ وَلِأُحِلَّ

لَكُم بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ

"(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang mengesahkan kebenaran Kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu."

Ialah untuk mendedahkan tabi'at agama Masihiyah yang sebenar. Kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa adalah mengandungi perundangan yang mengatur kehidupan kaum Bani Israel mengikut kehendak zaman itu dan keadaan-keadaan hidup mereka (kerana ia merupakan undang-undang agama yang khusus untuk sekumpulan manusia di satu zaman yang tertentu). Kitab Taurat ini merupakan asas risalah al-Masih a.s. dan kedatangan risalahnya membenar dan mengesahkan Kitab Taurat itu bersama-sama dengan pindaan-pindaan tertentu yang berhubung kait dengan penghalalan setengah-setengah perkara yang telah diharamkan Allah ke atas mereka. Pengharaman itu telah dilakukan ke atas mereka sebagai balasan di atas maksiat-maksiat dan penyelewengan mereka. Allah telah mengajarkan mereka supaya beradab dan berakhlak dengan mengharamkan setengah-setengah perkara yang halal kepada mereka. Kemudian iradat Allah berkehendak mengurniakan rahmat kepada mereka dengan

mengutuskan al-Masih a.s. lalu beliau menghalalkan kembali setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas mereka.

Tabi'at Agama Samawi Dan Penyelewangan Agama Kristian

Dari sini ternyatalah bahawa tabi'at agama samawi adalah mengandungi penyusunan undang-undang dan peraturan-peraturan dari syari'at Allah untuk mengendalikan kehidupan manusia. Penyusunan undang-undang dan peraturan itu bukan hanya terbatas dalam segi kawalan akhlak sahaja atau kawalan perasaan sahaja atau mengenai ibadat-ibadat dan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja kerana penyusunan yang terbatas seperti ini bukannya agama. Kerana agama ialah sebuah sistem hidup yang dikehendaki Allah untuk manusia atau sebuah sistem hidup yang menghubungkan hidup manusia dengan undang-undang dan peraturan Allah.

Unsur 'aqidah keimanan tidak boleh terpisah dari syi'ar-syi'ar ibadat, dari nilai-nilai akhlak dan dari undang-undang dan peraturan kemasyarakatan di dalam mana-mana agama yang mahu mengendalikan kehidupan manusia mengikut sistem hidup Ilahi. Sebarang perpisahan dari asas-asas dan teras-teras ini akan menghapuskan kesan dan pengaruh agama di dalam jiwa dan kehidupan manusia dan bertentangan dengan konsep agama dan tabi'atnya sebagaimana yang dikehendaki Allah.

Apabila Injil Dipisahkan Dari Taurat

Inilah yang berlaku kepada agama Kristian. Dalam agama ini - kerana beberapa peristiwa sejarah dari satu sudut dan kerana kedatangannya telah ditentukan untuk satu masa yang tertentu sahaja sehingga datang agama yang terakhir kemudian agama ini terus hidup selepas zamannya dari satu sudut yang lain telah berlaku perpisahan di antara aspek perundangannya yang mengaturkan pentadbiran masyarakat dengan aspek kerohaniannya yang berhubung dengan ibadat dan akhlak. Ini adalah ekoran dari permusuhan yang ketat yang berlaku di antara kaum Yahudi dengan al-Masih a.s. dan para penyokongnya serta orang-orang yang mengikut agamanya selepas itu. Permusuhan ini telah mewujudkan perpisahan di antara Taurat yang mengandungi syari'at dengan Injil yang mengandungi pengajaran-pengajaran yang menghidupkan ruh dan membersihkan akhlak. Di samping itu syari'at itu pula adalah syari'at yang ditentukan untuk satu zaman yang tertentu sahaja dan untuk satu kelompok manusia yang tertentu sahaja, sedangkan dalam perencanaan Allah telah pun diputuskan bahawa satu syari'at yang kekal (untuk semua zaman) dan mencakup seluruh insan akan datang pada waktunya yang telah ditetapkan.

Kelemahan Agama Kristian Untuk Memimpin Manusia

Walau bagaimanapun agama Kristian telah berakhir menjadi satu agama tanpa syari'at dan di sinilah punca kelemahan Kristian untuk memimpin kehidupan kemasyarakatan umat-umat yang menganutinya. Kerana kepimpinan kehidupan kemasyarakatan memerlukan kepada satu kefahaman i'tiqad yang mentafsirkan kewujudan seluruh alam al-wujud ini dan mentafsirkan hidup insan dan tempatnya di alam al-wujud. Ia juga memerlukan kepada satu sistem ibadat dan nilai-nilai akhlak. Dan seterusnya ia memerlukan - secara pasti - kepada perundangan-perundangan yang mengaturkan kehidupan masyarakat yang diambil dari kefahaman i'tiqad tadi dan dari sistem ibadat dan bersama nilai-nilai akhlak tadi. Tapak asas binaan agama inilah yang menjamin tegaknya sistem kemasyarakatan yang mempunyai motif-motif yang dapat difahami di samping mempunyai jaminan-jaminan yang kukuh. Apabila perpisahan itu berlaku di dalam agama Kristian, maka ia tidak lagi berupaya menjadi satu sistem yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia dan penganut-penganutnya terpaksa memisahkan di antara nilai-nilai rohaniyah dengan nilai-nilai ilmiyah dalam seluruh kehidupan mereka dan di antaranya ialah sistem kemasyarakatan yang menjadi asas kehidupan ini. Sistem-sistem kemasyarakatan di sana telah ditegakkan di atas asas yang bukan asas tabi'atnya yang tunggal kerana itu ia tergantung-gantung di udara atau berjalan dengan cara yang tempang.

Ini bukannya perkara biasa di dalam kehidupan manusia dan bukannya merupakan satu perkara yang kecil di dalam sejarah manusia. Malah ia merupakan satu malapetaka yang besar yang menimbulkan kecelakaan, kebingungan, keruntuhan akhlak, keganjilan tingkah laku dan bala-bala yang dialami tamadun kebendaan pada hari ini sama ada di negara-negara yang masih memeluk Kristian - yang tidak mempunyai sistem kemasyarakatan yang berdasarkan syari'at - atau di negara-negara yang telah menolak agama Kristian. Kerana negara-negara ini pada hakikatnya tidaklah banyak berjauhan dari mereka yang mendakwa sebagai penganut Kristian. Agama Masihiyah seperti yang dibawa oleh al-Masih 'Isa a. s. dan seperti ciri setiap agama samawi yang wajar dipanggil dengan istilah agama ialah syari'at yang mengaturkan kehidupan manusia yang lahir dari kefahaman i'tiqad terhadap Allah dan dari nilai-nilai akhlak yang diasaskan di atas kefahaman i'tiqad itu. Tanpa tapak asas yang syumul dan sempurna, agama itu bukanlah agama Masihiyah dan sama sekali tidak boleh dipanggil agama. Tanpa tapak asas yang syumul dan sempurna, tidak mungkin wujudnya satu sistem kemasyarakatan yang boleh mengatur kehidupan manusia dan memenuhi keperluan-keperluan jiwa mereka dan keperluan realiti hidup mereka di samping mengangkatkan seluruh jiwa dan kehidupan mereka kepada Allah.

Hakikat ini merupakan salah satu dari konsep agama yang terkandung di dalam perkataan al-Masih 'Isa a.s. (dalam ayat berikut).

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَلِأُحِلَّ

لَكُم بَعْضَ ٱلَّذِى حُرِّمَ عَلَيْكُمْ

"(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang membenarkan kebenaran Kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu."(50)

Beliau melandaskan penyampaian hakikat ini di atas hakikat agung yang pertama, iaitu hakikat tauhid yang tidak ada sebarang kekeliruan.

وَجِئْتُكُم بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿٥٠﴾

"Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhanmu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku."(50)

إِنَّ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۗ هَٰذَا صِرَٰطٌ
مُّسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus."(51)

Beliau dengan ini mengumumkan hakikat kefahaman i'tiqad yang menjadi asas seluruh agama Allah, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang dibawa oleh beliau kepada mereka bukanlah datang dari dirinya sendiri. Kerana beliau hanya manusia yang tidak mempunyai daya qudrat untuk melakukannya. Malah mu'jizat-mu'jizat itu adalah dibawa oleh beliau dari Allah. Dan da'wah beliau dari awal lagi ditegakkan di atas prinsip ketaqwaan kepada Allah dan keta'atan kepada Rasul-Nya. Kemudian beliau menekankan hakikat Rububiyah Allah terhadap dirinya dan terhadap mereka - beliau bukannya Tuhan, malah hanya seorang hamba - dan menyeru mereka beribadat kepada Allah, kerana tiada 'Ubudiyah melainkan semata-mata bagi Allah. Beliau mengakhiri percakapannya dengan mengumumkan hakikat yang syumul setelah dijelaskan konsep mentauhidkan Allah dan beribadat kepada-Nya serta menta'ati Rasul-Nya dan peraturan-peraturan yang dibawa olehnya.

هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

"Inilah satu jalan yang lurus."(51)

Dan selain dari jalan ini adalah jalan bengkok, sesat dan menyeleweng belaka dan tidak mungkin sekali-kali menjadi agama.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 53)

Setelah menceritakan bisyarah yang disampaikan oleh malaikat kepada Maryam tentang puteranya yang akan dilahirkan itu, sifat-sifatnya, risalahnya, mu'jizat-mu'jizatnya dan perkataan-perkataannya yang disebut bersama dengan bisyarah itu, maka ayat yang berikut secara langsung beralih kepada kesedaran 'Isa a.s. terhadap kekufuran Bani Israel dan permohonan beliau untuk mendapatkan penyokong-penyokong bagi menyampaikan agama Allah:

فَلَمَّآ أَحَسَّ عِيسَىٰ مِنْهُمُ ٱلْكُفْرَ قَالَ مَنْ
أَنصَارِىٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ
ٱللَّهِ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَٱشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾
رَبَّنَآ ءَامَنَّا بِمَآ أَنزَلْتَ وَٱتَّبَعْنَا ٱلرَّسُولَ فَٱكْتُبْنَا
مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Apabila 'Isa menyedari kekafiran setengah dari mereka (kaum Yahudi) dia pun berkata: "Siapakah yang sanggup menjadi penyokongku ke jalan Allah?" Para Hawariy (sahabat setia 'Isa) berkata: Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka(52). Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu), oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi."(53)

Di sini terdapat ruang kosong yang besar dalam penerangan ayat ini, kerana ia belum lagi menceritakan bahawa 'Isa telah pun dilahirkan dan bahawa bondanya telah menghadapi kaumnya dengan kelahirannya lalu 'Isa bercakap dengan mereka di dalam buaian. Ia juga tidak menceritakan bahawa 'Isa telah berda'wah kepada kaumnya dalam usia dewasanya dan membentangkan kepada mereka mu'jizat-mu'jizat yang telah disebut di dalam bisyarah kepada bondanya (sebagaimana diterangkan di dalam Surah Maryam). Ruang-ruang seperti ini memang terdapat di dalam kisah-kisah Al-Qur'an untuk mengelakkan penceritaan-penceritaan yang berulang-ulang dari satu segi dan untuk menumpukan kepada babak-babak dan adegan-adegan yang berkaitan dengan maudhu' surah sahaja dari satu segi yang lain pula.

Kini 'Isa a.s. menyedari kekufuran Bani Israel setelah beliau memperlihatkan kepada mereka segala mu'jizat yang tidak mungkin dilakukan oleh manusia, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang meyaksikan bahawa Allah berada di sebaliknya dan bahawa kekuatan Allahlah yang menguatkan mu'jizat itu dan menguatkan Rasul yang membawanya. Di samping itu tujuan kedatangan al-Masih 'Isa a.s. adalah untuk meringankan sebahagian dari beban taklif dari Bani Israel.

Ketika inilah 'Isa mengemukakan seruannya:

قَالَ مَنْ أَنصَارِىٓ إِلَى ٱللَّهِ

"Siapakah yang sanggup menjadi penyokong-penyokongku ke jalan Allah?"

Yakni siapakah yang sanggup menjadi penyokong-penyokongku memperjuangkan agama Allah, da'wah

Allah, undang-undang dan peraturan Allah? Siapakah yang sanggup menjadi penyokong-penyokongku menuju Allah supaya aku dapat sampaikan da'wah menuju kepada-Nya dan menunaikan kewajipanku?

Setiap pejuang 'aqidah dan da'wah pastilah mempunyai penyokong-penyokong yang turut berjuang bersamanya, membawa da'wahnya, mempertahankan da'wahnya, menyampaikan da'wah kepada generasi selepas mereka dan berdiri teguh di atas da'wah itu selepasnya.

Kumpulan Hawariy

قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ ٱللَّهِ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَٱشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾

"Ujar para sahabat setia (hawari): Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka."(52)

Di sini mereka menyebut Islam dengan pengertian-pengertian yang menjadi hakikat agama ini dan mereka telah mempersaksikan 'Isa a.s. di atas keislaman mereka dan menyebut kesanggupan mereka untuk membantu Allah yakni membantu Rasul-Nya dan agama-Nya dan sistem hidup yang diaturkan-Nya untuk kehidupan manusia.

Kemudian mereka bertawajjuh kepada Allah, iaitu berhubung secara langsung dengan Allah mengenai urusan agama yang dijalani mereka:

رَبَّنَآ ءَامَنَّا بِمَآ أَنزَلْتَ وَٱتَّبَعْنَا ٱلرَّسُولَ فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu), oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi."(53)

Dalam tawajjuh untuk mengikat perjanjian setia secara langsung dengan Allah, ada satu perkara yang bernilai yang menarik perhatian, iaitu perjanjian seorang Mu'min itu adalah bermula dengan Allah. Apabila Rasul menyampaikan da'wahnya, maka selesailah tugas Rasul dari segi i'tiqad dan terikatlah perjanjian setia dengan Allah dan perjanjian ini akan kekal terikat di leher seorang Mu'min selepas Rasul itu. Di dalam tawajjuh ini juga terdapat perjanjian dengan Allah untuk mengikut Rasul. Kerana agama bukannya semata-mata i'tiqad di dalam hati, malah agama ialah mengikut sistem hidup Allah dengan berpandukan sunnah Rasulullah. Inilah satu konsep yang ditekan dan dipusatkan oleh huraian surah ini yang diulanginya dengan berbagai-bagai cara dan gaya.

Kemudian ada lagi satu ungkapan yang menarik perhatian di dalam perkataan para Hawariy iaitu:

فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi."(53)

Apakah yang dimaksudkan dengan kesaksian itu dan apakah yang dimaksudkan dengan golongan orang-orang yang menjadi saksi itu?

Setiap Muslimin Dituntut Menunaikan Kesaksian Terhadap Agama Allah

Seorang Muslim yang beriman kepada agama Allah adalah dituntut darinya menunaikan kesaksian terhadap agama ini, iaitu kesaksian yang menyokong kebenaran agama ini untuk terus kekal dan menyokong kebaikan yang dibawa oleh agama ini kepada manusia. Dan dia belum dikira menunaikan kesaksian ini sehingga dia menjadikan dirinya, akhlaknya, perilakunya dan hidupnya sebagai satu gambaran yang hidup dari agama ini, iaitu satu gambaran yang dapat dilihat oleh orang ramai dan memandang gambaran itu sebagai satu contoh yang tinggi yang menyaksikan bahawa agama ini lebih wajar wujudnya dan lebih baik dari segala sistem hidup, peraturan dan undang-undang yang ada di bumi ini.

Dia juga belum dikira menunaikan kesaksian itu sehingga dia jadikan agama ini asas kehidupannya dan sistem masyarakatnya dan undang-undang bagi dirinya dan kaumnya agar masyarakat sekelilingnya mengendalikan segala urusannya mengikut undang-undang dan peraturan agama Allah yang betul. Segala usaha perjuangannya untuk membangunkan masyarakat ini, dan menegakkan sistem hidup Ilahi ini, dan pemilihannya yang merasa lebih baik mati dari hidup di bawah naungan sistem yang tidak menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan manusia itulah kesaksiannya bahawa agama ini lebih baik dari hidup itu sendiri. Dan ia merupakan sesuatu yang paling mulia yang sangat diambil berat oleh setiap yang hidup. Oleh sebab itulah dia digelarkan "saksi".

Para Hawariy atau sahabat setia 'Isa a.s. berdo'a kepada Allah agar mereka ditulis di dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi terhadap agamanya. Yakni agar Allah memberi taufik dan menolong mereka untuk menjadikan diri mereka satu gambaran yang hidup dari agama ini dan agar Allah membangkitkan mereka berjihad untuk menegakkan agamanya dalam hidup manusia dan membangun masyarakat yang melambangkan agama ini walaupun mereka terpaksa membayar harganya dengan nyawa mereka, agar mereka benar-benar menjadi saksi di atas kebenaran agama ini.

Ini adalah sebuah do'a yang wajar diperhatikan oleh setiap orang yang mendakwa diri mereka sebagai beragama Islam. Kerana inilah Islam yang difahamkan oleh para Hawari dan yang wujud di dalam hati orang-orang Islam yang sebenarnya. Sesiapa yang tidak menunaikan kesaksian ini kepada agamanya dan menyembunyikannya, maka berdosalah hatinya. Dan sesiapa yang mendakwa beragama Islam tetapi di dalam dirinya ia mengamalkan perilaku yang bukan

Islam, atau dia cuba mengamalkan perilaku Islam di dalam dirinya tetapi tidak mengamalkannya di bidang umum dan tidak berjuang untuk menegakkan sistem hidup Ilahi dalam kehidupan manusia kerana mengutamakan kesenangan diri atau mengutamakan hidupnya dari hidup agamanya, maka bererti ia tidak menunaikan kesaksiannya kepada agamanya atau dia telah menunaikan kesaksian yang menentang agama ini sendiri, iaitu satu kesaksian yang menghalangkan orang lain dari agama itu kerana mereka melihat penganut-penganutnya sendiri memberi kesaksian yang menentangnya. Dan celakalah kepada mereka yang menghalangkan orang lain dari agama Allah dengan perantaraan dakwaan mereka sebagai orang-orang yang beriman kepada agama ini, sedangkan sebenarnya mereka tidak beriman kepada-Nya.[9]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 57)

Kemudian Al-Qur'an meneruskan pembicaraan akhir kisah di antara 'Isa a.s. dengan Bani Israel:

وَمَكَرُوا۟ وَمَكَرَ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَـٰكِرِينَ ﴿٥٤﴾
إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَـٰعِيسَىٰٓ إِنِّى مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىَّ
وَمُطَهِّرُكَ مِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَجَاعِلُ ٱلَّذِينَ
ٱتَّبَعُوكَ فَوْقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۖ
ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنتُمْ
فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٥﴾
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَأُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِى
ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ وَمَا لَهُم مِّن نَّـٰصِرِينَ ﴿٥٦﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ فَيُوَفِّيهِمْ
أُجُورَهُمْ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥٧﴾

"Dan mereka (kaum Yahudi) telah merancangkan tipu daya dan Allah merancangkan balasan tipu daya itu, dan Allah sebaik-baik perancang balasan tipu daya(54). (Kenangilah) ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa sesungguhnya Aku akan mewafatkan engkau dan akan mengangkatkan engkau kepada-Ku dan akan membersihkan engkau dari orang-orang yang kafir dan akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat, kemudian kepada-Kulah tempat kamu kembali dan Aku akan mengadili di antara kamu dalam persoalan-persoalan yang telah dipertikaikan kamu(55). Adapun orang-orang yang kafir, maka Aku akan azabkan mereka dengan 'azab yang amat berat di dunia dan Akhirat dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi penolong-penolong mereka(56). Dan ada pun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka. Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(57)

Tipudaya Kaum Yahudi Terhadap 'Isa a.s.

Tipu daya yang telah dilakukan oleh kaum Yahudi yang tidak beriman kepada Rasul mereka 'Isa a.s. adalah tipudaya yang panjang lebar. Mereka telah membuat tuduhan kepada beliau dan kepada ibu beliau yang suci sebagai bermukah dengan Yusuf an-Najar, iaitu tunangnya yang belum lagi berkahwin dengannya sebagaimana disebut oleh Injil. Mereka menuduh beliau berdusta dan melakukan ilmu silap mata. Mereka telah memfitnahkan beliau kepada Philip pemerintah Roman dan mendakwa beliau sebagai penghasut yang menyeru orang ramai supaya bangkit menentang kerajaan dan sebagai ahli sihir yang merosakkan 'aqidah orang ramai, sehingga Philip menyerahkan perkara beliau kepada mereka supaya mereka menghukumkannya dengan tangan mereka sendiri kerana baginda - selaku penganut agama paganisme - tidak berani menanggung dosa seorang yang baginda sendiri tidak pernah menaruh apa-apa keraguan terhadapnya. Ini hanya sebahagian kecil dari tipudaya mereka yang banyak.

وَمَكَرُوا۟ وَمَكَرَ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَـٰكِرِينَ ﴿٥٤﴾

"Dan mereka (kaum Yahudi) telah merancangkan tipu daya dan Allah merancangkan balasan tipu daya itu dan Allah sebaik-baik perancang balasan tipu daya."(54)

Penyerupaan tipu daya kaum Yahudi dengan balasan tipudaya dari Allah di sini hanya pada kata-kata sahaja iaitu ia menandingkan di antara perancangan mereka dengan perancangan Allah. Kerana yang dimaksudkan dengan kata " المكر " di sini ialah perancangan atau tadbir dengan tujuan untuk memperkecil-kecilkan perancangan dan tipudaya mereka apabila mereka berdepan dengan perancangan dan tadbir Allah. Bagaimanakah hendak dibandingkan mereka dengan Allah? Bagaimanakah hendak dibandingkan tipu daya mereka dengan tadbir Allah?

Masalah Kewafatan 'Isa a.s.

Mereka mahu mensalibkan 'Isa a.s. dan membunuhnya, sedangkan Allah berkehendak mewafatkan beliau dan mengangkatkannya kepada-Nya dan membersihkan beliau dari bercampur-gaul dan tinggal bersama-sama orang-orang yang kafir yang najis dan kotor itu. Dan Allah berkehendak memuliakan beliau dengan menjadikan para pengikutnya mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat. Dan segala apa yang dikehendaki Allah itu telah berlaku dan Allah telah

---

[9] *Lihat kajian yang bernilai oleh al-Ustaz al-Maududi dengan judul "شهادة الحق"*

menghancurkan segala rancangan yang diatur oleh perancang-perancang tipu daya itu:

إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّى مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىَّ
وَمُطَهِّرُكَ مِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَجَاعِلُ ٱلَّذِينَ
ٱتَّبَعُوكَ فَوْقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۖ

"(Kenangilah) ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa! Sesungguhnya Aku akan mewafatkan engkau dan akan mengangkatkan engkau kepada-Ku dan akan membersihkan engkau dari orang-orang yang kafir dan akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat."(55)

Isu Kewafatan 'Isa a.s.

Bagaimana beliau diwafatkan dan bagaimana beliau diangkatkan kepada Allah? Ini adalah perkara-perkara ghaib yang termasuk dalam ayat-ayat yang mutasyabihah yang tidak diketahui pentafsirannya melainkan Allah. Di samping itu tidak ada apa-apa faedahnya (bagi kita) membincangkan perkara-perkara yang seperti ini sama ada dari segi 'aqidah atau dari segi syari'atnya. Mereka yang membangkitkan persoalan-persoalan ini dan menjadikannya sebagai bahan perdebatan dan perbahasan telah berakhir kepada pertelingkahan, kekeliruan dan kerumitan tanpa menghasilkan suatu hakikat yang tegas dan menyenangkan hati, sedangkan perkara ini sepatutnya diserahkan kepada ilmu Allah sahaja.

Pengikut-pengikut 'Isa Mengatasi Orang-orang Kafir Hingga Hari Qiamat

Adapun maksud Allah telah menjadikan para pengikut beliau itu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat itu, maka ia bukanlah merupakan satu perkara yang sukar dihuraikan. Kerana orang-orang yang mengikut beliau ialah orang-orang yang beriman dengan agama Allah yang benar iaitu agama Islam, satu agama yang hakikatnya telah diketahui oleh setiap nabi dan dibawa oleh setiap Rasul dan diimani oleh setiap mereka yang benar-benar beriman kepada agama Allah. Mereka inilah yang mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat dalam neraca pertimbangan Allah dan merekalah juga yang mengatasi orang-orang kafir di dalam realiti hidup setiap kali mereka menghadapi khemah kekafiran dengan hakikat keimanan dan hakikat itba' (mengikut ajaran Allah dan Rasul dengan penuh kepatuhan). Agama Allah itu hanya satu sahaja. Ia telah dibawa oleh 'Isa ibn Maryam a. s. sebagaimana sebelum dan kemudiannya ia dibawa oleh sekalian Rasul yang lain sebelumnya dan selepasnya. Dan orang-orang yang mengikut Muhammad s.a.w. dalam waktu yang sama bererti mengikut angkatan seluruh Rasul mulai dari Adam a.s. hingga ke Rasul akhir zaman.

Pengertian yang sempurna dan syamil inilah yang selaras dengan kehendak penerangan surah dan dengan hakikat agama yang ditekankan oleh ayat-ayat ini.

Adapun penghabisan perjalanan hidup orang-orang Mu'min dan orang-orang kafir, maka ia dijelaskan oleh ayat berikut dalam bentuk pemberitaan Allah kepada 'Isa a.s.:

ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنتُمْ
فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٥﴾
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَأُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِى
ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَمَا لَهُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٥٦﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُوَفِّيهِمْ
أُجُورَهُمْ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٧﴾

"Kemudian kepada-Kulah tempat kamu kembali dan Aku akan mengadili di antara kamu dalam persoalan-persoalan yang telah dipertikaikan kamu (55). Ada pun orang-orang yang kafir, maka Aku akan azabkan mereka dengan 'azab yang amat berat di dunia dan Akhirat dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi penolong-penolong mereka(56). Dan adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka. Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(57)

Di dalam ayat ini terdapat penjelasan terhadap kesungguhan balasan dan keadilan Ilahi yang tidak akan berganjak seurat rambut pun dan tidak dapat diletakkan sebarang angan-angan dan tidak dapat dibuat sebarang pendustaan.

Manusia tidak dapat menghindarkan diri mereka dari kembali kepada Allah. Mereka tidak dapat menolak dari menerima hukum Allah dalam perkara-perkara yang telah membawa mereka ke dalam pertelingkahan. Mereka yang kafir tidak akan mendapat penolong-penolong yang boleh menyelamatkan mereka dari 'azab Allah yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan mendapat pahala yang sempurna yang dikurniakan kepada mereka tanpa pilih kasih dan tanpa dikurangi sedikit pun.

وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٧﴾

"Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(57)

Oleh itu amatlah jauh bagi Allah bertindak zalim, kerana Dia sendiri tidak sukakan orang-orang yang zalim.

Di sini jelaslah bahawa segala apa yang dikatakan oleh Ahlil-Kitab bahawa mereka tidak akan memasuki Neraka kecuali untuk beberapa hari sahaja dan segala angan-angan karut yang mereka asaskan di atas kefahaman mereka yang salah terhadap konsep

keadilan Allah dalam pembalasan-Nya adalah palsu, tidak benar dan tidak berasas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 64)

Apabila penjelasan ayat sampai ke tahap ini memerlukan kisah 'Isa yang telah mencetuskan perdebatan dan perbahasan di sekitarnya, maka ayat yang berikut dimulakan pula dengan kenyataan kesimpulan yang menjelaskan hakikat-hakikat asasi yang diambil dari kisah-kisah ini. Kemudian diakhiri dengan mengemukakan kepada Rasulullah s.a.w. ajaran untuk menghadapi Ahlil-Kitab secara muktamad yang menamatkan dialog dan perdebatan dan menegakkan hakikat yang dibawa dan diseru olehnya dengan jelas dan yakin:

ذَٰلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ ٱلْءَايَٰتِ وَٱلذِّكْرِ
ٱلْحَكِيمِ ﴿٥٨﴾
إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِندَ ٱللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ خَلَقَهُۥ
مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾
ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿٦٠﴾
فَمَنْ حَآجَّكَ فِيهِ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ فَقُلْ
تَعَالَوْا۟ نَدْعُ أَبْنَآءَنَا وَأَبْنَآءَكُمْ وَنِسَآءَنَا
وَنِسَآءَكُمْ وَأَنفُسَنَا وَأَنفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَل
لَّعْنَتَ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٦١﴾
إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلْقَصَصُ ٱلْحَقُّ ۚ وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ
وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٦٣﴾
قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ
شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"(Kisah-kisah dan bimbingan-bimbingan) yang sedemikian yang Kami bacakan kepadamu itu adalah sebahagian dari ayat-ayat dan peringatan yang bijaksana(58). Sesungguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Dia ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud(59). Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, oleh itu janganlah sekali-kali engkau jadi dari golongan orang-orang yang ragu-ragu(60). Kerana itu sesiapa yang membantah engkau mengenainya setelah datang kepadamu pengetahuan (yang jelas), maka katakanlah: Marilah kamu sekalian! Kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, diri kami dan diri kamu, kemudian kita memohon kepada Allah dan meminta agar ditimpakan la'nat Allah ke atas orang-orang yang berdusta(61). Sesungguhnya ini adalah kisah-kisah yang benar. Dan tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, dan sesunguhnya Allah itulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(62). Dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan(63). Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami adalah golongan Muslimin."(64)

Demikianlah kita dapati kenyataan kesimpulan yang berikut dari awal-awal lagi memuatkan kebenaran wahyu yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w:

ذَٰلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ ٱلْءَايَٰتِ وَٱلذِّكْرِ
ٱلْحَكِيمِ ﴿٥٨﴾

"(Kisah-kisah dan bimbingan-bimbingan) yang sedemikian yang kami bacakan kepadamu itu adalah sebahagian dari ayat-ayat dan peringatan yang bijaksana."(58)

Yakni kisah-kisah itu dan seluruh bimbingan Al-Qur'an itu adalah wahyu dari Allah yang dibacakan kepada nabi-Nya Muhammad s.a.w. Dalam ungkapan ayat ini mengandungi makna penghormatan, maqam kehampiran dan kasih mesra Allah terhadap beliau. Apakah lagi penghormatan yang lebih tinggi dari Allah Ta'ala sendiri yang mengendalikan pembacaan ayat-ayat Al-Qur'anul-Hakim kepada nabi-Nya Muhammad s.a.w. Sesungguhnya Allah Yang Maha Bijaksana sendiri yang mengendalikan urusan menjelaskan hakikat-hakikat agung mengenai jiwa manusia dan mengenai hayat manusia dan cara berbicara dengan fitrah manusia dan mendekatinya dengan lemah-lembut, iaitu dengan cara yang tidak terdapat pada yang lain dari Al-Qur'an selaku sumber yang unik.

Kemudian kenyataan kesimpulan yang berikut menjelaskan secara tegas tentang hakikat 'Isa a.s. dan tentang tabi'at penciptaan dan iradat Ilahi yang berkuasa menciptakan segala sesuatu sebagaimana Ia telah menciptakan 'Isa a.s:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِندَ ٱللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ خَلَقَهُۥ
مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾

"Sesunguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Dia ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud."(59)

Penciptaan 'Isa Sama Dengan Penciptaan Adam

Kelahiran 'Isa a.s. adalah suatu kelahiran yang benar-benar aneh dibandingkan dengan kelahiran biasa manusia, tetapi apakah keanehan yang ada padanya jika dibandingkan kepada penciptaan Adam bapa manusia? Kaum Ahlil-Kitab yang berdebat dan bertikai di sekitar kelahiran 'Isa dan mengadakan berbagai-bagai kepercayaan yang karut dan dongeng-dongeng di sekitarnya dengan sebab beliau dilahirkan tanpa bapa. Dan kaum Ahlil-Kitab juga yang mengakui Adam dijadikan Allah dari tanah dan mengakui bahawa tiupan ruh dari Allah itulah yang telah menjadikan Adam makhluk insan, tetapi mereka tidak mengadakan di sekitar Adam cerita-cerita dongeng seperti yang telah diadakan mereka di sekitar 'Isa a.s.. Dan mereka tidak mengatakan bahawa Adam mempunyai tabi'at lahutiyah (ketuhanan), sedangkan unsur yang menjadikan Adam itu insan ialah unsur yang sama yang melahirkan 'Isa tanpa bapa, iaitu unsur tiupan ruh dari Allah kepada keduanya. Tiupan itu tidak lain melainkan kalimat "كن" yang menciptakan segala apa sahaja yang dikehendaki Allah dan ia akan terus muncul ke alam kenyataan.

Demikianlah hakikat penciptaan 'Isa, hakikat penciptaan Adam dan hakikat seluruh penciptaan ini terserlah begitu mudah dan masuk ke dalam hati dengan begitu senang dan terang, sehingga seseorang itu merasa hairan bagaimana perdebatan dan pertikaian boleh timbul sekitar peristiwa kelahiran 'Isa ini, sedangkan ia berlaku mengikut undang-undang yang agung, iaitu undang-undang seluruh penciptaan dan kejadian.

Inilah cara Al-Qur'anul-Hakim berbicara dengan fitrah manusia, iaitu dengan menggunakan logik fitrah yang realistik dan mudah untuk memahami persoalan-persoalan yang amat sulit yang ketara begitu mudah selepas ayat ini.

Apabila penjelasan ayat yang menerangkan persoalan ini sampai kepada tahap yang seterang ini, maka ayat yang berikut ia tujukan perintahnya kepada Rasulullah s.a.w. supaya berpegang teguh dengan kebenaran yang dibawa olehnya dan dibacakan kepadanya. Ia tekankan kebenaran itu di dalam hati beliau dan di dalam hati orang-orang Islam yang wujud di sekelilingnya yang mungkin setengah-setengahnya terpengaruh kepada pengeliruan-pengeliruan dan penyesatan-penyesatan yang jahat yang dilakukan oleh kaum Ahlil-Kitab.

ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ٦٠

"Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu oleh itu janganlah sekali-kali engkau jadi dari golongan orang-orang yang ragu-ragu."(60)

Sebenarnya Rasulullah s.a.w. tidak pernah ragu-ragu terhadap kebenaran yang dibacakan Allah kepadanya dalam mana-mana detik hidupnya. Malah tujuan ayat ini ialah semata-mata penyataan meneguhkan pendirian beliau di atas kebenaran. Dari sini kita dapat memahami sejauh mana hebatnya tipu daya musuh kaum Muslimin terhadap setengah-setengah Muslimin di waktu itu, dan dari sini juga kita dapat menanggapi sejauh mana umat Muslimin terdedah kepada tipu daya itu dalam setiap generasi mereka dan sejauh mana perlunya mereka diperteguhkan pendirian mereka di atas kebenaran yang didokong mereka dalam menghadapi musuh-musuh yang merancangkan tipudaya dengan menggunakan cara-cara yang baru dalam setiap generasi kaum Muslimin.

Di sini - setelah persoalan itu jelas dan kebenaran itu ketara - Allah memerintah Rasul-Nya yang mulia supaya menamatkan perdebatan dan perbahasan di sekitar persoalan yang terang dan kebenaran yang jelas itu dan mengajak mereka bermubahalah sebagaimana diterangkan di dalam ayat yang berikut:

فَمَنْ حَآجَّكَ فِيهِ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ فَقُلْ
تَعَالَوْا۟ نَدْعُ أَبْنَآءَنَا وَأَبْنَآءَكُمْ وَنِسَآءَنَا
وَنِسَآءَكُمْ وَأَنفُسَنَا وَأَنفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَل
لَّعْنَتَ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَٰذِبِينَ ٦١

"Kerana itu sesiapa yang membantah engkau mengenainya setelah datang kepadamu pengetahuan (yang jelas) maka katakanlah: Marilah kamu sekalian! Kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, diri kami dan diri kamu, kemudian kita memohon (kepada Allah) dan meminta agar ditimpakan la'nat Allah ke atas orang-orang yang berdusta."(61)

Cabaran Bermubahalah (المباهلة)

Rasulullah s.a.w. telah mengajak mereka yang berdebat dengan beliau dalam persoalan ini supaya menghadiri satu perhimpunan yang besar, di mana para hadirin serentak berdo'a kepada Allah agar menimpakan laknatnya ke atas pihak yang dusta, tetapi mereka takut kepada akibatnya dan terus menolak ajakan bermubahalah itu. Dan kini kebenaran ketara dengan jelas, tetapi menurut riwayat-riwayat mereka tidak juga menganut Islam kerana menjaga kedudukan mereka di kalangan kaum mereka dan kerana sayangkan kuasa, pangkat kebesaran, kepentingan-kepentingan dan ni'mat-ni'mat kesenangan yang dini'mati oleh pegawai-pegawai tinggi gereja. Mereka yang menghalang agama ini bukannya kerana mereka memerlukan dalil, malah yang menghalangkan mereka dari agama yang benar dan jelas ini ialah kepentingan-kepentingan, tamak haloba dan hawa nafsu.

Selepas seruan bermubahalah itu, dikemukakan pula kenyataan ulasan - mungkin juga ayat-ayat yang

berikut diturun selepas keengganan mereka menyambut seruan kepada bermubahalah - yang menjelaskan hakikat wahyu, hakikat kisah-kisah Al-Qur'an dan hakikat Wahdaniyah yang menjadi pokok pembicaraan, juga mengancam mereka yang enggan menerima kebenaran dan melakukan kerosakan di bumi dengan sebab keengganan itu:

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلْقَصَصُ ٱلْحَقُّ ۚ وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ
وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٦٣﴾

"Sesungguhnya ini adalah kisah-kisah yang benar. Dan tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, dan sesungguhnya Allah itulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(62). Dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan."(63)

Hakikat-hakikat yang dijelaskan oleh ayat ini telah pun dijelaskan sebelum ini, tetapi ia disebutkan sekali lagi di sini dengan tujuan untuk memberi penekanan kepada hakikat-hakikat itu setelah mereka diajak bermubahalah dan enggan menerimanya. Pernyataan yang baru di sini ialah pernyataan yang menyifatkan orang-orang yang berpaling dari kebenaran ini sebagai manusia-manusia perosak dan mereka diancam dengan keterangan bahawa Allah Maha Mengetahui segala tindak-tanduk manusia-manusia perosak.

Pengakuan Tauhid Yang Positif

Kerosakan yang dilakukan oleh orang-orang yang menolak hakikat tauhid itu adalah suatu kerosakan yang besar, kerana segala kerosakan yang berlaku di bumi pada hakikatnya adalah akibat dari penyelewengan dari mengakui hakikat ini. Hakikat tauhid bukannya pengakuan lisan, kerana pengakuan lisan itu tidak bernilai suatu apa pun. Dan bukannya pengakuan hati yang negatif kerana pengakuan yang seperti ini tidak melahirkan kesan-kesan yang nyata di dalam kehidupan manusia. Malah itulah penyelewengan dari mengakui hakikat tauhid dengan segala kesannya yang menyertainya di dalam realiti hidup manusia. Kesan pertama yang menyertai hakikat kepercayaan tauhid ialah wujudnya kepercayaan kepada keesaan Rububiyah dan keesaan 'Ubudiyah iaitu tiada 'Ubudiyah melainkan hanya kepada Allah sahaja, tiada keta'atan melainkan hanya kepada Allah sahaja, tiada sumber penerimaan perintah melainkan dari Allah sahaja. Yakni 'Ubudiyah dan keta'atan itu adalah untuk Allah sahaja dan segala perintah dan ajaran itu hanya diterima dari Allah sahaja, termasuk penerimaan syari'at, penerimaan nilai-nilai dan neraca, penerimaan tatasusila dan akhlak dan penerimaan segala peraturan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Jika tidak dilakukan demikian, maka itulah kesyirikan atau kekufuran, walaupun lidahnya mengaku beriman, dan walaupun dia membuat pengakuan yang negatif di dalam hatinya yang tidak melahirkan kesan-kesannya di dalam kehidupan umum manusia dalam bentuk menyerah diri, ta'at dan patuh kepada perintah-perintah, menyambut dan menerima ajaran-ajaran (Allah dan Rasul-Nya).

Seluruh alam buana ini tidak dapat berjalan betul dan keadaannya tidak akan menjadi baik kecuali di sana hanya ada satu Tuhan sahaja yang mentadbir dan mengendalikan urusannya:

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا ۚ

"Sekiranya dilangit dan dibumi itu terdapat tuhan-tuhan yang lain selain Allah, tentulah kedua-duanya telah rosak binasa."

(Surah al-Anbiya' : 22)

Di antara ciri ketuhanan yang paling nyata dibandingkan kepada manusia ialah Dia sahaja yang disembah oleh para hamba-Nya dan Dia sahaja yang mengaturkan peraturan-peraturan hidup mereka dan menegakkan neraca-neraca keadilan untuk mereka. Oleh itu sesiapa yang mendakwa mempunyai sesuatu dari hak-hak tersebut bererti ia telah mendakwa mempunyai ciri ketuhanan yang paling nyata dan seterusnya bererti mengangkatkan dirinya sebagai tuhan selain dari Allah.

Kerosakan dan kebejatan tidak berlaku di bumi sebagaimana berlakunya ketika wujudnya kepercayaan kepada berbilang-bilang tuhan di bumi. Ketika mana manusia menyembah sesama manusia atau seorang manusia mendakwa bahawa orang ramai berkewajipan memberi keta'atan dan kepatuhan kepada dirinya dan bahawa dia mempunyai hak membuat undang-undang dan peraturan untuk mereka, mempunyai hak menentukan nilai-nilai dan neraca-neraca. Ini adalah dakwaan menjadi tuhan walaupun dia tidak mengeluarkan kata-kata seperti perkataan-perkataan Fir'aun:

فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

"Akulah tuhan kamu yang Maha tinggi"

(Surah an-Nazi'at : 24)

dan pengakuan terhadap dakwaan ini merupakan perbuatan syirik dan kufur terhadap Allah. Itulah kerosakan yang seburuk-buruknya di muka bumi ini.

Oleh sebab itulah ancaman yang terkandung dalam ayat tadi diiringi dengan seruan kepada Ahlil-Kitab kepada satu perjanjian yang saksama, iaitu menyembah Allah Yang Maha Esa dan tidak mempersekutukan-Nya dan janganlah kita mempertuhankan sesama kita selain dari Allah. Jika tidak, maka itulah titik perpisahan (di antara kita), di mana selepas itu tidak ada lagi sebarang persahabatan dan perdebatan:

Cabaran Mengadakan Perjanjian Saksama Di Antara Kaum Muslimin Dan Kaum Ahlil-Kitab

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ
شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin."(64)

Tidak syak lagi itulah satu seruan yang saksama, satu seruan yang bukan dibuat oleh Nabi s.a.w. dengan tujuan untuk menzahirkan kelebihan beliau dan kaum Muslimin yang menjadi pengikutnya ke atas kaum Ahlil-Kitab. Beliau mengajak mereka kepada satu perjanjian yang saksama, di mana seluruh mereka berdiri sama tinggi di hadapan perjanjian itu dan duduk sama rendah, tiada pihak yang lebih tinggi dari pihak yang lain dan tiada pihak yang menjadi hamba kepada pihak yang lain. Satu da'wah (yang jujur) di mana tiada siapa yang enggan menerimanya kecuali manusia yang degil dan perosak yang tidak ingin kembali kepada kebenaran yang lurus.

Itulah da'wah kepada menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa mempersekutukanNya dengan suatu apa pun sama ada manusia atau batu. Itulah da'wah supaya jangan mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah walaupun ia nabi atau Rasul, kerana seluruh mereka adalah hamba Allah belaka. Mereka hanya dipilih oleh Allah untuk menyampaikan risalah-Nya sahaja bukan untuk berkongsi dengan-Nya dalam sifat-sifat Uluhiyah dan Rububiyah.

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin."(64)

Yakni jika mereka enggan menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan enggan menunjukkan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu - kedua-duanya merupakan pernyataan yang menjelaskan pendirian hamba terhadap Tuhan - maka katakanlah kepada mereka: "*Saksikanlah bahawa kami adalah golongan Muslimin.*"

Perbandingan di antara golongan Muslimin dengan orang-orang yang mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah ini menjelaskan secara tegas dan muktamad siapakah golongan Muslimin yang sebenar. Mereka ialah orang-orang yang menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan diperhambakan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mereka tidak mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah. Inilah sifat yang membezakan mereka dari segala agama dan membezakan cara hidup mereka dari segala cara hidup seluruh manusia yang lain. Andainya sifat ini wujud maka merekalah golongan Muslimin yang sebenar dan jika sebaliknya sifat ini tidak wujud, maka mereka bukanlah golongan Muslimin yang sebenar, walaupun mereka mendakwa diri mereka sebagai golongan Muslimin.

Islam adalah pembebasan diri yang mutlak dari perhambaan kepada sesama manusia dan hanya sistem hidup Islam sahaja di antara seluruh sistem hidup yang lain yang dapat menghakikatkan pembebasan ini.

Seluruh Sistem Yang Lain Daripada Islam Mempertuhankan Sesama Manusia

Manusia di dalam seluruh sistem hidup ciptaan bumi adalah mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah. Ini berlaku dalam negeri-negeri yang paling tinggi amalan sistem demokrasinya sebagaimana berlaku di dalam negeri-negeri yang mengamalkan sistem diktator yang paling rendah. Ciri pertama dari ciri Rububiyah ialah hak memperhambakan manusia, iaitu hak mengadakan sistem-sistem, tatacara, undang-undang, peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca untuk mereka. Semua hak ini di dalam seluruh sistem ciptaan bumi adalah didakwa dimiliki oleh setengah-setengah manusia dalam apa sahaja bentuknya - dan urusan ini dirujukkan kepada sekumpulan orang dalam apa sahaja kedudukan mereka. Dan kumpulan inilah yang menundukkan orang lain kepada undang-undang dan peraturan yang digubal oleh mereka, kepada nilai-nilai, neraca-neraca dan kefahaman yang telah ditetapkan oleh mereka. Dan kumpulan inilah yang merupakan tuhan-tuhan bumi yang diambil oleh setengah-setengah manusia selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah dan membenarkan mereka mendakwa memiliki ciri Uluhiyah dan Rububiyah. Ini bererti mereka menyembah kumpulan ini selain dari Allah walaupun mereka tidak sujud dan ruku' kepada mereka, kerana 'Ubudiyah ialah ibadat yang hanya ditujukan kepada Allah semata-mata.

Hanya di dalam sistem Islam sahaja manusia bebas dari belenggu ini. Ia menjadi seorang yang benar-benar bebas, yang hanya menerima kefahaman-kefahaman, pandanganpandangan, undang-undang dan peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan dari Allah Yang Maha Esa sahaja. Sikapnya dalam perkara ini sama dengan orang lain yang seperjuangan dengannya. Dia dan seluruh orang lain yang seperjuangan dengannya adalah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengannya. Mereka sama-sama memandang kepada Allah Yang Maha Esa dan mereka sama sekali tidak mempertuhankan sesama mereka selain dari Allah.

Islam - dengan pengertian ini - merupakan agama yang diredhai di sisi Allah. Ia dibawa oleh setiap Rasul dari sisi Allah. Allah S.W.T. telah mengutuskan para Rasul membawa agama ini untuk menyelamatkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah. Juga untuk menyelamatkan mereka dari kezaliman manusia kepada keadilan Allah. Oleh itu sesiapa yang berpaling dari agama ini maka dia bukannya seorang Muslim dengan pengakuan dari Allah sendiri walaupun dita'wil dan didalih oleh para pengulas yang menyesat:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam."(19)

(Kumpulan ayat-ayat 65 - 92)

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تُحَآجُّونَ فِيٓ إِبۡرَٰهِيمَ وَمَآ أُنزِلَتِ
ٱلتَّوۡرَىٰةُ وَٱلۡإِنجِيلُ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِهِۦٓۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ٦٥
هَٰٓأَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ حَٰجَجۡتُمۡ فِيمَا لَكُم بِهِۦ عِلۡمٞ
فَلِمَ تُحَآجُّونَ فِيمَا لَيۡسَ لَكُم بِهِۦ عِلۡمٞۚ وَٱللَّهُ
يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ٦٦
مَا كَانَ إِبۡرَٰهِيمُ يَهُودِيّٗا وَلَا نَصۡرَانِيّٗا وَلَٰكِن
كَانَ حَنِيفٗا مُّسۡلِمٗا وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ٦٧
إِنَّ أَوۡلَى ٱلنَّاسِ بِإِبۡرَٰهِيمَ لَلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ وَهَٰذَا ٱلنَّبِيُّ
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْۗ وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٦٨
وَدَّت طَّآئِفَةٞ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ لَوۡ يُضِلُّونَكُمۡ وَمَا يُضِلُّونَ
إِلَّآ أَنفُسَهُمۡ وَمَا يَشۡعُرُونَ ٦٩
يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَأَنتُمۡ
تَشۡهَدُونَ ٧٠
يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تَلۡبِسُونَ ٱلۡحَقَّ بِٱلۡبَٰطِلِ وَتَكۡتُمُونَ
ٱلۡحَقَّ وَأَنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٧١
وَقَالَت طَّآئِفَةٞ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ ءَامِنُواْ بِٱلَّذِيٓ
أُنزِلَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَجۡهَ ٱلنَّهَارِ وَٱكۡفُرُوٓاْ ءَاخِرَهُۥ
لَعَلَّهُمۡ يَرۡجِعُونَ ٧٢

وَلَا تُؤۡمِنُوٓاْ إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمۡ قُلۡ إِنَّ ٱلۡهُدَىٰ
هُدَى ٱللَّهِ أَن يُؤۡتَىٰٓ أَحَدٞ مِّثۡلَ مَآ أُوتِيتُمۡ أَوۡ يُحَآجُّوكُمۡ
عِندَ رَبِّكُمۡۗ قُلۡ إِنَّ ٱلۡفَضۡلَ بِيَدِ ٱللَّهِ يُؤۡتِيهِ مَن
يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٞ ٧٣
يَخۡتَصُّ بِرَحۡمَتِهِۦ مَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ ذُو ٱلۡفَضۡلِ ٱلۡعَظِيمِ ٧٤
وَمِنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ مَنۡ إِن تَأۡمَنۡهُ بِقِنطَارٖ يُؤَدِّهِۦٓ
إِلَيۡكَ وَمِنۡهُم مَّنۡ إِن تَأۡمَنۡهُ بِدِينَارٖ لَّا يُؤَدِّهِۦٓ إِلَيۡكَ
إِلَّا مَا دُمۡتَ عَلَيۡهِ قَآئِمٗاۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ قَالُواْ لَيۡسَ
عَلَيۡنَا فِي ٱلۡأُمِّيِّـۧنَ سَبِيلٞ وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ
ٱلۡكَذِبَ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ٧٥
بَلَىٰ مَنۡ أَوۡفَىٰ بِعَهۡدِهِۦ وَٱتَّقَىٰ فَإِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلۡمُتَّقِينَ ٧٦
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَشۡتَرُونَ بِعَهۡدِ ٱللَّهِ وَأَيۡمَٰنِهِمۡ ثَمَنٗا
قَلِيلًا أُوْلَٰٓئِكَ لَا خَلَٰقَ لَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ
ٱللَّهُ وَلَا يَنظُرُ إِلَيۡهِمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمۡ
وَلَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ٧٧
وَإِنَّ مِنۡهُمۡ لَفَرِيقٗا يَلۡوُۥنَ أَلۡسِنَتَهُم بِٱلۡكِتَٰبِ
لِتَحۡسَبُوهُ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَمَا هُوَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ
وَيَقُولُونَ هُوَ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ وَمَا هُوَ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ٧٨
مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُؤۡتِيَهُ ٱللَّهُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحُكۡمَ
وَٱلنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُواْ عِبَادٗا لِّي مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَلَٰكِن كُونُواْ رَبَّٰنِيِّـۧنَ بِمَا كُنتُمۡ تُعَلِّمُونَ
ٱلۡكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمۡ تَدۡرُسُونَ ٧٩

وَلَا يَأْمُرَكُمْ أَن تَتَّخِذُوا۟ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةَ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ
أَرْبَابًا ۗ أَيَأْمُرُكُم بِٱلْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾
وَإِذْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَـٰقَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ لَمَآ ءَاتَيْتُكُم مِّن كِتَـٰبٍ
وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مُّصَدِّقٌ لِّمَا مَعَكُمْ
لَتُؤْمِنُنَّ بِهِۦ وَلَتَنصُرُنَّهُۥ ۚ قَالَ ءَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ
عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِى ۖ قَالُوٓا۟ أَقْرَرْنَا ۚ قَالَ فَٱشْهَدُوا۟ وَأَنَا۠
مَعَكُم مِّنَ ٱلشَّـٰهِدِينَ ﴿٨١﴾
فَمَن تَوَلَّىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿٨٢﴾
أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾
قُلْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ عَلَىٰٓ
إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْمَـٰعِيلَ وَإِسْحَـٰقَ وَيَعْقُوبَ
وَٱلْأَسْبَاطِ وَمَآ أُوتِىَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَٱلنَّبِيُّونَ
مِن رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ
مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾
وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَـٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ
فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ ﴿٨٥﴾
كَيْفَ يَهْدِى ٱللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا۟ بَعْدَ إِيمَـٰنِهِمْ
وَشَهِدُوٓا۟ أَنَّ ٱلرَّسُولَ حَقٌّ وَجَآءَهُمُ ٱلْبَيِّنَـٰتُ ۚ
وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٨٦﴾
أُو۟لَـٰٓئِكَ جَزَآؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةَ ٱللَّهِ
وَٱلْمَلَـٰٓئِكَةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿٨٧﴾
خَـٰلِدِينَ فِيهَا لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ
يُنظَرُونَ ﴿٨٨﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوا۟ فَإِنَّ

ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٨٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بَعْدَ إِيمَـٰنِهِمْ ثُمَّ ٱزْدَادُوا۟ كُفْرًا
لَّن تُقْبَلَ تَوْبَتُهُمْ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلضَّآلُّونَ ﴿٩٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ كُفَّارٌ فَلَن يُقْبَلَ
مِنْ أَحَدِهِم مِّلْءُ ٱلْأَرْضِ ذَهَبًا وَلَوِ ٱفْتَدَىٰ بِهِۦٓ ۗ
أُو۟لَـٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُم مِّن نَّـٰصِرِينَ ﴿٩١﴾
لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟
مِن شَىْءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu mempertikaikan tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripadanya. Apakah kamu tidak berfikir?(65) Ingatlah! Kamu adalah orang-orang yang telah berdebat tentang perkara-perkara yang kamu mempunyai suatu pengetahuan mengenainya. Oleh itu mengapa pula kamu hendak berdebat tentang perkara-perkara yang kamu tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenainya. Dan Allah memang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui(66). Bukanlah Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan pula seorang penganut agama Kristian, tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah), dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin(67). Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah pelindung para Mu'minin(68). Dan sekumpulan dari Ahlil-Kitab bercita-cita jika mereka dapat menyesatkan kamu dan sebenarnya mereka tidak menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar(69). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenarannya)(70). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu campuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui(71). Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)(72). Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu. Katakanlah: Sesungguhnya hidayat yang sebenar itu ialah hidayat Allah - (iaitu janganlah percaya) bahawa kononnya ada seorang yang lain yang dikurniakan seperti yang telah dikurniakan kepada kamu atau kononnya mereka dapat menghujahkan kamu di sisi Tuhan kamu. Katakanlah: Sesungguhnya limpah kurnia itu di tangan Allah. Dia kurniakannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui (73). Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar (74). Dan di antara kaum Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikannya kepada engkau dan di antara mereka pula ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya

dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui (75). Malah sebenarnya barangsiapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa (76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih (77). Dan sesungguhnya di antara mereka ada sekumpulan mereka yang memutarbelitkan lidah mereka (mempermainkan) kitab Taurat, supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari kitab Taurat sedangkan ianya bukan dari kitab itu, dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui (78). Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia: Hendaklah kamu menjadi para penyembahku, selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya (79). Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan nabi-nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim (80). Dan (kenangilah) ketika Allah mengambil perjanjian dari para nabi: Segala apa sahaja yang Aku telah kurniakan kepada kamu dari kitab suci dan hikmat, kemudian datang kepada kamu seorang Rasul yang membenarkan kitab suci yang ada di tangan kamu, hendaklah kamu beriman kepadanya dan menolongnya. Allah berfirman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu? Jawab mereka: Kami mengakui. Allah berfirman: (Jika demikian) maka saksikanlah (Wahai para Rasul) bahawa Aku juga turut bersama kamu menjadi para saksi(81). Barang siapa yang berpaling selepas itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq(82). Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan(83). Katakanlah: Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan sekalian keturunannya dan kepada apa yang dikurniakan kepada Musa, 'Isa dan para nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan sesiapapun di antara mereka dan kami sekalian Muslimin (menyerah diri) kepada-Nya(84). Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi(85). Bagaimanakah Allah akan memberi hidayat kepada suatu kaum yang telah kafir setelah mereka beriman dan mengaku bahawa Rasul itu benar dan berbagai-bagai keterangan telah datang kepada mereka? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim(86). Mereka itu, balasan mereka ialah kutukan Allah ke atas mereka, (juga kutukan) para malaikat dan manusia seluruhnya(87). Mereka kekal abadi dalam kutukan itu dan 'azab keseksaan tidak akan diringankan dari mereka dan mereka pula tidak akan diberi tangguhan(88). Kecuali orang-orang yang bertaubat selepas itu dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih(89). Sesungguhnya orang-orang yang kafir setelah mereka beriman, kemudian bertambah lagi kekafiran, mereka tidak akan diterima taubat mereka, dan mereka adalah orang-orang yang sesat(90). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati dalam keadaan kafir, maka tidak akan diterima dari siapa pun dari mereka emas sepenuh bumi, sekalipun mereka mahu menebuskan diri dengannya. Untuk mereka 'azab yang pedih dan mereka sekali-kali tidak mendapat orang-orang yang menolong mereka(91). Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfaqkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu infaqkannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui dengannya."(92)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pusingan ini masih lagi berlari mengikut garis pokok yang pertama di dalam surah ini, iaitu garis pertarungan di antara kaum Ahlil-Kitab dengan kaum Muslimin atau garis perjuangan 'aqidah. Musuh-musuh agama ini berusaha dengan segala macam tipu daya, helah dan dusta dan dengan bermacam-macam cara untuk mengelirukan yang benar dengan yang batil dan untuk menaburkan keraguan-keraguan dan seterusnya menyimpan niat dan maksud yang jahat terhadap umat Muslimin tanpa reda dan putus. Kemudian Al-Qur'an menghadapi semua tindak-tanduk itu dengan membuka mata orang-orang Mu'min terhadap hakikat kebenaran yang ada di sebelah mereka dan hakikat kepalsuan yang ada di sebelah musuh-musuh mereka, dan niat-niat jahat yang disembunyikan oleh musuh-musuh itu terhadap mereka. Akhirnya Al-Qur'an melapahkan tabi'at, akhlak, tindak-tanduk dan niat-niat jahat musuh-musuh itu di hadapan kaum Muslimin untuk memperkenalkan kepada mereka hakikat musuh mereka dan membuka tembelang sifat berilmu pengetahuan yang mereka salutkan ke atas diri mereka dan menghancurkan kepercayaan orang-orang Islam yang tertipu dengan mereka. Al-Qur'an juga menimbulkan kebencian kaum Muslimin terhadap tindak-tanduk mereka dan menggagalkan rancangan-rancangan jahat mereka dengan mendedahkannya secara terbuka jelas hingga mereka tidak dapat lagi menipu dan mengelirukan sesiapa pun.

Pusingan ini dimulakan dengan menghadapi Ahlil-Kitab-kaum Yahudi dan kaum Nasara - iaitu dengan menjelaskan kekarutan pendirian mereka apabila mereka mempertikaikan tentang Ibrahim a.s.. Kaum Yahudi mendakwa bahawa beliau menganut agama Yahudi dan kaum Nasara pula mendakwa bahawa beliau menganut agama Kristian sedangkan Ibrahim lebih dahulu dari zaman agama Yahudi dan agama Kristian dan lebih dahulu dari Taurat dan Injil. Pertikaian seperti ini terhadap Ibrahim adalah satu perdebatan yang tidak bersandarkan kepada sebarang dalil. Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hakikat pegangan Ibrahim yang sebenar, iaitu beliau berpegang dengan agama Islam iaitu agama Allah

yang lurus. Dan orang-orang yang mendapat perlindungan Allah ialah orang-orang yang mengikut agama-Nya, kerana Allah itu Pelindung seluruh Mu'minin. Dari sinilah jelasnya garisan agama Islam yang menyambung di antara para rasul-rasul Allah dengan orang-orang yang beriman kepada mereka di sepanjang abad.

إِنَّ أَوْلَى ٱلنَّاسِ بِإِبْرَٰهِيمَ لَلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ وَهَـٰذَا ٱلنَّبِىُّ
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah Pelindung para Mu'minin."(68)

Selepas itu Al-Qur'an mendedahkan matlamat sebenar yang tersembunyi di sebalik pertikaian yang ditimbulkan oleh Ahlil-Kitab terhadap Ibrahim dan selain dari Ibrahim - yang telah diterangkan di awal surah dan akan diterangkan kemudian nanti - iaitu keinginan mereka yang kuat untuk menyesatkan orang-orang Islam dari agama mereka dan menimbulkan keraguan mereka terhadap 'aqidah mereka. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menghadapkan kecamannya kepada penyesat-penyesat itu:

يَـٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ وَأَنتُمْ
تَشْهَدُونَ ﴿٧٠﴾
يَـٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ لِمَ تَلْبِسُونَ ٱلْحَقَّ بِٱلْبَـٰطِلِ وَتَكْتُمُونَ
ٱلْحَقَّ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٧١﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenarannya)(70). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu campuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui."(71)

Kemudian Al-Qur'an memperlihatkan kepada kelompok Muslimin salah satu cara perancangan jahat musuh-musuh mereka untuk menggoncangkan kepercayaan mereka terhadap 'aqidah dan agama mereka. Musuh-musuh mereka menggunakan satu cara yang jahat dan licin, iaitu mereka mengumumkan keimanan mereka kepada agama Islam di waktu pagi kemudian kembali kafir di waktu petang, untuk menyarankan ke dalam hati orang-orang Islam yang tidak teguh keimanan mereka dalam barisan Muslimin - golongan yang seperti ini memang selama-lamanya wujud dalam segala barisan - bahawa kerana sesuatu sebab (yang tidak baik) maka Ahlil-Kitab yang arif dan pakar dengan kitab-kitab suci, rasul-rasul dan agama-agama itu telah murtad meninggalkan agama Islam:

وَقَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ ءَامِنُوا۟ بِٱلَّذِىٓ
أُنزِلَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَجْهَ ٱلنَّهَارِ وَٱكْفُرُوٓا۟ ءَاخِرَهُۥ
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)."(72)

Ini adalah suatu tipu helah yang jahat dan licin.

Kemudian Al-Qur'an membuka tembelang tabi'at Ahlil-Kitab dan akhlak mereka serta pandangan mereka terhadap perjanjian-perjanjian tanpa menafikan adanya golongan yang amanah dan jujur di kalangan mereka, tetapi golongan yang lain adalah tidak beramanah dan jujur. Mereka tidak menghormati perjanjian dan tanggungjawab dan mereka memfalsafahkan tamak haloba dan pengkhianatan mereka dan mendakwa mendapat sokongan dari agama mereka, sedangkan agama mereka bersih dari perangai yang keji itu:

وَمِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ مَنْ إِن تَأْمَنْهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِۦٓ
إِلَيْكَ وَمِنْهُم مَّنْ إِن تَأْمَنْهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِۦٓ إِلَيْكَ
إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَآئِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا۟ لَيْسَ
عَلَيْنَا فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ
ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan di antara kaum Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkan menyimpan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikannya kepada engkau, dan di antara mereka pula ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."(75)

Di sini Al-Qur'an menerangkan tabi'at pandangan akhlak Islamiyah, motifnya dan pertaliannya dengan taqwa kepada Allah:

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ وَٱتَّقَىٰ فَإِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَأَيْمَـٰنِهِمْ ثَمَنًا
قَلِيلًا أُو۟لَـٰٓئِكَ لَا خَلَـٰقَ لَهُمْ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ
ٱللَّهُ وَلَا يَنظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٧﴾

"Malah sebenarnya barangsiapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa (76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(77)

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan pula satu contoh yang lain dari penyelewengan kaum Ahlil-Kitab dan pendustaan mereka yang murah dalam urusan agama kerana mencari keuntungan dan pendapatan dunia yang seluruhnya mempunyai nilai yang amat kecil:

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُۥنَ أَلْسِنَتَهُم بِٱلْكِتَٰبِ
لِتَحْسَبُوهُ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمَا هُوَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ
وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan sesungguhnya di antara mereka ada sekumpulan mereka yang memutarbelitkan lidah mereka (mempermainkan) kitab Taurat supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari kitab Taurat, sedangkan ianya bukan dari kitab itu, dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."(78)

Di antara perkara yang diputarbelitkan oleh lidah mereka ialah dakwaan mereka yang menyalutkan sifat Uluhiyah kepada al-Masih, dan ruh al-Qudus, sedangkan Allah S.W.T. menafikan bahawa 'Isa al-Masih telah membawa perkara ini kepada mereka di dalam kitab injil atau menyuruh mereka supaya mempercayakannya:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُؤْتِيَهُ ٱللَّهُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ
وَٱلنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا۟ عِبَادًا لِّى مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَلَٰكِن كُونُوا۟ رَبَّٰنِيِّۦنَ بِمَا كُنتُمْ تُعَلِّمُونَ
ٱلْكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَا يَأْمُرَكُمْ أَن تَتَّخِذُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَٱلنَّبِيِّۦنَ
أَرْبَابًا أَيَأْمُرُكُم بِٱلْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾

"Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia: "Hendaklah kamu menjadi para penyembahku selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya(79). (Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan nabi-nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim."(80)

Sehubungan dengan ini Al-Qur'an menyebut hakikat perhubungan di antara angkatan para Rasul yang berturut-turut dibangkitkan itu, iaitu hakikat perjanjian Allah dengan mereka agar setiap Rasul yang terdahulu menyerah perjanjian itu dan memberi pertolongan kepada Rasul yang baru:

وَإِذْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ ٱلنَّبِيِّۦنَ لَمَآ ءَاتَيْتُكُم مِّن كِتَٰبٍ
وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مُّصَدِّقٌ لِّمَا مَعَكُمْ
لَتُؤْمِنُنَّ بِهِۦ وَلَتَنصُرُنَّهُۥ قَالَ ءَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ
عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِى قَالُوٓا۟ أَقْرَرْنَا قَالَ فَٱشْهَدُوا۟ وَأَنَا۠
مَعَكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah mengambil perjanjian dari para nabi: Segala apa sahaja yang Aku telah kurniakan kepada kamu dari kitab suci dan hikmat, kemudian datang kepada kamu seorang Rasul yang membenarkan kitab suci yang ada di tangan kamu, hendaklah kamu beriman kepadanya dan menolongnya. Allah berfirman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu? Jawab mereka: Kami mengakui. Allah berfirman: (Jika demikian) maka saksikanlah (Wahai para Rasul) dan Aku juga turut bersama kamu menjadi para saksi."(81)

Oleh sebab itulah kaum Ahlil-Kitab wajib beriman kepada Rasul yang terakhir dan membantunya, tetapi malangnya mereka tidak menyempurnakan janji Allah dengan mereka dan dengan para Rasul mereka yang dahulu.

Di bawah bayangan perjanjian yang masih berkuat-kuasa ini, Al-Qur'an menjelaskan bahawa sesiapa yang mencari suatu agama yang lain dari agama Allah, iaitu agama Islam, maka pada hakikatnya ia menentang peraturan alam buana yang dikehendaki Allah:

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan."(83)

Yakni mereka yang tidak menyerahkan seluruh urusan mereka kepada Allah dan tidak ta'at dan tidak mengikut undang-undang dan peraturan Allah

dengan rendah diri dan patuh adalah orang-orang yang ganjil dan menentang undang-undang alam al-wujud.

Di sini Allah memerintah Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang ada bersama beliau supaya mengumumkan keimanan mereka kepada agama Allah yang tunggal yang dilambangkan dalam segala pengajaran yang dibawa oleh sekalian rasul-rasul. Juga menjelaskan bahawa Allah tidak menerima dari umat manusia melainkan agama Islam sahaja:

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَـٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ
فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(85)

Adapun orang-orang yang tidak beriman dengan agama ini, mereka tidak mempunyai harapan akan mendapat hidayat Allah dan selamat dari hukuman-Nya kecuali mereka bertaubat. Adapun orang-orang yang mati di dalam keadaan kafir pula, maka segala apa yang telah dibelanjakan mereka tidak akan berguna kepada mereka dan tidak akan dapat menyelamatkan mereka (dari 'azab Allah) walaupun mereka menebuskan diri mereka dengan emas sepenuh bumi.

Sehubungan dengan perbelanjaan dan penebusan diri, Al-Qur'an menggalakkan kaum Muslimin supaya menginfaqkan sebahagian dari harta kekayaan dunia yang disayangi mereka (untuk jalan Allah) agar mereka dapati pahalanya tersimpan di sisi Allah pada hari Qiamat:

لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟
مِن شَىْءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfaqkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu infaqkannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui dengannya."(92)

Demikianlah pusingan ini menghidangkan sejumlah hakikat dan bimbingan-bimbingan ini. Itulah satu pusingan dalam perjuangan yang besar yang berlaku di antara kaum Muslimin dengan musuh-musuh agama ini berabad-abad yang silam yang dipaparkan di dalam surah ini. Itulah perjuangan yang sama dengan perjuangan yang dihadapi kaum Muslimin hari ini, di mana matlamat dan tujuannya tidak berubah walaupun berlainan bentuk dan cara. Keduanya sama sahaja dalam garis panjangnya.(dari sudut matlamat dan tujuan)

Sekarang marilah kita teliti ayat-ayat ini secara terperinci setelah kita mengikutinya secara ringkas:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 68)

يَـٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ لِمَ تُحَآجُّونَ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمَآ أُنزِلَتِ
ٱلتَّوْرَىٰةُ وَٱلْإِنجِيلُ إِلَّا مِنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٥﴾
هَـٰٓأَنتُمْ هَـٰٓؤُلَآءِ حَـٰجَجْتُمْ فِيمَا لَكُم بِهِۦ عِلْمٌ
فَلِمَ تُحَآجُّونَ فِيمَا لَيْسَ لَكُم بِهِۦ عِلْمٌ ۚ وَٱللَّهُ
يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٦﴾
مَا كَانَ إِبْرَٰهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَـٰكِن
كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾
إِنَّ أَوْلَى ٱلنَّاسِ بِإِبْرَٰهِيمَ لَلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ وَهَـٰذَا ٱلنَّبِىُّ
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu mempertikaikan tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripadanya. Apakah kamu tidak berfikir?(65). Ingatlah kamu adalah orang-orang yang telah berdebat tentang perkara-perkara yang kamu mempunyai suatu pengetahuan mengenainya. Oleh itu mengapa pula kamu hendak berdebat tentang perkara-perkara yang kamu tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenainya. Dan Allah memang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui(66). Bukanlah Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan pula seorang penganut agama Kristian, tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah) dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin(67). Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah pelindung para Mu'minin."(68)

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ubay - Maula Zaid ibn Thabit - saya telah diceritakan oleh Sa'id ibn Jubayr - atau 'Ikrimah dari Ibn Abbas r.a. katanya: Paderi-paderi Nasara Najran dan ahli-ahli agama Yahudi telah berkumpul di depan Rasulullah s.a.w. lalu mereka bertelingkah sesama mereka. Kata ahli-ahli agama Yahudi: "Ibrahim itu hanya menganut agama Yahudi." Kata paderi-paderi Nasara pula: "Ibrahim itu hanya menganut agama Kristian" lalu Allah turunkan ayat:

يَـٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ لِمَ تُحَآجُّونَ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ ....

Sama ada peristiwa ini merupakan sebab turunnya ayat ini atau tidak, maka yang jelas dari nas ayat ini ia diturun sebagai jawapan terhadap dakwaan-dakwaan Ahlil-Kitab dan mereka berbantah dengan Nabi s.a.w. atau berbantah sesama mereka di hadapan Nabi s.a.w. Tujuan dari dakwaan-dakwaan ini ialah untuk membolotkan janji Allah dengan Ibrahim a.s. iaitu untuk menjadikan nubuwwah itu dalam keluarganya

sahaja, juga membolot hidayat dan kelebihan. Kemudian yang lebih penting dari itu ialah mendustakan dakwaan Nabi s.a.w. bahawa beliau berpegang dengan agama Ibrahim dan bahawa orang-orang Islam itulah para pewaris agama Hanifiyah (tauhid) yang pertama. Juga untuk menimbulkan keraguan orang-orang Islam terhadap hakikat ini atau sekurang-kurangnya menaburkan kesangsian di dalam hati setengah-setengah mereka.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengecam mereka dengan kecaman yang sekeras ini dan mendedahkan pertikaian mereka yang tidak berasaskan kepada sebarang dalil, kerana Ibrahim lebih dahulu dari Taurat dan lebih dahulu dari Injil. Oleh itu bagaimana beliau dikatakan menganut agama Yahudi? Atau bagaimana beliau dikatakan menganut agama Kristian? Ini adalah dakwaan yang bertentangan dengan akal. Pertentangan ini begitu jelas dan terbukti dengan hanya memandang sekilas kepada sejarah:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تُحَآجُّونَ فِيٓ إِبۡرَٰهِيمَ وَمَآ أُنزِلَتِ
ٱلتَّوۡرَىٰةُ وَٱلۡإِنجِيلُ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِهِۦٓۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ٦٥

"Wahai Ahli-Kitab! Mengapakah kamu mempertikaikan tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripadanya. Apakah kamu tidak berfikir?"(65)

Kemudian Al-Qur'an terus mengecam mereka dan menjatuhkan nilai hujah-hujah yang dikemukakan mereka, di samping mendedahkan kedegilan dan kelemahan mereka menggunakan cara-cara logik yang sihat di dalam perdebatan dan perbalahan:

هَٰٓأَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ حَٰجَجۡتُمۡ فِيمَا لَكُم بِهِۦ عِلۡمٞ
فَلِمَ تُحَآجُّونَ فِيمَا لَيۡسَ لَكُم بِهِۦ عِلۡمٞۚ وَٱللَّهُ
يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ٦٦

"Ingatlah! Kamu adalah orang-orang yang telah berdebat tentang perkara-perkara yang kamu mempunyai suatu pengetahuan mengenainya. Oleh itu mengapa pula kamu hendak berdebat tentang perkara-perkara yang kamu tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenainya. Dan Allah memang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(66)

Mereka telah pun mempertikaikan hal 'Isa a.s.. Begitu juga nampaknya mereka telah mempertikaikan tentang setengah-setengah hukum syara' ketika mereka diseru supaya berhakimkan kepada kitab Allah. Kemudian mereka menolak dan berpaling darinya. Kedua-dua persoalan ini berada dalam lingkungan perkara yang diketahui mereka, tetapi jika mereka mempertikaikan persoalan-persoalan yang mendahului kewujudan mereka, kewujudan kitab-kitab suci mereka dan agama-agama mereka, maka itulah suatu perdebatan yang tidak berasas sama sekali walau dari segi apa sekalipun. Malah itulah suatu perdebatan kerana nafsu perdebatan semata-mata, perdebatan yang tidak mengikut apa-apa cara dan kaedah dan tujuannya amat jelas iaitu memuaskan nafsu. Orang yang seperti ini tidak layak dipercayai apa yang dikatakan olehnya malah tidak layak didengar sama sekali.

Apabila ayat tadi selesai menjatuhkan nilai perdebatan mereka dari asasnya lagi dan mencabut kepercayaan dari mereka dan dari perkataan-perkataan yang diucapkan mereka, maka Al-Qur'an kembali menjelaskan hakikat yang diketahui Allah, iaitu Allah S.W.T. mengetahui sejarah yang jauh ini dan mengetahui hakikat agama yang telah diturunkannya kepada hamba kesayangan-Nya Ibrahim. Dan apa yang difirmankan Allah itulah kata pemutus yang tidak lagi meninggal ruang kepada yang ingin berkata kecuali dengan maksud berbahas dan bertikai tanpa suatu alasan dan dalil:

مَا كَانَ إِبۡرَٰهِيمُ يَهُودِيّٗا وَلَا نَصۡرَانِيّٗا وَلَٰكِن
كَانَ حَنِيفٗا مُّسۡلِمٗا وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ٦٧

"Bukanlah Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan pula seorang penganut agama Kristian, tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah) dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(67)

Hakikat Agama Nabi Ibrahim

Dengan ini Al-Qur'an menjelaskan apa yang telah diterangkan secara tidak langsung sebelum ini bahawa Ibrahim a.s. bukanlah penganut agama Yahudi dan bukan pula penganut agama Kristian, kerana Taurat dan Injil itu adalah diturunkan selepas beliau. Dan seterusnya menjelaskan bahawa Ibrahim menolak segala agama yang lain kecuali agama Islam dan beliau adalah seorang Muslim dengan erti katanya yang sempurna yang telah diperincikan sebelum ini.

وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ٦٧

"Dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(67)

Hakikat ini secara tidak langsung terkandung di dalam ayat sebelumnya:

وَلَٰكِن كَانَ حَنِيفٗا مُّسۡلِمٗا

"Tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah)."

Tetapi penonjolan hakikat ini di sini menunjukkan kepada beberapa isyarat yang halus:

Pertama: Ia memberi isyarat bahawa kaum Yahudi dan kaum Nasara yang berakhir dengan kepercayaan-kepercayaan yang sesat itu adalah kaum Musyrikin belaka. Oleh sebab itu Ibrahim tidak mungkin sekali-kali menganut agama Yahudi dan tidak pula menganut agama Kristian, tetapi beliau adalah seorang yang menganut agama tauhid lagi Muslim.

Kedua: Ia memberi isyarat bahawa Islam itu suatu kepercayaan dan syirik itu suatu kepercayaan yang lain pula. Kedua-duanya tidak mempunyai titik pertemuan. Islam ialah kepercayaan tauhid yang mutlak dengan segala ciri-cirinya dan segala kehendak-kehendak dan kewajipan-kewajipannya. Oleh sebab itu ia sama sekali tidak bertemu dengan mana-mana bentuk syirik.

Ketiga: Ia memberi isyarat supaya menghapuskan dakwaan kaum Musyrikin Quraisy yang mengatakan bahawa mereka berpegang dengan agama Ibrahim dan menjadi penjaga-penjaga Baitullah yang dibina oleh beliau di Makkah, sedangkan beliau berpegang dengan agama tauhid lagi Muslim dan mereka pula Musyrikin belaka.

وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

"Dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(67)

Insan Dalam Pandangan Islam

Oleh itu selama Ibrahim a.s. berpegang dengan agama tauhid dan Muslim dan tidak terlibat di dalam golongan Musyrikin, maka tidak ada hak bagi kaum Yahudi atau kaum Nasara atau kaum Musyrikin mendakwa mewarisi beliau dan menaungi agamanya kerana mereka amat jauh dari 'aqidah beliau. Sedangkan 'aqidah itu merupakan hubungan pertama yang menjadi titik pertemuan antara manusia di dalam Islam. Mereka tidak bertemu pada keturunan, pada asal titihan, pada bangsa dan pada negara apabila putusnya hubungan 'aqidah yang menjadi titik pertemuan Ahlil-Iman. Insan dalam pandangan Islam ialah insan dengan sebab rohnya yakni dengan sebab tiupan ruh dari Allah. Itulah yang menjadikan insan itu insan. Oleh sebab itulah ia bertemu pada titik 'aqidah selaku ciri ruh yang paling istimewa pada seorang insan. Ia tidak bertemu seperti haiwan ternakan yang bertemu pada titik-titik pertemuan bumi, spesis, rumput dan padang ragut, batas dan pagar. Hubungan persahabatan dan setiakawan di antara individu dengan individu, di antara kelompok dengan kelompok, di antara satu generasi dengan satu generasi hanya bergantung kepada hubungan 'aqidah. Hubungan inilah yang menjadi titik pertemuan seorang Mu'min dengan seorang Mu'min yang lain, di antara satu kelompok Muslimin dengan satu kelompok Muslimin yang lain dan di antara generasi Muslimin dengan generasi-generasi Muslimin di sebalik perbatasan zaman dan tempat dan di sebalik perbezaan darah dan keturunan, perbezaan kaum dan bangsa. Mereka bersatupadu selaku sahabat-sahabat setia dengan hubungan 'aqidah sahaja dan Allahlah yang menjadi Pelindung dan Penaung seluruh mereka.

إِنَّ أَوْلَى ٱلنَّاسِ بِإِبْرَٰهِيمَ لَلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ وَهَٰذَا ٱلنَّبِيُّ
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah pelindung para Mu'minin."(68)

Orang-orang yang mengikut Ibrahim semasa hayatnya, mematuhi agamanya dan berhakimkan sunnahnya. Itulah sahabat-sahabat setia beliau. Kemudian Nabi Muhammad yang mempunyai titik pertemuan dengan beliau dalam Islam dengan pengakuan Allah sendiri selaku saksi yang paling benar. Kemudian orang-orang yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. kerana mereka telah bertemu dengan Ibrahim a.s. pada satu agama dan jalan (menuju Allah).

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Dan Allahlah pelindung para Mu'minin."(68)

Merekalah hizbullah yang menggabungkan diri kepada-Nya dan berteduh di bawah panji-panji-Nya dan meletakkan-Nya sebagai pemimpin tanpa meletakkan seorang yang lain dari-Nya........ mereka adalah satu keluarga dan satu umat yang menjangkau generasi-generasi dan abad-abad, menjangkau tempat-tempat dan negeri-negeri, menjangkau kaum-kaum dan bangsa-bangsa dan menjangkau keturunan-keturunan dan keluarga-keluarga.

Gambaran Perpaduan Manusia Di Bawah Panji-panji Aqidah Islam

Inilah setinggi-tinggi gambaran perpaduan manusia yang layak dengan makhluk manusia yang membezakannya dari perpaduan haiwan. Di samping itu ia juga merupakan satu-satunya gambaran yang membolehkan perpaduan itu tanpa syarat-syarat dan ikatan-ikatan. Kerana satu-satunya syarat perpaduan ini ialah satu syarat yang bersifat sukarela yang boleh dirombak oleh siapa sahaja yang suka dengan kemahuan dirinya sendiri. Syarat itu ialah 'aqidah yang dipilih oleh hatinya sendiri dan dengan pilihan ini segala-galanya selesai. Seseorang itu tidak dapat mengubahkan bangsanya jika syarat yang mengikatkan perpaduan itu ialah bangsa. Dia tidak dapat mengubahkan kaumnya jika syarat yang mengikatkan perpaduan itu ialah kaum. Dia tidak mampu mengubahkan warna kulitnya jika syarat perpaduan itu ialah warna kulit. Dia tidak dapat mengubahkan bahasanya jika syarat perpaduan itu ialah bahasa. Dia tidak dapat dengan mudah mengubahkan kelasnya jika syarat perpaduan itu ialah kelas. Malah dia tidak mungkin mengubahkannya sama sekali jika kelas-kelas itu merupakan hak-hak warisan seperti yang berlaku di India. Oleh sebab itulah halangan-halangan tadi tetap selama-lamanya menghalangi perpaduan umat manusia selama ia tidak dikembalikan kepada hubungan fikiran, hubungan 'aqidah atau hubungan kefahaman. Hubungan ini diserahkan kepada keyakinan individu, di mana ia dengan kemahuan sendiri mampu memilihnya sendiri dan menggabungkan dirinya di dalam barisan berdasarkan hubungan 'aqidah itu tanpa mengubah bangsa atau kaumnya, warna kulit atau bahasa atau kelas.

Di samping itu perpaduan ini memberi penghormatan kepada insan, kerana mereka disatukan oleh 'aqidah yang merupakan semulia-mulia unsur insan yang membezakannya dari perkumpulan haiwan.

Umat manusia itu sama ada hidup - mengikut Islam - selaku kumpulan insan yang bersatu-padu di atas bekalan rohaniah, lencana hati dan lambang perasaan atau hidup seperti kumpulan-kumpulan haiwan dalam lingkungan pagar-pagar perbatasan bumi atau perbatasan-perbatasan bangsa-dan warna kulit. Semuanya itu merupakan pagar-pagar dan batas-batas yang didirikan untuk binatang-binatang ternakan supaya kumpulan-kumpulan haiwan itu tidak bercampur-aduk satu sama lain.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 74)

Kemudian Al-Qur'an dedahkan kepada kaum Muslimin tujuan kaum Ahlil-Kitab di sebalik segala perdebatan dan pertikaian itu dan mengemukakan kepada Ahlil-Kitab permainan-permainan, tipu daya dan perancangan-perancangan sulit mereka di hadapan penglihatan dan pendengaran kaum Muslimin setelah menanggalkan pakaian-pakaian yang digunakan mereka untuk menyamarkan diri mereka. Ia membuat mereka berdiri bogel dan tembelang mereka terbuka di hadapan kaum Muslimin:

وَدَّت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يُضِلُّونَكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ
إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ٦٩
يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَأَنتُمْ
تَشْهَدُونَ ٧٠
يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَلْبِسُونَ ٱلْحَقَّ بِٱلْبَٰطِلِ وَتَكْتُمُونَ
ٱلْحَقَّ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ٧١
وَقَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ ءَامِنُوا۟ بِٱلَّذِىٓ
أُنزِلَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَجْهَ ٱلنَّهَارِ وَٱكْفُرُوٓا۟ ءَاخِرَهُۥ
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ٧٢
وَلَا تُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمْ قُلْ إِنَّ ٱلْهُدَىٰ
هُدَى ٱللَّهِ أَن يُؤْتَىٰٓ أَحَدٌ مِّثْلَ مَآ أُوتِيتُمْ أَوْ يُحَآجُّوكُمْ
عِندَ رَبِّكُمْ قُلْ إِنَّ ٱلْفَضْلَ بِيَدِ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن
يَشَآءُ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ٧٣
يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِۦ مَن يَشَآءُ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ٧٤

"Dan sekumpulan dari Ahlil-Kitab bercita-cita jika mereka dapat menyesatkan kamu, dan sebenarnya mereka tidak menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar(69). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenaran)(70). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu campuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui(71). Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)(72). Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu. Katakanlah: Sesungguhnya hidayat yang sebenar itu ialah hidayat Allah - (iaitu janganlah kamu percaya) bahawa kononnya ada seorang yang lain yang dikurniakan seperti yang telah dikurniakan kepada kamu atau kononnya mereka dapat menghujahkan kamu di sisi Tuhan kamu. Katakanlah: Sesungguhnya limpah kurnia itu di tangan Allah. Dia kurniakannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui(73). Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar."(74)

Dendam Kesumat Kaum Ahlil-Kitab Terhadap Kaum Muslimin

Dendam kesumat yang disimpan oleh Ahlil-Kitab terhadap kelompok Muslimin ialah dendam kesumat yang berhubung kait dengan 'aqidah. Mereka tidak suka umat ini mendapat hidayat. Mereka benci umat ini kembali kepada 'aqidah mereka yang tersendiri dengan pegangan mereka yang begitu kuat dan yakin. Oleh sebab itu mereka menumpukan seluruh daya usaha mereka untuk menyesatkan umat Muslimin dari agama ini dan menyelewengkan mereka dari jalan yang lurus ini:

وَدَّت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يُضِلُّونَكُمْ

"Dan sekumpulan dari Ahlil-Kitab bercita-cita jika mereka dapat menyesatkan kamu."(69)

Itulah angan-angan, keinginan hati dan nafsu di sebalik setiap tipu daya, setiap pertikaian dan perdebatan dan setiap pengeliruan mereka.

Keinginan, yang berdasarkan kepada hawa nafsu, dendam kesumat dan niat yang jahat tidak syak lagi merupakan suatu kesesatan, kerana keinginan yang jahat ini tidak mungkin terbit dari kebaikan dan hidayat. Mereka telah menjatuhkan diri mereka di dalam kesesatan di sa'at mereka ingin menyesatkan orang-orang Islam. Kerana tiada siapa yang suka menyesatkan orang-orang yang telah mendapat hidayat kecuali orang yang sesat yang meraba-raba di dalam kesesatan yang hitam pekat:

وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan sebenarnya mereka tidak menyesat kecuali diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar."(69)

Orang-orang Islam adalah terpelihara dari musuh-musuh mereka selama mereka berpegang teguh dan jujur dengan keislaman mereka. Musuh-musuh itu tidak dapat melakukan apa-apa terhadap mereka kerana Allah telah berjanji dengan mereka bahawa mereka tidak dapat dikenakan oleh tipu daya musuh-musuh mereka dan bahawa dia akan menolak tipudaya mereka selama orang-orang Islam kekal teguh sebagai orang-orang Islam yang sebenar.

Di sini Al-Qur'an membidas Ahlil-Kitab dengan mendedahkan pendirian mereka yang meragukan:

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَأَنتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٧٠﴾

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَلْبِسُونَ ٱلْحَقَّ بِٱلْبَٰطِلِ وَتَكْتُمُونَ ٱلْحَقَّ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٧١﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenaran) (70). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu campur-adukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui."(71)

Kaum Ahlil-Kitab di waktu itu - dan masih terus sehingga hari ini - mengakui kebenaran yang jelas agama ini sama ada oleh mereka yang mengetahui hakikat-hakikat bisyarah-bisyarah dan isyarat-isyarat yang terkandung di dalam kitab-kitab suci mereka - setengah mereka mengakui semuanya ini dengan terus-terang dan setengah-setengahnya pula menerima hakikat ini berdasarkan hakikat yang didapatinya di dalam buku-buku Islam dan dilihatnya sendiri di hadapan matanya - atau oleh mereka yang tidak mengetahui hakikat itu, tetapi mereka dapati dalam agama Islam kebenaran yang begitu jelas itu boleh mendorong kepada keimanan.... namun mereka terus kafir juga bukan kerana kekurangan dalil, tetapi semata-mata kerana hawa nafsu, kerana muslihat dan kerana ingin menyesat. Al-Qur'an menyeru mereka dengan panggilan "Ahlil-Kitab" kerana itulah sifat yang seharusnya membimbing mereka kepada beriman kepada ayat-ayat Allah dan kitab suci-Nya yang baru.

Begitu juga Al-Qur'an menyeru mereka dengan gelaran itu sekali lagi untuk membongkarkan perbuatan jahat yang dilakukan mereka, iaitu perbuatan mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dengan tujuan menyembunyikan kebenaran di dalam kepalsuan secara sengaja. Ini adalah suatu perbuatan yang amat keji dan buruk.

Perbuatan-perbuatan Ahlil-Kitab yang dikecam oleh Allah S.W.T. di waktu itu adalah perbuatan-perbuatan yang biasa dilakukan mereka pada masa itu sehingga ke sa'at ini. Inilah cara hidup mereka di sepanjang sejarah. Ia dimulai oleh kaum Yahudi kemudian diikuti oleh kaum Salib (kaum Nasara).

Mereka Memasukkan Unsur-unsur Palsu Ke Dalam Kitab Warisan Islam

Di dalam abad-abad yang lama itu mereka - malangnya - telah memasukkan unsur-unsur palsu di dalam kitab warisan Islam yang tidak dapat dikesan melainkan dengan usaha yang memakan masa berabad-abad lamanya. Mereka telah mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan di dalam kitab-kitab warisan itu kecuali kitab suci Al-Qur'an yang terpelihara, iaitu satu-satunya kitab yang dijamin Allah untuk memeliharanya buat selama-lamanya. Syukurlah kepada Allah atas limpah kurnia-Nya Yang Maha Besar itu.

Mereka memasukkan unsur-unsur palsu dan melakukan pengeliruan-pengeliruan di dalam sejarah Islam, iaitu di dalam peristiwa-peristiwanya dan tokoh-tokohnya. Mereka memasukkan unsur-unsur palsu dan melakukan pengeliruan di dalam hadith-hadith Nabi hingga Allah bangkitkan tokoh-tokohnya yang telah menjalankan penyelidikan dan melakukan pembersihan kecuali yang terkeluar dari keupayaan manusia yang terbatas. Mereka juga telah memasukkan unsur-unsur palsu dan unsur-unsur pengeliruan di dalam kitab-kitab tafsir hingga mereka tinggalkannya menjadi seolah-olah padang gurun yang hampir-hampir pengkajinya tidak dapat kembali ke jalan yang berpedoman. Mereka terus memalsu dan mengeliru tentang tokoh-tokoh Islam. Ratusan dan ribuan dari mereka berusaha untuk memalsukan buku-buku warisan-warisan Islam dan mereka masih terus berbuat demikian dalam bentuk para orientalis dan murid-murid para orientalis yang memegang jawatan-jawatan tinggi dalam kepimpinan fikiran pada hari ini di negeri-negeri di mana para penduduknya mendakwa diri mereka sebagai kaum Muslimin. Berpuluh-puluh tokoh palsu dikemukakan kepada umat Muslimin dengan gambaran pahlawan-pahlawan yang dibikin di bawah perhatian kaum Zionis dan kaum Salib untuk memberi khidmat-khidmat kepada musuh-musuh Islam, di mana khidmat-khidmat itu tidak dapat dilakukan sendiri oleh musuh-musuh itu secara terus-terang.

Tipu daya ini masih terus berjalan. Dan satu-satunya tempat yang masih menjadi tempat perlindungan dan keselamatan dari penipuan itu ialah berlindung pada Al-Qur'an yang tetap terpelihara dan kembali kepadanya untuk meminta nasihatnya di dalam perjuangan yang bernyala di sepanjang abad-abad ini.

Al-Qur'an juga menayangkan beberapa percubaan sekumpulan Ahlil-Kitab yang bertujuan untuk menimbulkan keraguan orang-orang Islam terhadap agama mereka dan menghalangkan mereka dari hidayat dengan menggunakan satu taktik yang jahat dan licin:

وَقَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ ءَامِنُوا۟ بِٱلَّذِىٓ

أُنزِلَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَجْهَ ٱلنَّهَارِ وَٱكْفُرُوٓا۟ ءَاخِرَهُۥ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)."(72)

وَلَا تُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu."(73)

Ini adalah satu taktik yang jahat dan licin, kerana perbuatan mereka mengumumkan keislaman mereka, kemudian kembali murtad itu memberi kesan yang meragukan kepada setengah-setengah orang Islam yang berjiwa lemah dan berakal fikiran yang cetek dan belum lagi mempunyai kefahaman yang teguh terhadap hakikat dan tabi'at agama mereka. Ia membuat mereka berada di dalam kesangsian terutama orang-orang Arab yang ummi yang selama ini menyangka bahawa Ahlil-Kitab itu lebih arif dari mereka tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama-agama dan kitab-kitab suci. Oleh itu apabila mereka melihat Ahlil-Kitab itu beriman kemudian kembali murtad tentulah mereka fikir bahawa Ahlil-Kitab itu murtad adalah disebabkan kerana mereka dapat sesuatu yang tidak baik atau sesuatu yang kurang di dalam agama ini. Dan ini menyebabkan mereka terumbang-ambing di antara dua arah tujuan dan menyebabkan pendirian mereka goyah dan goyang.

Penipuan ini masih terus digunakan sehingga hari ini di dalam berbagai-bagai bentuk yang sesuai dengan perkembangan keadaan manusia pada setiap generasi.

Musuh-musuh kaum Muslimin telah berputus asa untuk mengenakan mereka dengan penipuan ini. Oleh sebab itulah kekuatan-kekuatan yang menentang Islam di alam ini telah menggunakan berbagai-bagai cara yang semuanya diasaskan di atas penipuan yang lama itu juga.

Pada hari ini kekuatan-kekuatan ini mempunyai agen-agen yang ramai di seluruh negara Islam dalam bentuk profesor-profesor, ahli-ahli falsafah, doktor-doktor falsafah dan para pengkaji ilmiyah dan kadang-kadang berupa penulis-penulis, penyair-penyair, seniman-seniman dan wartawan-wartawan yang memakai nama Islam kerana mereka datang dari keturunan Islam dan setengah dari mereka dari ulama'-ulama' Islam sendiri.

Angkatan agen-agen itu adalah diarah untuk menggoncangkan 'aqidah di dalam hati umat Muslimin dengan berbagai-bagai cara, iaitu dengan bentuk kajian ilmiyah, kajian sains, kajian sastera, kesenian dan kewartawanan, melemahkan dasar-dasar 'aqidah dan memperkecilkan kedudukan 'aqidah dan syari'at, mena'wilkannya dengan ta'wilan-ta'wilan yang tidak dapat ditanggung olehnya, melancarkan serangan yang tidak putus-putus ke atas kekolotannya, menyeru manusia supaya membebaskan diri darinya, memperkesampingkannya dari bidang hidup manusia kerana bimbangkan 'aqidah itu hidup atau bimbangkan kehidupan dipengaruhi 'aqidah. Mereka mewujudkan kefahaman-kefahaman, tanggapan-tanggapan, cita-cita, peraturan-peraturan, perasaan dan perilaku yang bertentangan atau menghancurkan kefahaman-kefahaman 'aqidah islamiyah dan cita-cita mithalinya, menghiaskan kefahaman-kefahaman yang direka-rekakan itu dengan cara yang boleh merosakkan kefahaman-kefahaman dan cita-cita mithali keimanan. Dan seterusnya melepaskan nafsu keinginan dari ikatan belenggunya dan menghapuskan tapak asas akhlak yang menjadi tapak tegak 'aqidah yang bersih supaya tumbang di dalam kekotoran akhlak yang mereka sebarkannya di bumi. Mereka telah memesongkan sejarah Islam dan mengubahkannya sebagaimana mereka mengubahkan nas-nas yang lain.

Namun demikian agen-agen ini masih disifatkan sebagai orang-orang Muslim. Bukankah mereka memakai nama-nama Islam? Dan dengan nama-nama Islam inilah mereka mengumumkan keislaman mereka di waktu pagi, tetapi dengan usaha-usaha mereka yang salah itu mereka kembali menjadi kafir di waktu petang. Pendeknya mereka betul-betul telah memainkan peranan Ahlil-Kitab di zaman dahulu. Tiada yang berubah kecuali bentuk dan ruang lingkupnya sahaja di dalam memainkan peranan yang lama itu.

Golongan Ahlil-Kitab berkata terhadap satu sama lain: "Hendaklah kamu berpura-pura menganut Islam di sebelah pagi dan kemudian hendaklah kamu jadi kafir semula di sebelah petang supaya orang-orang Islam meninggal agama mereka dan hendaklah perkara ini menjadi suatu rahsia di antara kamu sahaja dan jangan sekali-kali kamu ceritakannya dan mengamanahkannya melainkan kepada mereka yang seagama dengan kamu."

وَلَا تُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu."

Kata kerja al-Iman (تؤمنوا) yang dimuta'addikan dengan lam (اللام) bererti percaya. Yakni janganlah kamu percaya melainkan kepada mereka yang mengikut agama kamu dan janganlah kamu membuka rahsia kamu melainkan kepada mereka sahaja dan bukan kepada orang-orang Islam.

Beginilah juga tindakan-tindakan yang dilakukan oleh agen-agen pergerakan-pergerakan Zionis dan

Salib pada hari ini. Mereka telah bersebulat kata di antara mereka di atas suatu matlamat iaitu memusnahkan 'aqidah Islam pada setiap kesempatan yang terbuka yang mungkin tidak berulang. Kadang-kadang persefahaman itu tidak berlangsung dalam bentuk satu perjanjian atau komplot, tetapi ia merupakan persefahaman agen dengan agen untuk melaksanakan tugas yang dikehendaki untuk pihak yang sebenar. Mereka mengamanahkan satu sama lain dan menyimpan rahsia sesama mereka. Kemudian mereka berpura-pura - sekurang-kurangnya setengah-setengah mereka - memperlihatkan tindak-tanduk yang berlainan dari apa yang dikehendaki dan dirancangkan oleh mereka, kini suasana dan alat-alat kelengkapan di sekeliling mereka telah disiapsediakan dan orang-orang yang memahami hakikat agama ini di seluruh dunia ini telah dibuang jauh atau diusir keluar.

وَلَا تُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu."

Di sini Allah mengarah Nabi-Nya s.a.w. supaya mengumumkan bahawa satu-satunya hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah dan sesiapa yang tidak kembali kepada hidayat ini tidak akan menemui hidayat buat selama-lamanya di dalam mana-mana agama dan jalan hidup:

قُلْ إِنَّ ٱلْهُدَىٰ هُدَى ٱللَّهِ

"Katakanlah sesungguhnya hidayat yang sebenar itu ialah hidayat Allah."(73)

Kenyataan ini dikemukakan sebagai jawapan terhadap perkataan mereka:

ءَامِنُوا۟ بِٱلَّذِىٓ أُنزِلَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَجْهَ ٱلنَّهَارِ وَٱكْفُرُوٓا۟ ءَاخِرَهُۥ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)"(72)

untuk memberi ingatan kepada kaum Muslimin terhadap tujuan mereka yang licin itu iaitu mengeluarkan orang-orang Islam dari hidayat Allah. Oleh itu tiada hidayat melainkan hanya hidayat Allah sahaja dan apa yang sebenar dikehendaki mereka ialah kesesatan dan kekufuran.

Kenyataan ini juga dikemukakan sebelum habis diceritakan semua perkataan Ahlil-Kitab, kemudian barulah di sambung semula baki cerita komplot mereka selepas kenyataan selingan ini:

أَن يُؤْتَىٰٓ أَحَدٌ مِّثْلَ مَآ أُوتِيتُمْ أَوْ يُحَآجُّوكُمْ عِندَ رَبِّكُمْ

"(Iaitu janganlah kamu percaya) bahawa kononnya ada seorang yang lain yang dikurniakan seperti yang dikurniakan kepada kamu atau kononnya mereka dapat menghujahkan kamu di sisi Tuhan kamu."(73)

Inilah alasan perkataan mereka:

وَلَا تُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu."(73)

Itulah perasaan hasad dengki mereka terhadap sesiapa yang dikurniakan Allah Nubuwwah dan kitab suci seperti yang dikurniakan kepada Ahlil-Kitab. Mereka takut apabila mereka percaya kepada orang-orang Islam dan memberitahu kepada mereka hakikat-hakikat yang diketahui oleh Ahlil-Kitab (tentang kebenaran nubuwwah Muhammad) kemudian mereka ingkar hakikat ini, maka ia akan digunakan oleh orang-orang Islam sebagai hujah untuk mengalahkan mereka di hadapan Allah. Seolah-olah Allah tidak mempersalahkan mereka dengan hujah yang lain melainkan dengan hujah lisan yang dapat didengar, sedangkan hujah lisan itu merupakan pernyataan perasaan-perasaan yang tidak lahir dari kefahaman dan tanggapan keimanan terhadap Allah dan sifat-sifat-Nya dan tidak pula lahir dari ma'rifat terhadap hakikat kerasulan dan kenabian, juga hakikat-hakikat taklif keimanan dan kepercayaan.

Kemudian Allah S.W.T. mengarahkan Rasul-Nya yang mulia supaya mengajar mereka di samping mengajar kaum Muslim hakikat limpah kurnia Allah apabila Allah hendak mengurniakan agama atau Rasul kepada sesuatu umat:

قُلْ إِنَّ ٱلْفَضْلَ بِيَدِ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya limpah kurnia itu di tangan Allah Dia kurniakannya kepada siapa yang dikendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."(73)

يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِۦ مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

"Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar."(74)

Iradat Allah telah menghendaki meletakkan risalah dan kitab sucinya (yang terakhir) di kalangan bukan Ahlil-Kitab setelah mereka mencabul perjanjian mereka dengan Allah dan membatalkan tugas moyang mereka Ibrahim, setelah mereka mengenal kebenaran dan mencampur-adukkannya dengan kepalsuan, setelah mereka mengkhianati amanah yang diserahkan kepada mereka, setelah mereka meninggalkan hukum-hukum kitab suci mereka dan undang-undang syariah mereka, setelah mereka enggan berhakimkan kepada kitab Allah di antara sesama mereka dan setelah kepimpinan umat manusia terpisah dari undang-undang dan peraturan Allah, dari kitab sucinya dan dari tokoh-tokohnya yang Mu'min. Di masa inilah teraju kepimpinan dan amanah diserahkan kepada umat Muslimin sebagai satu anugerah dan kurnia dari Allah.

وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ٧٣

"Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."(73)

يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِۦ مَن يَشَآءُ

"Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(74)

Berdasarkan limpah kurnia-Nya Yang Maha Luas dan ilmu-Nya yang mengetahui tempat-tempat yang wajar menerima rahmat-Nya.

وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ٧٤

"Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar."(74)

Dan tidak ada kurnia yang lebih besar kepada satu umat dari pengurniaan hidayat dalam bentuk kitab suci Al-Qur'an dan tidak ada kurnia yang lebih besar dari pengurniaan kebaikan dalam bentuk agama dan tidak ada kurnia yang lebih besar dari pengurniaan rahmat dalam bentuk pengutusan seorang Rasul.

Apabila kaum Muslimin mendengar ayat ini, mereka akan terus sedar sejauh mana ni'mat dan nilai anugerah Allah yang telah memilih mereka untuk menerima limpah kurnia ini dan mereka akan terus berpegang teguh dengannya dan mempertahankan dengan gigih dan yakin. Dan seterusnya mereka akan sedar terhadap tipu daya dan dendam kesumat musuh-musuh mereka. Inilah cara-cara didikan Al-Qur'anul-Karim dan az-Zikril Hakim terhadap mereka dan inilah bahan-bahan didikan dan bimbingan untuk umat Muslimin dalam semua generasi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 75 - 77)

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut memerikan keadaan kaum Ahlil-Kitab, dan menerangkan sifat-sifat mereka yang tercela dan menjelaskan nilai-nilai yang benar yang menjadi tapak landasan Islam agama kaum Muslimin. Ia mulakan dengan menayangkan dua contoh dari contoh-contoh mu'amalah kaum Ahlil-Kitab.

Contoh Mu'amalah Kaum Ahlil-Kitab

وَمِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مَنْ إِن تَأْمَنْهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِۦٓ
إِلَيْكَ وَمِنْهُم مَّنْ إِن تَأْمَنْهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِۦٓ إِلَيْكَ
إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَآئِمًا ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا۟ لَيْسَ
عَلَيْنَا فِى ٱلْأُمِّيِّۦنَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ
ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ٧٥

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ وَٱتَّقَىٰ فَإِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلْمُتَّقِينَ ٧٦
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَأَيْمَٰنِهِمْ ثَمَنًا
قَلِيلًا أُو۟لَٰٓئِكَ لَا خَلَٰقَ لَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ
ٱللَّهُ وَلَا يَنظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٧٧

"Dan di antara kaum Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikannya kepada engkau, dan di antara mereka pula ada orang yang engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui(75). Malah sebenarnya barangsiapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa(76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(77)

Itulah cara yang adil dan benar bukannya cara mengurang dan merugikan (sesuatu hak) yang dilakukan oleh Al-Qur'an apabila ia menceritakan keadaan kaum Ahlil-Kitab yang menghadapi kaum Muslimin pada masa itu dan mungkin keadaan ini merupakan keadaan Ahlil-Kitab dalam semua generasi. Perseteruan kaum Ahlil-Kitab terhadap Islam dan kaum Muslimin, perbuatan mereka memalsu, menipu dan merancangkan berbagai-bagai helah yang jahat dan licin, keazaman mereka untuk menimpakan bencana ke atas umat Muslimin dan agama Islam semuanya tidak mempengaruhi Al-Qur'an untuk mengurangkan hak golongan Ahlil-Kitab yang baik walaupun di tempat pertikaian dan perlawanan. Malah di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa di antara Ahlil-Kitab ada golongan yang amanah yang tidak pernah makan hak-hak orang lain walaupun jumlahnya sangat besar dan menggiurkan.

وَمِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مَنْ إِن تَأْمَنْهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِۦٓ
إِلَيْكَ

"Dan di antara Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikan kepada engkau..."

Tetapi di antara mereka juga ada pengkhianat yang tamak dan suka menangguh-nangguh dan tidak mengembalikan hak-hak orang lain walaupun jumlahnya sedikit kecuali dituntut dengan desakan yang bersungguh-sungguh. Kemudian mereka memfalsafahkan tingkahlaku mereka yang keji itu dengan berdusta terhadap Allah secara sengaja:

وَمِنْهُم مَّنْ إِن تَأْمَنْهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ
إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ
عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ
الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan di antara mereka pula ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui"(75)

Inilah sifat kaum Yahudi. Merekalah yang mengeluarkan perkataan yang seperti ini. Mereka menggunakan beberapa ukuran bagi akhlak mereka. Sifat jujur dan amanah itu adalah untuk sesama bangsa Yahudi sahaja. Adapun bangsa yang lain dari Yahudi yang mereka menamakannya sebagai orang-orang ummi dan maksud mereka ialah orang-orang Arab (sebenarnya mereka maksudkan dengan kata-kata ummi itu siapa sahaja yang bukan dari bangsa Yahudi), maka orang Yahudi tidak berdosa memakan harta mereka, menipu mereka, mengeliru mereka dan mengeksploitasi mereka dengan apa sahaja cara dan tindakan yang hina dan keji tanpa segan dan malu aib.

Tetapi yang anehnya mereka mendakwa bahawa Tuhan mereka dan agama mereka menyuruh mereka berbuat seperti itu, sedangkan mereka benar-benar tahu bahawa dakwaan itu adalah dusta. Kerana Allah tidak pernah menyuruh manusia melakukan perbuatan yang keji dan tidak pernah mengharuskan kepada mana-mana kelompok manusia memakan harta kelompok manusia yang lain secara haram dan dusta, tidak pernah menyuruh supaya mereka tidak menghormati perjanjian dan tanggungjawab mereka dan menipu orang lain tanpa malu aib. Tetapi itulah bangsa Yahudi. Mereka telah menggunakan perseteruan dan dendam kesumat terhadap manusia itu sebagai adat kebiasaan dan agama:

وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."(75)

Di sini Al-Qur'anul-Karim menjelaskan dasar atau neraca akhlaknya yang tunggal dan menghubungkan pandangannya ini kepada Allah dan taqwa terhadap-Nya:

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ وَاتَّقَىٰ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُتَّقِينَ ﴿٧٦﴾
إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا
قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ
اللَّهُ وَلَا يَنظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٧﴾

"Malah sebenarnya barang siapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa (76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(77)

Dasar Menghormati Perjanjian

Inilah dasar akhlak yang tunggal. Sesiapa yang menghormatinya kerana menyempurnakan perjanjian dengan Allah dan melahirkan perasaan taqwa terhadap-Nya, nescaya Allah kasihkannya dan memuliakannya. Tetapi sesiapa yang menukarkan perjanjian Allah dan keimanannya dengan harga yang sedikit - dari harta benda kehidupan dunia atau dengan dunia seluruhnya yang merupakan satu keni'matan yang sedikit - maka dia tidak mendapat apa-apa habuan di Akhirat, tidak mendapat apa-apa ri'ayah dan sambutan di sisi Allah dan tidak mendapat apa-apa pembersihan, malah hanya mendapat 'azab yang amat pedih.

Di sini dapatlah kita perhatikan bahawa penunaian janji itu mempunyai hubungan yang rapat dengan taqwa. Dasar ini tidak berubah sama ada bermu'amalah dengan musuh atau dengan kawan, kerana penunaian janji itu bukanlah masalah muslihat, malah masalah hubungan yang berterusan dengan Allah tanpa memandang kepada orang yang bermu'amalah dengan mereka.

Inilah teori akhlak Islam secara umum tentang penunaian janji dan pengamalan akhlak-akhlak yang lain. Konsep bermu'amalah pertama ialah bermu'amalah dengan Allah, di mana dikenangkan kehadiran Allah, dan supaya dijauhi kemurkaan-Nya dan dicari keredhaan-Nya. Motif akhlak bukannya muslihat atau kepentingan, bukan tradisi masyarakat dan bukan pula kehendak-kehendak keperluan keadaan semasa. Kerana masyarakat manusia kadang-kadang sesat, menyeleweng dan terpengaruh dengan ukuran-ukuran palsu yang lumrah di waktu itu. Oleh sebab itu masyarakat memerlukan kepada

satu ukuran yang tetap yang dapat dirujukkan olehnya dan oleh individu-individunya. Dan di samping ukuran ini mempunyai keteguhannya pastilah ia mempunyai kekuatan yang diambil dari sumber yang lebih tinggi, iaitu lebih tinggi dari istilah manusia dan dari keperluan-keperluan hidup mereka yang berubah-ubah. Oleh sebab itu nilai-nilai dan ukuran-ukuran itu pasti diambil dari Allah, iaitu dengan jalan mengenal akhlak-akhlak yang diredhai-Nya, mencari keredhaan-Nya dan menaruh perasaan taqwa kepada-Nya. Dengan cara inilah Islam menjamin manusia sentiasa dapat memandang ke ufuk yang lebih tinggi dari bumi dan mengambil nilai-nilai dan neraca-neraca hidup mereka dari ufuk yang tinggi, kukuh dan gemilang itu.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menjadikan orang-orang yang mencabul perjanjian dan mengkhianati amanah sebagai "Orang-orang yang menukarkan perjanjian Allah dan keimanan mereka dengan harga yang sedikit" kerana hubungan dalam perjanjian ini adalah di antara mereka dengan Allah sebelum hubungan itu berlaku di antara mereka dengan manusia. Dari sinilah mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di sisi Allah di Akhirat kerana tujuan mereka melakukan pengkhianatan perjanjian dan amanah dan menukarkan keimanan mereka dengan harga yang sedikit ialah untuk mendapatkan kepentingan-kepentingan dunia yang sedikit. Mereka tidak akan mendapat apa-apa ri'ayah Allah di Akhirat sebagai balasan terhadap perbuatan mereka mencabul perjanjian mereka dengan Allah, iaitu perjanjian mereka dengan manusia di dunia.

Di sini kita dapati Al-Qur'an menggunakan cara penggambaran dalam pengungkapannya. Ia mengungkapkan pengabaian Allah dan ketiadaan ri'ayah-Nya terhadap mereka dengan gambaran Dia tidak bercakap dengan mereka, tidak memandang mereka dan tidak membersihkan mereka. Semuanya ini merupakan tanda-tanda pengabaian yang dimaklumi semua manusia. Oleh sebab itu Al-Qur'an menggunakannya sebagai wasilah untuk menggambarkan keadaan pengabaian itu dengan gambaran yang hidup dan dapat memberi kesan yang lebih mendalam dalam hati manusia dari menggunakan ungkapan abstrak. Itulah cara Al-Qur'an dalam menyampaikan bayangan-bayangan dan, saranan-sarananya yang indah.[10]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 80)

Menggunakan Kitab Allah Sebagai Bahan Untuk Menyesatkan Manusia

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus membentangkan contoh-contoh golongan Ahlil-Kitab. Di sini ia membentangkan contoh golongan penyesat, yang menggunakan kitab Allah sebagai bahan untuk menyesatkan orang ramai. Mereka memutarbelitkan kitab suci itu dengan lidah mereka dari maksudnya yang sebenar dan mena'wilkan nas-nasnya supaya sesuai dengan kehendak-kehendak pihak yang tertentu untuk mendapatkan sedikit bayaran atau untuk mendapat sesuatu dari harta dan kesenangan hidup dunia. Dan di antara perkara-perkara yang diputarbelitkan oleh lidah mereka, diseleweng dan dita'wilkan mereka ialah perkara-perkara yang ada hubungan dengan kepercayaan-kepercayaan yang mereka rekakan mengenai al-Masih 'Isa ibn Maryam, yang sesuai dengan kehendak-kehendak gereja dan kehendak-kehendak pemerintah:

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُۥنَ أَلْسِنَتَهُم بِٱلْكِتَٰبِ
لِتَحْسَبُوهُ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمَا هُوَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ
وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾
مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُؤْتِيَهُ ٱللَّهُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ
وَٱلنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا۟ عِبَادًا لِّى مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَلَٰكِن كُونُوا۟ رَبَّٰنِيِّۦنَ بِمَا كُنتُمْ تُعَلِّمُونَ
ٱلْكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَا يَأْمُرَكُمْ أَن تَتَّخِذُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَٱلنَّبِيِّۦنَ
أَرْبَابًا ۗ أَيَأْمُرُكُم بِٱلْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan sesungguhnya di antara mereka ada sekumpulan mereka yang memutarbelitkan lidah mereka (mempermainkan) kitab Taurat supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari kitab Taurat, sedangkan ianya bukan dari kitab itu, dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui(78). Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia: Hendaklah kamu menjadi para penyembahku selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya(79). Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan Nabi-Nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim."(80)

---

[10] *Lihat fasal* " طريقة القرآن " dalam buku "التصوير الفنى فى القرآن"

Penyakit Tokoh-tokoh Agama

Penyakit tokoh-tokoh agama - apabila mereka korap - ialah mereka bersedia menjadi alat yang patuh untuk memalsukan hakikat-hakikat yang sebenar atas nama mereka selaku tokoh agama. Keperihalan yang disebut oleh Al-Qur'an mengenai segolongan Ahlil-Kitab ini memang diketahui oleh kita di zaman kita sekarang ini. Mereka menakwilkan nas-nas kitab suci mereka dan mereka memutarbelitkannya supaya mereka sampai kepada kesimpulan-kesimpulan yang tertentu. Kemudian mereka dakwakan kesimpulan-kesimpulan itu sebagai maksud dari nas kitab suci itu dan sebagai pengertian-pengertian yang dikehendaki oleh Allah, sedangkan kesimpulan itu bertentangan dengan hakikat agama Allah dari asasnya lagi (mereka berbuat demikian) kerana yakin kebanyakan pendengar tidak dapat membezakan di antara hakikat agama dan maksud-maksud sebenar nas-nas ini dengan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat-buat dan pembohongan yang mereka paksakan ke atas nas-nas itu.

Pada hari ini kita cukup mengetahui contoh golongan ini pada setengah-setengah tokoh yang dihubungkan dengan agama secara zalim. Mereka sebenarnya mencari makan dengan agama. Mereka menggunakan agama untuk memenuhi kehendak-kehendak nafsu, mereka mena'wilkan nas-nas dan berkejar-kejar membawa nas-nas itu mengikut kehendak-kehendak nafsu apabila mereka nampak ada sesuatu muslihat yang boleh dicapai atau sesuatu habuan kesenangan dunia yang boleh dihasilkan. Mereka menta'wilkan nas-nas itu dan berkejar-kejar dengan nas-nas itu di belakang kehendak hawa nafsu. Mereka mematah-matahkan leher nas supaya sesuai dengan kehendak-kehendak semasa yang dominan. Mereka mengubah ayat-ayat dari tempatnya yang wajar untuk menyelaraskan di antaranya dengan aliran-aliran yang bertentangan dengan agama ini dan dengan hakikat-hakikat asasinya. Mereka berusahalah berhempas-pulas untuk mendapatkan sekecil-kecil hubungan lafzi atau mulabasah lafziah untuk digunakan mereka bagi menyelaraskan di antara maksud suatu ayat Al-Qur'an dengan kehendak semasa yang dominan yang penting dihampu-hampukan mereka.

وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."(78)

Sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an tentang sekumpulan Ahlil-Kitab.

Penyakit ini tidak hanya menimpa Ahlil-Kitab sahaja, malah ia menimpa setiap umat. Apabila agama Allah di sana menjadi begitu murah kepada penganut-penganutnya sehingga tidak sama dengan nilai-nilai upah memuaskan sesuatu kehendak nafsu yang dibayar dengan sesuatu harta benda dunia. Di sana amanah dan tanggungjawab menjadi rosak sehingga hati tidak segan-segan berdusta terhadap Allah dan menggubahkan kalimat-kalimat firman-Nya dari tempatnya yang wajar dengan tujuan untuk mengambil hati hamba-hamba Allah dan mengikut kehendak nafsu mereka yang sesat, yang bertentangan dengan agama. Seolah-olah Allah S.W.T. berkehendak mengingatkan kaum Muslimin (dengan ayat ini) tentang tempat gelincir yang merbahaya ini yang telah mencabut amanah kepimpinan (agama Allah) dari tangan Bani Israel.

Contoh golongan Bani Israel ini - sebagaimana yang dapat dilihat dari keseluruhan ayat-ayat ini - adalah berusahalah mencari rangkai-rangkai kata yang mengandungi ungkapan majazi atau metafora, lalu mereka memutarbelitkan lidah mereka membuat ta'wilan-ta'wilan dan mengeluarkan pengertian-pengertian yang tidak ditunjukkan oleh ayat-ayat itu, kecuali dengan putar belit dan pemesongan untuk menyarankan kepada orang ramai bahawa pengertian-pengertian yang direka-rekakan mereka itu adalah dari kitab suci Allah dan mereka benar-benar mendakwa: Inilah yang telah dikatakan Allah, sedangkan ia tidak pernah dikatakan Allah. Tujuan mereka membuat dakwaan-dakwaan itu ialah untuk mengithbatkan ketuhanan kepada 'Isa a.s. bersama "rohul-Qudus" yang didakwa mereka sebagai uqnum-uqnum, iaitu bapa, anak dan rohul-Qudus yang dianggap mereka sebagai satu zat iaitu Allah. Maha Suci Allah dari sifat-sifat syirik yang dikatakan mereka. Mereka juga meriwayatkan dari 'Isa a.s. beberapa perkataan yang menguatkan dakwaan mereka, lalu Allah menjawab pemesongan dan ta'wilan mereka itu dengan menjelaskan bahawa adalah tidak wajar bagi seorang Nabi yang dikurniakan nubuwwah dan dipilih untuk menyampaikan risalah yang agung ini menyuruh manusia mempertuhankannya bersama malaikat. Ini adalah mustahil:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُؤْتِيَهُ ٱللَّهُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ
وَٱلنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا۟ عِبَادًا لِّى مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَلَٰكِن كُونُوا۟ رَبَّٰنِيِّۦنَ بِمَا كُنتُمْ تُعَلِّمُونَ
ٱلْكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَا يَأْمُرَكُمْ أَن تَتَّخِذُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَٱلنَّبِيِّۦنَ
أَرْبَابًا ۗ أَيَأْمُرُكُم بِٱلْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾

"Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian kemudian dia berkata kepada manusia: Hendaklah kamu menjadi para penyembahku selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-

hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya(79). Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan Nabi-Nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim."(80)

Nabi 'Isa begitu yakin bahawa dia hanya seorang hamba sahaja dan bahawa Allah itulah Tuhan Yang Maha Esa dan seluruh hamba bertawajjuh dengan 'Ubudiyah dan ibadat mereka kepada-Nya. Oleh sebab itu tidak mungkin beliau mendakwa dirinya mempunyai sifat Uluhiyah yang menuntut 'Ubudiyah dari manusia. Dan seorang Nabi tidak akan berkata kepada manusia:

كُونُوا۟ عِبَادًا لِّى مِن دُونِ ٱللَّهِ

"Hendaklah kamu menjadi para penyembahku bukannya para penyembah Allah."

Tetapi dia berkata kepada mereka:

كُونُوا۟ رَبَّٰنِيِّـۧنَ

"Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh)."(79)

Iaitu orang-orang yang menghubungkan dirinya kepada Allah selaku hamba-hamba Allah dan bertawajjuh kepada-Nya sahaja dengan amalan-amalan ibadat. Juga ambillah dari Allah sahaja segala undang-undang dan peraturan hidup kamu supaya kamu benar-benar membulatkan keta'atan kamu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja agar kamu menjadi para Rabbaniyin. Jadilah kamu para Rabbaniyin kerana kamu mempunyai ilmu pengetahuan tentang kitab suci dan kerana kamu mempelajarinya dan inilah tujuan mengetahui dan mempelajari kitab suci.

Nabi 'Isa sama sekali tidak menyuruh manusia mempertuhankan malaikat dan Nabi-Nabi. Beliau tidak menyuruh manusia menjadi kafir selepas mereka Islam dan menyerah diri kepada Uluhiyah Allah. Beliau datang untuk menghidayatkan manusia kepada Allah bukannya untuk menyesatkan mereka. Beliau datang untuk membimbing mereka kepada Islam bukannya untuk mengkafirkan mereka.

Dari sini nyatalah kemustahilan dakwaan yang dihubungkan oleh segolongan Ahlil-Kitab kepada 'Isa a.s. di samping terangnya pembohongan mereka terhadap Allah apabila mereka mengatakan bahawa apa yang didakwakan mereka adalah datang dari sisi Allah. Dan dalam waktu yang sama juga gugurnya nilai segala apa yang dikatakan oleh golongan Ahlil-Kitab ini dan segala ucapan yang diulanginya dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan dan kesangsian di dalam barisan kaum Muslimin. Al-Qur'an telah mendedahkan keadaan mereka di hadapan penglihatan dan pendengaran kaum Muslimin.

Sama dengan golongan Ahlil-Kitab ini ialah satu golongan yang mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam yang mempunyai ilmu pengetahuan agama sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini. Golongan ini lebih utama dihadapkan ayat Al-Qur'an ini kepada mereka pada hari ini. Kerana mereka juga memutarbelitkan nas-nas Al-Qur'an untuk menegakkan tuhan-tuhan yang lain dari Allah di dalam berbagai-bagai bentuknya. Mereka bersusah payah mencari nas-nas yang dapat diputarbelitkan mereka untuk menyalurkan pembohongan-pembohongan mereka.

وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."(78)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 83)

Selepas itu Al-Qur'an menggambarkan hakikat pertalian di antara angkatan para Rasul dan risalah-risalah yang menjunjung perjanjian Allah. Dan hakikat ini menyarankan bahawa perbuatan enggan mengikut risalah yang terakhir itu adalah satu perbuatan yang fasiq dan terkeluar dari perjanjian Allah dan undang-undang alam buana seluruhnya:

وَإِذْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ لَمَآ ءَاتَيْتُكُم مِّن كِتَٰبٍ
وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مُّصَدِّقٌ لِّمَا مَعَكُمْ
لَتُؤْمِنُنَّ بِهِۦ وَلَتَنصُرُنَّهُۥ ۚ قَالَ ءَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ
عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِى ۖ قَالُوٓا۟ أَقْرَرْنَا ۚ قَالَ فَٱشْهَدُوا۟ وَأَنَا۠
مَعَكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨١﴾
فَمَن تَوَلَّىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٨٢﴾
أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah mengambil perjanjian dari para Nabi: Segala apa sahaja yang Aku telah kurniakan kepada kamu dari kitab suci dan hikmat, kemudian datang kepada kamu seorang Rasul yang membenarkan kitab suci yang ada di tangan kamu, hendaklah kamu beriman kepadanya dan menolongnya. Allah berfirman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu? Jawab mereka: Kami mengakui. Allah berfirman: (Jika demikian) maka saksikanlah (Wahai para Rasul) bahawa Aku

juga turut bersama kamu menjadi para saksi(81). Barang siapa yang berpaling selepas itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq(82). Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan."(83)

Perjanjian Allah Dengan Setiap Rasul

Allah S.W.T. telah mengadakan satu perjanjian yang hebat dan besar dan Dia sendiri menjadi saksinya, kemudian Dia jadikan seluruh Rasul-Nya itu sebagai saksinya. Dia berjanji dengan setiap Rasul iaitu apabila Rasul itu dikurniakan kitab dan hikmat, kemudian datang selepasnya seorang Rasul yang mengesahkan apa yang dibawa olehnya di mana dia pasti beriman kepadanya dan membantu perjuangannya dan mengikut agamanya. Inilah yang dijadikan Allah perjanjian di antara-Nya dengan setiap Rasul.

Pengungkapan Al-Qur'an ini memuatkan zaman-zaman yang berturutan yang memisahkan di antara para Rasul itu dan mengumpulkan seluruh mereka dalam satu pemandangan sahaja, di mana Allah berbicara dengan mereka sekaligus. Apakah mereka mengakui perjanjian Allah yang berat itu dan menerimanya dengan patuh?

قَالَ ءَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِي

"Allah berfiman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu?"

Lalu mereka menjawab.

قَالُوٓا۟ أَقْرَرْنَا

"Jawab mereka: Kami mengakui."

Lalu Allah Yang Maha Mulia saksikan perjanjian ini dan menyuruh para Rasul menjadi saksinya:

قَالَ فَٱشْهَدُوا۟ وَأَنَا۠ مَعَكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨١﴾

"Allah berfirman:(Jika demikian) maka saksikanlah (Wahai para Rasul) bahawa Aku juga turut bersama kamu menjadi para saksi."(81)

Inilah satu pemandangan yang sungguh hebat dan agung. Ia dilukiskan oleh pengungkapan Al-Qur'an yang membuat hati gementar dan putus-putus degupannya apabila melihat pemandangan itu di hadapan Allah Pencipta Yang Maha Besar dan melihat sekalian para Rasul berkumpul.

Di dalam bayangan pemandangan ini angkatan para Rasul yang mulia itu kelihatan bersambung-sambung, bantu-membantu satu sama lain, ta'at dan patuh kepada arahan Ilahiyah yang tinggi dan mewakili hakikat (agama) yang sama yang telah dikehendaki Allah S.W.T. supaya menjadi landasan hidup umat manusia. Dan hakikat (agama) itu tidak menyeleweng, tidak berbilang-bilang, tidak bertentangan dan tidak bercanggahan. Hakikat (agama) itu hanya diserahkan kepada seorang yang terpilih di antara para hamba Allah kemudian selepasnya diserahkan pula kepada seorang yang terpilih (yang baru) dan menyerahkan dirinya bersama hakikat itu kepada saudaranya yang baru datang itu. Oleh itu seorang Nabi tidak mempunyai apa-apa kepentingan peribadi dalam tugas kenabian ini dan tidak mempunyai apa-apa tujuan untuk kemegahan diri, malah dia hanya seorang hamba yang dipilih Allah untuk menjadi hamba yang menyampaikan risalah-Nya. Dan Allahlah yang memindahkan langkah-langkah da'wah ini di antara generasi-generasi manusia. Dialah yang memimpin angkatan itu dan mengendalikannya mengikut kehendak masyi'ah-Nya.

Dengan perjanjian dan kefahaman ini bersihlah agama Allah dari kefanatikan peribadi, kefanatikan Rasul terhadap dirinya dan kefanatikannya terhadap pengikut-pengikutnya dan kefanatikan pengikut-pengikutnya terhadap aliran agama mereka, kefanatikan mereka terhadap diri mereka sendiri dan kefanatikan mereka terhadap kaum mereka. Malah seluruh urusan dalam agama yang sama dan tunggal ini adalah tulus dan bulat kepada Allah Yang Maha Esa. Itulah agama yang sama yang berturut-turut dibawa oleh angkatan para Rasul yang mulia itu.

Di dalam bayangan hakikat ini kaum Ahlil-Kitab yang tidak ikut beriman kepada Rasul s.a.w. yang terakhir, tidak ikut membantu dan menyokongnya kerana berpegang dengan agama mereka - bukan berpegang kepada hakikatnya kerana hakikat agama mereka memang menyeru mereka supaya beriman kepada Rasul yang terakhir dan menyokongnya. Mereka menentangnya atas nama agama mereka semata-mata kerana fanatik terhadap diri mereka tetapi ditunjuk dalam bentuk fanatik terhadap agama mereka - sedangkan para Rasul mereka yang telah membawa agama ini kepada mereka telah pun mengikat perjanjian yang berat dengan Allah dalam satu pemandangan yang amat besar..... di dalam bayangan hakikat ini kaum Ahlil-Kitab yang tidak beriman itu kelihatan menyeleweng dari pengajaran-pengajaran para anbiya' mereka, menyeleweng dari perjanjian Allah dengan mereka dan seterusnya menyeleweng dari undang-undang alam buana seluruhnya yang patuh kepada Penciptanya dan ta'at kepada undang-undang-Nya, dan undang-undang alam buana, yang dikendalikan dengan perintah Allah dan kehendak masyi'ah-Nya:

فَمَن تَوَلَّىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٨٢﴾
أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Barangsiapa yang berpaling selepas itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq(82). Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan."(83)

Yakni tiada siapa yang enggan mengikut Rasul ini melainkan orang yang menyeleweng dan tiada siapa yang enggan mengikut agama Allah melainkan seorang yang ganjil di alam al-wujud yang amat besar ini dan sumbang di tengah-tengah alam buana yang ta'at dan patuh kepada Allah.

Agama Allah itu hanya satu sahaja. Ia dibawa oleh sekalian Rasul dan di atas agama inilah mereka berjanji seia sekata dan janji Allah itu hanya satu yang diikati Allah dengan sekalian Rasul. Beriman kepada agama yang baru, mengikut Rasulnya, menyokong undang-undang dan peraturannya yang mengatasi segala undang-undang dan peraturan yang lain merupakan penunaian terhadap janji ini. Oleh itu sesiapa yang enggan menerima Islam bererti enggan menerima agama Allah seluruhnya dan mengkhianati seluruh janji Allah.

Islam - yang wujud untuk menegakkan undang-undang dan peraturan Allah di bumi dan mengikutinya dengan tulus ikhlas - itulah undang-undang alam al-wujud. Itulah agama bagi setiap yang hidup di alam al-wujud.

Itulah gambaran Islam dan penyerahan diri yang sempurna dan mendalam, iaitu satu gambaran sejagat yang memikat perasaan dan menggentarkan hati nurani, gambaran undang-undang yang berkuat kuasa dan memerintah, yang memulangkan segala sesuatu dan sekalian yang hidup kepada undang-undang dan peraturan yang sama dan tempat kembali yang sama.



"Dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan."(83)

Mereka tidak dapat mengelakkan diri di akhir perjalanan hidup dari kembali kepada Allah Pengadil Yang Maha Kuasa, Maha Pentadbir dan Maha Mulia.

Sistem Hidup Ilahi Selaras Dengan Undang-undang Alam

Manusia tidak dapat menghindarkan diri - apabila ia ingin mendapat kebahagiaannya, kesenangannya, ketenteraman hatinya dan kebaikan keadaannya - dari kembali kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk dirinya, untuk peraturan kehidupannya dan peraturan masyarakatnya supaya selaras dengan undang-undang alam buana seluruhnya. Oleh itu manusia tidak boleh bersendirian membuat sistem hidup sendiri yang tidak selaras dengan undang-undang alam buana yang diciptakan oleh Allah, sedangkan dia sendiri terpaksa hidup dalam ruang lingkup alam buana dan berurusan dengan undang-undang alam buana. Penyelarasan manusia dalam peraturan hidupnya, iaitu dalam kefahamannya dan pemikirannya, dalam perasaannya dan dalam realitinya dan hubungan-hubungannya dengan undang-undang alam buana itulah satu-satunya yang dapat menjamin tercapainya kerjasama dengan kekuatan-kekuatan alam yang besar bukannya bertentangan dengannya. Kerana apabila ia bertentangan dengannya ia akan musnah dan hancur atau dia tidak dapat sama sekali melaksanakan tugas khalifah di bumi ini seperti yang dikurniakan Allah kepadanya. Tetapi apabila manusia dapat menyelaraskan dirinya dan bersefahaman dengan undang-undang alam buana yang menguasainya dan menguasai setiap yang hidup, maka dia akan dapat mengetahui rahsia-rahsianya, mengguna dan memanfa'atkannya dengan cara yang dapat memberi kebahagiaan, kesenangan dan ketenteraman kepadanya dan menghindarkan dirinya dari ketakutan, kegelisahan dan pergaduhan. Dia dapat memanfa'atkannya bukannya membakar diri dengan api alam, tetapi dia dapat memasak dengannya, memanaskan udara dan menerangi kegelapan dengannya.

Fitrah manusia dari semulajadi lagi selaras dengan undang-undang alam buana. Ia patuh kepada Tuhannya sebagaimana patuhnya segala sesuatu dan setiap yang bernyawa. Oleh itu apabila manusia mengeluarkan dirinya dengan sistem hidupnya (yang dibikin sendiri) dari undang-undang itu, maka dia bukan sahaja berlanggar dengan alam buana, malah pertama-tama dia berlanggar dengan fitrah yang ada di dalam dadanya. Akibatnya dia akan menderita, merana, bingung dan resah gelisah. Dia akan hidup sama seperti hidupnya umat manusia yang sesat dan sengsara pada hari ini dalam aspek (kerohanian) ini walaupun mereka mencapai segala kejayaan ilmiyah dan segala kemudahan tamadun kebendaan.

Umat Manusia Pada Hari Ini Mengalami Kekosongan Jiwa Yang Teruk

Umat manusia pada hari ini mengalami kekosongan yang amat pahit, iaitu kekosongan jiwa mereka dari hakikat keimanan yang tidak mampu ditanggung oleh fitrah mereka dan kekosongan hidup mereka dari undang-undang dan peraturan Allah, iaitu undang-undang dan peraturan yang menyelaraskan di antara harakat mereka dengan harakat alam buana yang menjadi gelanggang hidup mereka.

Umat manusia (pada hari ini) sedang mengalami kepanasan yang amat terik kerana hidup jauh dari bayangan teduh yang lembut. Mereka juga sedang mengalami kerosakan dan kebejatan yang merunsingkan kerana mereka bergelimang di dalam kerosakan dan berada begitu jauh dari jalan yang lurus dan bukan yang dilalui orang.

Oleh sebab itulah mereka mengalami kecelakaan, kegelisahan, kebingungan dan keadaan yang tidak tenteram, mereka merasa kekosongan, kelaparan dan kehampaan. Mereka melarikan diri dari kenyataan ini dengan menagih candu, ganja, minuman-minuman keras, bergerak dengan kepantasan kegila-gilaan, melakukan adventure-adventure yang tolol, memperlihatkan ciri-ciri yang ganjil dalam gerak-geri, pakaian dan makanan walaupun mereka berjaya

mencapai kemakmuran kebendaan, pengeluaran yang banyak, kehidupan yang senang-lenang dan masa lapang yang banyak. Malah kekosongan, kegelisahan dan kebingungan itu semakin bertambah banyak dirasai mereka setiap kali bertambahnya kemakmuran kebendaan, pengeluaran tamadun, kemudahan cara-cara hidup.

Kekosongan yang amat pahit ini memburu umat manusia seperti momok-momok yang menakutkan. Ia memburu mereka dan mereka lari darinya, tetapi kemudian ia berakhir dengan kekosongan yang amat pahit juga.

Setiap orang yang melawat negeri-negeri yang kaya di bumi ini maka kesan yang pertama yang akan terterap dalam hatinya ialah bahawa kaum di negeri itu sedang lari dari bayang-bayang sendiri yang memburu mereka. Mereka lari dari diri sendiri....... dan dengan cepat kemewahan kebendaan dan kesenangan fizikal yang dini'mati mereka hingga ke tahap bergelimang dalam lumpur itu memperlihatkan berbagai-bagai penyakit saraf dan jiwa, berbagai-bagai kelakuan yang ganjil, kegelisahan, sakit, gila, penagihan minuman-minuman keras, berbagai-bagai jenis dadah, jenayah dan kekosongan hidup dari segala pemikiran yang mulia.

Mereka tidak menemui diri mereka kerana mereka tidak menemui matlamat kewujudan mereka yang sebenar. Mereka tidak menemui kebahagiaan mereka kerana mereka tidak menemui sistem hidup Ilahi yang menyelaraskan harakat mereka dengan harakat alam buana dan menyelaraskan di antara peraturan hidup mereka dengan undang-undang alam al-wujud. Mereka tidak menemui ketenteraman mereka kerana mereka tidak mengenal Allah yang kepada-Nya kelak mereka akan dikembalikan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 85)

Seluruh Rasul Memperjuangkan Islam

Oleh sebab umat Muslimin - yakni Muslimin yang sebenar bukan Muslimin dari segi geografi dan sejarah sahaja - merupakan umat yang memahami hakikat perjanjian di antara Allah dan para Rasul-Nya dan hakikat agama Allah dan sistem-Nya yang tunggal dan hakikat angkatan para Nabi yang mulia yang membawa dan menyampaikan sistem Ilahi ini, maka Allah menyuruh Nabi-Nya s.a.w. supaya mengumumkan seluruh hakikat ini dan mengumumkan keimanan umatnya kepada segala risalah dan penghormatan mereka kepada sekalian rasul-rasul, juga mengumumkan ma'rifat mereka tentang tabi'at agama Allah, iaitu Allah tidak menerima dari manusia agama yang lain dari agama Islam.

قُلْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطِ وَمَآ أُوتِىَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَٱلنَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾
وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Katakanlah: Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Ya'kub dan keturunannya dan kepada apa yang dikurniakan kepada Musa, 'Isa dan para Nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan sesiapa pun di antara mereka dan kami sekalian Muslimin (menyerah diri) kepada-Nya(84). Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi." [11] *(85)*

Pengertian Islam Yang Sebenar

Inilah Islam yang meliputi dan merangkumi segala risalah sebelumnya, yang setia kepada sekalian Rasul yang telah membawanya, yang menyatukan semua agama Allah dan mengembalikan semua da'wah dan semua risalah kepada asalnya yang sama serta beriman kepada semuanya sebagaimana yang telah dikehendaki Allah dari para hamba-Nya.

Di antara perkara yang menarik perhatian di dalam ayat yang pertama di sini ialah ia menyebut tentang iman kepada Allah dan kepada kitab suci yang diturunkan kepada kaum Muslimin iaitu Al-Qur'an dan kitab-kitab suci yang diturunkan kepada para Rasul sebelum itu. Kemudian diiringi dengan kenyataan mengenai keimanan ini yang berbunyi:

وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾

"Dan kami sekalian Muslimin (menyerah diri) kepada-Nya."(84)

Pengakuan dengan Islam di sini mempunyai tujuannya setelah diterangkan bahawa Islam itu ialah penyerahan diri, tunduk, ta'at dan mematuhi perintah, peraturan, tatacara dan undang-undang sebagaimana terjelas di dalam ayat sebelumnya.

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan."(83)

---

[11] *Asbat ialah anak cucu Ya'kub a.s. Mereka adalah bapa kepada dua belas suku yang membentuk bangsa Israel.*

Jelaslah bahawa keislaman sekalian makhluk-makhluk alam ialah keislaman yang tunduk kepada perintah, mengikut peraturan dan mematuhi undang-undang. Di sini ternyatalah betapa beratnya Allah S.W.T. memberi perhatian-Nya dalam menjelaskan makna Islam dan hakikatnya dalam setiap kesempatan yang sesuai. Supaya dengan itu jangan termasuk dalam fikiran seseorang pun bahawa Islam itu merupakan kalimah syahadat yang diucapkan oleh lisan atau merupakan tasdiq yang hanya mantap di hati sahaja tanpa diikuti oleh kesan-kesannya yang amali di dalam mengikut undang-undang dan peraturan Allah dan merealisasikan undang-undang dan peraturan itu di dalam realiti hidup mereka.

Ini adalah satu tarikan perhatian yang bernilai sebelum diumumkan satu penjelasan yang lengkap, halus dan tegas:

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ
فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(85)

Dengan nas-nas yang bertubi-tubi ini tidak ada jalan untuk mena'wilkan hakikat Islam atau untuk memutarbelitkan nas-nas dan menyelewengkannya dari maksud-maksudnya yang sebenar dan untuk menta'rifkan Islam dengan ta'rif yang berlainan dari ta'rif Allah, iaitu Islam yang diikuti oleh alam buana dalam bentuk kepatuhan kepada undang-undang yang telah di tetap dan diaturkan Allah.

Kini jelaslah bahawa Islam tidak akan hanya berbentuk mengucap dua kalimah syahadat, لا اله الا الله tanpa diikuti oleh makna dan hakikatnya, iaitu tauhid Uluhiyah dan tauhid Qiwamah, di samping tauhid 'Ubudiyah dan tauhid arah tujuan. Dan syahadat ان محمدا رسول الله pula tidak diikuti oleh makna dan hakikatnya, iaitu mematuhi sistem hidup yang dibawa oleh beliau untuk mengaturkan kehidupan manusia dan mengikut syari'at yang kerananya beliau diutus untuk membawanya dan seterusnya berhakimkan kepada Al-Qur'an yang dibawanya kepada manusia.

Kini jelaslah Islam tidak akan hanya berbentuk kepercayaan yang kukuh di dalam hati sahaja terhadap hakikat Uluhiyah, terhadap urusan-urusan ghaib, terhadap hari Qiamat, terhadap kitab-kitab suci yang diturunkan Allah dan terhadap para Rasul-Nya tanpa disusuli dengan buktinya yang amali dan hakikatnya yang waqi'i sebagaimana telah kami jelaskan.

Dan Islam juga tidak akan hanya berbentuk syi'ar-syi'ar ibadat dan upacara-upacara ibadat atau berupa heningan cipta dan do'a-do'a atau berupa amalan-amalan pembersihan akhlak dan bimbingan rohani tanpa disusuli dengan kesan-kesannya yang amali dalam bentuk mengamalkan sistem hidup yang bersambung dengan Allah selaku ma'bud yang menjadi tumpuan hati para hamba yang bertawajjuh kepada-Nya dengan ibadat-ibadat dan syi'ar-syi'arnya, dengan heningan cipta dan do'a-do'a, dan selaku ma'bud yang mana hati para hamba menaruh perasaan taqwa kepada-Nya dan kerana itu hati menjadi bersih dan mendapat bimbingan yang betul.

Semua pengertian Islam yang seperti ini akan kekal luput dan tidak mempunyai sebarang kesan di dalam kehidupan manusia selama kesan-kesannya itu tidak dicurahkan dalam satu sistem masyarakat, di mana manusia dapat hidup dalam ruang lingkupnya yang bersih dan gemilang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 86 - 91)

Amaran Kepada Mereka Yang Menolak Islam

Inilah bentuk Islam yang dikehendaki Allah. Tiada nilai perhitungan bagi bentuk Islam yang dikehendaki oleh nafsu manusia di dalam generasi manusia yang malang ini atau bentuk Islam yang digambarkan oleh musuh-musuhnya yang sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk memusnahkannya atau digambarkan oleh agen-agen mereka yang terdapat di sana sini.

Orang-orang yang tidak menerima Islam dalam bentuk yang dikehendaki Allah setelah mereka mengetahui hakikatnya tetapi tidak diterima oleh nafsunya, maka mereka di Akhirat kelak berada dalam golongan orang-orang yang rugi dan Allah tidak akan memberi hidayat kepada mereka dan tidak akan melepaskan mereka dari 'azab.

كَيْفَ يَهْدِى ٱللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا۟ بَعْدَ إِيمَٰنِهِمْ
وَشَهِدُوٓا۟ أَنَّ ٱلرَّسُولَ حَقٌّ وَجَآءَهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ ۚ
وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٦﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ جَزَآؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةَ ٱللَّهِ
وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿٨٧﴾
خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ
يُنظَرُونَ ﴿٨٨﴾

"Bagaimanakah Allah akan memberi hidayat kepada suatu kaum yang telah kafir setelah mereka beriman dan mengaku bahawa Rasul itu benar dan berbagai-bagai keterangan telah datang kepada mereka? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim(86). Mereka itu, balasan mereka ialah kutukan Allah ke atas mereka, (Juga kutukan) para malaikat dan manusia seluruhnya(87). Mereka kekal abadi dalam kutukan itu dan 'azab keseksaan tidak akan

diringankan dari mereka dan mereka pula tidak akan diberi tangguhan."(88)

Ini adalah satu bidasan yang amat menakutkan. Ia membuat setiap hati yang mempunyai satu zarah keimanan dan kesungguhan terhadap agama di dunia dan di Akhirat menjadi gementar. Itulah balasan yang wajar kepada mereka yang diberi peluang keselamatan kemudian mereka mengabaikannya.

Islam Membuka Pintu Taubat

Namun demikian, Islam masih membuka pintu taubat. Ia tidak menutup pintu itu kepada orang yang telah sesat yang ingin bertaubat. Ia tidak mengenakan perintah yang berat selain dari mempersilakan mereka mengetuk pintu dan terus masuk kerana di sana tidak ada pengawal yang menjaganya. Mereka hanya dikehendaki pulang ke kawasan selamat dan mengerjakan amalan yang soleh untuk membuktikan bahawa taubat itu adalah terbit dari hati yang telah bertaubat:

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوا۟ فَإِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٨٩﴾

"Kecuali orang-orang yang bertaubat selepas itu dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."(89)

Adapun orang-orang yang tidak bertaubat, yang terus berdegil di atas kekufuran dan bertambah kufur dan orang-orang yang masuk begitu jauh ke dalam kekafiran itu sehingga terlepas peluang yang dibukakan kepada mereka dan berakhir tempoh ujian dan tiba pula masa balasan, maka mereka tidak lagi akan diberi taubat dan tidak akan mendapat keselamatan. Dan tidak akan berguna suatu apa pun segala apa yang dibelanjakan mereka walaupun emas sepenuh bumi amalan-amalan kebajikan yang disangkakan mereka, selama mana amalan-amalan itu terputus hubungannya dengan Allah, oleh kerana itu maka kebajikan-kebajikan itu tidak dihubungkan kepada Allah dan tidak dibuat kerana Allah. Dan tidak akan berguna suatu apa pun jika mereka hendak menawarkan emas sepenuh bumi untuk menebuskan diri mereka dari 'azab hari Qiamat, kerana peluang telah terluput dan pintu taubat telah tertutup:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بَعْدَ إِيمَٰنِهِمْ ثُمَّ ٱزْدَادُوا۟ كُفْرًا
لَّن تُقْبَلَ تَوْبَتُهُمْ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلضَّآلُّونَ ﴿٩٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ كُفَّارٌ فَلَن يُقْبَلَ
مِنْ أَحَدِهِم مِّلْءُ ٱلْأَرْضِ ذَهَبًا وَلَوِ ٱفْتَدَىٰ بِهِۦٓ ۗ
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٩١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir setelah mereka beriman, kemudian bertambah lagi kekafirannya, mereka tidak akan diterima taubat mereka, dan mereka adalah orang-orang yang sesat(90). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati dalam keadaan kafir, maka tidak akan diterima dari seorang pun dari mereka emas sepenuh bumi, sekalipun mereka mahu menebuskan diri dengannya. Untuk mereka 'azab yang pedih dan mereka sekali-kali tidak mendapat orang-orang yang menolong mereka."(91)

Demikianlah Al-Qur'an memutuskan persoalan ini dengan satu kenyataan yang menakutkan dan dengan satu penegasan yang jelas yang tidak meninggalkan sebarang keraguan kepada sesiapa pun.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 92)

Infaq Yang Diredhai Allah

Sesuai dengan amalan berbelanja untuk yang lain dari jalan Allah dan sesuai dengan persoalan menebus diri pada hari di mana tidak bergunanya segala tebusan, maka Al-Qur'an menjelaskan bentuk perbelanjaan yang diredhai olehnya:

لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟
مِن شَىْءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfaqkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu infaqkannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui dengannya."(92)

Orang-orang Islam di waktu turunnya ayat ini telah memahami maksud arahan Ilahi ini dan mereka begitu gemar dan kepingin untuk mencapai darjah kebaktian, yang menjadi intisari segala kebaikan dan kebajikan dengan menyerahkan segala apa yang disayangi mereka dan mengorbankan harta benda mereka yang baik dengan murah hati kerana mengharapkan balasan yang lebih besar dan lebih utama.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan isnadnya dari Abu Ishaq ibn Abdullah ibn Abi Talhah. Ia mendengar Anas ibn Malik berkata: Abu Talhah adalah seorang Ansar di Madinah yang paling kaya. Di antara hartanya yang amat disayanginya ialah tanah telaga Ha'. Ia terletak berhadapan dengan masjid dan Nabi s.a.w. biasa masuk di dalam kawasannya dan minum airnya yang baik. Kata Anas: Apabila turun ayat:

لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ

"Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfaqkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi,"(92)

maka Abu Talhah pun berkata: "Wahai Rasulullah! Allah telah berfirman: 'Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfaqkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi dan sesungguhnya harta yang paling saya sayangi ialah tanah telaga Ha'! Saya jadikannya sedekah kerana

Allah dan dengannya saya harap mendapat balasannya yang baik yang tersimpan di sisi Allah Ta'ala. Oleh itu letaklah tanah ini di mana sahaja yang Allah tunjukkan kepada anda Wahai Rasulullah". Lalu Nabi s.a.w. pun berkata: "Bagus! Bagus! Itulah harta yang beruntung dan aku telah dengar (hasratmu itu) dan aku berpendapat engkau bahagikan tanah ini kepada kerabat-kerabat engkau." Jawab Abu Talhah: "Saya akan buat, Wahai Rasulullah" Lalu Abu Talhah pun membahagikan tanah itu kepada kerabat-kerabatnya dan sepupu-sepupunya.[12]

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Umar r.a. telah berkata: "Wahai Rasulullah s.a.w. saya tidak pernah mendapat harta yang lebih baik dari bahagian tanah yang saya perolehi di Khaybar. Itulah sebaik-baik harta saya. Apakah perintah anda supaya saya buat dengan harta itu?" Jawab beliau:

احبس الأصل، وسبل الثمره

"Jadikannya sebagai harta waqaf dan bebaskan hasil buahannya (kepada mereka yang diwaqafkan)."

Inilah jalan yang diikuti oleh sebilangan ramai dari mereka yang menyahuti arahan Allah yang memimpin mereka ke jalan kebaktian pada hari Allah memimpin mereka ke jalan Islam. Itulah jalan yang diikuti oleh mereka yang ingin membebaskan diri mereka dari perhambaan harta, dari kebakhilan hati dan dari kasihkan diri sendiri dan mendaki tangga yang tinggi dan gemilang ini, untuk menjadi insan-insan yang bebas merdeka.

(Tamat Juzu' Yang Ketiga)

---

[12] *Dikeluarkan oleh Asy-Syaikhan.*